PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI PERTAMA	**JUMAAT, 21 NOVEMBER 2008**	**BIL. 4 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita diteruskan.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 28, 29, 30, 31 dan 32 Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 33, 34, 35, 36 dan 37 Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 38 dan 39 Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 41, 42, 43, 44 dan 45 Tahun 2008.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker**,** saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15 (3) supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 dikemukakan sekarang tanpa mengikut susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 dikemukakan sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 dibaca kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan sekalian dif-dif masuk ke Dewan ini untuk mengikuti ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai Bajet Negeri Johor 2009, maka saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10:00 pagi.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat saya membentangkan Ucapan Bajet Negeri Johor Tahun 2009 di Dewan yang mulia pada pagi ini. Bersyukur juga kita kerana rakyat di negara ini, khususnya di Johor, masih dapat mengekang tekanan sara hidup akibat kecelaruan ekonomi dunia, yang turut membawa kesan dari segi kenaikan kos, harga barangan pengguna dan kejatuhan harga komoditi.

Sedikit sebanyak daya tahan ini telah diperkukuhkan oleh pendekatan Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun kebelakangan ini yang membawa pendekatan pembangunan menyeluruh lagi seimbang. Pendekatan pembangunan yang holistik untuk mempersiapkan negeri dan rakyatnya dalam keadaan bersedia untuk menempuh cabaran globalisasi dan tekanan liberalisasi serta keadaan ekonomi dunia yang rencam dan tidak menentu.

Malah, pendekatan tersebut yang strateginya menentukan pembangunan sampai ke seluruh pelosok negeri serta memastikan tidak ada sesiapa pun tercicir dalam arus kemajuan, menjadi satu sumber kekuatan dan ketahanan ketika negara berdepan dengan serangan krisis mata wang di hujung abad ke-20 yang lalu. Begitulah tempoh-tempoh yang ditempuhi bersama sejak krisis 1997 itu yang sentiasa memerlukan ekonomi negara bukan sahaja mempunyai ketahanan untuk terus tumbuh pada paras yang tinggi, tetapi hendaklah mempunyai daya tahan bagi agar mampu membendung tekanan-tekanan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dasar yang menyeluruh lagi seimbang ini tetap kita teruskan, malah memberi tumpuan kepada tahap hidup rakyat dan kualiti hidup rakyat dengan menjadikan '**Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat**' sebagai tema Bajet 2009 ini. Maka cabang-cabang pembangunan seperti pembasmian kemiskinan, pembangunan sosioekonomi, pendidikan, alam sekitar dan kesihatan; diolah bukan sahaja akan meningkatkan taraf mutu hidup, malah merapatkan juga jurang perbezaan sesama ahli kelompok, antara rakyat berbilang kaum, bahkan antara strata masyarakat serta antara wilayah.

Bajet 2009 ini disusun dengan mengambil kira landskap ekonomi dunia yang semakin pincang apabila negara kuasa ekonomi sendiri berada dalam keadaan tidak menentu serta amat tertekan. Berpunca daripada masalah kewangan, ia membawa kepada kesan pelbagai terhadap ekonomi termasuk kejatuhan nilai dagangan, kenaikan kos pengeluaran dan penggunaan yang menyebabkan kemerosotan pengeluaran dan juga pelaburan. Dan, sekali gus membawa kepada penguncupan kegiatan ekonomi dan lambakan terhadap guna tenaga. Kemelut ekonomi dunia ini belum menampakkan sebarang pemulihan sehingga dijangkakan berlaku kegawatan pada tahun 2009 nanti.

Oleh itu, Johor yang berada di gerbang selatan tanah air, yang sudah pun mengenal pasti sumber kekuatannya termasuk kedudukannya yang strategik di laluan perdagangan, keyakinan tinggi pelabur asing, kepelbagaian sumber ekonomi, tenaga manusia terlatih, prasarana lengkap dan keseimbangan pembangunan wilayah, menggemblengkan ke semua sumber tersebut dalam menghadapi cabaran masa depan.

Pembangunan yang seimbang sejak dulu pula, yang mencakupi semua daerah, segenap lapisan masyarakat serta melibatkan fizikal dan kerohanian, telah menjadi sumber ketahanan rakyat dan negeri. Dan, semua kekuatan dan daya tahan itu digabungkan dan disepadukan untuk kita menempuh cabaran dengan lebih cekal lagi. Dan, sesungguhnya Johor menggarap kekuatan untuk mengharungi cabaran tersebut.

Kerajaan dan rakyat harus memberi tumpuan kepada masa depan, meningkatkan daya tahan dan memaksimumkan penggunaan sumber serta kebolehan sebagai aset utama dalam menjana kegiatan ekonomi. Dan, rancangan-rancangan pembangunan tenaga manusia menerusi peluang pendidikan dan latihan, hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya agar rakyat Johor bersedia menyambut peluang dan cabaran kemajuan di masa depan. Iskandar Malaysia misalnya, membuka seluas-luasnya peluang kepada rakyat

Johor untuk melibatkan diri secara langsung dalam arus kemajuan, sama-sama membentuk satu komuniti besar yang maju serta berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa dalam tempoh 12 tahun ini, sebelum kita tiba ke tahun 2020, dapat kita manfaat sepenuhnya masa yang terhad ini untuk mencapai wawasan tersebut. Kita tidak mahu membangun dan berkembang secara fizikal semata-mata, tetapi tidak membangun dan maju dengan satu tamadun yang kaya dengan kekuatan sumber manusianya. Sebab itu, pembangunan kemanusiaan adalah langkah yang tepat dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Dan, matlamat kita adalah membentuk generasi yang berkualiti sebagai modal utama kemajuan dan pembinaan tamadun. Namun kualiti manusia itu perlulah dipastikan bukan hanya dari segi penguasaan ilmunya, daya kreativitinya, keterampilannya, tetapi juga nilai-nilai murni dalam dirinya. Dan, nilai-nilai yang sebenarnya akan menentukan corak dan tingkah laku serta memperkukuhkan jati diri untuk memelihara negara dalam persaingan yang semakin sengit sekarang ini. Dan, ciri-ciri ini penting untuk kita membangun dengan cara yang lebih sempurna dan bukannya maju dengan mengheret sama kepincangan nilai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa yang sama, kerajaan yang sememangnya mengamalkan perbelanjaan berhemah, akan terus mengurus dengan penuh tanggungjawab dengan melaksanakan apa sahaja pembangunan dan program berdasarkan kepada keutamaan. Tumpuan akan diberikan kepada program-program yang memberi impak lebih meluas yang mengutamakan kepentingan rakyat dan kepentingan ramai.

Sempena cabaran ini juga, Kerajaan mengajak rakyat agar sama-sama berbelanja secara berhemah, merancang secara lebih teliti setiap ringgit yang dibelanjakan dengan berdasarkan keperluan mengikut keutamaannya. Namun, kita perlu terus berbelanja untuk menyumbang kepada pusingan wang dalam pasaran, supaya memberi kesan berganda kepada pergerakan kegiatan ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, krisis ekonomi yang sedang melanda sebilangan besar negara di dunia berpunca daripada kejatuhan pasaran hartanah *'sub-prime'* di Amerika Syarikat. Gejala ini telah mengakibatkan beberapa institusi kewangan besar Amerika seperti Morgan Stanley, Lehman Brothers, AIG Insurance dan lain-lain menghadapi krisis kewangan dan terpaksa diselamatkan oleh Kerajaan Amerika melalui pakej rangsangan berjumlah lebih AS$700 bilion.

Krisis ini telah merebak ke negara-negara Eropah yang mempunyai institusi-institusi dengan sistem kewangan yang berkait rapat dengan sistem kewangan Amerika. Kesan buruk krisis kewangan ke atas ekonomi sebenar iaitu pengeluaran barangan serta perkhidmatan dan akhirnya ke atas pendapatan, pekerjaan dan perbelanjaan semakin ketara.

Setakat ini, kadar pengangguran di Amerika sudah mencecah 6.5% dan ekonomi Amerika dianggap sudah pun mengalami kemerosotan, yakni peningkatan KDNK yang negatif dalam tempoh dua suku tahun berturut-turut.

Negara-negara yang mempunyai hubungan ekonomi yang erat dengan Amerika seperti United Kingdom, German, Jepun dan Singapura sudah pun menerima kesan dari kemelesetan ekonomi Amerika dan mula mengalami pertumbuhan KDNK negatif bagi suku tahun ketiga 2008. Sungguhpun ekonomi negara-negara sedang membangun di Asia seperti China, India dan negara-negara ASEAN selain daripada Singapura, setakat ini belum mengalami kemerosotan. Kadar pertumbuhan sudah mula merosot. Ini adalah kerana proses globalisasi yang menyebabkan ekonomi dunia keseluruhannya sudah menjadi lebih saling berkait. Pertumbuhan ataupun kemelesetan di sesebuah Negara yang besar seperti Amerika yang selama ini dianggap sebagai jentera utama bagi ekonomi dunia, akan pastinya membawa kesan negatif terhadap hampir semua negara di seluruh dunia.

Adalah diramalkan dalam tahun 2009, keadaan ekonomi dunia akan menjadi lebih buruk dan kemerosotan akan merebak ke lebih banyak Negara. Sungguhpun sistem kewangan Malaysia dianggap kukuh dan bank-banknya tidak terlalu terdedah kepada krisis kewangan yang berlaku di Amerika dan di Eropah, jelas sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, yang bergantung kuat kepada pasaran eksportnya yang merangkumi dunia Amerika, Eropah, Jepun, China dan lain-lain, ekonomi Malaysia juga sedang dan akan terus tertekan oleh *trend* yang lemah dalam seluruh ekonomi dunia.

Untuk menentang arus pertumbuhan ekonomi yang lemah, kebanyakan ekonomi di dunia sudah pun melaksanakan pakej rangsangan yang merupakan peningkatan perbelanjaan oleh Kerajaan. Tetapi tujuan dan kegunaan pakej rangsangan ini berbeza di antara negara-negara. Di Amerika, kebanyakan daripada pakej AS$700 bilion bertujuan digunakan untuk menyelamatkan institusi kewangan dari menjadi muflis. Di Negara China pula, pakej rangsangan sebanyak AS$586 bilion digunakan dalam beberapa projek pembangunan yang dapat menjana pengganda yang kuat dalam seluruh ekonomi melalui peningkatan pelaburan dan juga penggunaan masyarakat pengguna Negeri China.

Di Malaysia, sebanyak RM7 bilion telah diperuntukkan bagi merangsang sektor pembinaan industri kecil dan sederhana serta bagi melaksanakan projek-projek membasmi kemiskinan serta meningkatkan tahap perbelanjaan pengguna. Selain daripada perbelanjaan tambahan Kerajaan sebanyak RM7 bilion, Kerajaan juga membenarkan sumbangan KWSP oleh pekerja dikurangkan daripada 11% kepada 8%. Ini akan meningkatkan lagi jumlah pakej rangsangan di antara RM3 bilion hingga RM5 bilion tertakluk kepada bilangan penyumbang yang memilih untuk mengurangkan sumbangan KWSP mereka. Untuk membantu sektor pembinaan, Kerajaan Persekutuan juga menghapuskan cukai import ke atas simen dan keluaran besi keluli panjang. Jumlah dan kandungan pakej ini mungkin ditambah di masa hadapan jika dianggap perlu bagi mengatasi arus kemelesetan ekonomi.

Defisit bajet Kerajaan Malaysia dijangka akan meningkat daripada 3.6% pada tahun 2008 kepada 4.8% dalam tahun 2009. Bagi seluruh tahun, seluruh tahun 2008, ekonomi Malaysia mungkin dapat mencapai kadar pertumbuhan di antara 5% hingga 6%. Adalah diramalkan bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 3.5% sepanjang tahun 2009, iaitu turun daripada ramalan asal sebanyak 5.4%.

Selain daripada tindakan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka masa pendek satu hingga tiga tahun, Kerajaan Malaysia juga telah menyusun beberapa strategi jangka panjang. Di antaranya, menarik lebih banyak pelaburan dari negara-negara seperti Timur Tengah, China, India dan Rusia, meningkatkan pelaburan dalam sektor perkhidmatan termasuk pelaburan daripada luar negara, sektor-sektor yang diutamakan termasuklah pelancongan, kesihatan, perkhidmatan dan logistik. Dan, meningkatkan pelaburan dalam sektor pertanian termasuk meningkatkan produktiviti sektor pengeluaran dan pemprosesan bahan makanan.

Strategi tersebut sememangnya ada implikasi secara langsung ke atas pembangunan Negeri Johor. Negeri Johor juga dijangka akan turut mengalami kemerosotan dalam pertumbuhan ekonominya. Kejatuhan harga komoditi terutamanya kelapa sawit akan membawa kesan negatif kepada ramai rakyat di Negeri Johor terutamanya penduduk luar bandar. Kejatuhan pendapatan dan perbelanjaan golongan ini akan membawa kesan ke atas perbelanjaan dan penggunaan, dan pendapatan di seluruh Negeri Johor. Eksport barangan buatan dari Negeri Johor seperti perabot, tekstil, pakaian dan elektronik serta minyak kelapa sawit, dijangka akan terjejas akibat kemerosotan permintaan Amerika dan Eropah dan lain-lain negara di Asia.

Kelemahan ekonomi Singapura yang dijangka akan menjadi lebih buruk pada tahun 2009, juga akan membawa kesan negatif kepada ekonomi Negeri Johor, kerana Singapura adalah pasaran penting untuk barang-barang elektronik, plastik, kayu, makanan, pelancongan dan lain-lain. Tambahan pula ramai rakyat Negeri Johor bekerja di Singapura dalam sektor-sektor yang sangat sensitif kepada prestasi ekonomi dunia dan kadar pengangguran di Johor dijangka akan meningkat pada tahun 2009. Tetapi kemelut yang dihadapi bukan semuanya membawa kesan negatif. Kejatuhan harga minyak sawit telah membawa kesan positif ke atas industri hiliran seperti minyak masak dan biodiesel. Kejatuhan harga minyak petroleum, harga makanan, kos bahan binaan dan kos buruh boleh membawa kesan positif kepada pengguna. Dan strategi Kerajaan Persekutuan untuk menarik lebih banyak pelabur daripada negara-negara seperti China, India dan Timur Tengah dapat mengukuhkan lagi sektor perkhidmatan dan perkilangannya. Ini akan meningkatkan pasaran eksport ke negara-negara tersebut dan adalah sangat paling, sangat penting bagi Negeri Johor untuk turut sama melaksanakan strategi ini.

Pembangunan Iskandar Malaysia yang telah dirancang untuk mengukuhkan industri perkhidmatan di Negeri Johor perlu diperhebatkan lagi dan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan di Iskandar Malaysia dalam tahun 2009 akan menjadi pemangkin yang amat penting bagi ekonomi Negeri Johor, bahkan Malaysia.

Memandangkan kepada usaha yang sedang dan akan diambil untuk merangsang kadar pertumbuhan ekonomi negara seperti China, Taiwan, Jepun dan juga negara-negara Eropah dan Amerika, seluruh Malaysia sendiri adalah dijangka bahawa ekonomi Negeri Johor akan dapat terus mencapai kadar pertumbuhan yang positif dalam keseluruhan tahun 2009 insya-Allah. Walau bagaimanapun, adalah nyata bahawa kadar pertumbuhan ekonomi akan merosot jika dibandingkan dengan tahun 2008. Kadar pertumbuhan dalam semua sektor dalam setengah tahun pertama telah melebihi 6 % sungguhpun kadar inflasi meningkat dengan ketara akibat peningkatan harga minyak dan harga makanan. Kejatuhan harga minyak dan lain-lain komoditi termasuk harga bijirin dan juga bahan-bahan binaan ini akan dapat menurunkan kadar inflasi dalam setengah tahun kedua tahun hadapan.

Kita juga perlu beringat bahawa sungguhpun harga minyak petroleum dan harga makanan di pasaran dunia telah jatuh akibat kelemahan-kelemahan ekonomi dunia dan juga akibat peningkatan penawaran bagi bijirin seperti beras dan gandum, kejatuhan ini adalah fenomena sementara dan bertentangan dengan *trend* global jangka masa panjang. Maknanya Dato' Speaker, harga minyak jangka masa panjang akan meningkat dan juga harga komoditi.

Faktor-faktor asas yang mempengaruhi kenaikan harga minyak dan harga makanan masih wujud dan akan berterusan. *Trend* peningkatan permintaan daripada negara-negara besar sedang membangun terutamanya China dan India. Peningkatan peralihan penggunaan bijirin seperti jagung, daripada makanan ternakan kepada keluaran biofuel dan ethanol yang membawa kepada peningkatan kos makanan ternak, peningkatan kos mencari dan mengeluarkan minyak petrol akan berterusan, dan akan membawa kepada peningkatan harga minyak dan makanan selepas ekonomi dunia pulih daripada gejala kemelesetan yang terdekat ini. Faktor-faktor tersebut telah meningkatkan harga komoditi makanan dunia sebanyak 130% di antara Januari 2002 hingga Julai 2008. Di Malaysia, harga makanan keseluruhannya meningkat sebanyak 7.5% di antara Januari 2007 dan Ogos 2008. Harga beras, roti dan produk bijirin meningkat lebih daripada 26%.

Kita harus peka tentang gejala ini dan tentang kesannya kepada pengguna terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Di Negeri Johor khususnya Kerajaan untuk meningkatkan lagi prestasi industri makanan melalui peningkatan produktiviti dengan penggunaan teknologi tinggi dan kaedah pengurusan yang lebih cekap serta akan meningkatkan pendapatan golongan miskin harus digiatkan lagi. Dalam usaha mengharungi cabaran dan saingan ekonomi global, Negeri Johor telah diberikan tumpuan Kerajaan Malaysia dengan wujudnya pembangunan ekonomi wilayah melalui Iskandar Malaysia di selatan Negara dan Wilayah Ekonomi di Pantai Timur di daerah Mersing. Kerajaan Negeri akan terus memupuk kesedaran rakyat betapa pentingnya bagi kita untuk terus bersaing dengan penuh komitmen agar peningkatan ekonomi Negara sentiasa berterusan.

Iskandar Malaysia merupakan satu usaha untuk mewujudkan satu persekitaran yang lengkap untuk rakyat, pelawat dan juga peniaga di wilayah ini. Persekitaran yang mesra pelabur, kondusif terhadap alam sekitar dan taraf hidup yang baik akan menjadikan Iskandar Malaysia satu wilayah yang menarik bukan sahaja untuk melabur dan melancong untuk rakyat, untuk mencari rezeki bagi rakyat Malaysia. Dan inisiatif Iskandar Malaysia bukan sahaja bertujuan untuk menjadikan wilayah ini satu kawasan pelaburan yang mesra kepada pelabur dan ahli perniagaan, tetapi juga untuk menjadikannya sebagai satu tempat yang terbaik untuk bekerja, menuntut ilmu dan juga untuk mendapatkan rawatan.

Dan di Mersing pula, akan diberikan pada keadaan kepada kelebihan wilayah ini dalam hal-hal berkaitan dengan alamnya, alam sekitarnya. Penggalakan kepada pelancongan, persisiran pantai, pulau-pulau dan taman laut serta Taman Negara Endau – Rompin, akan dibantu dengan kemudahan infrastruktur bagi menghubungi selatan tanah air ke daerah Mersing dan kawasan-kawasan alam semula jadinya. Daerah Mersing juga memberikan sumbangan dalam sektor pertanian dan juga diberikan keutamaan. Melalui konsep Pembangunan Koridor ini, Negeri Johor akan berjaya dibangunkan secara menyeluruh dengan berpotensi untuk memberikan peluang kepada, pulangan kepada kawasan-kawasan di luar koridor tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Negeri Johor tahun 2009, merupakan bajet defisit. Yang mana, hasil dianggarkan berjumlah RM745.98 juta. Manakala, perbelanjaan mengurus berjumlah RM748.73 juta. Oleh itu, defisit bagi tahun 2009, adalah sebanyak RM2.75 juta berbanding dengan defisit dalam bajet tahun 2008, berjumlah RM2.04 juta. Hasil utama Kerajaan Negeri dipecahkan kepada 3 komponen utama iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil. Hasil cukai bagi tahun 2009, dianggarkan sebanyak RM242.37 juta iaitu pertambahan sebanyak RM10.1 juta berbanding dengan anggaran asal tahun 2008. Kutipan daripada hasil bukan cukai pula, yang akan meningkat sebanyak RM59.4 juta kepada RM355.35 juta iaitu peningkatan sebanyak 20.1%. Terimaan bukan hasil adalah dianggarkan sebanyak RM148.26 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perbelanjaan mengurus dianggarkan menurun sebanyak 0.2% dan salah satu komponen bagi perbelanjaan mengurus adalah pemberian dan kenaan bayaran tetap yang merupakan 33.7% daripada peruntukan disediakan dalam tahun 2009. Di antara perbelanjaan yang termasuk dalam komponen tersebut adalah bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM27.2 juta dan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM100 juta. Perbelanjaan emolumen pula berjumlah RM284.24 juta ataupun 37.9% daripada keseluruhan peruntukan 2009. Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pula sebanyak RM204.28 juta dan aset RM6.61 juta dan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM1.05 juta.

Peruntukan Pembangunan untuk tahun 2009, adalah sebanyak RM230.05 juta. Sejumlah RM52.5 juta diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar, bagi program dan projek-projek kecil dan sederhana untuk rakyat bandar dan luar

bandar. Jabatan Kerja Raya Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM70.75 juta, yang mana sebahagian besar adalah untuk pembinaan jalan dan jambatan negeri serta bangunan kerajaan.

Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, diperuntukkan sebanyak RM40.5 juta, di mana sejumlah RM21.6 juta adalah projek pengairan dan saliran manakala selebihnya untuk projek-projek perikanan, pertanian dan perkhidmatan haiwan. Perbelanjaan lain yang mendapat peruntukan agak besar adalah Jabatan Agama Negeri Johor yang diperuntukkan sebanyak RM20.9 juta, bagi tujuan pendidikan agama, pembinaan sekolah-sekolah agama dan pembinaan program-program pembangunan ummah.

Kerajaan Tempatan dan Perumahan menerima peruntukan berjumlah RM10.25 juta dan sebanyak RM7.7 juta untuk membantu penguasa-penguasa tempatan melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan mereka, manakala baki RM2.55 juta adalah untuk pembinaan dan penyelenggaraan rumah-rumah rakyat. Sementara itu, sebanyak RM26 juta disediakan untuk pejabat-pejabat daerah dan tanah dan RM7.45 juta disediakan untuk projek-projek pembangunan perhutanan dan juga pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tabung Amanah Warisan Negeri Johor, Tabung Amanah Warisan Negeri Johor masih melaksanakan aktiviti pelaburan untuk menjanakan pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Dalam tahun 2007, perolehan hasil daripada pelaburan telah mencatat keuntungan berjumlah RM22.9 juta. Sebahagian besar keuntungan disumbangkan melalui pendapatan simpanan tetap dan dividen saham. Dengan keuntungan tersebut ianya telah meningkatkan lagi nilai modal dan rizab tabung kepada RM344.55 juta pada tahun 2007. Dan, dalam tahun 2008, tabung telah berjaya mencatatkan jumlah keuntungan bersih sebanyak RM13.97 juta setakat 31 Ogos 2008. Dengan itu, kedudukan nilai modal dan rizab tabung setakat 31 Ogos 2008, telah meningkat kepada RM358.52 juta. Walau bagaimanapun, keuntungan bersih dijangkakan akan merosot disebabkan oleh penurunan indeks komposit pasaran saham di Bursa Malaysia kesan daripada kemerosotan ekonomi secara global.

Adalah dijangkakan pulangan keuntungan tabung dalam tahun 2009 akan merosot berbanding keuntungan 2008, 2007. Ini adalah disebabkan indeks komposit Bursa Malaysia dijangkakan akan kekal berada bawah paras 1000 mata pada awal tahun hadapan. Oleh itu, pentadbiran tabung akan terus mengambil langkah berhati-hati dalam membuat pelaburan termasuk mengurangkan pelaburan dalam bentuk saham dan beralih ke produk-produk kewangan yang lain bagi memastikan nilai dana dan rizab tabung terus berkembang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, strategi Bajet 2009 adalah seperti berikut:

1. Memperkukuh daya tahan ekonomi negeri dan rakyat;
2. Menggarap potensi sumber manusia;
3. Meningkatkan tahap hidup dan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, strategi untuk memperkukuhkan daya tahan ekonomi negeri, di antaranya ialah yang pertama, memperkukuh sektor teras

ekonomi negeri termasuk pertanian, perikanan dan asas tani. Dan Kerajaan Negeri akan terus mengambil pelbagai langkah bagi memantapkan tahap sektor pertanian agar mampu menjadi tulang belakang dan agen penggerak ekonomi negeri. Program pembangunan pertanian akan dipertingkatkan keberkesanannya dengan membantu pengusaha pertanian meningkatkan produktiviti dan daya saing melalui aktiviti nilai tambah dan pemodenan teknologi yang lebih baik. Kerajaan Negeri juga akan terus merubah sektor pertanian masa kini ke arah sektor yang moden, kompetitif lagi efisien. Sektor pertanian yang baru akan dapat mengeluarkan bahan makanan berkualiti dan selamat untuk kegunaan domestik dan juga bagi tujuan eksport. Transformasi pertanian ini dicapai melalui guna pakai teknologi pertanian terkini seperti P*recision Farming*, mekanisasi dan automasi yang melibatkan aktiviti pertanian berskala besar dan perlu diurus sebagai satu entiti *busines*s yang profesional. Besok kita akan melancarkan *Food Valley*, Lembah Makanan di Kota Tinggi seluas 9,000 ekar, yang menggunakan pendekatan skala besar ini.

Kerajaan Negeri sedang melaksanakan pelbagai program pembangunan pertanian bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi. Sejumlah RM28.145 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan bagi meneruskan kesinambungan program pembangunan pertanian dan industri asas tani bagi tahun 2009. Peruntukan ini antara lain adalah untuk pembangunan industri tanaman makanan dan ternakan yang bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat dan menambah pengetahuan serta menggalakkan peningkatan pengeluaran hasil tani. Tanaman kelapa sawit sememangnya kekal menjadi tanaman utama Negeri Johor. Menyedari ketidakstabilan harga sawit masa kini, kerajaan akan mengambil langkah proaktif dalam usaha memperluaskan program tanaman dan kegiatan integrasi sawit. Dengan tanaman makanan serta ternakan yang bertujuan menambah pendapatan penggerak industri terutamanya pekebun-pekebun kecil.

Kerajaan Negeri berpandangan jauh dalam memperjuangkan hala tuju pekebun kecil sewaktu melaksanakan program tanaman makanan yang diusahakan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Johor. Hasil kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan yang disalurkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, PPNJ, nyata telah menjadi sebuah pertubuhan yang berjaya dan diiktiraf terbaik di Malaysia. Dalam membangunkan ahli-ahli bukan sahaja dalam aspek ekonomi bahkan juga aspek sosial. Dan, program pembangunan ini akan diteruskan dan diperhebatkan demi memperkukuhkan kedudukan ekonomi masyarakat pengusaha pertanian di kalangan pekebun-pekebun kecil.

Bagi tahun 2009, Negeri Johor telah dipilih sebagai negeri satelit pertama bagi Program Pusat Fidlot Negara. Sejumlah RM40 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan bagi tujuan tersebut melalui Jabatan Veterinar Negeri Johor.

Demi memastikan masyarakat nelayan berkembang seiring dengan kepesatan pembangunan Iskandar Malaysia dan Wilayah Pembangunan Pantai Timur, Kerajaan Negeri akan memberi penekanan kepada pembangunan sektor

perikanan yang akan terus diperkasa dengan penerapan elemen agripelancongan bagi menjana pendapatan yang lebih baik. Program Pengindahan Rakit dan Sangkar akan dijalankan secara pesat demi menaik taraf infrastruktur nelayan sedia ada ke satu tahap yang lebih sempurna yang bakal mencerminkan keprihatinan kerajaan membawa pembangunan kepada pelbagai lapisan rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor terus mencatatkan kemasukan pelaburan dalam sektor pembuatan berkualiti tinggi yang menggalakkan pada tahun 2008. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2008, bilangan projek yang diluluskan ialah 89 projek melibatkan pelaburan bernilai RM10.5 bilion berbanding dengan jumlah pelaburan RM9.2 bilion pada tahun 2007. Daripada jumlah ini 84% merupakan modal pelaburan asing. Sumber utama pelaburan asing tertinggi adalah daripada Sepanyol berjumlah RM4.2 bilion, diikuti oleh Jepun dengan jumlah RM2.3 bilion. Kedua-dua negara tersebut menyumbangkan 94% daripada keseluruhan penyertaan pelaburan asing di Negeri Johor pada tahun ini. Daripada 89 projek yang diluluskan sebanyak 54 projek bernilai RM9.5 bilion adalah projek baru. Dan 35 projek bernilai RM986.3 juta adalah projek pembesaran ataupun kepelbagaian. Dan ini membuktikan bahawa syarikat sedia ada mempunyai keyakinan untuk terus melabur dan berkembang di Negeri Johor ini.

Projek-projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Johor mengikut lima industri utama dalam tempoh tersebut adalah industri barangan logam asas, barangan elektrik dan elektronik, pengilangan makanan, barangan petroleum termasuk petrokimia dan barangan logam dibentuk. Kelima-lima industri tersebut menyumbangkan 86% daripada keseluruhan jumlah pelaburan.

Untuk tahun 2009, tumpuan akan diberikan kepada kelompok industri baru. Di antaranya termasuklah industri bioteknologi, industri minyak dan gas, dan industri berteknologi tinggi. Selain itu, industri solar yang merupakan industri baru juga akan diberi penekanan kerana terdapat permintaan yang memberangsangkan daripada beberapa pelabur asing di Negeri Johor ini.

Kepesatan kemajuan sektor pembuatan akan turut dipertingkatkan melalui pewujudan taman yang baru, Taman Teknologi Tinggi Senai seluas 1,000 ekar. Taman teknologi tinggi ini akan memberikan penekanan kepada aspek penyelidikan dan pembangunan, teknologi pembuatan dan industri berteknologi tinggi. Ia dijangka akan mengutamakan pelabur-pelabur berkualiti dan dijangka akan dapat menarik pelaburan pelbagai industri dalam bidang aeronotika, bioteknologi, industri telekomunikasi dan industri solar dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Taman Teknologi Tinggi Senai ini sebenarnya adalah amat diharapkan wujud di selatan Malaysia, maka terpilih di Senai, di kawasan Iskandar Malaysia selain daripada apa yang ada di Kulim, Taman Teknologi Tinggi di Kulim, kerana kawasan ini dianggap sebagai amat menarik untuk membawa pelaburan yang memerlukan kemudahan yang biasanya ada di Taman Teknologi Tinggi.

Dato' Speaker, pembangunan dijangka bermula pada tahun 2009 dan siap sepenuhnya pada akhir 2011. Ia akan dilengkapkan dengan inkubator untuk program R&D serta utiliti utama termasuk prasarana-prasarana yang canggih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya di Johor khususnya di kawasan Iskandar Malaysia sudah pun kehabisan kawasan industri termasuk apa yang ada di Tanjung Langsat sejak kebelakangan ini. Oleh itu, satu lagi kawasan perindustrian yang akan dibangunkan adalah di Taman Perindustrian Sedenak, di daerah Kulaijaya. Ia bakal menjadi bandar industri satelit bersepadu dengan pembangunan bercampur terdiri daripada 3,000 ekar kawasan perindustrian dan 4,000 ekar kawasan untuk komersil dan kediaman serta lain-lain ameniti. Pembangunan fasa pertama yang merangkumi 700 ekar kawasan perindustrian sedang giat dijalankan dan dijangka menerima pelaburan pada suku kedua 2009. Kedudukannya yang strategik berhampiran Lebuh Raya Utara Selatan dan Lapangan Terbang Senai dijangka menyumbang kepada pengagihan pembangunan yang lebih meluas dalam Iskandar Malaysia.

Dato' Speaker, industri kecil dan sederhana tidak dilupakan bahkan merupakan satu di antara sektor yang dianggap penting di Negeri Johor ini. Bahkan kita anggap ianya sebagai satu tunjang yang penting dalam bidang pembuatan. Dan menurut laporan tahunan Bank Negara, EKS ini, enterprise kecil dan sederhana menyumbang kepada 96% bilangan keseluruhan sektor pembuatan dengan sumbangan sebanyak 30% daripada nilai pengeluaran dan di Johor terdapat 7,242 bilangan EKS ini meliputi bidang pemprosesan makanan, pertanian, perkayuan, bahan kimia, elektronik dan elektrikal, logam dan pemesinan serta tekstil. Justeru, kerajaan sentiasa memberi sokongan penuh terhadap pertumbuhan sektor ini di mana pelbagai bentuk pembiayaan disediakan.

Sehingga Ogos 2008, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil Sederhana (SMIDEC) telah pun meluluskan sebanyak 648 permohonan geran bernilai RM31 juta untuk membantu syarikat EKS Negeri Johor melaksanakan pelbagai projek pembangunan. Di samping itu juga, Credit Guarantee Corporation (CGC) pula telah memberi jaminan berjumlah RM146.3 juta untuk 588 enterprise, dan Bank SME memberi pembiayaan berjumlah RM56.4 juta kepada 44 enterprise. Secara keseluruhan, sejumlah RM91 juta pembiayaan dikeluarkan kepada 398 enterprise bumiputera. Manakala sejumlah RM142 juta dikeluarkan kepada 882 enterprise bukan bumiputera. Untuk tahun 2009, adalah dianggarkan sebanyak RM515 juta akan disediakan oleh agensi-agensi tersebut untuk membantu kemajuan sektor EKS di Negeri Johor.

Dan industri perabot, Dato' Speaker, merupakan salah satu penyumbang utama kepada pengeluaran perabot negara di mana dalam tahun 2007, menyumbang hampir 50% daripada nilai keseluruhan eksport perabot negara berjumlah RM8 bilion. Menyedari kepentingan industri tersebut, Kerajaan Negeri telah pun memulakan Program Ladang Hutan Getah Klon Balak dan Akasia jenis pokok getah di mana batangnya besar dan akasia dengan keluasan tidak kurang 100,000 ekar. 100,000 ekar ini satu kawasan, Yang Berhormat Dato' Speaker tetapi wujud di Johor kerana ada kawasan-kawasan hutan yang dikatakan terosot dari segi mutunya, maka ladang hutan getah ini dan akasia

akan ditanam di kawasan hutan terosot ini dan satu kawasan yang agak luas 100,000 ekar yang tanaman itu akan diterajui oleh anak syarikat Kerajaan Negeri kali ini syarat yang diberi oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui kementerian yang berkenaan kerana ada kemudahan pemberian. Oleh itu, GLC Negeri akan mempelopori projek ini, bagi memastikan kesinambungan bekalan kayu untuk pembangunan industri perabot. Dan kerjasama di antara Johor dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah mengambil inisiatif untuk merangka pembangunan sebuah pusat perabot di daerah Ledang yang bertujuan memperkembangkan industri tersebut ke satu tahap yang lebih tinggi dan pembangunan pusat tersebut juga akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri-industri berkaitan, termasuk juga industri tekstil, perkhidmatan logistik, industri luar bandar dan juga pelancongan yang mampu menjadi pemacu kepada ekonomi masyarakat tempatan di sekitar daerah Ledang dan juga Muar.

Dato' Speaker, dalam Belanjawan 2009 ini, kerajaan telah pun mempelopori dengan mengenal pasti sumber-sumber baru dalam bidang ekonomi. Sektor-sektor baru yang akan menjadi sektor penting dari segi menggerakkan pelaburan dan juga kegiatan ekonomi. Yang Pertama ialah di sektor perkhidmatan.

Dato' Speaker, sektor perkhidmatan mula menunjukkan perkembangan yang baik dari segi pertumbuhannya dan juga sumbangannya kepada KDNK Negeri Johor semenjak tahun 2000. Sektor perkhidmatan yang sememangnya mempunyai potensi dan kesan penggandaan ekonomi yang memberangsangkan. Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia menggariskan 9 sub-sektor yang dikenal pasti sebagai penggerak utama ekonomi di wilayah ini. 5 daripada 9 sub-sektor ini adalah dalam sektor perkhidmatan iaitu kewangan, pelancongan, logistik, perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan. Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur juga mementingkan sektor perkhidmatan iaitu sektor pelancongan sebagai antara penggerak utama ekonomi di sebelah timur Negeri Johor.

Iskandar Malaysia telah menarik pelabur-pelabur Timur Tengah untuk pembangunan satu kawasan yang diberi nama yang baru, Medini. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya Negeri Johor ini telah dirujuk sebagai Hujung-hujung Medini, hujung tanah. Hujung tanah dan juga diberikan nama Hujung Medini. Jadi, satu kawasan yang telah dikenal pasti di mana kawasan persekutuan memberikan segala insentif satu kawasan 12,000 ekar. Di tengah-tengah Iskandar ini Nusajaya yang dulu diberi gelaran yang sebelum ini digelar "Node 1", istilah "Node 1". Iskandar Malaysia sekarang ini dinamakan Medini. Hujung itu tidak digunakan. Medini kita tanya orang yang pandai Bahasa Arab, maksud pekan ke, hutan bandar ke, agak begitulah. Tetapi, Johor pernah dikenali sebagai Hujung Tanah atau Hujung Medini.

Dato' Speaker, dan kita telah mengambil bahagian dalam 'Cityscape Dubai' pada bulan Oktober 2008 dan telah berjaya menarik minat lebih ramai pelabur. Sub-sektor perkhidmatan kewangan akan dibangunkan dengan lebih intensif di Iskandar Financial District yang merupakan salah satu usaha yang akan menarik

institusi-institusi kewangan dan aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain. Ia akan menjadikan Iskandar Malaysia satu Pusat Kewangan Islam yang utama di rantau ini. Insentif yang diberikan kepada pelabur di kawasan ini dan komitmen kerajaan di dalam penyediaan infrastruktur dalam RMK-9 menghasilkan suasana yang kondusif kepada pelabur. Di samping pelabur asing, projek ini juga menarik institusi tempatan seperti Pelaburan Hartanah Bumiputra Berhad untuk turut serta. Usaha ini akan meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor hartanah dalam Iskandar Malaysia.

Sub-sektor perkhidmatan pendidikan di Iskandar Malaysia juga akan dirangsang dengan pelaburan di bidang institusi pengajian tinggi dan sekolah antarabangsa. Selain daripada Newcastle University dalam bidang perubatan yang telah pun diumumkan pada hari semalam, beberapa lagi institusi lain sedang dalam perancangan untuk membuka kampus dan sekolah antarabangsa di sini. Dan usaha akan diteruskan agar Iskandar Malaysia dapat dibangunkan seperti yang dirancangkan.

Dan sub-sektor logistik memerlukan sokongan infrastruktur dan kebolehsampaian yang efisien dan moden. Negeri Johor amat bertuah kerana mempunyai infrastruktur yang baik, lokasi yang strategik, lapangan terbang yang moden serta dilengkapi dengan kemudahan tiga pelabuhan, iaitu Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Langsat dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, tak mustahil ada satu lagi pelabuhan, insya-Allah, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Kerana kita dikelilingi dengan perairan dan ada lokasi yang satu lagi, kawasan perairannya pula sama, cukup dalamnya. Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. telah memulakan projek pembesaran pelabuhannya dengan membina tambahan tiga dermaganya untuk mengendalikan kargo pukal cecair. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun depan. Dan Tanjung Langsat juga sedang membina dermaga yang khusus untuk mengendalikan kargo untuk produk minyak dan gas.

Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai sedang pun dibangunkan semula sebagai sebuah hub kargo di selatan tanah air dan juga di rantau ini. Dan Senai Airport Terminal Services sedang membangunkan zon komersial dan perindustrian bebas iaitu *Free Commercial and Industrial Zone* setelah menerima keputusan dasar daripada Kementerian Kewangan. Kedua-dua zon ini akan menarik pelaburan daripada luar dan dalam negara untuk menjalankan aktiviti mereka menghasilkan barangan yang memerlukan perkhidmatan kargo udara.

Pelabur ini termasuk syarikat seperti Qimonda Malaysia Sdn. Bhd. yang bercadang untuk membina sebuah kilang baru membabitkan pelaburan lebih kurang RM700 juta. Dan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, kerja-kerja baik pulih infrastruktur asas di Lapangan Terbang Senai melibatkan kos sebanyak RM145 juta supaya apabila siap kelak ia akan bersedia untuk menerima lebih banyak pesawat-pesawat seperti Boeing 747 dan Airbus A380. Kerja-kerja infrastruktur kawasan A*viation Park* telah dimulakan bagi menarik pengusaha-pengusaha aktiviti penerbangan seperti kolej penerbangan, penyelenggaraan

dan pembaikan kapal terbang dan barang-barang ganti kapal terbang dan perniagaan yang berkaitan. Dan pengubahsuaian dan pembesaran bangunan terminal Lapangan Terbang Senai juga telah dimulakan dan dijangka akan siap sepenuhnya tahun depan. Pengubahsuaian pembesaran ini akan menawarkan kemudahan yang lebih selesa kepada penumpang dan juga pelanggan-pelanggan.

Pelabuhan Tanjung Pelepas terus kekal sebagai pelabuhan kontena utama di Malaysia dan PTP sedang membesarkan kemudahan infrastrukturnya di mana tambahan dua dermaga lagi. Dan selaras dengan itu, PTP juga telah menambahkan bilangan peralatan pelabuhannya dengan 8 unit kren sebagai contoh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa yang sama kawasan zon bebas Pelabuhan Tanjung Pelepas juga sedang pesat membangun sebagai pusat logistik dan perindustrian antarabangsa. Syarikat-syarikat seperti Flextronics, Ciba Vision dan JST telah beroperasi sepenuhnya. Sementara itu Syarikat Cameron International yang beribu pejabat di Amerika Syarikat juga telah memulakan operasi dan seterusnya PTP juga telah membawa masuk sebuah lagi syarikat pembuatan antarabangsa iaitu Syarikat STR yang menjalankan aktiviti pembuatan dan peralatan tenaga solar. Selain daripada itu, PTP sedang dilengkapkan dengan prasarana gudang sejuk beku yang kini sedang dalam pembinaan dan gudang ini dijadualkan akan disiapkan pada akhir tahun hadapan, akhir tahun ini membolehkan PTP mengendali produk-produk makanan halal ke arah menjadikan PTP sebagai pusat transit dan tambah nilai produk halal. Secara keseluruhan kawasan zon bebas PTP telah membawa masuk lebih daripada RM3.5 bilion pelaburan langsung (FDI) ke Negeri Johor.

Satu lagi pintu masuk utama kepada perdagangan logistik serta perindustrian dalam Iskandar Malaysia, PTP kini berusaha menjadikan kawasan sekitarnya sebagai satu kawasan pertumbuhan baru maritim melalui integrasi dengan pembangunan hub kargo udara Lapangan Terbang Senai dan Pelabuhan Pasir Gudang, kawasan pertumbuhan maritim PTP akan menerajui pembangunan bersepadu logistik sebagai teras utama pembangunan Iskandar Malaysia.

Justeru itu Dato' Speaker, pusat petroleum dan industri maritim seluas 2,255 ekar yang terletak berhadapan dengan PTP akan mula dibangunkan pada tahun hadapan. Bahkan kerja-kerja telah pun bermula pada akhir tahun ini. Pusat ini akan menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti termasuk kemudahan jeti dijangka akan menarik pelaburan sebanyak RM15 bilion ke Negeri Johor. RM15 bilion Dato' Speaker. Keadaan ini sekali gus akan membantu mempercepatkan lagi pertumbuhan pembangunan di selatan Johor.

Sementara itu pula, sub-sektor pelancongan di Johor mempunyai potensi yang belum digilap sepenuhnya dalam usaha menjadikannya penggerak ekonomi utama di Johor. Berikutan pelbagai fenomena yang mempengaruhi trend pelancongan global, jumlah kedatangan pelancong dan pelawat asing yang memasuki Negeri Johor juga telah mengalami penurunan. Walau bagaimanapun, terdapat pencapaian yang amat cemerlang dari segi peningkatan kemasukan pelancong asing melalui jalan udara. Dan, Unit

Perancang Ekonomi Johor telah menyelaras kajian pergerakan pelancongan negeri yang diselesaikan pada tahun ini dan hasil kajian menunjukkan lima tempat tarikan yang merupakan pilihan utama para pelancong ke Negeri Johor ialah Bandaraya Johor Bahru, Kukup, Taman Negara, Pulau Kukup, Taman Negara Tanjung Piai, Bandar Mersing dan kepulauannya serta Gunung Ledang dan Air Terjun Gunung Ledang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada satu lagi bidang yang baru yang akan menjadi satu kos sektor pertumbuhan pada masa hadapan iaitu dalam bidang bioteknologi. Dato' Speaker, perkembangan industri bioteknologi sains hayat khususnya dalam industri farmaseutikal dunia adalah amat memberangsangkan. Bagi memenuhi permintaan penyelidikan industri farmaseutikal yang semakin meningkat, kadar pertumbuhan syarikat Contract Research Organisation ataupun CRO dan Contract Manufacturing Organisaton (CMO) yang rata-ratanya berpangkalan di negara maju adalah di antara 14% hingga 15% setiap tahun. Unjuran nilai pasaran dunia untuk projek-projek *outsourcing* yang dikendalikan oleh kedua organisasi ini, CRO dan CMO pada tahun 2010 adalah dalam lingkungan RM90 bilion. Dan beberapa CRO dan CMO asing yang telah menjalankan kajian kesesuaian tapak mendapati Johor merupakan salah satu lokasi yang kondusif untuk CRO dan CMO beroperasi kerana kedudukannya yang terletak di tengah-tengah Benua Asia, menawarkan kos menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk yang kompetitif, mempunyai bekalan tenaga mahir yang terlatih dan mencukupi, sistem perkhidmatan kesihatan yang sistematik untuk membantu penyelidikan dan persekitaran serta jaringan perhubungan infrastruktur yang mampan.

Menyedari hakikat ini dan selaras dengan minat yang ditunjukkan, maka Kerajaan Negeri akan berusaha untuk meletakkan Johor sebagai hub serantau industri tersebut. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri sedang merancang bersama-sama dengan pihak swasta untuk membangunkan kawasan perindustrian khas yang mempunyai kemudahan apa dipanggil kemudahan berkongsi iaitu *shared facility* untuk syarikat-syarikat CRO dan CMO beroperasi. Seterusnya, Kerajaan Negeri akan melaksanakan transformasi penjenamaan semula ataupun dengan izin, *rebranding*, dalam mempromosikan Negeri Johor sebagai destinasi ulung CRO dan CMO. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. akan mengenal pasti pelabur-pelabur yang berpotensi dan sesuai untuk beroperasi di Johor.

Baru-baru ini Negeri Johor telah berjaya mendapat komitmen daripada sebuah CMO yang berpangkalan di Amerika Syarikat untuk memindahkan operasi mereka ke negeri ini. Perpindahan ini akan melibatkan pelaburan bernilai RM1 bilion dan bakal menyediakan peluang pekerjaan kepada 350 rakyat tempatan yang terdiri daripada tenaga mahir lagi profesional. Ekonomi negeri akan mendapat kesan limpahan kerana industri tersebut akan membawa masuk teknologi yang terkini, yang bernilai tinggi dan pengambilan tenaga-tenaga kerja mahir dan ahli penyelidik dalam jumlah yang besar. Beberapa langkah proaktif telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui perbadanannya iaitu Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor ataupun ringkasnya J-Biotech. Dalam usaha untuk membantu, membangun dan meningkatkan industri bioteknologi negara ini, termasuklah perancangan

dan strategi berkaitan pembangunan projek-projek pertanian, akuakultur, pemeliharaan biodiversiti serta penyelidikan dan pembangunan. Bidang akuakultur adalah salah satu daripada industri yang boleh menyumbang kepada pengeluaran makanan negara. Sistem asuhan dan ternakan ikan marin berasaskan teknologi kitaran semula air dan biosekuriti dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Penternakan Air Payau, Gelang Patah akan dikomersialisasikan bagi meningkatkan pendapatan pengusaha pertanian.

Dalam usaha mengekalkan sumber biodiversiti negara, pihak J-Biotech berusaha untuk mewujudkan inventori spesies flora dan fauna yang terdapat di Taman Negara Endau-Rompin. Inventori pertama yang telah dibuat ialah Inventori Spesies Herba yang telah dibukukan dikenali sebagai Khazanah Endau-Rompin Herba. Bagi mempelbagaikan produk pertanian, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Pusat Pengeluaran Makanan pada skala komersial dengan aplikasi bioteknologi bagi memastikan semua pengeluarannya adalah berasaskan kepada organik. Projek ini dikenali sebagai BIODESARU di kawasan seluas 9,000 ekar yang terletak di daerah Kota Tinggi. Saya percaya Yang Berhormat ada jemputan, silalah pada esok pagi.

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Dan projek-projek yang dijalankan di kawasan tersebut merangkumi projek berkaitan akuakultur, ternakan, ladang herba, buah-buahan, sayur-sayuran, *wet land* dan pusat biopelancongan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Silalah Dato' Speaker, esok.

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah. (Dewan ketawa). Tu tengah fikir ni.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor mempelopori penggunaan satu bahan yang begitu banyak kesan positifnya pada manusia. Iaitu penggunaan *EM, Effective Microorganism*

Y.B. Dato' Speaker : Apa itu Yang Berhormat?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita ambillah misalnya dalam istilah dalam perut Dato' Speaker itu ada macam-macam organisma. Kalau banyak organisma yang tak elok maka Dato' Speaker mungkin ada masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Saya seorang saja ke? (Dewan Ketawa). Mengapa tak terlibat semua? (Dewan Ketawa). Orang lain pun terlibat juga.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar: Tapi dalam perut kita juga Dato' Speaker ada juga organisma yang baik. Jadi, lebih banyak yang baik maka lebih eloklah keadaan sesuatu suasana tadi. Jadi, oleh itu kalau kita letakkan organisma itu di tanah, maka organisma yang baik ini akan dengan sendirinya membawa kesan yang baik kepada tanah tersebut. Jadi, itu sebenarnya saya

menyebutnya sebagai seorang istilahnya *new man,* saya bukan ahli sains untuk menerangkannya. Jadi lebih mudah menggunakan perut Dato' Speaker sebagai contoh.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah. Pasal perut saya kecil.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar: Penggunaan *Effective Microorganism* dalam sektor pertanian pula akan terus diperhebatkan demi mencapai matlamat mendapatkan hasil tanaman yang lebih baik, berkualiti dan selamat serta kos efektif. Dan *Microorganism* ini juga Dato' Speaker, ini pelopor *EM* Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahri, dia kata di Pantai Lido sekarang ni sudah pun tumbuh macam-macam rumput dan hidupan, plankton sekalipun. Kerana kita memerlukan *EM* di sungai-sungai di sebelah barat di bandar Johor Bahru. Jadi mutu air di Sungai Segget pun sudah bertambah baik. Jadi limpahan daripada sungai-sungai yang menggunakan EM ini telah pun masuk ke Selat Johor. Itu sebabnya Dato' Speaker boleh nampak, kalau Dato' Speaker memancing mungkin dapat ikan, kalau Dato' Speaker lalu di situ akan dapat nampak banyak burung-burung. Dan, selain daripada itu, banyak tumbuh-tumbuhan di perairan sepanjang Pantai Lido. Dan *EM* ini boleh digunakan di dapur untuk memastikan bahawa curahan dapur kita itu dapat diperbaiki mutunya sebelum dia masuk ke parit dan seterusnya ke sungai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi Negeri Johor sebenarnya bukan sahaja sebuah negeri yang agak kuat dari segi ekonominya sebagai pengeluar utama bahan komoditi kelapa sawit, terutama sekali, di samping itu juga merupakan negeri yang terbesar mengeluarkan makanan. Sama ada sayur-sayuran, buah-buahan ataupun ternakan ayam. Jadi kita bermula lebih kurang sepuluh, lapan tahun yang lalu memilih lebih kurang kawasan 8,000 ekar di tengah-tengah Negeri Johor, di Ayer Hitam untuk keluaran makanan. Dan hari ini kita tambah lagi 9,000 ekar.

Seterusnya Dato' Speaker, satu lagi sektor ekonomi baru, Alhamdulillah, yang telah pun berlaku dan insya-Allah akan berlaku di Negeri Johor ini ialah kerana kemampuannya untuk bersaing lebih-lebih lagi dia menjadi satu kawasan yang juga strategik hingga dia merupakan satu kawasan yang kos efektif. Boleh bersaing di mana jua ataupun di negara jiran di sebelah selatan ini ialah industri minyak dan gas. Dan sejajar dengan pelan induk industri ke tiga Kerajaan Negeri Johor telah mengambil keputusan untuk membangunkan industri minyak dan gas berdasarkan pembangunan dinamik industri-industri tersebut juga di peringkat antarabangsa. Dalam memenuhi permintaan pelabur-pelabur minyak dan gas yang lain, yang ingin menempatkan projek penyimpanan bahan petroleum mereka, telah mengenal pasti beberapa kawasan industri yang sesuai untuk menempatkan industri ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker sebenarnya industri ini, apa yang berlaku adalah satu di peringkat penyimpanan, kedua di peringkat pengadunan sumber-sumber minyak untuk produk-produk minyak yang pelbagai, perdagangan dalam bidang minyak dan dia membawa kesan pengganda di mana industri-industri hiliran yang berkaitan dengan minyak juga akan diwujudkan di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha untuk bersaing bukan sahaja dengan negara-negara asing tetapi juga dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini, langkah-langkah berkesan perlu diambil. Antara langkah yang akan diambil secara intensif ialah mempertingkatkan usaha untuk mengambil pendekatan yang mesra kepada pelabur, menjalin kerjasama erat dengan pelabur serta penambahbaikan sistem penyampaian dan keberkesanan jentera kerajaan. Kerajaan Johor dengan kerjasama pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Wilayah Johor akan seiring dengan Kerajaan Persekutuan dalam merealisasikan pelan induk perindustrian ke tiga dan penekanan akan diberikan dalam usaha mencapai daya saing global melalui transformasi dan inovasi serta pembuatan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta penjanaan sumber pertumbuhan baru. Dalam krisis kewangan global yang memberi kesan kepada kelembapan ekonomi dunia, Malaysia mempergiatkan usaha untuk mencari pasaran baru melalui misi perdagangan dan pelaburan di antarabangsa dan Malaysia sedang menggandakan perundingan perjanjian perdagangan bebas ataupun *Free Trade Agreement* dengan Negara China sebagai contoh, Australia dan New Zealand, Amerika dan India. Antara matlamat yang dapat diperolehi daripada *Free Trade Agreement* ini adalah untuk mendapatkan akses pasaran bagi barangan dan perkhidmatan, memudahkan promosi perdagangan, pelaburan dan pertumbuhan ekonomi dan membina kapasiti dalam bidang-bidang spesifik melalui kerjasama teknikal dan juga kolaborasi.

Dan kita percaya bahawa industri ke tiga ini akan mendapat faedah daripada skim-skim keutamaan yang didapati daripada perjanjian-perjanjian *Free Trade Agreement* tersebut. Dan ia meningkatkan daya saing tempatan di peringkat antarabangsa dan dijangkakan eksport barangan Johor yang mendapat tarif keutamaan ke negara Jepun, Korea dan China serta negara-negara Asean akan meningkat kerana FTA dengan negara-negara tersebut telah pun diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi perkara yang sedang pun berlaku di negara ini adalah perdagangan secara *barter,* antara Johor dengan negara jiran. Oleh yang demikian, satu Kajian Semula Perjanjian Perdagangan Lintas Batas iaitu *Border Trade Agreement* yang rancak berlaku di beberapa lokasi termasuk di Muar dan di Batu Pahat dan kita akan memudahkan perdagangan dua hala di antara Negeri Johor dengan Kepulauan Indonesia yang berhampiran dan peningkatan ketara dalam aktiviti perdagangan *barter* ini menunjukkan ada potensi untuk kedua-dua negara untuk memperbaiki lagi dagangan *barter* dua hala ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem penyampaian kerajaan yang telus, efisien dan pantas adalah perlu bagi meningkatkan keyakinan pelabur sedia ada untuk terus bertapak di Johor dan mengembangkan perniagaan mereka. Prosedur yang pantas akan mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya saing. Pusat Khidmat Iskandar telah diwujudkan di Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar untuk berurusan dengan pelabur-pelabur dan agensi kerajaan yang berkaitan. IRDA menjalin kerjasama yang rapat dan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan dan ini penting bagi memastikan pelabur di Iskandar Malaysia menerima

khidmat taraf bertaraf lima bintang. Dan dalam usaha ini, IRDA telah menandatangani perjanjian tahap perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Iskandar Malaysia dan akan diperluaskan kepada agensi-agensi yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap masalah peningkatan kos pembangunan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan khususnya dalam memenuhi tanggungjawab sosial membina rumah kos rendah. Oleh itu, untuk meningkatkan daya saing serta pembinaan Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula dasar penyediaan rumah kos rendah yang sedia ada. Satu dasar yang akan menekankan konsep *win win* dengan izin, *menang, menang* bagi pihak pemaju dan pembeli akan mula dilaksanakan pada tahun 2009.

Kedudukannya Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Johor sekian lama pada hari ini tidak kurang dekat-dekat lebih daripada 200,000 rumah-rumah murah yang perlu dibina di Negeri Johor ini khususnya di kawasan Selatan Johor, 200,000 lebih unit yang disyaratkan untuk dibina. Pada keluasan yang terhad, 680, satu keluasan yang agak begitu kecil, mungkin pada harga yang masih lagi rendah sebanyak lebih kurang RM35,000.00. Tapi, kita perlu kaji semula tentang perkara ini Yang Berhormat Dato' Speaker, satu kerana kita sudah pun mempunyai satu masyarakat di mana keperluan untuk rumah pada kos, keluasan yang lebih besar, kita menjangkakan untuk keluasan tidak kurang 850 kaki persegi dan kita melihat juga sebahagian besar daripada golongan pendapatan rendah sederhana ini mempunyai kemampuan untuk membeli rumah lebih daripada RM35,000.00. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memerlukan satu dasar yang baru untuk menepati dengan keperluan masyarakat. Sambil itu pula, kita dapat juga memastikan bahawa rumah terus dibina di Negeri Johor ini untuk membekalkan perumahan untuk semua peringkat masyarakat yang ada di Negeri Johor ini.

Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah yang berkaitan dengan membangunkan usahawan bumiputera dan juga koperasi rata-rata di kalangan masyarakat bumiputera. Dan, usaha ini ialah untuk membangunkan dan memperkasakan usahawan terutamanya membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera merupakan satu proses yang berpanjangan yang memerlukan kesinambungan kerjasama erat dari semua jabatan dan agensi Kerajaan di peringkat Negeri mahupun di peringkat Persekutuan. Dan sebagai contoh, di antaranya, pada tahun 2008, diberi kepada pembangunan modal insan, bantuan pembiayaan dan penyediaan premis perniagaan. Hasilnya Dato' Speaker, sebanyak 221 program pembangunan insan melibatkan seramai 17,895 usahawan yang diterajui oleh agensi seperti MARA, SIRIM, IPPJ dan PKK telah diadakan. Dan, kita jangka tahun depan ini kita akan sampai kepada lebih daripada 11,000 usahawan untuk kita menyampaikan faedah kemahiran pengetahuan menerusi beberapa ratus program yang akan dilaksanakan.

Satu lagi perkara yang berkaitan dengan soal premis untuk bumiputera berniaga pada tahun 2008 sebagai contoh, 31 premis perniagaan telah siap

dibangunkan oleh UDA khususnya di kawasan Iskandar Malaysia. MARA membina lebih daripada 55 premis perniagaannya. Dan, kita menjangka bahawa menjelang tahun 2009, lebih daripada 145 unit lagi premis akan mula dibangunkan oleh pihak MARA dengan kos RM80 juta dan seterusnya juga akan dibina oleh pihak UDA. Dan di kawasan Iskandar Malaysia ini terdapat 78 ruang niaga MARA yang masih lagi dibuka untuk disewa dan tindakan akan diambil oleh MARA untuk memperoleh premis perniagaan di merata Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi perkara ialah yang berkaitan dengan kenaikan harga barang. Kenaikan harga barangan pengguna merupakan salah satu cabaran kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan umumnya kepada negara. Bagi memastikan barangan adalah mencukupi dalam pasaran, langkah-langkah diambil untuk meningkatkan pengeluaran di samping penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan tidak ada penyelewengan berlaku. Bekalan serta harga kawalan barangan yang terlibat akan sentiasa diawasi agar ianya sentiasa mematuhi, mematuhi harga yang ditetapkan dan mencukupi dalam pasaran pada harga yang ditetapkan.

Dan bagi merangsang kegiatan ekonomi setempat terutamanya di bandar-bandar utama dalam Negeri Johor, promosi jualan runcit dan borong akan diadakan agar pengguna dapat menikmati barangan dengan harga yang kompetitif, manakala pihak peniaga dapat menikmati pertambahan jualan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi yang saya nak tekankan dalam belanjawan ini ialah berkaitan dengan usaha untuk kita meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Johor, di mana Pentadbiran Tanah Negeri akan mengadakan usaha untuk meningkatkan kutipan hasil cukai tanah.

Dalam menangani isu tunggakan cukai tanah, usaha yang dilakukan ialah dengan memberi notis peringatan dan membuat hebahan kepada tuan punya tanah pada awal tahun 2008 diikuti dengan pengeluaran Notis 6A dan seterusnya melakukan proses merampas tanah melalui Notis 8A. Hingga 9 September 2008, sebanyak 12,642 Notis 6A telah dikeluarkan. Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan membantu dalam peningkatan pengeluaran Notis 6A dan 8A bagi menyelesaikan isu tunggakan cukai tanah.

Pentadbiran Tanah Johor juga telah menyediakan kemudahan menyemak amaun bayaran cukai tanah melalui laman web rasmi Kerajaan Negeri Johor bagi memudahkan pihak awam membuat semakan masing-masing. Dan, bagi menjana hasil Kerajaan Negeri, Pentadbiran Tanah telah mengenal pasti punca-punca yang dapat meningkatkan hasil. Satu dasar akan dibuat bagi membolehkan tanah-tanah di kawasan FELDA yang digunakan sebagai tapak perniagaan dan komersial diberi hak milik.

Seterusnya Pentadbir Tanah akan mewujudkan satu inventori tanah-tanah rizab Kerajaan Persekutuan yang masih dalam, belum dikeluarkan hak milik dan langkah pengeluaran hak milik bagi tanah-tanah tersebut adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dan membolehkan Kerajaan Negeri

mengutip hasil daripada segi premium tanah yang dianggarkan di antara RM2 juta hingga RM3 juta selain daripada cukai tanah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi bidang yang penting, yang merupakan strategi kedua, ialah untuk kita menggarap potensi sumber manusia yang ada di Negeri Johor ini. Melalui peningkatan kejayaan kita dan kecemerlangan dalam bidang pendidikan. Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara program yang dilaksanakan di Negeri Johor ini ialah untuk kita meningkatkan pencapaian anak kita dalam, di bangku sekolah melalui Program Hikmah, maka Program Hikmah oleh Yayasan Pelajaran Johor merupakan program kecemerlangan yang diberikan secara percuma oleh Kerajaan Negeri.

Program ini juga dikenali sebagai Tuisyen Kampung iaitu khusus bagi pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM dan Tuisyen Ibnu Sina iaitu khusus kepada pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan SPM dan dalam aliran sains.

Seterusnya ialah kemudahan-kemudahan untuk kita menyampaikan Tuisyen Kampung ini secara meluas sehinggakan Yang Berhormat Dato' Speaker, insya-Allah pada tahun 2009 nanti dijangkakan Tuisyen Kampung ini akan sampai kepada 40,800 orang pelajar, akan terlibat dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 juta.

Seterusnya, satu kelebihan pada Negeri Johor ini, tidak kira siapa di antaranya sama ada Melayu dan bukan Melayu merupakan anak Johor yang mendapat biasiswa, Biasiswa Kenangan Dato' Onn, merupakan biasiswa kepada pelajar bermula sejak sekolah menengah lagi dan bagi tahun 2009 dijangka seramai 3,500 orang pelajar akan menerima bantuan biasiswa ini dengan anggaran peruntukan sebanyak RM1.7 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya ialah kemudahan pinjaman pelajaran Yayasan Pelajaran Johor adalah langkah prihatin kepada penuntut di Institusi Pelajaran Tinggi bagi menjamin pembelajaran anak-anak Johor di bawah bantuan YPJ di kolej-kolej swasta dalam negeri, YPJ dalam negara, YPJ telah menaikkan kadar pinjamannya bagi memastikan mereka terus berdaya saing dengan pelajar di bawah tajaan agensi-agensi yang lain.

Dan, bagi tahun 2009, YPJ memperuntukkan pinjaman sebanyak, kepada 1,200 pelajar baru dengan belanja sebanyak RM5 juta. Dan selaras dengan perkembangan ekonomi dan keperluan tenaga kerja di Johor khususnya, KPYPJ telah menyusun semula beberapa bidang pengajian untuk diperkembangkan dan pada tahun 2009 kursus pengajian baru iaitu Sijil dan Diploma Seni Bina Hiasan Dalaman dan Seni Bina Lanskap akan ditawarkan. Dan program sedia ada, yang akan dikembangkan ke peringkat Ijazah iaitu Ijazah Pengurusan Hospitaliti dan Perhotelan serta Ijazah Pengurusan Kewangan Islam.

Dan seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah untuk kita meningkatkan tahap kemahiran tenaga kerja. Dan, perkembangan yang agak menarik akan berlaku pada tahun 2009 ialah Sektor Hospitaliti dan Pelancongan di mana KPYPJ bersama dengan Iskandar Investment Berhad serta Kolej Lausanne

daripada Switzerland akan membangunkan Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan yang bertaraf antarabangsa di Iskandar Malaysia dengan nilai pelaburan dianggarkan sebanyak RM80 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Johor kita mempunyai beberapa pusat-pusat latihan perindustrian yang mengeluarkan siswazah di peringkat Sijil dan Diploma dan ini adalah merupakan institut-institut yang akan terus mengeluarkan pekerja-pekerja mahir untuk menambahkan lagi kita punya keupayaan membekalkan tenaga manusia mahir untuk industri yang berbagai di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya seterusnya beralih kepada satu bidang yang penting di mana Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk kita memastikan bahawa kita dapat memelihara dan menjaga kesejahteraan rakyat dan, oleh itu, beberapa bidang akan diberikan penekanan untuk kita memelihara, menjaga kesejahteraan rakyat dan seterusnya untuk kita meningkatkan tahap kualiti hidup rakyat jelata. Di antaranya ialah yang berkaitan dengan soal membasmi kemiskinan.

Kerajaan Negeri akan terus memastikan usaha pembasmian kemiskinan akan mencapai sasaran untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010. Berdasarkan kepada bancian pendapatan isi rumah 2007 yang telah dilaksanakan oleh Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, kadar kemiskinan am di Johor telah menurun daripada 2% kepada, tahun, pada tahun 2004 kepada 1.5% pada 2007. Manakala kadar kemiskinan tegar juga menunjukkan penurunan daripada 0.3% , tahun 2004 kepada 0.2% 2007.

Pembasmian kemiskinan di Johor adalah berasaskan kepada lima strategi utama iaitu mewujudkan data dan maklumat kemiskinan di Johor, menyediakan keperluan asas keluarga miskin dan miskin tegar, mempertingkatkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan keluarga miskin/miskin tegar, membangunkan modal insan melalui latihan kemahiran dan motivasi dan seterusnya, pemantauan secara berterusan dan berkesan.

Pengemaskinian Sistem Maklumat E-Kasih, Elektronik Kasih, berdasarkan kepada hasil bancian Jabatan Perangkaan Malaysia dan semua Pejabat Daerah sedang di dalam peringkat akhir. Sistem ini yang merupakan bank data nasional isi rumah miskin dan miskin tegar akan beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun ini.

Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM24 juta bagi membina 743 buah rumah baru, membaiki 749 buah rumah di seluruh daerah menerusi peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pada tahun hadapan, sebanyak RM21 juta diperlukan bagi membina 647 buah rumah baru dan RM4 juta bagi membaiki 372 buah rumah golongan miskin dan miskin tegar termasuk 98 keluarga Orang Asli. Dan, pada tahun 2009 juga, kerajaan juga akan terus menyalurkan bantuan sewa rumah bulanan kepada 1,165 keluarga miskin dan miskin tegar di kawasan bandar.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedang mengenal pasti orang miskin dan miskin tegar yang perlu kepada, sama ada rumah baru ataupun membaiki rumah. Kita harap tidak ada terlepas pandang dalam bidang ini, untuk kita sekurang-kurangnya memberikan kemudahan perumahan untuk golongan ini. Yang kita, kita menerima hakikat bahawa perlu dibina untuk mereka ini dan perlu dibaiki. Itu sebabnya kita, secara tertumpu untuk melaksanakan projek ini.

Kerajaan juga akan memastikan program peningkatan pendapatan diteruskan dengan mensasarkan kepada golongan miskin dan miskin tegar produktif. Bagi tujuan ini sebanyak RM5 juta akan diperuntukkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Dan, kadar bantuan skim dividen FELCRA juga akan dinaikkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan bermula tahun hadapan. Dan, kenaikan kadar dividen ini akan dinikmati oleh 1,000 orang penerima yang juga merupakan golongan miskin, miskin tegar.

Kerajaan Negeri akan memastikan jentera penyelarasan di peringkat negeri dan daerah melalui *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan akan terus aktif. Bagi memantapkan lagi jentera ini, penglibatan Jawatankuasa Penyelarasan Mukim-Mukim di mana kita sama-sama menjadi pengerusinya di peringkat JPMM masing-masing akan digunakan bagi memantau pelaksanaan program di peringkat akar umbi.

Satu lagi perkara Yang Berhormat Dato' Speaker, yang kaitan dengan kesejahteraan rakyat ialah, yang berkaitan dengan memastikan urus tadbir dan sistem penyampaian yang baik untuk rakyat. Penambahbaikan peranan dan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan khususnya bagi mempertingkatkan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat menjadi agenda utama Kerajaan Negeri. Di mana 84 penambahbaikan telah dilaksanakan di Pihak Berkuasa Tempatan pada awal tahun ini. Di samping itu, pelaksanaan penguatkuasaan 25 Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan juga dipinda dan diguna pakai oleh pihak semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor pada tahun 2009. Satu lagi ialah Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil langkah juga untuk menggunakan, memperluaskan penggunaan *event* ini melalui Program Bio-Komuniti yang akan dilaksanakan di kawasan dan premis-premis Pihak Berkuasa Tempatan seperti pasar awam, gerai-gerai, kolam kumbahan, tapak pelupusan sampah, taman-taman awam serta tapak semaian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di Negeri Johor ini telah melaksanakan dengan penuh komitmen satu yang dicadangkan oleh pihak kerajaan Malaysia melaksanakan apa yang dipanggil proses permohonan perancangan penggunaan di Pihak Berkuasa Tempatan melalui sistem pusat setempat (OSC) One Stop Centre dipanggil. One Stop Centre telah pun bermula dilaksanakan di setiap Majlis Tempatan di Negeri Johor ini. Bermakna permohonan akan dipertimbangkan dalam tempoh yang paling singkat dalam satu mesyuarat secara bersama oleh semua jabatan yang berkaitan dengan permohonan tersebut. Bagi mempercepatkan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Ke-9, proses pengambilan balik untuk tanah-tanah yang terlibat dalam Rancangan Malaysia Ke-9 diberi penekanan serta keutamaan segera. Kita harap bahawa semua projek-projek Kerajaan Persekutuan akan dapat kita

laksanakan dengan sebegitu rupa supaya masalah tanah tidak berbangkit yang boleh melambatkan pelaksanaannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Pejabat Tanah dan Galian sedang berusaha untuk memantapkan proses kerja melalui usaha sama dengan pihak Mysys, PTG telah memperkenalkan sistem yang dikenali sebagai sistem elektronik RMKJ ataupun Ringkasan Mesyuarat Kerajaan Johor. Sistem ini berfungsi bagi mempercepatkan urusan untuk dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan di mana permohonan-permohonan yang dikendalikan oleh Pentadbiran Tanah Johor termasuk di kawasan Iskandar Malaysia akan disasarkan untuk diselesaikan dalam tempoh sebulan berbanding tiga bulan sebelum ini.

Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian terhadap isu-isu tunggakan yang berlaku dalam beberapa urusan pentadbiran tanah. Dari September 2007 hingga 2008 Pentadbiran Tanah Johor telah berjaya menyelesaikan sebanyak 10,318 permohonan tanah. Usaha berterusan untuk menyelesaikan semua tunggakan-tunggakan permohonan tanah dan dalam masa yang sama menyelesaikan fail-fail semasa telah dibantu oleh *Task Force* yang telah dilantik secara kontrak. Dan pada tahun 2008 maka bermulalah satu *Task Force* yang telah disusun semula yang berpangkalan di Pejabat Tanah dan Galian Johor dan akan bergerak ke seluruh daerah untuk menyelesaikan kes-kes tunggakan permohonan tanah termasuk sama ada tunggakan yang ada di kampung-kampung ataupun tunggakan yang ada di kampung-kampung baru di seluruh Negeri Johor. Kita menjangka bahawa kita dapat selesaikan masalah tunggakan permohonan tanah ini untuk hak milik dalam tempoh dua tahun yang terdekat ini. Tapi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ingin maklumkan jika sekiranya ada di kampung baru yang agak lewat untuk mendapatkan hak milik kerana kampung-kampung baru ini dibina tanpa susun atur yang disyaratkan secara rasminya. Ada yang tak cukup jalan, ada yang tak ada parit, Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapi ataupun begitu, *Task Force* ini akan bertindak sebegitu rupa supaya dapat menyelesaikan juga segala kekurangan-kekurangan yang diperlukan untuk mengurniakan hak milik supaya masalah hak milik ini akan jelas diselesaikan untuk pemilikan sama ada pekebun kecil ataupun penduduk luar bandar ataupun juga penduduk di bandar termasuk juga penduduk yang ada di kampung-kampung baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang memberi kesan terhadap tahap hidup dan kualiti hidup rakyat termasuklah juga penerimaan teknologi maklumat dan komunikasi di mana kita akan menikmati kemudahan-kemudahan yang lebih canggih lagi termasuklah apa yang akan dilaksanakan di Negeri Johor ini iaitu apa dipanggilkan Jalur Lebar, yang akan terus dibekalkan ke merata Negeri Johor ini.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga mengambil langkah untuk membangunkan kemudahan pembelajaran dalam bidang agama di mana kita akan melaksanakan pada tahun hadapan dan seterusnya 54 buah lagi sekolah-sekolah agama di seluruh Negeri Johor yang memerlukan peruntukan sebanyak RM120 juta termasuk pembinaan masjid sebanyak 32 dua buah masjid dengan peruntukan sebanyak RM52 juta.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker kita akan juga terus membina kemudahan-kemudahan untuk faedah rakyat termasuklah juga kemudahan-kemudahan infrastruktur dan utiliti termasuk di antaranya pembinaan-pembinaan jalan-jalan baru. Di antaranya ialah seperti jalan daripada Muar ke Tangkak dan Segamat. Sebenarnya area Tangkak dan Segamat tak sampai ke Muar. Dan juga jalan baru daripada Jalan Redong-Selancar dan pembinaan bahu jalan di Jalan Pasir Gudang dengan kos yang telah pun disediakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, kita juga di tengah-tengah Johor Bahru ini akan dilancarkan satu aliran trafik di sekitar bandar raya Johor Bahru. Kerajaan akan memulakan pembinaan jalan lingkaran tengah sebagai tambahan kepada jalan lingkaran dalam yang sedia ada. Kerajaan telah melantik pakar perunding untuk mengkaji keperluan jajaran jalan lingkaran tengah serta jalan lingkaran luar. Dan apabila kajian itu selesai, kita percaya ia akan dapat dilaksanakan pada tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 nanti. Dan seterusnya kerajaan mengambil inisiatif untuk meningkatkan sistem pengurusan penyelenggaraan jalan secara konsisten dan kita harap kita akan dapat memastikan bahawa mutu jalan akan terus terpelihara dan tahun 2009 akan menyaksikan projek-projek infrastruktur Rancangan Malaysia Ke-9 khususnya di Iskandar Malaysia di mana dilaksanakan. Ini termasuk projek lebuh raya pesisir pantai daripada Johor Bahru ke Nusajaya. Kenaikan taraf lebuh raya Skudai-Senai dan pembinaan persimpangan bertingkat di beberapa lokasi utama di Johor Bahru serta projek-projek peningkatan kualiti persekitaran seperti projek pembersihan sungai sama ada Skudai – Segget ataupun Tebrau, pembaikan saliran dan penempatan semula setinggan. Projek-projek ini akan dapat merealisasikan matlamat menjadikan Iskandar Malaysia sebagai bandar raya yang bertaraf dunia.

Dan bagi permohonan infrastruktur untuk tahun 2009, Jabatan Parit dan Saliran telah merancang untuk melaksanakan rancangan tebatan banjir, projek saliran bandar, projek sungai dan juga projek mencegah hakisan pantai bernilai pada jumlah yang besar lebih kurang RM203 juta. Dan dalam kajian separuh penggal RM9 sejumlah RM310 juta telah diperuntukkan bagi perlaksanaan projek menangani masalah banjir jangka panjang lagi sederhana di mana melibatkan beberapa lembangan sungai utama. Sejumlah RM40 juta juga telah digunakan untuk tujuan kajian bagi lembangan-lembangan sungai sama ada sungai Muar, sungai Segamat, sungai Batu Pahat, sungai Mersing dan sungai Johor dan juga sungai Sedeli. Untuk kita mengenal pasti pelan tindakan jangka masa panjang supaya ianya merupakan lembaran-lembaran sungai yang dapat mengatasi kemungkinan ancaman banjir pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bidang bekalan air pula saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini juga bahawa peruntukan disediakan untuk memastikan bahawa bekalan air dari segi mutunya akan terus dipertingkatkan sama ada dalam bentuk menggantikan paip-paip lama. Ini satu perkara yang agak besar yang terpaksa dilakukan secara berterusan pada kos ratus juta ringgit demi tahun Dato' Speaker, di mana paip-paip yang telah rosak ataupun jenis paip mutunya yang lama terpaksa diganti secara berterusan di seluruh negeri Johor.

Serentak dengan itu untuk mengatasi juga masalah-masalah kerugian yang berlaku kerana air yang digunakan tanpa dapat dikesan kerana bocoran-bocoran yang berlaku di sana sini. Apa yang dipanggil kehilangan air tidak berhasil ataupun *non-revenue water*. Dan kita masih lagi ada kampung-kampung yang belum mendapat bekalan air. Ataupun begitu, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa lebih kurang 99.5% air luar bandar telah pun dapat disampaikan. Ataupun begitu, ada kampung-kampung baru termasuklah misal contohnya Kampung Masyarakat Plentong Tengah yang terpaksa berpindah ke Kampung Bukit Dagang yang memerlukan bekalan air. Jadi kita tak lupa keperluan-keperluan baru ini Yang Berhormat Dato' Speaker ataupun ia merupakan satu kampung pendalaman yang memerlukan peruntukan yang besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bidang bekalan elektrik begitu juga kita nak pastikan bahawa ia sampai secara menyeluruh pada mutu yang lebih tinggi kerana kita mendapat juga rintihan daripada pusat industri gangguan-gangguan bekalan elektrik. Maka pihak TNB telah pun memastikan bahawa meningkatkan mutu bekalan khususnya keperluan secara menyeluruh termasuk juga keperluan yang lebih canggih untuk kawasan-kawasan industri.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah yang berkaitan dengan telekomunikasi tadi, ada saya sebutkan tadi bahawa kita akan mengenal pasti satu kemudahan yang terkini yang canggih di mana akan dilaksanakan Projek Pusat Jalur Lebar Komuniti dan Perpustakaan Jalur Lebar dan kemudahan apa yang dipanggil Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (H*igh Speed Broadband)* akan dilaksanakan pada permulaannya di Pusat Pentadbiran Kerajaan dan ianya akan disampaikan secara meluas di seluruh Negeri Johor.

Satu lagi perkara yang sangat penting Yang Berhormat Dato' Speaker ialah untuk kita menguruskan masalah sampah sarap dan sisa pepejal di Negeri Johor ini. Ini satu bidang yang ada kaitannya juga dengan tahap kualiti hidup rakyat jelata. Di mana kita perlu mengambil langkah yang agak paling berkesan dan muktamad untuk kita menyelesaikan kawasan-kawasan pelupusan sampah yang lama lagi konvensional termasuk di daerah-daerah yang amat mendesak keadaannya seperti Batu Pahat dan juga Kluang. Kita bercadang Yang Berhormat Dato' Speaker menyelesaikan perkara ini dengan menggunakan satu pendekatan di mana, di tapak yang lama itu juga akan diolah semula sisa-sisa pepejal tersebut dan dengan cara demikian, kita tidak perlu mencari tapak yang baru, kita gunakan tapak yang lama dan kita kitar semula sisa-sisa yang ada itu untuk mengatasi masalah sampingan yang berlaku sempena dengan tapak-tapak pelupusan yang ada di sana sini di Negeri Johor.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ia berkaitan dengan soal perumahan rakyat jelata. Dan kerajaan Negeri sentiasa memberikan penekanan menyediakan kemudahan yang berkualiti dan mencukupi bagi membantu golongan berpendapatan rendah menikmati taraf hidup yang lebih selesa. Dan Kerajaan terus berganding bahu bersama dengan agensi-agensi yang lain seperti Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara dan pihak swasta bagi mempergiatkan lagi projek pembinaan rumah untuk rakyat

sama ada rendah ataupun yang sederhana rendah. Di mana Jabatan Perumahan Negara bersama dengan Kerajaan Negeri merancang untuk mengumumkan projek Rumah Untuk Rakyat di kawasan-kawasan sama ada di kawasan Iskandar dan juga di kawasan-kawasan seperti di Yong Peng, Batu Pahat dan juga Batu 6 di Segamat sebagai contoh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memberikan komitmen yang sesungguhnya untuk memastikan bahawa bekalan rumah untuk semua peringkat masyarakat berdasarkan kepada kemampuan dan cita rasa akan dapat dipenuhi. Tadi saya ada sebutkan bahawa yang akan dibina di Negeri Johor ini khususnya di Iskandar ialah pada unit lebih daripada 200,000. Kerana syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Johor bahawa setiap pembangunan perumahan memerlukan 40% rumah kos rendah. Dan bila kita mempunyai banyak pemaju-pemaju rumah secara berterusan, rupa-rupanya Yang Berhormat Dato' Speaker, yang terkumpul melampaui 200,000 unit kesemuanya. Walhal, mereka yang mendaftar untuk membeli rumah kos rendah ini di Cawangan Perumahan ialah lebih kurang tidak melebihi 11,000. Ataupun mungkin ada yang tidak mendaftar untuk mendapatkan rumah kos rendah ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita kena padankan keperluan semua peringkat ini berdasarkan kepada peruntukan jumlah yang telah pun dijanjikan oleh pihak pemaju.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, insya-Allah dalam tempoh beberapa bulan yang terdekat ini, Kerajaan Negeri akan mengumumkan satu dasar baru untuk memastikan bekalan rumah akan dapat memenuhi keperluan rakyat dan juga cita rasa rakyat jelata semua peringkat.

Satu lagi perkara Yang Berhormat Dato' Speaker ialah berkaitan dengan keselamatan, sekuriti yang ada dalam Negeri Johor ini.

Yang berhormat Dato' Speaker, tidak kira sama ada keselamatan penduduk ke, pelawat ke ataupun mereka yang berkunjung di negeri ini, kita prihatin dan kita sewajarnya memberikan penekanan sebagai satu faktor penting untuk mengekalkan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan rakyat. Dan usaha-usaha untuk kita memperkasakan perkhidmatan Polis Diraja Malaysia telah dilakukan secara berterusan di antaranya, Yang Berhormat Dato' Speaker, di sebelah selatan Johor ini telah pun diwujudkan beberapa lagi IPD iaitu apa yang dipanggil Ibu Pejabat Daerah-Daerah yang baru dengan keanggotaan yang ditambah dengan kepimpinan yang juga ditambah di IPD-IPD yang baru ini untuk mendekatkan lagi pihak perkhidmatan Polis Diraja dengan masyarakat. Jadi, langkah-langkah telah pun dibuat khususnya di kawasan Iskandar ini dan di seluruh Negeri Johor untuk meningkatkan tahap sekuriti dan keselamatan rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyebut di sini bahawa peruntukan akan terus diberikan untuk kita melaksanakan projek pembangunan bandar dan desa sebegitu rupa. Kita akan dapat menyampaikan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan yang ada di luar bandar dan juga di desa di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi masyarakat yang perlu juga pembelaan daripada Kerajaan ialah masyarakat Orang Asli. Kerajaan akan terus melaksanakan program untuk menaikkan taraf sosioekonomi, keupayaan masyarakat Orang Asli setanding dengan masyarakat umum dan arus pembangunan. Peruntukan disediakan untuk melaksanakan Program Penempatan Tersusun, Program Pembangunan Ekonomi, Program Pembangunan Sosial dan Program Peningkatan Kualiti Hidup. Dan dalam Program Penempatan Tersusun, peruntukan sebanyak, sebagai contoh RM3.6 juta untuk kerja-kerja membina penempatan baru serta kemudahan di Sungai Banang, Batu Pahat dan Program Penempatan Tersusun akan menempatkan seramai 73 keluarga Orang Asli daripada Kampung Minyak Beku, Batu Pahat. Ini adalah di antara contoh-contohnya. Termasuk juga Yang Berhormat Dato' Speaker, masyarakat Orang Asli yang ada khususnya di perairan-perairan di sepanjang kawasan perairan yang ada di Iskandar Malaysia ini, kerajaan melalui IRDA akan mengambil langkah untuk meningkatkan tahap kualiti hidup mereka, masyarakat Orang Asli yang ada termasuk di kawasan Iskandar ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi ialah yang berkaitan dengan membangunkan dan memelihara, memugar, budaya kesenian dan warisan. Di antaranya Yang Berhormat Dato' speaker ialah untuk kita melaksanakan usaha-usaha memugar, memelihara budaya seni warisan. Satu, dengan cara melaksanakan penyelidikan persuratan sejarah Johor dan masyarakat Orang Asli. Penyelidikan yang menyeluruh mengenai sejarah Melayu Johor. Dilakukan melalui penyelidikan teks dan transliterasi, Buku Hikayat Johor Penggal I. Dan bagi mengenang jasa sasterawan pula, penyelidikan melalui Jasa Ibu Zain akan dibuat dan seterusnya penulisan kamus biografi bagi mengetengahkan tokoh-tokoh utama yang banyak memberi sumbangan termasuk terhadap Negeri Johor mengenai sumbangan masyarakat Banjar Johor, Mejar Dato' Mohd. Said Suleiman dan Adat Istiadat DiRaja Johor.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, usaha-usaha pengembangan seni budaya akan terus dimantapkan melalui penyelidikan dan penerbitan serta melaksanakan rangkaian aktiviti pelbagai kaum bagi mengenal nilai-nilai seni yang bersopan santun dan berbudi bahasa serta mengekalkan seni budaya warisan bangsa. Di samping itu juga, ia akan dapat menjadi produk pelancongan yang mampu menarik pelancong.

Seterusnya Johor akan mendokumentasikan kepentingan sejarah Negeri Johor dan Sungai Johor terutamanya berkaitan dengan Sejarah Maritim dan Warisan Dasar Laut Negeri Johor. Ia adalah contoh-contoh yang berkaitan dengan memugar budaya yang ada dalam masyarakat kita.

Seterusnya Dato' Pengerusi, Dato' Speaker, yang berkaitan dengan Orang Kurang Upaya. Dan bagi mempertingkatkan peranan dan usaha dalam membantu proses pemulihan dan penjagaan golongan OKU ini, Kerajaan bersetuju untuk memberikan bonus RM500.00 seorang kepada pengusaha-pengusaha, pekerja-pekerja, guru-guru di setiap PDK untuk memberikan peruntukan sebanyak lebih daripada RM200,000.00 untuk kita memastikan bahawa PDK kita ini dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna lagi.

Sementara itu pula, kita akan mengambil langkah untuk melancarkan satu program jangka panjang bagi meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya dalam sektor pekerjaan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi ialah berkaitan dengan perpaduan masyarakat. Satu yang agak menarik di Negeri Johor ini ialah, kewujudan Kawasan Rukun Tetangga. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di antara negeri yang paling banyak wujudnya Rukun Tetangga ini pada jumlah 498 dan kita menjangka akan tambah kepada 520 Rukun Tetangga. Dan Rukun Tetangga ini memberi peranan untuk membawa masyarakat bersama-sama daripada semua kaum ke arah untuk kesejahteraan mereka dalam konteks tempatan dengan satu persefahaman dan kerjasama yang dapat diwujudkan melalui rukun-rukun tetangga ini. Selain daripada itu kita juga akan membanyakkan lagi Tadika Perpaduan di seluruh Negeri Johor yang membawa bersama masyarakat tempatan daripada semua kaum untuk bersama-sama dalam Tadika Perpaduan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga akan mengambil langkah untuk menganjurkan program gaya hidup sihat di kalangan rakyat jelata supaya kita dapat meningkatkan lagi usaha-usaha ke arah mencegah pencegahan penyakit, lebih lagi penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup melalui program-program gaya hidup sihat. Selain daripada itu, ingin juga saya menekankan di sini, kita mengambil juga memberikan komitmen yang tinggi terhadap, untuk usaha ke arah memelihara kualiti alam sekitar kita sama ada dari segi udara, di mana kita akan terus menguatkuasakan langkah-langkah untuk pembakaran terbuka, untuk pencemaran asap yang keluar daripada kenderaan-kenderaan yang ada di jalan raya. Langkah-langkah ini akan terus dibuat dan seterusnya kita dapat terus mempertahankan sungai-sungai dalam keadaan yang, apa itu, mutu air yang baik. Sementara itu pula, kita sudah pun berjaya mendapat satu peruntukan yang besar lebih kurang RM900 juta untuk kita memulihkan 3 sungai tercemar di Negeri Johor ini iaitu Sungai Segget, yang paling tercemar, kemudian Sungai Skudai dan juga Sungai Tebrau. Jadi, ini adalah, selain daripada itu, untuk kita mempertahankan Negeri Johor ini sebagai Negeri di mana lebih kurang 23% bumi Johor ini masih lagi merupakan dalam keadaan hutan, hutan, hutan asal, Dato' Speaker.

Satu-satunya negeri yang masih lagi mempertahankan buminya dengan keadaan alam semula jadinya, seluas 440,000 hektar sebenarnya. Dan, dia dipertahankan sebagai Hutan Simpan Kekal, kalau ada pun tebangan Yang Berhormat Dato' Speaker, dia mengikut kuota yang telah pun dipersetujui di peringkat negara.

Di antara negeri-negeri di Negeri Johor ini tidak ditebang lebih daripada kalau tak salah saya 2,000 hektar dalam masa satu tahun. Itu sahaja yang akan ditebang, ditebang pun secara apa dipanggil, secara sistematik iaitu pengurusan hutan secara berkekalan, bermakna bahawa balak yang ditebang mudah-mudahan dalam tempoh 20, 30 tahun akan pulih seperti asal, maksudnya begitu. Dan, kita akan memastikan bahawa kawasan tadahan air di Negeri Johor ini akan terus kita pertahankan dengan cara kita mewartakan kawasan-kawasan yang tersebut, supaya anak cucu kita akan terus dapat

menikmati hidup dalam keadaan yang terpelihara, lebih-lebih lagi dari segi sumber air daripada kawasan-kawasan takungan air, tadahan air yang kita pertahankan melalui langkah-langkah mewartakannya sebagai kawasan berkekalan tadahan air.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ada kaitan juga dengan mutu hidup rakyat jelata yang berkaitan membangunkan kesukanan dalam Negeri Johor ini, sama ada untuk kita membangunkan ahli sukan di peringkat atlet ataupun untuk kita memeriahkan kegiatan kokurikulum, kegiatan sukan secara menyeluruh peringkat rakyat jelata. Melalui pendekatan-pendekatan pembangunan ahli sukan di peringkat atlet dan juga membangunkan kegiatan sukan secara menyeluruh, melalui apa yang dilaksanakan penyemarakan sukan, sukan kelab-kelab sukan di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menutupnya Bajet 2009, bukan sahaja mengumpul dan menggembleng segala kekuatan bagi menghadapi cabaran bahkan menyentuh semua golongan dengan memelihara segenap aspek kehidupan rakyat jelata. Ini bukan sahaja membawa pembangunan dalam bentuk fizikal yang dapat dilihat oleh mata kasar, malah mencakupi keperluan sosial pembangunan insan. Bajet 2009 yang merupakan kesinambungan pendekatan pembangunan holistik yang seimbang lagi menyeluruh sambil memberi keutamaan sumber yang dapat membawa seluruh rakyat mengharungi cabaran akibat tekanan ekonomi global yang tidak menentu.

Dalam memastikan matlamat ini dicapai dengan lebih sempurna ia memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak daripada kepimpinan negeri, Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, pegawai-pegawai Kerajaan, golongan profesional dan usahawan, pimpinan masyarakat setempat dan pertubuhan bukan Kerajaan serta rakyat jelata sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekali lagi mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, mengajak semua rakyat Johor untuk sama-sama berganding bahu dalam membangunkan Negeri Johor dengan fikiran terbuka untuk akhirnya menikmati kemakmuran dan beroleh kesejahteraan secara bersama. Semoga segala usaha ini mendapat keberkatan daripada rezeki kurniaan Allah kepada kita sentiasa melimpah ruah. Sama-samalah kita berdoa kepada Allah agar kita sentiasa mendapat perlindungannya dan diberi petunjuk serta hidayahnya untuk kita mencapai tahap negeri yang dilimpahi kebaikan dan beroleh naungan serta keampunannya, insya-Allah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ya, dijemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, tengah khusyuk tu. Terima kasih Yang Amat Berhormat atas ucapan belanjawan yang amat baik dan masa keadaan masa menghadapi ekonomi yang tidak stabil. Ucapan pun hampir 2 jam,

alhamdulillah semuanya baik. Seperti biasalah, sebagaimana Ahli Yang Berhormat dan dif-dif jemputan sudah tahu, akan kebaikan dan murah hatinya saya, maka semua Ahli Yang Berhormat dan jemputan ke majlis jamuan makan tengah hari di tingkat bawah bangunan ini berdekatan Bilik Gerakan Tun Razak.

Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Isnin, 24 November 2008, jam 9:30 pagi di mana perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali kedua Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 akan dimulakan. Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEDUA	ISNIN, 24 NOVEMBER 2008	BIL. 4 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

a) Nyatakan bilangan penerima dan jumlah bentuk bantuan yang telah dijelaskan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan mengikut pecahan PBT dalam Negeri Johor melalui Program Kemiskinan Bandar sehingga kini?
b) Bilakah dan apakah bentuk program yang akan dijalankan untuk menentukan kita dapat mencapai sifar miskin bagi penduduk di kawasan PBT dalam Negeri Johor?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, jemput.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Kerajaan telah mengambil pelbagai program bagi membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat termasuk penduduk kawasan Bandar. Skim PPKB telah diperkenalkan pada tahun lalu dalam program ini. Beberapa pemohon dalam skim ini belum dapat kelulusan atau tidak mengetahui status permohonan mereka.

a) Ingin tahu statistik pemohon mengikut PBT di Negeri Johor, jumlah yang telah diluluskan dan masih tertunggak?
b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh PBT untuk mendapatkan kelulusan dengan segera?
c) Adakah *time frame* ditetapkan untuk mendapat kelulusan dalam skim ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar ataupun PPKB telah bermula sejak bulan Jun 2006. Sehingga kini, seramai 3,001 orang telah pun menerima bantuan daripada program ini. Dan, daripada 3,001 orang itu tadi, seramai 2,075 orang adalah daripada golongan miskin dan yang bakinya sebanyak 926 golongan miskin tegar.

Jumlah bantuan yang telah diberikan sejak program ini dilaksanakan sehingga akhir Oktober tahun ini adalah sebanyak RM3.4 juta untuk keseluruhan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada jumlah tersebut sebanyak 423 penerima dengan peruntukan sebanyak RM375,216.00 telah diberikan kepada orang miskin dan miskin tegar di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Untuk Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah 265 orang dengan jumlahnya RM353,990.00; 35 orang dengan jumlah sebanyak RM33,816.00 bagi kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang; 413 penerima dengan jumlah RM510,082.00 bagi kawasan Majlis Perbandaran Muar; 148 penerima dengan jumlah RM145,000.00, RM145,177.00 bagi Majlis Perbandaran Batu Pahat; Majlis Daerah Yong Peng 20 orang dengan jumlah RM31,918.00; 209 orang dengan jumlah RM168,342.00 bagi kawasan Majlis Perbandaran Kluang; 61 penerima berjumlah RM108,134.00 bagi kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam; 233 penerima berjumlah RM315,882.00 bagi kawasan Majlis Daerah Segamat; 13 penerima berjumlah RM19,856.00 bagi kawasan Majlis Daerah Labis; 103 penerima dengan jumlahnya RM176,274.00 bagi Majlis Daerah Pontian; 201 orang RM193,700.00 bagi Majlis Daerah Kota Tinggi; 80 penerima RM141,144.00 bagi kawasan Majlis Daerah Mersing; 748 penerima bagi kawasan Majlis Perbandaran Kulai berjumlah RM795,957.00; 49 orang bagi kawasan Majlis Daerah Tangkak berjumlah RM43,652.00.

Di samping itu Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga akhir Oktober tahun ini, sebanyak 1,685 permohonan telah pun dihantar, yang dihantar oleh Pihak Berkuasa Tempatan masih lagi menunggu kelulusan Bahagian Kemiskinan Bandar, KPKT ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita dah hantar sehingga akhir Oktober,1,685 permohonan yang masih lagi menunggu kelulusan daripada Kerajaan Pusat. Daripada 1,685 permohonan tersebut, 155 permohonan daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru; 210 daripada Johor Bahru Tengah; 397 daripada Pasir Gudang; 17 daripada Batu Pahat, Perbandaran Batu Pahat; 167 daripada Yong Peng; 53 Kluang; 55 Simpang Renggam; 40 Majlis Daerah Segamat; 1 Daerah Labis; 16 permohonan Majlis Daerah Kota Tinggi; 96 permohonan Bandar Tenggara; 44 permohonan Mersing; 320 Kulai; dan 98 permohonan daripada Tangkak.

Bagi memastikan pemohon yang layak mendapat bantuan dengan segera di peringkat PBT, semua pejabat-pejabat di peringkat PBT telah pun diberikan ketetapan untuk memproses permohonan dalam masa satu minggu bagi dikemukakan permohonan tersebut ke pihak kementerian. Dalam tempoh tersebut, PBT perlu melengkapkan semua dokumen dan mengadakan siasatan serta lawatan ke tempat kediaman pemohon. Pihak Kementerian pula memerlukan tempoh masa secara puratanya Yang Berhormat Dato' Speaker, selama 2 bulan ataupun 8 minggu bagi proses kelulusan dan pengagihan bantuan PPKB kepada PBT bagi permohonan-permohonan yang isinya, yang diisi lengkap.

Bagi memenuhi matlamat kerajaan untuk mencapai Sifar Miskin Tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% menjelang tahun 2010, kerajaan telah merangka projek mengenal pasti peluang pekerjaan,

pendidikan dan latihan bagi membina keupayaan dan menambah pendapatan kumpulan sasar dan seterusnya mengeluarkan golongan tersebut daripada kepompong kemiskinan.

Untuk tahun ini, tumpuan kepada projek meningkatkan pendapatan keluarga melalui program motivasi PPKB kepada Ketua Isi Rumah ataupun KIR dan Ahli Isi Rumah ataupun AIR untuk keluarga miskin di bandar. Misalannya pada 15 dan 16 November 2008, Kulai ataupun MP, Majlis Perbandaran Kulai dengan kerjasama KPKT telah pun mengadakan satu kursus motivasi, program pembasmian kemiskinan bandar kepada 131 orang golongan miskin dan miskin tegar. Mereka ini adalah terdiri daripada Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah di kawasan Majlis Perbandaran Kulai. Program seumpama ini Yang Berhormat Dato' Speaker akan diteruskan lagi di PBT-PBT yang lain. Dan, keutamaan diberikan kepada keluarga miskin dan miskin tegar yang produktif untuk menceburi peluang-peluang disediakan bagi meningkatkan pendapatan keluarga tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa ada 6 jenis, 6 bentuk pemberian ataupun kategori untuk mereka-mereka yang dikategorikan sebagai miskin iaitu termasuk sewa rumah dan sebagainya. Jadi salah satu daripada bentuk pemberian yang dibolehkan oleh kementerian iaitu bagi mereka-mereka yang apa, dibuang kerja, ataupun berhenti kerja kemudian tak ada pendapatan. Jadi, saya memikirkan Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun depan kemungkinan ekonomi, apa ni kurang baik seperti dalam Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat baru-baru ini. Kita menjangkakan bahawa perkara-perkara ini banyak kemungkinan perkara ini akan berlaku. Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan kita. Kerana kadang-kadang bila kata nak beri tu sampai macam proses bulan Oktober sampai sekarang pun 2 bulan, apa ni proses tu 2 bulan. Sejauh mana kita tahu bahawa 2 bulan itu boleh, apa ni proses itu akan diberikan? Jadi saya ingin tahu, kita kena ada satu pelan, *action plan* untuk nak mengatasi masalah-masalah ini kerana untuk golongan yang miskin kat bandar ini, yang kemudian dibuang, diberhentikan kerja pula, ini satu perkara yang akan, orang kata dengan tak secara langsung boleh apa ni menimbulkan masalah yang besar kepada kerajaan. Jadi, saya ingin tahu persiapan kita, persiapan ataupun *contingency plan* yang perlu kita adakan sekarang untuk nak mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Machap membangkitkan saya kira berkenaan dengan Bantuan Ihsan iaitu yang melibatkan Ketua Isi Rumah ataupun ahli keluarga yang mana diberhentikan kerja disebabkan masalah misalannya syarikat atau majikan atau orang yang telah menganggur lebih 3 bulan. Jadi untuk kes yang macam ini, bantuan yang ini dipanggil Bantuan Ihsan. Yang ini antara bantuan-bantuan yang boleh

dapat daripada program ini, bagi mereka yang tinggal di kawasan PBT. Iaitu pemberian *one off maximum* RM3,000.00 untuk setiap warga miskin tegar, diberi sekali sahaja ya ataupun pemberian *one off maximum* RM2,000.00.

Jadi permasalahan yang selalu dibangkitkan ialah tentang kelewatan untuk terima bantuan kerana pada hakikatnya kita faham bahawa apabila seseorang itu telah mengisi borang, dia mesti menganggap bahawa lazimnya bantuan akan terima dalam masa sebulan ataupun 2 minggu. Ini memang dah naluri biasa manusia lah. Tetapi borang itu perlu semakan, perlu juga Yang Dipertua atau Setiausahanya atau wakil daripada PBT turun dan melihat seberapa banyak pemohon yang boleh dia, yang dia kena *interview*. Dan, kita memberikan masa seminggu, tapi kadang-kadang kala pun dalam praktiknya sampai terlewat 2 minggu, macam-macam kemungkinan boleh berlaku, datang tak dapat jumpa ataupun mungkin terlewat daripada segi pegawai yang menjalankan tugas, kerana ada macam-macam tugas yang lain hendak dijalankan. Tetapi itulah rata-ratanya seminggu dalam keadaan semua butiran dapat dihantar dengan cepat dan dikemukakan kepada KPKT dan KPKT menganggarkan 2 bulan. Tetapi daripada segi teorinya pun saya baru-baru ini difahamkan pun, kita masih ada lagi ada yang 3, 4 bulan belum lagi terima daripada KPKT. Dan, dalam kes-kes yang macam ini, saya telah pun mengarahkan kepada semua Setiausaha Majlis PBT untuk sendiri pergi ke KPKT, ke Bahagian yang berkenaan ini dan berhubung terus dengan pegawai yang menjaganya di sana untuk seberapa boleh mendapatkan bantuan ini secepat mungkin. Dan, alhamdulillah setakat ini banyak jugalah yang telah kita dapat. Dan, mana yang berbaki itu kita akan apa ni… songsonglah daripada semasa ke semasa.

Yang Berhormat juga bangkitkan berkenaan dengan mana kita semua tahu bahawa 2009 mungkin kalau nak ikut jangkaan yang merupakan satu keadaan ekonomi yang mencabar kepada kita semua. Itu dalam keadaan yang luar biasalah, yang sekarang pun kita dapat membuat beberapa tanggapan dan anggaran, apakah kemungkinan-kemungkinannya keadaan kewangan dunia akan melibatkan pembuangan kerja dari segi orang yang akan terlibat dalam program ini. Sebab itu pun baru-baru ini, kita faham bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku kementerian, selaku Menteri Kewangan yang baru telah pun mengumumkan tambahan, *that is SPNB, not this one*, untuk program macam ini. Dan, kita akan tengoklah, kita akan percepatkan lagi berapa banyak yang kita mungkin, kita tak tahu berapa orang yang akan, sekarang belum ada *figure* yang sebenarnya, angka yang sebenarnya, berapa orang yang akan terlibat dengan, apa ni, dengan jumlah yang akan jadi miskin dan miskin tegar akibat dari kemerosotan ekonomi dunia ini.

Y.B. Dato' Speaker : Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah memberi arahan kepada semua Pihak Penguasa Tempatan supaya mempercepatkan proses bagi permohonan-permohonan PPKB ini. Tetapi terdapat juga kes-kes yang

telah dimohon semenjak bulan Disember belum menerima jawapan daripada kementerian. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah diambil untuk mempercepatkan kelulusan daripada pihak kementerian, satu. Dan kedua, berkenaan dengan kategori bantuan yang diberi. Saya difahamkan ada 7 jenis kategori bantuan yang diberi. Boleh tak kita tahu apa jenis kategori yang menerima banyak bantuan sekali. Ada 7 jenis. Dan, satu lagi berkenaan dengan …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, itu tak ada soalan asal tu (ketawa), kategori tu, itu soalan baru.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Soalan…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, soalan asal Yang Berhormat tak ada sebut soalan tu. Yang Berhormat tambah yang baru. Ok, ok, cakaplah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Satu lagi berkenaan Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu boleh tak kita dapat statistik berkenaan dengan pecahan kaum bagi 7,000 lebih yang telah menerima. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, jenis-jenis bantuan PPKB ini ada beberapa tadi iaitu yang pertamanya ialah misalannya untuk Bantuan Sewa Rumah. Bantuan Sewa Rumah, dia ada untuk Bantuan Sewa Rumah, kadar bayaran sewa rumah ialah RM124.00 atau kadar sebenar mengikut mana yang lebih rendah. Juga meliputi semua rumah kecuali rumah setinggan dan rumah sewa beli milik kerajaan. Kadar sewa bilik ialah RM124.00, sewa bilik pun ada dalam kawasan bandar atau kadar sebenar mengikut yang terendah. Keduanya, ialah bantuan perbelanjaan, ketiga, Bantuan Perbelanjaan Persiapan ke sekolah ataupun institusi pendidikan ataupun institusi kemahiran. Sekolah rendah dibayar tunai RM200.00, menengah tunai RM250.00, IPTA sekali sahaja RM1,000.00. Bantuan Kos Jagaan kanak-kanak diberi kepada ibu yang bekerja buat kali pertama. Ibu yang bekerja buat kali pertama, dapat bantuan kos jagaan kanak-kanak iaitu kadar bayaran bulanan RM200.00 atau kadar sebenar mengikut yang terendah. Bantuan Kos Pengangkutan Ke Sekolah, ini untuk anak naik van ke, ataupun kenderaan yang lain ke sekolah, bagi yang miskin dan miskin tegar ni, kadar bayaran bulanan RM30.00 untuk setiap pelajar. Bantuan Kos Pengangkutan Ke Tempat Kerja untuk ibu, ini selalu ibu tunggal, kadar bayaran RM50.00 untuk ibu yang bekerja buat kali pertama.

Bayaran Kos Dialisis, ini sakit buah pinggang, rawatan buah pinggang, kadar bayaran minima sebanyak RM60.00 setiap sesi rawatan atau mengikut kadar yang dikenakan termasuk kos pengangkutan maksima RM30.00 setiap sesi rawatan atau kadar sebenar, ini kadar sebenar ataupun RM30.00, untuk saya sebut tadi untuk *transport cost*. Tapi untuk kadar bayaran dialisis minima dia bagi RM60.00 atau kos yang sebenar. Untuk pendidikan dan latihan, latihan kemahiran, kos sebenar yang ditetapkan oleh institusi latihan ataupun pihak

penganjur, kos latihan dan elaun saraan hidup RM150.00 semasa mengikuti latihan, sepanjang latihan RM150.00. Bantuan Ihsan tadi saya dah sebut yang dibangkitkan oleh ADUN Machap, itu adalah antara, dan penjanaan, ini program penjanaan pendapatan keluarga iaitu mengenal pasti peluang penjanaan pendapatan, mewujudkan jaringan ataupun *networking* dengan majikan, persatuan, peniaga dan pekilang. Ini yang mesti, yang harus dijalankan oleh YDP iaitu mengadakan jaringan untuk memberi kemudahan dapat kerja ataupun latihan kepada keluarga miskin ini, ini masih lagi dalam tindakan YDP di setiap Majlis untuk ada profil orang miskin dalam kawasan dia dan menentukan kalau ada peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran, orang itu, orang miskin itu, dia akan mengaturkan peluang-peluang pekerjaan yang boleh didapati.

Berkenaan dengan lewat Disember 2007, *now is 2008*, sekarang dah 2008, saya ingat apa ni, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu kalau ada apa ni kes-kes seumpama ini, tolonglah rujuk kepada saya dengan segera supaya saya boleh dapat memberikan bantuan, jumlah mana yang dapat bantuan yang paling banyak, rata-rata yang paling banyak bantuan ialah macam kes sewa rumah, hantar anak ke sekolah dan juga dialisis pun, sekarang pun dah makin bertambah bantuan-bantuan seumpama ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Dato' Speaker, soalan tambahan. Sepertimana yang dijawab oleh EXCO tadi berkenaan dengan kursus motivasi yang diadakan untuk mereka-mereka yang miskin, adakah jabatan EXCO yang tersebut ada buat pemantauan bahawa setelah mereka mengikuti kursus motivasi, mereka ada buat apa-apa untuk menjana pendapatan. Dan, apabila mereka tercapai pendapatan tersebut, mereka boleh dikeluarkan dari golongan fakir miskin ke ataupun miskin tegar. Sebab kita nak ada konsep macam "*jangan beri ikan sehari* tetapi memberi itu pancing pada dia supaya dia boleh pancing ikan tiap-tiap hari dan dia boleh berdiri, berdikari." Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Program yang dijalankan untuk motivasi itu ialah kepada mereka yang produktif iaitu masih aktif dan boleh bekerja dan sebagainya. Dan, memang program ini telah pun, baru kali pertama dijalankan di Kulai dan selepas ini semua PBT akan diminta mengadakan lagi program-program seumpama ini. Dan, profil yang miskin dan miskin tegar ini semuanya yang telah pun berdaftar, semuanya berada dengan dalam, di peringkat PBT. Adalah menjadi tanggungjawab saya dan juga YDP yang berkenaan semua sekali, untuk menentukan bahawa profil itu dikemas kini dari semasa ke semasa. Maksudnya mereka yang dah dapat diaturkan untuk dapat kerja dari segi perancangan, katakan dia dapat kerja kemudian dia keluar daripada kadar kemiskinan yang ditetapkan iaitu kalau dalam bandar RM740.00 pendapatan sebulan ataupun RM185.00 per kapita, itu untuk yang miskin, jadi dia perlu dikeluarkan daripada senarai yang berkenaan. Di samping itu juga bukan sahaja di peringkat PBT, sekarang untuk menyelaraskan supaya tidak ada pertindihan bantuan kerana sebelum ini tidak ada penyelarasan yang dibuat.

Di peringkat daerah pun sudah ada ditentukan apa yang dipanggil ialah kumpulan fokus yang dipengerusikan oleh DO sendiri, Pegawai Daerah, di peringkat negeri pengerusinya ialah Setiausaha Kerajaan Negeri supaya menentukan sentiasa profil ini dikemas kini dari semasa ke semasa untuk menentukan berapa jumlah orang yang miskin dan yang miskin tegar dalam satu-satu masa yang berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok l*ast*, Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Soalan tambahan saya, kita telah maklum bahawa kerajaan ada menyediakan bantuan untuk sewaan rumah. Saya ingin bertanya adakah sama ada pihak kerajaan akan menyediakan satu skim untuk memberi bantuan ansuran rumah. Kerana sebenarnya memberi sewa rumah ini, bantuan sewa rumah adalah lebih mahal daripada ansuran rumah. Ada orang-orang yang membeli rumah contohnya rumah murah dan hilang pendapatan kerana masalah kecacatan dan sebagainya. Adakah ada cadangan untuk mempertimbangkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini belum ada lagi apa ni cadangan seperti ini.

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah yang akan datang. Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Minta penjelasan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) bagi membiayai pelajar Johor mengikuti pengajian dalam negeri dan luar negara. Sila nyatakan pinjaman tersebut mengikut tahun dari tahun 2005 hingga 2007.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan daripada Ahli Rengit, sukacita saya maklumkan bahawa jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Pelajaran Johor bagi membiayai pelajar Johor mengikuti pengajian di dalam dan di luar negara, bagi tahun 2005 sehingga 2007 adalah seperti berikut: Bagi tahun 2005, YPJ membelanjakan RM4,525,193.00 untuk pelajar di dalam negara dan RM630,738.00 untuk pelajar yang belajar di luar negara dan menjadikan jumlah yang dikeluarkan dalam bentuk pinjaman pada tahun 2005, RM5,155,931.00. Bagi tahun 2006, sejumlah RM5,167,120.00 dikeluarkan untuk membiayai pelajar di dalam negara dan bagi luar negara RM754,868.00 dan menjadikan jumlah RM5,921,988.00. Dan bagi tahun 2007 sejumlah RM7,773,720.00 dikeluarkan untuk pelajar di dalam negara dan sejumlah RM293,000.00 untuk pelajar yang belajar di luar negara, menjadikan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Yayasan Pelajaran Johor bagi tahun 2007, RM8,066,720.00.

Y.B. Dato' Speaker : Ya Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh EXCO tadi. Cuma saya nak tanya, soalan tambahan ini, keutamaan bidang yang diberikan pinjaman oleh pihak YPJ ataupun Kerajaan Negeri. Adakah ia selaras dengan perancangan pembangunan sumber tenaga manusia bagi Negeri Johor pada masa yang akan datang.?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yayasan Pelajaran Johor memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di dalam negeri dan juga di luar negara seperti yang saya sebutkan tadi dan bagi dalam negeri, kita memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang belajar di IPTA dan juga pelajar-pelajar yang belajar di IPTS. Dan, bagi pelajar-pelajar di IPTA, kita memberi pinjaman kepada semua bidang yang ditawarkan oleh IPTA. Dan, bagi pelajar-pelajar yang belajar di IPTS, kita menawarkan pinjaman kepada kursus-kursus yang diiktiraf oleh MQA ataupun Malaysian Qualification Agency sahaja. Dan, bagi pelajar-pelajar di luar negara Yang Berhormat Dato' Speaker, kita hanya memberi pinjaman kepada kursus-kursus yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Dan antara bidang yang diberi tumpuan ialah kursus-kursus kritikal seperti perubatan dan juga kejuruteraan. Dan, YPJ memang sentiasa membantu, pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan terutamanya bidang-bidang yang boleh membantu selaras dengan pembangunan yang berlaku terutamanya di Negeri Johor ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya ingin minta Yang Berhormat EXCO Pendidikan supaya kita melihat bahawa kecenderungan baru anak-anak kita ialah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat *Master*. Apabila mereka cuba mohon melalui MARA ataupun JPA, mereka dikecewakan kerana tak dapat nak memperolehi biasiswa tersebut. Jadi di sini nak tanya, sama ada, ada tidak skim, biasiswa ataupun pinjaman di peringkat *Master* diberikan kepada anak Johor, terutama sekali yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat *Master* atau PhD. dalam dan luar negara?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa YPJ memberi pinjaman bukan hanya setakat di peringkat *Master* sebenarnya, kita memberi pinjaman daripada peringkat Sijil lagi sehinggalah ke peringkat tertinggi iaitu di peringkat PhD. Dan, bagi IPTA dalam negara untuk maklum Dewan yang mulia ini, di peringkat Sijil kita memberi pinjaman sebanyak RM2,500.00 setahun, bagi peringkat Diploma RM3,500.00 setahun, bagi peringkat Ijazah RM5,500.00 setahun. Dan bagi pelajar-pelajar di IPTS dalam negara, oleh kerana IPTS ini biasanya kosnya lebih tinggi, maka pihak YPJ memberi pinjaman di peringkat Diploma sejumlah RM4,000.00 setahun dan di peringkat Ijazah sebanyak RM8,000.00 setahun. Dan sebenarnya YPJ juga memberi pinjaman di luar negara, di mana kita memberi pinjaman di peringkat Diploma sejumlah RM12,000.00 setahun dan di peringkat

Ijazah sekiranya mereka mengambil bidang perubatan sejumlah RM30,000.00 setahun. Dan bagi pelajar-pelajar kita yang mengambil kursus di Mesir dan juga Jordan, di Mesir kita memberi pinjaman sejumlah RM6,000.00 setahun dan di Jordan sejumlah RM12,000.00 setahun.

Y.B. Dato' Speaker : Hah.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Berapa banyakkah jumlah bayaran balik yang telah diterima oleh YPJ daripada pelajar-pelajar yang telah pun menamatkan pengajiannya. Terima kasih, dan berapa ramai?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan ini tak berkait dengan soalan yang asal.

Y.B. Dato' Speaker : Ha' ah, ini soalan baru ni, yalah, tak payah jawab pun tak apa, oklah. Ha, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin nak tanya untuk pelajar-pelajar yang mendapat pinjaman pelajaran, apakah pecahannya dari segi kaum, satu. Dua, apakah kriteria ataupun syarat-syarat yang ditetapkan bagi seseorang pelajar untuk mendapatkan bantuan pinjaman untuk pelajaran kawasan di dalam negeri dan juga di DUN, DUN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini soalan baru tak berkaitan. Dia Yang Berhormat tanya jumlah, soalan asal dia tanya belanja sahaja, dia kena ikut soalan asal, dia tak boleh soalan yang baru, Yang Berhormat ni menanyakan bila pecahan kaum, itu soalan yang baru.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Memang ada kaitan dengan soal pinjaman pelajaran ini baik pada keseluruhan memang ada kaitankan?

Y.B. Dato' Speaker : Yalah betullah, Yang Berhormat nak jawab.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Harap-harap dijawabkannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tersebut memang tak berkait dengan soalan asal tapi saya suka maklumkan bahawa sebenarnya Yayasan Pelajaran Johor tidak pernah mempertimbangkan permohonan pinjaman berdasarkan kepada satu-satu kaum. Kita terbuka kepada semua kaum.

Y.B. Dato' Speaker : Semua kaum. Ok. Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, jemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Menaik taraf atau memindahkan Pejabat Pos Kulai ke kawasan yang lebih strategik memandangkan kawasannya yang berhampiran dengan jalan raya dan tiada tempat khas untuk meletakkan kenderaan. Keadaan ini menyukarkan dan mendatangkan bahaya kepada pengguna yang ingin berurusan di Pejabat Pos.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Pos Malaysia Berhad sememangnya mempunyai perancangan menaik taraf Pejabat Pos Kulai. Bagi Pejabat Pos Kulai, proses menaik taraf Pejabat Pos berkenaan telah bermula pada awal November yang lalu dengan kos berjumlah RM300,000.00. Antara penambahbaikan Pejabat Pos ini adalah perubahan pintu masuk utama, di mana sebelum ini pintu utama adalah menghadap ke jalan raya utama. Tetapi selepas projek menaik taraf siap, pintu utama pejabat dialihkan ke sebelah sisi yang menghadap ke jalan masuk ke Stesen Kereta Api Kulai. Perubahan ini diharapkan dapat mengurangkan risiko keselamatan kepada pelanggan yang berurusan, yang mana mereka tidak perlu lagi untuk berjalan ke bahu jalan raya utama untuk masuk ke Pejabat Pos berkenaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping itu juga pejabat ini akan dibuat penambahbaikan dari segi imej yang berkonsepkan imej baru Pos Malaysia yang dikenali sebagai konsep *Look `N' Feel,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Pejabat yang berkonsepkan *Look `N' Feel* dengan izin, akan mempunyai ciri-ciri yang lebih mesra peranan dan dekorasi ruang dalaman yang diperindahkan dengan ciri-ciri moden yang mana diharapkan dapat memberi lebih keselesaan terutama kepada pelanggan. Pihak Pos Malaysia juga merancang bagi menyediakan kawasan khas tempat letak kereta bersebelahan pejabat berkenaan. Buat sementara waktu ini pelanggan boleh menggunakan tempat letak kereta berhampiran dengan Stesen Kereta Api Kulai yang jaraknya dalam lingkungan 50 meter dari Pejabat Pos Kulai.

Y.B. Dato' Speaker : Hah, Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Pejabat-Pejabat Pos yang biasanya di pekan-pekan kecil, khususnya di kawasan contohnya di Semarang masih kita lihat begitu daif seperti mana yang berlaku juga di Pos Kulai. Dan, pihak Pos masih lagi menjadi tempat tumpuan warga emas ataupun orang-orang yang tua untuk berurusan pembayaran bil elektrik dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ini pun, Yang Berhormat, soalan pun tak ikut soalan orang yang pertama. Orang pertama soal Pos Kulai saja.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Ok. Cuma saya nak bertanya ni Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hah.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Tentang kemudahan untuk warga emas ini di pos, termasuklah di Pos Kulai.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah tak apalah, oklah bolehlah cakap ajelah…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita memang ambil perhatian dan juga peka tentang semua golongan warganegara termasuk juga warga emas. Kita bagi lebih keutamaan kepada warga emas.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, baru menang itu Naib Presiden eh, MCA. Cerah masa depan. Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Berapa ramai belia yang telah menerima pinjaman dan bantuan dari Skim Pinjaman Belia Niaga (SPBN) dan Skim Pinjaman Belia Tani (SPBT) setakat hari ini mengikut statistik kaum?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor. Oh, tidak, mintak maaf, betul, *sorry*. Tersilap bila Naib Presiden.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Skim Pinjaman Belia Niaga ataupun SPBN dan Skim Pinjaman Belia Tani ataupun SPBT adalah merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan Malaysia untuk menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang perniagaan. Biasanya dalam bentuk *trading* dengan izin, perkhidmatan, pertanian dan juga penternakan. Kedua-dua skim ini telah beroperasi pada tahun 2007 yang mensasarkan warganegara Malaysia berumur 18 hingga 40 tahun, telah memulakan perniagaan sekurang-kurangnya 6 bulan hingga 1 tahun dan telah mempunyai kemahiran serta pengalaman dalam bidang yang diceburi. Setiap permohonan pinjaman berjumlah RM15,001.00 ke atas hendaklah mengemukakan seorang penjamin yang bersih dari rekod senarai hitam dan berpendapatan lebih RM800.00. Manakala bagi pinjaman RM15,000.00 ke bawah, penjamin tidak diperlukan dan caj yang dikenakan ke atas pinjaman tersebut hanya 4% atas baki bulanan.

Kementerian Belia dan Sukan percaya bahawa program ini dapat memberikan kemudahan kepada para belia untuk mengembangkan perniagaan, projek pertanian, penternakan, perkhidmatan ataupun Industri Asas Tani. Kedua-dua skim pinjaman ini dilaksanakan dengan kerjasama Bank Rakyat dan Agro Bank. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak program ini dilaksanakan

sehingga bulan November 2008, sebanyak 40 permohonan telah diluluskan di Negeri Johor ini yang melibatkan peruntukan sejumlah RM1,740,000.00 dan jadual di bawah ini menunjukkan pecahan pinjaman mengikut kaum:

1. Untuk Skim Pinjaman Belia Niaga, kaum Melayu 26 orang, Cina 2 orang dan jumlah keseluruhan 28 orang.
2. Skim Pinjaman Belia Tani, untuk kaum Melayu 9 orang, Cina 2 orang, India 1 orang dan jumlah keseluruhan 12 orang dan jumlah keseluruhan dari kedua-dua pinjaman ini adalah sebanyak 40 orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dasar dibentuk oleh kerajaan oleh Kementerian Belia dan Sukan ini adalah menyeluruh iaitu untuk semua kaum boleh mengambil bahagian dan mendapat peluang dalam kedua-kedua skim ini, dan terpulanglah kepada para belia sama ada mereka minat atau tidak untuk menceburi bidang perniagaan dan bagaimana mereka nak berusaha untuk mendapatkan peluang ini bagi meningkatkan perniagaan mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan. Tadi saya ingat jawapan yang diberi oleh Ahli EXCO tak berapa terus kepada soalan, sebab pecahan kaum itu saya nak tahu tapi tunggu-tunggu tak ada jawapan. Ini saya nak tanya, pinjam dan mereka terima, ini bagus. Skim ini memang bagus digalakkan oleh pihak Kerajaan. Tapi kita nak tahu, sejauh manakah prestasi pinjaman ini dijalankan dan bayaran itu macam mana mereka sampaikan kepada seperti yang dijanjikan. Dan saya nak tahu, bagai, selalu pinjam orang yang sama dan terima diluluskan pun itu orang juga, tak, sampaikan kepada semua pihak yang berkenaan untuk memenuhi hasrat kerajaan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi pinjaman yang dimaksudkan itu, tak timbul soal yang pinjam orang yang sama dan setiap kali pinjaman yang sama. Sebab dalam, yang saya katakan tadi 40 peminjam yang melibatkan satu juta itu memang ada 40 orang peminjam yang terdiri dari pelbagai perkhidmatan sama ada dalam bidang, kalau dalam di tani contoh, contohnya terdapat projek-projek berkaitan dengan tanaman sayur-sayuran, ternakan haiwan, perikanan, lebah-lebah madu, Industri Asas Tani dan sebagainya, termasuk juga projek, apa, projek dalam Skim Belia Niaga, bidang perkhidmatan seperti kedai gunting, salun kecantikan, pembuatan, kraf tangan dan macam-macam lagi. *So,* soal, dari segi soal bayaran balik itu saya telah ada rekod di sini. Tapi dari segi *distribution* ataupun pembahagian kepada pinjaman itu, tak, tidak ada soal orang yang sama setiap kali pinjaman dilakukan.

Y.B. Dato' Speaker : Hah, Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Baru-baru ini Dewan Rakyat ada beri tahu bahawa tabung ini memiliki RM40 juta yang telah pun diberi tahu oleh Timbalan Menteri. Dia beritahu ada, adalah prestasi yang tak baik kerana tak ramai yang mohon. Isu di sini Dato' Speaker, nak tanya dengan EXCO, sama

ada dia ini di *parking* ataupun dengan izin, diletakkan di bank yang menyebabkan para belia tak mahu pergi ke bank. Jadi timbul kekeliruan di sini, sama ada mereka ini tak rujuk ke Jabatan Belia atau tidak. Jadi saya nak tahu di sini sama ada perkara ini disedari di peringkat Jabatan Belia kerana belia lihat hari ini benda itu datang daripada Kementerian Belia, mesti datang ke Pejabat Belia. Mereka tak pergi ke bank. Jadi itulah yang menjadi persoalan di sini sama ada pihak Jabatan Belia boleh buat program *out list* ataupun mencari belia-belia yang berniaga tersebut boleh meminjam dan prestasi akan meningkat. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya katakan tadi, pinjaman ini dengan kerjasama Bank Rakyat dan Agro Bank. Duit itu memang di *parking* untuk Skim Pinjaman Belia Niaga, duit di *parking* di letakkan di Bank Rakyat. Untuk Skim Belia Tani, memang duit itu diletakkan di Agro Bank. Tetapi dari segi kelulusan-kelulusan di peringkat hanyalah, hanya di peringkat Jabatan Belia dan Sukan Negeri, yang mana proses kelulusan itu kalau mereka lengkap dari segi dokumentasi dan tidak ada pembetulan dan sebagainya, sepatutnya tak lebih daripada 2 bulan untuk kelulusan. Dan, mesyuarat ini pun akan diadakan setiap bulan, setiap tengah bulan. Soalnya ialah sama ada belia itu tahu atau tidak skim ini begitu dia punya cara nak dapatkan peruntukan, kita diberitahu melalui Persatuan-persatuan Belia. Tetapi kalau kita tengok dalam mesyuarat kelulusan, dia tak sebutkan peningkatan kita terkini, tak sebutkan dia mesti jadi Ahli Belia kerana kalau nak harapkan Persatuan Belia sahaja untuk menghebahkan, nampaknya tak begitu sampai. Jadi siapa saja yang bawah 40 tahun…

Y.B. Dato' Speaker : Boleh pinjam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Layak untuk mendapat pinjaman ini.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, soalan saya adalah berapakah pula yang kena dibayar oleh peminjam dan juga adakah pemantauan bayar balik dilakukan?

Y.B. Dato' Speaker : Dia sama tak dengan Along, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah siap jawapan tadi, setiap caj 4% baki bulanan. Dia bukan ikut jumlah pinjaman tetapi ikut baki bulanan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Soalan saya juga pemantauan dilakukan kalau dia tak bayar balik.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tak boleh *adjust* Yang Berhormat. Ok, Allah Kahang, ok saya kasi *chance* Kahang, dia punya soal dasar.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Seperti yang dijelaskan oleh EXCO tadi bahawa skim ini telah pun diperkenalkan tahun 2007. Hari ini kita sudah pun menghampiri akhir tahun 2008 dan setakat ini hanya 40 orang pemohon, 40 orang telah pun diluluskan. Jadi ini jelas menunjukkan respons secara keseluruhan oleh belia ini amat berkurangan. Jadi boleh tak, EXCO menjelaskan setakat hari ini keseluruhannya, berapa ramai orang telah pun memohon termasuk orang-orang permohonan mereka ditolak dan apakah sebab-sebab mengapa permohonan mereka ditolak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mintak maaf saya tak ada data keseluruhannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Akan dimaklumkan kemudianlah, Yang Berhormat jumpa dia kat pejabatlah tanya. Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Bidang pendidikan agama merupakan satu perkara penting dalam proses pendidikan, begitu juga tenaga pengajar. Mengapa guru-guru KAFA tidak menerima keistimewaan seperti kakitangan Kerajaan yang lain contoh tidak mendapat gaji penuh sepanjang cuti bersalin. Tidak ada gaji pada bulan Disember. Mohon perkara ini diberi perhatian terus.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, pelantikan Guru-guru KAFA adalah berbeza dengan pelantikan Guru-guru Agama Kerajaan Johor. Pihak Berkuasa yang menawarkan jawatan Guru KAFA adalah Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau ringkasnya JAKIM. Guru-guru KAFA ini tidak dilantik mengikut Skim Perkhidmatan Awam biasa dan mereka hanya dibayar elaun sebanyak RM500.00 sebulan untuk mengajar 3 hari dalam seminggu. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan telah menyerapkan Guru-guru KAFA ini untuk mengajar kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Johor selama 5 hari seminggu dengan tambahan elaun antara RM112.00 dan RM312.00 sebulan diberikan kepada mereka bergantung kepada jam perkhidmatannya di sekolah. Bagi Guru-guru KAFA yang mengajar selama 3 jam sehari akan menerima elaun berjumlah RM612.00 sebulan, sementara Guru-guru KAFA yang mengajar 4½ jam akan menerima elaun sebanyak RM812.00 sebulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan pelantikan Guru-guru KAFA ini tidak ada takluk dalam mana-mana Skim Perkhidmatan Kerajaan, maka segala kemudahan yang dinikmati oleh kakitangan awam yang lain, tidak diberikan kepada mereka. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak pernah menafikan hak

mereka untuk mendapat elaun penuh pada bulan Disember, meskipun pembelajaran tidak dilaksanakan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Hem…semua tak nak tanya. Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsudin, jemput.

Y.B. Datuk Hari Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 7.

Program Nelayan. Kerajaan telah melancarkan dana bantuan saraan bulanan kepada nelayan sebanyak RM200.00 sebulan. Selain daripada itu, bantuan subsidi diesel juga diberikan.

a) Sehingga ini, berapa ramaikah nelayan dalam Negeri Johor ini yang telah mendapat imbuhan tersebut daripada Kerajaan?
b) Apakah kaedah dan saluran ini dibuat?
c) Berapa banyak pula Kerajaan Negeri diberi peruntukan oleh Kerajaan Pusat dalam pemberian subsidi diesel kepada para nelayan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang sahabat saya Y.B. ADUN Semerah, sehingga kini bilangan nelayan di Negeri Johor yang telah mendapat elaun sara hidup bulanan adalah seramai 3,333 orang. Seterusnya, kaedah ialah nelayan-nelayan yang boleh dipertimbangkan untuk menerima skim ini mesti memiliki Lesen Diesel dan perkakas sah dan juga yang penting, Kad Nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan. Seterusnya, mereka-mereka ini yakni nelayan yang ada Kad Nelayan, perlu mendaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui pejabat persatuan nelayan masing-masing.

Kerajaan, melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan mengkreditkan elaun sara hidup nelayan pada setiap bulan ke dalam akaun bank masing-masing. Di Negeri Johor, nelayan dikehendaki membuka akaun di salah satu bank yang ditetapkan iaitu Agro Bank ataupun Malayan Banking Berhad. Nelayan boleh mengeluarkan elaun tersebut menggunakan mesin pengeluaran wang automatik iaitu ATM.

Seterusnya peruntukan subsidi diesel yang diberikan kepada para nelayan adalah berdasarkan muatan bot, jenis perkakas yang digunakan dan zon tangkapan ikan. Ada 3 zon Yang Berhormat, zon A, zon B dan zon C. Sehingga November 2008, peruntukan kuota subsidi diesel yang diberikan kepada nelayan di Negeri Johor adalah sebanyak 78,088,900 liter untuk 1,115 buah bot. Manakala jumlah subsidi diesel yang digunakan adalah sebanyak 42,706,497.14 liter sahaja.

Y.B. Datuk Hari Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada EXCO yang berkenaan. Soalan tambahan, saya ingin bertanya, adakah pemberian subsidi diesel itu kepada nelayan-nelayan, dia bagi sewaktu nelayan itu berada di laut. Saya difahamkan begitu. Jadi kalau ini berlaku, maka akan menimbulkan masalah kepada nelayan kerana dia

memerlukan subsidi itu sebelum dia pergi ke laut. Tapi setelah dia turun ke laut baru dia dapat subsidi. Jadi saya mintak penjelasan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang ianya peruntukan pemberian subsidi diesel ini adalah kepada semua nelayan sekiranya ada Lesen Diesel. Jadi dia kena pergi ke laut dan, tetapi dia juga diberikan kepada yang memiliki sangkar-sangkar. Mereka ini juga layak mendapat subsidi diesel.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau mengail tepi laut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, itu tak dapat.

Y.B. Dato' Speaker : Laut juga, pun tak dapat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, tapi dia janji ada Lesen Diesel dan Kad Nelayan, dia, dia berkelayakan. Yang penting ialah Lesen Diesel dan Kad Nelayan. Kalau dia tak ada Lesen Diesel dan Kad Nelayan, memang tak dapat.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, Lim Kee Moi, anu, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Sepertimana yang disebutkan RM200.00 akan diberi kepada nelayan yang bersara. RM200.00 itu akan di kredit kepada nelayan yang bersara. Adakah pihak Kerajaan buat pemantauan. Andai kata si nelayan yang bersara itu sudah meninggal dunia, bagaimana?

Y.B. Dato' Speaker : Nelayan dah mati, ya tak ya juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia, pemberian diesel ini bukan kepada nelayan yang bersara. Yang tak bersara pun layak dapat, janji dia ada Kad Nelayan dan yang dah meninggal, memang tak dapatlah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, memang betullah, siapa nak beri yang dah meninggal?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi, oleh kerana ianya dibuat melalui Persatuan, Persatuan biasanya akan memberi maklumat yang terkini kepada pihak LKIM.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Pagoh, belakang. Lupa kawasan dia. Maaf api nyalakan Yang Berhormat, tak kuat.

Y.B. Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) : Saya nak tahu tentang tadi disebutkan soal nelayan bersara. Ada istilah 'nelayan bersara'?

Y.B. Dato' Speaker : Nelayan apa?

Y.B. Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) : Nelayan Bersara. Nelayan bersara yang disebutkan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Ada nelayan bersara?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada.

Y.B. Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) : Tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ha' ah. Mana ada nelayan bersara. Puteri Wangsa.

Y.B. Datuk Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tertarik tadi dengan cara subsidi pemberian diesel kepada para nelayan. Saya diberitahu bahawa kadang-kadang nelayan yang mendapat subsidi diesel, hasil tangkapan kurang tetapi mereka ini mendapat keuntungan daripada subsidi diesel yang diberikan oleh pihak kerajaan. Soalan saya, bagaimanakah pemantauan yang dibuat oleh kerajaan bagi memastikan bahawa subsidi diesel yang diberikan kepada nelayan ini digunakan sepenuhnya untuk mendapatkan hasil tangkapan kepada nelayan dan seterusnya dapat menghasilkan hasil kepada masyarakat untuk membeli ikan. Dan tadi ada satu soalan, masalah dengan pembelian diesel. Sahabat saya bertanya tentang diesel diberikan di tengah laut berlaku. Jadi jawapannya, mesti ada Kad Nelayan dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tanya siapa ni, nak tanya dia ke tanya…

Y.B. Datuk Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Sebab dia tak dapat nak jawab.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Datuk Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bahawa jawapan tadi…

Y.B. Dato' Speaker : Dia jawab.

Y.B. Datuk Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Belum dijawab. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam pemberian diesel ini dia ada beberapa kategori untuk mengelakkan penyalahgunaan. Jadi kalau kepada bot yang mempunyai Lesen Laut Dalam, dia dibenarkan sehingga 28,000 liter sehari. Tetapi kalau cuma enjin sangkut, dia di kawasan zon A, dia hanya dibenarkan 500 liter sahaja sehari. Jadi ini adalah satu kaedah untuk mengelakkan daripada penyalahgunaan. Jadi dianya bergantung kepada lesen bot itu. Jadi kalau Lesen Bot Laut Dalam, memang dia dibenarkan sampai 28,000 liter sehari.

Walau bagaimanapun, dalam soal penangkapan ini ianya memang terlalu subjektif. Kalau dah sampai laut dalam, memang dia tak dapat ikan, nak buat macam mana? Tetapi pihak Jabatan Perikanan, dia sentiasa memantau penangkapan ini. Dan, hari ini ada satu insentif yang mana kalau dia dapat banyak, dia akan mendapat insentif tambahan. Jadi, dengan cara begini, ianya menggalakkan kepada nelayan-nelayan untuk menangkap lebih banyak kerana lebih banyak dia dapat lebih banyak insentif dia terima.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan. Mana dia?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 8.

Apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyempurnakan projek pembinaan pra sekolah di Kem Iskandar, Mersing?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, calon Presiden. Ok, ok. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan ADUN daripada kawasan Tenggaroh, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa projek pembinaan bangunan pra sekolah di Kem Iskandar Mersing telah dimulakan pada 8 September 2007 dan dilaksanakan oleh pihak JKR Johor. Projek ini dijangka siap pada asalnya pada 18 September 2008 tetapi telah mendapat lanjutan masa sehingga 27 Januari 2009. Dan antara masalah besar yang dikenal pasti di atas kelewatan ini ialah masalah di antara kontraktor yang terlibat dengan sub kontraktor. Dan, status kemajuan projek sekarang adalah 40% daripada yang sepatutnya 55%. Kerajaan akan terus meminta pihak JKR memantau pelaksanaan projek ini dan mengambil tindakan susulan termasuklah kemungkinan-kemungkinan mengenakan denda di atas kelewatan dan juga kemungkinan menamatkan kontrak tersebut sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja-kerja tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 9.

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum, agama, kebudayaan serta mengamalkan cara hidup yang berbeza. Oleh yang demikian, adakah isu perpaduan kaum diambil kira sebagai matlamat penting dalam setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sama ada dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Dan apakah program-program yang dijalankan untuk mempertingkatkan lagi perpaduan kaum?

Y.B. Dato' Speaker : Ya, op, lagi satu calon.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, isu perpaduan kaum sentiasa diambil kira di dalam setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ini boleh dilihat berdasarkan Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional 5 tahun iaitu 2006 – 2010 yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan Rukun Negara dan Wawasan 2020. Lima objektif Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ialah seperti berikut :

1. Memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotik serta megah sebagai rakyat Malaysia.
2. Mengurangkan segregasi kaum dan kerenggangan di dalam perhubungan inter dan intra kaum dan juga wilayah.
3. Meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum.
4. Meningkatkan integrasi semua negeri di Malaysia.
5. Menghadapi cabaran Wawasan 2020 untuk mewujudkan Bangsa Malaysia.

Selain itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga menggariskan 19 strategi dan 5 matlamat akhir yang mana agensi pelaksana adalah terdiri daripada semua kementerian dan jabatan di negara kita.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, ia tidak dihadkan kepada Kementerian Perpaduan dan Integrasi Nasional semata-mata tetapi semua kementerian dan juga jabatan-jabatan. 19 strategi yang digariskan di antaranya melibatkan semua bidang termasuklah strategi politik sebagai contoh dari segi persefahaman, *consensus building* dan juga perkongsian kuasa. Seterusnya adalah strategi ekonomi di antaranya adalah Dasar Pembangunan Negara (RMK-9), Dasar Ekonomi Baru sebelum baru-baru ini. Seterusnya strategi pendidikan, strategi bahasa, strategi agama, strategi integrasi wilayah, strategi penggunaan tenaga manusia, strategi kesukanan dan rekreasi dan juga strategi pelan tindakan rukun tetangga 5 tahun dan banyak lagi.

19 strategi Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, ia akan akhirnya mencapai matlamat seperti berikut:

1. Semua agensi kerajaan, swasta, NGO dan seluruh rakyat termasuklah Wakil-Wakil Rakyat akan memainkan peranan lebih komited dan tertumpu mengenai soal perpaduan dan integrasi nasional. Ini matlamat akhir yang bakal dicapai Yang Berhormat Dato' Speaker.
2. Batas-batas sosial masyarakat pelbagai kaum dapat diberi tumpuan khusus melalui pelaksanaan berbagai program dalam bidang-bidang ekonomi, sosial, pendidikan, kebudayaan, keagamaan, sukan dan rekreasi, kesihatan dan sebagainya.
3. Identiti kebangsaan dapat dipertingkatkan melalui Sistem Pendidikan Negara yang lebih berkualiti.
4. Integrasi Wilayah dan Pembangunan Sosioekonomi akan menjadi lebih kukuh melalui pembangunan seimbang dan pelaksanaan program-program integrasi yang lebih menyeluruh.

5. Tahap kefahaman dan kesedaran rakyat terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dapat dipertingkatkan. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2008, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah berusaha melaksanakan pelbagai program yang mana boleh membina perpaduan di kalangan rakyat khususnya di Negeri Johor.

Di Negeri Johor, kita telah menjalankan beberapa program yang berkaitan dengan perpaduan. Di antaranya adalah sukaneka, Program Kembar Padu, Program Kem Padu Anak Malaysia, Program Sambutan Perayaan Kaum Peringkat Negeri sebagai contoh Sambutan Tahun Baru Cina diadakan di Dewan Bandar Putera Kulaijaya pada 16 Februari, Sambutan Hari Raya Deepavali diadakan pada 1 November 2008 di daerah Pontian, juga Perhimpunan Integrasi Sempena Sambutan Bulan Perpaduan diadakan pada 31 Julai 2008 di Dewan Haryati Mawar, Johor Bahru. Seterusnya adalah program ke-6, Larian Integrasi Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Johor diadakan pada 16 Ogos di Stadium Batu Pahat, Johor. Kemudian kita adakan pertandingan koir lagu-lagu patriotik pada 11 Oktober 2008 di IOI Mart, Kulaijaya. Dan seterusnya aktiviti-aktiviti kawasan rukun tetangga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita adakan program ini adalah lebih daripada 3,000 program yang berkaitan dengan KRT diadakan di semua daerah sepanjang masa, sepanjang tahun di Negeri Johor. Seterusnya adalah Program Gerak Padu di mana melibatkan agensi-agensi kerajaan dan PBT dan akhirnya adalah Program Menyemarakkan Kelab Rukun Negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Bajet 2009, kalau anggota-anggota Dewan yang mulia ini mengikutinya, kita ada program-program baru. Di antaranya adalah Kuiz Bina Bangsa Pelajar IPTA dan IPTS. Kita juga telah mengaktifkan dan telah menyarankan kepada Jabatan Perpaduan untuk penubuhan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan peringkat negeri dan peringkat daerah, di mana jawatankuasa ini akan melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan-badan politik, badan-badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan belia dan sudah tentu Wakil-Wakil Rakyat daripada daerah-daerah berkenaan akan duduk dalam Jawatankuasa peringkat daerah itu nanti. Kita juga ada pertandingan Kibar Jalur Gemilang di bawah Jabatan Perpaduan. Kemudian kita ada Pidato Merdeka, kita ada Fiesta Tunas Merdeka, dan juga kita ada Lawatan Integrasi ke Sabah dan Sarawak. Ia adalah program-program tambahan yang mana akan dilaksanakan pada tahun 2009. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan dah habis masa. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2) maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini. Perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 dimulakan sekarang.

Jemput Ahli Yang Berhormat, yang hendak berucap. Jemput, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Salam sejahtera dan selamat pagi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan peluang untuk saya berucap bagi sama-sama untuk membahaskan Bajet Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2009 pada pagi yang berbahagia ini. Syukur alhamdulillah, kita dapat bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini, dengan limpah kurnia daripada Allah Subhanahuwa Taala kita sihat walafiat. Mudah-mudahan dalam kita membahaskan Perbahasan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2009 ini yang bertemakan Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat akan kita mendapat satu kesimpulan yang membolehkan kita memacukan ekonomi dan juga kesejahteraan rakyat Negeri Johor khususnya di dalam tahun 2009 ini, ataupun kita sekarang ini menghadapi cabaran yang semakin kuat, cabaran globalisasi dan tekanan liberalisasi di seluruh dunia.

Juga kita dapat melihat penguncupan kegiatan ekonomi dan lambakan guna tenaga pekerja di seluruh dunia khususnya. Apa yang kita lihat, yang telah pun dirumuskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada minggu lepas di dalam Pembentangan Bajet Negeri Johor 2009, ialah satu perbelanjaan yang berhemah. Di mana kita lihat, ataupun Belanjawan yang diutarakan itu satu belanjawan yang defisit tetapi saya rasa ada ciri-ciri berhemah dalam belanjawan yang telah pun dibentangkan itu. Tetapi walau macam mana pun, kita perlu meneliti secara terperinci dan kita perlu mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini, untuk kita melihat satu persatu supaya apa yang kita cadangkan, apa yang kita rancangkan itu bukan sahaja dapat kita gembar-gemburkan contohnya macam tadi, kata 3,000 program tetapi berapa banyak, berapa peratus program yang dapat dilaksanakan. Ini realisasi yang perlu kita penuhi, kerana ini wang rakyat, kalau setakat kita hanya memberikan satu gambaran yang cantik tetapi *result*nya atau keputusannya tidak ada, saya rasa itu bukan matlamat dan kehendak rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita amat bertuah dapat tinggal di sebuah negara seperti Malaysia yang kita cintai ini dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera, kita sudah mencapai kemerdekaan lebih daripada 51 tahun. Ataupun negara kita ini dianggap sebuah negara yang masih muda dengan umur 51 tahun. Kalau dibandingkan dengan umur saya lebih tua daripada kemerdekaan yang kita capai. Tetapi kita dapat merasakan satu kemakmuran

dan kebahagiaan di dalam Negara Malaysia ini. Kita dapat melihat bagaimanakah pembangunan infrastruktur yang boleh dikatakan kelas pertama. Kita dapat membangunkan dalam soal pembangunan ekonomi kita. Di mana hari ini kita lihat bukan sahaja banyak pelabur-pelabur asing datang untuk melabur dan rasa yakin terhadap negara kita, bahkan juga rakyat tempatan yang bukan sahaja berjaya melabur dan juga menjalankan perniagaan dalam negara kita bahkan di luar negara.

Kita dapat membangunkan dalam soal infrastruktur kesihatan. Kalau dahulu kita sebelum merdeka, kita tidak ada nampak pusat-pusat kesihatan kecil, hospital, di pelosok daerah dan sebagainya. Tetapi hari ini bukan sahaja kita dapat melihat perkara-perkara yang saya sebutkan tadi bahkan hospital yang bertaraf dunia sekalipun untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang *first class* di dalam negara kita ini kepada semua bangsa, semua masyarakat berbilang kaum, tidak memilih kira sama ada orang kaya atau miskin.

Kita dapat membangunkan dalam soal pendidikan, kalau dahulu di dalam negara kita sebelum kita merdeka, kita tidak nampak Institusi Pengajian Tinggi. Kita hanya nampak sekolah-sekolah rakyat di kampung-kampung. Kita tidak nampak sesuatu tempat untuk anak bangsa kita menimba ilmu pada ketika itu. Tetapi hari ini bukan sahaja kita dapat membangunkan universiti-universiti kita juga dapat membangunkan begitu banyak kolej-kolej, sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah rendah bukan sahaja kita dapat membangunkan tetapi kita dapat menaikkan taraf mutu pembelajaran kita dengan begitu baik. Kita terletak di tangga yang ketiga di Asia Tenggara ini dari segi mutu pembelajaran di negara kita. Ini semua adalah kerana kerja kuat orang-orang yang terdahulu daripada kita.

Pemimpin-pemimpin kita, rakyat jelata yang satu ketika dahulu jumlahnya tidak lebih daripada hanya 5 juta selepas kita mencapai kemerdekaan. Ataupun mereka ini dalam keadaan daif, dalam keadaan miskin bukan sahaja miskin dalam soal ekonomi tetapi juga miskin ilmu tetapi kerana ketahanan diri, mempunyai perasaan dan juga tanggungjawab serta kuat kerja akhirnya apa yang saya katakan tadi yang telah pun kita nikmati dapat kita nikmati.

Kalau kita mengimbas kembali tentang bagaimanakah perjuangan orang-orang yang terdahulu daripada kita. Untuk kita melepaskan daripada belenggu penjajah yang menjajah negara kita lebih daripada 400 tahun. Mereka memperjuangkan nyawa mereka, wang ringgit, mereka duduk di dalam keadaan yang daif. Mereka tidak mempunyai keistimewaan-keistimewaan tertentu pada ketika itu. Hasil mahsul Negara kita ini dirampas, di bawa pulang oleh penjajah ratusan tahun untuk di bawa ke negara asal mereka hanya yang ditinggalkan di negara kita ini ialah hampas semata-mata. Tetapi pada ketika itu pengorbanan orang-orang yang terdahulu daripada kita dengan kecekalan yang ada pada diri mereka ini, mereka sanggup berhadapan dengan apa sekalipun. Mereka memikirkan sesuatu masa depan untuk anak bangsa mereka. Mereka memikirkan tentang apakah hala tuju Negara Malaya pada ketika itu, hari ini Malaysia, di masa-masa yang akan datang. Banyak cabaran-cabaran, rintangan-rintangan kalau kita lihat yang dihadapi oleh mereka-mereka yang terdahulu daripada kita ini. Tetapi segala kemakmuran, segala

kemudahan, segala apa yang baik pada hari ini tidak dapat dinikmati oleh mereka itu. Kita amat berterima kasih, kita sentiasa mendoakan supaya mereka berada di dalam keadaan yang aman damai di dunia yang lain itu, kerana kita menghayati akan perjuangan mereka itu. Ini perjuangan dan juga kejayaan mereka-mereka yang terdahulu daripada kita, yang hari ini kita kecapi bersama.

Di samping juga pada ketika itu, ataupun rakyat yang hanya tidak lebih daripada 5 juta itu daripada berbagai-bagai bangsa, keturunan dan juga fahaman agama masing-masing. Tetapi oleh kerana mereka bersatu padu, berganding bahu akhirnya mereka dapat menjayakan apakah wawasan dan juga apakah cita-cita mereka. Dan akhirnya mereka ini sudah tidak ada lagi yang ditinggalkan segala-gala yang baik kepada kita. Itu perjuangan mereka, itu hasil usaha mereka, mari kita tanya kepada diri kita. Yang kita mengecapi, yang kita menikmati segala hasil usaha mereka itu, apakah sumbangan diri kita terhadap Negara Malaysia kita ini.

Pada ketika ini, juga di masa-masa akan datang supaya bukan sahaja kita dapat merealisasikan segala kemahuan rakyat pada ketika akan datang bahkan dapat kita menghidangkan satu yang lebih baik kepada anak cucu-cicit dan juga generasi-generasi yang akan datang, ini perlu kita renungkan. Jangan hanya pada ketika ini kita beradu domba di dalam soal untuk mencari kuasa semata-mata. Kita mempertikaikan dalam soal perkauman semata-mata, kita mengambil kesempatan untuk mengeruhkan suasana, untuk mengkocar-kacir segala apa keamanan, kemampuan ekonomi kita, pembangunan yang sudah di buat bertahun-tahun. Ini terjadi, itu sebab kerajaan yang memerintah Negara Malaysia yang kita cintai ini, iaitu Kerajaan Barisan Nasional, dengan pemimpin-pemimpin yang berdedikasi dan mempunyai satu wawasan yang begitu jauh, bukan sahaja dapat membentuk Negara Malaysia yang kita cintai ini, ke arah satu kemajuan yang baik tetapi juga akan membentuk ke satu arah pembangunan yang lebih daripada apa yang kita rasai pada hari ini. Itu sebab kita tidak mahu melihat negara yang kita bangunkan ini, yang sudah pun kita rasai kenikmatannya, dihancurkan, dipunahkan oleh segelintir kecil mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab bahkan juga kadang-kadang boleh juga diibaratkan sebagai anasir-anasir anti subversif, Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang berkemungkinan dipergunakan oleh negara-negara yang cemburu, negara-negara yang tidak mahu melihat rakyat Malaysia yang hidup aman damai ataupun berbagai-bagai bangsa ini terus dapat berganding bahu dan membangunkan Negara Malaysia yang kita cintai ini. Mereka cemburu, itu sebab baru-baru ini kerajaan mengambil tindakan bukan sahaja mengharamkan satu kumpulan yang dinamakan Hindraf tetapi lebih awal juga kita mengharamkan seperti kumpulan Al-Maunnah. Lagi satu Al-Arqam umpamanya. Kita tidak bertindak atas lunas-lunas sesuka hati.

Kita selaku Kerajaan sentiasa memikirkan kepentingan lebih kita letakkan yang tertinggi sekali untuk rakyat. Jadi, saya rasa, kita sebagai rakyat perlulah patuh, perlulah menghormati undang-undang, bukanlah semata-mata kita menggunakan pendekatan seperti itu kerana kita hendak mencari populariti. Ataupun pihak Kerajaan yang diberikan amanah dan tanggungjawab iaitu Kerajaan Barisan Nasional untuk bertahan sehingga bila-bila. Tetapi kalau boleh

kita hendak bertahan. Tetapi kita lebihkan soal keselamatan, pembangunan dan juga nasib masa depan generasi-generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini, dalam keadaan kegawatan ekonomi, ataupun kita sebuah negara yang masih dianggap muda tetapi kita sudah menghadapi daripada cabaran-cabaran seperti ini beracap kali. Kita sudah menghadapi tahun 70-an, 73, 74, satu kegawatan ekonomi pada ketika itu yang dipanggil inflasi, timbulnya buku hijau dan bermacam-macam, kita galakan orang-orang kampung menanam sayur-sayuran, tanaman dan sebagainya untuk menambah makanan-makanan mereka. Kita menghadapi kegawatan ekonomi lagi, sepuluh tahun selepas itu 1983 sehingga 1986. Banyak kilang-kilang di Johor Bahru ini, umpamanya saya mengambil contoh yang ditutup kerana pembuangan kerja. Di Negeri Johor pada ketika itu kita nampak kilang, pemasangan kereta FIAT umpamanya, Opel umpamanya, Alfa Romeo umpamanya. Negeri Johorlah negeri dan juga bandar yang pertama kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain yang mempunyai kilang pemasangan kereta, tahun 83, 86 tutup kerana permintaan daripada pembeli tidak ada. Kegawatan ekonomi pada ketika itu, kita sudah merasai ini semua, bagi pihak kerajaan kita tubuhkan Restoran Rakyat umpamanya, Johor Corporation menjual makanan. Kerajaan menubuhkan Restoran Rakyat ada di bawah ini, sekarang ini dah jadi Restoran Bangla saya rasa. Kita jual RM3.00 supaya kita dapat memberi bantuan kepada kakitangan kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada makan di restoran tu?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dulu saya selalu makan sebab murah.

Y.B. Dato' Speaker : Habis sekarang ini mana tahu Restoran Bangla, saya pun ada makan nampak bukan Bangla.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sebab penjualnya orang Indonesia, pembelinya orang Bangla. Jadi saya namakan Restoran Bangla. Tanah Kerajaan tidak ada pemantauan, malam tempat dangdut saya rasalah, karaoke. Itu dulu restoran rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat mana tahu, ada round check, ada dangdut ke?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dalam kawasan parlimen saya, saya juga pantau.

Y.B. Dato' Speaker : Yang dekat sini ada eh... saya tak perasan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya rasa, nanti kalau kita ada masa *free,* kita pergi sama.

Y.B. Dato' Speaker : Yang berhormat, cadangan yang baiklah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dulu kerajaan untuk membendung supaya tidak berlakunya inflasi dan kesan ekonomi yang begitu membawa kesan buruk kepada kakitangan kerajaan, kita tubuhkan Restoran Rakyat. RM3.00 makanan dengan air sekali. Kemudian, bagi pihak Johor Corporation, kita tubuhkan Sergam untuk menjual barang-barang runcit dengan harga yang terkawal umpamanya. Akhirnya Sergam pun tak tau Sergam ke, roboh ke mana, hilang setiap daerah pada ketika itu. Itu kegawatan ekonomi tahun 80-an. Begitu pendekatan yang kita buat bagi pihak kerajaan. Menjual simen dan sebagainya dengan harga siling yang dikontrol oleh kerajaan. Dan bagi pihak koperasi-koperasi kakitangan kerajaan kita menubuhkan pasar-pasar raya dan kita memberikan harga yang kita dapat kontrol pada ketika itu. Ini caranya.

Kemudian terjadi lagi kegawatan ekonomi sepuluh tahun lagi, tahun 97, 98, di mana krisis mata wang berlaku. Di mana dalam tempoh kita mencapai kemerdekaan 51 tahun ini, kita sudah menghadapi beberapa kali kegawatan ekonomi. Itu sebab kita berpengalaman dalam soal untuk kita membendung dan juga kita mengatasi dalam soal-soal ini. Saya rasa kalau orang-orang baru dia tak merasailah. Saya terlibat dalam bidang perniagaan, saya sudah merasai dan juga saya melihat tentang perkembangan dari masa ke semasa bagaimanakah pihak kerajaan menangani. Itu sebab sekarang ini kita agak berjaya, sebab kita melalui pengalaman. Ataupun, kita kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lebih lama merdeka tetapi mereka tidak peka dalam soal menangani perkara yang berlaku ini, mereka tidak berjaya seperti negara kita Malaysia ini, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang berhormat ahli perniagaan ya dulu?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sikit, sikitlah. Tak adalah macam kawan-kawan saya yang lain ni. Apa kata orang tu, berniaga runcitlah, tak adalah sampai kategori korporat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, oklah, sederhana saja.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : *Low profile* sikit la, Yang Berhormat Dato' Speaker. Nanti kalau kita ni jadi Wakil Rakyat, kita buat besar berniaga nanti orang kata kita ni macam-macam pulakkan?

Y.B. Dato' Speaker : Itulah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kena buat juga berniaga sebab nak jaga rakyat kadang-kadang kan. Macam minggu ni, dua minggu banyak jemputan, satu minggu sampai lima, enam jemputan kalau RM50.00 pun mana nak korek. Gaji satu hari, elaun satu ratus, tapi tak taulah kalau Dato' Speaker nanti bawa ke dalam mesyuarat untuk naikkan elaun Wakil Rakyat saya amat setujulah. (Dewan Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Saya pun berniat begitulah. Kesian. Kita akan bawa.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita berbalik semula dalam soal bagaimana kita menangani soal kegawatan ekonomi yang saya yakin kerajaan kita mampu dengan pengalaman-pengalaman yang sudah pun kita lalui pada tempoh berpuluh tahun yang lepas. Dan insya-Allah, ataupun ekonomi dunia sekarang mengecut kerana kesan daripada itu juga, kita dapat lihat penguncupan dalam soal ekonomi negara kita yang kita rancangkan dalam tempoh 2009 ini sebanyak 5.4% tetapi berkemungkinan tidak akan berlaku hanya berlaku setakat 3.5% sahaja. Tetapi saya rasa kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain yang mempunyai hasil mahsul yang besar, yang telah pun merdeka begitu lama, ini sebagai satu benda yang agak relevan juga, boleh diterima.

Hari ini kita lihat bagaimanakah ekonomi di negara Amerika, sebuah empayar yang amat besar di dunia ini menguncup begitu teruk sekali. Pembuangan pekerja dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini sebanyak 240,000 dan jumlah keseluruhan sehingga semalam sebanyak 1.2 juta telah pun dibuang. Ini amat membahayakan. Dan juga kalau kita lihat hari ini bagaimanakah kerajaan Amerika bukan sahaja setakat untuk menyuntik pakej rangsangan sebanyak USD700 bilion tetapi berkemungkinan akan lebih. Ini memandang kalau kita tengok, dari apa yang kita lihat dan juga kita amat-amati banyak lagi bukan sahaja setakat seperti syarikat-syarikat besar *Lehman Brothers, AIG Insurance* dan juga *Morgan Stanley* yang hari ini sudah runtuh tetapi juga kita lihat pada hari ini General Motor dengan Ford Motor yang telah pun meminta dari Dewan Senat di Amerika sebanyak tambahan USD25 bilion lagi hanya setakat untuk membiayai perbelanjaan sehingga akhir tahun ini. Apa akan terjadi sekiranya penguncupan ekonomi di Amerika akan berlarutan pada tahun hadapan? Maka sudah tentulah bagi pihak peniaga-peniaga di sana akan memohon kepada kerajaan, tambahan bukan hanya setakat USD700 bilion tetapi bahkan bertambah berlipat kali ganda lagi.

Bermakna kalau ini terjadi, impak ataupun kesan juga akan kita rasai bersama sebab kita negara Malaysia juga mengeksport komponen-komponen cip komputer dan sebagainya dan juga barangan lain tidak kurang daripada USD1 bilion setiap tahun. Oleh kerana berkemungkinan permintaan daripada rakyat Amerika di sana berkurangan, kita juga akan menghadapi penguncupan dalam soal ekonomi. Itu sebab dalam soal ini kita perlulah berhati-hati. Bukan sahaja kita akan menghadapi KDNK kita secara penguncupan tetapi juga kita akan menghadapi berbagai-bagai permasalahan lain. Permasalahan seperti pengangguran, kalau terjadinya masalah pengangguran yang begitu banyak, maka sudah tentulah masalah gejala-gejala sosial, masalah sosial masyarakat juga akan bertambah-tambah.

Jadi oleh itu, kita rasa dengan pengalaman yang cukup luas dalam kita menghadapi fenomena seperti ini kita perlulah berhati-hati dan juga kita perlulah mengubahsuai dengan izin, kita perlulah *modified* perkara-perkara yang telah pun kita gunakan beberapa dekad yang lepas supaya kita dapat memikirkan satu pelan perancangan mengikut peredaran dan juga cara semasa pada ketika ini kerana keadaan sekarang ini apa yang kita panggil ialah dunia globalisasi. Tanpa sempadan dan juga kalau dulu kita gunakan manual tetapi hari ini semuanya adalah dengan pendekatan yang canggih.

Jadi, kalau idea kita juga tidak canggih dan juga pendekatan kita tidak secara profesional maka sudah tentulah tidak akan selari dengan segala apa yang berlaku di dunia pada masa kini.

Itu sebab kadang-kadang saya bukanlah menjadi seorang yang suka mengkritik tetapi saya rasa kita perlu melimpahkan sesuatu untuk kita merumus segala idea dan perancangan serta perkara-perkara yang baik untuk kita ambil bersama, untuk mempertingkatkan lagi supaya apa yang kita rancangkan itu akan lebih berjaya dengan mengikut peredaran semasa. Itu sebab dalam keadaan-keadaan tertentu saya menegur juga rakan-rakan kita, Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa kadang-kadang mereka hanya bercakap dan juga menjawab soalan dengan hanya membaca. Adakah mereka ini menghayati betul-betul perkara yang dibaca itu? Soalan, kalau umpamanya daripada Wakil-Wakil Rakyat ada diajukan untuk sesuatu jabatan umpamanya akan dilepaskan kepada Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Jabatan akan menjawab, membahagi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat EXCO. Dan, maka mereka akan membaca. Itu sebab kalau ada soalan-soalan tambahan, mereka terperangkap, tidak menjawab mengikut lunas apa yang kita kehendaki. Kalau inilah pendekatan yang tidak mengikuti peredaran semasa, saya rasa taruk *double* lagilah pun tidak akan berjaya segala apa…

Y.B. Dato' Speaker : *Double* apa Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : *Double* kakitangan EXCO. Tidak akan berjaya. Itu sebab saya katakan tadi, kita mesti profesional dalam soal ini. Kalau nak menjawab sesuatu biarlah fokus kepada apa yang kita soalkan. Janganlah berlegar-legar mengambil masa, saya tengok jam sampai pukul sepuluh lebih melepasi pada had sepuluh setengah yang sepatutnya kita berhenti kerana banyak perkara-perkara yang perlu kita bincangkan secara profesional untuk kita mendapatkan input-input yang baik tidak dibincangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini Yang Berhormat tegur depanlah ya?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kita kalau sayang, kita kena tegur depan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kalau kita cerita belakang, tak guna.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah. Ada baca, ada tengok, untuk jelas lagi.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tapi saya tengok rata-rata semua meleset.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, dia jeling sikit, lepas tu, *point* dia, dia dongaklah balik.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : *At least something* lah.

Y.B. Dato' Speaker : Kat Parlimen pun gitu, Menteri pun baca.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tapi tak adalah baca terus gitu macam baca surat khabar.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, tak, dia baca bagus, dia bukan macam baca surat khabar.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Itu sebab kadang-kadang kalau saya tengok Yang Berhormat Dato' Speaker menegur dia dah hilang *track* dah. Dah merapu dah.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan merapu. Dia takut salah balik dia cakap, dia tengok balik. Biasalah tu. Oklah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya berkata seperti ini bukanlah semata-mata datang daripada diri saya, sebab saya ini minta maaf, saya ini Setiausaha daripada Wakil-Wakil Rakyat. Jadi banyak di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat lain menceritakan perkara yang sebegini rupa kepada saya. Jadi kalau saya tidak membawa perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini …

Y.B. Dato' Speaker : Ini termasuk dalam bajet ke? Perbahasan bajet ni? Macam lunas-lunas…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Masuk, sebab kita nak memperkukuhkan lagi, memperkasakan bajet kita ini. Jadi benda-benda yang remeh ini, yang tak mendatangkan hasil ini perlu kita perbaiki. Barulah kita dapat perkukuhkan bajet kita 2009 nanti Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan seperti ini juga saya rasa peranan-peranan perlu juga diambil oleh GLC ataupun syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan umpamanya. Saya mengambil contoh di negeri kita ini, di Negeri Johor, kita mempunyai banyak syarikat-syarikat yang tujuan matlamat syarikat-syarikat ini ditubuhkan adalah untuk membantu balik kerajaan. Contohnya seperti Johor Corporation, kita memberikan tanah, kita memberikan bermacam-macam bentuk bantuan. Tetapi, apakah kalau kita tanya balik dalam keadaan yang sebegini kita menghadapi pulangan ataupun bantuan secara *direct* yang diberikan kepada kerajaan? Apa dia? Bahkan pada ketika ini setelah saya semak dalam soal akaun awam Negeri Johor, Johor Corporation masih lagi terhutang dengan kerajaan RM66 juta. Belum bayar lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Hutang dengan siapa?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dengan Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Kerajaan Negeri dia hutang.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sedangkan kalau kita lihat pada setiap tahun tengok dekat surat khabar untung RM200, RM300 juta. Kita tengok eksekutif-eksekutifnya dalam keadaan yang gawat ini ada pulak yang tukar kereta S350 Mercedes. Yang harganya RM1.2 juta. Betul tak betul? Jadi ini perlu, perlu kita perbaiki, kita tanya dalam kegawatan ekonomi seperti ini sebab kita menubuhkan GLC ini untuk membantu balik kerajaan, kalau umpama sesuatu perkara terjadi terhadap kerajaan. Saya mengambil contoh lagi, kita memberikan tanah beribu ekar kepada PIJ umpamanya, Perbadanan Islam Johor menubuhkan anak syarikat Perisind umpamanya, anak syarikat Perisind yang ditubuhkan oleh PIJ sepatutnya membayar balik pada bapak dia ni duit, sampai bapak dia ni nak bayar gaji untuk staf pun tak ada.
Apakah sumbangan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang ini betul ke Yang Berhormat, yang tak bayar gaji ini?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya sendiri duduk dalam PAC saya tahu. Saya bercakap mempunyai fakta.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat duduk dalam apa? Sebagai apa, duduk dekat mana?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kira-Kira Raya Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini dalam laporan ya?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sungguh, saya melihat perkara ini kalaupun berlaku saya rasa, sebenarnya perlu membantu balik kepada kerajaan dalam soal ini. Kalau kita mengeluarkan RM35 juta untuk membangunkan masjid dan surau setiap tahun, kalau umpama Perbadanan Islam Johor, PIJ dapat membangunkan surau dan masjid, jadi wang daripada peruntukan rakyat, kutipan cukai ini tak payah dibuat kita boleh buat lain. Tetapi sumbangan, kita mulakan dulu dengan RM70 juta pada PIJ, kita bagi tanah, tapi pulangan tak ada. Apa pulangan?

Saya terima kasih jugalah, yang tak baik kita kena tegur dan yang baik kita kena cakap juga, kena puji. YPJ, saya puji YPJ. Setakat hari ini YPJ telah mengeluarkan sebanyak RM159.75 juta kepada 23,540 pelajar antara tahun 1983 hingga 2006.

Y.B. Dato' Speaker : Ehm...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Bukan sahaja sumbangan yang besar tetapi juga dapat memberikan pelajaran dan ilmu YPJ ini kepada anak-anak kita. Memang saya akui YPJ tidak mengkategorikan ataupun memilih sapa bangsa ataupun bangsa Tionghoa ke, India ke, Melayu, mohon kalau mereka berkelayakan kita bagi. YPJ dapat membangunkan kolej-kolej umpama ini ataupun ada separuh yang tak berjaya dan ada sekurang-kurangnya ada sumbangan. Tapi kalau kita lihat balik Johor Corporation jumpa

dia. Harapkan PBT Pasir Gudang, tak taulah itu kalau bagi kepada Majlis Daerah pun boleh juga.

Y.B. Dato' Speaker : Itu wakaf UMNO.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya tak nampak lagi, wakaf apa dia buat tapi yang saya nampak, Kerajaan kena tanggung bon sebanyak RM4 bilion lagi. Yang berkemungkinan akan sampai tempoh matangnya nanti. Kalau Johor Corporation tak dapat membayar, saya rasa Dato' Speaker dan saya juga kena tanggung. Jadi kepala kita ni semua dah kena gadai. Ini sebagai sumbangan dalam kegawatan ekonomi seperti ini mestilah ada. Bayar dulu hutang Kerajaan sebanyak RM66 juta yang sudah pun 8 tahun belum dibayar, kepada Kerajaan Negeri, jadi Kerajaan Negeri kita takdelah bajet defisit iaitu RM22.48 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Betul ke Yang Berhormat banyak hutang eh?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : RM66 juta.

Y.B. Dato' Speaker : oh.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Bukan sahaja itu, tetapi ada lagi, mereka-mereka yang terhutang. PBT-PBT ataupun PBT yang ada duit, yang takde duit, yang ada duit macam Johor Bahru Tengah hutang juga dengan Kerajaan RM400,000.00. Jumlah keseluruhan PBT yang masih berhutang kepada Kerajaan ialah sebanyak RM5.5 juta sejak 8 tahun dahulu. Konon-kononnya kerana masalah apa Y, apa komputer tahun 2000 dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Tahun 2000 berapa..

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Y2K…

Y.B. Dato' Speaker : Ha..tulah kalau ada teks ada ucapan bertulis senang baca ni...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ada tulis ni...

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, silap.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kalau teks ini... itu membaca..

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah ialah taklah. Melainkan kalau catit bertulis…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker suruh saya berucap ke suruh saya membaca? (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Taklah, dua-dua campur. Saya pun suka Yang Berhormat berucap dengan membaca. Sebab kalau membaca Yang Berhormat tahu nak habis. Kalau Y.B. tak membaca... macam tak tau berapa lama nak berucap.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Lain kali kalau Yang Berhormat Dato' Speaker suruh membaca saya siapkan teks. Insya-Allah satu buku pun boleh. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Satu Dewan untuk Yang Berhormat sorang je...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : YPJ ataupun mempunyai hutang, RM3.2 juta pada Kerajaan tetapi ada bayaran yang aktif pada setiap tahun. Yang sangkut betul ni, Johor Corporation dengan PBT-PBT ni sepatut bayarlah. Jadi kita tak dapat, tak payahlah kita punya belanjawan defisit RM2.8 juta tahun ni. Nampak cantiklah akaun kita dan kita boleh menggunakan wang ini untuk projek-projek yang membesar, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi kalau mereka-mereka ini yang ada duit tidak bertanggungjawab, bagaimanakah nak membantu Kerajaan, nak melihat ekonomi kita, nak meringankan beban Kerajaan Negeri yang kita tanggung ini supaya dapat ringan lagi. Jadi ini perlu, bukan hanya kita memikirkan benda yang remeh-temeh saja tetapi perkara-perkara yang fokus, perkara-perkara yang perlu kita rundingkan dan perlu kita bincangkan ini perlulah kita bawa di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya nak ceritakan dalam soal perkara-perkara yang boleh membantu Kerajaan dalam soal seperti ini memanglah banyak. Ini termasuk juga hutang SAJ terhadap Kerajaan Negeri yang jumlah keseluruhan termasuk yang saya sebutkan itu tadi RM672.69 juta setakat tahun 2007. Bermakna kalau kita dapat pungut separuh daripada ini, kita belanja yang bukan disisih kita ada lagi duit yang banyak. Saya rasa Pegawai Kewangan Negeri pun dia senyum, sebab kita ada duit.

Y.B. Dato' Speaker : Sekarang dia masam…? (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ye..ke? Saya tengok dia ada senyum, ada masam, ada senyum, ada masam. Tak taulah dia suka saya cakap macam ini atau tidak. Saya kena tengok, saya analisa balik. Tapi yang saya tengok suka ikut dialah.

Y.B. Dato' Speaker : Orang perempuan memang pandai jaga duit. Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kata.. Yang Berhormat daripada Bukit Serampang, masam-masam manis, tak taulah dia dah rasa kot. (Ketawa).

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat dalam soal peruntukan-peruntukan kerajaan pada setiap jawatankuasa-jawatankuasa perumahan, pertanian dan sebagainya amatlah besar. Ada pulak umpamanya, daripada jawatankuasa-jawatankuasa yang sepatutnya kita memberikan satu peruntukan yang agak berpatutan, rasa kecil pulak kadang-kadang. Yang kita boleh *generate income* daripada aktiviti-aktiviti dan juga perancangan-perancangan yang sepatutnya mereka mesti buat umpamanya, oleh kerana peruntukan yang diberikan itu agak kecil, dan kemungkinan kerana Kerajaan

Negeri sendiri tidak mempunyai tabungan kewangan yang cukup, maka terpaksalah bagi.

Saya mengambil contoh seperti Pelancongan umpamanya, dapat tak sampai RM2 juta, RM1.9 juta sahaja. Sedangkan kalau kita lihat di negara-negara membangun seperti pendapatan yang paling besar di Negeri Thailand 800 bilion setiap tahun adalah pendapatan daripada pelancongan. Itu sebab setiap kali kalau saya bercakap di dalam Dewan ini berkemungkinan tidak ada satu pun kemajuan ataupun *improvement* dalam soal pelancongan dalam Negeri Johor ini bukan sahaja dalam pakej-pakej tertentu yang tidak ada tetapi sebaliknya begitu banyak. Tetapi, *exposure* ataupun pendedahan untuk kita menarik pelancong-pelancong luar yang begitu banyak datang ke negara kita ini tidak ada. Contohnya seperti papan-papan tanda. Kalau kita nak pergi Desaru pun kadang-kadang kita sesat. Sebab papan tanda yang dah ada tu, saya rasa lebih daripada 25 tahun. Saya tanya kepada MTN, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri, berapa? dia kata, takde bajet.

Saya dah cakap tentang Zoo Negeri Johor yang pada hari ini boleh dikatakan kalau setiap hujung minggu bahkan hari biasa pun ramai orang datang. Tapi tidak ada *sign board* pun. Saya tanya kenapa? Sebab takde bajet dia kata? Saya semak-semak betul juga. Setakat beli kacang putih aje lah. Jadi jabatan-jabatan yang kadang-kadang boleh *generate income* kepada Kerajaan Negeri kenapa tidak dibagi peruntukan yang lebih sikit. Kerana ada ke dalam soal-soal ini, dalam soal apa yang dikatakan kroni saya bimbang itu juga. Saya baik dengan awak, saya ini kroni... saya kasi lebih... Adakah gitu? Saya anggap takdelah berlaku.

Saya suruh pada penggal yang lepas, kalau Sarawak boleh menubuhkan satu pusat pelancongan di Kuala Lumpur di tengah-tengah bandar di jalan Bukit Bintang untuk menarik pelancong-pelancong awam, orang-orang putih yang datang ke Kuala Lumpur, datang ke Sarawak diadakan Pusat *Information Centre*, penerangan, dijual macam-macam barang kraf tangan Sarawak. Dalam masa yang sama, mereka juga dapat *income* untuk *cover overhead*. Saya *sure* Negeri Johor kenapa kita tak ambik satu rumah banglo di Kuala Lumpur sana di tengah-tengah, sewalah.. RM5, RM6,000.00 ke? Kita buat Pusat Pelancongan Penerangan cawangan Negeri Johor. Kita boleh tayangkan, kita boleh bagi *pamphlet*, kita jual beriani gam ke, kita jual apa…tembikar Ayer Hitam dan sebagainya untuk mendapatkan pulangan bagi bayar sewa. Cuma kita kena gunakan, dah bertahun-tahun cakap, takde pun dalam *proposal.*

Y.B. Dato' Speaker : Takde duit…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya rasa kalau takde duit.. Kita swastakan. Banyak syarikat-syarikat yang berkeupayaan untuk bekerjasama. Kenapa kita takde inisiatif dalam soal ini? Kenapa? Adakah kita bercakap hanya bercakap, bercakap, takde respons dalam soal ini? Saya rasa saya pun dah letih nak bercakap dalam soal ini.

Y.B. Dato' Speaker : Itu lagi baik... Suruh Yang Berhormat berhenti nampak. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker tak letih dulu..

Y.B. Dato' Speaker : Tidak…saya ingat Yang Berhormat letih macam baiklah… (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tapi demi Bangsa Negara saya tetap akan melupakan keletihan saya. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Ketawa.. ok..hari ini garanglah sikit.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini kita kena pandang seriuslah dalam soal ini. Kita kena pandang serius. Kita tengok, pertanian kita peruntukkan sebanyak RM48 juta. Kenapa? Kita mahu tengok supaya, supaya semua petani-petani dapat menggunakan pendekatan pertanian mereka bukan dengan secara tradisional supaya berteknologi tinggi. Kita adakan pendekatan-pendekatan supaya tanaman-tanaman mereka ini akan mendapatkan hasil yang berlipat kali ganda.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak pergi tu Biotech punya... kat Desaru bagus?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya minta maaf... sebab saya…

Y.B. Dato' Speaker : Ha…tak nampak…?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sebab saya menghantar anak sedara saya menikah satu hari sampai...

Y.B. Dato' Speaker : Anak Yang Berhormat menikah?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Anak sedara saya menikah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…ingat anak Yang Berhormat ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya jemputlah Yang Berhormat Dato' Speaker dan sesiapa yang ada di sini, 30 hari bulan, Ahad datang rumah saya, anak saya pulak nak menikah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh anak Yang Berhormat nak kahwin ek..

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : 30...ya… Anak saya yang tua.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, saya dengar macam Yang Berhormat belum kahwin ek..? (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker tak tanya pun saya. Jemput ye...

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Jadi kita hendak melihat supaya bukan sahaja Jabatan Pertanian ini dapat membantu lebih-lebih lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, supaya pendapatan para petani berlipat kali ganda. Kita melebihkan makanan-makanan yang kita sendiri dapat tanam dan sebagainya. Dan kita mengeluarkan peruntukan-peruntukan yang banyak bukan sahaja setakat semasa kita menghadapi iaitu pada tahun ini untuk kita hadapi pada tahun hadapan tetapi perkara ini juga sudah berlaku. Umpamanya kita membuat suatu pendekatan pengusaha peladang berkelompok umpamanya, dengan peruntukan jutaan ringgit, tetapi gagal, gagal, apakah pemantauan, apakah *follow-up* yang dibuat kepada mereka yang kita amanahkan seperti ini? Yang sepatutnya kalau kita mengikut sasaran, kita mahu lihat petani-petani di kampung ini mendapat pendapatan sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan. Tetapi setelah kita buat bancian ada 8,998 orang yang kita masuk pengusaha perladangan berkelompok ini yang pendapatannya kurang daripada RM1,000. 76.9 peratus ataupun 6,155 ataupun 81.8 peratus yang gagal dalam soal ini. Apa kita buat? Itu sebab saya katakan tadi di awal ucapan saya jangan kita ghairah cakap ada 3,000 orang! kita cakap ada kerja untuk 30,000 kerja kosong menunggu. Ada pulak surat khabar, EXCO pun kata itu hari wah..kita memanggil pekerja-pekerja *Singapore* yang balik ke mari untuk Wilayah Iskandar, *come on man,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : *Who said that one?* (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : *The..the..President candidate associate MIC President.*

Y.B. Dato' Speaker : *I see...*

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yes, kita tengok dulu, saya nak cakap sikit. Awak lihat tak? Awak kaji tak? Mereka-mereka yang bekerja sebanyak 33,000 orang di Singapura ini, dia bukan bekerja menyabit rumput sahaja, dia bukan bekerja sebagai *driver* teksi sahaja, dia bekerja di Sembawang Shipyard, Cappel Harbour dan sebagainya, *skill worker, hitech*. Awak nak suruh dia kerja simen longkang bukan dia nak.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa).

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Jadi kita bercakap mesti relevan dengan apa yang kita mahukan. Jangan hanya publisiti akhirnya tidak berjaya orang mencemik kita, kita marah pula. Kita nak panggil dia, kita sediakan ke tidak. Saya nak tanya ada berapa, saya tengok ada 1000 ke 100 program-program untuk memberikan penerangan pekerjaan. Sehingga hari ini berapa peratus dari program-program ini yang kita boleh dapat bagi kerja pada orang yang datang berdaftar itu. Saya nak tanya, kalau *zero* jawapannya, bermakna tidak berjaya, kalau tidak berjaya apakah perlu kita *modified* perkara-perkara seperti ini. Jangan hanya satu *track* sahaja. Dalam soal ini kita mesti mengubah perkara ini supaya lebih relevan dalam keadaan

semasa yang perlu kita buat, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya rasa, itu sebab perkara-perkara seperti ini perlu kita renung, bukan hanya, bukan setakat 33,000 pekerja Malaysia yang bukan orang, semata-mata orang Johor. Yang bekerja di Singapura, orang datang daripada Terengganu, daripada Kelantan, daripada Kedah, daripada Ipoh daripada Penang, mereka bekerja di *Singapore* dan mereka tinggal di Johor. Saya di kawasan saya, di Kempas itu banyak dengan adanya pekerja yang bekerja di Singapura ini. Kalau kita tengok antara pukul 12:00 sampai pukul 4:00 pagi, kedai motor Jalan Trus, Jalan Tun Abdul Razak mana ada dalam dunia kedai motor buka sampai pukul 12.00 sampai pukul 5:00 pagi. Johor Bahru sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Kedai apa Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kedai *repair* motor. Sebab pekerja-pekerja Singapura ini balik malam dia kena *repair*. Jadi kita punya *motorcycle dealer,* peniaga motosikal ini dapat i*ncome*. Mana ada kedai pengurup wang, *money changer* yang buka 24 jam. Bandar Johor Bahru sahaja pasal *customer* ramai. Johor Bahru. Jadi ada juga impak yang baik terhadap pekerja-pekerja kita yang bekerja di Singapura. Dia bawa duit ke mari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa tiap-tiap malam kalau Yang Berhormat Dato' Speaker pergi *round* dekat mana-mana gerai-gerai banyak.

Y.B. Dato' Speaker : Saya *round* nampak, tapi yang banyak nampak mak nyah yang banyak. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ini susah sedikit. Saya pula tak nampak. Saya rasa Dato' Speaker fokus tempat tu sahaja. Lain kali kena ikut sayalah. Jadi ini ada impak dia. Melainkan kalau kita dapat mensajikan sesuatu yang lebih relevan yang boleh mendatangkan *both* parti punya *interest*, ataupun kebaikan oklah. Kalau kita gembur-gemburkan cakap itu, ini kan. Saya rasa apa yang perlu kita tangani ialah tentang kemasukan pelajar-pelajar kita ke negara jiran. Sebanyak satu hari 15,000. Hari itu saya dah bercakap dalam Dewan ini, perlu kita bendung, bukan pelajar peringkat universiti ataupun diploma, pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah. Hari-hari start pukul 5:30 pagi berderet bas ini tidak termasuk kereta *personal, private*. 15,000 pekerja, kalau kita, kalau kita cakap satu hari dia orang berbelanja termasuk yuran dan sebagainya supaya kita bawa duit ke negara jiran kita sebanyak RM250 juta. Ini perlu kita cari bagaimanakah pendekatan untuk menangani supaya perkara ini tidak berlaku. Bukan sahaja dalam soal pengeluaran wang kita, kita sudah menyediakan segala prasarana pendidikan yang cukup.

Saya pernah didatangi oleh orang Singapura sendiri yang anak mereka ingin untuk masuk di sekolah rendah di Johor Bahru ini. Saya kata *no,* kita bagi prioriti kepada anak kita di Johor Bahru ini dulu. Sebab kalau dia orang nak masuk, biasanya Pengetua atau Guru Besar kena suruh cari Wakil Rakyat. Ini bermakna orang Singapura sendiri sudah mengakui *standard,* mutu pembelajaran kita sudah tinggi. Kenapa orang-orang kita sendiri menghantar anak kita belajar di Seberang Tambak sana. Bukan sahaja saya katakan tadi dengan pengeluaran wang kita ke negara jiran sebanyak RM250 juta pada setiap tahun, tetapi juga

di masa depan, dengan didikan asas mereka ini berkemungkinan akan berlaku ketidaksetiaan mereka terhadap negara tempat tumpah darah mereka. Kerana didikan awal, kalau mereka diajar nyanyi, mereka nyanyi lagu Majulah Singapura. Bukan lagu Negaraku. Kalau mereka berpendidikan, mereka masuk dalam politik, mereka akan menjadi pemimpin, di manakah kiblat mereka akan melihat?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada lagi. Ini dah 50 minit.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ini baru mukadimah sebenarnya.

Y.B. Dato' Speaker : Tak bolehlah, ni karang, banyak lagi ada lagi 50 tak berucap. Tak habis saya tengok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya sayang Yang Berhormat Dato' Speaker ini. Tadi dia pagi-pagi dah dekat duduk minum dengan saya dia kata, Yang Berhormat kalau nak berucap dua jam pun tak apa. Dekat sini sebenarnya dia acah sahaja. (Ketawa). Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih setakat ini di atas budi baik. Jadi inilah pendekatan yang perlu kita buat, soal kesan mereka terhadap negara mereka ini yang akan datang. Kalau mereka menjadi pemimpin di manakah kiblat mereka akan berada. Itu yang ada kadang-kadang pemimpin yang begitu banyak belajar di luar negeri daripada kecil sehingga besar, mereka menjadi jagoan, menjadi jagoan yang tidak tentu arah umpamanya. Kita lihatlah di Kuala Lumpur umpamanya, tah apa-apa yang dia buat. Kita, kerajaan memberikan pendidikan yang baik, kita memberikan biasiswa, pinjaman, kita menyediakan segala prasarana pendidikan yang cukup untuk mereka menjadi doktor, menjadi lawyer, menjadi arkitek dan sebagainya. Akhirnya mereka menderhaka balik kepada kita. Asasnya inilah dia, kita perlu tangani walau sekecil mana sekali pun. Kalau kita lihat perkara itu boleh merosakkan masa depan negara, bangsa dan agama kita perlu kita tangani. Jangan ambil sebagai satu perkara yang remeh dan juga ringan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, ini soal nasional, itu sebab saya kata tadi mukadimah, saya nak menyentuh....

Y.B. Dato' Speaker : Enam minit lagi Yang Berhormat saya benarkan. Dekat satu jam dah ni.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Insya-Allah, saya akan habis, saya juga nak menyentuh dan di kawasan sayalah. Kalau saya selaku Wakil Rakyat, tak menyentuh kawasan saya nanti orang kata saya tidak buat kerja pula. Jadi saya nak sentuh sikit tentang perkara-perkara yang menyentuh kawasan sayalah. Umpamanya banyak permohonan-permohonan tanah, umpamanya, daripada mereka-mereka yang menduduki tanah-tanah yang tidak betul, setinggan dan sebagainya. Saya rasa kalau kita rasa perlu kita bagi, kita bagilah. Kalau ada pihak kerajaan, dia boleh bagi kampung baru, tol, geran, itu, ini, kita ni dah lama di Johor Bahru ini tak pernah ada pembangkang

dapat tempat menguasai Negeri Johor ini. Jadi bermakna orang ini semua dah banyak berjasa kepada kita, jadi kita kena *appreciate* lah jasa-jasa mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Tempatnya kat mana? Kawasan, senang ditengok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya mengambil contoh, 240 ekar tanah yang kita rizabkan kepada KPTG untuk Hospital Permai, Hospital Permai pakai tak sampai 100 ekar yang lain tu didiami oleh penyokong-penyokong kerajaan, mereka tinggal bukan setakat satu dua tahun mereka dah tinggal sampai 30, 40 tahun. Sampai masa kita nak halau dia, kita pula kasi dia, kalau kita buatkan rumah yang 17 tingkat, kesian dia ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tanah tu takut dah rizab PTG Malaysia tak atau Johor lagi?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya rasa Yang berhormat Dato' Speaker, undang-undang, polisi, dasar boleh diubah, yang tak boleh diubah al-Quran sahaja.

Y.B. Dato' Speaker: Maksud saya…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kalau dirizabkan macam mana pun. Saya pernah mintak 30 ekar melalui SUKJ Perumahan, ataupun itu sudah rizab KPTG kepada Kesihatan, kita buat PPR dan saya *check* Kerajaan Persekutuan belum bayar premium kepada Kerajaan Negeri. Masih hutang lagi, bermakna hak Kerajaan Negeri lagi, *we got the right to take back the land* dengan izin. Mereka tidak memantau tanah itu. Akhirnya kalau ada masalah kita juga yang teruk. Saya dah cakap dengan Yang Amat Berhormat, kita bagi dia setakat apa yang dia hendak dan sepatutnya Hospital Permai, Pusat Serenti itu dah dipindahkan jauh-jauh, sudah tak sesuai lagi di dalam kawasan bandar raya. Saya rasa Yang Berhormat Dato' Speaker dulu duduk sana, tengok sana ada orang gila lepas yang mengancam keselamatan orang sana. Tetapi akhirnya kerajaan mengeluarkan peruntukan lebih RM500 juta untuk buat Hospital Permai baru. Apa nak buat, terimalah, tapi tanah yang ada tu kita kuncupkanlah. Kita ambil balik, bagi kepada mereka. Kalau tak nak bagi tanah begitu banyak untuk mereka kita naikkan rumah tiga empat tingkat kita jual kepada mereka, jangan kasi percuma. Mereka mampu kalau setakat RM35,000.00, RM50,000.00 satu bulan bayar RM180.00. Mereka berniaga kacang rebus ke, mereka jual karipap mereka mampu. Tapi kalau tidak ada, kalau tidak ada perkara-perkara seperti ini kita buat macam mana mereka ini. Yang keduanya dalam soal pemindahan-pemindahan setinggan ini, ataupun mereka menduduki tanah bukan hak kepunyaan mereka , tapi kita mesti ingat mereka juga adalah warganegara. Bumi negara Malaysia ini adalah hak mereka tetapi tidak bergeranlah tak ber, tak bersurat hak milik. Tetapi bumi Malaysia ini, itu sebab kalau kita cakap awak penduduk haram, duduk tanah kerajaan, tidak itu tanah dia. Bumi seluruh Malaysia ini kalau dia warganegara.

Y.B. Dato' Speaker : Hebatlah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Hebat. Memang sebab kita membayar cukai. Duit kita kalau kita laburkan seringgit kita fikir bermakna? Adakah semata-mata untuk beli satu pensel? Tindakan dia campur gaul untuk belanjakan apa sekalipun, masjid, surau, tokong itu, ini *so we got the right.* Jadi, apatah lagi kepada mereka-mereka yang sudah berbudi kepada mereka kita kena pandang kita kena lihat. Itu sahaja saya minta *in future* Yang Berhormat Dato' Speaker dengan izin, masa akan datang supaya pendekatan-pendekatan, perancangan-perancangan yang nak dibuat kerajaan mestilah mengikut keadaan semasa. Janganlah nak buat rumah pangsa sampai 27 tingkat, nak bagi pula kepada nelayan. Nelayan duduk tepi laut, ataupun rumah mereka buruk mereka bersantai dengan udara yang nyaman dan sebagainya. Alih-alih kita nak pindahkan ke flat 27 tingkat. Saya rasa satu hari banyak pula mereka yang terjun.

Ataupun projek ini saya dengar ura-ura hendak dibatalkan, hendak pula dinaikkan flat ataupun rumah pangsa 10 tingkat, kalau boleh buatlah 4, 5 tingkat ataupun buat macam *town house* cantik, jual kepada mereka, mereka sanggup. Kita memberi mukalah sedikit. Bukan kerana kita nak kuatkan lagi politik kita tetapi *we have to*, kita terpaksa kerana negara kita ini masih luas buminya. Kerana kita masih lagi mahu melihat supaya perkembangan minda, ekonomi, kesihatan dan sebagainya untuk negara kita, untuk rakyat kita ini bertambah, berkembang, bercambah supaya kita dapat merealisasikan segala apa perancangan kita di masa-masa yang akan datang ini. Kalau kita pergi mengubah yang 3 bilik 27 tingkat, minda mereka agak sempit, pemikiran mereka agak sempit dengan kehidupan yang agak begitu terlampau terkongkong sangat. Saya mengambil contoh kerajaan jiran kitalah di Singapura, ataupun mereka yang baik tu sebab kita cakap baik, kita kena contoh ataupun tanah mereka kecil tapi mereka mampu memberikan rumah-rumah pangsa yang sederhana. Hari ini yang 8 tingkat 4 tingkat tu dirobohkan dibuat yang baik. Dibuat macam apartmen pulak lagi. Ataupun tempoh hayat rumah-rumah tu baru 10 ke 20 tahun. Kenapa kita masih lagi nak menghidangkan kepada rakyat kita dengan perkara-perkara yang sudah jauh ke belakang. Ini perlu kita perbaiki dari masa ke semasa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat. Masa.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya nak menyentuh dalam soal bidang sukan misalnya. Saya tengok dalam Bajet 2009 ini merangkumi kita nak buat itu, nak buat ini, nak macam banyak sangat program. Tapi akhirnya tak ada satu yang jadi. Selama dekat 10 tahun ini kita ada tak mengeluarkan atlet-atlet yang boleh kita banggakan di Negeri Johor. Kalau dulu kita nampak perempuannya Sylvia Ong, Sylvia Ng, kita nampak pemain bola Dollah Salleh, Khalid Shahdan, Dollah Doon tahun 50-an, tahun 60-an dulukan. Tapi hari ini kan 10, 15 tahun tak ada. Tapi kalau saya tengok dalam perancangan Bajet 2009 ni macam-macam nak buat. Fokus satu, dua kalau kita boleh buat naik dia orang akan naik. Saya mengambil contoh Persatuan Bola Sepak Negeri Johorlah.

Mana dia sekarang? Kasi pada Tajasukan, anak syarikat Johor Corporation, hancai. Minta maaf cakaplah. Kita pulak Kerajaan Negeri kena bayar RM15 juta. Hutang. Kita dah swastakan. Rujuk dulu masalah. Untung awak telan. Kenapa pulak rugi mintak kita. Saya bercadang dan minta supaya Kerajaan Negeri ambil balik Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini. Pulangkan balik pada Persatuan. Banyak penaja yang boleh menaja. Kita *concentrate* kepada bola sepak. Insya-Allah, dalam masa yang terdekat kalau kita boleh tumpukan kita akan menjadi jagoan bola sepak sebagaimana Negeri Johor pada satu ketika dahulu.

Y.B. Dato' Speaker : Hebatnya.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tapi kalau itu sikit, ini sikit, cuit sana, cuit sini. Akhirnya semua tak jadi. Habis cerita aja. Peruntukan tiap-tiap tahun. Belas-belas juta lagi. Jom *Center*lah, apa *center*lah. Apa benda. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Sukan apa tu?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sukan melawak. Apa benda. Ada Jom *Center*lah, entah apa *center*lah. Lama-lama otak pun tak *center*. (Dewan ketawa). *Concentrate* satu. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan turun ke bawah melihat. Bola sepak turun ke bawah. Basikal. Kalau ada persatuan-persatuan yang lain. Peringkat daerah punya persatuan bola sepak mati semua. *Combine*kan, satukan. Ambil kalau macam dulu, pemain Negeri Johor daripada setiap wakil daerah. Kumpulkan. Kita buat macam *My Team* umpamanyakan. Cantik. Duit ada. Bukan tak ada duit.

Y.B. Dato' Speaker : Satu aja Johor menang itu hari, Piala Agong.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Itu Piala Emas Raja-Raja.

Y.B. Dato' Speaker : Pasal saya tidak minat bola.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kita mahu seluruh. Ini juga boleh mendekatkan dalam soal perpaduan. Dulu kita ada siapa, lihat pemain India tu, Sundram, apa Sujendran, Serbegerth Singh. Dia orang boleh main. Soh Chin Aun.

Y.B. Dato' Speaker : Soh Chin Aun asalnya bukan orang sini. Orang Melaka. (Dewan ketawa) Santokh Singh, Selangor. Tu gol keeper, Ku Semail ada.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ha, Ku Semail. Ini juga boleh menyerang. 3021. Badminton mana ada. Tak ada. Jadi saya mintalah Pengerusi Belia dan Sukan, orangnya pun muda tapi tadi dia jawab panjang lebar meleret-leret. *Concentrate*. Fokus kepada satu ini. Satu, dua sukan. Janganlah buat Jom Centerlah apa centerlah itu ini, lama-lama semua otak tak center. So saya nak tengok dalam masa tahun 2009 akhirnya besok Persatuan Bola Sepak kita berjaya atau tidak. Ambil balik daripada Tajasukan.

Yang lain Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak tengok dalam soal kita ni macam pahat dengan penukul. Kalau tak dipukul, pahat tak jalan. Kempen Kebersihan tandas dan sebagainya, mati gitu aja. Kita tengok tandas-tandas bukan sahaja tandas awam di kompleks-kompleks umpamanya. Hancing. Ataupun dikenakan bayaran RM0.20, RM0.30 tak ada. Ada tandas di Kotaraya di sebelah bawah, tutup pulak. Ataupun dikenakan RM0.40. Itu sebab dulu saya ada cakap Dana Johor punya staf boleh pergi tandas kat Kotaraya aja. Agaknya kali ni dia segan, dia tutup pulak.

Y.B. Dato' Speaker : Kenapa?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Wallahualam bissawab. Orang nak naik pergi tandas pergi tak tahu tingkat berapa. Pada hal bawah tu ada kopitiam, ada macam-macam. Tandas tak ada. Pergi tandas dekat jalan Lido tu tutup. Orang kencing pun tak timbang rasa. Nak buang air besar kena tunggu. Ambil bekas.

Y.B. Dato' Speaker : Dia ada *time* dia.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ada *time* dia. (Dewan ketawa). Bukalah 24 jam. Kalau orang nak menyalahgunakan tandas tu terpulang kepada dialah. Itu antara dia dengan tuhan lah. Ya tak? Bukak. Saya amat puji tandas-tandas di Kuala Lumpur, bandar raya umpamanya. Terjaga. Di Coliseum sebelah tu tandas. Cantik. Siap pokok bunga dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Cantik ya.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Cantik. Jadi kalau kita ni dulu ada kempen kebersihan tandas, Wah, kelam kabut semua. Akhirnya dah habis tiga, empat tahun tandas hancing balik. Itulah saya kata tadi macam pahat dengan pemukul. Jadi kita ni jadi pemukulnya. Kalau orang pukul kita sebab orang benci. Jadi itu tanggungjawab kita untuk kita mengatakan sesuatu yang perlu kita buat. Selagi kita sayangkan bangsa, agama dan tanah air.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Lagi satu Yang Amat Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sikit lagi. Tanah di bandar Tampoi. Di mana Kerajaan Negeri telah bagi Johor Corporation sekarang ni diswastakan kepada satu syarikat. Market, apa market. Pasar ke apa. Baguslah, cantiklah. Dulu saya pernah cakap kalau Afghanistan tu perang selepas kita apa pecahkan rumah-rumah. Hari ini dia dah membangun lebih awal. Bagi bandar Tampoi belum lagi bangunkan. Hari ini bangunkan tak adalah. Ya kan. Begitu, apa kata *slow* begitu. Cuma saya nak mintak Johor Corporation yang dia bagikan tanah tu, cepat-cepatlah buat perancangan.

Kalau kita lihat, macam saya dah cakap saya rasa masuk yang ke-17, kalau saya cakap sampai ke-20 barangkali tak sampailah. Takut pulaklah saya dah tak ada kat sini. Tapi saya dah mintak supaya dipercepatkan bukan kerana saya masih lagi jadi wakil rakyat tetapi memandangkan daifnya sebelah sini Angsana menjadi tarikan pelancong Singapura membeli belah, sebelah sini ya Allah. Ada bangunan yang tak siap yang bertimbunkan besi dan sebagainya. Lepas tu ada pulak tanah yang kat sebelah dalam yang macamlah esok lusa nak dibangunkan supaya orang-orang sana pindah macam itu Rumah Rakyat umpamanya. Akhirnya sampai hari ini pun tak dibangunkan juga. Mintaklah supaya dibangunkan. Sudah puluh tahun. Kalau tak ada duit, carilah tak ada. Bukan sayalah. Yang ada duit supaya dapat majukan.

Saya nak sebut lagi juga tentang semasa kegawatan ekonomi 1997, 1998 yang hari ini impak dia kesannya masih belum selesai. Tetapi melalui Dana Harta kita sudah membeli dan sudah juga menjual balik sebahagian besar daripada projek-projek yang terbengkalai itu kepada syarikat yang lain. Tetapi sehingga hari ini belum lagi dapat dijayakan yang sudah berbelas puluhan tahun. Saya mengambil contoh seperti Kemayan City. Apakah tindakan kerajaan terhadap projek yang terbengkalai ini? Kalau perlu kita ambil tindakan, kita ambil tindakan. Kalau dulu kita dah cakap, kita ambillah tindakan. Juga Menara Brumasi. Mana ada tengah-tengah bandar ada *parking* dalam kolam melainkan bandar Johor Bahru aja. Tak percaya pergi dekat sebelah Wah Mooi Jalan Trus depan bangunan UMNO lama. Itulah dia satu-satunya *parking* kereta dalam kolam dalam dunia ni. Itu adalah projek yang berbentuk penswastaan di antara sebuah syarikat dengan bandar raya. Sudah 18 tahun. Malu kita. Kita kena duduk, kita kena *study*, kita kena rancang, kita kena cari satu jalan bagaimanakah perkara yang kita selalu pandang remeh ini, sebenarnya pandang besar dapat kita atasi supaya tidak akan tertangguh dua puluh, tiga puluh tahun lagi. Kita kena serius dalam soal ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, dekat satu jam lebih.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Akhirnya, penutup.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sebenarnya dalam soal ini memang banyak lagilah. Sebab bagilah can kepada rakan-rakan lain untuk mengupas balik tentang Bajet tahun 2009 yang telah pun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kepada kita. Apa yang kita kehendaki ialah supaya apa yang kita rancangkan itu dapat faedah yang sebaik mungkin untuk negara, untuk rakyat, untuk bangsa kita. Jadi mudah-mudahan dengan adanya perkara-perkara yang baik yang kita dapat mengupas sesama kita di dalam Dewan ini akhirnya kita akan mendapat satu kesimpulan yang konkrit, yang baik untuk kita bersama. Kalau kita cintakan negara kita, kita buatlah yang terbaik. Kalau kita tak cintakan negara kita, suka hatilah. Nak buat apa buatlah. Tapi akhirnya besok kalau negara kita hancur, mana negara yang akan kita lari. Saya tak ada negara lain lagi. Terjun laut ajalah. Jadi saya rasa kita selaku rakyat kita mempunyai tanggung jawab

masing-masing. Bukan sahaja kita perlu mempertahankan kedaulatan negara kita tetapi juga kita perlu melihat supaya negara kita ini makmur. Ekonomi kita ini memacu ke arah yang boleh dibanggakan. Mudah-mudahan dalam keadaan yang begitu genting, yang begitu kritikal lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia, globalisasinya begitu mencabar dan juga tekanan globalisasi yang begitu kuat. Penguncupan kegiatan ekonomi dan lambakkan guna tenaga kerja yang begitu mendadak sekali. Mudah-mudahan dengan kerja kuat dengan kita memerah tenaga dan pemikiran kita, kita dapat melalui dan juga mengatasi perkara-perkara yang seperti ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terlebih dahulu mengucapkan sekali lagi terima kasih di atas ruang dan juga peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan usul ini. Jadi dengan itu saya mencadangkan usul ini untuk dibahaskan. Saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Alhamdulillah. Selesai. Perbahasan diteruskan lagi. Siapa nak berucap. Ha, Yang Berhormat Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Salam mesra, salam bahagia, selamat sejahtera dan selamat tengah hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahun 2008 semakin hampir melabuhkan tirainya. Kita dah rasai, alami segala-segala pahit manis, masam pedas, sejuk panas (Dewan Ketawa) dengan penuh suka dan duka. Kini Dewan ini bersidang lagi. Bajet 2008 dibentangkan oleh Dato' Ghani. 'Tsunami' krisis ekonomi kini dihadapi, pembentangan disambut sebulat hati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Dewan yang mulia ini. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat oleh kerananya pembentangan Bajet 2009 boleh dikatakan satu bajet yang bersifat defisit, tetapi, tetapi pembentangan yang begitu peka, prihatin dan saya juga beri komen bahawa bajet ini amat kompetitif dan inovatif. Saya harap semua pihak kini beri sambutan yang terbaik untuk kita menjayakannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita semua sedia maklum bahawa kini semua negara-negara di Eropah, negara-negara maju di dunia sedang menghadapi krisis ekonomi. Dan, tsunami ini semua negara di dunia akan kena. Malaysia, tak juga boleh elak, kita tak dikecualikan. Saya rasa kita mesti bersiap sedia, bersiap sedia untuk menghadapinya. Bajet 2009 akan memperkukuhkan daya saing, daya tahan ekonomi Negeri Johor.

Saya juga harap pihak Kerajaan dapat menjayakan hasrat untuk memelihara sosioekonomi bercorak positif, kesejahteraan rakyat, gaya hidup yang berkualiti dan ketenteraman dan keselamatan masyarakat kita. Kita kena terima hakikat bahawa kini adalah trend kemerosotan, kemelesetan dan kemunduran. Kerajaan berusaha dengan sedaya upaya supaya ekonomi kita akan pulih dan

kita boleh dapat pemulihan dengan tempoh masa yang paling singkat sekali. Tetapi, saya harap bahawa segala pembangunan dan cadangan sepatutnya dijalankan dengan secara menyeluruh dan saksama, supaya semua pihak, semua lapisan masyarakat dan semua kaum akan dimanfaatkan. Dan, keseimbangan patut kita kena memerhatikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang bajet bersifat defisit, saya rasa memang susah tahun 2009. Ada bukit, kita sama daki, lurah sama kita turuni, susah sama susah, senang sama senang. Tapi, saya memang tertarik, tertarik oleh bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, oleh kerana pelantikan satu *task force*, bagus, *task force* satu pasukan bertindak untuk menyelesaikan masalah-masalah tanah yang bertunggak lama. Setahu saya ada permohonan, tok nenek yang mohon, anak cucu tunggu-tunggu surat bukan kelulusan, sampaikan tunggu surat panggil temu duga atau terima surat untuk melengkapkan dokumen-dokumen.

Ini jadi satu masalah rintihan rakyat, orang semua marah, sebab tunggu-tunggu, kalau tunggu ada jawapan tak apa. Sebab ini *task force* memang satu pasukan yang kita amanahkan, tapi jangan-jangan *task force,* tapi pada akhirnya ini *force* pun tak ada *force*, tak ada tenaga. Sampai masanya kita juga akan hadapi masalah yang sama.

Saya beri contoh, di Kahang 24, mereka ada seramai 80 keluarga, mohon satu tanah untuk tujuan pertanian, 400 ekar aje. Ini Kahang bukan, sekarang memang kawasan Sembrong, minta maaflah sebab saya tengok, Ahli EXCO Paloh pandang sama saya, saya pun takut juga. Sebab ini pada masa mereka sampaikan masalah ini kepada saya, Kahang di bawah Parlimen Mersing. Perkara ini sudah mohon 30 tahun dulu, mungkin yang pemohon sudah meninggal dunia, sampai dia punya cucunya sekarang sudah sambung dan surat khabar pun ada keluarkan.

Menteri Besar pada tahun 2000 umumkan bahawa tanah ini diberi kepada penduduk-penduduk di Kahang 24 dan mereka sangat, sangat gembira sampai semua melompat balik ke rumah. (Dewan ketawa). Bukan jalan aja, melompat. Syok. Hati senang. Tetapi tunggu, tunggu, ini surat khabar Straits Times, surat khabar Sin Chiew Jit Poh, Nan Yang Siang Pau, satu dunia sudah baca surat khabar, mereka pun suka, tetapi sekarang...

Y.B. Dato' Speaker : Itu surat khabar apa dia keluar?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini tanam ada ubi,

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat,

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ada lagi,

Y.B. Dato' Speaker : Surat khabar apa itu dia keluarkan? Berita tu, berita tu, keluar dia gembira tu surat khabar apa?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Nan Yang…, Straits Times,

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia orang sana semua baca orang putih, ya?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sin Chiew ada,

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Sin Chiew ada.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Semua ada, semua jenis, sebab masa itu memang media ada datang ke tempat itu.

Y.B. Dato' Speaker : Oo, dia melawat…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Semasa tahun 2000. Permohonan mereka dah sampaikan kepada pihak Menteri Besar dan mereka pun tunggu, tunggu. Tahun 2000 mereka bertemu harapan sebab pihak Menteri Besar sudah *yes*, takkan *no* kan? Tetapi sekarang, tunggu, punya tunggu sampai fail di mana pun saya tak dapat *trace*. Saya naik tunggu, turun bawah sampai kaki saya sakit sebab ini fail, semua sudah ada, sampai bila saya nak pergi Parit Yaani, saya kena tahan. Mereka tahan saya punya kereta. Eh, macam mana? Saya pun sekarang kena pusing satu *round*, lain tempat, ikut FELDA Nitar. Betul, jauh sangat. Jauh pun tak apa, sebab saya tengok mereka saya pun segan. Sebab, masa itu saya ada bersama dengan Menteri Besar dan juga ahli politik yang berkenaan, tetapi macam mana keadaan.

Lagi satu, ini 30 tahun sudah mohon, tapi tak ada jawapan. Lagi satu, di kawasan saya Tongkang Pechah, ada satu permohonan. Permohonan ini…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat ke Pekan Nenas, saya nak minum kopi panas. Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Jemput Yang Berhormat Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Tadi saya tengah hangat, sekarang saya masuk, tadi masuk *gear* 2, sekarang dah kena masuk balik *neutral* pulak.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat masuk *gear* gostan?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tak ada, sekarang saya nak masuk pada *gear* automatik. Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya hanya beri contoh saja. Permohonan tanah bertahun-tahun, 20 tahun sehingga mereka menunggu, menunggu sampai meninggal dunia pun tak dapat. Itu hanya satu contoh, lagi satu di kawasan Parit Yaani, Tongkang Pechah.

Pada tahun 2004, selepas pilihan raya, mereka yang mohon tapak, tapak ini memang di sebelah rumah berhala Tongkang Pechah. Memang rumah berhala itu sebelah dia tapak kosong. Tapak ini memang tidak dipakai oleh sesiapa pun tapi selalu digunakan oleh Jawatankuasa Rumah Berhala Hong Ann. Oleh kerana mereka menganjurkan program-program sosial, program-program yang akan meningkatkan kemasyarakatan di antara orang kampung dan juga mereka menganjur program-program lukisan dan juga kadangkala mereka bermain badminton di tempat situ. Ini permohonan dah sampai 35 tahun.

Pada tangan saya pun dah sampai lebih kurang 6 tahun. Dan, saya dah bawa ini tahun pada Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berhormat dah bagi saya satu surat, supaya sampaikan kepada PTG. Tetapi masalahnya perkara ini balik ke PTD pulak. Saya pun tak tahu, rentak apa muzik ini, dimainkan…

Y.B. Dato' Speaker : Ni tanah perumahan ke, tanah pertanian Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini tanah memang tanah Kampung Baru.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini tanah, apa salahnya mereka ini sebelah dia tempat yang menjalankan aktiviti agama di rumah yang asal di sebelah itu. Apa salahnya bagi mereka supaya mereka boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat, meningkatkan persahabatan perhubungan yang erat antara orang kampung. Saya pun senang, sebagai Wakil Rakyat bila saya sampai ke sana aktiviti saya pun merasmikan, bukannya menggunakan tempat itu menjalankan aktiviti-aktiviti negatif, aktiviti yang tak sihat. Saya tak faham mengapa kerajaan begitu banyak peraturan, birokrasi, panggil sini sana, pusing kiri, pusing kanan, sampai mereka pun geleng kepala pun tak tahu mana hala nak jalan.

Saya rasa *task force* untuk Bajet 2009 memang tepat baik, sekiranya perkara ini dapat diselesaikan, mereka dapat permohonan diluluskan, saya rasa orang Tongkang Pechah akan juga melompat. Tapi, kali ini saya haraplah jangan melompat, melompat *last* masuk parit. Saya ambil contoh 2 ini bukan tujuan nak tuduh mana-mana pihak, tujuan saya hanya nak sampaikan mesej rakyat, mesej orang kampung, mesej anak buah saya yang telah memohon sesuatu dengan penuh harapan, dengan penuh kejujuran, dengan penuh hasrat untuk menjayakan masyarakat yang kesejahteraan, masyarakat yang sihat.

Saya ni puji bajet bagus. Ini bajet saya dah baca 3 kali, sampai saya punya anak, ahli keluarga pun saya baca pada mereka ataupun sibuk, dengan Menteri Besar baca di Dewan Negeri, tapi di rumah pun kita baca, kasi anak tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dengar, anak baca.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya baca, anak-anak mereka tahu baca,

Y.B. Dato' Speaker : Ha…, saya ingat, anak tolong baca.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kena sediakan payung sebelum hujan. Saya sampai ke kawasan saya, Ketua-Ketua Kampung pun saya panggil, ini bajet kita tahun depan. Kalau tak, dibuat apa ini bajet tebal-tebal kita bawa sini, bawa sana, nak tunjuk saja. Ini saya bawak bukan nak tunjuk, saya nak bagi tahu bahawa *task force* yang dicadangkan, yang dilantikkan memang baik, bagus. Tujuan utama selesaikan masalah tanah-tanah yang tertunggak selama-lama ini dan saya harap ini akan menjadi satu kecemerlangan, kejayaan untuk kerajaan kita.

Tadi, ini dua hanya contoh, dia orang ingat saya buat, ada bangkit ini perkara yang baru. Saya juga harap *task force* ini, saya pun tak faham bila nak *start* kerja. Kalau *task force* ini mulai bertindak, ini dua perkara akan berjalan. Ini dah bulan November sampai Disember mungkin Januari belum selesai. Saya akan nampak juga kalau saya sampai ke Bukit Timbalan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana bajet yang bersifat defisit dan bajet yang memang kompetitif, konstruktif yang begitu informatif. Saya ada beberapa cadangan dan pandangan. Saya harap segala rancangan, pendekatan, segala-gala usaha kerajaan dan juga semua pihak pemimpin yang sediakan untuk kebaikan rakyat jelata memang bagus. Cadangan ini bagus, idea pun bagus, pendekatan *best,* dan semua rancangan kita boleh tepuk dengan gemuruh. Tetapi, bila implementasi, pelaksanaannya, ini jadi masalah. Atas, bagus, macam kereta, luar *the best* kilat cat, semua bagus, masuk saja *start,* tak boleh *start,* enjin jem, bateri *weak,* itu tayar nampak *best* juga, hanya itu enjin dah memang kondem.

Tapi, saya bukan nak komen siapa, mana pihak yang tak betul, ini implementasi dan juga pelaksanaan sekiranya tidak dikawal, dipantau dengan betul, siapa akan jadi mangsa? Kerajaan. Orang akan marah kerajaan. Ini apa benda ini, kita macam-macam, bajet semua orang banyak syok. Saya semalam masuk kedai kopi, wah, ini *best* bajet ataupun defisit tapi kerajaan usaha kuat, kerajaan dah...

Y.B. Dato' Speaker : Kedai kopi mana Yang Berhormat masuk?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya masuk kedai kopi kadang-kadang di bawah pokok. Bukan kita masuk kedai kopi yang *air-cond* punya, kita turun padang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kedai kopi bawah pokok ya, bukan Kopitiam?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kopitiam sekarang banyak kopitiam. Yang Berhormat Dato' Speaker, dia sudah meningkat, dia punya gaya sudah lain, *air-cond,* kalau masuk kita kena pakai *necktie,* itulah saya rasa kopitiam moden.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab itu saya harap segala-gala ini kena dipantau dengan baik dan dengan betul supaya pelaksanaan akan dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Saya menegaskan bersungguh-sungguh ini oleh kerana saya memang bukan tak percaya tapi saya harap pelaksanaan ini dapat dipantau dan segala-gala rancangan dan pendekatan ini patut kita

dilaksanakan tanpa gagal. Tak boleh gagal. Jangan setengah-setengah itu enjin mati, lepas itu tenggelam, habis cerita. Tapi, lepas habis cerita, semua orang basuh tangan, habis. Tak tahu siapa punya masalah, lepas tu kaji sini, siasat sana, *last*, siapa yang kena tuduh? Kita juga yang kena tuduh. Tapi, ini saya rasa bukan semua hasrat semua orang. Saya rasa mungkin ada dia punya peringkat-peringkat. Sampai satu peringkat, kalau ada tidak betul, ada penyelewengan, masalah akan timbul. Ini penyelewengan kita tak boleh kata atas atau bawah, tengah-tengah, kadang-kadang sudah sampai hujung masalah timbul akan jem.

Perkara yang kedua**,** ini tadi Yang Berhormat daripada Kempas dah bawa usul yang berkenaan dengan pengangguran. Ini pengangguran memang akan terjadi pada tahun depan. Dan, di sini saya mengambil kesempatan ini harap pihak yang berkenaan kena ambil tindakan yang tegas terutama sekali Imigresen kena berhati-hati. Mana-mana pekerja asing yang dah tamat tempoh, mana-mana pekerja asing tanpa izin dikeluarkan, suruh mereka balik ke negara-negara masing-masing. Kalau tidak mereka ini, bila mereka yang menganggur, mereka akan cari tempat untuk simpan sendiri, lepas itu timbul pula masalah sosial. Pekerja asing tak berdaftar, mereka ini boleh buat sebarang kerja, perompak dan masalah-masalah sosial akan memberi satu isu kepada masyarakat kita.

Negeri Johor kita nak aman tenteram, sekiranya tidak kawal dengan betul, ini, ketenteraman, keselamatan kita akan terancam. Ini serius, mungkin sekarang ada habis tempoh, tak balik, macam mana kita nak mengecam mereka ini? Saya bukan Imigresen tetapi saya rasa, faham juga, pihak Imigresen akan juga mengambil langkah-langkah yang tegas untuk mengatasi masalah ini. Ini masalah akan juga menimbul satu rintihan rakyat. Kalau kita ini dah *settle,* saya rasa masalah sosial kita akan kurangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya nak bangkitkan beberapa permasalahan dan isu-isu. Yang pertama**,** isu harga barang kekal mahal. Sekarang kalau kita pergi mana-mana, orang kampung ke, di bandar, topik yang paling popular ialah harga barangan sudah naik, tak mahu turun. Sebelum ini ada ura-ura katakan minyak akan naik harga, sebelum bulan Jun semua dah berlumba-lumba nak naik. Kalau mereka tak naikkan harga barang macam ketinggalan zaman. Mereka ini *out of date*. Apa ni, jual tak mahu naik, harga minyak dah naik. Setelah harga minyak pada 5 Jun naik pulak. Ini bukan naik mendadak tinggi kepada RM0.78 sen dari RM1.92 naik ke RM2.70. Ha... sampailah masa mereka pun terus naikkan harga macam helikopter naik ke langit, terus naik. Roket.

Dulu, kalau saya pergi makan mee RM2.50 kita pun rasa mahal, tetapi dia punya kualiti ada sotong, ada udang, semua campur, daging pun ada, jadi mee memang kita rasa banyak sedap. Itu harga dulu, sekarang ini mee kita tengok dia punya kuantiti pun sudah turun, sudah kurang, satu pinggan tu macam separuh dia, kualiti pun elek, tak ada kualiti,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, elek apa?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Elek maknanya tak adalah, kosong.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, elek tak ada. (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dia hanya cuma mee goreng. Dia cakap ini apa, mee goreng. Dia kosong, sebab, udang pun hilang, sotong pun tak ada, daging lagi tak ada. Kita makan macam, ini bukan murah tau, satu pinggan kalau dulu RM2.50 kita makan rasa sihat, syok, tetapi sekarang makan kita rasa marah, kita memang komen tetapi kena bayar dengan harga yang paling mahal iaitu RM4.50. Itu sudah kira harga berpatutan. Mereka cakap, eh apa tak tahukah, minyak sudah naik harga. Harga ini berlanjutan sudah naik. Itu lori bawa lembu itu pun sudah naik, daging itu naik, udang juga, semua naik. Oklah munasabah, logik.

Kita pun kena diam saja, sebab pun kalau nak komen bisik-bisik, komen kuat sikit nanti orang kata *you* ketinggalan zaman, *out of date*. Apa ni minyak naik RM0.78 lagi nak komen barang ini naik, itu kalau kita tak naik orang ingat kita gila. Ah, itu saya rasa patutlah, tapi yang kita rasa orang memang menderita, masa tempoh yang paling menderita iaitu bulan Jun, bulan Julai. Wah, semua orang takut nak pakai kereta sebab minyak sudah naik harga. Dah biasa dua bulan *training* naik basikal ada, naik motosikal, ini Datuk Hamid pun kadang-kadang naik motosikal, jimat cermat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tahu ke dia naik motor?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yalah, saya beri contoh. Sebab dia kata dia ada 2 motor dekat rumah.

Y.B. Dato' Speaker : Dia ada berapa motor?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ada 2 lah. Dia sambil melawat kawasan pakai motor. Saya nak bagi contoh sebagai Pengerusi *Back-Benchers,* dia memang berjimat cermat. Ini pada bulan Jun dan Julai. Pada bulan Ogos, dunia sudah lain. Minyak sudah turun RM0.15. RM2.70 turun jadi RM2.55. Orang semua, Yang Berhormat, 78 sekarang turun baru sikit. Tapi sikit, sikit pun sikit. Peniaga, turun RM0.15, kita macam mana mau turun harga? Betul juga, munasabah kita terima. Saya pun tak berani nak komen sebab pada bulan Ogos kita pun diam, nak komen, bisik-bisik. September, turun RM0.10. Jadi RM2.45. Kita pulak kira, 15 campur 10, RM0.25, bolehlah. Datuk Hamid pun sudah pakai kereta kancil balik. (Dewan Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat sebut nama dia saja?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : *So* Datuk, ini jenis kereta saja.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dan pada bulan Oktober, turun lagi RM0.15 dan pada bulan November 2 kali berturut-turut turun 15, 15 jadi RM0.30, sekarang 1 liter jadi RM2.00. 4 bulan, tempoh 4 bulan

berturut-turut 5 kali turun harga minyak tetapi harga barang yang tidak turun selaras dengan penurunan harga minyak. Apa masalahnya? Tapi, pemimpin, bila pergi ke kampung, pergi ke mana-mana saja majlis mereka akan bagi tahu nasihat, kena sabar, beli dengan cara bijak, menjadi pengguna yang bijak. Dato' Speaker, macam mana nak bijak, sini pun mahal, sana pun mahal, kita dah pergi kedai A, tak turun lagi harga. Dah buat kajian, harga mahal. Pergi ke kedai B, sama juga. Kita hanya kena petrol buang. Kita kena gunakan kereta. Kena bayar belanjawan untuk petrol. Tetapi semua harga sama sebab mereka ini pakat-pakat. Tak mau turun. Mereka dah biasa dengan keuntungan yang berlebihan.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Menteri dah umum banyak turun barang tu, roti perata, teh tarik.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini cakap saja Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Sudah cakap turun, betul?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dia turun, bila beras turun, nasi tak turun. Sebab nasi kena masak, masak taruk air, pakai gas,

Y.B. Dato' Speaker : Jangan makan nasi, cari lain makanlah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kita makan beraslah. (Dewan Ketawa). Saya rasa rakyat pun tanya saya, dulu RM1.00 kita makan kenyang, ada *balance* lagi baki boleh simpan lagi. Adalah baki RM3.00, RM4.00. Sekarang RM10.00 tak cukup. Kena tambah lagi RM10.00. Sekarang siapa masuk kedai kopi takut nak belanja sebab apa dah selalu kita kena belanja tapi oleh kerana barang itu dia tak mau turun alasannya senang saja. Sebab mereka kata, ini pemborong, pengedar tu dia tak mau turun. Habis tu kita ni berniaga macam mana nak turun. Dia sudah syok keuntungan yang berlebihan. Sekarang suruh dia turun dia macam rasa tak naklah.

Lagi satu masalah, ini semua oleh kerana tidak beri kerjasama. Pemimpin ke, Menteri ke, nasihatkan mereka supaya, tolonglah, minyak sudah turun 5 kali *maybe* akan turun lagi saya rasa bulan Disember akan turun RM0.15 , itu saya dengar-dengar, ada ura-ura kata nak turun. Tetapi barang dia tak mau turun lagi sebab lagi satu alasan saya pun tak faham, saya akan terima ke tak terima. Sebab dia kata, ini tak lama, Tahun Baru Cina nak sampai, business, sekarang kita turun, nanti sampai masa tu kena naik lagi. Barang itu jam sudah naik harga, sekarang baik kita tunggu. Lagi satu alasan, ini minyak tak tentu, harga dia ni hari turun-turun nanti dia naik kita kena naik lagi, lecehlah. Tak mau turun. Sebab itu saya rasa, Kerajaan perlu campur tangan. Macam mana campur tangan? Yalah, kalau saya Menteri ke, saya (Dewan Ketawa), saya boleh..

Y.B. Dato' Speaker : Saya nasihatlah..

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani): Tapi saya ini hanya boleh bagi pandangan. Campur tangan maknanya, jangan campur tangan panggil orang, bijak, jimat cermat, mengikat perut. Ini perut sudah hilang pun tak boleh

ikat, macam mana? Habis, saya rasa kalau boleh, macam mana campur tangan? Itu terpulang kepada kebijaksanaan Pemimpin yang menjaga Portfolio ini. Yang kuatkuasakan undang-undang mereka, bagi tau ini jangan main-main, *don't play-play*. (Dewan Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat, tak dengarlah?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : *Don't play-play*, maknanya jangan main-mainlah. (Dewan Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *don't blame-blame* eh? *Blame* apa? Oh, *don't play-play*. Oh, oklah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya sendiri pun jadi mangsa sebab selalu kita beli barang, kalau dia tak turun harga, minyak turun, sekarang orang sudah biasa naik basikal, naik motosikal, minyak turun pun mereka alah bisa tegal biasa. Dah biasa dengan tak pakai kereta, amende kereta pakai minyak, pakai kenderaan yang kurangkan minyak, kurangkan belanja, tetapi barang masih naik. Mereka pun tak boleh keluar. *Savings* pun sudah tak ada. Habis mereka hanya hari-hari balik rumah tengok TV, menonton TV saja, lain program tak ada sebab kemerosotan ekonomi. Tapi kalau barang ini kita dapat kawal dengan betul, harga dapat kita kawal dengan baik, penurunan harga barangan mesti selaras dengan penurunan harga minyak petrol. Mesti selaras. Ini saya minta, kalau boleh, kita semua pihak, kita kena buat kerjasama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini, Kerajaan Malaysia, berturut-turut dalam tempoh 4 bulan, 5 kali turun harga petrol. Akhbar Indonesia, Akhbar Jakarta, dah bagi komen, Kerajaan Malaysia memang *responsive*. Bagus. *Responsive-responsive* harga minyak tapi barang ini orang tak *responsive*. Jadi, kita jadi *problem* juga. Saya berharap, kita kena *responsive* supaya orang-orang, rakyat jelata dapat dimanfaatkan oleh kerana penurunan harga minyak petrol.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, pendekkan, dah dekat habis.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) :Ok, ok. Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang kedua, yang saya nak bangkitkan di sini iaitu Waspada Banjir. Waspada Banjir Besar. Kita dah mengalami 2 gelombang banjir iaitu pada hujung tahun 2006 dan awal tahun 2007, banjir besar menjadi satu fenomena luar biasa. Kita sedar, banjir itu dah menjadi satu iktibar kepada kita. Semua dah tahu. Dah berpengalaman penuh. Sekarang, saya rasa musim tengkujuh, dah tinggal tak berapa hari, nak sampaikan Disember. Nak hujan. Saya harap pihak yang berkenaan kena ambil langkah. Untuk kita siap sedia menghadapi banjir.

Setahu saya, di kawasan Batu Pahat, oleh kerana JPS Negeri tidak menyediakan satu peruntukan khas, satu peruntukan yang boleh menjalankan kerja penyelenggaraan parit-parit di Bandar Batu Pahat. Sekiranya ada orang kompelin ada aduan berkenaan parit tersumbat, sekiranya ada banjir berlaku, mereka hanya menggunakan peruntukan yang begitu sikit. Gunakan kebijaksanaan, kita kata, pilih-pilih tempat untuk mereka menjalankan

pembersihan parit longkang. Dan, kadang-kadang mereka kena pandai-pandai juga, tengok keadaan. Ini pilih-pilih dan pandai-pandai oleh kerana tidak menyediakan satu peruntukan khas kepada JPS Daerah sehingga JPS Daerah pun menggeleng kepala, mereka kata bukan saya tak nak buat, Y.B., *you* sendiri pergi carilah peruntukan. Saya perlukan duit. *Money* tak dak, macam mana nak buat? Tak cukup. Ini jadi satu masalah sebab saya rasa kenalah sediakan satu peruntukan khas dan lebih-lebih lagi bila Projek Johor-Barat sudah ditutup, kawasan bawah jagaan JPS di Batu Pahat sudah diperluaskan, sudah tambah. Kawasan tambah, tapi, peruntukan tak tambah, macam mana nak jalankan kerja dengan sempurna? Saya pun tak faham. Ini jadi satu masalah. Saya rasa kalau tak selesai, kita akan menghadapi banjir besar juga.

Yang satu masalah berkenaan dengan banjir, iaitu, di kawasan Batu Pahat ada pintu kawalan air pasang surut. Ada 10 pintu. Sejak tahun 2006, Kerajaan dah faham, Batu Pahat 10 pintu, yang mengawal air pasang surut, sekiranya ini pintu air tidak meningkat tarafnya, banjir besar akan berlaku. Kawasan yang berkenaan akan dilanda banjir. Tetapi dah berapa tahun, 10 pintu hanya 1 dinaikkan taraf iaitu pintu di sungai, dia hanya satu saja, Sungai Semangan. Tapi, di kawasan saya ada satu sungai yang melibatkan kawasan komersial, iaitu Parit Seri Molek. Belum naikkan taraf. Parit Seri Molek ini akan mengawal keadaan banjir di kawasan komersial iaitu Jalan Tan Siew Ho. Itu tempat ada banyak pusat beli-belah, kompleks beli-belah. Sekiranya tidak diberi peningkatan untuk pintu yang mengawal air pasang surut banjir akan berlaku.

Seterusnya saya nak bangkitkan berkenaan dengan Sistem Perparitan. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap JPS dapat naikkan taraf sistem perparitan di kawasan saya iaitu Solok Wan Mor. Solok Wan Mor adalah satu kawasan sistem perparitan amat lemah, tak teratur, teruk, nampak ada parit tapi sampai ke sana, parit dah tak ada, dah ditutup oleh tanah dan tumbuhan-tumbuhan. Kalau hujan tak sampai setengah jam, banjir. Satu kilometer saja. Saya harap bolehlah, sebabnya ini perkara saya dah sebut banyak kali tapi belum. Ini pun kena tubuhkan satu *task force*.

Yang kedua itu, jalan…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah masa dah cukup. Asyik yang kedua dari tadi kedua saja. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tak, yang tadi itu hanya contoh.

Y.B. Dato' Speaker : Tadi kata tak ada tambah. Dah dekat sepuluh dah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sikit, sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kalau saya tak habiskan Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Pendekkan.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Mandi tak basah.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, bagus, jimat air.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sepanjang jalan Tongkang Pecah, parit di tepi tu, sepatutnya dinaikkan taraf menjadikan parit konkrit. Ini saya minta. Dan juga Parit Besar, Parit Besar ada 4 kilometer panjangnya. Sekarang saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada JPS kerana dah 700 meter dah siap. Itu 700 pun dah RM2 juta lebih. Tapi sekarang, tinggal 3.4 kilometer belum sempurna lagi. Tunggu, saya harap dapat disempurnakan dan Kampung Bindu, parit dah rosak. Saya ada gambar sini. Semua parit, semua pecah-pecah, runtuh. Semua, kalau saya tengok pun dalam semua ada ikan besar-besar. Ini saya harap dapat disempurnakan.

Seterusnya ialah jalan rosak. Banyak tempat di kawasan saya, jalan rosak iaitu Kampung Jalan Lada Hitam. Kawasan Beroleh. Sini saya ada gambar. Berlubang-lubang. Jalan Lot 1244, Parit Besar, Jalan Parit Lintang, Parit Yaani dan Jalan Kampung Bindu. Di Jalan Kampung Bindu, ada, masih ada jalan tanah merah. Saya harap dapatlah sempurnakan, sebab sekarang lubang-lubang bukan dia semua lubang, di sebelah kiri orang guna motosikal. Saya cadangkan, kalau macam ini, jalan yang rosak macam ini, jangan kita buat tampalan. Tampalan itu tak lekat. Lepas hujan satu *round* saja, dia dah tanggal. Sebab tu saya harap, kalau tak memperbaiki naikkan taraf, orang, pengguna jalan itu akan bahaya. Sekarang kalau institusi pemandu tu kena adakan satu *driving* motosikal atau penunggang motosikal jumpa lubang-lubang ni, kalau tak ada mereka akan jatuh. Jadi mereka akan dilatih supaya elak lubang. Jadi, ini satu masalah, sebab kalau dia ingat semua jalan siap itu dia orang dapat lesen itu untuk jalan yang baik. Kalau jalan ada, tengah-tengah ada lubang mereka tak tahu, tak reti nak elak-elak. Mereka semua jatuh. (Dewan ketawa) Bawa kereta pun kena. Absorber rosak, sebab berlubang itu bukan berlubang kecil, berlubang besar. Sebab itu institusi memandu itu kena buat latihan elak lubang jalan. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Teruk betullah kawasan Yang Berhormat nilah ya. Ok

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi, ancaman monyet. Monyet ini bukan seekor, dua ekor di kawasan saya iaitu di Seri Mengkal, Parit Ismail dan Kampung Baru Mukim 7. Dia beribu-ribu ekor, semakin bertambah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu boleh buat anu, runding dengan pelancong. Boleh bawa pelancong Yang Berhormat. Tak ada orang tunjuk monyet macam itu punya banyak, beribu.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini monyet, bila kita suruh orang datang, dia semua sudah lari. Nanti orang pelancong pun kata kita semua tipu sama dia. Tak ada, mana ada monyet? (Dewan ketawa)
Ini monyet pun liar.

Y.B. Dato' Speaker : Susah betullah kawasan Yang Berhormat ni. Monyet tak habis-habis.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini monyet mula-mula, orang halau saja, dia pun lari. Tapi bila halau-halau dia cakap, ini halau tak…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat kalau pergi, dia kenal tak Yang Berhormat Wakil Rakyat? (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini monyet, saya punya kereta baru sampai, dia sudah lari habis. Sebab tu saya beritahu orang kampung, mana ada monyet. Yang Berhormat Dato' Speaker, halau, lepas itu kita takutkan ambil kayu, pukul monyet ini, dia lari, lama-lama, lama kelamaan mereka sudah biasa. Oh ini, tak ada…

Y.B. Dato' Speaker : Main-main sajalah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Main-main. Ini manusia mana berani pukul saya. Dia berani. Sekarang dia masuk ke rumah. Dia curi telur ayam, peti sejuk dibuka, minum susu anak, dia sekarang lagi makan buah-buahan. (Dewan ketawa). Ini kera pun jahat tau. Ayam telur dia pun pandai makan. Lagi…

Y.B. Dato' Speaker : Pisang?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Monyet, dia bukan semua masuk, dia semua akan *round* dalam keliling rumah, dia punya taiko. Dia ada satu, dia punya ketualah. Taiko, maknanya ketua, akan masuk, lepas itu, mereka akan tunggu. Semua barang yang boleh makan, dia makan. Macam mana kalau dia minum kopi o pulak? (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, monyet ni datang, Yang Berhormat ada dekat situ ke? (Dewan Ketawa)

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Mereka beritahu saya. Ini aduan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, saya ingat Yang Berhormat ada dekat situ.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ok. Dato' Speaker, saya sudah ada surat aduan daripada penduduk-penduduk kampung. Mereka jalankan operasi menembak monyet. Wah, ramai. Ini saya ada gambar. Wah, ini orang, dia orang semua berkumpul ramai-ramai, tunggu nak tembak monyet, tetapi…

Y.B. Dato' Speaker : Monyet tak keluar.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tembak 2, 3 ekor. Itu monyet pun, ah… kata beribu-ribu, 2 ekor… (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Tak jadi masalah dia cakap…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Lepas tembak-tembak tak jalan. Kita kena…

Y.B. Dato' Speaker : Yang dia tembak pun tu pun monyet sakit.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Itu monyet ya, mungkin ada *problem*lah saya ingat. Tak laju sangat. Yang pandai punya sudah masuk ke hutan. Sebab ini monyet, menjadi ancaman yang terbaru. Sekarang dia nak jadi budak. Nak usik budak-budak, kalau budak-budak main saja, dia akan serang. Ini monyet jadi satu masalah. Operasi menembak sudah kita jalankan. Dan Jabatan Perhilitan pun sudah makan panadol 10 biji pun tak *settle*. Sebab bila jumpa orang kampung, ah, monyet pun macam mana nak tangkap. Sekarang, tanam buah sawit yang muda pun dia makan. Rosakkan tanaman, kerugian besar pada orang kampung. Dan sekarang, saya harap, Jabatan Perhilitan kena ambil langkah yang sepatut. Ini langkah pun saya tak tahu macam mana nak ambil. Sebab, nak tangkap ini monyet ke, nak tembak habis ke. Saya pun tak reti. Tapi mereka-mereka, orang kampung sudah sampaikan *message*, supaya monyet yang beribu-ribu ekor ini dapat kita sapu habis.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya cadangan macam mana nak hapuskan monyet?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya akan bincang dengan ketua monyet lepas ni. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Allah… Memang Yang Berhormat ni bijaklah. Eh, tidak senang tau nak bincang dengan monyet. Oh, Yang Berhormat faham bahasa monyet eh? (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini monyet, kita kena pergi tengok, siasat, kaji dengan cara terperinci. Jangan pergi dan tembak-tembak. Supaya psikologi kena gunakan. Saya rasa Jabatan Perhilitan kena bawa saya sebagai penasihat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa ini jadi satu ancaman masalah kepada orang kampung. Saya harap dapat diselesaikan, yang ada dua, tiga masalah lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Lagi satu, lampu jalan. Lampu jalan yang diagihkan di kampung-kampung yang berkenaan seperti di Parit Imam dan juga Parit Besar, tidak cukup. Saya harap, cukupkanlah ini. Lagi kalau tubuhkan satu pasukan, sekiranya ada lampu jalan yang rosak, baiki, memperbaiki atau betulkanlah. Kalau dia punya mentol sudah bakar, tukar mentol. Jangan sampai Wakil Rakyat pergi tengok itu mentol, dia panggil kita tengah malam pergi tengok.

Lagi satu, kaki lima. Saya minta PBT, atas perikemanusiaan dan atas masalah kemerosotan ekonomi sekarang, jangan ambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang gunakan kaki lima sebab mereka ini, sekiranya mereka gunakan barang-barang menghalangkan pejalan kaki di kaki lima itu, saya rasa tindakan diambil tak apa. Tapi sekiranya mereka ini susun dengan betul, saya rasa biar kita bagi peluang kepada mereka supaya mereka boleh dapat lebih pendapatan daripada perniagaan mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, itu bagus.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dengan ini, seterusnya saya menyokong usul yang dibawa oleh Kempas.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya harap lepas ni Yang Berhormat balik, Yang Berhormat berunding dengan monyet-monyet tu, macam mana nak menyelesai kes tu eh. (Dewan ketawa)

Perbahasan diteruskan lagi, jemput siapa nak berucap?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Apa? Yang Berhormat kenapa? Nak balik Muar? Kalau nak balik Muar, duduklah. Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga esok jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETIGA	**SELASA, 25 NOVEMBER 2008**	**BIL. 4 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

a) Bilakah projek perbekalan elektrik akan disalurkan ke Kg. Orang Asli Tanah Gembuh, Bekok, Tangkak?
b) Bilakah projek perbekalan elektrik akan disalurkan ke Kg. Orang Asli Air Tawas, Tangkak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap permasalahan di Perkampungan Orang Asli dalam kawasan Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat Kawasan DUN Tangkak, terdapat 3 buah perkampungan Orang Asli iaitu:

1. Kampung Orang Asli Sungai Mering yang mempunyai bilangan penduduk seramai 156 orang dengan keluarga seramai 26 keluarga.
2. Kampung Orang Asli Tanah Gembuh dengan bilangan penduduk seramai 250 orang dengan keluarga seramai 52 keluarga.
3. Kampung Orang Asli Air Tawas dengan bilangan penduduk seramai 72 orang dengan keluarga seramai 15 keluarga.

Daripada 3 buah perkampungan tersebut, Kampung Orang Asli Sungai Mering telah menerima kemudahan bekalan elektrik talian grid pada tahun 2005. Manakala 2 kampung lagi belum menerima bekalan elektrik sehingga kini. Bagi Kampung Tanah Gembuh, permohonan bekalan elektrik luar bandar sistem talian grid telah dimajukan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada tahun 2005 dan sekarang sedang menunggu kelulusan untuk projek tersebut. Tapi bagi, mengenai kemudahan bekalan elektrik di Kampung Orang Asli Air Tawas, Tangkak, projek tersebut telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dana Akaun Amanah Industri Elektrik pada 29 Januari 2007. Dan, projek bekalan elektrik luar bandar ini akan dilaksanakan oleh TNB dan dibiayai sepenuhnya melalui dana tersebut yang diuruskan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Dan untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, kelulusan peruntukan tersebut adalah sebanyak RM280,000.00 untuk 12 unit rumah dan bagi satu pengguna ataupun sebuah rumah, kosnya adalah sebanyak RM23,333.33.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Pembangunan Iskandar Malaysia.

a) Berapakah jumlah pelaburan yang sudah melabur di Pembangunan Iskandar Malaysia?
b) Sila senaraikan sektor yang telah dilabur dan jumlah pelaburan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng See Tiong, jemput.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Kita berdepan dengan krisis ekonomi global semakin teruk dan serius, apakah langkah drastik yang diambil oleh kerajaan dalam pembangunan dan pelaksanaan projek-projek serta pertumbuhan hartanah di Iskandar Malaysia (WPI) untuk memastikannya dapat dijalankan dengan lancar dan tidak terganggu oleh suasana ekonomi sedunia?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Wilayah Iskandar Malaysia. Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia tetap mempunyai impak yang amat besar terhadap pembangunan Negeri Johor pada keseluruhannya.

a) Setakat ini, berapa buah syarikat asing yang telah mengambil bahagian (mengikut sektor) dalam Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia?
b) Apakah jumlah modal yang telah dilaburkan oleh syarikat asing ini?
c) Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan Wilayah Iskandar setakat ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

Pelaburan di Wilayah Iskandar Malaysia di Johor. Wilayah Iskandar Malaysia di Johor telah menjadi salah satu destinasi pelaburan menarik di Malaysia pada masa kini.

a) Sila nyatakan jumlah pelaburan yang diterima oleh WPI pada masa kini. Nyatakan juga negara pelabur dan sektor pelaburan.
b) Dengan pelaburan yang akan diterima oleh WPI, apakah impak ke atas ekonomi Negeri Johor serta peluang dan jumlah pekerjaan yang akan dinikmati oleh rakyat Johor?
c) Dunia pada masa kini sedang berdepan dengan krisis kewangan global. Adakah krisis ini akan mengganggu pelaburan yang akan diterima oleh WPI? Apakah langkah-langkah yang dirangka oleh IRDA dan Kerajaan Negeri bagi mengatasi situasi ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Sejauh manakah kesan krisis ekonomi global yang melanda dunia memberi kesan pelaburan di Iskandar Malaysia? Berapakah nilai pelaburan yang diterima dan bakal diterima sebelum dan selepas krisis ekonomi global yang tempiasnya melanda negara kita?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, jemput.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohamad (Benut) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Dalam suasana ekonomi dunia yang mengalami kelembapan, ia turut menjejaskan pelaburan syarikat-syarikat dari negara maju dan Eropah ke Malaysia. Keadaan ini kemungkinan memberi kesan kepada pelaburan syarikat asing dalam rancangan projek mega Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Oleh itu, apakah langkah-langkah alternatif kerajaan yang digunakan dalam memastikan projek WPI tidak terjejas dan memastikan jaminan pelaburan daripada luar terus masuk ke WPI?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Soalan saya nombor 8.

a) Nyatakan jumlah dan bentuk Pelaburan Asing terkini yang telah menunjukkan minat untuk melabur di Wilayah Pembangunan Iskandar?
b) Apakah cadangan dan maklum balas yang dikemukakan oleh pelabur-pelabur asing bagi memesatkan lagi pembangunan WPI hasil dari *road show* lawatan Kerajaan Negeri ke negara-negara luar?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab 8 soalan bersekali kerana Yang Berhormat soalan-soalan daripada 1 hingga 8 ada persamaan dan keseirasan di antaranya. Yang Berhormat daripada Johor Jaya menanyakan tentang jumlah nilai pelaburan dan pecahan sektor pelaburan. Sementara itu pula, Yang Berhormat daripada Parit Yaani menanyakan tentang apakah impak kepada krisis ekonomi dunia

terhadap Iskandar Malaysia. Yang Berhormat daripada Pekan Nenas jugak membuat tanyaan yang berkaitan dengan apakah syarikat-syarikat asing yang melabur menurut sektor di Iskandar Malaysia. Dan ada lagi satu soalan yang lain berkaitan dengan pelaburan daripada Kerajaan Malaysia di Iskandar Malaysia. Soalan daripada Yang Berhormat dari Rengit jugak membuat pertanyaan tentang pelaburan daripada negara mana datang, di sektor mana dan apakah impak daripada krisis ekonomi. Yang Berhormat daripada Bukit Naning jugak menanya tentang soal nilai pelaburan dan apakah kesan krisis ekonomi dunia terhadap Iskandar Malaysia. Yang Berhormat daripada Benut jugak membuat pertanyaan tentang impak daripada krisis ekonomi dunia dan seterusnya Yang Berhormat daripada Machap jugak menyentuh tentang soal nilai pelaburan dan di sektor mana pelaburan itu dibuat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang pertamanya ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang Mulia ini bahawa sejak Iskandar Malaysia dilancarkan pada akhir tahun 2006, jumlah pelaburan yang telah pun komited di Iskandar Malaysia bernilai RM40.25 bilion, jadi akhir 2006 hingga September 2008. Bahkan untuk 2008 sahaja, pada Januari hingga September, nilainya sebanyak RM16.1 bilion. Keduanya, untuk makluman Dewan yang Mulia ini, lebih daripada 54% pelaburan datangnya daripada luar negara. Dan, di antara pelaburan asing yang terbesar ialah satu, daripada Timur Tengah bernilai lebih kurang RM4.9 bilion; diikuti dengan Sepanyol RM4.2 bilion; diikuti pula dengan Negara Jepun, lebih kurang RM3 bilion; Singapura RM1.87 bilion; Belanda RM1.6 bilion; dan Jerman RM1.3 juta bilion.

Pecahan mengikut sektor Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor pembuatan adalah sektor yang menerima pelaburan yang terbesar di Iskandar Malaysia iaitu lebih kurang RM20.95 bilion bersamaan dengan 52% daripada jumlah pelaburan yang diterima. Kemudian sektor yang kedua ialah sektor hartanah, RM8.2 bilion bersamaan dengan 20% lebih kurang. Yang Berhormat Dato' Speaker, ini bermakna bahawa bila saya sebut bahawa 54% datangnya daripada luar negara, bakinya adalah datang daripada pelaburan domestik, termasuk pelaburan dari segi infrastruktur yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia.

Ahli Yang Berhormat ada yang bertanya tentang komitmen Kerajaan Malaysia di Iskandar Malaysia, ingin saya maklumkan ialah sebanyak RM6.3 bilion. Itu komitmen Kerajaan Malaysia untuk membangunkan infrastruktur di Iskandar Malaysia sama ada untuk membina jalan, menaikkan taraf jalan seperti Jalan Skudai menjadi kalau tak salah saya 6 lorong dan di hujung Jalan Skudai akan dinaikkan persimpangan bertingkat, maka bermula di situ satu jalan sisir pantai untuk kita sampai ke Pusat Pentadbiran Baru di Nusajaya.

Seterusnya membina simpang bertingkat-tingkat di sama ada untuk kita sampai ke laut… lapangan terbang daripada bandar Senai dan persimpangan untuk kita, patah ke kanan untuk masuk ke jalan ke lapangan terbang. Ini adalah di antara peruntukan-peruntukan untuk menaikkan taraf jalan-jalan termasuk juga untuk kita membersihkan sungai-sungai di Negeri Johor ini, di Iskandar Malaysia ini, untuk menaikkan jugak taraf saliran, termasuk jugak untuk kita meningkatkan tahap sekuriti di Iskandar Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM300 juta, menyediakan perumahan untuk awam dan untuk kita membangunkan rumah

untuk masyarakat setinggan yang ada di Iskandar Malaysia. Ini di antara peruntukan daripada pihak Kerajaan Persekutuan termasuk jugak pelaburan-pelaburan besar untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti yang ada kepada utiliti seperti TNB dan jugak, dan jugak telekomunikasi.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh saya katakan tadi bahawa dia kombinasi di antara pelaburan asing dan tempatan, termasuk jugak dalam sektor awam dan swasta. Bermakna komitmen sebanyak RM40 bilion ini, insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker dilaksanakan, bukan dalam bentuk angka yang dipetik daripada langit tetapi sebenarnya adalah di peringkat untuk melaksanakannya. Sebagai contoh, lebih kurang dekat RM500 juta peruntukan Kerajaan Malaysia sudah pun ditawarkan dengan tender terbuka untuk dilaksanakan, sebagai contoh.

Dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bila saya katakan tadi bahawa dia adalah pelaburan yang dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun yang terdekat ini, termasuklah pelaburan-pelaburan di sektor pembuatan yang datang daripada negara-negara seperti yang saya katakan tadi, daripada Sepanyol, daripada Belanda, daripada Jepun, daripada Singapura, itu dilaksanakan. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, yang datang daripada Timur Tengah seperti rata-rata di sektor hartanah untuk membangunkan sektor perkhidmatan di Iskandar Malaysia jugak akan dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat ini. Sama ada dia pelaburan yang telah dibuat atas nama syarikat daripada Dubai seperti Damac, syarikat daripada Dubai jugak daripada Limitless daripada Dubai, seterusnya syarikat Mubadala daripada Abu Dhabi yang membuat satu konsortium dengan pihak Syria daripada Lebanon dan jugak daripada Arab Saudi. Ini adalah projek-projek komitmen pelaburan yang diletakkan, apa dipanggil Node 1 di satu kawasan yang diberi nama baru iaitu Medini yang akan membangunkan pelbagai, pelbagai bentuk aktiviti yang ada kaitannya dengan sektor perkhidmatan yang berbagai-bagai. Sama ada ianya untuk komersial, untuk membangunkan pusat kewangan, apa dipanggil *financial hub* untuk juga *team park* yang, yang lain daripada yang lain untuk membangunkan, apa dipanggil *education city* seperti dua, tiga hari yang lalu, di mana pihak New Castle University dalam bidang perubatan bersetuju untuk membangunkan satu kampus perubatan di Education University di Medini.

Dan seterusnya juga yang jadi masalah Yang Berhormat Dato' Speaker, akan ada lagi pengumuman yang agak besar juga dalam tempoh 3 minggu yang terdekat ini, dalam bidang yang lain di Medini juga. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan bahawa ataupun kita menghadapi suasana krisis kewangan, krisis ekonomi dalam ekonomi negara-negara maju dan mula merebak di merata dunia, tetapi alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena dengan komitmen yang telah dibuat sepanjang Pelancaran Iskandar Malaysia pada akhir 2006 sampai pada hari ini, maka dia akan di peringkat pelaksanaannya. Ini bermakna bahawa dalam tempoh 3 tahun ataupun agaknya krisis ekonomi agak berlarutan, mungkin 2, 3 tahun tetapi sekurang-kurangnya di Iskandar Malaysia ini, di Johor ini pelaburan yang telah pun dibuat komitmennya akan dilaksanakan untuk menjamin wujudnya kegiatan ekonomi di Johor khususnya di Iskandar Malaysia.

Satu lagi yang agak menarik Yang Berhormat Dato' Speaker ialah, bila saya katakan tadi ianya akan dilaksanakan, maka pelaksanaan itu mengambil kepelbagaian pelaburan sama ada ia dalam sektor pembuatan ataupun sektor perkhidmatan, termasuk juga dalam sektor pengeluaran makanan dan juga logistik. Jadi saya percaya bahawa sempena dengan kombinasi yang berbagai ini, kegiatan ekonomi dan pelaburannya maka yang Berhormat Dato' Speaker, ia akan dapat memperkukuh dan melengkapkan antara satu dengan yang lain. Dan ini insya-Allah akan berlaku di Negeri Johor khususnya di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena dengan juga krisis ekonomi yang merebak di seluruh negara, maka mungkin ada Ahli Yang Berhormat yang menanya, selain daripada apa yang telah pun *komited* untuk dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun yang terdekat ini, maka adakah Iskandar Malaysia juga akan terdedah dengan *slim down* dengan izin, ekonomi dunia. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita terpaksa mengaku hakikat bahawa dunia pun pada hari ini, ataupun Amerika, ataupun Eropah, sekarang ini terpaksa melihat kekuatan kewangan yang ada ialah di negara-negara seperti satu, negara yang kaya dengan sumber minyak, yang mana mereka telah dapat mengumpulkan dana yang begitu besar dan juga negara yang mempunyai r*eserve* yang begitu banyak iaitu tak lain tak bukan iaitu Negeri China. Jadi sekarang ini, dia pun terpaksa melihat sama ada China ataupun negara-negara yang kaya dengan minyak, dengan *reserve, reserve* wang minyak yang terkumpul tadi untuk membantu negara-negara yang memerlukan bantuan ataupun untuk kita melihat sumber pelaburan pada masa hadapan. Itu sebenarnya Dato' Speaker, sama ada pelaburan itu datang secara langsung daripada negara-negara yang mempunyai *reserve* yang banyak ini ataupun mereka memberi bantuan melalui badan-badan kewangan negara seperti IMF ataupun World Bank untuk membantu negara-negara yang menghadapi masalah dalam dunia pada ketika ini.

Sementara itu pula Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Johor untuk memperkukuhkan lagi Iskandar Malaysia ini dari segi destinasi pelaburan pada masa depan termasuklah langkah-langkah berterusan yang diambil seperti Kerajaan Malaysia telah pun mengumumkan bahawa di antaranya untuk mempercepatkan kelulusan lesen-lesen pembuatan daripada 30 hari kepada 1 hari. Dan juga tidak dapat dielakkan bahawa perlu kepada kelonggaran-kelonggaran syarat-syarat di peringkat Jawatankuasa FIC dan juga untuk, sebagai contoh memansuhkan duti import pada paras sama ada 5% atau hingga 30% untuk bahan-bahan mentah, untuk sektor pembinaan dan pengilangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin melihat bahawa ini masalah di Iskandar Malaysia ini, saya dah bagi maklumat mengenai wilayahnya, pecahannya, negerinya, suasana keseluruhannya, apa yang berlaku sempena dengan komitmen yang telah pun dibuat sepanjang tahun 2007, 2008, dan akhir 2006 dan kemungkinan pada masa hadapan. Tapi satu perkara yang amat penting Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk memastikan kejayaan yang kita harapkan di Iskandar Malaysia sebenarnya ialah, dari segi bekalan tenaga kerja

yang mencukupi dan jadi satu cabaran yang amat besar yang terpaksa kita hadapi, bagaimana Iskandar Malaysia sebenarnya dapat menyahut pelaburan yang besar-besar ini terutama sekali daripada kalangan pelaburan asing untuk sampai di sini sama ada dalam bidang pembuatan ataupun dalam bidang perkhidmatan, dengan tenaga kerja yang pada paras kemahiran yang tinggi.

Itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mempengerusikan satu Jawatankuasa yang agak kukuh juga yang mencakupi semua Kementerian di, yang berkaitan dengan, ada berkaitan dengan sama ada maktab-maktab kemahiran, universiti-universiti, yang telah pun bersama-sama dengan saya, yang diwakili oleh pihak Kementerian masing-masing sama ada di peringkat Pegawai Kanannya termasuk KSU sendiri untuk bersama-sama dengan saya, untuk kita benar-benar menyediakan Iskandar Malaysia ini dengan, dengan bekalan tenaga kerja yang mencukupi di peringkat kemahiran yang berbagai-bagai. Kita mungkin dapat ihsan dari segi permintaannya kerana kita maklum tentang pelaburan dan keperluan pelaburan tersebut sama ada bilangannya ataupun dari segi keperluan kemahirannya untuk kita, dan saya percaya bahawa dia berdasarkan kepada *demand driven* dengan izin, untuk kita menyediakan bekalan tenaga kerja mahir di kalangan rakyat Malaysia, termasuk anak Johor sekali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap saya dapat menjawab rata-rata perkara-perkara yang dibangkitkan oleh 8 daripada kalangan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita mendapat maklumkan bahawa memang kita akan menghadapi kegawatan, yang mana saya tengok dalam berita bahawa Perdana Menteri Singapura dah kena potong gaji 19% gaji. Ini menandakan bahawa Singapura sudah pun merasa bahawa kegawatan ekonomi yang datang pada kali ini agak luar biasa, yang mana dengan kedatangan 40 bilion pelaburan daripada luar yang mana kita tahu bahawa ini adalah satu, satu pelaburan yang sudah pun dikomitekan. Komitmen daripada pihak pelabur sudah ada dan kita yakin dengan kedatangan mereka. Jadi saya ingin tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, disebabkan oleh kegawatan, dunia ataupun krisis kewangan yang mana rasa saya beribu-ribu tenaga kerja kita bekerja di Singapura. Dan, mereka ini terdiri daripada pelbagai, ada yang skil, ada yang, bukan kata setakat bekerja sebagai buruh itu saja, mereka juga mempunyai skil kemahiran yang cukup tinggi. Dan, rasa saya mereka, mereka-mereka ini kita boleh diterapkan ataupun kita boleh adakan perbincangan di kalangan kumpulan-kumpulan yang bekerja ini. Kita buat perjumpaan dan sebagainya supaya kita boleh berkempen untuk mereka dapat masuk bekerja di Wilayah Pembangunan Iskandar. Jadi saya ingin tahu, sejauh mana atau sejauh mana perkara-perkara ini kita nak menangani, yang mana kemungkinan mereka akan dibuang kerja. Jadi saya ingin pandangan daripada Yang Amat Berhormat. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker , Singapura sudah pun ditakrifkan dari segi teknikalnya melalui satu tempoh kemelesetan ekonomi. Pertumbuhan pada, kalau tak salah saya *third quarter* dengan izin, pada paras yang negatif. Sementara itu pula, Singapura juga membuat pelaburan di Amerika Syarikat dalam bidang kewangan. Hari ini saja Dato' Speaker, diumumkan bahawa Amerika, Kerajaan Amerika terpaksa membiayai USD20 bilion untuk menampung Citibank, di mana Singapura melabur di situ dengan GLCnya. Jadi Singapura membeli saham di Citibank, kononnya pada masa saham Citibank turun, tapi terus turun, mungkin bankrap, maka terpaksa Kerajaan Amerika, President Bush dah umumkan pagi tadi untuk menggunakan 20 bilion untuk menampung Citibank ni dan Singapura melabur di situ. Jadi kalau Perdana Menteri Singapura terpaksa turunkan gaji dia, mungkin di antara impak-impak daripada, ialah apa yang kita tahu daripada maklumat terkini mengenai suasana ekonomi dunia keseluruhannya termasuk juga pelaburan Singapura.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak lagi merupakan negeri di mana menerima pekerja untuk sapu sampah lagi dah. Kia Moda, Kia Moda menyediakan 4,500 *Engineer* Dato' Speaker. Seagate, Acerinox tapi janganlah pulak Johor saja yang nak menampung pekerja Singapura, rakyat Malaysia kerja di Singapura kena berhenti kerja, kita semua nak tampung. Tapi sekurang-kurangnya Dato' Speaker, kita masih lagi kawasan wujudnya pelaburan, wujudnya pertumbuhan ekonomi, wujudnya kegiatan ekonomi. Dato' Speaker, sekurang-kurangnya. Jadi kita dah tak, tak boleh menyatakan apa yang berlaku di Singapura, kita tunggulah mana satu industrinya, mana satu sektornya.

Kita tahu Singapura mempunyai hubungan ekonomi yang begitu rapi dengan Amerika Syarikat. Bila ekonomi Amerika menguncup, perbelanjaan jatuh, pelaburan menurun, permintaan terhadap pengeluaran Singapura akan berkurangan. Tapi kita harap Presiden yang baru nanti, dia telah berjanji, dia akan pastikan bahawa masalah-masalah ekonomi Amerika tidak berlarutan. Kita harap itu berlaku. Jadi kalau tak berlarutan, bermakna ekonomi dunia tidaklah sampai pada tahap, pada tahun-tahun kalau tak salah saya selepas Perang Kedua kalau tak salah saya, di mana langkah-langkah yang terpaksa dibuat oleh Presiden Roosevelt pada masa tersebut untuk menjana pertumbuhan ekonomi secepat mungkin, itu akan dibuat oleh Presiden yang baru, katanya. Kita harap itu akan berlaku. Dan, dalam *APEC meeting* di Peru, dipersetujui seberapa banyak negara akan membuat perbelanjaan merangsang ekonomi masing-masing, supaya ekonomi dunia tidak akan, tidak akan menguncup berterusan. China dah mula dah, dengan USD568 bilion. Satu perbelanjaan yang besar yang dibuat oleh Negara China untuk merangsang ekonomi dia. Perlu diikuti oleh negara-negara lain, ini persetujuan di *APEC meeting* di Peru lah.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ucapan belanjawan saya sebut Kerajaan Malaysia menggunakan RM7 bilion untuk merangsang ekonomi Malaysia. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin ada pekerja di Singapura, rakyat Malaysia balik, mungkin rehat dulu agaknya. Dah kumpul duit banyak-banyak, bekerja di Singapura, agak balik rehat ke mana-mana ke, habis

bila agaknya keadaan ekonomi pulih, mungkin boleh cari kerja baru. Tapi, kalau sekiranya ada kemahirannya, ada kesesuaiannya, ada tempatnya di Johor mungkin mereka boleh kerja di Johor. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi jangan pula, keadaan ekonomi pulih, dia hendak, dia pun hendak balik. Jadi, tapi ini adalah lumrahnya, Dato' Speaker, bila kita duduk berjiran seperti gini ini lumrahnya, mana sahaja, Amerika dengan Mexico, Amerika dengan Kanada, mana lagi, kita carilah, itulah lumrahnya, Eropah dengan Turki. Maka pekerja, dia berpindah-pindah antara satu dan Afrika dengan Eropah Selatan. Biasalah Dato' Speaker, dengan kita dengan negara jiran sama ada Singapura ke ataupun Indonesia.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Benut.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa kita berbangga bahawa pembangunan wilayah ni, pembangunan koridor ni, dimulakan di Iskandar Malaysia. Kita mula-mula dulu, pembangunan koridor. Tetapi, bila ada Koridor Utara, Koridor Timur, Sabah, Sarawak, pembangunan koridor seolah-olah macam tidak ada signifikannya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Ini bererti tidak ada signifikan dalam erti kata bahawa sesuatu pembangunan di peringkat koridor masing-masing perlu ada sesuatu yang *significant*, dengan izin. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah Yang Amat Berhormat berpuas hati, komitmen Kerajaan Persekutuan, RM6 bilion untuk menyediakan *infrastructure*, untuk membolehkan Iskandar Malaysia ni memacu ke arah yang diharapkan.

Jadi, ini ada hubung kait bila soal pembangunan koridor ni, selain daripada komitmen, sama ada Yang Amat Berhormat berpuas hati dengan komitmen Kerajaan Persekutuan, RM6 bilion itu, dari segi jumlahnya, dari segi jadualnya, dari segi komitmennya, kita tak lari daripada hakikat bahawa perlu ada dengan izin, *back bone industry* dalam pembangunan Iskandar Malaysia. Yang Amat Berhormat ada menyebut tentang Medini, adakah itu akan menjadi *back bone industry* dalam pembangunan Iskandar Malaysia, pada waktu dan suasana ekonomi semasa atau bagaimana pandangan Yang Amat Berhormat tentang kemajuan kita? Terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, ya kita, kebetulan menjadi koridor yang pertama, secara rasmi dilancarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Dan, mungkin kerana dikenal pasti tentang sama ada potensinya dan apa yang telah pun dapat diwujudkan semasa dikenal pasti tentang Johor Selatan ini. Misalnya, kita katakan bahawa nak menjadikan satu kawasan metropolitan misalnya, kerana kelebihan yang ada pada selatan Johor ini, dengan perairannya, dengan yang juga dengan infrastruktur yang ada padanya dan juga dengan pembangunan yang telah pun dapat diwujudkan sebelum itu, maka dikenal pasti, Alhamdulillah, pendekatan pembangunan secara koridor. Dan, sempena dengan pelancaran agak lebih awal, Yang Berhormat Dato' Speaker, maka kita juga dapat membuat sama ada perancangannya, *promotionnya* sehingga mendapat sambutan dan komitmen hingga yang saya sebutkan sebentar tadi. Tetapi, kita jangan nafikan bahawa hakikat bahawa selatan Johor ini memang begitu strategik.

Jadi, Yang Berhormat daripada Benut sewajarnya sama-sama maklum. Kalaulah jiran sebelah selatan sudah pun menikmati kepelbagaian, kepelbagaian, apa yang dipanggil ya, laba istilah laba saya gunakan. Sempena dengan kedudukannya yang strategik, sama ada dari segi logistik pelabuhannya, lapangan terbangnya, pusat kewangannya, pusat perdagangannya, kerana mudah, Yang Berhormat Dato' Speaker, *strategic location,* dengan izin. Dan, Johor tak kurang dengan kelebihan tersebut. Kita tak mengatakan bahawa Koridor Utara, Timur, yang lain tidak ada kelebihan tersebut, *but* ini di antara kelebihannya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat sebelum ini nampaknya tumpuan dibangunkan di Langkawi, peruntukkannya di Langkawi. Betul tak Dato' Speaker? Habis, sekurang-kurangnya kerajaan yang ada ni, memilih koridor yang lain pula, selain daripada Langkawi. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, sekurang-kurangnya sempena dengan Rancangan Malaysia Ke-9, kita dapat satu peruntukan yang besar juga. Sama ada dalam RMK-9 itu sendiri atau di luar RMK-9, peruntukan yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dapat komitmen bukan sahaja dalam bentuk peruntukan kewangan, kita dapat juga sokongan daripada alat dasar, *policy instrument* yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan cara memberikan insentif fiskal dan insentif sokongan yang pelbagai. Ini penting, *Fiscal Incentive* dan *Package Insentive,* yang diberi oleh Kerajaan Malaysia. Jadi, saya fikir, saya lihat Dewan yang mulia ini sewajarnya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, yang telah pun memberikan sokongan yang kuat kepada Iskandar Malaysia.

Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker, bila menyebut Koridor Timur, kita pula menikmati satu sokongan yang kuat juga daripada Kerajaan Malaysia. Sebagai contoh, Yang Berhormat Dato' Speaker, jalan nak sampai ke Mersing akan dibina, sama ada daripada selatan, daripada Sedili kalau tak salah saya lalu pantai, insya-Allah akan tiba Mersing. Orang Johor Bahru nak pergi Mersing rasa saya dalam masa mungkin tak sampai satu jam akan tiba. Ataupun jalan daripada Kluang ke Kahang akan diluruskan melalui kalau tak salah saya, Nitar. Ini dua produk utama yang sudah pun ada peruntukkannya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Timur Johor pun sempena dengan pendekatan pembangunan melalui koridor ini, kita menghargai kesediaan Kerajaan Malaysia untuk memberikan sokongan. Sama ada kita mempunyai *back bone* di Johor Selatan, di Iskandar Malaysia. Saya ingin maklumkan kelebihan di Johor ni, Dato' Speaker, kelebihannya, ekonomi Negeri Johor ini ialah *structurenya* yang kuat, yang pelbagai, dengan izin. Pengeluar utama bahan mentah, *commodities,* daripada dulu, getah ataupun kelapa sawit. Kita juga utama dari segi pengeluaran makanan, kita juga di antara yang dua ke tiga, yang penting dalam sektor *manufacturing*. Ataupun kita mengakui, kita belum lagi cukup dalam sektor perkhidmatan.

Semalam Yang Berhormat daripada Kempas, tentang soal pelancongan. Sebenarnya Johor ni, belum lagi lengkap dari segi, dari segi kemudahan pelancongan. Yang Berhormat tunggulah, insya-Allah, 3 tahun, saya jamin,

semua ada di Johor ini. Tak kira sama ada *Theme Park* ke, hotelnya, *retailingnya*, yang ada terbesar, *retailnya* terbesar di rantau kita, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan, untuk pelancongan dan insya-Allah akan sampai ke Desaru. Jalan nak siap bulan Jun daripada Johor Bahru ke Desaru dalam tempoh tak sampai 40 minit, 30 minit akan sampai ke Desaru, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan, insya-Allah Desaru akan melalui satu proses pertumbuhan yang agak deras juga. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menjawab soalan sama ada, *there is a back bone*, dengan izin, dalam ekonomi Iskandar ni, saya lebih cenderung untuk mengatakan bahawa kita mempunyai *back bone* yang berbagai, sama ada *manufacturing*, perkhidmatan, *as well agriculture*, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan saya adalah, Yang Amat Berhormat, melalui, menurut laporan pemberita pada 17 April, katakan Kerajaan telah menghubungi operator-operator taman tema, termasuk *Disney Land* untuk memajukan hub hiburan dalam kawasan Iskandar Malaysia. Saya nak bertanya, bagaimana perkembangan ini?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ok, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menghargai Yang Berhormat daripada Skudai, *equally quite excited,* dengan izin ataupun *ambitious* tentang apa yang akan berlaku dalam bidang yang dibangkitkan oleh beliau tadi. Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat untuk tunggu, insya-Allah pertengahan bulan Disember ada satu pengumuman yang berkaitan dengannya, berkaitan dengan *Theme Park.* Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, oklah Kempas, penghabisan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya amat tertarik dengan apa yang telah pun dihujahkan oleh Yang Amat Berhormat dalam jawapannya; Soalan 1 sampai soalan 8 tadi, berkenaan dengan perancangan dan juga kehendak, kemahuan kita, keyakinan kita terhadap kedatangan pelabur yang begitu besar, saya rasa bukan setakat RM48 bilion mungkin RM40 bilion tapi berkemungkinan akan bertambah lagi satu hari ke satu hari. Jadi, apa yang kita lihat biasanya ialah tentang bagaimana nak meyakinkan pelabur itu datang, akan tetap di situ, bahkan juga dia akan mengundang secara tak langsung pelabur yang lain. Yang apa saya ingin tekankan di sini tentang, adakah kita sudah menyediakan kakitangan-kakitangan yang mahir, bukan untuk kita, bukan sahaja dalam soal untuk semasa kita nak membangunkan tetapi untuk mengimplementasikan tadbiran harian, kerana di Iskandar Malaysia ini, bukan sahaja Kerajaan Negeri Johor ataupun Majlis, PBT yang berkuasa, kita ada pula satu lagi badan IRDA yang bertanggungjawab. Adakah kita nampak tentang penyertaan IRDA ini terhadap untuk mengurus tadbirkan kedatangan mereka yang begitu ramai dengan pelaburan yang begitu besar kerana saya lihat ataupun…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, pendekkanlah. Ini dah macam nak berucap, terus tuju pada soalan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Penyediaan apa yang dah disediakan oleh kerajaan, persiapan projek umpamanya, sampai setahun *sign board* dah naik pun, masih lagi belum dilaksanakan umpamanya. Terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya sebut daripada pelancaran hingga 2008. Jadi, Yang Berhormat daripada Kempas ada sebut, kemungkinan masa depan. Tapi, tak perlulah saya sebut di sini kemungkinannya masa depan tapi saya menyimpan, saya agak optimis dengan tanda-tanda yang agak, yang positif untuk pelaburan yang akan tiba dalam tempoh juga dua, tiga tahun akan datang, yang akan datang, yang baru pula, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang betul pelaburan yang sudah ada dia membesar. Itu satu. Kemudian, pelaburan yang tiba ini pulak, dia akan berganda dalam konteks cluster dia, Dato' Speaker. Sebagai contoh, dalam Ucapan Belanjawan yang saya sebut tentang *oil and gas*, minyak dan gas. Satu sektor baru yang nampaknya bertubi-tubi tiba di Johor ini termasuk juga dalam biotek. Jadi, kalau kita lihat, bila satu dua pelaburan besar dalam bidang minyak dan gas ini tiba, maka dia disusuli pula dengan pelaburan-pelaburan yang lain, yang berkaitan dengannya. Itu akan berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, oleh yang demikian, saya maklum bahawa perlu kepada satu, satu urus tadbir yang paling cekap yang paling baik sama ada di peringkat kerajaan, yang ada di peringkat negeri ataupun di peringkat negara termasuk di peringkat tempatan. Dan seterusnya apa yang ada pada IRDA untuk apa tu, menghadapi segala keperluan dan permohonan yang dibuat oleh pelabur-pelabur ini. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya agak optimis. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau Yang Berhormat dapat yalah, kadang-kadang kita ini susah juga nak mengiktiraf ataupun menerima di antara perkara yang baik dapat kita buat. Sebagai contoh, *One Stop Centre* di Johor ini, *One Stop Centre* di peringkat Kerajaan Tempatan di Johor ini yang telah menerima dan menjadikan amalannya yang terbaik di seluruh Malaysia dan berlaku di seluruh Negeri Johor ini. *One Stop Centre* di mana permohonan yang dihantar sama ada untuk binaan ke, ataupun perkedaian ke, perumahan ke akan dipertimbangkan dalam satu mesyuarat di mana dia menjadi satu *One Stop Centre* di mana semua jabatan akan hadir untuk menimbangkan dalam tempoh satu dua mesyuarat sahaja. Dan ini dilakukan Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan juga, kita, cadangan baik yang dibuat oleh pihak kementerian kita terima dan kita laksanakan ataupun kita dah menuju ke arah tersebut sebenarnya di peringkat negeri kita sendiri.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak menyimpan rasa bimbang ataupun bagaimana sama ada di peringkat IRDA dengan koordinasi yang dibuat oleh pihak IRDA secara mikro dengan kita, jabatan-jabatan kerajaan untuk kita menerima apa pun, melayan pelaburan yang akan tiba di Iskandar Malaysia ini. Jadi, termasuklah juga yang satu saya sebut cabaran yang antara yang penting ialah untuk kita menyediakan tenaga kerja untuk mengisi pelaburan-pelaburan ini. Ha, ini satu cabaran kerana dia mungkin menemukan

tenaga mahir yang sedia ada, mungkin datangnya daripada dalam negara, mungkin anak Malaysia, kita ajak balik daripada seluruh dunia untuk ke Iskandar ataupun kita melahirkan pekerja-pekerja mahir dalam tempoh mungkin kalau di peringkat Diploma, mungkin setahun dua ataupun di peringkat Ijazah, mungkin dalam tempoh empat lima tahun. Tetapi alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mendapat komitmen daripada, boleh dikatakan semua institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia ini. Dan yang terakhir, *of course* kita mempunyai satu universiti yang terdekat dan Naib Canselor yang baru ini nampak agak lebih proaktif (ketawa), untuk berjanji dengan kita, Kerajaan Johor dan juga Iskandar untuk sama-sama kita menghadapi apa pun cabaran yang tiba di Iskandar Malaysia ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Md. Othman bin Haji Md. Yusof, jemput.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 9

Dalam keadaan pembangunan yang berlaku dan pertambahan di kawasan Sungai Pulai, apakah langkah kerajaan agar pencemaran tidak memutuskan kawasan RAMSAR?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedar sebarang pembangunan di sekitar kawasan RAMSAR perlu dirancang dengan teliti supaya kawasan tersebut tidak musnah akibat pencemaran hasil pembangunan sekitarnya. Justeru, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan agar kawasan sungai dan kawasan RAMSAR Sungai Pulai tidak terjejas akibat pembangunan seperti berikut:

1. Di peringkat perancangan, Kerajaan Negeri akan memastikan setiap projek pembangunan mempunyai zon penampan sekurang-kurangnya 500 meter dari tapak RAMSAR.
2. Setiap projek pembangunan yang tertakluk kepada keperluan EIA iaitu penilaian kesan kepada alam sekeliling. Laporan EIA akan dinilai secara terperinci bagi memastikan impak yang dijangkakan adalah tepat dan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan pencemaran atau impak-impak tersebut mencukupi. Dalam hubungan ini, syarat-syarat yang ketat dikenakan.
3. Kerajaan Negeri akan memastikan jenis-jenis industri yang dibenarkan, dibangunkan berdekatan kawasan RAMSAR adalah jenis industri yang bersesuaian dan hendaklah mematuhi segala peraturan-peraturan dan perundangan ditetapkan oleh agensi-agensi berkaitan dengan mengenakan syarat-syarat yang ketat dari segi pengurusan alam sekitar terutamanya kawalan pencemaran.
4. Pihak industri dan pemaju-pemaju projek hendaklah menjalankan pengawasan kualiti alam sekitar bagi menentukan tahap kualiti alam sekitar terutamanya kualiti air sungai dan laut dan mengambil langkah mitigasi yang sewajarnya.

5. Semua penggerak projek pembangunan industri dan sebarang aktiviti yang berpotensi menyebabkan pencemaran dikehendaki mencegah dan mengawal pencemaran dengan mengolah semua efluen yang dihasilkan dan mengurus semua jenis buangan mengikut peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

6. Agensi-agensi kerajaan akan mempertingkatkan pemeriksaan penguatkuasaan ke semua premis-premis yang berpotensi menyebabkan pencemaran dan tindakan undang-undang diambil ke atas pihak yang tidak mematuhi segala peraturan dan perundangan yang ditetapkan.
7. Perbadanan Taman Negara Johor sedang berusaha dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Pelabuhan Tanjung Pelepas, Badan-Badan Bukan Kerajaan dan juga IRDA untuk memastikan pembangunan sekitar Sungai Pulai teratur. Empat projek penanaman semula pokok bakau telah dilaksanakan di kawasan RAMSAR khasnya di Tanjung Piai bagi mengenal pasti tahap pencemaran. Perbadanan Taman Negara Johor sentiasa memantau *bio-indicator* pencemaran seperti burung dan belacak.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat, ok. Boleh sempat tak? Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan tadi saya dah dengar Yang Berhormat Ahli EXCO menjawab berkenaan dengan syarat-syarat yang ketat ini. Saya nak tahu apakah syarat yang ketat itu? Bagi contoh syarat yang tersebut berkenaan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang ketat itu, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang tak longgar.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tiap pembangunan perlu menyediakan laporan EIA penting untuk mengenal pasti isu-isu alam sekitar yang diramalkan akan memberi kesan kepada alam sekitar itu. Dan juga kajian untuk mengenal pasti, meramal, menilai dan memberi maklumat mengenai kesan-kesan kepada alam sekitar bagi semua sesuatu cadangan projek dan kemukakan langkah-langkah tebatan sebelum projek berkenaan diluluskan dan dilaksanakan. Di samping itu juga Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah-langkah yang saya sebutkan itu, kita juga ada di kawasan RAMSAR tersebut kita juga dapat bantuan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia untuk, kalau izin, saya baca apa yang telah ditulis.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, panjang Yang Berhormat. Pendek jelah. Ha, cakap.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Pendek sahaja. Ada satu buku.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan tentang biodiversiti..

Y.B. Dato' Speaker : Apa nama buku itu Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : *Biodiversity of Sungai Pulai RAMSAR Site Johor.*

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ini adalah satu usaha oleh Badan Bukan Kerajaan untuk sama-sama memantau keadaan kawasan RAMSAR di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Dan, izinkan saya baca apa yang ditulis oleh *Director of Observation Centre*, Universiti Kebangsaan, Profesor Dr. Mastura Mohamad. Dia telah katakan, "*To enhance a management of the remaining mangrove of Sungai Pulai, Johor, kerajaan, government with the help and the support from the dedicated Research Institute Non Governmental Organization*..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, panjang itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Dah tu?

Y.B. Dato' Speaker : Pendekkan. Tak payah panjang-panjanglah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yalah, makna dia kata, universiti bersama-sama badan-badan lain telah mengadakan projek untuk konservasi dan preservasi dan juga regenerasi *of a mangrove swamp* habitat di Selatan Johor, dia telah mulakan pada tahun 2007. Dia gunakan *earth observation centre*, gunakan satelit untuk memantau keadaan *mangrove*, pokok bakau di kawasan RAMSAR itu. Macam mana keadaan itu. Kalau sekiranya ada keadaan itu memburukkan ataupun *deteriorating*, dengan izin, dia akan bagi tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jadi dia, dalam ini juga, *the earth,* dia di badan ini telah memainkan peranan yang aktif untuk promosikan konservasi dan juga *judicious management.*

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : dengan izin, *of this RAMSAR* kawasan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kasi dia satu buku eh, nanti balik baca.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kalau boleh, dia boleh baca lagi…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dahlah Yang Berhormat. Saya suruh dia beli buku itu, ha..ah, bukan suruh baca.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Y.B. Dato' Speaker, soalan saya syarat-syarat secara ketat ini…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia dah jawab. Yang Berhormat tak boleh kata tak betul. (Dewan ketawa). Dia baca dengan buku itu, *fact*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang ini adalah satu langkah kita ambil dan di samping itu, kita juga ada mengenakan *zero discharge* kalau tempat yang diperlukan, yang sensitif di mana kita tidak benarkan sebarang efluen dikeluarkan daripada kawasan yang dibangunkan itu. Maknanya projek itu akan mempunyai satu loji rawatan efluen daripada industri itu bersepadu di kawasan dalam itu. Jadi kita akan tentukan tidak sebarang *discharge*, dengan izin daripada projek itu. Di samping itu ada *sewerage treatment plant*, dengan izin. Itu yang, dan kalau kawasan yang sensitif lagi, kita akan perlukan EIA yang terperinci. Maknanya, *detail EIA* atau yang diperlukan. Ini adalah satu teknikal.

Y.B. Dato' Speaker : Apa lagi Yang Berhormat cari, tak habis ni. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Cara-cara yang …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat asyik selak-selak aje.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Environmental Impact Assessment untuk developing country, Jadi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negara kita…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok. Tebal buku tu tak jumpa karang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Untuk Malaysia kita menghendaki EIA ini pada tahun 74, maknanya kita memang dahului banyak negara seperti UK, Jepun belum, Jepun pada tahun 84 kita sudah ada pada tahun 74. UK dalam

tahun 85, tetapi kita sudah ada tahun 74, banyak negeri di belakang kita, maknanya kita memang peka, tentang keperluan kita menjaga sebarang pencemaran daripada kawasan yang dibangunkan di tempat itu.

Y.B. Dato' Speaker : Bakal Menteri Besar ni, eh... Menteri Kabinet. (Dewan Ketawa). Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 10.

Kerajaan sekarang ini menggalakkan sektor pertanian kembali aktif.

a) Apakah bentuk sokongan dan bantuan yang diberikan kepada golongan petani selain dari program insentif pengeluaran tanaman oleh Jabatan Pertanian?
b) Berapakah keluasan tanah-tanah pertanian yang terbiar dan tidak diusahakan dan apakah perancangan kerajaan dalam mengatasi masalah ini?
c) Perancangan kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian Negeri Johor?
d) Tidakkah ada perancangan untuk membuat hebahan makluman mengenai pertanian satu perniagaan secara berterusan melalui media cetak dan media elektronik seperti rancangan khas di radio-radio?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor telah melaksanakan berbagai program melalui Jabatan Pertanian untuk membantu golongan petani meningkatkan pengeluaran hasil. Bantuan yang diberikan berupa bahan input pertanian seperti tanaman, bantuan baja, racun serangga dan juga racun rumpai. Dan juga bantuan infrastruktur ladang seperti pembinaan jalan ladang, parit, sistem pengairan dan saliran dan berbagai lagi. Program-program yang disediakan yang terlibat dengan bantuan ini adalah seperti berikut iaitu:

1. Program pembangunan industri tanaman yang melibatkan pembangunan sawah padi, pembangunan industri buah-buahan, pembangunan industri sayur-sayuran, pembangunan tanaman industri kelapa dan kopi, pembangunan tanah ladang, iaitu tanaman kontan.
2. Pembangunan industri bunga dan tanaman berpotensi iaitu pembangunan tanaman bunga (nurseri) dan juga pembangunan tanaman berpotensi cendawan dan herba.
3. Pembangunan usahawan tani iaitu pembangunan industri hiliran, pembuatan dan pemprosesan serta Latihan Usahawan tani dalam membangunkan usahawan.

Melalui program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui jabatan dan agensi, ianya telah melibatkan seramai 4694 orang petani dan hasil pengeluaran yang telah diperolehi berjumlah RM341.12 juta. Maklumat lanjut adalah seperti berikut: dalam Rancangan Malaysia Ke-8, keluasan membabitkan seluas 3738.3 hektar dengan pengeluaran hasil berjumlah RM240.85 juta melibatkan seramai 2,708 orang. Dan peruntukan kerajaan ialah

sebanyak RM6 juta. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ke-9, daripada tahun 2006 setakat bulan Ogos 2008 melibatkan seluas 2543.7 hektar dan pengeluaran hasil sebanyak RM99.7 juta dan melibatkan peserta seramai 1986 orang, dan peruntukan kerajaan melibatkan RM2.94 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung keluasan tanah pertanian yang terbiar ianya berjumlah RM4661.8 hektar yang meliputi sepuluh daerah di Negeri Johor. Kerajaan menggalakkan pemilik tanah untuk mengusahakan tanah-tanah tersebut melalui pelbagai program bantuan seperti yang di atas tadi. Tuan tanah boleh mengusahakan tanah tersebut secara kerjasama dengan Pertubuhan Peladang dalam bentuk *joint venture* ataupun secara ladang kontrak yang diusahakan oleh agensi FAMA. Kerajaan Johor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran, Bahagian Saliran dan Pertanian telah melaksanakan projek naik taraf serta pembaikan infrastruktur terutamanya perparitan, jalan ladang untuk membolehkan tanah tersebut dibangunkan dengan tanaman yang sesuai oleh pemiliknya.

Melalui program pembangunan tanah terbiar oleh Kerajaan Negeri seluas 1949 hektar telah berjaya dimajukan dengan pelbagai jenis tanaman seperti buah-buahan dan tanaman makanan lain. Program ini telah berjaya menambah hasil pengeluaran hasil tanaman berjumlah 6825 matriks tan menilai RM3.4 juta tanah terbiar yang telah berjaya dimajukan adalah seperti berikut:

1. Sawah Sungai Balang, Muar seluas 187.8 hektar tanaman padi.
2. Kampung Jawa Lenga, Muar seluas 32 hektar dusun buah-buahan.
3. Kampung Sekijang Segamat seluas 16.2 hektar dusun buah-buahan.
4. Parit Sontok, DUN Senggarang di Batu Pahat seluas 12.2 hektar ladang nenas. Kampung Lukut, Kota Tinggi seluas 15.5 hektar dusun buah-buahan.

Kerajaan sedang dan akan terus menggalakkan golongan usahawan tani yang terdiri dari golongan muda untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian di samping usahawan yang sedia ada melalui pendekatan pertanian adalah perniagaan. Pendekatan ini perlu diterapkan di peringkat belia melalui latihan-latihan yang dijalankan di pusat latihan pertanian dan juga Institut Pertanian di Air Hitam, supaya mereka akan menjadi usahawan apabila tamat latihan. Kursus-kursus latihan ini seperti Kursus Tapak Semaian, Kursus Tanaman Buah-buahan dan juga Kursus Tanaman Kontan. Tumpuan juga diberikan supaya usahawan tani terlibat secara langsung mengusahakan tanaman barang makanan dengan bantuan awal yang disediakan oleh pihak kerajaan. Kerajaan juga menggalakkan pihak swasta untuk terlibat dalam bidang pertanian secara komersial melalui aktiviti pengeluaran hasil pertanian di tanah-tanah yang dikhususkan seperti di Projek Pertanian Moden di Ayer Hitam, seluas 3,650 hektar dan juga Zon Pengeluaran Makanan ataupun singkatannya ZPM seluas 4,814 hektar yang diberikan kepada syarikat dan usahawan secara kurnia, sewa dan juga pajakkan sebagai langkah jangka panjang untuk meningkatkan pengeluaran makanan di peringkat Negeri Johor. Ini tidak termasuk yang terbaru yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di Desaru seluas 9,000 hektar ini dikendalikan oleh pihak Johor Biotech. Langkah jangka panjang ini sudah mula mengeluarkan hasil tanaman di mana keluasan yang dibangunkan berjumlah 3,185 hektar.

Keluasan ini telah mampu mengeluarkan 25,400 matriks tan setahun bernilai RM11.2 juta bagi kawasan yang sedang dibangunkan secara berperingkat kerana memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk menyiapkan infrastruktur ladang seperti jalan ladang dan sistem perparitan. Pengusaha ini telah menerima khidmat nasihat dan latihan serta perkhidmatan sokongan teknikal daripada pelbagai jabatan, agensi seperti analisa kesuburan tanah, kawalan serangga, penyakit dan juga khidmat perundingan untuk memajukan projek mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Johor sentiasa membuat hebahan program yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi melalui media cetak dan juga media elektronik. Kerajaan berhasrat untuk mempertingkatkan lagi hebahan ini pada masa akan datang melalui program-program khas di radio dan juga media elektronik yang lain dengan kerjasama daripada pihak berkaitan supaya maklumat kempen dapat sampai kepada golongan sasar yang lebih ramai dengan lebih berkesan. Program serta rancangan khusus ini memerlukan perancangan yang teliti untuk menentukan pengisian dan pengurusan program secara berterusan.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis masa, mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan ini juga.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN BAGI KALI KEDUA RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat suka saya mengingatkan lagi bahawa menurut Peraturan Tetap 112 (2) maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini.

Sambungan perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 disambung sekarang. Jemput Ahli Yang Berhormat yang nak berucap.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet Negeri Johor 09 Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya memulakan ucapan saya, kita ada satu permintaan ke enam-enam ADUN Pakatan Rakyat berasa tidak puas hati dengan susunan soalan-soalan lisan. Sungguhpun kita mengajukan soalan lisan tetapi kita tidak dapat menanyanya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia baru dua hari Yang Berhormat, takkanlah nak menaip semua.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam soalan saya yang nombor ke-13, hari ini soalan saya ke nombor 30.

Berapa purata soalan yang akan dijawab oleh Ahli-Ahli Exco lebih kurang 10 soalan sahaja. Kita tunggu sampai bila pun tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, ada takkan tak sampai.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : *So*, kita masuk pada ucapan kita.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, nasib badanlah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ok, izinkan saya menanyakan satu soalan kepada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru mengenai keadaan tanah runtuh di hadapan jalan Kelab Golf Taman Mount Austin.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Wakil Rakyat mana?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ha… Bentayan.

Y.B. Dato' Speaker : Apa pasal pergi jauh, kacau tempat orang lain.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Saya tak kacau sana. Semalam saya tidak ke Muar.

Y.B. Dato' Speaker : Tanya je...

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Peraturan 120(e) saya dah siap dah, dah lama dah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak melawatlah, dah siap.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Semalam saya cari kawan saya, saya kena pusing satu Jalan Besar.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya benda tu dah siap dan nak buka dah.

Y.B. Dato' Speaker : Dah buka dah, ini kerajaan sudah jawab dah buka. (Dewan ketawa). Tak taulah, oklah Yang Berhormat datang dia tutup, sengajalah oklah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : So, kita harap dia buka dah 5 tahun tanah runtuh di kawasan sana.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tahun depan tukar sanalah pergi Permas Jaya lawan dialah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Insya-Allah, kalau diizinkan.

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia cakap.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dialu-alukan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bajet 09 merupakan satu defisit bajet sebanyak 2.746 juta. Kerajaan seharusnya mengamalkan perbelanjaan berjimat cermat. Dalam keadaan krisis kewangan global sekarang, Kerajaan Negeri Johor seharusnya mengamalkan perbelanjaan berjimat cermat semasa membuat sesuatu perbelanjaan. Sekarang sudah sampai masanya pihak Kerajaan Negeri Johor untuk memberhentikan pelantikan 6 Pegawai Khas kepada Menteri Besar, memberhentikan pemberian elaun bulanan sebanyak RM3,300.00 kepada keenam-enam Pegawai Khas kepada Menteri Besar. Keenam-enam Pegawai Khas kepada Menteri Besar telah menerima elaun sebanyak RM3,300.00 sebulan. Kalau kita kira dengan kiraan Matematik, ilmu kira-kira, satu bulan Kerajaan Negeri terpaksa membayar RM19,800.00.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, negeri lain yang pembangkang perintah ada ke takde lantik? Takde lantik?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Takde.

Y.B. Dato' Speaker : Mana takde, pegawai dia banyak.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Takde.

Y.B. Dato' Speaker: Oh.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Kita berkhidmat secara percuma. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Dia cakap banyak senanglah. Oklah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Satu tahun ialah RM237,600.00 dan lima tahun, kerajaan terpaksa membayar RM1.118 juta kepada keenam-enam pegawai khas ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, alangkah baiknya sekiranya jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.188 juta ini digunakan untuk projek pembangunan di keenam-enam kawasan DUN yang diwakili oleh Pakatan Rakyat. Adalah satu perbuatan yang membazirkan wang rakyat sekiranya kerajaan masih berniat untuk meneruskan amalan pelantikan tersebut serta membayar elaun kepada keenam-enam Pegawai Khas kepada Menteri Besar. Rakyat di keenam-enam kawasan DUN telah membuat keputusan yang bijak pada pilihan raya Mac , 8 Mac 08 yang lalu dengan memilih kami sebagai Wakil Rakyat mereka, menyuarakan hak-hak mereka dan menyampaikan suara mereka ke dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, suara rakyat akan kami sampaikan ke Dewan yang mulia ini dan kami berenam tidak akan membantah tentang pelantikan keenam-enam Pegawai Khas kepada Menteri Besar dengan syarat keenam-enam mereka adalah dilantik tanpa pemberian apa-apa elaun daripada Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Macam Yang Berhormat cakap sedap aje, minta *free* aje ye. Oklah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Rakyat di keenam-enam kawasan DUN ini telah memilih kami dan menaruh kepercayaan yang tinggi kepada kami berenam untuk menyuarakan hak mereka di Dewan yang mulia ini. Sejak kebelakangan ini, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Mukim-Mukim Bentayan telah membuat beberapa peruntukan kepada beberapa persatuan ataupun tokong-tokong semasa majlis makan malam di bandar Muar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin menanyakan kepada Kerajaan Negeri bahawa setakat kini, berapa banyakkah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Pengerusi JPMM Bentayan untuk aktiviti tersebut? Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Pengerusi JPMM Bentayan untuk menjalankan aktiviti seperti pertandingan bola keranjang, badminton dan lain-lain acara sukan? Ataupun Pengerusi JPMM Bentayan menggunakan wang sakunya sendiri untuk menjalankan kesemua aktiviti-aktiviti beliau? Berapa banyakkah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk mendirikan Pejabat JPMM Bentayan di Jalan Ali, Muar? Adakah peruntukan ini juga akan dipanjangkan kepada keenam-enam ADUN Pakatan Rakyat di kawasan DUN kami?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepatutnya keenam-enam ADUN Pakatan Rakyat seharusnya mendapat peruntukan tahunan sebanyak RM200,000.00 untuk setiap ADUN, DUNnya tetapi oleh kerana kami bukannya ADUN Barisan, maka peruntukan tahunan tersebut telah dibatalkan oleh Kerajaan Negeri. Dimanakah letaknya keadilan?

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Bajet 09 mengenai Pejabat Daerah Muar. Anggaran perbelanjaan 09 untuk Pejabat Daerah Muar menyatakan bahawa Elaun Lebih Masa telah meningkat daripada 70, *sorry*, RM37,000.00 (untuk tahun 2008) kepada RM100,000.00 (untuk tahun 2009) iaitu peningkatan sebanyak RM170.3%, Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup meningkat sebanyak 100% iaitu dari RM130,000.00 kepada RM260,000.00, manakala Penyelenggaraan dan Pembaikan Yang Dibeli meningkat daripada RM315,000.00 kepada RM1.5 juta iaitu peningkatan sebanyak 376.19%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan perbelanjaan yang sebegitu besar oleh Pejabat Daerah Muar?

Dalam rancangan mengelakkan banjir pula, Kerajaan Negeri telah menganggarkan bahawa jumlah keperluan sebanyak RM1.8 juta untuk rancangan lima tahun iaitu 2006 hingga 2010. Anggaran keperluan untuk tahun 2009 adalah RM200,000.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan sejak kebelakangan ini banjir kilat sering melanda di negeri ini, adakah Kerajaan Negeri akan mempercepatkan rancangan mengelak banjir di negeri ini?

Mengenai laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan atau Agensi Negeri Johor Tahun 2007. Laporan itu menyatakan adalah penting untuk menjamin setiap ringgit Malaysia yang dipungut juga akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan rakyat di sesebuah negeri. Laporan tersebut juga menyebut beberapa perkara seperti berikut:

1. Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana/Malapetaka, soalan yang ingin ditanya saya ialah adakah ia meliputi mangsa-mangsa bencana banjir kilat?
2. Akaun Amanah Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor ataupun PUSPATRI. Di sini ada beberapa soalan yang ingin ditanyalah saya adalah berapa banyak graduan dan lepasan SPM yang telah menjalani program tersebut? Selepas latihan tamat, berapakah di antara mereka yang telah diserapkan ke dunia tenaga kerja, dan di manakah letaknya pusat-pusat pembelajaran tersebut?
3. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menuntut pinjaman daripada agensi negeri yang berjumlah RM601.61 juta pada akhir tahun 07?
4. Yayasan Pelajaran Johor, Penyata Kewangan bagi Yayasan Pelajaran Johor untuk tahun kewangan 2002-2006 telah diberikan dengan Sijil Penafian disebabkan angka beberapa perkara di Penyata Kewangan tidak dapat disahkan seperti terhutang oleh syarikat subsidiari, pinjaman pelajaran, pelaburan jangka pendek dan penghutang. Ini disebabkan ketiadaan dokumen yang lengkap untuk menyokong angka tersebut. Mengapakan Kerajaan Negeri membenarkan perkara itu berulang? Apakah tindakan yang bakal diambil oleh kerajaan negeri ke atas individu-individu yang tidak bertanggungjawab ini?

Dalam hal polisi pemberian air, adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk melaksanakan polisi pemberian air percuma kepada rakyat Negeri Johor yang berpendapatan rendah untuk 20 meter padu yang pertama seperti mana yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak dan Selangor di bawah pimpinan Pakatan Rakyat.

Kerajaan Negeri Perak juga telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk perbelanjaan pengebumian bagi golongan miskin, mereka yang telah berusia 65 tahun ke atas yang meninggal dunia. Adakah Kerajaan Negeri Johor akan mengikut jejak langkah Kerajaan Negeri Perak untuk menunjukkan bahawa kerajaan negeri adalah betul-betul prihatin dan ikhlas terhadap setiap golongan rakyat negeri ini?

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang penting, kesemua bantuan dan peruntukan ini adalah tanpa mengira agama dan bangsa dan ini akan dapat membantu mencapai matlamat sesuatu polisi kerajaan yang mana kesemua golongan rakyat yang berkeperluan mendapat bantuan yang sewajarnya dan bukannya pelaksanaan polisi yang berlandaskan agama dan bangsa yang mana ia akan menyebabkan jurang pendapatan dan taraf kehidupan rakyat negeri ini semakin jauh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bentayan menyokong penuh Kerajaan Negeri Johor memperuntukkan sebanyak RM20.9 juta bagi tujuan pendidikan agama, pembinaan sekolah agama dan program pembangunan ummah. Bentayan juga berharap Kerajaan Negeri dapat memperuntukkan sejumlah wang yang sepatutnya untuk pendidikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa peruntukan bantuan tahunan sepanjang empat tahun lalu yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada 8 buah sekolah tinggi persendirian Cina di Negeri Johor adalah sebanyak RM2.6 juta. Menurut laporan akhbar-akhbar Cina tempatan yang bertarikh 6 Mac 04 yang menyatakan bahawa sekiranya Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus dilantik menjadi Menteri Besar, 8 buah sekolah tinggi persendirian Johor akan mendapat peruntukan tetap tahunan sebanyak RM100,000.00. Adakah janji di atas sudah dikotai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar? Sekiranya sudah dikotai, sila nyatakan satu persatu peruntukan kepada 8 sekolah tersebut? 8 buah sekolah tinggi persendirian Cina di negeri ini sejak ia ditubuhkan telah mengalami kesuntukan kewangan dalam pentadbiran dan operasi hariannya. Dengan tanpa bantuan daripada Kerajaan Negeri, sumber kewangan 8 buah sekolah Cina, tinggi persendirian Cina di negeri ini hanyalah bergantung kepada derma-derma daripada masyarakat untuk meneruskan perkhidmatan pendidikannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, telah sampainya masa untuk semua pihak termasuk semua ahli-ahli politik yang cintakan tanah air ini berhenti untuk mengkomenkan sesuatu isu atas dasar perkauman atau membuat keputusan atas dasar perkauman. Tanggalkanlah cermin mata yang berunsur perkauman. Pada hari ini, Louis Hamilton telah mampu memenangi Juara Dunia F1, Barrack Hussein Obama telah boleh diterima sebagai Presiden Amerika Syarikat, dimanakah kita? Sudahlah 51 tahun kita bebas daripada jajahan British, sudahlah 51 tahun kita sama-sama menyumbang kepada negara yang tercinta ini, sampailah masa kita semua berbangga atas identiti kita sebagai seorang rakyat berbangsa Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri seharusnya memperuntukkan sebahagian bajet untuk membina kompleks pentadbiran negeri yang menempatkan semua pejabat-pejabat negeri di daerah Muar. Kompleks tersebut seharusnya dapat menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi. Ia sudah tentu akan dapat memudahkan lagi para rakyat daerah Muar untuk berurusan dengan kesemua pejabat negeri di satu tempat sahaja.

Bandar Muar ini sungguhpun dikenal sebagai bandar yang kedua besarnya di Negeri Johor namun nampaknya menikmati segala kekurangan. Anak-anak watan Muar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti perlu ke tempat yang lebih jauh untuk mencari ilmu. Maka sudah sampai masanya Kerajaan Negeri Johor seharusnya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam haruslah didirikan di daerah Muar.

Ini adalah untuk memastikan bahawa anak-anak watan daerah Muar dapat pendidikan yang di daerah Muar ini dan daerah Muar ini akan lebih maju dan bukan lagi dikenali sebagai bandar pencen. Meningkatkan keselamatan dan keamanan.

1. Kerajaan hendaklah meningkatkan tahap keselamatan awam, bukan sahaja untuk menjamin kesejahteraan rakyat tetapi juga untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing dan juga pelancong. Kami difahamkan peruntukan sebanyak RM330 juta telah disediakan kepada Polis Di-Raja Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pihak PDRM meningkatkan kecekapan dari segi tempoh tindak balas kehadiran pendekatan pencegahan melalui Rakan Cop, Polis *Hotline* dan laman web.
2. Ataupun kita faham bahawa pentadbiran Polis bukanlah berada pada kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan tetap perlu memainkan peranan dalam mewujudkan suasana kediaman yang selesa dan selamat dalam Negeri Johor. Kerajaan Tempatan khasnya perlu menyediakan kemudahan pencahayaan awam yang menyeluruh dan dapat berfungsi dengan berkesan mengurangkan kemungkinan berlaku jenayah di kawasan perumahan. Pengurusan tanah lapang dan juga bangunan terbengkalai juga merupakan salah satu aset penting dalam pencegahan jenayah. Tanah-tanah lapang yang ditumbuhi semak samun yang rimbun dan bangunan-bangunan kosong sering menjadi tempat sembunyian penjenayah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya juga ingin mengemukakan cadangan saya dalam menjamin keselamatan penduduk-penduduk terutama di kawasan perumahan taman-taman supaya Pihak Berkuasa Tempatan ataupun di kawasan saya Majlis Perbandaran Muar boleh mengkaji untuk menggunakan sebahagian bajet yang sedia ada untuk tujuan membina bonggol atau melukis garisan cat kuning untuk memperlahankan had laju kenderaan yang menggunakan jalan-jalan di kawasan perumahan taman-taman. Sikap sambil lewa pekerja-pekerja SWM seperti pepatah Melayu seperti pahat dengan pemukul, setiap kali panggil baru dia buat. Kalau tak panggil dia tak tahu buat.

Saya juga ingin bangkit di sini terdapat banyak tanah-tanah lapang yang sepatutnya digunakan dijadikan tempat permainan kanak-kanak telah dipenuhi dengan rumput lalang dan bersemak. Lagi pun parit-parit di kawasan perumahan juga tidak di selenggara mengikut jadual dan ini adalah di antara satu sebab yang telah mengakibatkan banjir kilat di kawasan perumahan taman-taman. Pihak MPM seharusnya bertindakan dengan kadar segera untuk membetulkan keadaan tersebut dan sekiranya fenomena ini dibiarkan berlarutan ia akan mendatangkan mudarat kepada penduduk-penduduk tempatan di kawasan perumahan taman-taman. Semak-semak tersebut memang sesuai untuk tempat pembiakan ular, tikus dan nyamuk aedes.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan harus ingat bahawa setiap wang yang dibelanjakan itu adalah untuk rakyat dan wang rakyat dan Pihak Berkuasa

Tempatan harus lebih berhati-hati dan memantau serta menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Johor salah satu keistimewaan bagi Ahli Dewan Negeri Johor ialah satu lencana kereta dibekalkan kepada oleh Kerajaan Negeri setiap ADUN dengan percuma.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin tahu sama adakah kenderaan yang digunakan oleh ADUN perlu membayar bayaran letak kereta di setiap kawasan letak kereta berkupon di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Ini adalah kerana kenderaan milik saya dan dipandu saya sendiri sering kali dikeluarkan kompaun oleh Pegawai Penguat Kuasa Pihak Perbandaran Muar dengan alasan tidak mempamerkan kupon yang dikeluarkan oleh pihak Majlis semasa meletakkan kenderaan di dalam petak.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sebelum Wakil Rakyat tak.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Baru-baru ini kena lagi tiga.

Y.B. Dato' Speaker : Allah, nasib tak baiklah. Tak tahu apa pasallah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ok. Penguat Kuasa Letak Kereta memberitahu kepada saya bahawa saya perlu melekatkan satu lencana yang mempunyai simbol Pihak Berkuasa Tempatan dan bukannya lencana ADUN Negeri Johor. Di sinilah saya nak jawapannya. Kalau PKT datang Negeri Johor Bahru kena letak cermin saya penuh. *I think* lah.

Y.B. Dato' Speaker : Betullah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Pergi Batu Pahat, Johor Bahru nanti pergi Pasir Gudang pulak penuh tu.

Y.B. Dato' Speaker : Nasib tak baiklah sudah jadi Wakil Rakyat pun kena denda.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Saya ada menelefon Setiausaha Majlis Perbandaran Muar mengenai masalah ini. Jawapan daripadanya ialah hantarlah dengan segera kompaun-kompaun ini saya akan *cancel*kan.

Y.B. Dato' Speaker : Dah kena denda ke belum. Yang Berhormat dah bayar.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Belum bayar lagi, tapi kompaun sudah tiga. Tiga hari turut-turut dia.

Y.B. Dato' Speaker : Saya *sign* jelah. Beri pada saya. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Terima kasih atas, ok.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dua puluh minit.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Sejumlah wang yang diperuntukkan yang telah diperuntukkan oleh Majlis Perbandaran Muar untuk menaikkan taraf sistem saliran di Muar. Projek-projek ini sama ada projek utama, besar ataupun projek kecil haruslah mempunyai pemantauan yang baik oleh pihak MPM. Misalnya di kawasan DUN Bentayan, di Lorong Wan Chik, Muar, Pihak MPM telah melancarkan satu projek untuk menaik tarafkan parit di kawasan tersebut sebelum pilihan raya umum yang lepas, tetapi projek itu tidak disiapkan dengan sempurna. Ia tidak dapat disiapkan dengan sempurna dengan alasan tiada peruntukan lagi. Akibat daripada itu rumah milik Puan Goh Ah Choo yang beralamat di nombor 144-9 Lorong Wan Chik, Jalan Salleh, Muar telah membuat aduan kepada pihak kami bahawa beliau khuatir akan berlaku hakisan tanah di sebelah tepi rumahnya akibat daripada pembinaan parit tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin tanyakan berapakah sebut harga terhadap projek tersebut? Siapakah kontraktor berkenaan bagi projek tersebut? Dan bilakah pihak MPM akan mengarahkan kontraktor yang terlibat untuk menyiapkan projek tersebut dengan sempurna?. Ini adalah untuk memastikan supaya rumah milik Puan Goh Ah Choo di dalam keadaan yang selamat untuk diduduki.

Indah Water Konsortium dan SAJ Holdings Bhd. Kerajaan Persekutuan pada tahun lepas telah meluluskan satu akta yang dinamakan *Water And Industry Act* dengan izin, Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan untuk membenarkan kemasukan bil Indah Water Konsortium kepada bil air yang mana merupakan satu tindakan memaksa rakyat jelata membayar bil Indah Water Konsortium, dan sekiranya rakyat ingkar bekalan air mereka boleh dipotong. Mahkamah Tinggi Ipoh pada tahun 2004 telah memutuskan bahawa Indah Water Konsortium tidak boleh mengenakan apa-apa bayaran sebelum ia dapat mengemukakan bukti perkhidmatan "*no service no charge*" dengan izin. Prinsip undang-undang ini seharusnya dihormati oleh Indah Water Konsortium dan juga kerajaan yang memerintah yang telah mendapat mandat daripada rakyat. Bolehkah kita bayangnya bagaimanakah boleh berlaku keadaan di mana pengguna seisi bulanan keluarga RM4.00 tetapi Indah Water Konsortium yang bertanggungjawab untuk pembetungan sahaja bagi mengenakan bayaran sebanyak RM8.00 sebulan. Tak masuk akallah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang Indah Water Konsortium buat sekarang? Surat tuntutan saman Mahkamah berlayang-layang. Rakyat jelata merasa bimbang apabila diberitahu Indah Water Konsortium akan membawa kes mereka ke Mahkamah sekiranya mereka tidak menjelaskan akaun tertunggak mereka. Sememangnya rakyat boleh mengambil perkhidmatan Peguam untuk membela diri tetapi bayangkan bagaimana kebanyakan mereka yang hanya berhutang beratus ringgit sahaja. Walau bagaimanapun, kita masih tidak dapat memberhentikan tindakan dan keputusan Indah Water Konsortium untuk membawa kes ke Mahkamah. Kerajaan Negeri Perak dengan mandat rakyat telah membuat satu keputusan baik di mana ia enggan membenarkan Indah Water Konsortium yang mencantumkan bil Indah Water Konsortium dengan bil air. Di sini saya nak tanyakan kepada Kerajaan Negeri Johor adakah Kerajaan Negeri Johor membenarkan Indah Water Konsortium

mencantumkan bil Indah Water Konsortium dengan bil air Syarikat Air, SAJ di negeri ini? Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat masa dah ok. 20 minit dah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lagi sekejap lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, kemudian datang semula Akta Pelupusan Sisa Pepejal dan Pelupusan Awam 2007 yang telah diberikan spesifik kepada tiga buah syarikat sahaja. Apa yang kita boleh rumuskan pada masa sekarang akta ini memberi kesan oleh *Sewerage Services Act* 1993 dengan izin, yang mana Indah Water Konsortium telah ditubuhkan mengambil alih tugas Pihak Berkuasa Tempatan dengan sistem pembetungan dan rakyat terpaksa membayar kepada syarikat konsesi tersebut pada masa yang sama juga membayar cukai taksiran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kesimpulan, kita haruslah bersama-sama berkemampuan membasmi segala kepincangan, ketidaktelusan, ketidakcekapan pengurusan, salah guna kuasa dan amalan korupsi kronisme di Negeri Johor. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok perbahasan diteruskan lagi, kalau siapa nak berucap, tiada. Ha Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana telah memberi izin kepada saya untuk sama-sama membahaskan Ucapan Bajet.

Y.B. Dato' Speaker : Bentayan itu lampu tolong kasi padam. Sudah habis kasi padam.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y.A.B. Menteri Besar Johor yang mana dalam pembentangan bajet tempoh hari telah merangka suatu bajet yang insya-Allah pada pandangan kami dan saya akan dapat memacu Negeri Johor ini ke arah satu era yang lebih baik, insya-Allah. Lebih-lebih lagi dalam mengharungi krisis ekonomi dan kewangan global yang sama ada kita suka atau tidak suka pasti akan melanda negara kita tidak lama lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau krisis ekonomi pada tahun 1997 ia hanyalah krisis mata wang semata-mata, alhamdulillah negara kita, negara sebelah sini hanya terlibat tetapi tidak menyeluruh di seluruh negara, seluruh dunia. Tetapi krisis ekonomi pada hari ini adalah satu krisis global yang sudah pasti melanda negara kita dan semua pakar ekonomi mengatakan bahawa kesan yang paling hebat akan berlaku tahun hadapan. Dan dijangka tidak akan pulih sekurang-kurangnya akan mengambil masa dua tahun yang akan datang. Satu perkara yang paling dibimbangi dan ngeri dan digeruni oleh

pakar-pakar ekonomi. Apabila berlaku satu fenomena yang dinamakan *recession deflation* ekoran daripada krisis ekonomi pada hari ini, yang mana bukan sahaja krisis tetapi *recession*. Rakyat tidak lagi mahu berbelanja ekoran kerana kurangnya aliran wang dalam negara. Maka akan berlaku satu tsunami ataupun masalah *recession deflation,* yang menyebabkan bahawa kilang-kilang akan ditutup, tenaga kerja akan dibuang, hingga inilah yang paling digeruni daripada *inflation* yang selalu kita bimbang sangat. *Inflation* cuma harga naik berjimat cermat. Tetapi kalaulah *deflation,* rakyat tidak berbelanja, ekonomi akan merudum, kilang-kilang akan tutup, pekerja-pekerja akan dibuang. Ini akan memakan masa yang sangat lama untuk dipulihkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Amerika sekarang ini secara teknikalnya dia telah bankrap. Bukan lagi krisis ataupun *deflation*. Telah bankrap. Bukan defisit, bankrap. Negara kita, oleh kerana harga minyak turun pada USD50, oleh kerana minyak negara kita merupakan 40% daripada hasil, hasil negara, 40%. Jadi, dianggarkan bahawa negara kita akan mengalami defisit ataupun penguncupan dari segi pendapatan negara yang cukup hebat pada tahun akan datang dan seterusnya. Jadi, kita suka atau tidak suka, Johor juga akan mengalami masalah yang hebat. Apabila kita selalu fikirkan tentang pekerja kita di Singapura akan diberhentikan, tapi kita perlu juga fikirkan bahawa masalah pekerja dalam negeri kita ini dijangka lebih hebat yang akan diberhentikan tidak lama lagi. Jadi masalah yang akan kita fikirkan tapi yang saya tidak nampak dalam bajet yang dibentangkan, bahawa masalah ini telah pun ada dalam *master plan* atau dalam perancangan tempoh hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ekoran daripada itu, harga komoditi kita telah jatuh begitu mendadak. Kelapa sawit daripada RM700.00 satu tan dah turun kepada RM280.00 hingga RM250.00. Di sesetengah tempat turun pada RM100 lebih, RM180.00 satu tan. Ini telah mendatangkan satu kesan yang sangat hebat kepada para petani kita. Saya nak tahu adakah Portfolio Pertanian telah merancang, mengambil kira, apabila berlaku penurunan harga yang lebih rendah lagi. EXCO selalu membentangkan bahawa perancangan kita begini, begini, bantuan, bantuan, bantuan, begini, begini. Apa yang berlaku masalah sekarang ini, harga sawit yang begitu rendah, saya nak tanya pada EXCO Pertanian, apakah rancangan untuk membantu khususnya pada petani-petani, peladang-peladang kelapa sawit pada hari ini? Saya fikir kita tidak berkuasa untuk menstabilkan harga, harga minyak sawit. Sekurang-kurangnya kita boleh membantu dalam bentuk lain. Contohnya mengurangkan kos-kos seperti baja dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, maka bermula hari ini, sudah semestinyalah penelitian satu lagi sistem ekonomi yang lebih baik. Memandangkan pada sistem ekonomi yang ada pada hari ini iaitu liberalisme telah jelas gagal untuk memacu manusia atau bumi ke arah ekonomi yang lebih baik. Maka, saya tidak ragu-ragu lagilah, pakar ekonomi sekarang ini telah beria sangat melihat ke arah ekonomi Islam dan insya-Allah kita berdoa akan datang ini akan berlaku, insya-Allah. Kita merancang, Allah juga merancang. Dan insya-Allah, kita yakin rancangan Allah itu adalah lebih baik Tuan Speaker. Saya nak baca satu ayat al-Quran, dengan izin. (Ayat al-Quran) maksudnya "Andai kata, sekiranya penduduk di satu negeri itu beriman dan bertakwa kepada Allah,

nescaya Allah akan bukakan pintu barakah dari langit dan pintu barakah daripada bumi-bumi ini". Ini satu janji Allah pada manusia supaya untuk mendapat keberkatan dalam apa saja bentuk permintaan kita, ekonomi atau sebagainya maka janji Allah, beriman dan bertakwalah kepada Allah SWT. Oleh kerana barakah ini bukannya bentuk *blessing* seperti yang kita faham, pada mereka yang bukan beragama Islam, bukan *blessing*, lebih daripada *blessing*. Ia bukannya bentuk RM yang turun dari langit, berketul-ketul gitu, bukan. Apa saja pekerjaan, apa saja bentuk yang kita dapat, kalau tanpa keberkatan, maka pada kami ia tidak ada makna apa-apa pun. Dapatlah banyak-banyak mana, walau bagaimanapun, tak ada makna apa-apa. Tapi kalaupun sedikit, dengan berkat yang Allah beri pada kita ataupun sedikit, maka kita akan rasa nikmat, rahmat dan kita akan rasa cukup aman dengan benda yang kita dapat itu. Dengan tersebut, belanjawan ekonomi maka tidak sempurna kalau kita tidak menyebut hikmah ataupun berjimat cermat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jimat cermat, adalah satu dasar dalam ekonomi. Islam mengajar kita. Jimat cermat ini bukan masa kita susah. Masa kita senang kita kena jimat cermat. Kalau dah susah kita nak jimat cermat, ini bukan penyelesaiannya, Tuan Speaker. Allah ajar kita bagaimana contoh, hendak kita kawal ekonomi negara, contoh Nabi Isa Alaihissalam, bagaimana? Untuk menghadapi tujuh tahun masa susah, tujuh tahun kita kena berjimat cermat dalam mengawal dan mengurus sistem ekonomi Negara. Tujuh tahun berjimat cermat, masa senang, bukan masa susah. Dah susah, tak guna lagi. Masa senang kita berjimat cermat. Kalau dululah, lima tahun, tujuh tahun dulu, selepas krisis kewangan, kita *start*, kita mula berjimat cermat, maka pada tahun depan atau seterusnya kita dah ada dalam keadaan sungguh selesa, insya-Allah tapi oleh kerana kita tidak belajar daripada contoh, jimat cermat semasa kita senang, sekarang masa susah kita senang. Maka inilah keadaan dihadapi pada hari ini. Tapi walau bagaimanapun, saya rasa masih belum terlambat lagi. Dan saya minta, saya harap pihak Kerajaan Negeri memikirkan bukan sahaja untuk menjana ekonomi tapi juga untuk memikirkan bagaimana kita nak *mutual*kan perbelanjaan kita yang telah kita sungguh selesa jadi, tidaklah menyusahkan rakyat dan kerajaan.

Defisit RM2.7 juta bukanlah banyak sangat saya rasa berbanding Negeri Kedah sampai RM17 juta, Kelantan RM30 juta defisit. Johor cuma RM2.74 juta bukan satu defisit yang besar. Tapi bila dikira dengan bajet tambahan dan sebagainya sampai juga ratusan juta. Tiap-tiap tahun, tahun lepas kita bincang bajet tambahan dan sebagainya, peruntukan tambahan hingga RM100.00 lebih juta, bermakna, saya tak faham sangat tentang ekonomi, tetapi asasnya saya faham bahawa ini suatu bajet defisit yang besar. Walau bagaimanapun, kita kena fikir bagaimana kita nak berjimat cermat ini Tuan Speaker dan untuk menjamin lebih ekonomi lagi. Lebih menjamin ekonomi.

Oleh kerana hasil Kerajaan Negeri, majoriti bentuk cukai, cukai tanah umpamanya, maka saya mencadangkan bahawa suatu pelan tindakan, suatu gerak kerja yang komitmen yang besar, sungguh-sungguh perlu dijalankan. Bagaimana kita nak menuntut cukai-cukai yang tertunggak yang begitu banyak yang tidak dinyatakan dalam bajet. Saya rasa pilihan kita juga, bagaimana. Ini kita kena fikir cara pendekatan yang sesuai. Mungkin saya

setuju dengan pendekatan Yang Berhormat bekas Menteri Besar Selangor dulu. Beri insentif, beri penghargaan kepada PBT yang dapat memberi cukai-cukai yang baik yang tinggi, tapi jangan bagi penyapu sudahlah. Mana yang tak itu, tak berjaya. Cuba, usahakan. Bagi bonus, bagi penghargaan, insentif, kepada PBT yang dapat pungut cukai yang ataupun Majlis-Majlis Daerah yang berjaya dalam program-program ini.

Dan satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, jimat cermat satu nilai hidup yang baiklah, dalam belanjawan yang defisit dan dalam ekonomi yang sungguh gawat, akan datang, cuba-cubalah fikir bagaimana kita nak berjimat cermat dalam perbelanjaan kita. Bagi saya kalaulah satu perpuluhan berapa juta untuk servis kereta selama 4 tahun dan bila saya semak tentang rekod jawapan, tentang penyelenggaraan kereta-kereta EXCO dan MB, saya rasa ini adalah satu perbelanjaan yang sungguh luar biasa hingga satu tahun hampir RM50,000.00 untuk satu kereta untuk diserviskan. Kita boleh fikir, fikir cara yang lebih baik, adakah perlu lagi dalam Negeri Johor ini pakai kereta Proton Perdana Executive yang begitu hebat, kos *servicing*nya, Dato' Speaker, *maintenanc*enya atau adakah perlu kita cari alternatif lain atau ada yang tak kena. Ini contoh, bukan saya nak menuduh apa-apa. Contoh, kasi contoh.

Dan satu lagi, Yang Berhormat Dato' Speaker, satu amalan yang dikira lazim di mana-mana dalam jabatan Kerajaan di Malaysia ini, yang mana-mana peruntukan yang diberikan sepanjang tahun itu, kalau tak habis, kena belanjakan. Ini saya tidak faham. Kenapa mesti dibelanjakan? Apa susahnya dipulangkan balik kepada Perbendaharaan untuk dijimatkan kembali. Tiap-tiap tahun saya dengar, tiap-tiap jabatan dipaksa habiskan peruntukan yang telah diberikan sepanjang tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Jabatan mana itu Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Semua jabatan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, duit yang tak habis dia suruh belanja?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang tak habis, mesti dihabiskan.

Y.B. Dato' Speaker : Mana Yang Berhormat tahu?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya tahu Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hm, ada *spy*.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya rasa semua orang tahu. Ini terpaksa mengadakan program-program yang tak masuk akal. Lawatan kerja ke Indonesia, ke China dan sebagainya. Ini jabatan, jabatan kecil di Muar, daerah Muar. Dia tanya kerana apa? Dipaksa habiskan duit peruntukan. Ternyata salah ini. Kita ubah sikit, demi menghadapi masalah ekonomi yang pasti akan berlaku. Ubah pendekatan ini. Mana-mana

peruntukan yang tak di habis belanja, pulang balik, pulang balik, apa susahnya pulang balik. Dan kita beri insentif pada mana jabatan yang *perform* dengan belanjawan yang peruntukan yang sedikit. Kita boleh buat Yang Berhormat Dato' Speaker. Contoh di Terengganu semasa Kerajaan Pas memerintah. Kawan saya dia memegang sebagai Pengarah Muzium Negeri Terengganu.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa Pengarah Muzium ?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Dulu, masa Pas memerintah. Dulu, sejarah. Dia mengadu pada saya, dulu semasa BN memerintah, peruntukan bagi Muzium Terengganu lebih kurang RM3, RM4 juta. Bila Pas memerintah, Pas bagi dia hanya RM600,000.00 pandai-pandailah. Kami hendak muzium ni berjalan, tak tutup, pandai-pandailah berjimat cermat dengan RM600,000.00. Itu boleh berlaku kalau ada keikhlasan, ada daya usaha, insya-Allah boleh berlaku. Jadi saya minta Kerajaan Negeri fikir-fikir…

Y.B. Dato' Speaker : Jadi mana bagus, masa Pas memerintah tu, oklah tu ya?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Bukan masalah itu, tapi masalah oleh kerana dalam suasana kita kurang duit dan suasana kita akan menghadapi masalah ekonomi. Kita kena buat kerja-kerja yang macam ni. Penjimatan macam ni. Saya rasa semua Ahli-Ahli Dewan boleh bersetuju.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ada lagi?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ada masa lagi?

Y.B. Dato' Speaker : Ok, sikit lagi.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi tentang masalah isu-isu tempatan, saya rasa alhamdulillah di Sungai Abong ataupun di bawah pembangkang, tapi oleh kerana kerajaan Barisan Nasional ada prihatin dan tidak memilih bulu ataupun, dan sebagainya, jadi kami di Sungai Abong menerima limpahan projek-projek. Terima kasih kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, adalah masalah-masalah kecil yang akan sentiasa kami pantau dan insya-Allah atasi. Jadi di Sungai Abong masalahnya tak banyaklah Yang Berhormat Dato' Speaker, acap kali saya adukan, jawapannya kami tak mampu, kami tak ada peruntukan, kami tak apa, bukan masalah kami. Itulah perlu adanya sebuah bank ataupun Pejabat Pos di kawasan Sungai Abong itu sendiri. Ini permintaan orang-orang yang dah pencen. Untuk mengambil pencen dan sebagainya, jadi mereka kata perlu ada. Jadi saya dah mengadu dekat pos Muar, dia kata tak boleh, kerana dah ada Pejabat Pos. Sekurang-kurangnya lima kilometer luar daripada itu baru boleh. Dan untuk mengadakan satu Pejabat Pos baru, dia kata rugi. Pos Malaysia rugi. Pos setakat untuk beli itu, beli ini, rugi. Setakat beli setem, simpan duit, bayar bil. Jadi dia kata tak boleh. Jadi mana saya nak mengadu lagi. Jadi di sinilah satu keperluan asas bagi penduduk Sungai Abong yang sekitar 20,000 itu yang majoritinya adalah mereka-mereka yang dah pencen ataupun bank untuk mereka ambil duit-duit pencen dan sebagainya. Jadi ini harapan kamilah.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau bercakap tentang ekonomi, saya rasa kita mesti sebut tentang zakat. Zakat adalah suatu agenda yang Allah sengaja bukan suka-suka disyaratkan kepada kita tapi suatu perkara yang Allah kata mesti dilaksanakan. Jikalau kamu laksanakan secara kerana Allah, ikhlas, sungguh-sungguh, iltizam, maka Allah janji masalah kemiskinan tegar ke tak tegar insya-Allah, kita boleh atasi.

Ataupun saya puji Pengurusan Zakat Johor dari segi kewangannya, dari segi pengurusannya tetapi dalam masalah kita membasmi kemiskinan melalui zakat ini, saya rasa kita sedikit gagal. Sedikit gagal. Yang mana zakat yang begitu banyak, RM170 juta lebih setahun kalau kita tumpukan untuk rakyat yang miskin, khususnya orang Islam yang miskin, saya rasa lama dah kita dah selesaikan masalah sesama mereka. Kita jangan selesaikan masalah luaran sahaja untuk mengatasi kemiskinan ini. Walhal ulama mengatakan bahawa zakat ini kalau perlu bagi tanah, bagi tanah. Sekurang-kurangnya kepada fakir-fakir miskin, supaya mereka ini boleh mengerjakan tanah itu dan berdikari. Jika kita susah bagi tanah, kita bagi bentuk lain dengan wang zakat itu. Dan *priority* kita mesti fakir miskin dulu, ataupun kita ada 8 asnaf. Lapan golongan yang patut dizakat tetapi *priority* ialah fakir dan miskin dahulu.

Tetapi kita tidak. *Priority* pertama amil dulu. Amil, siang-siang dah ambil zakat fitrah. Yang lain-lain tu, serah, nak bagi lagi. Ini tak kena. Tidak kena. Zakat fitrah 100% bagi pada orang yang susah. Jangan bagi pada 8 asnaf. Bagi pada orang susah. Itu hak mereka untuk menyambut Hari Raya, seperti yang diamalkan di negara-negara Islam lain. Saya belajar di Timur Tengah, zakat fitrah ni kita ambil duit bagi terus pada orang susah untuk Hari Raya. Ataupun ini satu pendekatan yang luar biasalah di negara kita ini, wajib bagi pada amil. Tapi itu lebih berkesan. Kalau satu kampung Sungai Abong, satu taman saya, ada sepuluh orang susah, kutipan zakat RM2,000.00, RM2,000.00 dia bagi terus kepada sepuluh orang susah. Ini contoh cadangan yang boleh kita sama-sama fikirkan. Untuk kalau kita ikhlas untuk menolong fakir-fakir dan miskin ini, Tuan Speaker.

Dan saya nak masuk pada satu perkara yang di luar daripada Dewan ini dan saya rasa kita ada peranan masing-masing tentulah mengenai PPSMI yang heboh kita perbincangkan bukan di sini tapi di luar. Ataupun bukan dalam peranan kita di Dewan Undangan Negeri ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tapi kita ada peranan. Sama-sama boleh mendesak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya ada laporan, kertas kerja tentang, apa ni, kesan dasar pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dikeluarkan pada 7 Ogos 2008. Perbincangan meja bulat Gagasan Veteran Malaysia (GVM), anjuran Yayasan Kajian dan Strategi Melayu. Ini kumpulan penyelidiknya Profesor Dato' Ishak

Harun, Profesor Madya, macam-macam lagilah pakar-pakar akademik Melayu. Jadi kesannya, rumusannya bahawa gagal. Bukan sahaja gagal tetapi merugikan anak-anak kita di sekolah-sekolah rendah UPSR. Ataupun, keputusan UPSR pada akhir-akhir ini, kajian dah ada mengatakan bahawa kita berjaya. Kerana apa berjaya? 38% anak-anak kita menjawab dalam Bahasa Inggeris bagi Sains dan Matematik. 38%. Ini bukan satu kejayaan. Kalau 90%, 100%, ini berjaya. 6 tahun diajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris tetapi hanya 38% menjawab dengan Bahasa Inggeris dalam subjek Matematik dan Sains. Tapi tak dipecahkan sekolah mana. Di bandar ke luar bandar ke. Dibentangkan keputusan menggalakkan, lebih ramai yang mendapat 5A dan sebagainya. Saya difahamkan mungkin ini satu fitnah. Tapi saya difahamkan bahawa hingga 20% markah pun dikira lulus. Mungkin tak betul. Kita takut ini berlaku. Untuk menampakkan bahawa program ini berjaya, kerajaan terpaksa menurunkan sistem penyemakan markah-markah ini. Hingga 20 markah pun dikira lulus. 20 lebih dikira A ataupun B. Ini merbahaya Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat setuju ke Bahasa Inggeris ni?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya terang-terang tak setuju.

Y.B. Dato' Speaker : Ya?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau tak, tak setuju. Bukan saya seorang.

Y.B. Dato' Speaker : Tak setuju?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Bukan saya seorang. Kalau saya tak setuju tak apa. Tapi ini semua pakar-pakar akademik Melayu, yang bukan Melayu pun tak setuju. Kita setuju untuk memperkasakan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, tapi bukan cara ini. Kita memperkasakan subjek Bahasa Inggeris itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Masa Yang Berhormat belajar dulu Bahasa Inggeris macam mana? Lulus?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Dato' Speaker, sistemnya lain. Dulu kita ada dua *medium*, Inggeris dan Melayu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dulu dalam bahasa apa?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Inggerislah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, baguslah ya Bahasa Inggeris Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tapi soal kita bercita-cita nak memperkasakan, meningkatkan Bahasa Inggeris di kalangan anak-anak kita, bukan cara itu Dato' Speaker. Kita memperkasakan pelajaran subjek Bahasa Inggeris itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tak apa lagi. Sikit saja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dah cukup masa.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : 80% pelajar-pelajar yang di sekolah rendah di luar bandar ataupun di bandar-bandar merasa tidak senang, tidak puas hati, rasa susah apabila mereka diajar dalam Bahasa Inggeris bagi subjek Sains dan Matematik. Ini dalam laporan ini dan mereka menyatakan bahawa gagal segagal-gagalnya dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman Bahasa Inggeris bagi anak-anak kita dan lebih gagal lagi anak kita tidak faham untuk subjek Matematik dan Bahasa Inggeris Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa dah habis Yang Berhormat. Dekat setengah jam. Ok boleh …..

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi...

Y.B. Dato' Speaker : Panjang dah ni.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih, Ini yang terakhir. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan saya menyokong …..

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Terima kasih banyak.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ucapan daripada ADUN Kempas, Yang Berhormat Kempas untuk hari semalam. Setuju 100%. Seorang pembangkang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, terima kasih.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan disambung lagi. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berserta dalam membahaskan atas rundingan Bajet 2009 pada pagi yang mulia ini. Tadi saya dengar Yang Berhormat Bentayan ada sebutkan Pengerusi JPMM dilantik 6 orang. Sebab itu saya mintalah dia pergi siasat dan juga buat *homework*lah sebelum dia buat sebarang tuduhan dan tohmahan kepada kerajaan. Sebab apa yang saya tahu, Pengerusi JPMM untuk DUN Skudai belum dilantik sehingga hari ini. Dan itulah, caralah mereka untuk buat tohmahan dan juga tuduhan yang tidak berasas dan juga tidak pergi membuat siasatan. Adakah ini cara mereka nak buat di Dewan yang mulia ini? Mungkin Dato' Speaker akan

membenarkan merekalah. Tapi apa yang benar tu, itu kenyataan yang benar. Bajet 2009 bagi Negeri Johor bertema "Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat" memang tepat pada masanya berpandukan kepada tercetusnya krisis kewangan Amerika Syarikat dan Eropah. Di mana Malaysia dan Negeri Johor akhirnya juga tidak terkecuali dari mengalami krisis ekonomi yang amat mencabar ini, ekoran harga komoditi dan ekuiti telah turun mendadak sejak kebelakangan ini. Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat DUN Sungai Abong, suis tu…Ok, *thank you.*

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak apa? Nak suruh berehat, ok boleh, duduk. Jemput duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:05 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, kita penuh yakin bahawa Kerajaan Johor bukan sahaja akan melakukan segala yang terbaik dan mampu untuk membela rakyat dan menyelamatkan ekonomi Negeri Johor, bahkan juga akan menggemblengkan segala kekuatan yang ada bagi menghadapi cabaran besar, iaitu tekanan ekonomi global yang semakin hari semakin menurun dan impaknya akan berlarutan selama satu sehingga tiga tahun.

Mengikut laporan IMF yang mengeluarkan kenyataan bahawa krisis ekonomi yang bermula di Amerika Syarikat akan berterusan dan sampai ke tahap kemuncaknya dalam masa satu tahun lagi. Keadaan seperti ini semakin membimbangkan kita semua kerana bukan sahaja akan memberi kesan-kesan yang negatif, mendadak ke atas pertumbuhan ekonomi pada tahun 2009, bahkan kadar inflasi negara juga dijangka akan naik pada tahap 3 hingga 4%.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bajet 2009 bukan sahaja perlu menggemblengkan segala kekuatan bagi menghadapi cabaran, bahkan merupakan kesinambungan pendekatan pembangunan holistik yang dapat membawa seluruh rakyat menghadapi cabaran berikutan krisis ekonomi global yang tidak menentu dalam tahun-tahun akan datang. Dalam memastikan matlamat ini tercapai, ia juga mengajak semua rakyat khususnya di Negeri Johor bersedia untuk menempuh cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu yang memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak daripada kepimpinan

termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Pakatan Rakyat untuk sama-sama menyumbang ke arah memastikan krisis ini ditangani dengan berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita sedar bahawa harga barangan berada di tahap yang membebankan pengguna setelah kenaikan harga minyak sejak bulan Jun tahun ini. Tetapi, apabila harga minyak turun, sepatutnya harga barangan juga turun, tetapi para peniaga tidak ingin turun harga barangan dengan memberikan pelbagai alasan.

Saya juga ingin cadangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memantau, memantau harga-harga barangan yang telah dinaikkan secara mendadak dan tidak diturunkan pada masa ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan penurunan harga komoditi seperti kelapa sawit, getah yang mendadak dengan permintaan global yang lembap, keadaan sebegini serupa jatuh ditimpa tangga. Ini bukan sahaja membawa kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Johor, bahkan akan membawa impak negatif kepada rakyat Johor terutama penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Dan, seandainya tidak ditangani dengan secepatnya, ia akan memesongkan pencapaian dan juga hasrat Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010.

Kita penuh yakin Kerajaan Negeri Johor akan terus memberi perhatian dalam usaha pembasmian kemiskinan, pembangunan sosioekonomi masyarakat miskin dan juga berpendapatan rendah, pendidikan, alam sekitar dan juga kesihatan yang adil dan saksama kepada semua rakyat di Negeri Johor.

Selain itu kadar pengangguran negara dianggarkan kira-kira 4% hingga 4.5% berbanding 3.5% sekarang. Negeri Johor pula akan berhadapan dengan keadaan pekerja-pekerja yang hilang kerja di negara-negara jiran termasuklah Singapura yang akan diberhentikan kerja serta pulang ke tanah air yang menjangkau kira-kira 500,000 orang.

Kerajaan Negeri memberi jaminan rakyat Johor akan diberi keutamaan untuk bersama dalam pembangunan Iskandar Malaysia yang dapat menawarkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 33,000 orang. Tetapi, untuk memaksimumkan peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur ini, saya cadangkan Kerajaan Negeri dapat mewujud dan menggalakkan pertumbuhan industri-industri hilir asas tani dijalankan supaya kadar pengangguran dapat dikurangkan ke tahap yang minima, demi mengurangkan masalah sosial, menjamin keamanan dan juga keselamatan negeri yang bukan sahaja mempengaruhi suasana pelaburan, bahkan juga mempengaruhi tahap keselamatan penduduk dan juga pelancong.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan telah melaksanakan Program *Safety City* melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh itu, dalam Dewan yang mulia ini, saya juga ingin tahu sejauh manakah Program *Safety City* di Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor, sama ada telah mencapai kejayaan atau tidak? Berdasarkan pada perhatian saya, ada tempat CCTV

yang telah dipasang telah tiada atau hilang ataupun diturunkan khasnya di kawasan daerah Kulaijaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi projek-projek kecil di bawah Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam atau PIA dan Projek Infrastruktur Asas atau PIAS untuk menyelenggarakan jalan kampung, balai raya dan juga jambatan kecil. Sebagai Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional, kita semua berharap cadangan projek-projek kecil ini juga dapat dipanjangkan kepada semua ADUN Barisan Nasional dalam Negeri Johor, untuk mempertingkatkan prasarana yang lebih baik dan juga sempurna kepada rakyat khususnya mereka yang berada di dalam kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menstabilkan harga komoditi kelapa sawit, Kerajaan Pusat akan melaksanakan penggunaan biodiesel untuk kenderaan-kenderaan Kerajaan yang dijangkakan bermula pada bulan Februari 2009. Oleh itu, saya juga ingin tahulah sejauh manakah pembangunan dan juga kemajuan biofuel dan biodiesel dalam Negeri Johor setakat kini dan adakah ia dapat memenuhi permintaan dalam Negeri Johor?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Persekutuan juga telah meningkatkan had kelayakan pinjaman kereta bagi penjawat awam. Bagi gred JUSA, had kelayakan dinaikkan daripada RM60,000.00 kepada RM70,000.00. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya semua ADUNlah, termasuk ADUN daripada pembangkang juga dinaikkan had kelayakan daripada RM60,000.00 kepada RM70,000.00 untuk pinjaman kereta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam kawasan Bukit Batu terdapat 3 buah hypermarket atau pasar raya besar:

1. Giant;
2. Tesco; dan
3. Econsave.

Giant telah beroperasi di Taman Kulai Utama, Econsave berada di Taman Putri dan Tesco di Taman Desa Emas sedang dalam pembinaannya dan semuanya berada dalam kawasan tidak lebih daripada 3 kilometer. Pada pandangan umumlah, adakah perlunya Kerajaan meluluskan *hypermarket* yang begitu banyak dalam kawasan yang terdekat dan mendatangkan persaingan sengit sesama pasar raya besar dan juga kepada pasar raya kecil dan juga peniaga runcit.

Ini juga boleh dilihat dengan pembukaan *petrol station* yang terlalu banyak dalam jarak beberapa ratus meter sahaja kita boleh nampak ada beberapa *petrol station.* Adakah ini trend terbaru Kerajaan khususnya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ataupun sekadar hendak memenuhi kehendak syarikat minyak untuk membuka *petrol station* dan akhirnya pengusahanya akan gulung tikar sebab tidak dapat berniaga dengan saingan yang terlalu hebat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin beralih kepada isu-isu yang timbul dalam kawasan saya. Baru-baru inilah, saya ucapkan terima kasihlah kepada pihak Yang Berhormat Senai yang telah menyuruh pembantunya masuk ke kawasan saya, untuk meninjau kawasan banjir di kawasan Taman Sri Muhibah, Kulai dan telah menyatakan banjir kilat berlaku di kawasan berkenaan. Sebagai Wakil Rakyat, saya, memang saya arif. Saya juga telah beberapa kali mendapat bantuan daripada Majlis Perbandaran Kulai untuk membersihkan sama ada *detention pond* sebelah taman, parit dan juga membina *outlet discharge* dan kini sedang merancang untuk pembinaan *detention pond* di tapak sebelah taman ini. Saya tidak fahamlah adakah hanya kawasan saya sahaja yang banjir? Kawasan, saya istimewa ke? Atau kawasan Yang Berhormat Senai langsung tak ada banjir. Di Saleng, di Senai tak ada banjir ke?

Oleh itu sebelum Yang Berhormat Senai masuk ke kawasan saya, saya nasihatkan supaya pergi selesaikan masalah banjir di kawasannya dahulu. (Dewan ketawa) Lepas tu, baru masuk ke kawasan saya sebagai Wakil Rakyat yang lain. Kalau tidak dapat selesai, saya sedia bantu dia sebab saya selesaikan masalah banjir dalam kawasan saya dengan bantuan dan juga kemudahan daripada agensi kerajaan yang berhubungan baik dengan Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional selama ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, saya juga ingin membawa satu perkara yang telah beberapa kali dibangkitkan iaitu masalah yang timbul di Taman Wawasan Kelapa Sawit, Kulai, yang nampaknya seolah-olah pemaju hendak melepaskan tangan dan tanggungjawab mereka sebagai pemaju. Kerana setiap tahun sejak saya dipilih sebagai Wakil Rakyat mesti berlaku satu kejadian yang berkaitan dengan taman perumahan ini.

Oleh itu, saya cadangkan kepada kerajaan supaya satu syarat, syarat pelantikan peguam yang dapat digubalkan kerana dalam kebanyakan *Sales And Purchase Agreement,* peguam mewakili pemaju dan juga mewakili pembeli dan begitu juga dengan *Loan Agreement* bersama institusi kewangan. Ini adalah berasaskan kepada seandainya peguam yang mewakili kedua pihak apabila berlaku sesuatu peguam yang berkaitan akan memihak dan menjaga kepentingan pemaju atau institusi kewangan dan bukan kepada pembeli atau peminjam wang.

Baru-baru ini, pembeli-pembeli rumah yang membayar secara tunai telah menerima surat tuntutan bayaran daripada pihak bank yang menuntut mereka membayar wang kepada bank sebanyak RM33,000.00 hingga RM41,000.00. Padahal mereka telah membayar kepada pemaju *full amount* dengan izin, mereka telah berjumpa dengan pihak saya dan ataupun surat telah dimajukan ke bank untuk mendapatkan penjelasan tetapi sehingga hari ini bank berkenaan masih belum menjawab.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Taman Wawasan, Kelapa Sawit boleh disifatkan sebagai sebuah projek pembangunan yang bermasalah, yang dibangunkan sejak tahun 90-an. Pertamanya, masalah *Vacant Position* atau *VP* yang telah dikeluarkan tanpa Sijil Kelayakan untuk Menduduki tetapi telah diselesaikan oleh saya. Lepas itu, tunggakan air yang menggunakan *bulk* meter itu pun

diselesaikan dengan pemasangan *individual* meter dengan tidak dikenakan bayaran tunggakan.

3 bulan yang lepas, masalah 1,204 unit rumah tanpa hak milik telah dibangkit semula dan setelah berbincang dengan Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya, permohonan untuk hak milik telah dimajukan untuk pertimbangan kerajaan dan ini saya percayalah dengan Kerajaan Barisan Nasional, kita boleh selesaikan masalah ini. Oleh itu, sebelum pemaju dapat meneruskan pembangunannya, saya memohon kerajaan supaya dapat bekukan projek-projek pembangunan bagi pemaju tersebut ini sehingga kerja-kerja yang *under* speks seperti sistem air termasuk *pump house* yang tidak dapat diserahkan kepada SAJ Holdings kerana belum selesai dan juga tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Teknikal dan sebelum pemaju dapat meneruskan projek pembangunannya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga bercadang kepada kerajaan supaya memaklumkan kepada Wakil Rakyat akan terdapat pembangunan sama ada pembangunan perumahan industri di kawasan masing-masing supaya kita dapat memantau apa yang tidak sempurna pada pembangunan yang dijalankan. Kerana, pada akhirnya masalah yang timbul akan balik kepada Wakil Rakyat untuk bertindak bagi mempertahankan kepentingan pembeli. Kadang kita pun Wakil Rakyat kena bertindak sebagai pemaju, kadang kita kena bertindak sebagai peguam, kadang kita kena bertindak sebagai bank juga. Sebab itu kita kena tahulah apa pembangunan yang akan dijalankan di dalam kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan supaya *GLC* atau *Government Link Company* yang menyediakan perkhidmatan seperti PLUS, TNB, Telekom, Hospital dan lain-lain tidak perlu megah apabila mengumumkan prestasi kewangan berbilion ringgit sedangkan rakyat atau pelanggan yang menggunakan perkhidmatan mereka pula mengalami beban kewangan dan juga kos hidup yang semakin meningkat. Oleh itu, semasa kita menghadapi masalah krisis ekonomi bantulah rakyat yang merupakan penyumbang utama keuntungan *GLC* gergasi ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin beralih kepada satu tajuk yang lain. Dalam waktu krisis ekonomi, kegiatan Skim Cepat Kaya, Gores Dan Menang, malah ada yang telefon, tahniah awak, kerana menang, telah kembali semula. Oleh itu saya meminta pihak yang bertanggungjawab supaya memantau dan juga mengambil tindakan dan langkah untuk pencegahan dengan berkesan bagi mengurangkan rakyat kita dari terus tertipu kerana tamak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya balik semula ke kawasan saya. Saya juga ingin menarik perhatian kerajaan supaya dapat mengatasi masalah tekanan air rendah di Kampung Rahmat, Batu 27, Kulai yang setiap kali kalau *pressure* air dibuka kuat, paip lama akan pecah dan juga bocor. Oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan dapat menggantikan *main pipe* dengan *G.I pipe* yang baru dengan kadar yang secepatnya.

Saya juga ingin membawa masalah berkenaan peletakan kenderaan-kenderaan berat yang berleluasa di dalam kawasan-kawasan taman perumahan khususnya di dalam kawasan sayalah yang sering, bukan sahaja merosakkan infrastruktur dan juga menghalang penglihatan kenderaan yang lain. Oleh itu, saya juga ingin tahulah apakah langkah-langkah yang dapat diambil sama ada oleh Pihak Berkuasa Tempatan, LPKP atau JPJ terhadap kenderaan berat yang terus berleluasa di dalam kawasan perumahan?

Yang Berhormat Datuk Speaker, jalan-jalan tadi mula sempadan kawasan saya di Taman Kulai Utama hingga penghujung sempadan kawasan di Layang-Layang termasuklah di FELDA Bukit Batu ke Parit Panjang. Jalan-jalan memang telah teruk dan keadaan ditampal sini dan sana. Oleh itu, saya memohon supaya kerja-kerja mengetar semula jalan-jalan yang saya nyatakan tersebut itu dapat dijalankan.

Di sini saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat menjalankan kerja-kerja untuk meluruskan selekoh merbahaya di Batu 24, Jalan Ayer Hitam – Johor Bahru yang telah dibawa oleh saya dalam Dewan yang mulia ini sejak saya dipilih sebagai Wakil Rakyat .

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada kerajaan kerana telah menjalankan kerja-kerja menukar *cross over* di KM 37 Jalan Johor Bahru - Ayer Hitam dengan kos berjumlah RM1 juta untuk menjalankan kerja-kerja menukar *cross over* melintang jalan raya. Tetapi, apa yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini adalah dari segi keselamatannya. Sedihlah saya, bagi saya memang sudah biasa dengan keadaan jalan, tetapi kalau pengguna-pengguna jalan dari luar memang boleh masuk ke dalam sungai kerana papan tanda keselamatan dan juga lampu juga amat kurang. Kalau pengguna dari luar masuk ke kawasan ini memang kita berdoa dia tidak berlaku apa-apa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semalam kita dengar Yang Berhormat Parit Yaani kata dia hendak mencari Ketua Monyet di kawasannya untuk berunding dengan mereka untuk tidak buat kacau. Tapi apa yang saya fahamkan, banyak monyet kalau ditangkap pun dia akan dihantar masuk ke Hutan Lipur dekat Gunung Pulai. Sebab itu, kalau monyet sudah banyak, saya pun tidak macam Yang Berhormat daripada Parit Yaani, boleh berinteraksi dengan Ketua Monyet. Saya minta supaya Jabatan Perhilitan dapat melepaskan monyet-monyet ke hutan yang lebih mendalam, ke Taman Negara dan bukan ditangkap di Parit Yaani dan …

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Datuk Speaker, minta laluan sikit, sebab saya dah dengar penjelasan daripada Yang Berhormat daripada kawasan...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Bukit Batu.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bukit Batu. Tujuan saya bukan, kalau boleh tangkap monyet yang beribu-ribu ekor itu, tak jadi masalah. Macam mana nak tangkap. Dia cadangkan tangkap dan lepaskan di dalam hutan yang paling

jauh atau paling dalam. Ini saya rasa kalau ada cadangan yang terbaik untuk menangkap monyet-monyet yang berkenaan itu, sila datang ke kawasan saya, bantukan saya. Sekian terima kasih. (Dewan Ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Nanti mesyuarat bersamalah. Yang Berhormat boleh mesyuarat bersama. Yang Berhormat Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Parit Yaani ni dia punya monyet itu kalau ditangkap pun saya tengok memang masuk kawasan saya sebab kawasan dia dekat dengan kawasan saya ni. Sebab itu, sekarang masalah di kawasan Kampung Gunung Pulai ini pun sama dengan dia. Sebab itu kalau saya dapat tangkap dia punya pun sama-sama boleh tangkaplah. Sebab itu saya akan menjemputlah Yang Berhormat Parit Yaani untuk memulakan usaha cari, kalau dia punya sudah kena tangkap menjadi Ketua Monyet pulak supaya tidak buat kacau, ganggu di kawasan Bukit Batulah.

Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Saya juga berharap permohonan tanah oleh generasi kedua FELDA Bukit Batu dapat dipertimbangkan dan diperhasilkan dengan kadar yang secepatnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya berakhir dengan pantun jugalah.

Kulaijaya namanya diberi kepada daerah baru,
Pembangunan pesat harapan rakyat jelata,
Bukit Liki letaknya pejabat pentadbiran baru,
Agensi kerajaan baru harap ditubuhkan segera.

Majlis Perbandaran Kulai diberikan nama,
Pungutan hasil berada 5 atas harumkan nama,
Andainya sampah, longkang, jalan tidak urus sempurna,
PBT akan disifat sebagai agensi yang merosakkan nama.

Ceti haram dan peminjam wang tempatan,
Iklan merata turun hari ini esok naik semula,
Mencabar kewibawaan Pihak Berkuasa Tempatan,
Tindakan tegas tidak diambil hancurlah negara.

Bukit Batu namanya diberi kepada kawasan saya,
Gunung Pulai dan Bukit Hantu pusat pengeluaran batu utama,
Batu di ambil gunung dan bukit juga di letup dan di binasa
Andainya generasi kita tidak menghargai alam sedia ada,
Gunung dan bukit akan pupus dan tukar neraka, katanya semua,
Marilah kita jumpa beramai-ramai di Sedenak Hi Tech Park pada suku tahun kedua.
Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker yang saya hormati,

Sidang Dewan Negeri mungkin di Nusajaya kita jumpa lagi.

Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kempas. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput, yang lain. Jementah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat petang dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2009. Seperti kita tahu bahawa, Bajet 2009 itu merupakan satu bajet yang defisit. Walau bagaimanapun, dalam kegawatan ekonomi dunia yang sedang kita hadapi ini, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat membentangkan satu bajet sedemikian rupa. Tentulah telah membuat banyak kajian dan tentulah telah membuat banyak-banyak penyelidikan. Dan, pada umumnya bajet ini merupakan satu bajet yang menyeluruh dan meyakinkan.

Berita pada pagi ini memberi satu berita mengenai bahawa pemimpin-pemimpin APEC telah mengambil satu langkah untuk menyelesaikan krisis ekonomi dalam 18 bulan. Itu satu kenyataan yang amat meyakinkan. Dan itu satu kenyataan yang amat memberangsangkan. Kalau kita meninjau balik sejarah Malaysia, kita menghadapi banyak krisis ekonomi pada 80-an, pada 97, 98. Dan, kerajaan kita mampu menyelesaikan semua krisis ini. Dan muncul semula dengan satu tahap yang lebih kukuh dan mantap. Jadi, saya rasa Kerajaan Barisan Nasional dalam menghadapi kegawatan ekonomi dunia kali ini, di mana cabarannya lebih besar. Saya penuh yakin, kita mampu menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi. Jadi, antara langkah yang saya rasa kita perlu tingkatkan tidak lain daripada penyampaian jentera kerajaan. Dalam usaha kita hendak menyelesaikan masalah ekonomi, kecekapan, ketulusan dan juga kepantasan sistem penyampaian kerajaan semua jabatan kerajaan. Baik daripada Pusat, negeri sampai PBT perlu menyelaras dan mengambil satu langkah komited yang amat peka dengan keadaan sedemikian. Sekiranya kita dapat mengambil pendekatan sedemikian, saya yakin Malaysia dapat menyahut cabaran sedemikian.

Selain daripada itu, dalam menghadapi ataupun menyelesaikan masalah sedemikian, satu unsur yang penting ialah untuk mempertingkatkan aktiviti pasaran ekonomi domestik. Kalau kita menghadapi kegawatan ekonomi, kita semua jimat, kita semua tambah belanja. Itu pun susah. Tidak ada utiliti wang dalam pasaran. Oleh sebab itu, kerajaan perlu mempertingkatkan aktiviti ekonomi domestik melalui projek-projek pembangunan supaya kita dapat merangsang pasaran ekonomi. Saya amat mengalu-alukan pakej rangsangan kerajaan, di mana RM7 milion, bilion, bilion diperkenalkan. Saya rasa mungkin pakej itu terlalu kecil kalau kita bandingkan dengan pakej rangsangan Amerika, USD700 bilion, Negeri China USD586 bilion. Jadi, saya rasa Kerajaan Malaysia dalam usaha untuk merangsang pakej rangsangan untuk memulihkan kegawatan ekonomi itu, selain daripada mementingkan projek pembangunan, kita juga perlu menolong SMI, Industri-Industri Sederhana dan Kecil kerana industri-industri sederhana dan kecil ini merupakan nadi ekonomi negara kita.

Dan juga SMI ini merupakan suatu bidang perniagaan yang dapat mewujudkan, mewujudkan, memberi peluang pekerjaan. Oleh sebab itu, saya rasa kerajaan perlu komited, perlu mengambil langkah-langkah yang baik untuk membangunkan industri SMI seperti mempertingkatkan daya saingan mereka ataupun tolong mereka mencari pasaran yang baru, bukan sahaja di tempatan malahan di antarabangsa. Meyakinkan mereka supaya daya saingan mereka lebih tinggi. Membekalkan mereka dengan ilmu-ilmu ICT ataupun menjalankan *road show* dan sebagainya. Menghubungkan mereka dengan pasaran antarabangsa untuk membantu mereka. Dan saya yakin mereka sedikit sebanyak dapat menolong negara dalam menghadapi cabaran di dunia ini.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, Malaysia telah merdeka, 51 tahun. Dan sepanjang 51 tahun, kita tahu sistem pendidikan negara kita memang mampu menghasilkan banyak pakar. Sampai kita nampak ada banyak pakar-pakar kita, profesional-profesional kita telah ke luar negeri, keluar ke negara lain. Jadi, dalam sistem pendidikan Malaysia kita ini, unik, disebabkan oleh kita telah mengambil satu acuan yang sendiri. Di mana kita ada aliran Sekolah Kebangsaan, kita ada aliran Sekolah Jenis Kebangsaan, kita ada aliran Sekolah Agama, tetapi semua ini merupakan sekolah-sekolah Kerajaan Malaysia. Dan sepanjang tahun ini, semua sekolah ini telah menghasilkan banyak orang-orang yang cerdik pandai. Tidak ada masalah daripada segi perpaduan.

Oleh sebab itu, kerajaan khususnya, Kementerian Pelajaran turut, turut mengamalkan satu mekanisme yang adil kepada semua sekolah tanpa apa kira aliran. Dan, saya mengalu-alukan kerajaan baru-baru ini telah menggunakan sebanyak RM200 juta untuk 4 aliran sekolah ini. Kita tak mahu kerajaan mengambil satu pendekatan, apabila dah mendesak, baru membuat peruntukan pembangunan untuk sekolah-sekolah aliran, macam sekolah aliran jenis kebangsaan. Supaya rakyat rasa apabila dah terdesak ataupun masa nak pilihan raya, baru beri peruntukan dan pembangunan. Kita semua nak hapus semua konsep sedemikian. Supaya semua rakyat Malaysia tanpa kira bangsa, agama dapat menerima, dapat menganggap Kerajaan Barisan Nasional itu betul-betul menjaga keperluan semua rakyat di negara kita ini. Kerana saya rasa, apa-apa aliran di sekolah negara kita ini, semua menyumbang tenaga kepada Malaysia, kerajaan kita. Tanpa kira aliran mereka. Mereka menghasilkan orang-orang yang berilmu, yang dapat memberi perkhidmatan kepada negara kita.

Oleh sebab itu, saya juga amat terima kasih kepada Kerajaan Johor, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Boleh dikatakan tiap-tiap tahun, dia ada peruntukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, sekolah persendirian. Tiap-tiap tahun ada. Saya kena maklumkan kepada Dewan ini. Kita nak ucap terima kasih. Kerajaan Johor telah mengamalkan pendekatan sedemikian dan seharusnya menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain. Hari ini kita kena katakan. Kalau tidak, ada orang yang tidak tahu. Dia ingat Kerajaan Negeri Johor tidak membuat pendekatan sedemikian. Yang baik kita kena cakap. Kalau tak cakap, orang tak tahu. Orang tak tahu, dia tanya. Ha, itu orang tak cakap. Oleh sebab itu, saya rasa, kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan kena adil kepada semua.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu perkara saya nak bangkitkan lagi di Dewan ini, kesejahteraan rakyat dalam Bajet 2009. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menceritakan, tetapi saya rasa, baru-baru ini di Negeri Johor khususnya ataupun di kawasan saya, kita telah menghadapi satu masalah penyakit Chikungunya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita tengok negeri kita, negara kita, sistem rangkaian kesihatan kita amat baik. Boleh dikatakan sistem rangkaian kesihatan negara kita baik. Kerana daripada kesihatan, kita ada banyak Klinik Desa, kita ada Pusat Kesihatan, kita ada Hospital General Besar, Hospital Daerah, Hospital kecil. Rangkaian sistem kesihatan kita cukup baik. Kakitangan kesihatan saya rasa pun cukup. Tetapi, tetapi dalam menangani masalah Chikungunya ini, saya rasa ada sedikit kekurangan. Ok, kita cakap daripada segi statistik. Saya rasa statistik yang dikumpulkan oleh Kesihatan tidak mencerminkan, tidak mencerminkan keadaan penyakit yang sebenar. Saya sebagai Doktor, tiap-tiap hari boleh dikatakan ada menerima pesakit sedemikian. Daripada segi kempen kesedaran rakyat terhadap penyakit itu, amat kurang. Masih ada pesakit saya atau kawan saya tanya, eh, adakah penyakit itu merebak? Dia orang tak tahu. Cara macam mana dia merebak? Penyakit itu dah boleh dikatakan merebak dengan luas. Tetapi, kesedaran rakyat terhadap penyakit itu amat kurang. Kerana kesedaran rakyat kepada penyakit itu dapat membantu, dapat membantu daripada segi pencegahan, perebakkan penyakit itu. Kalau rakyat tidak tahu.

Oleh sebab itu, Kempen kesedaran, beri maklumat tak ada. Mungkin Pejabat Kesihatan dapat koordinasi dengan Pendidikan. Sebarlah maklumat ini melalui murid-murid. Murid-murid ambil balik rumah, dia akan bawa balik ke rumah beritahu ataupun ada cara-cara yang lain supaya penyakit itu dapat dikawal. Ataupun penyakit itu, saya tahu ia tidak merbahaya sampai membunuh, tetapi dia cukup menyeksa, sakit. Oh, itu cukup menyeksa.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak mengalih ke satu isu yang lain. Kalau semalam, Yang Berhormat Parit Yaani ada kata, petroleum punya harga dah turun, barang masih tinggi lagi. Hari ini saya nak maklum kepada Dewan, minyak harga dah turun, tarif elektrik masih tak berubah. Kalau dulu kita tahu dia kata TNB cakap dia kena naikkan harga mungkin kerana minyak petrol dia dah naik. Tetapi hari ini petrol minyak harga dah turun, tarif elektrik masih tidak turun.

Banyak kawan saya, peniaga-peniaga saya pun tanya, sekarang kita tengah-tengah menghadapi kegawatan ekonomi, kita nak kurangkan kos operasi perniagaan kita. Rumah saya dulu RM200.00 lebih, sekarang RM500.00 lebih caj elektrik. Jadi sekarang saya nak tanya kenapa caj elektrik itu tidak turun selaras dengan penurunan harga minyak petroleum. Saya terbaca satu liputan akhbar, dia kata kalau minyak harga arang batu turun, baru dia fikir nak turun harga caj elektrik. Mungkin ada kaitanlah, antara harga arang batu dengan elektrik. Tetapi apa yang kita faham, dulu dia kata naik harga elektrik kerana minyak naik harga. Ha itu yang orang ramai tak faham itu! Ha, tolong jelaskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya mengalih balik kepada beberapa isu tempatan. Kalau kita tidak bawa isu tempatan, nanti rakyat cakap kita tak kerja, kita pentingkan isu nasional sahaja. Hospital, Hospital Segamat dalam suatu keadaan yang amat mendukacitakan. Sudah banyak kali kita bangkitkan dalam Dewan. Sekarang apa yang saya faham, pakar pun takda, pakar takda tak apa. Pegawai Perubatan pun tidak cukup. Tidak sampai 10 orang kalau tak silap saya. Semalam saya baru telefon, Lembaga Pelawat Hospital saya. Saya rasa kurang daripada 10 orang Pegawai Perubatan, pada hal jawatan dia sampai 40. Bayangkanlah macam mana Pegawai Perubatan itu nak kerja. Dengan *workload* yang begitu dengan sedemikian rupa. Satu orang doktor kena kerja empat doktor punya kerja, itu, saya rasa tak patutlah. Banyak kali kita dah bangkitkan.

Saya pun faham, Kementerian Kesihatan menghadapi kekurangan doktor, tetapi janganlah Segamat sahaja yang begitu teruk, kurang daripada 10 orang Pegawai Perubatan, macam mana nak kerja. Saya rasa dia orang kerja 48 jamlah macam saya dulu 34 jam, 36 jam. *Workload*.. kalau *workload* yang begitu teruk bagi seorang doktor, macam mana mereka nak *perform* kerja dengan baik. Macam mana permintaan pesakit boleh dipenuhi. Itulah sebab ramai pesakit yang kompelin. Perkhidmatan hospital tidak baik. Orang anggap hospital itu tak boleh pergi, betul saya cakap. Dia orang pergi *emergency* pergi sahaja, lepas itu masuk wad dah, dah *planning* nak keluar. Telefon saya, saya pun kena sibuk jugak, tolong, kita nak *transfer out* dia cakap nak keluarlah nak masuk ke, hospital swasta. Biasa kalau Segamat dia pergi, Melakalah. Mesti *cost*, Itu bagi orang yang mampu, orang yang mampu, orang yang miskin, macam mana? Kena terimalah hakikat. Kena terimalah perkhidmatan yang diberi oleh hospital di Segamat. Oleh sebab itu, saya haraplah Jabatan Kesihatan Negeri, memandang serius tentang kekurangan doktor, bukan pakarlah, kalau kita minta pakar, susah, saya faham, Pegawai Perubatan cukuplah. Sekurang-kurangnya, kerja-kerja asas perubatan dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna. Itu permintaan kita. Saya rasa Y.B. Ayub dia pun setuju dengan saya. Keadaan yang boleh dikatakan teruk, dukacita. Hospital Segamat, ambil perhatian.

Isu yang keduanya, persiapan banjirlah. Saya kalau kata kalau banjir, Segamat, orang sampai hari ini, masih ketakutan. Saya ada duduk satu mesyuarat tindakan daerah, bagi daerah Segamat, 15% hujan belum turun lagi, iaitu lebih kurang 330 meter. Kalau dia turun, kalau hujan itu, dia turun dalam sepanjang dua bulan itu, takpa. Takut 15% itu, dia turun dalam satu dua hari, mungkin kita hadapi satu banjir yang besar, sedemikian rupa pada 2006, ha itu kita tak nak, memang kita tak nak. Semalam Y.B. Parit Yaani ada tanya persiapan JPS daripada segi pembersihan parit, sungai. Hari ini saya nak tanya, sama ada Kerajaan Negeri ataupun Pejabat Daerah telah bersiap-sedia daripada segi logistiknya. Eh, logistik juga penting, keanggotaan keselamatan, seperti Polis, tentera, bomba, apabila berlaku banjir besar, sudah ada ke tidak. Bot-bot penyelamat, berapa kita sudah ada siap sedia Helikopter, kalau dalam tahun 2006, lori pun tak boleh lalu, kena helikopter. Berapa biji helikopter kita dah sudah siap, sekiranya berlaku banjir sedemikian rupa. Lori, yang perlu mengambil mengangkut. Bot, ha, bot, kena tanya juga, operator dia, berapa orang yang mampu bawa bot dalam satu arus yang deras. Kalau dalam 2006,

bot sampai tumpas, kawan saya, nyaris-nyaris mati tau. Bot dia dah tumpas. Nasib baik dia pegang pokok. Ha, kita kena pastikan yang operator bot itu pun kena orang yang baik. Bukan sedemikian rupa. Ha, itu semua logistik, makanan, barang-barang keperluan, semua benda-benda ini dah siap ke belum? Itu kita nak tanya. Selain daripada parit, longkang, sungai, kita kena bersih, saya tahu Segamat, JPS, banyak tolong kita. Saya kena ucap terima kasih kepada JPS, banyak projek-projek membaiki banjir, naik taraf, ada, sedang jalan. Kita takda komen daripada segi ini. Tetapi kita juga nak ambil tahu daripada segi logistik dia, persiapan dia. Itu kita rasa pentinglah.

Satu lagi isu sampah-sarap yang saya sentiasa terima panggilan daripada rakyat. Saya ingat ini satu isu bukan di Segamat, seluruh negeri. Isu sampah sarap ini, khususnya menjelang hari kebesaran, sampai 3, 4, 5, hari, tak ambil. Itu satu masalah juga. Macam mana kita nak selesaikan? Itu bukan satu kali kita cakap, di Dewan, di Majlis Daerah, di Tindakan Daerah, kita cakap, tetapi nampak dia macam, seperti yang dikata oleh Y.B. Kempas, kita kena ketuk, ha, dia baru jalan. Itu, imejlah, imej PBT lah. Ini semua ambil kira rakyat, apabila mereka ada hak mengundi. Jadi saya haraplah, daripada segi isu sampah sarah, PBT, Kerajaan Negeri kena lebih tekan lagilah, mungkin kita kena mengambil satu langkah kitar semula, semua itu kita kena ambil, jangan sebenarnya, perkara sampah sarap ini perkara yang remeh-temeh tu, tetapi perkara yang remeh-temeh itu, yang menjadi satu isu besar kepada kita. Boleh jadi isu besar. Boleh jadi, satu, jadi bebanan kepada Kerajaan Barisan Nasional, ataupun nampak isu itu kecil, tetapi dia cukup bisa, dia cukup bisa dan dia boleh mendatangkan sesuatu yang buruk kepada kita. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah sahaja yang saya nak bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, dan, saya juga turut sokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Kempas. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat. Jemput yang lain. Jemput Jorak.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullah.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Dan salam sejahtera, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Alhamdulillah, pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dalam kita sama-sama duduk dalam Dewan yang mulia ini. Dan, saya dapat mengambil bahagian dalam Mesyuarat Yang Keempat, bagi Bajet 2009, bagi Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Negeri Johor ini. Juga terima kasih kepada Datuk, Yang Berhormat Datuk Speaker, yang telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan enakmen dokumen perbekalan 2009 ini. Sebelum saya meneruskan ucapan saya ini, mungkin saya juga ingin berkongsi sedikit pengalaman sebagai Wakil Rakyat penggal yang pertama ini. Sebelum dulu, saya ingat, jawatan Wakil Rakyat ini, satu jawatan yang glamor, eh, rupa-rupanya setelah duduk di kerusi ini, takda perkara lain yang datang kepada saya melainkan, masalah. Jadi hidup dalam masalah ini, saya kira Ahli-Ahli

Yang Berhormat yang lain pun tahu bagaimana sengsaranya hidup sebagai Wakil Rakyat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang belum, nak jadi Wakil Rakyat, Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Ha, baik jangan. (Dewan ketawa). Bagi bajet 2009 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dengan temanya "Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat", saya kira Bajet 2009 ini amat menyeluruh dan seimbang, dengan memberikan tumpuan dan penekanan kepada meninggikan lagi taraf hidup dan kualiti hidup rakyat di Negeri Johor ini. Saya ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tetapi, sebenarnya yang kita tahu bahawa kelembapan ekonomi yang melanda dunia pada hari ini secara global, kemelesetan ekonomi, yang bermula dengan krisis kewangan di Amerika Syarikat dan kemudiannya ke Eropah, juga mengundang pengangguran yang begitu tinggi. Dan dalam sejarah sebenarnya telah berlaku, dalam tahun 30-an dan 60-an, bahawa pernah terjadi bahawa pengangguran yang tinggi hampir mencecah 30%, pengangguran di Eropah. Dan itu telah mengakibatkan salah satu sebab berlakunya Perang Dunia yang kedua. Oleh itu, kalau kita lihatkan keadaan kelembapan ekonomi pada hari ini. Sekarang disebutkan istilah sebagai *stagflasi* iaitu *stagnant* dan juga berlakunya inflasi. Kenaikan segala bahan-bahan komoditi, produk barangan utama, dan berlakunya pembekuan, *stagnant*, dalam ekonomi, tidak bergerak. KDNK tidak bertambah. Duit ada, tapi, rakyat tidak berbelanja. Contohnya macam, eh, makcik kita jual, pisang goreng, eh, tapi kita tak pergi beli, kerana dengan istilah bahawa kita ada duit, tapi kita kata kita tidak, kita nak berjimat-cermat, eh, yang akhirnya, yang menyebabkan bahawa makcik yang menjual pisang goreng itu tidak mendapat jualannya. Sepatutnya, dia dapat satu hari RM200.00, dengan kita tidak berbelanja dia hanya dapat mungkin RM50.00 sahaja.

Ini adalah malapetaka kalau kita tidak berbelanja, eh, duit tidak berpusing, seperti yang disebutkan oleh Y.B. Jementah tadi, *liquidity*. Sebab itu, kalau kita tidak berbelanja, makcik itu tidak boleh beli minyak, dia tidak beli pisang, dia tidak beli tepung, kedai pun tidak jual tepung, kedai runcit pun tidak jual minyak, akhirnya segala-galanya beku, *stagnant*, eh, dan, akan berlakulah macam-macam musibah yang lain. Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya kita semua sebagai Wakil Rakyat memberikan keyakinan yang penuh kepada rakyat kita bahawa, keadaan kewangan ekonomi, kita stabil dan kukuh, apatah lagi, dengan rangsangan, memperkenalkan lebih pakej rangsangan yang diberikan oleh Kerajaan, supaya dengan itu ekonomi kita akan kukuh. Walaupun kita lihat bahawa, indeks komposit kita, di BSKL telah turun di paras 800 lebih eh, daripada paras yang tinggi iaitu lebih yang lepas iaitu lebih daripada 1,100. Jadi kita nampak bahawa memang ada potongan dalam aktiviti ekonomi kita.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi kan?

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Adalah, setengah jam lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Oklah, kalau panjang lagi, jemput duduklah.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Hem...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 26 November 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEEMPAT	RABU, 26 NOVEMBER 2008	BIL. 4 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Puan Hamyesimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, jemput.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

Iklan-iklan haram yang ditampalkan terutama di papan-papan tanda jalan di bandar-bandar dan pekan-pekan di Negeri Johor menyukarkan pengguna-pengguna jalan raya. Pihak Berkuasa Tempatan perlu segera dan tegas mengambil tindakan mengoyakkan iklan-iklan tersebut dan mengambil tindakan undang-undang ke atas tuan-tuan punya iklan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Pemasangan Iklan Ceti Haram atau Peminjam Wang. Apakah tindakan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor terhadap pemasangan iklan atau kain rentang ceti haram atau peminjam wang di dalam kawasan pentadbirannya berdasarkan masalah ini semakin hari semakin berleluasa dan berada di tahap luar kawalan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya, ADUN Kawasan Panti dan juga ADUN Kawasan Bukit Batu mengenai dengan pemasangan iklan-iklan haram, poster-poster dan *bunting* yang tidak ada kebenaran di kawasan bandar-bandar dan juga pekan-pekan di tempat kita ini iaitu di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, gejala ini memanglah merupakan satu amalan yang berleluasa, yang dah agak lamalah berlaku iaitu pemasangan iklan serta poster ataupun poster, khususnya oleh peminjam-peminjam, peminjam yang tidak berlesen ataupun yang selalu kita panggil 'along'. Serta juga lain-lain peniaga yang kadang-kadang mengiklankan iklan perubatan tradisi, urut-mengurut, ubat kuat, ubat keras, kerja-kerja kosong dan juga kerja-kerja paip, rumah, *electrical* dengan izin, rumah-rumah untuk disewa, yang kebanyakannya dipasang di kawasan perumahan dan bandar-bandar, pekan-pekan dan juga

simpang-simpang jalan. Perbuatan ini adalah merupakan satu kesalahan ataupun vandalisme, yang mana jika tidak kita tangani dengan teratur akan memboleh memberikan imej yang kurang baik khususnya di dalam kawasan Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha kita untuk membasmi kegiatan ini, semua pihak PBT secara berterusan telah pun diarahkan untuk menjalankan operasi menanggal, membuang poster-poster dan iklan-iklan tersebut secara berterusan. Operasi pembersihan dilakukan secara berjadual dan berkala oleh Bahagian Penguat Kuasa PBT di seluruh kawasan pentadbirannya, termasuklah kawasan-kawasan komersil dan juga industri serta kediaman. Sebagai contoh, melalui operasi yang dijalankan Yang Berhormat Dato' Speaker, mulai bulan Januari tahun ini hingga November 2008, sebanyak 26,208 unit iklan, *bunting* dan kain rentang telah berjaya dilupuskan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru. Manakala Johor Bahru Tengah 14,131, diikuti dengan Kulai sebanyak 9,547, dan Pasir Gudang, 7,000 unit. Saya ambil Daerah Johor Bahru di mana kita kena beri fokus pada daerah ini kerana banyak yang lebih 70% daripada keseluruhan jumlahnya tertumpu di Daerah Johor Bahru. Kerana Johor Bahru ini seperti ADUN Kempas bangkitkan masa mencadang Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mana nak cari bandar raya 24 jam kedai motosikal beroperasi? Johor Bahru. Mana nak cari *money changer* dengan izin, bukak sampai jauh malam? Johor Bahru. Dan, mana nak cari tempat letak kereta dalam kolam? Johor Bahru. Mungkin Yang Berhormat saudara saya, EXCO Pelancongan boleh jadikan ini produk pelancongan, kerana ada cerita di belakang itu. Kita mengubah satu yang negatif kepada yang positif. *So we've to start thinking,* dengan izin. Ok.

Kerajaan Negeri melalui PBT telah mengadakan beberapa siri bengkel pindaan Undang-Undang Kecil. Ini satu langkah yang juga kita ambil untuk menangani permasalahan ini. Iaitu kita ada 36 Undang-Undang Kecil yang terdapat dalam PBT. Kita telah mengeluarkan arahan supaya semua Undang-Undang Kecil ini di *review* ataupun dikaji semula. Setakat ini kita tengah buat 25 Undang-Undang Kecil dan drafnya berada di dalam pengawasan ataupun pemerhatian ataupun penelitian oleh pihak Penasihat Undang-Undang Negeri. Dan kita berkeyakinan, selepas dibuat pindaan-pindaan tertentu khususnya kalau berkenaan dengan Undang-Undang Kecil Vandalisme ini, kita nak naikkan dia punya kompaun daripada RM250.00 nanti daripada satu angka yang boleh menjadi lebih kuat pencegahannya, kalau dilaksanakan. Dan, insya-Allah kita akan dapat laksanakan Undang-Undang Kecil ini pada tahun hadapan.

Dan, selain itu juga Bahagian Kejuruteraan di PBT telah diarah untuk melaksanakan program menukarkan bentuk-bentuk papan tanda jalan, menggunakan misalannya papan-papan tanda jalan tiang sebatang ataupun dengan izin *uni pole*, yang tidak membolehkan atau menyukarkan pihak yang memasang iklan haram ini bekerja dengan sewenang-wenangnya. Macam Majlis Bandaraya Johor Bahru telah pun mula usaha ini dengan meletakkan papan tanda yang lebih tinggi daripada biasa dan sukar ditampal dengan iklan dan poster, bagi mengelakkan kebanyakan apa ni, ataupun sebilangan besar daripada masyarakat kita terganggu dengan iklan-iklan haram khususnya yang digunakan secara tampal di papan-papan tanda jalan.

Y.B. Dato' Speaker : Jemput.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datuk Pengerusi Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam. Terima kasih juga atas tindakan-tindakan yang telah diambil, banyak, beribu-ribu diambil oleh Bandaraya, Johor Bahru Tengah, Kulai dan Pasir Gudang. Tapi kalau kita lihat, masih banyak lagi tertampal iklan-iklan haram ini di mana-mana, terutama sekali di papan-papan tanda, jalan-jalan yang menyukarkan pengguna-pengguna jalan raya. Jadi, saya mencadangkan satu *'task force'* khas untuk menangani isu ini. Oleh kerana kalau tidak, Bandaraya Johor Bahru dan kawasan-kawasan bandar-bandar di sekelilingnya saya rasa akan tidak begitu baik, tidak begitu sempurna.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat, ADUN… Panti, *sorry*. Perkara ini ialah perkara yang sentiasa berjalan. Kalau saya boleh guna perkataan, *it's an ongoing war*, ia tidak akan berhenti dan dia akan berterusan. Kita ambil contoh Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Kalau kita tengok Pasir Gudang, bila-bila kita lalulah, kawasan Pasir Gudang adalah antara kawasan PBT yang terbaik menangani masalah penampalan poster-poster haram ini. Kerana di Pasir Gudang dia ada satu unit khas, *task force* lah mengandungi 4 orang Pegawai *Enforcement* ataupun Penguatkuasaan yang menjalankan tugasan ini secara 24 jam dan *shift* 4 orang ini sentiasa bergerak dan bertukar di dalam kelompok penguatkuasaan yang cuma… jumlah besarnya hanya 30 lebih orang, 36 ke 37 pegawai-pegawai penguatkuasaan di peringkat Pasir Gudang. Dan, ini saya telah pun diarahkan supaya diguna pakai untuk seluruh PBT cara kerja yang macam ini. Di Bandaraya dia hanya buat sekali seminggu iaitu setiap hari Rabu. Ok, Bandaraya kepadatan penduduk lebih tinggi kalau nak dipandangkan Pasir Gudang, tapi ini tidak seharusnya menjadikan satu alasan untuk kita tidak mengambil tindakan yang lebih efektif dan lebih berkesan. Kerana kita faham di Kulai pun banyak, begitu juga. Jadi semua PBT telah pun diarahkan supaya menjalankan kerja ini secara 24 jam bergilir-gilir di kalangan kelompok jumlah keseluruhan pegawai-pegawai penguatkuasaan masing-masing.

Kita telah mengkompaun, telah mengeluarkan kompaun setakat ini hanya 54 kompaun yang kita telah keluarkan seluruh negeri, dengan jumlah kompaun yang saya masih lagi beranggapan kecil iaitu RM13,500.00. Kita kena boleh, kita kena bekerja 24 jam untuk menangani masalah ini, untuk menambah kompaun ini, tambah hasil juga kita di masa yang sama. Dan, di masa yang sama mengurangkan penyakit yang menyakitkan mata dan hati ini di kalangan pembayar-pembayar cukai dan pengguna-pengguna jalan raya yang berada di dalam kawasan kita. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kerja ini akan berterusan dan saya mohon jugalah kerjasama semua pihak, kalau ada, sama-samalah kita cuba, kalau ada beritahulah. Dan, PBT mesti respons dengan secepat mungkin, kerja ini akan berterusan, kita sudah ada terima laporan-laporan. Dan, laporan-laporan ini akan juga dihantar kepada Jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan untuk makluman dan tindakan selanjutnya

kerana kita kena menangani masalah ini dengan kerja, secara kerja rangkaian yang lebih meluas.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Saya nak tanya sama ada pihak Polis boleh mengambil bahagian dalam perkara ini. Sebab mereka selalu ada, nombor telefon ada. Jadi kalau Polis boleh jalan siasatan, mungkin baik untuk kita.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, yang saya sebut agensi itu, satu daripadanya ialah Polis. Tujuan kita ialah untuk memberi maklum balas ini kepada Polis supaya Polis pun tahu, berapa kerapnya berlaku kes-kes seumpama ini, untuk makluman dia dan tindakan dia, sama ada jangka pendek atau jangka panjang, kerana kita memerlukan tindakan bersama semua Jabatan dan Agensi yang berkaitan dengan permasalahan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah dah bangun.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Boleh nampak ah.. Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh nampak apa dalam itu.

Y.B. Dato' Speaker : Itu nampak, itu kertas. Ok.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Itulah cara mereka buat iklan dan nampaknya cara mereka itu lebih profesional. Dan, saya nampak mereka pakai pula nama-nama bank, ada CGC Bank, ada SME Bank, sebab itu memang jadi satu tarikan. Sebab itu saya juga ingin tahulah, apakah tindakan yang lebih profesional daripada Pihak Berkuasa Tempatan? Yang saya tahu, hari ini *you* pergi turunkan iklan, besok, mungkin tak sampai besoklah, iklan itu akan dinaik semula. Itu satu cara macam mana kita nak turunkan iklan itu untuk selama-lamanya.

Y.B. Dato' Speaker : Maknanya apa? Soalannya apa?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Apakah cara profesional yang akan digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan?

Y.B. Dato' Speaker : Nak nurunkan itu, ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya dah cakap *it's an on going war* benda ini akan berterusan, dengan izin. Dan *it's a cat and mouse games*. Kita ada satu kes kalau saya boleh bercerita sikit dalam Dewan ini. Kita tangkap seorang, dapat tangkap, kita, kita tuduh dia di mahkamah, yang datang untuk membela ini, *built out* ini, bila taiko itu keluar datang jauh daripada Tangkak, kena tangkap, dia punya pekerja ini kena tangkap di Pasir

Gudang. Saya cakap *confident*, tapi datangnya taiko bila keluar *so*, ini satu bisnes yang cukup besar, dia ada taiko-taiko tertentu yang terlibat. Ini satu cabaran yang cukup *interesting* daripada saya. Oklah, *so* kita sama-sama kerja, dia kerja saya kerja. Kita akan bekerja 24 jam. PBT kena terima ini. Mesti kerja 24 jam, ada unit khas ini tadi yang akan bekerja khusus untuk ini lagi, untuk ini saja. Ok, memang betul hari ini kita buka, bukan esok, 2, 3 jam dah pasang balik dah. Yang kena tangkap tu cakap, saya akan pasang balik. Tak apalah, dia pasang kita buat. Bisnes akan terus berjalan, dia kena beli kain, beli kertas, beli cat, beli *what ever it is* dengan izin. Apa pun, ekonomi bergerak. Yang paling yang terlibat itu saya tengah cat oklah, kita buat kerja ini, beli tali, beli apa, belilah, beli gam. Kita pun beli bahan kimia untuk, dia dah ada gam, itu bukan senang tu, nak kerja teliti. Tapi saya nak mintaklah ok, jalankan kerja ini kerana ini dah jadi satu sistem kita.

Yang, yang Ah Long ini, sokong Ah Long ini Yang Berhormat Dato' Pengerusi, ada juga yang telah pun Dato' Pengerusi, Dato' Speaker. Maaf.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Ada juga yang telah dikeluarkan lesen, dan ada premis oleh KPKT, kerana ini di bawah undang-undang memang boleh. Tetapi bila kita semak secara *operational*, operasinya sebiji sama bacaannya dengan kadar faedahnya, bayaran hak, bayaran hariannya, dia pinjam RM15,000.00 bayar tiap-tiap harilah RM75.00. Katakan berapa *percent*, 4 *percent* sebulan, hari-hari bayar tu. Tapi yang dibayar tu hanya *interest,* pokok tak bergerak.

Y.B. Dato' Speaker : Macam Court Mammoth lah, bayar minggu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Tetapi Court Mammoth bayar principal. Ini principal tak bergerak ni. Pokok tak bergerak tapi dia *legal,* satu *entity* yang memang sah dan ini pun kita kena tangani juga. Dia *apply* untuk pasang iklan, PBT kena keluarkan permit untuk iklan. Biarlah dia pasang di tempat yang, yang memang boleh dipasang iklan. PBT dapat hasil dia pasang iklan dia suka hati, dia pun tak payah pasang banyak-banyak di tempat yang tak dibenarkan. Tapi kalau kita tidak benarkan langsung, dia akan pasang mana-mana, kerana itu untuk dah ada lesen. Tapi kita akan maklumkan kepada KPKT, keluarkan lesen macam ini. Tanggapan orang ramai ialah kita merestui Ah Long. Ini, untuk makluman, yang tak pernah disampaikan kepada KPKT, PBT kena ambil tindakan untuk sampaikan. Apa maklumat pun, sampaikan kepada pihak yang berkenaan supaya satu tindakan yang lebih *integrated* lah dengan izin, akan dapat kita buat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini pandangan saya. Saya...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, cakaplah Yang Berhormat. *I* bagi *you* Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ada 2 isu yang saya lihat yang melibatkan tentang papan tanda yang melibatkan harta awam. Yang keduanya, tentang Akta Luar Negara Malaysia yang melibatkan pinjaman ceti haram. Adakah Kerajaan bercadang untuk membuat satu undang-undang atau peraturan yang boleh mengambil tindakan penjara kepada peminjam atau pelaku yang menampal *sticker-sticker advertise* sekarang ini di tempat-tempat awam, ataupun yang mengeluarkan pinjaman tanpa mendapat lesen daripada pihak Kerajaan? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedang, tadi saya cakap ini, dalam penelitian L.A. Kita nak memperbaiki, kita *by law* dalam perkara ini. Sekarang yang, undang-undang yang ada pun membolehkan kita untuk kompaun dan membolehkan kita membawa dia ke mahkamah untuk dijatuhkan hukum. Tetapi setakat ini, hanya yang dah ambil tindakan ialah Pasir Gudang, yang lain belum. Ada juga saya nak sebut yang ada PBT-PBT yang kompaun pun tak boleh keluar, belum keluar lagi kerana tindakan ini baru sahaja kita buat awal tahun ini secara serius untuk menangani masalah ini. Terima kasih atas ingatan yang diberikan. Jadi memang betul Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Dato' Speaker, masalah ini memang serius ataupun dia nampak kecil tapi saya nak katakan bahawa tindakan ini akan sentiasa berjalan dan akan ada tindak balasnya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi sudut undang-undang, saya merasai bahawa tiada satu undang-undang yang keras dan boleh mengambil tindakan secara keras terhadap pengiklan-pengiklan yang haram ini. Saya juga rasai bahawa penguatkuasaan undang-undang adalah begitu longgar. Dengan dikenakan kompaun demi kompaun, memang tiada mencukupi untuk membasmi kegiatan yang haram ini. Saya rasai kes sedemikian harus dibawa ke mahkamah. Orang-orang yang bersalah harus ditaruk di mahkamah. Saya nak bertanya, setakat ini berapakah kes-kes mahkamah dan lagi kenakan terhadap mereka Saya yakin tiada satu kes pun dibawa ke mahkamah tindakan ini. Itu sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak jawab, ini dah lari daripada anu sikit, dia punya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya tak ada Yang Berhormat Dato' Speaker, tak apalah. Tadi saya dah katakan bahawa memang betul kebanyakannya pegawai-pegawai saya hanya memberikan kompaun dan benda itu akan berterusan. Kita dah ada satu kes yang dibawa ke mahkamah. Tadi yang saya cerita di Pasir Gudang. Itu saya cerita juga bila kita bawa di Pasir Gudang baru kita tahu siapa di belakang tabir ini. Sejauh taiko daripada Tangkak pun timbul, nak, nak bayar, nak, bawa peguam juga, nak bawa kes ini untuk, untuk dibicarakan di mahkamah. Jadi itu, memang saya akui bilangannya masih kecil. Kita, saya setuju kita kena bawa dia ke mahkamah sebagai satu *deterrent*, dengan izin.

Ini saya, saya percaya pihak L.A. akan mengambil kira di atas semua pandangan-pandangan yang diberikan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Kempas, *last.*

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih banyak-banyak Dato' Speaker. Saya difahamkan baru-baru ini Majlis Bandaraya telah menswastakan khusus untuk lesen kain rentang dan banting kepada sebuah syarikat. Dan saya nak tahu, adakah perkara ini masih berjalan lagi. Itu sebab baru-baru ini kita nampak begitu berleluasa tentang kain-kain rentang dan juga banting, sampaikan sepatutnya benda yang tak, yang tak perlu diberikan kelulusan untuk diiklankan, pun diiklankan. Saya juga dapat tahu penswastaan terhadap sebuah syarikat untuk menjalankan perniagaan menggantung kain rentang dan banting di Majlis Bandaraya Johor Bahru ini tidak dirujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Mengapakah perkara ini berlaku sebab ini adalah satu perkara yang amat penting untuk mengawasi tentang perjalanan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku ini. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah dimaklumkan bahawa penswastaan yang dibuat oleh Bandaraya itu telah pun ditarik balik kelulusannya oleh, atas arahan Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Berapa ramaikah orang yang menderma darah dan organ tempoh 2007 – 2008 di Negeri Johor.

a) Jumlah darah yang didermakan dan kategori.
b) Jenis-jenis organ yang didermakan.
c) Apakah program untuk menggalakkan orang ramai tampil untuk memenuhi tanggungjawab sosial ini.
d) Bentuk hadiah dan pengiktirafan terhadap penderma.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tahun 2006, sebanyak 23,206 unit telah didermakan. Ini tentang, apa penerimaan darah. 23,206 unit telah didermakan. Dan pada tahun 2007, sebanyak 23,179 unit darah telah didermakan. Berdasarkan kepada kategori penderma darah, daripada 23,179 pada tahun 2007, seramai 5,369 orang atau 23.2% adalah

penderma darah baru, manakala seramai 17,810 orang atau 76.8% adalah penderma tetap. Daripada jumlah penderma, 48% atau 11,196 orang adalah kaum Melayu, 40% iaitu 9,226 orang adalah kaum Cina, 9% atau 2,215 adalah daripada kaum India dan 1% atau 572 orang dari lain-lain kaum termasuk warga negara asing. Darah-darah yang diterima akan disaring secara ketat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan ini termasuklah sarangan hepatitis B, HIV, Uniral Diseases.

Pendermaan organ atau tisu pula, ini, program ini adalah dikoordinasi oleh Pusat Sumber Transplant di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Organ atau tisu yang didermakan sepanjang tahun 2007- 2008 di Negeri Johor adalah buah pinggang, jantung, injap jantung, kornea, mata, hati, tulang, tangan dan kaki serta tisu-tisu kulit.

Berdasarkan statistik daripada Pusat Sumber Transplant, pada tahun 2007 seramai 3 orang penderma telah menderma organ, manakala 2 orang pada 2008 telah menderma organ atau tisu. Dan, penderma, kesemua penderma pada tahun 2007 – 2008, terdiri daripada kaum Cina laki-laki. Penderma organ, pendermaan organ daripada penderma yang masih hidup tidak digalakkan melainkan dari ahli keluarga sahaja, kerana ia boleh mendatangkan risiko ataupun kecil kepada penderma. Selain itu, terdapat juga kemungkinan perdagangan organ boleh berlaku sekiranya pendermaan organ semasa penderma masih hidup.

Untuk jawapan (b), program yang dijalankan untuk menggalakkan orang ramai tampil untuk menderma darah dan organ adalah mengadakan kempen-kempen menderma darah dan organ di kompleks-kompleks membeli belah, sekolah-sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, Awam dan Swasta, organisasi Kerajaan, Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Agama Buddhist, Hindu, Gereja dan banyak lagi pertubuhan-pertubuhan yang. Dan selain daripada itu, hebahan-hebahan melalui media cetak mahupun media elektrik terutamanya bila berlaku kekurangan darah pada musim-musim perayaan.

Untuk makluman di Negeri Johor pada tahun 2008, seramai 1,841 orang awam telah menyatakan hasrat untuk menderma organ atau tisu melalui borang derma *registration*. Dari segi perundangan pula, Malaysia mengamalkan *opting-in type law* yang mana penderma sewaktu hidupnya membenarkan secara bertulis pengambilan organ daripadanya selepas mati, selain mendapatkan kebenaran. Kalau di negara jiran kita, *opting-in type law* di mana semua rakyatnya memberi keizinan untuk menderma, melainkan dia memberi secara bertulis dia tak mahu dermakan organ-organnya.

Jadi dalam program menderma darah pula, tidak ada pemberian hadiah diberikan kepada penderma dan, dan, adalah digalakkan tampil menderma darah secara sukarela. Dan sekiranya ada pemberian hadiah, ia adalah sebagai tujuan promosi dan sebagai tanda rasa terima kasih sahaja.

Pengiktirafan yang diberikan kepada penderma darah hanyalah keistimewaan rawatan iaitu dikecualikan daripada caj rawatan perubatan dan kelas wad

berdasarkan kekerapan menderma darah. Jadi, dan tiada pemberian hadiah dan pengiktirafan kepada penderma organ, malahan identiti penderma organ dirahsiakan daripada pengetahuan orang awam. Ini adalah satu polisi Kementerian Kesihatan Malaysia bagi melindungi identiti penderma organ. Dan, berdasarkan *National Organ Tissue and Cell Transplantation Policy*, Kementerian Kesihatan Malaysia 2007.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok. Saya kasi sini dulu.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker, apa yang telah pun dijawab oleh EXCO yang berkenaan tadi ialah tentang terdapat 23,000 mereka-mereka yang menderma darah pada setiap tahun. Tapi, tadi tak dinyatakan selepas penderma ini menderma darah, darah mereka akan disaring, jadi berapa peratuskah di kalangan 23,000 penderma darah ni, yang peratusannya darah boleh digunakan? Dah ada, saya lihat ramai ataupun banyak daripada penderma-penderma ini yang kita tidak dapat kesan mereka juga darahnya mempunyai penyakit dan sebagainya. Dan, di samping itu, ada tak pendekatan baru, sebab kalau kita nak menyaring darah ni kadang-kadang kita mengambil masa, sedangkan semasa mereka-mereka yang nak menderma ini, kita menggunakan juga kakitangan yang banyak, akhirnya kita tak dapat seratus peratus gunakan darah. Cara pendekatan yang agak bersistematik dan juga berteknologi tinggilah untuk menyaring di situ juga supaya tidak membazir masa dan juga darah-darah. Kalau kita tengok orang itu, *check* dia dah tak boleh derma, buat apa kita nak suruh dia derma, *immediately* kita *rejectlah*.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Jadi, saya nak tahu perkara-perkara seperti ini, masa hadapan nanti supaya tak banyak sangat pembazir dalam soal ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, macam mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, orang yang datang menderma darah, selalunya kita *check,* apakah dia ada penyakit biasa seperti darah tinggi, kencing manis dan lain-lain. Malah kita *check fitness, fitness* dia, apa dia tu sihat tak untuk menderma. Dan, pada hari itu kita ambil juga darah untuk *APO Grouping* dan juga kita *check* ambil darah juga untuk apa itulah penyakit berjangkit HIV dan sebagainya. Tapi, memang kita menggunakan teknologi tinggi Yang Berhormat, tapi memakan waktulah. Kalau kita ambil darah dia *fit*, dia sihat dan sebagainya, jadi dia nak derma darah kecuali yang penyakit HIV, yang lain-lain penyakit tu, kita tunggu dululah. Dan, darah-darah ini disimpan dulu, dah diambil disimpan dulu untuk *further checking*. Tiga kali *check* dan apabila kita dapati bahawa darah itu ataupun dia *fit* tapi dia ada HIV, kita akan asingkan. Jadi, dari itu berapa *percentkah* yang dapat digunakan untuk *transfusio*n insya-Allah kita belum, saya belum dapat dia punya perincian. Untuk makluman juga, darah tu *whole blood*, *whole blood* ni satu darahlah, semuanyalah. Ada juga daripada darah itu, dia ambil

untuk plasma sahaja. Daripada darah itu, dia *extract* plasma aje untuk transfusi plasma saja. Ataupun dia ambil daripada darah *whole blood* tu, platelet saja.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, jawab tu, muka tengok...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Oh, *sorry*.

Y.B. Dato' Speaker : Muka saya, tak *handsome* ke saya ni? Tengok muka sana je, hah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Speaker *handsome*, tapi yang tanya tu...

Y.B. Dato' Speaker : Lebih *handsome*, ha, yalah, yalah saya fahamlah, ibu tunggal. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, dia punya kesan tu, dah tahu heh, faham ya. Jadi, itulah daripada *percentage* ya, peratusan yang dapat digunakan, insya-Allah saya akan, akan apa tu, beritahu kelak. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bentayan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ok, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Pada berapa tahun yang lalu, pihak parti kita ingin menolong Hospital Pakar Sultanah Fatimah untuk menjalan satu-satu kempen menderma darah. Tapi, kempen itu ditolak oleh pihak *Blood Bank* hospital berkenaan. Alasannya ialah kita tidak boleh menggunakan nama parti untuk mengadakan kempen tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Soalan saya ialah, dia pegawai *Blood Bank* itu adalah arahan orang atasan. So, soalan saya Yang Berhormat Dato' Speaker ialah adakah penyokong-penyokong dan ahli-ahli kita darahnya, warnanya berlainan dengan darah parti pemerintah?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yang Berhormat...

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Kenapa tidak diizinkan atau tak dibenarkan?

Y.B. Dato' Speaker : Apa itu darah dia, parti dia, hitam ke apa? (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Kempen-kempen menderma darah ni kita banyak menekankan kepada secara sukarela, NGO's

dan sebagainya. Parti ni kadang-kadang, tak bolehlah masuk campur dengan pendermaan sebeginilah. Bukan maknanya darah dia hitam ke, biru ke, kuning ke kan. Tapi darah semuanya sama.

Y.B. Dato' Speaker : Bentayan punya darah kelabu. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Agaknyalah tu. Jadi, kalau nak membuat kempen-kempen derma darah ni atas NGO's sajalah ataupun agama-agama yang boleh apa semua orang, kalau DAP buat kempen derma darah, orang UMNO tak nak datang, jadi, macam tu ada diskriminasilah kan. Jadi, untuk makluman umum kita menggalakkan lagi penderma darah.

Y.B. Dato' Speaker : Dia pun takut, yang doktor yang *check* darah tu orang UMNO, tak niaya dia, ha'ah, itu sebab dia tak kasi, takut juga, doktor UMNO, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, itulah caranya. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Dalam usaha kita untuk menarik orang ramai menderma darah, tetapi kita juga kena pandang serius daripada segi golongan yang berisiko, yang perlu dinasihatkan supaya tidak derma darah. Jadi, saya nak tahu semasa dalam kempen menderma darah, jarang kita nampak ada kesedaran kepada masyarakat golongan yang berisiko itu tidak dinasihatkan untuk menderma darah. Jadi, saya nak tanya, Pejabat Kesihatan ataupun hospital mesti maklum perkara ini. Kerana daripada pengalaman saya, dalam Kempen Derma Darah ada golongan tertentu yang menggunakan peluang Kempen Derma Darah itu untuk buat ujian dia sendiri, dia nak tahu sama ada dia ada masalah ke tidak ada masalah. Itu yang kita risau kerana kita tidak hendak berlakulah kes misal kata jangkitan HIV, Hepatitis ataupun penyakit *Sex We Did* disebabkan oleh transfusi darah.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan dia apa?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Soalan itu saya nak tanyalah, Kesihatan, dia sejauh mana dia buat kesedaran kepada itu. Untuk nasihat golongan yang tidak dinasihatkan oleh penderma darah itu, kesedaran kepada *public* dari segi itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Ok, apa penderma darah, golongan tertentu kalau dia ada kempen, dia datang nak *check*, apakah dia tu ada Hepatitis B ataupun HIV dan sebagainyalah. Memang ada separuh orang macam tu. Tetapi, kita dah beri penerangan, sebelum dia menderma kita dah tanya dah. Tapi, penyakit-penyakit sedemikian dia kadang-kadang dia tak tahu, memang betullah. Jadi, justeru itulah, selepas dia

menderma, kita ada catatanlah, selepas kita *check* apakah dia ada penyakit-penyakit ni, kita akan *highlightkan* dia ni sebagai penyakit berjangkit yang sedemikian. Jadi, tidak digalakkan untuk mendermalah. Jadi, dia ada buku dia juga, jadi, kalau dia datang ke mana-mana ada catatannyalah. Jadi, memang kita *screen* semua oranglah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya nak cadangkan Yang Berhormat bawa satu pakar doktor derma darah ni minta Ahli-Ahli Yang Berhormat ramai ni, kita tengok siapa yang berani, yang tak berani ya, biar wakil persidangan ni. Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Masalah pengangguran. Ekoran daripada masalah krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia, banyak negara sedang mengambil langkah untuk mengurangkan pekerja bagi mengurangkan kos. Begitu juga dengan kerajaan Singapura yang akan kehilangan kerja dan mereka terpaksa pulang ke Johor untuk mencari rezeki. Apakah pendekatan kerajaan untuk membantu mereka?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Berapa ramaikah rakyat Malaysia yang bekerja di Negara jiran di Singapura sehingga tahun 2008.

a) Jenis pekerjaan yang ramai menjawatnya.
b) Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menarik minat kepada mereka supaya dapat balik dari bekerja di Negara kita.

Y.B. Dato' Speaker : Yang berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Sila jelaskan langkah Kerajaan Negeri Johor untuk mengatasi masalah pengangguran yang dijangka berlaku akibat kegawatan ekonomi terutama terdapat laporan mengatakan ramai rakyat Malaysia di Singapura akan, atau sedang diberhentikan kerja. Nyatakan juga jumlah tenaga kerja yang diperlukan dalam sektor utama dalam negeri ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran dan bilangan pekerja asing di Negeri Johor?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong, jemput.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8.

Akibat krisis kewangan Amerika Syarikat, dunia kini sedang menghadapi ancaman kemelesetan ekonomi dan Malaysia juga merasa kesan-kesan kemelesetan ekonomi sekarang. Ramai pekerja di luar Malaysia telah diberhentikan dan menganggur seperti di Singapura.

a) Berapa ramaikah rakyat Malaysia yang bekerja tetap di Singapura? Dan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura berulang alik setiap hari?
b) Bagaimanakah dan apakah langkah-langkah pihak kerajaan mengatasi masalah ini demi membantu untuk mengisi peluang pekerjaan di Malaysia?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ong Kow Meng, jemput.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan ke-9.

Oleh sebab disebabkan krisis ekonomi yang berpunca dari masalah ekonomi yang teruk di Amerika Syarikat, maka kesannya telah merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia dan Singapura.

a) Jikalau sekiranya pekerja-pekerja Malaysia yang kini sedang bekerja di Singapura terpaksa dibuang kerja oleh majikan di Singapura, apakah pihak Kerajaan Negeri Johor boleh lakukan atau bagi menampung penghijrahan pekerja tersebut pulang ke Johor Bahru dan di tempat-tempat lain di Selatan Johor?
b) Secara terperinci apakah jenis-jenis kerja yang boleh diperuntukkan kepada mereka supaya mereka tidak menganggur dan terlibat dengan masalah sosial yang boleh mengancam serta mengganggu keamanan dan keselamatan rakyat Malaysia?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Lee Hong Tee, jemput.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 10.

Kemelesetan ekonomi global telah memberi impak yang negatif, terutama dalam sektor pekerjaan. Ruang pekerjaan semakin terhad dan banyak industri telah mula mengehadkan atau mengurangkan jumlah tenaga kerjanya. Kerajaan Singapura yang sebelum ini banyak menggunakan tenaga kerja

daripada Malaysia, terutama dari Johor dijangka akan memberhentikan ramai pekerja Malaysia di pelbagai sektor di sana.

a) Berapa ramaikah jumlah penduduk di Negara ini yang sedang bekerja di Singapura? Sektor apakah yang menjadi pilihan utama mereka?
b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi membantu pekerja-pekerja Negara ini jika mereka diberhentikan atau tidak lagi diambil bekerja di Singapura?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou, jemput.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 11.

Dalam krisis kewangan global yang berlaku kini:

a) Dijangka agak berapa jumlah pekerja yang akan diberhentikan kerja (*retrench*) oleh syarikat tempatan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah ini?
b) Dijangka agak berapa jumlah pekerja dari Johor yang akan diberhentikan kerja oleh syarikat di Singapura dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor bagi pihak Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 12.

Krisis ekonomi global akan memberi impak negatif terhadap sektor pekerjaan. Kemungkinan ramai pekerja akan menghilang punca pendapatan mereka. Memandangkan ramai penduduk Negeri Johor bekerja di Singapura. Masalah ini akan menjadi satu isu yang rumit terutama dalam kawasan Johor Bahru. Ini akan menimbulkan pelbagai isu sosial dan ekonomi.

a) Adakah kajian dibuat terhadap isu ini untuk mendapatkan bilangan pekerja yang akan menghilang pekerjaan?
b) Apakah langkah kerajaan bagi membanteras masalah ini?
c) Apakah peluang pekerjaan untuk yang terlibat sekiranya mereka diberhentikan di Negara asing itu?
d) Adakah rancangan tertentu untuk membantu mereka yang terlibat ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik M. Asojan, jemput jawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi DUN Johor Jaya, DUN Kempas, DUN Pasir Raja, DUN Tangkak, DUN Pulai Sebatang, DUN Senai, DUN Jementah, DUN Stulang dan DUN Permas Jaya, kerana sikap prihatin mereka terhadap kebajikan tenaga kerja Malaysia yang bekerja di Singapura. Memandangkan

soalan dikemukakan oleh semua Yang Berhormat menyentuh perkara yang sama, maka saya ingin menjawabnya secara bersama.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagaimana yang kita semua maklum keadaan ekonomi dunia waktu ini sedang mengalami kelembapan ekonomi, jika keadaan ini gagal dipulihkan maka ianya akan membawa kepada kemerosotan ekonomi.

Kemerosotan ekonomi akan membawa kepada wujudnya kemungkinan berlaku pemberhentian pekerja atau bagi syarikat yang teruk terjejas akan membawa kepada penamatan perniagaan. Senario ini membawa implikasi kepada banyak negara termasuklah Singapura dan Malaysia juga. Pada masa ini dianggarkan terdapat seramai antara 150,000 hingga 300,000 rakyat Malaysia yang sedang bekerja di Singapura. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat angka sebenar pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura. Tapi, adalah difahamkan majoriti daripada mereka ini adalah terdiri daripada warga Johor. Daripada maklumat yang diperolehi adalah didapati kebanyakan pekerja Malaysia bekerja dalam sektor pembuatan dan juga perkhidmatan yang meliputi pembersihan dan tugas-tugas dalam pelabuhan dan perkapalan.

Yang Berhormat Dato Speaker, menyedari hakikat bahawa terdapatnya kemungkinan kemelesetan ekonomi memberi kesan kepada negara jiran kita itu, maka kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah perlu untuk menangani masalah yang mungkin berbangkit berikutan dari pemberhentian pekerja Malaysia oleh syarikat-syarikat di Singapura. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Tenaga Kerja adalah seperti berikut:

1. Promosi mengenai maklumat Jabatan Tenaga Kerja itu sendiri. Untuk melaksanakan hasrat ini Jabatan Tenaga Kerja mengadakan promosi untuk memaklumkan kepada pekerja-pekerja yang terlibat supaya mereka berdaftar dengan *Jobs Malaysia* iaitu melalui laman web *Jobs Malaysia,* jobsmalaysia.gov.my. Mereka boleh berdaftar di jabatan ini sama ada secara *online* atau dengan hadir sendiri ke pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran.

   Untuk makluman Dewan yang mulia ini, menurut rekod Jabatan Tenaga Kerja, Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini belum ada, belum ada pekerja-pekerja yang datang daftarkan diri mereka cara hadir sendiri ke Pejabat Tenaga Kerja.

2. JTK akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk meletakkan risalah penerangan mengenai perkhidmatan JTK dan borang maklumat pencari kerja di pintu masuk Malaysia – Singapura. Setelah pekerja berkenaan melengkapkan borang berkenaan mereka boleh memasukkan borang berkenaan ke dalam kotak maklum balas yang akan ditempatkan di pintu keluar Singapura – Malaysia yang kemudiannya akan diambil tindakan oleh JTK.

3. Untuk meluaskan skop hebahan, JTK akan mengedarkan risalah berkaitan peranan Jabatan Tenaga Kerja berserta maklumat lokasi, nombor talian di tempat-tempat strategik selain daripada yang saya sebutkan di atas.

4. Juga Yang Berhormat Dato' Speaker, JTK akan memaparkan maklumat mengenai perkhidmatannya melalui *billboard*, *billboard* JTK yang akan diletakkan di sekitar bandar raya Johor Bahru yang menjadi laluan pekerja masuk dan pulang dari Singapura.

5. Mengadakan hebahan melalui media massa seperti surat khabar dan hebahan melalui Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran untuk menyalurkan maklumat mengenai peranan JTK. Perkara ini untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, telah beberapa kali telah dikendalikan oleh Pegawai JTK melalui Radio Johor FM.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bantuan mencari peluang pekerjaan. Jadi Jabatan Tenaga Kerja terus melaksanakan langkah untuk mengenal pasti majikan yang mempunyai kekosongan berserta maklumat mengenai kelulusan dan kemahiran yang dikehendaki. Selain itu, JTK juga mendapatkan maklumat kekosongan jawatan daripada Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) dan Johor State Investment Centre (JSIC), juga Iskandar Region Development Authority (IRDA).

Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini, setakat ini melalui IRDA sahaja, setakat hari ini, projek-projek yang telah diluluskan, ini bukan andaian akan diluluskan. Projek-projek yang telah diluluskan melalui rekod MIDA menyatakan bahawa kerja kosong yang ditawarkan setakat ini adalah 12,091. Itu rekod MIDA. Rekod JTK iaitu melalui *Job Malaysia* ini menunjukkan rekod bahawa sebanyak 15,288 kerja kosong ditawarkan. Jadi jumlahnya 27,379. Ini Yang Berhormat Dato' Speaker, belum masuk lagi kerja-kerja yang bakal, bakal akan dilaksanakan dalam tempoh Bajet 2009, iaitu lebih kurang 19,000 lagi peluang-peluang pekerjaan. Kadang-kadang *figure figure* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker statistik yang kita sebutkan ini bukan untuk main-main atau cuba kita dapatkan di sana sini. Ini semua di, saya telah dapatkan nama syarikat, alamat dia, berapa kerja kosong dia. Semua kita ada. Jadi ini bukan kita sahaja hendak bagi apa ini, suka-suka hati. Tidak. Jadi kalau ada pihak-pihak yang memerlukan maklumat tetapi ini sulit, tetapi kalau ada mereka-mereka yang hendak mendapatkan pekerjaan, kita jemput mereka sama ada rujuk ke MIDA ataupun IRDA ataupun JSIC. JTK juga akan menjalankan temu duga terbuka bagi melancarkan proses temu duga dan penempatan pekerja-pekerja berkenaan ke dalam pekerjaan di Johor khususnya dan seluruh Malaysia amnya. Untuk menambahkan keberkesanan langkah ini, JTK juga mengarahkan semua agensi pekerjaan swasta untuk memberikan maklumat mengenai kekosongan yang didaftarkan menerusi agensi tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, majikan adalah salah satu dari tiga pihak yang terlibat dalam konsep *tripatisme*, dengan izin, dalam perburuhan selain dari pekerja dan jabatan-jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Oleh yang demikian, JTK telah dan akan terus bekerjasama

dengan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia atau Malaysian Employers Federation (MEF) untuk mengambil bekerja pekerja-pekerja Malaysia yang diberhentikan ini serta memaklumkan tawaran jawatan kosong mereka kepada JTK. Selain itu, JTK juga sedang dan akan mendapatkan maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang pekerjaan dalam bidang-bidang yang berlainan. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kerjasama dengan *Attache* Buruh Singapura. Kerjasama ini dilaksanakan dengan mendapatkan maklumat pekerja yang diberhentikan dan sektor yang terlibat dengan pemberhentian pekerja daripada *Attache* Buruh di Singapura.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, merujuk kepada maklumat yang kita dapat daripada *Labour Attache Malaysia* di Singapura, setakat ini, tiada. Tiada maklumat pekerja Malaysia yang diberhentikan kerja yang membuat laporan kepada pihak Kedutaan Malaysia di Singapura. Menurut *Ministry of Manpower* Singapura, dengan izin, mulai Julai 2008 hingga September 2008, sejumlah 2,000 pekerja Singapura telah diberhentikan kerja kesan kegawatan ekonomi. Seramai 500 pekerja adalah daripada sektor pembuatan. Setakat ini, tiada maklumat yang sebenar pekerja Malaysia di Singapura yang diberhentikan kerja. Dasar Kerajaan Singapura mungkin tidak membenarkan atau mengeluarkan statistik jumlah pekerja yang diberhentikan di Singapura kerana semua maklumat adalah rahsia dan sulit. Adalah menjadi dasar Kerajaan Singapura tidak akan mengeluarkan data jumlah pekerja Malaysia kerana semua maklumat adalah rahsia dan sulit. Jabatan Tenaga Kerja tiada statistik jumlah pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura. Jumlah pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura boleh diperolehi, mungkin kita akan dapatkan maklumat daripada Jabatan Imigresen.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, penggunaan sistem teknologi maklumat. Dalam penggunaan sistem teknologi maklumat, JTK Johor berharap untuk dapat diwujudkan satu talian yang dipanggil dengan izin, *Retrenchment Hotline*, khusus untuk mengendalikan isu-isu pemberhentian pekerja. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan latihan. Sebahagian daripada pekerja yang bekerja di Singapura adalah pekerja mahir. Saya setujulah pendapat Y.B. Kempas menyatakan ramai daripada mereka pekerja mahir. Mereka mempunyai kemahiran hasil dari pengalaman bekerja. Dalam usaha untuk memperakui kemahiran yang dimiliki, kadang-kadang Yang Berhormat Dato' Speaker, bila mereka ada pengalaman, katalah 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun, tetapi mereka tiada sijil. Jadi, apabila mereka hendak menyertai dengan peluang-peluang pekerjaan yang ada di syarikat-syarikat antarabangsa yang melabur di Iskandar Malaysia, mereka perlukan sijil yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Maka dalam keadaan ini, JTK akan bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Pembangunan Kemahiran ini adalah satu-satunya jabatan yang mana mengesahkan pengalaman dan kemahiran pekerja-pekerja Malaysia di Singapura melalui satu skim yang dinamakan Skim Pentauliahan Terdahulu. Jadi, melalui Skim Pentauliahan Terdahulu ini, mereka-mereka ini akan diberikan sijil tanpa pergi berkursus di mana-mana institusi. Tetapi penilaian pengalaman mereka ini akan dibuat dan mereka akan dianugerahkan dengan sijil mengikut kepada tahap kemampuan mereka.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, aspek latihan dilihat sebagai satu aspek yang penting untuk membolehkan pekerja yang diberhentikan ini mendapat kemahiran baru yang boleh membantu mereka mendapatkan pekerjaan. Oleh yang demikian, JTK akan mendapatkan kerjasama daripada pusat-pusat latihan seperti ILP, ADTEC dan lain-lain untuk melaksanakan latihan semula bagi meningkatkan kemahiran yang sedia ada dan mencari kemahiran yang baru. Dengan demikian, apabila mereka mendapat latihan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka ini akan mendapat kemahiran baru, mendapat pengetahuan yang mana boleh membawa kepada mereka menggunakan teknologi-teknologi moden. Dengan latihan yang sedemikian Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, saya rasa, saya rasa kebergantungan kita kepada pekerja-pekerja asing juga dalam masa, jangka masa mungkin 4 – 5 tahun atau dalam 10 tahun, kita dapat kurangkan dan tiadakan apabila pekerja-pekerja kita ini diberi kemahiran yang secukupnya. Bila cerita pasal latihan Yang Berhormat Dato' Speaker, peluang yang diberikan oleh kerajaan di samping Kerajaan Pusat melalui ILP, ADTEC ini, Kerajaan Negeri melalui PUSPATRI, Kerajaan Negeri melalui YPJ, Kolej YPJ, sebagai contoh dalam Bajet 2008, kita berikan peluang lebih 40,000 pelajar-pelajar untuk menimba kemahiran pada tahun 2009. Jadi, ini semua akan membantu kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan untuk terus bekerja dengan memperolehi kemahiran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan juga menggalakkan pekerja Malaysia yang mahir atau berkepakaran yang bekerja di luar negara termasuk di Singapura untuk pulang bekerja di Malaysia. Program ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001. Saya ingat perkara ini saya telah sebutkan dalam jawapan saya dalam persidangan yang lepas. Walau bagaimanapun, saya sebagai ingatan, ia bertujuan untuk membawa pekerja-pekerja mahir dan pakar-pakar bagi memenuhi keperluan negara dalam bidang-bidang yang dikenal pasti. Mereka ini perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk kelulusan. Antara bidang yang memerlukan khidmat pakar ini ialah bidang Teknologi Informasi dan Komunikasi, *Pharmaceutical Industry*, dengan izin, Industri automatif, industri tekstil dan pakaian dan lain-lain bidang lagi yang telah dikenal pasti. Timbul pulak nanti persoalan. Kenapa pulak kita hendak dapatkan kebenaran pulak daripada kementerian? Ada sebabnya Yang Berhormat Dato' Speaker. Kerana adalah kerajaan akan memberi insentif kepada mereka-mereka ini:

1. Insentif ini adalah semua pendapatan yang dibawa balik oleh pemohon ke Malaysia akan dikecualikan dari cukai pendapatan.
2. Isteri atau isteri-isteri dan anak-anak pemohon yang bukan warganegara Malaysia akan diberi status penduduk tetap dalam tempoh enam bulan.
3. Anak-anak pemohon diberi kemudahan untuk memasuki Sekolah Antarabangsa. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak terpakai kepada anak-anak yang lahir di Malaysia selepas tarikh pemohon pulang ke Malaysia.
4. Dua buah kereta pemohon akan dikecualikan dari duti import, duti eksais dan cukai jualan.

5. Pemohon dari negara yang menggunakan kenderaan berpemanduan sebelah kiri, *left hand driver*, dengan izin, adalah dibenarkan membeli dan membawa masuk kenderaan dari negara ketiga yang menggunakan pemanduan di sebelah kanan.
6. Pemohon yang tidak mendapat bawa balik kereta mereka atas apa jua sebab adalah dibenarkan untuk membeli kereta yang dibuat atau dipasang di Malaysia dengan dikecualikan dari cukai eksais dan cukai jualan. Jumlah kereta yang mendapat kemudahan ini adalah terhad kepada dua buah sahaja.
7. Isteri atau suami pemohon yang mempunyai kelayakan profesional dan kepakaran yang diperlukan industri adalah dibenarkan untuk memohon Pas Kerja dari Jabatan Imigresen.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk menarik minat pekerja Malaysia di Singapura untuk kembali bekerja di Malaysia, maka adalah dicadangkan agar majikan dapat menyemak semula kadar upah yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja mereka. Selain itu, para pekerja ini juga seharusnya bersedia untuk bekerja di Johor dengan mengambil kira masa berkualiti bersama keluarga Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana tempoh perjalanan yang pendek berbanding apabila mereka bekerja di Singapura.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai kadar upah, baru-baru ini saya telah berjumpa dengan salah seorang syarikat di sebelah Tanjung Bin dan juga Tanjung Langsat, yang mana mereka ini bersedia, bersedia membayar upah. Saya difahamkan di Singapura sebagai contohlah, *welders* ini dibayar satu jam sekitar S$10.00 pengusaha itu sanggup, sanggup untuk membayar kadar yang serupa itu kepada pekerja yang akan bekerja di Malaysia. Ini telah pun dinyatakan oleh pihak yang akan mengusahakan kawasan yang saya sebutkan tadi.

Jadi, yang kedua yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, tempoh perjalanan yang pendek. Kadang-kadang kita berfikir fasal wang semata-mata, kita tidak memikirkan tentang kualiti keluarga. Jadi, apabila dia bekerja di Singapura, tempoh masa dia pergi balik je dia dah dekat-dekat 4 jam. Saya pernah berbincang dengan beberapa pekerja di Singapura yang menyatakan bahawa ulang alik sahaja mereka perlukan masa selama 4 jam. Jadi, selain itu mereka juga harus menimbangkan sumbangan mereka kepada pembangunan Malaysia amnya dan Negeri Johor khasnya Yang Berhormat Dato' Speaker. Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Jadi, mudah-mudahan dengan langkah yang telah di ambil ini akan dapat menangani masalah pemberhentian pekerja di Malaysia dan di Singapura dan seterusnya membantu mereka memperolehi pekerjaan untuk kesejahteraan diri dan keluarga mereka. Terima kasih.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini saya tertarik hati dan nak tanya sikit tentang soalan saya tadi. Pasal dia kata, pasal dia kata..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kita main-main dia kata. Saya minta Yang Berhormat Dato' Speaker supaya EXCO yang menjawab ni tarik balik perkataan tu.

Y.B. Dato' Speaker : Perkataan apa?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kita dalam Dewan ni tak ada main-main, kita serius. Kenapa dia kata ada orang main-main pulak?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat, kalau nak tegur semasa Yang Berhormat tu berucap, dia silap, Yang Berhormat bangun. Saya izinkan bangun untuk membetulkan. Dia, bila dia dah semua dah habis Yang Berhormat…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tidak ada dalam peruntukan Dewan Yang Berhormat. Sebab itu saya tunggu dia habis dulu jawab baru boleh cakap.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa, boleh. Dia, kalau dia salah cakap…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kalau boleh, lain kali nanti saya cakap. Tetapi saya minta supaya Yang Berhormat Dato' Speaker suruh Pengerusi ini tarik balik. Tak ada orang dalam Dewan ni yang main-main. Kalau hendak menggunakan perkataan macam itu, gunakan perkataan yang halus.

Y.B. Dato' Speaker : Ada main-main? Dia tujukan kepada siapa?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dia tujukan kepada semualah.

Y.B. Dato' Speaker : Entah, saya tak perasan pulak…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Perkataan yang *very unbecoming* orang kata, dengan izin. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebut main-main tadi, bahawa kadang-kadang kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan seolah-olah macam kerajaan tidak mengambil serius kepada permasalahan pekerja. Saya nak tekankan di sini bahawa keseriusan pihak kerajaan dalam membantu pekerja Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi seorang Pengerusi, gunakanlah perkataan yang *becoming* jangan gunakan perkataan very *unbecoming.*

Y.B. Dato' Speaker : Bila dah lepas tu dah, dah, saya pun dah tak boleh ingat. Patut tadi masa dia bahas tu boleh minta dia tarik balik kalau ada menyalahi peraturan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, tuduhan itu dilemparkan kepada saya *in directly*, saya tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Takdelah, dia kata tidak, oklah. Ok, Parit Yaani. Ambil ingatan.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Mahu minta maaf juga?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya minta dia tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker : Dah dia kata takde, macam mana nak tarik?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Saya tak tuju kepada sesiapa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Nanti kita tengok hansard.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kalau tak tujukan kepada sesiapapun, perkataan itu tak seharusnya dikeluarkan dalam Dewan. Jadi, sudah dikeluarkan di dalam Dewan, saya minta dia tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh Yang Berhormat, dia dalam tu nanti kita *check* balik. Dia nak tarik ini bukan semudah Yang Berhormat arahkan suruh tarik. Melainkan apabila pihak yang berkenaan itu tengah berucap, Yang Berhormat nengok dia salah, Yang Berhormat bangun serta merta minta perbetulkan, baru dia tarik balik. Tetapi bila dah berlaku, dah berjalan, dah habis, yang sebelah kata dia sebut, yang sebelah kata ya. Jadi, susah. Kalau begitu kita tengok hansard besoklah apa cerita, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Soalan tambahan, jawapan daripada Yang Berhormat Portfolio Sumber Manusia memang cukup panjang lebar. Tetapi langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan tidak begitu serius dan …

Y.B. Dato' Speaker : Main-main… (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Hanya untuk jawab, jawapan soalan dalam Dewan sahaja. Saya rasa langkah yang diambil di antaranya ada satu langkah tadi saya dengar tidak berapa puas hati.

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tidak ada siapa yang datang, hadir daftar untuk memenuhi kerja kosong. Ini pendaftaran maknanya kosong. Tiada siapa yang datang daftar. Mustahil, mana boleh takde orang daftar. Mesti ada

sebab yang tentu, sebab apakah? Saya nak tanya, adakah pihak kerajaan mengesan...

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Mengesan apa sebab yang sebenar tidak ada orang datang daftar. Ini saya harap penjelasan daripada Ahli EXCO Portfolio, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Apa sebab takde orang daftar?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih soalan tambahan tadi. Yang Berhormat Dato' Speaker saya tadi telah jelaskan bahawa cara-cara yang digunakan oleh pihak JTK untuk membuat pendaftaran pekerja-pekerja yang diberhentikan. Saya ingat mungkin Yang Berhormat tidak tengok kepada perkataan yang saya sebut iaitu secara *direct*. Mungkin pendaftaran mereka dibuat di bawah *website* yang kita maksudkan job.malaysia.com itu. Tetapi dari segi pendaftaran melalui, secara *direct* mereka pergi ke Pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja untuk mendaftar. Itu setakat ini kita belum ada orang yang datang daftar. Jadi, kita pun masih lagi tunggu sebab kita sudah letakkan satu ruangan khas untuk pendaftaran yang sedemikian.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Eh.. tak boleh bahaslah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bukan, EXCO tak jawab soalan saya. Saya nak tahu kenapa kosong, kenapa kosong mesti cari cara untuk mengatasi masalah ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok, Yang Berhormat. Ok last, Permas. Ha.. nu Yang Berhormat Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi dalam penerangan tentang pengangguran dan juga kekosongan yang ada, lebih kurang 27,000 kekosongan yang ada dalam untuk mengisi kekosongan pekerjaan daripada 14 dan juga 12 dan juga 14 tadi yang disebutkan. Kekosongan pekerjaan yang masih belum diisi dan juga 19,000 lagi bakal untuk mengisi kekosongan pekerjaan tersebut. Maknanya kalau dicantumkan lebih kurang dalam 46,000 kekosongan pekerjaan. Saya hendak sebab kita mengharapkan kepada MIDA, JTR, berapa ramai yang menganggur dalam Negeri Johor dan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan bahawa kekosongan ini diisi oleh pekerja-pekerja yang memerlukan pekerjaan. Sebab kalau kita lihat, ramai yang masih lagi menganggur, bila mohon, tak dapat kerja. Kita mengharapkan pekerjaan asing, benar untuk *revise* balik gaji. Tapi soalnya, apakah mereka layak untuk duduk atau bekerja di dalam negara kita, memandangkan tawaran yang diberikan oleh sama ada kilang, sama ada syarikat-syarikat kepada pekerja kita ini memadai untuk mengisi kekosongan tersebut. Jadi, saya nak minta penerangan daripada Pengerusi, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih kepada soalan tambahan tadi. Untuk makluman Dewan ini dan juga Yang Berhormat, kekosongan yang saya maksudkan tadi, sebagai contoh kekosongan di bawah JTK, sektor-sektor ada pun kekosongan jawatan sebagai contoh Pegawai Kanan dan Pengurus, kita ada 116 kekosongan di Negeri Johor sahaja. Untuk profesional kitaran 82, untuk Juruteknik dan Profesional Bersekutu, kita ada 268. Untuk pekerja perkeranian, 123; untuk pekerja perkhidmatan, pekerja kedai dan jurujual 279; untuk pekerja pertukangan dan yang berkaitan, 274. Untuk operator loji dan mesin dan pemasang 2,637 dan pekerja asas 11,509. Jadi, jumlahnya 15,288. Yang tadi saya sebut yang bakal 11,000 itu adalah sebagai contoh Stainless Steel Plan 5,000 pekerja kosong, Elektronik di Taman Senai, Taman Teknologi Senai, 5,000 pekerjaan kosong. *Retail outlet* dengan izin di Kulai, 2,000 pekerjaan kosong, di Petrol Charm, Tanjung Bin 4,000 dan Oil And Gas di Pasir Gudang 3,000.

Jadi dari segi apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, pekerjaan ini memang ada. Jadi, apa yang perlu dibuat oleh pencari-pencari kerja ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pun kurang maklumlah, mengapa kerja kosong ada tetapi masih ada yang menganggur. Jadi kita galakkan mereka ini untuk mendekati pihak-pihak yang saya sebutkan tadi. Yang paling utama sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, JTK sebab JTK ini melalui Job Malaysia ini, dia ada *system match make* dengan izin. Di mana kerja kosong juga di situ, mereka juga boleh daftarkan kalau nak cari kerja. Maka pihak JTK akan memadankan pencari kerja ini dan sampai peringkat mereka temu duga diuruskan oleh pihak JTK. Jadi apa yang saya minta kepada Ahli-Ahli Dewan dan Dato' Speaker, bahawa kita telah mengambil langkah-langkah yang begitu banyak untuk mengiklankan, untuk memberitahu peranan ini. Jadi, saya rasa penganggur-penganggur ini kena gunakan maklumat-maklumat yang disediakan ini supaya mereka ini manfaat daripada faedah ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, soalan lisan dah habis. Ahli-Ahli Yang Berhormat, mana soalan-soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 121 supaya Peraturan Tetap Dewan ini ditangguhkan sementara bagi membolehkan saya mengemukakan rundingan untuk melanjutkan tempoh perbahasan atas rundingan bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap Dewan ini ditangguhkan sementara.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mohon membawa rundingan supaya perjalanan Dewan ini dalam membahaskan rundingan bacaan kali kedua itu, iaitu Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 ini dikecualikan daripada had tempoh yang diisyaratkan dalam Peraturan Tetap 112 (2), iaitu perbahasan yang sepatutnya ditamatkan pada jam 1.00 tengah hari, 26 November 2008 ini dilanjutkan masanya sehingga jam 1.00 tengah hari 11 Disember 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, angkatlah, kita tangguhkan, takde pun. Rundingan itu dipersetujukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 diteruskan sekarang, jemput siapa yang nak berucap. Haa…

Y.B. Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Dan salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah, terutamanya saya mengangkatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita dapat meneruskan sidang dalam Dewan yang mulia ini. Semalam saya telah pun berucap, 10 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa minit?

Y.B. Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : 10 minit.

Y.B. Dato' Speaker : 10 minit, ok. Lagi 10 minit.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : 5 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, 15 minit.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Dan, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, pengalaman menyambung-nyambung ini, saya kira agak kurang ceria, pada sayalah. Ucapan bersambung-sambung ini kadang-kadang perut

pun boleh jadi kembung. Semalam saya telah menyentuh soal kemelesetan ekonomi kerana krisis kewangan yang berlaku di Amerika dan di Eropah dan mengakibatkan pengangguran yang begitu tinggi, dan berlakulah apa yang disebutkan sebagai istilah *stagflasi* yang menyebut, yang menyatakan bahawa akan berlaku kebekuan ekonomi dan ini amatlah berbahaya kerana dalam sejarah yang silam telah berlaku bahawa tercetusnya Perang Dunia Kedua disebabkan oleh kemelesetan ekonomi itu.

Saya tidak mahu memanjangkan perkara itu dan saya ingin bawa bahawa rata-rata rungutan rakyat di mana-mana masih menyatakan bahawa kenaikan harga barang, kenaikan kos sara hidup. Oleh itu, saya meminta supaya agensi yang berkenaan yang dipertanggungjawabkan supaya dapat memantau barang-barang bekalan baik peniaga terutamanya kepada barang-barang makanan keperluan asas supaya peniaga-peniaga tidak mengambil keuntungan sewenang-wenangnya. Saya juga ingin menyebutkan secara spesifik di sini bahawa ada rungutan di kalangan orang ramai bahawa bekalan beras bagi Gred ST, ST maknanya Super Tempatan 15% hancur. Beras ini sukar didapat di pasaran. Jadi saya ingin cadangkan supaya pihak kerajaan dapat membekalkan beras ini mungkin di mana-mana *outlet* yang tertentu sebagai contohnya kemungkinan di mana-mana *convenient store*, mungkin di stesen minyak Petronas mesra, mungkin boleh diedarkan atau dijual di situ.

Dalam perbahasan ucapan pagi, ini saya sebenarnya ingin menyentuh satu sahaja iaitu perkara tentang sektor pertanian. Di mana peruntukan kepada Jawatankuasa Pertanian ini ialah sebanyak RM40.5 juta di mana RM21.6 juta telah diperuntukkan untuk Pengairan dan Saliran dan bakinya hanyalah RM18.9 juta sahaja. Iaitu bagi projek-projek pembangunan pertanian yang merangkumi 3 sektor, baik pertanian, perikanan dan ternakan. Saya kira, jumlah RM18.9 juta ini bagi projek pembangunan pertanian ini adalah sangat terlalu kecil. Di mana, Y.B. Kempas ada menyebutkan bahawa kita tahu 80% petani miskin di bawah pendapatan RM1,000.00. Jadi dengan jumlah wang yang begitu sedikit saya kira bahawa keadaan petani untuk menambahkan pendapatan petani mungkin tidak boleh tercapai.

Oleh itu, usaha harus dijalankan oleh pihak kerajaan bagaimana kita dapat meningkatkan pendapatan petani. Kita tahu bahawa petani-petani kita kebanyakannya sudah tua dan tak ramai yang muda ingin mencuba di bidang pertanian ini dan banyak jalan-jalan mana kita dapati bahawa tanah-tanah tidak diusahakan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa, satu kaedah haruslah diambil supaya tanah-tanah yang kecil-kecil ini dapat disatukan dan dicantumkan dan diurus tadbir secara korporat, secara berskala besar berbentuk komersial supaya satu rancangan tanah terbiar dapat dijalankan dengan dana yang besar yang diperuntukkan oleh kerajaan. Dengan itu sahaja bahawa kita dapat, akan dapat bahawa pertanian itu dapat kita kembangkan.

Seperkara lain yang juga menjadi rungutan petani terhadap hasil pertanian mereka. Pembeli ada, tetapi harganya tidak ada. Ini biasa dirungutkan oleh petani. Tidak ada pembeli, orang punya ada, harganya terlalu rendah. Kita tahu bahawa input-input pertanian begitu tinggi sekarang di mana petani-

petani banyak mengeluh bahawa mereka seolah-olah tidak mahu lagi menjalankan aktiviti pertanian. Sebagai contoh, di tempat saya, petani sudah tidak mula mahu mengusahakan bangsal ataupun aktiviti pertanian, cendawan. Dahulu pada masa mereka mahu mula-mula menjalankan aktiviti itu, mereka telah dijanjikan dengan pulangan yang agak tinggi, iaitu RM5.00 sekilo, tetapi setelah hasil dikeluarkan, pihak pembeli hanya mengambil dengan harga RM3.50, dan itu telah menyebabkan bahawa petani hilang keyakinan untuk terus meneruskan usaha itu. Dan daripada 10 bangsal yang ada di kawasan saya di DUN Jorak, 8 sudah pun berhenti beroperasi, hanya 2 sahaja. Dari itu saya ingin menyarankan kepada agensi yang berkenaan supaya benar-benar menjalankan satu *market survey* yang, yang betul, untuk menasihatkan petani kita apakah jenis pertanian yang mereka harus ceburi, supaya mereka betul-betul dapat mengambil hasilnya setelah hasil pertanian mereka itu dikeluarkan.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis?

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker..

Y.B. Dato' Speaker : Ingat dah habis..

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Seperkara lain yang juga saya ingin sebutkan di sini ialah, kemantapan ekonomi dan pembangunan negara ini hanya akan dapat terus berkembang dengan adanya perpaduan rakyat dan keharmonian kaum di kalangan kita. Segala yang kita bangunkan itu boleh musnah, boleh menjadi debu kalau berlakunya konflik, antara kaum di negara kita ini. Oleh itu, saya juga inginkan, kita perlukan kepada satu perkara, iaitu satu, mekanisme di mana kita boleh menentukan tahap perpaduan di kalangan kita ini, sama ada kuat ataupun lemah. Kita mungkin perlukan satu alat pengesan konflik yang boleh kita ukur, sejauh manakah perpaduan di kalangan kita ini. Kalau kita nak tunggu barulah keadaan hancur, baru kita nak bertindak, mungkin itu sudah terlambat. Kita tahu bahawa, amalan pihak penjajah dahulu kepada datuk kita, nenek-moyang kita ini ialah, kita bercampur, tapi kita tidak bersatu. Hubungan sosial di kalangan kita lebih bersifat *functional*, fungsi sahaja. Kita sekadar berjumpa, berhubung di pejabat, di pasar, di tempat kerja, tetapi selepas itu, kita balik masing-masing, dan kita tidak berkongsi masalah kita. Masing-masing buat hal masing-masing. Tetapi kita tahu, bahawa kita adalah rakyat Malaysia, kita hidup dan mati di sini, kita adalah adik-beradik, sebagai orang Islam, juga mungkin orang Kristian, atau Yahudi, kita tahu bahawa kita adalah umat yang satu. Datuk kita Adam dan Hawa. Dan akhirnya hari ini kita terjadinya berbagai bangsa, berbilang bangsa, dan maknanya kita harus hidup dalam satu negara ini. Kalau kita lihat sejarah, di Amerika dan Eropah, konsep yang digunakan oleh mereka ialah *melting pot* ataupun 'acuan peleburan'. Proses peleburan di mana, budaya etnik minoriti itu dileburkan, tetapi di Malaysia ini, kita tidak menggunakan acuan pelebur itu. Konsep yang dipakai ialah konsep *salad bowl* ataupun mangkuk sayur-mayur yang tidak meleburkan mana-mana etnik. Mereka tidak boleh mengekalkan budaya mereka, cara hidup mereka.

Saya tertarik dengan, kenyataan semalam oleh Yang Berhormat dari Bentayan, menunjukkan betapa Obama, Barrack Obama, Presiden elect demokrat, yang telah diterima oleh Amerika sebagai Presiden. Obama adalah seorang kulit hitam, maknya berkulit putih dan ayahnya, berkulit hitam, berasal keturunan daripada Kenya. Dan Obama, telah dipilih sebagai Presiden. Saya mungkin memberikan pandangan yang tersendiri dalam hal ini. Obama tidak mungkin menjadi Presiden Amerika, jika dia membawa inspirasi kulit hitam Amerika. Ini sudah berlaku kepada seorang calon Presiden Amerika berkulit hitam yang bernama Jesse Jackson. Jesse Jackson menyatakan bahawa Obama diterima kerana Obama berlakon sebagai orang putih, dia kata *charge me with acting white*, dengan izin. Sebab itu dalam pandangan saya, Obama walaupun seorang yang berkulit hitam, tetapi darah dan jiwanya adalah berkulit putih. Dan Obama tidak mungkin, dan sebagai yang saya sebutkan tadi, mungkin akan hanya menjadi Presiden 200 tahun daripada sekarang kalau dia tidak beragama Kristian. Kalau dia beragama Islam saya kira mungkin 200 atau 300 tahun lagi dia baru boleh menjadi Presiden Amerika. Saudara-maranya dia Kenya adalah orang yang beragama Islam. Oleh itu, kita kira bahawa dalam negara kita yang berbilang kaum ini, siapa dia juga berpeluang untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia, dan lebih cepat lagi kalau dia boleh jadi, boleh menjadi, boleh menjadi Perdana Menteri kalau dia seorang Islam, tidak kira kalau dia orang yang berbangsa Cina ataupun India.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu tempatan yang saya ingin bawa dalam sidang ini ialah, di kawasan saya itu, wujudnya bagai cendawan, kilang-kilang haram ini. Jadi saya minta bahawa pihak Kerajaan untuk dapat menyelesaikan masalah kilang-kilang haram ini, yang didirikan di tanah-tanah pertanian, tanah-tanah persendirian, dan dia telah banyak, banyak membawa masalah kepada penduduk setempat. Soal jalan rosak, lori-lori yang masuk, membahayakan lalu lintas dan penduduk setempat, gejala sosial kerana ramainya pekerja-pekerja asing, tinggal juga di kawasan-kawasan kampung.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, habis kalau kilang tu tutup, orang kerja kat mana?

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Ini semua pekerja asing, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, pekerja asing.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Hantarlah dia balik. Kerana kita pun ada banyak masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Ingatkan pekerja tempatan.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Jadi saya kira, lihat perkara ini dapat diselesaikan, diputihkan dan tapi peliknya kerana kilang-kilang haram ini dapat pulak bekalan tenaga elektrik. Saya bertanya tadi kepada salah seorang daripada kakitangan tenaga, dia kata kalau salah pulak pihak tenaga, kalau tidak berhentikan tenaga kepada kilang-kilang haram ini. Saya pun peliklah, satu undang-undang, akta yang begitu rupa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira cukuplah setakat itu apa yang ingin saya sampaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Jadi saya ambil teramat-amat terima kasih, dan saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat ADUN Kempas.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Terima kasih.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi, siapa nak berucap? Hem..

Y.B. Encik Jaffar bin Hashim (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Encik Jaffar bin Hashim (Senggarang) : Dan salam sejahtera. Y.B. Dato' Speaker, syukur saya ke hadrat Allah SWT, pagi ini 26 November 2008, atas saya berdiri di Dewan yang mulia ini, bagi membahaskan Bajet Negeri Johor Tahun 2009 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor, pada hari Jumaat, 21 November yang lalu. Bajet Negeri Johor Tahun 2009 ini yang bertemakan 'Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat', adalah satu bajet yang bukan bersifat *honeymoon,* dengan izin, iaitu berbulan madu. Tetapi saya percaya, bajet ini adalah bajet yang penuh dengan liku-likunya, disebut bajet defisit, bajet yang perlu berhati-hati. Bajet berhemah, kerana di dalamnya dipenuhi dengan pelbagai cabaran yang harus ditempuh dan dalam masa yang sama, kesejahteraan rakyat juga harus dibela ibarat orang berenang untuk menyelamatkan orang lain yang hampir lemas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bajet defisit tahun 2009 ini adalah langkah proaktif kerajaan akibat kecelaruan ekonomi dunia, tidak mahu terasa terlalu selesa dan ingin mengajak rakyat mempersiapkan diri menghadapi sebarang kemungkinan terhadap ekonomi dunia kini. Ucapan tahniah dan syabas harus diberikan kepada Kerajaan Negeri Johor yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di atas segala peranan dan tanggungjawab yang dimainkan melalui pendekatan holistik, penuh berhemah dan berakauntabiliti sehingga diakui dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007. Pengurusan kewangan Johor mendapat pengiktirafan *three star* atau tiga bintang, dengan izin, kedudukan kewangan yang semakin baik dan rekod penyelenggaraan akaun yang teratur dan kemas. Tahniah juga kepada Yang Berhormat Datin Paduka Pegawai Kewangan Negeri yang mungkin juga membantu dalam misi ini serta semua agensi-agensi swasta dan kerajaan

termasuk pegawai-pegawai awam yang turut bertungkus lumus bagi memastikan pembangunan Negeri Johor terus berkembang pesat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cuma apa yang diharapkan agar Kerajaan Negeri harus lebih tegas bagi menuntut tunggakan pinjaman agensi negeri yang berjumlah hampir RM601.6 juta itu. Saya menyokong pandangan daripada Yang Berhormat Kempas kerana jika tunggakan ini dilunaskan kemungkinan bajet 2009 tidak lagi bersifat defisit malah mungkin ada lebihan lagi. Itu kalau dikira dari kira-kira mudahnya. Apabila Ketua Nomura Holdings membuat perbankan pelaburan terbesar di Jepun berkata, ketika krisis mudah tunai menurun ketua negara di seluruh dunia perlu mencari jalan bagi merancakkan ekonomi bagi negara-negara yang merudum. Ini sudah menjadi satu petanda bahawa ekonomi dunia berada dalam keadaan yang cukup kritikal. Bagi menghadapi krisis ini maka atas kebijaksanaan seseorang ketua negara itulah bagaimana dia menggunakan dananya secara berhemah. Di negara kita kerajaan mengambil pendekatan melalui pakej rangsangan RM7 bilion diperuntukkan bagi merangsang ekonomi negara. Menteri Kewangan II juga menyatakan krisis kali ini yang paling getir, paling sengit dan paling mencabar yang pernah dihadapi dunia kerana kegawatan ini bermula di pusat sistem kewangan dunia iaitu Amerika Syarikat. Pakej rangsangan USD700 bilion diperlukan hanya untuk menyelamatkan institusi kewangan yang hampir muflis. Lihatlah betapa kritikalnya krisis kewangan dunia kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membentangkan bajet 2009 yang didahului dengan temanya, 'Menghadapi Cabaran', maka saya percaya inilah cabarannya. Kita tidak boleh mengharap orang lain membantu kita. Tetapi kita sendirilah yang harus berusaha dan berikhtiar untuk menyelamatkan ekonomi kita sendiri. Kalau dahulu, ekonomi kita dijana oleh komoditi getah, kelapa dan kelapa sawit, kita bergerak maju ke arah ekonomi perindustrian pembuatan atau *manufacturing*, dengan izin, dan sektor perkhidmatan. Melalui Iskandar Malaysia, misalnya, satu pusat kewangan Islam akan dibina di rantau ini. Ini merupakan satu langkah perkhidmatan yang bijak yang telah diambil oleh kerajaan. Pada pagi ini kita pun mendengar konsep kewangan Islam berkembang 23% dan Negara Hong Kong pula bersedia untuk menjadi negaranya sebagai pusat kewangan Islam ini. Masyarakat global Amerika, Eropah dan Jepun mula melihat sistem kewangan Islam sebagai alternatif setelah berlaku krisis kewangan berasaskan sistem konvensional. Tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi Bersama IRDA kerana Iskandar Malaysia menerima pelaburan RM40.25 bilion hampir mencapai sasaran RM47 bilion menjelang tahun 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi meningkatkan daya saing di masa akan datang, saya percaya sektor pelancongan boleh diberi keutamaannya. Dengan adanya jaringan jalan raya yang mudah, pembangunan semula dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, penambahbaikan pintu masuk ke Johor melalui Tambak Johor dan CIQnya, maka Johor boleh menjadi salah sebuah negeri yang maju dari segi sektor pelancongannya. Cuma saya ingin menarik perhatian agar produk pelancongan seperti *homestay* dan *agro tourism,* dengan izin, harus diperluaskan lagi ke kawasan-kawasan baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bermula dari pesisiran pantai Selat Melaka hingga ke Kukup tidak ada kawasan pelancongan baru yang diketengahkan. DUN Senggarang ingin mengetengahkan beberapa destinasi yang boleh dibangunkan secara lebih komprehensif seperti Pantai Minyak Beku, Pantai Sungai Lurus, kawasan Pantai Tanjung Laboh, kawasan tasik buatan di Bukit Batu Pasir, Koris, kawasan ini boleh dibangunkan dengan kerjasama swasta bersama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dengan menyediakan pakej-pakej pelancongan, penginapan, lawatan ke IKS, lawatan ke penternakan lembu, kambing, tanaman buah naga, di samping diisi dengan pelbagai aktiviti bermain golf, memancing dan sebagainya. Melalui peruntukan RM1.7 juta untuk Jabatan Landskap misalnya, maka dapatlah dibangunkan bersama Majlis Tempatan agar jalan masuk dan keluar di pekan-pekan kecil dihiasi dengan lampu dan bungaan yang mencantikkan lagi sesuatu kawasan DUN dalam Negeri Johor ini. Amatlah diharapkan agar segala bentuk bangunan di Negeri Johor ini menjurus ke arah ekopelancongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh tiga strategi bajet 2009 memperkukuh daya tahap ekonomi negeri dan rakyat, menggarap potensi sumber manusia dan meningkatkan tahap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat, saya ingin menarik perhatian agar kemalangan maut yang sering berlaku di jalan negeri dan jalan persekutuan harus diambil perhatian. Peruntukan yang mencukupi patut disediakan agar kawasan persimpangan ini dinaik taraf khususnya di kawasan DUN Senggarang. Simpang-simpang jalan masuk kampung yang sering berlaku kemalangan termasuk kemalangan maut seperti persimpangan Kampung Sungai Suloh, Sungai Ayam, Simpang Bukit Batu, Senggarang, Simpang Parit Bugis, Simpang Kampung Parit Kemang dan Simpang Kampung Parit Hylam patut diberi perhatian.

Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, hujung tahun 2006 dan awal tahun 2007 selama hampir 45 hari sebahagian kawasan Senggarang mengalami banjir termenung. Lebih daripada 10,000 orang terlibat di kawasan DUN Senggarang sahaja dan lebih 100,000 orang yang terlibat di Negeri Johor. Berbagai bantuan diperolehi mencurah-curah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akan tetapi, DUN Senggarang mengalami banjir besar sekali lagi kesan daripada kenaikan air pasang luar biasa yang melanda di persisiran pantai Selat Melaka pertengahan bulan November ini. Bermula dari Pekan Koris ke Minyak Beku dan di sebahagian ke kawasan DUN Semerah. Kawasan yang teruk dilanda banjir air masin ini sehingga ke paras ketinggiannya hampir 0.5 meter hingga ke 1 meter. Air pasang ini rata-rata melepasi pintu air dan benteng JPS yang sedia ada. Ataupun jangka masanya hanya dalam lingkungan tiga atau empat jam untuk empat atau lima hari berturut-turut namun kerosakan harta benda dan kerugian yang dialami penduduk amat dirasai. Maka dengan itu dicadangkan agar peruntukan bagi rancangan tebatan banjir dan projek hakisan pantai harus ditambah dan dipertingkatkan. Peruntukan yang agak besar melalui bajet 2009 sebanyak RM238 juta menunjukkan Kerajaan Negeri cukup peka dengan keadaan ini. Benarlah apa yang dilaporkan dalam media kesan pemanasan global akan mengakibatkan paras air pasang meningkat sehingga boleh menenggelamkan Bandar Batu

Pahat, Pontian termasuk Pekan, Pahang. Fenomena ini dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bukan hanya untuk menakut-nakutkan seperti dalam cerita filem *action* atau filem dokumentari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peristiwa air pasang memecah benteng pernah berlaku di depan mata saya sendiri sehingga air masuk ke kampung halaman dan kebun tanaman. Peristiwa yang berlaku di tahun '70-an di Kampung Sungai Lurus misalnya telah menyebabkan ratusan ekar tanah menjadi laut. Baru kini awal tahun 2006 proses penggantian tanah yang terhakis menjadi laut diselesaikan. Bukan setakat sakit kerana melihat air laut merempuh halaman rumah dan tanaman, tetapi juga sakit menempuh lamanya mendapat tanah gantian yang dijanjikan. Setelah mendapat geran tanah, setelah mendapat geran hak milik tanah pun tidak dapat mengusahakan tanah tersebut kerana telah ada penghuni lain pulak di tanah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka dengan itu saya amat menyokong langkah kerajaan apabila menubuhkan *task force* yang bukan sahaja menyelesaikan semua tunggakan pemohon tanah tetapi juga memantau penceroboh-penceroboh tanah milik kerajaan tanpa mengikut prosedur yang sepatutnya. Sekalung tahniah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana terus menyediakan peruntukan program penempatan tersusun sebanyak RM3.6 juta untuk 73 buah keluarga orang asli Kampung Teluk, Minyak Beku. Dalam bajet 2008 yang lalu sebanyak RM4 juta diperuntukkan. Tetapi sehingga kini tidak diketahui adakah peruntukan itu digunakan atau tidak. Apa yang pasti keluarga orang asli masih tinggal di situ. Kawasan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di Sungai Banang, Batu Pahat di Lot PTD 2170 seluas 11.09 hektar dan di lot 2171 seluas 3.469 hektar masih belukar dan tidak terusik apa pun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lebih menghairankan lagi, laporan pihak perunding yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menyatakan bahawa peruntukan sebanyak itu tidak mencukupi untuk kerja-kerja awal penempatan baru di Sungai Banang itu. Hasil tinjauan saya ke kawasan penempatan itu yang terletak bersebelahan sebuah kilang RC Pile, kilang besi dan kuari telah beroperasi setelah kerja-kerja penambakan dibuat. Lawatan itu dibuat pada hari yang sama air pasang besar sedang melanda Kampung Teluk pada 16 November 2008 yang lalu. Dan di kawasan kilang ini keadaannya amat selamat sekali. Maka saya berharap agar peruntukan yang telah dicadangkan dalam bajet 2009 ini dapat digunakan terus bagi kerja-kerja penambakan di situ. Penantian hampir 60 hingga 70 tahun biarlah berakhir pada tahun 2009 atau 2010 nanti. Dua bulan yang lepas telah berlaku kematian kanak-kanak yang terjatuh daripada lantai rumah usang tanpa disedari ibunya, keadaan yang begitu daif amat mendukacitakan sekali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi merealisasikan hasrat kerajaan agar kualiti hidup rakyat dapat dipertingkatkan dari segi ilmunya maka peruntukan sebanyak RM8 juta yang telah dicadangkan dalam bajet 2009 ini bagi membina sekolah agama baru amat dihargai. Cuma di DUN Senggarang terdapat tiga buah sekolah agama yang masih menumpang di sekolah kebangsaan. Walau bagaimanapun Sekolah Agama Minyak Beku amat memerlukan peruntukan

awal pembinaannya kerana telah lama menunggu tahun 1993 dan bilangan murid yang semakin bertambah. Berbagai masalah yang telah timbul dari kesan menumpang di sekolah kebangsaan di kawasan tersebut.

Seperkara lagi melalui bajet 2009 ini sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk urusan pengurusan dan pentadbiran Pejabat Agama Johor. Buat masa ini yang saya tahu, imam surau hanya menerima elaun sebanyak RM50.00 sebulan dan bilal hanya RM30.00 sahaja sebulan. Jadi apalah salahnya jika elaun imam dan bilal surau ini ditambah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya bagi meningkatkan tahap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat bekalan air bersih luar bandar di kawasan penempatan baru seperti di Kampung Bukit Banang, Kampung Wak Hamzah Batu 6, Kampung Bukit Batu Darat, lebih dari 200 keluarga terlibat di kawasan terbabit kebanyakannya terdiri daripada generasi baru penduduk tempatan yang berhijrah ke kawasan penempatan baru ini. Ucapan terima kasih juga di atas usaha gigih kerajaan bagi menjayakan pembasmian kemiskinan di Negeri Johor. Program *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan melalui JPMM adalah diharapkan agar tindakan berkesan dan lebih cepat dapat diambil. Cuma untuk membantu mangsa-mangsa bencana seperti kebakaran, dicadangkan dibina pusat penempatan sementara agar sesiapa juga yang menghadapi bencana dapat menginap sehari dua bagi menunggu penempatan baru. Di DUN Senggarang berlaku tiga kebakaran dalam tahun 2008 ini di Kampung Baru, Kampung Parit Karjo dan Kampung Parit Makmur sehingga kini belum dapat pembelaannya. Malangnya agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membantu iaitu Majlis Agama Islam Johor tidak memberi apa-apa jawapan yang baik. Melalui mesyuarat *focus group* peringkat daerah pun telah dikemukakan beberapa kali tetapi pegawai datang hanya ambil gambar sahaja. Kita pun patut faham apabila rumah terbakar tidak ada lagi tempat berteduh. Apa yang lebih menyedihkan ada rumah tangganya dan bercerai-berai dek kerana lamanya menunggu bantuan yang begitu lambat dan tidak tahan menumpang di rumah saudara mara.

Y.B. Dato' Speaker : Itu gaduh ke?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Dia bergaduh, tak tahan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak tahan apa?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Tak tahan menumpang di rumah saudara mara. *Line* tak *clear*.

Y.B. Dato' Speaker : Ye ke?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mudah-mudahan usaha membela rakyat ini terus digerakkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan usaha masyarakat tidak ternanti-nanti begitu lama di atas apa juga bentuk bantuan yang bakal diterima. Jabatan yang terlibat diharap dapat membantu mengikut kesesuaian kesusahan dan bencana yang dihadapi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya melihat bahawa inilah bajet yang benar-benar mencabar kewibawaan kerajaan dalam usaha untuk meningkat kualiti hidup rakyat demi kesejahteraan rakyat itu sendiri. Mudah-mudahan usaha murni ini Kerajaan Johor mendapat mandat yang padu dari rakyat. Seterusnya menyambung kepimpinan di masa akan datang. Saya menyokong cadangan rundingan Bajet Negeri Johor oleh Yang Berhormat ADUN Kempas. Sekian, wabillahitaufik walhidayah. wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi. Dijemput siapa yang nak berucap.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Oh itu dia, Bukit Permai.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker serta rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan dalam ucapan perbahasan dalam Bajet 2009 bertema 'Menghadapi Cabaran Kesejahteraan Rakyat' yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar.

Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, di dalam kesempatan ini saya ingin mengutarakan beberapa isu yang dianggap sebagai persoalan remeh-temeh. Kalau disebutkan soalan yang remeh-temeh kerana kita berulang kali di Dewan yang mulia ini membincangkan keluhan-keluhan rakyat pada isu-isu seperti sungai, banjir, longkang, sampah-sarap dan sebagainya. Hari ini saya melihat bahawa isu ini haruslah diberi perhatian yang serius. Kalau isu remeh inilah yang menjadikan rakyat tidak sejahtera kerana tidak dilayan dengan sebaiknya. Walau bagaimanapun, kalau kita lihat di dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menghadapi cabaran kesejahteraan rakyat. Bajet ini bajet holistik, bajet yang boleh disamakan dengan pakej rangsangan ekonomi RM7 bilion yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam beberapa isu. Soalan yang dibentangkan oleh bajet hari ini ialah bahawa, apakah Kerajaan Negeri atas bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh disalurkan kepada agensi-agensi kerajaan yang memerlukan sokongan rakyat kerana rakyat hari ini sentiasa bertanyakan kepada kerajaan bahawa apa kesudahan dengan masalah-masalah yang setiap kali dibentangkan, dibangkitkan di Dewan yang mulia ini kerana di DUN saya sahaja isu-isu yang dibangkitkan nak dibawa oleh saya sebagai Wakil Rakyat ialah isu remeh kalau dikatakan di dalam Dewan yang mulia ini. Agensi-agensi kerajaan boleh mengambil tindakan-tindakan tetapi kalau saya tidak membangkitkan isu ini dikatakan saya Wakil Rakyat tidak bekerja.

Jadi soal yang akan saya bawa adalah isu pertanian, pendidikan, IKS dan PBT. Yang pertamanya, sebelum saya memanjangkan isu yang akan saya utarakan,

saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah menjawab soalan saya mengenai Pejabat Pos Malaysia. Saya ingin bangkitkan sekali lagi di sini, iaitu persoalannya isu ini tak boleh selesai dengan *look and feel* dengan izin. Kalau kita lihat Pejabat Pos di Kulai ini, dia betul-betul berdepan dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai. Kesesakan lalu lintas memang jem terus. Kalau bagaimanapun bentuk diubah daripada belakang ke depan, dari depan ke belakang ke pintu ke mana sahaja dengan imej yang dikatakan *look and feel,* kita *look* saja, seluruh Johor kita berserabut *time* tengah f*eel,* perasaan yang tidak senang hati oleh rakyat kerana daerah Kulaijaya ini daerah baru, daerah yang memerlukan satu daerah yang mantap. Kalau kita lihat agensi-agensi kerajaan yang berpindah, yang mengadakan pejabat-pejabat di daerah Kulaijaya berhadapan Indahpura di Bandar Putra, saya kira Pejabat Pos, kalau Pejabat Pos Kulai ini tidak bersesuaian lagi. Walau bagaimanapun ubah kerana dengan keadaan, perjalanan kereta-kereta yang jem di situ dan saya rasa memang tidak sepatutnya lagi berada di situ. Itu bukan soal pokok ialah isu ini bukan disebabkan oleh kita perlu menaikkan imej dan sebagainya bahana tempat itu tidak bersesuaian lagi. Yang keduanya....

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak cadangkan dekat mana?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Saya nak cadangkan di Indahpura kalau boleh. Sebab soalnya Indahpura ini satu bandar baru yang mana IPD pun berpindah di sana. Ibu Pejabat Polis Daerah Kulaijaya akan ditempatkan di Indahpura. Saya kira agensi-agensi kerajaan yang berpindah pun dia orang banyak menyewa....

Y.B. Dato' Speaker : Apakan lagi jangan depan Polis pula.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang keduanya, saya ingin membangkitkan soal isu sekolah agama. Sekolah agama di DUN saya khasnya di Bandar Putra, sekarang ini sekolah rendah Bandar Putra ini menampung 1,850 orang pelajar dengan empat buat kelas sahaja untuk Sekolah Agama Bandar Putra, Atas inisiatif badan-badan kebajikan ibu bapa sekolah agama Bandar Putra, kita mengusulkan untuk menyewa rumah kedai di Bandar Putra dengan pembayaran RM15.00 setiap seorang daripada anak ibu bapa. Kalau anak mereka ini ada empat orang, lima orang ia memberikan satu impak yang besar kepada pendapatan ibu bapa. Kalau kita mahukan keselesaan pelajar sekolah agama itu, daripada empat buah kelas kepada sewa lima buah kedai yang sedang kita cuba tahun depan kerana keselesaan dengan empat belas buah kelas. Hari ini, kerana pakej rangsangan itu juga melibatkan sekolah agama, sekolah saya rasa, saya minta di Dewan yang mulia ini dipercepatkan dibina sekolah agama Bandar Putra ini kerana kritikal, 1,600, 1,800 pelajar. Jadi inisiatif badan kebajikan ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sekolah sekarang menumpang kat mana?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Menumpang di sekolah rendah yang sedia ada.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi tambahan?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Tambahan sekarang Ini kita pindahkan...

Y.B. Dato' Speaker : Tak, yang sewa tadi macam mana cerita, sewa tadi?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Sewa itu akan kita minta pada ibu bapa membayar atas persetujuan badan kebajikan dan kita tanggung...

Y.B. Dato' Speaker : Kedai ada? Sewa?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Sewa RM1,600 satu unit rumah kedai.

Y.B. Dato' Speaker : Ha tu jabatan kamu pergi bayar. Ada peruntukan.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Alhamdulillah.

Y.B. Dato' Speaker : Ini tak boleh cakap tak boleh. Saya tempat saya ada sewa kedai untuk sekolah agama. Kumpul zakat pun dah banyak orang beri boleh didermakan untuk kebaikan.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat kerana ingin memberikan saya kekuatan untuk memberi maklumat yang jelas kepada badan kebajikan bahawa ada peruntukan yang khas untuk sekolah agama ini. Yang ketiganya, sekolah menengah kawalan. Di Bandar Putra di DUN saya di daerah Kulaijaya ini, kita mempunyai satu sekolah bertaraf kawalan. Kalau kita lihat di Johor Bahru, daerah-daerah ada sekolah berasrama penuh. Saya menyentuh Wakil daripada Sungai Abong menyatakan mata pelajaran Sains, Matematik dalam Bahasa Inggeris tidak mencapai tahap kejayaan. Tetapi di DUN saya, di DUN saya pelajar-pelajar luar bandar mencapai tahap pendidikan UPSR melebihi sasaran kita, kita tentukan.

Hari ini sekolah berasrama penuh tak ada di daerah Kulaijaya. Saya melihat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ada menyebut bahawa dia akan membina 20 buah sekolah Maktab Rendah Sains Mara dalam tahun 2013. Saya mengharapkan di antara 20 yang akan dibina perlulah dilihat kepada sudut pendidikan di daerah yang tidak mempunyai sekolah berasrama penuh iaitu khasnya di Kulaijaya. Untuk menampung pelajar yang makin bertambah kecemerlangannya dalam UPSR. Jadi Ibu bapa luar bandar ini yang tidak berkemampuan dia memberi pendidikan yang serius kepada anak-anak untuk mendapat kecemerlangan. Jadi untuk menghantar anak ke sekolah berasrama penuh tetapi dengan terhadnya sekolah berasrama penuh ini, saya mengharapkan bahawa, lagi satu diwujudkan sebuah sekolah bertaraf kawalan di daerah Kulaijaya.

Maka, selain daripada sekolah berasrama penuh yang kita perlukan, saya juga ingin mengambil kesempatan pada perbahasan ini iaitu soal Kementerian Kesihatan. Kalau kita lihat Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian

Kesihatan mungkin *over look* dengan izin, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa akan mewujudkan satu pasukan petugas khas untuk menangani masalah penyakit berjangkit ini seperti denggi, Chikungunya. Di DUN saya, Chikungunya dah merebak. Ada yang kena, Yang Berhormat EXCO pun ada yang kena, Wakil Rakyat pun ada yang kena. Tetapi, pada saya bukan untuk menubuhkan petugas khas kerana ada petugas khas yang telah diwujudkan di Johor dinamakan *Devit Combi* dengan izin, *Devit Combi* ini di Kulai, di DUN saya, kita wujudkan semua, di kampung-kampung. Jadi yang penting hari ini adalah geran tahunan untuk *Devit Combi* ini bekerja sukarela ada. Bukan nak wujudkan setiap kali ada benda yang melibatkan penyakit ini, kita keluarkan satu, batal tetapi kita tidak melihat, soalnya hari ini yang sedia ada kenapa kita tidak berterusan membantu mengaktifkan pasukan khas ini yang sama dengan apa yang akan diwujudkan.

Dahulu semua sedia maklum bahawa penyangak mata wang, George Soros juga telah menyebabkan dunia ini menderita atas kejatuhan ekonomi dunia. Hari ini negara kita, di atas kepakaran ahli-ahli kewangan dapat menyediakan sistem yang memberikan impak kepada kestabilan ringgit seterusnya diakui oleh dunia hari ini. Ini memberikan kita semua tanggung jawab untuk mendisiplinkan diri agar dapat bersama-sama menyokong saranan Kerajaan untuk berbelanja berhemah di atas kegawatan ekonomi yang akan melanda dunia pada tahun ini. Insya-Allah, saya rasa bajet ini seharusnya diberi perhatian dalam sektor pertanian. Di DUN saya, sektor pertanian daerah Kulaijaya tidak pernah mengabaikan, dengan melaksanakan program gerakan Fisiotani rakan usaha tani GUT dengan izin. Subsidi 50 peratus harga input pertanian. Di bawah projek perkhidmatan pengembangan dan perundingan. Bagi tahun 2008 sahaja, daerah Kulaijaya cuma menerima peruntukan sebanyak RM20,000 dan bilangan petani yang mendapat manfaat dari program tersebut hanya 50 orang dalam bentuk lima beg baja setiap seorang.

Masalahnya hari ini, bila kita adakan subsidi 50% ni, satu baja dengan peruntukan yang sedikit, kita macam kita memberi *re-educate* petani baru yang jadi petani. Kalau ini subsidi yang kita bagi, lepas itu kita tidak dapat membantu berterusan, ia tidak mencapai matlamat kita untuk menjadi, mereka ini petani ini yang berjaya. Cadangan saya ialah agar tambahan GUT ini ditambahkan daripada RM40,000.00 kepada RM70,000.00 untuk sama-sama melaksanakan projek ini dan mencapai matlamat dia. Kerana di Kulaijaya, kita mempunyai tanah, keluasan tanah 26,920 hektar tanah kawasan pertanian yang telah dimajukan. Jadi, itulah peruntukan tambahan GUT ini perlu ditambah untuk melaksanakan program mencapai matlamat pertanian.

Statistik 2007 tanah terbiar di daerah Kulaijaya ialah seluas 34 hektar dengan mempunyai 29 pemilik. Tadi, Wakil dari Jorak mengatakan tentang tanah terbiar untuk diusahakan bersama-sama. Saya mengharap bahawa untuk Kerajaan dapat melonggarkan syarat berkelompok kepada individu ini, agar kedudukan ini penting untuk mengurangkan tanah terbiar ini mencapai matlamat. Ha, ini. Jadi, kelonggaran, prasyarat itu perlu ada kelonggaran.

Sehingga November 2008, seramai 9 pengusaha tanaman cendawan di Daerah Kulaijaya telah dan sedang dibimbing oleh Jabatan Pertanian Daerah Kulaijaya.

Memandangkan cendawan menjadi produk Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Daerah Kulaijaya, maka perlu ada tumpuan dan fokus ke arah itu. Dengan ini, saya memohon agar disediakan sebidang tanah khas seluas 5 atau 10 ekar tanah di DUN Bukit Permai, di kawasan saya yang akan menjadi pusat aktiviti kelompok pengusaha cendawan bagi daerah Kulaijaya. Pusat ini akan menjadi tempat mengumpul dan menemukan semua usahawan tanaman cendawan, seluruh daerah berkumpul dan bertukar-tukar pengalaman dalam penanaman dan pasaran cendawan di samping boleh menjadi tarikan *agro tourism*, dengan izin. Pengurusan pusat akan dipantau oleh Jabatan Pertanian, konsep pusat ini adalah sebagai pusat penemuan usahawan cendawan dan pusat pengawasan cendawan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu agensi kerajaan yang menyumbangkan kewangan negeri adalah Pihak Berkuasa Tempatan. Ataupun ada pendekatan dari segi hasil pungutan cukai tetapi masih boleh dipertingkatkan lagi. Merujuk kepada laporan audit yang dikeluarkan pada 20 Jun 2008, adalah didapati daripada 13 Pihak Berkuasa Tempatan yang terdapat di dalam Negeri Johor. 10 Pihak Berkuasa Tempatan dikategorikan sebagai mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh kerana mempunyai nisbah kecairan antara 2.26 hingga 4.39. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan yang lebih tegas kepada mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang.

Di sini saya ingin memberi gambaran kelemahan Majlis Perbandaran Kulaijaya yang telah dikeluarkan oleh laporan audit 20 Jun 2008. Penguatkuasaan bagi premis perniagaan di Majlis Perbandaran Kulaijaya adalah tidak memuaskan kerana kelewatan yang melebihi tempoh bagi permohonan lesen baru dan kurang kepekaan serta pemantauan terhadap lesen yang telah tamat tempoh supaya diperbaharui serta kelemahan penguatkuasaan yang menyebabkan terdapat banyak premis perniagaan melanggar undang-undang dan peraturan. Ini jelas menunjukkan kerugian pada Majlis Perbandaran Kulaijaya disebabkan sistem pengurusan yang lemah. Pihak Berkuasa Tempatan lebih berkesan bagi memastikan semua program, aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan serta dipandang tinggi masyarakat setempat. Oleh yang demikian, diharap Pihak Berkuasa Tempatan perlu sentiasa tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan dengan mengambil tindakan mengikut undang-undang atau peraturan berkaitan supaya masyarakat lebih bertanggungjawab untuk mematuhi semua peraturan ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita bincangkan soal PBT, soal majlis Perbandaran Kulaijaya, saudara, sahabat saya daripada Bukit Batu, di DUN saya sendiri, soal penguatkuasaan, soal lori-lori, kenderaan berat yang *parking* di taman-taman, ya, di taman di Bandar Putra, di tempat saya sendiri, dah tak boleh dah nak bergerak. Jalan teruk kerana kenderaan berat lalu, *parking* kat situ. Saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini bahawa Majlis Perbandaran Kulaijaya menyediakan satu tapak, tapak *parking* khas untuk

kenderaan berat ini. Kerana ini sahaja yang boleh mengurangkan, kerana bajet kita, kalau kita mahukan bajet 2009 ini, yang dibentangkan oleh Kerajaan untuk rakyat ialah bajet berhemah. Bajet yang mengikut pada acuan Kerajaan Negeri. Insya-Allah, saya yakin Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa dan cukup.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin sikit saja.

Y.B. Dato' Speaker : Hm.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Di daerah Kulaijaya juga mempunyai industri bioteknologi. Kita baru sahaja melancarkan di Desaru Park, Bio-Desaru. Saya mengharapkan di daerah Kulaijaya yang industri bioteknologi juga diberi perhatian yang serius dan mendapat perhatian untuk bersama-sama membangunkan daerah Kulaijaya.

Dengan kata-kata itu saya ingin, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharap langkah yang diambil Kerajaan Negeri dapat menangani masalah ekonomi serta menepati apa yang telah dirancangkan. Dengan kata-kata ini, izin saya membawa cadangan menyokong perbahasan usul Bajet 2009 dalam persoalan untuk Persidangan kali ini. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Perbahasan diteruskan lagi, yang nak berucap. Ha, Johor Jaya.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu ingin saya ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedang menghadapi kegawatan ekonomi globalisasi yang sedang melanda seluruh dunia. Kegawatan ekonomi ini akan memberi impak yang besar kepada Negeri Johor yang sedang giat melancarkan projek pembangunan Iskandar Malaysia. Negeri Johor juga dijangka akan turut mengalami kemerosotan dalam pertumbuhan ekonomi. Bajet Negeri Johor pada tahun 2009 yang baru dibentangkan juga merupakan satu bajet defisit. Krisis ekonomi ini bukan saja akan menjejaskan pertumbuhan pembangunan ekonomi malah akan memberi kesan yang dalam kepada orang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ataupun kita menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi, tetapi melalui bajet tahun 2009 kita masih boleh melihat kesungguhan kerajaan untuk membangunkan Negeri Johor untuk menjaga kepentingan rakyat jelata. Pelbagai rancangan telah disusun untuk pembangunan Negeri Johor. Sejumlah besar peruntukan telah disalur untuk menjayakan rancangan tersebut. Kita berkeyakinan besar bahawa kerajaan Negeri Johor yang mantap mampu membimbing semua rakyat jelata Johor

untuk sama-sama menghadapi cabaran krisis ekonomi yang melanda kita. Ini kerana pada tahun 80an dan 90an, negara kita juga menghadapi masalah yang sama. Tetapi Kerajaan Negeri Johor tetap dapat mengatasi masalah yang dihadapi pada masa dulu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk tidak mensia-siakan peruntukan yang diluluskan, kakitangan Kerajaan harus peka dengan perubahan globalisasi dan memahami hasrat Kerajaan untuk mencapai matlamat. Kakitangan Kerajaan seharusnya lebih cekap dalam pelaksanaan kerja, untuk memastikan mutu kerja yang tidak, tiada pembaziran yang berlaku semasa menjalankan sesuatu projek. Dalam usaha menangani masalah yang timbul ekoran daripada krisis ini, Kerajaan Negeri Johor juga tidak harus mengabaikan tanggungjawab untuk memberi perhatian atau usaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti hidup anak Johor. Kualiti hidup yang tinggi bergantung kepada suasana alam sekitar dan kemudahan asas yang disediakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedia maklum bahawa ataupun harga minyak sudah turun tetapi harga barang masih tinggi lagi. Ramai orang menghadapi kesempitan, kegawatan kewangan terutama dalam kegawatan ekonomi ini. Ramai yang cuba mengurangkan belanja seharian seperti masak sendiri dan tidak makan di luar. Beli barang yang perlu sahaja. Ada yang bercadang hendak menjual kereta untuk menjimatkan belanja seperti minyak kereta dan ansuran kereta. Tetapi cadangan itu tidak dapat ditunaikan kerana tanpa kereta, mereka tidak dapat pergi ke tempat kerja dan tempat yang ingin dituju. Oleh itu, hampir semua anak Johor khususnya orang Johor Bahru ini boleh dikatakan hampir 85% keluarga mempunyai kereta. Ada yang bukan satu kereta sahaja, ada yang sampai dua, tiga buah. Mereka ini bukan kaya, tetapi terpaksa lagak kaya. Kalau tidak, tidak dapat keluar, jadi semua orang beli kereta dan jalan kita hari-hari sesak dengan kereta. Hari-hari jem.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat kita ini bukan tidak hendak menggunakan kenderaan perkhidmatan awam tetapi sistem pengangkutan yang kita sedia ada ini tidak memenuhi keperluan orang ramai. Mereka terpaksa menunggu berjam-jam baru nampak bayang bas. Bila sudah sampai ke suatu tempat kena jauh, kena jalan jauh juga.
Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam menghadapi masalah krisis ekonomi ini, ramai yang tidak mampu membeli kereta lagi dan sudah sampai masanya kita menjalankan rancangan untuk membangunkan sistem pengangkutan MRT ataupun monorel untuk memudahkan anak buah kita. Sekiranya ada sistem monorel, kita boleh, lebih senang untuk ke sesuatu tempat dan dapat juga kita menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana telah melaksanakan projek Lebuhraya Permas Jaya dan Desaru. Projek ini sedang giat dijalankan. Kami percaya apabila kedua-dua laluan ini siap dibuat, akan memudahkan dan melancarkan lalu lintas kita. Ini sekali gus dapat membawa kemajuan kepada pembangunan ekonomi Negeri Johor, khasnya Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kadar lalu lintas di bandar Johor Bahru memang menjadi satu isu dan masalah kepada orang ramai. Dulu kita takut ke kawasan barat Johor Bahru seperti Skudai kerana selalu terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Tetapi, sejak persimpangan bertingkat Perling dan Skudai dibina, perjalanan ke Skudai sudah tidak menjadi masalah lagi. Berjalan lancar, tetapi keadaan sebaliknya berlaku di kawasan timur Johor Bahru, khususnya di Parlimen Pasir Gudang dan Tebrau. Tetapi keadaan, khusus, berjalan lancar tetapi keadaan sebaliknya berlaku di kawasan yang seperti saya sebut tadi khususnya di Johor Bahru ke Ulu Tiram yang melalui Jalan Tebrau ni. Kesesakan lalu lintas di Jalan Tebrau amat merimaskan. Perjalanan yang sepatutnya memakan masa 15 minit, kadang-kadang boleh sampai 1 jam, baru sampai ke rumah, teruk betul.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan harus mengkaji lalu lintas di Jalan Tebrau dan menyusun rancangan yang berkesan seperti membina persimpangan bertingkat untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh semua pengguna jalan raya. Di sini saya ingin sentuh satu, yang apa saya sedang lihat, baru-baru ini saya ke Hong Kong, Disneyland…..

Y.B. Dato' Speaker : Ikut siapa Yang Berhormat pergi? Siapa belanja?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Belanja sendirilah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat belanja sendiri ya.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Ya, saya.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak duit ni.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, terdapat sistem pengangkutan di Hong Kong ini amat begitu canggih dan juga bermanfaat kepada penduduk ataupun pelancong yang berkunjung ke Hong Kong. Satu sistem yang begitu canggih ialah mereka itu menyambungkan MRT mereka itu dengan bas, mini bas serta *water taxi*. Sekiranya kita menaiki pengangkutan mereka itu kita boleh sekali gus menggunakan sistem itu. Jadi memudahkan kita apabila kita ke Hong Kong. Satu sistem ini yang harus kita belajar ialah …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya tempat sesak ya?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Jalan Tebrau memang sesak sehingga kinilah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pindah Hong Konglah, tak sesak. (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Saya cadangkan ini supaya kita ambil gambaran ini. Sekiranya kalau kita tidak ambil gambaran ini, kemungkinan kita tinggal, ketinggalan kita khususnya kepada Yang Berhormat Pengerusi

Pelancongan. Mereka nak melancong ke Malaysia, kemungkinan kesesakan ini takutkan mereka, tak berani datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor juga berusaha untuk mencapai matlamat rumah setinggan sifar. Kita berasa syukur kerana mempunyai sebuah kerajaan yang prihatin dan memahami keperluan orang ramai. Di Negeri Johor banyak terdapat kawasan rumah setinggan. Ataupun setinggan, tetapi kerajaan tetap menyediakan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air juga dibekalkan kepada penghuni-penghuni rumah setinggan. Akan tetapi suasana alam persekitaran, terutama dari segi kesihatan dan kualiti hidup di kawasan setinggan ini harus diberi perhatian oleh kerajaan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran kediaman di kawasan ini amat mengecewakan dengan keadaan yang kotor, sampah tidak tersusun.

Untuk mencapai tema Bajet 2009, iaitu memelihara kesejahteraan rakyat dari segi tahap dan kualiti hidup, kerajaan seharusnya mengambil langkah untuk meningkatkan kualiti hidup setinggan di kawasan yang sedia ada atau memindahkan penghuni rumah setinggan ke tempat yang lebih sesuai secara sistematik dan secara terancang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor oleh kerana ataupun segelintir penduduk di Plentong Tengah ini telah diminta keluar dari kawasan tersebut oleh tuan tanah tetapi Kerajaan Negeri Johor begitu prihatin telah menyediakan sekeping tanah di Bukit Dagang. Dan saya memandangkan satu tunjukkan kepada rakyat iaitu Kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin tetapi kita begitu malangnya saya lihat di surat khabar, di Pulau Pinang juga, ada beberapa keluarga telah dipaksa oleh tuan tanah pindah keluar daripada tanah tersebut. Tapi Kerajaan Pakatan Pulau Pinang, satu inci tanah pun tidak kepada penduduk itu. Jadi kita membandingkan, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita membandingkan Kerajaan Pulau Pinang dengan Kerajaan Johor dari pemimpin Barisan Nasional. Begitu prihatin dengan yang menjaga nasib penduduk rakyat kita. Ini satu perintah…..

Y.B. Dato' Speaker : Itu tanah Bukit Dagang bukan yang *time* Yang Berhormat, itu *time* yang saya dapat. Saya tak tidur malam.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Saya memang di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, saya nak tunggu tu aje… cakap saya. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Dan saya tahu siang malam Dato' Speaker telah kerja bersama duduk dengan penduduk berbincang. Berbincang dengan tuan tanah. Berulang-ulang kali. Tetapi ada segelintir orang telah ambil kesempatan ini untuk memperdayakan mereka itu supaya mementingkan diri menjadi buruk di situ. Memburukkan nama Kerajaan Barisan

Nasional. Ini yang kita tak mahu dengar. Yang sebenar apa Kerajaan Barisan Nasional telah dibuat di situ, bantu di situ. Dato' Speaker sendiri turun padang, Yang Berhormat Menteri kita turun padang, Yang Berhormat …

Y.B. Dato' Speaker : Bukan padang saya turun. Sampai ke sungai saya turun, bukan padang aja**.** (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Jadi saya terima kasih banyaklah kepada Kerajaan Barisan Nasional telah prihatin kepada penduduk Bukit Dagang, eh, penduduk di Plentong Tengah ini. Dan mereka ni sekarang ni telah terima hakikat dan mereka telah tahu apa sebenarnya.

Y.B. Dato' Speaker : Panjang lagi Yang Berhormat?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Sedikit lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, tinggal beberapa hari sahaja kita akan masuk bulan Disember. Bila tiba bulan Disember, ramai dah bersiap sedia untuk menyambut Krismas dan Tahun Baru. Dan saya juga sibuk membuat persiapan, tetapi bukan untuk menyambut Krismas. Persiapan yang saya buat adalah untuk menghadapi banjir di kawasan saya yang mungkin berlaku pada bulan Disember. Jadi saya tak dapat sambut hari Krismas ataupun Tahun Baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan saya terutamanya…

Y.B. Dato' Speaker : Kenapa Yang Berhormat? Kenapa tak dapat sambut?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Banjir, Yang Berhormat Dato' Speaker. Seperti mana dulu Yang Berhormat Dato' ….

Y.B. Dato' Speaker : Bila banjir?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Dijangka.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dijangka, jangan cakaplah.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Banjir di kawasan saya pada bulan Disember.

Y.B. Dato' Speaker : Tahun Baru Cina Yang Berhormat dapat menyambut.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Kemungkinan tak dapat juga. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Masalah ini memang sejak daripada Yang Berhormat Dato' Speaker dulu. Yang Berhormat Dato' Speaker sendiri apabila jadi Wakil Rakyat di kawasan itu saya nampak Yang Berhormat Dato' waktu malam, tengah malam pun turun. Pakai selipar.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, turun.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Bersama-sama dengan rakyat ataupun basah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ikut saya tu**.** Ha, macam berangan-angan nak jadi Wakil Rakyat, dululah. Tapi dapat jugalah. Baguslah. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Dulu saya punya penyokong Dato' Speaker jadi Wakil Rakyat. Belajar dengan Dato' Speaker juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan saya terutama di Plentong memang merupakan kawasan banjir sejak 20 tahun yang lalu. Kerajaan memang memahami masalah ini dan telah memperuntukkan sejumlah besar peruntukan dalam RMK-9, untuk mendalamkan dan melebarkan lagi Sungai Plentong dan juga untuk memindahkan jambatan kereta api di Sungai Plentong. Akan tetapi penduduk di kawasan Plentong ini sering tertanya-tanya bila projek ini akan berjalan. Bilakah mereka akan bebas daripada masalah banjir yang telah menghantui mereka selama 20 tahun. Sampai bila kita nak menunggu?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak akhir-akhir ini kita sering terbaca daripada surat khabar di mana pihak polis bimbang kadar jenayah akan meningkat ekoran daripada kegawatan ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu gejala yang harus diberi perhatian oleh kerajaan ialah masalah disiplin pelajar di sekolah. Sepatutnya sekolah menyediakan satu suasana pembelajaran yang tenteram, aman dan selesa untuk murid-murid menimba ilmu. Akan tetapi masalah *gengsterisme* yang berleluasa di sekolah akan menghancurkan usaha kerajaan untuk memupuk bakal pemimpin yang berilmu dan bernilai, sekiranya kerajaan tidak mengambil tindakan yang tegas dan bersungguh-sungguh. Untuk makluman pihak Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sering nampak gengster ini sentiasa menunggu di pintu sekolah pada waktu pagi dan pada waktu pulang sekolah. Mereka ini mengugut dan mengacau dan memaksa murid sekolah menyertai kongsi gelap dan sering timbul masalah pukul memukul di kalangan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada sesetengah murid yang baik kelakuan apabila diugut tidak berani memberitahu sesiapa pun. Ada di antara mereka memilih ponteng sekolah untuk melarikan diri daripada masalah yang dihadapi. Ada pula yang tidak dapat menumpukan perhatian semasa belajar kerana bimbang akan berlaku sesuatu yang tidak diingini apabila keluar ke pintu sekolah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika seorang murid ini sentiasa dihantui dengan perasaan takut, bagaimana mereka dapat belajar dengan baik? Kerajaan harus mengambil pendekatan yang baik untuk membantu murid-murid sekolah, untuk memastikan mereka belajar dalam keadaan yang selamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu keadaan yang mesti diambil tindakan ialah kewujudan *Internet Cafe* yang ada di kawasan berhampiran dengan kawasan

sekolah atau di kawasan perumahan. Ramai murid ponteng sekolah untuk main *game* di *Internet Cafe*. Ada di antara murid-murid ini terlalu leka untuk bermain sahaja sampai tak pulang ke rumah. Mereka ini bermalam dan tidur di *Internet Cafe*. Kesian ibu bapa murid ini, cari sini, cari sana, tidak tahu ke mana pergi anaknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang ini bukan setakat main *game* sahaja. Kini banyak kes tikam menikam dan pukul-memukul telah berlaku di *Internet Cafe*. Ramai murid yang menjadi sasaran dan mangsa kes penderaan. Sejak akhir-akhir ini telah berlaku beberapa kes pembunuhan di *Internet Cafe*. Ada yang mati ditikam, ada pula yang cedera parah kerana diserang dengan senjata tajam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengaruh internet ini macam pengaruh dadah juga. Memang akan menghancurkan masa depan anak muda kita. Ramai ibu bapa yang telah membuat aduan dan meminta kerajaan supaya mengharamkan kegiatan *Internet Cafe* di kawasan perumahan. Saya mencadangkan supaya kerajaan membuat satu dasar di mana pusat *Internet Cafe* tidak dibenarkan sama sekali di kawasan perumahan. Lesen peniaga *Internet Cafe* hanya boleh dilulus di pusat membeli belah sahaja. Oleh kerana pusat membeli belah mereka itu tutup pada pukul 10:00, jadi anak-anak kita tidak pergi ke *Internet Cafe* lebih pukul 10:00. Lebih pukul 10:00 mereka mesti balik pulang ke rumah. Dan jauh daripada sekolah kemungkinan tidak dapat mereka peluang ke *Internet Cafe*. Oleh kerana kalau kita dekat dengan sekolah ataupun kawasan kediaman, mereka mudah untuk pergi ke *Internet Cafe*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ataupun kita menghadapi berbagai cabaran dan rintangan dalam usaha pembangunan Negeri Johor, daripada pelbagai aspek, tetapi saya yakin dengan adanya kerjasama yang erat antara semua pihak dan kesungguhan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah, Kerajaan Negeri Johor masih mampu menjadikan Negeri Johor sebuah negeri yang maju, aman dan damai. Dengan kata-kata ini, saya menyokong usul daripada Kempas.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Jemput. Siapa nak berucap?

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan pembentangan Bajet tahun 2009 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini pada 21 November 2008 yang lalu. Bajet yang dibentangkan adalah merupakan satu bajet yang realistik yang jika dilaksanakan dengan jujur dan komited akan memberi faedah kepada seluruh rakyat Johor.

Kerajaan Johor dijangka akan dapat mengutip hasil berjumlah RM745.98 juta dan membelanjakan sebanyak RM748.7 juta merupakan perbelanjaan defisit. Langkah-langkah perlu diambil bagi mempertingkatkan lagi kutipan hasil Negeri Johor supaya lebih banyak projek-projek dan program-program untuk kemudahan rakyat dapat dilaksanakan. Tiap-tiap tahun Kerajaan Negeri Johor membelanjakan peruntukan dalam lingkungan RM700 juta. Dengan peruntukan yang sederhana besar tersebut, ada negeri-negeri yang membelanjakan sehingga berbilion ringgit. Bermacam-macam projek pembangunan dan program-program bagi mempertingkatkan taraf hidup rakyat Johor dapat dilaksanakan.

Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia, Johor adalah unik. Kita maju dalam bidang ekonomi, sektor pembuatan kita berkembang maju. Begitu juga sektor-sektor lain termasuk pertanian, perkhidmatan dan infrastruktur kita yang baik. Tetapi pada masa yang sama bertanggung jawab untuk memberikan pendidikan agama kepada anak-anak kita. Program membudayakan al-Quran dan program mempertingkatkan jati diri anak-anak kita dengan menggalakkan program zapin, J-Robik, sukan komuniti mukim-mukim dan lain-lain, yang semua ini dapat menggalakkan pergaulan antara kaum. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak apa? Nak duduk. Jemput duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan saya tangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput Panti.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sambung perbahasan. Projek-projek pembangunan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik jika ada wang, ada pengetahuan teknikal dan pengurusan yang baik. Kerajaan Johor dalam Bajet 2009 memperuntukkan RM230.05 juta untuk tujuan pembangunan, melalui berbagai-bagai jabatan termasuk Pejabat Menteri Besar, JKR, Pertanian, Jabatan Agama, Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang semua bertujuan untuk memberikan kemudahan infrastruktur dan meningkatkan kesejahteraan rakyat Negeri Johor.

Projek-projek tersebut adalah baik, tetapi untuk menentukan pembangunan yang berterusan, saya setuju dengan DUN Jorak tadi. Kita mesti mengambil langkah-langkah bersungguh-sungguh dan komited serta ikhlas supaya perpaduan kaum di dalam negara ini dijaga, dipupuk dengan baik. Jika tidak, segala pembangunan yang ada akan musnah. Oleh itu program-program

untuk mengeratkan lagi perhubungan kaum perlu dibuat dengan lebih banyak dan bersungguh-sungguh.

Program-program yang ada sekarang ini dilihat sebagai terlalu formal. Yang penting ialah mewujudkan suasana di mana semua kaum dapat berinteraksi secara bersahaja, dengan itu masing-masing boleh mengenali hati budi masing-masing sehingga dapat menimbulkan perasaan percaya mempercayai di antara satu sama lain dan membuang perasaan prasangka buruk. Saya penuh yakin pihak Jabatan Perpaduan telah membuat kajian yang terperinci mengenai perhubungan kaum di Malaysia, dari peringkat tadika lagi hinggalah sekolah rendah, menengah, IPTA, IPTS, di tempat-tempat kerja, di kampung-kampung, di taman-taman melalui kegiatan-kegiatan sosial, sukan atau lain-lain, bagi mewujudkan suasana yang *kondusif* supaya perpaduan kaum dapat disemarakkan. Adalah menjadi tanggungjawab semua pemimpin baik kerajaan mahupun pembangkang untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai tujuan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah merupakan program yang sangat baik, untuk memupuk perpaduan antara kaum di samping mempertingkatkan jati diri anak-anak muda kita. Tapi, tidak semua anak kita yang dapat berpeluang menyertainya. Oleh itu, sebagai alternatif, kerajaan sepatutnya mengadakan peruntukan yang secukupnya dan menumpukan kepada Program Jatidiri Kesukarelaan Nasional, yang juga bertujuan untuk mempertingkatkan jati diri anak-anak muda kita di samping menyemai semangat patriotisme kepada belia-belia agar mereka menjadi pemimpin-pemimpin yang berguna pada masa akan datang.

Di dalam Bajet 2009, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengakui bahawa IKS adalah merupakan tunjang penting di dalam bidang pembuatan. Bagi kaum Bumiputera kekuatan yang ada pada mereka adalah di dalam bidang industri berasaskan pertanian. Oleh itu segala usaha dan bantuan perlu difokuskan kepada sektor ini supaya usahawan kita betul-betul berjaya. Agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi membimbing usahawan-usahawan Bumiputera seperti MARA, SMIDEC, CTC, Bank SME dan lain-lain perlu ikhlas melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Dari maklumat yang diperolehi dari 648 kelulusan permohonan geran SMIDEC pada tahun 2008, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam Bajet 2009 berjumlah RM31 juta hanya RM8.95 juta sahaja diluluskan kepada Bumiputera. Oleh itu, tanggungjawab kita Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama membantu usahawan Bumiputera di kawasan masing-masing bagi merebut peluang ini, jika tidak, kita akan melepas.

Datuk Speaker, saya ingin menyentuh mengenai Pembangunan Iskandar Malaysia. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya membawa pelaburan berbilion-bilion ringgit, difahamkan RM40.2 bilion sehingga hari ini ke kawasan Iskandar. MOU telah banyak ditandatangani. Kita berharap MOU tersebut akan di*translate*kan kepada projek-projek yang akan

dapat dilaksanakan pada bila-bila masa ataupun di dalam kegawatan ekonomi.

Baru-baru ini Iskandar Investment Berhad telah menandatangani satu MOU dengan Universiti Perubatan Newcastle UK untuk menubuhkan sebuah Universiti Perubatan di Wilayah Iskandar Malaysia dan dijangka memulakan pengajiannya pada tahun hadapan. Buat permulaan 900 pelajar-pelajar akan diambil. Kita berharap pelajar-pelajar tempatan terutama Bumiputera akan berpeluang belajar di universiti tersebut. Apa juga bantuan perlu diberikan termasuk pinjaman dan kemudahan-kemudahan lain.

Saya ingin menyentuh mengenai program memulihkan tanah-tanah terbiar di Johor. Mengikut bancian Jabatan Pertanian ada sebanyak 4,661.81 hektar tanah terbiar di Johor. Secara purata tidak sampai 200 hektar dapat dipulihkan melalui program-program seperti Program Berkelompok tiap-tiap tahun. Oleh itu untuk menyelesaikan masalah tanah terbiar memakan masa yang begitu lama. Oleh itu, peruntukan yang lebih perlu diberikan, pegawai-pegawai jika kekurangan perlu ditambah dan usaha-usaha gigih dan pilihan-pilihan penyelesaian yang lebih banyak perlu dicari bagi menyelesaikan masalah.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa isu yang selalu dibangkitkan oleh penduduk-penduduk di bahagian Tenggara iaitu tanah-tanah terbiar yang dipunyai oleh PUB Singapura. Tanah-tanah ini asalnya diambil balik oleh kerajaan untuk tujuan bekalan air ke Singapura tetapi tidak digunakan sebagaimana tujuan ia diambil balik dan dibiarkan semak samun menjadi hutan dan menjadi masalah kepada tuan-tuan punya tanah berhampiran, kerana ia menjadi tempat persembunyian musuh-musuh dalaman.

Luas tanah yang terlibat 514 ekar. Diharap Kerajaan Negeri Johor apabila membuat perundingan dengan Kerajaan Singapura dapat membincangkan perkara ini supaya tanah-tanah tersebut diserahkan kembali kepada Kerajaan Johor kalau tanah-tanah tersebut tidak digunakan sebagaimana tujuan asal ia diambil balik. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat DUN Kempas. Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih, jemput yang lain. Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Salam sejahtera dan juga saya kirimkan salam pemanis tanah mereka yang sentiasa manis dan segalanya manis. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana memberikan saya peluang untuk berbahas di dalam Dewan yang mulia ini. Syukur kepada Tuhan kerana dikurniakan peluang dan kesempatan untuk bersama-sama dengan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya sanjung dan hormati, yang saya kasihi bagi membentuk satu hala tuju pembangunan negara dan Negeri Johor yang kita cintai ini.

Tahniah diberikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Johor kerana telah berjaya membentangkan satu Bajet Anggaran dan Pendapatan Kewangan Negeri

Johor untuk tahun 2009. Sesungguhnya dalam kita menghadapi dan berdepan dengan ambang krisis ekonomi. Bajet yang dibentangkan diharapkan akan dapat memacu ekonomi Negeri Johor ke landasan yang boleh menyelamatkan kita semula dari krisis yang teruk dan berpanjangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pendekatan 3S di dalam sistem pengukuhan ekonomi dan pentadbiran Negeri Johor. Izinkan saya untuk bercakap hari ini berkaitan dengan pendekatan 3S sebagaimana yang saya fikirkan yang perlu kita sama-sama ambil berat dan boleh diguna pakai dalam usaha kita untuk mengukuhkan sistem ekonomi dan pentadbiran Kerajaan khususnya di Negeri Johor ini. 3S yang saya maksudkan ialah sistem, strategi dan dengan izin *surveillance* atau pengawasan. Pengawasan ialah satu perkataan yang berat kerana pada saya *monitoring* atau pemantauan tidak lagi cukup pada keadaan yang agak kritis sekarang ini.

Pertama, sistem**,** saya mendapati bahawa setelah sekian lama kita mengamalkan konsep pengasingan kuasa iaitu *legislatif* Eksekutif dan Kehakiman. Ada beberapa perkara yang mengundang kebocoran yang semakin menjadi serius terutamanya yang berkaitan Sistem Wakil Kerajaan dan Wakil Rakyat. Kebocoran ini semakin menjadi barah yang jika tidak dirawat dengan sebaiknya akan melumpuhkan perjalanan negara ini satu masa nanti.

Dalam Dewan yang mulia ini, kebelakangan dua, tiga tahun ini kita sering mendengarkan kata-kata yang minta maaf kerana Ahli-Ahli Dewan masing-masing mengemukakan perkara yang mereka anggapnya pada fesyennya remeh temeh, yang tidak sepatutnya di bawa ke Dewan ini. Tetapi, kalau perkara yang sama berlaku mengikut satu prinsip teori organisasi, kalau perkara atau satu fenomena yang sama berlaku di merata-rata tempat oleh orang yang berlainan, di tempat yang berlainan pada orientasi yang berlainan, maka masalah itu tidak lagi terletak pada individu. Dan, sebaliknya masalah itu berpunca daripada masalah yang berkaitan dengan sistem dan bukan lagi keadaan seseorang Wakil Rakyat atau individu. Inilah sistem yang saya sebutkan tadi.

Jadi, kita harus mengambil peluang pada masa keemasan ini untuk menguruskan sistem pentadbiran dan sistem politik kita. Harus diakui bahawa sistem pentadbiran kita pada masa ini terlalu banyak dipengaruhi oleh berbagai faktor termasuk sistem politik. Adalah masa yang terbaik untuk kita menguruskan kedua-dua sistem ini, bagi mengelakkan terlalu banyak unsur politik ini atau permainan politik yang akhirnya tidak menguntungkan rakyat kebanyakannya.

Sekarang adalah musim untuk memilih Ahli Majlis. Rakyat Malaysia telah sekian lama menunggu untuk lahirnya Ahli-Ahli Majlis yang benar-benar berkelayakan dan sanggup dan suka dan rela dan bukannya sekadar yang ditentukan oleh parti politik. Bukan tidak boleh tapi bukan hanya sekadar sebagai ganjaran pertukaran dan faedah politik, tetapi sebagai satu tanggungjawab yang murni sekali. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh parti politik dalam hal memilih Ahli Majlis seharusnya tidak jauh terpesong atau berbeza dari pandangan umum atau pandangan rakyat. Kalau tidak jurang ini dibiarkan

berterusan dia akan menimbulkan konflik seterusnya menjejaskan kredibiliti Ahli Majlis yang dipilih melalui kaca mata rakyat umum.

Ahli Majlis seharusnya ada kesanggupan dan kepakaran untuk membangunkan daerah yang mereka pilih dan Majlis Daerah atau Bandaraya mereka berada bukan sekadar menjadi orang perantaraan mewakili zon penjagaan mereka sahaja atau membukakan masalah penduduk. Begitu juga dengan sistem pada peringkat Ketua Kampung. Ketua Kampung hari ini pada pendapat saya tidak diberikan martabat dan penghormatan yang seharusnya atau selayaknya sehinggakan perkara ini melemahkan keupayaan mereka untuk berkhidmat, kerana kebocoran-kebocoran inilah Wakil Rakyat akhirnya menjadi tempat untuk menampung segala kekurangan.

Wakil Rakyat terpaksa menanggung kerja-kerja, tekanan dan masalah yang seharusnya dilunaskan oleh wakil-wakil Kerajaan seperti Ahli Majlis, Ketua Kampung, Ketua Masyarakat malahan Wakil Rakyat sering menjadi *scapegoat* dengan izin atau dipersalahkan dan bukan agensi atau faktor lain. Ini yang mengakibatkan apa yang rakan yang saya hormati panggil sengsara kerana perlu menampung segala yang mungkin tidak berpunca daripada sistem perwakilan rakyat ini.

Akhirnya fungsi sebagai pihak *legislative* iaitu pembuat dasar undang-undang dan pemantauan kerja-kerja Kerajaan tidak dapat disempurnakan oleh Wakil Rakyat. Kita pantang sekali dengar ungkapan, bila ada masalah yang berterusan dengan cakap, oh, tiada undang-undang yang boleh dipakai. Jadi kalau Wakil Rakyat, ADUN atau Ahli Parlimen tidak mengubah undang, apakah yang mereka atau kita buat? Jadi fungsi Wakil Rakyat sebagai pihak *legislative* adalah untuk menyelesaikan segala hal yang berkaitan dengan dasar atau hal pokok tetapi bukan hal yang berkaitan dengan sekadarnya, akar umbi semata-mata.

Jadi, akhir sekali untuk muka surat ini, dengan Wakil Rakyat terpesong jauh dari fungsi l*egislative* ini maka lumpuhlah keseluruhan sistem pengawasan strategi pembuatan keputusan dan pelaksanaan. Justeru, saya mahu agar Ketua Kampung, Ketua Masyarakat dan Ahli-Ahli Majlis dipilih dan diberikan kepada hanya mereka yang benar-benar layak sahaja. Dan berilah mereka yang terpilih itu, berikan sokongan dan ganjaran yang sebaik-baiknya. Dan dengan ini saya cadangkan satu *Task Force* dibentuk supaya untuk mengkaji dan meneliti keadaan atau kebocoran fungsi-fungsi pada pelbagai peringkat ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kedua, sentuh tentang strategi. Baru-baru ini kita bincang tentang kegawatan ekonomi yang mungkin berlakunya pengangguran dan kurangnya pekerja daripada luar negeri. Dalam masa kita mengambil langkah untuk sedia menghadapi masalah dan mungkin kita anggap masalah ini sebagai satu beban, pada masa yang sama kita harus sedia untuk ambil kesempatan. Kerana, dalam setiap krisis mestinya ada tekanan dan mestinya ada peluang dan juga kesempatan. Jadi bakat-bakat yang mempunyai ilmu kemahiran pengetahuan tinggi ini harus kita libatkan di dalam proses pembangunan negara dan penciptaan kekayaan atau *wealth*

creation untuk negara kita. Inilah yang saya katakan sebahagian daripada pemikiran dan langkah strategik.

Di saat ekonomi dan dunia tidak tentu arah dan sedang jatuh menjunam, kita seharusnya menggunakan peluang ini untuk merebut bakat-bakat tinggi yang ada bagi membina asas yang lebih baik dan kukuh untuk masa hadapan. Pada pandangan saya, hari ini kerajaan seharusnya melihat proses memburu dan membawa masuk atau menangkap mereka yang mempunyai ilmu kemahiran yang khas dan bakat yang tinggi bertaraf profesional sebagai satu usaha yang bersungguh-sungguh. Mereka ini bukanlah bebanan untuk kita kalau kita berpemikiran strategik. Di saat kita di dalam ambang kegawatan ekonomi, tetapi, mereka merupakan satu aset yang seharusnya diambil peluang oleh kerajaan. Kita perlu melihat melalui sudut yang positif. Pekerja mahir selain daripada profesional, pekerja mahir seharusnya juga diusahakan untuk dibawa masuk dan diserap ke dalam tenaga kerja kita.

Agensi kerajaan seperti IRDA yang bertanggungjawab membangunkan Iskandar Malaysia contohnya, hendaklah proaktif menyusun strategi dan mencari jalan bagaimana hendak mendaftarkan dan menapis bakat-bakat atau *talent* mereka yang berada di luar negeri tak kira mereka orang Malaysia atau bukan orang Malaysia untuk dibawa masuk kepada Pembangunan Iskandar atau projek-projek pembangunan Malaysia yang lain.

Pendekatan yang lebih agresif perlu untuk menangkap atau *capture* modal-modal insan ini yang terlatih selain daripada kita asyik menyusun strategi untuk menarik pelabur-pelabur sahaja. Sebagai contoh, para pemimpin dan pembuat keputusan di Negeri China khasnya dalam sektor kewangan telah mengambil langkah untuk merebut mereka yang mempunyai bakat daripada Wall Street yang bukan berasal sahaja daripada Amerika Syarikat tetapi dari merata dunia, kerana mereka menganggap masa inilah mereka lebih mampu, *more affordable* untuk mendapatkan bakat-bakat itu dengan ganjaran yang lebih rendah tetapi dengan untuk membina asas kewangan mereka. Tetapi kita mungkin bertanya, bakat-bakat ini atau golongan profesional ini akhirnya nanti akan berhijrah ke negara lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini memang satu trend globalisasi yang berlaku yang memang berkurun-kurun lagi. Maka di sinilah letaknya kewibawaan sesebuah kerajaan yang memerintah untuk mengekalkan bakat-bakat ini, inilah cabarannya. Kalau tidak, kita tidak berupaya untuk mengekalkan bakat yang ada, kita akan gagal dalam usaha untuk membangunkan Malaysia. Tidak kira sama ada ia merupakan bakat tempatan atau hasil anak tempatan mahupun bakat luar negara. Kalau kita tidak dapat mereka, tidak mungkin kita dapat mempertahankan daya saing kita. Jadi, pengekalan dan pengurusan bakat berkeupayaan tinggi ini merupakan fenomena global, seperti yang saya katakan tadi, dan ianya tidak ada kena-mengena dengan semangat patriotisme. Ini adalah *survival* seseorang untuk hidup di dunia di dalam *niche* yang memang sempit bagi mereka yang berpakaran tinggi dan khas dan perjuangan kerajaan yang memerintah pula untuk menjana kekayaan dan memberikan yang terbaik untuk rakyatnya. Kerajaan seterusnya terpaksa berusaha untuk menstruktur semula dan mengawasi landasan K-Ekonomi,

berasaskan ilmu agar dapat menambah nilai untuk menampung keperluan bakat-bakat yang sedia ada yang akan, bakal untuk menyertai kumpulan tenaga pekerja.

Jadi, untuk lapisan masyarakat saya cadangkan juga kita perlu mempergiatkan kempen kesedaran kepentingan ekonomi. Kita memang sedia dikurnia dengan teknologi 3G. Tetapi, kita juga perlu menggalakkan supaya kita perlu gantikan 3G dalam politik iaitu Gila Politik, Gian Politik dan Gatal Politik. Gantikan 3G Politik itu dengan 3G Ekonomi. Di mana kita menggalakkan semua orang Fikir Ekonomi, Mimpi Ekonomi, Makan Ékonomi. Inilah kita perlu supaya rakyat segenap lapisan dapat sama-sama memikul tanggungjawab. Kalau 3G Politik kita tonjol kepada merebut sesuatu yang memang terhad. Tetapi, kita harap dengan 3G Ekonomi kita sama-sama dapat memperkembangkan K-Ekonomi negara itu supaya kita dapat dan mampu menjana kekayaan untuk masa ini dan juga untuk anak cucu kita.

Ketiga, Yang Berhormat Datuk Speaker, pengawasan. Seperkara yang perlu diketahui, apabila kita telah menyuntik dana dan sumber untuk sesuatu program atau projek tetapi masih lagi tidak mendapat nilai tambah dalam bentuk *outcome* tetapi bukan setakat *output* sahaja yang memuaskan. Maka, di situlah ada yang tidak kena dan masalah yang kita harus hadapi dan masalah ini berkaitan dengan strategi dan pelaksanaan program atau projek tersebut. Ia hanya menjadi *output*. Contoh klasik ialah berkenaan dengan Program Pembasmian Penagihan Dadah. Contohnya, pelbagai program dalam pertanian, program-program keusahawanan, program-program menentang jenayah. Jadi kita mesti ada masalah di situ. Lantas bagi menampung jurang yang wujud dalam sistem penyampaian kita, Wakil Rakyat perlu memainkan peranan yang sepatutnya. Wakil Rakyat seharusnya menjaga sektor pengawasan, sesuai dengan status pada pihak *legislative*. Jadi, fungsi pengawasan adalah lebih tepat sekali. Jadi, untuk memperkasakan sistem Wakil Rakyat dalam menjalankan fungsi pengawasan yang efektif khususnya untuk pihak ADUN, perkara ini tidak begitu serius pada peringkat Parlimen. Jadi, untuk menyelamatkan semua ADUN dari terjerumus di dalam rangkaian masalah setempat, saya mencadangkan agar, satu, diperuntukkan sekurang-kurangnya 60 hari setahun untuk ADUN sama ada bersidang di Dewan yang mulia ini atau menghadiri mesyuarat-mesyuarat di peringkat negeri berdasarkan portfolio yang ada di dalam negeri. Mesyuarat peringkat negeri pada peringkat portfolio seharusnya dimulakan dengan taklimat asas perancangan untuk tahun atau penggal tersebut, laporan perkembangan kemajuan dan seterusnya menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh ADUN.

Saya mencadangkan ini kerana saya melihat ada satu lompang antara Mesyuarat Tindakan pada peringkat daerah dengan sidang Dewan Undangan Negeri. Lompang ini seharusnya diisi dengan mesyuarat pada peringkat portfolio yang dapat menyelesaikan sekian banyak masalah yang akan dibawa oleh ADUN. Mungkin juga kita tidak akan pertemuan hanya pada peringkat mesyuarat portfolio sahaja, ia juga boleh divariasikan dengan mengadakan seminar portfolio berkenaan sebagai salah satu usaha penambahan ilmu dan kemahiran kepada Wakil Rakyat. Kita boleh mengadakan seminar seperti

contohnya Biodiversiti, seminar sukan, sukan baru, seminar teknologi pertanian atau pengurusan peringkat kerajaan yang baru.

Saya juga mencadangkan agar ada peruntukan khas Rehat Belajar atau Sabatikal untuk semua Wakil Rakyat kerana Wakil Rakyat perlu menambah ilmu mengikut masa supaya dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan menepati keperluan zaman. Membenarkan Wakil Rakyat untuk mengambil Sabatikal atau cuti kerana menyambung pengajian jangka pendek dalam tempoh waktu yang sesuai dan dibenarkan bagi meningkatkan keilmuan dan tahap profesionalisme mereka. Aktiviti seperti itu juga meliputi melalui bengkel, *conference* dan peluang-peluang untuk mendalami ilmu berkaitan pentadbiran kerajaan sama ada kerajaan pada *Federal* atau Negeri dan hal-hal kewangan sepertimana diberikan kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan di institut contohnya Pentadbiran Awam Negara, INTAN. Dengan ini, saya harap keupayaan pengawasan Wakil Rakyat akan meningkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak boleh dikecualikan setiap Dewan untuk Wakil Rakyat mencadangkan permintaan pada peringkat tempatan. Di kesempatan yang ada ini, saya ingin mengutarakan beberapa cadangan dan permintaan untuk dipertimbangkan. Sesetengahnya daripadanya telah pun berkali-kali diutarakan tetapi kali ini tetap dipanjangkan jua dengan harapan agar ada sinar yang membolehkan perkara-perkara ini ditunaikan.

1. Saya mencadangkan agar Bajet 2009 juga memperuntukkan sedikit sebanyak peruntukan khas untuk perancangan dan pelaksanaan Program Warga Emas Dalam Komuniti. Untuk itu saya sedia menawarkan DUN Pemanis khususnya di kawasan untuk dijadikan sebagai kawasan perintis program ini. Dan, harap-harap untuk Bajet akan datang satu sesi, satu bahagian yang khas dapat diperuntukkan untuk melibatkan perancangan dan peruntukan untuk kebajikan dan sistem sokongan warga emas.

2. Saya ingin sekali lagi mengutarakan permintaan untuk tanah bagi Tokong Fatt Sing di Kampung Tengah, Segamat, kerana tokong ini telah diasaskan sejak sekian lama. Berpuluh-puluh tahun, telah banyak jasa diberikan kepada penduduk setempat dan memerlukan perhatian. Saya minta agar satu tapak yang baru dikurniakan kepada tokong ini.

3. Agak letih juga untuk seseorang Wakil Rakyat menjaga, mengawasi dan asyik bercakap mengenai penutup longkang atau *sump* di susur pejalan kaki. Namun, apakah daya saya terpaksa juga bercakap mengenai perkara ini, minta perhatian segera agar penutup-penutup longkang ini dapat dibuat dengan menepati kesesuaian manusia yang melaluinya, juga agar longkang-longkang yang tiada penutup ini, dapatlah kiranya dibuat penutup dengan kadar segera.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, dekat mana ni? Tempat dia, kat mana?

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Di mana-mana.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau itu umum sangat.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya, di mana-mana.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau yang mustahak tu, sebut yang mustahak. Jadi, pihak yang berkenaan boleh ambil tindakan lebih awal.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya, sepanjang Jalan Belukas, khasnya. Tetapi tidak terhad kepada jalan itu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Sekarang saya akan lagi mencadangkan agar diwujudkan Majlis Tindakan Ekonomi Daerah. Dengan mesyuaratnya diadakan pada setiap bulan. Majlis tindakan ini seharusnya memfokus ke arah mempertingkatkan ekonomi daerah dengan mesyuarat dan akan menerima laporan, laporan mengenai produktiviti sesuatu daerah, masalahnya isu ekonomi. Saya percaya kalau kita boleh mengadakan Mesyuarat *Focus Group* untuk membasmikan kemiskinan pada peringkat daerah setiap bulan, kita juga seharusnya dapat berjuang meneguhkan ekonomi setempat dengan mengadakan *focus group* ekonomi sedemikian.

Masih lagi dalam ruang ekonomi dan saya mendapati Segamat memang ketinggalan dalam sektor ekonomi dan baru-baru ini lepas peluang di mana, satu kawasan sebesar 9,000 ekar telah diberi kepada Kota Tinggi dalam projek Bio-Desaru. Jadi, untuk ini saya mencadangkan sekali lagi di dalam Dewan ini untuk diwujudkan satu perbadanan khas untuk kemajuan ekonomi daerah Segamat, dengan suntikan modal dan dana khas dan kepakaran untuknya. Dan perbadanan ini akan berusaha untuk memajukan sektor ekonomi daerah Segamat agar tidak jauh ketinggalan berbanding dengan daerah-daerah lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai kesimpulan, dari apa yang telah saya sampaikan menerusi pendekatan 3S, sistem, strategi dan pengawasan, dan juga pengalihan 3G daripada *politica*l 3G ekonomi, kita harap serba sedikit, agar perubahan yang ketara dapat diterjemahkan di dalam usaha kita menjajah negara kita dan Negeri Johor khususnya sebuah negeri yang lebih baik, tempat untuk semua rakyat merasa selamat dan selesa. Dengan keadaan ekonomi sekarang, kita mempunyai pilihan sama ada untuk menampal, membaik pulih atau membina baru mana-mana perkara yang sekian lama telah rosak. Kita harus mengambil peluang untuk orientasikan semula ekonomi kita yang telah sekian lama kita katakan tetapi mungkin kekurangan azam untuk direalisasikan. Contohnya adalah, kita sanggup untuk mengalihkan peruntukan menambah baik jalan dan kerja-kerja infra. Contohnya, sekiranya kosnya RM100,000.00 dan bertukar dengan program dan insentif untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak-anak kita untuk menampung 5, mungkin 5 sampai 8 orang pekerja ijazah setahun. Dalam erti kata kita, adakah kita memberi peluang untuk anak-anak muda membina hidup dan membangunkan keluarga mereka.

Jadi, kita Malaysia mesti memilih untuk menyeimbangkan keadaan ini. Pembangunan infrastruktur ataupun pembangunan berorientasikan sosial ekonomi, kita mesti seimbangkan. Juga sama ada kita sanggup untuk menukar pada akar umbi Kontraktor Kelas F, yang terlibat dengan sektor pembinaan diganti dengan sektor usahawan dan sosial dan juga usahawan dan pekerjaan berasaskan ilmu tinggi. Dan kita seharusnya pada zaman peralihan ini, mana-mana syarikat, organisasi ataupun parti politik yang tidak dapat membawa atau membuat perubahan dan pembaharuan dalaman, pada pendapat saya, mereka akan diperbaharukan dan disembahyangkan oleh faktor baru itu sendiri atau faktor luaran. Dan disembahyangkan itu dalam erti kata kita, digantikan dengan yang lain.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ada panjang lagi Yang Berhormat?

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Tak, tak panjang lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Minta izin ya, untuk teruskan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cuba ringkaskan.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya. Jadi, marilah kita kembali kepada asas dan marilah kita sama-sama bekerja. Dan dengan ini saya menyokong usul yang di bawa oleh ADUN Kempas.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput yang lain. Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Selamat petang dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Selamat petang. Yang Berhormat, nak balik kawasan. Nak balik kawasan ke, nak berucap?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Nak balik kawasan. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok. Kalau nak balik kawasan, saya tangguhkan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 27 November 2008 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KELIMA	**KHAMIS, 27 NOVEMBER 2008**	**BIL. 4 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

SRJK © Yong Peng 2 dan SRJK (Tamil). Bilakah pembinaan SRJK© Yong Peng 2 dan SRJK (Tamil) akan dimulakan dan apakah perkembangan kemajuan perancangan pembinaan kedua-dua sekolah tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat daripada Yong Peng, setakat ini pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun melantik juru perunding untuk mereka bentuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yong Peng 2. Dan, pembinaan hanya akan dapat dijalankan apabila siap reka bentuk dan mendapat kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Yong Peng, sekolah ini merupakan sekolah bantuan kerajaan. Dan, sekolah ini termasuk di dalam senarai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang akan mendapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan untuk pembinaan bangunan baru melalui Cawangan Kerja Pendidikan, Jabatan Kerja Raya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha. Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa banyakkah peruntukan telah diberi untuk dua-dua sekolah tersebut dan juga saya telah difahamkan ada masalah jalan masuk. Jadi, saya minta tolong bagaimana mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yong Peng, peruntukan untuk membina sekolah tersebut ialah RM15 juta. Dan, bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Yong Peng, peruntukan yang telah pun dipersetujui oleh Kementerian Kewangan berjumlah RM650,000.00. Pihak kementerian sedia maklum bahawa terdapat masalah jalan masuk memandangkan tapak tersebut sebenarnya

berada di dalam satu kawasan perumahan yang belum lagi dibangunkan sepenuhnya. Dan, untuk membina jalan masuk sepanjang 2.4 kilometer memerlukan peruntukan yang agak besar juga. Walau bagaimanapun, pihak kementerian menyedari masalah tersebut dan pihak kementerian sedang mengkaji supaya akhirnya apabila sekolah tersebut siap, jalan yang apa tu dimaksudkan, dapat juga dibina untuk memudahkan murid-murid, pelajar dan guru-guru yang bertugas di sekolah tersebut menggunakan jalan yang kekal. Dan, untuk tujuan pembinaan, sebenarnya tidak ada masalah kerana pihak kementerian telah pun mendapatkan kebenaran untuk laluan sementara ke tapak pembinaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Sapian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Berapa banyakkah wang kutipan zakat dan fitrah yang di kumpul dalam tahun 2008 ini dan nyatakan berapa banyakkah agihan yang telah dibuat kepada umat Islam?

a) Jenis bantuan
b) Jumlah penerima
c) Pecahan mengikut daerah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga 25 November 2008, peruntukan pungutan zakat harta ialah sebanyak RM74 juta, manakala pungutan zakat fitrah ialah sebanyak RM12 juta. Jadi kesemuanya berjumlah RM86 juta.

Bagi agihan zakat pula ialah sebanyak RM61.12 juta. Majlis Agama Islam telah membelanjakan sejumlah RM19.8 juta kepada asnaf fakir dan miskin bagi tujuan bantuan melanjutkan pelajaran ke IPT dalam dan luar negeri, bantuan sara hidup, bantuan hari raya, bantuan persiapan persekolahan, bantuan bencana alam, bantuan perubatan, bantuan berdikari, bantuan perumahan dan bantuan pembinaan modal insan melalui kursus motivasi yang melibatkan seramai 57,187 orang fakir dan miskin. Agihan wang zakat juga digunakan untuk asnaf mualaf yang melibatkan sejumlah RM7.9 juta. Asnaf fisabilillah berjumlah RM23.7 juta, asnaf ibnu sabil berjumlah RM120,000.00, asnaf gharim berjumlah RM1.6 juta. Dan, asnaf amil berjumlah RM8 juta.

Sementara itu Yang Berhormat Dato' Speaker, bilangan penerima bantuan Majlis adalah seramai 57,086 orang. Dan, pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut: bagi daerah Johor Bahru/Kulai 14,248; daerah Muar/Ledang 8,462; Batu Pahat 11,124; Kluang 6,025; Segamat 5,322; Kota Tinggi 4,806; Pontian 4,015; dan Mersing seramai 3,084 orang. Jadi kesemuanya ialah 57,086 orang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker. Adakah Jabatan Agama sedar sekarang ini, oleh kerana ramai di kalangan mereka-mereka yang semestinya membayar zakat ini dia tak bayar terus kepada Jabatan Agama agar mereka membayar zakat secara sendiri. Mereka mengenal pasti siapa yang sepatut menerima zakat, dia bagi. Sebab mereka rasa agak sedikit kecewa sebab kadang-kadang apa yang saya dapat, agihan kumpulan wang-wang zakat di Jabatan Agama ini tidak menyeluruh, tidak sampai kepada sasaran, *focus group* yang sepatut kita belanjakan. Saya mengambil contoh seperti kita belanjakan RM19.8 juta bagi asnaf fakir untuk bantuan sara hidup, pelajaran, hari raya, persekolahan kepada 57,187 orang umpamanya. Tetapi kalau kita tengok bantuan yang diberikan kepada ibu tunggal, fakir miskin, hari raya, hanya setakat satu bakul *hamper* sahaja. Jadi, adakah Jabatan Agama memahami perkara yang masyarakat umum yang sepatutnya menerima ini, rasa timbul tidak puas hati. Sedangkan kita pungut dekat RM86 juta. Jadi, ke mana banyak, duit yang begitu banyak pergi tu? Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat dari Kempas. Memang Majlis sedar ada pihak-pihak tertentu yang mengambil tindakan sendirian untuk mengagihkan zakat-zakat ini kepada pihak-pihak tertentu. Saya ingin tegaskan ini adalah satu yang bersalahan mengikut Akta yang ada, yang kita guna pakai sekarang iaitu Akta Majlis Agama Islam. Makna Majlis Agama Islam sahaja yang mempunyai *authority* untuk memungut dan mengagihkan wang-wang zakat ini kepada asnaf yang 8.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa tidaklah tepat untuk mengatakan bahawa pengagihan ini tidak menyeluruh. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, ia melibatkan 57,000 orang. Dan, jumlah ini sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Majlis Agama Islam sentiasa berusaha untuk menjalankan tanggungjawabnya, bukan sahaja dari segi pungutan zakat, tetapi juga dalam aspek pengagihan. Dan, terutama pengagihan ini kita sentiasa memberi penekanan. Dan, kalau kita lihat bajet untuk tahun 2008, untuk agihan sahaja kita telah menetapkan sebanyak RM77 juta yang akan kita agihkan kepada mereka-mereka yang berhak di bawah asnaf yang 8 ini.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan, mungkin menjelang hari raya kita bagi mungkin *hamper*. Yalah, mungkin kalau kita tengok *hamper* tak banyak. Selain daripada kita nak apa… beri ingatan kepada mereka, orang-orang ini juga bukan semua mungkin, pada masa sama mereka menerima bantuan-bantuan bulanan daripada Majlis Agama Islam di antara RM150.00 hingga RM300.00. Yang hari raya itu, kita bagikan mereka bantuan sempena menjelangnya hari raya.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kebanyakannya …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat …

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : …mana yang saya, sebab jawapannya tadi agak kurang …

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah, itulah jawapan…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Sebab apa…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : …dia dikatakan tadi yang menerima *hamper* ni ada menerima tiap-tiap bulan. Tapi kita selaku Wakil Rakyat, kadang-kadang memantau orang-orang ini betul-betul daif…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Dia tak pernah menerima apa-apa.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Dia tak boleh diberi bantuan tidak tepat di situ …

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah, tak payah jawablah. Dia tak ada kena-mengena ini. Dia soalan Yang Berhormat, hanya satu soalan tambahan, lepas tu Yang Berhormat tak boleh tak puas hati dia, Yang Berhormat bangun, eh. Nanti tak puas hati, buatnya besar soalan itu, dia tak boleh. Bermakna ini macam Yang Berhormat dah dua kali menyoalkan balik. Jadi, dia kadang-kadang tak dapat menjawab asal. Jadi…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Jawapan itu tak tepat, tak tepat. Jadi saya nak mintak supaya mengikut jawapan yang tepat sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah kalau nak ikutkan jawapan Yang Berhormat tepat, payahlah kerajaan nak menjawab. Asal kerajaan jawab, tak tepat. Yang tepat, saya jawab.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Ini bukan soal saya jawab tapi … itu saya katakan tadi…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah maknanya …

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Itu kira macam tuduhan juga mengatakan bahawa orang itu dah terima tiap-tiap bulan dapat *hamper*, apa yang saya *highlight* kan di sini orang tu tak pernah terima tiap-tiap bulan. Sebelum tu kita mintakkan bantuan, dia bagi *hamper*. *Hamper* tu dalam adalah gula …

Y.B. Dato' Speaker : Yalah tu tak payah pertikailah, dia beri *hamper*, itu budi bicara dialah Yang Berhormat. Itu Jabatanlah. Kalau nakkan puas hati menyiasat apa isi *hamper*, awak dapat apa, bukak, kita kira. Itu dah lebih

sangat. Saya ingat tak sesuai. Yang Berhormat nak jawab ke, tak payahlah saya ingat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tak apalah saya bagikan sikit. Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah tidak benar saya menuduh bahawa apa ni… apa yang disebut, apa yang didakwa sebentar tadi. Apa yang saya maksudkan kemungkinan sebahagian daripada mereka yang menerima bantuan hari raya itu, juga pada masa sama menerima bantuan daripada Majlis Agama Islam dalam bentuk bantuan bulanan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh bulanan ni pun dapat.

Y.B. Dato' Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Majlis Agama Islam yang telah membantu lebih kurang 500, 57,000 orang yang mendapat bantuan secara langsung daripada Majlis Agama. Termasuk 5,332 di dalam daerah Segamat. Saya mohon maaf Dato' Speaker kerana 5,332 ini tentunya merangkumi bagi kawasan Labis, Chaah dan Bekok. Saya tak pasti yang pertamanya, berapa orang agaknya daripada Labis, Chaah dan Bekok yang menerima? Selain daripada itu, bagaimanakah ketentuan penerima-penerima ini dilakukan oleh Majlis Agama? Sebab Dato' Speaker, ada juga disebutkan tentang bantuan mengenai pelajaran.

Ada ibu bapa yang datang berjumpa dengan saya memohon pertolongan cara mana dan bagaimana anak dia mendapat tempat di Pusat Pengajian Tinggi Awam tetapi tidak berkeupayaan untuk menampung perbelanjaan bagi kemasukan anaknya ke pusat pengajian tinggi. Saya sendiri telah bercakap dengan pegawai di Majlis Agama Islam, bertanyakan tentang jenis bantuan dan sumbangan yang boleh diberikan oleh Majlis Agama kepada pelajar yang demikian sifatnya. Jawapannya tidak menggembirakan, apa yang diberitahu, dia kata, kena pergi dulu, lepas tu baru Majlis Agama Islam pertimbangkan untuk mendapat bayaran. Saya kata, masalahnya sekarang, budak ni dapat belajar di Mesir.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat soalannya apa?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Soalannya, bagaimana yang dikatakan sumbangan kepada pelajar ini tadi dapat dilaksanakan? Kerana apabila ditanya, dia kata pergi dulu. Pergi dulu bukan semestinya dapat berdasarkan kepada perkhidmatan. Saya kata, dia nak pergi ni yang masalah tak ada duit. Jadi, apa yang kita nak banggakan dengan Majlis Agama Islam berkaitan dengan sumbangan kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Selain daripada itu, kalau boleh saya nak tahulah siapa yang menentukan mereka-mereka ini layak mendapat bantuan daripada Asnaf yang disebutkan tadi, apakah kriteria dan apakah sifat-sifat mereka ini yang layak dipertimbangkan untuk menerima. Kita nampak angka banyak tapi kesian mereka…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat dari kawasan Tenang. Saya minta maaf, saya tidak ada maklumat tentang Labis kerana soalan ini menjurus kepada daerah. *So*, dalam hal ini kita beri maklumat tentang jumlah yang kita salurkan kepada daerah Segamat, sebentar tadi Yang Berhormat Dato' iaitu seramai 5,322. Walau bagaimanapun, saya bersedia untuk dapatkan maklumat ini untuk Labis pada Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan bantuan segera inikan, sebenarnya Majlis Agama Islam, sejak akhir-akhir ini memang memberikan bantuan yang segera kepada mana-mana pelajar khususnya pelajar di peringkat Diploma mahupun Ijazah yang menuntut di IPTA di dalam negara kita. Namun demikian, dia ada beberapa prosedur yang mesti dipatuhi antaranya ialah mengisi borang dan sebagainya. Tujuan ini adalah untuk memastikan bahawa hanya seorang tu, hanya dapat satu bantuan. Sebab sebagaimana yang kita sedia maklum bukan sahaja Majlis Agama Islam tetapi ada lagi institusi-institusi lain yang juga memberikan bantuan yang serupa. Jadi, kita tidak mahu ada pertindihan dalam memberikan bantuan. Kalau tidak mereka mungkin dapat satu-satu tempat dan satu tempat lain itu satu.

Berkenaan dengan bantuan kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Mesir dalam bidang perubatan memanglah Majlis ada setakat sekarang ini seramai 17 orang pelajar yang sedang menuntut pelajaran dalam bidang perubatan yang menerima pinjaman dari pihak Majlis. Tapi, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang ada pada Majlis khususnya untuk pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ini adalah terhad. Bukan semua yang boleh perolehi bantuan ini kerana bantuan ini agak besar juga, satu tahun Majlis terpaksa belanjakan sebanyak RM40,000.00 untuk tempoh 6 tahun. Jadi, kalau 6 tahun makna RM240,000.00, satu orang. Walau bagaimanapun, apa yang penting adalah sama ada mereka dapat masuk ke institusi itu atau tidak. Dan, yang menentukan sama ada mereka layak atau tidak adalah Jawatankuasa yang telah dibentuk oleh Majlis Agama Islam dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, nombor satu jemput, Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu asnaf yang boleh menerima zakat ialah mualaf. Kalau mengikut takrif mualaf ialah orang-orang yang berjinak-jinak dengan Islam. Jadi, saya ingin bertanya kepada Dato' EXCO, adakah Majlis bercadang untuk memberi zakat kepada orang yang belum masuk Islam tapi berjinak-jinak untuk masuk Islam. Kerana telah berlaku di zaman Rasulullah S.A.W. bahawa Nabi pernah memberi zakat kepada bukan orang Islam tapi yang sedang berjinak-jinak untuk masuk Islam. Jadi, takrif mualaf yang kita amalkan sekarang ini ialah orang yang baru masuk Islam dan sampai bila-bila pun mereka ini dipanggil mualaf sampai dah 10 – 20 tahun masuk Islam, kita panggil dia mualaf. Ini satu takrifan yang saya rasa kurang tepat. Jadi, itu sekian.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pada asasnya pembayaran zakat ni, pengagihan ini ialah dijuruskan kepada orang-orang Islam. Namun demikian, ada juga, ada juga insiden di mana Majlis juga memberikan insentif ataupun bayaran kepada orang bukan Islam. Contohnya, sebagaimana yang dinyatakan tadi, itu muslihah Islam macam kita bagi kepada Orang-Orang Asli yang berjinak-jinak dengan Islam. Jadi, apa pun Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara itu boleh dipertimbangkan oleh Majlis kita.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Encik Ng See Tiong, jemput.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Ya'ani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Masalah pili bomba yang berfungsi dan juga terdapat ada kawasan yang tiada pili bomba langsung telah menjadi isu hebat di kalangan masyarakat semasa kejadian kebakaran. Sejauh manakah Jabatan Bomba memberi penjelasan terperinci terhadap isu ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, pemasangan peralatan keselamatan kebakaran seperti pili bomba adalah merupakan satu asas keperluan utama, asas utama dalam operasi pemadaman. Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa memberi perhatian dalam memastikan setiap pili bomba berada dalam keadaan baik dan mencukupi untuk sesebuah kawasan khususnya di kawasan yang berisiko.

Pada setiap tahun Jabatan Bomba diberikan peruntukan kewangan bagi tujuan aktiviti penyelenggaraan pemasangan baru pili bomba mengikut keutamaan kawasan. Pili bomba menjadi keperluan utama di tempat, di kawasan yang berisiko dan tidak terdapat sumber bekalan air terbuka seperti sungai dan tasik. Sepanjang tahun 2007, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak 179 unit pili bomba baru telah dipasang dengan perbelanjaan sebanyak RM649,795.00. Pada tahun ini pula, sebanyak 100 unit pili bomba baru telah dipasang dengan perbelanjaan sebanyak RM399,695.00. Manakala untuk Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk penyelenggaraan pada tahun 2007, pula sebanyak 43,082 unit pili bomba yang diperiksa dan sebanyak 538 unit telah diselenggara dengan perbelanjaan sebanyak RM949,286.00. Dan, sehingga 31 Oktober tahun ini, sebanyak 82,378 unit telah diperiksa dan sebanyak 195 unit diselenggara dengan perbelanjaan sebanyak RM317,754.40.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Biasanya bila berlaku sesuatu kebakaran baru pasukan Bomba dapat tahu bahawa pili bomba itu berfungsi atau tidak. Kadang kala oleh kerana sesuatu tempat itu sering terjadi kebakaran, pili bomba itu selalu diperiksa dan selalu dipakai tetapi kadang kala air tak kuat. Lagi masalahnya di tempat-tempat oleh kerana jarang berlaku kebakaran pili bomba tu langsung orang tak pandang, terlepas pandang sehingga pili bomba

itu bila nak ada kebakaran baru dapat tahu karat, tidak berfungsi. Kadang kalanya air tak keluar, ini jadi masalahnya nak cari sungai ke, parit untuk dapat air. Hari ini saya nak minta penjelasan bahawa pemeriksaan terhadap pili bomba, adakah kerap atau setahun berapa kali, lagi sesuatu tempat, tak ada bomba hanya ada pasukan bomba sukarela. Mereka tu pun tak tahu mana letaknya pili bomba. Ada kebakaran baru nak telefon. Bila sampai ke Pejabat Bomba dia bagi tahu pili bomba di sini, di situ, dia cari-cari memang dah habis terbakar. Ini sebab saya rasa adakah pemantauan yang terbaik untuk kita sama-sama menghadapi kebakaran supaya kita boleh mengatasi masalah ini sebab ini isu yang paling hebat di kalangan masyarakat. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Terima kasihlah atas drama tadi. (Dewan ketawa). *Very entertaining*, dengan izin. So, minta Ahli Yang Berhormatlah kalau ada terjumpa ataupun perkara-perkara seumpama ini pili bomba tak di, tak berfungsi, air tak kuat, *pressure* tak kuat, tadi cakap tekanan. Air tidak kuat.

Y.B. Dato' Speaker : Ada air, tapi tak keluar pun ada juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yalah, itu katanya. Di mana pili bomba itu, butiran-butirannya, silalah kemukakan kepada pihak yang berkenaanlah termasuk saya sendiri. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Nyatakan apakah kemajuan pembangunan Biotek Negeri Johor yang boleh diketengahkan melalui Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor? Senaraikan produk-produk utama yang telah dibangunkan secara langsung atau tidak secara langsung dan berapa banyakkah telah dikomersialkan? Berapa jumlah bilangan pekerjaan dan pekerja yang telah tersedia dan akan diwujudkan dalam bidang ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman, jemput.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

Bioteknologi. Sila nyatakan kemajuan terkini kepada pelaburan kerajaan di dalam sektor Bioteknologi. Berapakah jumlah pelaburan yang telah dibelanjakan dan apakah nilai pulangannya sehingga kini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Program Pembangunan Industri Bio Pertanian. Sila nyatakan sejauh manakah perkembangan terkini Program Pembangunan Industri Bio Pertanian di dalam Negeri Johor?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan nombor 4, 5 dan 6. Di mana soalan nombor 4 daripada Pasir Raja menanyakan tentang produk-produk utama yang telah pun dibangunkan oleh Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor, sama ada produk tersebut telah pun dikomersialkan dan bilangan pekerjaan yang telah pun wujud sempena dengan kegiatan-kegiatan tersebut. Soalan yang kelima daripada Puteri Wangsa ialah mengenai nilai pelaburan dalam bidang bioteknologi dan pulangannya. Dan, Yang Berhormat daripada Bukit Batu menanyakan tentang perkembangan mengenai bioteknologi di Negeri Johor melalui Perbadanan Biotek dan juga Biodiversiti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai latar belakang, kita mengambil pendekatan bioteknologi secara komited di Negeri Johor ini berlatarbelakangkan kepada kekayaan alam semula jadi yang ada pada negeri kita ni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita merupakan, kalau tak salah saya, dalam bacaan saya, kita di antara yang ke-10 terkaya dalam dunia dari segi kekayaan alam semula jadi yang berbentuk biodiversiti. Antara yang pertama ialah Brazil, Rusia, Australia dan kita kalau tak salah saya yang ke-7 ke yang ke-10, begitulah. Kekayaan biodiversiti sama ada di darat, di hutan belantara kita ataupun di laut kita. Itu latar belakang kepada kekayaan alam semula jadi, yang boleh kita manfaatkan melalui bioteknologi. Dan, bioteknologi ini ialah satu bidang sains yang dikatakan *cross discipline* dalam bidang sains tertumpu dalam pengajian Sains, Biologi, *Chemistry* dan juga yang lain. Sementara itu, teknik saintifik yang digunakan dalam bioteknologi ialah menggunakan sel-sel hidup serta *compound* bio kimia yang untuk menghasilkan produk-produk. Jadi, itu sebenarnya latar belakang kepada usaha kita melalui Perbadanan Bioteknologi di Negeri Johor ini.

Oleh itu, yang pertama Dato' Speaker, satu perkara yang perlu kita buat ialah melaksanakan kerja-kerja penyelidikan tentang kekayaan biodiversiti yang ada di Negeri Johor ini. Oleh itu, untuk menjawab soalan-soalan tadi, yang pertamanya, kita mengambil langkah untuk tempoh sampai kepada generasi yang akan datang mempertahankan Negeri Johor ini dengan kekayaan biodiversitinya dengan mewartakan kekayaan tersebut dalam bentuk Taman-Taman Negara, Taman-Taman Laut dan juga Taman Tanah Lembap, RAMSAR yang ada di Negeri Johor ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga kekayaan biodiversiti yang dah mula pupus contoh seperti Kerang Gergasi yang ada di perairan Mersing. Kita bersama dengan Universiti Sains Malaysia untuk kita membiakkan semula Kerang Gergasi tersebut yang dipanggil oleh orang Mersing, selut batu ataupun lompat. Saya pun, kali ini saya dengar istilah-istilah mungkin dalam Malaysia lebih faham tentang perkara ini. Ada 7 spesies, 3 dah pupus, kita nak

pertahankan 4 yang ada untuk terus membiak. Dan, dia ada kelebihan dari segi perubatan.

Seterusnya, saya ada satu lagi kajian yang dibuat dengan Universiti Malaysia Terengganu yang ada kepakaran mengenai Kuda Laut yang menjadi satu yang luar biasa di Sungai Pulai. Di mana ada kawasan perairan di mana Kuda Laut ataupun *Hippocampus* Kuda membiak, masih lagi membiak di Sungai Pulai. Jadi, seterusnya kita juga bersama dengan *Universiti of Goa* di India dan *Universiti of Paris* di Perancis untuk kita membuat penyelidikan di makmal untuk tujuan, satu hari nanti bahawa kita boleh komersialkan membiakkannya secara komersial selain daripada suasana asal yang ada di Sungai Pulai.

Seterusnya, satu lagi penyelidikan ialah yang berkaitan dengan usaha yang kita buat dengan pihak Universiti Putra Malaysia, untuk kita menghasilkan *algae* sebagai makanan ikan menggunakan teknologi bio rektor. Kita harap, kita akan dapat mengeluarkan bahan makanan ikan yang dipanggil *algae*.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi yang kita buat ialah kerjasama dengan pihak Institute Medical Research dan Forest Research Institute Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia untuk kita mengkatalogkan kekayaan yang ada di Endau Rompin.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga ada, dah melaksanakan lebih kurang 2 tahun, Blok Demonstrasi Herba di Air Hitam. Di mana kita telah pun mula menanam herba-herba dengan tujuan, daripada benih sampai kepada pengeluaran. Untuk Yang Berhormat Dato' Speaker, satu, untuk kita gunakan benih tersebut untuk pengeluaran secara komersial. Kalau tidak kita terpaksa masuk ke hutan mencari berbagai bentuk herba yang mungkin satu hari nanti akan hapus jika sekiranya kita tidak membiakkannya secara komersial.

Seterusnya, satu perkara, dan saya merujuk secara langsung kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa mengenai produk. Maka produk yang pertama ialah melalui apa yang kita wujudkan melalui Perbadanan ialah Makmal Tisu Kultur di Negeri Johor ni di Air Hitam, kita dah melabur dekat RM4 juta. Di mana, Yang Berhormat Dato' Speaker, tisu kultur ini ialah untuk kita mewujudkan benih-benih yang mempunyai berbagai kelebihan sama ada kelebihan mutu yang baik, kualiti yang baik, hasil yang baik, tahan daripada penyakit dan kalau buahnya, maka buahnya masih terus segar pada tempoh masa yang agak lebih panjang lagi. Dan, hasil daripada tisu kultur, benih tisu kultur ini adalah sebenarnya dia *uniform*. Maknanya, kalau pokoknya agak lebih kurang serupa, buahnya pun agak serupa begitu. Jadi, ini kelebihan kalau kita menanam buah-buahan ataupun sayur-sayuran ataupun herba menggunakan benih dari tisu kultur. Jadi, makmal Bio, Perbadanan Bioteknologi Johor ini sudah pun ada makmal mengeluarkan benih-benih pisang berangan, pisang rastali, pisang emas dan pisang tanduk. Nanas, tisu kulturnya ialah nanas *Josapine*, *Masphine* dan juga N36.

Seterusnya, benih herba di antaranya Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Mas Cotek, Misai Kucing dan Halia Bara. Jadi, ini Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat boleh melawat kita punya *Plant Tech*, kita panggil Johor Plant Tech

yang terletak di lot, Pusat Pertanian Air Hitam untuk melihat kita punya produk. Jadi, kita yakin bahawa *plant* dan kita punya makmal itu adalah satu *Profit Centre* dengan izin, sempena dengan, kita mengeluarkan benih dengan tisu kultur.

Seterusnya, Perbadanan ini juga Yang Berhormat Dato' Speaker, mengambil langkah-langkah seperti berikut. Mengeluarkan, sempena dengan kita punya kejayaan mengorak langkah ke dalam bidang bioteknologi ini, maka kita dah sampai pada peringkat untuk mengeluarkan produk yang berbentuk mikrob. Itu yang saya sebutkan dalam Ucapan Belanjawan saya. Mikrob ataupun istilah lain boleh dipanggil bakteria, kalau nak gunakan istilah orang kampung mungkin kuman. Tapi, kuman ini berfaedah Dato' Speaker. Istilahnya *is Positive Effective Bacteria* ataupun mikrob. Jadi, mikrob ini dikesan yang berfaedah ini, yang mesra ini, yang ada impak yang positif, maka dikesan hingga kini kita menggunakan mikrob yang datang dari Negeri Jepun dan Korea. Tapi, kita telah pun mempunyai tenaga *microbiologist* untuk mengesan mikrob kita sendiri.

Jadi, berdasarkan kepada mikrob dalam bidang teknologi, bioteknologi ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menghasilkan berbagai-bagai produk di antara produknya ialah digunakan dalam bidang, dalam bidang persekitaran, dalam bidang pertanian, dalam bidang, dalam bidang kosmetik dan juga dalam bidang ubatan. Sebagai contoh, mikrob yang telah kita keluarkan atas nama *Effectiva Cultura* oleh Perbadanan ini telah digunakan, dah sampai ke Negeri Melaka, Perlis menggunakan kita punya mikrob untuk membersihkan sungai dia. Melaka mengambil mikrob kita untuk membersihkan baunya dan juga mutu airnya dan kita dah mula gunakan kalau tak salah saya, pada tahun 2007, di Sungai Segget dan alhamdulillahlah, Sungai Segget punya mutu air daripada paras kategori 5 sekarang ini kategori 3. Jadi, kalau Yang Berhormat dapat melihat di antara, apa tu, tanda-tanda perubahan berlaku tadi, kita sudah pun laksanakan di Sungai Segget.

Dan, ini kegunaan mikrob melalui bioteknologi untuk persekitaran. Maka dia mempunyai kelebihan-kelebihan sama ada membersihkan, menguraikan apa dipanggil kumbahan begitu Dato' Speaker, kemudian menjernihkan. Dan, kalau ada bau sama ada di reban ke, kambing ke, lembu ke, ayam ke, dah digunakan untuk mengelakkan daripada bau, begitu juga di sungai.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi, dan Yang Berhormat boleh pergi ke alamat J-Biotech Environment Sdn. Bhd. yang terletak di Jalan Mawar, Jalan Tampoi untuk mendapatkan bekalan *Effectiva Cultura*. Seterusnya, satu lagi produk Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah yang boleh kita rasa bangga iaitu Bio Desaru di mana 9,000 ekar telah pun kita lancarkan. Di mana 15 syarikat pelaburan bernilai RM1.5 bilion telah mula mengeluarkan, mula kerja untuk pengeluaran organik, makanan organik, yang terpelihara daripada kimia, yang lebih terpelihara daripada penyakit, pada mutu yang lebih baik, pada kos yang lebih rendah dan pada produktiviti yang lebih tinggi. Dan, saya percaya juga pada nilai yang lebih tinggi.

Jadi, dan di bioDesaru ini, kita bermula daripada benih yang terbaik sampailah kepada amalan pertanian yang terbaik dari segi tanamannya dan juga

jagaannya. Dan, seterusnya di situ juga proses, memprosesnya dan membungkusnya, dan juga untuk terus pemasaran dan edaran. Dan, dalam 9,000 ekar ni 8,000 telah mula, telah diambil di kalangan 15 syarikat-syarikat. Pengeluarannya ialah sayur-sayuran, buah-buahan, herba, pokok hiasan, padi, lada hitam, ternakan lembu tenusu, lembu daging, kambing, ayam penelur dan juga burung Walet dan akuakultur seperti ikan, udang kara dan ikan hiasan. Ikan hiasan seluas 200 ekar, Arowana dan juga pusat penyelidikan dan pemprosesan di situ.

Jadi, kita menjangka bahawa dalam tempoh, insya-Allah 5 tahun akan datang maka nilai pengeluaran daripada *Organic Farm* ini seluas 9,000 ekar ini, setahun insya-Allah RM500 juta. Satu lagi produk, Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah kita buat, walaupun kita wujud hanya sekadar 2 tahun, tak salah saya, 2 tahun, kita telah, dalam bidang pengeluaran organik seluas 9,000 ekar dalam bidang pertanian menggunakan pendekatan bioteknologi.

Jadi, sebenarnya bioteknologi ini di antara, dia punya kelebihannya, di antaranya Dato' Speaker, ialah dalam pertanian. Dan, kita telah mengorak langkah ke arah itu. Seterusnya ada 44 jenis produk dalam hal yang berkaitan dengan keperluan solekan, di antaranya kosmetik. Di antaranya ialah, apa dipanggil minyak kelapa dara, minyak kelapa dara yang diolah, tidak melalui dimasak ke, tidak melalui diawet ke, tetapi melalui proses *scientific fermentation* untuk menghasilkan satu minyak jernih yang dipanggil minyak kelapa dara dan banyak dia punya khasiatnya…

Y.B. Dato' Speaker : Siapa beri nama Dato', Yang Berhormat? Kelapa dara. Siapa beri?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Tak tahu. Istilah dia kalau diterjemahkan tepat. *Virgin coconut oil*.

Y.B. Dato' Speaker : Hebat kelapa dara ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jadi, kedua-duanya agak jelas maksud dia, apa tu, minyak tadi. Dia punya kelebihan banyak. Di antaranya, dia meningkatkan tahap imuniti kita sebagai contohlah. Dan, mencegah jangkitan daripada bakteria, mengurangkan risiko kanser dan berbagai-bagai dia punya kelebihan dia. Dan kita sudah pun, kita akan membuat satu kilang untuk mengeluarkan secara besar-besaran, sudah pun ada dipasarkan. Kita membeli satu *plant* di, kalau tak salah saya Nusa Cemerlang untuk kita letakkan satu *plant* yang besar untuk keluaran tersebut. Dan, berasaskan kepada kelapa, minyak kelapa dara ini dicampurkan dengan herba, ada macam-macam jenis bahan solekan yang boleh digunakan, lelaki dan wanita, Yang Berhormat Dato' Speaker. Di antaranya *body wash*, pembersih badan. Saya rekomen, Dato' Speaker.

Kalau Dato' Speaker pakai kulit kita agak lebih lembut dan lebih bersih. Bau pun elok. Ada juga yang dipanggil feminin. Apa dia panggil? Pembersih badan ada, *another product recommend is feminine hygiene*, pembersih wanita dipanggil, ada losen tangan, ada losen badan, ada…apa lagi? *Multi-purpose gel*. Dia punya rupa bentuk pun cantik. Krim siang, krim malam, ada *moisturizer*

ya, ada facial cleanser, pembersih muka, ada *toner*, istilah Melayu penyegar. Kemudian ada syampu rambut.

Y.B. Dato' Speaker : Syampu, Yang Berhormat?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Syampu, ya. Ada syampu rambut kering, mungkin ada yang rambut kering, ada yang rambut berminyak, ada rambut biasa. Semua ada. Rambut berminyak ada syampunya. Kemudian ada dia punya, kalau yang bermasalah yang ada kelemumur, *dandruff* ada juga, syampu untuk *dandruff*, ada *conditioner* dia, *conditioner shampoo*, ada yang mungkin *moisture shine conditioner*. Ini adalah berbagai-bagai, kemudian satu saya rekomen Dato' Speaker ialah apa, saya sendiri pakai, *the scrub*, *body scrub* (ketawa), *body scrub*. *Body scrub* ini dia macam, dia rupa pasir halus, ada minyak dalam itu, ada bauan dia, sama ada limau ke, kalau Dato' Speaker suka limau, bau limau, kalau mahu *ginger*, Dato' Speaker suka bau halia, pakai halia, *lavender*, ada bau *lavender*, ada *lemon grass*. Mana lagi? Jadi, kenanga, bunga kenanga dan sebagainya. Jadi, *scrub* ini yang halus sikit untuk muka, yang kasar sikit untuk badan. Jadi, Dato' Speaker boleh bayangkan, dia berbentuk pasir. Jadi, bila *scrub* dekat atas badan kita, lepas itu ada berminyak sikit, tetapi apabila lap, selepas itu memang rasa segar. Saya rekomen.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah di antara kita punya usaha yang kita, kalau Yang Berhormat karang balik singgah di kedai yang bernama di Teluk Danga, *The Phytoshoppe*, ada di situ. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita akan terus mengorak langkah ke arah untuk menuju kepada arah untuk kita menunjukkan ubat-ubatan dan juga untuk apa dipanggil, makanan tambahan. Jadi, dan saya agak rasa gembira jugalah kerana dalam tempoh dua tahun ini, kita dah mengorak langkah.

Di antara kejayaan kita, Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah, ada juga Ahli Yang Berhormat menyatakan cakap-cakap sahaja, tetapi dia sebenarnya tidak ada. Dan, kita cakap ini ada dia punya isi, ada *content* nya, ada perisiannya. *So*, mungkin saya bercakap dua tahun lalu, tetapi bila kita bercakap tentang rancangan kerajaan, maka kita isikan dengan kandungannya dan hasilnya. Jadi, ini di antara contoh dan buktinya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, terima kasih. Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terutamanya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat kerana di Negeri Johor, kita telah mendahului dalam bidang bioteknologi dan biodiversiti. Dan, dalam ucapan Yang Amat Berhormat tentang Bajet, bermakna kita dah bersedia awal untuk memastikan bahawa ini salah satu daripada cabang untuk kita mengatasi masalah ekonomi yang berlaku dalam negara kita. Dan, melabur sebanyak RM4 juta untuk membuat tisu kultur. Jadi, menghasilkan produk-produk yang begitu baik untuk kita jadikan sebagai asas makanan kepada rakyat dalam Negeri Johor.

Saya nak tahu, sebab tadi ada berkenaan tentang pisang berangan, pisang awak tak ada. Bermakna ini adalah pulangan ataupun hasil daripada masyarakat kampung yang selama ini melaksanakan tanggungjawab menyara hidup anak-anak mereka dengan melakukan pertanian. Dan dalam biodiversiti ini, mungkin kos itu tinggi kepada mereka yang tidak mampu. Dan dalam, di Desaru juga ada 9,000 ekar di mana ada 15 syarikat yang telah diberi hak untuk menjayakan *mission* kerajaan ini bagi menjayakan bioteknologi.

Cuma saya nak tahu sama ada, adakah bioteknologi ini akan diturunkan kepada masyarakat-masyarakat kampung ataupun petani-petani kecil? Dan adakah pihak-pihak bank boleh membantu bagi mereka menjayakan hasrat kerajaan dan menjayakan bioteknologi dan biodiversiti di peringkat yang lebih besar. Terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sebab dalam Ucapan Belanjawan yang saya bentangkan, saya mengambil pendekatan apa yang saya panggil *integrated*, kebun integrasi. Kita terpaksa menerima hakikat adanya *constraint* yang ada di kampung di kalangan pekebun kecil, ialah dari segi keluasan-keluasan tanah dia. Saya tidak menidakkan bahawa di antara pekebun kecil ini mempunyai sikap yang positif yang juga mempunyai pemikiran yang rasional. Kalau sekiranya kegiatan yang berkenaan boleh membuahkan hasil yang baik, saya percaya dia akan merubah. Dia akan mempunyai sikap yang sewajarnya. Itu sebab dalam kajian-kajian dulu-dulu, orang kampung pun dalam ceruk mana pun, oleh kerana getah membawa hasil yang baik, maka dia tanam getah. Bila dia tengok kelapa sawit, maka dia buat kelapa sawit. *So, they are rational in that sense*. *So*, jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, mengambil pekebun kecil dalam konteks *constraint* yang ada ini, maka pendekatan yang paling dapat kita pragmatik untuk kita cuba melaksanakannya melalui kebun integrasi ini.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah pun minta semua jabatan yang berkenaan untuk menggunakan biotek dalam kebun yang, saiz kebun yang terhad ini, kegiatan-kegiatan tambahan sama ada menternak ikan ke, menternak kambing tenusu ke, dengan cara bioteknologi. Jadi, ini satu, satu pendekatan yang hendak kita tekankan.

Keduanya Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau sekiranya bioDesaru ini terbukti memang berjaya, maka Yang Berhormat Dato' Speaker, kita akan mengambil pendekatan, mengapa tidak kita buka satu kawasan yang agak luas juga di mana kita boleh memberi peluang kepada usahawan secara kecil ini, mungkin 10 ekar ke, 20 ekar, atau 15 ekar ataupun kalau terlalu intensif tak perlu besar sangat, 5 ekar, dalam satu kawasan yang agak luas bermakna mereka bersama-sama. Dan saya hendak mencadangkan kepada kerajaan untuk mengambil pendekatan ini di mana ada penyertaan secara kecilan pula, ataupun secara sederhana di kawasan yang besar, yang baru kita sedang mengenal pasti. Jadi, dengan menggunakan bioteknologi ini, dia, dua pendekatan yang kita akan buat untuk sampai kepada pengusaha kecilan, pekebun kecil yang ada di kampung-kampung.

Y.B. Dato' Speaker : Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Dato' Speaker. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat kerana usaha yang dilakukan dalam pembangunan bioteknologi negeri dan negara. Saya merujuk kepada pendapatan bioproduk negara kita berjumlah RM0.5 bilion setakat ini dan saya yakin Negeri Johor antara yang *leading* dalam mengeluarkan berbanding dengan jiran kita di Singapura, bioproduknya ialah RM8 bilion. Ini menunjukkan bahawa kita dekat dengan mereka. Dan saya mendapati generasi yang ada sekarang ini ialah kemunculan generasi bioteknologi. Walaupun kita lalui arus pertanian semasa Merdeka, industri kemudian ICT dan sekarang bioteknologi selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara.

Soalan saya di sini ialah saya lihat Yang Amat Berhormat ada mengatakan bahawa kita telah pun membuat katalog terhadap sumber biodiversiti negara melalui Negeri Johor. Ini meliputi bidang baru yang saya sebutkan sebagai bioinformatif. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat sama ada kita bersedia ke arah itu untuk memberikan nafas kepada generasi muda yang mengambil bidang bioteknologi dan informasi. Terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau Singapura itu, dia sebenarnya ialah dalam bentuk syarikat-syarikat dalam bidang penyelidikan, dalam bidang pengeluaran terutama sekali ubat-ubatan sudah pun saya sebut dalam Ucapan Belanjawan menyatakan, "*it is contracted research as well as contracted production.*" Jadi, melalui kerjasama kita dengan pihak badan bioteknologi di peringkat negara, maka sengaja saya sebut dalam Ucapan Belanjawan bahawa apa yang dinikmati oleh Singapura, kerana Singapura menyediakan berbagai bentuk insentif, tetapi kita tak kurang juga insentif dalam bidang ini Yang Berhormat Dato' Speaker.

Maka kita akan menerima pelaburan dalam bidang *farmaseutikal, nutrasutikal* ubat-ubatan melalui pelaburan besar-besaran yang saya tahu ada minatnya sudah sampai untuk dia menanya tentang Johor untuk mereka berpindah, itu satu. Tapi kita punya pembangunan dalam Bio-teknologi ini berasaskan kepada kekayaan alam kita sendiri, asas bahan kita sendiri itu satu. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah sebut dalam ucapan awal saya tadi mengatakan bahawa, sudah pun ada bahan produk-produk, saya tidak sebutkan tadi, bila kita kata bahan-bahan seperti yang datangnya daripada Tongkat Ali. Datang daripada, dah adapun produk dalam bentuk boleh kita katakan *food supplement* makanan tambahan. Jadi, kalau Yang Berhormat Dato' Speaker, kita lihat di antara syarikat-syarikat yang sudah pun menempa nama termasuk katakan Australia ada satu syarikat Blackmore. Dia sekadar mengeluarkan *food supplement* yang berbagai-bagai, boleh dikatakan kalau kita menggunakan *horseradish* untuk membantu mengatasi masalah *sinus*. Itu sahaja, dia tak kata ini ubat untuk *sinus*, dia tak kata begitu, dia kata ini adalah untuk elok untuk mereka yang ada *sinus* itu sahaja dan *garlic* berbagai bentuk *garlic* untuk imuniti dan sebagainya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu saya katakan tadi, kalau sekiranya dia memerlukan kepada sikap yang sesuai untuk menggunakan Bio-teknologi dalam pertanian ini, maka tak kurang juga pekebun yang ada ini akan

mengambil sikap yang rasional menggunakan. Tetapi Yang Berhormat sebutkan tadi di kalangan generasi muda mungkin lebih cepat dan mungkin lebih dari segi sikapnya, dari segi juga kemampuannya untuk masuk dalam bidang bio-teknologi, khususnya dalam bidang pertanian walaupun pertanian. Untuk menuju ke arah Yang Berhormat sebutkan tadi sampai kepada tahap untuk kita mengeluarkan sama ada ubat-ubatan sekalipun, ataupun makanan-makanan tambahan. Yang mempunyai bahan yang cukup daripada hutan kita. Yang Berhormat Dato' Speaker boleh tanya apa yang dipanggil Ketua Orang Asli, apa nak panggil?

Y.B. Dato' Speaker : Batin.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ha Batin, tanya Batin membantu kita mengkatalogkan tak kira pucuk ke, bahan ke, akar ke, batang ke, kelebihan-kelebihan yang ada dalam Endau Rompin ni. Jadi kita sudah katalogkan semuanya bahan yang kita ada, tetapi kalau kita tak bolehlah ke hutan untuk kita cabut sana sini, tebang di situ sini, maka kehabisan nanti. Maka kita kena membuat *production* secara komersial untuk menuju ke arah satu produk, berbagai produk yang mempunyai nilai yang jauh lebih tinggi.

Y.B. Dato' Speaker : Allah, Oklah kasi Yong Penglah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah perancangan Biotech Johor menggalakkan perusahaan burung Walet. Kerana kita tahu perusahaan burung Walet ini akan menjana pendapatan yang banyak, lebih-lebih lagi sekarang negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi. Dan untuk perusahaan burung Walet kita tidak memerlukan apa-apa bahan makanan untuk burung Walet tersebut. Khasiat sarang burung tersebut memang aa...

Y.B. Dato' Speaker : Burung apa Yang Berhormat?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Sarang, sarang burung berkhasiat lebih-lebih lagi mengawet muda.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada makan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ada,ada, di sini lagi ada.

Y.B. Dato' Speaker : Semua ada pulak...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, burung Walet ni memang dia punya hasil, kesudahan hasilnya memang begitu tinggi sekali. Dan di Johor ni, sudah pun asyik beberapa bandar dan pekan menjadi pusat untuk pembiakan produk daripada burung Walet punya *nest* ni. Di antaranya bandar Tangkak, jadi kalau Dato' Speaker pergi agaknya waktu senja agaknya pukul 5.00 berkeliaran burung Walet tu di bandar Tangkak. Di bandar-bandar ni kita sedang membuat kajian, walaupun kita ada contoh di Perak, di Beruas sudah pun menjadi Bandar Burung Walet. Tak tahulah kita, sama ada kita hendak sampai ke tahap itu. Jadi, pihak jabatan-jabatan yang berkenaan sedang pun

mengkaji bagaimana kita hendak merumuskan tentang kegiatan burung Walet ini di bandar. Tetapi untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di bioDesaru ini kita peruntukan satu kawasan seluas 15 hektar untuk mewujudkan tambahan burung Walet. Bila saya nak menuju ke tapak bioDesaru pada hari Sabtu yang lalu. Saya pun, saya perasan, saya perasan banyak burung-burung Walet berterbangan mungkin kaya dengan bahan makanan di situ terutama sekali serangga-serangga yang berterbangan. Burung Walet berterbangan depan motokar saya pun. Saya perasan tu, saya pun dah kenallah burung Walet ini, bukan burung Layang-Layang. Kalau tak salah burung Walet ini lebih kecil daripada burung Layang-Layang.

Jadi, kita sudah pun peruntukkan yang agak luas juga, 15 hektar dan katanya memanglah jadi orang yang faham dia akan berebut-rebutlah membeli ruang-ruang di situ. Kerana katanya kalau kita ada tempat untuk panggil burung Walet itu, sahaja yang perlu buat. Tak payah pakai wisel, tak payah ada peradaban burung Walet akan datang, burung Walet buat kerja, hasilnya kita kutip begitu sahaja. Jadi ini jenis orang yang mungkin ada duit boleh buat bangunan, dia tak buat apa-apa, dia dapat hasil nilai yang agak tinggi. *So,* kita dah mulalah untuk menggalakkan burung Walet ini di luar pekan dan luar bandar.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, saya kasi *last*.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, nampaknya pada hari ini kita lebih beri kesedaran kepada keselamatan makanan dan bioteknologi telah dikenal pasti salah satu teknologi yang akan menghasilkan makanan yang selamat digunakan. Oleh itu saya ingin tahu, apakah jaminan yang diberikan khususnya di bioDesaru dalam menghasilkan makanan yang selamat dan juga dari segi *add value*.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, di bioDesaru ini, ada satu aspek yang agak penting juga sengaja diwujudkan, sengaja dirancang, diatur untuk dilaksanakan apa dipanggil biosekuriti. Sampaikan Yang Berhormat Dato' Speaker, ada kalau nak masuk di kawasan 9,000 ekar ini ada dia punya sekuriti dia. Sama ada, dan juga ada kawasan biosekuriti kawasan penampan dan sebagainya. Jadi, sekuriti berdasarkan kepada, berdasarkan kepada amalan-amalan yang baik dalam bidang pertanian, terhindar daripada amalan-amalan menggunakan kimia dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menjawab secara langsung pertanyaan tadi bahawa di bioDesaru untuk betul insya-Allah dalam dunia akan terima produk bioDesaru memang dijamin ianya organik melalui langkah apa yang dipanggilkan biosekuriti yang kita letakkan di bioDesaru ni.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, jemput.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Bagi meningkatkan pendapatan rakyat, masyarakat terlibat dengan pelbagai kegiatan ekonomi untuk menambah pendapatan mereka termasuk terlibat

dalam aktiviti ekonomi Multi Level Marketing (MLM) sama ada secara langsung atau secara sambilan. Ada yang berjaya, ramai juga yang terpedaya. Bagi melindungi masyarakat khususnya kakitangan kerajaan dan mereka yang berpendapatan rendah, apakah langkah-langkah perlindungan atau pemantauan atau program-program penerangan yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan masyarakat tidak tertipu dengan segelintir syarikat yang menyalahgunakan lesen perniagaan mereka?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Dato' Speaker, sempat untuk menjawabnya. Saya terdahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Benut yang menanya soalan tentang Syarikat Jualan Langsung dan setakat ini terdapat 662 buah Syarikat Jualan Langsung yang berdaftar di seluruh negara kita ini. Antaranya 36 syarikat adalah dari Negeri Johor. Dan selama ini industri jualan langsung mewujudkan banyak peluang pekerjaan sama ada sepenuh masa ataupun secara sambilan. Walaupun ada sebahagian daripada syarikat-syarikat ini yang melanggar peraturan dan juga telah pun diambil tindakan tetapi pada keseluruhannya sektor ini memberi sumbangan yang agak besar kepada ekonomi negara kita.

Jadi, bagi perlindungan ataupun melindungi para pengguna, kerajaan telah pun dan sedang mengambil langkah bagi memastikan masyarakat tidak tertipu dengan segelintir syarikat yang menyalahgunakan lesen mereka seperti berikut :

1. Peperiksaan pemantauan dijalankan di tempat-tempat kerap berlakunya aktiviti jualan langsung.
2. Mengadakan perbincangan, dengan premis yang dikenal pasti menjadi sasaran untuk bekerjasama dalam membanteras aktiviti penipuan yang melibatkan syarikat jualan langsung, mungkin banyak terlibat dengan gores dan menang dan sebagainya.
3. Memberikan maklumat, informasi dan nasihat kepada pengguna mengenai kegiatan jualan langsung di kaunter Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan program luar yang disertai.
4. Membuka dan menerima aduan daripada pengguna mengenai kegiatan jualan langsung melalui internet, telefon dan juga melalui kaunter aduan.
5. Sekiranya kegiatan Jualan Langsung disyaki menyalahi undang-undang tindakan boleh diambil di bawah Akta Jualan Langsung, 1993 iaitu akta yang diperuntukkan bagi pelesenan orang-orang yang menjalankan perniagaan jualan langsung dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Sekian. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, mana-mana soalan lisan yang belum dijawab akan dijawab secara bertulis dalam persidangan ini juga.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang, jemput siapa nak berucap.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum perbahasan semalam, selepas permintaan Dato' Speaker untuk melihat draf tentang…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat itu tak payah timbul kat sini.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tak saya, sebab...

Y.B. Dato' Speaker : Tak bolehlah Yang Berhormat, tak boleh begitu Yang Berhormat, dia dalam perbahasan secara umum, Yang Berhormat tidak boleh membawa satu perkara salah satu rundingan, Yang Berhormat dah bawa. Yang ini mesti dia beritahu lebih awal bukan kita bangun, tak boleh. Ini, Yang Berhormat nak jelaskan satu perkara yang lain yang tak termasuk dalam agenda itu, itu boleh kemudianlah Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dato' Speaker minta saya bawa semalam dalam Dewan.

Y.B. Dato' Speaker : Itu bawa bukan dalam Dewan saya ini.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Atas kelulusan daripada Dato' Speaker sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Saya cakap bawa minta runding dengan itu.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Suruh *check* dalam verbatim ni ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah, tak apalah, nanti beri saya.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak mengotakan apa kehendak Dato' Speaker sendirilah semalam.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan tak betul, bukan bermakna bawa masuk dalam Dewan, maknanya nanti maklumkan kepada saya sebelum persidangan Yang Berhormat boleh jumpa saya, saya akan maklumkan di dalam Dewan ini, dia tidak boleh membentuk Yang Berhormat bangkit bangun tak bawa satu perkara. Itu bila selesai nanti Yang Berhormat jumpa saya bawa perkara itu. Ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya masih belum puas hati lagi Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa. Jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Bajet Kerajaan Negeri Johor Tahun 2009 pada pagi Yang Berbahagia ini. Ke Bukit Timbalan membawa bahan, untuk disampaikan kepada Dewan ini, rintihan-rintihan rakyat tak boleh tahan, minta tolong Dato' Speaker menangani.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, lagi, pantun.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Satu dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Satu je dulu. Huh. Oh, badan sudah naik eh. Lain macamlah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Masalah wanita...

Y.B. Dato' Speaker : Ha...ah, yalah main-mainlah, yalah orang makan organik. Ha, yalah Bio.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha, hak-hak dan kesaksamaan wanita. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, populasi wanita di dunia telah menjangkau 50%. Serupa juga di negara kita, populasi wanita juga melangkau 50%. Ini menunjukkan wanita memainkan peranan yang penting dalam arena politik, sosial dan ekonomi negara kita. Malaysia telah mencapai kemerdekaan 51 tahun. Apakah kemajuan terhadap hak-hak dan kesaksamaan wanita kita? Pada Ogos tahun 2001, Parlimen kita telah bersetuju sebulat suara meminda Undang-Undang Dasar Persekutuan untuk melarang diskriminasi *gender*. Maka undang-undang, polisi perlu diimplementasikan bagi memastikan wanita mendapat manfaat tersebut.

Walaupun pindaan Undang-Undang Dasar Persekutuan telah dibuat pada tahun 2001, namun masih terdapat tidak kesaksamaan, contohnya, wanita kita kahwin dengan lelaki asing dan melahirkan anak di luar negara. Anak-anak mereka tidak diberi kerakyatan, malahan anak mereka dianggap sebagai orang asing. Sebaliknya, lelaki asing yang kahwin dengan wanita asing, dan dapat anak, anak yang dilahirkan di luar negara, anak mereka tetap dapat kerakyatan Malaysia. Pendek kata, bapa adalah rakyat Malaysia, anaknya secara automatik dapat kerakyatan Malaysia. Tetapi malangnya, bagi wanita Malaysia, sudah kahwin dengan orang asing, tidak dapat. Ini perlu kita betulkan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia terbalik eh.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya terbalik.

Y.B. Dato' Speaker : Lelaki ok, perempuan tak ok!

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Pasal orang lelaki boleh kahwin empat. Itu yang menang sikitlah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Di bawah Undang-Undang Dasar Persekutuan Seksyen 15 (1), lelaki asing yang kahwin dengan wanita kita, tidak akan dapat status pemastautin tetap, iaitu *permanent resident,* sebaliknya, lelaki kita yang kahwin dengan perempuan asing, kenapa isterinya akan dapat status pemastautin tetap. Mana adanya keadilan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Susah juga. Buat apalah kahwin dengan orang luar eh, menyusah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Oleh sebab itu, saya meminta ditubuhkan pasukan *task force* untuk membetulkan perkara tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Pasukan apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : *Task force*. Untuk membetulkan.

Y.B. Dato' Speaker : Takkanlah betulkan pun, *task force, task force* ni nak, serbu, nak apa.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Atau membetulkan Rang Undang-Undang.

Y.B. Dato' Speaker : Ha. Betul.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Membetulkan Rang Undang-Undang.

Y.B. Dato' Speaker : Teruklah tu.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tindakan untuk Beijing *platform* semasa Persidangan Dunia Ke-4, di United Nation untuk wanita tahun 1995. Kerajaan kita telah berjanji meningkatkan penyertaan wanita dalam peringkat pembuat keputusan, iaitu *decision making*, sebanyak 30% di RMK-6. Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah pencapaian?

Belanjawan 2003. Program pemilikan Rumah Kos Rendah kepada ibu tunggal yang berpendapatan rendah telah diperkenalkan oleh kerajaan. Keutamaan akan diberi kepada ibu tunggal yang berpendapatan kurang dari RM600.00 sebulan untuk memiliki Rumah Kos Rendah, dan mereka boleh ditempatkan secara berkelompok. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin tahu, berapa ramaikah ibu tunggal yang telah dapat manfaat tersebut? Sebab banyak, banyak belanjawan yang begitu baik, orang kata, indah khabar dari rupa.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, begitu.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tapi kita nak tahu, apakah pencapaian sebenarnya? Sebab tiap-tiap tahun kita ada bajet baru, kita kata bajet itu

adalah mesra wanita, tetapi pada perlaksanaan, adakah ini tercapai? Ini yang kita nak tanya.

Y.B. Dato' Speaker : Huh.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Bagi belanjawan tahun 2004. Kerajaan bersetuju supaya dilaksanakan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam. Kerajaan berharap sektor swasta dan NGO berbuat demikian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 4 tahun sudah lalu, berapa banyakkah peratus telah tercapai? Inilah soalan yang kita nak tanya. Contoh di Dewan yang mulia ini, terdapat seorang Pegawai Kewangan Negeri perempuan, iaitu Yang Berhormat Datin Zainon.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah, Pegawai Kewangan Negeri ajelah tak payah sebut nama.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Dua orang Exco perempuan. Y.B. Dr. Robia dan Y.B. Asiah. Dan tiga orang ADUN, saya, Y.B. Hamimah dan Y.B. Muru. Ini ada segelintir sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Huh, habis tak cukup.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tak cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, minta tambah lagi eh.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Memang tak sampai 30%, jauh lagi. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang prihatin memberi peluang kepada mereka tersebut, namun, namun, peratus, 30% pencapaian itu, masih jauh lagi. Sudah bertahun-tahun kita minta, tetapi pencapaian masih kurang memuaskan. Kalau sebagai ADUN wanita tidak menyuarakan perkara ini, siapa entah lagi menyuarakan masalah ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, (Dewan bertepuk). Maknanya, orang lelaki tak ada sokong, eh? Ye ke?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ah, sokong, sokong jugalah. Tetapi sedikitlah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, he he, sokong jugalah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Macam bagi gula-gulalah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu ke.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Telan kat mulut tetapi tak banyak. Jikalau sektor awam tidak menjadi teladan, bagaimanakah dengan sektor swasta dan

juga NGO untuk mematuhi dasar tersebut? Saya pun yakin, di sektor swasta peratus pencapaian bagi wanita memang kurang dari 30%. Jadi kita kena buat, saya mencadangkan kita buat pindaan Rang Undang-Undang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tengok kat bangunan jabatan kerajaan yang ada ni, banyak lelaki ke banyak perempuan?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ahh.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang mustahaknya kita nak 30%.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, saya tanya Yang Berhormat, melawat *government* ini peratus dia banyak lelaki ke perempuan?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Walaupun perempuan, tetapi yang mustahak ialah...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, bukan walaupun perempuan, memang dia perempuan. (Dewan ketawa)

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tetapi, kita nak *decision making level*. Yang sangat-sangat mustahak. Yang itu lain, itu bukan *decision*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bila yang itu perempuan lain eh. Ha, ini perempuan betul. Ha, ok. Ha, yalah. (Dewan ketawa)

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Bukan, maksudnya, *decision making level,* bermakna...

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Mereka ada kuasa, untuk membuat sesuatu keputusan yang mustahak. Walaupun *staff* ramai, tetapi yang mustahaknya ketua jabatan dan lain-lain.

Y.B. Dato' Speaker : Itu depan? Pegawai tu. Jurutulis.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yalah, tak ramai, jauh lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, bukan tak adalah juga. Ha.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jadi bagi Belanjawan 2005, bagi wanita yang tidak bekerja, atau wanita yang sudah kahwin...

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang terpaksa berhenti kerja kerana menjaga anak-anak mereka. Kerajaan telah memperkenalkan konsep *home office*.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah terjadi kepada konsep tersebut? Dan adakah konsep itu dilaksanakan secara berkesan? Bukan setakat melepaskan batuk di tangga.

Y.B. Dato' Speaker : Huh. Oh, Yang Berhormat tak tahu ada ke tak ada, tak tahu eh? Oh.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha, itulah. Kita pun tunggu-tunggu juga.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, nantilah kita tunggu dia jawab macam mana.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Bagi mengurangkan beban kewangan ibu tunggal, menyara persekolahan anak-anak, kerajaan bersetuju supaya syarikat swasta menganak angkatkan anak-anak ibu tunggal, membiayai persekolahan sehingga tingkatan 5. Syarikat swasta diberi pengecualian cukai sebanyak RM200,00.00 setahun. Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah perkembangan perlaksanaan?

Y.B. Dato' Speaker : Ibu tunggal ini. Kesian. Yang Berhormat kesian ibu tunggal eh?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, ya, pasal saya ADUN. Wakil Rakyat wanita. Memang saya …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat boleh cadangkan, mana lelaki yang ada kemampuan, yang senang, dibenarkan kahwin satu, beritahu orang perempuan semua boleh?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha, ini, ini, semua *law* tidak benarkan. (Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) Eh, tak semualah, kami boleh kahwin empat. Ha, saya pun nak kahwin juga**.** (Dewan ketawa). Ha, ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi keganasan eh. Pada tahun 2000, sebanyak 1,217 kes rogol, 3,468 kes keganasan rumah tangga, termasuk seksaan fizikal, seksual dan psikologikal. Undang-undang berkenaan dengan rogol, keganasan rumah tangga dan kacau gangguan seksual yang sedia ada masih tidak mencukupi untuk menangani kes-kes tersebut. Jadi kita perlu, meminda itu Rang Undang-Undang bagi menjaga keselamatan wanita. Menggalakkan wanita bekerja, dicadangkan sektor awam mengadakan pusat asuhan kanak-kanak dan juga pusat perkhidmatan jagaan selepas sekolah. Sama juga bagi sektor swasta, kita juga menggalakkan, mengadakan, pusat asuhan kanak-kanak dan pusat

perkhidmatan jagaan lepas sekolah, yang mana, perbelanjaan itu boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi syarikat swasta ataupun kerajaan memberi insentif, kepada, insentif istimewa kepada sektor swasta supaya menggalakkan mereka melaksanakan itu tempat asuhan dan juga pusat perkhidmatan tersebut. Jadi, saya ingin nak mengetahui adakah kerajaan bersungguh-sungguh menjalankan projek ini supaya memberi peluang wanita bekerja, kerana wanita merupakan tenaga, ataupun merupakan 50% populasi negara kita, yang mana, mereka rasa lebih selesa apabila mereka mendapat tempat yang selamat untuk anak-anak mereka, dan juga tidak membebankan tanggungan kewangan mereka.

Di Negara Singapura, kerajaan mewajibkan sektor swasta memberi tiga bulan cuti bersalin kepada pekerja wanita dan enam hari cuti bergaji bagi menjaga anak. Manakala di Malaysia hanya dua bulan cuti bersalin sahaja. Jadi ini pun perlu dibaikilah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, minta tambah sebulan lagilah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ah, demi menggalakkan lebih ramai wanita bekerja.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan lebih ramai menggalakkan wanita ada anak? Ha, jadi tambah tiga bulanlah, senang, ada anak? Ha.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, ya, tambah anak jugalah, tambah anak, dan juga, dia selesa bila ada..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada anak?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ada. Ada.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada mahu lagi?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya sudah jadi nenek dah...

Y.B. Dato' Speaker : Mana boleh nenek, macam ni molek. Cantik lagi, mana ada nenek. Apa Yang Berhormat bikin malu betullah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : (Ketawa). Yang Berhormat Dato', latihan dan bantuan untuk ibu tunggal. Kerajaan perlu mengadakan institusi untuk memberi latihan kepada ibu tunggal supaya mereka boleh menjana pendapatan, untuk menyara kehidupan mereka, kalau tidak, maklumlah mereka akan ambil jalan yang singkat untuk mencari yang ini sebagai Wakil Rakyat perempuan, memang kami tidak menggalakkan malahan kita nak cari jalan untuk mereka menjana pendapatan secara halal.

Kerajaan perlu membantu ibu tunggal dari segi kewangan, berapa lamakah permohonan boleh ibu tunggal memohon pada JKM dapat diluluskan? Maklumlah ibu tunggal perlukan bantuanlah, kita pun kesian. Jadi kalau boleh, minta tolonglah Yang Berhormat Dato' supaya permohonan ibu tunggal itu

diutamakan. Kalau tak mereka, kalau takde duit, bagaimana nak jaga anak mereka walaupun ada, bajet kata minta pihak swasta menganak angkatkan anak-anak ibu tunggal. Ya, walau pun ada tetapi kita tak tahu apa kesannya. *How effective it is*?

Y.B. Dato' Speaker : Itu Pengerusi bahagian ini siapa? Lelaki ke perempuan? Pengerusi ibu tunggal ni?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Oh, Dr. Robia.

Y.B. Dato' Speaker : Dia lelaki ke perempuan?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Perempuan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dia minta tolonglah, perempuan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, ya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, minta tolonglah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Keselamatan wanita dengan berlakunya kemelesetan ekonomi maka keselamatan terancam dan wanita adalah sasaran, senang jadi sasaran. Jadi apa kata, apa tindakan kerajaan supaya menyediakan tempat letak kereta yang lebih selamat seperti mana yang mereka sediakan untuk OKU. Kalau biasanya di tempat *car park* yang mana ada sudut-sudut yang gelap dan itulah tempat yang senang wanita jadi mangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jadi, kerajaan kena peka dengan masalah wanita dan nak jaga keselamatan wanita. Dan ini salah satu cara iaitu kita cadangkan tempat yang terang atau dekat dengan itu pintu, yang mana orang senang nampak. Kerana kita sudah ambil iktibar dari contoh yang berlaku pada Canny di Bangsar, Kuala Lumpur yang mana dia pergi ambil kereta dan dia diculik, dirogol dan dibunuh. Ini adalah peristiwa yang sangat menyedihkan dan kita kena iktibar bagaimana nak jaga keselamatan wanita semasa mereka meletakkan kereta di *car park* atau mengambil kereta di *car park*.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat cadang macam mana? Cadangan Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Supaya tempat letak kereta bagi wanita tu dekat dengan tempat yang disediakan untuk OKU yang dekat dengan...

Y.B. Dato' Speaker: Berapa banyak yang boleh letak dua kereta je, takkan semua.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Atau menyediakan tempat yang lebih terang. Bermakna tempat letak kereta kena lebih teranglah. Tak boleh gelap gelita. Ada yang lampu tak nyala pun ada. Itulah. Itu kata orang, kita lebih baik mengawal dari berlaku apa-apa peristiwa yang tidak diingini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya ingat lagi elok orang perempuan jangan pergi seorang. Pergi mana-mana bawa teman lelaki. Ha, jadi boleh *parking* mana*, parking* kalau untuk wanita yang banyak pergi *shopping,* wanita. Banyak tempat letak kereta tu.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Bermakna jangan pergi seorang. Kalau Yang Berhormat pergi seorang, ha panggil saya, saya teman, selamat Yang Berhormat. (Dewan ketawa). Kasi contoh aje ya.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang begitu prihatin, yang sanggup menjaga keselamatan.

Y.B. Dato' Speaker : Saya dengan perempuan memang sanggup berkorban, takpelah. Lelaki tak payahlah. (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang sanggup teman sayalah untuk urusan rasmi.

Y.B. Dato' Speaker : Ala jangan cakap dalam Dewanlah, cakap dalam Dewan pulak. Ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jadi apakah tindakan kerajaan kita untuk menyediakan CCTV di kawasan risiko tinggi seperti di tempat letak kereta, di bank dan di kawasan lain-lain yang perlukan CCTV. Perkara ini telah disebutkan banyak kali semenjak berlakunya peristiwa Canny yang telah dibunuh di *car park*, apakah kemajuan? Adakah apabila berlaku sesuatu baru kita nak ambil tindakan untuk membaiki tetapi kita perlu buat sesuatu tindakan atau perancangan iaitu mengawal lebih baik dari mengubati. Oleh sebab itu, apa yang dicadangkan untuk pemasangan CCTV perlu disegerakan. Kalau tidak, setakat cakap takde tindakan tidak bermakna. Dan satu contoh yang berlaku di tempat saya, di DUN saya iaitu penduduk Yong Peng itu pergi ke Batu Pahat nak keluarkan duit di bank, dia kena hentak oleh perompak yang menggunakan helmet sampai dia koma selama seminggu dan telah meninggal dunia. Dan ini kita kena ambil iktibar, betapa bahayanya lebih-lebih lagi wanita apabila mereka pergi ke bank seorang dan lepas waktu urusan niaga. Dan, andai kata kita ada CCTV, kita dapat mengesan siapakah dia perompak. Dan sekarang, perompak bukan setakat nak duit, dia nak nyawa ataupun dia ambil nyawa dulu baru ambil duit. Bukan macam dulu. Dulu perompak dia nak duit, dia tak mahu orang, tak mahu nyawa, dia nak orang.

Y.B. Dato' Speaker : Tanya apa dengan dia tu?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jadi, kita Yang Berhormat Dato', kita kena berhati-hati iaitu CCTV perlu dipasangkan dengan segeralah. Jangan tunggu, tunggu, tunggu peruntukan sampai. Bila peruntukan sampai baru nak pasang, dah berlaku banyak kes rompakan, ragutan dan kematian.

Perpustakaan. Kerajaan perlu menggalakkan rakyat membaca bahan-bahan berkualiti dalam mengusahakan membudayakan ilmu. Tahniah dan syabas kepada Perpustakaan Awam Johor yang baru dibuka pada Julai tahun ni, yang mana pelawat telah menjangkau 22,000 orang sebulan. Saya minta Kerajaan Negeri agar memberi peruntukan yang lebih banyak kepada perpustakaan awam untuk membeli bahan-bahan bacaan untuk mereka-mereka yang perlukan. Sebab saya sendiri sudah pergi ke Perpustakaan Awam Negeri Johor tersebut dan saya dapati bahan bacaan masih tidak mencukupi. Dan, ini adalah cara yang baik menggalakkan remaja kita membaca buku di perpustakaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang sudah jadi trend yang mana remaja suka jadi mat rempit ya, suka berlumba cara haram dan juga pergi ke *internet cafe*. Ini adalah amalan yang tidak sihat, ya. Kenapa kita tidak menggalakkan remaja kita untuk pergi ke perpustakaan, untuk menimba ilmu? Dan juga dengan cara ini kita juga dapat mengurangkan kemalangan seperti perlumbaan haram yang akan membawa maut. Inilah yang kita kena menyemaikan idea-idea yang baik kepada remaja kita.

Y.B. Dato' Speaker : Macam sukan malamlah yang dianjurkan oleh kerajaan tu, ok? Sukan malam.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, ok. Tapi, kalau jadi mat rempit atau pak rempit memang saya kurang setujulah Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah. Kerajaan sedang jalankan ni. Sukan malam.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Dan saya juga minta kerajaan menggalakkan *hypermarket* atau emporium mengadakan sudut membaca. Apabila ibu bapa mereka belanja di *hypermarket*, anak mereka boleh membaca di sudut membaca. Jadi ini jadi amalan yang sihat. Kita asuh mereka dari kecil. Sebab kita nak kualiti atau mutu remaja kita yang baik pada masa akan datang. Kalau kita tak kawal dari sekarang saya yakin mutu anak muda kita akan merosot.

Kelapa sawit. Negeri Johor adalah negeri yang kedua terbesar keluasan dalam negara kita. Harga CPO, CPO ialah *Crude Palm Oil* pada Januari hingga Februari tahun ini telah mencecah RM2,000.00/tan. Apabila harga CPO telah mencecah RM2,000.00/tan maka kerajaan telah memperkenalkan cukai untung atau cukai durian runtuh, *win for tax*, bagi pemilik estet, bukan untuk pekebun kecil. Tetapi dengan senario sekarang, bahawa CPO telah jatuh hingga RM1,500.00/tan dan harga FFB, *Fresh Fruit Bunch* adalah RM260.00/tan. Dan sekarang, pekebun kecil menghadapi masalah iaitu kilang-kilang sudah enggan nak beli buah-buah mereka sebab sudah berlebihan. Dan, banyak lori sudah beratur nak pergi ke kilang sudah ditolak kerana harga CPO sudah jatuh ke

tahap hari tu sampai RM1,400.00. Sekarang sudah balik ke RM1,500.00. Jadi, saya nak tanya, apakah tindakan kerajaan untuk nak mengawal harga baja dan racun? Ya, sebab ini adalah punca perbelanjaan yang tinggi, yang mana pekebun-pekebun kelapa sawit tidak tahan. Kita cuba imbas kembali, apabila harga CPO mencecah harga RM2,000.00/tan, walaupun harga baja ataupun racun serangga, harga adalah tinggi sedikit, mereka masih boleh tahan atau rasa selesa. Akan tetapi dengan kejatuhan CPO begitu banyaknya, mereka rasa susah, ini akan menjejaskan pendapatan mereka.

Oleh sebab itu ya, saya nak tanya, kenapa harga baja masih tinggi walaupun harga petroleum telah jatuh. Ingat dulu, tahun ini bulan lima ke enam harga sudah, telah melebihi antara USD147/*barrel*. Sekarang harga adalah lebih kurang RM47, 48. Dah berapa kali ganda. Jadi dengan harga petroleum itu jatuh, maka itu baja sepatutnya, harga baja sepatutnya jatuh sebab itu *urea* pun gunakan hasil sisa baki petroleum. Jadi kenapa masih mahal lagi? Kita tak faham. Saya bagi contoh, bagi bulan Mei hingga Oktober 2007, harga baja kimia CCM ialah RM1,400.00 hingga RM1,500 satu tan. Tetapi tahun ini pada September 2008, harga baja kimia CCM ialah RM2,950.00 satu tan dah hampir dua kali ganda atau dua kali ganda harga tersebut. Bagi November 2008, harga baja kimia CCM 44 ialah RM2,810.00/tan. Kenapa itu harga turun sebanyak 7 hingga 10% sahaja sedangkan harga minyak petroleum sudah banyak jatuh. Dan sepatutnya harga itu, baja sepatutnya turun 50%, kalau mengikut kadar harga petroleum. Oleh sebab itu, kita kena mengawal bagaimanakah ataupun cara apa, pendapatan kita untuk mengawal atau menurunkan harga baja bagi menyenangkan pekebun-pekebun kita.

Y.B. Dato' Speaker: Yang Berhormat, masa dah habis.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Hampir habis, hampir habis. Boleh bagi sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Nak dekat habis dah. Dah, lebih dah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Harga CPO mengikut perbekalan dan permintaan. Kini stok CPO telah mencecah 2 juta sebulan manakala paras stok keselamatan sebulan adalah 1.4 hingga 1.5 juta tan sebulan. Ini menunjukkan kita ada stok berlebihan dan sebanyak satu perpuluhan, 500,000 tan sebulan. Jadi dengan begitu, bagaimanakah kita nak me, apa ni, menaikkan balik harga CPO. Salah satu cara ialah dengan kita membuat bio diesel dengan menggunakan CPO dengan harga RM1,500.00 yang mana kerajaan boleh memberi subsidi sebanyak RM200.00 setan kepada pemaju biodiesel untuk memproses biodiesel. Dengan cara ini kos memproses biodiesel ialah RM400.00 satu tan. Dengan cara ini, kita dapat menaikkan lagi itu harga CPO yang lebih tinggi yang boleh memberi manfaat kepada pekebun-pekebun kita.

Jadi saya meminta agak kerajaan menubuhkan satu *task force* untuk memantau harga CPO dan peka terhadap turun naik harga kelapa sawit kerana kelapa sawit adalah sektor perusahaan penting bagi negara kita. Masalah di DUN Yong Peng. Apakah status kemajuan bagi SRJK (C) Yong Peng 2 dan SRJK (T) ladang tapak baru. Pagi tadi saya sudah dapat jawapan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tetapi ada, ada sedikit saya hendak tambahlah.

Y.B. Dato' Speaker : Mana nak tambah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana menyediakan dua lot tanah untuk tapak sekolah tersebut. Ini saya kena cakap sebab kerajaan kita, kerajaan Barisan Nasional memang peka dengan kehendak masyarakat majmuk. Oleh sebab itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita alu-alukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang, di kawasan saya yang mana pengundi Cina adalah 65%, kaum Melayu 30% dan 5% kaum India. Dan, SRJK (C) Yong Peng 2 kini menumpang di SRJK (C) Yong Peng 1 dan mempunyai 800 orang murid. Jadi ini sudah jadi rintihan pada ibu bapa. Bilakah sekolah tersebut akan disiap bina kerana tadi kita dapat jawapan ialah dalam tindakan di bawah konsultan dan saya menyeru agar perkara ini yang penting dapat diatasi dengan kadar segera kerana demi kepentingan rakyat kita.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang keduanya, apakah perkembangan dengan pembinaan Klinik Kesihatan KK3 di DUN Yong Peng. Ini telah masukkan dalam RMK-9 tetapi masih belum buat. Dan, Klinik Kesihatan yang sedia ada tidak sesuai lagi sebab itu bangunan kecil dan tepi jalan.

Yang ketiga, ambulan baru bagi Klinik Kesihatan Yong Peng. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Kesihatan haruslah peka dengan isu ini. Sebelum isu ambulan lama dihapus kira mereka sepatutnya menyediakan ambulan baru dan ini telah berlaku di kawasan saya yang mana ambulan lama itu dihapus kira lebih setahun dan penggantian itu masih belum dapat lagi. Dan maklumlah Yong Peng adalah terletak di tempat strategik tol selatan dan utara dan berlakunya kemalangan biasanya Pusat Kesihatan Yong Peng akan dipanggil untuk bertugas. Jadi bagaimana pula bila kita tiada ambulan dan St. John Batu Pahat diupahkan untuk mengangkut pesakit ke Hospital Batu Pahat. Ini makan masa dan ini sangat penting sebab andai kata nak tunggu ambulan saya dapat sampai ke Yong Peng, itu pesakit sudah itu nyawa ikan, sebab lama, itu sebabnya...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, mohon ambulan baru.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Minta tolong dipercepatkan supaya kita dapat mengatasi masalah kita.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat dah panjang dah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Lepas tu banjir kilat.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ada, ada tiga sahaja**.**

Y.B. Dato' Speaker : Tiga berapa panjang.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya ringkaskan, ringkaskan.

Y.B. Dato' Speaker : Sebut apa yang hendak.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng): Banjir kilat yang kerap berlaku di Taman Jelita, Jalan Hokkien, Taman Melati dan lain-lain. Majlis Daerah Yong Peng telah memajukan permohonan peruntukan tersebut kepada KPKT untuk mencegah banjir kilat tetapi sehingga kini masih belum dapat peruntukan tersebut. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta jasa baik Yang Berhormat Dato' membantu saya. Yang kelima, tapak pelupusan sampah, jadi tapak pelupusan sampah sekarang sudah penuh dan kita perlu satu tapak yang baru. Jadi saya minta tolonglah supaya mempercepatkan, kalau ini akan jadi rintihan rakyat oleh sebab sampah- sarap kita akan hilang undi kerana mereka tegur kalau ini sikit punya masalah pun tidak boleh selesai apa lagi masalah besar. Jadi saya minta tolonglah disegerakan. Yang keenam, bilakah projek bekalan air terus dari Empangan Bekok ke loji Yong Peng disempurnakan. Yang ketujuh, menaik tarafkan Perpustakaan Desa Yong Peng iaitu dengan penambahan bahan bacaan, dan pemasangan komputer serta Internet. Meratakan kawasan sekeliling untuk tapak meletak kenderaan. Ketujuh...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat berapa banyak? Tadi kata tiga je.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : *Last*, permohonan kelulusan tapak rumah diminta mempercepatkan kelulusan permohonan tapak rumah di Kampung Baru, Kangkar Baru Lam Lee, Yong Peng dan Kampung Melayu di Kangkar Baru dan Yong Peng. Mereka telah duduk di tempat berpuluh-puluh tahun dan minta tolonglah Yang Berhormat Dato' Speaker, bantu mereka untuk dapat geran.

Y.B. Dato' Speaker : Apa pulak saya? Kerajaan. Ha, ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Kempas dan saya sudahi dengan pantun. *Last.* Bunga Tanjung harum baunya, Baunya sampai ke Bukit Timbalan, Maafkan saya banyak bertanya, Agar usaha baik jadi amalan.

Y.B. Dato' Speaker : Ceh... terima kasih yalah. Perbahasan disambung lagi. Jemput Yang Berhormat siapa nak berucap?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat sejahtera, selamat pagi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah SWT dapat sama-sama di dalam Dewan yang mulia ini dan juga jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet Negeri Johor 2009 ini. Sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membentangkan Bajet bertema 'Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat'. Menyedari suasana ekonomi dunia pada tahun 2009 akan dijangkakan bertambah menguncup, bertambah merudum, sudah sepatutnyalah kerajaan lebih berhati-hati dan mengamalkan perbelanjaan berhemah. Harapan rakyat Bajet defisit RM2.75 juta ini tidak akan meningkat apabila sampai ke penggal pertama, kedua, dan ketiga nanti. Rakyat memerlukan pembangunan. Saya melihat dalam laporan Bajet, Pejabat Menteri Besar Johor mendapat peruntukan sebanyak RM52.5 juta bagi program dan projek kecil dan sederhana untuk rakyat bandar dan luar bandar ialah peruntukan yang sepatutnya diagih-agihkan kepada setiap DUN tanpa mengira kawasan BN atau Pakatan Rakyat, tanpa agenda politik dan juga semata-mata untuk kesejahteraan rakyat. Kami ADUN Pakatan Rakyat sentiasa bekerja untuk rakyat dan menyalurkan permasalahan rakyat kepada pihak yang berkuasa dan kami harapkan pihak yang berkenaan akan melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan permasalahan rakyat dengan adil telus dan saksama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tertarik dengan perubahan yang berlaku di negara kita ini. Banyak perubahan yang telah berlaku, berlaku dari segi kepimpinan, dari segi rakyatnya, dan ucapan pertama Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang agak menarik apabila beliau menyebut beliau ingin mencontohi kepimpinan Khalifah Umar Abdul Aziz dan gerak kerjanya. Di dalam zaman kemelesetan ini memang perlulah kita mengambil contoh iktibar daripada kepimpinan yang lalu yang telah dapat memacu kemajuan, kemakmuran rakyatnya dari segi fizikal dan juga dari segi rohaninya. Kita tahu bagaimana kepimpinan Umar bin Abdul Aziz ini di mana beliau sentiasa meminta nasihat daripada para-para ulama. Beliau juga menasihatkan supaya kakitangannya tidak berlaku zalim, tidak diskriminasi, rasuah, pilih kasih, atau menindas dan lain-lain lagi. Beliau juga menyarankan supaya kakitangannya tidak hidup bermewah-mewah, terutamanya dalam keadaan ekonomi yang begini, menggunakan kenderaan yang sederhana sahaja dan tidak menyalah gunakan harta negara, beliau juga mudah ditemui.

Jadi kita harap supaya kita sama-sama sebagai Wakil Rakyat supaya dapat sentiasa bertemu dengan rakyat menyelesaikan masalah mereka tanpa ada sebarang protokol. Pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini juga menekankan pembangunan material selari dengan rohani rakyat dan konsep Modal Insan yang kita sebut-sebut telah pun dipraktikkan dahulu dan inilah satu contoh, satu contoh yang patut kita ambil dan teruskan supaya kita dapat menjalankan amanah di mana kuasa yang Allah beri pada kita ini sebenarnya ada balasannya di akhirat.

Inilah peringatan untuk kita semua dan supaya kita sentiasa berhemah, sentiasa menunjukkan contoh yang baik. Jadi banyak lagi contoh-contoh di negara

kita ini, bukan pimpinan yang kita boleh nampak menjalani hidup secara sederhana ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sendiri. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga tertarik dengan saranan Yang Berhormat Pemanis semalam tentang pemilihan Ahli Majlis Tempatan, pemilihan Ketua-Ketua Kampung kerana memastikan bahawa mereka yang dipilih ini dapat menjalankan amanah yang diberikan kepada mereka dan memastikan kita memilih pemimpin yang tepat yang dapat menjalankan tanggungjawab. Begitu juga dengan pemilihan Ahli-Ahli Jawatankuasa surau dan masjid kita pastikan mereka itu terdiri daripada ahli-ahli kariah yang memang sebenar-benarnya ingin memakmurkan masjid, ingin menjalankan tanggungjawab yang berpahala ini untuk rakyat jelata supaya kita dapat kesan yang baik, supaya rakyat dapat kemajuan, rakyat mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan yang akan berlaku di Negeri Johor, saya lihat banyak berkisar di sekitar Iskandar Malaysia. Inilah satu projek yang kita jangkakan akan dapat menjana ekonomi Negeri Johor ini untuk memacu ke arah yang lebih baik lagi dalam keadaan yang serba membimbangkan ini dan kami mengharapkan supaya projek-projek ini dapat dijalankan dengan baik dan menjadi realiti dengan banyak projek-projek di situ, terutamanya hendak memastikan bahawa rakyat dapat merasai nikmat pembangunan, nikmat perancangan yang kita jalankan. Dan pastikan komitmen Kerajaan Persekutuan yang telah berjanji untuk menyumbang lebih RM6 bilion untuk projek-projek di Iskandar Malaysia ini dan juga memastikan pelabur-pelabur yang telah mengadakan MOU akan terus melabur, dan bukan sahaja terus melabur tetapi menambahkan lagi pelaburan. Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan program pertanian dan industri asas tani bagi tahun 2009, kalau tak silap peruntukan sebanyak RM28,145 juta dan ini, dengan keadaan di mana kita memerlukan hasil pertanian untuk menyelesaikan masalah makanan, mungkin peruntukan ini patut ditambah kerana ini kita tahu kita tidak mahu bergantung dengan negara luar. Nanti Y.B. ada sebut kita tak naklah kita, kita nak makan nasi, bukan makan beras. Saya terima kasih kerana dekat kampung saya tu di kawasan Sungai Balang, kawasan-kawasan sawah padi telah diaktifkan semula, ini satu perkara yang baik dan saya mengharapkan banyak lagi kawasan-kawasan padi yang dapat diaktifkan semula supaya kita tidak bergantung kepada negara luar untuk makanan asas kita. Dan kempen bumi hijau yang kita lancarkan, yang kerajaan lancarkan sepatutnya terus digalakkan supaya rakyat dapat berdikari dan dapat menyelamatkan kewangan mereka. Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi petani-petani ini ialah masalah makhluk perosak. Jika sebelum ini, Y.B. Parit Yaani mengeluh tentang pasal monyet, di Maharani juga ada masalah sama juga monyet ini ada di mana-mana memusnahkan tanaman rakyat. Cuma di Muar ini kelebihan sikit ni kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat pergi ke Tanjung Ketapang, monyet di situ dia *educated* sikit. Ha, kita boleh, kita boleh bermain-main, bagi dia makanan, kan?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tempat Yang Berhormat monyet dia baik, eh?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dia baik, baik sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Daripada monyet Parit Yaani. (Dewan ketawa). Oh, Parit Yaani punya monyet, garang.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi, ketua monyet Parit Yaani boleh belajar dengan monyet masirat. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Banyaklah. Ha, yalah, betul juga.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Tetapi ada satu perkara yang merosakkan tanaman yang tidak disebut yang masalah babi hutan. Di Maharani ini satu masalah yang selalu diajukan oleh masyarakat setempat ialah masalah babi hutan.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta Yang Berhormat ini hantar monyet ke kawasan saya untuk mendidik mereka. (Dewan ketawa). Beritahu PERHILITAN.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tidak, monyet itu saya rasa, monyet Maharani dia tengok Yang Berhormat datang bagus, pakai songkok. Ini, awak tak pakai songkok, dia marah. (Dewan ketawa). Oklah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang masalah babi hutan ini. Babi hutan ini pun memusnahkan tanaman juga. Jadi masyarakat ini nak bertani, nak menjayakan projek-projek tanah terbiar, bumi hijau ini, bermasalah kerana babi hutan ini sentiasa merosakkan tanaman mereka dan mereka merosakkan tanaman yang muda-muda ni, bukan orang saja suka yang muda-muda, babi hutan pun suka yang muda-muda. Itu belum sempat rakyat nak menuai hasil, telah dirosakkan. Terima kasih kepada Jabatan PERHILITAN. Mereka datang, bukan tak datang, bila dilaporkan. Tapi, masalahnya mereka tak datang pada tempat yang sama, pada masa yang tepat. Masa dia datang tu babi hutan dah tak ada. Yang ada tempat dia berkubang. Dia kena, pegawai-pegawai Jabatan PERHILITAN ini kena datang *overtime* lah. Kena tunggu. Saya difahamkan masa dahulu. Masa kecil-kecil dulu saya ingat, ada lesen menembak babi ini. Saya tak tahu sekarang masih ada lagi tidak. Kalau tak ada, maknanya patut diadakan semula supaya ada pihak yang tertentu yang berminat boleh tolong memusnahkan babi hutan ini dan pada masa yang sama mereka boleh juga menambah ekonomi.

Selain daripada itu, di satu kawasan pula, walaupun mana yang tidak diserang oleh haiwan liar ini, masalah penyakit tanaman. Saya mengharapkan Jabatan Pertanian mengambil perhatian masalah penyakit menyerang pokok kelapa, pokok pisang berlaku di dalam DUN Maharani. Jadi, masalah di hari raya yang lepas dan hari raya haji yang akan datang ini agak bermasalah kerana bila orang kampung nak pergi ambil daun kelapa nak buat ketupat, susah nak dapat. Harga pun jadi mahal. Daun pisang pun dah habis. Nak buat tempe pun dah susah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Parit Bakar dalam DUN Maharani merupakan bandar perabot yang terbesar di Malaysia, ada yang halal, ada yang haram, kilang perabot ini. Jadi, industri ini memang dapat banyak memacu membantu ekonomi Negeri Johor, walau bagaimanapun, rakyat mengeluh kerana masalah pencemaran. Jadi, kami mengharapkan masalah pencemaran ini dapat diselesaikan. Saman telah dikeluarkan oleh pihak kementerian tetapi tidak berkesan. Sebab, di dalam pekan Parit Bakar ini ada sekolah agama, ada sekolah kebangsaan, ada sekolah jenis kebangsaan Cina, ada klinik dan taman-taman perumahan juga banyak di sekeliling situ. Jadi, ini menyebabkan masalah kesihatan kepada kanak-kanak sekolah dan juga masyarakat setempat. Laporan bajet ada menyebut bahawa sebuah pusat perabot yang sudah lama ditunggu-tunggukan diperlukan akan dibangunkan di kawasan Ledang. Tapi, saya rasa kalau Parit Bakar ini pusat perabot yang terbesar eloklah kawasan, pusat perabot ini dibangunkan dalam DUN Maharani. Itu lebih sesuai saya rasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hasrat kerajaan untuk meningkatkan hasil cukai tanah, saya menyokong penubuhan pasukan petugas khas untuk meningkatkan kutipan hasil tanah-tanah oleh Pentadbir Tanah Negeri di mana ia merupakan hasil terbesar kerajaan dan anggaran pendapatan cukai tanah 2009 ialah RM228.8 juta dan ini adalah sejumlah yang besar dan dari segi cukai tanah, maka sebanyak 12,642 notis 6A, telah dikeluarkan, muka surat 35 dalam Ucapan Bajet, diikuti dengan notis 8A, tapi tidak disebutlah berapa jumlah hak milik tanah yang dibatalkan atau dirampas dan berapa ramai yang datang untuk membayar cukai hasil daripada notis yang dikeluarkan.

Dalam hal ini, saya ingin menyarankan agar pentadbiran Pejabat Tanah tidak menjadikan rampasan tarik ini sebagai kekuatan, jadikan ia sebagai langkah terakhir. Kadang kita kena faham permasalahan rakyat. Sebenarnya banyak kes tersebut adalah akibat daripada kegagalan mereka membayar cukai tanah tersebut adalah di antara sebab kematian pemilik asal dan tidak keupayaan waris-waris mereka untuk menyelesaikan masalah pemilihan harta pusaka ini. Jadi mereka tidak dapat, tak ada yang ke hadapan untuk membayar. Jadi, kena ambil kira supaya tanah-tanah ini tidak dirampas dengan sewenang-wenangnya.

Menurut Amanah Raya Berhad, di seluruh Malaysia, harta pusaka orang Islam yang belum dapat diselesaikan bernilai RM40 bilion. Jadi, kalau di Negeri Johor ini kata ada 10% sahaja, maka ada sebanyak lebih kurang RM4 bilion nilai harta pusaka yang belum diselesaikan. Ini akibat daripada kegagalan menyelesaikan pusaka, maka terjadilah tanah terbiar, cukai tidak dibayar, tunggakan cukai jadi tergendala, dan lebih teruk lagi tanah-tanah itu tidak produktif, tidak dapat memberi sumbangan kepada negeri.

Selain itu, saya nak sebut sikit tentang tanah-tanah rizab Melayu yang semakin berkurangan dan kerajaan hendaklah mempertahankan tanah-tanah rizab Melayu ini supaya tidak terhakis. Kami dimaklumkan Pentadbiran Tanah akan mengeluarkan hak milik bagi tanah-tanah rizab Kerajaan Persekutuan, muka surat 36, dalam Ucapan Bajet untuk membolehkan Kerajaan Negeri mengutip hasil dari segi premium tanah yang dianggarkan antara RM200 hingga RM300

juta. Ialah jumlah yang besar, dan ia hendaklah dilakukan dengan adil, dengan telus kerana ia melibatkan harta kerajaan dan melibatkan kewangan yang besar di mana ia dapat membantu pentadbiran Kerajaan Negeri. Ini mengikut siapa yang hendaklah mengikut harga pasaran dan mereka yang menerima hak milik tanah, mereka orang yang betul-betul layak. Mereka dapat yang betul-betul layak untuk menerimanya dan tidaklah dibahagi-bahagikan kepada kalangan-kalangan tertentu.

Saya memberi contohlah, ini agak dalam jawapan bertulis daripada soalan Y.B. Bentayan tak lama dulu ya, tentang, contoh sahaja, tapak bangunan UMNO Muar, maaf, tapak bangunan UMNO Bakri, di *round about* Bakri, ya, maaf ya Y.B. Bukit Naning eh, saya sebut sini. Terma asalnya ialah RM1.5 juta, tapi lepas diskaun, diskaun, diskaun, premium yang dibayar ialah RM232,240.00 sahaja. RM23,240.00 sahaja. Jadi, banyak tu. Banyak diskaun yang diberi itu. Jadi, kalaulah pemilikan tanah-tanah yang diberi, hak milik yang diberi oleh pihak-pihak tertentu dan premium tidak dipungut setimpal dengan nilai tanah negeri kita, maka kita tidak akan dapat mencapai hasrat untuk mengumpul antara RM200 hingga RM300 juta ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor merupakan satu sistem pendidikan agama yang terbaik di negara ini. Tahniah, kepada Kerajaan Negeri yang menjadi contoh yang baik di mana kita telah dapat mengeluarkan ahli ulama dan kalau kita ingat pada suatu masa dulu guru agama daripada Negeri Johor ini kita eksport ke Negara Brunei Darussalam. Jadi ini kita dapat mengembangkan agama Islam di sana hingga sekarang dan ini adalah satu pencapaian yang cukup baik sejak tahun 1918 lagi sekolah agama ini telah dilahirkan di Negeri Johor dan saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri telah mengumumkan pembinaan 54 buah sekolah agama lagi dalam Negeri Johor untuk tahun 2009 dan akan diselesaikan dalam tempoh dua tahun dengan kos sebanyak RM122.3 juta. Walau bagaimanapun, Sekolah Agama Kerajaan Johor ini diharap tidak statik, hendaklah diperkasakan dengan mewujudkan kerjasama dengan persatuan-persatuan agama di dalam dan luar negara supaya martabatnya dapat dipertingkatkan.

Dan, guru-guru telah pun di naik tarafkan daripada guru yang berpendidikan darjah khas sahaja kepada guru Diploma. Tetapi malangnya saya diberitahu keluhan sebahagian daripada guru-guru yang telah berjaya mendapat diploma ini tetapi mereka masih dalam jawatan kontrak, belum diserap dalam jawatan tetap. Jadi, saya bimbang, sampai pencen pun nanti masih kontrak lagi. Diharapkan disegerakanlah masalah ini supaya mereka dapat diserap ke jawatan tetap.

Saya menyokong sepenuhnya peruntukan sekolah agama kerana setelah sekian lama ditubuhkan masih ada lagi sekolah agama yang menumpang di sekolah kebangsaan. Saya menyokonglah permohonan Y.B. Senggarang di mana dalam kawasan beliau ada 3 buah sekolah agama yang masih menumpang. Dah masuk dalam Utusan Malaysia sekali. Saya pun nak merayu jugalah dalam DUN saya ni pun juga sebuah sekolah agama, sebuah juga sekolah yang telah 20 tahun menumpang di sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan ini pun dah daif. Dan pewakaf tanah pun dah tak ada.

Pewakafnya pun dah uzur, mungkin dia takut dia sebelum menutup mata, bila dah menutup mata tak boleh tutup mata. Terbuka aja, fasal dia punya tanah wakafnya. Pada saya tanah wakafnya di Parit Bakar Darat, Sekolah Agama Parit Bakar Darat, dan DUN Maharani telah menumpang di Sekolah Kebangsaan Parit Bakar Darat, selama lebih 20 tahun. Tanah wakaf ini telah ada seluas 0.5 hektar terletak di Parit Bakar, Jalan Seri Tanjung, Lot 2888, No. Geran 5820. Jadi, mohon disegerakan sebab ini adalah satu kepentingan untuk pendidikan agama rakyat-rakyat tempatan.

Dalam bidang pendidikan ini juga, kita tidak lupa kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan juga sekolah menengah persendirian Cina. Yang mana peruntukan seperti yang telah diumumkan dan sepatutnya dah sampai. Ini pelaksana penting supaya dapat dinikmati oleh rakyat. Kebetulan pula saya dalam buka-buka surat khabar lama itu saya terbuka kertas surat khabar lama yang saya simpan soal *The Sun* tarikh 13 Februari 2008 sebelum pilihan raya. Di mana telah diumumkan bahawa Perdana Menteri mengumumkan bahawa Disember 2007 telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM10 juta untuk sekolah-sekolah Cina seluruh negara dan peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta dalam bulan Februari 2008 untuk seluruh negara juga. Saya ingin memastikanlah atau mendapat maklumat sama ada kita di Negeri Johor ini dapat atau tidak limpahan daripada peruntukan yang telah dijanjikan sebelum pilihan raya. Yang pentingnya Yang Berhormat Dato' Speaker, supaya janji-janji pilihan raya kita hendaklah ditunaikan supaya rakyat tidak menimbulkan masalah kepada Wakil-Wakil Rakyat. Jadi, dia tidaklah mengganggu Wakil Rakyat untuk memohon perkara-perkara yang sama yang sepatutnya telah pun diselesaikan.

Dalam perkara masjid pula, disebut dalam Ucapan Bajet sebanyak 32 masjid dengan peruntukan sebanyak RM53 juta telah diumumkan dalam bajet dan untuk makluman dalam DUN Maharani ini masih ada dua buah lagi masjid yang bangunannya adalah bangunan papan. Dalam keadaan yang serba moden ini, saya rasa sudah tidak sesuai lagilah. Dan, di antara masjid papan di dalam DUN Maharani ialah masjid papan di Parit Bakar Darat dan Parit Pinang Seribu Darat. Ha, tempatnya di darat-darat. Tak jauh sangat tapi darat. Jadi, mungkin negeri darat itu terlepas pandang. Yang saya tahu Masjid Parit Bakar Darat ini telah pun bakal diumumkan akan didirikan masjid baru dan rakyat tertunggu-tunggu tapi hingga sekarang masih belum nampak tanda-tanda ia akan disempurnakan. Mohon dipertimbangkan.

Berhubung dengan pengurusan masjid, saya dapati bahawa banyak masjid-masjid yang dapat mengumpulkan dana yang banyak. Tetapi malangnya dana ini disimpan. Mereka tidak menggunakannya. Jadi, kalau boleh Pihak Majlis Agama Islam memastikan bahawa dana-dana yang terkumpul daripada sumbangan orang ramai ini dapat dimanfaatkan terutama dalam program kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Dan inilah, derma-derma dari orang ramai mungkin dipungut setiap hari Jumaat atau hari lain, maka inilah untuk digunakan bukan disimpan, menunjuk-nunjukkan bahawa Ahli Jawatankuasa Masjid itu pandai cari duit tapi tak pandai nak menggunakan untuk mereka yang memerlukan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pejabat Mufti dan Pejabat Agama Islam sebab pada Jumaat pertama cuti sekolah yang lalu, khutbah yang saya rasa semasalah. Hari Jumaat hari itu, iaitu tentang nasihat Tuan Khatib tentang anak-anak kita di musim cuti sekolah ini. Ini musim cuti sekolah, untuk memastikan bahawa mereka membuat aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Satu perkara yang selalu menjadi masalah besar sekarang ini ialah masalah anak-anak kita, dia tak keluar bermain, dia tak buat aktiviti yang bermanfaat tetapi apa yang mereka buat, mereka duduk depan TV, dia menonton TV ataupun dia main *game*. Ini satu aktiviti yang membuang masa dan juga merugikan dan tidak menyihatkan badan juga. Dan di antara perkara yang disebut juga tentang program-program di TV. Didapati bahawa sekarang ini banyak program-program kartun, drama yang di mana kandungannya mengandungi perkara-perkara tahyul, perkara khurafat di mana ini untuk orang-orang Islam, dia akan merosakkan akidah anak-anak kita. Jadi kena, perlu, yang penting sekali pihak Pejabat Agama mestilah tahu maka tugas mereka untuk memberi maklum balas ke pihak kementerian yang berkenaan untuk melakukan sesuatu di atas perkara ini.

Begitu juga kalau kita lihat akhir-akhir inilah, iklan-iklan di TV itu agak menjolok matalah. Kadang kita sendiri pun segan nak tengoklah. Perkara-perkara yang terdedah dan perkara yang sulit-sulit pun sekarang dah tunjuk. Dulu saya *pampers* aja. Rupanya *pampers* perempuan pun ada. Ini yang saya rasa patut kita kena …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tengok?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Sebelah mata aja. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Oh Yang Berhormat, yang paling berbahaya sebelah mata tau, macam *One Eyed Jack*.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dia sekali pahala, dua kali dosa.

Y.B. Dato' Speaker : Ha… yalah. Ok. (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, permasalahan yang berlaku juga dalam DUN Maharani adalah masalah di persisiran pantai. Saya dapati jalan-jalan di persisiran pantai terutama di Jalan Joned arah ke laut di setiap kampung. Permasalahannya ialah parit-parit di situ selalu mendap. Jadi walaupun dah dibetulkan tetapi masih menimbulkan masalah lagi kerana mungkin tanah tu kurang sesuai. Jadi dari segi projek-projek yang dijalankan tu mestilah dilakukan dengan sepenuhnya bukan hanya bentuk tampal-menampal, tetapi hendaklah dengan sempurna. Contohnya di Parit Aman Laut, di Parit Sakai Laut dan juga di Parit Keroma Laut, ini banyak di kawasan lautlah. Yang paling teruk sekali di kawasan Parit Sakai Laut, Jalan Joned, di mana jalan ini telah berapa kali diadukan. Tanahnya telah mendap dan gambar-gambar pun saya ada bawa. Memang susah untuk dilalui oleh kenderaan, sebab di dalam tu ada sekolah, ada Maahad Tahfiz, di dalam tu. Tetapi dengan keadaan yang membahayakan ini, penduduk semua mengharapkan supaya jalan ini dapat diperbetulkan, kerana kalau setakat

diturap jalannya, tetapi di sebelah tu mendap, maka tidak menyelesaikan masalah. Yang pentingnya hendaklah di, parit tu hendaklah dibetulkan dengan ditambak dengan batu supaya dapat kekal dan dapat memberi keselesaan kepada rakyat.

Terima kasih kepada pihak yang berkenaan yang telah membantu menyelesaikan masalah ini. Tetapi itulah, bila masalah itu berulang, mereka lambat nak bertindak semula. Dan yang terbaru ini di kawasan Parit Sakai Laut ni, Jalan Joned ni, bukan sahaja tanah tu mendap tetapi pihak JPS tu tolong gali. Dan digali digunakan jentolak yang besar-besar tu, tambah pulak rosak jalan tu, bertambah mendap pula. Dan ini satu perkara yang saya harap dapat diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, terima kasih.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Sikit lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Masalah banjir, kalau di mana-mana oleh mungkin kerana *global warming* di DUN Maharani di kawasan persisiran pantai terutamanya, dalam awal bulan yang tu, dah boleh banjir, apabila air pasang besar berlaku, banyak kawasan, kawasan di Dumpa, di Jalan Joned, kawasan Parit Perupok Laut, Parit Sakai Laut, Jalan Joned telah dinaiki air. Kawasan ini merupakan kawasan yang rendah memangnya dan sebahagiannya mempunyai tol, sebahagiannya tidak. Jadi perkara-perkara ini kena fikirkan bersama. Kerana sepanjang pantai Selat Melaka mengalami masalah yang sama. Jadi, saya mengharapkan kerajaan dapat menyelesaikan bukan sahaja masalah ini setempat tetapi di persisiran pantai yang lain juga dapat kita memastikan bagaimana cara kita untuk menyelesaikan masalah ini dan untuk menyediakan, mungkin kita perlu menyediakan penempatan baru untuk penduduk-penduduk di sini untuk mengelakkan daripada kerosakan harta benda. Dan kita bila berkata tentang banjir ini memang masalah yang akan kita hadapi. Hujan telah mula dan saya mengharapkan supaya parit-parit dan juga kawasan-kawasan di bandar di mana kawasan-kawasan yang rumput-rumputnya yang sudah tinggi, saya mengharapkan di kawasan di luar bandar biasanya JKKK, Ketua Kampung yang menguruskannya. Jadi sebelum berlaku banjir ni, uruskanlah dengan kerjasama JPS supaya parit-parit ini dibersihkan untuk mengelakkan banjir daripada berlaku dan merosakkan tanam-tanaman. Jadi sekarang pokok-pokok durian pun dah pupus kerana banjir, semua dah kena tebang. Pokok-pokok manggis pun sudah tak ada. Jadi inilah permasalahan yang dihadapi oleh rakyat. Jadi saya harap ketua-ketua aktif dengan membersihkan parit-parit dan bersedia untuk banjir yang kita jangkakan akan berlaku ini. Maka rakyat tidak akan merungut dan mudah sikitlah kerja Wakil Rakyat.

Jadi satu perkara yang kita ingin sebutkan tentang bandar Muar yang disebutkan Bandar Pencen. Saya dapati di Muar ni bukan sahaja perlu dibangunkan, tetapi kita dapati kalau untuk menarik pelancong ke Muar pun kita ada beberapa tarikan. Dan, sekarang kita ada tarikan pelancong, kalau di hujung minggu, kita ada bot untuk menyusur Sungai Muar. Kita ada tempat-tempat untuk anak-anak muda buat *motor cross* dan sebagainya. Dan juga yang tarikan yang saya nampak di bandar Muar ni yang belum digunakan ialah bangunan-bangunan lama dalam daerah Muar. Ada sebahagian daripada

bangunan lama yang dibangunkan dalam tahun 1920an, 1618. Kalau dicat, kalau diberi peruntukan oleh pihak Pegawai Tempatan mungkin bandar Muar ni boleh dijadikan Bandar Warisan. Sekurang-kurangnya untuk peringkat Negeri Johor. Sebab bangunan tu cantik-cantik kalau tengok….

Y.B. Dato' Speaker : Muar apa yang terkenal Yang Berhormat? Yang terkenal apa kat Muar?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Di Muar, yang terkenal mee bandung. Makanannyalah. Datang ke Muar untuk makan sate pagi-pagi buta.

Y.B. Dato' Speaker : Pagi apa?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Pagi-pagi buta dah ada sate di Muar.

Y.B. Dato' Speaker : Pagi buta, ha yalah (ketawa). Oklah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi kalau dapat kita galakkan tuan-tuan punya bangunan lama ini supaya menjaga bangunan ini menjadikan bangunan warisan, jadi akan menarik pelancong untuk datang dan sekurang-kurangnya memacu ekonomi di bandar Muar.

Dan berkenaan dengan perpustakaan, di Muar ada perpustakaan sebuah awam dan itu perlu dinaik tarafkan. Mungkin perlu dipasang *air-cond,* dan yang penting sekali bahan-bahan bacaan, buku-bukunya mestilah relevan bukan sahaja untuk ke peringkat ke sekolah menengah malahan anak-anak kita sekarang dah pandai-pandai. Jadi perlukan bahan-bahan rujukan untuk anak-anak kita yang belajar di matrikulasi, di tingkatan enam dan juga di universiti.

Jadi dengan akhir kata saya menyokong usul-usul yang dibawa oleh Y.B. Kempas dengan beberapa tambahan dan pindaan yang telah saya sampaikan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Mudah-mudahan apa yang kita rancang ini Allah akan berkati dan mendapat manfaat. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Lagi, perbahasan diteruskan lagi, jemput. Siapa? Ha, Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Penawar.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Menghadapi Cabaran dan Memelihara Kesejahteraan Rakyat merupakan tema Bajet 2009 bagi Negeri Johor. Syukur alhamdulillah, saya diberi kesempatan dan sedikit ruang untuk

turut serta dalam perbahasan Bajet 2009 ini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku pemacu bangsa di atas pembentangan Bajet 2009 yang disusun bersama pakar ekonomi negeri setelah melihat di mana kekuatan dan kelemahan Negeri Johor Darul Takzim ini untuk terus bersaing dalam arus ekonomi dunia yang tidak menentu ini.

Begitulah kata orang, kalau dah bijak menghitung buih di laut, pasti bijak membilang pasir di pantai dan tentu bijak mengira pokok di rimba. Dalam suasana hari ini….

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Ya, saya.

Y.B. Dato' Speaker : Panjang lagi ucapan?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Panjang, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, panjang ya? Ha, lecehlah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:55 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya sambung. Dalam suasana hari ini kecekapan Malaysia dalam mengurus fungsi barangan, buruh serta pasaran kewangan dengan cemerlang membolehkannya menduduki tangga ke-21 daripada 131 negara yang menyertai forum ekonomi dunia. Negara sekarang menduduki tangga ke-16 di peringkat antarabangsa hasil daripada peningkatan ketara dalam sektor perbankan serta kemudahan dalam mengakseskan pelbagai bentuk kewangan bagi membangunkan perniagaan. Dan, kekuatan ini adalah kerana kualiti prasarana, pengangkutan serta kedudukan perniagaan yang canggih dan kukuh serta berpotensi menjalankan inovasi yang memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara sejak kebelakangan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setelah kita melihat hasil sumber pendapatan negeri, anggaran perbelanjaan setiap agensi kerajaan, maka marilah kita lihat strategi yang telah disusun untuk mengharungi cabaran global ini, supaya yang busut boleh menjadi bukit dan yang bukit boleh menjadi gunung. Dengan strategi pertama, memperkukuh daya bertahan ekonomi negeri dan rakyat

melalui pelbagai sektor sama ada pertanian, perikanan, pembuatan, perkhidmatan dan strategi yang kedua, menggarap potensi sumber manusia yang ada dengan meningkatkan kecemerlangan pendidikan, kemahiran tenaga kerja dan lain-lain. Seterusnya dengan strategi yang ketiga, meningkatkan tahap kualiti hidup rakyat untuk kesejahteraan rakyat, sama ada membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti infrastruktur ataupun kualiti perkhidmatan kerajaan. Maka, marilah kita lihat sama ada perkara-perkara ini, permasalahan dalam kawasan boleh diselesaikan ataupun tidak.

Marilah kita bicarakan dalam kawasan dengan strategi yang pertama. Memperkukuh daya tahan pelbagai sektor. Adalah diharapkan permohonan rakyat melalui Jabatan Pertanian bagi projek bumi hijau, ternakan ikan, ternakan ikan dalam sangkar perlulah diberikan perhatian yang serius demi menjana ekonomi rakyat khasnya di kawasan luar bandar. Oleh itu, dipohon Jabatan Pertanian dan segala macam jabatan yang terlibat dalam soal pinjaman dan sebagainya untuk menyemak kembali borang-borang permohonan usahawan-usahawan bagi membantu mereka menjana ekonomi.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memilih Pengerang dan Kota Tinggi bagi pelancaran bioDesaru, melalui Perbadanan Bioteknologi, Johor BioTech. Mudah-mudahan usaha ini akan menampakkan hasil dan inilah usaha Kerajaan Barisan Nasional Negeri Johor yang terus memikirkan untuk memajukan negeri dan memakmurkan rakyat bagi merealisasikan manifesto pilihan raya yang lalu, selamat, aman dan makmur. Adalah diharapkan dengan projek bioDesaru ini akan dapat terus memberi ruang kepada usahawan-usahawan untuk turut serta dalam arus teknologi pertanian, untuk turut serta dalam arus pertanian bioteknologi. Dan mudah-mudahan, dengan pelaburan yang diberikan akan dapat meningkatkan ekonomi Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam strategi menggarap potensi sumber ada, khususnya dalam bidang pendidikan perlulah diberi perhatian yang sewajarnya terhadap kepincangan dan masalah kekurangan peruntukan dalam menghadapi masalah kerosakan bangunan sekolah dan melihat serta memperbaiki kepincangan pendidikan dan pengurusan sekolah agama serta guru-gurunya. Walaupun telah termaktub beberapa perkara tetapi kita yakin dan percaya bahawa masih ada jalan penyelesaiannya. Contohnya, rungutan ibu bapa terhadap sistem sekolah 2, 3, masalah kelawar dan peruntukan untuk menyelesaikannya di Sekolah Kebangsaan Semenchu yang hingga hari ini masih lagi tidak dapat diselesaikan.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, Taman Asuhan Kanak-kanak, Taska atau Permata perlu diberi perhatian bukan sahaja di kawasan bandar bahkan di kawasan luar bandar, kampung, FELDA dan KEJORA. Benar, ada kelas literasi di dalam kawasan FELDA tetapi dengan elaun RM100.00, dengan anak-anak yang dihantar belajar selama tiga jam dan tiga hari seminggu, apakah yang dapat diberikan kepada anak-anak kita yang hari ini semakin cerdik dan bijak. Dalam kawasan KEJORA, di mana bilangan guru-guru dan kakitangan kerajaan semakin bertambah adalah amat diperlukan kewujudan taska ini kerana ini amat penting bagi ibu bapa meninggalkan anak-anak mereka di tempat yang

selamat dan berkualiti bagi menyumbang kepada kualiti pekerjaan mereka sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya dalam mengharungi strategi yang ketiga, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Tahniah diucapkan kepada unit *task force* di Pejabat Tanah untuk mengatasi masalah permohonan geran-geran tanah yang berpuluh-puluh tahun tidak dapat diselesaikan dan masalah pencerobohan tanah yang semakin berleluasa. Adalah diharapkan pihak PTG dapat memanggil kami, ADUN-ADUN bagi satu sesi dialog tertutup untuk mengetahui bagaimanakah, di manakah kedudukan permohonan geran-geran tanah yang masih lagi tidak selesai di dalam kawasan kami.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat tak semak kat Pejabat Tanah ke?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Dah semak Yang Berhormat Datuk Speaker, dah bawa dalam Mesyuarat Tindakan, telah difahamkan ke peringkat EXCO pun masih lagi tidak selesai.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tidak selesai. Ok.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Apakah perkara dan langkah yang perlu diambil serta prosedur yang perlu jabatan berikan kepada kami selaku Wakil Rakyat untuk diterangkan kepada rakyat tanpa kerajaan perlu mengambil masa yang lama untuk proses kelulusan geran tanah tersebut. Dalam suasana hari ini dengan pengundi yang semakin bijak bukan masanya untuk kita sama-sama menyanyikan lagu bangau oh bangau.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya dalam kita membela nasib kurang upaya, diharapkan Bajet 2009 ini akan dapat dikhususkan satu pelan bangunan yang seragam. Satu peruntukan yang khusus, supaya bangunan-bangunan PDK ini seragam di setiap DUN dan ianya kelihatan cantik, kemas dan lengkap sebagai bukti bahawa kita benar-benar membela nasib Orang Kurang Upaya ini. Dan, peruntukan-peruntukan ADUN bolehlah diberikan untuk perkara-perkara yang lain di dalam menokok tambah bangunan ataupun kelas-kelas PDK yang ada di setiap DUN ini. Selain daripada elaun yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada Orang-Orang Kurang Upaya ini dalam mereka meneruskan kehidupan dan pendidikan mereka. Dan selain daripada itu, dipohon juga agar permohonan kad-kad untuk Orang Kurang Upaya ini dipermudahkan dan dipercepatkan kerana masih ada lagi yang mengambil masa hingga 2, 3 bulan tak dapat, putus asa dan bila mereka nak menyertai pertandingan yang terbaru ini, pertandingan untuk Orang Kurang Upaya, tidak mempunyai kad jadi tidak melayakkan mereka untuk menyertai pertandingan tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, setelah kita melihat Orang Kurang Upaya marilah kita melihat masyarakat Orang Asli. Adalah diharapkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dapat mengambil tindakan yang serius di mana masih terdapat lagi anak-anak Orang Asli di dalam kawasan saya yang tidak

mendapat bantuan pakaian sekolah, pakaian seragam sekolah kerana dikatakan mereka ini anak Orang Asli yang kaya. Kita bukan membicarakan soal kaya atau miskin tetapi hak mereka untuk mendapat apa yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada mereka. Dan, saya juga ingin mengingatkan tentang apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tentang dividen daripada RM200.00 kepada RM250.00 dan saya mengharapkan agar FELCRA benar-benar dapat menyelesaikan perkara ini dan tidak akan ditimbulkan oleh masyarakat FELCRA khasnya di dalam kawasan saya.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, daripada perkampungan Orang Asli kita masuk ke kawasan FELDA. Adalah diharapkan FELDA diberikan peruntukan yang khusus dan besar bagi projek-projek pembangunan memandangkan kawasan saya yang mempunyai 6 FELDA. Bahu-bahu jalan yang kebanyakannya telah runtuh dan apabila diminta pihak pengurusan FELDA untuk menghantar kertas peruntukan maka peruntukannya amat besar dan tidak tertampung oleh peruntukan ADUN yang ada. Telah dibawa di dalam Mesyuarat Tindakan sebagai contoh di FELDA Papan Timur tetapi pihak FELDA tidak mempunyai peruntukan, pihak JKR juga tidak mempunyai peruntukan yang cukup. Jadi, saya amat berharap agar perkara ini diberikan perhatian yang serius kerana keadaannya amat kritikal sekali. Begitu juga dengan keadaan tanah-tanah runtuh yang berhampiran dengan kawasan rumah-rumah peneroka. Jadi besarlah harapan agar pihak kerajaan dapat melihat perkara ini supaya pengundi-pengundi ini tidak mempertikaikan masalah ini yang berlarutan ini.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita masuk ke kawasan KEJORA. Adalah diharapkan pihak pengurusan KEJORA dapat melihat kembali, menyusun dan merancang pembinaan rumah-rumah murah selain daripada rumah-rumah kos sederhana yang sedang rancak beroperasi sekarang ini. Sesuai dengan persekitaran kerana masih ramai lagi masyarakat setempat yang memerlukan pemilikan rumah kos rendah. Diharapkan perkara ini dapatlah diberikan perhatian yang serius kerana rumah kos sederhana ini mampu dibeli oleh guru-guru dan juga kakitangan kerajaan yang berpangkat tetapi masih ramai lagi kakitangan rendah awam, peniaga-peniaga runcit, pekerja-pekerja kilang di sekitar yang tidak mampu untuk membeli rumah yang sedang dalam operasi pembinaan sekarang ini. Jadi, besarlah harapan saya dengan kuasa yang ada pada kita dengan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah pada hari ini dan KEJORA yang duduk di bawah Kerajaan Barisan Nasional dapat memikirkan untuk mengatasi masalah ini. Saya faham akan kedudukan KEJORA kerana tentu saja dia ingin mempertingkatkan taraf dan kualiti KEJORA seiring dengan pembinaan Lebuh raya Senai-Desaru. Dan, di samping kita memikirkan kualiti itu adalah diharapkan kita dapat memikirkan nasib pengundi-pengundi setempat yang ada di persekitaran yang memerlukan lagi pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Dan akhir sekali Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam kita menghadapi soal penguncupan ekonomi, soal kenaikan harga barang maka sebagai kerajaan yang memerintah pasti pelan tindakan telah disediakan. Majlis penerangan perlu dibuat untuk memberikan kefahaman kepada pengundi-

pengundi. Dalam kita berhadapan dengan pembangkang yang sentiasa menangguk di air keruh dan demi mempertahankan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini, melihat apa yang ada pada kita, merangka apa yang akan kita terima maka sudah pastinya Kerajaan Barisan Nasional terus bersedia seandainya tiba-tiba harga minyak dunia naik kerana kita takut kita akan terlambat. Dan, takut nanti kita menumbuk lada, bertanam tidak, antan ada kayu berpaling, pengayuh ada sampan tiada, sampan ada airnya kering. Dan dengan itu, saya mohon menyokong Bajet 2009. Sekian wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Jemput yang lain. Pulai Sebatang.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Selamat tengah hari dan salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker, serta sidang Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu izinkan saya melafazkan rasa kesyukuran kerana dapat kita bersidang dan membahaskan Ucapan Bajet tahun 2009 yang telah selamat di bentang oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar pada 21 November.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya gejala kemelesetan ekonomi sedunia sedang luas merebak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita pada tahun 2009. Ini adalah kesan arus globalisasi di mana ekonomi sedunia kini lebih saling berkait dan sebarang kemelesetan ekonomi negara besar pasti akan membawa kesan negatif kepada ekonomi seluruh dunia termasuklah negara kita, Malaysia. Oleh yang demikian adalah wajar sekiranya mesej kemelesetan ekonomi ini disampaikan kepada rakyat kita secepat mungkin agar semua lapisan masyarakat boleh bersedia menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi yang lebih serius pada tahun akan datang. Maka tema bajet tahun ini iaitu 'Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat' adalah tepat pada masanya. Saya amat *confident* bahawa dengan strategi dan langkah-langkah *pre-emptive* sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Impak negatif kemelesetan ekonomi sedunia boleh diminimumkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sementara menghadapi tekanan deflasi ekonomi sedunia, rakyat kita perlu lebih peka dalam membuka punca cara yang baru untuk menambah pendapatan. Dalam hal ini, saya rasa aktiviti pertanian cara moden dan berteknologi canggih pasti boleh mendatangkan pulangan yang lumayan. Selain daripada itu, ianya juga dapat membantu negara dalam usaha mengurangkan penggantungan kepada bahan makanan import.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini saya telah difahamkan bahawa Negeri Johor kini menghasilkan kira-kira 60% daripada jumlah sayur segar negara iaitu lebih kurang 1,200 metrik tan sehari. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 50% ataupun 600 metrik tan telah dieksport ke Singapura. Katakanlah pada purata harga RM3.00 sekilogram, nilai eksport sayur segar harian ke Singapura adalah dalam lingkungan RM1,850,000 atau lebih kurang RM46 juta sebulan. Ini

merupakan satu sumber pendapatan wang asing yang agak besar untuk Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga telah difahamkan bahawa para petani sayur segar tersebut kini menghadapi masalah kekurangan tanah penanaman yang sesuai. Mereka turut merungut bahawa kegiatan mereka kurang mendapat perhatian dan sokongan Kerajaan Negeri terutamanya dalam pemberian tanah pajakan negeri dan untuk bertanam dan bantuan teknikal dalam penggunaan teknologi moden yang boleh meningkatkan hasil tanaman. Akibat kekurangan teknologi moden, kebanyakan mereka mengamalkan cara penanaman lama, di mana mereka perlu berpindah ke kawasan baru setelah beberapa tahun menjalankan aktiviti penanaman di sesuatu bidang tanah kerana hasil pendapatan semakin berkurangan. Mereka faham bahawa masalah ini adalah akibat penggunaan baja sebatian dan racun serangga secara berleluasa yang menyebabkan tanah tersebut tidak lagi sesuai untuk bercucuk tanam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kajian yang telah dibuat mereka telah mendapati bahawa nilai pH tanah telah menurun. Ini jelas menunjukkan bahawa kandungan asid dalam tanah telah meningkat. Pada masa yang sama juga mereka turut menghadapi masalah menyebarkan penyakit baru. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan *mikrob efektif* atau lebih dikenali sebagai EM, dalam tanah setelah penggunaan, menggunakan baja sebatian dan racun serangga yang berterusan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam pengetahuan saya, negara-negara yang maju dalam kegiatan pertanian juga pernah menghadapi masalah yang sama yang disebabkan oleh penggunaan baja sebatian dan racun serangga yang tidak terkawal. Sebagai contoh di Taiwan, pada pertengahan tahun 80an, petani-petani Taiwan terpaksa menghentikan segala aktiviti penanaman untuk 3 tahun berturut-turut, agar tanah yang dikatakan sakit itu dapat pulih secara semula jadi.

Setelah insiden tersebut para petani Taiwan telah mula mengamalkan cara bertani yang moden dan mesra alam dengan penggunaan baja organik. Baja organik yang mengandungi EM telah didapati akan membantu menyeimbangkan kandungan mikrob dalam tanah dan boleh mengelakkan penurunan nilai pH, mengurangkan penyebaran penyakit baru dan serangan serangga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam lawatan seorang pakar mikrob dari Jepun baru-baru ini, beliau mendapati bahawa negara kita Malaysia mempunyai bahan sisa pertanian organik yang sesuai untuk dijadikan bahan mentah dalam pembuatan baja organik. Beliau berpendapat bahawa sekiranya bidang tersebut diusahakan dengan cara industri ianya akan menjana nilai komersial yang amat besar. Beliau amat berminat dalam industri pembuatan baja organik menggunakan sisa kilang sawit atau dahan kosong dengan bantuan EM dan mesin pengaut berteknologi canggih. Dengan cara ini dianya bukan sahaja boleh membantu menangani imej negatif industri sawit

bahkan juga boleh membantu mengurangkan penggantungan terhadap baja sebatian import.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin bertanya sama ada kerajaan ada mengaturkan program atau kempen kesedaran dan ditujukan kepada para petani kita berkenaan dengan kebaikan penggunaan baja organik. Kita ucap tahniah apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat. Kita mempunyai segala-gala bioteknologi ataupun bioDesaru, tapi adakah penggalakan tersebut disampaikan kepada petani-petani di Negeri Johor? Selain daripada itu, adakah Kerajaan Negeri menyediakan subsidi kepada para petani yang ingin menggunakan baja organik?

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini saya juga ditemui oleh nelayan-nelayan dari kawasan saya, Pontian, di mana punca pencarian mereka tergugat akibat penahanan bot nelayan oleh Tentera Laut Republik Indonesia, atas alasan bot nelayan kita telah memasuki kawasan perairan Indonesia secara haram. Oleh yang demikian, saya merayu agar Jabatan Laut atau Polis Marin atau *department* yang berkaitan dapat membantu nelayan-nelayan tersebut dengan menyediakan pelan maritim terkini. Selain daripada itu, saya juga ingin meminta bantuan Kerajaan Negeri dalam mengadakan forum perbincangan khas bersama Pihak Berkuasa Republik Indonesia untuk bersama-sama menangani isu kekeliruan berkaitan sempadan perairan bersama, agar insiden seperti ini di atas dapat dielakkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas kejayaan Negeri Johor mendapat peruntukan lebih kurang RM900 juta dalam 21 projek naik taraf rangkaian jalan raya dan prasarana berkaitan di daerah-daerah berikut: Johor Bahru – 8 projek, Batu Pahat - 4 projek, Kluang – 3 projek dan Segamat, Mersing, Kota Tinggi dan Muar, masing-masing dengan 2 projek.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya merasa kecewa kerana daerah Pontian telah terpinggir dan tidak tersenarai dalam usaha naik taraf prasarana tersebut. Seperti yang kita sedia maklum, jalan sedia ada di daerah Pontian terutamanya bandar Pontian terlalu sesak dan masih belum mendapat bajet naik taraf. Ramai penduduk setempat bandar Pontian, merungut bahawa jalan raya sedia ada sudah tidak dapat menampung keperluan semasa dan menyebabkan pergerakan trafik di bandar Pontian amatlah perlahan.

Selain daripada itu, jalan raya yang menghubungkan bandar Pontian dengan bandar raya Johor Bahru sudah 20 tahun tidak di naik taraf sejak tahun 80an. Sebagai daerah yang bersempadan dengan kawasan Iskandar Malaysia, kita begitu dekat dengan kawasan pembangunan pesat tetapi daerah Pontian tidak mendapat perhatian yang sewajarnya, dalam aspek pembangunan prasarana. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan Negeri agar daerah Pontian disenaraikan dalam Rancangan Pembangunan Iskandar Malaysia supaya rakyat daerah Pontian dapat menikmati manfaat pembangunan pesat yang bakal terjana di kawasan pembangunan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengakhiri ucapan saya dengan harapan agar semua rakyat Negeri Johor dapat berganding bahu bersama-sama Kerajaan Negeri dalam menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi. Saya juga berharap agar Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian ke atas isu pembangunan daerah Pontian yang baru saya bangkitkan tadi. Dengan kata-kata ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat kawasan Kempas. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Ada yang lain nak berucap. Jemput Kemelah.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Bismillahirrahmaanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran terhadap Allah yang masih memberikan saya dan kita semua ruang waktu, kesihatan dan keupayaan untuk memberikan khidmat kepada masyarakat. Rasa penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker yang memberikan saya peluang untuk turut sama membahaskan Rundingan Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008.

Awal bicara ini, saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan tahniah dan syabas atas pembentangan Bajet Negeri Johor 2009 yang di lafaz ucapkan Yang Amat berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada hari Jumaat yang lalu. Bajet 2005 bertajuk Kesinambungan Kesejahteraan Rakyat, Bajet 2006, Memaksimumkan Potensi Menempuh Masa Depan. Bajet 2007, Pertumbuhan Dengan Keseimbangan, Bajet 2008 Menganda Pertumbuhan Menjana Kesejahteraan dan pada tahun ini Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat.

Ini menggambarkan kesungguhan kerajaan secara berterusan menunaikan janji dengan penuh iltizam dan bertanggungjawab memenuhi tuntutan dan kehendak rakyat. Inilah kejayaan sebenarnya. Asas yang dibina kukuh pada tahun lalu telah memberikan kesejahteraan kepada rakyat negeri ini. Perlu juga dinyatakan, semakin kita mencatatkan kejayaan semakin lebar tuntutan yang perlu dipenuhi. Semakin besar kemenangan yang ditempa, semakin tinggi cabaran yang harus diharungi. Inilah masanya untuk kita penuhi tuntutan perjuangan dan merealisasikan segala yang terdaya untuk rakyat.

Pertumbuhan berganda dengan keseimbangan ini bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi ke arah kemakmuran. Ia juga diharapkan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Tahun 2007 dan sehingga pertengahan 2008 bolehlah diibaratkan tahun kemakmuran ekonomi negara dan negeri dengan munculnya berbagai petunjuk yang menggambarkan pertumbuhan ekonomi negara sedang dan akan menuju arah yang betul.

Meneliti *fundamental* ekonomi semuanya berada di dalam situasi yang menggalakkan. Contoh, tahap penggunaan statistik perdagangan dan pertambahan peluang pekerjaan. Semua ini menunjukkan perkembangan yang positif, ditambah pula wujudnya faktor projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Yang Ke-9 yang telah dilaksanakan dan sistem penyampaian yang berkesan menerusi mekanisme yang diperkenalkan kerajaan.

Namun begitu, munculnya mendung, menutupi cerah yang diharapkan hingga ke petang. Kenaikan kos pengeluaran dan penggunaan berpunca daripada kenaikan harga minyak telah memberi kesan kepada pengeluaran dan pelaburan yang membawa kepada penguncupan kegiatan ekonomi dan lambakan guna tenaga. Kemelut ini dijangka membayangi sepanjang tahun 2009 malah dikhuatiri menjadi kegawatan ataupun krisis.

Di Johor, Bajet 2008 mencatatkan defisit RM2.04 juta. Disusuli Bajet defisit 2009 berjumlah RM2.75 juta. Nabi Allah Yusuf alaihissalam tatkala menjadi Menteri Kewangan Mesir, telah berusaha mengagihkan hasil negara untuk mencapai keseimbangan dan kestabilan. Prinsip yang digunakan adalah melaksanakan dasar bajet lebihan ketika ekonomi berkembang dan dasar bajet berkurangan ketika ekonomi meleset. Apa yang dilakukan, menabung lebihan yang terdapat di waktu mewah sebagai persediaan di waktu susah. Belanjawan defisit ini, memberikan petunjuk bahawa kerajaan bertanggungjawab untuk berbelanja lebih di waktu meleset dan memberikan peranan yang lebih besar kepada sektor swasta untuk menggerakkan ekonomi ketika ekonomi berkembang dan memuncak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, krisis kewangan yang tidak dijangkakan berlaku pada awal abad yang ke-21 ini, semakin serius berikutan nilai mata wang beberapa buah negara menerima tempias apabila nilainya menjunam selepas berlaku keadaan tidak stabil dalam sistem ekonomi Amerika Syarikat. Inilah Sistem Kapitalis yang ada dan diamalkan secara berleluasa di Amerika Syarikat dan menjadikan sistem ini alat untuk menakluk dunia sejak 3 dekad yang lalu.

Joseph Schumpeter mengatakan, *distractions are what capitalism does*, dengan izin. Untuk menutupi kelemahan sistem ini golongan Kapitalis telah memberikan nafas baru terhadap sistem ini dengan mengistilahkannya sebagai *creative capitalism*, dengan izin. Konsep ini kononnya tidak lagi memberi imej negatif kepada golongan Kapitalis yang hanya memfokuskan kepada keuntungan dan bertindak sebagai *opportunist*. Dengan konsep *creative capitalism*, definisi Kapitalis ini diperluaskan dengan menitikberatkan soal kemanusiaan, kepentingan memelihara alam sekitar, memberikan peluang pekerjaan, menjadi rakan kepada kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab sosialnya dan pada masa yang sama masih lagi mengharapkan keuntungan tidak berkurangan. Namun, sistem ini masih lagi kabur terutamanya di kalangan ahli ekonomi barat, terutamanya dalam usaha membendung tsunami kredit yang memberikan tamparan hebat kepada Sistem Kapitalis yang akan memungkinkan krisis ini semakin menjadi parah. Yang agak mengejutkan, satu mekanisme penyelesaian terhadap krisis kewangan ini, apabila terdapatnya gesaan dan cadangan untuk mengurangkan kos kepada peminjam dengan mengurangkan kadar faedah kepada tahap sifar.

Antara personaliti yang mencadangkan mekanisme ini adalah Charles Goodheart, Professor Emeritus Perbankan dan Kewangan, di London School of Economic yang merupakan Anggota Jawatankuasa Dasar, Bank Of England, dan Alan Greenspan, Pengerusi *Reserve* Persekutuan Amerika Syarikat. Cadangan pengurangan kadar faedah bertepatan dengan ajaran Islam sebenar. Islam tidak membenarkan riba dilaksanakan ke atas peminjam untuk memastikan peminjam tidak terbeban untuk membayar balik pinjaman yang dilakukan. Ia bertepatan dengan Firman Allah SWT yang bermaksud, "*Dan sekiranya mereka iaitu yang berhutang, berada dalam kesukaran, kamu berilah mereka tangguh sehingga mereka senang. Dan jika kamu bersedekah, yakni memberi diskaun, tidak ada apa-apa kenaikan, itu adalah lebih baik*", Al-Baqarah, Ayat 280.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sudah sampai masanya pakar-pakar kewangan Islam mengambil kesempatan daripada krisis yang berlaku untuk mengemukakan teori berasaskan Islam bagi membantu penduduk dunia yang dilanda kegawatan. Justeru, kita harus mengukuhkan Industri Perkhidmatan Kewangan dan Perbankan Islam sebagai alternatif kepada sistem yang ada. Industri ini memerlukan kesedaran ummah mengenai peranannya sebagai kaedah alternatif. Memerlukan juga penyelidikan dan pembangunan secara berterusan dengan melaksanakan wacana di pelbagai peringkat. Pelaburan dalam modal insan ekoran kekurangan pengetahuan mengenai kewangan Islam yang berkait rapat kurangnya tenaga pakar berkelayakan sekali gus menjejaskan prestasi produk dan perkhidmatannya. Selain itu, integriti, kewibawaan dan kecekapan adalah penting untuk membangunkan rangka kerja dan tadbir urus syariah. Justeru, walaupun wujud percanggahan hukum, ia tidak sepatutnya menjadi halangan, asalkan ia disokong dengan dalil yang sahih dan diiktiraf mengikut kaedah perundangan.

Di Dewan ini, saya ingin mengesyorkan, agar Kerajaan Johor mempelopori usaha untuk menghimpunkan cerdik pandai Islam, untuk memikirkan peluang dan juga ruang yang boleh dilakukan untuk menjadikan Johor ini sebagai satu pusat mekanisme penyelesaian kemelut krisis ekonomi ini. Kita mempunyai WPI yang tentunya boleh dijadikan sebagai medan untuk Program Perintis Kewangan Dan Perbankan Islam ini dengan mewujudkan pusat, institut, Sekretariat Khas ataupun Jawatankuasa Pemandu untuk mengkaji keberkesanan, keupayaan dan juga peluang dan juga ruang yang boleh digunakan oleh Sistem Perbankan Dan Perkhidmatan Islam ini untuk diguna pakai di Wilayah Pembangunan Iskandar ini. Ini adalah peluangnya, kerana krisis akan berlaku dalam tempoh 10 tahun sekali. Dan, kalau kita sentiasa sahaja bercakap bahawa Kewangan Islam, Perbankan Islam adalah merupakan alternatif tetapi kita tidak berupaya ataupun tidak mahu berusaha untuk menonjolkan sesuatu bahawa sistem itu adalah lebih baik daripada Sistem Kapitalis, maka sampai bila-bila kita tidak dapat menonjolkan bahawa Sistem Perbankan Dan Perkhidmatan Islam adalah yang terbaik yang boleh dicontohi oleh keseluruhan masyarakat yang ada di dunia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Panjang lagi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Panjang lagi? Kalau pendek saya bagi 2 minit.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Tak boleh Yang Berhormat Datuk Speaker. Ada setengah jam lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak boleh? Kalau tak boleh, saya bagi 2 hari.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 28 November 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ini ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEENAM	**JUMAAT, 28 NOVEMBER 2008**	**BIL. 4 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong, jemput.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Setelah kita ketahui, harga pertanian juga sedang menurun terutamanya kelapa sawit dan getah. Apakah tindakan dan pelaksanaan yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi membantu para petani yang sedang mengalami kesulitan memandangkan harga kelapa sawit menurun?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Penurunan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah yang turun begitu mendadak kebelakangan ini menimbulkan keresahan rakyat?

a. Apakah peranan Kerajaan Negeri Johor untuk menangani kejatuhan harga komoditi ini yang menjadi punca pendapatan penduduk-penduduk luar Bandar?
b. Bilakah harga baja dan racun akan turun?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmaanirrahim. Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan 1 dan 2. Situasi harga komoditi sawit dan juga getah pada masa kini yang tidak stabil dihadapi oleh semua pihak, baik di Malaysia dan juga di dunia. Keadaan tidak menentu ini berlaku adalah kesan daripada kejatuhan mendadak harga minyak petroleum dunia dari sekitar USD150.00 kepada USD70.00 setong.

Kerajaan sedang mengambil langkah awal bagi melindungi pengusaha-pengusaha tanaman kelapa sawit daripada kejatuhan harga sawit berterusan. Dan, langkah yang terbaru ialah pada bulan Oktober yang lalu, kerajaan akan melaksanakan skim, Skim Insentif Tanaman Semula Sawit dengan memberi galakan kepada pengusaha tanaman sawit untuk menanam semula pokok yang sudah tua, yang melebihi 25 tahun. Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM200 juta sebagai bantuan insentif kepada pekebun kecil dan

juga ladang untuk tanaman semula dengan pemberian bantuan RM1,000.00 sehektar. Penanaman semula ini dijangka dapat menurunkan pengeluaran minyak sawit sebanyak 800 tan dan dapat membantu mengurangkan paras stok minyak sawit yang sehingga kini telah terlalu banyak iaitu lebih kurang 2 juta tan. Dan, pengurangan stok minyak sawit ini dapat membantu menstabilkan semula harga minyak kerana apabila stok berlebihan, itulah menjadi punca kejatuhan harga.

Sebanyak lebih kurang 32,000 hektar daripada keseluruhan 670 hektar kawasan sawit yang telah tua di Negeri Johor dijangkakan dapat menikmati faedah ini. Dan, rancangan tanaman semula ini bertujuan mengurangkan pengeluaran stok minyak yang disebutkan tadi. Di samping itu, tanaman semula sawit ini, penanam boleh mengusahakan tanaman integrasi sawit jangka pendek atau jangka panjang, dengan tanaman lain seperti tebu, nanas, ubi kayu, buah-buahan seperti pisang dan juga sayur-sayuran. Hasil keluarannya mempunyai pasaran yang lumayan dan boleh dipasarkan terus atau melalui bantuan agensi Kerajaan Negeri dan juga seperti FAMA. Lembaga Minyak Sawit Malaysia ataupun MPOB ada menyediakan bantuan khidmat nasihat kepakaran dalam berbagai tanaman integrasi sawit dan agensi-agensi seperti PPK dan juga FAMA bagi menyediakan khidmat pasaran hasil pertanian ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah seterusnya yang diambil oleh kerajaan adalah dengan meningkatkan penggunaan minyak sawit tempatan iaitu dengan pembinaan biodiesel. Kerajaan telah memperuntukkan lagi RM200 juta untuk subsidi penggunaan biodiesel B5 oleh kenderaan diesel tempatan dengan adunan 5% biodiesel sawit dengan diesel. Dengan langkah ini, dianggarkan 400 hingga 500 tan stok minyak dapat dikurangkan. Semua langkah-langkah ini untuk mengurangkan stok minyak sawit dijangka dapat turun ke paras 800 tan, 800,000 tan daripada 2 juta tan yang disebutkan tadi. Dan, ini dapat membantu meningkatkan semula harga minyak sawit.

Langkah jangka panjang yang diambil kerajaan adalah dengan mempelbagaikan penggunaan domestik dan luar negara melalui galakan pelaburan industri hiliran berasaskan sawit dan melalui hasil teknologi penyelidikan MPOB dengan pemberian insentif yang sedia ada seperti pelepasan cukai dan juga kerajaan juga sedang mempertingkatkan usaha mencari pasaran-pasaran baru di luar negara. Selain daripada pasaran terus seperti pasaran Afrika, Amerika Selatan dan juga negara-negara bekas *Soviet.* Bagi memastikan bekalan buah sawit tidak tergendala, kerajaan melalui MPOB telah meningkatkan penguatkuasaan dan amaran diberikan kepada peniaga buah sawit dan juga kilang-kilang sawit supaya terus menerima buah sawit daripada pekebun kecil. MPOB juga akan mengkaji untuk memberi kebenaran kepada pekilang-pekilang buah sawit untuk meningkatkan had keupayaan memproses yang dibenarkan dan membina tangki simpanan yang lebih besar. Peningkatan keupayaan memproses oleh kilang akan membantu mengelakkan berlakunya kelewatan pihak kilang menerima buah, menerima lebihan buah sawit, jika situasi ini berlaku lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai komoditi getah. Penurunan harga komoditi getah begitu mendadak sekali turun dan ini melibatkan kebanyakan

pekebun kecil di Malaysia. Ini adalah disebabkan beberapa faktor antaranya penurunan harga minyak mentah dunia. Keadaan ekonomi global yang tidak menentu, permintaan getah dunia semakin merosot dan keadaan turun naik dalam Bursa Komoditi Tokyo. Penentuan harga komoditi ini adalah berdasarkan harga pasaran semasa dan ia adalah di luar kawalan kerajaan. Isu penurunan harga komoditi khususnya tanaman getah telah menyebabkan pendapatan masyarakat terutamanya pekebun kecil getah sebelum ini adalah tinggi, telah jatuh mendadak dalam lingkungan 50% dan lebih. Masalah penurunan harga ini begitu ketara bagi pekebun kecil yang bergantung semata-mata kepada tanaman getah di mana tiada kerja sampingan yang mereka usahakan bagi menampung kehidupan seharian mereka.

Oleh itu antara langkah meringankan bebanan pekebun kecil getah ini, kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia Wilayah Selatan telah memberi peruntukan sebanyak RM1,565,782.30 kepada pekebun kecil getah di Negeri Johor untuk melaksanakan ladang integrasi dengan peluasan, mintak maaf, dengan pelaksanaan guna pakai teknologi torehan kekerapan rendah iaitu singkatannya *LITS*. Ia merupakan perancangan dan pendekatan Lembaga Getah untuk memanfaatkan peruntukan kerajaan untuk memperluaskan guna pakai kaedah ini di kalangan pekebun kecil getah. Dan, antara objektif projek ini adalah untuk menyediakan modal permulaan berupa input pertanian kepada pekebun kecil getah menggunakan teknologi torehan kekerapan rendah ini. Ini adalah untuk meningkatkan produktiviti dan menambahkan pendapatan.

Selain itu, dia juga boleh, membolehkan pekebun-pekebun kecil menggunakan teknologi ini ke arah mewujudkan satu pengurusan yang bersistematik dan bersepadu yang bertujuan untuk menyatukan kekuatan kumpulan pekebun kecil ke arah perladangan besar dan mampu berdikari tanpa subsidi kerajaan yang berterusan. Projek ini juga bertujuan untuk meningkatkan rangkaian, rangkaian nilai bermula daripada aktiviti huluan kepada aktiviti hiliran dengan diberi nilai tambah komersil supaya lebih berdaya maju dan berdaya saing. Secara tidak langsung, ianya mewujudkan satu platform pertanian yang mempunyai rantaian nilai yang komersil sebagai penjana perniagaan dan ekonomi luar bandar yang dapat menarik minat pekebun generasi muda untuk berkecimpung dalam pengeluaran industri getah. Melalui skim torehan kekerapan rendah ini, dan yang terkini bilangan hari menoreh dapat dikurangkan dan meningkatkan produktiviti di mana teknologi rangsangan diaplikasikan melalui sapuan seperti *etefon dan mortex*. Manakala rangsangan gas seperti *reactorrim, rrimflow dan g-flex* teknologi rancangan ini bergantung kepada kaedah keadaan pokok dan lokasi. Di samping itu, pembiayaan juga disediakan dalam bentuk input pertanian dan peralatan *LITS* ini yang bersesuaian kepada peserta projek atau pengguna teknologi, teknologi tempoh pembiayaan adalah selama satu tahun. Dan, para peserta digalakkan dapat membuat simpanan yang secukupnya daripada lebihan pendapatan yang diperolehi daripada pengamalan teknologi *LITS* ini untuk membuat pelaburan semula bagi tahun kedua dan seterusnya.

Selain itu Skim *LITS* 3 ini, Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak RM143,671.84 melalui Lembaga Getah Malaysia bagi melaksanakan

Ladang Integrasi melalui Projek Penyimbahan Teknologi dan Pembangunan Pekebun Kecil Getah. Projek ini melibatkan ternakan kambing, tanaman integrasi di kawasan pokok getah termasuk juga pokok-pokok buahan dan sayuran. Ini bertujuan sebagai menjana pendapatan sampingan dan tidak hanya bergantung semata-mata kepada tanaman pokok getah, dan ia juga dapat membantu pekebun kecil getah menambah pendapatan dan menaikkan taraf sosioekonomi mereka.

Melalui projek-projek yang telah dilaksanakan, perluasan teknologi yang telah diaplikasikan kepada para pekebun kecil ini didapati telah berjaya mengurangkan bebanan pekebun kecil ini. Dan, seterusnya dalam teknologi ini dapat mengurangkan jumlah hari bekerja dengan pengurangan bilangan hari menoreh, meningkatkan hasil dan produktiviti pokok, dan seterusnya meningkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi mereka berdasarkan harga pasaran getah dunia. Walaupun harga getah kini menurun mendadak, sedikit sebanyak projek ini juga dapat membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh para pekebun kecil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai harga baja dan racun, seperti yang sedia maklum, harga baja dan racun juga naik mendadak bermula pada awal tahun 2008 dan mencapai peningkatan sebanyak 3 kali ganda daripada harga asal. Dan, kerajaan telah mengambil langkah awal untuk jangka pendek di mana Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah berunding dengan Persatuan Pengeluar Baja Malaysia. Dan, hasil daripada rundingan itu kerajaan telah bersetuju menghapuskan serta-merta 15% cukai import baja bermula bulan Oktober 2008 bagi membolehkan harga baja diturunkan. Langkah ini telah berjaya mengurangkan kos pengeluaran minyak sawit dan getah pada sekitar bulan Oktober dan harga keseluruhan baja di pasaran telah mengalami penurunan sebanyak 10 hingga 15%. Manakala racun pula, masih berada pada kadar harga yang tinggi, hanya racun *glyphosate* sahaja yang mengalami susutan harga iaitu sekitar 20%. Walau bagaimanapun, dengan penurunan harga minyak mentah petroleum dijangkakan bahan pertanian berasaskan petroleum seperti baja dan racun akan beransur turun dan apabila pesanan baru dibuat oleh pengimport dan pemborong pada masa kini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. **Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih juga atas EXCO yang jawab. Dan soalan tambahan saya, apakah tindakan akan diambil oleh kerajaan apabila kilang tidak menerima kelebihan buah sawit?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tindakan, kerajaan akan mengenakan tindakan seperti menyaman mereka dan itu adalah menyalahi peraturan lesen sekiranya mereka tidak menerima buah sawit yang di, nak dijual oleh pekebun-pekebun kecil. Walau bagaimanapun, kerajaan hari ini sudah melonggarkan syarat kepada kilang-kilang ini untuk menambah pengeluaran mereka, kerana setiap lesen ini dia ada had limit pengeluaran. Dan sekarang untuk menampung keperluan pengeluaran ini,

kerajaan telah melonggarkan dan memberi keizinan kepada kilang-kilang sawit ini membina tempat penyimpan stok Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Tadi EXCO sudah jawab tentang nak, nak, batalkan 15% cukai import terhadap baja, duti, duti. Tetapi saya rasa 15% tak bermakna sebab harga masih tinggi. Sebab tahun lepas CCM harga cuma 1,400 lebih, tahun ini dah, dah hampir 2 kali ganda, 2900. Kalau kurangkan ini pun jauh beza lagi. Tak, tak jauh beza bermakna penurunan harga baja tidak *significant* untuk membantu petani. Sebab kos, kos pengeluaran yang tinggi salah satu faktor adalah baja. Jadi kalau tindakan yang diambil macam ini memang kurang *significant*. Jadi kita nak lebih drastik punya tindakan sebab harga petroleum telah jatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalan apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Soalan kata, 15% tidak mencukupi.

Y.B. Dato' Speaker : Jadi? Yang Berhormat nak soal apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tidak, jadi bagaimana boleh lagi me, me, tunaikan turunkan harga.

Y.B. Dato' Speaker : Macam mana nak turunkan? Ha itu saja soalan dia.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah cukai import. Cukai import ini dah diturunkan. Persoalannya hari ini nak menurunkan harga baja dan harga baja ini banyak berasaskan petroleum. Oleh kerana kerajaan telah melihat beberapa perkembangan baru seperti turunnya harga petroleum, maka ia juga akan mempengaruhi penurunan harga baja ini. Jadi penurunan harga baja ini akan ada 2 pengaruh iaitu, menurunkan import 15% dan juga sekarang minyak sudah menurun lebih daripada 50% dan ianya akan memberi kesan. Tetapi kesan ini seperti Yang Berhormat Dato' Speaker tahu, memang dah dibincangkan, dia apabila naik nak turun tu lambat, ha, tak tahu kenapa tu, naik dia boleh cepat tapi turun lambat. Jadi, tapi dia akan turun.

Y.B. Dato' Speaker : Apa yang naik cepat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Kelapa sawit tu naik cepat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Harga, harga baja itu naik cepat fasal itu hari harga minyak naik cepat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Sekarang harga minyak dah turun cepat, tapi harga dia mengambil masa untuk buat *adjustment*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, lama nak turun eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, dia memang nak ambil *adjustment* tu lama sedikit, tetapi hakikatnya memang harga ini akan menurun kerana harga petroleum yang menjadi asas pembuatan baja ini sudah menurun mendadak jauh. Jadi insya-Allah dalam tempoh yang terdekat seperti disebutkan tadi, pesanan-pesanan baru oleh pengimport dan pemborong ini akan mendapat harga yang lebih rendah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya kasi Jorak, eh, Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas penjelasan yang dibuat oleh Pengerusi Pertanian sebentar tadi. Tetapi dari pengamatan saya daripada jawapan yang diberikan tadi, apa yang dibuat oleh pihak kerajaan ialah, saya nampak dalam bentuk jangka panjang. Maksudnya insentif yang kata tadi 200 juta dan sebagainya itu, ya, jangka panjang untuk tanaman kelapa sawit. Begitu juga biodiesel. Soalan sekarang ini yang dikemukakan oleh pekebun-pekebun kecil ialah di saat ini, harga itu menjunam jatuh. Kalau dulunya sebulan lebih atau dua bulan lebih RM700.00 se, satu tan metrik, sekarang dah tinggal 200 lebih. Ini yang persoalannya sekarang yang ditimbulkan. Saya ambil data, mintak maaf Dato' Pengerusi saya ambil masa sikit, berdasarkan satu hektar tanahlah, kalau kita tengok sekarang ini, harga satu lebih kurang pengeluarannya lebih kurang 1½ tan. Kalau dengan harga ini, upahnya saja kalau 1 tan upahnya RM40.00 sekarang ini dah RM60.00. Baja tadi berdasarkan dah RM100.00. Kemudian, begitu juga dari segi mencantas, ini lebih kurang memesan RM40.00. Jadi kos, berdasarkan ini ialah dah RM200.00 sedangkan harganya sekarang ini dah baru RM240.00 bagi satu hektar.

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya apa, nak menyoal ni.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Jadi yang saya nakkan tadi, berdasarkan fakta ini, ketika ini apa yang nak dilakukan oleh pihak kerajaan? Adakah dari segi pemantauan yang saya katakan tadi bersama Kementerian Dalam Negeri, menggunakan baja sebagai contoh ataupun ada dana khas.

Y.B. Dato' Speaker : Untuk membantu.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk membantu petani meningkatkan harga ini. Ini yang kita nakkan sekarang. Cerita biodiesel, cerita apa tadi 200 juta itu, nun 3 tahun akan datang belum tahu lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha telah dibuat oleh kerajaan iaitu dengan memberi insentif RM1,000.00 sehektar untuk penanaman semula getah. Ini adalah serampang dua mata. Ertinya, kepada pemilik-pemilik kebun yang telah, kelapa sawit dia melebihi 25 tahun, kadang-kadang oleh kerana nak tanam semula pun melibatkan kos. Sebab itu kerajaan memberi RM1,000.00 kepada pekebun kecil untuk menanam semula kerana ini juga ada peluang untuk membuat ladang integrasi. Di samping dia tanam, dia juga boleh buat tanaman jangka pendek iaitu tanaman kontan untuk menghasilkan pendapatan. Memang kaedahnya dah, dah begitu rupa, memang keadaan harga dah teruk. Walau bagaimanapun, ada inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan. Memang dianya tak ada satu peruntukan dana khas terus bagi duit kepada pekebun kecil. Tetapi usaha kerajaan itu memang ada cuma ianya tidak, tidaklah memberi secara apa nama, mendadak kepada pekebun-pekebun kecil ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meminta pihak PLUS mengubahsuai industri kampung seperti yang dilakukan oleh negara maju dan adakah Kerajaan Negeri menggunakan konsep yang sama di jalan Persekutuan dan Negeri?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, LLM atau Lembaga Lebuh raya Malaysia dengan syarikat konsesinya PLUS, pada dasarnya memang sentiasa *receptive*lah ataupun terbuka kepada kaedah untuk menggalakkan dalam kawasan R&R nya ini, kawasan Rehat dan Rawatnya ini. Usaha-usaha untuk meningkatkan pemasaran industri kampung di kawasan-kawasan yang bersekitar dengan, di sepanjang *highway* dengan bersekitaran tempat-tempat R&R ini.

Untuk makluman, di sepanjang dalam Negeri Johor ini, Lebuh raya Utara-Selatan terdapat, yang ada dalam Negeri Johor ini, kita ada 6 tempat R&R ini iaitu di Machap Utara dan Selatan, kemudian kita ada di Pagoh juga arah utara dan selatan, kita ada di Gelang Patah juga arah utara dan selatan. Dan, pihak PLUS juga telah mengubahsuai beberapa R&R sehingga kini iaitu misalannya R&R Yang Berhormat Dato' Speaker, yang di Machap arah utara, telah pun diubahsuai dan di *upgrade*, di, di, di, ditambah baik dan siap pada tahun 2007 dengan perbelanjaan sebanyak RM6.8 juta. R&R Pagoh arah ke utara pun telah di *upgrade* kan iaitu di kilometer 146 ini, R&R Pagoh ini dengan perbelanjaan, akan di *upgrade* kan yang, yang sebelah utara ini dengan peruntukan sebanyak RM8.8 juta, insya-Allah tahun depan. Tahun 2006 Pagoh arah selatan

telah pun di *upgrade* kemudahannya dan gerainya dengan perbelanjaan sebanyak RM3.9 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di setiap kawasan R&R terdapat pelbagai kemudahanlah yang ada seperti yang kita semua sedia maklum, iaitu seperti gerai makanan basah, gerai makanan dan minuman ringan, kraf tangan pun ada, buah-buahan yang diimport dan juga buah-buahan tempatan, gerai serbaneka. Selain daripada perkara-perkara rawatan biasalah, tandas, surau, tempat permainan kanak-kanak termasuk juga kemudahan ATM dan juga pam-pam stesen minyak.

Pada musim-musim perayaan biasanya terdapat gerai-gerai sementara yang dibenarkan dibina di kawasan R&R ini dengan sewaan sebanyak RM100.00 sebulan, yang selalunya dikendalikan oleh pihak FAMA dan juga beberapa individu tempatanlah dengan menjual barang-barang produk IKS daripada kampung seperti kerepek ubi dan kuih-kuih tradisional dan lain-lain. Dan di samping itu juga, produk-produk ini juga terdapat di gerai-gerai makanan ringan yang sedia ada, gerai-gerai makanan dah disediakan dan juga gerai serbaneka di setiap R&R.

Begitu juga pihak PLUS telah beri peluang kepada pengusaha-pengusaha jualan makanan dan buah-buahan tempatan dengan menyediakan lot-lot gerai di kawasan Rehat dan Rawat di dalam Negeri Johor. Ini pun bertujuan untuk bantu pengusaha-pengusaha memasarkan hasil pertanian serta keluaran industri kampung kepada orang-orang yang menggunakan kepada pengguna-pengguna *highway*. Dan, Kerajaan Negeri melalui agensi dan pejabat kita seperti Pejabat Daerah dan PDT, telah juga mengadakan konsep yang hampir samalah di jalan-jalan, di tapak-tapak tertentu di jalan-jalan Persekutuan dan Negeri. Di antara yang ada, yang dah ada dan beroperasi ialah seperti R&R di Bukit Keramoyang iaitu Simpang Renggam, di Kilometer 72, Jalan Johor Bahru – Air Hitam yang mempunyai 10 buah gerai. Yang keduanya, R & R KEJORA, Kilometer 43, Jalan Kota Tinggi – Desaru, di situ ada 16 buah gerai dan juga Hentian Tenggaroh iaitu di Batu 25, Jalan Kota Tinggi - Mersing, yang ada 7 buah gerai di sana. Hentian-hentian seumpama ini sentiasa dalam kajian dan perancangan pihak JKR Negeri dan juga jabatan yang berkenaan dari semasa ke semasa di mana ada keperluan, insya-Allah, akan kita tambah lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, penjelasan yang diberikan oleh Dato' EXCO. Berkenaan dengan gerai-gerai ini di jalan Persekutuan dan juga Negeri, rasanya untuk menggalakkan lebih banyak lagi hasil-hasil produk IKS dan juga kraf tangan ini. Elok juga kerajaan memikirkan untuk membina gerai-gerai ini di setiap DUN. Hari ini saya tidak nampak lagi pihak kerajaan membina gerai-gerai sedemikian. Yang ada pada hari ini ialah gerai-gerai yang disediakan oleh pengusaha-pengusaha kecil ataupun pedagang-pedagang kecil sahaja. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk menggalakkan perkara ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita nak cakap, dalam setiap DUN tidak ada gerai yang dibina kerajaan, saya ingat itu tak berapa, saya tak berapa setuju. Sebab dalam DUN banyak gerai, kalau nak tengok, selain yang dibuat oleh individu dan pihak swastalah, PBT ada buat, di kawasan PBT, MARA, sekolah MRSM, depan pun ada, ada. Kalau kita tengok sekarang konsep sekolah MRSM, di depan MRSM pun ada, dibuat, dibuat apa ni, gerai-gerai untuk kemudahan dan juga memberi peluang perniagaan kepada apa ni, orang tempatan termasuklah sebagai satu tambahan ekonomi kepada merekalah, termasuklah juga kita tengok ada jual, yang buat-buat, *tailoring* pun ada sekarang, buat beg, baju ya, pun ada gerai-gerai yang seumpama ini.

Dan, memberikan gerai-gerai perkhidmatan yang lain pun ada. Jadi, seperti yang saya cakap tadilah, kita kena tengok keperluan yang ada dan insya-Allah, kita terima juga cadangan daripada Ahli Yang Berhormat ini, tapi untuk menentukan setiap ADUN mesti ada satu, kadang-kadang kala banyak, lebih kita cakap tapi buatnya tidak. Tak terbuat, banyak, cuba tengok program lepas-lepas yang telah dirancangkan, kita umum. Wah, kita nak buat dalam satu DUN, nak buat ni, semua ada kat DUN, nak buat, setiap Parlimen.

Y.B. Dato' Speaker : Sukan ehh, kompleks sukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Tapi, nanti kita. Jadi, baiklah kita buat secara berterusan, berperingkat-peringkat, mengikut keperluan pasaran.

Y.B. Dato' Speaker : Buat sendiri senang, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang sendiri tu lagi berjaya, sebab selalu yang buat sendiri ni, sebab itu kita ada dasar juga, Yang Berhormat Dato' Speaker, di mana gerai-gerai yang ada, yang dah maju ni, harus dibantu oleh pejabat, jabatan dan agensi yang berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan khususnya dari segi kebersihan termasuklah kecantikan luarannya dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ong Kow Meng, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) bagi pihak Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Adalah difahamkan tiadanya pakar bahagian bersalin @ gynecologist di Pusat Bersalin Hospital Temenggong Sri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai, oleh sebab baru-baru ini diterima satu aduan daripada Puan Chong Fei Fong yang melahirkan seorang bayi pada 23 Oktober 2008 pada jam 1.20 pagi yang akhirnya bayi tersebut telah meninggal dunia pada 25 Oktober 2008 yang berpunca daripada penggunaan sedutan (vacuum) ke atas kepala bayi semasa proses bersalin dilakukan. Sama ada wujudnya sebarang kecuaian di kalangan pihak di wad bersalin di hospital berkenaan. Kenapakah bayi tersebut boleh mengalami

maut sedangkan selama sembilan bulan bayi di dalam kandungan ibunya tidak pula dikesan sebarang kesulitan. Adakah kekurangan dari segi kemudahan mahupun kepakaran di dalam hospital menjadi punca utama kecuaian melibatkan nyawa seorang bayi boleh berlaku?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, Hospital Temenggong Sri Maharaja Tun Ibrahim, Kulaijaya merupakan sebuah hospital tanpa pakar. Di Johor ni terdapat 7 buah hospital berpakar dan 5 hospital yang tanpa pakar. Walau bagaimanapun, pakar bahagian *obstetric and gynecology* daripada Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru akan membuat lawatan sebulan sekali ke Hospital Temenggong Sri Maharaja Tun Ibrahim, Kulaijaya. Jika terdapat kes-kes bersalin atau gynecology yang bermasalah, Pegawai Perubatan Hospital Kulaijaya akan terus merujukkan kes tersebut ke pakar di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru untuk rawatan selanjutnya.

Berhubung, berhubung dengan kes aduan Puan Chong Fei Fong, siasatan sedang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi mengenal pasti masalah yang berlaku.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak tanya mana hospital yang disenaraikan sebagai hospital tanpa pakar dan juga di hospital seperti Kulai, Mersing, Pontian, Segamat dan Batu Pahat sama ada mempunyai Pakar Obstetrik dan Ginekologi untuk meliputi rawatan di hospital-hospital ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan kekurangan apa, pakar, hospital kekurangan pakar ni akan saya jawab dalam soalan nombor 29. Tapi, walau bagaimanapun, saya nak cakaplah di sini ya, hospital yang berpakar tu adalah Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Hospital Sultanah Fatimah, Muar, Hospital Batu Pahat, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, Hospital Permai, Hospital Kluang dan Hospital Segamat. Yang 5 tu, hospital yang lain di daerah-daerah itu, yang 5 lagi tanpa pakarlah. Dan, pakar-pakar daripada hospital-hospital berpakar ni akan membuat *routine examination*lah, dia akan pergi ke hospital-hospital tanpa pakar ni untuk *schedule* sebulan sekali, bila-bilalah.

Walau bagaimanapun, di Hospital Kulaijaya ni, walaupun kita ada satu *Operation Theatre* tapi bukan digunakan untuk *emergency cases* dan sebagainya, hanya dibuat *elective surgery* seperti *orthopedic*, *Orthopedic Surgeon* akan datang 3 kali seminggu dengan pakar biusnya untuk mengadakan *Operation Orthopedic* di hari-hari tertentu di Hospital Kulaijaya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Soalan tambahan lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak boleh, dia sekali aje.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Soalan tambahan Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Allah, oklah, kang kata tak kasi pula, pembangkang minta. Ha, ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : *So*, warga Muar bernasib baiklah sebab Hospital Sultanah Fatimah ialah, ialah hospital pakarlah, ada wad bersalinnya, *air cond*nya sekalilah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak soal apa, tak jelas.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Pengarahnya pun seorang Pakar Bersalinlah. *So*, soalan saya ialah akibat daripada kecuaian eh, di Pusat Bersalin Hospital Temenggong Sri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membayar pampasan kepada Puan Chong Fei Fong?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, siasatan sedang berjalan.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, sedang jalan, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi kita bukan, kita dah tentukan siapa yang salah, siapa yang tak. Kita, *doctors* kalau boleh, nak selamatkan nyawa. Bukan kerana kecuaian, tak, kita *train* ni, untuk selamatkan nyawa, kadang-kadang kita berlumba dengan Malaikat Maut.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, tak ya, ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kita nak selamatkan orang, Malaikat Maut nak panggil, nak cabut nyawa.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Malaikat Maut sudah sama ada depan *you*, kalau kalah aje habislah, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, soal macam ini, itu Allah aje yang tahu. Wallahualam.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, ek. Yang Berhormat Datuk Samsol Bari bin Jamali, jemput.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya, soalan nombor 5.

Bilakah Kompleks Pemeriksaan Kastam dan Imigresen (CIQ) di Tanjung Puteri akan mula beroperasi?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou, jemput.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan 6.

Penghuni di hujung Jalan Quek Keng Kang Off Jalan Ah Siang itu sering mengalami gangguan bunyi bising dan gangguan gegaran. Dengan pembukaan dan penggunaan CIQ baru itu di bulan Disember, masalah ini akan bertambah lebih serius. Ingin bertanya penghuni-penghuni rumah tersebut telah membuat banyak aduan tentang permasalahan ini dan meminta pengadang bunyi itu dibuat tetapi sehingga kini tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak berkenaan untuk menangani permasalahan ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga kini sebahagian daripada bangunan CIQ ataupun Kompleks Pemeriksaan Kastam dan Imigresen telah beroperasi daripada segi pengisian jabatan-jabatanlah seperti Jabatan-Jabatan Imigresen, Kastam dan Syarikat Konsesi Lebuhraya, Projek Lebuhraya Utara Selatan ataupun PLUS, yang telah pun menggunakan tempat-tempat, jabatan-jabatan mereka di situ. Di dalam perancangan asalnya terdapat 22 jabatan kerajaan dan swasta yang akan ditempatkan di kompleks tersebut, insya-Allah akan dirasmikan 1 Disember ni oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kompleks ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya selepas daripada perasmian tersebutlah. Tapi, bergantung kepada tuan punya iaitu Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. Ini adalah *property* Kerajaan Pusat.

Berkenaan dengan gangguan bunyi bising dan gegaran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Stulang, yang mana dia kata melibatkan penduduk di Jalan Quek King Kong ni Off Jalan Ah Siang, Keng Kang, oh, bukan King Kong.

Y.B. Dato' Speaker : Apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Quek Keng Kang, oh, ni salah eja ni, Kong, off Jalan Ah Siang. Yang, di situ ada terdapat satu kawasan perumahan kecillah, 3 deretan. Laporan yang telah dikemukakan oleh, berdasarkan kepada laporan Jurutera Perundinglah untuk projek CIQ ni, telah pun memberikan penjelasan bahawa *noise barrier,* dengan izin, ataupun pengadang bunyi, setakat ini, buat masa ini belum perlu lagi dibinalah di kawasan tersebut kerana jalan susur untuk kenderaan berat, lori-lori besar ni, jalan susur kenderaan berat bagi pemeriksaan di CIQ, yang ada di kawasan ni, bersebelahan dengan rumah di hujung jalan tersebut, belum lagi dibuka dan tidak akan dibuka sehingga jambatan baru siap. Jambatan baru ini jambatan yang kejap dulu nak buat, tak buat, akhirnya buatlah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Jadi, itu tak dibuka, jalan tu akan sentiasa tutup, tutup terus untuk kenderaan berat. Sebab itu, belum perlu lagi kita nak buat apa ni, *noise*, pengadang bunyi kat situ, eh. Kenderaan-kenderaan berat masih, Yang Berhormat Dato' Speaker, menggunakan pusat CIQ sedia ada iaitu di Tanjung Puteri. Setelah CIQ dirasmikan dan beroperasi, Kompleks CIQ hanya mengendalikan operasi ataupun perjalanan bagi kenderaan ringan seperti kereta dan motosikal serta bas-bas, bas-bas penumpanglah dan lori-lori kecil. Tapi, walau macam mana pun, pengadang bunyi ini akan, mesti kita binalah di kawasan tersebut nanti, macam saya cakap apabila, apa ini, CIQ sepenuhnya, maksud saya apabila nanti jambatan kedua siap. Kita kena buat, kerana di situ adalah laluan, bila siap ada jambatan kedua, di situlah laluan untuk kenderaan-kenderaan berat dan pengadang bunyi itu akan, akan dibina kelak, pada masa itu tapi bukan sekarang.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, ni dulu depan, Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita telah ambil maklum bahawa pembangunan CIQ ini telah melibatkan peruntukan yang cukup besar dan ianya telah menjadi satu mercu tanda yang baru dalam bandar raya Johor Bahru. Ini telah siap, sejak bulan 4 yang lalu dan telah dimaklumkan tadi akan dirasmikan pada 1 Disember, insya-Allah yang akan datang ini. Saya ingin tahu, sejauh manakah pembangunan *Short Term Access* ataupun *Medium Term Access* yang pernah dinyatakan satu masa dulu. Dan, pada masa yang sama juga, pembangunan yang besar ini melibatkan banyak bangunan ataupun plot-plot komersial, siapakah yang akan *maintain* ataupun menjaga dan berkuasa untuk menentukan penggunaan plot-plot komersial yang ada dalam CIQ ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, S.T.A. ataupun *Short Term Access* telah pun disimulasikan 2, 3 hari yang lalu. Buka, semua kenderaan lalu, *gradient* dia memang, memang tinggilah, saya akui agak tinggi tetapi setelah disimulasikan untuk jangka pendek, memang, walaupun mungkin ada sedikit kesesakan ataupun nampak sempit tetapi insya-Allah lah, sebagai satu *short term access*, dia akan dapat mengatasi masalah yang lebih besar iaitu masalah sangkutnya jambatan kedua. Kita semua masih, saya tidak tahulah yang lain, tetapi saya masih mimpikan jambatan kedua itu dibina suatu masa. Sebab itu pembinaannya struktur yang ada pun kalau kita tengok, dah ada pun semua siap semua strukturnya, sebab itu kalau tengok, macam ada jalan atas buat, putus. Itu pun satu produk yang baik untuk pelancongan. Kalau dapat diceritakan sejarah latar belakangnya, banyak produk yang baik dekat sini macam yang ADUN Kempas cakap. Dan…(ketawa) penyelenggaraan ini semua telah pun diswastakan. Diberikan kepada sebuah syarikat dan semua urusan bukan sahaja hendak menyewakan tempat-tempat komersial dan perniagaan kerana memang perbelanjaan ini adalah satu mega projek yang melibat, tetapi mega projek yang cukup teratur dan kalau kita tengok binaan

dalamnya pun saya dimaklumkan memang cukup cantiklah, seperti sebuah *airport* ya. Dia daripada CIQ itu kalau kita naik bas masuk dari Singapura, tiba di *check-in point* itu selepas kita dah cop dekat apa itu, pasport, kita boleh jalan turun untuk orang yang naik bas terus ke *Johor Central*. *Johor Central* satu *trans hub* untuk kenderaan termasuk bas, teksi dan juga kereta api, insya-Allah mungkin LRT dan sebagainyalah. Dan daripada situ pun kita boleh jalan terus sampai ke C.S. lah. C.S., C.S., saya pun tak tahu, apa anak muda yang cakap sekarang, C.S., C.S. ini, *City Centre*. *City Square*, *sorry*.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, *City Centre*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : *City Square*. Yang saya selalu teringat, *Lot One, Lot One, Lot One*.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada, bandar raya dah bukan dia punya, ya tak. Tak payah tanya dia lagilah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ha, panjang di situ eh. Dan semuanya daripada segi penyelenggaraan, selia senggara, *maintenance* umum, awamnya, kebersihannya akan dikendalikan oleh sebuah syarikat yang telah pun diberikan tugasan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Stulang. Saya kasi *chance*lah. Soalan awak.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Ok, terima kasih Dato' Speaker. Memang ini kawasan CIQ baru ini di dalam kawasan saya. Oleh sebab itu saya kena mengambil perhatianlah. Dan di sini saya ingin tanya, apakah garis panduan atau peruntukan undang-undang yang digunakan untuk menentukan pembinaan sesuatu pengadang bunyi atau *noise barrier*, dengan izin, umpamanya jarak jauh di antara jalan dengan rumah-rumah yang terlibat? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ambil catitanlah tentang pertanyaan. Saya akan rujuk kepada pakar undang-undang.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah. *L.A.* kita ada. Kalau tidak dia tak ada kerja nanti. Jadi, kita bagi dia kerja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kalau kita cakap salah, saya dirujuk kepada jawatankuasa pulak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Kejadian voltan berlebihan sering berlaku dalam Negeri Johor. Kejadian ini mengakibatkan peralatan elektrik pengguna di kawasan terlibat rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

a. Apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah voltan berlebihan?
b. Apakah bentuk bantuan atau pampasan yang diberikan kepada mangsa-mangsa di kawasan terlibat yang kerugian kerana peralatan elektrik mereka rosak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kejadian voltan berlebihan ini kebanyakannya adalah berpunca daripada kejadian kecurian peralatan, seperti *neutral bus bar*, dengan izin, sebanyak 468 kes, *incoming link*, dengan izin sebanyak 345 kes, *out going fuse*, dengan izin, sebanyak 393 kes, kabel sebanyak 12 kes dan *overhead cable*, dengan izin, sebanyak 2 kes. Kecurian yang berlaku adalah terutamanya di sekitar Johor Bahru, Johor Jaya dan Kulaijaya. TNB telah merekod kecurian peralatan dalam pencawang yang berlaku di Negeri Johor untuk setahun kebelakangan ini iaitu 1 September 2007 hingga 31 Ogos 2008. Sebanyak 1,220 kes dengan nilai kerugian sebanyak RM4 juta, lebih kurang RM4 juta.

Pihak TNB sentiasa memantau semua pencawang-pencawang elektrik yang berpotensi untuk dimasuki pencuri dan membuat rondaan berkala dan juga bekerjasama dengan pihak Polis bagi menyelesaikan masalah ini. Pihak TNB telah membuat jadual rondaan di tempat-tempat tersebut pada setiap hari:

i. Ini juga termasuk mengadakan jaga statik di pencawang pembahagian utama iaitu PPU dan juga sebahagian suis stesen, suis utama (SSU).
ii. Memasangkan *alarm* di sebahagian SSU.
iii. Memasangkan kawat berduri di bahagian bawah dalam pagar.
iv. Memateri skru-skru yang kelibatan *bus bar*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak TNB akan bayar pampasan apabila kejadian berpunca daripada kesalahan TNB selaras dengan Akta Bekalan Elektrik Seksyen 17(3).

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak TNB tidak bertanggung jawab jika berlakunya voltan berlebihan disebabkan pihak ketiga. Walau bagaimanapun, pihak TNB boleh menggunakan budi bicara untuk membayar pampasan atau *ex-gratia* terutamanya kepada pengguna-pengguna domestik jika ada aduan dikemukakan kepada pihak TNB. Bagi kes-kes voltan berlebihan, di mana pihak TNB bertanggungjawab sepenuhnya, bayaran ganti rugi akan dibayar kepada pengguna-pengguna yang terlibat. Kes-kes seperti ini selalunya akan disiasat oleh pihak Suruhanjaya Tenaga, jikalau ada aduan dari pengguna-pengguna mahupun pihak TNB untuk menentukan punca berlakunya kejadian voltan berlebihan. Selain daripada itu, pihak pengguna juga ada cara lain seperti

boleh mengajukan permasalahan kepada tribunal tuntutan pengguna. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Nusajaya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kebanyakannya voltan berlebihan ini, kalau kita lihat kecurian di sub-sub stesen TNB. Tidak adakah pemantauan dibuat untuk mengurangkan kecurian ini berlaku? Kalau kita tengok di sub stesen ini kadang-kadang pintu dia terbuka aje. Tak ada langsung pihak TNB kalau kata, Yang Berhormat EXCO tadi menyatakan pemantauan dilaksanakan, tak ada. Bukan itu sahaja, bahkan di sub-sub stesen ini kebanyakannya semak samun. Ini bukan sahaja mendatangkan kecurian pihak TNB, bahkan dari segi penyakit pun kita takut, nyamuk banyak di kawasan tersebut. Jadi, soalan saya, saya berharaplah tindakan apa yang perlu dilaksanakan untuk mengatasi voltan ini supaya tidak lagi berlaku kecurian di kawasan-kawasan perumahan khasnya. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Cadangan daripada Yang Berhormat daripada Nusajaya memang tepat. Saya akan buktikan bahawa pihak TNB…

Y.B. Dato' Speaker : Tepat eh, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tepat. Tindakan itu wajar diambil. Memang kita akan buat seberapa bolehnya dari pihak TNB. Dari segi statistik, jadi, statistik yang saya ada pada 2006, bilangan PMU masuk adalah 72, PPU ada 78, itu angka 2006. Bilangan pencawang sahaja di Negeri Johor ada 8,869, dan juga bilangan stesen suis ada 172 suis utama, bilangan stesen suis ada 392 dan kabel termasuk di atas dan di bawah di Negeri Johor kita ada jumlah 70,036 kilometer jauh kabel itu kita kena jaga. Tetapi walau bagaimanapun, kita cuba, kita akan cuba seberapa boleh untuk menentukan bahawa kecurian itu tidak berlaku, sering berlaku dengan kerjasama pihak Polis, dengan juga unit-unit lain seperti TM, Telekom dan juga SAJ. Tetapi adalah juga 10% itu daripada kelalaian TNB. Itu kita akan mengetatkan lagi cara kerja dia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah, jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8.

a. Berapa buah sekolah Tadika Agama Johor (TAJ) hingga tahun 2008?
b. Berapa gaji guru Tadika Agama Johor (TAJ) dan elaun pembantu TAJ?
c. Adakah Kerajaan Johor bercadang untuk menaikkan gaji guru TAJ sama dengan guru agama biasa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga Oktober 2008, sekolah Tadika Agama Johor atau ringkasnya TAJ berjumlah 194 buah dengan 293 orang guru. Guru-guru TAJ tidak dibayar gaji sebagaimana kelayakan yang diterima oleh guru-guru agama yang lain. Guru-guru TAJ hanya menerima elaun sebanyak RM300.00 sebulan. Sementara itu, tiada jawatan Pembantu TAJ diwujudkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan elaun guru TAJ sama dengan guru agama biasa.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Soalan yang telah timbul kira-kira setahun lepas, jumlah TAJ bagi Negeri Johor adalah kalau tak salah saya 214 tetapi telah menurun 194. Dan persoalan sekarang, saya ingin tahu, kenapa penurunan ataupun penutupan sekolah-sekolah TAJ daripada 200 lebih jadi 194. Dan juga, kalau kita bandingkan juga dengan gaji guru Tadika Perpaduan ataupun Tadika Kemas, gajinya RM800.00 hingga RM1,000.00. Tetapi di Johor, elaun guru TAJ adalah RM300.00. Saya tak nampaklah bagaimana dengan nilai RM300.00 itu boleh menyebabkan guru itu mengajar dengan terbaik kerana RM300.00 itu saya ingat, kalau sebulan hendak isi minyak, bukan habis, tak cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Lagipun susah mengajar agama ni.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Memang susah. Jadi, saya minta kepada kerajaan supaya mengkaji semula tentang gaji guru. Daripada RM300.00 supaya gajinya sama dengan gaji guru biasa. Kalau tidak, silap TAJ ini tutup sahajalah, kerana saya, ramai yang mengatakan bahawa TAJ di Johor ini hanya melepas batuk di tangga sahaja. Baik saya ingat ditutup sahaja lebih baik, kalau kita tidak mampu untuk membayar gaji, hanya RM300.00 sahaja. Jadi, saya minta kerajaan supaya mengkaji semula, dinaikkan gaji sehingga RM800.00 supaya menampung keperluan kehidupan hariannya, keadaan dan suasana ekonomi sekarang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Surat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tanjung Surat.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat setuju?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tak, saya nak beri penjelasan sedikitlah Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, TAJ

merupakan salah satu dari pilihan yang ada. Dan selain daripada TAJ, kita ada Tadika Kemas, kita ada Tadika Perpaduan, kita ada tadika-tadika swasta lain dan yang terbaru sekali ialah tadika yang diwujudkan oleh, ataupun pra sekolah, yang diwujudkan oleh pihak Kementerian Pelajaran sendiri. Jadi, sudah tentulah ibu bapa mempunyai pilihan Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam keadaan ini, sudah tentu dia punya katakan dia punya persaingan itu agak hebat jugalah. Jadi, sudah tentulah ada naik turun dia.

Y.B. Dato' Speaker : Tak naik lagilah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan gaji yang selama ini yang saya katakan tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, guru-guru TAJ ini kita hanya bagi elaun. Dia tidak ada skim perkhidmatan tersendiri seperti skim perkhidmatan yang diberikan kepada guru-guru lain seperti yang dimaksudkan, Kemas dan juga pra-Sekolah oleh Kementerian Pelajaran. Jadi, sebab itulah kita bagi elaun sebanyak RM300.00 sahaja. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak kerajaan telah memutuskan bahawa yuran yang dikenakan kepada murid-murid ini sebanyak RM40.00 seorang.

Y.B. Dato' Speaker : Dikenakan kepada siapa? Ibu bapa ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Daripada sekolah ini, ibu bapa, ibu bapalah kena bayar.

Y.B. Dato' Speaker : RM40.00?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ya RM40.00. RM40.00 ini kita bagikan satu untuk pengurusan, separuh pengurusan, separuh lagi untuk makanan anak-anak mereka semasa berada di tadika. Dan sebahagian itu, untuk pengurusan diambil daripada itu untuk bayar gaji dia sedikit dalam RM100.00 atau RM200.00, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi itu merupakan tambahan. Namun demikian Dato' Speaker, kita sedar memanglah kalau nak kirakan RM300.00 itu tidak cukup, tidak dapat banyak kita buat.

Y.B. Dato' Speaker : Naikkanlah sikit.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tapi kalau kita nak naik boleh, tetapi mesti ada asas-asasnya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Agama beratkan, Agama ni berat Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang KEMAS ini, pihak kerajaan sedang melatih mereka untuk mengikuti kursus Diploma. Jadi, kita pihak Jabatan Agama Johor juga sedang mengambil langkah-langkah tersebut. Dan sekarang ini kita sedang mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dengan ko-kurikulum dia, berkaitan latihan, berkaitan dengan kelayakan dan sebagainya supaya kita ada justifikasi untuk mengambil tindakan menaikkan gaji mereka.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih jawapan tadi. Tetapi kalau kita lihat daripada elaun RM300.00 tadi dia dah termasuk dalam Program Miskin Tegar, Yang Berhormat Dato' Speaker patut dibantu. Untuk makluman, saya rasa dalam perbahasan Dewan ini yang lepas, saya dah kemukakan masalah elaun TAJ ini. Dan, kalau jawapan Yang Berhormat Dato' Pengerusi tadi akan dikaji semula. Jadi, sepanjang yang lepas sampai ke hari ini, apakah yang dah dibuat, masih dalam kajian ke? Dan saya nampak daripada awal jawapan tadi seolah-olah TAJ ini pilihan terakhir, ini saya rasa sedih sangat. Jadi, kita harap sesuailah agama Islam sebagai agama rasmi, lebih-lebih lagi Johor adalah pelopor kepada pengajian agama Islam. Saya ingat tak ada masalah untuk apa, Jabatan Agama atau Majlis Agama Islam untuk meningkatkan elaun TAJ ini, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat di Bukit Serampang. Kita ambil maklum tentang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Dan sebagaimana yang saya katakan tadi, kita mengumpul maklumat tentang hal ini dan insya-Allah...

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah, mudah-mudahan naiklah tahun depan. Tak banyak pun sikit. Oklah.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Soalan tambahan, kita ambil maklum bahawa Negeri Johor bangga dengan kejayaan sekolah agamanya. Dan TAJ ditubuhkan adalah atas inisiatif Kerajaan Negeri Johor itu sendiri. Berikutan permintaan dan jua kemampuan yang ada. Saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Serampang bahawa kita tidak mahu dilihat TAJ ini sebagai pilihan yang terakhir. Saya hendak tahu, bahawa selain daripada gaji pihak pengajar yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran, berapakah peruntukan yang diperuntukkan untuk kelas-kelas TAJ ini, khususnya untuk pembangunan mereka. Kerana sebahagian daripada kelas-kelas ini berada bukan dalam kawasan sekolah agama. Berapakah yang diperuntukkan? Adakah dengan RM40.00 itulah untuk gaji, itu untuk makan, itu untuk membetulkan. Saya rasa sudah tiba masanya perkara ini diperbetulkan dan diambil tindakan dengan sewajarnya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta maaf, saya tiada maklumat tentang peruntukan ini. Tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat Dato' Speaker, pada peringkat awal kita melancarkan TAJ pada tahun 2001, ke semua kelas-kelas ini dijalankan di bangunan sekolah agama itu sendiri. Tetapi oleh kerana ada keperluan dan bilangannya meningkat dan sejak tahun 2003, kita mula membina ataupun bangunan-bangunan sekolah agama yang kita bina itu kita masukkan peruntukan untuk kelas-kelas TAJ ini. Dan setakat ini Yang Berhormat Dato' Speaker, sebanyak 12

buah sekolah yang telah menyediakan kelas khusus untuk TAJ ini. Jadi, maknanya kita bukanlah tidak mengambil apa-apa tindakan langsung Yang Berhormat Dato' Speaker. Memang saya cukup bersetuju dengan pandangan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bangkitkan perkara ini. Dan kita akan ambil tindakan dan saya pun dah mengeluarkan arahan-arahan tertentu supaya kita dapat pertingkat. Kita tidak mahu sebagaimana yang dinyatakan TAJ ini merupakan pilihan terakhir kepada ibu bapa. Walaupun kita sedar sekarang ini ada beberapa pilihan-pilihan lain, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, jemput.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 9.

Saya ingin penjelasan akan langkah-langkah yang telah diambil ataupun akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk baik pulih Jalan Kota Tinggi/Mersing? Apakah yang menjadi halangan kepada penyelesaian masalah kerosakan ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jalan Kota Tinggi-Mersing, panjangnya lebih kurang 90 km. Yang rosak teruk adalah ialah antara km 85 hingga 86 yang rosak teruk, sebelum simpang Tenggaroh. Untuk maklumat inilah, kos-kos projek ini pada asalnya ialah RM1.2 juta tetapi bila siap sepenuhnya jalan siap dibina bila di *upgrade*kan kosnya sebenarnya adalah sebanyak RM1.6 juta. Projek ini bermula dulu pada tahun 2007 bulan Mac, siap bulan 8, 2007 juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jalan ini telah mengalami kerosakan teruk, yang 1 km *stretch* tu, yang saya sebut tadi setelah dibuka kepada lalu lintas. Dan daripada hasil kajian yang dijalankan, sebab utamanya ialah didapati kerana bahan asas diguna ataupun *crusher run* dengan izin. Yang diguna itu dalam keadaan tidak mengikut, tidak sempurnalah iaitu batu yang tidak cukup tualah kalau nak senang cakap. Di mana ia sentiasa lembap bila terkena air, sebab itu jalan itu pecah. Oleh yang demikian, JKR telah pun mengarahkan kontraktor yang berkenaan untuk membaiki kerosakan jalan di lorong memotong tersebut dengan menukar semula lapisan asas jalan ataupun *crusher run* dengan bahan yang mengikut spek dan kerja-kerja dijangka insya-Allah dapat siap sebelum akhir tahun ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, selesai. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama ini.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih di atas sudinya pihak Yang Berhormat Dato' Speaker memberi ruang dan peluang sekali lagi kepada saya untuk menyambung perbahasan yang disambung daripada hari semalam. Semalam Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memperkatakan tentang kebobrokan sistem kapitalis dan juga cadangan pakar ekonomi barat yang mencadangkan satu istilah baru yang berkaitan *creative capitalism.* Dan, ini semua adalah untuk mengaburi mata masyarakat. Dan semalam juga saya mencadangkan satu sistem perbankan Islam dan perkhidmatan yang harus diberi. Perhatian oleh Kerajaan Negeri Johor khususnya dengan mendirikan pusat, institusi ataupun sekretariat khas untuk membicarakan tentang perkara itu. Dan saya juga mengatakan bahawa sistem Islam adalah merupakan sistem yang baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam produk yang ada di pasaran pada hari ini. Produk Islam yang berkaitan perbankan pinjaman dan sebagainya, sebenarnya ia memperlihatkan bahawa sistem perbankan Islam itu tidak begitu sesuai dengan keadaan semasa, walaupun sebenarnya Islam itu adalah syumul dan juga mampu dijadikan satu sistem alternatif. Saya ambil contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, yang berkaitan tentang akad jual-beli, Bai Bithamil Ajil ataupun Murabahah yang mengenakan satu *fixed rate*. Dan, apabila kadar faedah sekarang ini diturunkan maka peminjam yang menggunakan sistem ini mengalami masalah. Ini sebenarnya produk satu lagi adalah berkaitan tentang akad Musharakah Mutalaqisah dan Bai Bithamil Ajil yang sebenarnya adalah merupakan produk yang agak fleksibel dan ianya boleh digunakan. Malah macam tadi yang berkaitan dengan Bai Bithamil Ajil jikalau ia menggunakan kadar *fixed rate*, ia akan merugikan peminjam tetapi dalam Islam sebenarnya ada satu sistem yang dikatakan sistem rebet sistem Ibra' yang boleh digunakan masyarakat dan tentunya perkara ini harus diperhalusi oleh pakar-pakar Islam kewangan untuk memastikan bahawa kewangan Islam itu adalah merupakan satu sistem alternatif yang boleh digunakan dengan sistem kewangan yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejarah ataupun dalam bahasa Inggerisnya *History* berasal daripada perkataan Yunani Purba, yang berbunyi Historia yang membawa maksud penyelidikan. Ini bermaksud seseorang perlu membuat penyelidikan mengenai proses sejarah berkaitan sesuatu peristiwa lampau yang ingin disentuhnya. Sejarah wajar dijadikan guru. Sejarah mesti menjadi tenaga penyedar bagaimana kita membina negara yang bersatu, membina permuafakatan masyarakat dan membina semangat patriotisme terhadap negara. Keunikan dan keistimewaan sejarah negara sewajarnya dapat memperluas wawasan dalam perspektif yang luas ke arah membentuk negara bangsa yang dapat menyinar dan menyumbang kepada peradaban dunia. Sejarah juga merupakan rakaman, maklumat mengenai peristiwa yang sememangnya berlaku pada waktu lampau dan peristiwa lampau ini

membentuk proses perjalanan sesuatu peristiwa. Ia adalah rakaman peradaban dan warisan sesuatu bangsa. E.H CARR sejarawan barat menegaskan "sejarah adalah satu proses interaksi berterusan antara ahli sejarah dengan faktanya". Zainal Abidin Abdul Wahid di dalam bukunya "Kepentingan Sejarah DBP 1958, menjelaskan, "sejarah membolehkan kita memeriksa, mengambil pengertian dan menimbangkan sesuatu perkara itu dengan lebih saksama dan sempurna. Sejarah juga boleh menjadi penunjuk dan pemandu kita." Itulah sebabnya kita harus faham tentang sejarah, sejarah bukannya mitos.

Kontrak sosial adalah sejarah yang harus kita semua fahami dan tidak boleh dipersoalkan. Kontrak sosial adalah asas untuk membina sebuah bangsa Malaysia. ia telah berevolusi selama 50 tahun walaupun belum berupaya membina satu bangsa Malaysia. Tetapi telah terbukti berjaya mempertahankan keharmonian etnik di negara ini. Sejarah menunjukkan betapa pengorbanan orang Melayu memberikan kerakyatan kepada kaum bukan Melayu yang diperjuangkan oleh MCA, yang ditubuhkan pada tahun 1948 untuk mendapatkan persamaan hak kerakyatan atau sekurang-kurangnya kelonggaran syarat untuk mendapatkannya seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Hasilnya, soal kerakyatan dirujuk kepada Majlis Perundingan Kaum yang anggotanya terdiri daripada wakil-wakil Melayu dan juga bukan Melayu yang telah pun memberikan kerakyatan kepada 650,000 orang Cina. Abdul Hamid Musa, Darurat di Kedah 1948-1960, UKM 1974, halaman 260 dan ia tidak diterbitkan mengatakan bahawa, "tidak lama selepas Merdeka, persetujuan tercapai antara pemimpin Melayu (UMNO) dengan MCA dan juga MIC yang telah memberikan taraf warganegara kepada 1.1 juta orang Cina dan 80,000 orang India". Tidak ada rahmat paling besar bagi kaum bukan Melayu ketika itu selain daripada taraf kerakyatan. Pemberian taraf ini bermakna kedudukan sosial dan politik seseorang bukan Melayu itu adalah sama dengan kaum Melayu menikmati segala aspek kehidupan di negara ini. Dalam persetujuan tersebut, orang Melayu mengiktiraf kehadiran orang bukan Melayu dengan memberikan kerakyatan. Orang Melayu pula diiktiraf atas keperibumian mereka dalam bentuk hak istimewa seperti Agama Islam Agama Rasmi, dan Raja-Raja Melayu yang berdaulat. Malangnya, sesetengah pihak yang berpendirian kiri dari kaum bukan Melayu tidak mengakui hakikat di atas. Ditambah pula wujudnya watak Si Kitol dan Raja Mandalia dalam kaum Melayu itu sendiri yang membantu usaha pihak kiri tersebut.

Kita haruslah sedar dan insaf untuk mempertahankan permuafakatan yang ada ini. Kedudukan Bahasa Kebangsaan, Perkara 152, Agama Persekutuan, Perkara 3, serta kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera, Perkara 153 yang merupakan sebahagian unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Negara yang tidak wajar sewenangnya dikaji semula dengan tujuan menghapuskan atas alasan mahu mewujudkan kesamarataan dengan kelompok etnik lain. Saya ingin menegaskan di sini, kesamarataan *(equality)* tidak semestinya membawa kepada keadilan *equity*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam, Adun Maharani telah menyebutkan bahawa beliau tertarik dengan Ketua Menteri Pulau Pinang kerana telah menjadikan Khalifah Umar Abdul Aziz sebagai contoh dalam gerak kerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, siapakah yang dikatakan tentang Khalifah Umar Abdul Aziz. Khalifah Umar Abdul Aziz kalau dilihat dari segi sejarahnya adalah merupakan mempunyai keturunan dengan Saidina Umar Al-Khatab. Dia memerintah Bani Umaiyah yang ditubuhkan oleh Muawiyah Abi Sufian. Dia memerintah selama 2 tahun sahaja iaitu pada 99 sehingga 101 Hijrah. Khalifah Umar Abdul Aziz adalah di antara beberapa Khalifah Bani Umaiyah yang cukup terkenal.

Tetapi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tertarik dengan Ketua Menteri Melaka. Hanya sekadarkan cuma retorik politik berasaskan bicara. Pulau Pinang, Melaka pula...

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, sebut ye.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, (Dewan ketawa). Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi kita tidak pernah pun terutamanya dari Maharani mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor telah mencontohi apa yang telah dilakukan oleh Saidina Umar ataupun Khalifah Umar Abdul Aziz dalam usaha untuk membangunkan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara kegemilangan yang telah dilakukan di dalam zaman Khalifah Umar Abdul Aziz ialah yang pertama, dia menyama tarafkan di antara orang Arab dengan bukan Arab, menyamakan orang Arab dengan bukan Arab yang dikatakan orang Ajja. Orang Arab dengan orang bukan Arab ini syahdahnya sama tetapi, hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, antara kita orang Ajjam bukan Arab, sesama syahadah kita mentafsirkan antara satu sama lain. Tetapi kita sanggup berkongsi dengan orang lain yang jelas tidak memperjuangkan Islam. Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, di zaman Khalifah Umarlah, Umar Abdul Aziz lah maka, Bahasa Arab itu telah dijadikan sebagai bahasa rasmi. Seperti hari ini, Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa rasmi Malaysia. Di Pulau Pinang, nak ikut contoh Umar Abdul Aziz ditukarkannya semua papan tanda dengan digantikan dengan Bahasa Mandarin ataupun Bahasa Tamil. Adakah ini yang dikatakan tertarik dengan Khalifah Umar Abdul Aziz?

Satu perkara lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, yang dilakukan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz adalah dengan memastikan tanda-tanda bacaan di dalam Al-Quran yang ada pada hari ini, yang kita lihat pada hari ini ianya adalah di kuat kuasa pada zaman Umar Abdul Aziz. Dan, di dalam zaman Umar Abdul Aziz juga dibina sekolah, dibina jalan raya, memperkembangkan kesusasteraan, memperkembangkan ilmu, menjadikan masjid itu sebagai pusat perkembangan ilmu. Dan, ini sebenarnya dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat dulu guru agama ke?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Tak de, Dato' Speaker, tetapi oleh kerana kita belajar...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Kita perlu belajar seperti apa yang disuruh oleh Umar seperti Umar Abdul Aziz yang mengembangkan ilmu dan hari ini kita mendapat ilmu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, macam tazkirah. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang ingin saya jelaskan di sini bahawa sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional di Johor ini sebenarnya haruslah menjadi contoh yang terbaik yang menuruti jejak-jejak pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz. (Dewan bertepuk).

Dan di sini juga saya ingin mengesyorkan agar kita semua memahami sejarah. Jikalau kita tidak faham tentang sejarah, inilah kita apabila kita tidak faham tentang faktanya, tidak faham apa yang berlaku dan akhirnya, kita tertarik dengan retorik individu yang akhirnya kita terpesong dari segi perjuangan kita untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara. Dan, saya mengesyorkan agar mata pelajaran Sejarah dijadikan satu mata pelajaran wajib di pelbagai peringkat peperiksaan di negara ini tidak kira UPSR, PMR, SPM ataupun STPM. Dan, saya juga ingin mengesyorkan agar mereka-mereka yang ingin memasuki IPTA haruslah dilihat dari segi kelulusan kertas peperiksaan Sejarah. Dan, di peringkat IPTA, kita juga mencadangkan, saya juga ingin mencadangkan agar kertas Sejarah itu hendaklah diwajibkan. Bukanlah dalam waktu ketika ini, *paper* Sejarah hanya sekadar perkara elektif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tadinya walaupun TAJ telah pun disentuh dan juga dijawab oleh EXCO dan juga telah dibangkitkan oleh beberapa rakan daripada Bukit Serampang, Semarang dan Tanjung Surat, saya menyokong apa yang telah pun disuarakan oleh mereka ini dan saya ingin juga menegaskan sekali lagi agar sekolah-sekolah ini terutama TAJ berkaitan tentang kebajikan guru dapatlah dipertahankan dan juga dapat dinilai semula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Agama Johor ataupun Sekolah Tadika Agama Johor ataupun TAJ sebenarnya diasaskan di Johor ini pada tahun 2001 dan beroperasi di beberapa buah Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor yang terpilih. Program pendidikan pra-Sekolah ini merupakan satu program pendidikan yang menitikberatkan perkembangan murid secara menyeluruh, bersepadu, seimbang sebagai persediaan diri untuk menghadapi alam persekolahan. Seperti yang telah dinyatakan oleh EXCO tadi, sehingga Oktober 2008, terdapat 194 buah Sekolah TAJ dengan 293 orang guru.

TAJ ini sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, mempunyai potensi besar sebagai alternatif kepada Program pra-Sekolah yang lain. Ditambah pula dengan keistimewaan dan keupayaan pelajarnya mahir asas al-Quran, Jawi dan Fardu Ain. Berpotensi pula untuk menguasai asas Bahasa Inggeris, Bahasa

Arab, apatah lagi bahasa ibunda. Malangnya kecemerlangan pelajar ini tidak selari dengan kebajikan yang wajar diperolehi oleh guru-guru TAJ ini yang sanggup berkorban masa dan juga tenaga. Elaun yang diperolehi oleh mereka ini sekadarkan cuma RM300.00. Tadi, Bukit Serampang ada mengatakan bahawa mereka ini mungkin tergolong dalam miskin tegar. Miskin tegar PJK, miskin tegar adalah RM490.00. Miskin RM690.00. Maknanya dia di bawah miskin tegar. Jadi, saya ucapkan tahniahlah kepada Jabatan Agama Pendidikan kerana menyumbang sejumlah 293 orang sebagai menambah orang yang miskin tegar di Negeri Johor. Kita harus memikirkan sesuatu kerana amat malang bagi individu yang cuba untuk meningkatkan syiar Islam di Negeri Johor sebenarnya. Jadi, inilah sebenarnya yang harus kita faham agar guru-guru Tadika TAJ ini dapat diselaraskan dengan guru-guru Tadika Kemas dan juga Perpaduan. Gaji pokoknya kalau Tadika Kemas dan juga Perpaduan gaji awalnya gred N11 P1T1 RM525.62 dan juga sampai hadnya P1T22 RM1296.36. Ini belum lagi di campur dengan Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Bonus Tahunan dan Elaun Sara Hidup. Ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon agar pihak Pendidikan Agama melihat tentang perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perubahan hari persekolahan Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor ataupun dikenali sebagai Sekolah 2-3 yang dicadangkan oleh Jabatan Agama Johor bertujuan untuk memaksimumkan kegunaan ruang bilik darjah yang terhad, mengurangkan tekanan ibu bapa berkaitan kos, mengatasi masalah kekurangan guru dan beberapa objektif lain yang dilihat bersesuaian untuk meneruskan pembelajaran agama dengan kekangan yang ada. Perubahan yang dibuat dengan mengambil beberapa buah sekolah sebagai sekolah perintis pada tahun 2008 difahamkan ianya akan diteruskan untuk pembelajaran dan pengajaran pada tahun 2009. Saya telah didatangi oleh ramai ibu bapa dan juga, saya juga secara tidak langsung telah bertanyakan tentang prestasi dengan guru-guru yang ada. Penemuannya ialah hampir keseluruhan ibu bapa tidak bersetuju dengan perubahan waktu ini dengan alasan P&P ini tidak berlaku seperti yang diharapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bayangkan, pelajar kebanyakannya tahap dua tidak dapat mengikuti P&P, Pembelajaran dan Pengajaran pada masa yang pertama daripada pukul 2:00 hingga 2:30. Dia tamat sekolah rendah pada pukul 12:30. Itu belum ditambah lagi dengan tuisyen yang dilakukan oleh pihak guru yang selalunya ada dalam seminggu 2, 3 kali dan anak-anak ini perlu balik pada 1:30. Bayangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan setengah jam ini maka mereka perlu makan, perlu solat, tukar pakaian dan masa perjalanan ke sekolah. Ini tidak mengambil kira lagi berkaitan tentang keupayaan pelajar itu untuk menyerap ilmu dari guru setelah berada di sekolah rendah dan juga agama yang bermula dari pukul 6:30 pagi hingga 6:30 petang. Patutlah Yang Berhormat Dato' Speaker, pelajar-pelajar Melayu ini tidak cemerlang. Sebab kita juga yang membantu menyumbang ke arah ketidakcemerlangan orang-orang Melayu.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mencadangkan, penilaian semula haruslah dibuat terhadap pelaksanaan ini dan mengembalikan waktu persekolahan seperti biasa. Itu yang pertama. Yang kedua, saya juga ingin

mencadangkan jikalau terdapat perubahan yang ingin dicadangkan oleh Jabatan Pendidikan Agama berkaitan tentang sesuatu perkara hendaklah melantik satu panel profesional yang terdiri daripada mereka-mereka yang mahir berkaitan tentang pendidikan, ahli-ahli kaunseling, ahli-ahli yang lainnya psikologi untuk melihat tentang kesan yang akhirnya nanti memberikan sesuatu yang tidak baik kepada anak-anak kita. Kita ingin menyelesaikan satu perkara tetapi sebenarnya kita telah merosakkan perkara-perkara yang lain.

Di Segamat, Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada 105 orang yang kita telah pun membuat penyelidikan, hanya 4 orang sahaja yang setuju. 101 tidak setuju dengan perubahan waktu 2-3 yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri ini. Kita faham banyak kekangan-kekangan yang berlaku tetapi penyelidikan juga haruslah dibuat untuk memastikan bahawa anak-anak kita ini tidak akan tercicir dari segi pelajaran yang dilakukan oleh mereka. Kita harapkan mereka ini menjadi pewaris kita, diharapkan mereka ini faham tentang al-Quran dan sebagainya, tetapi, yakin dan percayalah dengan sistem ini sebenarnya kita dapat mengurangkan sesuatu perkara lain, tetapi dari segi ilmunya saya yakin bahawa anak-anak ini tidak akan dapat menyerap kerana tidak ada kesinambungan dari segi pembelajaran yang berlaku ke atas mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di daerah Segamat terdapat banyak rizab-rizab yang telah pun dirizabkan, digazetkan kepada jabatan-jabatan kerajaan khususnya kepada, kepada jabatan Persekutuan, contohnya, Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan, Penerangan dan sebagainya. Tetapi pejabat-pejabat ini, tanah-tanah ini tidak dibangunkan. Saya ambil contoh satu Yang Berhormat Dato' Speaker, Pejabat Imigresen Segamat, Pejabat Imigresen Segamat mula beroperasi pada 2 Februari 1999 dengan kakitangan seramai lima orang pegawai, dengan keluasan pejabat, dengan keluasan pejabat hanya 1,020 kaki persegi dan berlaku proses penambahan sehingga menjadikannya kepada 20 orang pegawai. Dan kita harapkan bahawa Kerajaan Pusat boleh memikirkan agar Pejabat Imigresen Segamat ini melalui tanah yang ada dapat dibangunkan. Kalau ikut perangkaan pada tahun 2003, pelanggan 3,619 sehingga 2007, ianya melonjak kepada 11,077 orang. Dan pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan tahun 2003, RM1.4 juta, dan pada tahun 2007, RM2.6 juta. Dan sebenarnya masyarakat Segamat mengharapkan agar Pejabat Imigresen ini dapat beroperasi dengan sebaiknya dan juga dibina satu pejabat yang bersesuaian untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kerana orang-orang Segamat terpaksa pergi ke Batu Pahat, pergi ke Melaka, pergi ke Johor Bahru untuk memperbaharui visa, memperbaharui pasport dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa dah 20 minit.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Sikit lagi Dato' Pengerusi. DUN Kemelah, kami bermisikan padi tidak berbekal lalang, kerbau tidak berpanas di ladang, yang bermatlamatkan salah satunya menjadikan kawasan yang lengkap dengan kemudahan yang seimbang. Di sini, saya bagi pihak DUN Kemelah, warga DUN Kemelah ingin menyatakan ucapan terima kasih yang mendalam

kepada Kerajaan Negeri kerana hasrat dan juga cita-cita kami terutamanya peneroka di FELDA Redong untuk melihat jalan penghubung dua negeri antara Johor dan juga Pahang telah menjadi kenyataan. Kerja-kerja awal telah bermula pada 12 Oktober 2008 melibatkan jalan sepanjang 12 kilometer, 9 kilometer di dalam bahagian Johor dan 3 kilometer dalam Negeri Pahang. Lebar jalan 6.1 meter dan terdapat sebuah jambatan di atas Sungai Juaseh di sebelah Negeri Johor. Projek ini juga termasuk dalam program Bajet 2009 di bawah Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor dengan agensi pelaksananya JKR Negeri Johor, projek nombor 1 Lampiran S 1-3. Dengan anggaran kos RM23 juta manakala jangka masa pelaksanaannya selama dua tahun.

Tuntutan terhadap pembangunan DUN Kemelah juga melibatkan permohonan pembinaan segera Sekolah Agama Kampung Pogoh. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah membangkitkan banyak kali berkaitan tentang pembinaan Sekolah Agama Kampung Pogoh ini. Permohonannya bermula pada tahun 1971, masalahnya berkaitan tentang tanah dan alhamdulillah, dalam tempoh beberapa tahun ini tanahnya telah diselesaikan dan kita mohon agar keutamaan harus diberikan untuk membina Sekolah Agama Kampung Pogoh 2 ini. Selain daripada itu juga Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan yang berkaitan dengan Sekolah Agama Taman Pelangi, Sekolah Agama Bukit Siput, Sekolah Agama Kampung Melayu Raya. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menanyakan status permohonan pembinaan masjid di Bandar Putra yang telah dibangkitkan berulang kali oleh saya di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Akhirnya.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Belum lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis ni.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : 5 minit lagi Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, dewan, dewan pulak, Masjid Bandar Putra ini dipohon pada tahun 2003. Saya bangkitkan di Dewan ini pada tahun 2004 telah mendapat jawapan, kalau ikut pada verbatim Exco yang berkaitan menjawab bahawa masjid ini akan dibina pada tahun 2008. Apabila saya tanya semula dikatakan bahawa permohonan untuk masjid ini tiada, dirujuk kepada Pejabat Agama Segamat, fail yang ada telah hilang. Jadi, kita tidak faham bagaimana perkara-perkara ini boleh berlaku. Dan saya mengharapkan Pejabat Agama, Exconya melihat tentang perkara ini dan saya nak tanya status pembinaan Masjid Bandar Putra, sudah sampai mana dari segi kemajuan dan juga kita masyarakat yang ada di Bandar Putra di DUN Kemelah mengharapkan dan juga menuntut janji seperti apa yang dikatakan oleh Exco yang berkaitan.

Akhirnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, mutakhir ini iaitu di dalam era globalisasi menyaksikan pertarungan sengit antara umat di seluruh dunia dalam berlumba mencipta kemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan sejagat.

Kehadiran globalisasi tidak wajar diremehkan oleh umat Islam. Sepatutnya kita harus bersedia menghadapinya dengan bijaksana dan rasional berpaksikan iman dan ilmu. Sebenarnya, globalisasi ini membawa bersama nilai perilaku yang tidak seiring dengan Islam sehingga boleh menghadirkan krisis sosial di kalangan umat Islam. Ia juga membawa bersama ideologi dan pemikiran, yang kononnya cuba untuk menyamaratakan hak bahawa setiap individu mempunyai hak asasi masing-masing. Konsep demokrasi disalahertikan. Slogan 'Bersih dan Ketelusan' di jaja. Bertentangan ideologi dan perjuangan ditunjukkan melalui kebencian dan hasutan melalui blog-blog, laman web dan pelbagai *medium* teknologi. Kerajaan yang ada, yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya yang sah cuba dijatuhkan dengan melamar mereka agar mereka bertukar sama. Pelopor kepada gerakan ini terdiri daripada orang Melayu, yang dikatakan beragama Islam. Sewajarnya mereka ini mendukung Kerajaan Melayu ini yang juga beragama Islam, semakin kukuh bangsa teras dengan faktor Islamnya maka semakin teguh amalan baik yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Justeru, umat Islam perlu membangunkan kekuatan ummah. Mereka tidak sepatutnya lagi bersengketa, bermasam muka, berpecah belah, menuding jari, mencetuskan huru-hara dan mengeruhkan keharmonian masyarakat majmuk. Seharusnya kita menjalinkan ikatan persaudaraan kukuh lagi akrab, menunjangi kekuatan kerajaan Melayu Islam ini, mendepani cabaran globalisasi serta memancarkan citra sebagai umat Islam yang cemerlang lagi terbilang, dilingkari nilai kebaikan dan keadilan Islam kepada seluruh warga alam. Saidina Abu Bakar As-Siddiq mengatakan, kekuatan umat bukan kerana ramainya, tetapi kerana kukuhnya ikatan dan satu matlamat. Allah berjanji dalam firmannya yang bermaksud, 'wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela agama Allah, nescaya Allah membela kamu demi untuk mencapai kemenangan dan meneguhkan tapak pendirian kamu'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Perbahasan lagi. Mana dia?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak nampaklah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan sesi Bajet 2009. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas pembentangan Bajet 2009 yang merangkumi pelbagai aspek. Walaupun bajet ini merupakan bajet defisit, keutamaan untuk menghadapi cabaran memelihara kesejahteraan rakyat sebagai tema bajet, sudah tentu akan memanfaatkan rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, aspek pembangunan pembasmian kemiskinan, pembangunan sosial ekonomi, pendidikan, alam sekitar dan kesihatan dan mengurangkan jurang perbezaan antara rakyat berbilang kaum, diberi tumpuan khas dalam bajet ini. Landskap ekonomi dunia telah mula berubah dengan krisis ekonomi yang mungkin akan menjadi lebih buruk dan merosakkan, kemerosotan akan merebak ke banyak negara, dan negara kita juga tidak akan terlepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan peruntukan RM7 bilion bagi merangsang sektor pembinaan industri kecil, sederhana serta melaksanakan projek-projek membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap perbelanjaan rakyat. Strategi Bajet 2009 merupakan daya tahan ekonomi negeri dan rakyat, mengarah potensi sumber manusia, meningkatkan tahap dan kualiti hidup serta kesejahteraan rakyat dengan memperuntukkan sebanyak RM230.05 juta bagi peruntukan pembangunan, sudah tentu akan membantu rakyat Johor untuk menghadapi cabaran kegawatan ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tsunami ekonomi ini sudah tentu akan mengadakan impak secara langsung ke atas penduduk terutamanya pekerja. Negeri Johor sudah tentu akan merasa kesan yang lebih teruk kerana dianggarkan lebih dari 150,000 hingga 300,000 rakyat Malaysia bekerja di negara jiran. Saya difahamkan majoritinya tinggal di Negeri Johor dan ulang-alik setiap hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bajet Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menyentuh perkara ini, yang mana rakyat Negeri Johor sedang bekerja di Singapura dalam sektor-sektor sensitif seperti bidang pembuatan dan elektronik. Kemungkinan besar pekerja-pekerja dalam sektor ini, seperti, sektor-sektor seperti ini akan hilang pekerjaan atau pendapatan mereka akan dikurangkan kerana tiada peluang untuk bekerja lebih masa. Mereka yang menikmati pendapatan yang lumayan, pekerja-pekerja kilang di Singapura, purata mendapat tidak kurang daripada S$1,500.00 ataupun hampir RM4,000.00. Jika *skill worker* ataupun pekerja mahir, pendapatan mereka tidak kurang daripada S$4,000.00

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ya, lebih juga, ada juga.

Y.B. Dato' Speaker : Besar dari gaji Yang Berhormat.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Lebih besar dari gaji kita. Biasanya mereka ini mempunyai kehidupan mewah dengan rumah kos tinggi.

Y.B. Dato' Speaker : Mewah ya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Dan kereta berharga tinggi kerana pendapatan mereka adalah tinggi. Yang Berhormat Dato' Speaker, ramai daripada mereka ini terikat dengan pelbagai komitmen kewangan

seperti bayaran ansuran rumah, kereta dan peralatan rumah. Apabila mereka hilang pendapatan, mereka akan menjadi *instant pauper*, dengan izin, seperti yang mendapat loteri yang menjadi *instant millionaire*, mereka yang menghilang kerja akan menjadi *instant poor*. Mereka ini akan menghadapi banyak masalah kewangan dan akan senang menjadi mangsa kepada Ah Long.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita masih ingat dalam masa kegawatan ekonomi tahun 97, 98, ramai yang bekerja di Singapura telah menganggur, dan itulah masanya perniagaan Ah Long sangat berleluasa. Sebenarnya, sebelum itu istilah Ah Long itu tidak begitu popular dan tidak diketahui orang. Selepas kegawatan 97, ramai keluarga yang telah meminjam daripada Ah Long-Ah Long ini, belum terlepas dari perikatan mereka. Mereka masih menjadi mangsa kepada mereka.

Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Speaker, bank-bank telah mengurangkan faedah bagi pembelian rumah baru dan memberi peluang bagi mereka, untuk mengurangkan bayaran ansuran pinjaman perumahan yang tinggi dengan menstrukturkan semula perjanjian-perjanjian untuk mengurangkan bayaran ansuran.

Ini sudah tentu akan membantu golongan yang terlibat dalam krisis ini. Tetapi saya tidak tahu kemudahan seperti ini dapat dipanjangkan oleh institusi kewangan *finance companies* dengan izin, supaya pinjaman bagi pembelian kereta dan motosikal boleh dapat juga dikurangkan dengan menstruktur semula perjanjian-perjanjian. Jika tidak, saya cadangkan supaya fasiliti ini diamalkan oleh *finance companies.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana menubuhkan satu unit khas bagi menurunkan iklan-iklan yang telah dipaparkan oleh Ah Long-Ah Long ini. Tetapi apa yang kita dapat tahu, pagi unit khas ini menurunkan iklan, petang sudah pasang balik. Saya minta supaya pihak PBT juga mengambil tindakan sepanjang masa. Janganlah putus asa tetapi teruskan supaya kita boleh membanteras iklan-iklan yang dipaparkan oleh Ah Long-Ah Long ini.

Y.B. Dato' Speaker : Kawasan Yang Berhormat banyak tampal Ah Long?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Banyak, dia Dato' Speaker, sebenarnya Ah Long ini mengupah syarikat, mengupah syarikat untuk memaparkan iklan-iklan di semua tempat. Ada juga golongan, ada juga syarikat-syarikat yang memberi kad *name card,* dekat rumah saya tiap-tiap hari depan ada *name card* banyak, dalam *post box* pun ada banyak *name card*.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada pinjam?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Mana boleh pinjam dengan Ah Long, matilah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, pinjam Ah Long mati eh.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Memang ramai keluarga menjadi mangsa kepada mereka. Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Dato' Speaker, saya juga mencadangkan supaya institusi kewangan merangkumi satu formula baru bagi memberi pinjaman kepada mereka yang terlibat dalam krisis ekonomi ini yang hilang kerja ini supaya mereka boleh meneruskan kehidupan mereka dengan tidak begitu susah. Di samping itu, usaha untuk mengenal pasti mereka yang berpotensi akan menghilang kerja dan memberi motivasi kepada mereka dan menggalakkan mereka bekerja di tempat kita, perlu juga dipertingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Bajet juga sektor pertanian telah diberi penekanan dengan beberapa program bagi membangunkan sektor ini dengan pemodenan sektor ini dengan teknologi canggih. Pengeluaran bahan-bahan makanan hasil pertanian juga akan dipertingkatkan dengan penglibatan penduduk tempatan. Jabatan pertanian telah menjalankan perbagai program untuk menggalakkan rakyat dalam rancangan ini. Tetapi malangnya masalah besar adalah mendapatkan tapak tanah yang sesuai. Lebih-lebih lagi di kawasan perbandaran *urban area* seperti kawasan saya di mana 95% adalah kawasan urban Yang berhormat Dato' Speaker. Ada juga penduduk-penduduk di taman yang berminat tetapi sukar untuk mencari tapak yang sesuai. Oleh itu, saya meminta Pihak Penguasa Tempatan, Majlis-Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan juga Majlis Perbandaran untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang terbiar di kawasan mereka seperti kawasan lapang, tanah rizab bagi sekolah ataupun bagi lain-lain tempat untuk dijadikan projek komuniti bagi bumi hijau ini. Saya juga minta supaya Jabatan Pertanian mengambil langkah-langkah proaktif dan berdialog dengan pihak PBT untuk mengenal pasti menjayakan projek-projek ini supaya penduduk tempatan boleh memenuhi keperluan diri mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin beralih kepada kawasan saya di mana terdapat projek pembinaan bahu jalan di jalan Pasir Gudang dalam Bajet 2009. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan saya berharap projek ini akan bermula awal tahu hadapan. Ini sudah tentu akan meringankan kesesakan lalu lintas di lebuh raya Pasir Gudang. Di samping itu lebuh raya Bakar Batu-Pasir Gudang yang sedang dalam proses pembinaan sudah tentu akan mengurangkan lagi kesesakan apabila siap nanti.

Walaupun begitu, di sini saya ingin menyentuh sedikit mengenai lampu jalan di sepanjang lebuh raya Pasir Gudang yang mana sebahagian jalan dari persimpangan Plentong sehingga persimpangan Masai tiada lampu jalan dan sangat gelap pada waktu malam. Hanya terdapat lampu pada persimpangan *interchange* seperti persimpangan *interchange* Plentong, Seri Alam, Taman Rinting dan Masai. Selain daripada itu, tiang lampu tiada, jalan lampu tiada, ini menyebabkan sering berlaku kemalangan jalan raya. Justeru itu, di samping pembinaan bahu jalan, saya memohon supaya lampu-lampu jalan dipasang sepanjang lebuh raya Pasir Gudang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan di kawasan saya ialah kekurangan kawasan rekreasi dan riadah di Taman Cendana, Pasir Gudang. Taman ini merupakan perumahan PPRT yang diwujudkan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Terdapat 55 blok dengan lebih 4,000 penduduk di kawasan itu. Sudah tentu kawasan serupa ini akan mengalami pelbagai masalah sosial. Keluarga-keluarga ini terdiri dari ibu tunggal, keluarga retak, mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Mereka yang tinggal dalam flat ini membayar sewa kepada pihak kerajaan dan ada juga yang telah membeli unit daripada pihak PKENJ. Oleh kerana tiada kemudahan-kemudahan bagi menjalankan aktiviti belia dan remaja, kawasan ini terdapat banyak masalah sosial. Lebih-lebih lagi di kawasan ini mempunyai penduduk berbilang kaum dan sering berlaku jenayah, pergaduhan, rompakan, gejala penagih dadah dan lain-lain. Dalam beberapa siri perjumpaan dan lawatan ke kawasan ini itu sering kali ditimbulkan isu seperti ini. Mesyuarat Keselamatan bersama pihak Polis juga mengutarakan masalah yang sama. Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak MPPG, Majlis Perbandaran Pasir Gudang mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai di beberapa lokasi dalam kawasan ini dan membina kemudahan-kemudahan seperti gelanggang futsal yang satu *sport* yang begitu popular di kalangan remaja dan pelajar sekolah, gelanggang sepak takraw, gelanggang badminton, tapak *street soccer*, tapak untuk senaman aerobik, padang bola sepak, supaya golongan belia dalam kawasan ini boleh mengambil bahagian dalam aktiviti yang sihat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor pelancongan adalah satu bidang yang mendatangkan hasil yang lumayan bagi negeri kita. Ramai pelancong yang masuk sangat gemar dengan makanan tempatan. Rakyat Singapura sentiasa datang ke Negeri Johor, bukan sahaja untuk membeli-belah tetapi juga untuk menikmati juadah hidangan tempatan terutama makanan laut *seafood,* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya difahamkan di kawasan Johor Bahru tiada kawasan makanan laut yang begitu popular seperti Kampung Senibong dan Kampung Teluk Jawa di kawasan saya. Kawasan itu dibanjiri oleh rakyat Singapura bukan sahaja pada hujung minggu tetapi boleh dikatakan sepanjang masa. Oleh kerana kawasan itu ialah satu kawasan perkampungan di tepi laut, jalan masuk ke kawasan ini adalah sempit dan tiada berlampu. Sambil kita menikmati keenakan makanan kita boleh juga lihat keindahan Singapura di sebelah selat. Tetapi Kampung Senibong ini akan menjadi sesak pada waktu malam, tidak mencukupi lampu, tiada tempat letak kereta, kekurangan tandas awam, dan persekitaran yang tidak begitu memuaskan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat hari-hari tengok pandang ke *Singapore*, cantik eh?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada, memang boleh nampak.

Y.B. Dato' Speaker : Apa cantikkah?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Cantik, *Singapore* sebelah cantik kita juga kena bandingkan dengan mereka, kita cantik kita punya kawasan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tukar sanalah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tak payahlah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh tak payah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Kita boleh *upgrade*.
Apa fasal nak tukar sana pula.

Y.B. Dato' Speaker : Suka sini juga.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mencadangkan Kerajaan Negeri membangunkan kawasan ini sebagai satu pusat pelancongan, pusat makanan laut Negeri Johor, dengan mempertingkatkan lagi landskap dan lain-lain kemudahan bagi kawasan ini. Seperti ini juga, saya cadangkan Kampung Teluk Jawa juga dijadikan satu kawasan pusat makanan laut. Bukan sahaja itu penduduk kampung itu sendiri juga akan bertambah pendapatan mereka dengan menjalankan perniagaan di situ, menguruskan *parking* dan juga menjual hasil tani dan kraf tangan mereka. Itu adalah satu pendapatan tambahan bagi mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin meminta satu isu berkaitan dengan masyarakat India di Negeri Johor. Ramai wanita-wanita luar negeri yang berkahwin dengan warganegara Malaysia. Mereka ini mempunyai *visit pass* atau visa dan dibaharui tahun demi tahun sepanjang lima tahun dan selepas itu boleh memohon status penduduk tetap. Tetapi kelulusan bagi status penduduk tetap ini, mengambil masa kadangkala sehingga 10 hingga 15 tahun. Sementara waktu isteri-isteri ini hanya boleh menjadi suri rumah tangga kerana mereka tidak boleh bekerja dan kerana tidak dibenarkan bekerja. Masalah mereka akan bertambah apabila suami meninggal dunia. Saya terdapat beberapa kes di mana suami dia meninggal dunia mereka mempunyai anak empat atau lima dan mereka ini tidak layak untuk menerima bantuan daripada pihak kebajikan, tidak layak untuk menerima apa-apa juga bantuan daripada pihak kerajaan dan mereka juga tidak boleh bekerja.

Mereka selepas duduk di negara ini 15, 10 atau 15 tahun, tidak tahu apa nak buat. Oleh itu, saya memintalah supaya pihak kerajaan mengambil serius dalam perkara ini. Baru-baru ini, Jabatan Pendaftaran Negara telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas ataupun Jawatankuasa Bertindak atau *task force* untuk mengenal pasti perkara-perkara seperti ini. Bukan sahaja status warganegara, status penduduk tetap, tetapi juga mereka yang tidak mempunyai kad pengenalan ataupun sijil kelahiran. Satu angka yang saya baca dalam surat khabar, lebih daripada 30,000 penduduk dalam negeri, negara ini, daripada masyarakat India, adalah dalam kategori ini. Oleh itu, Kementerian…

Y.B. Dato' Speaker : Satu Malaysia ke Johor?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Seluruh Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Oleh itu, jawatankuasa ini, pun telah pun di tubuh di peringkat Negeri Johor di bawah pimpinan Pengarah Jabatan Pendaftaran Negeri, Negeri Johor dan telah mengambil tindakan untuk mendaftar mereka dalam kategori ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, senang saja. Buat undang-undanglah, jangan kasi kahwin.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tak boleh. Ini kehendak mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Apa pulak tak boleh? Dia orang datang kerja, kahwin tak boleh.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Itu kehendak mereka. Mereka nak kahwin mana pun boleh. Kita ada bagi peluang.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, orang Malaysia banyak. Apasal mahu cari orang luar?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Walaupun ada Malaysia banyak, ada juga mereka ingin keluar, kahwin dari luar negeri. Kita tidak boleh hadkan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, gitu ke?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Siapa pun boleh. Yang Berhormat Dato' Speaker nak pun boleh juga. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Eh, eh… dia tawarkan kat kawan. Kang jadi kang, teruk ha…

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Boleh, kita syorkan Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tak ada Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Eleh, tak ada.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya tidak dibenarkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, ya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jawatankuasa Bertindak ini membuka kaunter pada setiap hari Sabtu dan hari Ahad, pada jam 8:00 hingga 12:00 tengah hari, khas untuk mendaftar mereka dalam kategori ini. Oleh itu, saya ingin ucap syabas dan terima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Johor, *staff-staff* mereka dan juga semua yang terlibat untuk mengambil inisiatif bagi membantu mereka yang tidak mempunyai status dalam negara ini. Tetapi, cuma saya minta supaya, apabila pendaftaran dibuat, saya difahamkan akan dibuat sehingga bulan Jun 2009. Selepas pendaftaran ini semua telah dibuat, kelulusan akan dipercepatkan. Janganlah tunggu sehingga 10 hingga 15 tahun, mereka tak tahu ke mana, mereka nak balik ke negara-negara India pun tak boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Apa pasal?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tak boleh, sebab dia orang mempunyai 5, 4 atau 5 anak di sini, yang duduk di sini, belajar di sini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia anak tak boleh ada. Kalau tak ada anak, boleh balik?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tak ada anak pun, kalau nak balik pun macam mana orang nak terima dari sana. Susah juga.

Y.B. Dato' Speaker : Dia memang dari sana. Macam mana orang sana tak nak terima. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Susah juga. Adalah masalah, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dia orang sana. Ha.. ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Itulah, itulah derita yang jatuh kepada isteri-isteri yang kena perkara macam ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ada contoh tak? Macam kita, negeri lain ada buat tak?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Negeri lain, Dato' Speaker?

Y.B. Dato' Speaker : Macam *Singapore*. Dia ada macam ini heh?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Semua negara macam ini juga. Tetapi mungkin mereka ada lain peraturan. Kita tidak tahu. Tapi peraturan negara kita, perundangan negara kita, kita boleh kahwin dari luar negara, tetapi boleh mohon untuk status kewarganegaraan. Itu sahajalah Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengutarakan di sini.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, lagilah. Sikit no…

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Kalau lagi, saya boleh bangkitkan satu perkara berkaitan dengan pembasmian kemiskinan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Tak apa, saya kasi.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan telah mengambil banyak inisiatif untuk membantu orang-orang miskin, miskin tegar dan juga miskin. Dan, beberapa langkah telah diambil seperti menubuhkan satu *focus group* di peringkat daerah, di mana *focus group* ini akan memperkenal pasti mereka yang dalam kategori ini dan membantu mereka. Satu cara untuk membantu mereka adalah untuk mencari pekerjaan bagi mereka. Baru-baru ini, CIMB Bank telah memperkenalkan satu skim yang, yang dikatakan *Corporate Responsibility*.

Y.B. Dato' Speaker : *Corporate*?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : *Corporate Responsibility*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *corporate*.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tanggungjawab Korporat. Di mana bank bersama syarikat akan membantu mereka yang miskin ini untuk menjalankan perniagaan. Dan di kawasan saya pula, kita akan melancarkan satu projek dinamakan Projek Cendolah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Projek Cendolah, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Cendolah?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Cendolah.

Y.B. Dato' Speaker : Apa itu?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Projek Cendolah ini adalah satu projek untuk menggalakkan ataupun memberi bantuan. CIMB Bank akan memberi bantuan kewangan dan latihan kepada pengusaha menjual cendol. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, cendolah tu apa? Cendolah, cendolah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, cendol ini bukan sembarang cendol yang dijual di tepi jalan. Ini adalah cendol moden. Cendol seperti *milk shake*.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, mercik?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : *Milk shake*. Cendol ini boleh dikatakan menggunakan Sistem Biodiversiti.

Y.B. Dato' Speaker : Baru?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Biodiversiti.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini memang asal daripada cendol eh, cendolah ni?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Memang cendol. Rasanya cendol.

Y.B. Dato' Speaker : Saya ingat apa benda cendolah tadi.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Cendolah. Kita akan buat *booth* kepada mereka, untuk mereka dan mereka akan berniaga di situ menjual cendol. Tetapi bukan cendol yang mana mereka perlu, apa tu, membuat ais pakai mesin. Itu semua tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yang ini, cendol, cendolah ni, dia punya warna hitam? (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Bukan. Warna macam cendol juga.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, warna sama. Oh, cendollah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Rasa pun macam cendol juga. Tetapi ini semua dalam pakej. Dalam pakej, di mana dalam botol. Dia kata, dia punya kata itu macam siraplah.

Y.B. Dato' Speaker : Macam sirap?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Macam sirap. Tetapi, ini rasa cendol. Dan mereka akan bantu dari peringkat pertama, kita akan mula dengan 10 orang khasnya ibu-ibu tunggal yang tidak ada pendapatan. Dan projek ini mudah-mudahan kita akan mula dalam bulan Januari. Itulah satu cara yang kita boleh membantu mereka dalam golongan miskin ini. Tetapi, cuma saya ingin meminta supaya Pihak Berkuasa Tempatan, khususnya MPPG, Majlis Bandaraya dan juga MPJBT supaya memberi kelulusan kepada mereka sekiranya mereka nak buat perniagaan seperti ini. Janganlah halau mereka sekiranya mereka buat di satu kawasan. Berilah kelulusan. Lesen *temporary* pun boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Boleh, dekat itu Senibong.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Senibong pun boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Kita pun akan wujudkan di Senibong. Memang boleh. Tetapi saya cuma minta, supaya pihak MPPG dan juga lain-lain. Dalam kawasan saya ada 3 PBT, MPPG, MBJB dan juga MPJBT.

Saya minta supaya ketiga-tiga PBT ini memberi kelonggaran sedikit untuk membantu keluarga-keluarga miskin ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Selain daripada itu, saya juga minta MPPG dan juga ketiga-tiga Majlis ini supaya janganlah keluarkan notis banyak kepada peniaga-peniaga yang buat, membuat perniagaan di tepi-tepi jalan khasnya dalam masa krisis ekonomi ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kesian dia.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Memang kesian Dato' Speaker. Itu sajalah Dato' Speaker saya ingin sampaikan di sini.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada lagi eh? Tak ada lagi?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tak ada lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, sampai Yang Berhormat muak, baru saya berhenti. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, dan dengan ini saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Kempas. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, lagi, perbahasan diteruskan lagi. Ha, Yang Berhormat…

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat pagi, salam bahagia saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat serta semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dan pembentangan Bajet Tahun 2009 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini, memberi banyak makna dan harapan kepada seluruh rakyat Negeri Johor khasnya, dengan tema 'Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat'. Maka, 3 strategi utama telah dirangka bagi memperkukuhkan daya tahan ekonomi negeri dan rakyat, menggalakkan potensi sumber manusia dan meningkatkan tahap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya menarik perhatian kepada strategi ketiga, bagi penyediaan *infrastructure* dan utiliti yang efisien di kawasan saya iaitu DUN Penggaram. Selain daripada membina prasarana dan membaik pulih infrastruktur asas yang telah berjalan dengan baik dan lancar, tidak banyak masalah besar yang ada. Namun begitu, isu kegagalan kita bertindak menangani masalah berkaitan perparitan dan saliran telah menjadi satu

perkara yang serius. Memandangkan banyak rungutan, aduan dan rayuan yang telah dikemukakan berkaitan perkara yang tersebut di atas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya berkongsi masalah para penduduk di Dewan yang mulia ini. Pada 13 November tahun 2008 yang lalu, dan juga selama 3 hari berturut-turut para penduduk di persisiran pantai dan tepi Sungai Batu Pahat menghadapi air pasang besar yang mengakibatkan banjir kilat. Mujurlah pada hari itu tidak berlaku hujan lebat yang boleh memburukkan lagi keadaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang menjadi persoalan ialah, sejak RMK-9 dilancarkan, isu pengaliran kuala sungai dan tebing Sungai Batu Pahat, sering diutarakan bagi di dalam Dewan yang mulia dan juga di media-media arus perdana. Namun, para penduduk amat kecewa kerana masih lagi belum lihat projek ini dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bandar Batu Pahat sebagaimana yang diketahui terletak di bawah paras laut. Itulah dia yang diberi nama Bandar Penggaram, iaitu bandar yang tenggelam. Kita akur dengan keadaan geografi ini. Namun begitu, sudah pastinya ada langkah-langkah jangka pendek dan juga jangka panjang bagi mengatasi masalah yang telah saya sebutkan tadi. Muara sungai yang cetek, sudah pastinya perlu digali dan didalamkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ditambah dengan pemanasan global serta musim tengkujuh dengan ketibaan angin monsun timur laut dan fenomena air pasang yang luar biasa, kita sebagai Wakil Rakyat yang ingin melihat kesejahteraan rakyat sudah tentu merasa kecewa melihat ratusan malah ribuan rakyat terpaksa berpindah ke pusat pemindahan banjir setiap kali bulan November, Disember dan Januari menjelang tiba.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan kerosakan harta benda dan perbelanjaan yang agak besar untuk membantu mereka ini, haruslah penyelesaian yang telah dirangka, dilaksanakan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, saya telah pohon masalah ini dapat diatasi dengan segera sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Bajet bagi tahun 2008.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kekecewaan ini ditambah lagi dengan kegagalan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu PBT, untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di Taman Tanah Merah. Laporan masalah ini disiarkan di surat khabar dan di Buletin Utama 2 hari berturut-turut. Masih gagal membukakan mata pihak-pihak yang berkaitan untuk menyelesaikan perkara ini. Pada siapa penduduk di Taman Tanah Merah ini ingin mengadu? Mereka bagaikan ini, dianaktirikan dan dinafikan hak sebagai warganegara Malaysia dan rakyat Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya masalah banjir di Tanah Merah ini sudah lama. Sejak zaman mendiang Dato' Tan Peng Kun. Saya rasa sudah 30 tahunlah perkara ini tak selesai. Sudah menjelang berapa Wakil

Rakyat. Sungguhpun pihak saya difahamkan pihak Majlis dan Pejabat Daerah, telah mewujudkan satu jawatankuasa menangani masalah banjir ini. Tapi demi bincang, demi laporan tapi tindakan belum nampak. Dan saya difahamkan pihak Majlis dan Pejabat Daerah telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Di sini saya minta supaya khususnya kepada Exco daripada Kerajaan Tempatan supaya berprihatinlah dalam perkara ini. Jadi, penduduk sana sudah jadi mangsa sekian lama. Saya haraplah perkara ini dapat, dengan adanya peruntukannya, dapat diselesai dengan segera.

Sebenarnya saya ada menerima laporan tebatan banjir oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Pejabat Daerah bagi kawasan tersebut yang tadi saya sebut tadi. Namun para penduduk inginkan tindakan dan bukannya laporan semata-mata. Ia penting kerana masalah banjir kilat di Taman Tanah Merah ini akhirnya menyebabkan kawasan di persekitaran turut menerima akibat dari banjir lumpur ini. Walaupun kita akur, akur proses pengambilalihan tanah dan rumah yang menghalang laluan longkang bagi saliran yang lebih lancar memakan masa yang lama serta memerlukan peruntukan. Namun masa selama dua tahun semenjak isu ini dilaporkan rasanya sudah cukup bagi menyelesaikan masalah pengambilalihan rumah ataupun rumah tersebut. Jika masalah jangka panjang mengambil masa dua tahun dan masih belum diselesaikan, bagaimana pula penyelesaian jangka pendek bagi membantu para penduduk? Memang saya kesian dengan penduduk di sekitar itu. Masa hujan lebat saya melawat kawasan. Memanglah lumpur-lumpur sudah masuk ke rumah, yang nampaknya rumah, yang tinggalkan rumah, banyak tinggalkan rumah sudah pindah ke lain tempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepatutnya pihak PBT memantau parit konkrit ini terutama dalam musim hujan sekarang ini. Surat aduan dan rayuan para penduduk yang akhir iaitu pada 18 November, menyatakan longkang sedia ada dipenuhi dengan sampah-sarap dan pasir amatlah mengecewakan. Ini bermakna pihak PBT tidak memantau serta menyelenggara parit tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon sekiranya langkah jangka panjang memerlukan masa yang lama, apa kiranya diberi perhatian bagi penyelesaian jangka pendek, iaitu membersihkan parit ini sebulan dua kali bagi mengurangkan masalah serta memberikan sikit sinar-sinar harapan kepada para penduduk, yang kini nampaknya sudah hilang kesabaran mereka dan khabarnya mula menuju kepada pihak lain yang tidak perlu saya sebutkan tadilah, ini. Oleh itu, di Dewan yang mulia ini, selesailah masalah ini secara jangka pendek dan juga jangka panjang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berdoa agar Bajet 2009 yang merupakan kesinambungan pendekatan Pembangunan Holistik dalam, dapat membawakan rakyat Johor menghadapi cabaran akibat tekanan ekonomi dunia yang tidak menentu. Oleh itu, bagi memastikan matlamat ini dicapai dengan lebih sempurna, semua pihak dipohon memberi kerjasama dengan sistem penyampaian yang teratur, cekap dan efisien. Semoga Negeri Johor ini terus maju demi kesejahteraan rakyatnya. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, pendek aja. Tak nak panjang lagi?

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Dah, cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah. Cukup ya.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Hujan turun mencurah-curah, Penduduk berdoa pada yang berkuasa; Ucapan saya tamatlah sudah, Maaf dipinta, moga sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa buat pantun ni?

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Saya sendiri buat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, sendiri, betul ya?

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Memang saya suka.

Y.B. Dato' Speaker : Bila buat? Malam semalam ?

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Tak. Dua hari yang lepas.

Y.B. Dato' Speaker : Oi, lamanya. Dua hari yang lepas. Ooo… Yalah memang ubah-ubah, macam tak sesuai.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Dengan ini saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kempas. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi, diteruskan lagi perbahasan. Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat tengah hari dan selamat sejahtera saya ucapkan kepada semua yang ada di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih, kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi keizinan dan juga kesempatan kepada saya untuk menyertai perbahasan untuk menyokong usul, sokongan pembentangan Bajet tahun 2009 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Pada kesempatan yang amat berharga ini, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian, agar masyarakat yang tinggal di kawasan saya, khususnya di pusat bandar Johor Bahru, termasuklah para pelancong, akan dapat menikmati pembangunan yang sejahtera dengan kemudahan infrastruktur yang selesa, yang sepatutnya kita sediakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor perniagaan dan penjaja makanan dan minuman di pusat bandar Johor Bahru telah terjejas teruk akibat dari kenaikan harga minyak dan harga barangan di pasaran. Perpindahan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri ke Nusajaya dan apabila Kompleks Sultan Iskandar atau CIQ dengan izinnya, mula beroperasi selepas perasmiannya yang dijangka pada 1 Disember nanti, di mana kenderaan dari negara jiran tidak akan melalui pusat bandar Johor Bahru lagi. Setakat ini saya masih belum nampak lagi, apakah

langkah-langkah yang sepatutnya yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu memulihkan sektor ekonomi dan pelancongan di pusat bandar Johor Bahru?

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Persidangan Dewan yang lalu, saya telah memberikan beberapa cadangan untuk mengimbangi keadaan tersebut seperti berikut. Menghidupkan pusat bandar Johor Bahru dengan pelbagai aktiviti promosi seperti hiburan, memberikan rebat dengan izin, atau pengurangan bayaran sewa tapak, deposit kebersihan dan lesen perniagaan. Nombor 3, menambah bilangan tempat meletak kereta. Dan keempat, juga cadangan memindahkan para peniaga di lorong belakang ke lokasi yang lebih selesa dan sesuai di Jalan Meldrum. Saya harap perkara yang saya bangkitkan tidak berhenti setakat ini sahaja, kerana masyarakat di pusat bandar Johor Bahru, seperti yang saya sebutkan tadi, sentiasa tertanya-tanya apakah perancangan kerajaan selanjutnya untuk membela nasib mereka yang kini berada dalam dilema, iaitu dalam situasi yang sukar dan menanggung kerugian akibat dari perniagaan yang tidak menggalakkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain dari tindakan untuk membela nasib peniaga yang perlu diberikan perhatian serius, keselesaan para pengguna jalan raya juga perlu diberikan perhatian. Selain dari masalah kekurangan tempat letak kereta yang serius di pusat bandar Johor Bahru, sikap pemandu bas juga patut diberikan perhatian. Terdapat pemandu bas yang sengaja memberhentikan bas agak lama dan berehat, khususnya di Jalan Wong Ah Fook dan juga Jalan Ungku Puan. Keadaan ini telah mengakibatkan kesesakan yang teruk di Jalan Wong Ah Fook.

Sepertimana Yang Berhormat Dato' Speaker sedia maklum, bas-bas perkhidmatan bandar di Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Ungku Puan sepatutnya, hanya boleh mengambil dan menurunkan penumpang di tempat perhentian bas yang disediakan ada di tempat sana. Jika pemandu-pemandu bas berkenaan berasakan mereka terlalu letih dan perlu berehat, maka adalah saya mencadangkan, mereka boleh menggunakan perhentian bas yang lama yang kita telah sediakan di tempat Jalan Trus sebagai tempat berhenti dan juga sebagai tempat apa, berehat untuk mereka, yang mana tidak menghalang lalu lintas di bandar Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sikap pemilik kenderaan yang suka meletakkan kenderaan sesuka hati, di kiri dan kanan juga telah mengakibatkan jalan dua lorong menjadi satu lorong yang sempit seperti di Jalan Dhoby, Jalan Pasar, Jalan Station, Jalan Meldrum dan banyak lagi. Keadaan ini benar-benar menunjukkan seolah-olah tiada peraturan dan tiada tindakan penguatkuasaan langsung terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab. Selain dari menyebabkan lalu lintas bergerak terlalu perlahan, boleh juga menyebabkan kemalangan dan tindakan tersebut juga boleh merosakkan parit di tepi jalan dan perabot-perabot jalan yang disediakan oleh pihak MBJB untuk mencantikkan pusat bandar Johor Bahru yang telah menjadi rosak akibat dilanggar oleh kenderaan. Keadaan ini sekiranya di biar begitu sahaja tentunya akan merugikan kita dan juga akan menjejaskan imej bandar raya Johor Bahru

yang sedang berusaha untuk menjadi sebuah bandar raya yang bertaraf antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi perkara yang perlu diberikan perhatian, di Johor Bahru telah dinaikkan ke taraf bandar raya pada sekitar masanya itu mulai tahun 1991. Sehingga kini kita masih boleh terdapat bangunan terbiar di sekitar bandar Johor Bahru. Satu contoh rambang, bangunan yang terbiar ialah satu unit kedai dua tingkat yang terletak di Jalan Meldrum. Di Jalan Trus juga ada bangunan yang berada dalam keadaan yang amat menyedihkan seperti kotor, terbiar tidak teratur, menjadi tempat membuang sampah, tempat tidur kutu rayau, penagih dadah ataupun mungkin menjadi tempat maksiat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Pihak Berkuasa sepatutnya hendaklah sentiasa memastikan segala keburukan dan pemandangan yang menyakitkan mata ditutup dengan *bill board*, dengan izin atau papan yang dilukis dengan pemandangan yang cantik dan memasukkan slogan yang berupa nasihat seperti berikut 'Sayangilah Bandar raya' ataupun 'Bersihkanlah Bandar raya, Tanggungjawab Bersama' dan lain-lain lagi agar kita dapat mewujudkan suasana yang indah dan selesa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lagi satu contoh bangunan terbiar iaitu Kompleks Waterfront City Johor Bahru. Kompleks ini telah terbiar sejak 28 Mac 2003, lebih kurang daripada 5 tahun lamanya tetapi sehingga kini tiada tindakan diambil ke atas kompleks itu. Semua ini boleh mencacatkan pemandangan bandar raya ini memandangkan Johor Bahru merupakan salah satu pintu transit utama kepada pusat pelancongan negara Malaysia. Apakah kerajaan tidak membuat sebarang tindakan terhadap bangunan yang terbiar itu?

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini pihak MBJB bercadang hendak menutupkan langsung lampu isyarat di persimpangan Taman Tasik iaitu mulai 15 November. Tetapi dengan mengadakan perbincangan antara semua pihak telah mendapat keputusan penutupan langsung lampu isyarat tersebut diganti dengan ditutup pada waktu 4:00 petang hingga 8:00 malam setiap hari. Adalah dimaklumkan bahawa penutupan lampu isyarat di persimpangan Taman Tasik telah mendatangkan kesulitan kepada penduduk setempat. Maka dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa lampu isyarat di persimpangan Taman Tasik, kita tidak patut ditutup atas sebab-sebab seperti berikut :

1. Persimpangan dari utara masuk ke dalam Taman Tasek telah ditutup 10 tahun lalu dan ini telah menyebabkan kesulitan kepada penduduk Taman Tasek yang terpaksa membuat *U-turn* di *flyover* Jalan Tun Abdul Razak di hadapan Hospital Pakar Puteri atau menggunakan jalan keluar ke Royal Johor Country Club untuk membuat *U-turn.*
2. Murid-murid sekolah yang mempunyai alamat kediaman di Taman Tasek di bawah zon penempatan sekolah menengah kebangsaan oleh Pelajaran Daerah Johor Bahru, oleh Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru mesti akan ditempatkan ke sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasek 2 iaitu di sebelah Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Jika lampu isyarat tersebut ditutup, tiada bas sekolah yang membawa murid-murid

sekolah dari Taman Tasek kerana bas akan terpaksa membuat *U-turn* di *flyover* Angsana, Tampoi, dengan izin dan pada masa pagi dan petang waktu naik sekolah dan lepas sekolah, kereta-kereta akan beratur panjang di *flyover* tersebut dengan izin.

3. Di Taman Tasek juga terdapat banyak syarikat pengangkutan lori seperti Mah Sing Road Transport, Makmur Transport dan lain-lain. Jika lampu isyarat tersebut ditutup, lori-lori panjang dan lori kontena terpaksa membuat *U-turn* di F*lyover* Angsana, Tampoi dengan izin, dan sudah penuh sesak. Ada juga bahaya kepada pengguna jalan yang lain jika banyak lori yang beratur menggunakan *flyover* Angsana, Tampoi dengan izin, yang sempit untuk tujuan membuat *U-turn*.
4. Dari Januari-Jun tahun 2008, statistik Polis menunjukkan adanya satu kemalangan maut di persimpangan lampu isyarat Taman Tasek. Dari bulan Jun hingga Oktober tahun 2008 terdapat tiga kemalangan maut di persimpangan jalan sama selepas lampu isyarat di persimpangan tersebut ditutup dari pukul 4:30 petang hingga 7:30 malam. Selepas saya membuat tinjauan di situ adalah dimaklumkan bahawa antara sebab utama kerana adanya kemalangan adalah sebab papan tulis yang memaparkan pemberitahuan penutupan lampu isyarat tidak jelas dipaparkan. Papan tanda tersebut terletak di bahagian yang hanya dapat dinampak setelah kereta telah masuk lorong persimpangan tersebut. Dan oleh kerana adanya *divider,* dengan izin di kedua-dua belah kereta tidak dapat *reverse* dengan izin atau patah balik. Kereta terpaksalah melintasi jalan walaupun lampu isyarat telah ditutup.
5. Di Taman Tasek tiada jalan lain untuk keluar masuk ke taman tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Datuk Dr. Wee Ka Siong, Timbalan Menteri Pelajaran yang juga selaku penduduk Taman Tasek juga telah membuat surat kepada Yang Berhormat Datuk Bandar pada 14 November yang mana beliau sebagai penduduk di Taman Tasek, Yang Berhormat Datuk Dr. Wee Ka Siong juga tidak bersetuju penutupan lampu isyarat di persimpangan Taman Tasek.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka dengan ini diisytiharkan papan tanda yang jelas di letakkan awal-awal sebelum persimpangan tersebut supaya kereta tidak akan termasuk ke persimpangan tersebut. Juga dicadangkan bahawa jalan diubah supaya jalan keluar menjadi tiga lorong, dengan satu lorong ke bandar dan dua lorong menghala ke utara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk masa panjang saya mencadangkan bahawa satu *flyover* dengan izin, dibina di persimpangan Taman Tasek dengan, sempena dengan pembinaan *interchange* tiga bulatan baru yang akan dibina di hadapan Rat Auto bagi memudahkan pengaliran trafik di Taman Tasek ke bandar dan juga dari Taman Tasek ke utara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak bangkit isu yang lain...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat panjang lagi?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Boleh tahan jugalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah. Yang Berhormat...

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Cukup masa sebelum 12:30 boleh habis.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak pergi sembahyang Jumaat?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak. Saya nak pergi. Duduk. Ahli Yang Berhormat, Dewan saya tangguhkan sehingga hari Isnin, 1 Disember jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:10 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETUJUH	ISNIN, 1 DISEMBER 2008	BIL. 4 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Di Bandar Johor Bahru telah menghadapi masalah kesukaran meletakkan kenderaan dan ini telah menjadikan keadaan kesesakan lalu lintas semakin teruk kerana telah meletakkan kenderaan merata-rata.

a. Apakah perancangan pihak MPJB untuk menyelesaikan masalah ini?
b. Beberapa banyak tunggakan sewa petak Syarikat Fajar Able Parking (J) Sdn. Bhd. kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru setakat 31 Oktober 2008?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pengkalan Rinting, suka saya memaklumkan bahawa berdasarkan penemuan di dalam kajian RTD di Johor Bahru untuk tahun 2020, dengan mengambil kira peratusan kenderaan, pembahagian peratusan kenderaan dalam satu-satu kawasan iaitu nisbahnya ialah 60% kenderaan persendirian dan 40% kenderaan awam. Tempat letak kereta yang sedia ada mengikut kajian RTD ini di Johor Bahru sebanyak 9,198 petak di pusat bandar Johor Bahru adalah mencukupi pada setiap masa termasuk waktu-waktu puncak. Ini tak termasuklah yang 890 petak yang Kompleks CIQ yang akan dirasmikan hari ini, termasuk juga JB Central. 890 petak yang akan disediakan dalam JB Central itu sendiri, bangunan JB Central.

Berlakunya masalah kesukaran meletakkan kenderaan di kawasan Johor Bahru ini adalah disebabkan sikap sesetengah pemilik kenderaan kita yang gemar meletakkan kenderaan mereka sepanjang hari untuk bekerja di negara jiran seperti di Jalan Dhoby. Dan, pengguna juga lebih cenderung termasuk kita semualah, termasuk saya dan pemandu itu juga lebih cenderung meletak kenderaan, kita kalau kita ada urusan di kawasan bandar, tak juga bandar Johor Bahru, mana-mana bandar pun, meletak kenderaan kita berhampiran dengan tempat kita nak berurusan. Bermakna kalau kita nak pergi satu kedai pun, kalau boleh kita nak letak depan kedai itu juga ataupun berhampiran dengan kedai.

Majlis Bandaraya juga telah meluluskan satu dasar bagi mengatasi masalah, pada praktiknyalah masalah kekurangan tempat letak kereta dalam kawasan pusat bandar ini iaitu pada tahun 2005 dulu, yang meliputi tindakan jangka pendek dan jangka panjang. Untuk makluman bagi tindakan jangka pendek, iaitu adalah dengan kita menggalakkan pembinaan tempat letak kereta berpusat secara sementara yang dibina atas tapak-tapak terbiar yang belum bersedia ini tapak-tapak persendirian yang belum bersedia untuk dibangunkan di samping dapat membaik pulih tanah tersebut. Sebagai contohnya ialah misalannya tanah milik UDA di Jalan Tan Hiok Nee, itu pun dah jadi *parking* lot. Selain itu, pihak Bandaraya juga membenarkan mana-mana institusi kewangan menyediakan beberapa ruang letak kereta bagi pengunjung yang berurusan dengan institusi tersebut pada tempoh jangka masa pendek secara percuma di hadapan premis masing-masing.

Untuk jangka panjangnya pula Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menggalakkan pelaksanaan projek pembangunan bercampur atau bersepadu yang menempatkan dua atau lebih jenis pembangunan yang mempunyai masa berurusan yang berbeza terhadap keperluan tempat letak kereta. Yang keduanya ialah meningkatkan kadar bayaran tempat letak kereta untuk *on street, on street parking* ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Iaitu letak kereta atas jalan bukan dalam bangunan, yang macam kita buat selalu iaitu *on street parking* di daerah *central* bagi mengekang, ini dalam kawasan CBJ, bagi mengekang penggunaan sepanjang masa, sepanjang hari. Dan, seterusnya bagi beri peluang pemandu lain, orang lain untuk menggunakan kemudahan ruang letak kereta. Ini bagi jangka masa pendek. Dan yang ketiganya, dengan mewujudkan informasi tempat letak kereta di setiap pintu masuk ke pusat bandar, ini satu daripada langkah jangka panjangnya, bagi memberitahu kepada warga kota ataupun pengguna mengenai kekosongan tempat letak kereta yang masih ada berserta lokasi di satu-satu masa.

Selain itu tindakan penguatkuasaan juga kita jalankan bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku di pusat bandar dengan mengenakan kompaun di atas kenderaan yang menghalang lalu lintas sama ada di siar kaki, lorong belakang dan juga *loading bay*. Untuk makluman sehingga 31 Oktober ini, Bandaraya telah mengeluarkan kompaun sebanyak 9,052 kompaun yang bernilai RM1.7 juta. Begitu juga, aktiviti menyita motosikal turut juga kita lakukan dan sehingga kini 498 buah motosikal dan 20 buah basikal juga telah kita sita. Bagi jalan-jalan utama yang di luar bidang kuasa Bandaraya, pihak Majlis sentiasa dapatkan kerjasama daripada Cawangan-Cawangan Trafik Polis DiRaja Malaysia bagi penguatkuasaan undang-undang melalui Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Dato' Speaker, tempat letak kereta Zon B yang dikelolakan oleh Syarikat Fajar Able Parking (J) Sdn. Bhd. Sebagaimana perjanjian telah pun berkuat kuasa mulai Oktober 2003 dulu. Selepas perjanjian ditandatangani, terdapat beberapa permasalahan mengenai pengiraan sebenar jumlah petak yang telah diserah. Dan, terdapat petak-petak yang *domain* ataupun tidak aktif. Permasalahan petak telah dapat diselesaikan dalam satu mesyuarat khas iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Koordinasi dan Pengawasan Pengurusan Tempat Letak Kereta Untuk Zon B Bagi

Negeri Johor pada bulan November, 3 November yang lalu, yang mana setelah dikira semula syarikat ini perlu membayar tunggakan kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru sebanyak RM3.2 juta. Tunggakan ini adalah sehingga 31 Oktober 2008, berdasarkan kepada bilangan petak letak kereta yang telah dimuktamadkan pada mesyuarat tersebut iaitu sebanyak 16,809. Dan, jumlah petak ini dipersetujui hasil lawatan bersama oleh Jawatankuasa tersebut iaitu Kerajaan Negeri dan pihak syarikat dan juga Bandaraya pada 20 Oktober yang lalu di tempat-tempat berlakunya pertikaian petak letak kereta dan semua tunggakan yang saya sebut itu tadi, yang telah dimuktamadkan sebanyak RM3.2 juta itu perlu diselesaikan oleh pihak syarikat kepada Bandaraya sebelum 31 Disember tahun ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya ada mengandungi penguatkuasaan undang-undang bagi peletakan kereta yang salah tempat. Baru-baru ini adalah diketahui Datuk Bandar Johor Bahru telah menyiarkan berita di semua surat khabar khususnya surat khabar Cina bahawa penswastaan tunda kereta akan dilakukan semula lagi. Soalan saya adalah sama ada penswastaan tunda kereta ini ada izinkan dari segi undang-undang. Setahu saya, atas fahaman undang-undang saya, ia tidak dibenarkan. Terdapat satu kes yang telah dibawa kepada saya melibatkan motosikal. Oleh kerana penswastaan ini memang adalah untuk membolehkan pihak ketiga, syarikat ialah pihak ketiga untuk melindung duit tanpa mengirakan masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik kereta. Itu sahaja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Seketika dulu Yang Berhormat Dato' Speaker, Bandaraya memang ada menjalankan ini, apa ni, urusan tunda kereta ni. Dan, telah menimbulkan berbagai-bagai masalah. Saya percaya ini masih lagi dalam kajian Datuk Bandarlah. Cuma dalam kajian pun dah cakap kat surat khabar. (Ketawa). Kerajaan Negeri tidak ada cadangan setakat ini untuk apa ni, melaksanakan…

Y.B. Dato' Speaker : Penswastaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam: … sistem tunda kereta ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ya. Kempas, sekejap.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya rasa salah satu daripada fakta menyebabkan kesesakan tempat letak kereta dan awam, suka meletakkan kereta mereka di atas bahu-bahu jalan, terutamanya berkemungkinan caj atau bayaran tempat letak kereta ini tinggi. Yang keduanya… saya mengambil contoh seperti kita nak beli satu *burger* di KFC Persada dengan harga tak sampai RM3.00 dan kalau kita masuk kat belakang tempat letak kereta, kita kena bayar RM3.00 pulak lagi *park*. Jadi, mereka *park* di bahu jalanlah, umpamanya. Buat apa nak beli burger RM3.00, nak kena bayar RM3.00? Ha, dia letak kat tepi, depan MAS *Office* itu kan? Ini

jadi kesesakan. Jadi, kita harap kena fikirkanlah. Yang keduanya, berkemungkinan juga dan apakah tindakan yang perlu dibuat oleh MBJB. Kalau kita lihat tadi umpamanya di JB Central akan diadakan sebanyak 880 petak kereta, saya rasa memang kereta masuk 880, tetapi kereta yang masuk itu kerana ada syarikat yang sudah memenuhi ruang yang begitu besar untuk membuat pusat mencuci kereta pulak. Jadi, adakah lesen perlu dikeluarkan untuk mereka berniaga cuci kereta yang kita luluskan untuk tempat letak kereta?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah keadaan sebenarnya apa yang berlaku di antara *reality* dengan izin dan dengan apa yang saya sebut tadi, kajian yang dibuat di bawah RTD tu, yang mengatakan bahawa 9,000 lebih kita ada *parking, parking space* dengan izin, *parking lot*. Dan, itu mencukupi untuk menampung semua urusan letak kereta dalam kawasan CBJ dan juga persekitaran Johor Bahru, bandar raya Johor Bahru. Tapi pada hakikatnya, macam saya cakap tadi *on street parking* dengan izin, letak kereta atas jalan, bahu jalan untuk urusan-urusan segera atau urusan-urusan jangka pendek. Urusan-urusan yang tertentu macam tadi Yang Berhormat Kempas cakap kerana nak beli *burger*, takkan dia nak masuk *parking* dalam bangunan kena bayar RM3.00. Harga lebih kurang sama macam sekeping *burger* itu. Jadi ini memanglah realitinya dan ini yang harus dikaji oleh Jawatankuasa dan juga bukan sahaja Bandaraya, yang berkenaan Jawatankuasa Lalu Lintas, tetapi juga kerjasama daripada semua termasuk juga agensi yang lain, pihak Polis. Kalau kita tengok kalau di negara jiran misalnya, misalannya. Kalau ada satu, walaupun tempat itu tak boleh *parking, on street* tapi waktu makan tengah hari kerana orang ramai, Polis membenarkan mereka *park,* tetapi dijaga oleh *traffic police*lah. Dan juga ada tempat-tempat yang *double parking* ni, yang dia, dia terima sebagai satu apa ni, kaedah sementara untuk menyelesaikan *traffic jam*, tapi perlu dikawal. Jadi kerjasama seumpama ini dan saya percaya ini semua pun dah diambil kira oleh Jawatankuasa sekarang yang di bawah Iskandar, di bawah IIB yang tengah, sedang membuat satu jawatankuasa, satu kajian menyeluruh oleh satu konsultan berkenaan dengan masalah permasalahan *traffic flow, parking lot* dan juga *integrated* yang dipanggil *integrated parking system* untuk kawasan IRDA. Saya ingat ini akan diambil kira dan kita tunggulah.

Dan, hari ini pun kalau nak tengok *problem* yang selalu dibangkitkan, masalah yang sering dibangkitkan berkenaan *traffic jam* dekat Jalan Trus dan masuk ke Ungku Puan. Lepas kita rasmi ni, tengoklah nanti lepas ini kita dah ada *integrated hub* untuk di JB Central untuk kita punya bas, teksi dan semuanya. Insya-Allah masalah-masalah macam itu boleh kita tanganilah tapi saya mintak kita tengoklah berperingkat-peringkat kerana masalah ini dah lama berjalan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang mana telah dapat memberikan jawapan kepada soalan saya. Tentang soalan tambahan saya, pertama iaitu, Fajar Able Parking (J) Sdn. Bhd. yang seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk EXCO, masih berhutang sebanyak RM3.2 juta kepada pihak MBJB iaitu tentang ini *parking lot* punya bayarlah. Tapi saya difahamkan bahawa perjanjian antara pihak MBJB dengan ini, Fajar Able akan tamat pada akhir tahun ini dan juga akan disambungkan lagi 5 tahun lagi, iaitu mulai 1 Januari 2009. Maka saya nak tanya, sekarang perjanjian kita akan disambungkan lagi semula, maka hutang ini, mengapa kita tidak dibayar balik, kita masih boleh menyambungkan kita punya perjanjian ini lagi. Ini soalan pertama. Soalan yang kedua...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, satu saja.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Oh, satu aje.

Y.B. Dato' Speaker : Satu, ha'ah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok, baik. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Pengkalan Rinting itu betul, ok, kerajaan dah setuju sambung kerana dalam *agreement* tu, *five + five*. Perjanjian itu belum ditandatangani lagi. Syaratnya ialah bayar hutang ni dulu, sebab itu saya sebut sebelum 31 Disember. Kalau dia tak bayar hutang itu, kita akan apa ni, buat keputusan lain.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah. Lama sikit nak teriak nama Datuk.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Jabatan Pendidikan Agama Johor telah pun melancarkan program persekolahan agama Johor daripada 5 hari kepada 3 hari untuk Tahun 4, 5, 6 dan 2 hari untuk Tahun 1, 2, 3 yang mana sekolah percubaan telah pun berjalan melalui tahun 2008.

a. Bagaimana sambutan ibu bapa terhadap program ini dan adakah ibu bapa membuat bantahan di atas program ini?
b. Semenjak setahun program ini telah berjalan, apakah kesan pembelajaran murid tahun 1, 2 dan 3?
c. Bagaimana kertas kerja Jabatan Agama Johor mengenai aktiviti untuk murid-murid semasa tidak bersekolah selama 3 hari bagi tahun 1, 2 dan 3?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Apakah tindakan kerajaan terhadap protes ibu bapa yang tidak bersetuju dengan sistem Sekolah Agama Johor, 2 dan 3 hari masa persekolahan. Perlukah ibu bapa membuat memorandum bantahan terhadap perkara ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Mulai tahun 2008 beberapa Sekolah Agama dalam Negeri Johor telah mencuba sistem persekolahan 2 hari dan 3 hari dalam seminggu.

a. Apakah tahap keberkesanan sistem ini dalam pencapaian pelajaran murid-murid sekolah terlibat?
b. Apakah sistem ini akan diadaptasikan di seluruh Negeri Johor pada 2010 mengikut perancangan?
c. Keberkesanan kurikulum Sekolah Agama Johor dalam membentuk sahsiah diri pelajar-pelajar? Adakah bersesuaian dan telah dikaji?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menjawab soalan 2, 3 dan 4 bersekali. Sebanyak 43 buah sekolah terlibat dengan persekolahan anjal ini. Sesi penerangan telah dilaksanakan kepada semua pegawai pendidikan, guru-guru dan Jawatankuasa Badan Kebajikan Sekolah-Sekolah berkenaan sebulan sebelum sesi percubaan ini dilaksanakan. Susulan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Unit Penaziran bersama dengan unit-unit yang lain di Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama juga telah mengadakan lawatan kerja ke sekolah-sekolah ini untuk menjalankan pemantauan, supaya pelaksanaan persekolahan anjal ini dapat dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Semenjak bulan Mac 2008 sehingga sekarang, Jabatan Agama tidak menerima bantahan daripada ibu bapa dan masyarakat setempat berhubung persekolahan anjal ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada beberapa kesan positif yang boleh dilihat dengan melaksanakan persekolahan anjal ini :

1. Ibu bapa tidak perlu lagi merasa gusar untuk menghantar dan menjemput anak ke sekolah berulang kali, jika mereka mempunyai ramai anak yang terlibat dengan 2 hingga 3 sesi persekolahan sehari. Bahkan persekolahan anjal yang menjalankan proses pengajaran atau pembelajaran dalam satu sesi turut memberikan lebih masa tumpuan kepada guru, di samping mengurangkan pembaziran waktu. Kesan daripada peralihan aliran dan darjah, sekali gus memberikan tambahan nilai kepada guru-guru melaksanakan pengurusan masa yang lebih terancang.
2. Kadar ponteng sekolah dapat dikurangkan, berdasarkan peratusan kehadiran murid-murid ke sekolah yang meningkat. Ini berbanding

dengan kehadiran murid-murid selama 5 hari seminggu tetapi masih berlaku kekerapan ponteng dengan peratusan yang tinggi. Peratus tidak hadir ke sekolah ini biasanya disebabkan aktiviti tuisyen, tasmik al-Quran bagi Program J-Qaf dan kegiatan kokurikulum di sekolah kebangsaan yang dilaksanakan pada waktu pengajaran dan pembelajaran di sekolah agama.

3. Dari segi pencapaian murid-murid terutamanya tahap 1, yakni darjah 1, 2 dan 3 telah menunjukkan hasil pembelajaran yang berkesan. Peratus murid-murid yang lulus dalam peperiksaan setengah tahun yang dijalankan pada bulan Mei 2008 yang lalu, telah meningkat sebanyak 5% iaitu peningkatan daripada 87% kepada 92%. Dan, ada beberapa buah sekolah yang melaksanakan persekolahan anjal ini mencapai kelulusan 100% seperti Sekolah Agama Pekan Pagoh, Muar dan Sekolah Agama Bandar Seri Perani, Kota Tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Agama Johor tidak menyediakan aktiviti khusus kepada murid-murid semasa tidak bersekolah selama 3 hari bagi tahun 1, 2, dan 3. Untuk makluman, masa pembelajaran 2 hari dengan persekolahan anjal adalah menyamai masa pembelajaran selama 5 hari seminggu bagi tahun 2 dan 3. Masa 3 hari bagi murid-murid ini adalah bertujuan memberikan ruang kepada sekolah kebangsaan untuk menjalankan Program J-Qaf, sukan, kokurikulum, beruniform dan tuisyen. Perkara ini telah dibincangkan bersama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Johor pada bulan Februari 2008 yang lalu. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak bercadang untuk mengambil keputusan tergesa-gesa melaksanakan persekolahan anjal ini ke seluruh sekolah agama menjelang tahun 2010. Semua dapatan dari kajian projek rintis ke atas 43 buah sekolah ini akan dilengkapkan sebelum menjelang akhir 2009. Segala kajian akan dibentangkan terlebih dahulu kepada pihak kerajaan sebelum keputusan muktamad dibuat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kurikulum Sekolah Agama Johor bermula daripada darjah 1 hingga ke darjah khas. Kurikulum ini adalah sangat bersesuaian bagi memenuhi keperluan roh, akal dan ihsan, bukan saja dalam pembentukan sahsiah diri seseorang Muslim, bahkan dalam soal membina keluarga, masyarakat dan negara. Contohnya, Tauhid, Ibadat, Munakahat, Muamalat, Jenayat, Akhlak, Sejarah Islam, Bahasa Arab, Pendidikan al-Quran dan Hadis.

Dengan keputusan Kerajaan Negeri supaya semua anak Islam Negeri Johor menamatkan sistem persekolahan agama seawal usia 12 tahun, maka satu kertas kerja semakan semula kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Johor telah dimajukan kepada kerajaan, bertujuan menyedia dan melaksanakan kurikulum baru sekolah agama yang lebih sesuai, berdasarkan arus pendidikan semasa. Dan, usia pelajar yang memulakan persekolahan di Sekolah Agama Kerajaan Johor seawal usia 7 tahun.

Selain itu Yang Berhormat Dato' Speaker, ia bertujuan menyeragamkan penggunaan sistem ejaan jawi terkini terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kurikulum baru ini dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2008, darjah 1

tahun 2009, darjah 2, 4 dan 5 tahun 2010 dan darjah 3, 6 dan darjah 3 dan 6 darjah, dan darjah khas. Terima kasih.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya, apabila sesi 2, 3 hari sekolah agama ini dijalankan, saya nak tahulah adakah prestasi pembelajaran murid-murid ini lebih baik atau menurun. Kalau kita setakat ada sekolah agama saja, sesi 2 hari, 3 hari dalam seminggu tapi prestasi dia makin menurun, saya rasa tak ada makna dan tak ada erti jugak. Soalan saya, saya nak tahu prestasi pelajaran mereka ini dalam sesi 2 atau 3 hari seminggu. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Nusajaya. Antara reaksi yang kita gunakan untuk, apa ni menentukan prestasi contohnya murid-murid ialah melalui peperiksaan. Dan sebagaimana yang saya nyatakan tadi, dari segi pencapaian murid-murid terutama tahap 1 iaitu bagi darjah 1, 2 dan 3, ia telah menunjukkan hasil pembelajaran yang berkesan. Peratus murid-murid yang lulus dalam peperiksaan setengah tahun yang diadakan di dalam bulan Mei 2008 yang lalu, telah meningkat sebanyak 5% dari 87% kepada 92%, dan malah ada setengah-setengah sekolah yang menyertai program persekolahan anjal ini mencapai hingga ke tahap 100%. Jadi dengan maklumat ini, ia jelas menunjukkan terdapat keberkesanan sistem yang kita laksanakan di sekolah-sekolah ini, Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada EXCO berkenaan telah memberi jawapan berkenaan soalan sekolah agama 5 hari, 3 campur 2. Terlebih dahulu saya ingin menanyakan apa yang dijelaskan oleh EXCO tadi berkenaan dengan apa ni, keputusan peperiksaan yang mana kelulusan telah meningkat pada tahun ini. Untuk makluman Dato' Speakerlah, saya nak jelaskan sikit, hujung tahun ini saya pergi melawat sebuah sekolah agama di tempat sayalah, yang mana murid-muridnya sedang menjalankan peperiksaan. Yang jelas apa yang nak saya beritahu pada EXCO, cikgunya membaca soalan. Soalan dah senang dah tahun 1, contoh dia, satu hari ada berapa waktu sembahyang. Cikgu baca (a), 2 waktu, (b) 5 waktu, (c) 3 waktu. Pilih satu, (d) 4 waktu. Lepas tu budak bangun jawab 5 waktu. Itu semua tulis 5 waktu, mana yang katakan budak boleh berkesan. Budak sebenarnya tak boleh baca. Fasal saya melihat sendiri, saya lawat sendiri mungkin EXCO tak melawat. Dan, saya pergi lawatan juga pada masa budak mengajar pukul 4:00 lebih, pukul 3:00 lebih, budak tidur. Saya ambil gambar, saya ada bukti kalau EXCO nak. Budak tidur dekat itu. Hanya budak belajar 4 jam setengah, pagi 5 jam, petang 4 jam setengah. Persoalan sekarang, apa dia kata EXCO tadi tidak ada bantahan. Saya ada bukti bantahan contoh di Penawar, di Simpang Renggam. Ada bantahan. Kita ada bukti, mak bapak hantar bantahan kepada jabatan. Kalau kata EXCO tak ada bantahan adalah tidak logik pada saya, tidak benar. Jadi,

walau bagaimanapun, saya percaya program persekolahan 3 campur 2 ini gagal oleh Jabatan Agama. Saya harap pada…

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Soalannya, nanti saya ucap nanti saya sambunglah. Soalan dia, adakah kerajaan akan meneruskan program ini? Dan juga adakah pihak Jabatan Agama telah mengadakan perjumpaan dengan Pengerusi-pengerusi Badan Kebajikan Sekolah-sekolah Agama. Setahu saya Pengerusi, tak ada. Dia beri taklimat pada guru, Guru Besar, guru lepas itu serah guru. Itu saja. Saya berani cakap fasal ada rakaman. Saya sergah cikgu, paksa cikgu, yang ada cikgu berani menentang dia. Itu bukti. Jadi, saya cadangkan supaya Jabatan Agama sebelum dia buat, meneruskan, kena panggil Pengerusi PIBG dan juga Wakil-Wakil Rakyat, dan pemimpin-pemimpin masyarakat sama ada dia setuju tak setuju terutama sekali orang ramai, Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Dato' Speaker, saya tidak katakan tidak ada bantahan Yang Berhormat Dato' Speaker. Apa yang saya maksudkanlah ialah sejak bulan Mac 2008, bulan Mac 2008, kita tidak ada terima bantahan. Mungkin ada bantahan sebelum ini tapi sejak bulan Mac tidak ada bantahan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mengalu-alukan sebagaimana yang saya nyatakan, program ini adalah program rintis yang mengambil masa 2 tahun sehingga 2010, sebelum kita buat keputusan untuk, sama ada meneruskan ataupun sebaliknya. Kita akan bentangkan kepada kerajaan hasil daripada program ini, dapatan dia, dari kajian dia, sama ada dia memberikan kebaikan kepada anak-anak kita, ibu bapa kita, masyarakat kita, kita akan bentangkan kepada kerajaan. Tetapi sebelum kita sampai pada tahap itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon kerjasama semua pihak, dari guru, dari Wakil-Wakil Rakyat ini, berikan maklumat-maklumat sebagaimana yang saya katakan, berikan maklumat kepada kita. Kerana kita perlukan sangat maklumat itu sama ada untuk memperbaiki dan untuk mendapat tahu apakah dapat sambutan dari ibu bapa atau tidak. Jadi kerana dengan maklumat itu, dapat kita buat penilaian sebelum kita buat keputusan-keputusan nanti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang sebagaimana yang saya nyatakan tadi, pada peringkat awal itu kita memang buat perjumpaan, satu siri perjumpaan dengan pegawai-pegawai, guru-guru dan juga Jawatankuasa Badan Kebajikan termasuklah pengerusi-pengerusi dan sebagainya. Kepada sekolah-sekolah yang berkenaan, kerana apa yang pentingnya sekolah-sekolah yang berkenaan, sebanyak 43 sekolah. Dan, kita tak, kita tak lanjut kepada sekolah-sekolah lain, kita pergi kepada 43 sekolah. Dan, sekolah-sekolah inilah yang terlibat dengan program ini, kecualilah kita nak sambung, kita nak panjangkan, kita nak luaskan kepada sekolah-sekolah lain, ha, itu mungkin kita akan libatkan badan-badan kebajikan sekolah-sekolah masing-masing. Tapi buat setakat ini, dia hanya *pilot project* yang mengambil masa 2 tahun. Saya rasa cukup untuk kita tetapi kita tidak pernah menghalang mana-mana sekolah ataupun mana-mana pihak, sama ada individu ataupun daripada kelompok, ataupun persatuan untuk memberikan maklumat kepada kita. Dan, kita

memang menggalakkan, menggalakkan sebagaimana yang saya katakan tadi. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah program 2, 3 ni adalah sebahagian daripada persediaan kerajaan untuk menangani masalah sekolah satu sesi yang dicadangkan akan diadakan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan apakah persediaan kerajaan nak menghadapi masalah pembelajaran anak kita, sekolah agama ini apabila sekolah satu sesi Kementerian Pelajaran diadakan dan tidakkah Sekolah Rendah Agama Bersepadu Kerajaan Johor itu akan dinaiktarafkan atau ditambahkan lagi kerana ini nampak satu alternatif yang kelebihan pada anak kita, kalau berlaku sekolah satu sesi di Kementerian Pelajaran kita ada, SRAB untuk khusus untuk Negeri Johor ni. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Maharani. Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Agama Kerajaan Johor ni telah wujud hampir 100 tahun. Dia lagi, dia menjadi nostalgia. Saya rasa sebahagian besar, sebahagian besar malah mungkin semua sekali terutama anak Johor menerima pendidikan sekolah agama ini. Kerajaan tu, sebagaimana yang saya difahamkan akan terus meneruskan sekolah-sekolah agama ni sampai bila-bila. Soal satu sesi itu, itu soal kemudian. Tapi, kita akan macam mana pun kita akan teruskan dengan sekolah agama ini, Yang Berhormat Dato' Speaker. Soal lagi satu, soal SRAB, SRAB ini sebenarnya memang program Kerajaan Negeri dan Sekolah SRAB mendapat, mendapat apa ni, sambutan yang cukup baik. Malah, saya dimaklumkan daripada keputusan peperiksaan UPSR yang baru-baru ini, keputusan dia agak menggalakkan. Malah saya nak beritahu, Yang Berhormat Dato' Speaker, 7, sebagaimana yang saya nyatakan sebelum ini, untuk di Johor Bahru aje, kita ada *waiting list* lebih kurang 70 orang pelajar-pelajar yang nak masuk ke SRAB Johor Bahru, tapi kita tak dapat, sebab tempat terhad. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya kasi lain, jemput. Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai kurikulum Sekolah Agama Negeri Johor, kalau kita lihat daripada subjek-subjeknya saya percaya bahawa ia adalah lengkap. Tapi persoalannya adakah ia relevan, sesuai dengan tahap-tahap umur anak-anak kita. Saya bagi contoh, ini berlaku pada anak saya yang berumur 9 tahun. Pada satu petang dia bangun tidur, dia terus mandi. Mandi lama sikit dalam bilik air tu, bila dia keluar saya tanya, apasal mandi lama sangat? Dia kata, mandi wajib. Umur 9 tahun, saya tanya dia, pasal apa mandi wajib? Katanya dia bermimpi, mimpi apa saya tanya? Mimpi gembira, katanya. Saya tanya dia, apa gembiranya, gembira, suka, siapa yang ajar? Cikgu sekolah agama ajar, kalau kita mimpi gembira, suka, mandi wajib.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, mandi apa?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Mandi wajib, Yang Berhormat Dato' Speaker. Budak umur 9 tahun, diajar di sekolah agama, kalau bermimpi gembira, suka, kena mandi wajib. Jadi, saya nak tahu, kalaulah ini kurikulumnya, subjek yang diajar bagi umur budak 9 tahun, serta fikah yang begini tinggi, yang tidak sesuai untuk umur yang kanak-kanak macam ini. Jadi, adakah Jabatan Agama, cuba nak mengkaji balik, tentang, kurikulum itu baik, tapi adakah sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak yang begitu rendahnya? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat kawasan Sungai Abong. Mungkin, itu dia punya perasaan aje kot, anak dia. Tapi, saya ingat Yang Berhormat Dato' Speaker, kurikulum sekolah agama yang ada sekarang ni, telah pun melalui beberapa peringkat pengubahsuaian. Dan, saya kira dia masih sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Malah sebagaimana yang saya telah nyatakan dalam ucapan saya yang terlebih dahulu. Kalau dulu, Yang Berhormat Dato' Speaker, umur kanak-kanak tu apabila masuk darjah satu sekolah kebangsaan maka terus dia masuk sekolah darjah satu, sekolah agama. Saya dulu, saya bukan darjah satu, Yang Berhormat Dato' Speaker, apa ni, ayah saya Guru Agama, sekarang darjah tiga, saya lebih awal kena masuk sekolah agama. Jadi, dulu darjah satu, maka darjah satu sekolah kebangsaan, darjah satu sekolah agama. Sekarang ni, kerajaan menyedari dan mengambil kira tentang tahap umur dan kematangan anak-anak kita. Maka, kerajaan telah mengubah, apa tu, umur untuk memasuki sekolah ini, apa ni, lebih, maknanya dia punya sukatan pelajaran dia, kurikulum dia, kita ubah, dia, kita kemukakan kurikulum baru sekolah agama yang lebih sesuai dan berdasarkan arus pendidikan semasa. Di mana usia, usia dia adalah memulakan persekolahan sekolah agama, seawal 7 tahun. Jadi, dengan harapan supaya budak-budak kita ni, apabila habis sekolah darjah enam, satu, dia habis darjah enam sekolah agama. Keduanya, oleh kerana dia masuk awal, kita kena ubah dia punya kurikulum dia, kepada kurikulum yang lebih sesuai dengan tahap umur dia masing-masing.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah, jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

a. Berapakah kos pembinaan Jambatan dari Kongkong ke Telok Sengat?
b. Bilakah lebuh raya daripada Senai ke Bandar Penawar siap dibina?
c. Berapakah harga tol yang dikenakan daripada Bandar Penawar ke Senai dan adakah kerajaan bercadang supaya pengecualian bayaran tol tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, projek-projek Lebuh Raya Senai – Pasir Gudang – Desaru sepanjang 77 kilometer. Jumlah kosnya ialah RM1.6 bilion. Kos ini merangkumi kos pembinaan *highway* berkenaan sebanyak RM1.06 bilion dan RM501 juta ialah kos untuk pengambilan balik tanah. Syarikat konsesi yang telah diberikan tanggung jawab membina lebuh raya ini adalah Senai Desaru Expressway Berhad ataupun SDE. Projek ini telah bermula pada 18

Julai 2005 dan dijadualkan siap Ogos yang lalu iaitu selama 36 bulan. Walau bagaimanapun, pihak LLM telah memberikan lanjutan masa selama 12 bulan lagi kepada syarikat ini untuk menyiapkan pembinaan lebuh raya yang saya maksudkan ini sehingga bulan Julai tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lewatnya ialah antara sebab utamanya ialah masalah, antara sebabnya ialah masalah PBT itu tadi ataupun pengambilan balik tanah, masalah bekalan bahan binaan, kos yang meningkat dan juga seperti pasir dan keadaan cuaca yang tidak menentu. Itu antara kos yang diberikan oleh pihak syarikat.

Dan, untuk makluman Dewan juga, kos pembinaan jambatan kabel yang menyeberangi Sungai Johor di sepanjang *highway* ini adalah sebanyak RM391,942,326 dan16 sen, *very precise* eh, dengan izin, 16 sen. Yang ini ADUN yang berkenaan boleh tolong bayarkanlah 16 sen. Cadangan kadar tol yang akan dikenakan adalah sebanyak 13 sen bagi setiap kilometer.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Dan, bagi perjalanan dari Senai hinggalah ke Bandar Penawar, dijangka kosnya bersekitaran RM10.00. Pada masa ini, kerajaan belum bercadang supaya dikecualikan bayaran tol. Kerana ikut perjanjiannya pun memang ada tol. Jadi, memang tol ini akan dikenakan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, jemput.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya, soalan nombor 6.

Tapak-tapak Rumah Yang Telah Dikurniakan Oleh Kerajaan Negeri Johor Kepada Generasi Kedua FELDA.

a. Berapakah jumlah keluasan tanah dan jumlah generasi kedua FELDA yang telah berjaya dikurniakan tapak rumah kepada generasi kedua FELDA dalam Negeri Johor?
b. Bolehkah pemohon-pemohon (generasi kedua FELDA) yang telah berjaya dikurniakan tapak rumah, untuk mendirikan rumah masing-masing melalui Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), di bawah Kementerian Kewangan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga kini Kerajaan Negeri Johor telah mengurniakan tapak rumah kepada generasi kedua FELDA dengan keluasan tanah berjumlah 111.251 hektar di 11 buah rancangan FELDA. Purata keluasan tanah bagi setiap pemohon adalah sebanyak 6,000 kaki persegi seorang dan jumlah penerima melibatkan 1,754 orang anak-anak peneroka dari 11 buah rancangan dalam Negeri Johor seperti berikut:

1. FELDA Bukit Ramun, 176 orang dengan keluasannya 10.56 hektar;
2. FELDA Bukit Besar, 68 orang dengan keluasan 4.08 hektar;
3. FELDA Sungai Sayong, seramai 238 orang dengan keluasan 14.28 hektar;
4. FELDA Taib Andak, seramai 129 orang dengan keluasan 7.74 hektar;
5. FELDA Tenang, 82 orang dengan keluasan 7.30 hektar;
6. FELDA Chempelak, seramai 187 orang yang terlibat dengan keluasan 10.42 hektar;
7. FELDA Chempelak Barat, seramai 63 orang dengan keluasan 4.095 hektar. Ketiga-tiga FELDA tersebut adalah di bawah kawasan Yang Berhormat Tenang;
8. FELDA Kemelah, seramai 98 orang dengan keluasan 8.71 hektar;
9. FELDA Bukit Serampang dengan seramai 101 orang dengan keluasan 10.19 hektar;
10. FELDA Air Hitam seramai 284 orang dengan keluasan 15.586 hektar dan yang kesebelas, FELDA Bukit Batu, seramai 328 orang dengan keluasan 18.29 hektar. Dan, itu yang keseluruhannya sebanyak 111.251 hektar.

Dan, bagi soalan bolehkah mereka yang dikurniakan tanah untuk mendirikan rumah melalui Skim Rumah Mesra Rakyat? Jawapannya Yang Berhormat, mereka-mereka yang berjaya, boleh mendirikan rumah dengan perbelanjaan sendiri dan layak untuk memohon pinjaman melalui Skim Rumah Mesra Rakyat yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Saya, bagi pihak generasi kedua FELDA khasnya di kawasan saya, saya nak ucap terima kasih pada pihak kerajaan yang begitu prihatin terhadap masalah peneroka-peneroka FELDA khususnya generasi kedua. Soalan saya, Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah FELDA ini sebenarnya begitu ikhlas untuk mengurniakan tanah bagi kegunaan generasi kedua untuk mendirikan rumah-rumah mereka? Oleh kerana, saya faham dan saya difahamkan bahawa sebahagian daripada tapak-tapak rumah yang telah dikurniakan kepada generasi kedua ini, umumnya tanah-tanah yang tidak baik ataupun yang kurang baik dari segi keadaan ilmu alamnya. Maksudnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, ada tanah paya, ada tanah lembah, ada gaung. Dan, yang lebih malang sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, ada sebahagian daripada peserta-peserta ini di satu rancangan dalam kawasan saya dikurniakan sebelah tanah kubur.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, tanah apa?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tapak rumah tu untuk generasi kedua ni, Dato' Speaker, diracik-racik diberi kepada peneroka atau peserta ini tanah yang bersebelahan dengan tanah kubur.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak kena tanah kuburlah?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Belum lagi, sebelah.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, bagus juga, sentiasa insaf saja, kubur sebelah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tapi, tak sesuai Dato' Speaker. Jadi, saya nak tahu, sekarang ini saya sedang berunding dengan Pejabat Tanah untuk menukarkan tapak-tapak tanah yang tak sesuai ini kepada keadaan yang lebih sesuai. Kita nak salahkan Pejabat Tanah pun tak boleh. Oleh kerana dari segi racikan, Dato' Speaker, dibuat oleh FELDA. Pejabat Tanah, pejabat-pejabat kerajaan hanya menerima cadangan daripada FELDA kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan tapak rumah sebagai ganti kepada tanah-tanah yang tidak berapa sesuai ini. Soalannya, agaknya boleh tak perkara itu dilakukan, yang pertama dari segi penggantian, yang kedua dari segi tempat-tempat yang lebih baik, yang lebih selesa. Senang kata, kalau nak tolong, kita tolong betul-betul. Terima kasih, Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya Pejabat Tanah bersama-sama dengan Pejabat FELDA, kita mengenal pasti tanah-tanah tersebut dan kita sedia maklum akan masalah yang berlaku. Dan, perbincangan boleh dibuat di antara Pejabat Tanah dan juga FELDA dan kita sebenarnya dari segi keikhlasan semua, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita hendakkan yang terbaik. Terutama kalau FELDA dia hendakkan yang terbaik untuk generasi kedua FELDA supaya mereka yang tidak mempunyai rumah, untuk tanah untuk dibuat rumah, itu yang kita hendak dapatkan. Tetapi, masalah yang berlaku dengan keadaan tanah tersebut, Yang Berhormat, itu kita akan kenal pasti semula dan insya-Allah, kita akan berbincang semula untuk mendapatkan kepastian dan seterusnya, insya-Allah untuk mengatasi masalah yang disebutkan sebentar tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong, jemput.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

a. Ekoran harga minyak mentah global turun secara mendadak sejak akhir-akhir ini, kerajaan turut menurunkan harga runcit petrol dan diesel. Walau bagaimanapun, mengapakah harga bekalan elektrik masih tidak menurun?
b. Adakah pihak kerajaan akan mengambil inisiatif dan langkah-langkah untuk mengambil tindakan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, tarif penggunaan tenaga elektrik adalah ditentukan oleh Jemaah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, buat masa ini, Kerajaan Pusat masih belum membuat keputusan untuk menurunkan tarif elektrik.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, jemput.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta maaf.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, lain kali lekaslah bangun (Dewan ketawa). Lambatlah…Ok, ok.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat, kalau boleh saya nak minta EXCO terangkan bahawa wakil dari TNB jangan sengaja-ngaja dia terangkan bahawa harga minyak naik, dia nak naikkan harga elektrik. Minyak sudah turun, dia kata dia bukan pakai bahan diesel untuk menggunakan bekalan elektrik. Oleh itu, rakyat kita runsinglah. Harga diesel naik, elektrik naik. Harga minyak turun, harga elektrik tak turun.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, elektrik tak turun lagi eh? Oh, padan saya punya bil tinggi. Oh…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang saya faham perkara yang diwujudkan oleh Yang Berhormat daripada Pulai…

Y.B. Dato' Speaker : Pulai Sebatang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Sebatang.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan Sebatang…Pulai Sebatang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Pulai Sebatang.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Mengikut Peraturan 25(6), oleh kerana perkara ini adalah dalam bidang kuasa hak Kerajaan Pusat, jadi saya tak ada, tak boleh ambil keputusan sebelum Kerajaan Pusat ambil keputusan. Saya hanya menurutkan perintah daripada Kerajaan Pusat. Tetapi saya berusaha untuk masuk laman web Kementerian KTAK, rasmi, laman web yang rasmi, saya ada dapat kenyataan daripada laman web tersebut telah menyatakan di Semenanjung, Menteri telah berkata, tenaga elektrik yang dihasilkan di Semenanjung Malaysia tidak menggunakan minyak, sebaliknya banyak menggunakan gas dan arang batu.

Di Semenanjung Malaysia, kita dapat tenaga elektrik daripada tiga punca iaitu dihasilkan oleh gas sebanyak 60%, arang batu sebanyak 30%, 6 hingga 7% dari tenaga hidro dan bakinya dari sumber-sumber lain katanya. Jadi, beliau berkata harga gas yang dibekalkan oleh Petroleum Nasional Berhad (Petronas)

kepada pihak industri yang mengeluarkan tenaga elektrik pada kadar RM14.31 per mm/btu juta unit terma British. Harga itu lebih rendah daripada kos yang Petronas perlukan antara RM20.00 dan RM25.00 untuk menghasilkan gas sebanyak 1 unit mm/btu, tetapi Petronas jual kepada sektor tenaga hanya RM14.31 per mm/btu maknanya subsidi yang besar diberikan kerajaan melalui Petronas kepada sektor tenaga berhubung dengan gas itu, katanya. Dan, bagi harga arang batu pula, beliau berkata sejak kenaikan tarif elektrik pada Julai lepas hingga sekarang, harga arang batu tidak pernah turun bawah pada USD, dengan izin USD75 satu tan metrik, mana ada kalanya naik kepada USD80 hingga USD90 satu tan metrik. Kalau *trend* harga arang batu turun bawah USD75 satu tan metrik, maka kementerian ini akan meminta TNB membuat semakan semula tarif elektrik ke bawah iaitu dalam kandungan turun harga tarif elektrik, katanya. Dan, beliau berkata semakan kadar baru tarif elektrik akan dibuat pada Jun tahun depan dan akan diumumkan pada Julai. Itu yang saya boleh dapat daripada laman web rasmi kementerian.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah perancangan kerajaan untuk menggunakan bahan alternatif untuk menurunkan harga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, itu adalah bidang kuasa Kerajaan Pusat, sama ada gunakan nuklear ke atau lain, Kerajaan Negeri tidak boleh mengambil keputusan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini Kerajaan Pusatlah Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ya, Kerajaan Pusat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pindah ke Pusatlah, jadi Menteri (Dewan ketawa). Ha, ok, ok…Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) bagi pihak Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Dato' Speaker, menurut peruntukan Peraturan 26(4). Soalan saya nombor 8.

Masalah disiplin dan masalah sosial para pelajar semakin meningkat sejak kebelakangan ini dan amat membimbangkan jika dibandingkan dengan keadaan sebelum ini yang mana bukan sahaja melahirkan pelajar yang cemerlang tetapi mempunyai sahsiah yang baik. Sehubungan itu, adakah kementerian bercadang untuk menguatkuasakan kembali kuasa merotan dan apakah langkah-langkah pencegahan seterusnya bagi membendung masalah tersebut?

Y.B. Dato' Speaker : Ha…ah, nasib baik sebut, saya ingat dah jadi Datuk Hasni tadi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, kuasa merotan memang telah sedia ada. Guru besar dan pengetua telah diberi kuasa merotan melalui Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran yakni Disiplin Sekolah 1959. Pada hakikatnya kuasa merotan tersebut tidak pernah dimansuhkan. Namun begitu, guru besar dan pengetua digalakkan menggunakan pendekatan yang lebih berhemah dalam menangani masalah salah laku. Walau bagaimanapun, merotan di khalayak ramai ataupun *public caning* tidak dibenarkan sebagaimana Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7/2003.

Peraturan 5, bagi maksud menjaga disiplin di kalangan murid-murid, guru besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat. Dengan syarat bahawa hukuman dera kepada murid-murid perempuan adalah dilarang, dan hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang guru atau lain-lain kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merotan dengan rotan yang ringan di tapak tangan ataupun di punggung yang berlapik dengan pakaian dan hendaklah dijalankan hanya guru besar ataupun dengan kuasa nyata yang diberi olehnya dalam hal yang tertentu.

Sekolah sentiasa peka dalam usaha melaksanakan langkah-langkah pencegahan dengan melaksanakan berbagai aktiviti ataupun program. Di antaranya ialah:

1. Sesi kaunseling individu dan juga kelompok.
2. Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah.
3. Program Motivasi dan Jati Diri. Ia dilaksanakan oleh sekolah sendiri dan Jabatan Pelajaran Johor di Pusat Kokurikulum Negeri. Ia melibatkan pemilihan murid yang berisiko. Ia dilakukan melalui dua program setiap tahun.
4. Jabatan Pelajaran Johor telah menyediakan Program Integrasi Tangani Antisosial ataupun PINTAS yang terdapat 9 modul yang dinamakan Awas 1 hingga Awas 8.

Awas 1, bagi Gerakan Maklumat Bersepadu; Awas 2, Pelaksanaan Modul Peningkatan Disiplin; Awas 3, Operasi Ponteng Sekolah; Awas 4, Operasi Ponteng Kelas; Awas 5, Operasi Datang Lewat Ke Sekolah; Awas 6, Operasi Buli Di Asrama; Awas 7, Gerakan Tumpuan; dan Awas 8, Jawatankuasa Permuafakatan Disiplin Sekolah.

Semua yang dilakukan sebagai menangani, mencegah salah laku murid. Namun kejayaannya juga memerlukan kerjasama dari semua pihak yang berkaitan dengan murid-murid berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, jemput.

Y.B. Datuk Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 9.

a. Apakah langkah kerajaan bagi mengembalikan kegemilangan sukan bola sepak Negeri Johor?
b. Berapakah hutang yang ditanggung oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dan apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah hutang tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian pasukan bola sepak Negeri Johor khususnya dalam saingan Liga Malaysia agak merosot kebelakangan ini. Antara sebab kemerosotan ini ialah :

1. Tidak ada perancangan yang jelas oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dalam usaha untuk membangunkan pembangunan sukan bola sepak di seluruh Negeri Johor ini termasuklah di peringkat daerah-daerah.
2. Tidak ada kefahaman di kalangan pemain-pemain bola sepak ini terhadap pentingnya Sains Sukan iaitu yang berkaitan dengan *fitness*, dengan izin, dan juga soal-soal pemakanan dalam sukan.

Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan melalui Majlis Sukan Negeri Johor, kita akan menggerakkan usaha-usaha terutama sekali dari segi pembangunan bola sepak Negeri Johor iaitu untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat beberapa tahun kebelakangan ini, tidak ada dianjurkan liga-liga sepertimana Liga J, yang melibatkan Piala Sultan, Piala TMJ, Piala Menteri Besar dan juga Liga Di Bawah 20 Tahun.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui Majlis Sukan Negeri Johor, kita akan menggerakkan Persatuan Bola Sepak di peringkat daerah-daerah yang dibantu oleh Setiausaha Kerja Sukan Daerah iaitu untuk menggerakkan semula program-program Piala Sultan yang mana Piala Sultan ini merupakan liga yang mewakili pasukan-pasukan di peringkat daerah-daerah iaitu setiap daerah akan menghantar satu pasukan untuk bertanding Piala Sultan. Piala TMJ adalah liga di antara kelab-kelab daripada daerah-daerah untuk *division* 1 dan Piala Menteri Besar adalah liga untuk kelab-kelab yang mewakili daerah-daerah untuk *division* 2. Dan juga untuk Liga Bawah 20 Tahun, kita akan bekerjasama dengan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kefahaman tentang Sains Sukan ini sangat penting kerana tanpa disiplin yang baik dan makanan yang teratur, tak mungkin atlit ini akan mencapai satu tahap kecemerlangan. Dan, pada hari ini di Negeri Johor, kita ada satu Institut Sukan Negara Peringkat Selatan yang ditempatkan di Stadium Larkin, dan ini kita akan gunakan untuk menekankan soal kefahaman Sains Sukan. Dan, saya telah mengarahkan Majlis Sukan Negeri Johor supaya atlit-atlit yang tidak mematuhi ataupun tidak hendak disiplinkan diri dia dengan Sains Sukan ini, mungkin kita akan keluarkan daripada…termasuk juga sukan-sukan lain, bukan hanya bola sepak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah hutang Persatuan Bola Sepak Negeri Johor antara tahun 1997 hingga Julai 2006 ialah sebanyak RM25.65 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Saya kurang dengar. Berapa Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : RM25.65 juta. Dan ini telah diselesaikan pada tahun…melalui satu kaedah penyelesaian yang ditandatangani oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dan juga Johor Corporation pada 20 Januari 2004 melalui :

1. Penjualan tanah Persatuan Bola Sepak Negeri Johor sebanyak 1.611 ekar kepada Johor Corporation.
2. Melalui pengurniaan tanah kepada Johor Corporation seluas 5.33 ekar dan jumlah daripada penyelesaian kedua-dua ini adalah sebanyak RM27.2 juta dan lebihan RM1.55 juta itu telah diserahkan oleh JCorp kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Johor untuk Tabung PBNJ.

Dan sehingga Oktober 2008, pendapatan PBNJ sebanyak RM3.245 juta dan perbelanjaan yang telah dibelanjakan RM3.551 juta dan buat masa ini kita ada kekurangan lebih kurang RM305,720.00 dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker Dewan, untuk menguruskan Persatuan Bola Sepak Johor ini, dari segi gaji dan juga pentadbiran kita memerlukan lebih kurang RM255, RM250,000 sebulan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, satu soalan je.

Y.B. Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Exco Belia dan Sukan. Kalau kita lihat tentang penerangan mengenai dengan hutang Persatuan Bola Sepak Negeri Johor, kalau dalam tahun 86 hingga tahun 90, bola sepak Negeri Johor ditadbir oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor, kalau ada hutang pun tak banyaklah sampai RM25 juta daripada 97 sampai 2006, RM2.68 juta. Dan cara bayaran adalah dengan memberikan tanah, hak milik Persatuan Bola Sepak Negeri Johor, dan selepas itu, pentadbiran, hasil mendapat RM3.3 juta, dan kegunaan RM5 juta. Makna ada lebihan, lebihan bukan lebihan untung tapi lebihan rugi. Dan saya tengok di Johor, hanya ada *Johor Football Corporation*, ataupun *Johor Football Association* dan Johor Pasir Gudang *Club*, *Johor Football Club* dan Johor Pasir Gudang, *team* yang ada. Soalan saya, ada lagi ke Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini, dan ada lagi ke bakal stadium yang ada kat Larkin ini? Kalau inilah yang dilakukan oleh pihak Johor Corporation. Saya lihat Johor Corporation mengambil kesempatan, untuk mengambil keuntungan daripada pengambilan tanah, dan ini akan merugikan kita rakyat Johor, sebab bola sepak adalah satu mekanisme yang boleh menaikkan nama sukan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi, saya mengharapkan kalau boleh, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini masih wujud dan Stadium Larkin dapat dikekalkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Puteri Wangsa) : Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak nak jawab bagi pihak Johor Corporation, cuma dari segi Persatuan Bola Sepak Negeri Johor, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, kita masih lagi ada Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini, cuma Presiden dia yang dah tak ada, dah letak jawatan pada Julai yang lepas dan hari ini dipangku oleh Timbalan Presiden dia iaitu Tuan Haji Ahmad Muhamad dan juga CEO daripada Kulim.

Y.B. Dato' Speaker : Presiden dia mana Yang Berhormat? Tak ada eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Presiden dah letak jawatan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh dah letak jawatan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Dan, ini akan, sehingga, jawatankuasa yang ada ini, sehingga Mei 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Kita pun dalam proses untuk menyusun balik, struktur…

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini, dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker juga, buat masa ini kita punya penaja masih lagi Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Dan dulu Majlis Perbandaran Pasir Gudang ini bawah Johor Corporation, *so* bila kita Majlis Perbandaran Pasir Gudang dah keluar daripada Johor Corporation, maknanya dia salah satu daripada kita punya Majlis Tempatan. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' juga, untuk kali ini, Persatuan ataupun t*eam* Bola Sepak Negeri Johor tidak akan menggunakan Johor Pasir Gudang lagi, kita dah ada *instruct* atas nama Johor dah tak ada nama Pasir Gudang lagi. Dan yang Johor, satu lagi, Johor FC, itu bawah Johor Corporation.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Itu kelab. Yang Negeri Johor, atas nama Persatuan apa, PBNJ atas nama, Pasukan Johor, bukan lagi Johor Pasir Gudang.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat soalan semua dah selesai. Mana-mana soalan yang disenaraikan untuk dijawab secara lisan belum dijawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAU RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PEMBEKALAN 2009 TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Jemput, siapa nak berucap. Ha, Pengkalan Rinting jangan lama-lama eh. Dah sudah tiga hari, Yang Berhormat mula hari Khamis itu hari.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ucapkanlah terima kasih kerana telah memberikan keizinan untuk saya menyambungkan perbahasan saya pada Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hari ini saya nak membangkitkan masalah di Taman Bukit Indah. Taman Bukit Indah mempunyai lebih kurang 10,000 unit rumah dan juga kedai. Dan ini telah menjadikan satu kawasan penduduk perumahan yang padat. Kawasan perumahan sekitar Taman Bukit Indah, seperti Taman Perling, Taman D-Utama, Taman Bukit Indah 2, Taman Cahaya Emas, Taman Sutera, Taman Nusa Idaman, Taman Horizon Hills, Taman Nusa Bistari, Taman Nusa Bistari 2 dan 3, Taman Tan Sri Yaakob, Taman Uda Utama, Taman Timur dan Bandar Selesa Jaya, yang berhampiran ini, yang semuanya juga ada, sedang pesat membangun dan juga mempunyai lebih kurang 10,000 unit rumah dan kedai lagi. Kawasan-kawasan perumahan ini memang akan padat dengan penduduk setiap hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, klinik kesihatan yang berdekatan yang sedia ada adalah di Jalan Pahlawan Taman Ungku Tun Aminah, dan juga di Kampung Pengkalan Rinting Tampoi selalu sesak dengan orang ramai. Pesakit-pesakit terpaksalah menunggu giliran lama untuk melakukan pemeriksaan doktor. Begitu juga, wanita yang, dengan wanita yang sarat mengandung. Ini memakan masa yang panjang dan mungkin boleh mendatangkan kemudaratan yang serius kepada pesakit ataupun wanita hamil. Ini adalah satu ketidakselesaan dan juga kesulitan yang perlu dihadapi oleh orang ramai.

Ketiadaan pengangkutan awam seperti bas berhenti-henti seperti dari Taman Bukit Indah ke Taman Tun Aminah dan juga Kampung Pengkalan Rinting juga merupakan satu masalah yang besar. Penduduk yang tiada kemudahan pengangkutan terpaksalah memanggil teksi. Dan ini telah menambah bebanan tanggungan keluarga kerana tambang teksi adalah mahal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk pembinaan satu klinik kesihatan di Taman Bukit Indah, memandangkan klinik-klinik kesihatan yang berdekatan seperti di Taman Ungku Tun Aminah dan Tampoi telah sesak dengan orang ramai dan juga menghadapi masalah untuk pergi ke klinik tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika ada perancangan untuk membina klinik kesihatan, saya berharap projek ini dapat dijalankan dengan segera. Jika tiada, saya memohon agar kerajaan dapat membina sebuah klinik kesihatan di Taman Bukit Indah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pasar awam Taman Perling siap dibina oleh pihak MBJB pada awal tahun 1994 dengan menelan belanja sebanyak RM1.3

juta. Pihak MBJB hanya dapat menyerahkan pengurusannya kepada pihak MPJBT pada tahun 2005, walaupun kawasan Taman Perling telah diserah penyeliaan kepada pihak MPJBT pada tahun 2000, pasar awam ini mula beroperasi pada tahun 1995. Saya telah menerima rungutan dari orang ramai di kawasan saya tentang masalah-masalah di pasar awam Taman Perling. Dan saya telah membuat lawatan, turut-turut tiga kali ke pasar awam untuk melihat apa masalah yang dihadapi di kawasan ini iaitu pada 14 Mac, 21 Mei dan juga 14 Julai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mendapati masalah-masalah seperti, kebocoran bumbung dan saluran paip air, lantai pecah, lampu tidak menyala, penutup parit tak ada, tandas tidak buka pada waktu 5:00 pagi, tiada pagar dan barang selalu hilang, lantai licin, bekalan elektrik selalu terputus, paip air bomba bersepah sehingga hari ini masih tidak dapat diselesaikan. Oleh itu saya telah membuat aduan yang serius di Jawatankuasa Tindakan Daerah Johor Bahru pada 7 November 2008, dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah telah bersetuju mengadakan lawatan bersama saya ke pasar awam tersebut pada pagi 8 November, dan memaklumkan kepada saya kemudian bahawa, jumlah belanja pembaikan semula pasar awam Taman Perling memerlukan belanja RM1 juta. Tetapi, beliau memaklumkan kepada saya, buat masa ini, pihak MPJBT tiada wang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin bertanya kepada pihak MPJBT yang telah mengeluarkan belanja sebanyak RM700,000.00 pada tahun 2007 untuk membaiki pasar awam Taman Perling. Mengapa masih ada banyak kerosakan lagi pada tahun 2008, dan apa diperbaiki? Dengan keadaan yang demikian, bolehkah pihak kerajaan membantu untuk memberikan kelulusan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk membaiki masalah-masalah kerosakan yang telah dinyatakan di pasar awam Taman Perling?

Yang Berhormat Dato' Speaker, lepas membangkitkan masalah pasar awam Taman Perling, seterusnya saya juga ingin membangkitkan masalah pasar malam di Jalan Jati 1, Taman Nusa Bestari 2, di kawasan DUN Pengkalan Rinting. Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Persatuan Peniaga dan Penjaja Skudai Johor Bahru, Johor, yang beralamat 20-A, Jalan Silat Harimau 15, Bandar Selesa Jaya, iaitu di DUN Pengkalan Rinting, telah mengemukakan permohonan untuk mengadakan perniagaan pasar malam di Jalan Jati 1, Taman Nusa Bestari 2. Walaupun pihak MPJBT tidak memberikan kelulusan kepada Persatuan tersebut tetapi para perniagaan pasar malam masih boleh mengadakan, menjalankan perniagaan pasar malam di Jalan Jati 1, Taman Nusa Bestari 2 pada setiap malam hari Ahad. Oleh sebab itu, saya telah menerima rungutan dan juga surat tandatangan bantahan daripada tuan kedai perniagaan di Jalan Jati 1, Taman Nusa Bestari 2, yang mana mereka membantah perniagaan pasar malam di Jalan Jati 1, Taman Nusa Bestari 2, kerana keadaan pasar malam ini telah menghalang laluan lalu lintas di situ. Di samping itu, telah menjejaskan perniagaan pada peniaga di Jalan Jati 1, Taman Nusa Bestari 2. Di Jalan Jati 1, Taman Nusa Bestari 2, adalah satu kawasan perniagaan yang berkembang dengan pesatnya, dan lalu lintas di kawasan itu sangat sesak, baik pada waktu siang ataupun pada waktu malam. Maka kawasan Jalan Jati 1, Taman Nusa

Bestari 2, memanglah tidak sesuai untuk mengadakan pasar malam kerana jika berlaku kebakaran, kereta bomba mestilah tidak dapat masuk ke kawasan tersebut untuk menyelamat kebakaran. Maka, siapa akan bertanggungjawab nanti? Oleh itu, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin memohon jasa baik pihak MPJBT agar dapat memindahkan pasar malam tersebut ke satu kawasan yang lebih sesuai di Taman Nusa Bestari 2.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat cadangkan dekat mana? Yang Berhormat tengoklah karang.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam saya juga ada buat lawatan ke kawasan tersebut dan saya juga telah berbincang dengan Pengerusi Persatuan Peniaga yang tersebutlah. Dan, beliau secara mulut berjanji dia bersetuju hendak berpindah ke jalan yang belakang lagi sikit, iaitu Jalan Jati 1.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Jati.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Jalan Jati 2, Taman Nusa Bestari 2 lah. *So*, saya berharap pihak MPJBT dapat berbincang dengan persatuan tersebut untuk memindahkan pasar malam ini ke satu kawasan yang lebih sesuai di Taman Nusa Bestari 2 dan juga memberikan kelulusan kepada pasar malam tersebut supaya pasar malam tersebut akan dapat memberikan jualan makanan, jualan barang-barang yang lebih murah kepada masyarakat tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi projek terbiar yang ingin saya mengetengahkan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu Projek Pembinaan 260 unit kilang industri, dengan di Johor Bahru Perdana Industri yang bersebelahan dengan Taman Tan Sri Yaakob. Daripada 260 unit kilang tersebut, sebanyak 83 unit telah terbengkalai.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker, projek ini dilaksanakan pada November tahun 1996 dan dijangka siap pada November tahun 1998 di mana pemajunya adalah Bukit Pedoman Sendirian Berhad. Daripada 83 unit yang terbengkalai, lebih kurang 30% pembeli kilang itu adalah rakyat Singapura yang melabur di negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah pelabur-pelabur asing ini akan berlabur lagi di negara kita bila memikirkan pelaburan mereka tidak dilindungi? Apakah tanggapan pelabur-pelabur ini terhadap sistem pelaburan di negara kita ini? Tidak kira pelabur asing atau pelabur tempatan, mereka masih lagi membuat bayaran ansuran kepada pinjaman bank sehingga kini tetapi, kilang masih tidak siap selama 10 tahun. Di sini saya juga memintalah pihak penguatkuasaan memainkan peranan lebih aktif dan mengambil segala langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang perlu terhadap bangunan-bangunan yang terbiar itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin berterima kasihlah kepada pihak MBJB yang mana sedang dan juga telah menyiapkan beberapa projek di kawasan Pengkalan Rinting seperti berikut:

1. Memperbaiki dan menaik taraf medan letak kenderaan di Jalan Segget dan bangunan MARA dalam tempoh 6 bulan siap iaitu dijangka siap pada akhir bulan April tahun 2009 yang menelan belanja sebanyak RM1.2 juta.
2. Cadangan menaik taraf jalan dan perparitan di sepanjang Jalan Gertak Merah dari persimpangan Jalan Abu Bakar hingga persimpangan Jalan ke Gereja yang hampir siap yang menelan belanja sebayak RM1 juta.
3. Kerja-kerja membaik pulih serta menaik taraf pintu air sungai Segget sedang berjalan bermula pada 13 November tahun 2008 dan dijangka siap pada 11 Disember tahun 2008 yang menelan belanja sebanyak RM520,000.00 bagi mengatasi banjir kilat khususnya di Jalan Meldrum. Di samping kerja-kerja yang tersebut, saya yakin anggota MBJB dari masa ke semasa sentiasa berusaha untuk memastikan agar tahap kebersihan dan keselamatan khususnya di Pusat Bandar Johor Bahru sentiasa berada di tahap yang memuaskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak MBJB dan juga pihak Polis kerana telah mengadakan 2 pondok 'Bit Polis' di Bandar Johor Bahru iaitu di hadapan KOMTAR dan juga di Jalan Stesen. Bagi pondok 'Bit Polis' ini sepatutnya dirizabkan satu atau dua lot *parking* bagi kemudahan anggota bertugas. Tetapi keadaan sekarang menjadi sebaliknya di mana selalunya pondok tersebut terkepong oleh banyaknya kenderaan yang diletakkan sesuka hati khususnya di Jalan Stesen, Jalan Meldrum, seolah-olah tiada peraturan atau tindakan boleh dikenakan ke atas mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tindakan pemandu bas, pemandu teksi dan kenderaan awam yang menurunkan penumpang di simpang Jalan Tun Abdul Razak, Jalan Stesen, hujung *City Square* dengan izin, terutamanya bagi mereka yang hendak ke Singapura menggunakan bas awam kerana lokasi yang hampir dengan *check point* Imigresen ke Singapura. Keghairahan pemandu teksi berbaris menunggu penumpang dari Singapura dari tepi *Merlin Tower,* Jalan Tun Abdul Razak telah semakin panjang hinggalah ke pintu terowong pejalan kaki daripada Singapura. Keadaan tersebut di atas telah menimbulkan kesesakan lalu lintas di Pusat Bandar Johor Bahru akibat dari sikap pengguna jalan raya yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, saya amat berharap agar pihak MBJB dan pihak Polis dapat mengadakan perbincangan agar perkara tersebut dapat dibuat kajian yang menyeluruh terhadap *traffic flow* dan *traffic impact* dengan izin,agar kelancaran lalu lintas ini dapat diperbaiki dan sikap mereka yang tidak bertanggungjawab ini dapat kita atasi dengan cara yang berhemah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, masa.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Lagi sikit sahaja. Ibarat kita menarik benang dari dalam tepung. Di mana jika benang ditarik dengan berhati-hati tentunya tepung tidak akan bersepah.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, pengangkutan. Yang Berhormat Dato' Speaker dalam sektor pengangkutan pelbagai saranan dan juga kempen dijalankan oleh kerajaan dan NGO bagi mengadakan, bagi menggalakkan pengguna menggunakan pengangkutan awam ataupun berkongsi kenderaan. Malangnya, saranan dan kempen dipandang sepi oleh pengguna. Ini tidak mengejutkan kerana sistem pengangkutan kita khususnya dalam daerah Johor Bahru amat lemah dan tidak sistematik. Banyak taman perumahan tiada perkhidmatan pengangkutan bas awam. Jadual yang tidak teratur, berlumba semasa, berlumba sesama sendiri, bas yang uzur dan pelbagai rungutan daripada pengguna. Satu mekanisme jangka sederhana dan panjang haruslah dicari bagi menyelesaikan masalah berkaitan pengangkutan awam. Saya kira LRT adalah satu sistem pengangkutan yang efisien dari segi kos dan tahap boleh kerja untuk bandar raya Johor Bahru.

Dan, akhirnya dalam menghadapi kemelut dan juga kemelesetan ekonomi serta kejatuhan harga komoditi termasuk kelapa sawit akan membawa kesan negatif kepada ramai rakyat di Negeri Johor terutamanya penduduk luar bandar. Saya penuh yakin dan percaya jika sekiranya langkah-langkah positif dengan memastikan rungutan rakyat dapat didengar serta diambil perhatian dan tindakan sewajarnya dilakukan dapat meredakan suasana atau keadaan. Dengan itu, matlamat bajet tahun 2009 yang bertema "Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat" akan dapat dicapai dengan jayanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan kata-kata ini saya menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya ADUN Kempas. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi. Dijemput siapa nak berucap.

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Salam sejahtera, selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker yang mana memberi saya kesempatan untuk berucap bagi membahaskan bajet tahun 2009, Mesyuarat Keempat Bagi Penggal Persidangan Pertama Dalam Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 ini. Setelah diamati pembentangan ucapan bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor tempoh hari, walaupun ianya pembentangan bajet yang defisit untuk tahun 2009, ianya menampak kepada kita satu persediaan yang rapi dan terperinci bagi mengharungi keadaan ekonomi pada tahun 2009 yang mungkin dianggarkan semakin meruncing. Kalau kita lihat daripada defisit sebanyak RM2.75 juta bagi tahun 2009, yang mana hasil kutipan yang dianggarkan berjumlah RM754.98 juta dan perbelanjaan mengurus berjumlah RM748.7 juta, maka kita ketahui bahawasanya anggaran pendapatan Negeri Johor tidaklah sebesar mana kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang mempunyai defisit yang lebih besar daripada kita di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun bilangan anggaran pendapatan bajet Negeri Johor sebanyak RM754 juta untuk 2009. Ianya memadailah dengan pengurusan yang cekap dan berhemah sebagaimana yang dirancang agar ianya terus menyelusup ke akar umbi dan dapat memanfaatkan seluruh rakyat Negeri Johor dari segi penggunaan dan perbelanjaannya. Alhamdulillah, walaupun dalam kebimbangan mengenai krisis ekonomi negeri, negara dan juga dunia pada masa ini, kerajaan sentiasa memandang kepada positifnya untuk merangsang kualiti pembangunan tenaga manusia yang mana kalau diberi keutamaan dari segi nilai-nilai jati diri dan kualiti diri, kita akan mendapati pembangunan kemanusiaan selari dengan kehendak kehidupan dan pembangunan masa hadapan Negeri Johor. Dalam perancangan Pembangunan Iskandar Malaysia di Johor yang akan menjadi pemangkin penting bagi ekonomi Negeri Johor, saya berpendapat, selain daripada menumpukan daya tahan ekonomi menerusi pengukuhan sektor pertanian, sektor perikanan dan juga asas tani, kerajaan hendaklah juga melihat kepada sektor kualiti diri rakyat Johor ini sendiri agar insan yang berintegriti dapat dibentuk seterusnya meningkatkan tahap hidup rakyat Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian sidang Dewan yang mulia, yang mana kalau kita lihat kepada perkembangan pembelajaran masa ini, kita dapat lihat perbandingan antara kaum kepada pengamatan dan cadangan kepada sistem mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Orang Melayu berkehendakkan 2 mata pelajaran ini diadakan dalam Bahasa Melayu dan kebanyakan orang Cina juga menghendakkannya di dalam Bahasa Cina. Apabila orang Melayu mahukan kedua-dua mata pelajaran ini dalam Bahasa Melayu, sebahagian daripada orang UMNO dan juga daripada orang PAS menyokong. Dan apabila orang Cina menyuarakan kehendak mereka agar ianya dalam Bahasa Cina sebagaimana daripada sebahagiannya daripada, orang MCA dan juga DAP menyokong juga.

Nampaknya kita ini kadangkala, kadangkala kalau ada perkara yang sama, persamaan dalam memperjuangkan sesuatu isu atau perkara, apabila ianya ada kepentingan kepada bangsanya, tapi dalam masa yang sama kita biasanya katakan ianya satu isu perkauman. Jadi sebenarnya, malang kepada bangsa kita sendiri, kalau kita hanya sering pandai berkata yang perjuangan kita terhadap isu tersebut berbeza. Maknanya, kerana alasan kita berbeza-beza, di antara satu parti dengan parti yang lain kerana kita hendakkan menjadi popular sahaja.

Orang Melayu kata, di pedalaman, di kampung-kampung takde pusat tuisyen, misalannya, dan kalau ada pun, orang, ibu bapa tidak mampu untuk menghantar anak-anak. Kepada mereka-mereka di kampung-kampung pula kita katakan, orang Melayu, katakan ibu bapa tidak mampu ataupun tidak pandai untuk berbahasa Inggeris jadi tidak dapat mengajar anak mereka dalam bahasa Inggeris. Maka dengan alasan tersebut, orang Melayu katanya akan tercicir dalam kedua mata pelajaran ini dan dikatakan orang Melayu akan kehilangan bahasa ibundanya.

Bagi orang Cina pula pandangan mereka begitu juga. Kalau orang Cina tidak dapat menguasai bahasa ini dalam dua mata pelajaran tersebut, bangsa Cina

akan ketinggalan dan menjadi lemah. Dan dalam kedua mata pelajaran tersebut akan akhirnya, mereka juga akan ketinggalan dari segi pelajaran, akhirnya perniagaan dan juga ianya dikatakan akan hilang bahasa ibundanya.

Pada pandangan India, saya tak berapa pasti, tapi orang India di bandar rasa dua mata pelajaran ini bagus, kerana Bahasa Inggeris menepati kehendak masa kini, kerana Bahasa Inggeris adalah bahasa seluruh dunia. Dan juga orang India di perkampungan, mereka akan ikut sahaja asal ianya baik dan mereka harap kerajaan tidak mengabaikan pendidikan kepada kaum...

Y.B. Dato' Speaker : Ini, ini memang Yang Berhormat siasat ke?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ini saya dah buat kajian, mungkin bukan kajian menyeluruh, kajian kepada kawan-kawan saya yang di bandar dan juga di kampung-kampung.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin betul atau tidak, saya tak pastilah, ini apa, kajian saya sahaja. Tetapi hakikatnya, Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan kerajaan sahaja harus mencari jalan agar isu ini dapat diselesaikan dengan sempurna agar ianya memberi keuntungan kepada semua pihak, bahkan kita orang politik haruslah hentikan polemik pendidikan ini dan tumpukan kepada masa depan pendidikan bangsa kita. Matlamatnya adalah, walaupun saya rasa orang Melayu ataupun orang Cina dan India bersama-sama kehilangan sedikit, tetapi apabila semua pelajar yang berbilang kaum dapat duduk belajar dalam satu keadaan yang harmoni, tenang dan sempurna, maka integrasi kaum barulah boleh dibentuk.

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, dalam perkara ini saya nampak...

Y.B. Dato' Speaker : Dato' Speaker.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker, minta maaf.

Y.B. Dato' Speaker : Ingat ini mesyuarat UMNO ke? (Dewan ketawa)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya lihat di DUN saya, malahan rumah saya, didatangi oleh orang perempuan Cina, sebenarnya di kampung saya tinggal ini, kampung *international*.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kampung apa?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Kampung Kurnia ni tanah i*nternational*. Jadi, ada orang Melayu, Cina dan India. Jadi, dalam kawasan saya ni, seorang Cina, bangsa Cina datang ke rumah saya dan marah-marah mengatakan ni, Dr. Chua Soi Lek ni kenapa mengganggu...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan sebut...

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Minta maaf. Minta maaflah. Dia, dia, dia mengganggu perasaan dia kerana dia kata walaupun dia berketurunan Cina, selama ni dia terhutang bukan budi sahaja kepada orang Melayu, bahkan dia terhutang nyawa kepada orang Melayu. Beliau ni, rasa saya anak beliau pun dah sebesar saya, dah dekat 50 tahun, tapi beliau merasakan begitu tersinggung dia kata, kerana beliau sampai sekarang tak dapat cari ibu bapa beliau. Tetapi, alhamdulillah, beliau berterima kasih kepada kedua ibu bapa angkat beliau, mengambil beliau semasa zaman Jepun dulu dan hidup sampai sekarang, menjadi anak angkat orang Melayu. Jadi beliau merasa tersinggung dan oleh kerana saya ni seperti juga Yang Berhormat Dato' Speaker, dulu masa kempen, kita masuk rumah sampai ke dapur. Rumah beliau ni, saya pun masuk sampai ke dapur.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya sampai ke dapur, Yang Berhormat sampai ke bilik air.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ha, betul sebab saya lalu dapur nak pergi bilik air, ha itulah dia keadaannya, sebenarnya. Jadi beliau, beliau boleh dikatakan rapat juga dengan saya, beliau merasakan tersinggung dengan perasaan yang mana kenyataan oleh seorang ahli MCA. Jadi, dia kata kalau nak, kita nak kata tuan ke, kalau nak kita kata ketuanan itu adalah orang Melayu, dia kata bukan juga, dia kata, tuan kita adalah Agong kita, dia kata, di Malaysialah. Jadi, dia kata, raja-raja ni bolehlah kita kata tuan, ini dia kata sendiri ni. Jadi dia kata, kalau nak kata tuan dia kata, kita tengok kes pembantu rumah yang didera tu, Nirmala, dia kata, ha tu betul, tuan rumah tu, tuan tu, majikan beliau telah dikenakan hukuman 18 tahun penjara, ha tu betul.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi Yang Berhormat, itu masih lagi dalam perbicaraan, tak payah sentuh. Dia nak rayuan.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Dah, dah dihukum, Yang Berhormat. Tapi ini adalah sengaja saya katakan sebagai contoh sahaja. Jadi dalam perkara ini saya berharaplah kepada bangsa lain, janganlah sampai kita menyinggung perasaan orang lain kerana dalam masa perbahasan ataupun peribahasa Melayu, "Jangan sampai sarang tebuan dijolok", dan juga ubi, "Diam-diam ubi tu makin lama, dia makin membesar". Ianya akan menjadi parah, sekiranya tidak dicabut ubi tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi perkara yang saya ingin diutarakan dalam Dewan yang mulia ini, adalah masalah pelajar yang sedang membuat latihan industri ataupun kita panggil sekarang, *practica*l, dengan izin, di institusi kerajaan mahupun di jabatan-jabatan, kilang-kilang dan juga syarikat-syarikat. Mereka ini apabila diterima untuk menjalani praktikal ataupun latihan industri di tempat-tempat yang telah ditetapkan oleh IPTA, IPTS mereka, mereka akan mula diberi tugasan kepada bidang pelajaran mereka ceburi. Malangnya, ada sesetengah tempat mereka praktikal ini, tidak langsung memberi kerjasama dan tidak memberi peluang untuk mereka membuat kerja yang benar-benar merangkumi bidang yang mereka pelajari di IPTA, IPTS.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya meminta kepada pihak yang menerima pelajar untuk membuat praktikal ini di tempat mereka, berilah kerjasama yang sebaik mungkin kepada pelajar-pelajar ini agar latihan yang diberikan benar-benar memanfaatkan kepada mereka dan menjadikan pengalaman serta ilmu tersebut sebagai bekalan, seterusnya boleh digunakan dengan berkualiti kepada masyarakat akan datang.

Contohnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau pelajar-pelajar bidang *civil engineering* ini di syarikat-syarikat kontraktor ini, apabila mereka ambil pelajar ini, mereka akan hantar ke *site* untuk membuat kerja mereka. Kadang kena jaga, apa, berbagai-bagainya. Takde pun didedahkan, sebenarnya, aktiviti-aktiviti sebagai seorang *civil engineering, civil engineer* tersebut. Malahan ada sebahagiannya, mereka hanya ditempatkan di pejabat buat kerja-kerja untuk kontraktor tersebut. Jadi, kerja-kerja pejabat ni kadang kerani takde pejabat apa semua ni, budak, pelajar-pelajar nilah kena gantikan.

Begitu juga dengan di bidang akauntan. Pelajar-pelajar ni duduk di pejabat, hanya *sorting* dia punya resit ni yang mana pergi debit, mana pergi kredit, ha itu ajelah. Kalau dia kena sebulan praktikal, itu aje yang dia dapat. Jadi saya tak rasa perkara ini, kebaikan untuk mereka, malahan mereka ni hanya, hanya membuat kerja untuk mereka-mereka yang mengambil mereka untuk praktikal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya, banyak tempat-tempat praktikal ni sengaja mengambil mereka kerana pelajar untuk membuat praktikal di tempat mereka ni hanya untuk menggunakan tenaga kerja mereka ini, yang mana kita kirakan dia murah kerana pelajar yang membuat praktikal ini tidak perlu diberi imbuhan atau sebagainya. Pada akhir praktikal, mereka ni hanya mendapat surat sokongan sahaja daripada pihak-pihak mereka buat praktikal itu, dan juga pensyarah mereka cuma menilai kepada surat sokongan yang diberikan untuk penilaian prestasi mereka membuat praktikal. Sebenarnya adalah, kualiti sebeginikah yang kita mahukan terhadap pelajar-pelajar kita pada masa ini? Saya mengharapkan pensyarah ataupun pihak institusi yang pelajar mereka pergi buat praktikal ni, saya berharap mereka pergilah memantau dan pastikan pelajar-pelajar ini betul-betul mendapat ilmu yang berkesan dan menaikkan pengalaman daripada tempat praktikal mereka ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mana dalam pembentangan Bajet 2009 juga ada menyentuh soal meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Terima kasih kepada guru-guru sekolah dan juga warga sekolah dalam DUN Tanjung Puteri yang mana telah bekerjasama dengan saya dalam menjayakan aktiviti di sekolah-sekolah terutamanya Program Kurikulum Mengenai Kelab Media yang saya jalankan. Program kurikulum ini bertujuan menyahut seruan Kementerian Pelajaran berteraskan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang bertujuan memperkasakan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan serta meningkatkan Modal Insan pelajar dalam semua bidang pendidikan. Untuk meningkatkan Modal Insan kepada pelajar, salah satu cabang pembelajaran adalah di bidang penyiaran atau media, yang mana saya rasa belum lagi diketengahkan kepada pengetahuan para pelajar.

Melalui program ini, pelajar didedahkan kepada bidang penyiaran yang kini mula mendapat tempat di negara kita. Bidang penyiaran tidak hanya tertumpu kepada penerbitan sahaja. Kalau kita lihat ianya dah luas, kepada terbuka kepada di radio, TV, Internet dan apa juga maklumat, maklumat kini hanya di hujung jari kita. Dan juga rakan-rakan kita, rakan media pun. Inilah dia punya, sebenarnya, dia punya skop pelajaran, pembelajaran dia. Jadi, jadi berdasarkan kenyataan itu, saya memberi penekanan kepada kegiatan kurikulum sekolah yang ada hubung kait dengan penyiaran kepada pelajar sekolah kebangsaan dan menengah kebangsaan khasnya di DUN Tanjung Puteri.

Pada pendapat saya sekiranya sistem penyampaian negara boleh memberi penambahbaikan kepada pelajar-pelajar dan negara, maka kebaikan sistem itu perlu bermula dari sekolah. Para pelajar sekolah yang menyertai program kurikulum ini diberi pendedahan mengenai penyiaran iaitu *broadcasting* dengan izin, dari seawal peringkat asas hingga mereka mampu untuk *explore,* dengan izin bidang berkenaan. Pada peringkat awal pelajar menjadi ahli kelab media di sekolah masing-masing, pelajar diberi kursus asas mengenai *broadcasting* dan segalanya berkaitan dengan dunia penyiaran. Kemudian, inilah masalahnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kemudian mereka ini di sekolah berkenaan kenalah mewujudkan sebuah mini studio, mini studio yang akan membolehkan sekolah berkenaan mempunyai sebuah radio, stesen radio sekolah sendiri yang mana mereka boleh membuat penyiaran secara siaran langsung dalaman sekolah. Ini mereka boleh ceburi. Dengan adanya mini stadium, eh mini stadium pulak, mini studio atau stesen radio di sekolah, pelajar sudah mula boleh mempelbagaikan kegiatan kurikulum mereka. Terpulanglah kepada guru koko mereka yang mana berinovatif, mereka akan arah tuju mereka kepada penerokaan yang baru dengan pelajar.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat, masa dua puluh minit.

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Sikit je, dua tiga minit sahaja. Sebahagian sekolah telah mendapat bakat daripada murid ini menjadi DJ dan sebagainya dan sebahagian sekolah dapat pula mewujudkan pelajar yang boleh membaca berita dan juga boleh membuat ulasan kegiatan sekolah masing-masing. Mudah-mudahan dengan peluang yang diberikan kepada mereka ini dapat menambah baik ilmu mereka daripada seorang pendiam kepada seorang yang boleh bercakap di hadapan khalayak ramai Yang Berhormat Dato' Speaker. Akhir kata penglibatan seperti ini kepada pembelajaran kurikulum sekolah-sekolah sememangnya memerlukan kos dan sokongan yang berterusan. Maka, saya melalui Dewan yang mulia ini menyarankan kepada pihak Jabatan Pendidikan agar bidang penyiaran ini dijadikan salah satu kurikulum pembelajaran dan diperluaskan kurikulum ini kepada semua sekolah dalam Negeri Johor khasnya dan diberikan peruntukan sewajarnya untuk perkembangannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ada sikit sahaja nak beri ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mana dalam DUN Tanjung Puteri telah diwujudkan satu sistem baru untuk menangani penagihan dadah ataupun penagih dadah. Yang mana dalam cara untuk

menangani ataupun memulihkan penagih ini, kerajaan melalui AADK, Agensi Anti Dadah Kebangsaan telah diberi tanggungjawab dan tanah sebesar 3.3 ekar telah diusahakan oleh AADK yang mana dengan diusahakan sebagai Kampung Desa Damai yang mana memberi program perlindungan sementara komuniti pemulihan dadah ini. Saya berbangga walaupun pusat ini adalah pusat perintis pertama. Pengarah ADK Negeri Johor haruslah diberi pujian kerana berjaya memikirkan dan seterusnya membina tempat ini. Beliau seorang India dan kaum India hanya menyumbang 1.61% sahaja sebagai penagih. Walhal orang Melayu sebanyak 173 orang ianya merangkumi 93.01% sebenarnya. Jadi Pengarah ADK ini seorang India, saya *salute* kepada beliau yang mana beliau selalu duduk dekat kawasan ini untuk menterjemahkan perkara ini, beliau telah bersama-sama duduk dekat situ dengan penagih ini membina kawasan tersebut.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan tenaga pelatih Pusat Serenti di kawasan 3.3 ekar di dalam kawasan Larkin DUN Tanjung Puteri ini, pegawai AADK Johor Bahru telah membersihkan dan membangunkan kawasan ini dan menjadikan sebagai tempat perlindungan sementara secara selamat bagi bekas penagih dadah atau kes pengawasan. Sehingga 2009, 56 orang telah berjaya dipulihkan. Sekarang ini, 11 orang peserta dengan pecahan program seperti 3 orang usahawan puyuh dan ayam kampung. Mereka dah dapat RM1,500.00 sebulan gaji. Jadi mereka dah tak hirau lagi nak menagih dadah. Begitu juga 4 orang bakal usahawan cendawan, cili, ikan keli dan itik telur dan juga yang baru ini mereka nak buat ternak kambing, ikan air tawar dan sebagainya. Jadi, cara yang digunakan adalah berkonsepkan terapi pemikiran dan dengan tersebut mereka beramai-ramai duduk di kawasan itu. Jadi Pengerusi, minta maaf Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melalui Dewan yang mulia ini ingin merayu kepada pihak kerajaan agar memberi pertimbangan sewajarnya kepada program ini kepada pihak seperti PTG, Majlis Bandaraya, Pertanian, Perikanan dan agensi yang ada kaitan dengan mereka ini agar bersama-sama menyokong modul ini menjadi dimensi baru program pemulihan. Apatah lagi ianya dalam DUN saya, jadi kepada penagih dadah agar mereka ini dapat dipulihkan sepenuhnya dan akhirnya di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah lebih.

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Baiklah ni Yang Berhormat Dato' Speaker. Akhir kata saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, dan dengan ini saya menyokong perbahasan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kempas. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi, jemput Yang Berhormat. Ha... Nusajaya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dan salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah rasa syukur saya ke hadrat Allah SAW dengan rahmat dan keberkatan rasulnya kita sekali lagi dapat bersama-sama berkongsi pandangan dan pendapat untuk membahaskan usul pembentangan Bajet 2009 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah dibentangkan pada 21 November yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, belanjawan yang dibentangkan kali ini dengan tema "Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat" berhubung kait dengan tema tahun lalu iaitu "Menggandakan Usaha Demi Kesejahteraan Rakyat". Ini jelas menunjukkan Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu prihatin atas nasib dan masalah rakyat. Oleh itu kita memerlukan daya tahan yang kuat dan menghadapi cabaran ketidakstabilan ekonomi pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ini hidup sentiasa diduga sahaja. Maka hari ini sekali lagi kita telah menghadapi dugaan di atas kemelesetan ekonomi. Dulu dalam Dewan yang bertuah ini, kita banyak mempertikaikan dengan kenaikan harga petrol dalam masa empat bulan sahaja begitu mendadak dan kenaikan-kenaikan harga barang tetapi hari ini sudah jelas dalam beberapa bulan sahaja, tak sampai dua bulan harga petrol menurun begitu pantas sekali dan kita dalam Dewan tak ada lagilah nak mempertikai harga minyak dan sebagainya. Tetapi yang kita pertikaikan harga barang pula yang tidak turun-turun. Inilah yang menunjukkan ujian-ujian tuhan terhadap umatnya semua. Jadi, dengan ini kita kena berhati-hati, kalau ada duit banyak kita kena simpan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan strategi-strategi yang dirangka untuk tahun 2009 saya yakin dan percaya Kerajaan Negeri akan dapat terus memakmurkan rakyat Negeri Johor. Usaha-usaha untuk memantapkan sektor teras ekonomi negeri terutamanya sektor pertanian dan pembuatan perlu mendapat sokongan dan kerjasama dari segenap lapisan rakyat. Justeru itu kita perlu melatih mereka-mereka ini terus di dalam apa jua bidang demi untuk meningkatkan ekonomi mereka. Peruntukan RM28 juta bagi meneruskan kesinambungan program pembangunan pertanian dan industri asas tani haruslah dimanfaatkan sepenuhnya bagi membantu meningkatkan sepenuhnya bagi membantu meningkatkan pengeluaran hasil tani seterusnya menambahkan pendapatan rakyat. Khidmat sokongan dan nasihat mestilah sentiasa diberikan bagi membantu pengusaha-pengusaha yang terlibat terus mendapat kejayaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam kita di peringkat daerah Johor Bahru telah pun memulakan melancarkan Buku Hijau untuk melatih semua masyarakat di daerah Johor Bahru supaya berjimat cermat di dalam Buku Hijau ini untuk kita bercucuk tanam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah dalam keadaan ekonomi yang suram sekarang ini, Iskandar Malaysia masih mampu untuk menarik pelabur lebih daripada RM40 bilion, mudah-mudahan pembangunan yang akan dilaksanakan di Iskandar Malaysia ini akan dapat merancang kegiatan ekonomi

di dalam Negeri Johor dan dapat membantu kemelesetan ekonomi yang akan melanda di Negeri Johor, insya-Allah. Iskandar Malaysia akan terus menjadi destinasi serta tumpuan pelabur-pelabur antarabangsa. Kita telah mendengar apa yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor baru-baru ini kemasukan pelabur yang akan melabur di bidang pembangunan seperti pembinaan hotel, Universiti, *Theme Park*, Puteri *Harbour*, kilang-kilang dan sebagainya. Ini sudah pasti akan meningkatkan lagi ekonomi Negeri Johor, insya-Allah. Maka dengan kemasukan pelabur ini, pelabur dengan kemasukan pelabur ini maka kita dikehendaki untuk merancang dan menarik seterusnya pelabur-pelabur ini akan dapat bersama-sama di dalam Iskandar Malaysia. Dari maklumat yang saya terima, pihak UTM telah mengambil langkah pro-aktif dengan penubuhan sebuah institut kecemerlangan yang dinamakan Institut Penyelidikan Strategik, UTM, Iskandar Malaysia untuk menyokong pembangunan Iskandar Malaysia dalam bidang rundingan R&D.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat hari ini peranan IRDA tidak nampak memainkan peranan di dalam pembangunan Iskandar. Banyak perkara-perkara yang ada dalam kawasan khasnya di Nusajaya masih lagi terlepas pandang untuk IRDA bersama-sama menentukan dan melaksanakan Iskandar Malaysia supaya dapat sokongan daripada kepakaran-kepakaran yang tertentu. Di dalam proses pembangunan Iskandar Malaysia hari ini, aspek-aspek pengurusan dalam alam sekitar, pengurusan sumber air, pengangkutan dan pembinaan lestari mestilah diberikan perhatian wajar. Oleh itu kepakaran yang ada di UTM harus digunakan semaksimum mungkin. Oleh yang demikian, saya selaku ADUN Nusajaya yang terletak dalam kawasan pembangunan Iskandar Malaysia mencadangkan agar Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia diberi ruang yang lebih luas di dalam aspek R&D dan perundingan untuk menyokong IRDA dalam meletakkan Iskandar Malaysia di persada antarabangsa.

Adalah merugikan negara jika modal insan yang telah dilatih dan yang telah diiktirafkan di peringkat nasional dan antarabangsa ini tidak dapat sama-sama menjayakan wawasan Iskandar Malaysia sebagai sebuah Metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan lestari.

Kalau kita lihat hari ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap tahun Universiti Teknologi Malaysia ramai mengeluarkan graduan-graduan Ijazah, Diploma dan PHD dan anugerah-anugerah yang mereka terima. Tapi, kurang penyertaan-penyertaan mereka ini di dalam Pembangunan Iskandar sedangkan UTM ini dalam kawasan Nusajaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam pembangunan yang pesat, kawasan sekeliling juga perlu dipertingkatkan. Infrastruktur dan kemudahan awam hendaklah dipertingkatkan supaya ianya selari dan *standard* dengan kawasan pembangunan terancang. Kajian untuk mengatasi kesesakan lalu lintas dan aliran trafik di jalan-jalan utama haruslah dilakukan dan diambil tindakan segera. Hari ini kalau kita datang ke Gelang Patah, kita tengok jalan-jalan, kesesakan-kesesakan dalam kawasan tersebut dengan kehadiran pelabur-pelabur, pekerja-pekerja antarabangsa yang ada dalam kawasan Gelang Patah. Tapi, saya dah bercakap beberapa kali, jambatan dekat Gelang Patah ni pun masih

ada jambatan besi yang dibina sewaktu Perang Jepun dulu, Yang Berhormat Dato' Speaker. Bila kita cakap dalam Mesyuarat-Mesyuarat Pembangunan Daerah, tak ada peruntukan, jambatan tersebut boleh lagi digunakan. Tapi, kalau kita pergi, kita lihat, saya rasa bukan sahaja tidak boleh digunakan, bahkan kita takut pelabur-pelabur yang datang nanti dia tengok macam mana ni, Iskandar Malaysia bertaraf antarabangsa tapi jambatan pun kita tak boleh bina dengan jambatan yang canggih.

Y.B Dato' Speaker : Ni jambatan yang mana Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dalam pekan Gelang Patah, antara Gelang Patah nak menuju ke Tanjung Kupang. Jadi, kalau Yang Berhormat Dato' Speaker datang hari ini dia bergegar, berbunyi. Jadi, ini semua satu kajian. Itu sebab tadi saya cakapkan, peranan IRDA dalam Pembangunan Iskandar Malaysia ini, kita masih belum nampak lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B Dato' Speaker : Yang Berhormat panjang lagi?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Panjang.

Y.B Dato' Speaker : Mana boleh panjang sangat.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak, dia orang kata, Yang Berhormat lain kata bagi saya lebih sikit. Sebab, besok bila penghijrahan Pusat Pentadbiran kita, kita dapat sekurang-kurangnya dapat pandangan apa yang saya nyatakan.

Y.B Dato' Speaker : Yang Berhormat ingat Yang Berhormat seorang saja Ahli Dewan Negeri Johor eh? Ramai lagi yang ada ni, yang dipilih belum berucap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak, saya minta kalau boleh.

Y.B Dato' Speaker : Ha yalah. Ala lecehlah, duduklah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:35 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:55 pagi.

Y.B Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Nampak sambung terus saya.

Y.B Dato' Speaker : Huh!

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tadi…

Y.B Dato' Speaker : 10 minit.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Er…

Y.B Dato' Speaker : Ok, ok, 10 minit.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Wakil Rakyat Nusajaya seorang sahaja.

Y.B Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Wakil Rakyat Nusajaya seorang sahaja, kasi lebihlah.

Y.B Dato' Speaker : Habis Wakil Rakyat Tanjung Puteri 10 orang? Seorang juga. Apalah Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak, ini kawasan Pusat Pentadbiran yang baru.

Y.B Dato' Speaker : Ala, sini Puteri dah lama dah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana saya diberi peluang lagi, yang mana tadi saya sampai ke jambatan besi.

Dan jika kita tinjau, jalan pula ni dari arah Pontian ke Johor Bahru. Banyak taman-taman perumahan yang telah dibuka dan akan dibuka. Lampu isyarat terlalu banyak. Kalau kita tengok, jalan daripada Pontian pergi Johor, dulu tak ada *traffic light* Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini, kita jalan, tak sampai 2 kilometer, 1 kilometer, dah ada dah. Kerana kepesatan taman-taman perumahan di kawasan Nusajaya ini.

Pembinaan *inter-change* dengan izin, di kawasan Kangkar Pulai boleh mengurangkan masalah kesesakan ini. Aliran trafik yang akan berlaku kerana pengguna jalan raya tidak ada jalan alternatif dan kalau *inter-change* ini kita laksanakan, saya rasa satu jalan alternatif yang perlu dan yang memudahkan semua pengguna-pengguna jalan raya untuk pergi ke Senai *Airport*, untuk pergi ke Nusajaya, akan datang, akan dapat diselesaikan. Perkara ini saya telah bawa berkali-kali di Dewan yang mulia ini. Sehingga baru-baru ini, kalau kita baca surat khabar berbahasa Cina, Utusan dan sebagainya, kita lihat pembeli-pembeli protes dengan pemaju yang pada mulanya dahulu menjanjikan *inter-change* akan dibina oleh pemaju di taman perumahan Pulai Jaya. Tetapi sehingga hari ini, pemaju-pemaju tersebut semua mendiamkan diri. Dan saya juga, di dalam Dewan yang berbahagia ini mintalah pihak-pihak tertentu supaya dapat melihat semula kawasan tersebut untuk dibina satu *inter-change* untuk memudahkan semua pengguna-pengguna jalan raya menggunakan *inter-change* tersebut.

Sistem perparitan juga kita perlu lihat. Ini kawasan-kawasan yang sedang membangun. Hujan lebat aje dia banjir. Kadang-kadang sistem-sistem perparitan ini kita tak ambil tahu dan tak ambil kisah. Sedangkan ini adalah satu contoh yang perlu kita berikan kepada pelabur-pelabur supaya mereka ini akan datang lagi, dia akan panggil ramai lagi kawan-kawan untuk melabur di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dengan kawalan keselamatan. Kalau kita lihat, kawalan keselamatan pada hari ini di kawasan Nusajaya, saya ucapkan banyak terima kasih kepada pihak Polis yang telah banyak melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sehingga kalau kita lihat penurunan kadar jenayah di kawasan Nusajaya agak menurun.

Tetapi, apa yang nak saya jelaskan di sini, kita jangan jaga dekat sebelah darat saja, sebelah laut, perairan di kawasan-kawasan yang sedang membangun ini. Kerana kita mempunyai kawasan yang hartanya begitu banyak sekali. Sebagai contoh, Pelabuhan Tanjung Pelepas, kita tengok berbilion-bilion harga dia. Dan akan dimasukkan pula dengan *petro-hub*. Kemudian kita pergi ke Pusat Pentadbiran, kawasan Puteri *Harbour* dan sebagainya. Jadi, kawasan-kawasan perairan ini kita tak nampak. Siapa yang menjaga kawasan-kawasan perairan ini? Yang saya selalu nampak, yang selalu saya tinjau, adalah dironda oleh pihak Singapura saja. Tak ada nampak langsung keselamatan ini dijaga oleh keselamatan kita. Jadi saya berharap…

Y.B Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia ronda belah malam. Yang Berhormat memang tak nampak.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, belah malam pun tak ada. Ini pula, belah malam kalau saya pergi rondaan daripada Singapura ini, dia ada 4 bahasa, dia bercakap. Dia menggunakan pembesar suara, "Siapa masuk saja kawasan perairan Singapura, akan ditembak". Itu Bahasa Melayu dia. Bahasa Cina, saya lupa pulak. (Dewan Ketawa).

Y.B Dato' Speaker : Oh...Bahasa India?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dan Bahasa India pun ada dan seterusnya Bahasa Orang Putih. Jadi, bila saya duduk dekat sana…

Y.B Dato' Speaker : Bahasa Orang Putih apa? (Dewan Ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Masuk aje tembak matilah. (Dewan Ketawa).

Y.B Dato' Speaker : Itu dalam Bahasa Inggeris? Masuk aje, tembak mati? (Dewan Ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat…

Y.B Dato' Speaker : *Go in, shot, dead*. (Dewan Ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Bagilah ruang sikit.

Y.B Dato' Speaker : Ha, yalah, oklah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Nanti kalau tak ada, ini kira diambil kira, masa-masa kecederaan…

Y.B Dato' Speaker : Oh, bola sepak.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat, itu di darat tadi dan di laut serta di udara, nanti kita tengok sajalah kita sama-sama akan berhijrah dan kita lihat sendiri. Yang Berhormat Dato' Speaker malam-malam, kalau perlu, kita ada masa, kita duduk bersembang kat tepi pantai, kita dengar apa dia cakap. Jadi, tidak ada langsung pasukan-pasukan keselamatan dari negara kita ini. Jadi, apa yang saya harapkan di sini supaya pasukan-pasukan keselamatan lebih-lebih lagi APMM pada hari ini dia pun dah naik gaji selaras dengan tentera laut dan sebagainya, kita harap pihak-pihak tertentu akan mengambil serius tentang keselamatan perairan kita. Dan saya juga mencadangkan Pulau Merambong supaya dijadikan satu pos kawalan keselamatan. Sekurang-kurangnya, kalau ada pos kawalan keselamatan sekurang-kurangnya mengurangkan dan menakutkan pihak-pihak tertentu untuk melepasi ke kawasan kita. Ini harta dah banyak dah. Kalau dulu kita ada cuma FELCRA saja kat sana. Tapi hari ini, harta kita berbilion-bilion kita lihat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada keselamatan, alam sekitar juga, baru-baru ini dalam pelancaran Kempen Memelihara Alam Sekitar Peringkat Negeri Johor di Jabatan Laut Gelang Patah, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menerima satu geran berjumlah RM230,000.00 daripada UEM sebagai pihak *sponsor* untuk mengkaji kawasan-kawasan RAMSAR di kawasan Sungai Pulai. Tetapi, kalau kita lihat, apa yang telah dinyatakan oleh EXCO kita tempoh hari dia tunjuk buku yang cantik aje. RAMSAR yang cantik, ada burung kuda dan sebagainya tapi sedangkan beliau tidak…

Y.B Dato' Speaker : Yang Berhormat, burung apa? Burung, burung tadi.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Burung kuda, kuda laut.

Y.B Dato' Speaker : Allah, cakaplah kuda laut. Burung kuda, saya tak pernah dengar burung kuda. (Dewan Ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kuda laut, kuda laut.

Y.B Dato' Speaker : Kuda laut eh?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tapi, pihak-pihak tertentu tak mahu melihat tentang pencemaran anak-anak Sungai Pulai yang dulunya kalau kita nak pancing udang, kita nampak udang itu. Tapi hari ini kalau kita

pergi melihat kawasan-kawasan tersebut berkeladak saja. Air-air sungai berkeladak. Udang dah tak ada rupa dah, tak boleh jumpa dah.

Y.B Dato' Speaker : Macam mana boleh nampak rupa udang tu. Dah keladak.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Umpan pun dia tak nampak dah. Jadi, sepatutnya pihak-pihak tertentu, selain membuat kajian-kajian terhadap RAMSAR-RAMSAR kita, ulu-ulu sungai ni pun kita kena jaga. Dengan projek-projek perumahan, dengan syarikat-syarikat tertentu yang mengambil pasir darat ni, supaya kita pantau, supaya sungai-sungai ini, ulu-ulu sungai ini apabila mengalir airnya sampai ke kawasan RAMSAR, RAMSAR ini akan menjadi lebih baik. Ini semua, kita harap kepada pihak-pihak tertentu khasnya Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau. Bukan ini saja, bahkan kita lihat hari ini, projek-projek pembangunan yang begitu pesat membangun, tanah-tanah bertaburan di tengah-tengah jalan raya, di kampung-kampung, tanpa ada pemantauan.

Saya nak bagi taulah dekat sini, satu syarikat yang mengendalikan Projek Marin Polis di kawasan Jabatan Laut begitu sesuka hati saja membawa tanah-tanah merah sampai berterabur dekat jalan. Ini semua, kawasan-kawasan yang sedang membangun perlu kita awasi, khasnya Pihak Berkuasa IRDA itu sendiri mainkan peranan. Bila kita tanya PBT, PBT kata, sekarang ni kita ada Pihak Berkuasa lain. Bila kita tanya IRDA, IRDA pun dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah, tak boleh jawab jugak. Jadi, kita harap perkara ini, duduk dekat meja, kita panggil jabatan-jabatan berkenaan bukannya Alam Sekitar saja, dengan kesesakan lalu lintas, dengan keselamatannya, kita perlu atasi dengan segera.

Y.B. Dato' Speaker : Termasuk Yang Berhormat, dia kena panggil tu.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Saya kalau kena panggil, saya datang. Tapi, saya panggil dia orang pun, dia orang pun tak nak datang. Ha, ni yang susah ni. (Dewan ketawa). Tak pernah kita panggil dia orang. Sepatutnya agensi-agensi kerajaan sedemikian kena turun juga. Kena turun melihat sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak hantar surat. Yang Berhormat kalau hantar surat, dia datang.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tengoklah. Lepas ini kita akan hantar surat.

Y.B. Dato' Speaker : Panggillah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kalau tak datang juga… Yang Berhormat Dato' Speaker, ok. Kita beralih pula dengan pekerja asing.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ini saya nak pendekkan aja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, eloklah tu.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sebab saya akur dengan Yang Berhormat Dato' Speaker. Masalah pekerja asing, masih lagi berlarutan. Kita dengar dalam Dewan ni, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa kita akan dirikan asrama-asrama, perkampungan-perkampungan pekerja asing, tapi sampai sekarang pihak pelaksana. Ha, ni kalau saya sebut IRDA nanti, IRDA marah saya. Saya cuma bagi tahu untuk mengingatkan. Kadang-kadang dah lena. Sebenarnya dia dah lena dah, dah hampir dua tahun lebih dah. Satu tempat, kawasan untuk didirikan asrama pekerja asing tak ada lagi. Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker nak tengok, ha, datang dekat kedai-kedai, dekat Mutiara Rini, Nusa Perintis, berselibat dengan kain, baju dia, kalau hari minggu. Nasib baik kepala anjing tak ada, kalau kepala anjing ada, susahlah macam kat Senai. Jadi saya harap…

Y.B. Dato' Speaker : Dia buat apa tu kepala anjing? Tak faham saya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ini pekerja asing ni dia makan anjing ni, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Orang Vietnam ni. Anjing kalau tengok, agak anjing kat Nusajaya dah tak ada agaknya. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Betul ke Yang Berhormat dah tak ada ? (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Pasal tak ada kepala anjing yang diletakkan macam di Senai baru-baru ni. Kita kan nampak ada kepala anjing di tong sampah dibuangkan…Jadi dekat Nusajaya agak dia takut sikitlah. Pasal kita selalu cakap pasal, apa ni, tentang sosial dia, apa semua kan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kena jaga-jaga.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Setakat ini kita belum lagi nampak asrama-asrama, pekerja-pekerja asing ini. Kita takut, sebab hari ini, kalau kita lihat, masuk aje dalam kawasan Nusajaya, kilang-kilang dah banyak membangun. Apabila kilang-kilang dah banyak membangun, Pusat Pentadbiran kita pun kita masuk, pusat pelaburan pun kita berjalan, saya rasa, kita tak akan dapat menampung selepas ini. Jadi daripada sekarang saya mengharapkanlah, mereka-mereka, jabatan-jabatan, yang saya nyatakan ini kena ambil kesempatan ini untuk mengambil tindakan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan pembangunan yang begitu pesat dalam kawasan Nusajaya ini, masalah penduduk perlu juga diambil kira. Dari segi permohonan tanah, dari segi permohonan tanah, banyak lagi, ada beberapa kampung, ini kita minta Pejabat Tanah Daerah, supaya melihat semula tentang permohonan-permohonan tanah-tanah di kawasan Gelang

Patah ini yang mana kawasan-kawasan tersebut seperti Kampung Dapur Arang, Kampung Baru dan Kampung Melayu Baru. Ada tiga, empat kampung lagi. Kita minta disegerakanlah. Kalau perlu, mereka-mereka ini diberi geran untuk sekurang-kurangnya, mereka-mereka ini dapat bersama-sama di dalam arus pembangunan yang ada di kawasan Nusajaya.

Y.B. Dato' Speaker : Ini kampung setinggan ke apa Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kampung ni kampung setinggan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…Dah buat permohonan dah?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dah buat permohonan dah. Saya juga mengucapkan terima kasihlah, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang telah pun menyelesaikan masalah satu Kampung Bukit Tempurung, yang dulunya KPRJ ambil, tapi hari ini dah tinggal tunggu sahaja. Bayar aje, kita dapatlah.

Jadi, terima kasihlah, saya ucapkan di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat. Apa yang kita nyatakan tempoh hari, hari ini nampak terlaksana dan ada baki-baki tu, kita mintalah. Kerana kalau kita bandingkan di, contohnya di Dubai, penduduk tempatan diberi keutamaan. Jadi diharap kepada pelabur-pelabur, khasnya kepada pihak Khazanah supaya …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Dubai tak ada setinggan…

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tapi, kalau pun dia tak ada setinggan, tapi masyarakat dia, apabila pelabur itu dapat keuntungan, dia sama-sama memberi kepada penduduk setempat. Jadi dia ada subsidi dia, contohnya kalau kita lihat, Petronas, di Terengganu, dia ada, dia beri royalti kepada rakyat Negeri Terengganu.

Jadi di sini saya juga memohonlah, khasnya kepada Khazanah, yang membangunkan semua ini, supaya semua nikmat dan keuntungan yang dapat daripada Khazanah, untuk sedikit sebanyak kita kongsi bersama dengan masyarakat setempat, untuk sama-sama mengimbangkan pembangunan yang ada dalam kawasan kita.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Akhirnya …

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak, saya nak cuit sikit ni pasal bola sepak tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Pasal seronok. Saya nak soal tak boleh. Kalau kita dengar tadi, Yang Berhormat Exco menjawab, Presiden dia dah letak jawatan. Tapi yang ganti tu Timbalan Presiden pun daripada Johor Corporation juga. Itu pun dah tak betul juga. Cuma dia hendak, apa kata orang tu, melepaskan pandangan. Dan kalau kita lihat, apabila kita tanya tentang hutang, makin bertambah pula hutang dah. Belum diserahkan dah ada hutang lebih kurang RM300,000.00. Saya difahamkan tadi apabila mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Exco. Dan lagi penjelasannya, macam mana nak maju bola sepak Negeri Johor ni, sebab latihan-latihan dan sebagainya. Tapi saya rasalah, saya pun lama dalam bola sepak ni..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat main sebagai apa dulu, bola sepak, handal?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Saya pun dah lupalah sebagai apa.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau pemain yang bagus Yang Berhormat, tak lupa.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tapi kalau saya cakap karang, tak ada masa ni.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah, kalau saya celah, saya potong masa. (Dewan ketawa). Apa *position* Yang Berhormat main dulu?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Saya ni, selain daripada pemain, saya juga jadi Pengurus Daerah Johor Bahru. Saya memegang sebagai Bendahari Daerah Johor Bahru, lama jugalah. Tapi, apabila kita lihat jawapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Exco tadi, kalau kata nak salah itu, ini, sebenarnya saya menyalahkan pengurusan dan pentadbiran pihak Negeri Johor, bola sepak Negeri Johor ini.

Ini terus terang saya nyatakan. Sebab kalau Yang Berhormat terfikirlah, kalau dulu setiap tahun, kita mengadakan pertandingan daerah-daerah, sudah pasti ada. Tapi hari ini, kita tak ada dengar langsung. Jadi adakah kita nak salahkan pemain? Kerana kurang sefahaman, kurang makan, kurang sebagainya. Ini saya rasa tidak benar. Saya rasa kurang pengurusan dan pentadbirannya.

Begitu juga Yang Berhormat Exco tadi menyatakan, dulu kita ada Piala Tengku Mahkota Johor, Piala Sultan dan sebagainya. Memang betul dulu ada. Tapi hari ini kenapa tak ada? Dan saya mengucapkan terima kasihlah, kalau Yang Berhormat Exco tadi menyatakan, sekarang ni dah tak ada lagi dengan Perbandaran Pasir Gudang tapi, telah dialihkan kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang ya sekarang ni.

Dan kita harap kalau boleh, saya menyarankan supaya bola sepak Negeri Johor ini dikembalikan balik kepada Persatuan. Itu saya cadangkan. Sebab kalau persatuan pun ada duit, dapat geran yang sebegitu banyak daripada Kerajaan

Negeri, saya rasa hari ini, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor, boleh bersama-sama dengan pasukan-pasukan negeri lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker …

Y.B. Dato' Speaker : Akhirnya…

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, yang telah membawa pembangunan yang begitu besar ke Nusajaya. Mudah-mudahan apa yang kerajaan rancangkan dalam Bajet 2009 ini akan, kerajaan merancang mudah-mudahan akan terlaksana dan berjaya, insya-Allah. Dan saya juga difahamkan, kita tak lama lagi akan berhijrah ke Nusajaya. Mudah-mudahan kita daripada sekarang, kita buatlah persiapan-persiapan yang rapi untuk jangan sesat esok pergi sana.

Y.B. Dato' Speaker : Jangan apa?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Jangan sesat. Jangan sesat sebab *highway* berlapis-lapis sekarang dah. Jadi takut …

Y.B. Dato' Speaker : Oh… Maknanya macam Yang Berhormat anggap kita semuanya tak pernah jalanlah. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cuma mengingatkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, jangan *act*lah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Esok saya juga yang ditohmah. Tempat baru, kenapa tak bagi tahu. Ini masa pelancaran dulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sampai, apa ni, sampai jalan, dia keluar balik ke Ulu Choh. Ini hari lagi teruk. Jadi, saya ingatkan. Kalau ada masa, petang-petang, pergilah *round* kan… Kalau perlu berhenti dekat gerai-gerai, kita berbelanja sikit dalam kawasan Gelang Patah.

Y.B. Dato' Speaker : Pergi kat stesen minyak Petronas. Ada tu, besar tu, siapa punya tak tahu… (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tanda jalan juga, kita minta tanda jalan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak minta ADUN-ADUN kalau pergi ke sana jangan lupa singgah stesen minyak Petronas.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Itu kalau minyak habis. Tapi Yang Berhormat Dato' Speaker hari ini, cerita pasal minyak Petronas, dulu waktu minyak naik, Yang Berhormat Dato' Speaker tak nak bagi saya ruang pula cakap.

Y.B. Dato' Speaker : Pasal Yang Berhormat berniaga Petronas. Mana boleh cakap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Hari ni saya masih meniaga lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Tulah sebab tak boleh cakap. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Oklah, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pun dah cakap yang akhir.

Y.B. Dato' Speaker : Dari tadi ,yang akhir, yang akhir...

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kalau rajin kita berjaya, jumpa tahun hadapan di Pusat Pentadbiran Nusajaya. Maka dengan ini Nusajaya menyokong Bajet 2009 yang dibawa oleh DUN Kempas.

Y.B. Dato' Speaker : Abang saya. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sekian sahaja, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Ahli-Ahli Yang Berhormat, diteruskan lagi. Ha, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2009 tahun 2008 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Negeri Johor tahun 2009 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar merupakan bajet defisit sebanyak RM2.75 juta. Bajet defisit yang bertemakan, "Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat" ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Johor tetap mengutamakan kepentingan rakyat jelata dalam perancangan bajet, walaupun pada keadaan kegawatan ekonomi sedunia ini. Usaha gigih Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan kualiti hidup rakyat jelata haruslah dipuji dan disambut dengan baik oleh semua pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahniah diucapkan kepada kerajaan, kerana sejak Iskandar Malaysia dilancarkan pada akhir tahun 2006 sehingga bulan September tahun ini, Iskandar Malaysia telah berjaya menarik pelaburan asing bernilai RM40.25 bilion. Sudah pasti kejayaan Iskandar Malaysia dapat membantu membangunkan ekonomi negara, khasnya ekonomi Johor di samping dapat menjana berpuluh ribu peluang pekerjaan dan membawa impak pembangunan kepada kawasan persekitarannya termasuklah kawasan Pekan Nenas.

Kita sedia maklum bahawa infrastruktur merupakan faktor utama untuk membangunkan sesuatu kawasan. Apakah perancangan kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur di kawasan Pekan Nenas bagi menerima limpahan pembangunan Iskandar Malaysia, supaya tidak berlaku ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran yang perlu ditangani, misalnya dari segi bekalan tenaga, komunikasi dan jalan raya yang diperlukan.

Berdasarkan peningkatan jumlah kenderaan pada hari ini, dan pembangunan Iskandar Malaysia, adalah amat mendesak supaya pembinaan jalan utama dengan empat laluan di antara Johor Bahru - Pekan Nenas – Pontian, yang telah lama dirancangkan dalam Rancangan Pelan Struktur Negeri, dilaksanakan dengan segera untuk memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi daerah Pontian amnya dan Pekan Nanas khasnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet 2009 telah memperuntukkan RM21.6 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9, sejumlah RM310 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek menangani masalah banjir.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak JPS dapat memberi keutamaan kepada daerah Pontian dan menggerakkan projek-projek parit dan saliran, membersihkan dan mendalamkan dasar sungai serta parit Monsun untuk menangani masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Pontian, khasnya di setengah-setengah kawasan di DUN Pekan Nenas, seperti Kampung Paya Embun, Kampung Melayu Raya, Kampung Jasa Sepakat, Kampung Seri Bukit Panjang, Kampung Pasir Baru, Kampung Parit Selangor dan lain-lain tempat, yang telah dikenal pasti sebagai kawasan hitam banjir kilat.

Saya juga berharap dalam Bajet 2009 ini, Kerajaan Negeri akan menambah lebih peruntukan untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur, kemudahan asas dan lain-lain pembangunan yang dapat membawa kemajuan kepada daerah Pontian, khasnya kepada penduduk DUN Pekan Nenas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keprihatinan Kerajaan kepada orang-orang kurang bernasib baik, Orang Kurang Upaya (OKU) ataupun mangsa ditimpa bencana alam amatlah dihargai dan disanjung tinggi. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana telah melaksanakan peranan penting dalam membantu golongan kurang bernasib baik atau golongan miskin melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Akan tetapi terdapat keluhan dan aduan diterima oleh kami selaku Wakil Rakyat bahawa jangka masa untuk pihak Kerajaan meluluskan bantuan insan tersebut adalah terlalu panjang.

Bagi bantuan orang susah, OKU ataupun golongan miskin proses kelulusan dan penyaluran bantuan memakan masa yang agak panjang, telah menimbulkan banyak rungutan rakyat jelata kerana tempoh pemprosesan yang panjang telah membebankan golongan miskin, yang mengalami masalah kewangan dalam kehidupan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, contohnya di DUN Pekan Nenas terdapat 30 kes permohonan bantuan insan yang telah dikemukakan sejak bulan Januari 2008, masih lagi menunggu siasatan JKM untuk mendapatkan kelulusan kelayakan. Manakala sejumlah 30 kes lagi yang telah diluluskan pada bulan September sehingga hari ini, masih belum mendapat bantuan yang diperlukan. Saya dimaklumkan bahawa JKM ada meletakkan *bench mark* dengan izin, iaitu tempoh satu bulan bagi pemprosesan permohonan.

Bagaimanapun, berdasarkan maklumat maklum balas yang diperolehi, sasaran tersebut tidak tercapai disebabkan prosedur pentadbiran yang agak rumit, kekurangan kakitangan untuk membuat siasatan dan laporan. Justeru itu, saya berharap kerajaan dapat mempermudahkan lagi prosedur pemprosesan dan menambah kakitangan JKM untuk mencapai *bench mark* yang telah ditetapkan supaya permohonan yang layak dapat menerima bantuan dalam tempoh yang singkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi kes bencana alam seperti banjir ataupun ribut pula didapati tempoh pemprosesan bantuan dipohon adalah lebih lama. Contohnya, mangsa-mangsa banjir kilat di Taman Pontian Jaya, yang menunggu bantuan insan sejak bulan September 2007. Dah lebih setahun mereka menunggu tetapi masih belum menerima bantuan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mangsa yang ditimpa bencana ribut misalnya, memerlukan pembaikan segera atas kerosakan premis mereka. Tempoh pemberian bantuan yang kadangkala melebihi satu bulan adalah terlalu lama, khasnya jika yang mendapat musibah ini adalah dari golongan yang kurang mampu ataupun golongan miskin tegar yang sangat-sangat mengharapkan bantuan segera untuk membaiki kerosakan tempat kediaman mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi kes bencana alam ini saya ingin mencadangkan supaya pengesahan ataupun sokongan oleh Pengerusi JPMM ataupun Pegawai Daerah bersama sokongan Penghulu Mukim, dianggap memadai agar bantuan kecemasan dapat disalurkan dalam tempoh satu minggu dari tarikh kejadian dilaporkan. Ini akan dapat membantu mangsa dalam masa tersingkat dan barulah bantuan kerajaan tersebut menepati maksud bantuan kecemasan. Tiada maknanya jikalau bantuan yang disalurkan itu lewat sampai kepada mangsa bencana alam yang telah pulih dari keadaan cemas atau kritikal.

Dalam pada itu saya di sini juga ingin mencadangkan supaya satu peruntukan khas sejumlah RM50,000 disalurkan terus kepada JPMM setiap tahun, sebagai bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa bencana alam ataupun sebagai bantuan golongan pesakit kronik yang miskin, sementara menunggu bantuan kerajaan diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di daerah Pontian pada awal tahun 2008 golongan miskin yang dikenal pasti adalah sebanyak 1,208 buah keluarga, di mana 739 daripadanya adalah miskin tegar dan 469 keluarga miskin am. Dengan usaha gigih Pejabat Daerah Pontian sehingga hari ini bilangan keluarga miskin tegar telah berjaya dikurangkan kepada angka 483, manakala miskin am

pula dikurangkan kepada 162 buah keluarga, menjadi keseluruhannya 645 iaitu sebanyak 563 keluarga telah berjaya dikeluarkan daripada golongan miskin.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pegawai Daerah Pontian dan pasukan *focus group*nya yang telah berusaha bertungkus-lumus dalam usaha membasmi kemiskinan ini. Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri dalam usaha pembasmian kemiskinan melalui pelbagai bantuan yang telah disalurkan kepada golongan miskin dan miskin tegar termasuklah pembinaan rumah dan membaiki rumah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut pengumuman yang telah dibuat oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini. Kerajaan akan membina 15,000 unit rumah yang memerlukan kos sejumlah RM525 juta bagi keluarga miskin tegar di seluruh negara mulai tahun depan. Dalam Bajet tahun 2009 Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM21 juta untuk membina 647 buah rumah baru dan juga RM4 juta untuk membaiki 370 rumah keluarga miskin tegar.

Daripada peruntukan yang telah dirancangkan itu saya berharap lebih banyak rumah rakyat yang baru dapat dibina, dan lebih banyak rumah keluarga miskin tegar dibaiki di daerah Pontian pada tahun depan, untuk mempertingkatkan kualiti hidup dan menambah kesejahteraan hidup golongan miskin tegar di daerah Pontian, lebih-lebih lagi daerah Pontian Yang Berhormat Dato' Speaker, memang tiada projek perumahan yang berskala besar yang dapat menyediakan rumah-rumah kos rendah secukupnya untuk golongan miskin ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada dahulunya Pekan Nenas mendapat namanya daripada dari begitu banyaknya hasil pengeluaran nanas di kawasan ini. Tetapi, hari ini keadaan tersebut tidak berlaku lagi apabila komoditi kelapa sawit mengambil tempatnya. Perubahan masa dan harga tinggi buah sawit pada seketika telah menyebabkan pekebun hilang minat terhadap penanaman nanas. Buat masa ini kurang daripada 100 ekar ditanam dengan nanas di seluruh kawasan DUN Pekan Nenas. Satu kenyataan yang mengejutkan di mana di Mukim Jeram Batu yang dahulunya mempunyai lebih 100 ekar kebun tanaman nanas, kini hanya terdapat 1 orang sahaja pekebun yang mengusahakan tanaman nanas dengan keluasan tanah 3 ekar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekiranya kerajaan tidak mengambil inisiatif untuk membantu mengerakkan projek penanaman nanas di DUN Pekan Nenas, saya khuatir pada satu hari nanti pertanian nanas akan lenyap di Pekan Nenas, yang tinggal hanya replika nanas sahaja di pusat pekan...

Y.B. Dato' Speaker : Siapa anu ini?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Pengerusi nanas ni siapa?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Pengerusi nanas, Dato' Hassan.

Y.B. Dato' Speaker : Lembaga nanas.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Y.B. Benut.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Tak silap saya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tanya dialah, satu tempat.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Ada, ada, belakang…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Bagaimanapun dengan merudumnya harga sawit pada hari ini ianya merupakan masa yang sangat sesuai supaya galakkan penanaman nanas diberi perhatian khasnya daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, program penanaman nanas sebanyak 5,000 hektar yang disasarkan oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Johor menjelang tahun 2010 amatlah dialu-alukan. Saya berharap projek mini kilang di Pusat Pengembangan Nanas di Alor Bukit yang akan beroperasi pada awal tahun depan dapatlah memberi promosi dan galakan kepada penduduk tempatan supaya lebih ramai yang akan berminat untuk menceburkan diri dalam penanaman nanas. Saya percaya keluasan yang dimiliki oleh Alor Bukit sebanyak 300 ekar tanah itu, jika dimajukan akan menjadi tarikan bukan sahaja kepada industri nanas, tetapi juga sebagai satu produk pelancongan yang boleh dipasarkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Johor kerana telah merancang satu projek yang dinamakan Projek Pembangunan *Pineapple Valley* dengan izin, di Pekan Nenas. Kawasan pembangunan yang dicadangkan merangkumi Pekan Nenas, Pontian Kechil hingga ke Tanjung Piai. Selain daripada penanaman nanas secara besar-besaran, projek ini bakal menyaksikan kewujudan aktiviti nilai tambah yang tinggi seperti pemprosesan produk berasaskan nanas, pusat jualan produk berasaskan nanas, pusat pengumpulan dan pembungkusan serta aktiviti *agro-tourism* nanas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek pembangunan *Pineapple Valley* akan menjadikan daerah Pontian termasuk Pekan Nenas sebagai pusat kegiatan ekonomi berasaskan nanas dan ianya akan membuka dimensi baru terhadap kedudukan industri nanas negara kita di persada dunia. Oleh yang demikian, saya memohon agar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat memberi sokongan dan peruntukan yang secukupnya untuk mengerakkan dan menjayakan projek pembangunan *Pineapple Valley* ini demi pembangunan ekonomi daerah Pontian amnya dan Pekan Nenas khasnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perlaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ataupun dengan ringkasnya PPSMI mulai tahun 2003 dengan matlamat untuk meningkatkan mutu penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan golongan pelajar di negara ini. Akan tetapi berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak khasnya kaji selidik pertubuhan-pertubuhan pendidikan pelbagai kaum dan ahli-ahli akademik jelas sekali menunjukkan bahawa dasar PPSMI telah membawa kesan negatif yang mendalam, kepada semua aliran sekolah rendah terutamanya menjejaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kecemerlangan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan merupakan kelaziman yang diamalkan oleh dunia sejagat. Maka, mata pelajaran-mata pelajaran ilmu termasuklah Sains dan Matematik hanya akan disampaikan secara berkesan melalui bahasa ibunda. Laporan pakar-pakar pendidikan luar negara dan UNESCO menunjukkan bahawa perubahan bahasa penghantar dalam keadaan kanak-kanak masih belum menguasai bahasa ibunda, akan memburukkan prestasi pembelajaran mereka. Ini adalah kerana kanak-kanak seharusnya menggunakan bahasa yang mereka paling fahami untuk tujuan belajar, supaya mencapai keberkesanan pembelajaran yang optimum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian luar negara juga membuktikan bahawa penggunaan bahasa selain daripada bahasa ibunda dalam peringkat awal persekolahan seperti sekolah rendah, akan membawa kesan negatif terhadap perkembangan daya pemikiran dan keyakinan diri kanak-kanak dan menyebabkan kemerosotan prestasi akademik dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hakikatnya negara-negara maju seperti Jepun, Korea Selatan, Jerman, Finland dan Perancis yang mana Bahasa Inggeris bukan bahasa ibundanya telah membuktikan bahawa keberkesanan pendidikan bahasa ibunda yang digunakan sebagai bahasa penghantar subjek Sains dan Matematik. Sungguhpun sejak di bangku sekolah lagi, rakyat di negara-negara tersebut dididik melalui bahasa ibunda masing-masing, namun mereka mampu meningkatkan daya saing mereka dalam menghadapi cabaran obligasi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, pada peperiksaan UPSR tahun 2008, 100% murid-murid dari kesemua, minta maaf, dari kesemua 215 buah SJKC di Johor telah menjawab soalan-soalan untuk subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Cina dan bukannya Bahasa Inggeris. Walaupun formula PPSMI di SJKC agak berlainan, di mana penggunaan dwibahasa iaitu Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris dibenarkan, tetapi reaksi masyarakat amat hebat dan mereka mahu dikembalikan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar. Resolusi yang telah dibuat Lembaga Pengurus dan PIBG bagi kesemua 215 SJKC Negeri Johor juga menolak pelaksanaan dasar PPSMSI.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka realitinya sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran di negara kita selama ini menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa penghantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, telah berjaya melahirkan tokoh pemimpin dan rakyat yang banyak berjasa kepada negara. Malaysia sebuah negara berbilang kaum, budaya dan bahasa, kepelbagaian aliran pendidikan adalah kelebihan negara kita. Keunikan kepelbagaian tersebut meletakkan asas kukuh kepada negara kita untuk menjadi sebuah pusat pendidikan serantau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kami mengakui kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan sebagai bahasa penghantaran dalam era teknologi maklumat. Kami juga menyokong penuh atas usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan rakyat, tetapi ianya haruslah dilaksanakan berdasarkan kurikulum tenaga pengajar, bahan-bahan dan kaedah pengajaran Bahasa Inggeris supaya betul-betul menepati prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Kerajaan seharusnya mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dengan melipatgandakan subjek Bahasa Inggeris manakala pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik haruslah kembali kepada bahasa ibunda. Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan adalah satu...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Tinggal sikit saja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha...

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Tiga minit.

Y.B. Dato' Speaker : Seminit.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Tiga minit.

Y.B. Dato' Speaker : Lima?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Tiga, tiga.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Satu, ok.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Pendidikan adalah satu aspek yang penting dalam agenda pembangunan negara. Memandangkan dasar PPSMI telah menimbulkan pelbagai masalah dan kesan negatif kepada semua aliran sekolah rendah, kerajaan tidak harus melengah-lengahkan keputusan lagi dan seharusnya membatalkan dasar PPSMI, mengembalikan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar dan bahasa peperiksaan bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah pada tahun 2009. Manakala tahap penguasaan Bahasa Inggeris dipertingkatkan melalui peningkatan mutu pelajaran Bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Dato' Speaker, paras ekonomi peruncitan ekonomi berskala besar telah berkembang dengan pesatnya di negara ini. Ini adalah suatu *trend* pembangunan yang tidak dapat dielakkan. Bagaimanapun, kemasukan *hypermarket* dengan izin ke pekan atau bandar kecil seperti Pekan Nenas hendaklah diberi pertimbangan yang khusus supaya kepentingan kedai-kedai runcit tradisional dapat dipelihara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kedai-kedai runcit tradisional telah memberi sumbangan yang besar sepanjang tempoh pembangunan ekonomi negara kita sejak zaman sebelum kemerdekaan. Boleh dikatakan semua kedai runcit dimiliki oleh anak Malaysia dan diwarisi dari generasi ke generasi. Rata-rata kedai-kedai runcit tradisional ini lebih dekat dengan penduduk memberi kemudahan hutang. Pengusaha kedai runcit juga biasanya adalah ahli masyarakat tempatan, rapat dengan persatuan-persatuan NGO dan mereka ini sentiasa menderma ataupun memberi bantuan kecemasan apabila berlakunya bencana alam seperti banjir kilat, kebakaran.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dua minit setengah.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas mempunyai hampir 50 buah kedai runcit dan terdapat lebih kurang 200 buah kedai runcit beroperasi di daerah Pontian. Kini terdapat 3 pasar raya beroperasi di bandar Pontian. Jika mengambil kira arah Pekan Nenas ke Johor Bahru jumlahnya berkali ganda. Jarak Pekan Nenas ke bandar Pontian dan ke Taman Universiti, Taman Sutera dan Taman Bukit Indah di Johor Bahru adalah lebih kurang sama iaitu di sekitar 20 kilometer ataupun 20 minit memandu. Pada dasarnya *hypermarket* sedia ada di taman-taman yang saya sebutkan tadi sudah memadai bagi memenuhi tuntutan pelanggan-pelanggan di kawasan persekitarannya termasuklah Pekan Nenas.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat. Dah habis..

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Tidak dinafikan bahawa *hypermarket* yang kebanyakannya dimiliki oleh pelabur asing ini boleh menyahut seruan kerajaan untuk menurunkan harga barangan dengan serta merta. Ini kerana mereka membeli barangan secara kredit yang tempohnya sekurang-kurang tiga bulan dan menjual barangan itu secara tunai. Kedai runcit pula dengan modal yang kecil, kadangkala memberi kemudahan hutang kepada pelanggannya. Membeli barangan atau stok dalam kuantiti yang kecil secara tunai daripada pemborong. Mereka memang tidak mampu menawarkan harga yang sama seperti *hypermarket* tanpa bantuan pihak kerajaan. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji dan menyediakan pelbagai bantuan ataupun kemudahan kepada peniaga runcit tradisional seperti memberi insentif ataupun subsidi, pinjaman mudah tanpa faedah, pengurangan cukai jualan ataupun cukai pendapatan serta melatih mereka supaya berniaga secara sistematik dengan menggunakan akaun komputer.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu mengambil kira impak-impak kepada para peniaga runcit tradisional yang sedia ada apabila mempertimbangkan sebarang permohonan pembangunan *hypermarket*. Saya berharap kerajaan dapat memandang serius cabaran dan masalah yang dihadapi oleh kedai-kedai runcit tradisional ini dan memberi kemudahan yang dapat mempertingkatkan daya saing mereka agar perniagaan runcit ini tidak akan pupus dalam arus pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata, saya berharap semua pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, jabatan-jabatan, pihak swasta dan juga Wakil Rakyat dapat berganding bahu 'Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing', bersedia, bersiap sedia menghadapi cabaran krisis ekonomi sedunia, membantu Kerajaan Negeri memastikan segala projek dan rancangan di bawah Bajet 2009 ini dapat direalisasikan demi kepentingan rakyat dan mempertingkat lagi, mempertingkatkan lagi kualiti hidup rakyat jelata Johor Darul Takzim. Dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kempas. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, nasib baik Yang Berhormat berucap *express* tau, kalau tidak lagi lambat. (Dewan ketawa). Ok perbahasan diteruskan lagi. Siapa nak berucap?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi nak berucap?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Panjang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh panjang, Allah, duduklah. Ahli Yang Berhormat, Dewan saya tangguhkan sehingga esok jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:40 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KELAPAN	SELASA, 2 DISEMBER 2008	BIL. 4 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim,
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai,
(Sungai Balang)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Gwee Tong Hiang, jemput.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

MPM akan kehilangan kutipan cukai tahunan sebanyak RM4 juta apabila sebahagian daripada kawasan (Tanjung Agas, Parit Bunga, Kesang dan Sungai Sendok) di Daerah Ledang yang akan diambil alih oleh Majlis Perbandaran Tangkak mulai tahun 2009.

a. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu menstabilkan pendapatan MPM akibat daripada pengurangan kutipan cukai tersebut ke atas Majlis Perbandaran Muar?

b. Adakah perkhidmatan di kawasan Majlis Perbandaran Muar akan tergugat akibat daripada pengurangan kutipan cukai tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mengkaji semula kekurangan hasil sebanyak, yang dianggarkan sebanyak RM3.6 juta kerana persempadanan semula kawasan-kawasan PB, kawasan PBT di daerah Muar. Oleh kerana wujudnya daerah baru Ledang, yang melibatkan Mukim Kesang, yang akan diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Tangkak iaitu dalam Daerah Ledang mulai 1 Januari tahun hadapan.

Majlis Perbandaran Muar ataupun MPM akan mengambil langkah-langkah berikut bagi menangani masalah ini iaitu:-

1. Mengoptimumkan kutipan hasil iaitu hasil cukai dan juga hasil bukan cukai seperti lesen perniagaan, iklan, bayaran letak kereta dan terimaan bukan hasil yang pada ketika ini sebanyak RM23.9 juta jumlah keseluruhannya iaitu 86% daripada anggaran kepada RM26.53 juta iaitu 95% daripada anggaran.

2. Cadangan untuk melaksanakan cadangan yang dibuat oleh kerajaan untuk melaksanakan pemutihan, proses pemutihan kilang-kilang haram atau kilang-kilang yang tidak berlesen, yang banyak terdapat di daerah

Muar, juga akan dapat menambah hasil kutipan cukai. Sehingga kini, pihak Majlis telah pun menganggarkan sebanyak 200 buah kilang yang tidak berlesen di daerah Muar. Berdasarkan kepada jumlah tersebut sahaja, sebanyak RM200,000.00 akan dapat dikutip dengan program pemutihan ini sebagai hasil Majlis, untuk hasil yang akan datang.

3. Meningkatkan usaha-usaha mendapatkan tunggakan cukai. Sehingga kini, jumlah tunggakan cukai Majlis Perbandaran Muar Yang Berhormat Dato' Speaker ialah berjumlah RM5.4 juta dan adalah disasarkan dari jumlah tersebut, sebanyak 50% akan dapat dikutip pada tahun 2009.

4. Pembangunan projek-projek yang telah pun diluluskan, projek-projek perumahan dan industri di daerah tersebut, dijangka akan dapat menyumbang kepada penambahan hasil Majlis. Sehingga kini, terdapat 1,223.96 ekar kawasan yang telah pun diluluskan. Dari jumlah tersebut, 37% adalah untuk perumahan, 61% untuk industri, manakala bakinya komersil. Dalam jangka panjang, Majlis Perbandaran Muar menganggarkan peningkatan hasil cukai di antara 10 hingga 20% daripada pembangunan-pembangunan baru yang telah diluluskan itu.

Perkhidmatan Majlis juga pada jangka panjangnya tidak akan terjejas akibat pengurangan kutipan hasil. Majlis Perbandaran Muar akan membuat langkah-langkah pengukuhan dalam jabatan-jabatannya bagi membentuk pasukan kerja yang lebih mantap bagi menjalankan kerja-kerja mengutip cukai dan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di seluruh kawasannya. Pihak Majlis Perbandaran Muar juga akan melaksanakan langkah perbelanjaan berhemah dan memastikan perbelanjaan kepada aktiviti-aktiviti utama dan juga peranan-peranan asas Majlis mengikut Akta 171 yang perlu dilengkapkan dulu yang dibuat dan ini akan dapat memberi kesan langsung kepada faedah masyarakat setempat.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Jemput, Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Soalan tambahan. Adakah di antara langkah-langkah yang diambil untuk menambah hasilnya dengan menaikkan cukai sebab kita tahu dengan keadaan yang begini, kami mengharapkan supaya tidak akan dinaikkan cukai-cukai contohnya cukai tanah dan lain-lain. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya ingat Yang Berhormat Bandar Maharani, terima kasih. Sedia maklum dalam keadaan suasana kewangan dunia sekarang. Memanglah dalam keadaan sekarang untuk khususnya, untuk menangani, melalui tahun hadapan dan tahun-tahun yang akan datang, setakat ini, walaupun kita akan menyemak semula kadar cukai, aras nilai cukai untuk Majlis Daerah, kawasan-kawasan PBT seluruh negeri, insya-Allah pertengahan tahun hadapan, saya kira prinsipnya ialah kita tidak akan, kerajaan tidak ada niat untuk apa ni, menaikkan cukai, untuk menambah hasil PBT. PBT kena usaha

dengan cara penjimatan, perbelanjaan berhemah dan mencari hasil daripada hasil-hasil bukan cukai dan terimaan-terimaan yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Ya Bentayan. Oh *you* punya soalan nombor 1 eh…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Terima kasihlah Dato' Speaker. Soalan tambahan Dato' Speaker. Saya nak tahu ialah tunggakan cukai sebanyak RM5.4 juta, itu ialah dalam… *I* nak tahu kategori err… orang yang hutang itu. *Then*, pihak Majlis akan menjalankan strategi macam mana untuk memungut tunggakan cukai ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sedar, kerajaan sedar bahawa ini adalah satu usaha yang agak sukar, memang sukar untuk melunaskan atau berusaha supaya tunggakan ini dapat dikurangkan daripada semasa ke semasa. Kita telah semak dan kita dapati bahawa sebahagian besar, lebih 60%, 70% daripada tunggakan ini ialah oleh kerana kegagalan PBT untuk menentukan hak milik pegangan, khususnya tanah-tanah lama yang terbiar dalam kawasan-kawasan PBT. Jadi saya telah mengarahkan PBT supaya mengadakan kerjasama dengan PTG. PTG selalunya Yang Berhormat Dato' Speaker, tanah-tanah ini kita tak boleh rampas balik kerana cukai sentiasa dibayar. Walaupun *assessment* dia orang tak bayar, cukai bayar. Jadi tanah ini tak boleh diambil balik oleh kerajaan. Jadi, seharusnya di peringkat Pejabat Tanah khususnya di kaunter bayar cukai, kita semua dah *on line,* dengan izin.

Jadi kalau dapat kita ada satu sistem dalam ini, pandangan sayalah, dalam apa ni, sistem pungutan cukai kita tu, bila seseorang itu membayar, kalau tanah-tanah ini adalah tanah-tanah yang menimbulkan masalah kepada pungutan hasil cukai pintu Majlis, bila orang datang nak bayar, *on line* sistem kita akan dapat memberikan satu *alarm*lah misalannya, yang siapa yang bayar cukai ini kena ambil butir-butir diri dia dan maklumkan kepada Majlis, supaya Majlis boleh dapat menyusul balik dan menentukan siapa sebenarnya sekarang yang bertanggungjawab di atas urusan tanah itu supaya tunggakan yang ada pada Majlis pun kita dapat susuli dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah satu cara yang kita akan buat dalam masa yang terdekat ini. Saya cakap apa, saya harap siapa yang saya cakap dalam Dewan ini dapat diambil tindakan susulan oleh semua pejabat dan agensi yang berkenaan, yang berkaitan dengan tunggakan *assessment*, bayaran *assessment* kepada Majlis yang melibatkan tanah-tanah yang Majlis tidak boleh *trace* dengan izin, tidak boleh tentukan siapa yang menguruskan pentadbiran tanah ini. Pada hal cukainya berbayar tetapi cukai pintunya tidak dilangsaikan. Ini dalam 60, 70% yang macam ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ini kawasan Bentayanlah yang banyak ini agaknya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Semua…

Y.B. Dato' Speaker : Oh semua.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Bukan Bentayan sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh saya ingat kawasan Bentayan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : … termasuk pekan kecil Sri Medan juga. (Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Samsol Bari bin Jamali, jemput.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Apakah status rancangan pembangunan Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Ayer Hitam? Bilakah ia akan dilaksanakan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kawasan Semarang, kerja-kerja pembangunan Masjid Sultan Ibrahim, Ayer Hitam telah dimulakan. Dan, setakat ini kerja-kerja penyelenggaraan bangunan yang berkaitan dengan baik pulih bumbung telah 100% disiapkan. Sementara itu kerja-kerja pendawaian semula elektrik sedang dalam pelaksanaan. Dan, selain itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kerja-kerja penggantian karpet baru akan dimulakan secepat mungkin. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, Ayer Hitam.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Masjid Ayer Hitam sejak tahun 1935. Ia adalah satu masjid kerajaan, bukan satu masjid qariah. Dan, saya membawa perkara ini ke Dewan kerana ia harus dijadikan satu contoh klasik tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Masjid ini telah diperbaiki 2 kali untuk bumbungnya. Pertama, lebih kurang setahun yang lalu. Kemudian, pada tahun ini dengan amaun ataupun perbelanjaan yang saya tidak tahu untuk memperbaiki bumbungnya. Tetapi malangnya setelah lebih 7 bulan, tadi dimaklumkan bahawa kerja-kerja baik pulih bumbung telah selesai. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Masjid Jamek Ayer Hitam yang mendapat bumbung yang baru, dikatakan baru itu masih bocor. Masih bocor, satu.

Yang keduanya, ianya harus dijadikan contoh klasik perancangan yang tidak jitu kerana dia hanya memperbaiki bumbung. Apabila bumbung diperbaiki, silingnya pun tak boleh pakai. Bila siling tak boleh pakai, *wiring*nya pun ataupun pendawaian juga tak boleh dipakai. Pada masa yang sama, karpetnya pun dah tak boleh dipakai. Akhirnya, bumbung dikatakan siap, tak boleh dipakai.

Seolah-olah macam masjid Bosnia Herzegovina. Pecah dinding sana ke mari. Saya ada gambarnya.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan Yang Berhormat apa?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Soalan saya?

Y.B. Dato' Speaker : Hah.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Kenapa perancangan tidak sekali dibuat? Dan, saya nak bawak lagi, ini adalah satu, satu perkara lagi adalah kerana hubungan, tak buat secara integrasi dengan pihak JKR. Jadinya, saya nak tahulah bukan sahaja pembangunan betulkan masjid, betulkan bumbung sahaja, tetapi juga untuk membesarkan masjid ini. Siap masjid bumbung ini, siap karpetnya pun, tidak akan selesai masalah, kerana saiznya masih tidak cukup. Saya mendapat sokongan yang penuh daripada rakan-rakan Wakil Rakyat daripada Kemelah, Bakri, daripada Bukit Naning, daripada Segamat yang singgah.

Y.B. Dato' Speaker : Dia ada buat *note*, tandatangan sokong?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Saya akan buat memorandum nanti.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak tahulah sebenarnya bilakah masjid baru itu, masjid itu akan dibesarkan mengikut keperluannya?

Y.B. Dato' Speaker : Wah… jemput Al-Fadhil.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Semarang. Sebagaimana yang kita, saya maklumkan tadi, saya kira dengan kerja-kerja yang saya nyatakan tadi adalah agak menyeluruh. Memang kita sedar yang antara sebab-sebab berlakunya kerosakan pada pendawaian dan juga kepada karpet ialah sebab kebocoran. Dan sebab itulah Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Agama telah mengambil langkah dan memperbaiki bumbung ini, sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi, dengan kos sebanyak RM186,000.00 Yang Berhormat Dato' Speaker. Namun demikian, sekiranya terdapat kebocoran di mana-mana bahagian bumbung itu, insya-Allah Jabatan Agama akan mengambil tindakan untuk memperbaikinya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Berkenaan dengan, dan kerja-kerja ini juga diintegrasikan dengan pihak JKR sama ada pihak JKR Batu Pahat ataupun Bahagian Pembaikan Bumbung dan juga JKR Elektrik Johor yang berkaitan dengan pendawaian elektrik. Sementara itu, berkenaan dengan persoalan nak membesarkan, saya harap setakat ini saya tak pasti, saya, tetapi kalau ada permintaan secara bertulis dari pihak

qariah ataupun daripada Yang Berhormat kita akan pertimbangkan Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Sapian bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Berapa ramaikan pelancong yang melawat Negeri Johor dalam tempoh Januari hingga November 2008.

a. Negara asal.
b. Jumlah pendapat yang diterima.
c. Jenis-jenis pelancong.
d. Purata mereka lama tinggal di Negeri Johor.
e. Program untuk menggalakkan lebih ramai pelancong datang di masa akan datang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Samsol Bari bin Jamali, jemput.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Berapa ramaikah pelancong yang masuk ke Malaysia melalui Terminal Feri Minyak beku sepanjang tahun 2008?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, jemput.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Pelancongan.

a. Berapa ramaikah pelancong yang telah datang melancong ke Negeri Johor mengikut negara dan pecahannya bermula pada Januari 2008 hingga sekarang?

b. Adakah di antara mereka yang datang sebagai pelancong ke Negeri Johor tetapi tidak pulang ke negara asal masing-masing selepas tamat tempoh lawatan mereka sebagai pelancong?

c. Berapakah jumlah perbelanjaan melalui tukaran mata wang asing yang telah dibelanjakan oleh pelancong-pelancong yang datang melancong ke Negeri Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab bersekali ketiga-tiga soalan itu kerana semua soalan itu ada berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tempoh Januari hingga Jun 2008, jumlah kemasukan pelancong ke Negeri Johor berdasarkan maklumat jumlah yang menginap daripada *Tourism* Malaysia, Kementerian Pelancongan ialah pada tahun 2007 adalah seramai 1,976,317 orang. Kalau ikut pecahan, domestik adalah 1,285,841 orang dan pelancong dari luar negara adalah 690,476 orang. Dan pada tahun 2008, seramai 2,022,860 orang dan kalau ikut pecahan juga, domestik, 1,311,874 orang dan dari luar negara adalah 710,986 orang. Maka perbandingan mengikut tahun 2008 banding dengan tahun 2007 adalah meningkat 2.36%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelancong dari 10 negara yang paling ramai masuk ke Negeri Johor adalah seperti berikut :

1. Singapura,
2. Indonesia,
3. Negeri China,
4. Jepun,
5. Filipina,
6. India,
7. Korea Selatan,
8. Amerika Syarikat,
9. United Kingdom dan
10. Thailand.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa meningkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Negeri Johor. Dan antara usaha-usaha Kerajaan Negeri pada tahun 2008 adalah seperti berikut:

1. Kami telah pun mengenal pastikan 9 produk utama pelancongan di Negeri Johor.

2. Kita mengadakan lawatan. Saya sendiri bercadang supaya kita pergi ke semua daerah untuk melihat produk pelancongan yang ada di setiap daerah. Dan, di samping itu kita juga, apabila kita buat lawatan, kita juga turut mengadakan perbincangan ataupun dialog dengan Ahli-Ahli Majlis Tindakan Pelancongan Daerah masing-masing dan kita telah pun mula melawat ke daerah-daerah.

3. Mengadakan lebih banyak pertemuan dengan badan-badan bukan kerajaan dan juga agensi-agensi swasta bagi membincang perkara-perkara berkaitan untuk mengambil tindakan secara bersepadu.

4. Memperbanyakkan lagi dan juga memperbagaikan lagi pakej-pakej pelancongan Negeri Johor ini. Saya lihat dari tinjauan kita selama setengah tahun ini, kami dapati bahawa memang ada lagi banyak pakej yang kita boleh *explore* ataupun kita boleh memperkenalkan kepada pelancong-pelancong yang datang ke Negeri Johor ini.

5. Memperhebatkan lagi Kempen Promosi Pelancongan seperti kita buat pameran pelancongan dalam dan luar negara dan melalui media cetak dan sebagainya.

6. Menganjurkan aktiviti-aktiviti ataupun acara-acara pelancongan seperti Festival Layang-Layang Antarabangsa, Malaysia Rally Desaru, Pengerang International Trialthlon dan *Grand Prix* Joran dan sebagainya.

7. Mengemaskinikan maklumat-maklumat di dalam Laman Web Pelancongan Negeri Johor itu sendiri.

Dan, akhir sekali saya ingin juga menjawab soalan Yang Berhormat Semarang iaitu jumlah kemasukan melalui Terminal Feri Minyak Beku sejak Januari hingga Oktober tahun ini adalah seramai 7,666 orang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memang akurlah kerana untuk meningkatkan lagi lebih ramai para pelancong datang ke Negeri Johor ini memerlukan banyak perbelanjaan sedangkan Jabatan Pelancongan Negeri Johor menerima bajet agak kurang daripada apa yang sepatutnya perlu dibelanjakan. Tetapi saya mengambil satu pertanyaan ini yang kecil saja, saya rasa kemampuan untuk dilaksanakan ada. Walaupun perkara ini sudah begitu lama disuarakan baik di dalam Dewan ataupun di forum-forum lain, tetapi sehingga hari ini masih lagi belum diimplementasikan akan perkara yang kecil tetapi amat mustahak ini, iaitu seperti prasarana, tentang kedatangan pelancong-pelancong khususnya di Bandaraya Johor Bahru ini. Saya lihat agak sedih dan juga agak segan dalam soal ini, di mana tempat-tempat lawatan, kebanyakannya para pelancong yang datang untuk melawat tempat-tempat yang bersejarah mahupun tempat-tempat untuk mereka mendapatkan juadah-juadah tidak terkawal dengan begitu baik. Saya mengambil contoh seperti ramai pelancong-pelancong seperti yang disebutkan oleh Pengerusi Pelancongan tadi, di Masjid Abu Bakar, ramai pelancong datang. Ada orang menjual karang kraf, lukisan dan sebagainya tetapi tidak ada satu tempat atau gerai yang sesuai untuk ditempatkan bagi penjualan barang ini. Kalau hujan berterabur, segan kita.

Lawatan ke Makam Diraja di Mahmoodiah begitu juga. Saya tengok 5, 6 bas datang bersesak-sesak *park ing* di tepi longkang besar. Kalau kereta lalu terpaksa pelancong ini berhenti. Kalau jadi kemalangan, apa akan jadi?

Y.B. Dato' Speaker : Soalan dia apa Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Cuba sediakan tempat *parking* yang agak sempurna. Jadi kita rasa, ini juga boleh menarik kawan-kawan yang belum datang ke mari kalau mereka balik ke negara asal. Tapi kalau prasarana ini tidak dibuat dengan belanja yang bukan banyak sangat, bagaimanakah untuk kita menarik pelancong? Jadi saya dah mengutarakan banyak kali

perkara ini, bilakah agaknya kita berkemampuan dan kita juga hendak buat seperti perkara-perkara yang saya sebutkan ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasihlah Yang Berhormat Kempas. Sebenarnya saya apabila dengar perbahasan Yang Berhormat tempoh hari, memang ambil beratlah tentang industri pelancongan dan juga beliau bangkit haruslah kita tambah peruntukan dan sebagainya. Maka saya ucapkan terima kasihlah. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kementerian juga pun mengambil kira permintaan-permintaan dari kami di peringkat Negeri Johor ini.

Mengenai prasarana yang disebutkan tadi, saya setuju sangat sebab apabila saya pegang portfolio ini kali pertama, kali yang kedua kita ada Mesyuarat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor, di mana saya lihat satu kumpulan yang begitu besar. Apabila kita sebut tentang perkara-perkara yang ada berkaitan dengan industri pelancongan, ia melibatkan agensi Kerajaan, melibatkan pihak swasta dan sebagainya. Maka saya lihat dari segi perbincangan dalam Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor itu sendiri, saya lihat kita perlu fokus kepada isu-isu yang tertentu. Maka saya pecahkan Jawatankuasa yang begitu besar itu kepada *sub-sub committee,* di mana kita tumpukan kepada perkara-perkara yang harus kita bincangkan misalnya prasarana. Saya setuju, termasuklah tandas dan sebagainya. Saya tubuhkan Jawatankuasa Kecil ini, di sini saya ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerajaan sebenarnya. Mereka banyak memberi sokongan termasuklah Majlis, apa ni, Bandaraya Johor Bahru dan agensi-agensi yang lain. Mereka begitu komited dan juga memberi kerjasama dan sokongan kepada kami di Pelancongan Negeri Johor ini.

Saya lihat perkara-perkara yang kita tumpukan ini termasuklah banyak yang berkaitan dengan prasarana termasuklah kebersihan, penjaja, tempat letak kereta dan sebagainya. *So*, kita akan ambil fokus ini kemudian akan mencari jalan dengan kerjasama dan juga bantuan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain, untuk kita sama-sama memajukan industri pelancongan di Negeri Johor khususnya di Johor Bahru ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Kejap Yang Berhormat, lepas ini kejap, anu Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita tengok industri pelancongan kebelakangan ini, *trend* dia kita dapati banyak kedatangan pelancong-pelancong daripada negeri-negeri Timur Tengah. Tapi, kalau kita tengok satu ketika itu, kalau kata musim cuti di Timur Tengah tu, kebanyakan pelancong-pelancong Arab cuma duduk di Kuala Lumpur saja, dia tak sampai ke negara kita. Kerana kalau tengok dari segi statistik, ada 10 negara pelancong daripada luar negara datang ke negara kita itu tak termasuk satu pun daripada Timur Tengah.

Jadi saya ingin tahu, Yang Berhormat cakap tadi bagi tahu ada 7 cadangan, apa ni perancangan-perancangan yang nak disusun. Jadi saya ingin tahu, sejauh mana kita buat kajian tentang apa ni, perkara-perkara yang menjadi

kesukaan yang dapat menarik pelancong-pelancong daripada Timur Tengah untuk datang ke kawasan kita. Kerana Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dulu ada satu program tak salah saya, iaitu kita mengadakan Program Bandar Berkembar antara Johor Bahru dengan Istanbul. Jadi apa ni macam kembarlah, saudara kembar. Jadi sejauh mana, apa perkara ini dah agak lama dan hubungan pun kita dah buat, jadi *follow-up* dia tu saya tak tahu, sejauh mana program itu sampai ke mana, berhenti dekat mana dan apakah kejayaan daripada program itu, yang mana kita nak memfokuskan kepada pelancong-pelancong daripada Timur Tengah. Apatah lagi WPI hari ini, kalau kita tengok, kita tengok WPI, jumlah besar pelaburannya datang daripada Timur Tengah jadi Ini satu perkara yang mana saya rasa akan dapat meningkatkan lagi atau tarikan pelancong ke kawasan, ke Negeri Johor. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ucapkan terima kasih daripada Yang Berhormat Machap. Tentang pelancong yang datang dari Timur Tengah, walaupun saya sebut tadi antara 10 negara yang datang ke Malaysia, utamalah, yang, yang datang ke Malaysia ini, terutamalah yang datang ke Malaysia ni, Negeri Johor ni, tak masuk kumpulan yang datang dari Timur Tengah. Walaupun saya, pada tafsiran saya sendiri mungkin dari segi promosi kita memang belum cukup lagi.

Dan, baru-baru ini apabila saya berbincang dengan Senai Airport Berhad, di mana kita lihat, *Airport* Senai pada hari ini, apabila siap pada satu, dua tahun kemudian, terminal yang kita buat dan juga yang kita boleh menampung lebih besar kapal terbang yang datang ke Negeri Johor ni. Apabila saya bincang dengan *Airport*, Senai Airport Berhad, di mana tarikan yang mereka tumpukan kepada syarikat-syarikat penerbangan yang datang ke Negeri Johor ni, mereka ada banyak rancangan. Salah satu ialah pergi ke Dubai. Di mana satu *Travel Fair* antara syarikat-syarikat penerbangan yang datang ke Johor ada 50 lebih antara syarikat-syarikat yang bertumpu di Dubai. *So*, saya cadangkan supaya kami di Pelancongan Negeri Johor ni akan bersama-sama dengan Senai Airport Berhad supaya pergi ke Dubai satu hari nanti apabila ada satu *Travel Fair* yang saya rasa antara satu ataupun dua yang terbesar di dunia. Maka, dari sana mungkin kita selain daripada kita mempromosikan produk-produk pelancongan di Negeri Johor, buat masa yang sama kita cuba menarik lebih ramai lagi syarikat penerbangan yang datang ke Negeri Johor supaya semua pelancong yang datang ini kita boleh pastikan dari pelawat-pelawat, pelancong-pelancong dari Timur Tengah ni, pasti dapat kita menarik lebih ramai lagilah dapat datang ke Negeri Johor ni. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya ada banyak jenis pelancongan termasuk pelancongan *ecotourism*, dengan izinnya, pelancongan hiburan, pelancongan budaya, yang saya nak tumpukan soalan saya. Seperti yang dimaklumkan adalah di Wilayah Iskandar Malaysia, kita

mengatakan nak cuba menarik pelabur untuk mewujudkan *Theme Park* seperti *Disney Land*, *Lego Land* dan sebagainya, tapi tak ada usaha untuk mempromosikan budaya atau warisan Negeri Johor seperti Mini Malaysia di Melaka dan juga apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan pelancongan budaya ini?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat dari Skudai. Mengenai produk pelancongan termasuklah di Nusajaya nanti. Memang pakej-pakej pelancongan ini memang kita sediakan termasuklah akan datang kita akan mempromosikan tempat-tempat yang menarik di Nusajaya ataupun di Wilayah Iskandar itu sendiri. Dan, saya dengar tadi sebut tentang mungkin Melaka merupakan satu tempat yang kita boleh kongsi pendapat itu, saya ingin maklumkan di sini, sebenarnya kalau ikut data yang saya ada, pada tahun 2007, Melaka, pelancong yang datang ke Melaka adalah 1,625,454 orang. Kalau banding dengan Negeri Johor, kita ada 1,976,317. Dan, kalau kita tengok pada tahun 2008, Melaka, pelancong datang ke Melaka, 1,660,270 orang. Dan, Negeri Johor kita ada 2,022,860 orang. Ini bermakna kita masih berdaya saing dengan Negeri Melaka walaupun dekat dengan Negeri Johor.

Saya setuju dengan perkara-perkara yang harus kita memberi promosi termasuklah tadi saya mengatakan bahawa kita ada 9 produk pelancongan, pelancongan utama di Negeri Johor termasuklah sejarah, kebudayaan dan warisan itu sendiri. Dan, saya juga bercadang dalam mesyuarat kecil kita ini, yang saya sebutkan tadi, sub komuniti yang kita bincangkan, saya minta supaya Yayasan Warisan dan juga Jabatan Kebudayaan dan Kesenian di Negeri Johor bersama-sama kita mengadakan satu lebih *permanent*, satu pertunjukan dari segi tarian ataupun dari segi kebudayaan di mana apabila pelancong datang ke Negeri Johor, bila-bila masa mereka minta ada satu pertunjukan, pertunjukan pentas kita, ini *time scale* untuk mengadakannya. Dan, saya juga minta Datuk Bandar sendiri supaya JOTIC, tempat yang kita ada ni, untuk kita membuat persembahan tu, saya ucapkan terima kasihlah kepada Datuk Bandar yang kata, sentiasa terbuka kalau kerajaan nak minta tempat itu membuat satu pertunjukan, mereka akan memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk kita menjayakan segala yang ada berkaitan dengan industri pelancongan. Kita sama-sama pikul untuk menjayakan segala rancangan yang kita ada. Sekian, terima kasih.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, tak nampaklah sangat.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Saya cuma nak tahu berkenaan dengan angka-angka yang telah diberi oleh EXCO ini, iaitu Singapura dan juga 10 negara, yang mana pelancong-pelancong dari negara itu datang ke negara kita, berapa peratus pelancong daripada angka-angka ini adalah

daripada Singapura? Dan, satu lagi, apakah, berapa banyak kerajaan telah belanja untuk menjalankan program promosi bagi menarik pelancong-pelancong dan produk-produk baru yang diperkenalkan?

Y.B. Dato' Speaker : Itu, soalan baru tu, duit, mana dia ingat. Yang Berhormat nak jawab?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Nampaknya banyak soalan dalam satu soalan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya cubalah, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Tentang angka, di mana saya sebut 10 negara utama yang datang ke Malaysia ni, saya setujulah sebab peratusan tu saya belum kira lagi tapi saya boleh bagi angkalah. Kalau banding Singapura dengan Indonesia yang paling banyak, paling ramai, kalau Singapura, kemasukan dengan pelancong ada sikit berlainan, Dato' Speaker. Saya ada cuma angka untuk kemasukan, itu bukan sebenarnya pelancong. Kalau ikut kemasukan aje, Singapura 7,494,866. Kemasukan bererti mungkin dia bekerja, mungkin dia nak datang untuk berniaga ataupun dia melalui Singapura ke, masuk ke Johor mungkin dia pergi ke Kuala Lumpur dan sebagainya, itu kemasukan.

Y.B. Dato' Speaker : Semua main golf ye, semua.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Kalau banding dengan Indonesia, 666,158 orang. Ini bererti melalui Singapura masih yang paling ramai sekalilah. Soalan yang kedua tentang produk baru ini, Yang Berhormat Speaker, saya tadi sebut tentang, kita sudah mengenal pasti 9 produk utama pelancongan di Negeri Johor. Walaupun kita sediakan brosur-brosur untuk kita memperkenalkan 9 produk utama, tetapi masih kita berusaha, supaya kita dapat lihat selain daripada 9 yang utama ini termasuklah *ecotourism* dan *agrotourism* itu sendiri, tapi saya rasa masih ada ruang untuk kita memperkembangkan lagi industri pelancongan yang ada di Negeri Johor ini. Maka, saya memintalah Dewan yang mulia ini, termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat apabila kita lawat ke kawasan, daerah untuk kita tinjau produk pelancongan yang baru, haraplah memberi cadangan dan juga pandangan yang membina untuk kita sama-sama memajukan industri pelancongan.

Y.B. Dato' Speaker : Itu lawat dalam negeri?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya.

Y.B. Dato' Speaker : Lawat luar negeri tak ada?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Tugas ke luar negeri memang ada, tetapi melawat

memang tak adalah. Saya harap jangan salah faham ni. Apabila kita buat promosi ke luar negara, saya pernah menyertai satu, dua kali ni, tapi 4 hari pun bermesyuarat dan juga membuat promosi, tak ada lawatan. Jangan ada salah faham, mungkin Ahli Yang Berhormat mungkin nak ikut, tidak, itu memang tak ada ruang untuk kita melawat. Walau bagaimanapun, saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa menyokong kepada kami untuk membuat promosi ke luar negara. Dan, saya lihat dari segi hasil itu memang ada dan juga membanggakan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Banjir kilat Di Kluang.

a) Menurut surat khabar, hujung tahun ini akan timbul masalah banjir kilat di Johor. Banjir kilat sentiasa berlaku di Kluang terutama di kawasan yang rendah seperti di Kampung Melayu, Jalan Sawit, Yap Tau Sah, Kluang Baru, Taman Liang Seng, Taman Sri Paya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

b) Baru-baru ini banjir kilat telah berlaku di Kluang. Kawasan pendalaman boleh menjadi banjir sedangkan air di Sungai Mengkibol, Kluang itu masih belum penuh. Apakah sistem pengaliran telah rosak dan menimbulkan masalah banjir?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, pada umumnyalah banjir kilat, kalau berlaku eh, yang berlaku di Negeri Johor ni antara sebab utamanya ialah kerana bentuk muka bumi yang memang sediakala, sedia jadi rendah, sistem perparitan yang ada tidak dapat menampung air, dan juga dalam keadaan apabila hujan lebat turun dalam keadaan yang luar biasa. Dan akhirnya, oleh kerana banyaknya air yang turun kerana hujan yang lebat itu, sehinggakan melimpahkan, limpahan air akibat air sungai yang melebihi paras. Untuk yang berlaku di kawasan pendalaman Kluang sebagaimana yang dinyatakan oleh ADUN Mengkibol, sebab utamanya ialah kerana permukaan muka bumi yang rendah. Selain itu, keadaan longkang sedia ada, parit yang sedia ada juga mempunyai kecerunan juga yang rendah dan sekiranya hujan lebat berlaku akan menyebabkan paras air, paras air melimpah keluar. Walaupun, air di Sungai Mengkibol, Kluang parasnya tidak tinggi, tidak begitu tinggi.

Bagi mengatasi masalah tersebut untuk makluman Dewan ini, pada tahun 2007 sahaja, MPK ataupun Majlis Perbandaran Kluang telah membelanjakan sebanyak RM9.77 juta bagi kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan seperti menaik taraf dan membina longkang dan parit, buat tembok *gabion* serta membina tembok penahan pada tebing sungai. Dan, untuk tahun ini sehingga kini MPK telah membelanjakan sejumlah peruntukan sebanyak RM3.2 juta bagi

kerja-kerja tersebut di bawah peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis Perbandaran Kluang pula, langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan untuk mengatasi banjir kilat khususnya di kawasan rendah seperti Kampung Melayu, bagaimana disebut oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dibahagikan kepada tindakan jangka panjang dan jangka pendek. Untuk jangka pendeknya, kerja-kerja pembersihan sistem perparitan hendaklah dilaksanakan oleh unit yang berkenaan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Majlis. Dan, bagi rancangan jangka panjangnya pula, kerja-kerja menaik taraf keseluruhan sistem perparitan di kawasan-kawasan terlibat akan dilaksanakan secara berterusan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang akan, yang diluluskan.

JPS pula ataupun Jabatan Pengairan dan Saliran, Yang Berhormat Dato' Speaker, telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Bandar Kluang. Antaranya membuat kerja-kerja penggalian dan pelebaran Sungai Mengkibol, ini secara jangka pendek, Sungai Kluang dan Sungai Melantai. Melalui program ini pengaliran air dapat dilancarkan alirannya selain berupaya menambah kapasiti takungan air sungai yang terbabit. Sebanyak RM17.6 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja terbabit mulai tahun 2007 hingga 2009. Manakala bagi langkah panjang pula, Yang Berhormat Dato' Speaker, JPS telah melantik Juru Perunding untuk membuat kajian dan cadangan bagi penambahbaikan sistem saliran keseluruhan untuk Daerah Kluang. Konsultan yang dilantik ini sebagai Juru Perunding dengan kos sebanyak RM5 juta untuk projek ini. Dan, skop kerja Juru Perunding adalah mengkaji dan mencadangkan Pelan Induk Tebatan Banjir di daerah Kluang untuk jangka masa panjang. Kajian ini telah pun bermula pada Januari tahun ini, kini dalam peringkat interim kedua dan dijangka siap pada awal suku pertama tahun hadapan. Melalui kajian ini, pihak jabatan akan dapat mengatur program yang bersepadu dan berterusan bagi mengurangkan masalah banjir di daerah, di Daerah Kluang. Dan, yang termustahaknya ialah apabila apa ini, kajian ini lengkap dia akan boleh memudahkan JPS untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan yang diperlukan mengikut kajian yang dibuat oleh pihak Juru Perunding.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Soalan banjir di Kluang memang teruk, ini berlaku sejak Y.B. bekas lagi, Y.B. Ng Kim Lai lagi. Tahun 1978 ke 80 lebih sehingga dekat 30 tahun, memang. Setiap kali, baru-baru ini sebenarnya, saya pergi rumah kawan Melayu, Hari Raya kedua, banjir, dia kata, maklumlah, *sorrylah*, macam mana nak layanlah, macam inilah. Saya ambil gambar, kita sedih, tolonglah kalau boleh, buatkan kerja yang betul. Saya ada satu gambar Sungai Mengkibol baru ambil tahun ni, tak tahu boleh nampak tak, kita boleh nampak orang jalan di Sungai, jalan kaki di Sungai Mengkibol. Tak tahu tangkap ikan ke atau buat apa. Tapi Yang Berhormat, boleh nampak lutut lagi. Tengok

begitu cetek sekali. Macam mana? Adakah kita berpuas hati dengan kedalaman.

Y.B. Dato' Speaker : Ha tangan Yang Berhormat, jangan laju-lajulah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Memang cetek sangat, tak cukup dalam. Adakah kita puas hati dengan ini? Bolehkah saya ada cadangan, bolehkah kita lebih mendalamkan sungai ini supaya boleh menampung air supaya kalau ada banjir, ada hujan lebat 2, 3 jam ke, ia dapat menampung air, tak naik cepat. Saya rasa, tak tahulah, *something wrong somewhere*, minta maaf.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, tak apa. Ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya faham keresahan hati Wakil Rakyatlah, bukan sahaja Yang Berhormat, mana-mana pun kalau berlaku banjir ini. Dan, fenomena banjir ini pun kalau kita tengok sejarahnya, dia berlaku, bila kita tak ada banjir misalnya kawasan saya sendiri pun, Sri Medan, yang terakhir sekali kawasan yang memang terteruk sekali dalam Negeri Johor. Terakhir sekali 20 tahun dahulu. Orang dah lupa dah, ada banjir. Ada banjir, datang balik. Banyak faktor yang saya nak, kena kita ambil kira.

Pertama kalau kita tengok secara menyeluruh, *I'm not blaming*, dengan izin, *sorry* ya. *Global warming* satu faktor yang kita kena ambil kira sekarang. Yang paling terdekat sekali yang saya nak fikir ialah ini, *spring type* ini, ataupun pasang tinggi ini. Ha, pasang besar, yang dipanggil *spring type*.

Y.B. Dato' Speaker : Pasang besar itu benda lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : *What do we call it*? Pasang…kalau tengok bulan Oktober, November, Disember. Ikut rekod, November yang paling tinggi ialah 3.6 meter asalnya. Bulan ini kalau tak silap saya 15 Disember, 14, 15, 16, 17, kita akan sampai 3.7 meter, pasang yang paling tinggi, untuk daerah Johor Bahru. *I'm talking*, saya cakap pasal berkenaan dengan Johor Bahru. Jadi, itu pun satu faktor yang kita kena ambil kira bagi kawasan-kawasan di pinggiran pantai.

Pandangan Yang Berhormat tadi minta kita galikan lagi, dalam lagi Sungai Mengkibol. Kita dah buat, tadi saya dah jelaskan kita dah buat kerja-kerja awalan jangka pendek untuk Mengkibol, Sungai Melantai, cuma satu lagi sungai. Ini saya minta JPS tolong tengok, dengar rintihan ini. Adakah perlu lagi kita dalamkan, Mengkibol? Kalau perlu kita cuba carikan peruntukan. Dan begitu juga saya kena ambil kira tempat-tempat lain dalam bandar-bandar di kawasan-kawasan Yang Berhormat.

Jadi, kena kita, sebab itu daerah Kluang, satu Juru Perunding telah dilantik untuk buat kajian menyeluruh seluruh daerah dan peruntukan yang hendak diminta mestilah berasaskan kepada pandangan Juru Perunding. Memudahkan kita untuk dapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi menangani masalah banjir tersebut. Tetapi buat sementara waktu, kita semua kena bukan sabar

(ketawa), apa ni, *tune* fikiran kita bahawa keadaan cuaca dunia akan menjadi lebih mencabar untuk kita semua. Sekarang pun, tengok. Negara kita pun dah dilanda banjir untuk pantai timur. Dan kajian cuaca menunjukkan, mengatakan, ramalannya bahawa bulan Januari dan Februari kemungkinan besar dia akan hujan lebat akan datang sebelah selatan. Jadi, siang-siang kita dah kena *sound alarm* ya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Tuan Haji Rasman bin Ithnain, jemput.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

a) Berapakah jumlah pelajar dari FELDA yang terdapat di kawasan DUN Sedili yang telah mendapatkan manfaat dari skim tersebut?
b) Berapakah jumlah kos yang terlibat dan apakah petunjuk yang digunakan untuk menilai keberkesanan skim tersebut?
c) Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan untuk menambahbaikkan lagi skim ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Sedili di atas keprihatinan terhadap pembelajaran anak-anak peneroka di dalam kawasan FELDA.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan Undangan Negeri kawasan Sedili mempunyai 9 buah rancangan FELDA dan bagi pelajar yang terlibat di dalam Skim Tuisyen FELDA adalah seramai 1,477 orang, iaitu bagi yang mengambil Peperiksaan UPSR, seramai 337 orang, PMR 412 orang dan bagi SPM 430 orang. Dan sekolah yang terlibat adalah 7 di peringkat sekolah rendah dan 3 di peringkat sekolah menengah. Dan sehingga kini bagi tahun 2008, jumlah peruntukan Skim Tuisyen FELDA bagi Dewan Undangan Negeri Kawasan Sedili adalah sebanyak RM490,560.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, petunjuk untuk menilai keberkesanan Skim Tuisyen FELDA adalah daripada pencapaian pelajar dalam peperiksaan sebenar UPSR, PMR dan juga SPM. Dan, langkah-langkah yang telah dilakukan untuk menambahbaikkan skim ini ialah:

1. Kita mendapatkan kerjasama dari ibu bapa, PIBG, guru-guru dan juga masyarakat setempat dengan pihak pengurusan FELDA.
2. Memastikan kehadiran pelajar menghadiri kelas tuisyen FELDA mencapai tahap 100%.
3. Mendapatkan tenaga pengajar dari golongan guru-guru pakar yang berkelayakan mengikut penjenisan mata pelajaran.
4. FELDA bekerjasama dengan Pejabat Pelajaran Daerah dan juga Jabatan Pelajaran Negeri bagi memastikan guru-guru yang mengajar mendapat kursus yang sepenuhnya dan berkemahiran tinggi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8.

Johor Bahru telah membangun dengan pesat dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini. Pembangunan baru kompleks, kilang dan juga kawasan perumahan luas dimajukan tetapi tidak kurang juga banyaknya pembangunan yang terbengkalai.

a) Seperti yang telah diketahui, projek perumahan adalah di bawah Penguatkuasaan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan. Penguatkuasaan Kementerian manakah yang memantau pembinaan kilang dan kompleks?

b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu mekanisme untuk menjaga kepentingan pembeli atau pelabur kilang apabila projek-projek pembinaan berkenaan terbengkalai?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : PBT adalah merupakan Pihak Berkuasa yang bertanggungjawab dalam memberikan kelulusan kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan, bagi permohonan kilang dan kompleks perniagaan. Manakala pemaju dan pemilik hartanah berkenaan merupakan pihak yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan pembinaan kilang atau kompleks perniagaan tersebut sepertimana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

Dalam memberikan pertimbangan permohonan semasa peringkat kelulusan kebenaran merancang, Yang Berhormat Dato' Speaker, Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu akan merujuk dan mengambil kira stok dan penawaran ruang lantai yang telah dinyatakan di dalam Rancangan Struktur Negeri ataupun RSN ringkasnya dan Rancangan Tempatan Daerah ataupun RTD sebagai rujukan utamalah, rujukan utama, termasuk ambil kira plot *ratio* juga untuk kawasan-kawasan pembangunan perdagangan.

Pemantauan semasa pembinaan, dilakukan oleh PBT bagi memastikan keadaan tapak pembinaan sentiasa terkawal serta tidak mendatangkan apa-apa kacau ganggu ke kawasan persekitaran serta untuk memastikan tahap keselamatan dan kebersihan tapak sentiasa diberikan perhatian oleh pemaju yang berkenaan. Ini yang selalu menimbulkan kacau ganggu ini. Yang mendatangkan…apabila hujan, hakisan tanah melimpah ke kawasan-kawasan yang bersekitaran dengan kawasan pembangunan. Ini yang semestinya dipantau oleh PBT dengan cara yang lebih serius lagi.

Pada masa ini mekanisme yang ada, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menjaga kepentingan pembeli atau pelabur kilang adalah melalui perjanjian jual beli ataupun *sales and purchase agreement*, dengan izin, S & P, yang merupakan ikatan kontrak yang sah di antara pihak-pihak yang terlibat.

Dalam hal ini juga saya ingin menambah sedikit bahawa agensi *Johor State Investment Centre*, ataupun ringkasnya JSIC juga memainkan peranan sebagai

pemudah cara ataupun fasilitator untuk keperluan pelabur di bidang perindustrian dan perdagangan. Dan, untuk pembinaan kilang, JSIC juga memainkan peranan yang penting di negeri kita ini. Sekiranya projek berkenaan terbengkalai dan remedinya perlu dibuat oleh pihak yang menuntut atau pembeli mengikut terma-terma yang ada dalam perjanjian jual beli yang telah dimeterai.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Samsol Bari bin Jamali, jemput.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 9.

Projek Pertanian Moden Ayer Hitam.

a) Berapa peratuskah tanah Projek Pertanian Moden Ayer Hitam telah diusahakan?

b) Berapakah jumlah nilai hasil pertanian yang dikeluarkan dari kawasan Projek Pertanian Moden Ayer Hitam sepanjang tahun 2006, 2007 hingga kini?

c) Berapa ramaikan penduduk tempatan dan warga Malaysia yang bekerja di kawasan Projek Pertanian Moden ini?

d) Apakah limpahan pendapatan atau manfaat yang diterima oleh kawasan setempat secara langsung dan tidak langsung dari projek pertanian ini sehingga kini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 10.

Projek Pertanian Moden Kluang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena lawatan beliau ke Royal Agriculture College (RAC), United Kingdom. Projek perdana merupakan projek ulung dalam usaha mengeluarkan bahan makanan dan sebagai projek perintis pertanian campuran berskala besar yang diurus secara komersial menggunakan teknologi dan amalan pertanian yang terkini. Oleh kerana projek perdana ini berada di DUN Yong Peng, saya ingin tahu:

a) Berapa banyakkah pengeluaran makanan negara yang telah dapat disumbangkan oleh projek perdana itu?

b) Siapakah pengusaha-pengusaha yang terlibat dengan projek perdana itu?

c) Berapa ramaikan penduduk DUN Yong Peng yang terlibat dengan projek perdana itu?

d) Projek perdana ini merupakan satu model projek berskala ekonomi dan moden. Apakah impaknya kepada penduduk dalam DUN Yong Peng? Dan berapa banyak kemahiran dan pengalaman digunakan oleh petani di DUN Yong Peng khasnya di perkampungan sekitar?

e) Berapa banyakkah syarikat yang berjaya dan tidak berjaya dalam perusahaan berikut?

f) Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menggantikan syarikatnya yang domain?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan daripada Yang Berhormat ADUN Semarang, nombor 9 dan Yang Berhormat ADUN Yong Peng, nombor 10. Kebetulan kedua-dua datang dari satu kawasan.

Pembangunan tanah Projek Pertanian Moden Ayer Hitam yang telah diusahakan oleh syarikat-syarikat pada keseluruhannya sebanyak 7,179 ekar yang telah diagihkan. Dan yang diusahakan setakat ini 4,810 ekar iaitu 67% daripada keseluruhan tanah pembangunan tersebut. Limpahan dan manfaat yang diterima oleh kawasan setempat khasnya di Bahagian ataupun Parlimen Ayer Hitam yang merangkumi DUN Yong Peng dan DUN Semarang secara langsung dan tidak langsung daripada Projek Pertanian Moden ini boleh dilihat dari peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan ataupun warga Malaysia. Peluang perniagaan, kontraktor-kontraktor tempatan yang ditawarkan kerja-kerja infrastruktur ladang oleh syarikat-syarikat peserta projek. Sementara itu, seramai 250 orang penduduk setempat yang terlibat dalam projek perdana ini secara langsung dan tidak langsung. Manfaat lain ialah sebahagian daripada hasil pertanian yang dikeluarkan oleh syarikat peserta projek dihantar ke pusat pengumpulan buah-buahan di Bandar Yong Peng. Kebetulan di Bandar Yong Peng merupakan satu pusat pemborongan buah-buahan yang diedarkan dan dipasarkan ke tempat-tempat lain sama ada dalam Negeri Johor ataupun luar Negeri Johor.

Di samping itu juga, peniaga-peniaga gerai yang ramai di sekitar pekan Ayer Hitam mendapat peluang dengan bahan pertanian yang murah dan mudah diperolehi kerana ianya berdekatan. Syarikat-syarikat peserta dapat menawarkan produk-produk organik dari kios yang mereka bangunkan bagi menarik pelancong dari negara-negara jiran dan ini menyumbang kepada *balance of trade*, dengan izin. Walhal, penduduk tempatan Ayer Hitam dan Yong Peng memang mendapat manfaat yang terbanyak dalam pembangunan Pertanian Moden.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan Projek Pertanian Moden telah mula mengeluarkan hasil pertanian mulai Jun 2006 dengan nilai harga ladang sebanyak RM13.5 juta. Dan seterusnya bagi tahun 2007, jumlah nilai hasil pertanian dan ternakan sebanyak RM48.9 juta. Dan seterusnya pada tahun ini sehingga September 2008, nilai hasil ladang sejumlah RM26.1 juta yang mana hasil ini sekali gus telah menyumbang kepada pengeluaran makanan negara dalam bentuk sayur-sayuran organik iaitu sebanyak 45 tan sebulan, pisang 60

tan sebulan, ternakan dan daging segar sebanyak 90 tan sebulan, susu segar sebanyak 45,000 liter sebulan, buah-buahan tempatan sebanyak 113 tan sebulan dan juga ubi kayu sebanyak 115 tan sebulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengusaha-pengusaha yang terlibat seramai 29 peserta:

1. Lazuli Sdn. Bhd.
2. Kris Agri Tech. Sdn. Bhd.
3. D.K. Ternak Sdn. Bhd.
4. Zenxin Agri Organik Fruit Sdn. Bhd.
5. Diverse Quest Sdn. Bhd.
6. Comersial Orchid Grower (COGAM)
7. Fima TLP Sdn. Bhd.
8. Herba Bagus Sdn. Bhd.
9. Semai Komponen Sdn. Bhd.
10. Spices Marketing
11. Kawan Pertanian
12. All Cocmos Industries
13. Pinnacle Pace
14. Country Heights
15. Xian Ling Holding
16. Athena Agronomi
17. Mal Mewah Realty
18. Superficiant Marketing
19. Jalinan Tirai
20. Persatuan Usahawan Graduan Malaysia
21. Persahabatan Jujur
22. Lembah Matanaga
23. Nallian Enterprise
24. Detik Harmoni
25. Agensi Pekerjaan Saidon
27. Industri Tok Janggut
28. Corakmas
29. Oasis Unggul Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai kejayaan keseluruhan syarikat-syarikat dalam projek pertanian moden ini memang ada yang terdapat kurang memuaskan. Daripada kesemua 29 yang telah melaksanakan projek masing-masing, terdapat 7 syarikat yang berprestasi rendah iaitu satu *star* ataupun tak ada *star*, dia ada bintang-bintang dalam kategorikan syarikat-syarikat yang ada di dalam projek pertanian. Walau bagaimanapun, sebahagian ini adalah kekangan kewangan. Dan pihak pengurusan telah memberi amaran secara bertulis supaya yang berprestasi rendah ini dapat menyediakan pelan pelaksanaan ataupun penjadualan semula perlaksanaan semula dalam tempoh yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dan untuk dijadikan agenda perjanjian pelaksanaan projek. Sekiranya syarikat-syarikat ini tidak mengikut pelan perlaksanaannya, tindakan penamatan akan diambil oleh Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, syarikat ini sedang dibimbing giat oleh Jabatan Pertanian dan agensi yang berkaitan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, soalan lisan dah habis. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan disambung sekarang, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Ahli Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, oleh sebab... sekejap duduk. Persidangan untuk Ahli Yang Berhormat untuk berbahas ada tiga hari sahaja lagi. Besok, lusa dan hari Jumaat, jadi ada lagi ramai yang belum berucap. Jadi, bila saya minta tamatkan perbahasan, minta Yang Berhormat patuhlah. Kalau tidak ramai yang tidak dapat cakap nanti.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Terlebih dahulu saya ingin mengucap terima kasih kepada Dato' Speaker, kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet Negeri Johor tahun 2009 di Dewan yang mulia pada pagi ini. Di sini izinkan saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah berjaya menguruskan ekonomi Johor sehingga mempunyai asas yang kukuh dan berdaya tahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah tercetus ledakan krisis kewangan global di Amerika Syarikat dan Eropah. Bahangnya mula dan sedang dirasai oleh dunia termasuk Malaysia. Kita amat bersyukur kerana impak ke atas sara hidup rakyat tidak begitu tertekan. Kalau dibandingkan dengan rakyat negara-negara yang lain. Semua ini adalah hasil komitmen Kerajaan Johor yang selama ini mengambil dasar pembangunan yang menyeluruh lagi seimbang. Pendekatan pembangunan secara holistik banyak menyumbangkan kepada daya tahan ekonomi negeri dan rakyat untuk menghadapi berbagai cabaran di luar jangkaan yang berlaku sepanjang masa termasuklah krisis atau kemelesetan ekonomi yang sedang berlaku sekarang ini.

Yang berhormat Dato' Speaker, pembentangan Bajet Negeri Johor tahun 2009 amat memberangsangkan dan saya amat yakin Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abd. Ghani Othman akan terus menerus memastikan momentum pertumbuhan ekonomi negeri dapat dicapai. Bajet 2009 juga menumpukan perhatian kepada usaha menguruskan hal ehwal negeri dan memperbaiki kehidupan rakyat agar ekonomi negeri tidak melanda kemelesetan dan demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan untuk kesejahteraan rakyat. Kerajaan Negeri juga sentiasa sedar memantau rapi ekonomi di peringkat global dan domestik. Dasar serta langkah perbelanjaan secara berhemah yang telah dan akan dipraktikkan pasti menjadi asas-asas kewangan negeri kekal kukuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semua pencapaian ini tidak berlaku secara kebetulan. Selain daripada kepimpinan politik yang berhemah dan bijaksana. Kebijaksanaan dan kepimpinan pemimpin telah terbukti, ketika menangani krisis ekonomi yang melanda negara kita pada tahun 1997. Pendekatan kerajaan yang menguruskan ekonomi ketika itu yang dianggap *orthodox* dengan izinnya, melawan arus tetapi kini telah diiktirafkan, satu, keperluan bagi mengatasi kemelut ekonomi terkini yang melanda ekonomi negara besar dunia. Bajet 2009 telah dirangka dengan mengambil kira berbagai faktor. Bajet 2009 sememangnya sudah pun menonjolkan pertumbuhan ekonomi lebih berdaya tahan dan mampu menunduk tekanan-tekanan selaras dengan tema Bajet 2009. Menghadapi cabaran, memelihara kesejahteraan rakyat. Kerajaan yang prihatin banyak juga memberi penekanan kepada pembangunan sosial ekonomi masyarakat terutamanya yang miskin dan berpendapatan rendah. Selain daripada memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Saya menaruh harapan yang tinggi, terhadap hasrat kita bersama untuk menghapuskan kemiskinan agar tegar menjelang 2009. Jika hasrat murni ini tercapai tentu sekali dapat meningkatkan kuasa beli rakyat dan seterusnya dapat merangsang pertumbuhan permintaan dalam negeri. Sementara ini deposit kerajaan bagi tahun 2009 masih di tahap yang terkawal yang dianggar RM2.75 juta. Saya percaya punca deposit ini adalah tidak lain tidak kerana kerajaan yang berjiwa rakyat memilih untuk terus mengagihkan bajet yang mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi. Tahap ini adalah hampir serupa dengan deposit tahun 2008 iaitu sebanyak RM2.04 juta. Deposit sedemikian adalah dalam lingkungan yang munasabah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah kerajaan sedar bahawa harga bahan masih di tahap yang membebankan pengguna. Beberapa langkah-langkah pro-aktif perlu diambil serta merta seperti kempen penurunan harga barang oleh semua jenis premis peruncitan. Dan bukan hanya menumpu kepada pasar raya dan *hypermarket* seperti yang berlaku sekarang. Apabila harga minyak turun wajarlah harga barang juga turun. Saya menyeru kepada para peniaga agar lebih bertanggungjawab dengan tidak terlalu mengaut keuntungan di samping itu perlu wajar juga mengambil langkah bijak ketika berbelanja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan penstabilan harga kelapa sawit. Langkah mengurangkan bekalan sawit melalui program penanaman semula perlu disegerakan. Selain itu usaha untuk mengeluarkan biodiesel daripada sawit. Iaitu adunan 5% bio bahan api sawit dengan diesel *fossil* perlu dipertingkatkan bagi menambah permintaan terhadap sawit. Di samping itu saya juga meminta kerajaan memberi perhatian kepada pekebun kecil terutama yang terlibat dalam sektor pertanian. Pengurangan kos input pertandingan terutamanya baja masih belum dinikmati sepenuhnya oleh para pekebun kecil. Walaupun duti import sebanyak 5% yang dikenakan ke atas 7 jenis baja yang telah dimansuhkan oleh Kerajaan Pusat. Ini adalah tambahan kepada duti import ke atas satu jenis baja sahaja semasa pembentangan Bajet Kerajaan Pusat 2009. Dengan langkah ini semua baja mineral diimport tidak dikenakan duti. Selaras dengan penurunan harga minyak mentah, pihak industri pengeluar baja tempatan telah bersetuju untuk membantu usaha kerajaan dalam mengurangkan sekurang-kurangnya 15% harga baja dengan

serta merta. Memandangkan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah turun secara mendadak, maka itu saya mencadangkan agar kerajaan dapat membantu supaya mungkin untuk menurunkan harga baja ke paras sekurang-kurang 50% bagi membantu pekebun-pekebun kecil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ketika menghadapi kemelesetan ekonomi perbelanjaan daripada pihak kerajaan amat dialu-alukan bagi tujuan mempertingkatkan projek-projek pembinaan untuk menyumbang pusingan wang di pasaran. Langkah sedemikian juga dapat memberangsangkan ekonomi ketika berlaku kelembapan ekonomi. Selain daripada itu, kerajaan juga diminta dari masa ke semasa untuk menyemak semula projek-projek dengan tujuan untuk memberi keutamaan kepada projek yang lebih, yang boleh dilaksanakan segera serta mempunyai kesan berganda yang tinggi dengan izinnya, *high multiplier effect* dan kandungan import yang rendah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abd. Ghani Othman yang telah meluluskan projek pembinaan *Furniture City* di Tangkak. Pembinaan *Furniture City* menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk memperkembangkan industri perabot daerah Muar dan daerah Ledang. Ini kerana industri perabot di kedua-dua daerah telah menyumbang hampir 50% daripada nilai keseluruhan eksport perabot negara yang berjumlah RM8 bilion. Saya amat yakin dan percaya dengan pembinaan *Furniture City* akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri-industri berkaitan termasuk juga industri tekstil, perkhidmatan logistik, industri luar bandar dan pelancongan yang mampu menjadi pemaju ekonomi tempatan kedua-dua daerah. Saya amat berharap perlaksanaan projek dapat dijanakan secepat mungkin supaya ianya menjadi satu lagi mercu tanda Bandar Tangkak selepas pengisytiharan daerah Ledang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menyalurkan pendapatan tambahan dan mencetuskan kegiatan ekonomi tempatan yang lebih rancak, Kerajaan Negeri diminta meneliti kaedah baru iaitu dengan memanggil tender terbuka yang melibatkan sektor swasta dan GLC bagi membangun semula aset dan tanah-tanah milik kerajaan yang belum di bangunkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak kerajaan patut mempercepatkan perlaksanaan projek-projek di bawah rancangan tebatan banjir Bandar Tangkak yang melibatkan kos RM24 juta. Ini kerana biasanya didapati bahawa perlaksanaan projek-projek tersebut berjalan agak perlahan akibat daripada pelbagai masalah yang dihadapi seperti masalah pengambilan tanah, peruntukan kewangan dan halangan-halangan *authority* semasa peringkat pembinaan. Kerjasama dan penyelarasan yang lebih bersepadu antara jabatan dan agensi kerajaan kenalah diwujudkan dengan lebih serius dan penuh komitmen. Saya amat khuatir jika berlaku kelewatan projek tebatan banjir tersebut, penduduk-penduduk akan terus menjadi mangsa banjir ketika hujan lebat. Baru-baru ini, Kampung Sri Makmur dan kawasan persekitaran Bandar Tangkak telah mengalami banjir berikutan dasar Sungai Tangkak yang terlampau cetek di mana tidak dapat menampung muatan air hujan yang

banyak dan pergerakan air yang lambat akibat gelodak dan pertumbuhan rumput-rumpai di sepanjang sungai berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya juga menyeru kerajaan agar dapat memberi perkhidmatan pendaftaran perkahwinan di Pejabat Pendaftaran Negara, Tangkak seperti sediakala. Untuk makluman Dewan, pemberhentian perkhidmatan berkenaan mungkin disebabkan salah laku atau penyelewengan pegawai JPN sendiri. Pemberhentiannya amat menyusahkan penduduk-penduduk yang terpaksa ke JPN, Muar atau JPN Segamat untuk urusan daftar perkahwinan. Maka itu, saya menyeru JPN agar dapat segera mengadakan semula urusan pendaftaran perkahwinan di Pejabat JPN Tangkak untuk masyarakat daerah Ledang.

Saya juga ingin menimbulkan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Ledang dan Muar yang berkahwin dengan warga asing seperti Vietnam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mereka-mereka ini telah didaftarkan perkahwinan di JPM cawangan Tangkak dengan menggunakan dokumen-dokumen yang diiktirafkan sah laku oleh kedua-dua negara. Sijil perkahwinan mereka juga dikeluarkan oleh JPM cawangan Tangkak. Setelah mereka-mereka itu melahirkan anak, pendaftaran sijil beranak juga dikeluarkan oleh JPM cawangan Tangkak yang menunjukkan anak kelahiran mereka di kategori sebagai bukan warganegara. Dan, adalah difahamkan bahawa penentuan bukan warganegara anak kelahiran adalah disebabkan oleh sijil perkahwinannya dikeluarkan oleh JPM cawangan Tangkak adalah tidak sah. Mengapakah sebuah agensi kerajaan boleh mengeluarkan dokumen yang tidak sah? Jika semua ini berlaku disebabkan oleh salah laku atau penyelewengan kakitangan JPM, sepatutnya Ibu Pejabat JPM, Putrajaya mesti bertanggungjawab sepenuhnya dan bukan lepas tangan begitu sahaja iaitu di mana integriti JPM.

Saya berharap pihak kerajaan wajib mengkaji semula kes-kes yang berlaku di JPM Tangkak yang menjejaskan status kerakyatan anak-anak kelahiran. Saya juga menyeru JPM supaya bertanggungjawab sepenuhnya dan jangan sekali cuba menganiaya anak-anak kelahiran hasil perkahwinan antara warga Malaysia dan juga Vietnam yang tidak berdosa itu. Tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh JPM itu akan menjejaskan imej baik negara dan tahap keboleh percaya orang ramai terhadap Jabatan Pendaftaran Negara. Kementerian Dalam Negeri yang diketuai oleh Menteri Dalam Negeri merangkap Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Y.B. Dato' Speaker : Dia menteri apa?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Kementerian Dalam Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Syed Hamid.

Y.B. Dato' Speaker : Dah tukar, Yang Berhormat tak baca surat khabar ke? Besar muka depan surat khabar Cina.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Ya, minta maaf. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengalih ke isu PPSMI yang hangat diperkatakan. Bahasa Ibunda iaitu Bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan, Bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan, dan Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil wajib dikembalikan sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di peringkat sekolah rendah mulai tahun 2009. Ini kerana mengikut tokoh-tokoh pendidikan terkemuka dunia, penguasaan ilmu di peringkat sekolah rendah adalah Bahasa Ibunda pelajar itu sendiri dan bukan bahasa yang lain. Jika Kementerian Pelajaran Malaysia menggunakan kajian dan analisis terhadap keputusan Sains dan Matematik dalam ujian-ujian pencapaian sekolah rendah iaitu UPSR 2008, dan peningkatan bilangan calon ujian UPSR 2008 yang menjawab soalan Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris sebagai ukuran bagi menggambarkan pencapaian sebenar perlaksanaan PPSMI dan seterusnya menjadi penentu hala tuju PPSMI tahun 2009 adalah tidak wajar.

Saya juga menghantar pembantah sekeras-kerasnya jika kerajaan Malaysia menggunakan statistik seperti jumlah calon mendapat semua A atau menjawab soalan dalam Bahasa Inggeris dalam menetapkan perlaksanaan dasar pendidikan PPSMI. Ini kerana statistik berkenaan tidak menggambarkan keupayaan keseluruhan pelajar. Mengikut kajian yang dilakukan oleh tokoh akademik, Profesor Almatis Datuk Dr. Ishak Harun, beliau didapati sebahagian besar murid atau 83% mengeluarkan perasaan kesukaran mempelajari Sains dalam bahasa antarabangsa itu walaupun mereka mempelajari subjek berkenaan sejak 2003.

Saya mencadangkan pendekatan baru kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dirangka bagi membolehkan pelajar menguasai Bahasa Inggeris. Menguasai Bahasa Inggeris melalui pengajaran dan pembelajaran Sains, Matematik dalam Bahasa Inggeris adalah kaedah yang tidak betul dan wajar dihentikan dalam tahun 2009 sebelum terlambat atau lebih ramai anak-anak kita menjadi mangsa di dalam dasar PPSMI. Pada masa yang sama semakan kurikulum mata pelajaran Bahasa Inggeris mesti dilakukan dan pelajar perlu digalakkan menguasai Bahasa Inggeris bukan melalui kaedah PPSMI supaya mereka tidak ketinggalan dalam pembangunan globalisasi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Sikit lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, selaras dengan pengawasan kawasan Majlis Daerah Tangkak, Mukim Kesang yang sebelum ini di bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Muar mulai 1 Januari 2009 adalah disambut dengan baik. Kawasan berkenaan dapat menyumbangkan cukai dan lain-lain barangan yang tinggi iaitu lebih kurang RM2.6 juta. Dengan pertambahan cukai saya percaya Majlis Daerah Tangkak dapat melaksanakan lebih banyak projek pembangunan setempat dan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dapat diadakan.

Sehubungan ini, Majlis Daerah Tangkak berpotensi dinaiktarafkan sebuah Majlis Perbandaran seperti yang berlaku di Muar, Johor. Berikutan jumlah pendapatan cukai tahunan dan bilangan penduduk yang bertambah juga menjadi satu pemangkin ke arah ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penduduk-penduduk Kampung Baru Bekok dan Kampung Baru Relau Asahan yang terletak dalam kawasan DUN Tangkak, amat mengharapkan perkhidmatan Majlis Daerah Tangkak seperti pungutan sampah, pembersihan longkang dan kemudahan awam. Maka itu, saya mencadangkan agar kerajaan dapat meluaskan kawasan bercukai Majlis Daerah Tangkak ke Kampung Baru Bekok dan Kampung Baru Relau Asahan sebagai satu penambahbaikan perkhidmatan dan pembangunan di kawasan berkenaan. Di samping itu,saya juga ingin mohon jasa baik kerajaan agar dapat meluluskan dan mewujudkan satu jawatan Ketua Masyarakat Cina di Kampung Baru Relau Asahan untuk memberi perkhidmatan sosial kepada masyarakat setempat.

Dengan akhir ini, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kempas. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, terima kasih Yang Berhormat. Siapa lagi Ahli Yang Berhormat yang nak bahas. Stulang.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh sebab dah kesuntukan masa, ucapan saya akan diringkaskan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak nak berucap lagi baik. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Selamat pagi, selamat sejahtera dan salam mesra. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah diberi peluang untuk berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah menyempurnakan penyampaian ucapan Bajet 2009 yang bertema "Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat" itu.

Zaman ini memang penuh dengan cabaran. Krisis kewangan global yang berpunca daripada kejatuhan pasaran hartanah subprima di Amerika Syarikat telah merebak ke Eropah dan negara-negara lain di Asia. Susulan pengalaman dan ini, kesimpulan yang dapat sahkan oleh kita ialah segala yang baik dan sempurna bukan pasti berkekalan tetapi kadang-kadang boleh terjejas di akibatkan faktor luaran dalam sekelip mata. Dan, banyak peristiwa yang berlaku mempengaruhi kita adalah di luar kawalan kita. Untuk menghadapi krisis tersebut, Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM7 bilion untuk merangsang ekonomi negara. Dan bagi tahun ini iaitu tahun 2008, kita yakin ekonomi kita masih dapat capai kadar pertumbuhan sekitar 5% dan diramalkan tahun depan ekonomi negara akan dapat berkembang pada kadar 3.5%. Sejak kemerdekaan hingga kini negara kita telah mengalami beberapa krisis kewangan dan cabaran tetapi dengan penuh keteguhan dan kesungguhan negara kita dapat menangani krisis-krisis tersebut dan tidak muflis seperti yang pernah berlaku di negara yang lain. Walau bagaimanapun, kita perlu berjaga-jaga dan berwaspada serta menyediakan diri sendiri, diri dengan

sepenuhnya untuk menghadapi segala kerumitan dan cabaran yang kadang-kadang tidak dapat disangkakan.

Menurut laporan Bank Negara, kesan keseluruhan krisis ekonomi ini akan dirasai pada tahun depan. Oleh sebab itu, kerajaan dan rakyatnya perlu berganding bahu dan bersama-sama menangani krisis ini. Hanya dengan penuh persediaan, keteguhan dan kesungguhan, barulah kita dapat mempertahankan dan memperkukuhkan kedudukan kita dalam dunia yang begitu cabar, yang mencabar dan yang bersaingan ini. Dalam tempoh yang sukar ini, kita harus berbelanja untuk menggerakkan pusingan wang agar ianya memberi kesan kadar berganda iaitu *the multiplier effects*, dengan izin, kepada menggerakkan kegiatan ekonomi pada keseluruhannya. Tetapi pada masa yang sama, kita perlu berbelanja secara berhemah dan teliti mengikut keperluan, dan bukan mengikut keinginan diri sendiri. Semasa kita bersama-sama menangani krisis ekonomi, kewangan global itu, kita juga perlu memastikan, tidak ada sesiapa pun atau kaum yang tercicir daripada proses atau arus pembangunan negara. Segala sumber dan hasil negara juga perlu dikongsi dan diagihkan secara adil dan saksama kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, agama dan keturunan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini penduduk di Taman Rumah Rakyat Iskandar dan Taman Rumah Rakyat Sri Stulang mengadu kuat tentang kadar bil air yang tinggi. Mereka mengadu, walaupun rumah rakyat itu adalah untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah, tetapi kadar bil air yang berkenaan itu adalah kadar untuk pangsapuri, iaitu menggunakan meter pukal, iaitu RM1.18 satu meter padu, sedangkan untuk rumah tangga hanya RM0.38 satu meter padu bagi 15 meter padu pertama. Ini bermakna, ini bermakna mereka yang berasal daripada Flat Lumba Kuda dan Flat Bukit Cagar itu di mana mereka membayar bil air sebanyak RM5.00 atau RM6.00 sebulan, kini, mereka terpaksa membayar bil air yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM15.00 hingga RM20.00 sebulan. Situasi seperti ini, saya rasa tidak sepatutnya berlaku. Mereka yang berpendapatan rendah dan layak menduduki di rumah rakyat itu, seharusnya menikmati kadar bil air yang lebih rendah.

Y.B. Dato' Speaker : Dia apa beza Yang Berhormat, rumah pangsa, rumah apa? Yang beza...

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Sebab dia kira tu gunakan kadar rumah pangsapuri, bukan rumah tangga.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kondominium.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Ha, *apartment* itu punya kadar. So, sebab itu, sebenarnya mereka perlu, seharusnya menikmati kadar bil air yang lebih rendah, iaitu RM0.38 satu meter padu. Oleh sebab itu, saya berharap, pihak Perumahan dapat berurus dengan pihak SAJ untuk bersama-sama menyelesaikan permasalahan-permasalahan bil air tu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan projek Jambatan Permas Kedua dan lebuh raya ke Pasir Gudang telah dimulakan. Apabila projek tersebut

disiapkan, *volume*, dengan izin, bilangan kenderaan yang menggunakan jambatan dan lebuh raya tersebut akan pasti bertambah. Untuk laluan ke jambatan dan lebuh raya tersebut, kenderaan perlu melalui Kampung Bakar Batu, Johor Bahru. Dengan keadaan dan sistem jalan sedia ada di Kampung Bakar Batu, iaitu dalam keadaan yang terlalu sempit, ia memang tidak dapat menampung bilangan kenderaan yang melalui kawasan tersebut berjalan masa depan. Saya ingin bertanya, adakah pihak berkenaan telah merancang untuk menaiktarafkan sistem jalan Kampung Bakar Batu itu? Sekiranya ada, saya berharap rancangan tersebut perlu diumumkan dengan lebih awal. Selain daripada itu, saya juga berharap, pelaksanaan penaiktarafan projek tersebut, jika perlu disiapkan serentak dengan projek Jambatan Permas Kedua dan lebuh raya ke Pasir Gudang itu, demi kebaikan semua pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini, pihak MBJB mengenakan bayaran deposit kepada lesen premis perniagaan yang sensitif, iaitu 17 jenis lesen A seperti rumah tumpangan, salon, refleksologi, kafe dan lain-lain. Alasan yang diberikan ialah untuk mengawal aktiviti perniagaan tersebut agar tidak disalahgunakan untuk perkara yang kurang sihat dan menimbulkan masalah sosial kepada masyarakat amnya. Kadar deposit yang dikenakan itu adalah berbeza, daripada RM2,000.00 hingga RM5,000.00 berasaskan kepada jenis perniagaan yang berkenaan. Tindakan pihak MBJB tersebut telah menerima banyak bantahan dan ketidakpuashatian daripada kalangan pemilik lesen tersebut. Mereka mengadu tindakan tersebut adalah, akan membebankan dan menambahkan tanggungan kos perbelanjaan mereka, khususnya, kini dalam keadaan ekonomi yang begitu gawat.

Mereka membantah dan mengatakan itu adalah tidak perlu. Sekira pemilik lesen melanggar peraturan, kompaun boleh diberikan dan lesen perniagaan juga boleh ditarik balik oleh pihak MBJB. Saya berpendapat bantahan mereka adalah munasabah dan pihak MBJB tidak sepatutnya mengenakan wang deposit itu. Oleh sebab itu, saya menyeru pihak MBJB mengkaji tindakan itu dan seterusnya membatalkan syarat tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang telah disebutkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tadi, isu PPSMI, isu Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran dan peperiksaan dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah, eh, Sains dan Matematik di sekolah rendah telah banyak menimbulkan perbahasan hangat yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat merangkumi pendapat dari ahli akademik, ibu bapa-ibu bapa, persatuan dan lain-lain.

Di Dewan yang mulia ini, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang isu ini. Dasar tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid di sekolah rendah, selari dengan keperluan zaman dan masa, tetapi implementasi dasar tersebut, ada sekatan dan kekurangannya, umpamanya, kekurangan guru-guru terlatih di bidang tersebut dan sebagainya. Dan menurut satu kajian yang dibuat oleh ahli-ahli akademik baru-baru ini, didapati selepas 6 tahun dasar itu diimplementasikan, murid-murid di sekolah rendah tidak dapat mencipta tahap pencapaian yang diingini dalam mata pelajaran Sains dan Matematik itu. Majoriti masyarakat umum berpendapat, pada peringkat sekolah rendah adalah lebih sesuai dan

tepat untuk mata pelajaran Sains dan Teknologi, Matematik diajar dalam bahasa ibunda. Mereka bersetuju, mutu dan tahap penguasaan Bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan di sekolah rendah, tetapi ini boleh dibuat dan dicapai melalui kaedah yang lain, iaitu memperkuatkan dan mengukuhkan mata pelajaran Inggeris khususnya di sekolah rendah. Oleh sebab itu, saya berharap selepas 6 tahun dasar tersebut diimplementasikan, pihak kerajaan perlu membuat satu kajian menyeluruh tentang keberkesanan dan penerimaan dasar tersebut.

Dan dengan kata-kata ini, saya mengakhiri ucapan saya dan mudah-mudahan segala kebaikan dan kesempurnaan akan dapat kita capai dan pelihara. Justeru itu, saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Kempas itu. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih. Baik Yang Berhormat ya. Belum ditegur dah duduk. Ok lagi, siapa yang nak berucap? Ha, Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas kesempatan, ruang dan masa yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah merangka Pelan Kewangan Negeri Johor yang bertemakan, "Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat." Kunci kata di sini ialah memelihara kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa penuh komited memelihara kesejahteraan rakyat. Bukan setakat untuk tahun depan, tetapi kita komited sejak 50 tahun yang lalu. Kita bukan kerajaan yang retorik, kita telah membuktikannya dan Sejarah juga telah menyatakannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekalipun cabaran 2009 amat besar, lagi hebat kesan krisis kewangan global. Bajet 2009 masih mampu menghadapi gelombang dan ombak ganas, kesan putaran ekonomi yang tidak menentu tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keyakinan ini adalah berasaskan kecekapan dan kebijaksanaan pemimpin kita menguruskan ekonomi negara kita ini. Contohnya, tahun 1997, negara dan negeri ini telah melepasi cabaran tersebut, sekalipun banyak negara yang telah melutut di kaki IMF. Kita tidak, malah pendekatan kita dulu dalam menghadapi kemelut ekonomi 1997 mula diguna pakai oleh negara-negara yang hebat dan ramai pakar-pakar ekonominya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di permulaan perbahasan ini, saya mulakan dengan ungkapan orang-orang tua yang menunjukkan pandainya seorang pemimpin kita dalam menghadapi cabaran demi cabaran. Bunyinya begini, "Pandai memilih tempat jatuh, pandai menghapus arang di kening, pandai menyambung patah arang, pandai menilik kilat beliung, pandai meneroka kilat cermin, pandai menyimpai dengan lidah, pandai mencincang dengan udang, pandai makan tidak menghabis, pandai minum tidak mengering, pandai membaca tanda alamat, pandai menurut mengikut jejak, pandai menyimpan tidak berbau, pandai mengunci dengan budi.

Y.B. Dato' Speaker : Ini bahasa ke apa, Yang Berhormat? Kata-kata pujangga?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Kata-kata orang tua-tua dulu, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dia pesan kepada pemimpinlah, termasuk saya dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Pandai berucap, ikut kata Speaker.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Insya-Allah. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin bahawa ekonomi Johor akan terus berkembang pada tahun hadapan kerana kekuatan tulang belakang ekonomi kita. Pertama**,** kerana kedudukan kita yang berada di kawasan yang strategik di laluan perdagangan yang aktif. Kedua, di selatan Johor ini, sedang muncul pusat pertumbuhan baru ekonomi iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar, koridor utama di negara kita. Ketiga, kekuatan ekonomi kita. Kita negeri pengeluar utama pertanian, negeri pengeluar utama bahan makanan. Kini kita giat mempertingkatkan perindustrian kita. Keempat, keyakinan pelabur untuk melabur di Negeri Johor, buktinya pada tahun, buktinya, lebih 5, 40 bilion pelabur yang telah komited dengan WPI di selatan Johor ini, Yang Berhormat. Dan yang akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Pendeknya.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tadi faktor Yang Berhormat, belum akhir lagi ni.

Y.B. Dato' Speaker : Bahasa tu, bahasa akhir tu... (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Kelima**,** faktor infrastruktur dan prasarana kita yang baik dan bertaraf dunia. Yang Berhormat Dato' Speaker, lima faktor yang saya sebutkan tadi merupakan tulang belakang ekonomi Johor, dan insya-Allah, akan ada pertumbuhan dan akan terus memberi kesejahteraan kepada rakyat kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahun 2008 penuh dengan warna-warni yang menarik dan memahitkan di peringkat global sering berlaku kejadian gempa bumi, ribut taufan, banjir besar, perang saudara di Congo, penindasan berterusan rejim Zionis di Gaza. Terbaru peristiwa Mumbai *attack* dengan izin atau serangan di Mumbai dan tunjuk perasaan parti yang kalah di Thailand yang melumpuhkan ekonomi pentadbiran Thailand.

Yang Berhormat Dato' Speaker di peringkat lokal pula, warna-warna bertambah menarik di dekad ini. Kadang-kadang warna ini berubah menjadi warna-warna yang memualkan. Kita lihat tahun 2008 Perlembagaan dan Rukun Negara telah dipersendakan dan dipertikai berterusan oleh rakyatnya sendiri. Saya dah bawa benda ini pada tahun 2006, dah bangkit di Dewan yang mulia ini. Demokrasi mula dinodai parti yang kalah cuba membentuk kerajaan melalui jalan belakang, pintu belakang. Katanya nak menubuhkan kerajaan pada 16 September tetapi gagal. Kita memang hebat merancang, tetapi tuhan lebih hebat perancangannya. Dasar Ekonomi Baru disanggah, kontrak sosial dikatakan tidak wujud. Ketuanan Melayu mula dipertikaikan secara terang-terangan. Sejarah tidak boleh dibohongi Yang Berhormat Dato' Speaker. Tanah Melayu ini adalah terletak di rumpun Melayu. Tanah Melayu ini ada Rajanya dan tanah Melayu ini ada pemerintahannya. Malah dalam sejarah China juga menyebut bahawa sebuah kerajaan Melayu bunyinya begitu mempersembahkan hasil bumi kepada Raja China sekitar tahun 644 dan 645 Masihi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ketuanan tidak sama sekali bermaksud orang Melayu tuan atau orang lain hamba. Tidak sama sekali menyatakan demikian. Kita ada Sultan dan tuan kita adalah Sultan, Raja yang memerintah negeri ini. Kalau ada pihak yang mengatakan orang Melayu tuan orang lain hamba Yang Berhormat Dato' Speaker, kenapa orang Melayu masih miskin di negerinya sendiri. Yang kaya orang lain. Kita cuma dapat 18% kekayaan di negara kita. Yang lain orang punya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, orang Melayu merupakan satu bangsa yang suka bertolak ansur, menghormati tetamu, contoh yang paling mudah, semasa saya kecil kalau ada peniaga yang hendak membeli getah skrap di kampung mereka akan panggil peniaga itu tauke. Malah yang berniaga ikan pun dipanggil tauke. Itu penghormatan orang Melayu, tetapi kadang-kadang tolak ansur nampaknya tidak menghargai, malah lebih teruk dipertikai dan mula diperkotak-katikkan pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, serangan terhadap institusi yang ada di negara kita makin hebat. Serangan terhadap badan kehakiman, serangan terhadap PDRM, serangan terhadap jentera kerajaan, serangan terhadap Badan Pencegah Rasuah, semuanya diserang, semuanya salah, yang betul mereka sajalah. Hubungan kaum semakin hari semakin tegang, percikan bara-bara api mula kelihatan di sana sini. Dewan Rakyat jadi bukti tempat pembiakan percikan bara-bara api ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika warna-warna sebegini masih berterusan di negara kita, tidak mustahil, tidak mustahil negara ini juga akan terjerumus ke lembah kekacauan. Yang Berhormat Dato' Speaker, satu kajian yang telah dibuat oleh sebuah badan bebas telah menyatakan bahawa negara kita Malaysia di kategorikan negara berisiko politik ketiga tertinggi di Asia selepas India dan juga Thailand.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah menyaksikan apa yang terjadi di India dan juga di Thailand. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bimbang, mungkin muncul peristiwa-peristiwa di luar dugaan jika percikan bara-bara api ini tidak segera kita padam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berasaskan kenyataan yang saya sebutkan tadi, jelas pada masa kini telah berlaku keretakan hubungan kaum di negara ini. Malah semangat setia kaum, setia kawan semakin luntur. Jika perkara ini gagal dibendung lebih awal akan berlaku mala petaka besar di negara kita dan di ketika itu sudah terlambat untuk kita ambil sebarang tindakan. Maka Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, agar kerajaan segera menggubal suatu Akta, Undang-Undang atau Peraturan yang berkaitan dengan pertikaian kaum. Walaupun sekarang ini dirangka, sedang dirangka satu Akta berkaitan dengan hubungan kaum tetap saya lihat Akta ini longgar dan dijangka tidak boleh membendung ketegangan kaum di negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan mana-mana individu yang secara jelas, terang mempertikaikan sesuatu kaum dan agama hendaklah dilaksanakan hukuman penjara atau yang sepatutnya. Manakala pemimpin politik pula yang mempertikaikan kaum dan agama diharamkan, diharamkan mengambil bahagian dalam mana-mana pilihan raya sepanjang hidup mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika Akta ini dapat kita gubal dan kuat kuasa saya yakin kita akan dapat bendung pertikaian kaum yang semakin hari semakin membara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hubungan kaum di negara ini semakin hari retak berpunca daripada pemimpin yang hendak jadi hero dan nak jadi juara. Memang mudah jadi juara, jadi hero kalau kita kerap membawa isu-isu yang berkaitan dengan kaum kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara kedua yang hendak saya bawa ialah soal yang selalu dibangkitkan oleh Wakil-Wakil Rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak berniat nak membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Tetapi perkara ini dah lama saya perhatikan. Kita sudah sebut berkali-kali dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, lepas tu kita bawa dalam Dewan berulang-ulang kali. Dulu saya sebut dah jadi cerita macam cerita P.Ramlee selalu diulang-ulang. Tetapi perkara ini sekali ini saya namakan macam berbalas pantun. Kita tanya, pihak lain yang jawab atau pihak lain tanya, kita jawab. Inilah yang berlaku Yang Berhormat dan kadang-kadang jawapan yang diberikan sekadar memenuhi ruang untuk menjawab.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika kita serius, tidak akan ada soalan dan pertanyaan sama yang berulang. Bukankah ada pihak UPEN atau pihak SUK boleh menyenaraikan satu persatu setiap perkara yang dibangkitkan dan nyatakan jelas statusnya dan laporan ini boleh diberikan kepada Wakil-Wakil Rakyat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersetuju dengan Pemanis, kita minta EXCO berperanan, sama mengetahui dan bawakan isu-isu yang dibangkitkan oleh Wakil Rakyat. Mesyuarat di kalangan portfolio EXCO boleh dibuat setiap 4 bulan sekali bersama Wakil Rakyat dan jika pendekatan ini dibuat banyak perkara yang boleh diselesaikan dengan cepat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak beri satu contoh, soal kompleks sukan di setiap DUN. Bila kita masuk dahulu sebagai Wakil Rakyat tahun 2004 dah diriwayatkan kisah kompleks sukan ini. Tetapi sampai sekarang apa, *elek* dengan izin tak ada. Jadi hari ini saya nak tanya betul kepada EXCO Belia dan Sukan ini dan jawab betul-betul.

Y,B, Dato' Speaker : Mana ada jawab main-main. Jawab betul nanti. Jangan main-main.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ok, tak ada Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak ada dalam Dewan.

Y.B. Dato' Speaker : Eh tak? Saya tak cerita siapa ada. Saya tanya Yang Berhormat tu jangan main-main.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ada ke tidak projek gelanggang sukan setiap DUN ni dua buah, kalu ada cakap ada. Kalau tiada saya minta EXCO tolong umumkan kepada orang ramai kepada rakyat di seluruh Johor, bahawa projek gelanggang sukan setiap DUN memang tiada. Dah dua penggal tunggu, bukan satu penggal. Parit Yaani kata dia dah banyak kali umum, penat rakyat di kawasan Parit Yaani tepuk saya tak berani umum kat kawasan saya, saya dah tahu. Jadi saya nak jawapan yang betul Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau ada, cakap ada, kalau tiada, cakap tiada, senang, kita tak payah nak cari tanah beritahu kepada orang suruh pergi Pejabat Tanah.

Y.B. Dato' Speaker : Tak menyakitkan hatilah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Kalau perkara yang kecil macam gini pun kita tidak boleh buat, apa lagi perkara besar. Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini pula kita diriwayatkan pula kisah *homestay,* belum habis kompleks sukan kita dah dijajakan pula dengan program *homestay* pukul 2:00 petang. Yang akan datang semua Wakil Rakyat penuh harapan nak tunggu *homestay* di setiap DUN mereka. Ini sama juga ceritanya masa kompleks sukan dahulu.

Y.B. Dato' Speaker : Petang ini ada taklimat, tak ada Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ada.

Y.B. Dato' Speaker : *Homestay* ok.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jadi kalau orang tua kata Yang Berhormat, orang tua pesan kepada saya kalau sudah sampai tiga kalilah, tak jadi juga mandi dekat tujuh kolam. Kalau tak orang berubah tengok kita, Yang Berhormat. Jadi, saya tak nak sampai tiga kali Yang Berhormat. Kalau dua kali ini tak jadi ada lagi program saya minta maaf, saya tidak akan hadir. Apa jua tak terima projek pun tak apalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ini anu eh... orang tua-tua kata.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ya orang tua-tua kata, kena mandi tujuh kolam Yang Berhormat. Tetapi sekarang kolam dah tiada. Nak mandi dekat mana. Kolam mandi ada. Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara utama yang ingin saya fokuskan dalam perbahasan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, ini *last* Yang Berhormat, dah habis.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak siapa lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya seorang yang taat Yang Berhormat. Perkara utama yang ingin fokuskan dalam perbahasan saya soal dasar Yang Berhormat Dato' Speaker. Dulu saya pernah sebut soal dasar ini. Saya pernah cadangkan tubuh satu suruhanjaya yang dinamakan Suruhanjaya Perancangan Strategik Dasar Pemantauan dan Penilaian. Ramai orang yang menyanggah cadangan saya ada yang kata YB, leher YB lepas ini habis. Tetapi alhamdulillah leher masih ada lagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Habis apa Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Leher saya habis sebab yang menjawab kenyataan saya ini bukan sebarang orang Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebab kekerapan kita mengubah dasar Yang Berhormat Dato' Speaker, dia tak akan membina kemahiran kita. Tidak akan membina kecekapan kita, dalam kita nak menguruskan negara. Contoh yang mudah dasar pertanian, dasar automobil nasional dan banyak lagi dasar Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang saya nak sebutkan hari ini ialah soal ialah dasar yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Sains, Matematik dalam Bahasa Inggeris Yang Berhormat Dato' Speaker sepertimana rakan-rakan saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, PPSMI ini sebenarnya melanggar Akta Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan 1963 yang menyatakan bahawa kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi dan dalam mana urusan kerajaan sama ada peringkat persekutuan dan negeri. Selain daripada itu dasar pendidikan negara. Dasar ini digubal oleh pemimpin lepas itu ditukar oleh pemimpin ikut suka saja. Akhirnya yang menjadi mangsa ialah anak-anak kita Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan saya yang sebelum ini bahawa PPSMI ini patut dibatalkan. Johor,

Kerajaan Johor daripada dulu mula program kita dah memang menentang habis, negeri yang kuat menentang. Dalam Konvensyen UMNO, dalam Perhimpunan Agung UMNO, kita dah tentang. Tapi, program ini berterusan berjalan. Saya nak sebutkan satu persatu Yang Berhormat tentang PPSMI ini ya. Rancangan PPSMI ini dibuat kerana dikaji bahawa pelajar-pelajar dan mahasiswa kita gagal menguasai Bahasa Inggeris. Ini punca dia. Tapi peliknya, sakit kaki diberi ubat sakit kepala, contoh yang saya nak beri, nak sebutkan tadi.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tahu bahawa Bahasa Malaysia ini dah jadi bahasa ilmu. Malah Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu ini dapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa contohnya Ijazah Pergigian, Universiti Malaya mendapat pengiktirafan badan antarabangsa di United Kingdom. Dan, satu lagi yang saya nak sebut, data diagnostik yang dibuat oleh Kementerian Malaysia pada tahun 2007 dan 2008 jelas membuktikan bahawa PPSMI gagal. Tapi, saya nampak Kementerian Pelajaran menyembunyikan fakta ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian telah dijalankan dan kajian ini, kaedahnya seorang pelajar diminta menjawab dua set soalan. Satu dalam Bahasa Inggeris, satu dalam Bahasa Melayu. Pelajar yang menjawab set Sains dalam Bahasa Melayu ini boleh jawab dengan betul dan pelajar yang sama menjawab set soalan dalam set Bahasa Inggeris, gagal. Kajian telah dibuat di beberapa sekolah, tapi, yang peliknya kenapa Kementerian tak umumkan hasil kajian ini. Saya minta kajian, Kementerian mendedahkan hasil kajian ini dengan telus, jangan ada sembunyi-sembunyi. Jangan ada udang di sebalik batu, jangan ada batu di sebalik pasir, jangan ada pasir di sebalik ombak, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hm...

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi yang saya nak sebut tentang PPSMI ini, guru-guru yang mengajar Sains, Matematik dalam Bahasa Inggeris ini bukan opsyen. Ada guru Bahasa Malaysia yang diarah mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Mereka diberi latihan tiga bulan. Balik disuruh mengajar. Dan, bila cikgu ini bercakap dalam kelas, dia bercakap Bahasa Inggeris subjek Sains, murid-murid makin bising. Cakap makin bising, sebab mereka tak faham apa yang cikgu cakap. Akhirnya cikgu tukar mengajar Sains itu dalam Bahasa Melayu walaupun arahan daripada Kementerian Pelajaran menyuruh 100% mengajar dalam Bahasa Inggeris. Cikgu yang tak faham Bahasa Inggeris ini dia mengajar, dia buat *direct translation*, kadang-kadang. Saya nak beri contoh yang mudahlah. Guru suruh kacau air dalam cawanlah. Dia buat *direct translation, disturb the water*, dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia suruh kacau air dalam cawan, tapi cikgu itu arah anak murid dalam Bahasa Inggeris, *disturb the water*.

Y.B. Dato' Speaker : *Disturb*?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha, *disturb the water*. Patutnya *stir the water*.

.

Y.B. Dato' Speaker : Tak cakap *round the water*. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha, tu lagi teruk Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, itu lagi baik. Kacau dengan *round* ada kena mengena. *Disturb* terus tak ada.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha, inilah contoh kecelaruan dalam PPSMI ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan kementerian dapat buat keputusan segeralah, ya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jangan sampai yang dikendong tak dapat, yang dikejar keciciran, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok...

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya nak beri contoh satu Yang Berhormat. Ini *last* Yang Berhormat. Kalau Bahasa Inggeris yang jadi permasalahannya, kita fokuskan Bahasa Inggeris, ya. Saya dah buat program ini dua tahun Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan saya yang ramai bahasanya bahasa Jerman dan Belgium, orang-orang di tempat saya. Tapi dalam tempoh dua tahun Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita fokus program Bahasa Inggeris ini, anak-anak di kawasan Rengit ini yang mengambil peperiksaan UPSR daripada 2006 cuma yang lulus Bahasa Inggeris dulu 60 lebih peratus naik kepada 81% tahun 2007. Dan tahun ini, 2008 naik kepada 88%. Saya namakan program itu Program *Excel* Rengit. Dan, saya yakin dalam tempoh 4 tahun kalau diberi peluang bukan setakat 80%, 88% malah mungkin 95%. Termasuk anak-anak orang Asli di Rengit, Yang Berhormat Dato' Speaker. Ini kalau kita fokus terhadap Bahasa Inggeris, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya secara ringkas nak bawa isu lokal ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Ringkas saja isu ini.

Y.B. Dato' Speaker : Pendek?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Pendek aje. Memang pendek, dah habis dah. Ha, dah habis, dah habis.

Pertama, saya nak tanya soal Klinik Kesihatan Rengit ini Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Klinik Kesihatan Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Apa sebenarnya dah jadi ini? Banyak kali dah bangkit dah. Klinik itu sama zaman Jepun punya klinik, Yang Berhormat

Dato' Speaker. Apakah orang Rengit ini, orang luar bandar tak layak dapat kemudahan kesihatan yang sempurna? Di bandar saja yang dapat Hospital Pakar, hospital yang besar-besar ini? Ada kasta ke dia Yang Berhormat Dato' Speaker? Orang luar bandar, klinik, ok, ikut yang dulu-dulu. Di bandar kita tengok hospital besar-besar.

Y.B. Dato' Speaker : Orang Rengit bagus, sihat-sihat jadi tak sakit. Itu yang dia tak besarkan. Ha, orang bandar sakit banyak.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jadi, saya nak, jangan pisahkan. Kita kalau nak kaji peruntukan sebenarnya yang dapat kemudahan banyak ini semua orang bandar, Yang Berhormat. Orang kampung, luar bandar tak dapat banyak peruntukan. Minta Klinik Kesihatan pun susah, ya. Dah berpuluh tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kadang-kadang saya dah malas nak bangkit perkara ini dah. Kadang-kadang saya terfikir agak mudah kalau nak bangkit perkara ini, bawa TV3 barangkali ya, TV apa, TV9, TV7, barangkalilah, barangkali saya ingat benda ini akan membuahkan hasillah pada pandangan saya. Lepas ini saya tak nak bangkitlah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kedua…

Y.B. Dato' Speaker : Eh…

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Nak tanya tentang apa dah jadi pada Projek Pembangunan Bercampur Kebun Kelapa Gunung Sogu ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapak kuarters kerajaan ya, yang besar, luas, cantik di tepi padang golf dah jadi apa dah?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya lihat kuarters kerajaan tersebut. Hari ini tengok Yang Berhormat Dato' Speaker, dah jadi tempat penagih dadah, dah jadi tempat orang-orang Vietnam, Bangladesh, Nepal duduk bersantai, lelaki dan perempuan. Lebih teruk lagi sekarang ini tempat berkubunya monyet-monyet di Gunung Sogu, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jadi, saya nak cadangkan Yang Berhormat ya, supaya kuarters kerajaan yang rizab Melayu ini, ha ini nak cakap dengan pemimpin-pemimpinlah ya, EXCO-EXCO yang ada eh, pemimpin ini, kuarters ini rizab Melayu. Jadi, pertahankan rizab Melayu, buatkan pusat perdagangan bumiputera di Batu Pahat. Jangan bagi kepada individu. Katanya nak, rizab Melayu itu nak diserahkan kepada orang lain. Ha, ini saya nak minta Kerajaan Negeri kaji balik, kaji semula tentang perkara ini, Yang

Berhormat Dato' Speaker. UDA, MARA boleh berperanan dalam membangunkan kawasan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta JKR luruskan Jalan KM125 hingga ke KM116, FT005, (Kelichap ke Koris) ini saya dah cakap dengan ADUN Senggarang, ya. Dia kata ok, boleh bangkitkan dan dekat Batu Pahat - Pontian ada lapan selekoh bahaya, kat kawasan ini kerap berlaku kemalangan. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kawasan ini, jalan ini dapat diluruskan, saya yakin kemalangan akan dapat kita kurangkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Oh, ya, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Kempas.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok. Dah ya. Tak, dah habis ya. Ok, lain kali Yang Berhormat nak cakap panjang, Yang Berhormat mencadangkan. Kalau itu hari tak nak mencadang. Kalau orang mencadang, menyokong berilah lebih. Yang Berhormat ambillah pencadang, ok.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya ambil rizab masa kawan-kawan saya yang lain, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, tak ada orang nak mencadang. Ok, lagi siapa nak berucap, tak ada di tangguh, ha. Baik, deras bangun.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya kita dapat bersama-sama bersidang sekali lagi tahun ini membahaskan pembentangan Bajet 2009 yang bertemakan "Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat".

Sepintas lalu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang berjaya membawa negeri ini menghadapi gelora dan gelombang yang cukup getir dalam perubahan iklim politik dan ekonomi negeri. Saya merujuk penyediaan pembentangan bajet ini, selari dengan pendapat seorang ilmuwan, yang bernama John C Maxwell, mengatakan bahawa...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, siapa nama tu?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : John Maxwell.

Y.B. Dato' Speaker : John, John Mangroo?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Ilmuwan.

Y.B. Dato' Speaker : Orang mana tu?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Ilmuwan Eropah.

Y.B. Dato' Speaker : Fuh, *teror* Yang Berhormat ini. Macam tu jauhlah. Fuh, tak sangka saya. Saya yang ingat John Mangroo je…

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Mengatakan bahawa ada pemimpin melihat keadaan ini dalam tiga tahap, iaitu, pertama, mereka melihat keadaan sekarang ini sebagai realiti. Kedua, mereka melihat apa yang bakal terjadi sebagai jelas dan ketiga mereka melihat apa yang dapat dilakukan dengan visi. Walaupun Bajet 2009 sebagai bajet defisit, tetapi sama-samalah kita mendoakan agar kesejahteraan dan, yang dinikmati oleh rakyat di negeri ini dapat diteruskan bersama agenda pembangunan yang mampan, jitu dan berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini dunia dikejutkan dengan runtuhnya sistem kewangan barat yang bertunjangkan kepada nisbah riba. Sistem kapitalis yang selama ini menjadi tulang belakang negara barat, akhirnya kecundang dan meranapkan institusi kewangannya sendiri. Pendirian Kongres Amerika dalam meluluskan pelan bantuan yang bernilai $700 bilion, jelas menunjukkan betapa dengan izinnya *desperate*, Kerajaan Amerika itu walaupun dilihat dari jauh kesan yang melanda negara dengan izin, U*ncle Sam* itu semakin dekat di rantau sebelah sini dan akhirnya memberikan impak yang cukup sukar untuk kita tangani. Kita bersyukur kerana kita mempunyai sistem kewangan Islam yang semakin mendapat keyakinan pelabur dan rakyat sebagai alternatif pelaburan. Kebanyakan bank-bank komersial hari ini mula mengorak langkah untuk memahami pendekatan kewangan Islam dan mempraktikkannya. Kewujudan pusat kewangan Islam cukup bermakna apatah lagi dengan kejatuhan sistem ekonomi kapitalis barat. Cuma kita bimbang dalam jangka masa 10 tahun dari sekarang, apakah krisis seumpama ini akan berulang lagi? Apakah mekanisme yang boleh diaplikasikan bagi menyerap kesannya? Untunglah pada waktu sekarang, harga minyak mentah dunia semakin stabil pada paras rendah. Ini memberikan sedikit kelegaan kepada rakyat umumnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kekalutan ekonomi Amerika yang bermula dengan krisis hutang perumahan subprima yang mencecah kerugian ratusan bilion dolar, ekonomi negara itu. Lazimnya bank hanya memberikan pinjaman berpandukan kriteria kelayakan kredit yang ketat, seperti status kewangan peminjam dan sejarah pembayaran balik hutang yang positif. Namun perkara tersebut tidak menjadi keutamaan mereka kerana sikap kerakusan mengaut keuntungan. Akhirnya krisis hutang subprima ini telah menimbulkan malapetaka ekonomi yang maha hebat, bukan sahaja ke atas ekonomi Amerika Syarikat sendiri, bahkan terhadap ekonomi dunia. Peningkatan harga minyak dunia yang melebihi USD100 setong juga didorong oleh kemerosotan mendadak nilai USD. Ekoran daripada itu, banyak syarikat-syarikat gergasi Amerika yang melabur ke serata dunia menerima kesan. Dijangkakan ada di antara syarikat tersebut bakal menutup operasinya di luar negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah kita ramalkan ialah negara jiran kita Singapura, negara yang menerima banyak pelaburan paling besar dari syarikat-syarikat Amerika. Kalau ini menjadi realiti, maka ramailah rakyat kita yang mencari nafkah di Singapura menghadapi ancaman diberhentikan kerja. Rentetan dari itu, akan timbul pelbagai masalah sosial yang mengheret negeri ke satu hamparan situasi yang tidak sihat. Sebagai contoh, kelembapan pembangunan peningkatan graf kemiskinan. Kurangnya pendapatan negara selain meningkatkan kadar jenayah secara *total*nya. Dan, jangkaan lima peratus, 500,000 orang rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura akan kehilangan pekerjaan. Untuk menyerap kesan langsung ini, saya menyarankan agar Kerajaan Pusat perlu proaktif terutama dalam usaha menangani limpahan tenaga kerja yang dijangka bertambah apabila syarikat-syarikat besar ini menutup operasinya. Saya berharap Kerajaan Pusat tidak membiarkan Kerajaan Negeri menghadapi masalah ini secara bersendirian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penyusutan graf ekonomi dunia jelas memberikan kesan langsung kepada ekonomi negara. Kadar inflasi semasa kenaikan bahan api melonjak kepada paras 8.5% pada bulan Ogos yang lalu. Keadaan semakin tidak menentu apabila harga keluaran komoditi negara seperti getah dan kelapa sawit juga jatuh merudum. Ditambah pula dengan kenaikan harga asas bahan makanan seperti beras dan tepung. Begitu juga dengan bahan pertanian, pembinaan dan sebagainya.

Menyentuh kepada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Bajet 2009…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, panjang?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Panjang lagi Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan panjang juga, pendekkan ya.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Saya suka menarik kepada perkara yang menyebut promosi jualan runcit …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, duduk. Saya suka nak rehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput, Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya sambung. Menyentuh kepada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Bajet 2009, saya suka menarik kepada perkara yang menyebut promosi jualan runcit dan borong, yang akan diadakan. Persoalannya kepada kita, siapakah jabatan atau pihak yang benar-benar terlibat diberi peranan untuk merealisasikan usaha ini? Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan sepenuhnya, tidak mustahil pendekatan ini menjadikan peniaga dan pembekal berada dalam keadaan tertekan. Adalah diharapkan bahawa usaha ini perlu dilaksanakan dan memiliki sistem yang efisien. Langkah kerajaan menurunkan harga minyak secara berperingkat-peringkat langsung tidak menampakkan kesan ketara penurunan harga barangan lain. Peniaga mempunyai seribu satu alasan. Mangsanya pengguna. Mengapa kerajaan tidak mengambil langkah memberikan tekanan yang lebih kepada peniaga, seperti tindakan menyita premis perniagaan mereka dalam tempoh masa tertentu jika mereka enggan menurunkan harga barangan.

Memang tidak populis malah akan dikecam tetapi pendekatan ini sedikit sebanyak mengundang tekanan kepada pihak pembekal, pemborong dan juga pengilang. Semasa tempoh berkenaan, pastinya mereka juga tidak dapat menjalankan operasi perniagaan, sedangkan kos pengeluaran terus berjalan. Walaupun tindakan ini seperti yang saya katakan dilihat tidak popular, tetapi untuk satu tempoh masa ianya memberikan sedikit pengajaran, bagaimana kuasa pemerintah boleh menentukan harga barang di pasaran. Selama ini kita sering dimomokkan oleh peniaga, seolah-olah mereka ini penentu dasar ekonomi negara. Atas nama kerajaan yang memerintah, apakah ini yang harus kita tanggung sedangkan kita mempunyai bahagian penguatkuasaan yang diberikan tugas dan tanggungjawab sepenuhnya untuk berbuat demikian.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang isu tempatan. Saya juga ingin merujuk kepada fenomena air pasang besar yang berlaku pada 13 hingga 16 November 2008 yang lalu. Saya berkongsi penderitaan bersama penduduk yang terlibat terutama di Jalan Shahbandar, Jalan Pantai serta di Kampung Benteng Kiri, Benteng Kanan dan di Peserai Pantai, dalam mukim Peserai.

Maka saya ingin bertanyakan kepada agensi yang berkenaan, berapakah statistik mangsa yang terlibat dalam fenomena air pasang besar ini? Dan berapakah tafsiran kerosakan harta benda yang selama empat hari ini yang telah dinilai? Hasil daripada pengamatan saya, ratusan ribu ringgit harta benda telah musnah, seperti perabot dan peralatan elektrik. Dimanakah agensi yang sepatutnya membantu bagi meringankan beban rakyat seperti Majlis Agama Islam ataupun lain-lain agensi? Walau bagaimanapun, terima kasih diucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Batu Pahat yang prihatin dan ada rasa tanggungjawab.

Selain daripada itu, masyarakat menjadi semakin bijak dan pantas menilai. Dalam kejadian yang menimpa kawasan tersebut, mereka sentiasa bertanyakan apakah bentuk bantuan yang akan mereka dapat? Manakala kerugian harta benda yang rosak akibat fenomena air pasang besar ini. Kita tidak berupaya untuk menyediakan bantuan yang secukupnya. Maka saya

sekadar nak mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat menyediakan sedikit peruntukan berupa pampasan yang pernah diberikan sewaktu bencana banjir yang lalu, dengan memberikan bayaran sagu hati sebanyak RM700.00 bagi setiap keluarga. Nilai ini bukanlah nilai yang besar, berbanding kerosakan harta benda yang musnah. Saya memohon kepada pihak kerajaan agar dapat menimbangkan perkara tersebut dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Saya juga pernah mencadangkan kepada pihak kerajaan agar dapat disediakan satu dana khas bencana kepada Wakil-Wakil Rakyat yang terlibat. Dana ini, antara lain bertujuan untuk menyampaikan bantuan seberapa segera, bagi meringankan beban dan kekecewaan penduduk tersebut. Bukan bermaksud mendakwa tindakan jabatan kerajaan lambat atau sebagainya, tetapi sebagai Wakil Rakyat kita perlu ada kekuatan tersendiri, bukan sekadar bercakap nanti dulu, sabar dulu, sekejap lagi JKM datang, Majlis Agama akan datang hantar bantuan. Dana ini akan digunakan sebaik sahaja Wakil Rakyat mendapat tahu kejadian malang yang menimpa, bukan sahaja banjir, malah lain-lain bencana yang boleh diberi bantuan segera.

Saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran ini supaya lebih bersedia dengan keadaan ini di samping menyediakan pelan-pelan penyelenggaraan parit dan sungai setiap tahun. Selain menjadualkan kerja-kerja pembersihan parit, JPS juga mesti merangka satu pelan jangka panjang dengan mengkaji mana-mana kawasan sungai yang perlu dilebarkan atau di dalamkan.

Selain daripada itu juga, JPS boleh meninjau jika ada kawasan-kawasan lain yang berpotensi untuk dijadikan kawasan takungan sebagai pelan alternatif, bagi menampung kuantiti air pasang yang naik secara mendadak. Pendekatan lain yang boleh difikirkan seperti membina tebatan banjir sepanjang benteng kiri dan benteng kanan Mukim Peserai, bagi menghalang kenaikan air dengan segera. Sewajarnya kita perlu melihat keadaan yang diimplementasikan oleh Negara Belanda, sebagaimana mereka menyediakan satu sistem pengairan secara cekap, walaupun negara tersebut berada di bawah paras laut.

Saya juga mencadangkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya, supaya membina segera parit konkrit sepanjang Jalan Peserai ke Bandar Semerah. Ini juga merupakan langkah-langkah pilihan bagi mengatasi masalah banjir.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Iskandar Malaysia, yang telah berjaya menarik pelabur-pelabur dari Timur Tengah di dalam *Cityscape Dubai* pada bulan Oktober yang lalu. Pembangunan Iskandar Malaysia semakin pesat berbanding koridor-koridor lain yang telah dilancarkan, baik dari segi kemudahan prasarananya, pelaburannya, usahanya dan perkembangan semasa. Iskandar Malaysia adalah wajah Malaysia masa hadapan.

Saya menyeru agar rakyat Johor diberikan peluang yang seluas-luasnya dalam semua sektor pembangunan wilayah ini. Diharap juga kerajaan tidak pula meminggirkan daerah-daerah lain. Saya cuma ingin bertanya bagaimanakah

pula nasib beberapa buah daerah yang tidak terletak dalam jajaran pembangunan Iskandar Malaysia ini, khususnya daerah Batu Pahat? Arus pembangunan daerah Batu Pahat perlu diberi perhatian serius dari Kerajaan Negeri, agar terus berdaya saing, berdaya maju dan menjadi daerah yang terus membangun. Saya juga ingin menyarankan agar kerajaan mempunyai pelan pembangunan bagi memajukan daerah Batu Pahat dalam sektor ekonomi yang dipeloporinya. Sebagai contoh, daerah Batu Pahat yang memiliki banyak kelebihan, antaranya perusahaan tekstil yang terkenal sebagai lembah tekstil negara pada suatu ketika dahulu.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia juga, daerah Batu Pahat menjadi antara daerah yang pesat membangun di Negeri Johor di samping menjadi pusat membeli-belah utama, sebelah utara negeri. Saya mencadangkan agar kerajaan juga menimbangkan cadangan supaya membawa pelabur ke daerah ini. Saya juga ingin bertanyakan kepada Kerajaan Negeri, sejauh manakah hasilnya mengenai rancangan pembangunan pesisir Sungai Batu Pahat di Mukim Peserai dan Bagan, yang difahamkan akan dibangunkan oleh sebuah syarikat swasta iaitu Second Port Logistic Sendirian Berhad.

Adalah menjadi harapan projek ini menjadi kenyataan, dalam tempoh terdekat kerana jelas implikasinya akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Saya juga ingin menggesa agar cadangan membina jambatan kedua dibina selaras dengan pembangunan pesisir pantai tersebut, bagi melancarkan pengaliran trafik dan lalu lintas. Bercakap mengenai trafik dan lalu lintas, saya suka membawakan pengetahuan Ahli Dewan, bahawa setiap hari, laporan lalu lintas di stesen-stesen radio, menyebut tentang daerah Batu Pahat. Ironinya memberikan gambaran kepada kita semua, bahawa daerah Batu Pahat pesat membangun dengan bilangan kenderaan yang banyak. Saya suka mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri melihat tentang keperluan membina jalan bertingkat dengan izin, *fly over* yang menghubungi jambatan Batu Pahat ke Jalan Kluang. Saya percaya langkah ini akan memudahkan aliran trafik selain merancakkan proses pembangunan daerah ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kehilangan Pulau Batu Puteh masih lagi menjadi igauan ngeri kepada negara, khasnya rakyat Johor. Dan pada hari Jumaat, 28 November yang lalu, akhbar Harian Metro telah memaparkan kisah kewujudan sebuah Pulau Sialu, di Mukim Minyak Beku, Batu Pahat. Di pulau tersebut terdapat sebuah rumah api yang dibina pada sekitar tahun 1894 dan pernah menjadi penempatan masyarakat Orang Asli pada tahun-tahun 60-an dan 70-an.

Menurut akhbar itu lagi, nama pulau berkenaan tidak disenaraikan dalam Buku Keluasan Perimeter Negeri, Daerah dan Pulau-Pulau di Malaysia, berdasarkan terbitan Jabatan Ukur, Pemetaan Malaysia. Ini satu lagi kepincangan kita, dalam menjaga hak dan wilayah yang sememangnya milik kita. Apakah tindakan kita yang seterusnya untuk mendokumentasikan tanah pulau ini sebagai hak milik negeri? Sikap sambil lewa dan tidak mengapa atau mana mungkin, seperti menjadi stigma sehingga kita kehilangan Pulau Batu Puteh kepada Singapura. Keadaan seumpama itu boleh menimbulkan pelbagai

tanda tanya, di kalangan rakyat khususnya penduduk Batu Pahat. Saya ingin mohon agar perkara seumpama ini, diberikan perhatian yang serius dan sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya turut menyokong atas rundingan yang dibawa oleh sahabat saya Ahli Dewan kawasan Kempas. Sekian wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Jemput, yang lain. Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Izinkan sebelum saya memberi ucapan, saya ingin mengulas sikit tentang ucapan tadi Yang Berhormat dari Rengit. Yang Berhormat dari Rengit mengatakan, Yang Berhormat berasa khuatir rakyat tidak bersatu padu. Saya ingin mengatakan tiada masalah dengan rakyat. Ada masalah adalah pemimpin masing-masing. Kalau kita pemimpin baik, berterus terang, baik antara kita semua, rakyat akan ikut contoh, tak ada masalah.

Dengan izin, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas atas Bajet 2009. Bajet 2009 merupakan satu bajet defisit dan ini bermakna perbelanjaan oleh agensi-agensi kerajaan dan jabatan-jabatan adalah lebih daripada pendapatan.

Justeru itu, kami semua sedia maklum bahawa peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada jabatan serta agensi-agensi kerajaan merupakan hasil kutipan daripada rakyat. Saya ingin menyeru, menyeru Ketua-ketua Jabatan berkenaan harus merancang perbelanjaan dulu, secara jimat cermat supaya pembaziran tidak berlaku. Tolong, jangan membazir. Jabatan-jabatan yang mendapat peruntukan haruslah menjalankan tugas dengan lebih sempurna. Projek-projek hendaklah dijalankan dengan baik sampai satu tahap yang kita boleh, rakyat boleh terima. Banyak projek-projek telah tergendala ataupun tidak memuaskan. Saya berharap jabatan-jabatan yang berkaitan dapat membantu saya untuk menyelesaikan masalah-masalah, masalah rakyat jelata. Saya minta pihak Polis, masalah kes ragut berlaku di seluruh negeri, Negeri Johor. Kes ragut sering berlaku di kawasan Kluang juga. Surat khabar baru-baru ini, 26 September, ini *Oriental Daily*, surat khabar Cina kata satu hari empat kejadian kes ragut di Kluang menjadi serius. Teruk benar.

Untuk makluman Dewan ini, isteri saya sendiri pernah kena ragut tiga kali. Kami ada buat laporan Polis tiga kali juga, tapi tidak ada. Sampai sekarang sudah dua, tiga tahun, empat tahun tiada apa-apa, dipanggil, tidak dipanggil oleh Polis, tiada jawapan. Bekas Yang Berhormat Ng Kim Lai, maklumlah, kerani dia sendiri juga diragut depan pejabat dia. Di Kluang lagi, seorang tua, perempuan tua diragut dekat jalan, Taman itu Kampung Paya, lepas itu jatuh. Parah cedera, cedera parah. Semua kesian. Kami semua sedia maklum *reporter* surat khabar cina diragut lepas itu jatuh lepas itu mati. Kemudian dia meninggal dunia. Baru-baru ini, tak berapa tahu, setahun dua tahunlah yang lalu. Ini kes ragut memang

sudah teruk. Saya ada buat, saya nak ada buat satu cadangan kalau dipersetujui oleh pihak Polis. Tidak boleh jalan, dapat tak? Polis wanita kalau boleh menyamar sebagai kerani ke apa jalan di tempat berjalan kaki dengan *handbag* lepas itu di tempat kejadian yang sering berlaku, lepas itu polis yang lain boleh buat *block* serbuan. Kalau ini dapat, kalau, saya rasa berkesan kalau mereka peragut keluar, kita dapat tangkap dia, kejar dia terus, kalau kita ada buat serbuan. Ini macam kita, *diagnosis* ada sesuatu. Tidak boleh hanya terima laporan lepas tu peragut lari baru pergi cari, itu lambat. Kita nak tangkap dia serta merta, *on the spot*, dengan izin.

Saya ingin menyentuh di Sri Lalang. Sri Lalang sebuah kampung sampai sekarang tidak ada pejabat pos. Saya minta pihak berkenaan dapat membantulah kalau tidak mereka kena pergi 10 kilometer pergi Kluang beli setem, urusan. Ini teruk sangat. Di Taman Sri Kluang pula, yang hairan sudah berapa tahun orang duduk situ tapi tiada perkhidmatan bas. Ini yang ganjil. Macam mana nak keluar. Ada kereta, ok. Tiada kereta, mereka terpaksa jalan kaki ataupun orang hantar dia ke simpang Jalan Batu Pahat-Kluang lepas itu tunggu sana bas Batu Pahat datang, naik pergi Kluang. Apakah kita kata ada kemajuan. Ini bas servis pun tiada. Tolonglah, tolong.

Saya ingin menyentuh tentang kubur-kubur India di Taman Muhibah, Taman Titiwangsa. Kaum kubur, kaum India datang jumpa saya kata Yang Berhormat, kita punya tempat kubur sudah tidak cukuplah nanti mahu tanam mana. Dia kata tolong mintalah kepada kerajaan, saya kata saya setuju. Sinilah saya minta kerajaan bantulah kalau boleh. Cari tempat tapak yang baru untuk mereka.

Satunya masalah banjir. Saya tadi sudah sentuh pasal banjir di seluruh Kluang, seluruh Johor. Masalah banjir di Kluang wujud terutama di kawasan Melayu di Jalan Sawi, lepas itu di Kampung Tengah, orang Melayu juga. Orang Melayu banyak yang kena. Saya bukan cakap apa, Cina juga ada tapi kebanyakan Melayu di kawasan yang rendah. Mereka mengadu kepada saya kata sudah 30 tahun, tolong. Tadi baru saya cerita, saya pergi hari raya kedua, pergi rumah mereka, banjir. Itu yang hairan. Saya rasa mungkin sesuatu tindakan boleh dibuat. Saya tidak mahu mengulangi tapi dengan, ini soal banjir ini saya takut kalau soal banjir di Johor kalau tidak diperbaiki saya rasa akan mengganggu mungkin akan mengganggu projek Iskandar Shah sebab orang datang melabur, nanti ada kehilangan apa banjir siapa nak datang. Itu *sorrylah* saya bukan nak cakap apa. Saya minta boleh selesaikan perkara ini supaya projek kita jalan. Iskandar Shah berjaya.

Sampah sarap juga. Saya tak sebut tidak boleh ramai orang cerita kat atas saya tak cakap nanti. Nanti orang baca surat khabar marah saya pula. Memang, memang masalah sampah sarap tak habis-habis. Tiga hari, lima hari, satu minggu lepas itu lori datang ambil, lepas itu, busuk sangat. Itu air kotor-kotor keluar, busuk. Saya cadangkan kalau boleh, kalau waktu malamlah, ambil supaya orang tidur tak rasa ke. Pernah sekali saya duduk tepi kedai, makan, lori lalu busuk sangat. Tak boleh makan langsung, busuk. Janganlah siang hari,kalau boleh elakkan. Siang hari waktu orang makan, jangan, jangan ambil sampah.

Saya ingin menyentuh penghuni-penghuni di Kampung Gunung Lambak yang baru-baru ini memang, mereka masuk surat khabar bising sebab kata tanah mereka, kerajaan suruh dia keluar. Serah balik lepas itu tak tahu dapat tapak tak dapat. Saya pun tahulah mereka duduk sana berapa tahun. 30 tahun, sejak nenek moyang mereka lagi. Tolonglah kerajaan kalau boleh bagi merekalah tak kira siapa pun. Ada Melayu, Cina pun bagi mereka saja.

Dan satu lagi saya ingin menyentuh, orang sudah bising kata itu *arial* selalu dipasang di Kluang sana. Banyak, bangunan tinggi-tinggi semua ada *arial*. Itu Celcom ke apa ke? Itu bahaya untuk kesihatan. Saya sendiri tak pasti tapi saya percayalah kalau kita, tangan pergi TV pun macam ada karan. Inikan, saya takut nanti mengganggu kesihatan kita. Kalau boleh saya ada buat satu cadangan, kita kalau bolehlah pindah, memindah itu tempat itu, lokasi ini ke kawasan luar bandar supaya tidak ada orang duduk kebun atau kebun sesiapa ke. Di Yong Peng memang ada, Yong Peng macam ada, Celcom di luar bandar. Bukan Yong Peng *Town,* bukan Bandar Yong Peng tapi ada lebih jauh sedikit...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dalam hutanlah Yang Berhormat?.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ha, bukan hutan, kebunlah, kebunlah Datuk Speaker. Akhir sekali saya secara cepatlah, di Kluang, sebuah Tokong Dewan, Dewa Chu Yong Yah, ini memang ganjil-ganjil sedikit Datuk tapi tidak apalah, di kawasan Haji Manan, Kluang sudah wujud sana sejak 40 tahun 46 tapi malangnya tahun 90-an, 1990 tiba-tiba jadi kawasan rizab Melayu. Ha itu masalah. Sudah ada situ macam mana. Saya harap kalau bolehlah walaupun tempat rizab Melayu, kalau itu bangunan sudah ada, tokong orang sudah sembahyang, ini *culture* kita jangan menyakiti rakyat sanalah. Kalau ini wujud kuil ke apa ke saya pun cerita sama. Saya tiada apa, saya tiada bangsa, tiada. Ini memang suatu kenyataan. Tolong kalau boleh kita walaupun itu rizab Melayu, keluarkan itu satu lot sana, kita luluskan itu biar mereka teruskan mengikuti upacara mereka. Kalau nak suruh dia pindah, nak pindah ke mana. Kalau pindah tempat lain, penganut lain pula kena cari yang baru. Jadi itu masalah-masalah inilah. Saya secara ringkas sahaja sebab untuk menjimatkan masa.

Akhir kata sebagai Ahli Politik, kita bertanggungjawab menjaga kepentingan rakyat, memberi bantuan kepada mereka jika perlu, menyelesaikan masalah mereka dengan seberapa segera dengan kata-kata di atas saya berharap peruntukan Bajet 2009 dapat mencapai hasrat kerajaan. Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, jemput yang lain. Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Datuk Speaker. Alhamdulillah saya panjatkan syukur ke Allah SWT masih lagi memberikan kesempatan untuk saya bersama dengan Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang bertuah dan mulia pada hari ini untuk sama-sama membahaskan Bajet 2009 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Negeri Johor. Dan untuk itu saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker yang telah pun membenarkan saya untuk berdiri bersama-sama rakan-rakan lain Yang Berhormat untuk turut membahaskan Bajet 2009 di dalam Dewan yang mulia ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Johor yang bertemakan dan berobjektifkan "Menghadapi Cabaran Serta Memelihara Kesejahteraan Rakyat". Begitu cantik tema, harapan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan tentunya tema ini berdasarkan usaha murni kerajaan untuk nak mengekalkan pendekatan pembangunan yang seimbang dan menyeluruh seperti mana yang kita biasa sebut perkembangan yang holistik untuk menghadapi cabaran ketika ini. Sama ada cabaran globalisasi dengan tekanan liberalisasi serta ekonomi dunia yang tidak menentu. Begitu hebat hasrat*, vision* dan *mission* oleh Kerajaan Negeri Johor. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan tentunya saya begitu optimistik segala perancangan bajet ini mengambil kira semua faktor, mengambil kira pandangan semua pihak daripada serendah-rendah lapisan masyarakat kepada setinggi-tinggi lapisan masyarakat. Dan tentunya pandangan-pandangan, kerja keras daripada Ketua-ketua Jabatan dan warga kerja sama ada dari peringkat negeri mahupun daripada peringkat *federal,* sama-sama begitu komitmen untuk memajukan Negeri Johor, dengan, itu menyumbang ke arah pembangunan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tidak berasa bimbang dari segi perancangan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Cumanya yang saya bimbang dan semua orang rasanya bimbang kalau itu kita letakkan semangat patriotik kita, semangat kasihkan negara kita ini di hadapan kita, kita berasa bimbang dalam suasana hari ini. Bimbang kerana ekonomi sesebuah negara termasuk kita Negeri Johor ini bergantung kepada dua faktor. Satunya**,** daripadanya ialah faktor perkembangan ekonomi dunia, sedikit sebanyak memberi impak kepada kita Malaysia dan Johor secara khususnya.

Tapi dalam hal ini saya tak begitu bimbang kerana ekonomi dunia ini macam sejarah yang lepas, ada turun dan ada naik, macam air ada pasang dan surut. Dan, kita mempunyai cendekiawan yang hebat, ahli-ahli ekonomi kita yang begitu hebat untuk menangani masalah ini. Cuma, kadang-kadang yang kita bimbang, sebagaimana rakan-rakan Ahli-Ahli Berhormat yang lain sebut, kadang-kadang naiknya begitu cepat, tapi bila nak turunnya tu payah bertolak, baru nak turun. Sedikit, sedikit, ia macam harga minyak dan sebagainya.

Tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya yang paling bimbang ialah masalah-masalah yang melanda negara kita ini dari segi keselamatan. Itu faktor utama juga Yang Berhormat Datuk Speaker. Tadi faktor ekonomi, tetapi faktor keselamatan negara kita juga jangan dipandang ringan. Dan, apa yang

berlaku di senario politik pada hari ini, kita sudah menampakkan kalau kerajaan tidak menangani dengan sebaik mungkin, saya bimbang harapan yang saya katakan di peringkat awal tadi hanya tinggal harapan. Sebab, kalau dah negara kita kucar-kacir, berbalah sesama sendiri rakyatnya, berlaku pertumpahan darah, antara kita sesama kita. Walau cantik macam mana pun harapan kita untuk ekonomi kemakmuran negara kita akan sia-sia, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Sebab itulah saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Mengkibol sebentar tadi. Dia kata yang buat kerja cakap ini yang ialah pemimpin, memang betul pemimpin. Orang Bukit Serampang, orang Kampung Bukit Serampang dia tak cakap pasal ketuanan Melayu ini. Baik Cina, India atau lebih lagi orang Melayu, dia tak soal pasal ketuanan Melayu ini. Mereka akur, sebab datuk nenek moyang mereka tahu sejarah ini, tak ada sebut. Pergilah ke mana, baik ladang, baik perkampungan, tradisional baik, tak ada cerita soal ketuanan Melayu.

Tapi, yang cerita ketuanan Melayu ini ialah pemimpin. Lebih-lebih malang lagi pemimpin dalam rakan komponen Barisan Nasional, orang Johor yang dulunya bukan main melambang melaung cakap kalau kita orang Melayu tak mahu tolong orang Melayu, kalau orang Melayu tak mahu mempertahankan Melayu siapa lagi nak Melayu, sehingga diberikan oleh Tuanku dibuat di antaranya gelaran Dato'. Tapi, orang yang sama ini Datuk Speaker, yang sama inilah sekarang ini yang menimbulkan kompleks ini, yang menimbulkan soal ketuanan Melayu, disambut dengan gembira pulak daripada komponen daripada pakatan pembangkang.

Kalau kita tengok semalam punya Datuk, berita televisyen, sedih kita, sedih pengerusi, sedih dan geram. Pemimpin yang dikatakan tadi itu bertelagah kerana membincangkan soal ketuanan Melayu, yang tak sepatutnya ini berlaku, kerana apa bukan kerana masyarakat umum, kerana kepentingan diri untuk nak naikkan imej diri gunakan soal-soal umpama ini untuk nak menarik perhatian bahawa aku adalah pembela kepada satu kaum, tanpa memikirkan soal keselamatan negara kita daripada memikirkan soal keharmonian masyarakat kita dengan memikirkan soal sensitiviti kaum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga orang luar bandar tak cerita pasal biasiswa, orang luar bandar tak cerita pasal kemasukan pelajar-pelajar Bumiputera bukan Bumiputera ke UiTM, tak cerita, yang cerita pemimpin, ini yang jadi masalah kita. Orang kampung tak ada cerita pasal peranan-peranan kemasukan pekerja-pekerja Jabatan Perkhidmatan Awam, tapi yang cerita pemimpin. Sebab itu saya setuju, pemimpin yang adil hari ini sama ada pemimpin daripada pihak kerajaan komponen Barisan Nasional, lebih-lebih lagi daripada pakatan pembangkang supaya berhati-hati cakap.

Jangan ingatkan rasa, binasa, ini yang kita bimbang, dalam konteks masyarakat kita masyarakat majmuk. Sebab pemimpin ada pengikut dan sekarang ni kalau kita cakap di depan khalayak ramai, kalau cerita pasal kebaikan sapa pun tak nak bertepuk tangan. Tetapi, kalau cerita pasal soal sensitiviti, cerita nak

memporak-perandakan, bertepuk tangan masing-masing. Ha itu yang kita kadang-kadang tak sedap cakap, lupa masalah-masalah seumpama ini.

Jadi untuk itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan yang lain. Kerajaan kena bertegas, undang-undang yang dah ada itu gunakan sebaik mungkin. Kita bukan masa lagi nak berlembut, bukan kerana kita nak tunjukkan kita gagah, bukan kita nak tunjukkan kuat, kita kena masyarakat umum bukan untuk hari ini tetapi untuk anak-anak kita di masa akan datang. Apa gunanya kita cerita pasal melaut di tengah ekonomi dan sebagainya tapi kucar-kacir, berperang sesama sendiri, berbalah sesama sendiri.

Agak inikah yang kita harapkan, agak inikah yang kita inginkan sebagai pemimpin. Jadi inilah, saya juga turut terpanggil bersama-sama rakan Berhormat yang lain, sama ada daripada Barisan Nasional mahu pun barisan pembangkang kononnya memperkatakan soal integrasi kaum, tetapi kita harus ingat perkara-perkara yang menyentuh soal sensitiviti ini, lebih-lebih lagi agama janganlah semudah-mudahnya mengeluarkan sewenang-wenangnya. Kita tidak pernah menyentuh soal-soal yang lain. Tetapi, oleh kerana dilihat kita seolah-olah lemah, maka berlakulah perkara-perkara yang tak sepatutnya berlaku.

Berpuluh-puluh tahun, datuk nenek moyang kita cerita, azan di masjid tak ada orang cakap pun. Tapi, sekarang, wah mengada-ada dah berani bercakap soal azanlah, mengganggu ketenteraman awamlah dan bukan dicakap di khalayak ramai, di Parlimen ataupun di tempat-tempat yang lain. Inilah baru, belum lagi mereka berkuasa sepenuhnya, sudah menunjukkan perkara-perkara yang pada saya agak tak sesuai dan tidak keterlaluan kalau saya katakan kenyataan-kenyataan yang biadab. Yang Berhormat Datuk Speaker, inilah mukadimah bahasan saya pada kali ini.

Y.B Datuk Timbalan Speaker : Saya ingat dah akhir, baru mukadimah (dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Enjin baru nak panas sebab dikejut oleh sahabat kita tadi supaya jangan pemimpin-pemimpin jangan bercakap yang tak sepatutnya, tak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya baliklah kepada soal lain-lain. Saya, dalam konteks ini saya mintak Jabatan Perpaduan Negara kita ini sama ada di peringkat nasional mahu pun negeri supaya memandang serius perkara ini. Dalam bajet yang saya baca sepintas lalu yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, dalam konteks perpaduan ini jelas menampakkan dan saya penuh yakin dalam perkara ini di antara jabatan yang perlu memainkan peranan ini ialah Jabatan Perpaduan Negara ini. Jabatan inilah yang akan menerangkan kepada generasi-generasi kita betapa soal-soal yang melibatkan kita seisi kaum, agama dan sebagai budaya dan sebagainya, jangan mudah, sebab anak-anak kita yang baru-baru ini dia tak tahu.

Sebab itu dalam ucapan, saya semak dalam buku ini, minta maaf, dalam buku ini. Saya semak ucapan saya, saya sentuh soal perpaduan kaum, saya sentuh soal perpaduan kaum. Mereka tak tahu sejarah, sebab itu dalam ucapan saya yang lepas juga saya katakan Kementerian Pelajaran kembalikan balik sejarah ini. Patut pelajaran sejarah di peringkat tadika mahu pun sampai peringkat sekolah rendah. Saya tahu, saya tahu sejarah negara kita bagaimana pimpinan kita kalau saya sebut Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak, Tun Dr. Ismail, mendiang V.T. Sambanthan, mendiang Tun Tan Cheng Lock dulu berpakat. Runding baik-baik, saya ingat inilah di antara faktor kita mencapai kemerdekaan yang dijanjikan oleh penjajah.

Kalau kita tak boleh bersatu, bangsa Melayu ini, orang Tionghoa, tak India tak ada bersatu, kita tak boleh merdeka. Dan, ini yang diasaskan oleh pemimpin kita yang dahulu, sekarang ini tak tahu. Sebab itu Kementerian Pelajaran hidupkan balik sejarah ini. Kalau masih ingat saya sebutkan wah kita dulu masa saya belajar Viking ingat tak dan sebagainya, Christopher Colombus yang tu kita agung-agungkan. Tetapi, sekarang ini soalnya, Jabatan Perpaduan, kalau saya tengok tadi dalam yang sepintas lalu. Ada RM1.2 juta untuk dibelanjakan dalam soal perpaduan ini, integriti kaum, tetapi, lebih menjurus ke arah seminar di hotel-hotel, ketua-ketua apa, masyarakat, pengibaran bendera jalur gemilang, ni bagus, patriotik.

Tapi, dalam soal ini saya mintak supaya Jabatan Perpaduan Negara pergi turun ke bawah, ke akar umbi, terangkan keadaan-keadaan seumpama ini. Pergi ia, sekarang ini, kalau kita pergi ke ladang-ladang, terangkan kepada masyarakat kita di ladang yang kebanyakannya penduduknya adalah orang India, bagaimana keadaan-keadaan ini berlaku supaya Hindraf ini tak sampai ke ladang. Saya tahu di kawasan saya ada empat, lima ladang dan kebanyakan yang pergi ke Kuala Lumpur berarak bersama-sama itu adalah datang daripada ladang itu, dia tak tahu. Begitu juga perkampungan tradisional Melayu dan juga perkampungan Kampung Baru masyarakat Tionghoa. Ini yang perlu kita perjelaskan dalam konteks apa, kita nak melaksanakan aktiviti kita dengan belanja yang begitu besar sebentar tadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak merujuk soal-soal yang lain, soal bahasa, Sains, Matematik dalam Bahasa Inggeris, saya rasa dah cakap juga dalam Dewan yang lepas. Saya bersetujulah supaya dikaji semula. Yang jadi masalah kita nak, apa kita nak memperkasakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua bahasa rasmi, bahasa antarabangsa, setuju. Tapi, dalam soal ini kita tingkatkan Bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran, guru ke, pelajaran ini kita jadikan dia sebagai satu yang terbaik, ajarlah Bahasa Inggeris.

Sekarang ini pun kalau kita pergi ke maktab ada pula latihan dalam bidang TESL, kalau tak silap saya *Teaching English as a Second Language*, ada. Teruskanlah itu, bugarkanlah itu, perkasakan Bahasa Inggeris itu, jangan melibatkan bahasa-bahasa lain termasuk bahasa kebangsaan. Yang nak kita pertingkatkan ini, tetapi jangan jugak selain yang jadi mangsa. Ini yang kita mintak Kementerian Pelajaran kaji semula, tambah-tambah kata tahun 2008 ini, UPSRnya sebagai apa nama ni target, garis ukuran, tapi masih lagi menggunakan dwibahasa. Wah, berjaya, bagus, cemerlang, apa yang

cemerlang, kalau dia masih membaca soalan, kalau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina masih lagi menggunakan Bahasa Cina. Begitu juga Tamil dengan menggunakan Bahasa Tamil. Sekolah Kebangsaan masih lagi menggunakan bahasa kebangsaan, tak bolehlah kita gambarkan itu satu kejayaan.

Dan, seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, saya harap ini dikaji semula sebagaimana saya katakan yang lepas, sistem pengajaran dan pembelajaran itu kita perkemaskan dan kita perkasakan, kalau kita nak memperkasakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah rendah. Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara-perkara lagi satu yang nak saya sentuh dalam masa ini adalah mengenai selalu yang diperkatakan sama ada dalam soalan lisan dan juga dalam bahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ialah mengenai pembuangan sampah, pepejal dan sebagainya. Cuma sikit saja nak saya sentuh dalam soal ini, peranan *SWM, Southern Waste Management*, dengan izin. Saya difahamkan perjanjian awal ini adalah dibuat di peringkat *Federal.* Tetapi pelaksanaannya ialah di peringkat Kerajaan Tempatan, Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, termasuk yang ini.

Jadi, dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah selalu kita kemukakan dalam soal ini, kadang kala, saya nampak kegagalan Yang DiPertua Majlis Perbandaran macam seolah-olah tak dapat nak buat apa-apa, sebab perjanjian itu ialah dengan pihak *Federal*, bukan dengan Kerajaan Negeri lebih-lebih lagi Pihak Berkuasa Tempatan, walau pun memang ada peranan di situ. Tetapi, macam apa yang ditegur oleh pihak Yang DiPertua ataupun Setiausaha Majlis Daerah, tak berkesan. Dia masih lagi, sebab tauke ni tolol. Kita, engkau cakaplah macam mana pun, berbuih cakap pun aku tauke, aku atas, kerana aku yang buat perjanjian bukan dengan Kerajaan Negeri, lebih-lebih lagi dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi, dia pun buatlah sewenang-wenangnya. Nak pungut, tak pungut, kadang-kadang pungut pun ambil nama pungut saja nak menghalalkan duit tu dan macam-macam berlakulah. Sebagaimana yang kita dengar dalam Dewan yang mulia ini, pelbagai masalah dari segi pengangkutan dan pembuangan sisa-sisa sampah dan juga sisa-sisa pepejal.

Untuk itu, saya minta Kerajaan Negeri mengesyorkan atau mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya perjanjian ini disemak semula, ditengok kembali. Dan, berikan kuasa, peranan kepada Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan, supaya menentukan bahawa segala kerja laksanakan untuk kebersihan kawasan-kawasan ini dibuat dengan cara yang baik, yang kita harap-harapkan yang memberi kepuasan kepada pengguna-pengguna terutama mereka yang membayar cukai-cukai kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.B Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi perkara saya nak sebut sikit agaknya ialah mengenai peranan RELA, Ikatan RELAWAN Rakyat Malaysia. Saya nampak begitu hebat peranannya sebab kita tahu RELA ini ialah benteng pertahanan ketiga negara

kita selain daripada Tentera dan Polis. Tahniah, malah kita pun rasa bangga sebab semua Ahli Dewan Undangan Negeri ini diberikan *title* Kehormat dengan jawatan Leftenan Kolonel Kehormat, pakai paku dua, ek betul. Cantik, tahniah dan terima kasih. Tapi, yang nak saya timbulkan ini, peranan yang saya katakan tadi, sebagai benteng pertahanan ketiga negara itu biarlah mencerminkan keadaan yang sebenar. Saya tak nafikan memang banyak usaha yang dibuat oleh RELA ini, mencegah pendatang tanpa izin, mengawal keselamatan di pantai dan sebagainya.

Tapi, yang mencacatkan imej yang saya katakan tadi ialah di setengah-setengah tempat, RELA ini pulak anggotanya digunakan tak kena caranya. Orang kahwin, dia jadi tukang jaga kenderaan, orang kahwin pulak, orang majlis perkahwinan. (Dewan Ketawa).

Dan yang lebih malang, baru-baru ini Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pergilah, yalah kita orang kampung, pergi ke bandar ni pergi ke satu pusat membeli-belah di pasar raya. Sekali kita ditahan oleh pegawai ni, staf tu. Tapi saya tengok-tengok pakai hijau, tulis sini RELA, topi RELA. Eh, RELA agaknya kerjanya menjaga keselamatan ataupun lalu lintas di pasar raya ke? Saya pun, agaknya tersilap, yalah kita mengakulah kelemahan kita. Wah, marah dia. Jadi kita tadi dah diberikan Leftenan Kehormat tadi, tunjukkanlah. Saya Leftenan Kolonel Kehormat. Bertabik dia. (Dewan Ketawa). Terus dia bawanya ke tempat yang ini. Oklah, terima kasih.

Tapi, perkara yang nak saya timbulkan agak inikah di antara peranannya. Kalau betul, apa nak buat. Tapi imej itu jagalah. Saya bimbang begini, saya bimbang segala-gala yang digunakan RELA ni tadi mungkin tidak dapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa. Sewenang-wenangnya panggil empat, lima orang, bagilah satu malam tu RM10.00, engkau jagalah. Ini menjejaskan imej kita sebagai anggota RELA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya rasa inilah dua, tiga perkara secara umum yang nak saya bangkitkan. Cuma, dalam masalah-masalah tempatan ni, dah pun, sebagaimana rakan Yang Berhormat lain tadi, Semarang pun ada sentuh, dah berapa tahun, mohon tak dapat ataupun tak ada perkembangan. Jadi, saya pun begitu juga, terima kasih. Segala-gala perancangan yang saya kemukakan dalam Dewan ini nampak macam ada respons tetapi, dari segi pelaksanaannya. Kadang-kadang kita serba-salah, kita serba salah. Sebab, bila kita bercakap ialah berdasarkan fakta. Kerajaan telah bersetuju meluluskan jalan pintas, sebanyak berapa juta. Saya pun dah, segala, tengok pun pengambilan balik tanah dah dibuat, apa segalah dibuat, tapi bila tanya pihak yang berkenaan, dia kata belum lagi. Alhamdulillah, jalan pintas Maokil ke Kepong itu nampak dan pun mula dia punya rintis tapi rintis tu sampai bila pula nak dilaksanakan? Wallahualam.

Cerita Bukit Kepong dah berapa kalikan, Allahu Akbar. Daripada RM2.5 juta naik RM10.5 juta. Baru-baru ni saya tanya pulak, kata kelmarin tak ada tempat Y.B., macam mana? Saya pun menggunakan yalah, kita punya ni tadi berunding dengan Pejabat Tanah, saya kenal pasti, dah ada pulak tanah, pindahkan kawasan tepi Sungai Muar tu tak boleh, naikkan ke atas ok. Saya

pujuk orang yang mohon itu, ini untuk kepentingan umum, sejarah, sejarah Darurat, sejarah negara kita, kita korbankan. Setuju, boleh. Tak ada pulak cerita lagi. Ini cerita Muzium Keponglah ni. (Dewan Ketawa).

Jadi inilah yang saya rasa risau, yang kita jadi masalah pada kita. Kita sentiasa diperlihat macam seolah-olah, kasar punya cakap, kerja membohong rakyat saja. (Dewan Ketawa). Sedih saya. Kita punya semangat, yalah bukan saya nak membabitkan Baginda Tunku Mahkota Johor masa dia buat lawatan Kembara Mahkota. Y.B. ni pun ada. Dia rasmikan. Tapi itulah, daripada mula saya jadi Wakil Rakyat tahun 99, sampai dah masuk penggal ketiga, entah tahun depan entah ada, entah tidak. Pilihan raya akan datang, takut saya pulak dimasukkan muzium. (Dewan Ketawa).

Inilah Datuk Speaker, benda-benda yang macam ini kita mintaklah, jabatan-jabatan bantu kita. Kerajaan Negeri harap dapatlah berunding dengan Kerajaan Persekutuan supaya perkara-perkara seumpama ini diberikanlah perhatian. Janganlah, sampai kata orang pun berulang-ulang, jadi kita pun tak sedap nak bercakap. Seolah-olah tak ada isu lain. Balik-balik kalau bila sebut Bukit Serampang bercakap, cerita Bukit Kepong. Bila Bukit Serampang bercakap, cerita jalan pintas Lenga. Bila Bukit Serampang bercakap termasuklah Kompleks Sukan Komuniti. (Dewan Ketawa). Sampai sekarang ni, sampai bermasam-masam muka dengan Pentadbir Tanah Daerah, nak dapatkan tempat. (Dewan Ketawa). Tapi, sampai sekarang, tunggu, belum lagi, belum lagi, sabar. Ha ini pulak, ini betullah Timbalan kata tadi, petang ni karang *Homestay*, saya dah ada 3 tempat *Homestay* nak dicadangkan. Ya. Tapi janganlah nanti, taklimat, tinggal taklimat. Sebab memang bila kata, saya ulang balik semula, bila Projek Muzium Bukit Kepong itu, memang inilah hajat saya. Makna, hidupnya *Homestay,* hidupnya sukan kawasan situ dan segala-galanya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, cukup masa Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Jadi Datuk Speaker, itulah dia, di antara perkara-perkara yang dapat saya bahaskan, saya timbulkan dalam Dewan yang mulia ini agak kalau keterlaluan kata, saya minta maaf. Tetapi percayalah, yakinlah, apa yang saya suarakan ini ialah untuk kepentingan rakyat secara umumnya. Dan tentunya tak lupa saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang bertuah dan mulia ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua jabatan-jabatan, Ketua-ketua Jabatan sama ada peringkat negeri mahupun Federal yang memang sentiasa memberikan kerjasama kepada kami, Ahli-Ahli Yang Berhormat ini untuk menjalankan tugas-tugas sepertimana yang diamanahkan.

Dengan kata-kata itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Kempas. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Ada yang lain? Jemput, Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya pada tengah hari ini, untuk sama-sama membahaskan ucapan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan atas tema "Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat". Dan tahniah di atas pembentangan bajet yang saya anggap sebagai satu bukti komitmen Kerajaan Johor untuk melaksanakan apa juga agenda dalam mengharungi cabaran ekonomi atau kesejahteraan rakyat pada masa yang akan datang.

Dan dalam Bajet tersebut juga seperti yang dinyatakan bahawa kita akan mengalami defisit yang saya *refer* kepada ucapan Bajet. Tapi dalam masa yang sama, bahawa persediaan awal oleh Kerajaan Negeri Johor dan juga Kerajaan Malaysia, bagi memastikan bahawa kita dapat membasmi kemiskinan dan juga membangunkan pembangunan sosioekonomi dan juga pendidikan kepada rakyat.

Dan tadi saya tertarik dengan ucapan daripada Bukit Serampang dan juga daripada Mengkibol mengenai dengan pemimpin, mengenai dengan masalah yang disuarakan oleh pemimpin tentang perpecahan yang berlaku di dalam negara kita.

Kalau kita lihat bagaimana berlaku di Thailand, bagaimana berlaku di Philippines, yang menjurus kepada ketidakstabilan politik dalam negara tersebut. Hanya semata-mata kerana mahu menguasai kerajaan. Dan yang jelas pada Pilihan raya Yang Ke-12, rakyat telah membuat pilihan. Kita akur, 5 negeri diperintah oleh pembangkang. Manakala, negara kita diperintah oleh Barisan Nasional. Kita akur. Tetapi kita lihat bagaimana pemimpin-pemimpin pembangkang khususnya, yang mewar-warkan, membuat demonstrasi jalanan, dengan tema Bersih, pakai baju kuning. Kita lihat di Thailand pakai baju kuning, protes kemenangan parti kerajaan, penyokong kerajaan pakai baju merah, yang menyebabkan kejatuhan ekonomi di Thailand. Dan rakyat akan merasai kesengsaraan disebabkan oleh demonstrasi yang diwujudkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jelas, kita lihat, kita baca akhbar dan di India baru-baru ini, bagaimana keadaan Taj Mahal yang dikuasai oleh pengganas-pengganas yang cuba menjatuhkan Sistem Demokrasi, dan keamanan serta kestabilan dalam negara tersebut. Begitu juga di Malaysia, bila pilihan raya, telah dapat keputusan, kita akur. Tetapi, kalau Mengkibol kata pemimpin yang memulakan saya rasa Parti Pembangkang yang memulakan. Kerana mereka mahukan kuasa. Rakan saya daripada Bukit Serampang menyatakan azan, itu sensitiviti orang-orang Melayu dan orang-orang Islam yang tidak pernah dipertikaikan. Tetapi sekarang ini

berani dipertikaikan. Kenapa? Mungkin, ingin menjadi jaguh kepada kaum-kaum yang ada di dalam negara kita.

Saya boleh nyatakan di sini, kalau UMNO dan PAS bersatu, kita akan mempunyai kuasa majoriti. Begitu juga kalau DAP dengan MCA, begitu juga Gerakan dan sebagainya. Kalau *split-vote* berlaku dalam negara kita maka huru-haralah negara kita. Apakah ini yang dikehendaki oleh Parti Pembangkang? Kami Barisan Nasional akan pertahankan demi kesejahteraan rakyat begitu juga dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat memikirkan tentang kesejahteraan rakyat. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada Jumaat, 14 November, REHDA, ni, gesa kerajaan ambil alih projek rumah kos rendah. Ini pulak, MCA sokong DAP bantah kuota perumahan bumiputera di Kedah.

Kalau kita lihat bagaimana kerajaan yang sedia ada 51 tahun kita merdeka, dah perintah lama. Kita beri kuota 30% kepada bumiputera. Kekalkan rumah murah 40%. Tak ada apa-apa pun selepas 51 tahun. Begitu cakap tadi. Mengkibol cakap, banjir orang Melayu kerana kita duduk di lembah. Tanah Melayu, Sultan dan Agong adalah tuan kita. Manakala masyarakat Cina, duduk di bandar-bandar, mempunyai tanah-tanah komersial yang bernilai berjuta-juta ringgit. Tidak pernah kita pertikaikan kerana itu adalah hak yang telah diberi hak milik. Tetapi, sekarang ini bersuara untuk menghapuskan kuota 30%. Apakah rasionalnya untuk menghapuskan kuota tersebut? Kalau *developer* yang membangunkan kawasan tersebut diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, antara syarat untuk mengekalkan 30% bumiputera kepada pembeli-pembeli. Yang boleh beli adalah orang-orang Melayu kebanyakannya rumah-rumah murah ni. Tetapi pemaju-pemaju biasanya, mereka akan bina rumah-rumah yang harganya RM150,000 ke atas. *Last* sekali dia akan buat rumah murah. Bila tak boleh, serah kepada kerajaan. Kerajaan kena ambil, kena buat melalui SPN, JPN. Mungkin ini strategi bisnes. Yang untung dia sapu dulu, yang rugi dia tinggalkan. Begitu juga kalau kita lupa tentang sejarah negara kita ini, yang untung dia dah ambil, yang rugi dia serahkan kepada kita, maka huru-hara negara kita, kita tadbir untuk membetulkan balik. Ini kena lihat. Dan kita tidak boleh berkompromi dalam keadaan ini kerana telah termaktub dalam kontrak sosial atau Perlembagaan Persekutuan mengenai perkara ini. (Dewan bertepuk).

Begitu juga saya tidak nafikan pembangkang memanglah cari jalan. Menyebut tentang isi-isu sensitiviti untuk menarik perhatian dan sokongan. Tapi yang saya sedih dalam komponen parti. Ini, saya tak nak cakap siapalah. Dulu jadi Menteri tak apa, jadi EXCO tak apa, mempertahankan hak orang Melayu. Dapatlah darjah. Bukit Serampang dah cakap. Hari ini kerana tidak dapat tempat dalam Negeri Johor atau dalam kerajaan, maka dia kata, menolak konsep Ketuanan Melayu. Ini satu perkara yang saya anggap kurang ajar dan biadab yang dikeluarkan oleh bekas pemimpin kerajaan. Saya melihat ini sebagai satu perkara yang begitu besar, yang harus difikirkan secara bersama.

Kalau orang Melayu boleh pertikaikan, bagaimanakan Tun Tan Soo Seng menyatakan masa dulu bahawa kita ni dapat simpati 200,000 kerakyatan. Kita

kasi tak pertikaikan sampai sekarang tak pertikaikan. Tapi janganlah pertikaikan tentang kepentingan orang Melayu. Dah termaktub, kalau kita sebut macam mana, macam mana, Datuk Ketua Bahagian Bukit Bendera yang digantung keahlian oleh UMNO. Kita mengambil tindakan, tetapi apa yang nak diambil tindakan oleh MCA? Begitu juga dengan DAP. Dan satu lagi rakan kita, meminta dihapuskan ISA dan keluar daripada parti. Bagi saya, nak keluar, keluarlah, tak jadi masalah. Tetapi hak orang Melayu kita tidak akan berundur untuk pertahankan. Itu janji kita sebagai orang Melayu dan yang mewakili Barisan Nasional. Tidak akan berundur sama sesekali. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Panjang lagi Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa): Panjang lagi. Ni baru setengah mukadimah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau panjang, dah la, duduk Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 3 Disember 2008 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEMBILAN	RABU, 3 DISEMBER 2008	BIL. 4 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim,
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai.
(Sungai Balang)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon, jemput.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

a. Mengapakah prestasi sukan menerusi kejohanan-kejohanan sukan yang melibatkan atlet Johor) dan pencapaian akademik Johor oleh pelajar-pelajar menerusi peperiksaan awam) didapati merosot?

b. Mengapakah Johor gagal untuk bersaing dalam bidang sukan dan akademik dengan negeri-negeri lain?

c. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Johor untuk mengembalikan semula kegemilangan pencapaian sukan dan ketinggian prestasi akademik?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian atlet-atlet muda Negeri Johor di dalam kejohanan-kejohanan sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa memanglah agak sederhana. Namun begitu, sebenarnya Negeri Johor masih terus memberikan saingan di dalam pertandingan-pertandingan yang berlangsung di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Sukan Negeri Johor tidak ada data yang lengkap terhadap perbandingan pencapaian atlet di dalam bidang sukan yang diceburi dan pencapaian akademiknya kerana Majlis Sukan Negeri Johor bukanlah sebuah sekolah sukan tetapi badan untuk membangunkan dan memajukan sukan Negeri Johor. Walau bagaimanapun, daripada analisa terhadap Kontinjen SUKMA 2008 iaitu atlet yang berumur 23 tahun ke bawah Negeri Johor ini, daripada 535 orang atlet SUKMA 2008 di Kuala Terengganu, seramai 108 orang adalah terdiri daripada atlet-atlet yang sedang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan juga institusi pengajian tinggi swasta, termasuklah jugak institusi kemahiran. Dan, 427 orang adalah terdiri dari pelajar-pelajar di peringkat PMR, SPM dan juga mereka-mereka yang

telah bekerja dan juga sebahagiannya merupakan ahli sukan sepenuh masa di bawah Majlis Sukan Negara.

Dari segi sumbangan pingat yang disumbangkan oleh atlet-atlet yang masih belajar di IPTA dan IPTS ini, daripada jumlah keseluruhan kutipan pingat 27 emas, mereka menyumbang 11 pingat emas. Untuk perak daripada 32 jumlah kutipan keseluruhan, mereka menyumbang 11 pingat perak. Begitulah juga dengan 19 pingat gangsa daripada 40 pingat gangsa yang dicapai dalam Sukan SUKMA Terengganu. Dalam masa yang sama jugak, terdapat atlet-atlet kita yang telah mewakili negara dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa. Di antaranya, ialah Sukan SEA tahun 2007, yang mana dalam sukan judo umpamanya Chong Wee Kiat telah menyumbang pingat emas kepada negara, dalam masa yang sama beliau juga adalah pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Khairiah Mohd. Malek, judo jugak menyumbang pingat emas dan dalam masa yang sama, beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Komuniti Selandar, Melaka. Begitu juga dengan pelari pecut negara, Siti Fatimah Mohamad yang menyumbang pingat gangsa, yang dalam masa yang sama beliau jugak melanjutkan pelajaran di Universiti Terbuka Malaysia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga atlet-atlet lain yang membanggakan kita, dia asal lain daripada yang saya sebutkan tadi. Tapi ini dia belum melanjutkan pelajaran di universiti. Umpamanya dia dalam olahraga Mohd. Nor Imran Hadi, kita punya pelari pecut negara. Beliau jugak menyumbangkan pingat gangsa dalam SUKMA… Sukan SEA 2007. Dalam acara menembak Mohd. Riduan Mohamad menyumbang pingat emas dalam Sukan SEA 2007. Dan, baru-baru ini dalam Kejohanan Tenpin Bowling Commonwealth di Belfast, atlet kita Noraiman Hairudin telah menyumbang 2 pingat emas dalam acara *all events* dan juga perseorangan. Dan, seorang lagi, Norshakirah Yeop menyumbang pingat gangsa. Dan, dalam Kejohanan Badminton, Kejohanan Remaja Dunia di Poona, India, atlet kita jugak telah menjadi johan iaitu Teo Kok Seong.

So, daripada fakta-fakta di atas, bolehlah dikatakan bahawa pencapaian atlet-atlet yang mewakili Negeri Johor tidaklah begitu teruk, jika dibandingkan dengan pencapaian sukan dengan akademiknya. Kerana mereka pada masa-masa tertentu, terpaksa meninggalkan kelas untuk mengikuti latihan-latihan kem ataupun kejohanan-kejohanan yang telah ditentukan. Oleh sebab itulah, MSN apabila mereka mengadakan kem-kem latihan pusat, terutama sekali untuk pelajar-pelajar di peringkat STPM dan juga SPM mahupun PMR, mereka jugak diadakan kelas-kelas tambahan ataupun tuisyen di pusat-pusat latihan dengan kerjasama daripada guru-guru dan juga Jabatan Pelajaran Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian atlet kita ialah pertama sekali dah tentulah dari segi disiplin yang ada pada atlet itu sendiri. Khususnya dari segi kefahaman dan pengamalan sains sukan iaitu tahap-tahap kecergasan dan jugak pemakanannya. Dalam masa yang sama jugak, atlet-atlet ini jugak oleh kerana mereka remaja dan masih belajar, sesetengah itu dia terpaksa buat pilihan sama ada dia nak teruskan bidang sukan yang mungkin menjejaskan pelajaran dia, disebabkan oleh terpaksa tinggalkan kelas, kem latihan dan kejohanan-kejohanan yang

terpaksa dilalui, ataupun nak utamakan pelajaran. Dan, ada sebahagian mereka terpaksa mungkin faktor dorongan keluarga dan sebagainya, terpaksa pilih pelajaran dan mungkin meninggalkan sukan yang mereka ceburi.

Yang kedua, soal pemantauan dari segi prestasi atlet-atlet ini. Ada atlet-atlet kita jugak yang selain daripada mewakili negeri, mereka jugak merupakan atlet sepenuh masa di… yang dikelolakan oleh Majlis Sukan Negara. Saya beri contoh umpamanya Mohd. Imran Hadi, pelari pecut kita. Kita tak dapat nak pantau latihan dia kerana latihan dia itu dan kejohanan-kejohanan yang dilalui disusun oleh Majlis Sukan Negara. Contohnya apabila Hadi… Imran Hadi nak mewakili Johor dalam Sukan SUKMA di Terengganu, beberapa hari sebelum Kejohanan SUKMA Terengganu, dia baru balik daripada luar negara kerana terpaksa melalui pra-kelayakan Sukan Olimpik. Dan bila dia balik ke Malaysia, terus apa nama ni… menyertai SUKMA, dan akhirnya bila masuk lepas daripada saringan dia nak masuk *final*, sepatutnya kita boleh harapkan dia 3, sekurang-kurangnya 3 pingat emas. Tetapi oleh kerana dia menghadapi yang dikatakan sebagai kecederaan yang tak perasan, bila nak masuk *final* dia cedera dan tak boleh, disebabkan oleh kejohanan yang dilalui sebagai pra-kelayakan Piala Dunia… pra-Olimpik.

Dalam masa yang sama jugak, untuk mewujudkan *team work* di kalangan pasukan-pasukan terutama sekali pasukan-pasukan sukan yang berpasukan. Saya beri contoh umpamanya Pasukan Bola Tampar Lelaki yang mewakili Johor di SUKMA, menyumbangkan pingat emas. Dan, pasukan ini terdiri daripada 3 orang yang sedang melanjutkan pelajaran di Sekolah Pra-U di Sekolah Sukan Bukit Jalil… Bandar Penawar, 2 orang berada di UKM, Bangi, seorang berada di USM, Pulau Pinang, seorang berada di UTM, Skudai dan seorang lagi berada di Kolej Tunku Abdul Rahman. Maknanya dia melanjutkan pelajaran di tempat yang berjauhan dan tak mudah untuk apa nama ini… menyatukan. Itu pun mereka berjaya memberi sumbangan pingat gangsa di dalam acara bola tampar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi yang menjadi faktor kepada… kita selain dikatakan bahawa Selangor dan Wilayah Persekutuan jadi jaguh ataupun penguasa dalam sukan-sukan ataupun dalam SUKMA dan sebagainya, kita kena ingat bahawa Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan merupakan negeri yang mempunyai gelanggang sukan yang terkini dan canggih kerana gelanggang-gelanggang sukan yang berada di Lembah Klang ataupun di ibu kota ini merupakan gelanggang sukan yang menjadi keperluan negara dan bertaraf antarabangsa, sama ada yang dibangunkan oleh kerajaan ataupun pihak swasta. Dan, sudah tentulah dengan persekitaran yang sebegitu, di samping jugak banyaknya apa… adanya persekitaran yang kompetitif, maknanya di kalangan atlet-atlet jugak selain daripada mendapat gelanggang-gelanggang yang baik, mereka juga mendapat pendedahan dari segi kejohanan-kejohanan ataupun pertandingan-pertandingan di peringkat kelab-kelab yang dianjurkan oleh pihak kerajaan peringkat negeri ataupun jugak di pihak swasta. Jadi, atlet-atlet di Lembah Klang ini dia terdedah dengan persekitaran yang kompetitif, banyak pertandingan. Dan selain daripada itu juga, sudah tentulah dari segi cara hidup di Lembah Klang ini mungkin lebih

mendorong ataupun mempunyai kefahaman dari segi sukan untuk sebagai salah satu daripada gaya hidup.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara usaha-usaha ataupun langkah-langkah yang akan dijalankan ataupun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Johor terutama sekali, kita akan mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan sukan di daerah-daerah yang akan dipantau oleh Setiausaha-Setiausaha Kerja Sukan di peringkat daerah, yang mana sebahagiannya kita akan mengadakan pusat-pusat ini di sekolah-sekolah. Kerana di sekolah-sekolah ini jugalah kita dapat mencungkil bakat-bakat baru dengan kerjasama daripada Majlis Sukan Negeri Johor. Yang kedua, kita akan jugak menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang ada di 2 sekolah sukan iaitu pertama, Sekolah Sukan Bandar Penawar yakni sekolah sukan di bawah Kerajaan Pusat dan jugak baru-baru ini, kita mendapat satu lagi sekolah sukan negeri iaitu di Sekolah Menengah Tun Hussein di Kluang, yang mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat ataupun Kementerian Pelajaran. Tetapi untuk atlet-atlet ataupun pelajar-pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam sukan untuk di Negeri Johor sahaja.

Dan yang ketiga, kita juga akan menggunakan sepenuhnya kepakaran dan jugak apa pun aplikasi yang ada di Pusat Satelit Sains Sukan Negara yang terletak di Stadium Larkin, Johor Bahru.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Seperti mana kita sedia semua sedia maklum, negara kita terutama sekali Negeri Johor memang kita berkurangan tempat-tempat untuk bersukan. Dan, kita pun semua dapat tahu bahawa sekiranya Kerajaan meluluskan kompleks sukan di setiap DUN terutama sekali di tempat-tempat luar bandar akan meningkatkan semangat sukan dan juga beri kemudahan kepada orang-orang yang tinggal di luar bandar. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya dan cadangan saya. Kalau setuju, beri bagaimanakah akan meluluskan kompleks sukan di setiap DUN seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 4 tahun yang lepas. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan ini saya rasa dia lebih menjurus pada gelanggang rakyat yang dijanjikan oleh Menteri Sukan, Belia dan Sukan dahulu. Sebenarnya gelanggang sport ini memang masih dalam, ada dalam perancangan Belia dan Sukan. Cuma soalnya ialah dulu Menteri yang lepas, semua cadangan-cadangan itu atau pengesahan untuk mendapatkan tapak dan sebagainya melalui Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri. Tapi apabila Menteri yang baru ini ambil alih, dia tukar pulak dasar supaya semua pengesahan ataupun cadangan tapak ini mesti mendapat pengesahan dari Ahli Parlimen. Dan, sekarang ini yang jadi lambat ini sebab ada setengah-setengah, bukan setengah, banyak, apabila terutama sekali bila Ahli Parlimen inikan, Ahli Dewan Negeri tak begitu ni, Ahli Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Apa? Tak begitu apa? Tak begitu nyaman?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Tak begitu, tak begitu akrablah. Ada di kalangan Ahli Parlimen yang tukar tempat lain, ini yang melambatkan dan sampai hari ini saya ingat yang dah betul-betul nak tender.

Y.B. Dato' Speaker : Ada ke Yang Berhormat, Parlimen dan ADUN anu, tak, tak secucuk, ada?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat tau eh. Yang Berhormat ok?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Ok saja, tak ada masalah, keluar ok.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, makna hubungan dia retaklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Dia bukan retak cuma..

Y.B. Dato' Speaker : Oh, taklah ha yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Jadi apabila saya tanya dengan Menteri kenapa buat macam itu?

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Dia kata dia banyak dapat tekanan oleh Ahli-Ahli Parlimen di Parlimen. Itu dia ubah dasar tu, itu saja. Dan saya yakin selepas ini buat masa ini di Johor, kita dah ada 9 ditenderkan dan mungkin, saya harap dalam setahun ini kita akan dapat selesaikan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Yang Berhormat Pengerusi, setahu saya Negeri Johor sudah menang 3 pingat emas, 2 pingat perak dan 1 pingat tembaga semasa…

Y.B. Dato' Speaker : Gangsa, Yang Berhormat, mana ada. Yang Berhormat main sukan apa ni? Tembaga? (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Gangsa, semasa SUKMA.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, gangsa eh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hou (Skudai) : Semasa SUKMA 2008. Semasa SUKMA 2008 dan setahu, setahu, setahu saya kejayaan mereka dicapai sebab mereka kerap tuduh SUKMA mengubah seorang jurulatih bertaraf Juara Dunia dari

Jepun. Dan, setakat ini setahu saya tidak ada insentif yang atau bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk membantu mereka kelab ini di UTM. Nak tahu apa *guide line* atau garis panduan mesti diikut untuk memberikan insentif untuk membangunkan sukan di dalam negeri ini.

Y.B. Dato' Speaker : Jawab Yang Berhormat, pihak pingat tembaga pun tak dapat. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, jika di Majlis Sukan Negeri Johor kita tak kira sama ada persatuan apa, judo ke, bola jaring ke, mana-mana yang mendapat ataupun pencapaian yang baik, kita akan bantu, kita tak ada diskriminasi, orang ini judo, ini tekwando tak ada, bola tampar tak ada. Mana yang baik kita akan bantu semua.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…Oklah Machap, *last.*

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Ok, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat membuat perbandingan dan juga hujah-hujah yang menyatakan Negeri Selangor memang, apa kita tak dapat menafikan memang kejayaan mereka disebabkan oleh keadaan apa ni, penduduk Lembah Kelang dan juga suasana persekitaran, yang mana selalu saja kita tahulah mereka akan mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam bidang sukan disebabkan oleh kemudahan yang ada. Jadi saya ingin tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam pencapaian SUKMA baru-baru ini kita nampak sebuah negeri yang dikatakan dulu mundur, sekarang melonjak naik dengan begitu cepat. Terengganu di dalam kejayaan mereka di SUKMA baru-baru ini. Jadi saya ingin tahu adakah kita, saya agak kagum dengan pencapaian Terengganu yang begitu berjaya dalam semua bidang sukan yang dipertandingkan baru-baru ini. Jadi saya ingin, saya ingin tahu Yang Berhormat pun ada dekat sana pada ketika itu, jadi bagaimana, bagaimanakah kejayaan yang di tempoh oleh apa ini, oleh Terengganu dan adakah kita, seharusnya kita sama-sama berbincang dan bertukar fikiran. Apakah punca-punca yang menyebabkan lonjakan-lonjakan di dalam bidang sukan yang dicapai oleh Negeri Terengganu. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, faktor kejayaan Negeri Terengganu, pertama sekali selaku tuan rumah, mereka memang menyediakan atlet itu 4 tahun lebih awal daripada negeri lain sebab saya, mereka tahu menjadi tuan rumah. Dan di antara cara mereka pilih atlet ini sebenarnya, sebahagian besar daripada atlet ini, mereka ambil orang punya, dia beli orang punya *and then* dia latih di Terengganu termasuk ada seorang kita punya atlet angkat berat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia ambil orang kita eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Ya, kita latih sini. SUKMA 2006 menyumbang pingat di Kedah, tapi kali ini dia sana ke Terengganu, memang

kebetulan dia pun orang Terengganu, dia balik ke sana dan dapat insentif yang lebih.

Y.B. Dato' Speaker : Terus dapat pingat emas.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang kedua, selaku tuan rumah, sukan-sukan seperti macam silat yang dari segi pengadilan itu secara subjektif yang, maknanya silat contoh. Sebab dia tuan rumah, dia ada *advantage* dari segi pengadilan ini. Itu yang berlaku dengan kita punya pesilat, tak dapat menyumbangkan pingat. Walaupun daripada segi prestasi, kalau tengok kita lebih baik daripada mereka.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Ingat, Yang Berhormat tak boleh buat tuduhan itu sebab apa, ini dalam suasana pengadilan dia tak boleh tuduh, jadi kita sekarang kena kira daripada segi profesional. Kita, kalau kita ini, kita kena akui benda ini. Itu tak betul Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, kena tukar. Hem.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, bila saya, saya lihat pengadilan itu memang jelas. Ada faktor-faktor *and then* kemudian faktor-faktor lobi dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Saya kalau nak, saya nak saya nak terangkan mungkin lebih itu kan? Lebih…

Y.B. Dato' Speaker : Dia berebut eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Dia lebih ada, ada lobi dan sebagainya Dato'. Jadi pengadilan itu sebelum saya katakan, mungkin tak begitu adil. Sukan-sukan yang, yang subjektif inilah. Itu yang banyak kita punya, silat, kita paling tidak kita boleh sumbang 6 tapi akhirnya semua terlepas disebabkan oleh faktor pengadilan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, jemput.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Sumber Manusia.

a. Berapa ramaikah Pendatang Tanpa Izin (PATI) dan pekerja asing yang bekerja di Negeri Johor?

b. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan pekilang-pekilang mengutamakan pekerja tempatan dan apakah jalan penyelesaian yang

dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK)/Jabatan Imigresen untuk menyelesaikan masalah ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Salam sejahtera dan salam perpaduan Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah Seksyen 60(k) Akta Kerja 1955 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja, majikan adalah dikehendaki untuk melaporkan pengambilan pekerja asing mereka dengan melengkapkan borang PA 2/98 di dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh mereka mula bekerja. Jadi mengikut kepada borang tersebut pada masa ini, terdapat seramai 97,278 pekerja asing yang dilaporkan penggajian mereka ke Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor.

Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia menguatkuasakan Akta Kerja 1955 yang bertujuan untuk menjaga kebajikan pekerja dan kepentingan majikan. JTK juga memainkan peranan penting dalam usaha untuk memberi keutamaan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia. Ia dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti Sistem Penjadualan melalui Jobs Malaysia, Karnival Pekerjaan, Temu duga Terbuka dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan pemberian lesen bagi Agensi Pekerjaan Swasta. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah berikut dalam usaha untuk memastikan rakyat tempatan diberi peluang untuk bekerja dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

1. Penetapan siling pengambilan pekerja asing. Kerajaan akan mencadangkan menetapkan siling pengambilan pekerja asing mengikut 5 sektor utama iaitu, pembuatan, perkhidmatan, pembinaan, perladangan dan pertanian. Ini Yang Berhormat Dato' speaker, dibuat berpandukan kepada hasil kajian keperluan guna tenaga Negara 2008 yang baru sahaja selesai dibuat.

2. Penerapan pelaksanaan proses automasi, mekanisasi dan IBS, dengan izin *Industrialists Building System* di dalam sektor yang bergantung kepada tenaga kerja asing. Kerajaan akan mencadangkan untuk memperluaskan pemberian insentif dalam bentuk pelepasan cukai bagi pembelian peralatan dan jentera baru atau terpakai, bagi memastikan setiap industri dapat merangka program dan strategi yang lebih berkesan bagi mempertingkatkan produktiviti industri tersebut. Majikan di sektor pembinaan adalah digalakkan untuk menggunakan Sistem IBS bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing di dalam sektor berkenaan. Ini, Sistem IBS ini Yang Berhormat Dato' Speaker ialah, sistem pasang siap di mana pekerja asing biasanya diperlukan untuk bancuh simen, kerja-kerja besi, *frame work* dan sebagainya.

3. Mempergiatkan usaha untuk meningkatkan penyertaan rakyat tempatan di dalam sektor-sektor yang pada masa ini kurang mendapat sambutan dan penyertaan mereka. Jadi ini dilaksanakan melalui Program Karnival Pekerjaan yang diadakan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

4. Merangka dasar dan strategi untuk meningkat bilangan tenaga buruh wanita di dalam pasaran buruh. Usaha sedang giat dijalankan untuk mengenal pasti kaedah-kaedah yang lebih berkesan, untuk menarik minat bakal pekerja golongan wanita terutama dalam penyediaan Pusat Jagaan Kanak-kanak di peringkat komuniti, penggajian semula pesara dan pemberian latihan kepada mereka yang tercicir dari arus perdana persekolahan.

5. Menggiatkan usaha untuk menarik lebih ramai rakyat tempatan di sektor perladangan. Bagi memastikan rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan, Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja sedang berbincang dengan majikan-majikan dalam sektor perladangan untuk menyediakan infrastruktur asas seperti bekalan air, elektrik dan perumahan bagi kemudahan pekerja yang digajikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah berikut: memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan iaitu, menerusi dan memperhebatkan usaha pendaftaran pencari-pencari kerja melalui *electronic labour exchange earless* (JOB) Malaysia, dengan izin di seluruh negara. Juga menggalakkan majikan untuk mengiklan dan mendaftar kekosongan jawatan di tempat pekerjaan melalui JTK Sumber Manusia. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' speaker, malam tadi saya, saya juga melanggan *website* Kementerian Sumber Manusia di mana ada satu pengiklan bermula dengan pekerjaan kosong oleh RISDA dan juga oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Kedua-dua iklan ini terdapat dalam *website* tersebut.

Seterusnya meningkatkan penganjuran Karnival Pekerjaan di seluruh negara, kemudian memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada para majikan mengenai cara dan prosedur pengambilan tenaga kerja dari negara, negeri-negeri di Malaysia yang mempunyai lebihan tenaga kerja dan juga mengadakan dialog industri dengan majikan di sektor-sektor tertentu, untuk mendapat maklum balas tentang masalah sebenar mereka untuk mendapatkan pekerja tempatan. Dan yang terakhir, menggalakkan majikan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui aktiviti lawatan pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah diharap dengan langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan akan dapat membuka lebih banyak ruang dan peluang rakyat tempatan mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan mereka untuk menyumbang kepada pembangunan negara kita. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih jawapan. Macam jawapan minggu lepas, lebih kurang. Tapi dalam soalan saya, (a) Berapa ramaikah pendatang tanpa izin (PATI) dan pekerja asing. Pekerja asing, 97,298, yang tak dijawab tanpa izin. Kalau kita lihat, baru-baru ini pengumuman di UK, 30,000 yang dikatakan rakyat Malaysia bekerja di United Kingdom ataupun jadi pendatang asing dihantar

balik. Begitu juga kalau kita pergi ke Indonesia, hari ini masuk, seminggu dah kena hantar balik dah. Tapi, pendatang asing ni dibenarkan bekerja. Dua hari lepas, sebuah kilang membuang pekerja tempatan seramai 400 orang. Apakah tindakan dan usaha untuk menempatkan pekerja kilang atau mengekalkan pekerja tempatan ini di kilang tersebut? Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih kepada soalan tambahan daripada ADUN Puteri Wangsa. Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan pendatang tanpa izin ini, kita sebenarnya tidak ada data mengenai pendatang tanpa izin sebab mereka datang tanpa izin. *So*, dalam hal ini, pihak Imigresen…

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Puteri Wangsa) : Dato' Speaker, kalau kat sini soalan dia, ada Jabatan Imigresen, yang di rekod oleh Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Imigresen untuk menyelesaikan masalah ini termasuk pendatang tanpa izin.

Y.B. Dato' Speaker : Entah, ya, ok apa cerita? Saya pun tak tahu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Imigresen telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dalam mengenal pasti pendatang tanpa izin ini dengan mengadakan rondaan dan juga pemeriksaan di premis-premis, kawasan-kawasan pembinaan dan juga di kilang-kilang yang dikatakan ada pendatang tanpa izin ini. Saya rasa data mengenai Jabatan Imigresen ini tidak dapat saya sampaikan pada masa ini, tapi apa yang kita dapati bahawa memang pemeriksaan dari masa ke semasa dibuat oleh Jabatan Imigresen dan tangkapan juga ada dibuat berhubung dengan pendatang tanpa izin ini.

Seterusnya, berhubung dengan pemberhentian pekerja-pekerja di kilang-kilang yang disebutkan oleh ADUN Puteri Wangsa tadi. Saya rasa sepertimana Y.B. sebut tadi, memang dari segi peluang untuk pekerjaan memang terbuka. *So*, apa yang kita, JTK buat adalah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan ini biasanya akan ditemu duga oleh pihak JTK untuk mereka ini ditempatkan di tempat-tempat lain yang mana ada menawarkan pekerjaan sepertimana saya sebutkan sebelum ini memang dalam *Job Malaysia* dan juga memang dalam rekod JTK sendiri ada mengandungi tempat-tempat yang menawarkan pekerjaan-pekerjaan sepertimana bidang di mana pekerja-pekerja ini diberhentikan. Jadi, apa yang saya cadangkan adalah kalau boleh, Yang Berhormat Puteri Wangsa dapat memberikan maklumat mengenai kilang ataupun pekerja-pekerja tersebut kepada pihak kami, supaya pihak kami dapat menempatkan mereka di mana ada tempat-tempat kosong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Jementah.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pada pendapat sayalah dan juga aduan yang diterima khususnya daripada sektor perladangan yang mengatakan pekerja asing ni, kalau mereka masuk tu, kalau mereka tidak dapat menyesuaikan diri, mereka akan lari tanpa dapat dikesan. Oleh itu, saya ingin tahulah, apakah langkah-langkah yang

diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah seperti ini? Sebab yang kita tahu memang ramai pekerja asing yang masuk, lepas tu memang tak dapat dikesan lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih kepada soalan tambahan tadi. Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita rujuk kepada Bajet 2009 ini, sebagai contohlah Kerajaan Negeri melalui Iskandar Malaysia ni, bercadang untuk membina satu pusat penempatan pekerja Iskandar Malaysia. Di mana pusat itu nanti, pusat itu nanti saya rasa dapat menyelesaikan masalah sepertimana yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Batu iaitu tempat itu nanti akan menyediakan, bukan saja menyediakan tempat tinggal yang selamat dan selesa, mereka juga, mereka juga akan dipusatkan di pusat penempatan pekerja Iskandar Malaysia, di mana pekerja-pekerja asing semuanya akan ditempatkan di sini. Mereka akan pergi kerja daripada tempat ini dan lepas kerja kembali ke pusat penempatan pekerja ini. Jadi, ini adalah cadangan oleh pihak kerajaan bagi membendung permasalahan-permasalahan yang timbul daripada pekerja-pekerja asing yang tinggal di sana sini, di taman-taman perumahan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3. Terima kasih.

Kerajaan telah memaklumkan Program Pembangunan Industri Makanan beberapa tahun lalu dengan (5) komponen asal.

i. Pembangunan industri padi
ii. Buah-buahan
iii. Sayuran
iv. Pembangunan industri kelapa
v. Tanaman kekal pengeluaran makanan.

a. Nyatakan berapa ramaikah petani yang terlibat.

b. Kejayaan yang dicapai dalam program ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Pembangunan Industri Padi, walaupun Negeri Johor merupakan kawasan luar jelapang, pihak kerajaan sentiasa memberi bantuan dan khidmat nasihat terhadap kawasan yang mempunyai sawah padi di daerah Muar, Mersing, Kluang dan Batu Pahat. Tumpuan diberi, diberikan kepada projek pemulihan tanah sawah, perataan sawah dan meningkatkan hasil padi dari 3 metrik tan sehektar kepada 5 metrik tan sehektar. Sepanjang tahun 2001 hingga 2005, iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ke-8, seramai 495 petani terlibat dalam program ini dengan nilai pengeluaran sebanyak RM30 juta. Manakala antara tahun 2006 hingga 2008, iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 seramai 195 petani terlibat dalam program ini dengan nilai pengeluaran sebanyak RM12 juta setakat ini.

Seterusnya dalam Program Pembangunan Industri Buah-buahan, tumpuan diberikan kepada pemulihan dusun tradisional, integrasi tanaman dan pembangunan kawasan dusun baru. Dalam Rancangan Malaysia Ke-8 seramai 1,553 petani terlibat dalam program ini dan dengan nilaian pengeluaran sebanyak RM128 juta. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 pula, seramai 886 petani terlibat dalam program ini dengan nilai pengeluaran sebanyak RM51 juta.

Seterusnya mengenai Program Pembangunan Industri Sayur-Sayuran, tertumpu kepada pembangunan sayuran komersial, sayuran fertigasi, ladang organik, tanaman ladang serta pembinaan Pusat Pengumpulan Penggredan dan Pengedaran Hasil. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, seramai 619 petani terlibat menyertai program ini dengan nilai pengeluaran sebanyak RM82 juta. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 pula, nilai pengeluaran adalah sebanyak RM36 juta membabitkan 292 orang petani.

Bagi pemulihan tanaman kelapa, seramai 1,229 orang petani terlibat dengan nilai pengeluaran sebanyak RM33 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-8. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 pula, seramai 159 orang petani terlibat dengan nilai pengeluaran sebanyak RM1.33 juta sehingga kini.

Seterusnya, mengenai Program Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Negeri Johor yang bermula dengan projek TKPM Ulu Tiram di Kota Tinggi pada tahun 2001 dan seterusnya 2003 di TKPM Sekijang di Segamat dan juga TKPM Seri Pantai di Mersing diwujudkan. Pada tahun 2005, TKPM Ayer Hitam, Kluang dijalankan dan seterusnya pada 2006, TKPM Lepau di Kota Tinggi dan juga TKPM Fertigasi di Institut Pertanian Ayer Hitam, Kluang mula beroperasi.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, terdapat perubahan terhadap bilangan peserta dan keluasan di beberapa buah TKPM kerana terdapat peserta yang menarik diri ataupun telah dikeluarkan atas alasan tidak dapat memberikan komitmen terhadap projek tersebut. Terdapat juga peserta-peserta yang baru memulakan projek. Secara purata bagi tahun ini sehingga September 2008, 3 peserta telah mengusahakan projek TKPM Ulu Tiram yang seluasnya 32 hektar dengan nilai pengeluaran RM100,035.00. TKPM Sekijang dengan keluasan 78 hektar mengandungi 8 peserta dengan nilaian pengeluaran sebanyak RM60,230.00. Seterusnya, TKPM Seri Pantai seluas 42 hektar dengan 10 peserta dengan nilai pengeluaran sebanyak RM56,010.00. TKPM Ayer Hitam, seluas 26 hektar dengan 6 peserta, nilai pengeluarannya RM60,000.00. TKPM Lepau, 42 hektar dengan 10 peserta dengan nilai pengeluaran RM5,000.00. TKPM Fertigasi Institut Pertanian Ayer Hitam seluas 4 hektar dengan 5 peserta dengan nilai pengeluaran sebanyak RM12,237.00.

Daripada program yang dilaksanakan, antara kejayaan yang dapat dilihat adalah peningkatan purata pendapatan petani daripada yang selama ini sangat ditekan, yang ditekankan di dalam program yang dijalankan. Pengurusan TKPM yang baik mampu menjana dengan anggaran hasil 3,500 metrik tan sayur-sayuran dan buah-buahan, yang mana ianya dapat menyumbangkan kepada *balance of trade*, dengan izin di dalam pengeluaran bahan makanan negara.

Selain itu, kejayaan yang ditempa adalah dapat melahirkan usahawan yang berdaya saing dengan sokongan daripada khidmat pengembangan yang dijalankan seterusnya bagi mengurangkan pengangguran. Jika kita imbas kembali, kekurangan bekalan beras pada satu ketika dulu dapat diperbaiki dengan adanya program-program seperti ini dan disokong dengan insentif yang diberikan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Pengeluaran barang, barang makanan seperti beras dapat dipertingkatkan lagi dari 3 tan metrik kepada 5 tan metrik.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya soalan saya ni, saya tanya, tentang bagaimanakah Program Pembangunan Industri Makanan, tapi terus lompat padi, sampai Yang Berhormat daripada mana tanya, Kempas ada padi ke tidak, dia kata. Kempas ada banyak sayur saja. Jadi, jawapan tu agak kurang menepati apa yang saya… Walau macam mana pun, kalau dilihat pada belanja yang dikeluarkan, bagaimana Pengerusi Jawatankuasa Pertanian tadi cakap, pada tahun 2006, kita belanja RM6.5 juta. Tapi, kejayaannya agak mendukacitakan. Saya mengambil contoh padi, tadi dia hanya cakap tentang berapa juta wang. Tetapi kalau kita tengok daripada sasaran, kita hendakkan 11.98 juta kilo tapi kita hanya *achieve*, dengan izin 6.56. Sayuran, kita sasarkan 19.5 tetapi kita hanya dapat 12.11. Buah-buahan, 63.47 juta kilo kita hanya dapat 34. Kita bukan kira duit tapi kira sasaran daripada belanja yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk menaikkan taraf dalam Program Pembangunan Industri Makanan. Saya nak tanya, mengapakah, di manakah kelemahan dan mengapakah perkara seperti ini berlaku? Itu soalan saya, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai soalan yang tidak tepat mengenai padi memang ada soalan tentang padi di sini. Jadi, sebab itu…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dalam lima komponen pecahan, tetapi yang menyeluruh…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah tapi Yang Berhormat, soalan-soalan itu ada sebut padi. Tak apalah, dia pun jawab, dia betullah, dia kata ada padi. Kalau tak terang, itu cerita kedualah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai pencapaian keseluruhan di Johor untuk program-program ini bolehlah dikatakan memuaskan. Walau bagaimanapun, memang ada kelemahan-kelemahan dalam membangunkan pertanian ini dengan masalah-masalah petani sendiri dan juga masalah dengan tanah, masalah dengan cuaca. Walau bagaimanapun, di Negeri Johor sebenarnya dalam soal pengeluaran makanan, kita pengeluar makanan sayur-sayuran yang terbesar di Malaysia yang mana kita keseluruhan, kita mengeluarkan lebih kurang 37% pengeluaran sayur-sayuran dalam negara iaitu kita mengeluarkan keseluruhan 574,000 metrik tan setahun. Manakala buah-buahan juga kita pengeluar

terbesar di Malaysia yang mana kita menguasai pengeluaran 34%. Pada keseluruhan program yang dianjurkan oleh kerajaan ini, telah memberi satu kesan keseluruhan kepada Negeri Johor dalam membangunkan industri makanan ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah perancangan Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor untuk melibatkan graduan yang menganggur untuk menyertai program-program tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Dia senyum (ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, semua graduan-graduan memang kita galakkan untuk menyertai program pertanian di Negeri Johor. Malah satu Persatuan Usahawan Graduan Malaysia, kita beri mereka di Pusat Pertanian Moden di Ayer Hitam. Dan mereka pun hari ini dapat menjalankan dengan baik dan kita memang sentiasa terbuka, malah di Muar ada satu Persatuan Siswazah membangunkan kupang. Kita pun bagi sokongan dan kita sedia membantu semua graduan-graduan di Negeri Johor ini untuk membangunkan pertanian dan kita sedia memberi bantuan apa yang boleh kita berilah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Tenggaroh. Ha, baru nampaklah. Lindung.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Di Mersing terdapat banyak kawasan perkampungan termasuk juga pulau-pulau yang ditanam dengan kelapa. Masalah sekarang ini mereka ini tidak dapat menjual hasil mereka. Jadi, saya ingin tahu apakah peranan kerajaan untuk membantu golongan ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai penjualan kelapa ini, kita memang ada dua saluranlah. Pertama, saluran secara swasta. Dan yang kedua melalui FAMA. FAMA sentiasa boleh membeli kelapa-kelapa daripada pekebun kecil. Dan sekiranya pekebun kecil kelapa di Mersing tidak dapat menjual kelapa mereka boleh berhubung terus dengan FAMA ataupun dengan saya. Saya akan pastikan kelapa-kelapa ini dapat dijual.

Y.B. Dato' Speaker : Pasti eh, Yang Berhormat? Allah…oklah, *last*, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita disebabkan kegawatan ekonomi negara mana yang satu ketika kita kena mengimport, salah satu punca disebabkan kita terpaksa mengimport makanan yang berjumlah hampir RM9 bilion untuk seluruh negara.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, pada ketika itu Kerajaan Negeri Johor adalah merupakan salah satu kerajaan yang mana mengambil program untuk hendak membangunkan kawasan industri makanan. Jadi, banyak melalui bank

saya difahamkan banyak tanah-tanah, syarikat-syarikat dipelawa datang untuk hendak memasuki di dalam program ini, di mana setahu saya banyak, beberapa banyak apa ni keluasan tanah sudah pun dikurniakan kepada syarikat-syarikat. Dan Yang Berhormat EXCO Pertanian pada ketika itu ada memberi jawapan bahawa kerana yang masalah yang kita hadapi Yang Berhormat Dato' Speaker, tanah-tanah dia disalah gunakan. Macam kata kita beri untuk industri makanan kemudiannya ditukar kepada tanaman lain, tanaman sawit. Saya, pernah Dato' Speaker, saya pernah pergi ada satu pelancaran waktu itu untuk satu program kita pergi tengok tanaman jagung. Tanaman jagung untuk bagi makan ayam waktu ketika itu, di satu kawasan tanah yang agak besar dikurniakan kepada satu syarikat. Kemudian untuk tanaman jagung. Tetapi baru-baru ini saya pergi tengok, semua dah jadi sawit. Jadi, saya ingin tahulah, sebab pada ketika itu, Yang Berhormat EXCO Pertanian ada mengatakan bahawa kita hendak rampas balik tanah-tanah yang tidak mengikut syarat ini kita nak rampas balik. Jadi, saya ingin tahu setakat hari ini, berapa tindakan yang kita dah ambil? Kemudian apakah tindakan seterusnya supaya kita dapat mengekalkan Program Makanan ini supaya bila kita gawat satu ketika esok, insya-Allah kita cukup. Tiada masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak ada dapat tanah apa-apa?

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Saya, kita ikut, kita ikut syarat. Ada tu, kita ikut syarat. Jadi, saya ingin tahu, Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Dia bagus, dia ikut syarat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai penyalahgunaan tanah ini, memang kerajaan telah mengambil tindakan untuk menarik balik ataupun tidak menyambung *lease* pajakan. Dan, saya juga telah mencadangkan beberapa dalam program sebagai contoh, di Projek Pertanian Moden. Kita juga akan menarik balik beberapa tanah yang tidak dibangunkan dan juga disalah gunakan. Begitu juga tanah-tanah ini telah ada tindakan khasnya di bahagian Pejabat Tanah yang mana sebagai jawatankuasa, ada juga tanah-tanah yang tidak mengikut syarat telah tidak disambung pajakan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat, jemput.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Assalamualaikum warahmatullah, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4 dengan sedikit pindaan berkenaan tentang tarikh 19 Disember 2008 ditukar kepada 19 Disember 2006. [Daerah Segamat telah dilanda banjir besar bermula pada 19 Disember 2006 yang telah mengorbankan nyawa dan kerugian harga benda, kerajaan berjanji untuk mengkaji faktor-faktor kemungkinan berlaku banjir besar tersebut sekali lagi. a) Apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah banjir tersebut untuk jangka masa panjang dan apakah statusnya? b) Apakah yang dirancang terhadap Lembangan Sungai Segamat-Muar yang dilihat faktor penyebab atau penyelesaian bagi masalah tersebut? c) Apakah yang dilakukan sehingga kini untuk menaik taraf parit, longkang dan sungai sejak

berlakunya banjir tersebut dan berapakah kosnya bagi daerah Segamat dan DUN Kemelah khususnya?]

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda tu, Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Soalan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, soalan tu betullah. Yang hujung tu pinda apa?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Tarikh. Dalam soalan. Pasal banjir belum sampai lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Dekat mana?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Banjir di Segamat 2006, Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha, yalah. Saya pun tak perasan dalam tu tak ada. Ha oklah, tak apalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air dan Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan memang menyedari tentang kejadian banjir yang melanda Daerah Segamat dan kawasan sekitarnya. Dua kali. Sekalinya berlaku pada 19 sehingga 31 Disember 2006, dan sekali lagi pada 11 hingga 14 Januari 2007. Sebagai langkah segera untuk mengurangkan kesan masalah banjir di Daerah Segamat, pihak JPS sedang melaksanakan projek-projek berikut:

1. Projek Tebatan Banjir Negeri Johor - Membuang Kelodak dan Mendalamkan Sungai Lenik, dengan anggaran kos projek berjumlah RM2.78 juta (Projek ini telah dimulakan pada 25 Jun 2008, dengan status sekarang adalah 55%.

2. Projek Tebatan Banjir Negeri Johor – Membuang Kelodak dan Mendalamkan Sungai Juaseh, dengan anggaran kos projek berjumlah RM4.95 juta (Projek ini telah dimulakan pada 4 Ogos 2008, dengan status semasa 70%).

3. Projek Tebatan Banjir Negeri Johor – Membuang Kelodak dan Mendalamkan Sungai Kapeh, dengan anggaran kos projek berjumlah RM2.95 juta (Projek ini telah dimulakan pada 17 November 2008, dengan status semasa 3% sahaja dan projek ini adalah pada peringkat kerja-kerja awalan.

Di samping itu, JPS juga sedang melaksanakan reka bentuk terperinci Lembangan Sungai Muar, Sungai Segamat, Sungai Muar Fasa I, bagi mengenal pasti kaedah pencegahan yang bersesuaian untuk mengatasi masalah banjir jangka panjang yang meliputi Daerah Segamat serta kawasan sekitarnya. Adalah dijangkakan reka bentuk ini akan siap pada pertengahan tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Lembangan Sungai Segamat-Muar adalah lembangan yang besar dengan sepanjang 288km dengan keluasan kawasan tadahan air yang luas. Bagi mencegah banjir lembangan sungai ini, JPS telah melantik perunding HSS Integrated Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian Rancangan Tebatan Banjir Sungai Segamat-Muar. Kajian ini masih dalam peringkat kajian awal dan dijangka selesai pada pertengahan tahun 2009. Di antara cadangan yang dibuat adalah pelencongan air banjir di Sungai Segamat dan ke Sungai Genuang untuk mengatasi masalah banjir di Bandar Segamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada tiga projek tersebut, JPS juga melaksanakan 3 projek seperti berikut:

1. Menaik Taraf Saliran Parit Kampung Sungai Gatom, Labis telah siap pada Mac 2008. Kos projek RM2.9 juta.

2. Menaik Taraf Saliran Jalan Syed Abdul Kadir Fasa I, dalam pelaksanaan. Anggaran kos projek adalah RM3.1 juta.

3. Menaik Taraf Saliran Jalan Syed Abdul Kadir Fasa II, tawaran tender ditutup pada 11 November 2008. Anggaran kos RM3 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebanyak RM20.5 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan kerja-kerja kerosakan akibat banjir iaitu 6 kerja kontrak dan 86 kerja-kerja kecil. Dan saya sebutkan 6 kerja kontrak tersebut itu ialah:

1. Projek Membaik Pulih Tebing Sungai Jenalim dengan anggaran kos projek berjumlah RM2.85 juta.

2. Projek Penggalian Semula Sungai Segamat dengan anggaran kos projek berjumlah RM1.66 juta.

3. Projek Membaik Pulih Tebing Sungai Labis Bandar dengan anggaran kos projek berjumlah RM1.51 juta.

4. Projek membaik pulih Tebing Sungai Lenik dengan anggaran projek berjumlah RM1.44 juta.

5. Projek membaik pulih dan membina tembok kawalan hakisan Tebing Sungai Segamat dengan anggaran kos RM1.76 juta.

6. Projek membaik pulih Tebing Sungai Chaah dengan anggaran kos projek berjumlah RM1.66 juta.

7. Bagi kawasan DUN Kemelah terdapat sebanyak 11 kerja-kerja yang telah dijalankan dengan kos RM785,744.00.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Kemelah.

Y.B Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Sempena lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun 2007, dia mengatakan bahawa sungai di Segamat bengkang bengkok dan dia cadangkan supaya diluruskan sungai-sungai tersebut. Dengan menggalakkan satu kajian yang berkaitan tentangnya. Jadi, apakah yang telah dilakukan oleh jabatan yang berkaitan untuk memastikan bahawa saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu diterima dan juga dirancangkan. Dan satu lagi berkaitan tentang kajian empangan-empangan yang ada untuk mengelakkan banjir dari segi faktor menyebabkan kedalaman empangan-empangan ini yang menyumbang kepada banjir.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang telah saya sebutkan, JPS telah sediakan perunding untuk membuat kajian kembangan Sungai Segamat-Muar kerana kita bagi fasa pertama kita bertumpu kepada Sungai Segamat dan juga Sungai Bukit Kepong kerana tempat itu yang sering dilanda oleh banjir. Dan salah satu cadangan yang kita belum siap lagi dengan kerja-kerja perunding itu, kita agak jangka RM10.8 juta membuat kajian reka bentuk pencegahan banjir di Sungai Segamat. Masuk juga lencongan daripada Sungai Segamat terus ke Sungai Genuang, dan juga Genuang kepada Chordan. Itu akan dibuat, akan dicadangkan oleh perunding dan tindakan yang sesuai akan dijalankan. Dan pada permulaan anggaran kos untuk membetulkan kembangan Sungai Segamat dan ke Muar itu. Oleh kerana dia meliputi sungai yang panjang 288km, kalau saya tak silap meliputi juga kawasan tadahan air yang luas juga. Kalau tak silap dekat 6,000km persegi kawasan dia.

Y.B. Dato' Speaker : Lebar dia.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jadi, kita kena belanja anggaran belum dibuat lagi. Kemungkinan kita tidak kurang RM200 juta untuk perkembangan Sungai Segamat-Muar itu, memang kita dalam perlaksanaan.

Y.B. Dato' Speaker : Perhatian. Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

Minta penjelasan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh TEKUN untuk membiayai perniagaan usahawan kecil di Negeri Johor sepanjang tempoh tiga tahun daripada 2005 hingga 2007. Sila nyatakan mengikut daerah.

Y.B. Pengerusi Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tempoh 3 tahun daripada tahun 2005 hingga 2007, TEKUN Nasional telah pun mengeluarkan RM41,930,200.00 kepada 5,316 peminjam di Negeri Johor. Bagi tahun 2005 jumlah pembiayaan yang telah diluluskan ialah 1,585 pembiayaan berjumlah RM10,731,500.00. Bagi tahun 2006 jumlah pembiayaan yang telah diluluskan ialah 1,542 pembiayaan

berjumlah RM10,341,400.00. Dan bagi tahun 2007 ialah 2,189 pembiayaan berjumlah RM20,850,300.00 kepada usahawan Bumiputera.

Dan bagi pecahan mengikut daerah, sukacita dimaklumkan bahawa TEKUN Nasional beroperasi mengikut kawasan Parlimen. Saya ingin menyatakan bahawa daerah, Parlimen Pontian sepanjang 3 tahun telah pun mendapat pembiayaan berjumlah RM1,634,800.00 dengan jumlah 162 peminjam. Bagi Parlimen Mersing, 240 peminjam; RM1,045,000.00, bagi Simpang Renggam, 210 peminjam; RM2,108,000.00. Bagi Kota Tinggi, 193 peminjam; RM1.3 juta. Bagi Parlimen Muar, 131 peminjam; RM1,450,500.00. Bagi Parlimen Ledang merupakan Parlimen yang tertinggi mendapat jumlah pinjaman RM3,984,500.00 dengan 507 peminjam. Bagi Gelang Patah, 260 peminjam; RM1.919 juta. Bagi Johor Bahru, 193 peminjam; RM1.896juta. Bagi Seri Gading, 97 peminjam; RM735,000.00. Bagi Pagoh, 298 peminjam; RM2.334 juta. Bagi Parlimen Tebrau yang merupakan kedua tertinggi 536 peminjam dengan jumlahnya RM3.753 juta. Bagi Parlimen Pulai, 219 peminjam; RM1.926 juta. Bagi Parlimen Batu Pahat, 236 peminjam dengan jumlahnya RM1.598 juta. Bagi Parlimen Kluang, 112 peminjam; RM7,707,000.000. Parlimen Tenggara, 115 peminjam; RM935,500.00. Bagi Parlimen Parit Sulong, 294 peminjam dengan jumlahnya RM2.397 juta. Bagi Bakri, 162 peminjam; RM1.402 juta. Bagi Parlimen Segamat, 235 peminjam; RM1.806 juta, bagi Parlimen Labis, 108 peminjam; RM894,000.00. Bagi Parlimen Pasir Gudang, 235 peminjam; RM1.86 juta. Bagi Parlimen Tanjung Piai, 129 peminjam; RM1.192 juta. Bagi Parlimen Kulai, 255 peminjam; RM1.319 juta. Bagi Parlimen Pengerang, 117 peminjam dengan RM842,000.00. Bagi Parlimen Semberong, 88 peminjam; RM672,000.00 dan Parlimen Air Hitam, 102 peminjam; RM643,000.00 dan Parlimen Sekijang, 118 peminjam dengan RM1.052 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... nasib baik 26 Parlimen, kalau 50 tak habis setengah jam. Yang Berhormat Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan, mana dia. Ha... jemput.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Saya ingin tahu apakah usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memenuhi kehendak sebuah Sekolah Agama di Kem Iskandar, Mersing?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk Ahli Yang Berhormat kawasan Tenggaroh, cadangan pembinaan Sekolah Agama Kem Iskandar Mersing, telah pun dimasukkan dalam senarai 54 buah sekolah di bawah projek pembinaan prasarana Sekolah Agama Kerajaan Johor secara bayaran ditangguh.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa habis. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan disambung sekarang. Siapa nak berucap.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam kita membincangkan tentang Ketuanan Melayu, malangnya penafian bahawa fakta itu diputarbelitkan. Kita boleh terima, tetapi jangan menuding jari kepada yang hendak bertanding dalam pemilihan parti. Sebenarnya kalau kita lihat, ini adalah antara isu yang cuba dialihkan daripada perkara yang sebenar kepada perkara yang akan datang. Dan saya harap agar perkara ini menjadi tauladan kepada kita, supaya ianya tidak berulang lagi dalam kita menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk kita mentadbir negara dan memastikan kestabilan politik. Keharmonian dan hubungan antara kaum ini dapat kita kekalkan demi masa depan negara yang kita sayangi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam juga saya ada juga menyebut tentang gesaan daripada REDHA yang meminta bahawa kerajaan pengambilalihan projek rumah kos rendah. Kalau kita lihat selama ini kita laksanakan, sebagaimana semalam saya nyatakan bahawa kita kekalkan 30% pemilikan Bumiputera untuk harta-harta ataupun rumah-rumah yang telah dipohon untuk pembinaan oleh pemaju-pemaju. Yang jelas bahawa, kadang-kadang pun sekarang ini kita berikan, bila dikatakan 6 bulan tidak ada pembeli kita *release* unit tersebut kepada pembeli bukan Bumiputera. Saya rasa tidak menjadi masalah. Saya ingin mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, sebelum kelulusan pelan diberikan supaya rumah murah dapat diberi keutamaan untuk dibina. Sekarang ini perlaksanaannya setelah rumah-rumah berharga RM150,000.00 ke atas atau rumah sederhana dibina, maka rumah murah baru dibina. Dan kalau tak boleh dibina mereka serahkan kepada pihak kerajaan. Dan saya harap perkara ini dapat dilaksanakan demi masa depan pemilik-pemilik ataupun hak-hak Bumiputera itu dapat kita kekalkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ketika kita berada pada penghujung tahun 2008, saya yakin bahawa 2009 akan dapat memberikan sesuatu yang lebih baik kepada Negeri Johor dan pakej rancangan lebih kurang RM7 bilion, yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak pada 4 November lalu. Dan ini membuktikan bahawa kerajaan menjadi adalah amat penting supaya terus diransangkan dalam memastikan negara berjaya mengharungi kemelesetan ekonomi dunia. Bagaimanapun

pada masa sama, kerajaan juga perlu sedar bahawa rakyat sahaja memerlukan bantuan dari sudut kewangan semata-mata. Tetapi juga masih ada di kalangan mereka yang tidak mempunyai rumah sendiri. Inilah permasalahan yang perlu diberi perhatian iaitu isu setinggan.

Isu ini bukan perkara baru tetapi masih gagal ditangani sehingga kini. Memandangkan masih banyak yang perlu dilakukan. Di kawasan saya pun ada setinggan tetapi telah kebanyakan dipindahkan ke PPR Tebrau. Dan setinggan ini sepertimana yang telah diberitahu dan dijanjikan, antara setinggan-setinggan yang hendak beri hak milik tetapi diberikan LPS, Lesen Penduduk Sementara atau Tol adalah kampung Bunga Ros, Kampung Pasir, Paya Kenangan. Dan baru-baru ini bila hendak bayar Tol, PTD kata tak boleh bayar, tunggu kerana mungkin ada penilaian lain hendak dibuat disebabkan banjir 2006 dan 2007.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, keadaan tersebut, antara kampung-kampung yang berlaku ini adalah daripada tahun 2006, 2007. Dan setinggan-setinggan yang disebutkan tadi telah menduduki tempat tersebut selama lebih kurang lebih daripada 30 tahun. Saya rasa boleh diberikan LPS dan seterusnya dinilai untuk memberikan hak milik supaya kuantiti ataupun rakyat, ataupun orang-orang Melayu yang ada di kawasan-kawasan setinggan ini dapat kekal dan mempunyai hak milik di kawasan-kawasan bandar. Begitu juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana telah membina PPR khususnya Desa Mutiara. Dan setinggan-setinggan ini telah dipindahkan dengan menyewa PPR tersebut sebanyak RM124.00 sebulan dan *agreement* dengan izin, basis tiap-tiap tahun apa tu *review*. Kalau boleh dicadangkan agar penyewa-penyewa ini diberikan tempat kekal PPR Tebrau dengan memberi sewa beli. Saya cadangkan supaya diberi tempat tersebut, rumah tersebut dengan cara sewa beli. Supaya setelah mereka berpindah daripada setinggan tersebut mereka dapat duduk di kawasan tersebut untuk selama-lamanya dan sekiranya mereka mendapat rumah tersebut ini adalah satu usaha daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa pemilikan Bumiputera dapat dikekalkan di kawasan bandar. Begitu juga kalau kita lihat masalah tol, masalah tanah, saya melihat pada pihak PTD, PTG ataupun jabatan-jabatan yang lain yang kekurangan pekerja belum diisi untuk perkhidmatan awam ini. Kalau kita ada PTG tidak sekarang ini Timbalan pun menjalankan tugas, ini maknanya kekurangan pekerja. Kalau boleh disegerakan, *upgrade*lah, maksud JUSA ke ataupun diletakkan siapa yang layak untuk menjawat jawatan tersebut. Begitu juga di peringkat kerani dan juga S.O yang ada di Pejabat Tanah Daerah yang masih kurang lagi. Pasal ramai sangat orang yang dah pencen. Jadi, kalau boleh diisikan segera untuk menyelesaikan masalah tanah, pemberian hak milik, tol dan sebagainya. Ini perlu,

Y.B. Dato' Speaker : Dia kosong banyak ke Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ramai. Bukan banyak, ramai. Di daerah-daerah pun berlaku sebab masalah tanah ini masalah yang besar. Kadang-kadang permohonan sampai 15 tahun, 20 tahun tak selesai. Jadi bila tak selesai, alih-alih orang lain dah ambil. Mungkin ialah kadang-kadang bila fail satu orang tu jaga sampai 5,6 fail atau lebih daripada itu, tak

dapat nak fokus. Jadi kalau misal kata ada pengisian yang baru ini mungkin pihak Pengarah ke dapat *delegate* kerja kepada mereka-mereka yang boleh menjalankan tugas ini dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan pembangunan sekolah agama. Saya ingin membacakan sedikit tentang sejarah sekolah agama di Johor ini. Sekolah agama ditubuhkan pada 1918 dan pembikinan bermula dengan nama Sekolah al-Quran. Dan tumpuan hanya kepada pembelajaran al-Quran. Dan pada 1920, nama Sekolah al-Quran ditukar kepada Sekolah Kitab dengan penambahan mata pelajaran al-Quran, Tauhid, Ibadat dan Tasawuf. Pada 1923 pula, nama Sekolah Kitab ditukar kepada Sekolah Agama Petang dengan penambahan mata pelajaran Muamalat, Munakahat, Faraid, Jenayah, Akhlak, Tarikh, Tulisan Jawi dan Bahasa Arab. Dan seterusnya sehinggalah sekarang ini kita lihat sekolah agama tersergam indah di Negeri Johor dan menjadi contoh kepada negeri-negeri lain. Malangnya, pengurusan dari segi, kalau kita lihat keadaan keuzuran sekolah agama. Nak buat sekolah agama satu hallah, kalau tak silap saya ada dua. Satu, Taman Daya yang sekarang ini menampung lebih kurang 3,000 pelajar. Kita mohon untuk dibina satu lagi sekolah agama kalau satu kelas 40, 50 orang macam mana murid-murid atau guru nak fokus untuk mengajar anak-anak ni?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia tak de kakitangan ye, tetap?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Pertamanya, kalau 3,000 orang hanya 25 tenaga pengajar, saya rasa tak *viable,* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kena fikirkan *mekanisme* bagaimana? Kita banyak, kita ada Iskandar Investment, kita ada Johor Corporation yang boleh menampung. Ini boleh bantu dan sebab penubuhan itu adalah untuk kita menjalani pengajian asas untuk memperkukuhkan iman. Kalau kita lihat sekarang ini bagaimana orang-orang Islam yang ada di Negeri Johor? Kalau ada ajaran sesat pun susah nak tengok orang Johor ini lari daripada ajaran asal.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sekolah agama sampai darjah berapa?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Darjat 6.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, darjah 6 je. Lulus?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya tak habis.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, makna tak habis tu tak luluslah, yelah.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Tanya tadi sampai darjah 6, bukan tak ambil periksa. Tak habis. Lain tak ambil periksa, tak luluslah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat belajar sekolah agama dulu suka perkara apa, subjek apa?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Tauhid dan Munakahat.

Y.B. Dato' Speaker : Ada *subject* kahwin, Munakahat.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Asas, kalau tidak nanti tak tahu. Yang Berhormat Dato' Speaker, berbalik kepada apa yang saya nyatakan tadi, keperluan d dalam kawasan saya di Taman Daya, begitu juga di Puteri Wangsa. Saya dah nyatakan dalam persidangan yang lepas, keperluan. Ini dah setahun, saya tak tahu bila nak buat. Itu 2 tahun. Bila dah dibina, keadaan sekolah agama tersebut dari segi penyelenggaraan, kalau 1918 ditubuhkan sekolah agama ini, sekolah kita bezakan dengan sekolah kerajaan, sekolah kerajaan sekarang sudah ada komputernya, dah ada pendidikan yang dah di *upgrade*kan, keadaan sekolah yang begitu selesa. Tapi, sekolah agama macam tu juga. Dulu saya sekolah agama di Sekolah Masai tu, sekolah papan. Sekarang dah sekolah batu. Tetapi sekolah batu cat kadang-kadang terkopek-kopek, cat yang tidak bermutu. Keadaan garaj cikgu dengan atapnya yang berlubang-lubang tak dapat nak diganti kerana kekurangan kewangan. Sepatutnya benda-benda macam ini, perkara-perkara seperti ini harus diperbaiki dan dilihat kerana ini adalah imej Islam. Anak-anak kita belajar dekat situ dah berapa tahun. Sepatutnya lebih kurang dalam 90 tahun. Sepatutnya, dah maju ke hadapan. Kita boleh bersaing pula dengan sekolah-sekolah lain. Saya *salute* dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina walaupun kerajaan ini kurang beri bantuan, tetapi mereka boleh bangunkan sekolah dengan baik, kerajaan bantu. Tetapi, kita sebagai orang-orang Melayu dan orang Islam, imej perlu kita jaga kerana ini adalah...

Y.B. Dato' Speaker : Orang-orang kita tak boleh bantu?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Masalahnya bukan tak boleh bantu, boleh tetapi tak ramai yang berani ke hadapan untuk membantu. Jadi, saya berharap kita ada *mekanisme* Jabatan Agama Islam. Sekarang nak buat pun pakai TPM, *consultan*t, pun kadang-kadang lambat. Contoh dalam surat khabar Sekolah Kota Masai. Kota Masai tu bukan tak buat, sepatutnya September *agreement sign* dia akan *start* tahun depan tapi, belum apa pun dah, bermakna pemaju tu dah buat dulu, dia *in advance,* tengah tunggu untuk beberapa perkara.

Y.B. Dato' Speaker : Saya ingat ada satu perbadanan tu boleh bantu tak? Perbadanan Ekonomi Islam tu.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya harapkan *mekanisme* dapat digunakan.

Y.B. Dato' Speaker : Dia ada duit saya ingatlah. Boleh bantu tu.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya harap *mekanisme* dapat digunakan untuk kita menaikkan imej sekolah agama.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ini perlu dan pembinaan sekolah-sekolah agama dapat dilaksanakan dengan kadar yang lebih segera.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Begitu juga kalau kita lihat penggunaan bahasa ini. Hari ini, kita bercakap Bahasa Malaysia. Saya dulu pun *English medium*, makna saya sekolah kebangsaan di Sekolah Ngee Heng, sekolah Inggerislah, anak kampung pertama konon-kononnya. Tapi bila darjah 6 masuk tingkatan 1, saya tak masuk *remove* kelas, saya terus masuk kepada *form* 1. begitu juga dengan rakan-rakan kita daripada sekolah kebangsaan yang ingin belajar Bahasa Inggeris. Masuk *remove* kemudian masuk tingkatan, *form* 1. Dan sekarang ini, kita lihat kita berdebat tentang penggunaan bahasa. Dulu, keutamaan kita ialah Bahasa Malaysia. Di Singapura baru-baru ini, pengumuman oleh Perdana Menteri Lee Hsien Loong yang menyatakan bahawa gunakan *your mother tongue* iaitu Bahasa Mandarin. Singapura menghadapi masalah sekarang kerana kebanyakan anak-anak Cina ini nak Bahasa Mandarin pun dah tak pandai. Dia gunakan Bahasa Inggeris. Tapi, kalau kita biarkan dekat sini, Bahasa Malaysia pun kita tak boleh gunakan. Kita tengok dalam Dewan pun nak gunakan Bahasa Malaysia dengan betul pun tak boleh. Itu belum jadi Perdana Menteri. Itu pun berangan nak jadi Perdana Menteri macam Osama bin Laden Husin. Jadi, saya rasa kalau nak jadi Perdana Menteri, mesti fasih berbahasa Malaysia. Dan, kalau boleh, kekalkan penggunaan Bahasa Malaysia, Bahasa Ibunda ini sebagai bahasa utama dalam bidang pendidikan. Dalam Konvensyen UMNO pun menyatakan bahawa ini pendirian kita dan gunakanlah bahasa itu sebagai bahasa perantaraan kerana kalau kita pergi ke Jepun, tak payah tukar *sign board* pun, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa India, tak payah. Di Jepun, Bahasa Jepun, kita pergi sana tak tahu pun kita boleh cari jalan juga. Apa masalahnya? Di Korea pun sama juga. Sekarang kita gunakanlah Bahasa Malaysia kerana kita dilahirkan di Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pergi Jepun eh?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ada pergi.

Y.B. Dato' Speaker : Cakap apa?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Kalau dengan orang Jepun saya cakap Inggeris. Saya boleh angguk gini je, tunduk. Lain takde.

Y.B. Dato' Speaker : Itu bagero. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bagero itu taklah.

Y.B. Dato' Speaker : Saya yang hafal itu jelah dari dulu.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dalam Dewan ini nak guna bahasa-bahasa macam tu sensitif.

Y.B. Dato' Speaker : Tak jugalah. Kita bahasa, fasal kita dulu kena marah, teringat je bahasa tu.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Apa pun pada saya dan saya minta dalam Dewan yang mulia ini dan kebanyakan daripada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri ini, mahukan, mengekalkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam perbualan ataupun dalam pembelajaran yang kita laksanakan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dan kita juga selalunya bila kata kita menyebut tentang keadaan sekolah, bagaimana anak-anak kita ini di didik menyentuh kepada kesihatan. Kita sihat kerana kita bersukan. Dan, kita lihat bagaimana keadaan bola sepak dalam Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Bola sepak lagi.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Sebenarnya saya pemain bola sepak, saya minat. Saya pernah dipanggil untuk Piala Razak dulu tapi tak pergi ada 2 pilihan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat dulu pemain bola sepak. Kira bagus ya dulu main?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Nak cakap bagus, tak bagus jugalah tapi, boleh main.

Y.B. Dato' Speaker : Kira tak baguslah, tak mewakili.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya dah dipanggil untuk Piala Tun Razak tapi pergi untuk bermain *softball* peringkat nasional dalam tahun 1979. Jadi, saya nampak ketika dulu bola sepak di Negeri Johor ini amat berjaya di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Johor. Tapi, bila diambil alih oleh syarikat swasta, GLC, *Government Link Company*, kita berhutang. Kalau tengok daripada statistik, maknanya lebih kurang dalam pembayaran balik RM 25 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah. Itu dah disebut tu Yang Berhormat. Dah dijawab dah. Kesian pengerusi dia.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Memang saya sebut balik. Dulu ada pertandingan bola sepak divisyen 1, divisyen 2, divisyen 3, divisyen 4, ada Piala Razak, ada Piala Presiden, ada Piala Tengku Mahkota. Sekarang ini, yang ada liga-liga yang saya tidak nampak untuk melahirkan pemain-pemain yang berwibawa sebagai contoh kita ada Nasir Yusof, kita ada Wan Jamak, kita ada Serbegeth Singh, kita ada Shahidan Kasim, Dollah Salleh dan sebagainya. Sekarang ini... Shahidan Kasim. (Dewan Ketawa) Minta maaf Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Awak ni Dollah apa? Dollah Salleh, dah lari ke Selangor pula. Khalid Shahdan.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Khalid Shahdan, tersasul.

Y.B. Dato' Speaker : Zainudin.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : *Goal keeper*lah juga. Kita dapat melahirkan pemain-pemain yang baik. Sekarang ini bila diambil oleh satu badan korporat, kita tidak melahirkan pemain-pemain terbaik sedangkan kita pun tak kenal siapa nasional, siapa main nasional, siapa pemain *state*? Saya tak tahu kenapa boleh terhutang. Kalau dulu Datuk Sulaiman Md. Noor, walaupun kekurangan kewangan, mereka berjaya membawa bola sepak ini ke mercu yang lebih tinggi kerana dalam pemain bola sepak juga boleh menaikkan imej negeri kita. Kalau semalam KPY, *KP Health Care* berjaya, kenapa bola sepak tak boleh? Kita ada produk ...

Y.B. Dato' Speaker : Itu bahagian ubat ini orang sakit. Ni lain Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, *Manchester United* pun diambil oleh badan besar. *Manchester City* pun Emirates ambil. Ini semua boleh diniagakan tetapi mereka melahirkan pemain-pemain yang baik. Ada hasil, ada untung. Kenapa persatuan ataupun Johor FC gagal dalam menjalankan tugas untuk memajukan bola sepak, sebaliknya memajukan, dia ada produk. Produknya bukan pemain bola sepak. Tapi produknya baju JKing, topi JKing. Sekarang ni bila nak lantik siapa jadi presiden, pengurus melalui majlis mesyuarat. Dulu sebelum tahun 2000, Presiden adalah Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tiap-tiap negeri pun macam tu. Kalau kita buat Liga Negeri Johor, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor, di bawahnya Persatuan Bola Sepak Daerah Johor Bahru, Batu Pahat, Pontian yang diterajui oleh Pegawai-Pegawai Daerah, kenapa boleh? Sekarang ini, kenapa tak boleh? Sedangkan kita maju. Banyak perkara-perkara, benda-benda yang kita *advance* dengan izin, tetapi permainan bola sepak kita yang ke belakang. Kalau di Malaysia kita yang ke 150 lebih kurang. Di Johor saya tak tahu, nombor 13 ya? *Last*?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tidak. Lebih baik sikit, Johor.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Fasal ada dua pasukan. Satu, Johor Pasir Gudang. Satu lagi Johor *Football Club*.

Y.B. Dato' Speaker : Johor FC.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Johor FC, Johor *Football Club*lah. (Dewan Ketawa) Ini menunjukkan bahawa mereka tidak memberi tumpuan kepada pembangunan bola sepak. Stadium Hassan Yunus saya dengar-dengar dah bayar 10% nak dikasi. Saya minta nak dikekalkan stadium tersebut sebab ini ada nostalgia, *upgrade*kan tukar nama. Mungkin Stadium Mahkota Johor ke? Yang perlu kita bangunkan, pertahankan kerana

stadium tersebut membawa banyak sejarah kepada kita rakyat Negeri Johor, melahirkan ramai pemimpin-pemimpin ataupun pemain-pemain bola sepak negeri. Kalau kita biarkan, saya pun nak jadi, nak ambil alih bola sepak. Buat satu syarikat kemudian, bila tak boleh saya mintalah mana-mana tanah-tanah kerajaan...

Y.B. Dato' Speaker : Ini ada kosong jawatan presiden ini, bulan Mei kata dia. Masuk bertanding, tengok.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Sebab itu saya cadangkan tadi tahun 2000 telah di, kata orang tu, diubah dasar bahawa lepas 2000 mesti melalui mesyuarat gabungan, Mesyuarat Majlis untuk pilih Presiden. Bubarkan balik benda tu. Biarlah Menteri Besar jadi presiden kalau kita di negeri-negeri lain pun macam tu. Pengurus di, kata orang tu dipilih dan dilantik oleh Presiden. Ini penting untuk pembangunan bola sepak. Saya yakin kalau Menteri Besar kata tak boleh, kita boleh bantu. Ramai yang boleh bantu dekat sini. Insya-Allah demi kebaikan bola sepak Negeri Johor. Saya baru cakap bola sepak, belum cakap hoki, belum cakap takraw...

Y.B. Dato' Speaker : Badminton.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Badminton dan atlet. 100 meter dulu kita ada Nordin Jadi dulu. Sekarang ni tak jadi. Jadi, jadi apa saya pun tak tahu. Kalau tadi rakan saya daripada Benut menyatakan bahawa...

Y.B. Dato' Speaker : Mana Benut? Benut sana (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Eh Machap, daripada Machap. Minta maaf...

Y.B. Dato' Speaker : Benut mana ada lagi.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Menyatakan bahawa kalau Terengganu boleh berjaya, mungkin kadang-kadang tadi jawapan daripada EXCO ada lobi dan sebagainya, saya rasa kita kena tunjukkan kemampuan kita bertanding. Itu pandai-pandai dialah tapi kita kena pastikan bahawa kita antara yang terbaik daripada 13 negeri. Takkan nombor 10, nombor 8? Jadi, benda-benda sebegini perlu dilihat. Dan baru-baru ini pun barulah diambil Nasir Yusof, itu pun dikawal, dikawal. Tak boleh buat apa-apa. Sepatutnya, hasil daripada stadium sekarang ni, orang tak minat tengok bola. Ini perlu kita atasi. Maknanya, peminat-peminat besar perlu dikembalikan, kerana mutu permainan bukan mutu pengurusan oleh pihak Johor Corporation. Dan saya harap, perkara-perkara ni dapat diatasi dan...

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat. Dah lebih, semalam dah 10 minit.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Semalam empat minit Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : 10, dia catit, Timbalan Speaker, catit, 10 minit.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Apa pun saya melihat bahawa...

Y.B. Dato' Speaker : Pendekkan.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Apa pun saya melihat bahawa rakan-rakan kita pun mampu untuk buat macam Johor Corporation. Kasi, kita bangunkan, tak boleh, kita ambil tanah. Tanah tu, kita masuk bank, kita pinjam, bangunkan, ada untung, kita pakai. Bola sepak kita tinggalkan. Tak boleh. Saya mengharapkan ini diambil perhatian yang khusus untuk memastikan bahawa bola sepak dan sukan-sukan lain dalam Negeri Johor ini, dapat kita bangunkan dengan lebih baik.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Wilayah Pembangunan Iskandar, sebagai contohnya Yang Berhormat, untuk kita memainkan peranan...

Y.B. Dato' Speaker : Pendekkan, dah lebih ni.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Untuk kita majukan ekonomi Negeri Johor dan dimaklumkan lebih kurang RM40.2 bilion pelaburan yang telah ada sepanjang, sehingga tahun 2008 ini. Dan saya melihat bahawa perancangan yang dirancang oleh kerajaan itu amat baik. Tetapi bagaimanakah, bagaimana kita nak fikirkan bahawa hasil dapat dimasukkan dalam sistem kewangan, ekonomi Negeri Johor. Kalau kita lihat *real* ekonominya, kita tengok kita ada *oil and gas*, kita ada *airport city* dan sebagainya, kenapa kerajaan takde syer, takde kuasa untuk menyatakan, kalau boleh 50% dipulangkan kepada kerajaan negeri supaya hasil tu kita dapat. Dan kita melihat bahawa umpama, rumah besar yang kita bina tetapi takde fungsi, takde *furniture* dalam. Kita buat rumah besar kemudian *furniture* takde, takde alat-alat dalam rumah, cumanya melimpah keluar. Sebagai contoh, pada 15, 17, 18, 26, keluar *Pre-Qualification Tender Notice*. Dalam Straits Times dan juga dalam Star yang mengatakan bahawa, Medini Iskandar Malaysia *invites* syarikat-syarikat *through out the world*. Maknanya, seluruh dunia boleh di, dengan lebih kurang anggaran RM1 bilion, kalau kat sini, tapi saya tengok lebih kurang RM1.4, RM1.8 bilion. Bila dibuat tender *Pre-Qualification* seperti ini. Kemudian, daripada luar masuk, yang dapat hasilnya adalah syarikat-syarikat luar. Kita di Johor, melaung-laungkan keutamaan kepada pemilikan ekuiti Bumiputera dan juga kontraktor tempatan. Kita hantar profil melalui Wakil-Wakil Rakyat, melalui rakan-rakan lain, takde tindakan. Bila dapat, dia buat konsortium. Mungkin dari Kuala Lumpur, pinjaman daripada Kuala Lumpur, hasil daripada Kuala Lumpur dan sebagainya. Tapi kalau Johor ni tak dapat apa-apa. Jadi, apa, apakah hasrat Yang Amat Berhormat ini dapat tercapai, kalau ini praktis yang dilakukan oleh pihak Medini Iskandar.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tender apa tu, kerusi meja?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : *To construct and complete*, dengan izin, *of main infrastructure works savage treatment plant, water reservoir, landscape and ensolving development region.*

Y.B. Dato' Speaker : Ha, keseluruhan.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Kalau misalannya RM1 bilion pun, diberi pada lima syarikat, seorang dapat RM200 juta. Hidup takde pun, kasi 10 pun, seorang 1 juta. Boleh kita bangunkan kontraktor tempatan. Ini yang berlaku. Kadang-kadang dah bagus perancangan kerajaan ni, tetapi bila gagal, kerajaan juga yang kena, yang menggagalkan, syarikat-syarikat inilah. Atas tempoh nama kerajaan, yang menjadi masalah, pertamanya, sudah tentu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang keduanya, Wakil Rakyatlah. Dulu janji Wakil Rakyat memperjuangkan hak-hak, ataupun anu, kontraktor Bumiputera ataupun kontraktor tempatan, mana dia? Kalau kita amati, kadang-kadang sana satu atau dua syarikat yang dikasi, yang lain tak dapat tak. Adalah dalam RM10,000.000, RM20,000.00. Begitu juga, kalau kita lihat keadaan-keadaan seperti ini berlaku. Jadi bagaimana, mekanisme itu dapat kita atasi supaya *spillover* itu dapat masuk ke dalam Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, dah habis dah masa ni.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Akhir sekali.

Y.B. Dato' Speaker : Hm...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya juga menghadapi masalah tentang konsesi ini, kata orang tu *privatization* dalam Taman Gunung Emas, banjir lumpur dah banyak kali dah. Saya mengucapkan ribuan terima kasih MPBJT, LLM, tapi syarikat konsesi ini, Ranhill bila saya datang, dengan pihak Majlis, LLM, maka, adalah jentera dia untuk korek, buat kolam untuk mengatasi banjir. Bila balik, baliklah jentera tersebut. Tiap-tiap kali hujan satu jam, Taman Gunung Emas ni dilanda banjir lumpur. Sebelum ni bawah kawasan DUN Tiram, bila masuk kawasan saya, saya kena bawa. Saya minta, janganlah berpura-pura buat kerja. Rakyat tak tahu. Dulu rakan-rakan kita dari DAP datang, tapi bila datang belum-belum *lawyer fees* dah RM250.00, kalau nak lawan dengan kerajaan. Nak masuk surat khabar kena bayar dan sebagainya. Masuk lepas tu senyap. Tapi kita nak buat kerja, sama-sama, tapi kalau dia nak bantu pun bagus juga. Sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah. Tapi saya minta, pihak konsesi jangan pura-pura, yang jadi mangsa, rakyat. Orang ingat, Wakil Rakyat ada berkuasa menentukan segala-galanya. Cakap hari ni, besok selesai. Sebenarnya, Wakil Rakyat boleh cari jabatan je, memberitahu kepada jabatan-jabatan. Takkan kita nak bergaduh dengan jabatan-jabatan, mereka pun ada *limited,* apa ni, kuasa yang *limit,* yang ada konsesi, bila arahkan buat, tapi tak buat, yang akhirnya, jadi macam Taman Gunung Emas ni. Bila hujan, banjir lumpur, tanah masuk ke rumah. Tak selesai-selesai, dah berapa kali dah ni. Janji sebulan, dua bulan, tiga bulan, sampai

sekarang tak selesai-selesai saya minta perkara ini dapat diatasi dengan segera. Begitu juga, kalau kita lihat, dia nak bangunkan, kenalah tanah-tanah kampung, jalan, *culvert*, semua rosak, rancangan tanah pemuda pun macam tu juga. Terlibat sama, rosak jalan-jalan tersebut. Saya minta supaya dapat diatasi dengan kadar segera.

Akhir sekali...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dah dua kali dah. Ni tamat teruslah.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Masjid Kangkar. Ni Masjid Kangkar ni dah lama dah, dalam Mesyuarat Tindakan Daerah selalu saya berbincang, dia kata, dalam tindakan, dalam tindakan, sampai sekarang takde. Dulu saya dapat surat dari Jabatan Agama, keutamaan untuk bina. Sampai sekarang pun tak bina. PBT untuk mengambil alih tanah untuk dibangunkan, tak buat-buat lagi. Saya nak janji apa Yang Berhormat. Saya ingat dari Yang Berhormat Dato' Speaker dulu nak buat masjid. Kemudian tukarlah kepada saya, tak selesai lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Masa saya dah nak buat, tapi tak jadi bila Yang Berhormat naik, tak selesai ya sampai sekarang.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ha...

Y.B. Dato' Speaker : Tak tahu apa pasallah Pejabat Agama ni. Pengerusi dia keluar pulak, ok takpelah. Pengerusi keluar, hairan saya. Jemput, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Baru nak bercakap, Pengerusi dah keluar.

Y.B. Dato' Speaker : Itulah, ha.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya ingat Pengerusi nak pergi tengok Masjid Kangkar, lawatan tapak.

Y.B. Dato' Speaker : Itu baik punya Pengerusi.

Y.B. Datuk Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi saya minta masjid ni disegerakanlah. Orang kampung dah tak percaya dah nanti. Saya kat situ menang satu undi je Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau tengok, ada saluran-saluran undi, ada satu undilah. Saya tak kisahlah, nak undi tak undi, takpelah. Tapi yang penting, saya buat kerja.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya minta jabatan yang berkenaan segerakan pembinaan Masjid Kangkar.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, dan saya menyokong rundingan yang dibawa oleh DUN Kempas. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Ha, Tanjung Piai.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Kukup, Kukup.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2009 yang bertemakan, "Menghadapi cabaran, memelihara kesejahteraan rakyat" yang disampaikan, dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita.

Seingat saya, krisis ekonomi sebagaimana dalam bajet yang baru-baru ini dibentangkan, bajet defisit, dan krisis ekonomi yang setahu saya, yang saya fahami, ketika umur saya, pada tahun 1987 dan sebelum itu ada juga krisis ekonomi, tapi tidaklah begitu digembar-gemburkan. Dan seterusnya, krisis ekonomi ini berlanjutan kepada tahun 1997. Dan situasi ini juga kita rasai pada 2007, bermula krisis ekonomi dan pada tahun ini mula kita rasakan satu global, dan akan sampai ke benua kita, ke Benua Asia ini, saya rasakan, tidak lama lagi. Dan krisis ini merupakan krisis fenomena 10 tahun dalam *circle of business*, dan pada tahun 97, saya rasa krisis ini tidaklah begitu teruk kerana kita cuma waktu itu dengan bukan *fundamental economic*, tapi lebih kepada krisis mata wang, yang mana telah menyebabkan kita jatuh, disebabkan oleh mata wang yang diperdagangkan oleh *speculator-speculator* dunia.

Tetapi pada 2008 ini, saya rasakan krisis ini mungkin lebih teruk kerana selepas krisis 97, apa yang saya rasakan, ekonomi kita begitu lembap, tidak menunjukkan rangsangan yang begitu menarik sehinggalah tahun ini. Dan untuk 2008 ini dan seterusnya akan berlaku lebih teruk daripada sebelum ini. Dan krisis ini juga harus kita tangani bukan hanya daripada sudut krisis sahaja dalam ekonomi, tetapi saya lebih melihatkan kepada dalam bentuk akan berlaku juga sampingannya, kesannya kepada isu sosial dan isu keselamatan negara yang mana juga harus kita, pada hari ini patut sama-sama fikirkan kesan sosialnya, bagaimana anak-anak kita ataupun generasi-generasi akan datang, yang akan melihat ataupun menguruskan hidup mereka jika krisis ekonomi ini terus berlaku, maka kesan sosial amat saya khuatiri. Dan juga dari kesan keselamatan, kepada negara kita kalau kita menghadapi krisis, saya rasa akan lebih merasainya. Dan kalau negara jiran kita merasainya, maka saya rasa, lebih ramai pendatang tanpa izin akan mula berhijrah untuk mencari tempat yang lebih, kata orang tu yang lebih dapat menampung kehidupan seharian mereka.

Dan Malaysia adalah satu negara yang saya rasa akan menjadi negara destinasinya. Dan sebagaimana soalan pagi ini, berapa ramai PATI atau pendatang tanpa izin yang datang ke, sudah bekerja di negara kita dan saya difahamkan, tiada statistik ataupun tiada data telah terkumpul berapa ramaikah? Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya telah pun berhubung dengan pihak Imigresen, yang kini katanya di seluruh Malaysia ini, lebih kurang ada dua juta PATI, hampir dua juta orang yang bekerja tanpa izin di negara kita ini.

Dan masalah ini juga, kita lihat, kalau kita lihat negara jiran kita, seperti di Singapura juga akan mengalami krisis ekonomi. Dan dalam krisis ekonomi sudah pasti pekerja-pekerja asing akan disuruh keluar, ataupun disuruh pulang ke negara asal mereka. Dan pada hari ini, apa yang saya lihatkan, dari segi pemantauan, pemeriksaan oleh Imigresen di Tambak Johor kita, kalaupun Yang Berhormat Dato' Speaker, sering mengalami hari ini saya lihat mata manusia atau mata pegawai-pegawai Imigresen di Tambak Johor adalah seperti *scanner*, yang perlu mereka lakukan hanyalah kepada semua melalui pemeriksaan Imigresen hanyalah dengan menunjukkan pasport begini, dan jalan terus, dan takde perlu di cop atau tak perlu disemak. Jadi dalam keadaan ini saya rasa, amat merbahaya kerana di sini juga akan berlaku banyak akan mengambil kesempatan dengan cara ini, dengan tanpa menggunakan pemeriksaan yang ketat, maka saya rasa besok lebih ramai mereka datang menyeludup ke dalam negara kita. Dan apabila ini berlaku, entah lagi kita telah pun berbincang hampir 30,000 rakyat Malaysia yang akan terpaksa pulang ke Malaysia dan ditambahkan lagi entah berapa ribu lagi pendatang asing yang datang menyeludup tanpa kebenaran pihak kerajaan kita, masalah ini akan menjadi masalah bukan satu masalah kecil, akan menjadi satu masalah yang begitu serius sekali.

Jadi, di sini saya amat mengharapkan satu sistem harus kita kaji dan harus kita perketatkan pemeriksaan di pintu-pintu masuk di semua pintu masuk di seluruh Malaysia ini, kerana dengan cara, apa yang saya lihat, Tambak Johor pada hari ini, dengan cara menunjukkan sahaja pasport Yang Berhormat, tak perlu di cop dan tak perlu diperiksa dengan teliti, seseorang itu boleh masuk ke dalam negara Malaysia. Jadi, apa gunanya kita ada pegawai Imigresen kalau tidak memeriksa dengan teliti dokumen-dokumen perjalanan setiap individu. Jadi, saya amat mengharapkan sekali lagi, supaya perkara ini dipandang serius. Dalam menangani, dalam kita memperkatakan akan menangani masalah ekonomi, saya amat kesian dengan, ataupun simpati terhadap nelayan-nelayan di Tanjung Piai, khususnya di DUN Kukup. Sudahlah dengan keadaan ekonomi pada hari ini, meleset, sudah pasti barangan ataupun tangkapan mereka akan turun harga, dan dengan hari ini kalau Yang Berhormat Dato' Speaker, sempat melawat ke Tanjung Piai, melihat di apa, perairan di Tanjung Bin, begitu banyak sekali kapal-kapal lalu-lalang, banyak sekali kapal-kapal yang berlabuh di perairan-perairan di depan PTP.

Jadi, di sini dan kalau dahulu nelayan-nelayan ini Yang Berhormat Dato' Speaker boleh keluar menangkap ikan ke destinasi tempat-tempat banyak ikan tanpa risau pasang enjin dekat botnya hidupkan enjin sampai ke tempat destinasi tanpa menghirau, tanpa memikirkan keselamatan mereka, tetapi hari

ini terpaksa melalui liku-liku kapal, kapal-kapal di celah-celah kapal yang bersaiz gergasi dan ada kalanya mereka terpaksa mengharung dengan kuasa kuda yang hanya berbekalkan 15 kuasa kuda terpaksa mengharung melalui laluan kapal dan dengan kapal yang bersaiz gergasi dengan kelajuannya 36 knot sudah pasti 15 kuasa kuda ini amat sukar untuk melintasi laluan kapal tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak cadangkan macam mana tu? Habis dah tempat laluan kapal dekat situ.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi, itulah, apabila saya berhubung dengan pihak Perikanan menanyakan apakah cara kita untuk mengatasi masalah ini? Tetapi sampai hari ini tiada juga. Yang Berhormat Dato' Speaker, apa tu cadangan-cadangan yang bernas dan bukan hanya nelayan pantai di Tanjung Piai yang menghadapi masalah ini malah nelayan-nelayan di Kukup atau nelayan-nelayan yang menggunakan pukat harimau hari ini dengan kawasan yang begitu sempit. Saya difahamkan lebih kurang 20km persegi yang diberi, kata orang itu, kawasan untuk mereka menangkap ikan dengan menggunakan kaedah pukat harimau dan mereka ini sudah pasti tidak boleh menarik pukat-pukat mereka di tepi pantai dan biasanya apabila mereka dalam kawasan di sebelah Pontian sebagaimana Y.B. Pulai Sebatang sebelum ini membawa usul ini membawa perkara ini.

Risiko yang mereka hadapi adalah juga daripada lanun-lanun dan juga daripada bot-bot jeti daripada Indonesia. Kadang-kadang Yang Berhormat nelayan-nelayan ini bukannya, dekat laut ni bukannya ada garisan menentukan ini perairan kita atau perairan orang lain, bukan ada tempat yang kita boleh, melainkan kita menggunakan GPS. Tetapi kadang-kala kita di dalam perairan kita, tetapi apabila bot peronda daripada Indonesia ini datang menghimpit kita, apa bukti kita yang kita berada di kawasan ataupun perairan kita. Mereka sewenang-wenangnya boleh tarik bot kita ke perairan dia dan terus bawa ke dalam negara mereka dan terus menahan bot-bot ini.

Jadi, ini sering berlaku Yang Berhormat, ini bukan perkara yang kita ada-adakan tetapi ini sering berlaku di mana nelayan-nelayan kita ditangkap oleh marin-marin ataupun peronda-peronda daripada negara jiran kita. Dan ada kalanya jika perkara ini tidak diselesaikan oleh pihak kerajaan maka mereka ini meminta pengusaha-pengusaha bot ini menebus untuk mengeluarkan bot-bot ini dan oleh kerana tiada pilihan, biasanya mereka memberi ataupun membayar tebusan supaya dapat bot ini dikeluarkan supaya mereka dapat meneruskan pencarian mereka.

Dan, ini adalah perkara yang sebagaimana dicadangkan lebih awal, kita perlu mencari penyelesaian sebagaimana kita memastikan bot-bot nelayan kita adalah dalam keadaan selamat dan terjamin setiap masa. Saya rasa perlu kita adakan satu sistem ataupun satu kaedah yang mana kita dapat memastikan keselamatan mereka ini terjamin sentiasa. Saya rasa bagi pihak nelayan mereka berhak untuk menuntut untuk keselamatan mereka ini terjamin dan juga di pelabuhan yang saya katakan tadi, berdepan dengan Pelabuhan PTP ini Yang Berhormat, begitu banyak sekali kapal-kapal yang berlabuh. Baru-baru ini pegawai-pegawai APMM menahan dua buah kapal yang mana tengah

memunggah minyak kotor. Jadi, dalam pembuangan minyak kotor Yang Berhormat, sudah pasti minyak-minyak ini yang terlepas ke dalam laut dan ini akan menyebabkan, kata orang tu pencemaran di kawasan Tanjung Piai kelak.

Dan, sebagaimana yang saya katakan dalam Dewan ini semasa Persidangan yang lepas, isu yang saya bangkitkan salah satu ialah isu monyet yang amat mengecewakan saya sebagai mana juga rakan-rakan yang lain sehingga Dewan ini bersidang lagi pada bulan ini. Tiada apa tindakan yang telah saya dapat lihat diambil untuk menyelesaikan masalah monyet yang begitu banyak. Saya rasa kalau dulu jumlahnya 2,000 mungkin pada waktu ini mungkin telah pun berlipat-lipat kali ganda. Saya amat mengharapkan supaya kalau dapat Jabatan Perhilitan mengadakan kaedah-kaedah yang berkesan dengan memasang lebih banyak perangkap-perangkap atau sistem yang kita boleh fikirkan bagaimana kita boleh mengawal pembiakan monyet-monyet ini. Kalau perlu kita tangkap jantannya dan kita mandulkan atau kita kasikan, kita buatlah supaya pembiakan monyet ini dapat terkawal. Kalau tidak kita hapuskan tetapi kita dapat mengawal monyet-monyet ini daripada terus membiak.

Pada mulanya dulu saya ingat masalah monyet ini cuma berlaku dalam kawasan saya, tetapi setelah saya bawa isu ini ke sidang Dewan rupanya perkara masalah monyet ini adalah satu masalah yang serius. Dalam keadaan kegawatan ekonomi yang akan kita lalui dan ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada cadangan bagaimana nak menghapuskan?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ada, ada.

Y.B. Dato' Speaker : Pakai apa?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita boleh gunakan membanyakkan perangkap-perangkap.

Y.B. Dato' Speaker : Banyakkan apa?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Perangkap-perangkap monyet ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi monyet ni boleh ditangkap dan boleh dipindahkan ataupun kita tangkap jantan-jantannya, kita mandulkan. Saya rasa kaedah pemandulan ini bukan satu kaedah yang baru...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat boleh mandulkan monyet?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Eh. (Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pakar dalam bidang tu?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Eh. Belum lagi dalam kategori pakar tetapi saya dalam segi teorinya bolehlah Yang Berhormat. Kita ikatkannya.

Y.B. Dato' Speaker : *Inject* dengan viagra sahaja. (Ketawa).

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Itu makin kuat membiak Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Oh membiak, silap.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi, juga saya rasa eh permintaan monyet-monyet daripada luar negara seperti Taiwan, mereka ini makan monyet. Kalau kita tak boleh cara lain kita boleh eksport monyet-monyet ini kalau dibenarkan supaya dapat kita.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, boleh dieksport eh?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Kita boleh eksport Yang Berhormat. Monyet-monyet ini kita boleh eksport, saya rasa banyak syarikat-syarikat yang di luar sana seperti di Taiwan.

Y.B. Dato' Speaker : Cuba Yang Berhormat tubuhkan syarikat tu? Ha, tengok macam mana berhasil tak?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Saya rasa boleh Yang Berhormat. Saya boleh jadikan dia satu, sebagai hasil negeri tetapi itulah saya tak tergamak, besok orang panggil Othman monyet pulak. (Dewan ketawa). Jadi tak tergamak saya Yang Berhormat. Biarlah panggil Othman sahaja, jangan sampai panggil Othman monyet, pula Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bagus ini, kalau tak dia tauke monyet.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Sekarang ini tauke majalah Ujang, besok orang panggil Othman monyet pula. Payah Yang Berhormat. Jadi keluarkan nama tu daripada...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ada majalah eh?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ada majalah Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Sesekali bagilah kat Dewan ni. Tengok apa majalah Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Saya memang nak bagi tapi takut jadi macam politik wang, esok nanti orang panggil politik majalah pulak.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis bertanding, Yang Berhormat dah tak boleh bertanding lagi. Lepas ni bagilah berapa banyak. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Insya-Allah, dalam kawasan Tanjung Piai juga Yang Berhormat Dato' Speaker, pada waktu ini, penyakit tumbuhan seperti pisang telah pun berlaku begitu lama, begitu, saya rasa lebih dari setahun dan saya tak pasti apakah tindakan Jabatan Pertanian untuk membantu petani-petani ini. Banyak pokok-pokok pisang bila sampai dah besar Yang Berhormat, dahannya jatuh macam, kira macam lebih kurang macam mati pucuk dan buahnya bila dah besar tu dia jadi warna hitam dalamnya bila dipicit, keluar jel.

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda tu?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Penyakit pisang .

Y.B. Dato' Speaker : Penyakit pisang.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Penyakit pokok pisang.

Y.B. Dato' Speaker : Pokok yang sakit.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Pokok dan sakit akibatnya buah pun sakit juga. Jadi, itulah bertanyakan kepada Pertanian apakah tindakan bantuan dan sekarang ini di kawasan saya, kawasan yang boleh dikatakan banyak menanam pisang tetapi akibat penyakit pisang ni sampai hari ini masih lagi saya tanya...

Y.B. Dato' Speaker : Memang payah cari pisang sekarang ni ye Yang Berhormat? Pisang nipah semua mahal.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Pisang nipah memang susah, yang paling kuat, pisang dalam spesies pisang. Saya difahamkan adalah pisang Nipah tetapi...

Y.B. Dato' Speaker : Pisang goreng pun dah mahal.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dah mahal, sebab tiada pisang.

Y.B. Dato' Speaker : Saya makan mahal.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Cuma yang saya tak tahu itulah dia kata pisang Awak masih belum lagi…

Y.B. Dato' Speaker : Pisang siapa?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Pisang Awak.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bukan pisang saya. Pisang Awak. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi saya nasihatkan kepada mereka supaya tanam pisang Awak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi, ini adalah sahaja masalah dalam kawasan saya kalau boleh saya minta Pejabat Pertanian membantu melihat bagaimana dan kalau boleh dengan teknologi EM kita, efektif mikro kalau boleh dapat membantu memulihkan keadaan, kita gunakan efektif mikro untuk membantunya. Baru-baru ini walaupun saya tak arif, saya cakap dengan beberapa orang pengusaha di sana, saya cakap gunakan EM, sebab saya terlalu banyak dengar EM, saya cakap gunakan EM, cuba macam mana kaedah tanya dekat Pertanian. Mereka sedang cuba pada waktu ini Yang Berhormat.

Seperkara lagi yang saya bertanya di sini, dalam keadaan ekonomi yang kita jangkakan akan berlaku kegawatan ekonomi. Saya lihat banyak harta-harta ataupun kedai-kedai yang dimiliki oleh Jabatan ataupun Majlis Agama Islam, yang saya lihat di Pontian, Yang Berhormat Dato' Speaker. Banyak kedai-kedai Majlis Agama Islam pada hari ini kalau nak sewa tanpa bayar sewa, sewalah kedai Majlis Agama Islam sebab dapat masuk bangunan lepas itu tak payah bayar sewa. Ini adalah yang diberitahu kepada saya. Banyak kedai-kedai yang disewakan oleh Jabatan ataupun Majlis Agama Islam katanya memang banyak yang tak berbayar sewa.

Y.B. Dato' Speaker : Tak bayar?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Tak bayar. Dan ada satu tu bila saya tinjau jumlah tertunggak hampir RM50,000.00 oleh seorang penyewa. Ini kenyataan kalau tak betul tengok di Pontian ada satu bangunan UMNO lama yang disewa oleh satu individu sehingga hari ini hampir RM50,000.00 masih belum berbayar sewanya dan yang menyedihkan tak ada tindakan undang-undang diambil. Jadi, saya pun tertanya-tanya dalam Jabatan Agama Islam betullah kata orang kalau nak sewa percuma, pergi menyewa pejabat ataupun ruang-ruang yang diadakan oleh Jabatan Agama Islam. Jadi itulah saya nak bertanyakan apakah ini benar? Kalau benar saya pun nak cuba juga.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak Yang Berhormat, kedai Majlis?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Di Pontian tu ada satu baris dimiliki oleh Majlis Agama Islam dan saya difahamkan cuma satu dua yang betul membayar sewa. Yang lainnya banyak tak bayar sewa. Dan yang cantiknya tu, tak diambil tindakan Mahkamah atau tindakan undang-undang. Jadi, setahu saya kedai-kedai ini dimiliki dengan cara menggunakan wang zakat untuk membeli. Kalau kita hanya pandai membeli dan kita tak pandai *manage* ataupun mentadbirkan harta ini, apakah hukumnya bagi kita yang dipertanggungjawabkan oleh pembayar-pembayar zakat. Sedangkan wang zakat ini adalah satu yang wajib dalam Islam, Rukun Islam tetapi kenapa kita sewenang-wenangnya telah menerima tanggungjawab tersebut kita tak menjalankan tanggung jawab tersebut? Kenapa susah sangat nak ambil tindakan undang-undang terhadap penyewa-penyewa ini? Kalau dah sampai RM50,000.00 Yang Berhormat, saya pun hairan. Setahu saya dalam, kalau setiap

kata orang tu, apa, perjanjian sewa biasanya kalau tiga bulan, kita tak bayar sewa, kita boleh diambil tindakan dengan cara *seal* bangunan itu. Tetapi kalau sampai ke RM50,000.00 tak juga diambil tindakan, astaghfirullahhalazim, apakah tugas tuan-tuan yang bekerja di dalam Majlis Agama Islam ini?

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Pejabat Agama dia ada kasihan, yalah orang agama, nak ambil tindakan tu sikit.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Tapi Yang Berhormat, saya tengok inilah lebih kepada duit, ini adalah sebahagian daripada duit zakat. Tetapi kalau kita tak tadbirkan benda ini, saya katakan tadi apa hukumnya? Kita yang sebagai orang yang telah bersetuju bertanggungjawab dan tetapi tidak melaksanakan tanggungjawab kita. Dan seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini, berapa halalkah makanan-makanan yang bertandakan halal dalam pasaran? Sebab saya tengok kalau Yang Berhormat ingat beberapa bulan ataupun beberapa tahun lepas, sampaikan babi yang di dalam tin pun bertandakan halal keluar dalam surat khabar. Bagaimanakah pemantauan Jabatan Agama Islam dalam perkara ini? Sedangkan halal adalah satu perkara yang paling sensitif dalam Islam. Berapa halalkah barangan yang bertandakan halal pada hari ini dalam pasaran kita? Adakah semua yang bertandakan halal itu telah pun diambil sampel dan diselidik benar-benar perkara dalam makanan itu halal? Beribu-ribu produk.

Y.B. Dato' Speaker : Ha...

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dan, hari ini halal pula dikeluarkan bukan hanya daripada Jabatan Agama Islam malah dikeluarkan oleh Halal Hub. Satu syarikat, satu anak syarikat, syarikat yang ditubuhkan yang dinamakan Halal Hub, juga mengeluarkan *certificate* halal.

Y.B. Dato' Speaker : Ha...

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi berapa ramaikah yang mengeluarkan *certificate* halal? Kalau mengeluarkan *certificate* halal ini menguntungkan dan begitu mudah sekali, kita boleh bagi kepada orang, saya pun nak minta juga. Macam itu. Siapa nak minta halal, ok, bayar sekian amaun saya bagi halal. Apa kaedah sampai hari ini? Dah berapa, kita dah merdeka 50 tahun. Begitu banyak teknologi yang kita boleh gunakan untuk memastikan barang-barang halal ini betul-betul halal. Kaedah *security* begitu banyak sekali. *Sticker security* begitu banyak sekali. Kalau tak boleh, saya boleh menawarkan diri untuk menjadi penasihat untuk memilih *sticker-sticker security* dengan cara dan sistemnya, keseluruhannya untuk memastikan apa yang *certificate* dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam tentang produk halal ini benar-benar halal.

Y.B. Dato' Speaker : Halal. Yang Berhormat, nak menawarkan diri sebagai apa?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Saya boleh menjadi, kata orang itu, *because* saya amat faham tentang *security-security sticker* ini. Jadi, saya boleh jadi Penasihat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat tauke *sticker*kan?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ada juga, bisnes yang digunakan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat pembekal *sticker*kan?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Saya pembekal *sticker* juga. Jadi, tentang *security* ini saya memang selalu pergi ke luar negeri, dalam kata orang itu, banyak melibat...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : *Security-security* di luar negara, saya mengikuti *Interpol Conferences* dalam dunia ini, jadi, saya amat peka ataupun faham tentang...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, masa.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Dah cukup.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Sikit lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha...

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dan, baru-baru ini, macam sebelum ini, semalam yang dibawa oleh Y.B. Tahir, isu sensitif yang dibangkitkan bukan hanya Parti Pembangkang, malah Parti Komponen dalam Barisan Nasional.

Y.B. Dato' Speaker : Dah, dah...Hari ini dah minta maaf.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi, perkara itu, apabila isu ini ditentang dengan mudah, dikata fakta itu diselewengkan. Dan pada saya, isu-isu sensitif berupa perkauman ini hari ini, saya amat merasakan sendiri Yang Berhormat. Kalau tak keterlaluan, kalau saya katakan hari ini oleh kerana Cina merasa diri mereka terlalu Cina, maka Melayu pun merasa diri mereka terlalu Melayu. Jadi, perasaan ini mula ada dalam setiap individu yang berlainan kaum dan isu ini juga hari ini yang dipermainkan, digembar-gemburkan. Dengan sewenang-wenangnya, dengan semudah-mudahnya. Kalau dulu, kita lihat isu-isu sensitif ini memang, sebelum kenyataan dikeluar mereka betul-betul berfikir, tak mahu menggoreskan hati individu lain, tetapi hari ini isu-isu ini yang dimainkan begitu lantang sekali tanpa memikirkan.

Kalau UMNO memainkan isu-isu ini maka kita diambil tindakan. Tetapi apabila Parti-parti Komponen dengan hanya memohon maaf atau dengan hanya kata ini penyelewengan dalam kenyataan, maka terlepas begitu sahaja. Isu ini

bukan pertama kali dimainkan. Isu perkauman ini. Isu ketuanan Melayu ini. Kalau kita lihat negara Malaysia ini, kalau kita lihat, buang SIA ini adalah *MALAY*. *Malay* itu adalah nama Melayu dalam bahasa orang putih. Kalau dulu kita mempertahankan, memperjuangkan apabila British mahu memperkenalkan Malayan Union, UMNO memperjuangkan supaya kita tak terima Malayan Union dan kita memohon meminta waktu itu sehinggalah mereka terpaksa mengadakan Federation Malay State pada waktu itu. Dan, hari ini, sejarah itu mula dilupakan. Ini bukan sejarah sebenarnya, fakta. Sebelum Malaysia, negara kita adalah Malaya. Sebelum Malaya adalah Tanah Melayu. Jadi, Tanah Melayu ini sudah pasti tanah ini tanah orang Melayu. Jadi, kenapa itu harus dipertikaikan? Dan, dalam perlembagaan kita, kesetiaan kepada raja-raja, juga harus kita junjungi. Itulah tuan kita. Itulah ketuanan kita.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Kalau itu tak dapat kita terima Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Saya rasa perkara ini kalau boleh, pihak pucuk pemimpin kita memikirkan kalau isu-isu sensitif sedemikian dimainkan lagi, saya amat mengharapkan perkara ini boleh dikategorikan sebagai menghasut dan boleh dikategorikan kes yang boleh melibatkan mereka ditahan di bawah ISA.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi, itu yang amat saya harapkan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ha, sikit lagi Yang Berhormat. Ada satu lagi isu yang ingin saya bawa di sini...

Y.B. Dato' Speaker : Hm...

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : ...adalah isu Bahasa Malaysia sebagaimana rakan-rakan saya yang lain menyentuh tentang penyampaian Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Saya lihat sebagaimana yang dihujahkan memang saya bersetuju, amat bersetuju, kalau kita nak memperkuatkan penguasaan Bahasa Inggeris, bukan caranya dengan kita menyampaikan Bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains. Tetapi, sampai hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pun tak dapat lagi apakah sebenarnya tujuan kerajaan kita, Kementerian Pelajaran menukarkan bahasa penghantar, Bahasa Inggeris untuk dijadikan bahasa penghantar dalam pelajaran Matematik dan Sains. Saya sendiri tak tahu apakah tujuannya. Sebab sampai hari ini pun saya tak pernah dengar lagi apakah benar-benar tujuannya. Dan, sampai hari ini apabila statistik yang menunjukkan pencapaian

dalam Bahasa Inggeris, saya rasa itu, apabila saya telefon, dia kata, Pejabat Pelajaran kata, setengah-setengah daripada fakta itu tak dapat nak di *reveal*, atau tak dapat nak dikeluarkan, atau tak dapat nak diberitahu. Kenapa begitu berahsia sangat? Kalau betul-betul benda ini berjaya, kenapa perlu berahsia sangat? Dan, akhirnya Yang Berhormat, saya rasa negara-negara, sebagaimana rakan-rakan saya kata, Jepun begitu maju tanpa menggunakan Bahasa Inggeris, Korea begitu maju tanpa menggunakan Bahasa Inggeris. Banyak Menteri-Menterinya tak pandai cakap orang putih pun, tapi boleh begitu maju. Tetapi, kenapa kita yang telah dijajah, adakah kepala otak kita ini telah terlalu kolonial. Maka, kita membangga-banggakan orang putih. Apa tak pandai cakap orang putih tak boleh cari makan ke? Apa tak pandai cakap orang putih kita ini, kata orang ketinggalan zaman?

Y.B. Dato' Speaker : Dia, menambah ilmu pengetahuan.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Banyak cara Yang Berhormat kalau kita nak menambah ilmu pengetahuan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, salah satulah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Antaranya dengan Bahasa Inggeris, kenapa tidak dengan menggunakan Bahasa France. Jadi, inilah yang amat saya harapkan sebagai Kementerian Pelajaran...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : ...lagi malu kalau dah buat kesilapan. Kalau mungkin di peringkat kerajaan kata dah buat kesilapan dalam hal ini...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, dah lebih dah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi, saya rasa tak perlu malu untuk berpatah balik.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi, dengan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan berbanyak...

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : ...terima kasih dan saya menyokong usul yang dibawa...

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : ...perbahasan oleh Y.B. Machap. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Mana? Ha, ok.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Segala puji bagi Allah, kita memujiNya memohon pertolongan dan ampunan kepadaNya, kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita, dan keburukan amalan-amalan kita. Barang siapa yang Allah tunjuki, maka tidak ada yang dapat menyesatkannya dan barang siapa yang Allah sesatkan maka tidak ada yang dapat memberinya hidayah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan pembentangan Bajet Negeri Johor Darul Takzim bagi tahun 2009. Tidak lupa juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah membentangkan satu bajet yang mampan bagi terus memacu pembangunan holistik di Negeri Johor selain mempersiapkan negeri dan rakyat Johor keseluruhannya dalam mengharungi cabaran dan badai ekonomi yang semakin getir, kesan keruntuhan sistem kewangan yang telah melanda negara-negara ekonomi besar pada ketika ini. Ketidaktentuan ekonomi global pada ketika ini sesungguhnya menuntut Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu pelan yang dapat terus merangsang ekonomi Negeri Johor agar terus berkembang bagi menggalakkan kemakmuran yang sedang dinikmati oleh negeri dan rakyat Johor pada hari ini, terjejas kesan tempias badai ekonomi global yang sedang merudum pada ketika ini.

Sesungguhnya dengan strategi Bajet 2009 yang berdasarkan 3 komponen utama iaitu memperkukuhkan daya tahan ekonomi negeri, mengharap potensi sumber manusia dan meningkatkan tahap kualiti hidup serta kesejahteraan rakyat. Ditambah pula dengan gabungan Bajet 2009 oleh Kerajaan Persekutuan. Saya sesungguhnya amat yakin dan penuh percaya bahawa negeri dan rakyat Johor di bawah Kerajaan Barisan Nasional, pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani Othman akan terus maju, membangun dan makmur ke arah mencapai tahap sebuah negeri yang dilimpahi kebaikan dan beroleh naungan serta keampunan dari Allah SWT.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ha, Yang Berhormat Kukup nak tanya apa? Lampu nyala. Ha, oh, dah padam. Ingat nak tanya tadi. Ha, ok terus.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat Johor di kawasan Sedili begitu amat prihatin dengan pembentangan Bajet 2009 ini. Justeru, saya ingin menyampaikan salam takzim dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dari mereka...

Y.B. Dato' Speaker : Berapa orang Yang Berhormat yang nak sampaikan salam itu? Ramai? (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Beribu Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, kawasan itu berapa ramai itu Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : 19,190 pengundi.

Y.B. Dato' Speaker : Fuh, teruk betul.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri kerana tidak melupakan Sedili dalam perancangan Bajet 2009 kali ini. Pembinaan sebuah Balai Cerap berharga 6 juta, RM6 juta di Tanjung Gemuk, Kampung Sedili Kecil, sesungguhnya amat menggembirakan rakyat di kawasan Sedili. Begitu juga dengan cadangan projek untuk membina sebuah kompleks sukan di FELDA Bukit Waha yang akan dapat dimanfaatkan oleh generasi muda khususnya yang tinggal di kawasan Rancangan FELDA Gugusan Waha.

Y.B. Dato' Speaker : Kompleks Sukan ya, Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Bila nak bina?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Saya tengok dalam buku Bajet Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ada ya, oh.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Kedua-dua projek ini sedikit sebanyak sudah tentu akan membantu menggalak dan merangsangkan pertumbuhan ekonomi di kawasan Sedili, selain faedah sosial yang bakal diterima oleh penduduk sekitarnya. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, selaku Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kota Tinggi...

Y.B. Dato' Speaker : Fuh, macam orang tak tahu. Fuh...hm...(Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Setiap minggu saya akan ke Pekan Teluk Sengat yang berada di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Johor Lama. Bukanlah niat saya ke Teluk Sengat untuk masuk campur kawasan orang lain, sebaliknya tujuan saya ke Pekan Teluk Sengat adalah untuk melihat-lihat dari jauh perkembangan dan kemajuan pembinaan jambatan yang terlibat dalam pembinaan rangkaian Lebuhraya Senai - Pasir Gudang - Desaru. Melihat dari kemajuan projek ini, kita dapat membayangkan bahawa apabila projek ini siap sepenuhnya maka kawasan Desaru dan persekitarannya akan membangun dengan begitu pantas sekali. Masa perjalanan dari Senai, Johor Bahru dan Pasir Gudang ke sebelah pantai timur Johor menjadi pendek dan lebih singkat. Kemungkinan masyarakat industri di Pasir Gudang yang semakin sesak untuk mula berpindah dan menetap di kawasan sebelah pantai timur yang lebih selesa dan sihat persekitarannya akan lebih tinggi, selain kemasukan pelancong yang lebih mudah dan cepat di kawasan ini. Sementara itu, jalan pesisir pantai yang menggabungkan Desaru dan Sedili telah pun lama siap. Termasuk sebuah jambatan yang menggabungkan Pekan Sedili dengan Kampung Sedili Besar. Semua kemudahan ini akan menjadi sia-sia jika tidak

dapat dimanfaatkan melalui perancangan dan perlaksanaan projek-projek pembangunan yang berjangka pendek dan panjang.

Berdasarkan kemungkinan ini, saya ingin mencadangkan, sementara tumpuan diberikan kepada kawasan yang telah lebih maju dan berdaya saing, perhatian-perhatian haruslah juga diberi kepada kawasan yang masih mundur tetapi mempunyai potensi tinggi untuk dibangunkan seperti kawasan Sedili. Sedili merupakan sebuah kawasan yang luas dan masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Justeru, saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk membuat perancangan yang bersesuaian dengan lokasi Sedili yang berada di antara Desaru dan Mersing, yang masih mempunyai tanah terbiar dengan kawasan pantai yang panjang dan masih tidak dibangunkan sepenuhnya. Limpahan ekonomi dari projek Lebuhraya Senai - Pasir Gudang - Desaru akan sampai kepada penduduk di kawasan Sedili sekiranya Kerajaan mengambil inisiatif untuk menyediakan perancangan seterusnya membangunkan potensi yang ada di kawasan Sedili khususnya dalam bidang pelancongan. Rakyat di kawasan Sedili juga berterima kasih sekiranya Kerajaan dapat menimbangkan untuk membina sebuah institusi pengajian tinggi, pusat-pusat latihan Kerajaan ataupun sekurang-kurangnya sebuah sekolah berasrama penuh di Sedili.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya sebutkan sebelum ini, penduduk kawasan Sedili rata-rata adalah bekerja sebagai nelayan dan petani dengan pendapatan yang kecil dan tidak menentu berbanding dengan kawasan Bandar Penawar, Kota Tinggi dan Mersing. Sedili yang berada dalam daerah Kota Tinggi masih jauh ketinggalan dan amat memerlukan bantuan dan perhatian dari pihak kerajaan. Oleh kerana Pekan Sedili yang serba kekurangan, penduduk yang berjumlah lebih kurang 8,000 orang di kawasan sekitarnya terpaksa pergi ke Bandar Kota Tinggi untuk mendapatkan keperluan harian termasuk berurusan dengan pejabat-pejabat kerajaan. Namun begitu, dukacita saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa...

Y.B. Dato' Speaker : Hm...

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : ...setelah 50 tahun kita merdeka, penduduk Sedili masih lagi belum mempunyai sistem pengangkutan yang sempurna dan selesa yang dapat menggabungkan Pekan Sedili dengan Bandar Kota Tinggi. Sehingga ke hari ini, hanya ada sebuah bas persendirian beroperasi bagi laluan ini. Dengan kekerapan yang amat terhad, keadaan bas ini pula begitu uzur dan sering rosak dan mendatangkan kesulitan kepada penggunanya. Sehubungan dengan ini, saya memohon supaya perkhidmatan bas Mara Liner yang sedang beroperasi di beberapa kawasan di Kota Tinggi, dapat diperluaskan sehingga ke Pekan Sedili. Saya percaya, dengan adanya perkhidmatan pengangkutan bas seperti Mara Liner yang terkenal amat cekap ini akan membawa manfaat yang besar kepada penduduk dan kemajuan kawasan Sedili.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain kawasan kampung tradisional, kawasan perkampungan FELDA juga masih mengharapkan bantuan pembangunan dari pihak kerajaan. Selama ini, tanggungjawab membangunkan kawasan FELDA hanya dilaksanakan oleh FELDA sahaja. Dengan jumlah Tanah Rancangan

FELDA yang besar di seluruh negara, maka ada Rancangan FELDA yang telah lama wujud tetapi masih ketinggalan dan belum mempunyai kemudahan seperti dewan orang ramai dan sebagainya. Malah terdapat banyak kampung tradisional, yang lebih maju dengan pelbagai kemudahan khususnya yang mendapat bantuan dari pihak Lembaga Kemajuan Johor Tengara (KEJORA).

Justeru itu, saya ingin mencadangkan supaya tanggungjawab membangunkan kawasan FELDA ini tidak hanya dipertanggungjawabkan kepada FELDA semata-mata. Sebaliknya tanggungjawab ini harus diberikan kepada Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang bersesuaian dengan tanggungjawab dan portfolio mereka. Bagi pembangunan Rancangan FELDA yang berada di dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri Sedili, saya juga ingin mencadangkan agar KEJORA dapat turut sama dilibatkan, khususnya bagi Rancangan FELDA yang telah selesai membuat pembayaran kembali dan telah menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Saya percaya sekiranya cadangan ini dapat dilaksanakan, maka pembangunan di antara kampung tradisional dan Rancangan FELDA akan dapat dilakukan secara seiring dan lebih seimbang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini saya telah ditemui oleh sekumpulan penduduk dari Kampung Teluk Jeri, dalam kawasan DUN Sedili yang mengadukan kepada saya bahawa pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil tanah mereka, untuk dibina anak sungai dengan dijanjikan akan mendapat pampasan. Peristiwa ini berlaku kira-kira 7 tahun yang lalu. Namun apa yang mendukacitakan penduduk di Kampung Teluk Jeri adalah, setelah 7 tahun berlalu setiap kali mereka bertanyakan perkara ini, maka pihak JPS akan mengatakan bahawa pihak Jabatan tidak mempunyai peruntukan untuk membayar pampasan. Sebagai mewakili penduduk ini, saya memohon agar kerajaan dapat melihatkan perkara ini dan mengambil langkah segera untuk menyelesaikannya. Perkara remeh sebegini jika tidak diselesaikan segera, akan membawa imej dan persepsi yang tidak baik di kalangan rakyat terhadap kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa ambil alih tu tak ada surat menyurat ke?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Ada, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tuntutlah.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Dah tujuh tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Tuntut.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Tuntutlah. *Lawyer* banyak.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Jabatan Agama Islam Negeri Johor merupakan antara Jabatan yang mendapat peruntukan besar dalam Bajet

2009 ini iaitu sebanyak RM20.9 juta. Peruntukan yang besar ini tentunya mencerminkan betapa besarnya juga peranan Jabatan Agama Islam di dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan. Sesungguhnya kita tidak dapat menafikan kejayaan yang telah dicapai oleh Jabatan Agama Islam khususnya di dalam menjaga akidah, pendidikan agama serta juga kebajikan umat Islam di Negeri Johor ini.

Banyak yang telah kita dengar bagaimana Jabatan Agama Islam begitu proaktif dalam memberikan pelbagai bentuk bantuan kepada fakir miskin, pelajar-pelajar miskin, mangsa bencana seperti banjir dan kebakaran serta pelbagai bentuk bantuan yang lain. Sebagai contoh, apabila berlaku sesuatu kebakaran, Pejabat Agama Daerah boleh terus memberikan sumbangan atau bantuan segera berupa wang tunai dan barang makanan kepada mangsa. Seterusnya, mangsa kebakaran tersebut boleh pula memohon bantuan untuk membina kembali rumah yang telah terbakar dengan bantuan maksimum sebanyak RM26,000.00.

Namun begitu, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Pejabat Agama Daerah pada ketika ini hanya diberikan kuasa untuk memberikan bantuan segera sebanyak RM1,000.00 sahaja, manakala permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri untuk mendapatkan bantuan yang lain. Bagi mangsa bencana seperti ini, bantuan haruslah disalurkan dengan kadar segera bagi meringankan beban kesusahan mereka. Permohonan ke peringkat negeri tentunya akan mengambil masa untuk diluluskan. Dalam keadaan kos hidup yang tinggi pada hari ini dan bagi meringankan beban mangsa bencana seperti kebakaran ini, saya ingin mencadangkan supaya kuasa Pejabat Agama Daerah untuk memberikan bantuan segera dapat ditingkatkan dari RM1,000.00 kepada RM10,000.00. Saya percaya dengan perlaksanaan cadangan ini akan lebih memudahkan bantuan segera, yang sememangnya sangat-sangat diharapkan oleh mangsa-mangsa bencana seperti yang disebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, aspek pendidikan merupakan suatu lagi elemen yang termasuk di dalam strategi Bajet 2009 iaitu menggarap potensi sumber manusia ataupun apa yang kita panggil sebagai modal insan. Kerajaan melalui Yayasan Pelajaran Johor memang telah sejak sekian lama berperanan dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti sesuai dengan tuntutan semasa. Pada ketika ini, alhamdulillah, di Rancangan-Rancangan FELDA juga telah diwujudkan Program Skim Tuisyen FELDA (STF) yang memberikan peluang kepada pelajar-pelajar di luar bandar untuk turut sama menikmati kemudahan seperti yang diperolehi oleh pelajar-pelajar di kawasan bandar.

Kesannya, tahun demi tahun, semakin ramai anak Negeri Johor yang berjaya mendapat tempat melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi tempatan mahupun di luar negara. Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi ini sudah tentu memerlukan pembiayaan yang tinggi, khususnya pembayaran segala bentuk yuran kemasukan dan asrama. Dalam keadaan sara hidup yang telah meningkat kesan kenaikan harga minyak tempoh hari, ada ibu bapa yang tidak mampu untuk membiayai kos pendaftaran ini khususnya bagi ibu bapa yang berpendapatan rendah yang hanya bekerja sebagai nelayan ataupun buruh.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan motivasi anak-anak Johor untuk lebih berjaya dalam pelajaran dan bagi mengurangkan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa yang mana anaknya telah berjaya mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi, saya ingin mencadangkan agar insentif diberikan kepada mereka ini dengan jumlah minima sebanyak RM1,000.00 bagi setiap pelajar. Bantuan ini boleh disampaikan melalui suatu majlis meraikan kejayaan mereka ini. Dengan insentif dan majlis yang diadakan ini, akan mengeratkan hubungan di antara golongan pelajar dengan kerajaan. Hubungan yang erat ini akan memudahkan mereka menyumbangkan semula khidmat dan bakti mereka apabila telah tamat belajar kelak.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara kesan kepada kemelesetan ekonomi dan peningkatan kos hidup, maka kebiasaannya akan pula diikuti dengan peningkatan indeks jenayah. Sehingga kini peningkatan ini belum begitu ketara bagi kawasan DUN Sedili. Namun begitu, kita haruslah sentiasa bersedia dengan jangkaan dan kemungkinan masalah ini akan berlaku pada masa akan datang.

Sedili adalah sebuah kawasan yang agak besar dan berhutan belukar. Penjenayah begitu mudah melarikan diri dari pihak penguasa PDRM, sekiranya PDRM tidak mempunyai kelengkapan yang sesuai dengan kawasan seperti di Sedili. Apa yang menyedihkan, banyak pihak khususnya penduduk Sedili adalah, Balai Polis Tanjung Sedili hanya dilengkapi dengan sebuah kenderaan kereta peronda iaitu sebuah Perodua Kancil. Dengan sebuah Kancil inilah pihak PDRM Tanjung Sedili terpaksa berkejar-kejar untuk melaksanakan segala tuntutan dan tanggungjawabnya.

Dalam keadaan penjenayah mungkin menggunakan kenderaan yang lebih canggih, saya memohon pihak kerajaan agar dapat memberikan peruntukan sebuah kenderaan pacuan empat roda kepada PDRM Tanjung Sedili agar pihak PDRM Tanjung Sedili dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih cekap dan efisien dan sesuai dengan tuntutan dan keadaan di kawasan Sedili.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan unjuran ekonomi pada tahun-tahun mendatang yang semakin menguncup dan tidak menentu, pembentangan Bajet 2009 ini sesungguhnya menjadi harapan kepada rakyat Negeri Johor untuk melihat Negeri Johor terus maju dan makmur sambil berjaya mendepani apa juga keadaan dan situasi ekonomi yang bakal melanda. Tanggungjawab mengekal dan menambahkan kemakmuran bukan semata-mata terletak di bahu Kerajaan Negeri sahaja. Sebaliknya semua pihak, kerajaan, pihak swasta, ahli politik kerajaan dan pembangkang juga termasuk rakyat keseluruhannya mempunyai tanggungjawab dan peranan yang harus dimainkan bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Justeru itu, saya ingin menyeru, marilah kita sama-sama berganding bahu membantu Kerajaan Negeri dalam merealisasikan cadangan-cadangan yang telah dibentangkan dalam Bajet 2009 ini. Janganlah hanya kerana kita menjadi pembangkang, maka segala yang direncanakan oleh pihak kerajaan

semuanya salah dan tidak betul. Kemakmuran sekiranya dapat ditambah dengan dikekalkan akan mampu dinikmati oleh semua rakyat Johor, sama ada mereka penyokong kerajaan mahu pun penyokong pembangkang. Kesengsaraan dan kemelesetan ekonomi juga sekiranya melanda akan juga turut dirasai oleh semua rakyat tidak kira apa pun fahaman dan pegangan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, marilah sama-sama kita berdoa, mudah-mudahan, Allah yang Maha Kuasa dan Maha Pemimpin, yang memimpin dan membimbing semua niat, yang memimpin dan membimbing semua gerak, yang memimpin dan membimbing semua rasa, yang memimpin dan membimbing semua fikir. Memimpin dan membimbing fikiran dan perasaan kita semua di Dewan yang mulia ini, tetap di jalan yang benar, tetap di jalan yang diredai. Insya-Allah, negeri dan rakyat Johor akan terus selamat, aman, makmur dan maju, serta dicemburui oleh negeri-negeri yang lain khususnya negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat.

Yang baik itu datangnya dari Allah SWT. Yang buruk itu datangnya dari kedangkalan ilmu dan pengalaman saya sendiri. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan pembentangan Bajet 2009. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Laju betul Yang Berhormat berucap. Baguslah. 10 minit, 15 minit saja dah selesai dah. Perbahasan diteruskan lagi. Anu, sana tu. Dah bangun dulu Yang Berhormat. Pasir Raja dah bangun dulu.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dan selamat sejahtera. Dato' Speaker, Bajet 2009 adalah satu bajet yang bertanggungjawab dan dirangka agar bukan sahaja berdaya tahan tetapi juga mampu membendung tekanan-tekanan. Saya turut merasakan cabaran-cabaran yang dijangka melanda negara kita dan rakyat negeri kita akan dapat kita dapat sama-sama lalui seumpama pepatah Melayu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Gendang gendut tali kecapi, kenyang perut senang hati. Kalau bajet cukup, semua senang hati, kalau tak cukup, semua susah hati.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang doktor eh?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ha, begitulah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Saya dinasihatkan oleh doktor, jangan duduk lama-lama. Hendaklah bangun bila kerja lama-lama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini disambung semula, jemput, Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Tadi saya berhenti di pepatah Melayu, gendang gendut tali kecapi, kenyang perut senang hati. Saya harap semua Ahli Dewan semua senang hati. Dengan berlandaskan hujah kemelesetan ekonomi dunia hanya akan beransur pulih selepas 18 bulan lagi berdasarkan komitmen Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan di Peru baru-baru ini. Kita yakin peranan atau tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat melalui pakej rangsangan 7 bilion menurunkan harga runcit petrol dan diesel, hari ini dah turun sedikit, Datuk Timbalan Speaker. Keputusan Bank Negara menurunkan kadar faedah menerusi kadar dasar semalaman, OPR 3.5% kepada 3.25%, keputusan Bank Negara Malaysia menurunkan keperluan rizab berkanun, SRR daripada 4% kepada 3% dan beberapa inisiatif lagi adalah bertujuan mengurangkan tekanan inflasi dalam negara. Ibarat kata pepatah ekonomi, kalau Amerika Syarikat batuk, negara lain akan selesema. Malah kalau kita tidak bijak mengatur Bajet Negeri Johor 2009 bukan sahaja selesema yang kita perolehi Timbalan Speaker tetapi lebih dari itu, mungkin kita kena pneumonia. Justeru itu, keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menghidangkan bajet defisit ini tentu, tentulah perlu disokong kerana ianya telah mengambil kira kekuatan yang tersedia dan menggembleng kesemua sumber kekuatan tersebut dalam menghadapi cabaran.

Antara yang penting seperti yang disebut dalam bajet 2009 adalah rancangan-rancangan membangunkan tenaga manusia melalui peluang pendidikan dan latihan. Setuju atau tidak setuju kita kena mengambil peluang agar tidak ada yang tercicir. Pada bajet tahun lepas, Jabatan Pendidikan Negeri Johor cuba mengunjurkan Negeri Johor dalam peperiksaan UPSR berasa dalam kelompok *top five,* dengan izin. Adakah pada tahun ini, 2008 sasaran keputusan itu tercapai? Kalau tercapai, itu petanda baik kerana kalau nak melentur buluh, lenturlah dari rebungnya. Bermula dari sinilah bekalan sumber tenaga manusia dapat disediakan. Iskandar Malaysia memerlukan pekerja berpengetahuan, singkatan *K-Worker*, dengan izin. Prestasi awal mereka yang cemerlang inilah yang perlu digarap agar bukan sahaja berdaya tahan tetapi boleh bersaing dengan cabaran ekonomi terbuka tetapi mengikut nilai-nilai kita. Apakah persediaan awal pada tahap ini berkesan atau perlu ada tindakan lain yang lebih praktikal dilakukan?.

Seterusnya, Datuk Timbalan Speaker, saban tahun ramai lulusan lepasan SPM, STPM yang layak memasuk ke IPTA, sama ada di peringkat diploma mahupun ijazah tidak di tawarkan Datuk Speaker. Antara sebabnya ialah kelemahan mereka ataupun cara mengisi borang-borang kemasukan. Kerana apa? Kerana kurang faham selok-belok mengisi borang dan tidak faham antara syarat am atau syarat khas. Lebih-lebih lagi dengan keperluan terbaru di mana

sistem *online* sahaja digunakan untuk tujuan permohonan. Perkara ini serius Timbalan Speaker kerana sekiranya mereka tercicir mereka terpaksa merayu semula atau masuk ke IPTS yang mana kadar kos pengajiannya tinggi atau masuk ke pasaran kerja tanpa kemahiran.

Memandangkan harapan yang tinggi dari ibu bapa dan pelajar itu sendiri agar mereka dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi, saya menyarankan agar Pihak Jabatan Pendidikan bersama-sama Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran dan Pengajian Tinggi membuat usaha yang giat dan terancang menggunakan bajet 2009 ini agar Program *Outreach yang* diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Tinggi iaitu penerangan program, Program Penerangan tentang peluang kemasukan ke IPTA dan pengajian tinggi sama ada teknik memilih universiti yang sesuai dengan kelayakan, kekosongan tempat yang wujud di setiap program yang ada, program apa yang sangat diminati oleh pemohon. Ini kalau boleh, dilakukan mengikut setiap DUN dan dilancarkan secara berjadual setiap awal tahun semasa keputusan peperiksaan SPM, STPM dikeluarkan. Kerana apa Datuk Timbalan Speaker, setakat ini program ini hanya dilakukan di tempat terpilih dan kepada kaunselor sekolah sahaja. Tidak berkesan sangat, tidak cukup Timbalan Speaker kerana ianya tak sampai ke setiap lulusan SPM dan STPM yang layak. Alangkah hiba sekiranya mereka ini layak masuk ke IPTA tetapi kerana tidak cekap memohon dan tersalah buat pilihan dan tidak ditawarkan, nanti yang teruk ialah Wakil Rakyat dan ibu bapa kerana terpaksa membuat sokongan untuk rayuan. Tindakan itu dah terlambat kerana selepas sistem meritokrasi di perkenalkan pada tahun 2002 lalu, masalah keciciran inilah yang membelenggu kita kerana tak mahu, kerana kita tidak mahu ramai anak-anak Johor tercicir untuk menuntut di peringkat yang lebih tinggi. Sekurang-kurangnya, sasaran kita mestilah kalau boleh seramai mungkin berada di tahap pengajian tinggi iaitu seperti negara maju, 40% kohort 18 hingga 23 berada di pengajian tinggi.

Cabaran inilah yang patut kita utamakan untuk diselesaikan segera agar bekalan tenaga manusia yang mampu menyumbang kepada ketahanan negara. Timbalan, Datuk Timbalan Speaker, kita ingin mengucapkan tahniah kerana ada keputusan telah dibuat di mana cawangan New Castle University dalam bidang perubatan dan sekolah antarabangsa serta Kolej Lausanne akan beroperasi di Negeri Johor, yang terbaru. Ini tentu merangsang Johor sebagai hub pendidikan berkualiti antarabangsa dan juga hub edutourism seperti yang dirancangkan.

Setakat ini jumlah pelajar antarabangsa yang belajar di Negeri Johor iaitu saya cuba ambil satu contoh sahaja, di UTM. Data dari UTM, kita dapati seramai 1,680 orang pelajar antarabangsa sedang menuntut di UTM, PHD, 378 orang, Master, 738, Sarjana Muda, 564. Negara yang paling ramai, Iran, 361, Indonesia, 300, Yamen, 185, China, 158, Libya, 127, Somalia, 122 dan tambahan pula pensyarah antarabangsa yang mengajar di UTM seramai 48 orang. Ini tidak termasuk di UTHM dan IPTS lain yang beroperasi dalam Negeri Johor.

Datuk Timbalan Speaker, ini merupakan satu petanda baik juga bahawa ekonomi Johor dapat terus di gerakkan melalui penawaran pendidikan bermutu melalui IPTA-IPTA dan IPTS serta kolej swasta yang beroperasi di Negeri Johor.

Edutourism juga dapat digerakkan Datuk Speaker, Datuk Timbalan Speaker. Jadi saya ingin bertanya sama ada promosi pendidikan yang bermutu telah digerakkan khususnya melalui kerjasama dengan IPT, kolej di negeri ini. Dari segi pendapatan ataupun hasilnya pula, Timbalan Speaker, sebagai contoh, sekiranya seorang pelajar antarabangsa belajar di sini, dikatakan dalam bidang kejuruteraan. Yuran yang dikenakan di IPTA, RM73,000.00 selama 4 tahun. Saraan hidup mereka di sini dianggar, RM1,000.00 sebulan. Maknanya, dengan kehadiran 1,680 orang kali 12,000 untuk setahun, mendatangkan hasil 20 juta setahun. Ini tidak termasuk dapatan dari kos melancong mereka bersama keluarga. Sebab itulah saya menyarankan agar promosi pendidikan digiatkan melalui kerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi di samping mengambil inisiatif menggalakkan IPT-IPT kita seperti kolej YPJ dan lain-lain IPTS dalam Negeri Johor ini meningkatkan mutu atau kualiti IPT mereka serta mula merekrut lebih ramai pelajar antarabangsa yang layak dan terbaik.

Justeru itu, bukan sahaja kita meningkat pendapatan melalui penawaran pendidikan bermutu tetapi apabila mereka balik ke negara asal, mereka akan turut mempromosi Johor khususnya sebagai destinasi pelancongan. Langkah ini Datuk Timbalan Speaker, ditambah dengan langkah-langkah lain yang difikirkan oleh kerajaan tentu memakmurkan lagi negara kita.

Datuk Timbalan Speaker, beralih ke kawasan DUN Pasir Raja, saya meminta agar pembinaan Kolej Yayasan Pelajaran Johor di bandar akademik Ladang Yayasan Kota Tinggi tidak tertangguh pembinaannya. Dan lagi rakyat Pasir Raja bukan sahaja sedih Datuk Timbalan Speaker tetapi ingin mengadu rasa dukacita apabila mengetahui peruntukan pembinaan UiTM cawangan Kulai yang mana tanah seluas 500 ekar bernilai 9 juta yang telah dilunaskan dikatakan peruntukkannya telah dialih ke tempat lain. Sesuatu mesti dilakukan Datuk Timbalan Speaker, agar UiTM ini dapat dibangunkan di tempat ini. Saya merayu melalui Pengerusi Jawatankuasa Pengajian Tinggi agar dapat berusaha merealisasikan harapan kita.

Selanjutnya, saya telah bangkitkan dalam persidangan lepas mengenai pelancongan sungai iaitu di Jeti Simpul Kasih. Saya ingin menyampaikan penghargaan terima kasih dan tahniah yang tinggi kepada EXCO Pelancongan, tak ada di sini, kepada Pengurus Besar, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor kerana telah turun padang sendiri melawat tapak pelancongan baru tersebut. Mungkin mereka kesian pada saya atau memang mereka menjiwai harapan rakyat bawahan sebab itu mereka turun sendiri membuat lawatan. Lawat, dah. Makan udang galah, dah. Teh tarik sekali. Harap-harap bantulah kami, cepatkan salurkan peruntukan membawa infrastruktur paling asas ke tapak tersebut. Setakat ini ada tiga agensi pelancongan telah datang dan paling mutakhir ialah mereka bersedia membawa sekumpulan pelajar-pelajar dari Singapura dan Jepun untuk menikmati udara segar di situ. Saya juga berharap agar program pengindahan rakit termasuk jeti seperti dalam bajet 2009 ini dapat disalurkan juga.

Datuk Timbalan Speaker, beberapa pemerhatian lain yang berada di kawasan saya, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa terdapat beberapa jalan yang kerap rosak dan pecah akibat dilalui oleh kenderaan

yang terlalu berat. Berbanding dahulu semasa kecil, kita hanya melihat lori-lori yang lalu dua tayar sahaja di belakang. Tetapi kini, tayar di belakang sebuah lori sudah menjadi 12 tayar. Saya ingin bertanya, kenapakah Kementerian Pengangkutan ataupun Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan mengeluarkan permit membenarkan lori-lori yang terlalu besar ini dan lebih muatan bermaharajalela melalui jalan yang tidak sesuai untuk mereka? Antara jalan yang sering rosak dilalui kenderaan berat ini ialah Jalan Kota Tinggi-Kulai, Jalan Semangar Dalam ke Semangar Luar. Kawasan lain saya tak sebut, Datuk Timbalan Speaker. Orang kampung marah dan mereka bertanya kepada saya, kenapa jalan ini cepat rosak? Adakah jalan yang dibina tidak kuat ataupun kenderaan yang berat ini lebih kuat merosakkan jalan?

Baru-baru ini Program Bumi Hijau di gerakkan semula. Dalam pemerhatian saya, ia berjalan baik. Walau bagaimanapun adakah sasaran program ini menepati sasarannya? Ada kebimbangan sedikit iaitu terhadap program bekalan *aquaculture,* akuakultur iaitu ternakan ikan keli yang mana kemungkinan ada lambakan. Mohon penjelasan sama ada pihak Jabatan Perikanan ada membuat penilaian bersama dengan FAMA agar isu lambakan ini dapat diatasi dan diambil langkah proaktif sebelum pengusaha-pengusaha ini resah terhadap isu pasaran. Dan sekiranya ada pihak pengusaha dibantu secara modal dan teknikal untuk membuat produk nilai tambah, isu makanan rumusan, Datuk Timbalan Speaker, yang digelar palet yang semakin dinaikkan, dinaikkan harganya oleh peruncit. Dalam tahun ini sahaja, harga RM48.00 untuk 20 kilogram kepada baru-baru ini dinaikkan kepada RM58.00, 20 kilogram. Ada ura-ura akan dinaikkan sehingga RM68.00 untuk 20 kilogram kerana ada permintaan tinggi, katanya. Ramai pengusaha ternakan ikan keli di kawasan saya menyuruh saya menyuarakan rintihan mereka di Dewan yang mulia ini agar ianya diambil perhatian.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Piai, isu halal hub, saya mendapati beberapa usaha harus dilakukan terutama sekali di peringkat keprihatinan atau keseriusan pihak penguat kuasa halal bergerak untuk memastikan bahawa semua premis makanan yang ditawarkan di negeri ini benar-benar halal terutama bekalan sembelihan halal kepada semua kedai-kedai bekalan makanan kerana baru-baru ini rakan saya yang datang dari Timur Tengah bertanya saya, adakah status halal di semua kedai di Negeri Johor ini termaktub sebagai halal? Saya tidak berani nak memberi jawapan sehingga saya dengar sendiri daripada Dewan yang mulia ini.

Last but not least, dengan izin, Datuk Timbalan Speaker, perkara yang penting yang saya kena sampaikan ialah isu dari penduduk FELDA Bukit Besar di mana baru-baru ini kontraktor SAJ telah pun melakukan *exercise* ataupun program-program membetulkan paip. Saya dikatakan, saya diberitahu bahawa kontraktor SAJ ini memang cerdik dan pandai membetul paip tetapi mereka tidak belajar nak betul jalan kerana setiap kali mereka membetul paip, mereka mengorek jalan. Akhirnya, jalan yang ditampal pecah dan ini menimbulkan kemarahan. Jadi, saya merayu supaya pihak SAJ melatih kontraktor-kontraktor SAJ ini supaya cekap membuat pembetulan paip dan juga cekap memperbaiki jalan yang dikorek kerana ini ialah isu besar daripada FELDA Bukit Besar.

Akhir sekali Datuk Speaker, dalam menghadapi kemelesetan ekonomi. kita mengharapkan pengurusan agar lebih cekap. Ia dilakukan dengan jujur, penilaian hendaklah adil, ditambah dengan harga-harga barang pengguna yang meningkat serta sikap tamak peniaga yang tidak mahu menurunkan harga. Keprihatinan kerajaan amat dikehendaki agar kita dapat mengekalkan keyakinan rakyat terhadap kita yang telah memilih kita. Rakyat dapat digerakkan untuk bersama-sama mencapai matlamat Bajet 2009, "Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat" Datuk Timbalan Speaker, Pasir Raja mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput yang lain, Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai pembuka bicara, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan keizinanNya membolehkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2009, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, pada 21 November yang lalu. Bajet 2009 bagi Negeri Johor yang bertemakan "Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat" benar-benar mencabar kebijaksanaan dan kewibawaan kita terutamanya dalam suasana dunia menghadapi iklim ekonomi dan kewangan yang kesan tempiasnya terkena kepada Negara dan Negeri Johor. Ianya juga sedikit sebanyak akan menjejaskan kesejahteraan rakyat jika kita tidak berwaspada dalam merancang menghadapi cabaran ini dengan penuh kebijaksanaan. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana Bajet tahun 2009 dirangka dalam konteks tersendiri berasaskan kepada perkembangan sosioekonomi semasa dengan iklim ekonomi yang kurang memberangsangkan di seluruh dunia terutama Amerika Syarikat dan Eropah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan keyakinan terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang terserlah menerusi pembentangan Bajet 2009. Saya yakin dan sentiasa berdoa, bajet defisit 2009 akan dapat dinikmati seluruh rakyat di Negeri Johor di samping mempersiapkan rakyat supaya bersedia berdepan dengan cabaran ekonomi global yang agak tidak menentu. Tema Bajet 2009, "Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat" adalah bersesuaian dengan situasi kini dan usaha membangunkan sosioekonomi rakyat Johor. Tema tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan permasalahan rakyat. Tidak seperti kerenah pembangkang yang hanya pandai mendesak dan menyalahkan dan menyalak tidak tentu pasal, mencari salah dan kelemahan kerajaan. Mereka ini bukan menyuarakan kehendak dan aspirasi rakyat, tetapi mereka ini tidak pun mengemukakan agenda dan langkah-langkah konkrit yang boleh dilaksanakan secara

berkesan. Itulah kerja mereka sebagai pembangkang, sarat dengan retorik sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya merasakan penjelasan terperinci dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sama ada semasa pembentangan Bajet mahupun semasa menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, meyakinkan kita bahawa komitmen yang tinggi yang ditunjukkan oleh sama ada Kerajaan Pusat mahu pun Kerajaan Negeri benar-benar untuk memastikan ekonomi Negara Malaysia ini dan terus berkembang dan membangun negara berjalan lancar seperti yang dijadualkan untuk memastikan kesejahteraan rakyat tetap terus terjamin.

Misi tradisi 'Membela Rakyat' yang merupakan slogan Kerajaan Barisan Nasional tetap menjadi keutamaan kita. Walaupun kita menghadapi cabaran kemelesetan dan kegawatan ekonomi tetapi melalui bajet tahun 2009 ini kita masih boleh menikmati kesungguhan kerajaan untuk membangunkan Negeri Johor. Hari ini, kita menyaksikan Johor telah mula melalui era pembangunan bertaraf dunia. Apabila pembinaan Bangunan Sultan Iskandar, CIQ siap dan sempurna dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku tiga hari yang lalu, yang menjadi mercu tanda Johor sebagai pintu masuk negara. Dan, Johor sedang pesat membangun terutamanya pembangunan mega bertaraf dunia yang sedang dan akan dilaksanakan di Iskandar Malaysia, yang menerima sambutan luar dugaan dari pelabur luar dan dalam sehingga mencecah RM40 bilion.

Selari dengan pembangunan yang pesat dan bertaraf dunia, kita harus dan mesti mempersiapkan masyarakat Johor khususnya masyarakat di sekitar pembangunan mega supaya mempunyai mentaliti kelas dunia, yang mempunyai perwatakan unggul dan sanggup bersaing dan mempunyai daya saing dan daya tahan dalam persaingan dunia. Kita harus bersedia dan mengambil peluang dan kesempatan di depan mata kita. Selain daripada itu, kita menyaksikan juga pelbagai rancangan telah disusun, untuk pembangunan negeri seperti yang dapat kita rujuk di dalam lampiran kepada ucapan bajet. Sejumlah besar peruntukan telah dan akan disalurkan bagi memastikan program ini dan rancangan-rancangan pembangunan untuk rakyat ini dapat terus dilaksanakan. Oleh itu, kita berkeyakinan bahawa Kerajaan Negeri Johor yang mantap, mampu membimbing rakyat Negeri Johor untuk sama-sama menghadapi cabaran krisis ekonomi yang melanda dunia.

Kepercayaan dan keyakinan ini dapat dibuktikan dan sejarah tidak dapat dibohongi akan kehebatan dan kepintaran serta ketangkasan pemimpin-pemimpin negara serta negeri, serta kalangan profesional dan pakar dalam pelbagai bidang semasa menghadapi cabaran krisis ekonomi yang melanda negara pada suatu ketika dulu pada tahun 1984 hingga 86 dan kegawatan ekonomi 1997 - 1998. Kita berjaya melepasi berbagai halangan dan masalah pada masa itu. Hari ini terbukti, kita berjaya meneruskan agenda pembangunan negara dan meneruskan misi membela rakyat sebagai teras perjuangan kita. Jaminan komitmen dan penegasan berkali-kali yang disuarakan oleh pucuk pimpinan negeri di Dewan yang mulia ini, mengenai aliran pelaburan yang mencurah di Iskandar Malaysia berjumlah RM40.2 bilion yang datangnya sejauh

Sepanyol, Belanda, Jepun, Timur Tengah dan tidak ketinggalan dari negara jiran Singapura. Di samping itu juga, keyakinan kita terhadap komitmen pelabur dari luar negara walaupun dunia menghadapi krisis kewangan di mana negara mampu menerima pelaburan besar berjumlah RM56.3 bilion bagi tempoh sepuluh bulan tahun ini sebagaimana yang dilaporkan baru-baru ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita menyambut baik langkah kerajaan menyediakan pakej rangsangan sebanyak RM7 bilion, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Parlimen baru-baru ini, yang bertujuan tidak lain dan tidak bukan untuk mengukuhkan lagi daya tahan negara dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar. Ia merupakan langkah penyaluran RM7 bilion untuk kepentingan rakyat, seperti pembinaan perumahan rakyat, menaik taraf dan membaik pulih dan menyelenggara pelbagai kemudahan seperti balai raya, Polis dan kuarters Polis dan lain-lainnya. Projek-projek kecil dan penyelenggaraan infrastruktur awam, jalan-jalan rosak sama ada di kampung dan juga balai raya dan jambatan-jambatan kecil. Pakej-pakej rangsangan ini bukan sahaja dapat mengerakkan kegiatan ekonomi malah ianya membantu kontraktor-kontraktor kecil dan sekali gus merancakkan semula industri pembinaan dalam suasana kelembapan ekonomi. Pakej rangsangan yang disediakan oleh kerajaan sebenarnya adalah melindungi Malaysia dari kesan teruk krisis kewangan dunia dan memastikan ekonomi negara terus mencatat pertumbuhan positif dalam menghadapi suasana muram dan kelembapan ekonomi dunia. Itulah sebabnya, ekonomi negara diramalkan akan terus berkembang pada kadar 3.5% pada tahun depan berbanding 5% pada tahun ini. Bagi menyemarakkan lagi kegiatan ekonomi berkembang terus, baru-baru ini Bank Negara telah menurunkan kadar faedah pinjaman BLR berkuat kuasa 1 Disember lepas sebanyak 0.25% daripada 6.75% kepada 6.5%. Dengan penurunan BLR, ianya memberi ruang dan nafas baru kepada ekonomi tempatan. Mudah-mudahan dengan itu bertambah rancak untuk kita membolehkan banyak pinjaman diberikan, untuk merangsang perniagaan dan juga pertumbuhan ekonomi di samping menambah mudah tunai dalam sistem perniagaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya hendak sentuh sedikit di sini dalam keghairahan kerajaan hendak membangun negeri dan melaksanakan pelbagai projek pembangunan dengan suntikan pelaburan dari luar dan dalam serta pakej rangsangan yang disediakan oleh kerajaan, janganlah kita mengabaikan atau memandang remeh serta acuh tak acuh sahaja apa juga rungutan yang telah kami terima sebagai Wakil Rakyat dan tanggungjawab kita untuk menyuarakan rungutan tersebut di Dewan yang mulia ini.

Bila kita bangkitkan rungutan rakyat, saya merasakan jawapan yang diberikan tidak menunjukkan satu respons yang membanggakan. Ada sebahagian daripada rungutan yang disuarakan mengenai janji-janji pemimpin telah disuarakan sepanjang satu penggal, empat tahun lebih, malah lebih lama dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Akhirnya, berlalu dan tidak ada tindakan berkesan serta tindakan susulan. Saya cuba belek-belek satu persatu, daripada lampiran yang disediakan kepada ucapan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Rintihan yang disuarakan bertahun-tahun

itu diketepikan begitu sahaja. Tumpuan pembangunan hanya pembangunan di Iskandar Malaysia dan kepada projek berimpak tinggi dan mega sahaja yang jumlahnya mencecah RM900 juta. Ini boleh kita rujuk kepada cadangan projek JKR bagi tahun 2009 kepada lampiran Bajet. Inilah rintihan akar umbi yang sangat kecewa kerana kita terlalu banyak retorik dengan janji dan jaminan kosong daripada realiti walaupun telah kami ungkit banyak kali seperti yang saya sebutkan tadi. Di mana silapnya?

Satu lagi projek yang patut saya ulangi lagi ialah pembinaan Bangunan Kelab Belia Bakri di Simpang Jeram. Ini peruntukan khas sebanyak RM300,000.00 yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, 3 tahun dulu. Entah berapa kali tender dikeluarkan dan rundingan dibuat, projek tak jalan juga. Rakyat tertunggu-tunggu mana dia janji hendak dibangunkan. Mengapa boleh jadi begitu? Apa yang telah pihak JKR lakukan? Kenapa hendak dimanipulasikan?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi ke?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Ada lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Berapa lama?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Sikit, sikit lagi. Yang Berhormat Datuk Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak ICU khususnya Jabatan Pembangunan Negeri Johor, walaupun projek-projek yang dilaksanakan di Negeri Johor ini banyak, tetapi alhamdulillah, semua projek-projek yang telah disalurkan melalui ICU ini dapat dilaksanakan dengan segera. Syabas dan tahniah kepada ICU.

Begitu juga dengan projek pembinaan Medan Informasi Desa di Kampung Ayer Hitam, Bakri yang peruntukannya diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, sudah 2 tahun terbengkalai begitu sahaja. Projek ini diawasi oleh RISDA. Harap dapat dilaksanakan segera.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana menggantikan Projek Multi Sport kepada Gelanggang Rakyat. (Dewan Ketawa). Dan insya-Allah, sebagaimana yang dijanji-janjikan pertengahan bulan ini nampaknya rombongan daripada pihak yang berkenaan dan tawaran juga akan dikeluarkan. Oleh kerana di tempat saya ada 6 projek itu akan dilaksanakan dan mudah-mudahan akan menjadi kenyataan. Kita tunggulah. Kalau tak ada, kita bangkit pada sesi yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada itu, saya nampak penyaluran maklumat tidak menepati kumpulan sasaran. Pelaksanaan program serta peruntukan yang disediakan elok dirundingkan dengan ADUN. Banyak program yang dirangka dan bajet yang disediakan oleh jabatan-jabatan bila hendak dilaksanakan tidak dirunding atau dimaklumkan kepada ADUN. Kita mahu program rakyat ini hendaklah dilibatkan sama ADUN yang berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya untuk merujuk kepada strategi kedua yang digariskan di dalam Bajet 2009 iaitu menggarap potensi sumber manusia bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan dan peningkatan akses kepada pengajaran tinggi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi ke?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Baru 10 minit Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau 10 minit, jemput duduklah Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 4 Disember 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:50 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEPULUH	KHAMIS, 4 DISEMBER 2008	BIL. 4 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim,
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai,
(Sungai Balang)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, jemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Wujudkan semula Koperasi Belia Nasional (KOBENA) di Negeri Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, Koperasi Belia Nasional Berhad atau KOBENA adalah sebuah koperasi yang berdaftar di Wilayah Persekutuan. Dan, kawasan operasinya meliputi seluruh negara kita, seluruh Malaysia. Dan, walau bagaimanapun koperasi ini pada masa ini difahamkan tidak mempunyai sebarang pejabat cawangan di Negeri Johor. Mungkin tidak ada aktiviti perniagaannya di Negeri Johor pada ketika ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ja'affar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar, diadakan penilaian kampung-kampung yang dikategorikan sebagai Anugerah Desa Cemerlang. Apakah komitmen Kerajaan Negeri pula di dalam Program Anugerah Desa Cemerlang ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor sememangnya memberikan komitmen kepada pelaksanaan Anugerah Desa Cemerlang ini. Dan, ini adalah jelas dengan merujuk kepada penubuhan Jawatankuasa itu sendiri, yang mana struktur organisasinya adalah sepertimana berikut: bagi Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Negeri, pengerusinya adalah Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, peringkat Pengarah PPN Negeri dan urus setianya adalah Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS Negeri, dan yang mana ahlinya adalah terdiri daripada Pegawai-Pegawai Daerah, Pegawai KEMAS Daerah dan juga wakil agensi KKLW dan lain-lain jabatan.

Manakala Anugerah Desa Cemerlang di peringkat daerah, pengerusinya adalah terdiri daripada Pegawai Daerah dan juga urus setianya Pegawai KEMAS Daerah serta ahlinya wakil agensi KKLW dan juga lain-lain jabatan.

Manakala proses pelaksanaan penilaian Anugerah Desa Cemerlang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat iaitu di peringkat mukim, yang kedua di peringkat daerah dan yang ketiga di peringkat negeri. Dan di samping itu, penilaian pemarkahan pula berdasarkan kepada 7 aspek – pertama, yang dinilai bagi menentukan kemenangan sesuatu kampung iaitu dari segi kepimpinan, pendidikan, ekonomi, kebersihan dan kesihatan, keceriaan dan keindahan, kerohanian dan juga sivik, teknologi maklumat. Sebagai makluman semua, Anugerah Desa Cemerlang bukanlah merupakan satu pertandingan tetapi ianya lebih kepada pengiktirafan oleh pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dan, usaha yang telah dilakukan oleh masyarakat luar bandar agar kampung-kampung ini dapat menjadi sebuah kampung yang lebih maju, menarik dan jugak menguntungkan. Tambahan pula, dengan adanya kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri, maka ianya mampu untuk menyumbangkan kepada kejayaan sebuah kampung itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas jawapan tersebut. Cuma apa yang saya ingin tahu lebih lanjut ialah berkaitan dengan Anugerah Desa Cemerlang di peringkat daerah dan di peringkat negeri. Sebelum ini, ada beberapa kampung khususnya di dalam daerah Batu Pahat yang menerima anugerah ini. Dan, hasil apa yang kita lihat apabila kampung-kampung ini contohnya Kampung Parit Tengah, Seri Merlong, Rengit; Kampung Parit Tengah dalam DUN Semarang; dan baru-baru ini Kampung Sungai Lurus, Sengarang. Apabila kampung-kampung ini diiktiraf sebagai kampung Desa Cemerlang, memang nampaklah perubahannya dari segi semangat gotong-royong, kepimpinan dan sebagainya. Cuma apa yang saya ingin dapatkan maklumat lanjut tentang komitmen agensi-agensi selepas kampung-kampung ini ditauliahkan ataupun dianugerahkan Desa Cemerlang. Adakah bantuan teknikal, khidmat nasihat diteruskan? Termasuklah peruntukan-peruntukan yang sepatutnya ada. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat DUN Senggarang kerana kampung dalam kawasan Yang Berhormat telah pun menjadi johan peringkat negeri iaitu Kampung Sungai Lurus, Batu Pahat dan telah mewakili Negeri Johor ke Pertandingan ADC di Peringkat Kebangsaan.

Dan, untuk makluman sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat DUN Senggarang, jabatan-jabatan terlibat khususnya jabatan yang di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar tidak pernah kita meninggalkan kalau sekiranya kampung itu telah pun menjadi johan dan sebagainya. Dan, insya-Allah dari segi pemantauan dan jugak dari segi peruntukan dan

sebagainya, kita akan sentiasa membuat pemantauan dan membuat susulan dan insya-Allah daripada segi JKK kampung itu sendiri, sekiranya kalau ada permasalahan untuk kita membangunkan lagi kampung itu khususnya dari segi projek-projek ekonomi dan sebagainya, boleh jugak kita memajukan permohonan-permohonan tersebut. Dan, insya-Allah kita akan berikan pertimbangan dan seterusnya mengikut apa yang diperlukan oleh keseluruhan masyarakat kampung.

Dan, yang pentingnya Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya bagi setiap kampung itu, yang pentingnya kita hendakkan kampung itu lebih menjadi maju, lebih lagi menjadi menarik dan jugak menguntungkan dan boleh boleh diikut oleh kampung-kampung yang lain. Dan, seterusnya dapat apa ni… mendatangkan pulangan yang baik dan dapat pelancong-pelancong sama ada di dalam tempatan ataupun di luar untuk datang ke kampung kita. Itu yang *target* kita untuk anugerah ini. Sebab ia yang pentingnya Yang Berhormat Dato' Speaker adalah untuk kita melihatkan gambaran bahawa permuafakatannya penduduk kampung itu untuk menjadikan kampung itu sebuah kampung yang benar-benar maju dan menarik dan menguntungkan. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Soalan tambahan. Saya ucap tahniah kepada kampung-kampung dapat anugerah. Walau bagaimanapun dari segi pemantauan, yang boleh dikatakan dilakukan pemantauan, tetapi kalau kita pergilah, kita pergi ke kampung-kampung yang pernah mendapat anugerah ini, saya yakin kecemerlangan itu tidak dapat dikekalkan. Saya nampak di kawasan saya sendiri, ada kampung cemerlang tetapi sekarang nampak tak cemerlang. Saya nak tahu berapa buah kampung yang telah dianugerahkan dan bagaimana status kampung-kampung itu? Adakah memuaskan dari segi kemajuannya dan juga dari segi peruntukan-peruntukan yang diberi, adakah memadai? Terima Kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya yang tadi saya katakan beberapa aspek maknanya 7 aspek utama yang kita nilai dari segi untuk kampung itu sendiri. Maknanya di dalam segi JKK kampung itu sendiri, kepimpinan JKK itu sendiri. Dan, sebenarnya JKKlah yang memainkan peranan di dalam kita melihatkan kemajuan sesebuah kampung itu. Sebab ialah merupakan satu titik tolak untuk kampung itu lebih maju dan permuafakatan di antara JKK dengan keseluruhan masyarakat kampung itu sendiri. Jadi sebab itu saya katakan, kalau kampung kita dah menjadi johan, dah terbaik, kita nak lagi baik daripada itu. Sebab kita ada lagi satu anugerah, selain daripada Anugerah Desa Cemerlang, kita ada Anugerah Desa Gemilang dan kemudian kita ada Anugerah Desa Terbilang, yang dua…

Y.B. Dato' Speaker : Apa anugerah apa Yang Berhormat? Terbilang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ada Anugerah Desa Cemerlang dan Gemilang. Dan, kemudian kita ada lagi untuk Terbilang. Jadi, inilah semua aspek-aspek yang perlu ada bagi setiap kampung itu untuk memajukan lagi kampung itu Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang pentingnya adalah orang kampung itu sendiri dan JKK kampung itu sendiri, selain daripada pemantauan yang dibuat oleh jabatan-jabatan dan juga apa yang diperlukan untuk kampung itu yang boleh dapat daripada jabatan ataupun agensi yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Tempat saya ada satu, Desa Cemerlang. Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Minta EXCO Agama nyatakan:

a) Nyatakan jumlah dan bentuk ajaran sesat yang telah dapat dikesan oleh Majlis Agama Islam Johor dan di kawasan manakah perkara ini berlaku?
b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh MAIJ bagi mengawal dan membendung kegiatan ajaran sesat tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan mengenal pasti 2 jenis kumpulan. Dan, ajaran meragukan yang kini masih bergerak secara aktif dalam Negeri Johor. Ajaran tersebut ialah ajaran Kumpulan Qadiani dan kumpulan bekas Al-Arqam. Kumpulan Qadiani yang bergerak di daerah Johor Bahru, manakala kumpulan bekas Al-Arqam yang sebelum ini menggunakan platform Ruffaqa Corporation telah menukar kepada Syarikat Global Ikhwan. Menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di daerah Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Segamat, Kluang dan Kota Tinggi. Kumpulan ini masih cuba menghidup, menghidupkan amalan Aurat Mahmoodiah yang difatwakan haram pada tahun 1994.

Di samping itu Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa pengamal perubatan tradisional telah dikenal pasti boleh mengeliru dan menyesatkan orang awam yang berubat dengan mereka, semasa proses perubatan dilakukan seperti mendakwa tempat-tempat tertentu adalah mustajab. Penggunaan jampi mantera yang sesat, proses menurun iaitu penggunaan jin dalam perbomohan, pemujaan kubur, busut dan seumpamanya yang berlaku di daerah Johor Bahru dan Muar.

Bagi mengawal dan membendung kegiatan ajaran sesat tersebut, pelbagai bentuk tindakan yang telah diambil oleh kerajaan.

1. Menganjurkan program-program penerangan seperti pengukuhan akidah, penjelasan penyelewengan ajaran Ashaari Mohamad dan penjelasan amalan perbomohan dan perubatan tradisional menurut Islam. Ini bertujuan bagi membasmi kesesatan tersebut, di samping membendung penularannya.

2. Mengedarkan risalah-risalah yang berkaitan.

3. Menjalankan tangkapan, siasatan dan pendakwaan ke atas kumpulan dan individu yang terbabit. Memusnahkan premis pemujaan, merampas dan memusnah bahan terbitan yang bertentangan dengan syarak dan menjalankan pemantauan secara berterusan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita pernah dengar dulu bahawa ada kes serangan Balai Polis Batu Pahat dulu disebabkan oleh apa ni, ajaran sesat. Jadi, saya ingin tahu Dato', walaupun kita ada buat macam-macam kaunseling program untuk nak memulihkan ahli-ahli kumpulan ini. Jadi, saya ingin tahu Dato' Speaker, sejauh mana kadang-kadang bila program itu, kita pergi tak sampai ke bawah, kita cari tak ahli-ahli kumpulan yang sedemikian? Kerana apa, biasanya orang yang dah sesat ni, dia rosak akidah. Akidah dia tu susah nak dikembalikan. Jadi, kumpulan-kumpulan yang banyak saya sebutkan tadi ni, sejauh mana kita turun ke bawah cari, kita daftarkan ahli-ahli dia, kita ambik perkara dia betul-betul, kemudian kita kumpulkan, kita betulkan akidah mereka semula. Kerana punca, punca yang ajaran sesat ni kebanyakannya semuanya adalah daripada hilang akidah. Jadi, sejauh mana pemantauan Jabatan Agama. Pasal Yang Berhormat cakap tadi, pemantauan, pemantauan tu sejauh mana? Sebab benda-benda ini tak dapat nak dihapuskan. Jadi apakah program-program untuk nak menghapuskan supaya tidak ada lagi ajaran-ajaran sesat yang merosakkan akidah kita umat-umat Islam. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Machap. Ya, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, Jabatan Agama sentiasa menjalankan pemantauan tentang ajaran-ajaran sesat yang bergerak di Negeri Johor, di beberapa berapa tempat yang saya nyatakan tadi. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat beberapa tangkapan yang telah kita lakukan sebenarnya, yang berkaitan dengan kumpulan bekas Al-Arqam di kawasan Johor Bahru. Tetapi masalah ajaran-ajaran sesat ini Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka bukan sahaja mengamalkan ajaran ini tetapi cuba berselindung di bawah syarikat-syarikat tertentu seperti Al-Arqam, mereka berselindung di bawah apa ni, Rufaqa ataupun sekarang ini Global Ikhwan. Jadi sebelum kita buat tangkapan sekarang kita mesti kena jelas pasti aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan supaya

jangan besok apabila kita tangkap mereka, mereka juga boleh ambil tindakan kepada kita Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang saya nyatakan tadi selain dari pemantauan, kita buat kursus-kursus, kita buat apa ni, tindakan-tindakan untuk memulihkan orang-orang ini dari semasa ke semasa melalui seminar-seminar dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Dalam tafsiran-tafsiran ajaran sesat tadi, majoriti disebutkan tentang penyelewengan akidah dan khurafat dan sebagainya. Tapi dalam Islam ada juga ajaran-ajaran sesat ini dia berpunca daripada perbuatan-perbuatan, amalan-amalan, bukan sahaja dalam masa akidah-akidah. Jadi saya ingin tahu daripada EXCO, adakah jenis-jenis amalan-amalan yang menyeleweng daripada Islam ataupun tak menyeleweng tak sepenuhnya, masih akidah Islam tapi amalan-amalan yang rasanya boleh menjerumus akhir-akhirnya kepada ajaran sesat ini. Saya beri contoh macam baru-baru ini, apa ni, amalan yoga, apa ni, penkid, *black metal* dan sebagainya, adakah ini diambil kira sebagai ajaran sesat yang kita kena pantau dan ambil tindakan, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan ajaran Almadiah Qariani sebentar tadi. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan ini sebenarnya pun telah diisytiharkan sebagai terkeluar dari ajaran Islam. Jadi kadang-kadang ada masalah juga apabila mereka dah terkeluar daripada Islam, ada masalah juga kita nak mengambil tindakan. Apa yang boleh kita buat ialah untuk menasihatkan mereka.

Berkenaan dengan kumpulan-kumpulan seperti *Black Metal* dan sebagainya ialah kita, kita mengambil langkah untuk apa tu, menasihatkan kumpulan-kumpulan ini supaya apa yang mereka lakukan itu tidak bercanggah dengan kumpulan, dengan ajaran Islam dan, dan kalau bercanggah, jabatan akan mengambil langkah-langkah untuk menasihatkan mereka supaya mereka kembali semula kepada ajaran Islam yang sebenar.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Benut.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, berbalik kepada soal yoga Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah Majlis Agama Islam Johor ini akan mewartakan fatwa berkenaan yoga. Dan sekiranya kita berbuat sedemikian, orang Islam yang juga masih lagi mengikuti yoga setelah diwartakan, adakah itu dikategorikan sebagai terlibat dengan kegiatan ajaran sesat? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Benut, Jawatankuasa Majlis Fatwa baru sahaja bersidang pada 3 hari bulan yang lalu, dan memutuskan bahawa apa ni, yoga inilah, tidak seharusnya diamalkan oleh orang-orang Islam.

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat? Tak dengar sangat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tidak boleh diamalkan oleh orang-orang Islamlah. Makna tidak, sama seperti fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang telah diumumkan. Jadi tak boleh kerana dia ada unsur-unsur yang bukan Islam. Jadi, dan pihak Jabatan Agama Johor akan mengambil langkah untuk mewartakan fatwa ini dalam masa yang terdekat ini, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, jemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Segerakan pembukaan Stesen Gas NGV di stesen minyak Petronas khasnya di Daerah Kulaijaya yang telah siap dibina bagi kemudahan semua pemandu-pemandu teksi dan juga kenderaan lain yang menggunakan Gas NGV.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Selamat pagi dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker. Stesen-stesen minyak yang turut membekalkan gas NGV dibuka untuk memastikan pengguna-pengguna kenderaan yang menggunakan gas NGV dapat menikmati kemudahan yang dibekalkan di kawasan mereka. Dan untuk makluman sahabat saya Yang Berhormat Bukit Permai, stesen minyak Petronas yang membekalkan gas NGV di daerah Kulaijaya dijangka akan dibuka selewat-lewatnya pada Mei 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, lagi 6 bulanlah eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya, tak lama lagilah.

Y.B. Dato' Speaker : Lama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Dan pihak Petronas juga memaklumkan akan buka lagi 2 stesen minyak miliki mereka yang membekalkan gas NGV. Satu di laluan Kulaijaya ke Kota Tinggi dan yang kedua di Bandar Baru Ayer Hitam, dan di laluan Kulaijaya – Kota Tinggi itu juga akan dibuka pada April tahun 2009 dan di Bandar Baru Ayer Hitam telah pun beroperasi. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Saya kasi sana dulu.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya juga ingin tahu apakah jenis stesen gas yang telah dibina di Kulaijaya sama ada *mother station* atau *daughter station* dengan izin, untuk menampung keperluan para pengguna yang bertambah setiap hari.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Stesen yang akan dibina itu seperti biasa, ada kemudahan untuk minyak dan juga NGV. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya di, bukan sahaja stesen ini akan dibuka di Kulaijaya. Kami telah pun berbincang dengan pihak Petronas untuk makluman tambahanlah, kalau di Negeri Johor ini kita minta supaya, sementara ini ada 14, kita harap dalam 5 tahun lagi akan membina lagi 25 stesen untuk menampung, bukan setakat di Kulaijaya tetapi di keseluruhan Negeri Johor. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Dato' Speaker, ini soalan tambahan. Kerajaan menggalakkan penggunaan gas ini kerana apa dia lebih mesra alam, banyak apa, dia punya apa, apa, alam sekitar dia baiklah Dato' Speaker. Jadi saya dengar perkara ini dah lama Dato' Speaker, masalahnya yang kita hadapi adalah kerana kekurangan, kekurangan stesen-stesen menjual gas ini, semua di seluruh negara. Jadi saya nak tahulah ini untuk maklumat, fasal apa buat stesen gas ini mahal sangat ke, tak nak orang buat ke atau macam mana tu Dato' Speaker, sebab apa yang ada cuma Petronas, yang apa syarikat-syarikat minyak yang lain tu, tak ada pun orang apa menjurus, saya takut saya rasa benda ni mahal sangat ke, syarikat minyak ini nak untung saja. Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, memang benarlah di seluruh negara baru kita dapat hampir 100, sekarang cuma 98 stesen yang membekalkan NGV dan di Johor saja cuma 14 stesen. Kami telah pun dapat makluman, sebenarnya kerajaan minta, benar memang cuma Petronas sahaja yang mendirikan stesen yang membekalkan NGV kerana pelaburan itu begitu mahal sebenarnya. Stesen lain memang tak berapa minat untuk membinalah sebenarnya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Maka selain daripada, kita harap selain daripada pihak Petronas kita galakkan supaya stesen-stesen yang lain juga turut serta dalam untuk kita membina stesen minyak yang ada membekalkan NGV. Lagi pun setakat 98 ini, kami juga *target* supaya sepanjang lebuh raya, sebenarnya kalau, kalau dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur ataupun ke Pulau Pinang, sepanjang

lebuh raya pun kita harap ada program dia, untuk dia mendirikan stesen yang dapat membekalkan NGV. Ini dalam perhatian kerajaan, maka saya harap misalnya di dalam 5 tahun ini akan membina 25.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia punya tong gas tu mahal tak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Memang, untuk saluran paip gas dan sebagainya memang makan kos yang besar.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan tong yang gas yang orang letakkan dekat belakang tu mahal eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Itu masih mampu untuk mereka pasang tapi pelaburan untuk mengadakan gas di stesen itu memang mahal untuk, maka kita ambil, ambil langkah yang tertentu untuk mengatasi perkara ini, sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat ini, oklah saya nak dengar apa dia?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Ini kalau saya lihat permintaan gas NGV ini begitu baik sekalilah, kalau kita tengok di stesen-stesen minyak yang mempunyai gas NGV ini, teksi berderet-deret, jadi permintaan dia bagus. Soalan saya, apabila permintaan dah bagus, stesen ini dah pun diletakkan untuk operasi NGV, kenapa lama sangat beliau untuk menjalankan operasi minyak NGV ini. Tadi soalan saya pun, terfikir juga bila Yang Berhormat Dato' Speaker ingat 2009? Bulan 5 sedangkan tempat ini dah siap dah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ada NGV?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak ada.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Saya tak ada apa-apa.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tauke Petronas eh.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Tak, saya Yang Berhormat ADUN Nusajaya.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah betullah, merangkap Ketua Stesen Minyak Petronas, itu yang tak boleh tu merangkap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Tidak Yang Berhormat, saya …

Y.B. Dato' Speaker : Kalau ikutkan tak boleh Yang Berhormat, hal stesen tak boleh cakap cerita ini, ada berkaitan dengan Yang Berhormat punya masalah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Tapi sekarang saya…

Y.B. Dato' Speaker : Dah tercakap saya diam sajalah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Tak, saya ADUN Nusa Jaya.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah Yang Berhormat, panjang lagi.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusa Jaya) : Itu soalan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, ok, ok, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nampak ada 2 soalanlah. Yang pertama, tentang stesen di Kulaijaya ini memang dah siap dan pada awalnya dijangka akan beroperasi pada bulan November, tetapi syarikat minta supaya masa itu lebih selamat sebut Mei 2009. Tetapi akan kita pastikan supaya lebih cepat lagilah kalau dia boleh beroperasi, kita akan maklumkan kepada orang awam.

Dan saya lihat di Kluang sendiri pun, di Bandar Kluang, ada satu stesen yang membekalkan NGV. Lepas pembukaan stesen NGV di Bandar Baru Ayer Hitam ini, mula-mula sesak memang, memang banyak kereta tunggu untuk mengisi NGV tetapi lepas apa ni, Bandar Baru Ayer Hitam dibuka satu stesen NGV, *I* tiap-tiap hari saya lepas sana memang ada kuranglah, kereta sudah lebih selesalah, mereka tak payah tunggu lama sangat. Maka ini perancang kami di, di pihak kerajaan supaya stesen yang didirikan untuk harus berstrategik supaya tak, orang tak tunggu lama sangat. Itu perancangan pihak kerajaan dan juga pihak Petronas. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Lesen Premis Perniagaan : Pindaan kepada Seksyen 102(S) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

a. Menurut Hansard Parlimen, Kementerian Kerajaan Tempatan telah memberikan arahan bahawa cuma 150 perniagaan yang dimaksudkan di bawah Seksyen 102(S) Akta Kerajaan Tempatan 1976?

b. Apakah maksudnya "perniagaan sensitif" yang dikatakan deposit perlesenan oleh MBJB dan MPJBT? Apakah pertimbangan yang diambil kira semasa sesuatu perniagaan tertentu dikatakan "sensitif". Senaraikan

jenis perniagaan dengan sebab-sebabnya perniagaan yang dikatakan "sensitif" tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan soalan perniagaan sensitif dan lesen yang dikeluarkan dan juga deposit perlesenan, perniagaan sensitif untuk Bandaraya dan juga MPJBT yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai. Ingin saya maklumkan bahawa mengikut Seksyen 102 (S) Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 memberi kuasa kepada mana-mana pihak PBT untuk mengadakan Undang-Undang Kecil yang dipanggil Undang-Undang Kecil *Trade* Perniagaan dan Perindustrian. Undang-Undang Kecil ini Dato' Speaker, menggariskan proses-proses dan syarat-syarat perlesenan, aktiviti perniagaan dan industri agar tidak menimbulkan masalah kacau ganggu kepada orang ramai.

Berkaitan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat atas 150 jenis perniagaan sebagaimana katanya, menurut Hansard Parlimen yang melibatkan kacau ganggu, pihak KPKT telah pun memaklumkan kepada Kerajaan Negeri bahawa tiada pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh KPKT mengenainya.

KPKT telah mengeluarkan Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit pada tahun ini, iaitu Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2008. KPKT mengeluarkan garis panduan ini antara lain menyenaraikan antara lain isi kandungan pekeliling ini ialah menyenaraikan contoh aktiviti perniagaan yang tidak berisiko tinggi iaitu misalannya tidak menimbulkan kacau ganggu, tidak sensitif, yang boleh diberikan kelulusan secara segera misalannya seperti kedai menjual pakaian, kedai roti dan restoran. Dan, di dalam pekeliling juga, dinyatakan 122 jenis perniagaan. Daripada jumlah ini terdapat 74 jenis perniagaan yang tidak berisiko tinggi dan 48 jenis perniagaan yang berisiko tinggi. Yang berisiko tinggi ini misalannya seperti kerja-kerja kimpalan, premis mengumpul dan menyimpan barangan lusuh, terpakai dan stesen minyak.

Perniagaan sensitif dalam istilah perlesenan pihak PBT, Pihak Berkuasa Tempatan bermaksud, aktiviti-aktiviti perniagaan ataupun *trade* yang boleh menimbulkan kacau ganggu atau perkara yang kurang sihat berdasarkan laporan atau aduan yang diterima daripada orang awam dan juga pandangan-pandangan agensi kerajaan seperti Jabatan Kastam, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Agama, Pejabat Daerah, Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan Imigresen.

Dalam proses PBT mengeluarkan lesen sesuatu perniagaan yang dikategorikan sensitif oleh pihak PBT, pertimbangan-pertimbangan yang perlu diambil kira antaranya ialah, adakah jenis perniagaan itu pernah mendapat aduan atau menimbulkan kacau ganggu serta ketidakselesaan kepada penduduk, premis perniagaan sedia ada dan juga kawasan-kawasan yang sekitar dengannya. Dan juga, ulasan-ulasan daripada jabatan-jabatan yang saya sebutkan tadi, termasuk juga Bomba dan Penyelamat dan juga Jabatan Kerja Raya iaitu jabatan-jabatan teknikal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga kini tidak ada apa-apa deposit yang dipungut oleh Johor Bahru Tengah atas perniagaan yang dipanggil perniagaan

sensitif ini. Walaupun Bandaraya mula memungut deposit atas perniagaan yang sensitif ini bermula tahun 2007 tetapi Bandaraya juga telah memberhentikan pungutan deposit ini termasuk juga peniaga-peniaga yang baru hendaklah diberhentikan pungutan deposit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sini saya ada satu salinan *Hansard* Parlimen Dewan Rakyat pada 21 bulan 8 tahun 1995. Jawapan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu adalah selain daripada aktiviti-aktiviti yang mendatangkan kacau bilau saja boleh dikenakan lesen-lesen sebegitu. Sebenarnya, dalam Akta Kerajaan Tempatan dah ada definisi untuk perniagaan sensitif. Oleh itu, kecuali boleh dibuktikan perniagaan itu mendatangkan kacau bilau, sumbangnya kebisingan, pencemaran, kekotoran dan sebagainya baru boleh dikenakan lesen-lesen ada premium. Adakah pada pandangan Yang Berhormat Pengerusi, tindakan untuk mengenakan deposit perniagaan sensitif itu adalah salah di sisi undang-undang khasnya di bawah Akta Kerajaan Tempatan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya ada sebutkan di bawah Akta 171, memberi kuasa kepada PBT untuk mengadakan Undang-Undang Kecil *Trade* dan Perniagaan ini bagi menentukan jenis perniagaan yang dianggap memberi kacau ganggu bukan kacau bilau. (Dewan ketawa). Eh, kacau ganggu, tak apalah itu biasa, kita sesama manusia.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa ketawa tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kadang-kadang buat silap. *It's* oklah, *it's ok*. Kacau ganggu bukan kacau bilau.

Y.B. Dato' Speaker : Ni, orang perempuan ketawa tadi, eh, ha, ini baru nak…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Dia tertarik dengan…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, bukan ini**…**

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kacaknya ADUN Skudai.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan ataupun Yang Berhormat, yang tu…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Buat pembetulan sikit, kacau ganggu.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ok, ok, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, jadi, yang ketawa tadi, kacau ganggulah. (Dewan ketawa). Oklah, dia tak jawab.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kacau bilau.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kacau bilau.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat, belum habis dia jawab, Yang Berhormat ha'ah…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Jadi, dan setiap apa ini, PBT, dia berhak membuat peraturan seumpama itu mengikut Akta 171, di bawah Undang-Undang Kecil yang dipanggil Undang-Undang Kecil *Trade* Perniagaan dan Perindustrian ini. Dan, Undang-undang Kecil ini menggariskan proses dan syarat-syarat perlesenan aktiviti perniagaan dan industri itu, pokoknya, agar macam yang dibangkitkan oleh ADUN, ADUN Skudailah, tidak menimbulkan antaranya ialah masalah kacau ganggu kepada *tax paid*, kepada pembayar cukailah, kepada penduduk, ok. Dan, jenisnya, kalau saya boleh ambil contoh sikitlah, eh, ini yang ditakrifkan oleh Bandaraya Johor Bahru, jenis-jenis perniagaan yang dikatakan sensitif ini. Tadi, saya dah sebut barang lusuh atau terpakai, peminjam wang pun, Bandaraya kata, boleh menimbulkan kacau ganggu ialah tekanan emosi, eh. Kedai emas, pun kacau ganggu, agensi nombor ramalan, ini lagi kacau ganggu ni. Hotel, hotel tengok keadaan hotellah, rumah tumpangan, refleksologi, ini kena tanya Jawatankuasa yang berkenaan eh, Pusat Urutan Tradisional, mungkin salah guna pusat. Pusat Kesihatan Jasmani, Kilang Percetakan, *air pollution*, menjual VCD, CD, pita video mungkin yang *pirate*. Agensi Pengawal Keselamatan, cyber café, Pusat Internet, ini banyak soalan daripada ADUN kita. Pusat servis kenderaan, Spa dan dia ada *obligue* persolekan, cuci kenderaan, pusat hiburan keluarga, karaoke, kelab malam, *lounge*, *pub*, *bar* dan café. Ini, ikut takrifan Bandarayalah untuk Bandaraya. Johor Bahru Tengah tak ada, dia tak ada deposit dan dalam Undang-Undang Kecil dia pun, dia tak buat, *provision*, untuk apa ini, mengistilahkan perniagaan yang dipanggil sensitif ni.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, Stulang.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Ok, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Ok, di bawah kawasan MBJB, ada berapa jumlah lesen premis perniagaan yang diklasifikasikan sebagai lesen sensitif, sebab saya dimaklumkan ada jumlah…

Y.B. Dato' Speaker : Ini, ini soalan baru, Yang Berhormat tanya jumlah?

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Jumlah ok.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan yang pertama dia tak tanya jumlah?

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Ha?

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh datangkan soalan baru.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Sebab tadi, ada di sini ada…

Y.B. Dato' Speaker : Itu lainlah, jangan cakap ini berapakah, makna dia tak ada, tak boleh eh, tak ikut soalan asal. *So* asal dia tak tanya jumlah, ok. Ha, Yong Peng, Yang Berhormat tadi ketawa eh? Ketawalah lagi ni, ni jawapan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Adakah kenderaan-kenderaan yang dijual di rumah kediaman, khasnya di Johor Bahru dianggap sebagai perniagaan sensitif? Kenderaan-kenderaan…

Y.B. Dato' Speaker : Tak tahu yang ini termasuk ini, jual kat rumah-rumah eh?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jual baru ataupun terpakai, yang dijual di rumah kediaman sebab rumah kediaman itu di tepi jalankan, tapi dianggap tempat yang sesuai, untuk, pada merekalah, pada penjual yang sesuai untuk dijual kereta.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ini Yang Berhormat, Yang Berhormat nak jawab?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Adakah itu di kategori perniagaan sensitif?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam senarai Johor Bahru, Bandaraya, cuci kenderaan ada, tapi tempat *second hand car dealer*, dengan izin, di dalam kawasan kediaman, tidak ada.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Mana?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Sini. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak ada nampaklah, *sorrylah*. Banyak kali tak nampak, lain, Permas, ha, oklah. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya mohon kebenaran Dato' Speaker, supaya dari esok saya gunakan kot yang lebih cerah lagi. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, saya, bukan kot, muka pun mahu cerah, ha. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Itu tak boleh buat apalah. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Dato' Speaker, nampaknya daripada jawapan EXCO tadi, kita telah faham bahawa klasifikasi perniagaan sensitif ini berbeza antara satu PBT, di satu PBT tu. Dan, bagi Johor Bahru, beliau telah menyenaraikan beberapa kategori perniagaan yang dikatakan perniagaan sensitif termasuk juga *cyber café*. Oleh itu, adakah cadangan bagi PBT ataupun Majlis Perbandaran Johor Bahru supaya *cyber café* yang beroperasi di taman-taman perumahan terutamanya berdekat dengan sekolah-sekolah itu di, tidak dibenarkan lagi? Dan, garis panduan baru disediakan bagi perniagaan, projek perniagaan sensitif seperti *cyber café* ni. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah tengok secara keseluruhannya dan didapati memang ada kebenaranlah, apa yang dibangkitkan oleh ADUN yang berkenaan. Maka, saya telah minta supaya Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian *Local Government*, untuk melihat secara keseluruhan, seluruh Negeri Johor, semua PBT, berkenaan dengan lesen perniagaan sensitif ini. Dan, kita akan lihat semula, tengok secara keseluruhannya dan cuba akan memberikan dasar yang lebih mendatangkan situasi menang-menanglah, bukan sahaja kepada PBT tetapi juga kepada peniaga khususnya memandangkan bahawa masa yang hendak kita lalu ni, dunia perniagaan akan menjadi lebih mencabar lagi dalam keadaan kewangan dunia yang makin tertekan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman, jemput.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Pelajaran.

a. Berapa ramaikah jumlah penganggur di negeri ini mengikut kategori siswazah dan bukan siswazah?

b. Apakah program-program yang telah kerajaan laksanakan untuk siswazah-siswazah menganggur di Negeri Johor?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

a. Adakah kerajaan berusaha mencari penganggur-penganggur di seluruh pelosok negeri? Jika ada, berapa ramai penganggur yang telah berjaya dikesan sehingga 31 Oktober 2008?

b. Berapa ramaikah penganggur yang dikesan oleh kerajaan telah memperoleh pekerjaan tetap?

c. Apakah usaha-usaha kerajaan untuk menangani tindakan sektor membuang atau memberhentikan pekerja-pekerja berikutan kelembapan ekonomi yang dialami sekarang? d) Berapa ramai pekerja-pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan sehingga 31 Oktober 2008?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Salam sejahtera dan salam perpaduan, Yang Berhormat Dato' Speaker. Antara fungsi Jabatan Tenaga Kerja seperti yang saya sebutkan sebelum ini, bukan sahaja merujuk kepada pencari-pencari kerja tetapi termasuk juga kepada para penganggur yang terdiri daripada siswazah dan juga bukan siswazah. Mereka ni boleh mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan melalui *JobMalaysia* secara *online* ataupun dapatkannya daripada Karnival Pekerjaan peringkat negeri ataupun peringkat daerah, mini-mini karnival.

Untuk makluman Yang Berhormat kawasan Puteri Wangsa dan juga ADUN Tangkak, pencari kerja baru yang berdaftar dengan *JobMalaysia online* sehingga 31 Oktober 2008 adalah seramai 10,934 orang. Dan, dari jumlah berkenaan seramai 6,778 orang adalah siswazah manakala bakinya seramai 4,156 orang adalah dari pendaftar bukan siswazah. Daripada jumlah tersebut terdapat seramai 683 orang telah ditempatkan atau memperolehi pekerjaan di pelbagai sektor melalui *JobMalaysia online*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan amat prihatin di atas situasi mengenai siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan sebagaimana yang dibangkitkan oleh kedua-dua ADUN tadi. Untuk itu, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan.

Antaranya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat dalam Bajet 2009, untuk perancangan tahun 2009, graduan melalui PUSPATRI, *Johor Skill Development Centre*, dengan izin, kita *target* seramai 100 orang akan diberi latihan bagi graduan di seluruh Negeri Johor pada sepanjang tahun untuk tahun 2009. Dan kalau kita tengok dalam, satu lagi program di bawah Iskandar Malaysia yang berbunyi begini iaitu *Graduate Employability Enhancement Programmed*, dengan izin, *GREEN Programmed, GREEN Program*med ini Yang Berhormat Dato' Speaker, dia mensyaratkan bahawa graduan warganegara Malaysia yang mempunyai Ijazah yang diiktiraf tetapi masih menganggur boleh mohon menyertai dalam program ini dan pemohon mestilah berumur di bawah 27 tahun pada 31 Disember 2008. Pemohon yang memiliki Ijazah Sarjana dan ke atas, tidak layak memohon. Jadi, ini Ijazah Sarjana Mudalah. Pemohon adalah sanggup untuk menjalani latihan praktikal di mana-mana organisasi yang akan ditetapkan.

Pemohon dibenarkan untuk mengemukakan satu borang permohonan sahaja. Jadi, tempoh program ini adalah untuk selama 12 bulan di mana peserta yang berjaya akan menjalani latihan formal dalam kelas selama dua bulan dan latihan praktikal dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan selama 10 bulan.

Dan mereka-mereka ini juga akan dibayar elaun. Elaun bulanan iaitu sebanyak RM1,000.00 sebulan. Jadi, ini adalah program, *GREEN Programmed* di bawah Iskandar Malaysia yang khusus untuk graduan-graduan yang menganggur. Jadi, sebagai permulaan baru-baru ini, pihak IRDA telah mengambil 250 orang pekerja, peserta yang mana kini menjalani program ini di Desaru, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga ada skim-skim yang tertentu khusus untuk siswazah-siswazah yang menganggur yang ingin menceburi dalam bidang perniagaan dan perkhidmatan di mana antara langkah-langkah yang diambil adalah Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB). Tabung Ekonomi Belia ini telah ditubuhkan pada tahun 1987 dengan matlamat untuk menyediakan pembiayaan kepada golongan belia termasuk graduan yang menjalankan usaha berniaga dalam pelbagai bidang. Mereka ini akan ditawarkan pinjaman dari RM5,000.00 hingga RM50,000.00 dengan syarat-syarat tertentu.

Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, yang merupakan badan Nasional Pembangunan Usahawan Bumiputera.

Satu skim yang dinamakan sebagai Skim PROSPER Siswazah telah diwujudkan dengan tujuan untuk menyediakan kemahiran dan pengetahuan kepada graduan Bumiputera untuk menceburi bidang perniagaan. PROSPER Siswazah ini menyediakan pembiayaan antara RM5,000.00 hingga maksimum sebanyak RM100,000.00 dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk membantu graduan di dalam bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun, saya suka mencadangkan agar graduan-graduan ini bertindak proaktif dengan menjadi ahli kepada Persatuan-Persatuan Graduan Malaysia yang akan membantu mewujudkan rangkaian perniagaan bagi mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan lebih berfaedah lagi.

Menyentuh tentang pemberhentian pekerja, Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah berusaha mendapatkan pekerjaan setiap pekerja sama ada siswazah ataupun bukan siswazah mengharapkan untuk dapat kekal meneruskan pekerjaan bagi menampung kehidupan diri dan keluarga. Walau bagaimanapun, langit tidak selalu cerah, Yang Berhormat Dato' Speaker. Bila timbul keadaan kemelesetan ekonomi atau sebab-sebab lain, perkhidmatan seseorang pekerja di sesebuah syarikat akan terpaksa ditamatkan. Menyedari kegelisahan pekerja yang mungkin akan kehilangan pekerjaan, maka Jabatan Tenaga Kerja telah mewujudkan garis panduan pemberhentian pekerja untuk memberi pengetahuan mengenai langkah-langkah dan tindakan yang dilakukan bagi menangani masalah ini. Majikan berkenaan hendaklah memastikan bahawa hak-hak pekerja dipatuhi manakala pekerja-pekerja yang dibuang kerja boleh memperolehi pekerjaan melalui *JobsMalaysia Online*.

Jabatan ini juga Yang Berhormat Dato' Speaker, akan turut memastikan bahawa setiap majikan dari luar negara, kadang-kadang mereka dari luar

negara kurang faham tentang syarat-syarat dan peraturan-peraturan negara kita. Jadi, mereka juga diberi pengetahuan tentang Undang-Undang Perburuhan apabila mereka melabur di negeri ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi, setakat, setakat 31 Oktober 2008, bilangan syarikat yang menutup, menutup urusan mereka sebanyak 4, bilangan syarikat yang mengurangkan pekerja sebanyak 7 dan jumlah setakat 31 Oktober 2008, bilangan syarikat yang menutup syarikat mereka daripada 1 Januari 2008 hingga 31 Oktober 2008 adalah 28 syarikat dan bilangan syarikat yang mengurangkan pekerja adalah sebanyak 30 syarikat. Bilangan pekerja yang diberhentikan pula, bilangan pekerja tempatan yang diberhentikan setakat ini ialah seramai 1,241 orang. Kalau kita banding dengan jumlah tahun 2007, tahun 2007, selama 12 bulan seramai 4,104 orang telah diberhentikan. Jadi, berbanding dengan tahun 2007, 1,241 merupakan masih bilangan yang kecil. Pekerja asing pula, pekerja asing yang diberhentikan sepanjang tahun 2007 adalah 176. Tetapi, bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Oktober 2008, seramai 662 pekerja asing telah diberhentikan. Dan untuk makluman juga, mereka-mereka juga telah dibayar pampasan sepertimana mengikut Undang-Undang Perburuhan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, apa jua langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan, ianya adalah untuk memastikan bahawa kebajikan pekerja terpelihara dan kepentingan majikan juga terjaga. Dan kita juga bertujuan untuk menjalin suasana perhubungan perusahaan yang harmoni bagi menjayakan pembangunan negara dan negeri kita. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Permas.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Daripada jumlah yang dinyatakan, 10,934 penganggur yang ada antara siswazah dan bukan siswazah. 6,078 siswazah manakala 4,156 bukan siswazah. Dan jumlah yang telah mendapat pekerjaan seramai 683 orang. Lebih kurang 7%. Ini tahun 2007. Ya, tahun 2007 dan 2008. Jadi, sekarang ini kita menghadapi keadaan ekonomi yang tidak stabil dan semalam pun dah dinyatakan bahawa lebih kurang 400 orang telah diberhentikan kerja. Tak tahu sama ada dah termasuk 1,241 orang. Saya nak tahu jumlah keseluruhan persediaan awal untuk kita menghadapi *recession*, kerana ini akan bertambah. Penganggur akan bertambah. Jadi, langkah-langkah ini perlu diambil oleh mungkin pihak Jabatan Tenaga Kerja ataupun bagaimanakah mekanisme untuk kita mengatasi masalah penambahan pembuangan pekerja dan pengangguran pada masa akan datang? Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam masa kemungkinanlah untuk menghadapi bahawa penambahan dari segi pencari-pencari kerja dan juga pengangguran. Sepertimana saya sebut sebelum ini bahawa memang ada pekerjaan kosong yang masih wujud. Di negara kita, Malaysia sebenarnya, saya rasa belum begitu dikongkong dengan kegawatan ekonomi, setakat inilah. Oleh kerana kalau kita tengok kita masih ada pekerjaan kosong yang banyak. Dan sepertimana saya biasa sebutlah dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mintalah kalau boleh Ahli-Ahli Dewan dan juga kepada orang ramai di luar bahawa kita, pencari-pencari kerja ini cuba rujuk ke Laman Web Rasmi Kementerian Sumber Manusia iaitu di mana dalam, dalam laman web tersebut, semua maklumat mengenai peluang-peluang kerja sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, malam tadi saya ada *print* dia punya…dia punya *website*nya di mana ianya mempunyai maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang pekerjaan, syarikat-syarikat yang menawarkan pekerjaan termasuklah siswazah, bukan siswazah, pekerja am rendah, sampai buruh-buruh yang menawarkan kerja-kerja yang paling kecil sekali pun ada ditawarkan di situ. Jadi, dalam keadaan ini sepertimana saya sebut tadi, pencari-pencari kerja ini kena lebih proaktif.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, kadang-kadang katalah kita nak cakap, ha saya hendak rujuk melalui *website* ini saya kena pergi internet kafe, saya kena melaman melalui komputer. Ini sekarang disediakan SMS. Pihak Kementerian Sumber Manusia menyediakan kemudahan SMS iaitu kita taip ELX dan MENU, ELXMENU, dan hantar kepada 32255. Saya rasa semua orang memiliki *handphone*. Jadi, dengan demikian, saya sendiri sudah cuba menggunakan SMS ini di mana pihak, pihak KSN minta IC nombor dan apa jenis kerja yang mereka hendak cari dan apa kelayakan yang mereka ada. Mereka isi dalam SMS tersebut, maka maklumat lanjut akan dihantar balik melalui SMS juga. Ini, ini, saya bagi contoh sahaja. Dan, *website* ini juga mempunyai akses melalui PDA. Sekarang kita semua boleh akses melalui *handphone* kita juga kepada *website*. Dan juga kita juga ada pelbagai-pelbagai maklumat yang ada termasuk untuk menjawab soalan Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa tadi bahawa peluang-peluang pekerjaan banyak ditawarkan melalui *JobsMalaysia* ini. Gunakan kemudahan yang sebaik mungkin. Tapi, saya rasa dari segi penyediaan kerajaan, sebelum kita nak sedia sekarang, masih ada tawaran pekerjaan. Jadi, gunakan kesempatan itu sebaik mungkin.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, *last* Pemanis.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau biasa kita nampak siswazah yang tamat pengajian itu. Kalau mereka tidak dapat sesuaikan atau sedia untuk praktikal dalam pekerjaan, memang menjadi satu masalah. Di mana saya membaca ada syarikat *Headhunter* yang melaporkan standard siswazah tidak memenuhi pasaran pekerjaan. Sebab itu saya nak tahu apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti dan juga standard siswazah yang hendak masuk ke dalam pasaran pekerjaan ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini mengenai latihan kemahiran dan juga persediaan siswazah-siswazah menghadapi suasana, suasana yang terkini. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tadi telah sebut bahawa pihak IRDA telah menyediakan peluang-peluang latihan untuk graduan-graduan. Graduan-graduan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, graduan-graduan diambil ini adalah graduan-graduan yang tidak dapat pekerjaan sesuai dengan kelulusan mereka. Jadi, mereka ini ditawarkan dalam bidang-bidang ekonomi yang bakal diwujudkan di IRDA, selain daripada yang melibatkan kelulusan, sebagai contoh, Perbankan dan Kewangan, Logistik, Pelancongan, Perniagaan Asas Tani, Pendidikan Sumber Manusia, Bioteknologi, Petroleum, Gas dan Petrokimia, Perniagaan Perbekalan, ICT dan Telekomunikasi, Aero Angkasa dan Pertahanan, Automotif dan juga Elektronik Elektrikal. Sebagai contoh, katalah siswazah ini tidak terlibat dalam industri yang saya sebutkan tadi, tetapi melalui Skim Latihan yang saya sebut tadi, jadi melalui skim latihan tersebut, mereka ini diberi peluang dalam bidang yang bukan mereka lulus. Jadi, inilah persediaan ataupun rancangan kerajaan untuk memberi pendedahan kepada siswazah-siswazah yang tidak lulus dalam bidang yang mereka nak cari kerja. Dan juga, kita juga ada menyediakan, kerajaan juga ada menyediakan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad Cawangan Johor (PSMB), Yang Berhormat Dato' Speaker. Melalui ini, untuk tahun 2009 kita telah *target* untuk 1,200 pelatih dengan peruntukan kewangan sebanyak RM3.2 juta. Melalui peruntukan ini, mereka juga, kalau mereka diberhentikan kerja sebagai contoh, mereka akan diberi latihan supaya mereka ini dapat diserap kepada lain-lain bidang yang mana mereka tidak mempunyai kemahiran berkenaan. Ok, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, jemput.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 8.

Penghakisan pantai dari Pantai Pontian hingga ke Tanjung Piai yang semakin kritikal, apakah langkah kerajaan untuk memulihkan keadaan yang serius ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Pantai di daerah Pontian dari tembok laut ke Tanjung Piai adalah sepanjang 68 km, manakala panjang pantai dari Bandar Pontion ke Tanjung Piai adalah sepanjang 40 kilometer. Langkah-langkah pengawalan hakisan yang telah dijalankan sejak 2003 di daerah Pontian iaitu dari Bandar Pontian ke Tanjung Piai adalah seperti berikut :

1. Memasang *geotube* dengan izin pengawalan hakisan pantai Tanjung Piai, Fasa 1 dibuat pada tahun 2003 sepanjang 200 meter.

2. Memasang *geotube* juga dengan izin, pengawalan hakisan pantai Tanjung Piai, Fasa 2 pada tahun 2005 sepanjang 400 meter.

3. Memasang *geotube* juga pengawalan hakisan pantai Tanjung Piai Fasa 3, sepanjang 900 meter pada tahun 2006.

4. Memasang *seawall* dengan izin iaitu *wellguard* dengan izin di benteng pantai Tanjung Piai sepanjang 123 pada tahun 2006.

5. Meninggikan benteng batu petak laut Sungai Rambah, Pontian sepanjang 100 meter pada tahun 2006.

6. Membaiki benteng batu dipetak laut Sungai Buntu, Mukim Air Masin Pontian, sepanjang 50 meter pada tahun 2006.

7. Memasang *seawall* dengan izin iaitu *wellguard* dengan izin di kuala Sungai Masjid, Rimba Terjun sepanjang 80 meter pada 2006.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain kerja-kerja pengawalan hakisan tersebut, JPS juga dalam cadangan menjalankan suatu kajian struktur kawalan hakisan pantai Tanjung Piai. Cadangan pelantikan perunding tersebut adalah untuk mengenal pasti sebab-sebab terjadinya hakisan di Tanjung Piai dan seterusnya mencadangkan kaedah yang paling sesuai untuk menangani masalah hakisan pantai. Taklimat dan lawatan tapak telah diadakan pada 17 Oktober, 2008 untuk membincangkan skop kerja, berapa agensi dijemput hadir untuk mendapatkan maklum balas agensi yang terlibat adalah Pelabuhan Tanjung Pelepas, Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, Perbadanan Taman Negara Johor, JPS daerah dan juga JPS ibu pejabat Kuala Lumpur. Di samping itu, JPS juga melaksanakan kerja-kerja pengawalan hakisan secara berperingkat dan kerja-kerja pembaikan struktur pengawalan hakisan bagi membaik pulih struktur-struktur yang telah dibina.

Yang Berhormat Dato' Speaker berikut adalah kerja-kerja pembaikan sepanjang tahun 2007. Kerja-kerja pengawalan hakisan pantai dengan menggunakan benteng batu di Kuala Sungai Pontian Besar yang telah siap sepanjang 1,520 meter dengan kos RM3,369,540.00. Kerja pengawalan hakisan pantai dengan menggunakan kaedah benteng batu pada Sungai Belukang dengan Perpat Pasir sepanjang 60 meter dengan kos RM198,330.00. Kerja-kerja pengawalan hakisan pantai di Tanjung Piai, Mukim Serkat sepanjang 90 meter dengan menggunakan kaedah benteng batu dengan kos RM194,636.00. Kerja-kerja membaik pulih dan meninggikan benteng batu di antara Parit Serom, Telok Kerang mukim Rimba Terjun sepanjang 125 meter dengan kos RM121,047.00. Kerja-kerja membaik pulih dan meninggikan benteng batu tebing kanan Sungai Rambah sepanjang 260 meter dengan kos RM140,940.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk kerja-kerja pembaikan pada tahun 2008, tindakan pembaikan telah dan sedang dijalankan dan dijangka siap sebelum 31 Disember, 2008 untuk memperbaiki hakisan pantai dari pantai Pontian ke Tanjung Piai iaitu di lokasi-lokasi berikut: Kerja membaik pulih dan meninggikan benteng batu di tebing kanan kuala Sungai Rambah sepanjang 225 meter dengan kos RM147,200.00. Kerja-kerja pengawalan hakisan pantai di Taman Awam Bandar Pontian sepanjang 50 meter sahaja termasuk pembaikan *seawall* dengan izin di lima tempat yang telah rosak dengan menggunakan *soft rock*

dengan izin dengan kos RM175,222.00. Kerja-kerja pengawalan hakisan pantai Tanjung Piai, sepanjang 80 meter dengan menggunakan kaedah benteng batu dengan kos RM149,178.00. Dan akhirnya kerja-kerja pengawalan hakisan pantai dari *Channel* dengan izin CH, dia sama dengan berapa kilometer 1245 meter ke channel 1275 meter berhampiran Taman Negara Tanjung Piai sepanjang 30 meter dengan menggunakan kaedah benteng batu dengan kos RM92,200.00 sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah habis, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 disambung sekarang. Jemput Ahli Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Semalam Yang Berhormat telah bercakap 10 minit, tambah lagi sikit.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Tambah lagi 20 minit. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih mengizinkan saya menyambung semula perbahasan yang tidak sempat saya selesaikan semalam. Semalam saya telah membangkitkan beberapa perkara yang sudah lama sangat berpenggal-penggal, bertahun-tahun yang dibangkitkan di Dewan ini tak juga selesai dan tak nampak jalannya. Oleh kerana kedua-dua pegawai utama semalam tidak ada dan hari ini ada iaitu Yang Berhormat EXCO Kerja Raya dan Pegawai Kewangan Negeri. Maka saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini. Dalam lampiran pada Bajet 2009 yang menyenaraikan projek yang hendak dilaksanakan dengan peruntukan lebih daripada RM900 juta pada tahun depan. Tetapi tidak ada menyenaraikan projek yang telah dibangkitkan begitu lama di kawasan saya. Iaitu jalan pintas Tanah Merah Pagoh ke Kampung Parit Kelantan Air Hitam Muar. Mungkin juga tersilap pandang atau disengajakan, saya tak pasti. Apa pun kerajaan ada menyediakan peruntukan sebanyak RM7 bilion sebagai pakej rangsangan maka saya berharaplah kalau boleh projek ini dilaksanakan pada tahun depan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hendak merujuk kepada strategi kedua yang digariskan di dalam Bajet 2009. Iaitu menggarap potensi sumber manusia bagi meningkatkan kecemerlangan, meningkatkan kecemerlangan pendidikan dan peningkatan akses kepada pengajian tinggi. Dari segi penyertaan dan fokus, saya kira strategi tersebut memang kena pada masa dan keadaan. Saya melihat juga Bajet 2009 ini mengambil kira seluruh perspektif mengguna dan

memanfaatkan seluruh kemudahan prasarana tenaga dan kepakaran yang memang telah tersedia ada di pelbagai institusi pendidikan khususnya institusi pendidikan tinggi di negeri Johor yang boleh dieksploitasi sewajarnya.

1. Bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan.
2. Meningkatkan akses pengajian tinggi.
3. Meningkatkan tahap kemahiran tenaga kerja.
4. Menguruskan sumber manusia secara efektif.
5. Pembangunan insan berintegriti dan berkualiti.
6. Membudayakan ilmu dan menggalakkan pembangunan sains teknologi dan inovasi.

Dalam hubungan ini, saya tidak menafikan bahawa institusi yang ada seperti Politeknik, Maktab Perguruan, Kolej Komuniti dan Yayasan Pelajaran Johor merupakan institusi yang diberi mandat untuk membantu perkembangan dan keperluan tenaga kerja di Negeri Johor. Secara spesifik YPJ memang telah berjaya mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan. Biar pun masih banyak ruang dan peluang pembaikan untuk terus berkembang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi membolehkan strategi kedua dapat dijayakan dengan lebih berkesan, maka saya mencadangkan agar kerajaan negeri mengguna dan memanfaatkan kemudahan dan kepakaran yang sedia ada di beberapa institusi pengajian tinggi di negeri ini. Sama ada menjalin hubungan sinergi yang lebih strategi dan kondusif seperti dengan Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dan UiTM. UTM sahaja mempunyai 103 orang profesor pakar dalam pelbagai bidang belum lagi Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dan UiTM. Oleh itu, eloklah cadangan penubuhan Institut Penyelidikan Strategi UTM Iskandar Malaysia IPIM seperti yang disuarakan oleh ADUN Nusajaya diterima sebagai jambatan hubungan sinergi yang lebih akrab dan dapat dimanfaatkan bersama dalam usaha menjadikan Iskandar Malaysia hub pendidikan serantau.

Selain daripada itu, kewujudan beberapa buah institusi pengajian tinggi, khususnya dalam Wilayah Iskandar Malaysia penting bukan sahaja untuk menunjukkan tahap pendidikan tinggi di kalangan warga tempatan. Ianya juga sebagai daya penarik untuk membolehkan pelabur asing untuk menanam modal. Dengan adanya persekitaran budaya ilmu yang mantap. Saya difahamkan salah satu sebab Universiti New Castle bersetuju menempatkan kampus perubatan di Nusajaya ialah adanya universiti ternama di sekitarnya bukan sahaja di Singapura tetapi juga di Negeri Johor. Dengan adanya persekitaran demikian maka mudahlah aktiviti susulan seperti R&D dengan kerjasama profesor tempatan dapat dijalin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hendak beralih kepada kesan krisis ekonomi kepada pasaran kerja di negeri kita ini. Kita bimbang ramai rakyat Malaysia di luar negara akan kehilangan kerja dan kembali ke tanah air memberikan tekanan kepada pasaran kerja di negara ini. Ramai rakyat kita yang bekerja di seberang telah merasa bahangnya, begitu juga yang bekerja di luar negara lain. Hari ini pasaran kerja negara dipenuhi lebih 2 juta pekerja-pekerja asing. Oleh itu, kerajaan mesti mengambil langkah tegas dan berkesan

bagaimana hendak mengurangkan jumlah pekerja asing dari masa ke semasa. Ini boleh dilakukan melalui kerjasama dan persefahaman dengan pemilik syarikat, industri, majikan, pekerja dan kesatuan pekerja untuk mencari penyelesaian terbaik. Penegasan harus ditekankan bagi melaksanakan dasar keutamaan rakyat Malaysia, bagi apa juga kekosongan jawatan. Kerajaan jangan terima bulat-bulat helah yang bermacam-macam yang diajukan oleh majikan.

Satu lagi pendekatan yang boleh mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing ialah kerajaan menetapkan gaji minima pekerja asing dalam sektor tertentu dan juga gaji minima pekerja-pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang berkenaan.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, semangat permuafakatan yang tinggi yang sedia wujud di kalangan rakyat di negara ini adalah formula terbaik untuk kita terus membina negara yang mendapat sokongan utuh dari rakyat berbilang kaum. Keharmonian hidup yang kita nikmati dan udara sihat yang kita hirup selama ini di kalangan kita mestilah terus menjadi tunjang asas kehidupan kita. Ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan soal keselamatan, kestabilan, kesejahteraan, keharmonian, kemakmuran, kemajuan dan sebagainya. Tanpa keharmonian hidup dan rukun damai, negara akan menjadi kucar-kacir. Belajarlah dari peristiwa dan pengalaman pahit negara lain yang banyak melalui liku-liku masalah dan kemelut sehingga menggugat keamanan dan kestabilan negara. Rakyatnya sentiasa berada dalam ketakutan malah nyawa sering menjadi pertaruhan. Keadaan ini berlaku di depan mata di beberapa negara yang sedang bergolak. Tetapi, amat malang sekali keadaan dan suasana hari ini tidak seperti mana yang kita impikan.

Lewat-lewat ini terlalu banyak kedengaran suara-suara sumbang mengungkit isu sensitif yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara. Mereka bangkitkan, mereka sentuh isu Ketuanan Melayu, Agama Islam, Bahasa Melayu, Kedaulatan Raja-Raja dan hak keistimewaan Melayu tanpa ada perasaan segan silu. Mereka mencemuh dan mempersenda bangsa Melayu. Ingat, ianya mengguris dan menghiris perasaan dan hati nurani Melayu. Walaupun telah diingatkan berulang-ulang kali, mereka masih berdegil dan terus bermain api. Ianya boleh mengundang mala petaka. Janganlah diuji kesabaran kita. Ingatlah, semua isu yang dibangkitkan itu telah diterima dan termaktub di dalam Perlembagaan Negara hasil persefahaman, permuafakatan dan kebijaksanaan pemimpin terdahulu. Kenapa selama 51 tahun Merdeka, dipertikaikan dan diungkit masalah-masalah dan isu ini? Pemimpin-pemimpin sebegini mestilah diambil tindakan kerana mereka tidak menghargai pengiktirafan yang dianugerahkan kepadanya yang membawa berbagai gelaran.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, perancangan jangka panjang harus difikirkan supaya perpaduan kaum terus terpelihara dan rakyat hidup dalam suasana aman dan muafakat. Untuk itu, cadangan supaya satu sistem pendidikan persekolahan di negara ini di wujudkan bagi menggantikan sistem yang sedia ada boleh dihalusi dan diterima. Kementerian Pelajaran mesti mencari jalan kewajaran sistem persekolahan satu aliran dalam sistem pendidikan negara bagi meletakkan landasan lebih kukuh ke arah

menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Untuk merawat perkembangan yang paling tidak sihat ini, ianya memerlukan suatu azam politik yang paling kuat. Dengan kata-kata itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kempas, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Dewan diteruskan lagi, ok Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat pagi dan salam sejahtera. Skudai ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana diberikan peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor 2009. Dan juga saya ingin mengucapkan tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya membentangkan Bajet Negeri Johor 2009. Menurut jangkaan daripada *Malaysian Institute Economic Research* dengan izinnya, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2009 adalah 3.4%. Dan sebenarnya, pendapatan hasil Negeri Johor telah meningkat sebanyak satu per empat dari, telah meningkat dari RM693 juta ke RM779 juta dari tahun 2006 ke 2007. Tetapi, kita masih mengemukakan, membentangkan bajet berdefisit berturut-turut hampir 10 tahun. Jangkaan kerajaan, anggaran hasil tahun 2009 menurun 0.26% dari tahun 2008 ke 2009. Akan tetapi, memandangkan kemerosotan ekonomi sedunia dan setempat yang begitu tidak menentu, mungkin bajet, defisit bajet kita boleh meningkat di antara satu atau lima peratus. Jikalau kita tidak berbelanja dengan berhemah dan menampakkan pendapatan hasil Kerajaan Negeri, strategi-strategi dicadangkan adalah kita cuba meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri secara proaktif tanpa membebankan rakyat tetapi menambahkan aset dan produktiviti rakyat.

Strategi yang utama untuk meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri adalah kita cuba menambahkan hasil cukai tanah. Sebab hasil cukai tanah merupakan 94% daripada jumlah hasil cukai utama iaitu cukai, hasil cukai tanah adalah dijangka sebanyak RM228 juta ianya akan dipungut pada tahun 2009. Dan begitu juga premium geran tanah dijangka akan dipungut sebanyak RM160 juta pada tahun 2009. itu merupakan 45% jumlah hasil bukan cukai. Strategi untuk meningkatkan hasil pendapatan dari sumber tanah adalah meningkatkan *mekanisme* pungutan tunggakan cukai tanah dengan penguatkuasaan yang berkesan.

Yang kedua, adalah meluluskan hak milik tanah yang berlebihan untuk meningkatkan pungutan premium dan cukai tanah pada masa akan datang. Menurut ucapan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, muka surat 36, adalah dikatakan premium tanah dijangka, pungutan premium tanah dijangka sebanyak RM200 juta hingga RM300 juta jika mengeluarkan hak milik tanah rizab Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, juga dicadangkan kalau boleh sebanyak 15,743 tapak rumah di Kampung Baru Cina dan Melayu, hak milik tanah belum dikurniakan tetapi sedang diperbaharui. Kalau proses ini dipercepatkan, ini dijangka akan menambahkan premium tanah, pungutan premium tanah Kerajaan Negeri Johor sebanyak RM50 juta hingga RM100 juta. Dan juga hasil cukai tanah tahunan akan meningkat sebanyak RM500,000.00 sehingga RM1.5 juta. Dan begitu juga, kalau tanah tani terbiar seluas 4,661.8 hektar di bangun

semula dan cukai tanah akan meningkatkan cukai tanah tahunan sebanyak, dijangka sebanyak RM160,000.00 setahun.

Persoalan saya adalah berapakah tunggakan cukai tanah yang belum dijelaskan? Sebab, sebanyak 12,642 Notis 6A telah dikeluarkan. Ini mungkin merupakan satu sumber hasil, pendapatan hasil Kerajaan Negeri Johor yang lumayan juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendapatan hasil Kerajaan Negeri dari tanah galian dan bahan batu berbentuk cukai galian, lesen tanah dan galian, permit galian dan bahan batu, premium jualan tanah, premium pajakan lombong ada sejumlah RM35 juta pada tahun 2007 tetapi, menurun ke RM31 juta pada tahun 2008, anggaran. Dan, juga dijangka akan meningkat ke RM42 juta pada tahun 2009. Ini juga merupakan satu pendapatan hasil yang agak lumayan kepada Kerajaan Negeri Johor. Dari itu, kita perlu mengkaji macam mana kita boleh mendapatkan hasil-hasil, pendapatan hasil khasnya dari segi, dari sumber perlombongan pasir.

Di Negeri Selangor, hasil daripada perlombongan pasir sahaja sudah meningkat ke RM60 juta pada tahun ini. Ini merupakan satu contoh yang baik kalau jika perlombongan pasir asli dan pasir sungai dikawal dengan EIA yang ketat akan mendatangkan pendapatan hasil yang lumayan kepada Kerajaan Negeri Johor dan menggerakkan sektor pembinaan. Harga pasir pada waktu ini adalah 1 meter kubik adalah RM45.00 di pasaran tempatan tetapi, dijual dekat pasaran Singapura adalah RM100.00 hingga RM180.00 satu meter kubik Dan harga simen semakin meningkat sebab kita, satu pek 50 kilogram adalah berharga sebanyak RM14.50 pada 6, 7 bulan yang lepas berbanding dengan RM5.00 sahaja setiap satu pek 50 kilo pada tahun 2006. Itu menyebabkan kos pembinaan berganda dan menjejaskan pembinaan sektor pembinaan.

Kerajaan Negeri Johor sepatutnya mempertingkatkan kerja-kerja memantau dan menggerakkan sektor tanah, galian dan perlombongan pasir. Perlombongan pasir sungai pada pandangan Skudai adalah selalunya dijalankan serentak dengan kerja pengindahan sungai dan juga pengawalan alam sekitar dan akan membawa kesan ekonomi yang positif kepada Negeri Johor.

Dan ketiga, sebenarnya kita sudah mengabaikan kepentingan sumber pendapatan hasil Kerajaan Negeri Johor adalah air, bekalan air. Bekalan air ini dikatakan sebagai *blue gold*, dengan izinnya, adalah emas berwarna biru, sebab beri, kalau kita dengan pengurusan yang berkesan, kita membangun semula Empangan Bekok, Empangan Sembrong dan dipertingkatkan sebagai sumber bekalan air. Dan, kita boleh menjual ke negeri-negeri lain, termasuk Melaka, Singapura dan negara-negara serantau, untuk mendatangkan hasil pendapatan yang agak, yang agak strategik juga. Sebab, kalau ada negeri-negeri bergantung bekalan air dari Negeri Johor sebenarnya adalah memberikan satu keutamaan kepada Negeri Johor. Sebab ia dari segi strategik, mereka bergantung, ekonomi mereka bergantung kepada Negeri Johor, bukan sebaliknya, kita bergantung kepada mereka.

Dan keempat, lesen premis perniagaan, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan telah memberikan penjelasan. Tapi, saya nak memberikan peringatan adalah, Seksyen 102 (S), Akta Kerajaan Tempatan telah dipinda semula oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyeragamkan kewajipan lesen premis perniagaan. Tujuannya adalah memberikan garisan panduan yang lebih jelas, supaya Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian, masing-masing, PBT masing-masing selaras dengan seksyen akta berkenaan.

Dan saya berharap, Skudai berharap, PBT-PBT yang berkenaan boleh lebih prihatin kepada kesulitan ekonomi yang dihadapi oleh peniaga-peniaga pada waktu ini, sebab, premium seperti apa, deposit peniagaan sensitif itu adalah satu istilah yang agak sensitif. Bukan kita tidak boleh mengenakan premium atau cukai berasaskan prasangka, ada salon *unisex* gunting rambut. Setahu saya, mereka menghormati agama Islam juga. Ada yang memilih secara sukarela, mereka mewujudkan bilik berasingan untuk perempuan Muslim, setahu saya. Itu memang satu tindakan yang agak menggalakkan sebab mereka menghormatkan pelanggan-pelanggan mereka yang beragama Islam. Dan situ kita mesti mengkaji, bukan semua *business* katanya salon persolekan itu terlibat dalam maksiat dan sebagainya. Itu, saya harap PBT dan Kerajaan Negeri juga perlu membuat kajian yang lebih mendalam. Ada, setahu saya, ada yang sesetengah hotel-hotel yang terlibat dalam maksiat itu, kita kena ambil tindakan oleh Polis, bukanlah dari segi bidang kuasa PBT-PBT.

Dan kelima, juga pajakan tempat letak kereta PBT. Fajar Able Parking Johor Sdn. Bhd. telah, Dewan yang mulia ini telah dimaklumkan, hutang tunggakan bayaran sewa sebanyak RM3.2 juta. Ini sudah melebihi defisit bajet Negeri Johor pada tahun 2009. Dan sebanyak RM2.75 juta sahaja, itu memang, apa, yang satu perkara yang pelik. Kita sebenarnya boleh mengurangkan atau membereskan bajet, defisit bajet kita kalau dengan pengurusan dan penguatkuasaan yang berkesan. Oleh itu, saya mencadangkan pemantauan dan penguatkuasaan mengutip hasil kerajaan adalah amat penting. Dan sebenarnya, setahu saya, perjanjian Fajar Able Parking dengan PBT, pada mereka sepatut membayar pajakan 3 atau 6 bulan terlebih dahulu sebelum mereka, kalau sampai masa mereka kena bayar, 3, 6 sewa terlebih dahulu. Takkan nak ada tunggakan sebanyak RM3 juta baru kita nak ambil tindakan? Persoalan saya adalah kenapa pajakan berkenaan tidak diberhentikan terlebih dahulu?

Masalah pengendali woksyop di Jalan Ronggeng 3, Taman Skudai Baru. Pada bulan November, mereka dikenakan dua saman parking setiap hari, berturut-turut, 7 hari. Ini bermakna, sejumlah RM1,400.00 seseorang pengendali woksyop dikenakan saman. Apakah rasionalnya semasa kegawatan ekonomi dikenakan tindakan sebegitu? Sebenarnya pengendali woksyop itu, memberitahu Skudai, adalah mereka boleh membayar sewa letak, tempat letak kereta dari PBT kalau dikenakan sewa yang lebih munasabah, yang mereka mampu menanggung, iaitu mungkin RM100.00 sebulan dikenakan untuk dua tempat letak kereta.

Dan juga, Yang Berhormat Dato' Speaker, lesen ternakan burung Walet, sepatutnya dengan, proses memberikan lesen ini perlu dipercepatkan dan juga

saya harap, Kerajaan Negeri Johor membentangkan satu garis panduan yang jelas. Sebab seramai 2,000 penternak burung Walet, yang dimaklumkan kepada Skudai adalah pengusaha di kawasan khasnya, Mersing, Tangkak, Muar, Segamat sehingga Kulai dan Johor Bahru.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kawasan ada burung walet? Kawasan Yang Berhormat, ada?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada, ada.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada juga, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Burung Walet?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kira banyak jugalah, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dekat itu, rumah kedai yang terbengkalai, kawasan Jalan Perkasa, Taman Tun Aminah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya berharap Kerajaan Negeri agar memperuntukkan tapak yang bersesuaian untuk memelihara burung Walet, sebab ini akan mendatangkan hasil pendapatan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri Johor dan juga apa, memberangsangkan ekonomi Negeri Johor.

Strategi untuk mengurangkan perbelanjaan khususnya perbelanjaan mengurus. Dan cadangan untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Negeri Johor adalah memperketatkan proses memeriksa peruntukan perkhidmatan dan bekalan dan pembelian aset. Saya pernah mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, agar ditubuhkan Jawatankuasa Terpilih Ketelusan Dan Akauntabiliti untuk memantau proses memberikan peruntukan untuk perbelanjaan dan juga pembangunan. Sebab, ini bukan PAC, tugas PAC adalah peruntukan telah diberikan, barulah kita menyemak proses itu. Lagi baik kita mulakan proses memantau dan memeriksa proses peruntukan diberikan, untuk tujuan perbelanjaan, untuk tujuan mengurus atau pembangunan.

Dan sebenarnya, saya rasa kalau satu cara, kaedah boleh dipakai adalah kita boleh mengurangkan perbelanjaan Negeri Johor adalah kita cuba membekukan atau mengurangkan lawatan ke luar negeri pada waktu ini, semasa kegawatan ekonomi. Kalau boleh juga, mungkin, dengan persetujuan EXCO-EXCO, gaji mereka boleh dikurangkan juga, 100, mungkin 10%. Sebab banyak soalan kita yang ditanya Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, mereka tidak dapat menjawab. Nampaknya ada tiga soalan yang dibangkitkan, tambahan yang dibangkitkan oleh saya, dua tidak dijawab, satu dijawab pun dengan alasan-alasan yang tidak memuaskan. Dia berikan pelancongan Negeri Melaka itu, pelancong ke Negeri Melaka itu, lagi sikit lagi daripada, kurang daripada Negeri Johor, tapi Melaka itu satu negeri yang begitu kecil kalau

berbanding dengan Negeri Johor. Dia satu juta lebih pelancong, kita pun satu juta lebih, tapi...

Y.B. Dato' Speaker : Pulau, Pulau Pinang ada potong gaji EXCO?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Nanti saya cadangkan.

Y.B. Dato' Speaker : Belum ada ya? Ha, samalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato', sebab saya bukan Ahli Dewan Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker : Kita punya lama tak naik, negeri lain semua sudah naik. Ok, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita hampir ¼ peruntukan dari RM230 juta, iaitu, RM22, RM52 juta diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar untuk projek-projek kecil dan sederhana. Saya harap, projek-projek kecil dan sederhana ini boleh melibatkan ADUN-ADUN yang bukan dari Barisan Nasional, sebab kita juga nak mengambil tahu apa berlaku di kawasan kita sendiri. Dan juga ditubuhkan Jawatankuasa Terpilih Ketelusan Dan Akauntabiliti juga, untuk memantau, memeriksa dan menyemak proses ini. Sebab, saya mendapati bahawa, Skudai mendapati kurang, kekurangan kepekaan PBT kepada *cost effectiveness,* dengan izinnya, atau keberkesanan kos untuk membuat, melakukan, apa, melaksanakan sebarang projek pembangunan. Saya bagi beberapa contoh di sini.

Contoh pertama, sebanyak RM350,000.00 sudah dibelanja untuk membina 10 buah gerai di Kampung Baru Lam Lee, Jalan Labis-Yong Peng. Minta maaf Yang Berhormat Yong Peng, sebab kampung itu kampung saya sendiri. Selalu lalu sana Jalan Lam Lee nak pergi Segamat. Nampaknya, 10 buah gerai yang baru dua buah gerai yang disewa, dengan perbelanjaan sebanyak RM350,000.00 dibina. Dan, kedua, Medan Selera Taman Damai Jaya, berbelanja sebanyak RM1.07 juta dibina untuk medan selera, tetapi sudah ditukar sebagai stor MPJBT, RM1 juta lebih. Yang ketiga, Pasar Awam Sungai Keras, Labis, saya belum dapat tahu lagi...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak bangun tanya apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Betulkan dia.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Betulkan apa dia cakap.

Y.B. Dato' Speaker : Tak dengar. Sekejap Yang Berhormat, duduk. Apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak betulkan apa dia cakap. Yang gerai di Lam Lee, memang disewakan, cuma mereka nak buat pengubahsuaian...

Y.B. Dato' Speaker : Bermakna dia cakap tu salah?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tak, dia kata jadi stor pulak, bagaimana boleh jadi stor?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak, itu lain tempat, itu Taman Damai Jaya, bukan Yong Peng, bukan Lam Lee.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, bukan ya? Salah tempat. Dia kalau salah, Yang Berhormat boleh tegur.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang keempat**,** Pasar Awam Taman Impian Emas, dibina di tempat yang kesunyian. Dan dijangka lebih kurang RM3 juta di belanja untuk membina, tetapi cuma lebih kurang 10% gerai yang beroperasi, dan juga ketiadaan gerai yang menjual daging khinzir. Dan penduduk telah menjalankan satu kempen tandatangan, dan juga mendapat persetujuan daripada rakan-rakan yang beragama Islam, 80 orang Melayu dari 500 orang yang bertandatangan itu, mempersetujui untuk membuka gerai menjual daging khinzir, sebab ada empat gerai lagi di luar, di tepi di perkarangan pasar awam itu yang belum disewa, sebab terlalu panas menghadapi cahaya matahari daripada waktu pagi.

Dan ini, cadangan saya ialah untuk mengelakkan pembaziran peruntukan pembangunan. Sebab ini adalah, ini, ini kemudahan asas telah dibangunkan, kita tidak biarkan dia dibazirkan macam tu saja. Dan, cadangan saya, ia telah memberhentikan premis-premis niaga oleh Kerajaan Negeri sebab, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, iaitu kita, lebih baik kita swastakan pada premis niaga yang dibina oleh kerajaan yang terbengkalai. Dan juga saya bagi satu contoh. Dulu, pada sebelum dasar DEB, Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan pada tahun 60-an, awal 70-an, makcik saya buka kedai kopi di Mersing. Kedai, nama kedai dia, Sentosa. Saya masih ingat sampai sekarang, dia sewa kedai itu juga, tapi dia sewa gerai kepada rakan-rakan Melayu, menjual nasi lemak, menjual sate dan selalu kita pergi sana, kita makan nasi lemak disediakan oleh makcik, orang Melayu dan kita minum teh, kopi Hailam. Tetapi sekarang orang Melayu pun pandai buat teh dan kopi Hailam, orang Cina pun pandai buat nasi lemak. *So*, kita pergi kedai, apa kata orang, masing-masing, itu merupakan satu...

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat. Kejap.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan kepada Dewan Negeri ini. Banyak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ni, saya ucap terima kasihlah. Ini berkenaan dengan kebanyakannya gerai-gerai setara yang dulu pada satu ketika memang banyak dibina oleh PBT, dengan menggunakan peruntukan daripada KPKT. Dan Kerajaan Negeri telah pun sedar, keberkesanannya. Dan kita telah pun membuat dasar EXCO, supaya dikaji semula pembinaan gerai setara ini, memang kita tidak galakkan lagi. Dan apa yang ada, tak disewa pada hari ini

telah pun diarahkan kepada semua PBT, untuk membuat kajian semula dan memikirkan cara mana, supaya jenis perniagaan-perniagaan lain, bukan sahaja makanan, boleh menggunakan *space-space*, dengan izinlah, yang kosong. Jadi, terima kasih atas pertanyaan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya nak jelaskan bahawa, Kerajaan Negeri telah pun membuat keputusan dasar berkenaan dengan isu ini. Kalau saya boleh menjawab teruslah Dato' Speaker, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ah memang saya bersetujukan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membetulkan keadaan ini dan juga rasa kita perlu menggalakkan kalangan swasta meneruskan pasar borong untuk peniaga semua kaum dan ini akan memupuk integrasi di antara semua kaum.

Y.B. Dato' Speaker : Pasar Borong kat mana Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ah dekat tempat saya pun ada iaitu Pasar peladang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingat tengok betul-betul kebanyakan pasar borong peniaga ini semua bercampur dan perkara ini dasarnya akan berterusan. Apa ini terima kasih di atas ingatan yang diberikan tetapi kalau kita tengok pada hakikatnyalah pasar borong Pandan tengoklah, bercampur.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, bercampur ok tak apalah dia sebut. Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, dan juga saya mencadangkan menaik taraf sektor-sektor proaktif atau kesan berganda iaitu perumahan, pendidikan, pengangkutan awam dan meningkatkan tarafan infrastruktur dan juga membangun bidang kesihatan. Perumahan itu kita perlu mengkaji juga sama ada diskaun 15% diberikan kepada pembeli rumah bumiputera untuk rumah-rumah yang mewah dan rumah banglo dan rumah-rumah teres adakah dapat membantu mereka dan berpendapatan rendah. Sebab saya pada pandangan Skudai rumah-rumah kos rendah dan sederhana sangat diperlukan sebab ada mereka yang bergaji rendah itu walaupun bagi diskaun pun tak mampu. So, kita kena kaji kemampuan mereka memberi hasil pada waktu ini ada mereka anak sudah besar dulu duduk rumah kos rendah kerana membina rumah kos rendah sekarang mereka nak pindah ke rumah khasnya rumah kos sederhana perlu dipertingkatkan.

Dan juga saya mencadangkan SPNB bukan sahaja membina rumah rakyat yang baru Dato' Speaker, cuba melibatkan diri atau membaik pulih projek rumah terbengkalai juga menerokai konsep pembangunan semula atau *redevelopment*. Iaitu, saya bagi satu contoh, flat Taman Jaya Skudai dan minta maaf Yang Berhormat Tanjung Puteri, saya juga dijemput melawat rumah pangsa dekat Taman Skudai Kanan dalam kawasan dia dan juga kita dua-dua menghadapi masalah yang sama iaitu flat yang dibina pada tahun 80-an telah ada yang sudah nak runtuh. Ada yang dindingnya dibuat daripada habuk kayu kelapa sawit yang sudah nak roboh. Itu telah berlaku dekat dua-dua kawasan ini. Saya harap SPNB boleh mengambil tindakan untuk membangun semula projek-projek perumahan kos rendah yang dalam tahun 80-an.

Dan juga dari segi pendidikan juga kita seharusnya mempelbagaikan sistem pendidikan. Sekolah bukan aliran utama *mains stream* bukannya bermusuhan dengan sistem yang *mains stream* tu kita cuba *compliment,* kelemahan akan melengkapi sistem pendidikan *mains stream* itu, dengan membetulkan kelemahan dia, sebab dulu kita tiada sekolah berbahasa Inggeris sekarang kita nak terpaksa ikut bekas Perdana Menteri nak memulakan semula pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Itu kalau jika ada satu sistem yang boleh *compliment* kepada sistem *mains stream* itu akan mengelakkan masalah sebegitu. Kita tak mahu semua sekolah yang berbahasa Inggeris itu bukan tujuan saya. Tetapi kita kalau ada satu sistem kita masih ada SJK Tamil, SJK Cina dan Sekolah Agama Rakyat dan juga Sekolah Menengah Persendirian berbahasa Mandarin dan sebagainya itu akan melengkapi sistem pendidikan yang sedia ada. Sebab selalu kita nak menerokai pasaran antarabangsa dah sampai India sampai Negeri China, Amerika Syarikat. Kita perlu pakar-pakar atau penduduk kita yang pandai berbahasa, berbahasa dalam bahasa asing juga.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok Yang Berhormat. Dah 25 minit hampir setengah jam.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ah… bagi 5 minit lagi boleh tak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dan juga pengangkutan awam, terlalu banyak syarikat bas telah menimbulkan persaingan negatif dan khidmat bas perlu diseragamkan dan adalah dicadangkan kalau boleh satu konsortium untuk seluruh daerah Johor. Konsortium bas seluruh Johor, daerah Johor Bahru ditubuhkan sebab LPKP sudah luluskan permit untuk khidmat bas melalui Taman Sri Skudai, Taman Sri Putri sampai bulan di bulan September. Sampai sekarang belum dilaksanakan. Dan saya rasa ada masalahlah perlu diberes dan juga saya mengucapkan terima kasih sebab langkah-langkah pencegahan telah dilakukan di Taman Damai Jaya kawasan saya Skudai telah dibetulkan dan juga tetapi banjir kilat di Kampung Poh Chee Leng belum dibetulkan. Sebab perubahan reka bentuk kem tentera skudai itu dilakukan di lokasi salah iaitu di sebelah Jalan Gelang Patah bukannya di sebelah Kampung Poh Chee Leng.

Masalah pungutan sampah masih amat merisaukan di kawasan Skudai dan kawasan-kawasan lain. Saya rasa dan di pangsapuri Taman Ungku Tun Aminah

pungutan sampah berlonggok tidak di masuk dalam perjanjian di antara SWM dan MPJBT. Adalah dicadangkan sebab penduduk di sana pun membayar cukai harta dengan kadar yang lebih tinggi dari rumah teres juga. Mereka sepatutnya memasuki spek terma-terma dalam untuk mengutip sampah berlonggok di kawasan rumah pangsapuri.

Dan juga satu soalan dipertanya adalah tapak baru Pusat Kesihatan Pekan Nanas telah diwartakan tetapi telah diubah syarat sebagai tanah komersial untuk dijual oleh satu syarikat persendirian. Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, dan kita sebenarnya, saya mencadangkan satu taktik, *blue sea tactics* untuk menerokai pasaran antarabangsa. Integrasi komuniti perdagangan setempat adalah banyak, amat mustahak untuk kita bersama-sama menghadapi atau mengharungi cabaran globalisasi. Saya cadangkan kalau boleh satu Dewan Persekutuan Perdagangan Negeri Johor ditubuhkan dengan menggabungkan semua pihak contohi Afrika Selatan. Kepelbagaian budaya dan bahasa adalah aset negara bukanlah ancaman pada waktu Kesultanan Melaka saya dimaklumkan sebanyak 137 bahasa dipertuturkan di antara pedagang-pedagang yang pernah datang ke Negeri Melaka pada waktu itu. Walaupun Bahasa Melayu adalah bahasa bersama di antara semua pedagang-pedagang antarabangsa yang datang ke Negeri Melaka pada waktu itu. Dan juga kita mengkaji juga kenapa Afrika Selatan yang baru ini selepas keruntuhan Aparteid, 11 bahasa rasmi dimasukkan ke dalam Perlembagaan Afrika Selatan, kenapa pendidikan bahasa Ibunda diberikan peruntukan juga.

Kekayaan kepada budaya adalah aset negara kita kena mengkaji juga. Saya selalu bawa anak pergi Mc Donald bukan suka makan Mc Donald di sana, sebab itu satu tempat di Malaysia yang saya boleh menjumpai kawan-kawan dari semua kaum. Ada orang India, orang Cina, orang Melayu yang makan sama di Mc Donald dan juga dekat UTM ada orang asing, orang Arab, orang Iran datang ke sana. So, itu kita mengkaji kenapa Mc Donald sebagai satu syarikat asing boleh begitu berjaya. Saya bawa kotak untuk *fish olay*. Kita tengok sini ada tujuh bahasa digunakan. Ada Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan juga Bahasa Rusia, tetapi kita tak di Malaysia tetapi tiada bahasa Melayu pun. I pun pelik juga.

Y.B. Dato' Speaker : Pejabat apa tu?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kotak untuk burgerlah tu, burger ikan.

Y.B. Dato' Speaker : Hah?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : *Fish fillet,* burger ikan Mc Donald. Itu satu contoh mereka dapat menerokai pasaran antarabangsa sebab mereka mengambil kira kehendak semua-semua pihak.

Y.B. Dato' Speaker : Orang berniagalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Orang berniaga.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau dia tak buat gitu dia tak untung. Ok, ok Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kalau kita nak ni satu soalan dibangkitkan adalah 4 Bahasa Malaysia digunakan, Inggeris, Arab dan Jepun dibenarkan di Kompleks Imigresen dan Kuarantin Iskandar tetapi bahasa penduduk tempatan tidak dibenarkan. Itulah satu soalan yang ditanyakan oleh di kalangan awam dan juga pelancong Negeri China, India melebihi pelancong dari United Kingdom dan Amerika Syarikat dan juga kita jangan satu tanda papan, papan tanda yang di kawasan kemasukan pelancong asing itu tidak sepatutnya menjadi satu isu. Dekat Melaka pun papan tanda *Jonker Walk* juga dalam dua bahasa. Dan Penang papan tanda pun...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah pergi Negeri China?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Apa?

Y.B. Dato' Speaker : Negeri China, dah pergi?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : I pernah pergi.

Y.B. Dato' Speaker : Apa tu tulisan banyak tak?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pergi Negeri China, yang saya berasa bangga adalah Masjid Jamek di Beijing itu sudah bersejarah 700 tahun dan berdekatan Tian An Men. Itu pusat pentadbiran Negeri China dan itu saya rasa bangga juga sebab budaya Muslim didapati di Negeri China juga. Kita pun pergi restoran halal mencubai masakan orang Muslim.

Y.B. Dato' Speaker : Satu dua restoran jelah. Ok. Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Izinkan saya membuat kesimpulan, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sebab saya menegaskan pelancongan budaya itu kita kena kerjasama dengan UNESCO dan juga menurut kajian saya dalam buku ini Warisan Johor, Sekolah Tinggi, Muar dibina pada tahun 1914. Masjid Jamek Bandar Maharani bersejarah sejak tahun 1920-an dan juga satu buku bertajuk *Johor Temple* yang dilancarkan oleh Timbalan Menteri Kesenian Perpaduan dan Budaya, 33 tempat tokong Cina di Negeri Johor juga disenaraikan. Ini merupakan aset Negeri Johor untuk menarik pelancong pelancong-pelancong budaya bukanlah kita membina Disneyland buat apa kita membina Disneyland? Tokyo ada, Hong Kong ada, Los Angeles ada. Lagi pun mereka bukan ke negara sendiri. Itulah akses negara kita. Satu sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Hei. Dah…dah habis Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Pelancongan, Kesihatan juga mustahak ,Yang Berhormat Dato' Speaker. Dia ia juga membukakan ....

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat surat Yang Berhormat boleh letak bawah tak? Macam baca je. Jadi saya tak nampaklah. Ah' ah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Cuba memelihara kepentingan *enterprise* kecil dan sederhana sebab pasar raya sebanyak 30 buah *hypermarket* telah dibina di seluruh Negeri Johor. Dan 16 buah di daerah Johor Bahru. Dan kalau menurut kadar yang dibenarkan ada satu *hypermarket* setiap 350,000 penduduk dan ini sudah melebihi kadar yang sepatutnya iaitu sebanyak 6 hingga 7 buah *hypermarket* boleh dibenarkan di Negeri Johor kecuali kita dapat menarik pelancong-pelancong asing atau pengguna asing dari negara ini untuk memenuhi permintaan ini. Kalau tidak ini akan menjejaskan ekonomi dan juga membimbangkan peniaga-peniaga kecil.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Albert Lutuli, bekas pemimpin ANC Afrika Selatan pernah berkata, usah kita bergaduh sebab asal usul nenek moyang kita. Yang penting adalah menerima realiti. Afrika Selatan adalah sebuah masyarakat majmuk serta menyelamatkannya dari kebinasaan atau *salvation* dengan izinnya. Nelson Mandela juga pernah berkata menegaskan sebelum beliau di penjara, bahawa beliau menentang dominasi mana-mana satu kaum, baik orang putih atau orang hitam. Apartied berasaskan ketuanan orang putih Afrikaner atau Afrikaner Sovereignty. Apa bezanya jika Aparteid berasaskan ketuanan majoriti orang hitam. Usah kita bergaduh lagi, kita sepatutnya bersatu padu yang di bawah konsep *blue sea tactics* kita mengharungi cabaran globalisasi sebagai satu rumpun bangsa Malaysia.

Dan, juga kita kena menerokai pasaran antarabangsa begitu luas, Lautan China Selatan, Lautan Pasifik, begitu besar. Kita kena memandang ke depan bukannya masih lagi terikat dengan pemikiran-pemikiran yang mungkin telah berubah pada zaman yang terbaru ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sekianlah, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ha. Lagi, diteruskan. Nak berucap juga?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ya, Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Ingatkan dah malas. Oklah, jemput. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet bagi tahun 2009. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah

kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah membentangkan bajet 2009 pada 21 November yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat tema bajet bagi tahun 2009 ini ialah satu bajet yang mencabar untuk kesenangan rakyat bagi memantapkan, untuk memantapkan pembangunan Negeri Johor dalam menyelesaikan masalah, masalah kemiskinan, sosioekonomi, pendidikan, alam sekitar, kesihatan, agama dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang telah banyak memberi pandangan, suara yang begitu lantang kali ini, yang saya lihat dari segi pendidikan, dari segi ekonomi, dari segi ketuanan Melayu dan lain-lain. Ini, kita terbukti pada hari ini bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun melihat bahawa pendidikan ialah satu perkara yang amat penting…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yang Berhormat macam jawab je soalan dialah. Ok, ok.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Bukan jawab Yang Berhormat. Untuk menjelas sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Macam EXCOlah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : …yang mana, pada hari ini kita lihat Ahli Yang Berhormat menyentuh berkenaan mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Saya setiap tahun menyuarakan bahawa mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris ini patut dipinda kepada asal iaitu menggunakan Bahasa Malaysia sebagai aliran untuk mata pelajaran Matematik dan Sains. Baru-baru ini kita lihat daripada MCA yang mengatakan bahawa Matematik, Sains di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina diajar dalam Bahasa Cina dan dijawab pun dalam Bahasa Cina. Tapi kita orang Melayu, Menterinya Melayu, suruh kita belajar Matematik, Sains dalam Bahasa Inggeris dan suruh jawab pun dalam Bahasa Inggeris. Saya pun tak faham, bagaimana, cara mana benda ini sepatutnya kita orang Melayu memberi keutamaan dasar, Dasar Pelajaran Kebangsaan yang terkandung di dalamnya seperti dalam Penyata Razak pada 1956, Penyata Abdul Rahman Talib pada 1960 dan Penyata Pelajaran 1961, Akta Pendidikan 1996 yang menjelaskan bahawa Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu ialah bahasa penghantar bagi semua sekolah di Malaysia ini. Yang jadi musykil pada saya pada hari ini, yang mana Menteri Pendidikan baru-baru ini kita lihat keputusan UPSR…

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : …yang menjadi kebanggaan Kementerian Pelajaran menyatakan keputusannya meningkat dengan begitu berjaya menggunakan Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Dan, kita lihat analisa yang dibuat oleh Kementerian baru-baru ini, saya pun hairan, macam mana mereka dapat analisa bahawa Matematik, para pelajar menjawab soalan Matematik dalam Bahasa Inggeris katanya

sebanyak 46.1% iaitu 236,153 orang pelajar yang menjawab dalam Bahasa Inggeris iaitu Matematik. Sains pula katanya 159,234 pelajar, 31% yang menjawab dalam Bahasa Inggeris. Sedangkan UPSR dia menjawab objektif, A, B, C dan D. Saya tak faham Kementerian Pelajaran, bagaimana, cara mana mereka tahu formula. Saya ingat Menteri ini, pegawai Kementerian Pendidikan dia boleh tolong hantar hantu raya untuk *check* budak-budak itu dia baca Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa). Yang Berhormat, dia *check* ada pegawai dia Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tak, masalahnya budak ini jawab objektif. Kertas jawapannya A,B,C dan D.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Kecuali kalau SPM, subjektif, bertulis, esei, karangan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, habis tu…?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ini macam A, B, C pun dia boleh tahu budak itu jawab Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Inikan pelik. Ini semua rekaan untuk menyedapkan orang, untuk menyedapkan bahawa Bahasa Inggeris berjaya, inilah cara, taktik yang tidak patut dilakukan oleh Kementerian Pendidikan.

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya telah buat kajian Dato' Speaker. Saya sebagai Biro Pendidikan UMNO Johor, saya telah buat kajian 23 orang guru yang mengajar. UPSR Tahun Enam, dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Dalam perjumpaan saya menyatakan bahawa mereka tidak setuju untuk mata pelajaran Matematik dan Sains ini diajar dalam Bahasa Inggeris kerana yang pertama, dia ialah asalnya aliran SPM ataupun aliran Bahasa Melayu. Dia beri tiga bulan untuk kursus, belajar Bahasa Inggeris, macam mana 3 bulan. Dah dia ni dah tua-tua. Dah 48 tahun, 50 tahun, dah tua. Macam mana nak menguasai Bahasa Inggeris hanya tiga bulan? Lepas itu suruh ajar Bahasa Inggeris. Itu yang persepsi kawan-kawan kita…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat mengajar dulu lama?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya mengajar 22 tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila ditanya lagi, macam mana cara dia mengajar. Dia senang, kata dia, bila dia cakap semua tak faham, dia cakap Bahasa Melayu. Keputusan dibuat 90% diajar dalam Bahasa Melayu, 10% dalam Bahasa Inggeris.

Itu diajar di sekolah kebangsaan, di luar bandar dan juga di FELDA termasuk Sekolah Cina. Saya tahu, saya pergi lawat Sekolah Cina juga, memang dia ajar Bahasa Cina. Dia tak ada satu pun diajar dalam Bahasa Inggeris.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kalau pergi kursus Bahasa Inggeris boleh? Dalam 3?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tak boleh. Tak boleh menguasai dengan baiklah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi saya harap pada hari ini bahawa Bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains ini gagal oleh Kementerian Pelajaran kita. Kita lihat pada hari ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sendiri pada tahun 2004, 2005, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor adalah merupakan pemimpin yang prihatin dalam pendidikan yang mana dia arah saya untuk memanggil guru-guru yang mengajar Matematik, Sains di Sekolah Rendah dan Menengah. Dan kita dapati keputusan yang dibuat oleh Badan Perhubungan UMNO Johor untuk membawa kepada Menteri dan Perdana Menteri supaya mata pelajaran Sains dan Matematik ini supaya dikekal dalam Bahasa Melayu. Dua perjumpaan yang diadakan, mungkin Dato' Speaker ingat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang pertama sekali, perjumpaan dengan Menteri Pelajaran yang ada pada hari ini. Dalam perjumpaan ini, banyak pandangan-pandangan Ketua-Ketua Bahagian berkenaan dengan Matematik, Sains dalam Bahasa Inggeris. Bila kita jelas, salah seorang Ahli Yang Berhormat kita atau Menteri Besar kita telah menyatakan bahawa UPSR ini bukan lagi aliran Bahasa Melayu. Dia, Menteri Pendidikan, terperanjat. Eh, masih lagi, saya nak terangkan pada Menteri sebenarnya generasi pada hari ini adalah aliran Inggeris. Kerana dah lima perkara, subjek, Bahasa Melayu ada dua, satu kefahaman objektif, penulisan ialah karangan atau esei, yang tiga lagi pada ketika dulu sebelum Matematik, Sains dalam Bahasa Inggeris ialah dalam Bahasa Melayu. Sekarang, tiga subjek, satu lagi Bahasa Inggeris dah *confirm* Bahasa Inggeris, yang Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris, bermakna aliran Bahasa Inggeris. Baru Menteri Pelajaran terperanjat. Dia Menteri, tak tahu. Macam mana dia sebagai Menteri tak tahu?

Y.B. Dato' Speaker : Bukan tak tahu, tak jelas Yang Berhormat. Yalah, dia tak perasan. Dia tahu...

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dia tak boleh tak perasan Dato' Speaker. Dia Menteri, sebelum buat keputusan, dia mesti tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Hm...laporan.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang keduanya, perjumpaan dengan PM. Begitu juga jawapannya. Jadi, ini yang menimbulkan usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, sepatut kita ucapkan tahniah dan syabas. Salah seorang Menteri Besar dan

Pengerusi Badan Perhubungan yang berani menyuarakan di antara negeri-negeri lain. Tak ada negeri lain. Pasal negeri lain takut, takut dia tak dapat Menteri Besar, tak dapat Wakil Rakyat…

Y.B. Dato' Speaker : Itu tak boleh cakap Yang Berhormat. Itu dia punya hallah. Dia bincang…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tak, ini beri contohlah. Bukan tak boleh cakap Dato' Speaker, tapi nak contohkan yang Menteri Besar kita ini, patut bila Menteri Besar cakap saja, yang lain sokong.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, yalah. Kita tahniahlah Menteri Besar kita. Yang lain, biarkanlah hal dia orang. Ha...

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ok, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sambung sikit lagi. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap satu kajian yang, ini bukan kajian lagi. Tahun 2009 ini terus jadikan Matematik, Sains dalam Bahasa Melayu. Satu lagi kajian saya buat baru ini dengan 6 orang guru yang jaga peperiksaan UPSR di tempat saya. Saya tanya kawan-kawan saya, adakah budak-budak ini jawab dalam bahasa, baca dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris? Dia beritahu saya, keenam-enam orang ini yang jaga periksa kata 100% budak menjawab, membaca soalan dalam Bahasa Melayu. Ha, ini kajian yang kita buat. Jadi, bermakna Kementerian Pendidikan kena ambil kira pandangan Wakil-Wakil Rakyat dan juga penduduk-penduduk ataupun Persatuan Ibu Bapa berkenaan kedudukan Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Jadi, saya harap Menteri Pendidikan kena dengar, ya, kena dengar pandangan-pandangan ini supaya mereka mengubah fikiran supaya Sains dan Matematik tahun 2009 ini berbalik kepada Bahasa Melayu. Tak ada percubaan-percubaan kerana dia asal semula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini pun akan terjadi apabila tak ada kajian, tak ada buat satu perkara, tak ada buat kertas kerja teliti oleh bekas, mantan kita, dia bangun tidur dia cakap Sains, Matematik ini kita mesti buat Bahasa Inggeris. Terus dia arah. Ini akan jadi Sekolah Agama Johor. Saya terus masuk Sekolah Agama Johor. Sekolah Agama Johor ini saya ingat Pengarah ini dia balik, bangun tidur, semalam mimpi, kita akan buat 3 hari campur 2 hari. Saya nak cerita ini. Saya dapat kertas kerja dia. Saya dah buat bantahan tahun lepas. Dalam kertas kerja ini dia menyatakan bahawa percubaan setahun. 2008 percubaan seramai 40 lebih buah sekolah. Tetapi EXCO kata dia sampai 2010 pula. Saya pun tak faham. Saya pun ada dapat kertas kerja juga.

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Jadi, saya lihat pada hari ini sepatutnya Sekolah Agama Johor ini nak buat 3 campur 2 ini mesti membuat kajian dengan teliti, jangan bangun tidur terus umumkan. Dia kata mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa. Sebenarnya untuk makluman Dato' Speaker, saya tahu, perjumpaan ini setelah Dewan Negeri dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Baru dia buat perjumpaan,

Pengerusi PIBG untuk menerangkan apakah perancangan program yang sepatut dijalankan. Jadi, Pengerusi PIBG *blank*, Pengerusi PIBG tak ada… dan juga dia terangkan kepada Guru Besar. Guru Besar Sekolah Agama beritahu kat saya, dia pun tak faham. Banyak pandangan-pandangan Guru Besar dan PIBG supaya benda ini dapat diadakan kajian dengan teliti. Mengadakan seminar, kursus-kursus, supaya mendapat pandangan daripada ibu bapa, daripada guru-guru, daripada masyarakat, dari semua pemimpin, adakah program ini memberi objektif yang baik ataupun beri kesan yang baik kepada anak-anak kita, terutama sekali tahap 1, tahun 1. Tapi saya lihat pada hari ini, apa yang dikata dalam kertas kerja itu, saya baca semalam balik semula, bahawa memberi peluang kepada anak-anak kita supaya menjalankan aktiviti kokurikulum. Dia tak cakap situ, kokurikulum sekolah rendah. Dia cakap kokurikulum sekolah Agama seperti kompang, nasyid, baguslah tu. Tapi pada hari ini kita lihat, pada keseluruhannya bahawa sekolah Agama yang di dalam Johor Bahru ini gagal. Saya boleh cakap gagal. Saya turun ke bawah, pergi ke sekolah Agama, melihat bagaimana suasana keadaan anak-anak kita belajar 9 jam setengah. Daripada 7:30 sampai pukul 1:10 ada satu setengah, masuk yang kedua, baliknya pukul 6:30. Saya tak faham. Adakah anak kita yang umurnya 7 tahun, 8 tahun boleh belajar dengan masa 9 setengah jam.

Saya cadangkan pada Dewan ini supaya Pengarah ni diberi kursus seminggu, dari 7:30 sampai 6:30, dia tahan tak? Seperti anak-anak. Saya duduk sana pun saya boleh ambil gambar, 2, 3 keping gambar, bagaimana anak-anak boleh tidur pukul 3:30. Dia mengantuk, dia letih. Anak 7 tahun bagaimana dia belajar 9 jam setengah. Dan dia cakap susah. Saya bagi soalan ni mudah. Mudah-mudah soalan akhir ni tahun pun budak tak boleh baca. Saya pun cakap, saya datang melawat satu dalam ujian, cikgu membaca soalan. Saya dah beritahu semalam. Membaca soalan. Cikgu tulis A, B, C dan D. Ada budak nakal dia jawab C, tentulah budak semua boleh jawab.

Saya mintak ni, EXCO berkenaan, turun ke bawah pergi melawat sekali masa peperiksaan akhir tahun. Perhatikan. Kita duduk. Saya pun sanggup pergi tengok tempat saya. Tengok. Kita tunggu setengah jam peperiksaannya habis, lepas tu suruh cikgu semak. Berapa yang lulus. Silap hari hanya 2, 3 orang saja, yang lain *fail,* di antara 40 orang.

Y.B. Dato' Speaker : Ini kajian Yang Berhormatlah?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ya. Kajian saya. Saya turun ke bawah, saya pergi tengok sendiri. Saya siasat sendiri. Saya siasat, dia orang ni kalau tak siasat dah tak betul kita bercakap. Pada dia orang kita jelaskan, kerana itu yang kita tengok. Dengan mata fikiran kita bahawa itu gagal. Oleh sebab itu saya harap…

Y.B. Dato' Speaker : Masa Yang Berhormat cikgu dulu, betul semua ya? Bila Pengarah…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Betul.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah Pengarahnya macam awak ni eh, memang betul. Memang betul, cara awak mengarah kata dia.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Masa tulah.

Y.B. Dato' Speaker : Masa itulah …

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Masa tulah. Pasal kita takut orang marah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pun tambah lagi, yalah, orang ramai bukan tahu.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya kalau tak betul, kita kata tak betullah. Pasal kita pun, dia pun takut dengan Pengarah.

Y.B. Dato' Speaker : Usah jadi Wakil Rakyatlah ye...

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Itu saja caranya. Jadi saya harap supaya dapat kembali semula, kembali semula, batalkan Forum 32 ini akan menyebabkan mencemarkan nama sekolah Agama petang.

Ramai orang kata, bukan saya saja. Ramai orang yang menghantar surat kompelin sampai Kahang ini beritahu saya. Pengetua PIBG beritahu saya, kita dah hantar memorandum kepada kerajaan. Sebab saya hantar saban tahun, tapi kata EXCO tak ada hantar. Saya nak hantar salinan kat dia. Nak main-main, kita betul. Ada bantahan mengatakan tak setuju emak bapak. Tapi kalau tak ada bantahan, saya ingat tak betullah. Tapi kalau EXCO hendak, saya boleh tunjukkan. Sain emak bapak mengatakan bantahan. Jadi biarlah kita tak benar, adakah surat bantahan itu dimasukkan dalam meja, ataupun bantahan tu di masuk dalam tong sampah.

Y.B. Dato' Speaker : Tong sampah taklah. Dia letak dalam laci, yalah tu, moleklah tempat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dalam laci aja tu. Saya minta maaflah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi benda ni kerajaan kena mengkajilah, supaya sekolah Agama ni kekal seperti biasa. Satu jam setengah cukup untuk anak kita belajar. Sebagaimana wakil pembangkang menyatakan anak dia 9 tahun, memang, 9 tahun dah diajar, adik beradik semua dah belajar. Kerana kematangan dah memang tahu agaknya macam bapak dia matang dalam tu, jadi dia awal. Jadi saya nak ingatkan supaya, kerajaan pada hari ini supaya meneliti semula tentang kedudukan 32 ini supaya kembali seperti biasa. Kalau tidak saya ingat selepas ini lebih banyak, hebat. Ramai yang nak tahu, selepas ni kalau dilaksanakan juga, ramai emak bapak akan buat bantahan. Agaknya akan tunjuk perasaan bantahan kepada kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi ialah berkenaan dengan pelajaran juga…

Y.B. Dato' Speaker : Hem, tak ada tajuk lain Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ada, sikit lagi. Ada sikit lagi. Yang mana saya nyatakan tadi bahawa Timbalan Ketua Pengarah Malaysia mengatakan bahawa pelajar tahun 1, 2008 bulan Julai dinyatakan 23% daripada 463,990 orang yang tidak boleh membaca dan menulis. Jadi saya harap benda ini kerajaan boleh mengkaji dengan teliti, ada kaitan tadi dengan Matematik dan Sains. Kalau Bahasa Melayu pun dia tak boleh menguasai 2M, bagaimana dia boleh menguasai Bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi saya sentuh tentang perkapalan. Untuk makluman Dato' Speaker bahawa di kawasan saya ialah merupakan satu kawasan yang terdedah dengan pencemaran alam sekitar. Untuk makluman Dato' Speaker juga, di kawasan saya ini ada kawasan berlabuhnya kapal-kapal pedagang yang nak masuk ke Singapura dan juga Tanjung Pelepas.

Untuk makluman Dato' Speaker bahawa kapal-kapal pedagang ini telah berlabuh berbulan-bulan. Daripada Pengerang sampai ke Punggai yang lebih kurang 50 kapal lebih, yang berlabuh di kawasan tersebut. Bukan sahaja 1 hari, kadang sampai 2, 3 bulan lamanya. Jadi saya ingin tahulah, daripada kerajaan sama ada kapal ini dibayar sewa ataupun dikenakan apa-apa cukai supaya menguntungkan Kerajaan Malaysia daripada hasil pendapatan.

Y.B. Dato' Speaker : Saya ingat ni tak payah tu luar, antarabangsa punya.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Duduk, masih lagi dalam kawasan perairan Malaysia. Saya boleh tengok sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Agaknya dia lari sikit aje. Dia lari sekapal je dah tak boleh masuk Yang Berhormat. Tak boleh nak tangkap. Besar dia bayar berlabuh.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Kalau saya tengok memang masuk di kedua-dua kawasan.

Y.B. Dato' Speaker : Dia pun bijak juga tu.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dia pun bijak, tapi itu belum bijak lagi. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya nak ingin tahu sejak kebelakangan ini bukan sekejap, dah setahun. Saya tengok kapal tangki minyak Singapura. Tangki air di Singapura memberi bekalan minyak dan air kepada kapal-kapal yang berlabuh di kawasan perairan Malaysia. Saya difahamkan pihak orang dalam sana, sepatutnya pihak kapal pedagang minyak, tangki minyak air dan juga tangki minyak Singapura yang nak beri

bekalan air kepada kapal-kapal ini, sepatutnya dia mesti dapat lesen atau kebenaran daripada Kerajaan Malaysia.

Tapi saya difahamkan orang dalam, kata dia kapal dia datang ke Pengerang, kawasan Kastam Pengerang cop, Jabatan Laut cop, Kastam cop. Bayar RM50.00, RM100.00 selesai hantar minyak ke kapal-kapal yang berkenaan. Orang kita nak mohon lesen untuk membekal minyak untuk kapal tangki minyak dan air, tak lulus. Orang Singapura kaya raya beb, hantar jual minyak di kawasan perairan kita yang menggunakan Kastam dan Jabatan Laut. Saya berharap pada Jabatan berkenaan, kena ambil perhatian. Jangan bayar RM50.00, RM100.00 satu cop tu, boleh merugikan pendapatan negara. Berilah peluang kepada orang Pengerang untuk buat lesen, kita boleh bagi minyak.

Y.B. Dato' Speaker : Air mahal ya…jual pada kapal.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Air mahal. Ini keuntungan pada rakyat Singapura, tauke-tauke Singapura. Orang kita pulak pada hari ini jadi …

Y.B. Dato' Speaker : Betul Yang Berhormat, atau kita tak ada air nak hantar atau tak ada tangki, saluran ke… tak ada eh…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Semua banyak kita. Tanjung Surat ada, di Tanjung Belungkor ada. Masih banyak lagi yang boleh disalurkan. Air ni terlebih-lebih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, yalah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tapi saya harap…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat dah terlebih, 25 dah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, minta sikit lagi, ada perkara lain yang nak …

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, ok**.** Laju sikitlah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ha, Lajulah ni. Jadi saya harap benda itu diambil tindakan oleh kerajaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, ini pasal pelancongan. Saya nak cerita pasal pegawai pelancongan ni, saya…

Y.B. Dato' Speaker : Sukan ke pelancongan ni?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Nak cakap cerita sukan ke pelancong?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ni nak cerita pelancongan dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dulu sukan ya. Oklah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dulu sukan…

Y.B. Dato' Speaker : Ni pelancong pulak… oklah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya, setakat nilah saya dah pun pergi Kelantan, Terengganu ni pergi… jalan. Saya tengok ada papan tanda, pelancongan. Zoom Malaysia, Zoom Ramadhan. Zoom sana, zoom sini, macam-macam zoom.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tulisan tulis zoom eh?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, papan tanda ni saya pun tak pernah tengok. Saya pergi luar negeri juga tengok papan tanda iklan untuk pelancongan. Dalam punya papan tanda, contoh tempat saya ialah untuk melawat Putrajaya. Dalam papan tanda kalau tengok nama-nama negeri, bukan nampak apa suasana keadaan tempat yang kita melawat, tapi tengok tu muka Menteri aje. (Dewan ketawa). Ini contoh.

Y.B. Dato' Speaker : Allah, tak apalah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Orang tegur saya, nak tengok gambar Putrajaya ke, nak tengok gambar Menteri?

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, dia sayang Menteri dia, tak apalah letak di situ. (Dewan ketawa). Menteri pun dia ok.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, contoh nak tengok Putrajaya, di luarnya ialah Menara Berkembar. Saya tengok Menara Berkembar ni Putrajaya ke dekat K.L.

Y.B. Dato' Speaker : Dia patut iklan tu Yang Berhormat, zoom gambar Menteri, zoom ADUN dia sebelah. Kan cantik… barulah ADUN tak berbunyi. Betul juga. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Itu adillah**.** Pasal gambar tak ada, tu jadi gitu.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah tu.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Jadi saya cadangkan pada Pengurus Besar Pelancongan Johor, suruh tukar. Janganlah gambar pemimpin kita situ. Siapa yang tak kenal ? Semua kenal. Ada pemimpin, Perdana Menteri, Timbalan Menteri, pemimpin Menteri Pelancongan. Orang baru tegur saya, saya pergi Pahang itu hari, ada EXCO tanya saya, ini melancong ke Desaru ke, saya tak nampak Desaru tak ada kapal. Kapal luar. Nampak laut aje dia. Yang nampak yang besar kata dia , awak punya Menteri.

Y.B. Dato' Speaker : Ini siapa cakap?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ini EXCO daripada Pahang. Saya pergi Pahang itu hari.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat pergi Pahang.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : 2, 3 hari. Di situ saya jumpa. Saya pun tak perasan mula-mula. Ya tak ya juga orang lain tegur, Menteri. Itu yang berlakunya pada hari ini seperti Pulau Pinanglah.

Pulau Pinang kita tengok papan tanda dah guna 3 bahasa. Kalau dasar pelajaran, dasar negara, Bahasa Malaysia tu sudah bahasa rasmi kita, patut bermakna guna satu bahasa. Tapi saya pergi Pulau Pinang baru ini, saya tengok 3 bahasa. Besarnya Bahasa Melayu, lepas tu bawah, sedang sikit Bahasa Cina. Yang nombor 3 Bahasa India, atau Tamil. Samalah dengan Pulau Pinang, yang pertama tu macam Arab-Melayu, yang kedua tu macam orang Cina, yang nombor tiga tu pelancong macam muka India. Apa pasal? Pelancong orang buat pun sama jadi papan tanda dia. Jadi benda ni saya harap pegawai pelancongan supaya kena kaji betul-betullah. Ini *under* pelancongan ni.

Saya tengok dalam UPEN punya kajian, dia ada lima tempat tarikan merupakan pilihan utama Negeri Johor. Bandaraya Johor Bahru, Kukup, Taman Negara, Tanjung Piai, Mersing, Pulau, Gunung Ledang. Tapi kat Desaru tak ada. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat cari siapa?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Cari Menteri Besar, Menteri kawasan Pengerang. Patut dia berilah masuk keutamaan Desaru ataupun kawasan persekitarannya yang banyak pusat pelancongan. Jadi saya harap benda ni dapat dimasukkan. Yang saya nak tegur ni satu, program-program yang dibuat oleh Pelancongan. Dia buat Zoom Ramadhan, baru-baru ini, tempat saya. Buat ibadat. Beratus ribu berhabis, yang datangnya pelajar sahaja. Kemudian zoom lagi, Zoom Hari Raya. Yang datang orang kampung. Zoom, zoom, zoom, zoom ini, bukan orang luar negeri, orang kampung, panggil bas datang. Orang kampung...

Y.B. Dato' Speaker : Ini tempat Yang Berhormat je ke zoom? Tempat lain dia tak zoom?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tak tahulah. Baru-baru ini zoom, zoom kat Pahang.

Y.B. Dato' Speaker : Wah, adalah semualah satu Malaysia.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tapi ini pembaziran. Belanja beratus-ratus ribu tapi yang datang...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, sebelah dia itu Yang Berhormat taruk gambar Yang Berhormat. Zam-zam ala kazam, gambar Yang Berhormat. (Dewan ketawa). Lawanlah, apa kira. Ok Yang Berhormat, dah lebih, dah 25 minit.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ada sedikit lagi, pasal tadi DAP 35 saya minta tambah sedikitlah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah. Tadi dah cakap suruh tambah, ini tambah lagi.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dia pasal, tadi dah terlupa saya dah. Dato' Speaker kacau saya, jadi saya lupa. Yang Berhormat Dato' Speaker, lagi satu ialah berkenaan dengan masalah pasir. Satu lagi pasal belia. Lupa saya dah.

Y.B. Dato' Speaker : Pasal apa?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Belia, belia.

Y.B. Dato' Speaker : Apa ke pasir pula.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya lihat sebagaimana yang kita tahu bahawa pasir darat ini, saya lihat, saya difahamkan bahawa pasir ini tidak boleh dijual di Singapura. Untuk eksport Singapura. Tempat saya di Tanjung Belungkor, pakai planton lagi hantar. Bila tanya Jabatan Mineral, dia cakap ini bukan pasir. Eh, saya Yang Berhormat Dato' Speaker, dah berumur 50-an, kalau tak kenal pasir, pasir darat dengan pasir silika takkan tak kenal. Saya tiap-tiap hari tengok pasir.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, itulah kerja Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Abang saya tauke pasir. Dato' Speaker, silap. Dia cakap pasir ini pasir yang boleh dieksport ke Singapura. Berplanton-planton dia minta Pejabat Tanah satu, satu apa, satu lesen, dia hantar empat planton. Satu planton hantar empat planton ke Singapura. Ini kenyataan. Apabila saya tanya, dia hantar pelabuhan, apa, kepada, PT, dekat Pelabuhan Pasir Gudang, kat mana tak tahulah.

Y.B. Dato' Speaker : PTP?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ha, dia hantar sana kata dia. Tapi saya minta kaum nelayan suruh *check*. Dia ini pandai hantarnya waktu Maghrib. Saya suruh nelayan tengok. Nun dia kona, dia kona terus masuk Singapura.

Y.B. Dato' Speaker : Ini orang mana yang buat kerja?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ini orang Pengerang jugalah. Jadi saya harap pada kerajaan, kalau kata pasir tak boleh eksport jangan cakap ia boleh eksport. Orang kampung tahu, orang kampung...

Y.B. Dato' Speaker : Dia pasir darat itu Yang Berhormat, ataupun pasir laut ya Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ha, pasir darat, pasir laut. Dia boleh importnya. Itu rugi kerajaan. Satu permit hantar empat permit, empat tongkang. Bukan sikit. Berapa ratus tan hantar ke Singapura melalui Jeti di Tanjung Belungkor. Dan itu pula batu pula, batu yang lebih dari 10 inci. Dia punya pandai orang meniaga ini, batu yang sepeluk ini dia taruk bawah. Lepas itu dia hantar pasir yang tiga suku, tiga suku taruk atas. Jadi orang nampak, agak Kastam nampak yang atas sahaja, yang bawah tak nampak.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tahu ya? Cerita ini.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tempat saya Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat, kalau beritahu Kastam, dapat *reward* ini. Untung.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya dah banyak kali beritahu Kastam, itu hari tangkap minyak, dapat. Jadi saya harap pihak Kastam, Jabatan Laut ni kena, kena kaji.

Y.B. Dato' Speaker : Ambil kajian. Ok Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, tunggulah sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Kalau tidak, tak lepas sayalah. Terlepas.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, kalau terlepas, jatuh terus. Ambil...

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Jatuh dah kira habislah Dato' Speaker, ganti Dewan Negeri baru. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap jeti ini dapat dikaji semula tentang kedudukannya. Kalau boleh tutup senang. Menyusahkan kita. Yang keduanya, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini penting juga. Berkenaan dengan pasir juga. Kita di kawasan Pengerang, kita ada satu kawasan Water Takungan Air. Water Takungan Air ini ialah untuk simpanan air bagi penduduk-penduduk yang terdapat di kawasan Pengerang. Pada hari ini saya lihat, kerajaan telah banyak meluluskan pasir di kawasan takungan air. Saya tengok rosak. Bila dah pasir digali kat takungan air, air rosak dan air boleh mencemarkan alam sekitar. Jadi saya cadang kerajaan, sama ada orang perseorangan atau syarikat yang mohon kawasan pasir, di kawasan takungan Sungai Rengit hendaklah dibatalkan supaya dijaga takungan air, simpanan air untuk minuman akan datang oleh penduduk di Sungai Rengit. Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Oklah Yang Berhormat, dah habis ini.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Satu sedikit lagi. Pasal Dato' Speaker pun suka udang kara. Jadi saya nak cerita sedikit.

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Udang, udang kara. *Lobster.*

Y.B. Dato' Speaker : Undang?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : *Lobster.*

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Untuk Yang Berhormat Dato' Speaker, kaum nelayan sebenarnya telah banyak mengadu saya dan telah membuat bantahan berkenaan satu syarikat yang bersama UPEN untuk membuat tambakan 8 ekar di Pekan Sungai Rengit untuk menjadi hotel yang lain. Jadi apa yang berlaku pada hari ini, masyarakat di Sungai Rengit terutama sekali kaum nelayan yang mengandungi lebih 2,000 orang yang telah membuat bantahan supaya projek ini dibatalkan kerana boleh menyebabkan terutama sekali pendapatan kaum nelayan akan terjejas. Yang kedua menyebabkan udang kara akan terjejas. Sekarang pun kehidupan udang kara di sungai Sungai Rengit berkurangan. Jadi kita nakkan syarikat dan UPEN membatalkan supaya pembinaan atau penambakan laut di Sungai Rengit ini dilaksanakan demi untuk kepentingan kaum-kaum nelayan di kawasan Pengerang yang mana mereka harap kali ini dapat diselesaikan oleh kerajaan.

Akhir sekali.

Y.B. Dato' Speaker : Dah berapa kali akhir ini Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ini akhir, akhir yang kedua akhir. Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan, walaupun EXCO telah menjawab berkenaan dengan gaji guru TAJ ini, saya nak ingat, saya nak *pick up* lagi sekali dah jawab tapi saya, pandangan daripada guru TAJ dia amat berasa kecewalah. Bayangkan Yang Berhormat RM300.00. Saya pun tak faham Jabatan Agama ini.

Y.B. Dato' Speaker : Tadika he, Taska Islam.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ha, Taska Islam. Dia semalam jumpa saya lagi. Macam mana Yang Berhormat? RM300.00. Ini tak naik-naik. Kemudian bayarannya terlampau tinggi, RM40.00. Sepatutnya Jabatan Agama dia *free* sahajalah. Iaitu cikgu RM300.00, dia tunjuk saya, minyak semua tak cukup. Patut Jabatan Agama agak tak mampu. Tutup sahajalah. Senang. Dia cakap senang sahaja, tutup je. Kalau tidak berilah RM700.00, RM800.00 atau RM500.00, RM600.00. RM600.00, RM700.00 ok cukup. Cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Munasabahlah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Munasabah. Ini RM300.00 mana cukup. Dia sekali lagi saya terpaksa bercakap. Ini kerana dia merayu pada Jabatan Agama suruh naikkan hingga RM600.00, RM700.00 cukuplah sebulan bagi menampung sara hidup dengan keadaan ekonomi yang ada pada hari ini. Jadi.

Y.B. Dato' Speaker : Itu sahajalah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ha Itulah. Itu pula. Dan lagi yang agak *last* sekali (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya minta Dato' Speaker, tentang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, akhir tadi cakap Melayu, *last* ini janganlah cakap orang putih.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Oh, minta maaf. Pasal tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dahlah tak suka cakap orang putih ini.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya memang sah-sah terlajak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dan akhir sekali, ini akhir. Saya ucap terima kasih kepada Wakil-Wakil Rakyat yang mempertikaikan tentang Ketuanan Melayu. Sedikit sahaja saya ambil.

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh lagi Yang Berhormat. Dah habis masa ini. Dahlah tak payah itu.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tak, saya sentuh sedikit.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, tak. Tak payahlah. Dah...

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Sedikit sahaja. Kawan-kawan. Sedikit sahaja. Sedikit je.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya nak ingatkan kepada bangsa-bangsa lain supaya menghormati.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah itu dah dibangkit Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Kerana ini untuk kepentingan kita bersama, insya-Allah kalau antara satu sama lain yang menyokong, saya percaya benda ini akan dapat menjadi satu rakyat yang sentiasa ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, habislah saya ingat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang sentiasa bersatu padu, mengukuhkan perpaduan di kalangan masyarakat di Malaysia ini. Jadi sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Dato' Speaker, kerana lepas ini Dato' Speaker nak rehat, nak makan, saya tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, siapa nak makan? Saya nak teruskan lagi biar dia lama-lama sekali. Ok *sit down*.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' DUN Kempas. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : *Oh my God*. Lapar he? (Dewan ketawa). Ok, Yang Berhormat lagi siapa nak cakap. Ha, Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan pembentangan bajet 2009. Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, *Vanakam*. Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:10 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:30 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Jemput, Kahang.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, tema Bajet Tahun 2009 ialah "Menghadapi Cabaran dan Memelihara Kesejahteraan Rakyat" dengan tumpuan diberikan kepada kualiti hidup rakyat serta cabang-cabang pembangunan seperti pembasmian kemiskinan, pembangunan sosioekonomi, pendidikan, alam sekitar, kesihatan dan juga merapatkan jurang perbezaan sesama ahli kelompok dan antara rakyat berbilang kaum. Adalah menjadi harapan kerajaan bahawa dalam tempoh 12 tahun ini sebelum kita tiba ke tahun 2020 dapat kita manfaat sepenuhnya, masa terhad ini, untuk mencapai wawasan negara. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menyatakan bahawa kita tidak mahu membangun dan berkembang secara fizikal semata-

mata, tetapi membangun dan maju dengan satu tamadun yang kaya dengan kekuatan sumber manusianya. Sebab itu pembangunan kemanusiaan adalah langkah yang tepat dan perlu diberi perhatian dari semua pihak. Matlamat kita adalah untuk membentuk generasi yang berkualiti sebagai model utama kemajuan dan pembinaan tamadun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet 2009 telah memberi penekanan kepada meningkatkan tahap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat sebagai strategi ketiga bahawa Kerajaan Negeri akan terus memastikan usaha pembasmian kemiskinan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semua projek pembasmian kemiskinan harus dilaksanakan dengan lebih terancang, fokus dan bersepadu bagi memastikan hasrat pembasmian kemiskinan dapat dicapai. Apa juga usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan, impaknya haruslah membawa faedah kepada rakyat termiskin di peringkat akar umbi, tidak kira sama ada mereka dalam bandar, desa, kampung, estet atau ladang. Dan apabila kita membincangkan pasal kemiskinan, kemiskinan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori termasuk miskin, miskin tegar, miskin yang berupaya bekerja, miskin yang tidak mampu bekerja. Sebenarnya, golongan ini mundur dan tersisih di arus pembangunan dan tercicir dalam pelbagai bidang. Kita tidak harus mengabaikan kemiskinan di kawasan luar bandar dan merancang strategi membasmi kemiskinan di kawasan tersebut. Semua projek membasmi kemiskinan harus dilaksanakan dengan lebih terancang dan menyeluruh bagi memastikan hasrat menghapuskan kemiskinan dapat dicapai. Jentera yang ditugaskan bagi mengenal pasti kumpulan rakyat termiskin haruslah memainkan peranan dengan telus dan efisien supaya golongan yang memerlukan bantuan benar-benar dikenal pasti dan bantuan disalurkan kepada mereka. Kita perlu pastikan bahawa berlakunya pemantauan secara berkesan dan berterusan untuk memastikan projek membasmi kemiskinan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, *the focus group*, dengan izin, di peringkat pusat, di peringkat negeri dan daerah haruslah sentiasa membuat pemantauan tentang keluarga-keluarga berkenaan secara berterusan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dalam Bajet 2009 juga telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi penekanan dalam menyediakan kemudahan yang berkualiti dan mencukupi bagi membantu golongan berpendapatan rendah menikmati taraf hidup yang lebih selesa. Kerajaan Negeri akan terus berganding bahu bersama agensi berkaitan seperti Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara Berhad dan pihak swasta bagi mempergiatkan lagi program-program pembinaan, kos rendah, kos rumah rendah dan sederhana rendah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkembangan bandar yang pesat adalah disebabkan oleh perpindahan penduduk dari luar bandar dan bandar-bandar yang kecil. Ini menyebabkan kawasan bandar mengalami pertambahan penduduk yang pesat. Sebahagian besar penduduk yang berhijrah terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah. Golongan ini terpaksa mencari kawasan perumahan yang bersesuaian dengan pendapatan mereka.

Keperluan rumah kos rendah ini telah menyebabkan tumbuhnya beberapa kawasan setinggan. Negeri Johor merupakan antara kawasan yang paling pesat membangun di Malaysia. Pembangunan ini memberi kesan yang positif dan negatif kepada pembangunan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, permintaan bagi perumahan golongan berpendapatan rendah adalah salah satu isu yang harus ditangani. Kekurangan penawaran rumah kos rendah adalah berpunca daripada permintaan perumahan yang tinggi dari golongan ini dan secara tidak langsung ia mengakibatkan wujudnya kawasan-kawasan setinggan. Satu lagi masalah pertumbuhan kawasan setinggan, adalah disebabkan oleh golongan yang berpendapatan sederhana dan tinggi, juga terlibat sama dalam pembelian rumah kos rendah yang khususnya untuk golongan berpendapatan rendah. Ini menyebabkan terdapat persaingan yang tinggi untuk mendapat rumah kos rendah yang terhad penawarannya. Bagaimanakah terdapat kebocoran dalam sistem tersebut? Kita sedia maklum bahawa tujuan kerajaan membina rumah kos rendah adalah untuk mereka yang berpendapatan rendah. Tetapi hari ini, terdapat kes di mana, mereka yang tidak layak, atau mempunyai pendapatan yang melebihi kriteria yang dibenarkan, juga layak mendapat rumah kos rendah ini. Dan apabila kita lihat di setengah-setengah kawasan perumahan, kita boleh lihat bahawa rumah kos rendah ini diubah suai serta nampaklah seperti banglo. Dan, saya rasa mungkin jumlah kos mengubahsuainya mungkin meningkat di antara RM80,000.00 hingga RM100,000.00. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa, mereka, setengah-setengah mendapat rumah kos rendah memang tidak layak untuk mendapat rumah kos rendah tersebut. Jadi sistem ini haruslah diperketatkan. Masalah ini membawa kepada wujudnya kawasan-kawasan setinggan, kesan dari kekurangan pembinaan rumah-rumah kos rendah yang mampu disewa atau dibeli oleh mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertambahan pusat-pusat perkhidmatan dan kawasan-kawasan perindustrian di kawasan bandar merupakan faktor yang menjana kepada wujudnya peluang-peluang pekerjaan. Ini menyebabkan lebih banyak kawasan setinggan tertumpu di celah-celah pusat bandar dan di sepanjang landasan kereta api. Masalah pencerobohan ini telah menyebabkan kerugian besar terhadap Kerajaan Negeri kerana sebilangan besar, hasil tidak dapat diperolehi, disebabkan ketiadaan pemilik yang sah. Kegagalan dalam persaingan untuk mendapatkan rumah ini menyebabkan mereka beralih kepada alternatif lain yang didapati lebih mudah dan lebih murah. Alternatif menempatkan diri di kawasan-kawasan setinggan kerap dipilih sebagai langkah penyelesaian sama ada untuk jangka pendek ataupun jangka panjang. Faktor kemiskinan juga adalah salah satu faktor yang perlu diberi perhatian yang serius kerana ia juga merupakan penyumbang besar kepada kes-kes yang melibatkan kes setinggan. Berdasarkan kepada tafsiran ini, maka adalah tidak mustahil, kebanyakan mereka yang menceroboh, untuk dijadikan kawasan penempatan adalah terdiri daripada mereka yang miskin atau yang mempunyai purata pendapatan yang rendah. Keadaan ini mungkin berlaku akibat dari desakan hidup dan keadaan sekelilingnya. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan, juga wujud golongan yang *opportunist*,

dengan izin, yang sama-sama mengambil kesempatan menceroboh tanah kerajaan atau swasta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, salah satu kesan sampingan yang timbul dari masalah setinggan ini ialah masalah sosial dan jenayah di kalangan masyarakat. Berpunca dari latar belakang penghuni itu sendiri dan keadaan persekitaran. Tahap pelajaran yang rendah, keadaan tempat tidur yang sesak, kotor dan tidak teratur, akan membentuk satu keadaan persekitaran yang tidak sihat dan sesuai untuk tujuan kediaman. Ini akan mempengaruhi sikap dan moral perlu disemai yang terbukti mengalami banyak masalah sama ada masalah sosial, jenayah, kesihatan dan sebagainya. Kegiatan pencerobohan tanpa kawalan ini bukan sahaja menggugat persekitaran dalam bentuk pandangan, malah keadaan ini yang tidak teratur dan terkawal telah menyebabkan berlaku isu ataupun masalah lain seperti pencemaran, masalah sosial dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan-kawasan penempatan setinggan ini, kebanyakannya melibatkan tanah-tanah kerajaan, rizab kereta api, rizab parit dan setengah-setengah penempatan setinggan ini didirikan di atas tanah milik persendirian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri haruslah mengambil satu tindakan yang komprehensif dan sistematik untuk menyelesaikan masalah setinggan ini, terutamanya mereka yang tinggal di sepanjang landasan kereta api atau rizab kereta api. Dengan status Negeri Johor sebagai salah satu negeri yang pesat membangun di Malaysia, tetapi masih terdapat penduduk di negeri ini yang berstatus setinggan. Apa guna negeri maju, sekiranya rakyatnya masih ada yang tidak mampu memiliki rumah sendiri atau mendirikan rumah untuk melindungi mereka dari panas dan hujan, ribut dan taufan. Janganlah kita tunggu sehingga ada projek pembangunan di kawasan tersebut, baru kita nak bincang mengenai memindahkan penduduk setinggan tersebut di kawasan yang baru atau berbincang pasal pampasan. Jadi saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, agar berserta bersama agensinya seperti Jabatan Perumahan Negeri, Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara Berhad dan pihak swasta haruslah memulakan satu program penempatan semula setinggan supaya di Negeri Johor, setiap keluarga, sekurang-kurangnya memiliki sebuah rumah. Kerajaan Negeri haruslah membentuk satu mekanisme termasuk pinjaman dan syarat-syarat lain supaya setiap keluarga di Negeri Johor mampu memiliki sebuah rumah iaitu dalam Bahasa Inggeris, *One Family One House Concept*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila kita melihat golongan belia pada hari ini, terutamanya belia yang baru mula bekerja dan baru mendirikan rumah tangga, mereka selalunya membuat perbelanjaan yang sia-sia ataupun memberi *priority* kepada perbelanjaan yang tidak membawa kepentingan seperti membeli kereta mewah dan juga, tidak ada sebarang tindakan untuk melabur atau membuat simpanan. Setiap belia-belia di Negeri Johor ini, terutama mereka yang baru mendirikan rumah tangga, harus digalakkan untuk memiliki sebuah rumah supaya masalah-masalah seperti ini dapat diselesaikan dalam jangka panjang. Kalau kita lihat kebanyakan remaja pada hari ini,

mereka lebih tumpukan kepada membeli kereta yang mewah, memasang aksesori yang berlebihan pada kereta mereka, motosikal pulak di *modified*, dengan izin, dengan bermacam-macam benda. Dan mereka pergi ke bank bukan untuk membuat simpanan, tetapi untuk *withdraw* duit. Jadi, Kerajaan Negeri haruslah membuat satu kempen, kalau boleh mengajar anak-anak di Negeri Johor ini agar pandai berjimat-cermat dan juga mempunyai satu wawasan iaitu setiap belia sebelum umur 30 tahun sekurang-kurangnya mampu memiliki sebuah rumah di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga dalam Bajet 2009, telah memberi penekanan kepada menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat. Tetapi pada hari ini, ada satu masalah yang sangat serius, iaitu masalah sosial yang lain, yang melanda negara kita. Maka, malah masalah ini kian hari kian meruncing. Amalan meminum minuman keras atau minuman beralkohol dan samsu merupakan satu tabiat buruk terutama sekali pada remaja kita pada hari ini. Negara kita memerlukan generasi remaja yang sihat dan kuat untuk meneruskan cabaran pembangunan negara masa hadapan. Kita tidak mahu melihat remaja kita lemah dan khayal dalam dunia mereka sendiri. Larangan agama sememangnya berasas malah setiap agama di negara ini turut melarang tabiat tersebut di kalangan pengamal agamanya. Selain memabukkan, samsu juga memudaratkan diri sekiranya diamalkan berterusan. Minuman beralkohol seperti samsu adalah umpama kombinasi dadah dan racun dalam badan kita. Kesan ketagihan akibat meminum samsu, bukannya bergantung kepada jenis samsu, tetapi jumlah yang diminum pada satu-satu masa. Ini yang menyebabkan, ini yang membuatkan, kebanyakan kaki botol yang bertindak di luar batas kemanusiaan. Mereka semua sudah tiada lagi dapat berfikir dengan betul.

Yang Berhormat Datuk Speaker, samsu merupakan alkohol yang paling murah di Malaysia, di mana ianya berharga di antara RM1.50 hingga RM3.00 sebotol dan terdapat jenama, banyak jenama yang dijual di pasaran, di mana kandungan alkoholnya di antara 40% hingga 70%.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Seksyen 32 (1) dan Seksyen 33 (1), Excise *Act*, dengan izin, 1976 menyatakan bahawa samsu hanya boleh dijual di premis kedai yang berlesen. Tetapi malangnya, minuman ini juga dijual di kedai-kedai yang tidak berlesen seperti di kedai runcit terutamanya di kawasan pendalaman, ladang dan estet. Dan minuman ini juga dijual tanpa kira had umur, di mana, ia juga dijual kepada remaja dan pelajar sekolah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain dari kesan ke atas kesihatan, ia juga boleh menimbulkan pelbagai masalah sosial. Masalah ketagihan alkohol boleh merosakkan hubungan persahabatan, kehilangan pekerjaan, hutang, simpanan keluarga dihabiskan, masalah rumah tangga, penganiayaan, penderaan, keruntuhan moral, terlibat dengan jenayah dan sebagainya. Jadi masalah penjualan samsu haruslah dibendung dari peringkat akar umbi.

Dan Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dengan rendah diri, mencadangkan di Dewan yang mulia ini, agar penjualan samsu diharamkan di Negeri Johor Darul Ta'zim. Dan, saya berharap agar cadangan saya akan disokong oleh

rakan-rakan seperjuangan, yang lahir dari Barisan Nasional dan juga Pakatan Rakyat. Pada masa yang sama, penguatkuasaan juga haruslah diperketatkan agar penjualan alkohol yang lain tidak dijual sewenang-wenangnya di semua kedai atau kepada sesiapa tanpa batasan had umur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan Program Hikmah oleh Yayasan Pelajaran Johor. Program ini juga dikenali sebagai Tuisyen Kampung yang merupakan sebuah program kecemerlangan yang diberi secara percuma oleh Kerajaan Negeri khusus bagi pelajar-pelajar menghadapi UPSR, PMR dan SPM.

Di kesempatan ini, saya mencadangkan agar konsep Tuisyen Kampung ini juga dilanjutkan untuk pelajar-pelajar luar bandar, ladang dan estet supaya pelajar-pelajar kawasan tersebut juga tidak terlepas dari menerima faedah dari skim ini termasuk mereka dari SJK(C) dan SJK(T).

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di muka surat 60, Bajet 2009 telah menyatakan mengenai merancang pembangunan bandar dan desa yang seimbang dan mampan. Yang Berhormat Datuk Speaker, usaha juga harus diambil oleh kerajaan mengurangkan jurang pembangunan di antara kawasan luar bandar dan bandar. Selain daripada penambahan peruntukan untuk projek-projek pembangunan, formula pembangunan yang lebih bersepadu, menyeluruh lagi dinamik harus dijangka untuk bandar-bandar kecil seperti di Pekan Kahang di DUN Kahang. Sudah sampai masa bahawa pembangunan mestilah seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kemudahan prasarana di Kahang juga harus diperbaiki supaya menggalakkan peluang baru ekonomi untuk menjana pendapatan dan pekerjaan terutamanya berkaitan dengan industri asas tani, perkhidmatan dan pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa yang sama juga saya meminta agar jalan raya yang menjadi jalan penghubung pada Bandar Kluang ke Kahang dan seterusnya ke Mersing dinaik taraf sepertimana jalan raya di antara Batu Pahat ke Kluang. Buat masa ini jalan tersebut tidak selamat kerana bukan sahaja jalan tersebut berliku-liku, jalannya tidak rata dan berlubang di sana sini. Pada waktu malam pula, keadaannya sungguh gelap tanpa lampu dan telah menyebabkan banyak kemalangan terutama kemalangan yang meragut nyawa. Pada masa yang sama juga, ciri-ciri keselamatan juga tidak terdapat di sepanjang jalan tersebut. Oleh yang demikian, saya merayu agar tindakan segera diambil untuk menaik taraf jalan tersebut. Saya juga meminta agar jalan yang menuju ke FELDA Kahang Timur dan FELDA Kahang Barat juga diperbaiki. Buat masa ini jalan tersebut penuh berlubang di sana sini menyebabkan jalan tersebut tidak begitu selamat pada waktu malam terutamanya bagi penunggang motosikal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memang tidak dapat dinafikan bahawa warga FELDA adalah merupakan penyokong kuat kerajaan Barisan Nasional. Dan ini

telah pun diterjemahkan dalam pilihan raya umum yang lepas bahawa di setiap FELDA terutamanya di FELDA di DUN Kahang sahaja, sehingga di 6 Rancangan FELDA dan di setiap Rancangan FELDA saya telah mendapat undi lebih daripada 88%. Dan, walaupun saya adalah calon yang baru dan juga seorang calon daripada MIC tetapi, warga FELDA telah menyokong kerajaan Barisan Nasional. Oleh yang demikian, warga FELDA tidak harus diabaikan. Apa jua masalah di kawasan FELDA harus diteliti dan usaha harus diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut terutamanya isu-isu berkaitan dengan infrastruktur dan juga kemudahan awam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya percaya pada masa ini terdapat sedikit kekeliruan kerana apabila sesuatu isu berkaitan dengan infrastruktur dikemukakan kepada pihak yang berkenaan, Jabatan-Jabatan yang berkenaan, jawapan mereka mudah sahaja, hubungi FELDA, FELDA akan uruskan. Tetapi berapa banyak yang FELDA boleh buat? Saya percaya isu di sini ialah, bagi pengundi, mereka tidak pedulikan jabatan mana yang boleh menyelesaikan masalah tersebut, tetapi sama ada masalah tersebut boleh diselesaikan ataupun tidak. Dan saya percaya, agar pihak-pihak yang terlibat terutama EXCO dapat menerangkan di Dewan yang mulia ini nanti bahawa siapa pihak yang harus bertanggungjawab kerana setengah-setengah jabatan apabila contohnya jalan dan sebagainya apabila kita kemukakan mereka maklumkan jumpa dengan pihak FELDA. Jadi saya percaya isu-isu seperti yang contohnya jalan berlubang dan sebagainya Jabatan-Jabatan berkaitan boleh membantu kerana mereka telah menyumbang kepada kemenangan besar Barisan Nasional. Dan sebagai jentera kerajaan mereka haruslah membantu Wakil Rakyat di kawasan tersebut untuk menyelesaikan masalah rakyat terutamanya di kawasan-kawasan FELDA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di muka surat 26, Bajet 2009 telah menyatakan bahawa Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor telah menyelaras Kajian Pergerakan Pelancongan Negeri Johor yang diselesaikan pada tahun 2008. Hasil kajian tersebut menunjukkan 5 tempat tarikan yang merupakan pilihan utama para pelancong ke Negeri Johor iaitu Bandaraya Johor Bahru, Kukup dan Taman Negara Pulai-Kukup, Taman Negara Tanjung Piai, Bandar Mersing dan kepulauan serta Gunung Ledang dan Air Terjun Gunung Ledang. Beliau juga menyatakan bahawa sehubungan dengan itu, bagi tahun 2009 penjenamaan semula akan dilakukan dalam usaha mempertingkatkan lagi kedatangan pelancong ke Negeri Johor. Tumpuan juga akan diberikan bagi membangunkan 2 produk sub-sektor pelancongan yang utama iaitu *Homestay* dan *Agro Tourism* dan Ekopelancongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mencadangkan agar Kahang juga dibangunkan sebagai salah satu pusat pelancongan yang baru. Selain daripada Gunung Berlumut sebagai salah satu kawasan tarikan di kawasan Kahang terdapat 6 Rancangan FELDA, 9 Perkampungan Orang Asli, terdapat Perkampungan Tradisional Orang Melayu, Orang Cina dan juga India di mana saya percaya kawasan ini sesuai dijadikan sebagai pusat *Homestay* dan *Agro Tourism*. Selain dari itu, di sini juga terdapat kawasan penanaman buah naga yang besar, Kahang *Organic Rice Farm* yang menghasilkan beras organik yang juga dapat menarik minat para pelancong terutamanya dari luar negara. Dan

selain dari itu, terdapat juga sungai-sungai yang sangat sesuai untuk memancing dan sukan ekstrem.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pekan Kahang adalah pekan yang terakhir sebelum para pelancong memasuki Taman Negara. Oleh yang demikian, saya meminta agar prasarana di Pekan Kahang diperbaiki seperti membina pusat menjual kraf tangan, cenderahati, alat-alat perkhemahan, dan barang-barang untuk keperluan perkhemahan. Saya mencadangkan agar Pekan Kahang dijadikan pusat untuk membeli belah keperluan yang secukupnya untuk perkhemahan sebelum para pelancong memasuki Taman Negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dengan kata-kata itu, sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kempas.

Y.B Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, jemput Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk terlibat dan mengambil bahagian dalam perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009), tahun 2008 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dan seluruh warga Semarang ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di atas kejayaan yang telah ditempa dan perancangan yang telah dibina untuk kemajuan negeri dan negara yang tercinta ini.

Melihatkan kepada Teks Ucapan Bajet 2009 yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini, kita harus menghayati tentang pengisiannya dan juga cara penyampaiannya. Ia dilihat sebagai satu ucapan yang begitu *comprehensive* dengan izin, dan satu perkara yang baru yang tidak pernah ada dalam ucapan belanjawan sebelum ini adalah ianya mengisikan 70 muka surat ucapan belanjawan tetapi lebih daripada itu juga ia dibekalkan dengan 278 muka surat yang berisi tentang program-program dan projek-projek yang dilihat sebagai janji-janji kerajaan melalui Jabatan-Jabatan untuk dilaksanakan dalam tahun 2009 ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan kalau ianya dilihat sebagai satu janji, kalau ianya digubal melalui perbincangan-perbincangan yang terperinci, kalau ianya diketengahkan dengan begitu yakin berdasarkan kepada potensi yang ada, sewajarnya kita harus melihat ini sebagai satu janji yang konkrit yang perlu diimplementasikan dalam waktu yang terdekat.

Semarang melihat seperti biasa ianya sebagai satu janji. Apabila janji ianya harus dikotakan. Dan saya ingin mengingatkan diri saya dan semua pihak, saya mengharapkan agar janji-janji ini bukan sekadar janji-janji kosong yang dibuat di atas perkara-perkara yang remeh kerana Yang Berhormat Datuk Speaker rata-rata Ahli-Ahli Dewan Negeri telah mengutarakan berbagai idea dan juga cadangan-cadangan. Malahan, kita telah mendengar bagaimana mereka bukannya main-main. Mereka juga mengharapkan juga tindakan yang bukan main-main. Pendek kata, kita jangan banyak main-main. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, melihatkan kepada apa yang telah diketengahkan ini, ianya dilihat sebagai satu perkara yang baik. Kalau dikatakan ianya telah dibincangkan begitu terperinci, apakah ianya benar-benar telah mengenal pasti kumpulan-kumpulan sasaran yang terlibat? Kalau ianya telah melihat kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang terlibat, seharusnya ada usaha pemantauannya juga diadakan. Kalau dulu dalam penggal-penggal yang dahulu, ada diadakan pemantauan dengan izin, *quarterly* ataupun suku tahun pertama, suku tahun kedua, suku tahun ketiga dan suku tahun keempatnya, bagaimana sekarang? Mungkin kerajaan kita bertambah sibuk, mungkin bertambah beban yang ada. Tetapi, bagaimana pula dengan jawatankuasa-jawatankuasa yang ada? Apakah mereka melihat sejauh mana perancangan-perancangan yang telah diutarakan, diketengahkan ini dilaksanakan? Justeru itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengharapkan, selain daripada janji kita hamburkan, selain daripada janji kita paparkan kepada umum, harus ada usaha-usaha untuk kita memantau satu persatu tentang apa yang dijanjikan ini. Kerana, ini adalah untuk kebaikan rakyat jelata. Kerana, ia juga adalah gaya kita untuk memastikan kita memacu kerajaan yang ada ni dengan lebih berjaya di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mengharapkan bahawa kerajaan melalui portfolio-portfolio yang ada ini akan mengenal pasti kegagalan-kegagalan tentang projek-projek yang masa lalu. Justeru, kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa kita harus bekerja dengan lebih *hands-on* dengan izin, ataupun turun ke akar umbi. Lebih mengenali, kita bercerita tentang prinsip dan juga konsep yang diperkenalkan di peringkat negeri. Permasalahannya, apakah ianya difahami dan dihayati oleh mereka di peringkat bawahan? Sedangkan usaha-usaha pengembangan ataupun *extension job* dengan izin, harus juga diperbaiki di peringkat akar umbi. Dengan kata lain, *delivery system* ataupun sistem penyampai di peringkat bawahan juga harus menghayati dan memahami tentang aspirasi dan cita rasa kerajaan masa kini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat saya tadi tertarik dengan ucapan daripada rakan saya daripada Kahang, yang mengesyorkan agar samsu diharamkan. Sebagai orang yang pertama, saya menyokong penuh cadangan daripada Kahang. (Dewan bertepuk). Inilah cantiknya kita di Malaysia ini. Ada orang setengah menyatakan bahawa samsu, arak untuk orang bukan Islam. Saya rasa itu bukan satu perkara yang betul. Tidak ada satu agama pun yang membenarkan minum arak. Tak begitu Ustaz? (Dewan ketawa). Rasanya begitu. Jadinya, inilah satu cantiknya. Tidaklah menjadi perkara yang harus dibesar-besarkan, apabila menyentuh tentang arak,

tentang judi, tentang rumah urut, memang semua tak boleh buat jahat. Mana ada satu agama yang membolehkan kita buat yang tak baik ni? Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berhenti di situ berkenaan dengan agama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin membawa tentang perkara-perkara yang telah dibawakan oleh pembangkang. Kadangkala saya geli, kadangkala saya macam gatal-gatal badan apabila kita asyik menceritakan dengan kehebatan pemimpin-pemimpin pembangkang di negeri-negeri yang lain. Bentayan berbangga kerana mereka menyatakan bahawa rakyat sana lebih pandai kerana memilih pembangkang.

Harus diingat, ada 50 Dewan Negeri yang menyokong Barisan Nasional. Mereka tidak lebih bodoh daripada yang lain. (Dewan bertepuk). Realiti ini harus difahami dan pada masa yang sama, kalau kita mengibaratkan satu pemimpin seperti Umar Al-Aziz, masakan seperti di *Penang*, satu negara Umar Al-Aziz mengadakan *Competition Street, Street Dance Competition*, dengan izin, pertandingan, apa tu, Tarian Jalanan Peringkat Negeri. Masakan Umar Abdul Aziz melakukan sebegitu. Mengadakan Pertandingan *The King of Tennis*, jadah tu, dengan izin, yang gagal. Ataupun saya rasa mereka harus memperbandingkan atau ingin meningkatkan imej pemimpin antara pemimpin-pemimpin pembangkang negeri-negeri mereka. Tak payah dicampurkan dengan Johor dan yang lain-lain. Kerana kita lebih hebat dan lebih berjaya daripada negeri-negeri yang ada ini, Yang Berhormat Datuk Speaker. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga hendak membawa kepada Dewan ini berkenaan dengan Pakatan Rakyat ni. Pakatan Rakyat ni didaftarkan di mana? Di mana ada Pakatan Rakyat ni? Kalau didaftarkan, di mana ibu pejabatnya? Di peringkat negerinya, di peringkat pusatnya di mana? Siapa presidennya? Siapa pengerusinya? Siapa naibnya?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Pandang depan Yang Berhormat. Pandang Datuk Speaker. Haa… (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Maaf, Yang Berhormat Datuk Speaker. Tak, kot kot ada yang dekat sini naib-naibnya. Di mana di peringkat negerinya, di mana? Sebenarnya interpelasi Pakatan Rakyat itu dibuat oleh siapa dan diiktiraf oleh siapa? Yang kita pula terikut-ikut ni kenapa? Sedangkan di antara mereka seperti air dengan minyak dengan ideologi-ideologi yang berbeza. Sebenarnya rakyat kita tertipu waktu pilihan raya. Apa tidak tertipunya? Satu parti yang mempunyai ideologi yang tersendiri dengan lambang yang tersendiri minta mereka menyokong parti yang lain. Ada dalam dunia macam ini? Tak ada. MIC, MCA, UMNO duduk dalam Barisan Nasional. Kita tak gunakan lambang UMNO, kita tak ada gunakan lambang MIC, kita tak ada gunakan lambang MCA, Gerakan, PPP. Sebut lagi, tak ada. Kita gunakan lambang Barisan Nasional, BN. Ini pun satu juga, SPR pun nak kena tengok. Ini hanyalah satu perkongsian tepi jalan untuk merobohkan kerajaan. Untuk membangunkannya, saya cabar, belum boleh. Ini bukan Indonesia, partinya pelbagai. Mereka ber*turn*, mereka berlawan sesama mereka dalam pilihan raya. Dah menang baru nak bercantum. Sebab itulah Indonesia terapok

politiknya. Ini Malaysia, sebab itu kita jangan tertipu. Sebab itu kalau di antara mereka, kenapa, kenapa kita harus nyatakan bahawa mempersetujui, ada mereka mempersetujui bahawa salah seorang mereka layak menjadi Perdana Menteri. Adakah mereka itu sebagai, adakah dia itu sebagai presiden, Pengerusi Pakatan Rakyat? Tidak. Yang kita nak terikut-ikut ni kenapa? Tidak.

Sebab itulah dalam hal ini Yang Berhormat Datuk Speaker, jangan sampai kita tertipu. Kita tak nak cerita pasal Obama, *time to change*, dengan izin. Obama bercakap *American English*. Meraka tidak memperjuangkan soal bahasa Afrika di sana. Mereka tidak orang kata memperjuangkan soal sekolah-sekolah aliran Afrika, Kenya di sana. Mereka adalah *total American*. Sebab itulah mereka diterima oleh semua. Kerana mereka memperjuangkan satu *American*. Inilah yang diharapkan kepada kita. Kita kadang kala seronok mengambil contoh-contoh yang tak boleh diaplikasikan untuk menghalalkan segala-galanya, oh, ambil contoh ini. Tetapi sebenarnya tidak realistik untuk dilaksanakan dalam negara yang bernama Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa dan kaum ini Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Mukadimahnya, Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Mukadimah? Mukadimah, duduklah Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 5 Disember 2008 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEBELAS	JUMAAT, 5 DISEMBER 2008	BIL. 4 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon, jemput.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1. Terima kasih.

Sistem Penyampaian Dalam Institusi Agama.

Di Malaysia, suntikan sumber manusia, kewangan dan penekanan oleh pihak Kerajaan dan awam, dari pelbagai agama, semakin meningkat. Namun begitu, kita dapati trend keruntuhan moral masyarakat juga semakin meningkat, merangkumi segenap lapisan masyarakat, agama dan keturunan. Ini meliputi jenayah kolar putih, rompak, ragut, pecah rumah, kecurian, politik wang, dadah, kecuaian dalam kerja, rasuah, pemalsuan identiti, skim cepat kaya, gores dan menang dan sebagainya. Semangat kesukarelaan dan prihatin sesama jiran dalam sistem masyarakat semakin kabur. Apakah ini merupakan manifestasi dari masalah-masalah yang timbul akibat kelemahan dalam sistem penyampaian institusi agama?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, dunia hari ini sedang berdepan dengan isu-isu seperti globalisasi, dunia tanpa sempadan dan sebagainya. Banyak perubahan sedang berlaku dan memberi kesan kepada cara hidup, sosioekonomi, sistem kepercayaan, nilai dan moral masyarakat yang terlibat dalam perubahan ini. Malaysia sebagai sebuah negara yang konservatif dengan budaya timur, tidak terlepas dari ancaman ini termasuklah negeri kita Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam menghadapi isu ini, Jabatan Agama Johor terus memainkan peranan di dalam menyebarkan kefahaman dan pendidikan Islam kepada seluruh lapisan masyarakat Islam. Dalam usaha membentuk individu yang berperibadi unggul serta memperoleh keutuhan budaya dan moral yang tinggi. Jabatan Agama Johor telah pun melaksanakan beberapa program yang dirancang dan akan mempertingkatkan pelaksanaan aktiviti, dengan melibatkan Persatuan-Persatuan, NGO atau Badan Bukan

Kerajaan Muslim khususnya, untuk bekerjasama dalam menangani keutuhan moral di kalangan masyarakat hari ini.

Berbagai-bagai program telah dilaksanakan antaranya Program Dakwah, Program Pendidikan Agama, Program Pembangunan Keluarga, Program Mengimarahkan Masjid, Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah dan sebagainya. Penyampaian aktiviti ini telah dilaksanakan melalui pendekatan kursus, seminar, ceramah, forum, lawatan, ziarah, bantuan, media cetak, radio dan sebagainya.

Namun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, nilai tambah kepada sistem penyampaian ini akan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa, mengikut kesesuaian dan keadaan yang berlaku. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, harus diingat usaha-usaha menangani gejala sosial dalam menghadapi era yang saya nyatakan tadi. Tidak seharusnya dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan semata-mata. Malah ianya perlu ditangani secara bersama dengan melibatkan individu itu sendiri, ibu bapa, keluarga, masyarakat, badan-badan NGO dan seluruh lapisan masyarakat, bersama berganding bahu memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha menghadapi serta membendung gejala ini dari berleluasa. Kerajaan telah berusaha melaksanakan dasar-dasar untuk pembangunan insan itu sendiri. Namun sokongan oleh semua pihak perlu berjalan seiring untuk mencapai tujuan dalam melahirkan insan yang cemerlang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Berapa ramai lepasan pelatih Giat MARA yang telah dilahirkan di Johor dan berapa pula usahawan Giat MARA yang telah berjaya di Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, Giat MARA telah mula bertapak di Negeri Johor pada pertengahan tahun 1992. Dan, sehingga ke hari ini, terdapat 22 buah Pusat Giat MARA telah beroperasi sepenuhnya, sementara sebuah lagi dalam proses pembinaan iaitu Giat MARA Pasir Gudang. Setelah lebih kurang 16 tahun penubuhannya di negeri ini, Giat MARA telah berjaya melahirkan 13,252 pelatih dalam pelbagai bidang kemahiran. Daripada jumlah tersebut, pecahan lepasan pelatih adalah sebagaimana berikut – pelatih yang dapat dikesan menjadi usahawan seramai 444 orang; pelatih yang telah pun mendapat pekerjaan sama ada di sektor swasta ataupun kerajaan seramai 9,442 orang; yang melanjutkan pelajaran 925 orang; yang masih lagi menjalani proses inkubator untuk menjadi usahawan seramai 94 orang; yang baru

menamatkan latihan pada bulan Jun 2008, 690 orang; yang tidak dapat dikesan, ini mungkin disebabkan mereka bertukar kerja ataupun bertukar alamat seramai 1,657 orang; dan yang sedang mengikuti latihan di antara bulan Jun hingga Disember 2008, 882 orang.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker. Apakah jenis kursus yang ditawarkan dan jangka masa dalam Giat MARA ini dan sejauh mana pencapaian ataupun lepasan Giat MARA ini diterima di pasaran tempatan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan kursus-kursus yang ditawarkan, kebanyakan kursus di Pusat Giat MARA ditawarkan untuk tempoh atau jangka masa di antara 6 bulan sehingga 12 bulan. Namun begitu, ada juga beberapa kursus yang melangkaui tempoh tersebut sehingga 18 bulan.

Antara kursus yang ditawarkan ialah dia terbahagi kepada beberapa kluster – yang pertamanya kluster senibina, kursus yang dipanggil *industrial maintenance*, jangka masa kursus ialah 12 bulan dan peserta Giat MARA juga dikehendaki untuk menjalani tempoh latihan industri selama 3 bulan. Bagi kluster mekanikal, kursus teknologi kimpalan dan fabrikasi logam, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri 3 bulan. Bagi kluster pengangkutan, kursus teknologi automotif, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri 3 bulan. Dan, bagi teknologi baik pulih dan mengecat kenderaan, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri selama 3 bulan. Bagi kursus teknologi motosikal, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri juga 3 bulan. Dan, bagi penyelenggaraan enjin marin, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri juga 6 bulan. Bagi kluster pembuatan, kursus yang diberi nama *fiber glass and composite technology*, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri 3 bulan. Dan, bagi kluster elektrikal, kursus yang diberi nama pendawai elektrik, jangka masa kursus 15 bulan dan juga latihan industri 9 bulan. Dan, bagi kursus teknologi penyejukbekuan dan penyaman udara, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri 3 bulan. Bagi kluster komputer dan juga IT, kursus yang diberi nama *technology system computer*, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri 3 bulan. Dan, bagi kluster mekatronik, jangka masa… kursus yang diberi nama teknologi elektronik, audio visual, jangka masa kursus 12 bulan dan latihan industri 3 bulan. Dan, bagi kursus elektronik industri, jangka masa kursus 12 bulan dan latihan industri 3 bulan. Dan bagi kluster fabrik, kursus yang diberi nama *fashion and dress making*, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri 3 bulan. Dan, bagi solekan dan terapi kecantikan, jangka masa kursus 6 bulan dan latihan industri 3 bulan.

Bagi menjawab soalan tambahan kedua mengenai dengan penerimaan pelatih-pelatih Giat MARA di dalam pasaran, seperti yang saya nyatakan tadi, daripada 13,252 pelatih Giat MARA yang telah pun tamat latihan, kita dapat mengesan lebih kurang hamper 90%. Dan, kebanyakan daripada mereka ini telah pun sama ada mendapat pekerjaan sepertimana yang saya sebutkan di

sektor Kerajaan ataupun di sektor swasta, dan ini merupakan jumlah yang besar iaitu 9,442 dan ada juga yang menjadi usahawan. Yang dapat kita kesan sejumlah 444 orang.

Y.B. Dato' Speaker : Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cuma ingin tahu dalam tiap-tiap Giat MARA, ada berapa ramai pelatih tiap-tiap satu Giat MARA? Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Saya tidak membawa angka yang mungkin tepat Yang Berhormat Dato' Speaker, ia bergantung kepada saiz Pusat Giat MARA. Ada Pusat Giat MARA mungkin 50 orang, 100 orang dan mungkin lebih daripada angka tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Tadi kita dapat jawapan bahawa 90% *graduate* dari MARA itu telah dapat kerja ataupun makan gaji atau buat kerja sendiri. Baki 10% yang tidak disebutkan, apakah mereka buat? Adakah mereka menganggur ke atau bagaimana ke, kita tak tahu situasi. Ataupun kita kena ubah suai *marketability* kursus…

Y.B. Dato' Speaker : Wah dia kena cari eh tu 9% ha…

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Untuk senang cari kerja. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : EXCO satu Johorlah. Teruk juga hi..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada 13,000 tadi yang kita dapat tak dapat kesan ialah 1,657. Lebih kurang, mungkin lebih sedikit daripada 10%. Dan, tak dapat dikesan ini tak bermakna bahawa mereka ini tidak mempunyai pekerjaan ataupun mereka masuk dalam kategori yang menganggur. Mungkin di kalangan itu ada juga, tapi kita penuh yakin bahawa daripada 1,657 ini, kita tak dapat kesan sebenarnya mungkin disebabkan oleh mereka bertukar alamat ataupun mereka menukar pekerjaan mereka. Tapi rata-rata apa yang maklum balas yang kita perolehi bahawa kursus-kursus kemahiran bagi pelatih-pelatih di Pusat Giat MARA ini memenuhi kehendak pasaran. Dan, alhamdulillah hampir boleh kita katakan satu peratusan yang agak tinggi di mana pelatih-pelatih ini bila keluar daripada Pusat Giat MARA akan memperolehi sama ada pekerjaan ataupun diterima untuk, ataupun menjadi usahawan yang dibimbing sendiri oleh pihak MARA itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Nasib baik, Yang Berhormat Kempas. Oklah. Apa nak tanya?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salah satu pendekatan yang dibuat oleh MARA, dalam soal Giat MARA ini ialah menubuhkan bengkel-bengkel di setiap kawasan Parlimen dan juga DUN. Tapi saya lihat tumpuan hanya diberi kepada kawasan-kawasan rural ataupun luar bandar. Kurang sekali saya lihat di kawasan-kawasan *urban*, di kawasan-kawasan bandar, untuk pihak MARA mendirikan bengkel-bengkel Giat MARA ini. Saya nak tahu apakah permasalahan yang timbul dalam soal untuk mendirikan Pusat Giat MARA atau bengkel ini? Contohnya di kawasan saya. Saya dah memohon lebih daripada 6 tahun tapi sampai hari ini, tak ada respons pun. Terima kasih.

Y.B. Jawatankuasa Pengerusi Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, antara matlamat penubuhan Giat MARA ialah untuk pertamanya, melahirkan tenaga kerja mahir di negara kita dan mewujudkan juga usahawan-usahawan di kalangan Bumiputera khususnya, dan juga membantu bagi membasmi masalah kemiskinan terutamanya di luar bandar. Kerana ramai kalau peringkat asalnya dulu, objektif Pusat Giat MARA lebih kepada memberi latihan kepada mereka-mereka yang mungkin tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke Pusat-Pusat Pengajian Tinggi dan oleh kerana mereka mempunyai minat dalam bidang-bidang kemahiran, maka Giat MARA memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran. Dan, tapi bersesuaian dengan keadaan semasa maka Giat MARA telah pun meletakkan satu wawasan baru iaitu antara matlamat penubuhan Pusat Giat MARA ialah untuk membantu mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera berkualiti bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Maka akhir-akhir ini kita melihat bahawa ramai juga pelatih-pelatih dari Pusat Giat MARA yang diberi bimbingan untuk menjadi usahawan. Dan, mereka-mereka ini diberi peluang juga untuk memperolehi modal sama ada dari MARA itu sendiri ataupun daripada TEKUN. Dan, Giat MARA juga bersama-sama dengan MARA memang mengenal pasti beberapa mungkin lokasi-lokasi yang strategik yang boleh didirikan bengkel-bengkel ataupun pusat-pusat perniagaan untuk membolehkan bekas-bekas pelatih Giat MARA ini menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Memang setiap tahun MARA mempunyai peruntukan untuk membangunkan premis-premis perniagaan dan keutamaan memang diberikan kepada bekas-bekas pelatih ataupun usahawan-usahawan yang mendapat bimbingan daripada pihak MARA.

Mengenai dengan lokasi bengkel, memang kita tak nafikan. Di kawasan bandar masalah yang dihadapi oleh pihak MARA ialah kesukaran untuk mendapatkan tempat walau, dan juga mungkin peruntukan yang agak juga terhad kerana kita mempunyai siling peruntukan tertentu setiap tahun untuk melaksanakan program membina premis-premis baru untuk perniagaan, untuk melahirkan usahawan. Namun begitu sekiranya ada kawasan yang strategik yang, Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada saya, mungkin saya boleh bantu untuk apa tu, mungkin membuat permohonan kepada pihak MARA. Dan di Johor Bahru, kita di peringkat, di pihak MARA sendiri, kita telah pun mewujudkan satu pusat yang kita beri nama Smart Auto di Larkin yang menempatkan usahawan-usahawan yang terlibat dalam bidang automatif.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng See Tiong, jemput.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Sejauh manakah Kerajaan Negeri Johor mempromosikan industri pelancongan di Daerah Mersing secara keseluruhan untuk memastikan Bandar Mersing sebagai pusat pelancongan di Negeri Johor yang berpotensi dalam industri ini walaupun menghadapi krisis ekonomi sedunia. Selain daripada pulau-pulau di kawasan perairan Mersing adakah kawasan pendalaman dan kawasan Sungai Mersing telah dirancang dalam pembangunan industri pelancongan sebagai destinasi daya tarikan kepada para pelancong?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Selamat pagi dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker. Pertama sekali saya ingin ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Parit Yaani, yang membangkitkan industri pelancongan di daerah Mersing ini. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor dan *Tourism* Malaysia Negeri Johor bersama-sama dengan jabatan-jabatan yang lain sentiasa meningkatkan usaha dari semasa ke semasa untuk mempromosikan Daerah Mersing sebagai daerah pelancongan. Usaha promosi ini juga turut disokong dan dilaksanakan oleh pengusaha-pengusaha pusat pelancongan yang ada di Daerah Mersing.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga sedang menyiapkan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Mersing 2008 hingga 2018, dengan arah tuju utama untuk menjadikan Daerah Mersing sebagai daerah pelancongan yang unggul dan bertaraf antarabangsa. Kajian ini telah memasuki peringkat kedua yang merangkumi aspek seperti berikut :

1. Mengenal pasti daya tarikan utama pelancongan.

2. Mengenal pasti produk-produk pelancongan sedia ada dan juga yang baru.

3. Perancangan promosi yang efektif dan bersepadu.

4. Mengadakan papan tanda, informasi dan sebagainya.

5. Membangunkan landskap yang lebih menarik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu Daerah Mersing telah mendapat peruntukan sebanyak RM3.5 juta bagi projek Rancangan Malaysia Ke-9 di dalam Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Bandar Mersing dan kawasan sekitarnya seperti:

1. Meningkatkan Plaza R & R dan Bangunan Pusat Penerangan Pelancongan Mersing. Peruntukan ialah RM1.4 juta.

2. Meningkatkan kemudahan pelancongan Air Papan dan kawasan sekitar meliputi peruntukan sebanyak RM1.1 juta.

3. Pencahayaan sekitar Bandar Mersing meliputi peruntukan RM1 juta.

Mengenai Sungai Mersing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya saya, kami di Pelancongan Negeri Johor dan bersama-sama dengan jabatan yang lain akan mengkaji perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kerana seperti yang saya sebutkan dua tiga hari dahulu, sekarang kita mula selain daripada Bandaraya Johor Bahru, kita sedang pergi ke semua daerah. Kita sudah pergi ke Pontian lepas itu ke Kota Tinggi dan Mersing akhirnya. Yang ketiga, akan ke Mersing. Tujuan kita membuat lawatan dan juga perbincangan dengan Majlis Tindakan Pelancongan daerah-daerah, dengan tujuan untuk kita menerokai apa ni, produk pelancongan yang baru. Di samping itu dengar sedikit *feed back* dan juga maklum balas daripada pengusaha-pengusaha tempatan supaya kita dapat mewujudkan lebih banyak pakej lagi. Selepas itu kita akan bincang dengan pihak MATTA di mana Kesatuan Industri Pelancongan ini ataupun *Travel Agent* yang, yang terlibat untuk kita sama-sama memajukan industri pelancongan Negeri Johor ini. Bila sampai masa kita pergi ke Mersing, saya akan jemput Yang Berhormat untuk sama-sama kita bincang dan kalau sesuai untuk kita majukan Sungai Mersing untuk menjadi satu tempat tarikan, kita akan usaha terhadap tujuan tersebut, sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli EXCO Pelancongan yang telah memberi penjelasan yang begitu teliti dan juga berbagai –bagai program untuk menjadi daya tarikan kepada Mersing. Tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, setahu saya sehingga hari ini keadaan perniagaan terutama hotel-hotel dan juga restoran-restoran, keadaan boleh dikatakan "hidup segan mati tak mahu". Oleh kerana tidak ada satu daya tarikan yang boleh menarik pelancong ke Mersing, tinggal di Mersing, bermalam di Mersing dan belanja di Mersing. Mereka hanya lalu Mersing sebagai pintu laluan, tujuan mereka nak ke pulau-pulau yang berhampiran. Bila sebut Mersing, Pulau Tioman, Pulau Tinggi, pulau yang popular yang kita tahu. Mersing itu hanya pintu laluan. Saya, berapa, dekat 10 tahun ini, saya dengar banyak program tahun ini, Melawat Malaysia, Mersing sebagai destinasi pelancongan di Negeri Johor.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat sebab perjalanan dari Kluang ke Mersing dah, dah pendek, dah, boleh dikatakan dah *upgrade* dan Johor Bahru ke Mersing dah *upgrade*. Ini dua laluan dah ok, tapi Mersing tersendiri tidak ada apa-apa rancangan dan bila kita tengok keadaan, itu saja. Saya sekali-sekali balik Mersing, saya tengok sama juga. Tidak ada *improvement* dengan izin. Sebab saya nak tahu…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, apa dia?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yalah, saya, saya sebagai Pengerusi Dewan Perniagaan Tionghoa, perkara ini sering dibangkitkan oleh Ahli Cawangan, Jawatankuasa.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia nak soal tu?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Soalan itu? Saya nak tahu tadi Yang Berhormat katakan nak gunakan apa-apa cara untuk menarik pelancong ke Mersing untuk mempergiatkan aktiviti perniagaan. Tetapi saya nak tahu apa dia? Jangan cakap..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, cadang yang satulah yang baik

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ha, itu sahaja saya punya soalan. Saya harap dapat jawab yang lebih jelas. Sekian terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasihlah Yang Berhormat Parit Yaani. Untuk memajukan satu kawasan, walaupun kita mempunyai banyak peluang di mana Mersing menjadi satu laluan kepada pulau-pulau ini. Tetapi saya lihat dari segi usaha pihak Kerajaan seperti Yang Berhormat sebentar tadi, Yang Amat Berhormat pun bantu untuk kita pendekkan masa untuk sampai ke Mersing, jalan dari Kota Tinggi dan juga dari Kluang pun dapat kita pendekkan masa untuk sampai ke Mersing. Dan di samping itu, selain daripada kita buat segala kajian untuk kita majukan kawasan, selain daripada Yang Berhormat sebutkan tadi, ia juga meliputi usaha-usaha daripada pihak swasta untuk sama-sama kita menjayakan segala program ini.

Saya cadangkan supaya seperti yang saya katakan tadi, selain daripada usaha yang ada ini, kalau ada cadangan-cadangan yang membina untuk sama-sama memberikan kepada pihak pelancongan Negeri Johor ini, kita sanggup untuk bersama-sama. Maka di sini sekurang-kurangnya apabila kita buat satu pertemuan di Daerah Mersing nanti, kita bukan setakat kita majukan Pusat Informasi Pelancongan di tempat Mersing dan juga *funmed* yang ada, di mana tempat yang boleh kita misalnya, ini Air Papan ataupun yang sedia ada, apa yang ada ini dapat kita adakan produk yang baru, kita akan sama-sama majukan. Maka saya pun harap dapat sikit maklum balas daripada Yang Berhormat dan juga Ahli-Ahli Majlis Tindakan Pelancongan Daerah untuk kita sama-sama menuju ke arah itu, sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ehm, oklah Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah perancangan Pelancongan Negeri memperkenalkan Konsep *Homestay* di Mersing.

Y.B. Dato' Speaker : *Homestay?* Dekat mana? Ini tak ada soalan dia, cerita Mersing saja. Tak payah Yang Berhormat cerita *homestay.* Nak jawab?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun dia luar daripada tajuk . Seperti yang …

Y.B. Dato' Speaker : Oh ini genglah eh, satu kemlah, ok, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Seperti yang baru-baru ini kita baru beri satu taklimat di mana di 6 daerah Johor ada 16 kampung untuk bagi industri *homestay.* Tapi selain daripada itu saya, saya lihat dari segi industri untuk kita majukan *homestay* ini, ada lagi peluang untuk kita tingkatkan lagi seperti kalau, selain daripada 6 daerah sahaja saya fikir daerah-daerah lain boleh kita ambil peluang, di mana Kementerian akan bantu juga untuk kita sama-sama meningkatkan lagi kemudahan yang ada di kawasan yang kita menjalankan industri *homestay* ini. Maka saya haraplah Ahli Yang Berhormat yang ada, lepas dengar taklimat yang baru di, yang kita adakan maka ambil peluanglah yang ada. Kalau tempat-tempat yang rasa setuju untuk kita mengadakan *homestay* punya projek, boleh maklumkan kepada kami, kita akan sama-sama meningkatkan itu, sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon, jemput.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Krisis Ekonomi.

a. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Johor untuk menyediakan rakyat bagi berdepan dengan krisis/kegawatan ekonomi pada masa sekarang, meliputi pengurusan kewangan dan beban kredit, pekerjaan, impak sosial dan tekanan keluarga untuk sekurang-kurangnya dalam masa tiga tahun akan datang?

b. Apakah pengalaman krisis ekonomi 1997 yang boleh kita belajar pakai?.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk, Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Dunia sedang mengalami krisis kewangan global dan kelembapan ekonomi. Apa yang berlaku di Amerika Syarikat adalah manifestasi kepada agenda

ketamakan melampau dalam mencipta keuntungan yang dianjurkan oleh sistem ekonomi kapitalis yang menjadikan riba (*interest*) dan spekulasi sebagai elemen keuntungan utama dalam perniagaan. Pinjaman mudah kepada golongan 'sub-prima' telah menyebabkan beberapa syarikat kewangan gergasi seperti Lehman Brothers, AIG dan Merrill Lynch tumbang. Pakej menyelamat sebanyak AS$700 bilion terpaksa disediakan oleh Kerajaan Amerika. Krisis yang sama dialami oleh United Kingdom, Jerman dan negara-negara Kesatuan Eropah. Pakar ekonomi menjangkakan ekonomi Malaysia juga akan menguncup pada tahun 2009 diikuti dengan kejatuhan menjunam harga komoditi terutama kelapa sawit dan getah. Selain daripada menyediakan pakej suntikan RM7 bilion, Kerajaan Pusat juga telah mengambil langkah menyediakan dana sebanyak RM5 bilion kepada Syarikat Value Cap Sdn. Bhd. daripada wang KWSP. Tindakan menggunakan dana KWSP ini bagi tujuan menaikkan nilai saham-saham yang dianggap mengalami kejatuhan nilai adalah seperti usaha menyelamatkan orang kaya dengan menggunakan duit orang miskin ditentang keras oleh Pakatan Rakyat (PR).

Persoalan saya, apakah langkah-langkah atau strategi mampan yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan bagi mengurangkan kesan impak krisis kewangan dunia dan kelembapan ekonomi global kepada ekonomi Negeri Johor?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Apakah tindakan Kerajaan dalam menghadapi masalah kegawatan ekonomi. Sejauh manakah rakyat bersedia menghadapi kesan tersebut?

Y.B. Dato' Speaker : Dan Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou, jemput.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan 7.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Johor untuk menangani krisis kewangan global yang berlaku kini?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab empat-empat soalan ini sesekali kerana Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Pemanis dan Sungai Abong, dan juga daripada Nusajaya dan Stulang membuat kandungan pertanyaan masing-masing adalah berkaitan dengan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan. Saya percaya bukan terhad kepada Kerajaan Negeri tetapi di peringkat Negara untuk menghadapi krisis ekonomi yang sedang melanda dunia ketika ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya Ahli Dewan yang mulia ini sama-sama sedia maklum bahawa krisis ekonomi dunia bermula dengan krisis

kewangan yang berlaku dalam ekonomi negara terbesar dalam dunia iaitu Amerika Syarikat. Dan krisis kewangan ini dia merebak kepada ekonomi yang sebenarnya dalam penulisan-penulisan mengenai krisis ini disebut bahawa, krisis bermula di World Trade di New York dan beralih kepada krisis yang berlaku di Main Streets di New York juga. Bermakna bahawa krisis kewangan membawa kepada krisis ekonomi. dalam ekonomi Amerika itu sendiri.

Selepas itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, krisis tersebut, dia merebak pula melampaui ekonomi Amerika hingga ke Eropah dan seterusnya ke Jepun dan sampai ke Korea. Dan, sejak kebelakangan ini dirasakan pula walaupun di dalam ekonomi China, India, Brazil dan seterusnya ekonomi-ekonomi yang baru muncul dalam dunia ketika ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila krisis bermula dan merebak maka, dia berlatarbelakangkan kepada suasana ekonomi dunia yang ada sejak kebelakangan ini. Iaitu pengaruh globalisasi yang begitu meluas dari segi cakupannya ke merata dunia, sehinggakan ada, ada unsur-unsur yang boleh dikatakan wujudnya bukan sahaja pengaruh globalisasi dalam bidang ekonomi tetapi juga hingga kepada tahap kebergantungan di antara sama ada ekonomi antara negara ataupun ekonomi antara rantau. Untuk menguatkan hujah ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh, ekonomi Amerika dan ekonomi China bukan sahaja dipengaruhi oleh kuasa-kuasa yang wujud dalam proses globalisasi tetapi juga hingga kepada tahap wujudnya kebergantungan. Sehinggakan, Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila Negeri China meningkatkan keupayaan dia dari segi pengeluaran melalui pelaburan yang berlaku secara berterusan, secara besar-besaran, berpanjangan tempoh 20 tahun ini, maka pengeluaran itu mendapatkan pasaran di Amerika Syarikat. Di mana Amerika pula, adalah satu ekonomi yang merupakan ekonomi yang begitu berpaut dari segi amalannya, sikapnya, sama ada di peringkat kerajaan ataupun di peringkat masyarakat sebagai masyarakat pengguna.

Jadi, China mengeluarkan barangan melalui pelaburan di sektor perkilangan mereka dan digunakan di Amerika Syarikat. Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kebergantungan ini pula menjadi lebih kuat apabila China pula oleh kerana mempunyai lebihan dari segi perdagangan maka dia melabur pula dalam bentuk bon ataupun bil-bil perbendaharaan Amerika Syarikat. Sehinggakan pada hari ini, China mempunyai simpanan aset, rizab dalam bentuk mata wang Amerika sebanyak, senilai, sebanyak USD2 trilion. Dan, ini menjadi asas pula untuk Amerika Syarikat menjadi sebuah negara di peringkat kerajaan menggunakan rizab tersebut menjadi asas dan landasan untuk dia mencetak wang. Hinggakan pada hari ini, Amerika sebagai sebuah negara dan Amerika sebagai satu masyarakat sebenarnya adalah negara dan masyarakat yang meminjam, sama ada daripada sumber institusi kewangan mereka ataupun daripada aset rizab yang digunakan oleh Amerika untuk dia terus mencetak wang Amerika.

Jadi, maksud saya ialah krisis ekonomi yang ada pada hari ini perlu kita lihat dalam konteks pengaruhnya daripada satu negara, satu rantau terhadap yang lain termasuklah kesannya yang terpaksa kita hadapi. Keduanya, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga nak menyebutkan di sini bahawa Malaysia

sebuah negara yang dikatakan terbuka ekonominya. Bahkan, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sepatutnya ialah berasa bangga juga, kerana kita di antara 20, kalau tak salah saya, 27, kalau tak salah saya, di antara negara yang, 27 yang pertama, menjadi negara berdagang dengan dunia. *It is a Trading Country*, dengan izin. Antara 27 yang pertama dalam dunia. Kita merupakan ekonomi yang terbuka kerana kita berdagang dengan dunia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jawapan saya hendaklah di latar belakangkan kepada, apa yang saya sebutkan tadi, kesannya melimpah, kesannya merebak, ditambahkan lagi dengan adanya kebergantungan, adanya keterbukaan. Dan, seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, impaknya, apa yang mungkin berlaku ke Malaysia ini, di Malaysia ini ialah juga sejauh mana ianya, sejauh mana *recession* itu akan berlaku, sejauh mana ia akan berlaku, adakah *recession* itu akan melampaui kepada tahap berlakunya, apa yang dipanggil *depression* dengan izin. Dan, berapa lama pula *recession*, kemelesetan ini berlarutan. Jadi, ada yang membuat unjuran bahawa mungkin 2 atau 3 tahun yang terdekat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah impaknya daripada krisis tersebut. Yang pertamanya, wujudnya apa yang dipanggil perlahannya pertumbuhan ekonomi. Ada yang menjadi perlahan, ada yang menjadi, apa tu, tidak ada pertumbuhan, ada yang di mana pertumbuhan menjadi merosot terus, menjadi negatif. Maka, kesannya Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah terhadap import dari negara-negara yang menghadapi *recession* ini, rata-rata menghadapi suasana ekonomi yang dikatakan menguncup. Dan, ekonomi yang menguncup ini disebabkan oleh kurangnya penggunaan, menurunnya penggunaan dan juga kurangnya pelaburan, kurangnya permintaan dan menurunnya pelaburan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kesan yang terpaksa kita hadapi oleh sebuah negara yang terbuka dari segi ekonominya ialah sejauh mana eksport di Malaysia ini akan terjejas. Jadi, nampaknya Yang Berhormat Dato' Speaker, di, pengguna di Eropah, di Jepun, di Korea, nampaknya sudah mula berubah dari segi amalan mereka. Mereka lebih mirip untuk mengubah, ini satu fenomena yang agak luar biasa di Amerika, daripada meminjam dan mengguna, membeli kepada menyimpan pula. Maka, kuranglah orang pergi ke, apa tu, melancong, orang kurang pergi ke restoran, orang nak Krismas ni, kurang orang pergi ke *super market* untuk membeli *present* untuk Krismas. Dan, itu berlaku di Amerika Syarikat sekarang ni. Maka, impaknya ialah terhadap negara-negara yang dikatakan *emergent* ekonomis seperti Malaysia melalui kesan importnya.

Dan, kalau itu berlaku, Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hari semalam ada laporan Petronas terpaksa menutup dia punya syarikat-syarikat dia kerana pengeluaran polimer sudah pun tidak lagi ada permintaan di pasaran dunia. Maknanya, apa tu, Petronas sendiri terpaksa menutup syarikat-syarikat yang mengeluarkan *by product polimer* di Terengganu dan di Pahang. Bermakna kesannya Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah mungkin wujudnya pemberhentian pekerja-pekerja.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, mengatasi masalah ini dengan latar belakang yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, maka yang

pertamanya, ialah sejauh mana kita dapat mempertahankan pelaburan di Malaysia ini amnya dan di Johor ini wujud secara berterusan dalam keadaan krisis ekonomi yang berlaku. Dan, pelaburan jika sekiranya kita punya kegiatan perkilangan tidak terjejas melalui eksport kita, maka Yang Berhormat Dato' Speaker, maka mungkin tidak ada pengangguran, tidak ada pemberhentian. Kalau sekiranya eksport kita terjejas kerana permintaan menurun maka mungkin ada kilang yang terpaksa ditutup, berlakunya pengangguran.

Sementara itu pula, Yang Berhormat Dato' Speaker, jika sekiranya kita dapat meneruskan tahap pelaburan di Malaysia amnya dan di Johor khususnya maka bermakna bahawa kita dapat mempertahankan arus pertumbuhan dalam ekonomi kita, hingga mungkin kita dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru. Kalau itu berlaku, Yang Berhormat Dato' Speaker, maka lumrahlah beralihnya pekerja yang berhenti dengan pekerja, dengan peluang pekerjaan yang dapat kita wujudkan.

Keduanya, Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia dan contohnya juga di peringkat dunia dalam perjumpaan 20 negara di Washington baru-baru ni, mereka sama-sama berjanji untuk merangsang ekonomi masing-masing. Saya dah sebut di Dewan yang mulia ini, Amerika, USD700 bilion, China USD600 bilion, sebagai contoh, kita RM7 bilion untuk merangsang ekonomi kita. Dan, RM7 bilion ini kita harap, dia ada kesannya terhadap penggunaan. Maka, penggunaan akan menjamin kegiatan ekonomi secara berterusan.

Hari ini, Bank Negara mengumumkan bahawa diturunkan kadar faedah dengan harapan bahawa Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa kemudahan daripada bank untuk meminjam terus wujud dengan kos yang agak lebih murah lagi sempena dengan penurunan kadar faedah oleh Bank Negara. Dan, ini adalah langkah-langkah yang diambil di peringkat negara dan dia membawa kesan ialah keseluruhannya termasuk kita di Negeri Johor ni, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, itu sebab saya katakan tadi, bahawa langkah-langkahnya ialah satu, untuk kita terus mendapat, meningkatkan pelaburan kita dan kalau sumber-sumber pelaburan baru tidak mungkin datang daripada negara-negara yang mempunyai, mengalami ke *recession* ini, mungkin negara-negara yang ada *surplus,* lebihan dari segi simpanan, ada juga negara, lebih-lebih lagi di kalangan negara yang kaya dengan sumber minyak dan kukuh dari segi rizabnya untuk kita mendapatkan pelaburan daripada sumber-sumber tersebut. Keduanya, ialah untuk kita menggiatkan ekonomi melalui penggunaan, dengan cara meningkatkan perbelanjaan dengan melalui penggunaan dan menurunkan kos kredit melalui penurunan kadar-kadar faedah.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada kalau tak salah saya daripada Sungai Abong menanyakan, boleh ke kita belajar daripada pengalaman kita, krisis kewangan yang kita alami. Yang Berhormat Dato' Speaker, bezanya ialah masalah yang berlaku pada tahun, kalau tak salah saya, tahun 97, 98 ialah krisis mata wang. Bekas Perdana Menteri mengatakan, angkara yang dibuat oleh pihak penyangak mata wang, yang mengambil keuntungan sempena dengan jatuhnya permohonan mereka dalam bidang mata wang negara di rantau kita ini. Diikuti dengan pengaliran modal daripada

negara kita, daripada Korea pun, daripada Indonesia dan membawa bebanan hutang yang terhimpun.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah yang diambil pada masa tersebut ialah di Indonesia dan di Korea, maka malang sekali dia tertakluk kepada segala apa tu, syarat yang dikenakan oleh IMF, hingga menyebabkan negara-negara itu terhutang sampai pada hari sekarang termasuk di Indonesia. Tetapi, kita mampu untuk menyelamatkan mata wang kita dengan langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan pada masa tersebut. Dan, seterusnya menggunakan pendekatan untuk mengatasi bebanan hutang yang terhimpun dalam sistem kewangan kita. Tapi, yang jelas, persamaannya ialah sebenarnya krisis yang ada ni, dengan krisis 1997, ialah sebenarnya *system capitalism*, Yang Berhormat Dato' Speaker, tanpa di *regulated*, dikawal, mengizinkan sikap amalan yang menjurus kepada mencari keuntungan yang melampau. Hingga, Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem *capitalism* tanpa kawalan, *unfitted capitalism* dengan izin, *unfitted capitalism* membawa kepada amalan-amalan ketamakan. Jadi, itu, yang keseirasannya ialah kalau dulu penyangak mata wang. Yang kali ini ialah kerana mereka yang mengendalikan sistem kewangan, bank ke, *mutual fund* ke, di Amerika sebenarnya juga orang-orang yang tamak mencari keuntungan. Dan perbezaannya ialah Yang Berhormat Dato' Speaker, ok, satu lagi yang, yang agak luar biasa pengalaman kita ialah pada masa tersebut Ketua Parti Pembangkang yang ada di Parlimen Malaysia, bekas Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan pada masa tersebut mengambil pilihan untuk mengizinkan suasana kenapa kita agaknya, rosak makin parah dan mengajak IMF untuk masuk menggunakan berbagai-bagai syarat untuk negara kita ini ditakluki oleh, oleh IMF yang kita tahu adalah di kalangan kawan-kawan dia, dari dulu sampai sekarang. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu saya hendak, apa tu, Yang Berhormat daripada Sungai Abong ada menyatakan bahawa…

Y.B. Dato' Speaker : Maharani.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : …inilah kalau ada persamaannya, ada perbezaannya itu, itu saya hendak tekankan. Jadi, kita, kita merasa banggalah kita selamat dalam krisis 1997 tanpa dikuasai oleh IMF dengan cara kita juga dan kali ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kita percaya bahawa kita bersama-sama rakyat Malaysia keseluruhannya tak kira daripada mana pun untuk bersama-sama, tidak bermain politik, tidak mencari kesempatan untuk, untuk mencari apa tu, mencari kesempatan sempena dengan krisis yang kita sama-sama hadapi pada ketika ini.

Y.B. Dato' Speaker : Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih. Tak ada orang nak tambah, biar saya tambah. Terima kasih. Kalau kita lihat, KDNK Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri pada asalnya mengikutkan fokus dia ialah 5.6 lebih kurang macam itu tapi setelah di *review* balik, kita rasa kita yakin hanya sekadar 3.5% pada tahun hadapan Yang Berhormat Dato' Speaker. Maka dengan penurunan KDNK ini maka sudah tentulah hasil yang akan kita dapati dalam tempoh tahun hadapan ini akan lebih kecil lagi. Maka, sudah tentulah

kalau KDNK ini kurang, makna ekonomi kita tidak aktif, akan banyak perkara-perkara yang bermasalahan akan timbul.

Saya ingin hendak bertanya kepada pihak kerajaan. Kita amat bimbang kalau tidak ada kawalan-kawalan tertentu akan terjadi perkara-perkara yang agak, sehingga hari ini banyak lagi yang belum selesailah dari segi kawalannya umpamanya tentang tidak ada kawalannya tentang pembangunan hartanah. Maka, banyak ruang-ruang pejabat masih lagi kosong, bangunan-bangunan kosong, rumah-rumah tidak terjual. Ini bukan sahaja kesan ekonomi yang tidak baik kepada negeri dan juga negara kita, akan kita dapati. Yang keduanya, adakah kerajaan akan menjalankan kempen-kempen kepada rakyat dan khususnya kepada kakitangan kerajaan tentang untuk membuat satu pendekatan pengawalan perbelanjaan secara berhemah dalam soal ini? Kerana inventori *is money*, dengan izin. Jadi, kalau kita tidak merancang sesuatu, maka sudah tentulah kita akan menghadapi situasi yang agak tegang pada ketika itu. Yang keduanya, dalam soal kempen-kempen penjimatan kepada rakyat umpamanya. Dulu kita ada Kempen Buku Hijau, kita ada menyuruh rakyat di kampung, di bandar, menanam sayur dan sebagainya.

Ini, kerana kita dah nampak ekonomi kita akan lebih meruncing di masa hadapan. Jadi, ada tidak perancangan seperti yang dibuat Majlis Tindakan Negara dalam soal ini oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang benar bahawa unjuran untuk kadar pertumbuhan 2008 ialah pada paras 5…masih lagi 5% lebih, 5.6 dan Menteri Kewangan pada hari semalam pun membuat unjuran bahawa kita dapat pertahankan pertumbuhan walaupun tahun 2009, pada paras yang positif walaupun agak kurang daripada biasa kepada paras 3 perpuluhan kalau tak salah saya 3.5%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya boleh ambil satu contoh, dilema yang dihadapi oleh sesebuah ekonomi dalam krisis yang ada pada hari ini ialah, perlunya kita membuat rangsangan dalam ekonomi masing-masing. Negeri yang tidak mampu terpaksa mendapat bantuan daripada IMF, macam Iceland, terpaksa menerima bantuan daripada Rusia, negara-negara yang baru nak muncul ini, di Afrika, terpaksa dan Pakistan sekali pun terpaksa menunggu agaknya pinjaman ataupun pemberian daripada Negeri China. Dan, dan sekarang ini mungkin IMF perlu dibantu untuk meningkatkan keupayaan untuk memberikan kemudahan kepada negara-negara yang memerlukan bantuan.

Jadi, dari segi asasnya Yang Berhormat Dato' Speaker, perlu kepada rangsangan. Jadi, jadi rangsangan ini datangnya daripada sama ada perbelanjaan oleh pihak kerajaan. Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, dia juga memerlukan kepada penggunaan untuk berterusan. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Kempas mengatakan jimat cermat, hemah. Jadi, dalam ilmu ekonomi ini, ada satu…yalah, pengalamannya pada tahun 30-an, 1930, 1929, di mana pakar ekonomi

mengatakan bahawa wujudnya apa yang dipanggil *liquidity trap* ataupun perangkap kecairan, perangkap kecairan. Kalau dalam keadaan krisis seperti begini, maka kita pula mengurangkan perbelanjaan, maka dia akan menyebabkan lebih teruk lagi tahap, tahap kegiatan ekonomi.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sebabnya Negeri China mengharapkan bukan sahaja perbelanjaan oleh pihak kerajaan tetapi perbelanjaan oleh rakyat dia juga sendiri untuk meningkatkan penggunaan dalam ekonomi dia, kita begitu juga Yang Berhormat Dato' Speaker, sekadarkan kita jauh lebih kecil ekonomi kita. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian, saya percaya bahawa di peringkat swasta, Yang Berhormat daripada Kempas mengatakan mengenai syarikat hartanah. Kita ada pinjaman 1997. Memang betul, ada yang sampai sekarang pun masih lagi belum pulih, tetapi suasana itu memang luar biasa, 1997 terlalu ghairah sangat hingga banyak yang meminjam, membina hartanah semua…apa tu, semua bentuk rupanya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya selain daripada perlu kepada rangsangan daripada kerajaan, daripada swasta, daripada pengguna, maka saya percaya juga bahawa pihak pemaju khususnya sewajarnya juga mempunyai dia punya perancangan dia untuk dia juga membuat unjuran dari segi pembinaan hartanah mereka sempena dengan suasana ekonomi yang mungkin berlaku pada 2009 dan katanya 2010, dan mungkin pulih selepas dua tahun krisis ini melanda dunia dan juga dirasakan oleh kita, itu satu. Saya percaya bahawa pihak, pihak swasta boleh membuat adaptasi menyesuaikan kegiatan mereka berdasarkan kepada suasana ekonomi yang ada dalam tempoh 2, 3 tahun yang terdekat ini.

Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker, yalah, berhemah di kalangan rakyat. Kalau kita nak melihat masyarakat pekebun kecil FELDA yang ada sedikit kebun, yang ada ladang. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum ini, harga kelapa sawit elok, tinggi, harga getah pun elok dan sebagainya, maka, dan mengingatkan kita krisis 1997. Mana orang kampung merasa, merasa krisis itu teruk. Harga getah, harga kelapa sawit tinggi. Jadi, harga getah, kelapa sawit tinggi ini dah lama juga, kalau tak salah saya dekat-dekat 10, 12 tahun. Jadi, rasa saya, saya percaya bahawa takkanlah semuanya digunakan untuk beli rumah ke, untuk buat rumah baru ke, buat beli motokar baru ke, entah apa lagi. Saya percaya dalam keadaan elok, baik mungkin ada yang membuat simpanan. Dan kita terpaksa menghadapi suasana yang ada ini bila harga barang turun, harga-harga komoditi turun. Jadi, oleh yang demikian, saya percaya saya lebih cenderung untuk mengatakan bahawa di peringkat keluarga perlu kepada adaptasi juga dengan suasana yang berlaku ini sempena dengan sama ada pendapatan yang akan kita terima dalam tempoh 2, 3 tahun ini, dengan juga berlatar belakangkan kepada suasana yang baik sebelum ini yang dapat kita nikmati.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, walaupun ada rasa personalisme, dengan izin, merata dunia terhadap krisis yang melanda tetapi komitmen rata-rata, lebih-lebih lagi dengan, saya harap dengan Presiden yang baru di Amerika Syarikat ini, maka krisis, krisis ekonomi sebenarnya akan dapat diatasi dalam tempoh masa yang agak jauh lebih dekat dibandingkan dengan jika sekiranya

dibiarkan begitu sahaja. Rata-rata Yang Berhormat Dato' Speaker, rata-rata yang saya dapat rumuskan, memanglah dia punya, saya nak secara menyeluruh, saya umum dan menjawab pertanyaan Yang Berhormat daripada Kempas bahawa ekonomi perlu rangsangan yang boleh datangnya daripada sektor awam, yang datang daripada sektor swasta, juga daripada sektor pengguna.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kesan ekonomi global yang dijangkakan akan dirasai pada tahun hadapan. Tetapi menghairankan pakar-pakar ekonomi bahawa ini telah berlaku lebih awal. Bukan tahun 2009. Khusus di Amerika telah pun berlaku pada masa hari ini. Kerajaan Amerika untuk merangsangkan ekonominya, dia berbelanja, dia akan berbelanja USD200 bilion untuk kepada rakyatnya supaya berbelanja. Rangsangannya ialah USD200 bilion untuk dibahagi kepada rakyat berbelanja melalui kredit-kredit kad. Jadi, saya ingin tahu, apakah rancangan Kerajaan Johor ataupun Malaysia untuk merangsang rakyat berbelanja memandangkan dalam jawapan Yang Amat Berhormat tadi, tidak dinyatakan secara khusus, hanyalah dengan apa ni, diarahkan turun *interest rate*. Adakah seperi iaitu seperti rancangan menubuhkan tabung-tabung segera untuk rakyat ataupun contohnya digalakkan penubuhan pajak gadai secara Islam ke, supaya rakyat boleh mendapat wang untuk berbelanja, ataupun satu cadangan bahawa kita *reschedule* balik hutang-hutang rakyat negara ini di mana kalau boleh kita tangguhkan bayaran bulanannya 2, 3 bulan untuk kita *reschedule* untuk, supaya rakyat ini ada lebihan duit untuk berbelanja. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Tak bayar hutanglah eh, tangguh je.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Kalau tak salah saya dah diumumkan oleh kerajaan dari segi…kalau tak salah saya yang berkaitan dengan KWSP dan juga dengan pinjaman perumahan. Maka, tempoh bayaran untuk dipanjangkan, kalau tak salah sayalah. Dah diumumkanlah, di antara langkahnyalah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin Yang Berhormat daripada Sungai Abong mungkin lebih *precise* dari segi angka yang saya tahu ialah USD700 bilion di Amerika Syarikat. Untuk, tujuannya Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk membina semula sekolah, untuk membina, untuk, USD700 juta untuk sistem kewangan, minta maaf, kewangan sahaja. Kemudian kalau tak salah saya, Presiden Obama sekarang ini, di kalangan pakar ekonomi menyebut-nyebut perangkaan yang agak besar juga untuk langkah-langkah meningkatkan tahap lebuh raya, hospital, sekolah-sekolah di Amerika Syarikat, Yang Berhormat Dato' Speaker. Maka dengan cara demikian perbelanjaan berlaku, maka kegiatan ekonomi akan terus wujud kesan pergandaan, gandaan akan dirasakan. Maka dia akan sampai kepada keluarga yang juga akan membuat perbelanjaan dan penggunaan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sebabnya RM7 bilion yang akan digunakan untuk tujuan-tujuan, untuk mewujudkan kegiatan ekonomi dengan perbelanjaan-perbelanjaan oleh pihak Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kesan gandaannya yang sampai kepada keluarga untuk kemampuan ke arah penggunaan. Jadi, itu sebenarnya, kalau saya fahamlah maksud kepada rangsangan yang dibuat di merata dunia melalui perbelanjaan oleh pihak-pihak kerajaan. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya dalam, pada akhirnya, yalah tidaklah RM7 bilion tu masuk kepada terus saku keluarga tetapi dia melalui proses mewujudkan kegiatan ekonomi secara berterusan, yang membawa kepada penyertaan bersama dan yang boleh mewujudkan sumber-sumber pendapatan yang dapat, menjadi, di antara sumber rangsangan daripada masyarakat pengguna. Itu sebenarnya yang dimaksudkan dengan RM7 bilion tadi.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan...

Y.B. Dato' Speaker : Nanti sekejap Yang Berhormat, saya kasi Yong Peng dulu, lepas tu Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Sepertimana yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan salah satu cara mengatasi kegawatan ekonomi ialah meningkatkan pelaburan. Jadi apakah perancangan Negeri Johor mengadakan insentif istimewa untuk pelabur supaya pelabur rasa Negeri Johor adalah tempat pelaburan yang terbaik di dunia?

Y.B. Dato' Speaker : Di dunia eh...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita, daripada maklumat yang telah pun terkumpul walaupun tahun 2008 ini, insya-Allah Dato' Speaker, tahun 2009 pelaburan daripada, di Negeri Johor ini, di sektor perkilangan akan jauh lebih tinggi lagi nilainya dibandingkan dengan tahun ini dan tahun lalu pun. Jadi, sekarangkan belum diumumkan, lebih elok belum diumumkan kerana mungkin agak belum lengkap lagi untuk diumumkan, ataupun lebih sesuai untuk diumumkan dan dilaksanakan pada tahun 2009. Itu berdasarkan kepada minat dan komitmen yang ada untuk menjadikan Negeri Johor sebagai tempat pelaburan mereka. Oleh yang demikian bermakna bahawa Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor ini kalau itu wujud maka kita akan, masih lagi merupakan sebuah ekonomi yang adanya pelaburan dan wujudnya pertumbuhan ekonomi yang positif. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita, yalah kebetulan kita di Iskandar ini dari satu kawasan yang mempunyai kelebihan di mana adanya kemudahan-kemudahan dalam bentuk sokongan, kemudahan insentif sokongan dan kemudahan dalam bentuk insentif fiskal di kawasan seluas 2 ekar itu banyak insentif fiskal dan insentif sokongan yang diberikan di kawasan 2,000 ekar. Jadi itu akan menjadi satu pusat pelaburan daripada, ingin saya maklumkan bahawa pelaburan paras pertama sudah pun menjangkau nilai yang telah saya umumkan di Dewan yang mulia ini. Dan kita berasa gembira kerana pelaburan di paras kedua sudah pun mula tiba di Medini, di kawasan 2,000 ekar itu.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, ketiganya Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah daya tarikan di Negeri Johor ini bukan hanya terhad kepada fiskal insentif yang ada yang diberikan, tetapi juga satu yang agak *natural* dengan izin di Negeri Johor ialah kerana kita, kedudukan kita ini yang strategik. Ini bukan satu perkara yang bukan, yang tidak ada isinya kepada hujah tersebut. Kita punya lokasi ini memang strategik dan bukan sahaja strategik tetapi kos kompetitif. Dan kita mempunyai kawasan agak cukup keluasannya, yang diperlukan oleh pelabur-pelabur ini. *So*, oleh yang demikian Dato' Speaker, ada dua aspek untuk menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Yong Peng, satu, memang ada fiskal insentif dan apa dipanggil *fiscal and support incentive*, keduanya ialah kita menjadi pusat pelaburan berterusan kerana kita merupakan satu kawasan yang strategik yang juga *of course* kompetitif.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan, saya nak membangkit mengenai nilai mata wang ringgit Malaysia ini. Kalau dibanding dengan Singapura maka nilai kami tidak sampai setengah nilai sebenarnya. Jadi, apakah menyebabkan pertukaran nilai mata wang begitu rendah? Adakah ini disebabkan daripada salah pengurusan ekonomi kita selama beberapa puluhan tahun yang lalu? *Mismanagement Government of Malaysia Economy* yang lepas, apa, pakej?

Y.B. Dato' Speaker : Satu je...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Lagi satu mengenai persatuan IMF, saya berpendapat bahawa jikalau negara kita pinjam daripada IMF maka ianya ada untuk satu masa yang singkat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Maka ia boleh memang menyebabkan kekurangan amalan rasuah. Macam mana pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar?

Y.B. Dato' Speaker : Ini cerita ekonomi. Mata wang Yang Berhormat, tak taulah Yang Berhormat.

Y.A.B. Menteri Besar : Ya, mata wang, rasuah tu saya tak dengar.

Y.B. Dato' Speaker : Haa.. mata wang kita rendah dari *Singapore*, dia duduk *Singapore*.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita punya dasar terhadap mata wang ini. Sebelum ini adalah satu dasar yang pada pendapat umum ialah paling tidak rasional. Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dasar mata wang kita pada ketika ini ialah yang paling rasional Yang Berhormat Dato' Speaker. Berdasarkan kepada, ialah struktur, *reserve* dan kedudukan kita

sebagai sebuah negara yang berdagang dengan dunia. Berbeza dengan kita, *irrational* secara *irrational*, hendak mempertahankan kita punya mata wang, *one to one* dengan Singapura pada masa-masa yang lalu. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara *irrational* bukti *irrationality* dengan izin jalan kalaulah agaknya kedudukan mata wang Yang Berhormat nak sebutkan tadi, saya percaya Ahli Yang Berhormat daripada Senai agaknya kerap kali pergi ke Singapura untuk berbelanja agaknya.

Y.B. Dato' Speaker : Agaknyalah.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Agaknya gitulah, kalau begitu Yang Berhormat hendakkan, mungkin itu sebenarnya maksud Yang Berhormat daripada Senai paling rasional. Kerana perangai untuk ke Singapura untuk berbelanja kerana kedudukan mata wang yang pada masa dulu tu adalah satu perangai yang paling *irrational*, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi sebenarnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat boleh baca di mana sekalipun bahawa kita letakkan mata wang kita ini, untuk dia, apa di panggil *fitting currency policy*. *P*ada, apa dia panggil *bench* paras yang tertentu adalah yang paling rasional, Yang Berhormat Dato' Speaker. Bukan kerana masalah *mismanagement* dalam apa tu, dalam bidang ilmu ekonomi dan sehinggakan kita, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dalam hal menguruskan, *managing currency* ini kita mempunyai satu Bank Negara yang di antara yang terbaik di rantau kita ini. Hinggakan kita punya Gabenor Bank Negara di antara yang, terpilih di antara pengurus-pengurus, apa tu, mata wang yang ada, yang diiktiraf oleh dunia sekalipun.

Y.B. Dato' Speaker : Haa... Gabenor kita pun dilantik Jawatankuasa Antarabangsa. Dah habis, soalan-soalan lisan dah habis. Mana soalan yang disenaraikan jawab lisan tidak dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 disambung sekarang. Sebelum Ahli-Ahli Yang Berhormat, ini hari, hari Jumaat kita akan tangguh lebih awal dan ini juga hari akhir Ahli Yang Berhormat untuk berucap, jadi saya hendak memberi peluang sedikit beberapa orang untuk berucap. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, minta bila saya minta berhenti tolong berhentikan eh.. Ada beberapa orang yang hendak berucap juga pada hari ini, kerana hari ini hari Jumaat kita akan tangguh lebih awal. Jemput, siapa nak berucap?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Selamat pagi dan salam sejahtera, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya oleh Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk membuat sambungan perbahasan atas rundingan kali kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008. Semalam saya sedang, saya telah menghabiskan mukadimah saya, tetapi hari ini saya sambung mukadimah saya ini kerana ia tidak akan lengkap jika saya tidak merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada jabatan-jabatan yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung memberi bantuan dan memberi perkhidmatan dalam DUN Semarang. Alhamdulillah dengan bantuan kerajaan melalui *delivery system* ataupun sistem penyampai yang ada, alhamdulillah DUN Semarang dalam keadaannya baik dan terjaga dengan baiknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita baru-baru ini dikejutkan dengan perkara-perkara yang sensitif. Khususnya perkara-perkara sensitif yang melibatkan hubungan antara kaum. Sebenarnya kepada saya, melihat perkara ini ada satu hikmahnya kerana sekurang-kurangnya ia mengejutkan kepada mereka yang leka. Kerana ada golongan yang sebenarnya yang berada dalam sindrom keselesaan dan kerana leka inilah sebenarnya kadangkala membawa kepada perkara-perkara yang bahaya. Pada masa yang sama juga kita dapat mengenal pasti, maka terserlahlah hati budi rakan-rakan kita. Apa yang tersimpan, dendam kesumat yang tersimpan sekian lama mungkin terluah. Sekurang-kurangnya kita melihat sejauh manakah hubungan ini, baiknya, kurang baiknya dan apa yang perlu diperbaiki. Kita harus melihat perkara ini secara positif kepada yang terlibat. Ianya harus dilihat sebagai satu *wake-up call* dengan izin, dan pada masa yang sama kita harus memperbaikinya. Kalau dikatakan budak-budak kecil kadang kala buat nakal, mereka sebenarnya menarik perhatian kepada orang yang tua, mungkin mereka nak minta belaian. Dalam hal ini, sama-samalah kita melihat apakah sebenarnya motif perkara-perkara ini diketengahkan. Ada orang menyatakan bahawa 90% pergeseran di antara kita ini telah tidak lain dan tidak bukan kerana nada suara kita, persepsi, fahaman apa yang kita cakap. Mereka tak cakap mereka marah pada kita. Dan soal sensitiviti ini Yang Berhormat Dato' Speaker, tak kiralah sama ada ianya orang Melayu tentang orang Melayu, orang Cina tentang orang Cinanya dan mana-mana sahaja yang membawa perkara sensitif ini sebenarnya menghadapi risiko untuk berhadapan dengan jawapan dan juga respons daripada pihak yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mendukung demokrasi, kita fasih menceritakan tentang hak. Tetapi kita harus tahu selain daripada kita mempertahankan dan juga memperjuangkan hak kita untuk bercakap, meluahkan pendapat. Kita juga harus tahu dan bersedia untuk menghadapi respons pada orang yang berhak untuk menjawab. Gambaran diingat, setiap aksi mestilah ada tindak balas. *Every reaction, that a action, every action that a reaction* dengan izin, lebih kuat kita baling bola pada dinding, lebih kuatlah memantul balik, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam hal ini kita harus akur dan faham sebab itulah Yang Berhormat Dato' Speaker kita, berhadapan dengan perkara-perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ianya adalah sedikit sebanyak bersangkut paut dengan Kontrak Sosial. Kontrak Sosial yang harusnya di fahami oleh semua orang yang menjunjung dan mendukung demokrasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau dululah dunia ini menggunakan hukum belantara, hukum rimba di mana orang yang kuat selalunya betul. Tetapi, alhamdulillah selepas itu demokrasi diperkenalkan. *So culture* mereka memperkenalkan undang-undang yang menjaga perihal laku ahli-ahli masyarakat pada satu ketika. Dan, pada satu ketika juga selepas itu, mereka ditukar, datangnya *feudal* beraja, dan Raja digunakan. Mereka memerintah dengan penuh kuasanya. Dan, ini juga sebenarnya adalah Kontrak Sosial walaupun tidak ada yang tertulis, tidak ada yang dirakamkan begitu rupa tetapi, ini namanya Kontrak Sosial. Dan, kita harus tahu sebagaimana apa yang dinamakan warganegara itu? Apabila orang asing telah diterima sebagai warganegara, mereka juga tertakluk kepada undang-undang dalam, dan perlembagaan dalam negara itu. Kontrak Sosial dan sebagai warganegara mereka juga boleh menjadi warganegara dengan 2 perkara. Satu, satu adalah jus sanguinis di mana apa yang dikatakan anak-anak mereka, anak-anak warganegara orang asing yang jadi warganegara diterima sebagai warganegara melalui apa yang dinamakan jus sanguinis. Dan, yang keduanya adalah jusoli, iaitu apabila warganegara yang diterima yang dilahirkan dalam sebuah negara itu diterima sebagai warganegara, jus soli.

Apa yang saya nak katakan di sini Yang Berhormat Dato' Speaker, Kontrak-kontak Sosial ini tidak pernah tertulis. Tetapi, itulah yang dilaksanakan, sebab itulah secara keseluruhan Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang dikatakan Kontrak Sosial ini adalah yang jelas Kontrak Sosial itu adalah kefahaman secara umum seseorang warganegara untuk menghormati dan akur kepada undang-undang dan institusi sesebuah negara. Kontrak Sosial ini juga tidak terhad kepada mengurus perhubungan antara negara, kerajaan dan institusi tetapi juga perhubungan dengan rakan senegara yang lain.

Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal ini adalah lebih baik untuk kita mempertahankan apa yang ada ini, kerana Yang Berhormat Dato' Speaker, pada waktu ini ribuan orang cuba untuk menjadi warganegara Malaysia ini. Ada yang berenang ke negara kita ini untuk menjadi warganegara. Ada yang sanggup membayar puluhan ribu untuk mendapatkan kad pengenalan. Ada yang sanggup memalsukan surat beranak untuk jadi warganegara.

Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, sewajarnyalah kita mempertahankan nikmat-nikmat yang ada ini dan menggunakan nikmat-nikmat yang ada ini agar kita seterusnya mempertingkatkan nikmat-nikmat yang ada di dalam negara yang bernama Malaysia ini di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ramai rakan-rakan dalam Dewan mengetengahkan soal pembelajaran dan pengajaran bahasa, Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris iaitu PPSMI. Saya tidak mahu mengulas panjang berkenaan dengan PPSMI ini. Sekadar ingin merekodkan dalam Dewan yang bertuah ini, bahawa Kerajaan Negeri Johor yang ditunjangi oleh UMNO sebagai

parti yang memerintah dalam negeri ini bahawa kita tidak setuju dengan PPSMI ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tinggalkan kepada mereka yang telah mengkaji tetapi, tetapi yang kita harapkan adalah kejujuran pihak pengendali dan juga pihak penggubal dasar ini akan melihat kembali setelah 6 tahun PPSMI ini. Satu perkara lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, 6 tahun PPSMI telah berjalan, saya dimaklumkan guru-guru diberi insentif antara 5 hingga 10% untuk mengajar PPSMI. Kepada mereka, kepada siswazah dibayar 5%, kepada bukan siswazah 10%. Kalau gaji RM1,000.00 dapat RM100.00. Kalau gaji RM2,000.00 dapat RM200.00. Untuk apa insentif ini? Adakah insentif ini sebagai elaun keseksaan kerana mengajar PPSMI? Adakah elaun ini kerana kesengsaraan mereka mengajar dalam Bahasa Inggeris? Ataukah elaun ini untuk memberi insentif kepada mereka mempertingkatkan kualiti pengajaran dalam Bahasa Inggeris. Persoalannya, siapa yang memantau? Siapa yang memastikan wang-wang ini digunakan untuk pembaikan pembelajaran dan pengajaran? Ataupun hanya untuk menambah insurans kereta daripada Kancil ke Waja, Waja kepada Pesona?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab itulah kita harus melihat perkara ini secara baik. Ada baiknya kita untuk mendengar pandangan daripada bawah. Berapa banyak meja bulat pun diadakan tetapi, sewajarnya ia harus dibuat secara jujur untuk kebaikan masa depan kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soal bahasa. Satu bahasa, satu bangsa. Apakah wasilah terpenting untuk membentuk bangsa Malaysia ini Yang Berhormat Dato' Speaker? Jawapannya jelas Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu kerana bahasa jiwa bangsa. Ini bermakna bahasa yang kita daulatkan maka, bahasa itulah yang membentuk jiwa kita yang sekali gus memercikkan jati diri kebangsaan. Justeru, jika seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira perbezaan asal usul, mendaulatkan Bahasa Kebangsaan akan terzahirlah apa yang dikatakan citra dan keperibadian kita sebagai satu bangsa iaitu Bangsa Malaysia. Sebaliknya, jika kita mendaulatkan bahasa-bahasa asing, akan terpancarlah jati asing dalam diri kita. Jika kita mendaulatkan bahasa-bahasa asing, maka jati diri asinglah saya ulangi. Lantas akan terencatlah pembentukan jati diri kita sebagai Bangsa Malaysia. Dan, untuk menghakikatkan gagasan ini, bukannya mudah apatah lagi jika kita sebagai rakyat Malaysia mendaulatkan bahasa-bahasa asing di negara kita sendiri.

Satu dogma pemikiran bahasa yang aneh sekali pada zaman pasca kolonis ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Perlu ditegaskan bahawa dalam konteks pembinaan Bangsa Malaysia dan pemajuan negara, menurut acuan ke Malaysian sendiri, pendaulatan hanyalah kepada Bahasa Kebangsaan bukannya bahasa-bahasa asing. Inilah prinsip akar yang seharusnya kita junjung. Jika benar kita serius untuk menghakikatkan gagasan pembentukan Bahasa Malaysia, seperti pernah pepatah dikatakan "di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung", justeru, kita dituntut menguasai bahasa asing tetapi, janganlah pula jiwa dan pemikiran kita dikuasai oleh bahasa asing ini. Ini bukanlah budaya bangsa yang maju. Bangsa yang maju, moden perkasa,

menjunjung tiga jati, mencintai jati diri kebangsaan bukannya perkauman dan suku-sukuan dan setiap pada nusanya, dan setia pada nusanya yang satu.

Secara jujur Yang Berhormat Dato' Speaker, perlu diakui, bahawa kita belum memenuhi dan mematuhi acuan tersebut. Hakikat ini terasa amat pahit tetapi, itulah kebenarannya. Persoalannya, mengapa hanya Bahasa Kebangsaan yang dinobatkan sebagai alat mempersatukan bangsa seperti yang terpancar melalui slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"? Perlu dijadikan, dinyatakan di sini bahawa Bahasa Kebangsaan itu iaitu bukannya bahasa asing atau Bahasa Ibunda yang dapat menitiskan semangat satu bangsa menyerapkan roh sebangsa, senegara dan menyemarakkan jati diri kebangsaan iaitu lawannya identiti, identiti perkauman di samping pendaulatan Bahasa Kebangsaan yang menjadi bukti ketaatsetiaan, penghormatan dan kemuliaan pada nusa tercinta.

Malah Yang Berhormat Dato' Speaker, Bahasa Kebangsaan jugalah yang berperanan sebagai bahasa ilmu dalam segenap bidang bahasa pentadbiran, bahasa ekonomi, bahasa sosial dan bahasa peradaban moden ini.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kepentingan Bahasa Kebangsaan sebagai wadah terpenting selain wadah pendidikan dan kebudayaan kebangsaan untuk membentuk keperibadian Bangsa Malaysia bersemboyankan gagasan "Satu Bahasa, Satu Bangsa, Satu Nusa", jelas tidak sewajarnya di sangsikan oleh sesiapa pun. Di sini, terletaknya peranan Bahasa Kebangsaan dalam rancangan merealisasikan Wawasan 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekiranya kita mengabaikan peranan dan kepentingan Bahasa Kebangsaan ini, ini bermakna kita telah tergelincir daripada gerabak pembentukan Bahasa Malaysia itu sendiri. Kejayaan pembentukan bangsa-bangsa Jepun, Korea selain pengasasan bangsa-bangsa di benua Amerika dan Eropah sewajarnya kita teladani. Mereka terbukti telah berupaya memodenkan negara sekali gus membina bangsa dengan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan negara masing-masing. Justeru, akan tercapaikah gagasan kemajuan negara dan pembinaan Bangsa Malaysia jika rakyat tidak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan mereka sendiri?

Yang penting Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, kita perlu memperbetulkan beberapa kesilapan mengenai konsep Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Ibunda ini. Pertama, sejak bangsa, Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka, ia bukan lagi jadi milik tunggal peribumi Melayu, malah Bahasa Melayu menjadi milik bersama seluruh warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Justeru, Bahasa Melayu dengan sendirinya menjadi hak milik warganegara asing yang telah menjadi warganegara Malaysia.

Justeru Yang Berhormat Dato' Speaker, yang lebih lagi Bahasa Melayu itulah yang menjadi Bahasa Kebangsaan orang-orang asing yang menjadi warganegara kita yang telah menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika ditinjau semula kepada akar sejarahnya sejak 1957, kalau kita lihat kepada pecahan Fasal Perkara 153, kesilapan ini tidak pernah dipinda. Walhal bercanggah dengan hakikat sejarah kenegaraan Malaysia itu sendiri. Kesilapan inilah yang menjadi antara punca utama yang mengakibatkan peranan Bahasa Kebangsaan terus ditenggelami oleh gerakan-gerakan mendaulatkan bahasa-bahasa asing, khasnya sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan. Oleh itu, saranan dan gesaan mujahid-mujahid Bahasa Kebangsaan ini harus diberi perhatian. Amatlah wajar dilaksanakan secara tuntas. Masanya telah hampir-hampir nazak tetapi, belum lagi terlambat. Keazaman politik amat diperlukan jika kita mendaulatkan bahasa-bahasa asing, bahasa asinglah yang beruntung kerana ia akan terus kekal sebagai bahasa ilmu teknologi dan peradaban moden. Sebaliknya, Bahasa Malaysia akan terus mundur dan mandul di negaranya sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perlu ditegaskan bahawa kita bukan anti bahasa asing. Prinsip kita jelas dan tegas. Pelajarilah, kuasailah bahasa-bahasa asing tetapi, pendaulatan hanyalah terhadap Bahasa Kebangsaan kita sendiri. Inilah sikap dan pemikiran yang amat diperlukan untuk mencapai Wawasan 2020 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan Malaysia. Ini bermakna, bahawa Bahasa Melayu telah mula berubah tarafnya daripada Bahasa Kebangsaan Bangsa Melayu kepada Bahasa Kebangsaan Negara Malaysia. Perubahan taraf ini seperti yang diisytiharkan dalam Perlembagaan 1957 mempunyai implikasi sosial politik yang luas dan penting bagi negara pelbagai etnik dan pelbagai bahasa seperti Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perubahan taraf itu bererti bahawa fungsi Bahasa Malaysia tidak hanya lagi dilihat sebagai bahasa perpaduan dan bahasa kemajuan bangsa Melayu sahaja, tetapi lebih penting ia diberikan fungsi dan nilai baru, iaitu sebagai bahasa perpaduan dan kemajuan negara merentas segala persempadanan dan kepentingan etnik dan bahasa-bahasa yang lain dalam negara yang bertuah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada orang beranggapan bahawa bangsa kebangsaan tidak mempunyai peranan sebagai alat kemajuan atau pembangunan negara, tetapi hanya sebagai lambang negara atau sebagai alat perpaduan bangsa atau etnik. Anggapan ini tidak benar, kerana bahasa kebangsaan bererti bahasa komunikasi yang luas. Tidak mungkin bahasa yang hanya diketahui oleh sebilangan kecil penduduk dapat diterima atau diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan sebuah negara. Kalau pun bahasa itu dapat diterima atau diiktiraf oleh undang-undang atau dasar bahasa sebagai bahasa kebangsaan negara itu, nilainya hanya nanti hanya tidak lebih sebagai bahasa simbolik, tetapi tidak digunakan sebagai alat untuk memajukan bangsa dan negaranya.

Saya mengambil contoh, Yang Berhormat Dato' Speaker, di Singapura, Bahasa Melayu masih diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan negara itu. Tetapi peranannya hanya sebagai lambang dan tidak mempunyai apa-apa fungsi

pembangunan, yakni bahasa itu tidak digunakan sebagai alat untuk memajukan negara itu. Misalnya dalam bidang ekonomi, pendidikan baik, teknologi baik dan sebagainya. Tetapi, di Indonesia Yang Berhormat Dato' Speaker, bahasa Indonesia itu Bahasa Melayu ialah bahasa pembangunan dan kemajuan bangsa dan Negara Indonesia. Nilai atau fungsi Bahasa Indonesia sebagai bahasa nasional atau sebagai bahasa perpaduan rakyat pelbagai etnik dan bahasa di negara itu dan fungsinya sebagai bahasa urusan kerajaan iaitu bahasa rasmi tidak dipisahkan daripada proses pembangunan negara itu keseluruhannya.

Tetapi di Malaysia, nampaknya fungsi bahasa kebangsaan terpisah daripada proses pembangunan negara. Kegunaan bahasa kebangsaan nampaknya terhad dalam bidang-bidang urusan rasmi kerajaan sahaja. Tetapi, fungsi atau kegunaan tidak tersebar luas dalam sektor pembangunan, ekonomi, perniagaan dan teknologi negara, terutamanya yang dikuasai oleh sektor-sektor yang asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah alasan kita? Alasan yang paling kuat ialah Bahasa Melayu mempunyai nilai tambahan yang cukup banyak, yang tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain yang digunakan di negara ini. Antaranya yang pertama, bahasa ini menggunakan, merupakan *lingua-franca* ataupun bahasa perhubungan antara pelbagai etnik di pelbagai peringkat dan bidang atau ranah komunikasi sosial, politik dan budaya, perdagangan dan lain-lain, tidak hanya di peringkat elitis atau dalam bidang-bidang yang terbatas.

Sebagai contoh, jikalau semua papan tanda dan iklan di Malaysia ini disiarkan dalam Bahasa Melayu, Yang Berhormat Dato' Speaker, pasti tidak siapa kecuali penduduk-penduduk, rakyat, penduduk-penduduk, rakyat, bukan rakyat Malaysia yang tidak memahami, tetapi tentu banyak penduduk Malaysia yang daripada semua golongan etnik yang tidak akan memahami iklan dan papan tanda jikalau mesejnya ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Mandarin atau Tamil. Ini contohnya. Dan ada banyak contoh yang lain yang menunjukkan bahawa nilai Bahasa Melayu itu sebagai bahasa komunikasi luas dan ini tidak ada dalam bahasa-bahasa yang lain dalam Malaysia ini.

Yang keduanya, Yang Berhormat Dato' Speaker, Bahasa Melayu ialah bahasa yang sudah maju sejak ratusan tahun di kawasannya sendiri, bukan baru sekarang. Sebagaimana yang kita tahu, bahasa ini telah berkembang sebagai bahasa pembentuk budaya dan tamadun tinggi di seluruh rantau berbahasa Melayu dari sejak abad ke-14 lagi. Hakikat bahawa Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Negara Indonesia, walaupun ada bahasa-bahasa yang lain, misalnya Bahasa Jawa yang jauh lebih ramai dituturkan oleh orang-orangnya, membuktikan sifat kesegaran dan dinamik sosial bahasa ini. Sifat ini tidak ada pada Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain di Malaysia atau di rantau ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa dah 20 minit.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya beri sikit lagi masa.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin juga membawa juga beberapa perkara lain. Saya ingin memetik tentang perkara-perkara berkenaan dengan pekerja asing. Kita dimaklumkan bahawa di Johor ada 97,270 pekerja asing tanpa izin, dengan izin, pekerja-pekerja asing. Saya, Yang Berhormat menyatakan bahawa saya berani menyatakan bahawa angka ini tidak tepat, kerana ia hanyalah yang terdaftar dalam JTK. Ia tidak termasuk kepada mereka yang diambil secara *out-sourcing*, dengan izin, kerana mereka tidak berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja. Justeru itu, saya menyatakan bahawa ianya adalah tidak tepat, malahan lebih daripada itu. Pada realitinya, Malaysia mempunyai 2.1 juta pekerja asing, yang tanpa izin lebih daripada 1.2 juta. Dan kita memandang realitinya, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang hantar wang sahaja untuk 6 bulan pertama, RM9.124 bilion, dalam satu tahun bermakna lebih kurang RM18 bilion, wang negara mengalir keluar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, realitinya juga kita harus tahu bahawa 20% tenaga kerja adalah rakyat asing, nisbahnya 1 rakyat asing, 4 orang warga negara Malaysia. Dan ini menjadikan setengah daripada 252,600 pekerjaan yang diwujudkan akan diisi oleh pekerja-pekerja asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membawa satu perkara iaitu, budaya yang baru kerana adanya pekerja-pekerja asing ini. Dulu di pekan-pekan, di bandar-bandar tidak ada orang naik basikal, perusahaan basikal, orang jual basikal dah tak laku dah. Tetapi kerana orang Vietnam dan Myanmar datang, sekarang ini mereka hidup kembali menjual basikal. Dan kini lebih ramai orang-orang naik basikal di pekan-pekan, di bandar-bandar, tetapi bukan orang tempatan, tetapi adalah pekerja asing. Yang hairannya, mereka naik berdua, lelaki dan perempuan, berbonceng, duduk depan.

Dan satu perkara lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, harus diketengahkan, tak tahu sama ada ianya disedari atau tidak. Saya melihat dengan kepala saya sendiri, Yang Berhormat Dato' Speaker, di Batu Pahat, di Batu Pahat.

Y.B. Dato' Speaker : Dia lelaki, perempuan? Tu orang Myanmar ke orang Malaysia?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Orang, orang, orang asing, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dua-dua?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Di Batu Pahat, Yang Berhormat Dato' Speaker, pada satu malam saya hairan, apabila saya melihat, tiba-tiba, ramai kumpulan yang berpasang-pasangan empat orang, dua orang, tiga orang, ada yang seorang, duduk bersantai, makan malam di kawasan landskap pembahagi jalan. Betul. Ini tidak pernah berlaku dalam kehidupan kita. Kalau orang luarlah datang, dia akan menyatakan hebat orang Johor, bersantai

maghrib-maghrib, makan-makan, di tengah pembahagi jalan. Tahniahlah kerana PBT yang menyediakan pembahagi jalan yang cantik. Tetapi ini adalah satu budaya baru dalam kawasan kita. Saya dimaklumkan menjelang 31, 1 hari bulan, awal tahun yang lalu, di Teluk Danga, jangan sebut *Danga Bay,* Teluk Danga, ramai tiba-tiba mereka buat pulak, apa namanya tu, berdangdut pulaknya, pesta dangdut. Akhirnya orang-orang tempatan ke tepi kerana mereka tidak mahu terlibat dengan kumpulan yang begitu ramai. Dan ini harus dilihat sebab itulah kita harus menekankan bahawa kita harus pandai untuk memastikan bahawa gejala sosial tidak akan bertambah kerana kehadiran, kehadiran pekerja-pekerja asing yang tidak dapat kita bendung ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok, Yang Berhormat. Dah lebih.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya bila cakap, Yang Berhormat hormatlah sikit. Tadi kata nak dekat habis, boleh tamatkan tak?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Insya-Allah, saya satu lagi...

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat dah lama benar, pasal Yang Berhormat cakap dari semalam. Saya dah beritahu, ada lagi ADUN-ADUN nak berucap. Beri peluanglah yang lain. Lain kali Yang Berhormat mencadang, Yang Berhormat bahas mula-mula sekalilah. Jadi, saya beri satu jam lebih.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya, sebelum sampai ke penghujung, Yang Berhormat Dato' Speaker. Satu perkara.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Saya ingin merungkaikan satu potensi yang ada di hadapan kita. Dalam Negeri Johor menceritakan tentang pelaburan, mendapatkan pelaburan daripada luar, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita berbangsa dengan JCS ataupun yang kita panggil Pegawai Tadbir Negeri yang hebat dalam Malaysia kita ini. Tetapi, sejauh manakah kita bersedia untuk menghadapi kemajuan yang ada dalam negara kita ini. Kita harus lebih *concentrate* ataupun menumpukan kepada *low hanging fruits*, dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker. Maksudnya, potensi-potensi yang ada di hadapan kita Yang Berhormat Dato' Speaker. Persoalannya, Yang Berhormat Dato' Speaker, satu, sejauh manakah *state* GLC atau GLC dalam negeri kita ini mengambil peluang-peluang yang besar yang ada dalam Negeri Johor ini? Kita hebat dengan *oil rig fabrication*, yang terhebat dalam negeri, dalam negara. Kita ada pembangunan yang besar dalam Tanjung Bin, adakah kita sekadar menyediakan prasarana dan peluang kepada mereka? Sejauh manakah kita menikmati dan mendapat manfaat secara *direct* ataupun terus kepada mereka ini? Saya mengharapkan agar *state* GLC ini mengambil bahagian dalam pelaburan-pelaburan yang besar ini. Dan pada masa yang sama kita harus melihat, sejauh manakah kita menyediakan prasarana-

prasarana ini agar pelabur-pelabur asing yang semakin besar dan ramai ini, benar-benar gembira dengan persiapan yang kita sediakan. Saya harap, jangan sampai kita hanya menyediakan dan membuat lebih banyak potensi-potensi yang menguntungkan pihak yang lain, tetapi pihak Kerajaan Negeri tidak mengambil peluang daripada peluang-peluang dan potensi yang ada ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berterima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : ...dan pada masa yang sama saya mengharapkan sekali lagi untuk didaftarkan dalam Dewan ini, Masjid Ayer Hitam akan dibina dengan waktu yang terdekat kerana saya nak sampaikan, Yang Berhormat Dato' Speaker, orang kampung tanya saya, Yang Berhormat, siapakah yang akan tanggung dosa kalau orang-orang yang datang ke masjid ini sembahyang dan tidak selesa. Yang keduanya, siapakah pula yang akan tanggung dosa kalau mereka datang masjid dan mereka tak boleh datang sembahyang?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat jawab apa?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Saya kata, saya akan bertanggungjawab dan saya akan usahakan.

Y.B. Dato' Speaker : Eh!

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Sekarang ini, saya...

Y.B. Dato' Speaker : Jangan main-main Yang Berhormat, ni dosa dia...

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Kalau kita tak menjalankan tugas..

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat bagi misalan yang lainlah, barulah kena.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Tak apa, kalau kita tak jalan tugas.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi..

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ini Yang Berhormat, salahkan aje. Saya yang bertanggungjawab, menanggung dosa-dosa. Saya akan menyampaikan masalah ini...

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Saya akan menyampaikan kepada Jabatan Agama Islam.

Y.B. Dato' Speaker : Ha...Kalau dosa, bukan saya, pihak yang lain. Ha, kan sedap sikit. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya adalah satu serius. Mudah-mudahan ianya akan..

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Mendapat perhatian dan juga keprihatinan yang sewajarnya daripada semua pihak. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berterima kasih dan saya menyokong usul..

Y.B. Dato' Speaker : Dia nak tujukan pada Pengerusi Jawatankuasa Agama tadi, dia segan. Lagi, siapa nak berucap? Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet Negeri Johor 2009 yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini. Saya ingin menarik perhatian kepada Dewan ini bahawa pihak kami, Parti DAP sering diserang oleh Ahli-Ahli di sini, oleh kerana menyentuh isu-isu yang sensitif. Pada hakikatnya, kami DAP tidak cabar ketuanan, kedaulatan, ketuanan Melayu, kedaulatan Raja dan juga Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan di negara ini. Apa yang kami pertikaikan adalah bahawa, sama ada kerajaan ini adalah satu kerajaan selama ini baik yang mengamalkan ketelusan, akauntabiliti dan kecekapan. Kami berhasrat untuk mencapai satu kerajaan yang baik.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dengan ini saya tidak bersetuju dengan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat duduk sekejap. Sekejap aje ada orang nak...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Saya nak betulkan dia sebab dia ada timbulkan ketuanan Di Raja. Dalam Peraturan 45 (15), 45 (15) ini tidak boleh disebutkan Raja ini. *I* minta dia tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker : Saya pun tak perasan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Amat Berhormat, saya tak tahu saya ada langgar syarat apa pun. Saya cuma menegas sesuatu, Parti DAP mematuhi segala undang-undang negara. Saya rasa ADUN daripada Bukit Batu ini membangkit perkara yang bukan-bukan, nak mempopularkan diri tanpa asas semata-mata. Diizinkan saya teruskan Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya minta untuk...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta untuk dia tarik balik…

Y.B. Dato' Speaker : Nanti kejap. Yang Berhormat tadi sebut, saya tak perasan tadi.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Ketuanan Di Raja tu**.**

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ketuanan Melayu ke Ketuanan Di Raja ada disebut?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya sebut Parti DAP tidak pertikaikan ketuanan Melayu, kedaulatan raja, apa, apa salah dia?

Y.B. Dato' Speaker : Dia tidak mempertikaikan. Bukan, dia tidak mempertikaikan.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Kena *check* balik *hansard* tu…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Ketuanan Melayu itu biasalah Raja, kita tidak payah sebutlah. Ok, Yang Berhormat yang Raja itu ditarik.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ...

Y.B. Dato' Speaker : Nama-nama Raja tak payah disebut.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Pandangan yang dikemukakan oleh Ahli daripada Semarang ini, yang mengatakan bahawa Pakatan Rakyat adalah satu pertubuhan yang haram, yang di tubuh di jalan, tepi jalan.

Y.B. Dato' Speaker : Bila?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ini satu tohmahan tidak berasas. Sebagai balasan, saya ingin menegaskan bahawa, Pakatan Rakyat walaupun tidak ditubuhkan dengan ROS setakat ini, tapi maka komponen parti-parti masing-masing adalah secara sah, baik DAP, PAS ataupun PKR. Saya merasa ADUN Semarang ini kekurangan, adalah kesempitan dikira politik ketinggalan zaman. Selepas keputusan pilihan raya pada tanggal 8 Mac ini maka, negara ini kelihatan parti, dua parti sistem. Itu satu hakikat yang harus diterima oleh semua rakyat bagi kepentingan rakyat. Seperti Barat, sesebuah negara yang mengamalkan demokrasi haruslah dikehendakinya dua parti sistem.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Sekurang-kurangnya dalam Pakatan, ada keharmonian. Perkongsian kuasa adalah seperti biasa tanpa pergaduhan. Tak semacam di BN, wujudnya hegemoni, dominasi oleh satu parti terhadap parti-parti yang lain. Ini tidak wujud dalam Pakatan Rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Itu dia pergi Taiwan cari apa?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Taiwan pun ada.

Y.B. Dato' Speaker : Itu PKR pergi Taiwan apa dia cari sana?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Amat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak tahukah?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Memang Taiwan ada. Di mana-mana pun ada. Tapi sebelum.

Y.B. Dato' Speaker : Dia pergi mengejut itu saya tanya dia buat apa. Yang Berhormat tahu?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dan sehingga melawan secara fizikal dalam Parlimen Taiwan. Ya, betul...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, oklah. Ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Selanjutnya Yang Berhormat. Saya nak sentuh serba sedikit mengenai Bajet 2009. Tetapi saya perhatikan bahawa Ahli-Ahli jarang menyentuh isu yang dibangkitkan dalam Bajet 2009. Sehingga berita yang bukan-bukan seperti monyet lompat daripada satu kawasan ke kawasan lain pun muncul. Mutu ucapan itu jarang menyentuh isu-isu yang dibangkitkan dalam ucapan, dalam Bajet 2009. Sebagaimana diketahui, Bajet bagi 2009 adalah satu yang defisit, RM2.75 juta. Soalan saya adalah, nak bertanya, pada fahaman orang biasa apakah defisit? Pada saya pun, saya bukan seorang Juru Akaun, saya tak, kurang faham. Apa yang saya pada keseluruhannya, saya atas fahaman saya adalah bahawa hasil Negeri Johor pada tahun 2009 dijangka tidak mencukupi untuk memenuhi segala perbelanjaan atau komitmen negeri. Yang penting sekali saya nak tanya, apakah faktor-faktor itu kurang dibangkitkan yang menyumbangkan Bajet 2009 menjadi defisit dan bukan *surplus* dari segi perakaunan? Setahu saya banyak lagi cukai-cukai tanah dan hartanah bagi hartanah di seluruh Negeri Johor yang masih belum dipungut. Bilakah Kerajaan Negeri akan memberitahu jenis dan kategori hartanah dan kawasan berkenaan yang baki masih belum dipungut cukai. Jika Kerajaan Tempatan dan Pejabat Tanah bersungguh-sungguh, saya yakin Bajet 2009 dan tahun-tahun yang seterusnya tidak akan dijadikan defisit. Jadi, saya nak tanya, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan kepada pemilik hartanah yang ingkar membayarnya? Adakah ini adil kepada pemilik yang telah membayarnya? Adakah Kerajaan mengamalkan *double standard* dalam pungutan cukai tanah? Setahu saya, sebahagian besar tidak dipungut. Berapakah jumlah kes yang telah diambil tindakan keras terhadap kegagalan membayar cukai tanah, hartanah. Jangan biarkan sebahagian dikenakan hukuman yang keras manakala sebaliknya sebahagian lain melarikan diri dan bertanggungjawabnya untuk membayar cukai tanah.

Y.B. Dato' Speaker : Ni rakyat tak bayar cukai tanah eh Yang Berhormat? Rakyat tak bayar cukai tanah?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Maksud saya, negeri bagi tahun 2009 boleh bersungguh-sungguh memungut cukai, tunggakan...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : ...tunggakan supaya Bajet itu tidak akan menjadi defisit.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, kalau rakyat tak bayar cukai tanah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Tindakan oleh pihak kerajaan, apa, sejauh mana ianya dijayakan.

Y.B. Dato' Speaker : Ini Yang Berhormat punya anggap rakyat salahlah eh? Tak nak bayar cukai tanah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Memang rakyat salah, tetapi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, baguslah, rakyat salah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Penguatkuasaan pun longgar, dari segi pungutan cukai. Lebih lagi saya nak tahu dari segi *balance sheet,* Negeri Johor ini berapa *asset liability* dalam Bajet tidak kelihatan? Berapa kaya dari segi aset-aset yang ada dimiliki oleh pihak Kerajaan Negeri berbanding dengan liabilitinya. Saya rasa Perbendaharaan ini harus sebagai satu *balance sheet* bagi maksud sedemikian.

Seterusnya, saya ingin menyentuh dengan pembangunan Iskandar Johor. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan bahawa pelaburan ataupun komitmen besar-besaran 40 lebih bilion bakal datang dari Timur Tengah dan Sepanyol supaya akan meng*commit*kan 4.3 bilion. Tetapi, setakat masyarakat, orang biasa cuma dengar berita melalui media, surat khabar dan website, orang yang ada *access* kepada *website* untuk rujukan kepada isi kandungan pembangunan Iskandar. Tetapi saya nak tanya, apakah definisi komitmen sama ada ianya wujud secara, secara *existing in sustain only*, wujud secara betul-betul atau *existing in form.* Kita tidak mahu sebarkan berita besar-besaran pembangunan Iskandar, tetapi akhir sekali, tidak, rakyat jelata tidak menikmatinya. Kita berharap pembangunan Iskandar bukanlah dari segi MOU ataupun pelaksanaan perjanjian usaha sama, *Joint Venture Agreement* dan sebagainya.

Maka, sejauh mana Pembangunan Iskandar secara realiti dapat memberikan manfaat kepada rakyat jelata di Negeri Johor dari segi peluang perniagaan, pekerjaan, pendidikan dan pemindahan teknologi, t*ransfer technology* dengan izin. Dari manakah punca bakat-bakat khususnya dari bidang *cyber space, information technology, biotechnology* dan lain-lain, bagaimana puncanya tidak dijelaskan? Kenapa bakat-bakat dari negara jiran iaitu Singapura tidak diperolehi, sedangkan Singapura mempunyai banyak bakat dan sumber negara kita.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat suka betul Singapura?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Singapura menguntungkan banyak...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, saya ingat…

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Tapi bukan sebaliknya, itu yang masalah yang dihadapi. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita semasa menghadiri Persidangan APEC di Lima, telah berunding dengan Perdana Menteri Singapura tentang prospek Singapura meng*commit*kan pembangunan Iskandar Johor supaya mewujudkan suatu situasi yang mesra dan menguntungkan kedua-dua pihak. Sebagai suatu sistem simbiosis, dua-dua pihak *win-win situation.* Di antara kedua-dua pihak seperti Hong Kong dengan Shen Zhen di Negeri China. Tetapi kenapa sejak kebelakangan ini Kerajaan Negeri kurang menunjukkan minat serta tidak mengambil langkah proaktif untuk menarik pelaburan daripada sektor perindustrian di Singapura.

Y.B. Dato' Speaker : Itu hari Yang Berhormat ada jawabkan?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang ada, saya tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Dia berucap banyak, Singapore masuk melabur.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Kita diharapkan. Sekarang saya ingin menyentuh dengan izin Dato' Speaker Yang Berhormat, pembangunan infrastruktur dan modal. Demi untuk menjayakan projek Pembangunan Iskandar Johor, saya mencadangkan kita harus memperkukuhkan daya saingan kita dengan Singapura dengan membina satu pusat *integrated resort* sebagaimana yang sedang dibuat sekarang di Singapura yang merangkumi projek perumahan, rekreasi, hiburan, sukan, baik di pusat bandar Johor seperti di Free Trade Zone di Eden dan Nusajaya termasuk membina sebuah kasino pun bagi maksud menarik minat pelancong daripada Singapura, India, Negeri China, Japan, Korea, Korea Selatan dan dari Negara Barat yang lain. Jika tidak, kita akan ketinggalan zaman. Johor Bahru dikenali sebagai sebuah kota yang pesat dari segi kemajuan. Tetapi kenapa tidak difokuskan pembangunan khususnya di medan hiburan? Saya yakin kita mendapat hasil yang tinggi sambil meningkat taraf ekonomi dengan membolehkan perniagaan kontraktor pembinaan pekerja-pekerja kita memperolehi pendapat di samping mempertingkat taraf hidup mereka. Konsep yang diamalkan sebagaimana di Genting Highland Resort terbukti kejayaan di mata, di hadapan mata Malaysia.

Dalam Bajet 2009, kenapa tidak disebut tentang perbelanjaan modal dalam Bahasa Inggeris dengan izin, *capital expenditure* seperti sistem pengangkutan awam, iaitu monorel di Johor Bahru. Pada pendapat saya, jikalau monorel di kawasan Johor Bahru tidak terbina dengan disambung ke Nusajaya, Senai dan Kulai, maka rakyat terus berhadapan dengan masalah kesesakan lalu lintas serta perbelanjaan kos minyak yang tinggi. Sama ada terdapat suatu analisa yang dibuat terhadap konsep bekalan dan permintaan, *supplier and demand.* Jika tidak, saya di sini khuatir suatu situasi *over supply* akan timbul yang akan menyebabkan banyak projek pembangunan pembinaan perumahan, dagangan dan industri akan terbengkalai. Cuba kita lihat di merata tempat di seluruh Johor Bahru, terdapat banyak bangunan yang terbengkalai seperti Floating City, Water Front City, Kemayan City, Pacific Mall, Skudai Plaza. Tidak

lupa banyak premis kedai-kedai yang terbengkalai juga setelah dijelaskan harga jualan sepenuhnya oleh rakyat, oleh pembeli-pembeli. Saya tidak berharap untuk melihat lagi keadaan di mana untuk menarik minat pelabur-pelabur tempatan dengan pengiklanan ataupun *commercial gimmick* dengan izin, yang tidak sihat yang mendorong mereka untuk menaruhkan wang mereka sehingga menghadapi kehilangan wang yang dilaburkan atas permintaan yang mengelirukan serta palsu kepada para pemaju sebagaimana terbukti kebelakangan ini.

Misalannya kumpulan Vincent Tan, setahu saya pernah menghebohkan mengenai projek Lido Boulevard di Johor Bahru. Ia merangkumi projek kondominium RM1,000.00, RM1.00 eh sekaki. RM1,000.00 sekaki. Tetapi sehingga ke hari ini tidak terjadi kerana ia merupakan spekulasi sahaja. Saya berharap Pembangunan Iskandar bukan wujud atas nama tetapi spekulasi sahaja yang mana orang akan labur akan kehilangan wang. Itu satu keadaan yang amat menakuti. Begitu juga projek Floating City di Johor Bahru yang menelan perbelanjaan ribu, perbelanjaan ribu-ribu ringgit serta menyebabkan pembeli kehilangan wang pembelian hartanah yang akhir sekali terbengkalai juga, Floating City.

Jadi, saya tanya apakah jaminan ataupun rancangan yang positif bagi memastikan Pembangunan Iskandar ini bukan cakap kosong sahaja. Bahkan ianya dia dapat direalisasikan secara realitinya ianya akan memberikan faedah mahupun kepentingan kepada rakyat dari segi sektor pekerjaan dan perindustrian.

Akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak sentuh isu tentang perpaduan di antara kaum. Melalui tafsiran saya, setelah 51 tahun mencapai kemerdekaan, perpaduan di negara kaum ini, di antara kaum di negara ini, masih tidak mencapai matlamat sebagaimana dikehendakinya. Ianya wujud atas nama sahaja. Integrasi di antara kaum dari aspek sosial, pendidikan, politik masih tidak tercapai dengan berkesannya. Selagi politik perkauman tidak dihapuskan, seperti lihat kita, UMNO membela nasib orang Melayu, MCA orang Cina dan MIC orang India, tetapi sedar ke tidak siapa pula hendak membela nasib rakyat Malaysia yang lain, seperti kaum Orang Asli, orang Kadazan dan orang Iban. Jika kita lihat pemimpin kulit hitam kita, di Amerika Syarikat, Barrack Obama, dia bukan sahaja menjadi aspirasi kepada orang kulit putih, dia juga menjadikan aspirasi kepada semua rakyat Amerika Syarikat, baik orang kulit putih mahupun orang kulit hitam, Aspenic, Mexico, China dan Amerika Syarikat.

Obama telah membuktikan politik perkauman bagi sesebuah negara dan berbilang kaum ini tidak ada relevan lagi untuk menjayakan dan memajukan negara. Obama berlandaskan premis atas premis. *All man life equal under the sun*. Apa yang dititikberatkan adalah suatu sistem meritokrasi yang harus diamalkan. Mengikut pepatah Cina, meritokrasi ini bermaksud tidak kira sama ada kucing hitam atau putih asalkan dia boleh menangkap tikus. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Apa?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Tidak kisah siapa pun yang menjadi Perdana Menteri…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : …asalkan ekonomi dapat ditangani dengan baik, negara menjadi makmur dan progresif. Semua rakyat tidak kira bangsa akan menikmati kejayaan dan kemakmuran kaum.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Kita harus bersikap rasional dan lebih terbuka dalam menerima cadangan yang baru dan bukannya menyempitkan perasaan dan emosi prasangka dalam mengambil sebarang keputusan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ah eh, kalau berbangkit tak boleh naik perasaan eh.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ya…

Y.B. Dato' Speaker : Parti Yang Berhormat ok eh? Tak ada naikkan perasaan orang eh…? Oklah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Amalan tersebut harus mendapat galakan daripada semua lapisan masyarakat demi untuk mewujudkan satu persefahaman dari segi komunikasi dan perhubungan di antara kaum. Lihat Singapura, semua papan tanda awam dipamerkan dalam Bahasa Inggeris, bukan Bahasa Tionghoa, bukan Bahasa Melayu, bukan bahasa apa-apa pun, English. Satu perkara yang saya nak bangkitkan dalam Dewan ini…

Y.B. Dato' Speaker : Dah, dah akhir Yang Berhormat kata tadi.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ini mungkin salah satu yang terakhir… (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) Hawau.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Mengenai, saya sentiasa diserang oleh kerana campur tangan atas hal urusan kawasan pilihan raya lain, dan ini, isu ini pun dibangkitkan oleh ADUN Daerah Bukit Batu. Saya nak tahu dari segi undang-undang peraturan yang sedia ada, sama ada saya melanggari sebarang undang-undang ataupun prosedur tak? Jikalau saya dikatakan campur hal, orang punya hal, pada saya selagi saya terima sebarang aduan dari mana-mana pun, ha itu, selagi ini ada masalah anak orang, anak Johor, saya tidak disekat. Ini juga satu fikiran sempit dari segi memberikan perkhidmatan kepada rakyat. (Dewan bertepuk). Saya tak kisah…

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli ada timbulkan perkara yang dalam kawasan saya. Saya, lain kali saya jemputlah dia turun sendiri, jangan panggil pembantu dia turun.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Yang Berhormat turun sendiri.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Sebab dia ikut saya ajak semua ahli-ahli di sini. Sekarang boleh datang ke kawasan saya untuk menyelesaikan, mengatasi masalah ini. Saya sambut sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, baguslah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Itu baru semangat berkhidmat untuk rakyat di Negeri Johor ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, baguslah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Bukannya mengamalkan satu persepsi yang negatif yang menghalang membuat aduan tentang orang-orang campur tangan. Saya rasa perkembangan politik tidak akan menjadi sihat di negeri ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok, ok. Oh, baguslah Tionghoa sama Tionghoa lawan. (Dewan ketawa). Ok, Yang Berhormat masa dah cukup.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang akhir sekali…

Y.B. Dato' Speaker : Ha. Dari tadi akhir, akhir, tak berhenti juga.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Akhir sekali saya nak, mengenai saya ini…

Y.B. Dato' Speaker : Ini betul-betul akhir eh…

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : *Sorry*, ini terakhir. Ini saya nak tuju kepada EXCO yang berkenaan mengenai pemotongan bekalan elektrik kepada premis-premis seperti kedai, industri. Atas fahaman undang-undang saya, memang TNB ada kuasa di bawah Seksyen 34(1) untuk memotong bekalan elektrik. Tapi, TNB telah menggunakan alasan ini, ini ugutan, menggunakan ugutan ini memaksa orang menjelaskan tunggakan yang dipertikaikan. Tunggakan, caj elektrik yang berpunca dikatakan TNB bahawa ada pengusikan, ada pencurian bekalan elektrik secara curang. TNB mengeluarkan satu jumlah tunggakan ribu-ribu ringgit mendakwa pengguna membayarnya kalau tidak akan potong itu bekalan elektrik. Saya rasa ini, tindakan ini adalah satu tindakan penindasan, penyalahgunaan kuasa di kalangan pihak TNB. Saya harap EXCO yang berkenaan boleh lihat

Y.B. Dato' Speaker : Hm..melihatnya.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : …mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menghentikan…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya setuju Yang Berhormat cakap dia mengikuti undang-undang. Kalau kita tak menafsirkan satu perkara mengikut undang-undang itu tidak dibenarkan. Jadi, mana yang dia mahu?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat mahu yang mana? Ikut undang-undang ke tak mahu ikut undang-undang?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ok. Memang saya …

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Memang undang-undang, isu ini telah dibawakan kepada Mahkamah Rayuan, saya pernah menangi satu kes di mana Mahkamah Tinggi memerintah bahawa TNB tindakan sedemikian, memutuskan bekalan elektrik adalah menyalahi undang-undang selagi ada pertikaian terhadap tindakan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ini saman lagilah Yang Berhormat. Lagi menanglah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Maksud saya, kesusahan, penderitaan orang, pekedai, orang-orang yang pemilik premis itu. Tiap kali mengalami jikalau *put outside, in this situation*…dipotong.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ini, dia tak bayar bil ke apa?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Bukan, Yang Berhormat Dato' Speaker. Mereka mengeluarkan satu bil yang dipertikaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Katakan, oleh kerana ada pengusikan meter.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, pengusikan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Tapi pengusikan meter itu tidak terbukti. Tunggakan itu, jumlah tunggakan itu tidak ada penghakiman, tidak ada keputusan muktamad di mahkamah…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, yalah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : …mereka paksa kamu bayar kalau tidak potong sahaja. Itu yang saya merasa ada satu tindakan yang menyalahi undang-undang sambil menindaskan para pengguna. Saya harap perkara ini demi untuk keadilan, sifat-sifat kemanusiaan, ianya harus dihentikan serta merta.

Y.B. Dato' Speaker : Lepas Yang Berhormat marah, tolonglah hentikan ya. Ha, ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Bukan untuk alasan, melainkan…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bukan…(ketawa).

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : …mentaliti undang-undang sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi selalu orang kalau minta tolong, dia lembutlah Yang Berhormat. Yang Berhormat minta tolong, oh, garanglah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Jadi, dengan kata-kata ini saya…

Y.B. Dato' Speaker : Habis sekali.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : …menyokonglah rundingan yang dibawa oleh ADUN Kempas. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, sedap tengok Yang Berhormat lawanlah. Perbahasan diteruskan lagi, Tenggaroh.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Selamat pagi dan salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Bagi perempuan, asyik orang lelaki saja yang bercakap. Kesian tengok.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Ha, hari ini…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat 10 minit.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Ok, saya akurkan 10 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Dah, dah nak habis, nak tangguh.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Hari ini merupakan hari yang terakhir, saya faham, dan ada rakan-rakan yang ingin turut dalam perbahasan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2009.

Bajet yang bertemakan Menghadapi Cabaran, Memelihara Kesejahteraan Rakyat mengandungi banyak ciri-ciri yang mendahului kepentingan rakyat Negeri Johor. Hari ini kita lihat pemimpin-pemimpin dunia sedang mencari jalan mengatasi krisis ekonomi negara masing-masing. Krisis ekonomi yang bermula dari Amerika Syarikat, Eropah dan merebak ke negara-negara Asia, sekarang terasa juga di Negara Malaysia. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini, Kerajaan Negeri Johor telah mewujudkan satu bajet yang menitikberatkan kesejahteraan rakyat Negeri Johor. Tahniah kepada Menteri Besar kita.

Yang Berhormat Dato' speaker, salah satu ciri yang membawa kegembiraan kepada rakyat, ialah pengurniaan hak milik kepada peneroka-peneroka FELDA. Seramai 2,306 orang akan dikurniakan hak milik pada tahun 2009. Termasuk juga FELDA Tenggaroh 1, Tenggaroh 2, Nitar 1 dan Nitar 2 yang berada di kawasan saya. Saya juga turut gembira kerana masalah hak milik ini akan diselesaikan dalam masa yang terdekat. Ini merupakan satu hadiah kepada

warga FELDA kerana kalau semalam ADUN Kahang kata dia menang kerana adanya sokongan daripada FELDA, warga FELDA. Saya pun berani mengatakan saya menang dengan undi majoriti 8,323 atas sokongan warga FELDA juga kerana saya mempunyai 10 Rancangan FELDA dalam kawasan saya. Warga FELDA memang berkenang budi kepada Kerajaan Barisan Nasional. Saya juga berterima kasih kepada FELDA kerana ada perancangan untuk menaik taraf kemudahan awam yang sedia ada. Ini juga merupakan satu berita baik kepada warga FELDA kerana prasarana yang sedia ada kebanyakannya perlu diperbaiki dan dinaiktarafkan supaya boleh digunakan dengan selesa, khasnya di FELDA Nitar 1, dewan serba guna yang sedia ada ini mengalami kerosakan yang teruk, sebab inilah satu-satunya dewan di mana FELDA Nitar 1 ini mengadakan aktiviti kemasyarakatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat berilmu dan berpendidikan adalah amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. RM4.5 juta telah diperuntukkan bagi memperkasakan program Hikmah. Ini akan memastikan anak-anak warga Johor khasnya pelajar-pelajar di luar bandar terus cemerlang dalam bidang pendidikan. Sudah tentunya pelajar-pelajar di kawasan yang merupakan Rancangan FELDA akan menerima manfaat daripada program ini. Banyak membaca, luas pengetahuan, budaya membaca sambil menunggu mesti digalakkan dengan agresifnya di seluruh negeri. Ahli EXCO kita Y.B. Dr. Robia, telah melancarkan budaya membaca ini di Hospital Sultanah Aminah baru-baru ini. Dan saya sarankan agar budaya ini diperkembangkan di semua hospital di daerah-daerah, termasuk juga Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi kerajaan, yang kunjungan orang awamnya ramai seperti di Jabatan Pendaftaran dan juga Pejabat Pos, di mana pelanggannya menunggu kadang-kadang berjam-jam untuk menyelesaikan urusan mereka. Budaya membaca membantu mewujudkan generasi berilmu. Generasi berilmu ini merupakan aset kepada sesebuah negara. Mereka inilah yang akan menerajui negara ke arah kecemerlangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia, saya ingin beralih kepada beberapa perkara di kawasan saya yang perlu perhatian segera. Yang pertamanya Dato' Speaker, berkenaan dengan kekurangan bilik darjah di sekolah Agama Bukit Timbalan, Mersing. Sekolah tersebut mempunyai murid seramai 1,076 orang, berbanding dengan kelas yang sedia ada hanya 13 buah sahaja.

Pecahan dilakukan mengikut kelas dan murid. Dan purata setiap kelas adalah seramai 50 orang. Ini menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran yang efektif. Untuk mengurangkan ketidakselesaan di dalam bilik darjah ini, dua buah tandas lama yang ada di sekolah itu telah diperbaiki dan digunakan sebagai kelas ataupun bilik darjah. Mengikut PIBG dan juga Pegawai Pendidikan Agama Mersing, keadaan sekarang ini akan bertambah rumit kerana pada tahun 2009 ini dijangka murid-murid akan bertambah. Pihak Jabatan di peringkat daerah telah mencadangkan satu bangunan baru didirikan di lokasi yang telah pun dikenal pasti iaitu di Taman Mahkota. Permohonan telah pun dimajukan ke Jabatan berkenaan. Dan mengikut mereka sehingga sekarang ini belum ada jawapan daripada Jabatan, tetapi bila saya berbisik-bisik dengan Ahli EXCO Y.B. Zainal, dia kata sudah ada

perancangan, mungkin akan dibina tahun hadapan. Terima kasih kepada Ahli EXCO.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang kedua ialah mengenai sekolah Agama di Kem Iskandar. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli EXCO sekali lagilah kerana dia telah memberikan jaminan bahawa pembinaan sekolah tersebut telah pun dimasukkan dalam senarai 54 buah sekolah yang akan dibina. Walau bagaimanapun, saya ingin sentuh sedikitlah hal ini. Kem ini mempunyai 400 keluarga. Dijangka pada tahun 2009, tambahan sebanyak 245 buah keluarga akan menetap di kem ini. Sehubungan dengan ini, pelajar-pelajar juga akan turut bertambah. Saya berharaplah pembinaan sekolah ini tidak akan ditangguhkan lagi sepertimana berlaku satu ketika. Jadi mungkin ada sebab-sebabnya. Tetapi kali ini saya berharap perancangan ini akan menjadi satu kenyataan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Kata 10 minit, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Memang 10 minit. Nak kasi lagi seorang bercakap.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Sikit lagi saja. Lagi satu lagi perkara. Yang ketiga Dato' Speaker, di Tenggaroh 2 terdapat hakisan di lerengan bukit kawasan masjid. Terdapat juga sekolah agama yang berkongsi pagar dengan masjid tersebut. Tanah runtuh daripada kawasan masjid itu telah masuk ke kawasan sekolah beberapa kali. Ini telah mengakibatkan kerosakan kepada sekolah. Saya bimbang satu hari nanti mungkin dalam masa yang terdekat, satu tragedi akan berlaku disebabkan tanah runtuh. Jadi saya mohon pada Ahli EXCO ataupun mana-mana Jabatan untuk membantu kami menyelesaikan masalah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi, dalam Bajet 2009 sejumlah RM270.3 juta akan dibelanjakan untuk melaksanakan Program Pembangunan Pembekalan Air. Di kawasan saya di FELDA Nitar 1 dan 2 sudah lama menghadapi masalah tekanan air yang rendah disebabkan oleh paip berkarat. Sebab paip yang sedia ada ini Dato' Speaker, telah dipasang dan digunakan sejak tahun 1986. Jadi, saya bangkitkan masalah ini di Dewan ini supaya masalah ini diberi perhatian.

Akhir sekali Dato' Speaker, ini memang akhir ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin dengan Bajet 2009 yang menitikberatkan kesejahteraan rakyat boleh direalisasikan dengan adanya komitmen daripada kerajaan, Wakil Rakyat, orang awam dan Jabatan-Jabatan. Dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Kempas. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua yang beragama Islam.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, terima kasih. Datang rumahlah Yang Berhormat. Jemput rumah Hari Raya ni. (Dewan ketawa). Ok, *last*. Layang-Layang. Layang-Layang.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Assalamualaikum warahmatullahi …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, 10 minit.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : 10 minit Dato'. Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau langgar akan datang tak boleh berucap.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Dato' Speaker, alhamdulillah syukur saya ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia-Nya dapat saya bersama mengambil bahagian dalam Bajet 2009 yang bertemakan Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada 21 November yang lalu di dalam Dewan Negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam realiti kehidupan manusia sentiasa berusaha mengarahkan daya, tenaga dan pemikirannya untuk mematuhi berbagai-bagai keperluan kehidupan seperti makan, pakaian dan tempat tinggal. Oleh itu kekayaan dari sumber pertanian, penternakan, hasil galian, perusahaan dan perindustrian dan aspek yang penting bagi manusia. Jika kita sama-sama meneliti, segala sumber-sumber kekayaan ekonomi, kesemua seolah-olah sudah tersedia ada dalam negara kita. Oleh itu, kekuatan ekonomi adalah merupakan penting yang tidak boleh diabaikan. Ia juga merupakan salah satu aset yang paling berkesan untuk membina rakyat yang perkasa dan bermaruah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, proses pembangunan perlu mengambil kira dan memberi perhatian yang saksama antara bandar dan luar bandar. Penilaian dibuat bukan berdasarkan pada pulangan atau penghasilan ekonomi sesuatu lokasi. Sebaliknya hak dan kepentingan setiap rakyat meningkatkan kemakmuran dijadikan asas pengukuran. Pada masa yang sama, perbezaan antara hidup dan perkembangan sosiologi masyarakat dan diraikan dalam penentu tahap pembangunan yang dilaksanakan. Kegagalan mewujudkan pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar akan menghasilkan jurang pemisah yang seterusnya akan menyemai perasaan tidak puas hati dan menimbulkan perpecahan. Sebaik-baiknya aktiviti ekonomi kawasan luar bandar juga diberi perhatian serta dijana bersesuaian dengan potensi yang wujud di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap manusia diuji oleh Allah sesuai dengan tahap keimanan mereka. Golongan miskin yang dihadapkan dengan cabaran, kekurangan dari segi material, diuji kesabaran dan ketabahan mereka meneruskan kehidupan di dalam situasi sedemikian. Pada masa yang sama, golongan yang kaya dilimpahkan dengan kemewahan material. Diuji

kesyukuran dan keinsafan mereka dalam menguruskan harta tersebut. Golongan miskin atau kurang berada perlu dibantu meringankan beban hidup mereka dan pada masa yang sama di dorong serta diberikan panduan serta meningkatkan taraf hidup menjadikan golongan yang berada atau telah berjaya sebagai teladan. Golongan berada perlu diberikan kesedaran bahawa harta kekayaan bukan milik mutlak mereka. Perkongsian perlu disalurkan sama ada menerusi zakat, sedekah, wakaf dan sebagainya. Kemurnian antara semua golongan dalam masyarakat akan menjamin kesejahteraan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepentingan dan hak hidup individu yang berpuak rakyat Malaysia adalah dijamin bukan sekadar aspek material malah semua kaum dibenarkan mengamalkan ajaran dan adat masing-masing dengan menghormati Islam sebagai agama rasmi negara. Mengawal dan memantau secara serius perkara-perkara yang boleh mengancam kehormatan dan muafakat dapat menjamin kehormatan hidup rakyat pelbagai kaum. Hukum dan peraturan Islam pada hakikatnya tidak hanya menjamin kepentingan umatnya sahaja malah bersifat melindungi kepentingan masyarakat bukan Islam. Penerangan yang lemah dan pengalaman yang kurang sempurna adalah faktor yang menyumbang berlakunya salah faham dan prejudis dalam masyarakat terhadap kemakmuran, keharmonian hukum Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin tujukan terus kepada kawasan saya ini iaitu saya telah bawa perkara ini pada Persidangan yang lalu iaitu rumah terbengkalai di DUN Layang-Layang dan Taman Sri Layang semenjak tahun 1982, hari ini saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menyelesaikan sebahagiannya bukan semua Yang Berhormat Dato' sebahagian iaitu rumah murah yang 57 buah, yang tidak boleh dibayar. Dah duduk selama lebih 20 tahun tak boleh bayar dan hari ini sebulan lepas, saya telah berjumpa dengan Jabatan Insolvency. Yang mana mereka kata dalam masa sebulan lagi rumah-rumah ini akan dapat diselesaikan dan mereka boleh bayar kepada bank-bank yang tertentu. Terima kasih saya ucapkan. Walau bagaimanapun, masih ada sebahagian besar lagi rumah terbengkalai ini yang belum dilaksanakan. Jadi saya harapkan supaya Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengambil perhatian kerana rumah ini telah terbengkalai sejak 1982.

Y.B. Dato' Speaker : Tahun berapa Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Tahun 1982 Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Dah jadi apa rumah tu?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Dah, yang ada kayu pun dah reput Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Dah 26 tahun, masa saya baru jadi Wakil Rakyat tu.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Jadi Yang Berhormat Dato' saya minta supaya ini jadi isu dalam kawasan saya. Buat baik macam mana, tolong macam mana, tapi tetap orang kata Y.B. tak boleh selesaikan masalah ini. Jadi saya minta, ini bukan salah besar saya. Pada yang boleh mengusahakan ialah Pengerusi Kerajaan Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Kerajaan.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Sebab pegawai Jabatan Insolvency kata dia selesaikan yang ini, tapi yang ini kata dia pemaju dah tiga. Yang pertama, kedua, ketiga dan bukan bidang kuasa dia. Jadi saya pulangkan balik kepada Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk selesaikannya.

Yang kedua tu, dalam…, saya nak sentuh sedikit tentang pembinaan gelanggang ni.

Y.B. Dato' Speaker : Gelanggang apa?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Gelanggang futsal ini Yang Berhormat Dato' saya hairan, saya minta Pengerusi Belia ni supaya ambil peranan, ianya menjadi Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan negeri. Tapi tak kanlah Pengerusi Belia dan Sukan Negeri tidak boleh masuk campur. Tempat saya dulu kata nak buat yang sejuta, tapi tak ada. Ok, dah satu kali tak ada. Yang kedua nak buat gelanggang futsal satu, satu DUN satu…

Y.B. Dato' Speaker : Ha… futsal.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato', saya hairan. Saya minta ni, Pengerusi belia ni…

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Supaya ambil perananlah, walaupun ini daripada kementerian, apa, Kementerian Belia Sukan Malaysia dan Menteri tapi takkanlah Pengerusi Belia Sukan Negeri tak boleh masuk campur. Tempat saya…

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, apa cerita?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dulu kata nak buat yang RM1 juta, tak ada. Ok dah satu kali tak ada. Yang kedua, nak buat gelanggang futsal satu, satu DUN satu, belum buat. Nak buat dua pulak satu DUN, satu tak buat, nak buat dua.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dah nak buat 2 pulak, belum buat pulak, suruh saya, ADUN-ADUN ni turun. Saya bukan, terus terang Dato' Speaker, saya bawa, saya bawa Pegawai Belia Daerah Kluang, turun

sama-sama tunjuk tempat di Simpang Renggam kami cari satu, di Layang-Layang tempat saya, di Renggam ada satu futsal, padang futsal, di Layang-Layang, satu. Bila kita dah turun ambil gambar, hari ni menteri arahkan pulak Ahli Parlimen, saya cakap betul ni, seolah-olah macam kementerian nak melagakan antara ADUN-ADUN dan Ahli Parlimen. Ini sebenarnya berlaku. (Dewan bertepuk). Sebab itu Dato'…

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dan hari ni bila kata saya dengar pulak Ahli Parlimen mencadangkan kawasan saya ni sebahagian, separuh daripada Simpang Renggam, Renggam, Layang. Saya cadang satu di sebahagian di Simpang Renggam, satu di Layang-Layang. Ahli Parlimen mencadangkan dua-dua di Layang-Layang. Mana nak betul ni Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Layang-Layang ni tempat siapa?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Walaupun saya, tapi dua, dua di Layang-Layang. Tempat yang terletak lebih kurang tak sampai 200 meter. Yang lebih malang lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, yang lebih malang lagi, ada satu padang, apa ni gelanggang, gelanggang apa ni, bola keranjang. Bila bola keranjang ni, kita dah terkenal. Kebanyakan ialah orang Cina. Dan gelanggang ni dah ada. Setakat nak baik pulih 4, RM50,000.00 buat apa ditindih pulak lagi, nak ditindih pulak dengan padang futsal. Esok berlaga pula antara orang Melayu dan Cina sebab orang Cina dah kata, ini padang dia, permainan dia.

Y.B. Dato' Speaker : Aduh…

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dia nak letak pula padang futsal tu. Ini satu lagi malapetaka.

Y.B. Dato' Speaker : Oh… (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang sepatutnya kita elakkan, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Nasib baiklah Yang Berhormat Dato' Speaker, antara saya dengan Ahli Parlimen ni…

Y.B. Dato' Speaker : Baiklah…

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Bolehlah runding lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Bolehlah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Tapi saya dah maklumkan pada dia, dan saya minta supaya…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dengan Ahli Parlimen ok?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Boleh la Yang Amat Berhormat Dato' Speaker dengan ADUN dan Ahli Parlimen tak ada masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Dengan ADUN lagi satu?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dengan ADUN tak ada masalah. Kita tak ada masalah, ha… eh. Kita macam adik-beradik je eh…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, betullah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Jadi, saya minta ni, Yang Berhormat Belia Sukan ADUN ni, jangan sampai Pengerusi Belia Sukan tak ada kuasa langsung. Kena panggil semua Pegawai Belia Daerah-daerah ni. Duduk berunding, bincang. Bukan kata saya Ahli Parlimen, sini Ahli DUN, Bergaduh pula kita. Jadi, itu yang saya minta supaya perkara ini dapat diselesaikan, diselesaikan. Jangan, nanti kita bergaduh, gelanggang pun tak dibina. Sampai Pemilihan Bahagian habis, tak buat lagi. Kita di akal bulat-bulat Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, nanti sampai pilihan raya besok, kita dituduh orang, saya bukan cakap soal diri saya, saya cerita soal ini yang kita nak pertahankanlah. Parti kita ni Barisan Nasional. Kalau tidak, nanti dipertikaikan oleh orang ramai.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Sebab Yang Berhormat nak gaduh…

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dan, yang terakhir…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, tak pa. Pasal gaduh ni saya benarkan Yang Berhormat lebih sikit. (Dewan ketawa). Yang akhirnya, gaduh ni.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang akhirnya, ada dua lagi iaitu, baru-baru ini saya dapat difahamkan ada satu pihak penswastaan daripada Kuala Lumpur untuk membina sekolah-sekolah agama ni. Dah ada surat.

Y.B. Dato' Speaker : Sekolah apa?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Sekolah agama dalam Negeri Johor ni. Tapi hari ini, saya difahamkan pula, macam tak ada pula. Ini satu lagi hal ni. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ini…

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Boleh ada, kasi surat, tak ada pula. Bila dapat saya selidik pula kata, saya tak dapat surat maklumat.

Y.B. Dato' Speaker : Ini siapa yang salah Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Ini minta Pengerusi Jabatan Agama selesaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Cakap terus terang saja la eh, ha'ah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Jadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya difahamkan baru-baru ini kata, ada pulak, apa ni, Jabatan Agama ni nak, misal kata cari lainlah. Jadi, saya minta, kalau dah selesai, bila? Kalau dia dah nak tentu tarikh, jangan lupa. Pasal saya ni ada, yang saya pentinglah, Sekolah Agama Kampung, Sekolah Agama Pekan Layang-Layang, Sekolah Agama Ladang Ulu Remis, Sekolah Agama Bandar Renggam dan Sekolah Agama Simpang Renggam. Jangan sampai tertinggal. Nanti kita bercerita, bercerita, kita tunggu, bercakap, ini nak bina, akhirnya apa pun tak ada. Jadi saya minta Pengerusi Agama mengambil perhatian dan beri keutamaan kepada sekolah-sekolah yang saya sebut tadi. Dan, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Jabatan di peringkat daerah dan juga peringkat negeri yang telah memberi…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, macam berucap akhir saja. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Tak, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kerana telah memberi kerjasama. Sebab saya cakap ni, sebab kita kena kenang jasa.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, betullah. Baguslah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Kita bukan nak kerja seorang. Saya telefon Maghrib, dia angkat, telefon pukul 8, dia angkat, telefon 11 malam, Ketua-Ketua Jabatan ni dia angkat.

Y.B. Dato' Speaker : Betul dia angkat Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Angkat Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, tak ada masalah pada saya. Semua selesai.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tak marah eh?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Cuma yang tak selesai itulah 2 perkara tadi, Sekolah Agama dan gelanggang futsal ni. (Dewan ketawa). Dengan itu, saya turut menyokong usul yang di bawa oleh DUN Kempas. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat perbahasan dah tamat. Turut dimaklumkan bahawa pada 9, 10 dan 11, pihak kerajaan dan Yang Amat Berhormat akan menjawab segala perkara yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat dalam Persidangan Dewan ini. Maka, dengan ini, saya tangguhkan Dewan ini sehingga hari Selasa, 9 Disember 2008 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:05 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEDUA BELAS	**SELASA, 9 DISEMBER 2008**	**BIL. 4 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS. JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN BERTULIS OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT ADA DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA MESYUARAT.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan Tahun (2009) Tahun 2008 diteruskan sekarang, dijemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan pada pagi ini untuk saya memulakan penggulungan dari pihak kerajaan khususnya yang berkaitan dengan belia dan sukan dalam Mesyuarat Keempat Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Kali Ke-12.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan termasuklah juga kritikan-kritikan dalam ucapan perbahasan dan juga persoalan-persoalan yang berkaitan dengan pembangunan belia dan sukan di Negeri Johor ini. Ini menunjukkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat prihatin dan ingin melihat supaya generasi muda di Negeri Johor ini akan menjadi generasi yang akan dapat mewarisi segala nikmat yang kita kecapi pada hari ini dan dapat diwariskan kepada generasi yang seterusnya. Soalnya ialah apakah generasi muda yang ada di hadapan kita ini mampu untuk memikul tanggungjawab itu? Generasi muda khususnya yang berada di dalam remaja merupakan kumpulan anak muda yang sering ataupun yang sedang mencari ataupun mencipta identitinya sendiri. Mereka ini akan terdedah dengan pelbagai penemuan-penemuan baru sama ada melalui pembelajaran formal di sekolah mahu pun tidak formal di luar sekolah.

Kemajuan dunia teknologi maklumat dan dunia telekomunikasi sedikit sebanyak telah memisah-misahkan mereka antara satu sama lain. Secara tidak langsung juga, telah memutikkan semangat mementingkan diri sendiri, tidak ada semangat kesukarelaan dan akhirnya melunturkan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Kalau dahulu di kampung-kampung umpamanya, kumpulan marhaban terdiri daripada anak-anak muda, tetapi kini mereka lebih seronok dengan hiburan yang disajikan oleh puluhan siaran hiburan dalam televisyen. Kalau dahulu anak-anak mudalah yang mendepani kumpulan rewang di majlis-majlis perkahwinan, mengangkat hidang dan sebagainya, tetapi kini sudah ditukar kepada hidangan *buffet*. Malah di sesetengah kampung sudah menggunakan khidmat *catering*. Kalau dahulu anak muda bersukan bermain bola di atas padang, tetapi pada hari ini ada di kalangan mereka yang bersukan tak perlu pun turun ke padang, hanya dengan menggunakan *play station* di dalam rumah.

Kemajuan dunia teknologi maklumat telah membawa semuanya ke dalam rumah, tanpa perlu keluar dan berinteraksi dengan orang lain. Yang juga telah menyebabkan segelintir anak muda tidak kenal jiran tetangga, tidak tahu untuk menghormati orang lain khususnya yang berlainan bangsa. Inilah Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah yang menjadi cabaran kita untuk membentuk suatu generasi muda yang maju, seiring dengan kemajuan dunia tanpa sempadan, tetapi dalam masa yang sama, ada di dalam diri mereka nilai jati diri bangsa tidak kira mereka Melayu, Cina, India ataupun bangsa-bangsa lain yang ada dalam negara kita. Orang muda semuanya mempunyai kekuatan, keyakinan diri, keinginan untuk membuat sesuatu perkara yang mungkin di luar dugaan, seperti terjun di Kutub Utara, menyeberang Selat Inggeris dan lain-lain. Namun apalah ertinya semangat, kekuatan dan keyakinan diri itu, kalau tidak dapat melahirkan bangsa yang dalam masa yang sama mempunyai semangat cintakan negara.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan program-program bagi mendekati golongan muda ini. Saya pernah memaklumkan dalam Dewan yang Mulia ini tentang perancangan-perancangan yang akan dilakukan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor bagi memastikan generasi muda di negeri ini akan dapat dilengkapi dengan program-program yang berfaedah serta dapat menyuntik semangat jati diri sayangkan bangsa dan cintakan negara.

Aktiviti permotoran umpamanya merupakan salah satu aktiviti yang menjadi kegilaan sebahagian daripada anak-anak muda. Sehinggakan mereka yang terlibat dalam aktiviti ini digelar mat rempit yang selama ini membawa imej yang negatif pada mereka. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah berjaya mengumpulkan seramai 1,570 orang mat rempit ini yang berkonvoi dari satu daerah ke satu daerah dalam Program Jelajah Johor sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan pada 2008 yang lalu. Dalam program ini, mereka diberikan input:

1. Kaedah pemanduan berhemah yang mengikut undang-undang melalui ceramah-ceramah dan pemeriksaan kenderaan masing-masing.

2. Diberi suntikan semangat kemerdekaan dan cintakan negara melalui konvoi yang membawa jalur gemilang.

3. Mengingatkan tentang peranan serta tanggungjawab mereka dalam hidup bermasyarakat melalui program-program bergotong-royong bersama masyarakat setempat.

Selain daripada itu, baru-baru ini pada 29 dan 30 November 2008 yang lalu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dengan kerjasama Dewan Undangan Negeri Semarang dan Kelab Permotoran Batu Pahat telah berjaya menganjurkan Kejohanan Motor Lasak Johor 2008 di Litar Motor Lasak Ayer Hitam. Kejohanan ini telah mengumpulkan seramai 123 orang peserta yang menyertai 8 jenis pertandingan, yang melibatkan peserta daripada anak-anak kampung dan FELDA di seluruh Negeri Johor. Dan, kita bercadang untuk mengembangkan sukan ini di 6 lagi litar lain yang telah dikenal pasti di daerah-daerah lain di Negeri Johor ini iaitu Daerah Kluang, Muar, Segamat, Kota Tinggi dan Pontian, untuk memberi peluang peminat-peminat motor lasak mengambil bahagian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga tidak ketinggalan untuk mengadakan dan menggalakkan golongan belia supaya menceburi bidang keusahawanan sebagai salah satu kerjaya pilihan bagi menjamin masa depan. Kita sedar untuk memulakan satu perniagaan mesti ada 3 faktor penting:

1. Peluang dan kemahiran perniagaan;
2. Modal; dan
3. Tempat yang sesuai.

Oleh yang demikian, Jabatan Belia dan Sukan telah mengorak langkah dengan mengenal pasti syarikat-syarikat yang bersedia untuk menjadi rakan niaga belia, yang memberi peluang perniagaan dan bimbingan, manakala modalnya disediakan oleh Skim Tabung Ekonomi Belia. Pada masa ini, sebanyak 6 syarikat telah bersedia untuk menjadi rakan niaga belia dan telah mula menilai 73 permohonan yang diterima melalui Seminar Permodalan Perniagaan yang didakan di Hotel Seri Malaysia, Johor Bahru baru-baru ini. Mereka yang mempunyai kelayakan dan terpilih untuk memulakan perniagaan akan diberi insentif sebanyak RM2,000.00, di samping kemudahan pinjaman melalui Skim Pinjaman Belia Niaga ataupun Skim Pinjaman Belia Tani mengikut jumlah yang diperlukan.

Dalam tahun 2009, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah mensasarkan untuk melahirkan 100 usahawan baru di kalangan belia. Iaitu sekurang-kurangnya seramai 10 usahawan baru bagi setiap daerah. Selain daripada itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga sentiasa mengalu-alukan syarikat-syarikat yang ingin mengembangkan perniagaan mereka untuk menjadi rakan niaga kepada belia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan rasa tidak puas hati kerana kelewatan pembinaan gelanggang

rakyat ataupun gelanggang serba guna yang telah dijanjikan sebelum pilihan raya umum yang lalu. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan prosedur oleh Kementerian Belia dan Sukan iaitu semua gelanggang tersebut mestilah mendapat pengesahan daripada Ahli Parlimen. Jumlah gelanggang yang telah dicadangkan untuk dibina di seluruh Negeri Johor ialah sebanyak 117 buah gelanggang, yang mana 86 tapak telah mendapat persetujuan Ahli-Ahli Parlimen dan 31 tapak yang lain masih dalam peringkat rundingan lagi dengan Ahli Parlimen yang berkenaan. Tempat-tempat tersebut adalah terletak di dalam kawasan Parlimen Kota Tinggi, Pengerang, Tenggara, Pulai, Tebrau, Simpang Renggam dan juga Sembrong. Daripada 86 tapak yang telah mendapat persetujuan, 59 daripadanya telah mendapat kelulusan untuk masuk tapak oleh Pentadbir Tanah Daerah dan 12 daripadanya akan ditenderkan selewat-lewatnya awal Januari 2009. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memberi jaminan bahawa perkara ini akan dapat diselesaikan insya-Allah sebelum akhir tahun 2009 dengan syarat semua pihak memberikan kerjasama yang sebaik-baiknya demi kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih di atas keprihatinan oleh Ahli Yang Berhormat di atas masa hadapan sukan di Negeri Johor yang kita cintai ini. Sebenarnya Negeri Johor telah melahirkan ramai atlet-atlet yang telah mewakili negara melalui program-program pembangunan sukan yang diadakan oleh Majlis Sukan Negeri Johor. Mastura Sapuan pernah menjadi juara dunia dalam acara pencak silat pada tahun 2000 hingga 2006. Chong Wee Keat menyumbang pingat emas dalam sukan SEA tahun 2005 dalam acara judo. Lim Yok Wei memenangi pingat emas negara dalam Kejohanan Karate Asia 2006. Dalam sukan basikal, Junadi Nasir telah memenangi pingat emas dalam Kejohanan Dunia B 2008. Sukan boling, Nor Aliman Khairuddin telah memenangi pingat emas di Kejohanan Remaja Dunia 2008. Badminton, Teo Kok Seang memenangi pingat emas dalam Kejohanan Remaja Dunia 2008. Itu hanyalah sebahagian di antara contoh-contoh atlet kita yang telah menunjukkan pencapaian sebagai juara dunia. Majlis Sukan Negeri Johor akan terus mengorak langkah bagi mencungkil dan melahirkan bakat-bakat serta bakal-bakal juara baru di masa akan datang.

Selain daripada Pusat Akademik Serantau Zon Selatan untuk beberapa jenis sukan, Institut Sukan Negara juga telah membuka rangkaiannya di Johor yang telah, yang terletak di Stadium Larkin, Johor Bahru. Untuk menjadi ahli sukan yang berjaya seperti mana di negara-negara maju, seorang atlet bukan hanya perlu ada kemahiran sahaja tetapi juga perlu mempunyai budaya disiplin dalam kecergasan dan mengawal pemakanan. Oleh hal yang demikian, Institut Sukan Negara akan berganding bahu bersama-sama Majlis Sukan Negeri Johor untuk mengaplikasikan sains sukan ini kepada atlet-atlet yang akan mewakili Johor. Di samping itu, Institut Sukan Negara juga akan turun ke daerah-daerah melalui program-program seminar bagi menanamkan kesedaran betapa pentingnya aplikasi sains sukan ini, khususnya kepada guru-guru sukan di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang telah memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Hussein Onn di Kluang sebagai Sekolah Sukan Negeri. Sekolah yang mempunyai kemudahan asrama ini akan menjadi Pusat

Pembangunan Sukan bagi pelajar-pelajar yang mencapai kejayaan cemerlang dalam pelajaran dan mempunyai potensi atau bakat dalam sukan. Pengambilannya akan diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Johor yang, dan menempatkan hanya pelajar-pelajar yang bersekolah rendah di Negeri Johor sahaja. Dan, Majlis Sukan Negeri Johor akan mengambil peluang ini sebagai salah satu sumber untuk kita mengetengahkan bakat-bakat baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa sejarah telah menunjukkan bahawa Pasukan Bola Sepak Negeri Johor pernah menjadi sebuah pasukan yang sentiasa digeruni oleh pihak lawan suatu ketika dahulu. Tidak dapat dinafikan juga kejayaan-kejayaan yang mereka capai bukan sahaja telah menjadi kebanggaan di kalangan rakyat Negeri Johor, malah menjadi suatu faktor yang telah menyatupadukan kaum tidak kira bangsa, sama ada mereka Melayu, Cina, India dan lain-lain. Inilah yang menjadi impian semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Negeri Johor untuk melihat pasukan bola sepak ini kembali bangkit. Mereka bukan sahaja telah lama kehilangan taringnya tetapi juga telah lama kehilangan penyokongnya. Sebab itulah Yang Berhormat Dato' Speaker, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Johor telah merancang beberapa pendekatan untuk mengembalikan kegemilangan bola sepak ini:

1. Nama pasukan ataupun *team title* dengan izin, yang akan bersaing dalam Liga Perdana pada tahun 2009 hanya menggunakan nama Johor sahaja tanpa melibatkan nama-nama lain.

Y.B. Dato' Speaker : Bagi Pasukan Johor ya, Yang Berhormat? *Johor Football Association* gitu saja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Johor saja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Johor saja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan :

2. Pasukan yang akan memulakan cabaran pada 9 Januari 2009 ini akan dilatih oleh Jurulatih Nasir Yusof, seorang yang sangat berpengalaman dalam membawa pasukan kebangsaan ke pertandingan-pertandingan antarabangsa di mana beliau pernah menjadi Pembantu Jurulatih kepada beberapa orang jurulatih yang membimbing pasukan kebangsaan dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa.

3. Pemain-pemain bola sepak buat masa ini sedang dalam siri lawatan turun ke padang ke beberapa daerah untuk mendekatkan diri mereka dengan rakyat jelata melalui program-program latihan sambil melakukan kerja-kerja amal, mengadakan klinik bola sepak dan mengadakan perlawanan-perlawanan persahabatan dengan pasukan-pasukan di daerah tersebut.

Pasukan Bola Sepak Johor akan memulakan cabaran pada 9 Januari 2009. Sudah tentulah kita meletakkan harapan yang tinggi agar mereka dapat

mengulangi kejayaan-kejayaan yang lampau. Namun dalam masa yang sama, mereka juga mengharapkan sokongan dan doa agar segala usaha yang mereka telah lakukan akan membuahkan hasil.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat bagus main bola sepak? Aduh, bagus. Dulu Yang Berhormat, pemain bola sepak terkenal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Masa sekolah rendah Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Sekolah rendah… Astaghfirullah… bagus lagi saya, saya sekolah menengah, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat seluruhnya, rakyat Johor seluruhnya agar memberi sokongan untuk beramai-ramai memenuhi stadium semasa mereka berlawan kelak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dia barang kali, kali pertama bertanding mesti menang, kalau penonton pun merosotlah Yang Berhormat ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk perancangan jangka panjang, bagi memastikan sukan bola sepak tetap terpahat di hati rakyat, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Johor akan menghidupkan semula Liga Johor ataupun yang dikenali sebagai Liga J melalui 3 kejohanan utama:

1. Kejohanan Piala Sultan, yang mana ini pertandingan di antara pasukan-pasukan yang mewakili daerah;

2. Piala Tunku Mahkota Johor, liga di kalangan kelab-kelab di dalam daerah untuk *Division* 1; dan

3. Piala Menteri Besar bagi kelab-kelab *Division* 2.

Selain daripada itu, liga bawah 20 tahun juga akan dihidupkan semula dengan kerjasama pihak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Johor dan Jabatan Pelajaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan pandangan dan nasihat khususnya yang berkaitan dengan pembangunan Belia dan Sukan Negeri Johor ini. Saya mohon ribuan ampun dan maaf sekiranya ada terlepas pandang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat, apa benda ni Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Abd. Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat, saya nak tanya dalam, dalam ucapan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Dato' Haji Abd. Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ada menyentuh tentang stadium, adakah stadium itu akan dikekalkan? Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia, dia soalan stadium tu, nak dikekalkan dia ada soalan tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini dari segi tapak ataupun tanah itu memang sudah menjadi hak milik JCorp dan buat masa ini pun JCorp tidak ada, masih belum ada perancangan untuk pembangunan yang selanjutnya. Jadi pihak Majlis Sukan Negeri Johor akan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan stadium itu berada di tempat yang sama.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, insya-Allah, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Itu saja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah, dia tak bahas ek.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Jadi saya mohon mana-mana yang mungkin terlepas pandang, insya-Allah jabatan yang berkaitan akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Hem, ya, lagi siapa nak berucap? Ha, Yang Berhormat.

Y.B. Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang ada bangkit tentang isu yang berkaitan dengan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga sektor pelancongan dalam perbahasan bajet yang lalu. Dan, saya ingin mula dengan perkara-perkara yang ada berkaitan dengan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan lepas itu sambung dengan sektor pelancongan. Di bawah sektor Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ramai Ahli Yang Berhormat yang ada sentuh tentang harga barangan di pasaran dan juga sebahagian juga membentangkan ataupun menyentuh tentang isu syarikat jualan langsung dan juga aktiviti gores dan menang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti kita sedia maklum, negara kita mengamalkan dasar ataupun mengamalkan pendekatan perdagangan bebas. Ini bererti kita tidak dapat selaraskan harga untuk semua jenis barangan di pasaran di negara kita ini. Ia banyak terpulang kepada keadaan kuasa beli di pasaran. Harga barangan boleh menjadi tinggi ataupun rendah, ia bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran ataupun *supply and demand* dan juga premis perniagaan itu sendiri. Memang benar, harga minyak produk petroleum telah turun 6 kali yang terdapat banyak cadangan dan saranan yang telah diberikan agar Kerajaan mengawal dan memantau harga-harga barangan ini serta mengambil tindakan undang-undang ke atas

peniaga yang tidak menurunkan harga barangan mereka. Sebenarnya harga barangan di pasaran ada yang kekal sama, ada yang meningkat dan ada pula yang menurun. Di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mempunyai 2,000 orang pegawai pemantau harga di seluruh negara, antaranya 200 orang di Negeri Johor. Mereka menjalankan tugas di semua daerah di negeri kita. Laporan menunjukkan bahawa keadaan memang seperti yang saya sebutkan tadi iaitu sebahagian besar kekal harga yang sama, ada yang meningkat, ada pula yang menurun.

Walau bagaimanapun, hasrat kerajaan ialah melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna cuba lagi mengambil langkah untuk menstabilkan harga barangan di pasaran. Antaranya, memastikan bekalan barangan sentiasa mencukupi, melaksanakan skim kawalan harga pada musim perayaan dan baru-baru ini melancarkan Kempen Penurunan Harga. Mengenai Kempen Penurunan Harga di Kementerian, beberapa perbincangan telah dan sedang diadakan dengan pihak Persatuan-persatuan Peniaga, pengedar dan juga pemborong bagi semua industri yang terlibat dengan keperluan domestik untuk mendapatkan komitmen mereka menurun harga di peringkat masing-masing.

Pada peringkat awalan, beberapa pasar raya utama di negara kita telah menyahut seruan kerajaan untuk menurunkan harga barangan mereka melalui Kempen Penurunan Harga yang telah dilancarkan pada 29 Oktober di peringkat kebangsaan. Di Negeri Johor pula, Negeri Johor yang merupakan antara negeri terawal mengadakan pelancaran Kempen Menurunkan Harga di peringkat negeri iaitu pada 24 November tahun ini yang lalu, telah pun dilancarkan oleh saya sendiri. Dan, harapan kerajaan agar komitmen yang diberikan oleh pasar raya-pasar raya ini juga akan mempengaruhi industri perdagangan yang lain serta industri perkhidmatan untuk sama-sama menurunkan harga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat juga isu yang ada berkaitan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang syarikat jualan langsung dan juga berkaitan gores dan menang. Setakat ini terdapat 662 buah syarikat jualan langsung yang berdaftar di seluruh negara kita, antaranya 36 syarikat adalah dari Negeri Johor. Selama ini industri jualan langsung mewujudkan banyak peluang pekerjaan sama ada sepenuh masa ataupun secara sambilan. Walaupun ada sebahagian daripada syarikat-syarikat yang melanggar peraturan dan ia telah pun diambil tindakan, tetapi pada keseluruhannya sektor ini memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara kita.

Bagi melindungi para pengguna, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah bagi memastikan masyarakat tidak tertipu dengan segelintir syarikat yang menyalah guna lesen perniagaan mereka adalah seperti berikut :

1. Pemeriksaan dan juga pemantauan dijalankan di tempat-tempat kerap berlakunya aktiviti jualan langsung.

2. Mengadakan perbincangan dengan premis yang dikenal pasti menjadi sasaran untuk bekerjasama dalam membanteras aktiviti penipuan yang melibatkan syarikat jualan langsung iaitu melalui cara gores dan menang.

3. Memberi maklumat, informasi dan juga nasihat kepada pengguna mengenai kegiatan jualan langsung di kaunter Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan program-program luar yang disertai.

4. Sekiranya kegiatan jualan langsung disyaki menyalahi undang-undang, tindakan boleh diambil di bawah Akta Jualan Langsung 1953 iaitu akta yang diperuntukkan bagi pelesenan orang-orang yang menjalankan perniagaan jualan langsung dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah kes aduan terhadap syarikat jualan langsung yang didaftarkan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Johor sejak Januari hingga November tahun 2008 adalah sejumlah 262 kes.

Dan, sejak tahun 2005 hingga 2008, sebanyak 14 syarikat jualan langsung di Negeri Johor, telah diambil tindakan dan lesen mereka telah pun dibatalkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya alih ke sektor pelancongan. Di bawah sektor pelancongan ini, saya ucapkan terima kasihlah kepada ramai juga Ahli Yang Berhormat yang membangkit tentang perkara-perkara yang ada berkaitan dengan industri pelancongan. Yang Berhormat Sedili, Yang Berhormat Bentayan dan juga Yang Berhormat Senggarang, ada membangkitkan tentang sebarang inisiatif Kerajaan Negeri Johor di dalam membangunkan sektor pelancongan di kawasan Sedili, Muar dan Senggarang.

Dan, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor telah mengenal pasti sumber jaya-sumber jaya pelancongan yang sedia ada di kawasan-kawasan tersebut melalui inventori 9 Teras Utama Pelancongan Negeri Johor dan Rancangan Tempatan Daerah-Daerah yang berkenaan. Melalui inventori ini, kawasan Sedili telah dikenal pasti mempunyai dua teras ataupun aset seperti berikut:

1. Teras Ekopelancongan.

   Sungai Sedili Besar dan Sungai Sedili Kecil mempunyai potensi yang tinggi untuk Ekopelancongan. Antaranya, cadangan pembangunan ialah menyusuri sungai-sungai ini bersama-sama Jurupandu Alam Semula jadi Tempatan dan Pantai *Jason Bay* dan sekitar pantai Sedili sebagai kawasan rekreasi pantai.

2. Teras *Agro-Tourism* dan *Homestay*.

   Kampung-Kampung yang berpotensi *homestay* seperti Kampung Sedili Kecil, Kampung Sentosa, Kampung Belukar Durian dan Kampung Padung. Kawasan-kawasan Industri Kraf Tangan Johor di Sedili seperti Kampung Sedili Kecil bagi kraf tangan berdasarkan siput. Kampung

Sungai Gambut adalah berkaitan dengan kraf tangan tradisional. Kampung Orang Asli, Sungai Selanggi, Mawai juga telah dikenal pasti untuk dijadikan sebagai projek perintis *Homestay* Orang Asli di Negeri Johor ini.

Dan, untuk makluman Yang Berhormat Bentayan, di kawasan Muar pula telah dikenal pasti mempunyai 3 teras pelancongan yang akan dibangunkan.

1. Teras Pelancongan Warisan.

   Di kawasan-kawasan ini juga dibangunkan kesenian dengan mengambil contoh pelaksanaan Muzium PDRM di Balai Polis Bukit Kepong, Bangunan Sultan Abu Bakar, Masjid Jamek Muar, bangunan-bangunan berseni bina warisan lama dan juga Balai Polis Bukit Kepong.

2. Teras *Agro-Tourism* dan *Homestay*.

   Homestay-homestay di Muar telah diadakan di tahap yang optimum dan bersedia untuk menerima kedatangan pelancong-pelancong asing pada bila-bila masa sahaja seperti *Homestay* Kampung Sungai Sarang Buaya, *Homestay* Kampung Melayu Batu 24, Lenga dan juga *Homestay* Kampung Parit Bugis.

3. Di Parit Jawa, ia juga merupakan kawasan memerhati Burung Botak dan juga burung-burung yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang, kawasan Senggarang juga telah dikenal pasti mempunyai berbagai tarikan pelancongan kawasan aset seperti berikut :

1. Teras Ekopelancongan.

   Kawasan-kawasan pantai seperti di Pantai Tanjung Laboh, yang juga di interrekreasikan dengan Pantai Punggor sebagai lokasi perkelahan hujung minggu. Lokasi Tanjung Laboh juga telah dikenal pasti sebagai kawasan memerhati burung-burung oleh para pelancong yang mempunyai minat terhadap aktiviti ini.

2. Teras *Agro-Tourism* dan *Homestay*.

   Ia juga memang ada kampung-kampung yang mempunyai potensi yang menjadikan *homestay*, kampung *homestay* ini.

3. Pelancong belia dan komuniti.

   Pewujudan Kem Pengakap Jubli Intan, Tanjung Laboh, telah membuka lembaran baru kepada pelancong belia di dalam Negeri Johor ni. Ini jelas dibuktikan apabila penganjuran acara Johor Internasional Jambori 2008, yang telah dianjurkan oleh Majlis Pengakap Negeri Johor dan juga

bekerjasama dengan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor baru-baru ini.

Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui Pelan Induk Pelancongan yang kekal dijalankan juga, Kerajaan Negeri akan mengenal pasti dan memastikan bahawa di kawasan Sedili, Muar dan Senggarang akan disenaraikan oleh, dan juga dibangunkan sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di dalam Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Yang Berhormat Pasir Raja, yang telah membangkitkan mengenai keperluan infrastruktur pelancongan di Jeti Simpul Kasih, Sungai Johor. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, satu lawatan produk bersama-sama dengan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri telah dijalankan pada 18 Oktober, 18 Ogos tahun ini ke kawasan yang telah dinyatakan. Seperti yang telah diperbincangkan di dalam sesi lawatan tersebut, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor telah mengenal pastikan dan melihat akan keperluan pembangunan fasiliti sokongan seperti berikut, yang terhadap pembangunan produk pelancongan di kawasan ini.

1. Kemudahan awam seperti tandas, tempat letak kereta dan sebagainya harus diadakan.

2. Kemudahan promosi seperti papan tanda tunjuk arah sebagai destinasi pelancongan dan papan interpretasi penerangan produk.

3. Kemudahan latihan modul insan kepada pengusaha.

4. Sokongan pemasaran terhadap produk tersebut melalui aktiviti-aktiviti promosi dan publisiti Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor.

Jadi, bagi pihak Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor akan mengemukakan cadangan tersebut kepada pihak Kementerian Pelancongan bagi mendapatkan bantuan peruntukan bagi membangunkan kawasan tersebut sebagai sebuah destinasi pelancongan di kawasan Pasir Raja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Rinting telah membangkitkan mengenai status pelancongan di Bandaraya Johor Bahru, apabila Kerajaan Negeri Johor akan berpindah ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri di Nusajaya. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, perpindahan Kerajaan Negeri ke Nusajaya secara positifnya dilihat akan menambahkan lagi produk pelancongan baru di Negeri Johor. Sebagai satu pusat pelancongan ataupun *Tourism Focus Point*, dengan kerjasama daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru, produk-produk pelancongan lain di Johor Bahru seperti *Street of The Harmony*, Kebun Bunga DiRaja, JOTIC dan juga Muzium DiRaja akan digabungkan sekali dengan pakej-pakej lawatan khas melalui jarak pejalan kaki. Dan, melalui penganjuran acara-acara pelancongan bertaraf dunia seperti *Johor Orchid Show*, *JB Art Festival,* Pesta Chingay, Pesta Chap Goh Meh dan acara-acara yang lain di Danga Bay melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor dan Kementerian Pelancongan, Bandaraya Johor Bahru dijangka akan terus memperkembangkan sektor pelancongan tanpa terjejas berikutan

perpindahan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor ke Nusajaya. Adalah juga dilihat perpindahan ini sebagai satu potensi bagi pakej pelancongan yang baru iaitu lawatan ke Johor Bahru dan juga ke Pusat Pentadbiran Negeri Johor di Nusajaya nanti.

Dato' Speaker, Yang Berhormat Kahang telah membangkitkan isu mengenai inisiatif Kerajaan Negeri di dalam membangunkan sektor pelancongan di Gunung Berlumut dan Pekan Kahang. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, berbagai kerjasama dan usaha telah diaturkan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor serta agensi berkaitan bagi menjadikan Gunung Berlumut sebagai sebuah destinasi ekopelancongan *premier* di Negeri Johor ini.

Berbagai langkah dan usaha di dalam mempromosikan dan membangunkan lokasi ekopelancongan tersebut adalah antaranya:

1. Promosi berterusan Gunung Berlumut sebagai destinasi ekopelancongan terunggul di dalam Malaysia melalui penyertaan ke dalam misi-misi jualan dalam negara dan luar negara. Pembinaan papan-papan tanda dan tunjuk arah, promosi-promosi melalui media cetak dan publisiti.

2. Peningkatan kemudahan-kemudahan pelancongan baru dan menaik taraf fasiliti-fasiliti sedia ada melalui Rancangan Malaysia Ke-9.

Melalui peruntukan Kementerian Pelancongan yang berjumlah RM2 juta, infrastruktur dan fasiliti berikut telah dibina dan dinaiktarafkan iaitu antaranya:

1. Membaik pulih struktur pembangunan sedia ada termasuklah bangunan pentadbiran, surau, jambatan gantung dan tangki air.

2. Menaik taraf jalan masuk.

3. Membina kemudahan baru antaranya ialah dataran, tempat santai, jambatan konkrit dan landskap.

Jadi, pada keseluruhannya bagi pembangunan pelancongan di Kahang pula berdasarkan kepada sumber jaya sedia ada, contoh, antaranya sebagai pintu masuk utama ke Taman Negara Endau – Rompin, Peta. Dan, lokasi pelancongan penanaman organik yang diterajui oleh *Kahang Organic Rice Field*. Kahang mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan sebagai pusat pelancongan yang menarik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tanjung Surat, ada membangkitkan tentang acara Zoom Ramadhan dan Zoom Aidilfitri. Sebenarnya, acara Zoom Ramadhan dan Zoom Aidilfitri adalah sebahagian daripada kempen Zoom Malaysia yang merupakan sebuah kempen pelancongan domestik. Kempen ini adalah sebagai satu *platform* untuk memperkenalkan destinasi-destinasi yang kurang popular di Malaysia kepada penduduk Malaysia sendiri dan sekali gus menggalakkan rakyat tempatan untuk melancong di dalam negara sendiri. Kempen ini tidak bersasarkan kepada

pasaran antarabangsa secara langsung memandangkan pendekatan pemasaran untuk menarik kehadiran pelancongan antarabangsa adalah berlainan daripada pemasaran kepada pelancong domestik.

Tourism Malaysia menerusi pejabat-pejabat cawangannya di luar negara telah menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran yang berkesan dan kejayaan terbesar yang pernah dicatat iaitu pada tahun 2007, bersempena dengan Kempen Tahun Melawat Malaysia, apabila kehadiran pelancong asing ke negara berjumlah 20.9 juta orang, yang sekali gus jauh mengatasi pencapaian oleh mana-mana Negara ASEAN yang lain. Pada tahun 2008, kehadiran pelancong asing dijangka terus meningkat kepada 22.5 juta orang. Kehadiran pelancong asing sememangnya menyumbang kepada pendapatan negara. Walau bagaimanapun, sumbangan dan kepentingan pelancong domestik terhadap ekonomi negara kita juga tidak dapat dinafikan.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh *Tourism Malaysia* pada tahun 2006 dan tahun 2007, lebih 58% daripada penginap hotel di Malaysia adalah pelancong domestik. Maka, menyedari akan kepentingan ini, *Tourism Malaysia* menerusi pejabat-pejabat cawangan di setiap negeri telah mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pemasaran pelancongan domestik dengan memperkenalkan kempen Zoom Malaysia di seluruh negara. Antaranya pengisian yang dijalankan adalah acara Zoom Ramadhan dan Zoom Aidilfitri dalam tempoh hari yang telah menarik kehadiran pelancong domestik yang cukup menggalakkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah sahaja perkara-perkara yang dapat saya jelaskan. Mungkin ada perkara-perkara yang tidak sempat saya sentuh, ia tetap akan diambil tindakan oleh Pelancongan dan juga Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan. Oh, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut sama di dalam penggulungan perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2009 Tahun 2008 Negeri Johor pada pagi ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan dan pandangan serta teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh saya mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Penawar, berhubung dengan soalan mengenai dengan dividen ataupun pendahuluan tunai yang dibayar kepada

masyarakat peserta Orang Asli secara bulanan adalah merujuk kepada empat projek yang dimajukan oleh FELCRA Berhad. Projek berkenaan adalah Sungai Layau I dengan bilangan peserta sejumlah 66 orang serta kadar agihan pula RM700.00 sebulan pada keluasan saiz pegangan 8 ekar. Sebelum bulan Ogos 2008, kadar yang dibayar adalah RM400.00 sahaja sebulan. Ini bermakna berlaku pertambahan RM300.00. Untuk Sungai Layau II, saiz pegangan 6 ekar dengan bilangan peserta 144 orang dan kadar agihan telah dinaikkan daripada RM300.00 sebulan kepada RM500.00 sebulan untuk setiap peserta. Dan, pertambahan kadar yang bermula bulan Ogos 2008 turut melibatkan Sungai Layau III dengan bilangan peserta seramai 33 orang yang juga ditambah dari kadar asal pendahuluan tunai RM200.00 kepada RM500.00 sebulan. Manakala untuk Projek Sungai Layau IV, kadar agihan permulaan adalah RM300.00 setiap orang sebulan dengan bilangan penerima yang mendapat manfaat seramai 18 orang. Dan kadar agihan yang berbeza adalah mengikut saiz pegangan bagi setiap peserta serta tahun penghasilan projek. Selain dari menerima dividen bulanan, peserta-peserta Sungai Layau ini menerima agihan dividen tahunan mengikut lebihan sebenar projek. Sebagai contoh, pada tahun 2007, Projek Sungai Layau I sebanyak RM677,446.44, Projek Sungai Layau II, RM1,0228,842.08 dan bagi Projek Sungai Layau III, RM163,019.01 serta Projek Sungai Layau IV, RM181,980.70.

Menyentuh tentang isu Orang Asli yang dibangkitkan juga oleh ADUN Penawar mengenai anak-anak Orang Asli yang tidak mendapat bekalan pakaian seragam di kawasan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun lepas dan juga tahun ini, pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak membekalkan pakaian seragam di seluruh Malaysia disebabkan oleh peruntukan yang diterima oleh jabatan hanya mampu membiayai kos pengangkutan pelajar ke sekolah yang semakin meningkat dari semasa ke semasa dan juga yuran pengajian pelajar itu. Dan mulai pada tahun ini, pihak jabatan hanya membiayai kos pengangkutan pelajar dan yuran pengajian pelajar di sekolah menengah. Ia selaras dengan keputusan Penyelarasan Mesyuarat bersama Kementerian Pelajaran di mana pelajar Orang Asli yang bersekolah di Sekolah Orang Asli layak menerima 100% bantuan Wang Amanah Pelajar Miskin yang diberi oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Bagi sekolah harian biasa, ia tertakluk kepada jumlah pendapatan keluarga, nilai bantuan dari Kementerian Pelajaran sejumlah RM200.00 bagi sekolah rendah dan RM300.00 bagi sekolah menengah. Bagi Bantuan Am pula, pelajar menerima RM500.00 setahun bagi sekolah rendah dan RM600.00 bagi sekolah menengah. Bagi sekolah menengah pula pihak jabatan memperuntukkan RM120.00 untuk yuran dan alat tulis kepada pelajar sekolah menengah dan RM80.00 bagi sekolah rendah. Bagi yang tinggal di asrama pula, pihak jabatan memperuntukkan RM300.00 kepada Bantuan Pelajar Orang Asli. Ini tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang diguna oleh seluruh pelajar Orang Asli di seluruh Malaysia. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kos pengangkutan pelajar Orang Asli di seluruh Negeri Johor adalah sejumlah RM1 juta juga melibatkan sejumlah 1,800 pelajar sekolah rendah dan 980 pelajar sekolah menengah. Dan peruntukan yang diterima hanyalah RM1.2 juta sahaja, ini termasuk juga dengan pembiayaan yuran pelajar dan juga alat tulis. Justeru itu, pihak Jabatan

terpaksa meneliti, hanya mereka yang layak sahaja mendapat bantuan yang disalurkan. Dan untuk makluman Yang Berhormat juga dan untuk semua Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga telah menambah satu lagi peruntukan kepada anak-anak Orang Asli yang bersekolah di sekolah menengah iaitu wang saku bagi pelajar sekolah menengah sebanyak RM2.00 bagi satu hari mengikut bilangan hari bersekolah. Dan contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker, pada setiap bulan kalau anak-anak Orang Asli ini cukup persekolahannya selama 25 hari, mereka akan mendapat RM50.00 sebulan wang saku. Ini bagi menggalakkan mereka hadir ke sekolah pada setiap hari. Dan, setakat ini seramai 980 pelajar telah menerima bantuan tersebut dengan kadar RM49,000.00 dan keseluruhan peruntukan selama 6 bulan berjumlah sebanyak RM294,000.00.

Dan pihak jabatan juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada di kawasan beliau penempatan bagi Orang-orang Asli yang telah selama ini banyak memberikan bantuan dan dapat banyak memberikan sokongan kepada mereka-mereka ini khususnya dari segi pendidikan anak-anak Orang Asli. Contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Yang Berhormat ADUN Nusajaya, telah mendapatkan sumbangan dari pihak UEM kepada pelajar masyarakat Orang Asli di Kampung Orang Asli Simpang Arang dalam bentuk pakaian seragam dan mengambil mereka ini sebagai anak angkat syarikat berkenaan. Dan sumbangan-sumbangan seperti ini amat diperlukan dalam memajukan masyarakat Orang Asli di dalam bidang pendidikan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak jabatan sentiasa prihatin dalam isu ini di mana pihak jabatan akan mempertimbangkan rayuan-rayuan berdasarkan peruntukan yang diterima dari semasa ke semasa. Dan juga untuk makluman, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga pada masa ini, mulai Julai 2008, kita juga telah pun mengeluarkan peruntukan berjumlah RM200.00 setiap bulan dalam bentuk bakul makanan yang kita telah edarkan kepada 1,200 keluarga Orang-Orang Asli di seluruh Negeri Johor dengan kos RM1.1 juta yang mana bakul makanan ini akan kita bahagikan tiga bulan sekali kepada mereka-mereka yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai isu penempatan Orang Asli Sungai Banang yang ditimbulkan oleh Y.B. ADUN Senggarang, untuk makluman Yang Berhormat, alhamdulillah pada 1 Disember 2008 yang lepas, kita telah mencapai keputusan yang amat baik yang mana mesyuarat tersebut yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya pembangunan Sungai Banang ini disegerakan bagi memindahkan penduduk Orang Asli seramai 520 orang iaitu bagi 81 keluarga. Dan pihak jabatan akan melantik perunding bagi kerja-kerja membangunkan Sungai Banang sebelum masyarakat Orang Asli Kampung Teluk Minyak Beku ini dipindahkan. Dan kerja-kerja menambak kawasan penempatan seluas 6 ekar akan dilakukan secepat mungkin dan insya-Allah akan dilaksanakan pada Mac 2009 dengan anggaran kos RM3 juta. Dan kerja-kerja penambakan mengambil masa 3 bulan sebelum bangunan ataupun rumah boleh dibina dan rumah-rumah tersebut insya-Allah di dalam kos untuk SPKR bagi 3 bilik Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan di situ juga beberapa infrastruktur akan dibangunkan seperti rumah bagi SPKR dan

juga kemudahan lain seperti bekalan air dan juga elektrik dan begitu juga bagi menambah pendapatan kita akan juga untuk memudahkan Orang-Orang Asli ini dari segi bot, enjin dan juga prasarana yang lain, longkang, jalan dalam kampung, jambatan, bangunan ruang niaga, balai raya, balai rawatan dan juga surau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ADUN Penawar tentang isu-isu di dalam kawasan FELDA. Untuk maklumat Yang Berhormat, pada setiap tahun, FELDA telah memperuntukkan Bajet Infra dan juga pembaikan kerosakan jalan-jalan dan bangunan di Rancangan-Rancangan FELDA. Walau bagaimanapun, bajet adalah terhad dan diagih-agihkan kepada setiap rancangan sebagai contoh kerja menimbus dan membaik pulih tanah runtuh di FELDA Papan Timur di dalam kawasan Yang Berhormat ADUN Penawar sejak berlaku banjir pada tahun 2006 dan 2007 hingga kini sebanyak RM98,000.00 dan telah dibayar untuk pembaikan tanah runtuh dan RM30,000.00 bagi kerja-kerja pembaikan bagi tahun 2008 yang sedang dibuat oleh pihak kontraktor.

Harapan FELDA agar kerja pembaikan tanah runtuh di kawasan perkampungan FELDA seboleh-bolehnya dikongsi oleh FELDA bersama-sama dengan jabatan-jabatan yang lain.

Berkaitan dengan jalan JKR di FELDA Bukit Batu ke Parit Panjang yang disentuh oleh Yang Berhormat ADUN Pulai Sebatang, memang diakui ianya memang sangat kurang memuaskan dan perlu diperbaiki untuk keselesaan pengguna pada setiap hari. Walau bagaimanapun, jalan tersebut adalah di bawah kawal selia JKR Daerah. Manakala persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat ADUN Kahang, sehingga kini FELDA telah memperuntukkan RM50,000.00 bagi kerja-kerja pembaikan, infra dan juga kerosakan jalan-jalan kampung di setiap Rancangan FELDA di kawasan Yang Berhormat. Dan bagi Rancangan DUN Kahang, agihan telah pun dibuat dan telah pun dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan permohonan tanah oleh Generasi Kedua FELDA Bukit Batu oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Batu, permohonan ini melibatkan 328 orang anak peneroka generasi kedua, dengan keluasan tanah 18.29 hektar telah pun mendapat kelulusan dan telah dikurniakan tanah tersebut oleh Kerajaan Negeri. Hanya sekarang pihak kerajaan menunggu untuk bayaran premium daripada anak-anak peneroka generasi kedua tersebut. Tentang hak milik FELDA dalam kawasan DUN Tenggaroh oleh ADUN Tenggaroh, setakat ini FELDA Tenggaroh I masih lagi dalam tindakan Pejabat Tanah dan manakala yang lain dalam Seksyen 5 dan 6 belum diwartakan lagi oleh Pejabat Tanah dan juga Galian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Penawar telah menyentuh pihak pengurusan KEJORA berhubung dengan penyusunan dan rancangan pembinaan rumah-rumah murah selain daripada rumah-rumah kos sederhana yang sedang rancak beroperasi sekarang ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan perumahan di Wilayah KEJORA telah dilaksanakan mengikut jenis-jenis rumah secara berperingkat di semua Bandar-Bandar Baru KEJORA.

Dan, sehingga kini sejumlah 9,216 unit rumah termasuk rumah kos rendah, kos sederhana rendah, rumah pangsa dan kos sederhana telah dibina di bandar-bandar baru. Daripada keseluruhan rumah yang dibina, sebanyak 4,715 adalah merupakan rumah kos rendah, di Bandar Penawar dan juga Bandar Mas yang termasuk di dalam DUN Penawar. Pihak KEJORA telah membina 986 unit rumah kos sederhana sesebuah dan 200 unit rumah pangsa kos rendah. Dan, rumah-rumah tersebut telah dijual kepada penduduk yang berpendapatan rendah bagi memberi peluang mereka menikmati kemudahan yang tersusun, terancang dan kehidupan yang berkualiti.

Dalam tahun 2009 Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak KEJORA merancang pembinaan rumah kos rendah sebanyak 25 unit di Kampung Tersusun Tuan Seh, di dalam Rancangan Malaysia Ke-10. KEJORA akan memohon peruntukan untuk Projek Perumahan Tersusun di kawasan-kawasan Kampung Paya, Layang-Layang, Tanjung Buai dan beberapa kawasan di daerah Kluang dan Kota Tinggi yang akan dikenal pasti kemudian. Dan, pihak KEJORA telah meluluskan 4 buah Projek Pembangunan Bercampur di Bandar Penawar dalam syarat pembangunan yang telah ditetapkan iaitu pihak syarikat dikehendaki membina 30% rumah kos rendah. Mengikut pelan *layout* yang telah diluluskan, tanah seluas 46.32 ekar akan dibangunkan dengan 2,168 unit rumah pangsa dan juga rumah teres kos rendah. Manakala satu lagi pemaju sedang dalam penyediaan pelan susun atur bagi kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan KEJORA. Pelaksanaan projek rumah kos rendah ini adalah bergantung kepada permintaan daripada pembeli dan juga pembangunan sesebuah kawasan. Dan pihak KEJORA akan memastikan projek rumah kos rendah ini dilaksanakan oleh pemaju-pemaju seperti yang telah dirancangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman ya, semua, bahawa setakat ini KEJORA telah membangunkan ya, bagi keseluruhan bandar-bandar baru di dalam kawasan KEJORA, seperti Bandar Tenggara, Bandar Penawar, Bandar Mas, Taman Sri Lambak, Bandar Petri Jaya dan juga Bandar Sri Perani bagi rumah kos rendah berjumlah sebanyak 4,355 buah dan bagi rumah teres kos sederhana rendah 2,630 buah dan kos sederhana rendah 368 buah, bagi kos sederhana 1,386 buah, bagi rumah pangsa kos rendah 360, bagi rumah pangsa kos sederhana 120 dan jumlah keseluruhannya adalah 9,216. Dan selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak KEJORA juga telah membina 5 Projek Perumahan Kampung Tersusun dengan pembinaan 478 unit rumah kos rendah iaitu di Kampung Tersusun Mawai Baru, Kampung Tersusun Tuan Seh, Kampung Tersusun Punggai, Kampung Tersusun Semangar Dalam dan Kampung Nelayan Tanjung Buai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh soalan Yang Berhormat ADUN Maharani mengenai dengan beberapa buah kampung yang telah dianugerahkan Desa Cemerlang dan bagaimanakah status kampung-kampung tersebut? Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa pertandingan bagi Anugerah Desa Cemerlang adalah diadakan sebanyak 2 tahun sekali mulai pada tahun 1996 dan sebenarnya bagi peringkat negeri 8 buah kampung dipertandingkan bagi setiap tahun mengikut 8 daerah. 1 daerah 1 kampung Yang Berhormat Dato' Speaker dan setakat ini 48 buah kampung. Dan, bagi

tahun 1996 - 1997, johannya adalah Kampung Parit Tengah, Sri Merlong dan bagi 1998 hingga 1999, Kampung FELDA Semenchu dan bagi 2001 - 2002 Kampung Melayu Raya, 2003 - 2004 Kampung Parit Bugis, Muar dan 2005 - 2006 Kampung Parit Tengah, Mukim 8, Batu Pahat dan juga akhirnya pada tahun 2007 - 2008 adalah Kampung Permatang Duku. Yang Berhormat dalam 2008 adalah Kampung Sungai Lurus, Batu Pahat.

Dan, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tahun ini johan bagi peringkat Anugerah Desa Cemerlang adalah Kampung Sungai Lurus, Batu Pahat, naib johannya adalah Kampung FELDA Semenchu dan ketiga, Kampung Permatang Sepam, Benut, Pontian, Johor. Dan semua kampung-kampung ini adalah di bawah tanggungjawab jabatan yang berkenaan dan juga sentiasa dipantau dan juga mendapat kerjasama yang begitu baik khususnya daripada JKK di kawasan tersebut dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di dalam kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan masalah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Serampang, saya begitu terharu dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat ADUN Serampang dan kita faham akan nasib eh, kalau ADUN-ADUN, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah mengemukakan masalah tetapi sehingga kini belum terjawab. Begitu juga dengan ADUN Bukit Serampang mengenai dengan pembinaan Muzium Bukit Kepong yang banyak meninggalkan sejarahnya kepada negeri ini dan juga kepada negara kita. Bagi, dalam Rancangan Malaysia Ke-8 Yang Berhormat Dato' Speaker, projek ini dicadangkan dibina dengan kos berjumlah RM4.2 juta. Dan pihak Muzium Polis telah merancang untuk menjadikan Pondok Polis Bukit Kepong sebagai sebuah Pusat Peringatan di Bukit Kepong. Dan rancangan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dengan kos berjumlah RM10 juta. Ianya dikendalikan oleh pihak Muzium Polis Diraja Malaysia. Secara keseluruhannya, projek ini belum dilaksanakan. Terkini, pihak Muzium Polis Diraja Malaysia sedang menunggu kelulusan permohonan tanah yang dibuat oleh pihak Pentadbiran, yang dibuat kepada pihak Pentadbiran Tanah Negeri yang telah dikemukakan pada bulan Jun 2008 yang mana maklumat ini Yang Berhormat Dato' Speaker adalah daripada Kurator Muzium Polis Diraja Malaysia.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan, saya menyentuh mengenai ada beberapa perkara yang dibangkitkan mengenai dengan kebudayaan yang dikaitkan dengan pelancongan. Sebenarnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Johor dengan kerjasama dan juga sokongan Yang Berhormat Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia, Negeri Johor telah menganjurkan program yang dikenali sebagai Pusat Seni Setempat ataupun *Cultural Hot Spot* yang berkonsepkan aktiviti dan jualan hasil seni dan budaya dan berasaskan produk dari Negeri Johor. Program ini diadakan bertujuan mewujudkan satu sudut seniman dan budaya di mana usahawan dan karyawan kecil dan sederhana dapat diketengahkan dan diperkenalkan hasil produk mereka kepada orang ramai di samping diadakan juga aktiviti dan persembahan kesenian pada setiap malam. Dan selain itu, program ini juga bertujuan bagi memeriah dan menghidupkan suasana hujung

minggu di Bandaraya Johor Bahru, di samping akan menjadi tumpuan dan tarikan kepada para pelancong dalam dan juga luar negara membeli barangan dan cenderamata hasil pengeluaran Negeri Johor, di samping menikmati hiburan dan juga persembahan kesenian yang diadakan dan program ini diadakan di Zon A iaitu di Legaran Segget, Jalan Wong Ah Fook, Johor Bahru pada setiap hujung minggu, Jumaat, Sabtu dan Ahad dari jam 6 petang hingga larut malam.

Dan, program ini Yang Berhormat Dato' Speaker, telah pun dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2008 yang lalu. Bagaimanapun, kita hentikan sementara kerana bulan Syawal dan juga pada masa ini dengan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan. Walau bagaimanapun, program ini akan terus kita sambung dan kita tingkatkan pada tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menginterpretasikan keprihatinan masing-masing…

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : ...terhadap Jawatankuasa ini melalui teguran dan juga cadangan yang membina. Mudah-mudahan segalanya ini akan dapat memperbaiki kelemahan yang ada bagi sama-sama memajukan Negeri Johor yang kita kasihi ini. Dan, sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang dan sebagainya…

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : …Yang Berhormat Dato' Speaker, insya-Allah akan diambil tindakan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan. Sekian, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi, ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Selamat pagi dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk saya untuk turut serta dalam perbahasan kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama sekali saya nak sentuh tentang Jabatan Tenaga Kerja. Jadi, saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan tentang perkara berkaitan dengan Jabatan Tenaga Kerja. Di antaranya Y.B. Parit Yaani, Sungai Abong, Bukit Batu, Pemanis, Permas, Semerah, Kukup, Bukit Naning dan juga ADUN Kempas. Sebahagian daripada jawapan-jawapan ini saya rasa saya telah jawab dalam soalan-soalan lisan sebelum ini tetapi menyentuh tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas berkaitan dengan keadaan ekonomi dunia dan juga tentang data mengenai bilangan pekerja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keadaan ekonomi dunia pada waktu ini sedang mengalami kelembapan ekonomi. Ini kemungkinan akan mewujudkan pemberhentian pekerja. Jabatan Tenaga Kerja selain menguatkuasakan undang-undang, turut juga menyediakan maklumat kekosongan jawatan. Jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan ke Jabatan Tenaga Kerja sebanyak 30,000. Ini adalah berdasarkan kepada maklumat daripada data JobMalaysia yang merekodkan sebanyak 17,342 kekosongan jawatan. Baki kekosongan jawatan yang lain sebanyak 12,658 adalah daripada sumber-sumber lain iaitu dari Agensi Pekerjaan Swasta, laman *web* majikan dan juga dari lain-lain laman *web* pencarian kerja. Angka ini tidak termasuk jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh pihak IRDA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja iaitu berhubung dengan 11 Karnival Pekerjaan bagi tahun 2008 yang telah dilaksanakan, Jabatan Tenaga Kerja dengan kerjasama majikan yang ada kekosongan jawatan telah mengadakan aktiviti temu duga terbuka sewaktu Karnival tersebut. Melalui Program Karnival Pekerjaan sepanjang tahun 2008, Jabatan Tenaga Kerja telah berjaya menempatkan sejumlah 4,632 orang dalam pasaran kerja iaitu 2,074 siswazah dan 2,558 bukan siswazah.

Pada dasarnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, penempatan pencari kerja dalam sektor pekerjaan adalah melebihi daripada data rekod Jabatan Tenaga Kerja kerana bukan menjadi satu keperluan undang-undang di mana majikan diwajibkan melaporkan kekosongan jawatan atau penempatan pencari kerja. Selain daripada itu, Jabatan Tenaga Kerja membantu majikan menjalankan temu duga terbuka di pejabat JTK sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Tenaga Kerja tiada data sebenar jumlah pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura. Sehingga kini tiada maklumat pekerja Malaysia di Singapura yang diberhentikan kerja mendaftar dengan JobMalaysia. Dasar kerajaan Singapura tidak membenarkan atau mengeluarkan statistik jumlah pekerja yang diberhentikan di Singapura kerana semua maklumat adalah rahsia dan sulit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh tentang soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Puteri Wangsa. Jabatan Tenaga Kerja tidak mempunyai statistik kadar pengangguran yang berlaku di Negeri Johor. Maklumat kadar pengangguran yang kita dapati melalui JobMalaysia Online di Negeri Johor menunjukkan bahawa di antara Januari hingga Oktober 2008 ada seramai 10,934 orang pencari kerja yang mendaftar dengan JobMalaysia Online.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya dari segi maklumat yang saya dapat dalam Utusan Malaysia pagi ini menunjukkan bahawa di antara sebab, di antara sebab utama negara kita menjadi tarikan pelabur asing ialah dedikasi pekerja Malaysia. Jadi, sikap dedikasi dan kesetiaan yang tinggi terhadap kerjaya di kalangan pekerja tempatan telah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi syarikat asing. Ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, telah dipaparkan oleh Tower Paradigm, Tower Paradigm, adalah firma

global yang terkemuka dalam bidang pengurusan pembangunan sumber manusia yang menyediakan perkhidmatan profesional global. Firma ini menyatakan bahawa faktor-faktor, sikap dedikasi dan kesetiaan yang tinggi ini membantu para pekerja memiliki kadar motivasi, kreativiti dan pengetahuan yang tinggi dalam kerjaya masing-masing. Jadi, dengan cara demikian, mereka meluangkan lebih masa untuk memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dilaksanakan dengan baik. Inilah sikap yang dipaparkan oleh pekerja-pekerja Malaysia menurut kajian firma tersebut. Jadi, pasaran Malaysia kini lebih kompetitif untuk menarik pelaburan terus asing. Jadi, kadang-kadang penarikan pelaburan asing bukan semena-mena dasar kerajaan semata-mata tetapi juga sikap dedikasi dan kesetiaan yang ditunjukkan oleh pekerja-pekerja tempatan kita.

Kajian ini Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah berdasarkan kepada hasil kajian Tower Perrin Global *Work For Study*, dengan izin, 2007/2008 yang kini diedarkan kepada umum. Kajian ini melibatkan pengurusan sumber manusia global terbesar yang membabitkan 90,000 responden dari 21 buah negara termasuk Malaysia. Mereka menerangkan bahawa antara faktor yang menyebabkan pekerja tempatan setia kepada syarikat adalah :

1. Peluang yang lebih baik bakal ditawarkan pada masa depan. Itu antara sebab kenapa pekerja setia kepada syarikat, salah satu syarikat.

2. Pekerja tersebut mengetahui mengenai hala tuju perniagaan syarikat masing-masing dan mengetahui mengenai komitmen pihak pengurusan untuk mengukuhkan kedudukan syarikat termasuk prestasi kewangannya. Apabila pekerja tahu tentang selok-belok kewangan syarikat tersebut, maka mereka yakin dan terus setia kepada syarikat tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, pekerja yang berdedikasi ini akan setia kepada organisasi masing-masing sekiranya pihak pengurusan sentiasa berusaha menyediakan latihan. Itu saya sebutkan Yang Berhormat Dato' Speaker di negara kita, kita begitu prihatin dan begitu memberi perhatian dalam menyediakan latihan dan pelbagai program ilmiah kepada pekerja untuk meningkatkan prestasi kerja mereka. Seterusnya, mereka juga yakin bahawa, pihak syarikat ini selalunya menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat pekerja.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai tambahan ingin saya memaklumkan bahawa kini Kementerian Sumber Manusia sedang meneliti akan skim pemilikan rumah bagi pekerja-pekerja termasuk pekerja ladang dan juga pekerja-pekerja yang tinggal dengan kawasan-kawasan yang ada pembinaan rumah-rumah baru. Jadi, dengan demikian, maka kita akan memastikan bahawa, sebagai contoh, kalau kita ada skim pemilikan rumah di ladang-ladang sebagai contoh, maka pekerja-pekerja ladang ini akan di samping mereka duduk rumah ladang tersebut, mereka dalam masa beberapa tahun, 10, 20 tahun, mereka akan menjadi pemilik kepada rumah tersebut. Dengan demikian, kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing juga dapat dikurangkan dalam jangka masa yang panjang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkit oleh ADUN Semarang, kini pihak JTK sedang berusaha untuk mengadakan kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri bagi menyelaraskan pengambilan pekerja asing melalui kaedah *out sourcing*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kini difahamkan pengambilan pekerja melalui kaedah *out sourcing* ini telah dibekukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh tentang perkara-perkara yang berbangkit berkaitan dengan perpaduan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh tentang perpaduan. Terutamanya ADUN Kempas, ADUN Jorak, ADUN Panti, ADUN Rengit, ADUN Bukit Serampang, ADUN Puteri Wangsa, ADUN Tanjung Puteri, ADUN Semarang dan ADUN Senai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan amat prihatin dan mengambil berat dalam soal perpaduan di negara ini kerana ianya merupakan satu elemen yang amat penting dalam memastikan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan lancar dan dicapai sepenuhnya. Bagi mencapai hasrat tersebut, suasana muhibah, ketoleransian dan keharmonian dalam hidup masyarakat menjadi sesuatu kebergantungan kepada negara memandangkan masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan juga etnik.

Oleh yang demikian, dalam rangka tersebut, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Perpaduan Kebudayaan Kesenian dan Warisan diberi tugas dan tanggungjawab dalam misinya memupuk kesefahaman dan semangat muhibah melalui jaringan dan interaksi sosial ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan beridentiti nasional melalui program-program atau aktiviti-aktiviti sama ada di peringkat kebangsaan, negeri, daerah sehinggalah ke peringkat akar umbi iaitu Rukun Tetangga.

Saya tertarik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas, mengenai hasil dan juga prestasi program-program atau aktiviti yang dilaksanakan bagi memperkukuhkan perpaduan di negara ini. Ingin saya memperjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa membuat pemantauan, mengkaji dan juga menimbal balik kepada keberkesanan setiap program atau aktiviti yang telah dilaksanakan melalui *post mortem*, dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker, selepas setiap program atau aktiviti tersebut dilaksanakan. Saya suka mengemukakan data yang diperolehi hasil daripada penilaian yang dibuat bahawa, pada tahun 2008 sehingga bulan Oktober ini, program-program yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 28,039 yang melibatkan penyertaan seramai 1,401,950 orang. Dan daripada jumlah tersebut, peratus penglibatan kaum adalah seperti berikut : Melayu 66%, Cina 23% dan India 11%. Dan program-program ini Yang Berhormat Dato' Speaker, mencakupi pelbagai bidang. Bidang-bidang yang, program ini tercakup adalah sukan dan rekreasi, sosial, kebajikan, kebudayaan, keselamatan, pendidikan sepanjang hayat, kesihatan dan alam sekitar, ekonomi dan juga

agama. Dalam erti kata lain Yang Berhormat Dato' Speaker, peruntukan yang diperolehi sebanyak RM2,390,400.00. Jadi, formulanya Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap KRT akan mendapat peruntukan RM4,800.00. Jadi, di Negeri Johor kita ada 498 KRT, maka jumlahnya RM2,390,400.00 digunakan sebaik mungkin agar memastikan hala tuju dalam membudayakan perpaduan dan seterusnya menjadi satu asas pegangan kepada rakyat Malaysia dapat dicapai di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara umumnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional diwujudkan bagi tujuan memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan juga Rukun Negara.

Oleh yang demikian, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan sentiasa mengkaji dan juga memperkembangkan setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan agar selari dengan peredaran arus perdana. Perkara ini, saya mengambil contoh di sini, berdasarkan perjalanan peranan dalam Rukun Tetangga Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam tahun 1975, Rukun Tetangga hanya berperanan dalam keselamatan kawasan sehinggalah pada tahun 1983. Oleh kerana kita sedar, Rukun Tetangga merupakan satu ruang yang sesuai untuk kita jadikan sebagai perantara ataupun penggerak di peringkat akar umbi maka peranan Rukun Tetangga diperkembangkan kepada konsep kejiranan yang mana melalui konsep ini pelbagai aktiviti dan program yang boleh mencorak semangat perpaduan dirangka dan dilaksanakan di peringkat Rukun Tetangga. Pada tahun 2001 Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Perpaduan Negara memandang, memandangkan perlunya Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga ini diberi pendedahan dan pemahaman serta kemahiran supaya setiap apa jua aktiviti mahupun program yang dilaksanakan akan mendatangkan keberkesanan secara menyeluruh, maka dengan itu peranannya dikembangkan kepada konsep pembangunan komuniti.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara ini saya jelaskan kerana ianya menunjukkan bahawa betapa program-program perpaduan adalah, adalah merupakan bukan satu program yang retorik tetapi menerima kepada perubahan-perubahan dari masa ke semasa. Untuk maklumat tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh melalui, dalam, apa ni, Ahli-Ahli Rukun Tetangga yang menyertai SRS sebagai contoh, Skim Rondaan Sukarela, mereka ini juga diberikan perlindungan insurans supaya keselamatan mereka ataupun kalau, jikalau sesuatu berlaku maka ada satu pampasan diberikan kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai tambahan kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Serampang mengenai program-program yang lebih menjurus kepada seminar yang setakat ini diadakan di hotel-hotel dan tidak turun ke akar umbi bagi memastikan bahawa maklumat atau kefahaman perpaduan dan semangat kenegaraan yang diterima. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah merangka satu pelan tindakan

5 tahun. Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2006/2010 yang merangkumi strategi-strategi seperti yang berikut :

1. Memberi kefahaman konsep perkongsian kuasa politik mengikut lunas-lunas perundangan dan kerjasama di antara rakyat Malaysia.

2. Mendorong rakyat Malaysia peka kepada perubahan dasar-dasar kerajaan. Jadi, untuk ini, kerajaan menambah dan menyebarkan penerbitan risalah-risalah mengenai dasar-dasar kerajaan.

3. Memberi kefahaman dan menguatkuasakan prinsip kebebasan beragama sebagai satu dasar negara tanpa mencabar Agama Islam sebagai agama rasmi. Untuk ini, kerajaan mengadakan forum dan memberi ceramah-ceramah berkenaan peranan Yang Dipertuan Agung dan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan Rukun Negara kepada masyarakat dengan diadakan di sekolah-sekolah, kampung-kampung, institusi pengajian tinggi dan lain-lain.

4. Menanamkan semangat menghormati dan menjaga sensitiviti masyarakat Malaysia. Untuk ini, program yang diadakan adalah mengadakan program gotong-royong, melaksanakan program rumah terbuka sambutan perayaan setiap kaum di Malaysia, menayangkan filem kebudayaan, mengadakan pesta makanan antara kaum dan memperbanyakkan penerbitan bahan bacaan adat resam masyarakat Malaysia.

5. Membetulkan tanggapan dan pandangan yang salah terhadap dasar integrasi nasional. Untuk ini, bentuk program yang diadakan, memberi ceramah-ceramah kesedaran kepada masyarakat yang mana ianya diadakan di sekolah-sekolah, kampung-kampung, institusi pengajian tinggi dan lain-lain. Juga mengadakan kempen dan pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan melalui program "Jiranku, Keluargaku".

6. Interaksi pelajar-pelajar di antara sekolah dan institusi pendidikan yang berlainan jenis iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan dengan Sekolah Kebangsaan. Ianya dijalankan melalui program mewujudkan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah dan memantau aktiviti yang dilaksanakannya.

7. Mengadakan aktiviti murid pelajar yang menggabungkan semua kaum tanpa mengira latar belakang, keturunan dan agama. Untuk ini, programnya adalah sukan dan kebudayaan di dalam dan di antara institusi pendidikan termasuk, bermulalah daripada pra sekolah sehingga di peringkat IPT.

8. Meningkatkan tahap pemahaman mengenai agama dan kepercayaan, sifat toleransi, hormat-menghormati dan kepekaan terhadap adat dan pantang larang. Untuk ini, seminar, bengkel dan kempen berhubung dengan nilai-nilai murni, adat resam, keagamaan, kepercayaan antara

budaya kepada semua lapisan masyarakat diadakan, juga memantau dan mengatasi masalah sosial melalui pencelaan ataupun dengan izin, *intervention*, dan meluaskan proses berkenaan kepada golongan-golongan sasar.

9. Pembentukan kebudayaan nasional yang diiktiraf dan diterima sebagai nilai-nilai sepunya oleh semua rakyat Malaysia. Untuk ini, pihak jabatan mengadakan program-program dengan memupuk dan menyemai unsur-unsur kepelbagaian budaya masyarakat seperti melalui pertandingan kebudayaan kebangsaan dalam lagu, drama dan lakonan, seni mempertahankan diri, seni, seni bina dan juga seni arca. Seterusnya mengambil kira nilai-nilai estetika dan warisan budaya nasional dalam program pembangunan fizikal, seperti dalam pembinaan bangunan, pintu gerbang dan juga seni bina yang lain.

10. Mewujudkan mekanisme pemantauan perpaduan dan integrasi nasional dengan isu-isu semasa dan konflik secara berterusan dan sistematik sebagai langkah pengesanan awam. Untuk ini, kerajaan melaksanakan program jaringan perkongsian maklumat secara bersama dengan semua agensi kerajaan dalam isu perpaduan dan keselamatan seperti penubuhan jawatankuasa penasihat perpaduan di negeri dan daerah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui kerangka, melalui kerangka strategi-strategi ini sehingga bulan Oktober 2008, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor telah melaksanakan program-program tersebut melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut:

1. Perhimpunan integrasi sempena sambutan bulan perpaduan yang mendapat penglibatan daripada pelbagai lapisan golongan sasar. Di mana pada hari tersebut, lapisan, golongan daripada kakitangan awam, murid sekolah, pemimpin masyarakat, orang awam, persatuan-persatuan belia yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mana dapat memberi peluang kepada mereka ini untuk berinteraksi di samping memberikan input pemahaman dalam perpaduan dan juga pemupukan semangat perpaduan.

2. Melalui program rumah terbuka sambutan Tahun Baru Cina dan Deeparaya, yang mana suatu program di mana interaksi sosial yang berkonsepkan perpaduan, di mana setiap yang hadir terdiri daripada berbilang kaum, berpeluang duduk bersama, berkomunikasi bersama dan makan bersama dalam keadaan untuk merapatkan perhubungan.

3. Kem Padu Anak Malaysia. Di mana menyasarkan penglibatan para remaja antara umur 13 tahun hingga 21 tahun yang terdiri daripada berbilang kaum bagi tujuan meningkatkan jati diri kepada mereka di samping memberi kesedaran perpaduan.

4. Program Kembarpadu yang melibatkan pelajar sekolah yang berumur di antara 10 hingga 12 tahun, kemudian kita ada larian integrasi, ini semua yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional

Negeri Johor. Kemudian, kita ada sukaneka perpaduan, kita ada ceramah-ceramah kesedaran, kemudian, kita juga ada program-program orientasi pegawai-pegawai berasal dari Sabah dan Sarawak, yang berkhidmat di Semenanjung untuk memberikan pendedahan kepada mereka tentang budaya masyarakat di Semenanjung. Dan juga, kita ada pertandingan koir, lagu-lagu patriotik yang mana dapat menanamkan semangat patriotisme kepada peserta dan juga penonton yang hadir.

5. Kempen Kibar Jalur Gemilang yang boleh dijadikan sebagai penggalak kepada rakyat tentang rasa sayangkan kepada negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini, suka saya menjelaskan tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Panti, mengenai program-program yang dilaksanakan terlalu formal dan kurang peluang interaksi sosial yang berlaku. Sebenarnya, apa yang ingin diungkai di sini bahawa, banyak program-program atau aktiviti yang dilaksanakan wujud interaksi, kerana Jabatan Perpaduan merangka sesuatu program adalah bertujuan untuk membentuk satu interaksi selaras dengan kewujudan perpaduan. Saya mengambil contoh di sini, seperti Program Jiranku Keluargaku, di mana dari awal pagi, cara program ini berjalan Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Apa nama program Yang Berhormat? Yang Berhormat, program apa nama?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Jiranku Keluargaku.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Jiranku Keluargaku.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Di mana Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada awal pagi masyarakatnya yang terdiri daripada anak muda berbagai kaum...

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Bersama-sama bergotong-royong membersihkan kawasan dan membuat persiapan. Manakala golongan wanita yang terdiri juga daripada pelbagai kaum duduk bersama untuk menyediakan bahan-bahan untuk memasak dan pada tengah hari, mereka yang tadi bertungkus-lumus bekerja menjamu bersama-sama juadah yang disediakan oleh mereka, manakala di sebelah petang, mereka berhibur dengan acara sukaneka untuk lebih merapatkan perhubungan mereka. Ini adalah salah satu cara contoh program yang menunjukkan berlakunya interaksi di dalam program tersebut dan banyak lagi program yang dilaksanakan untuk memberi ruang dan peluang berlakunya interaksi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya setuju bahawa kemantapan ekonomi dan pembangunan negara ini hanya akan dapat terus berkembang dengan

adanya perpaduan rakyat dan keharmonian di kalangan kita. Perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Jorak, mengenai, mengenai dengan mekanisme, mekanisme yang boleh digunakan bagi mengukur tahap perpaduan. Setakat ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berusaha melaksanakan pemantauan dan penilaian dengan keadaan perpaduan yang berlaku dalam negara kita dengan melalui pelaporan pengesanan isu dan konflik yang dikenali sebagai Laporan PES, di mana, laporan ini dilaksanakan di seluruh Malaysia dan dihantar ke ibu pejabat untuk dinilai dan kemudian diklasifikasikan sebagai kawasan-kawasan yang tidak berisiko, kawasan berisiko dan juga kawasan berisiko tinggi.

Jadi, setelah dikenal pasti jabatan akan, kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, maka akan membentuk satu jawatankuasa bagi merangka program-program yang sesuai dilaksanakan ke atas kawasan-kawasan yang dikenal pasti bagi tujuan mencegah, memulih dan juga menggalakkan. Di samping itu juga, Jabatan Perpaduan Negara sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia dalam berkongsi maklumat bagi memastikan tahap perpaduan negara berada di dalam tahap yang baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Perpaduan juga telah membentuk kumpulan Mediasi, yang diberi latihan kemahiran secara khusus dalam menjadi orang tengah, Mediasi ni macam orang tengah, Yang Berhormat Dato' Speaker, orang tengah, sebagai persediaan sekiranya berlaku sesuatu isu atau konflik yang melibatkan pertelingkahan mahupun salah faham antara kaum, ataupun sesama kaum. Kumpulan mediasi ini dilantik di kalangan pegawai-pegawai dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga terpilih di seluruh Malaysia. Hasil daripada latihan, kursus dan kemahiran yang diberikan secara komprehensif, mereka ini mampu menangani permasalahan yang berlaku. Bagi mengukuhkan lagi perpaduan di Malaysia, Yang Berhormat Dato' Speaker, suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Panel Penasihat Perpaduan telah ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan di peringkat negeri ianya dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri, dan di peringkat daerah, ia dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Daerah, yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, persatuan belia pelbagai kaum dan juga badan politik.

Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu perpaduan dan juga merangka program-program yang bersesuaian untuk memelihara perpaduan rakyat. Bagi Negeri Johor, jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 2005 dan pelantikan semula ahli jawatankuasanya dijangka akan diadakan pada tahun depan, 2009 bersama penubuhannya di peringkat daerah. Di mana Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam jawatankuasa ini nanti kita akan masukan Wakil-Wakil Rakyat daripada kawasan-kawasan situ, turut dalam jawatankuasa.

Y.B. Dato' Speaker : Sebagai apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Sebagai ahli jawatankuasa. Dipengerusikan oleh Pegawai Daerah di peringkat daerah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Wakil Rakyat pun ada sama ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Wakil Rakyat pun ada sama?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Contoh, Wakil Rakyat Kempaslah. Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti apa yang Berhormat ADUN Rengit mengenai dengan penggubalan undang-undang yang berkenaan dengan pertikaian kaum telah pun dibincangkan di peringkat Parlimen, untuk menubuhkan Akta Hubungan Kaum dan masih dalam kajian memandangkan berlaku percanggahan, percanggahan pendapat dan juga pandangan. Saya percaya, daripada ketelusan dan kewibawaan usul yang dibawa nanti, akan memberi satu keputusan yang baik untuk kita semua. Kita ucap terima kasihlah atas cadangan Yang Berhormat ADUN Rengit itu. Namun begitu, apa sahaja undang-undang ataupun Akta Perhubungan Kaum boleh dilaksanakan, dengan syarat, semua kaum bersetuju akan tiga perkara, yang menjadi asas kepada sosial sebagaimana yang telah dipersetujui oleh para pemimpin terdahulu terutamanya di awal kemerdekaan.

Pertama, Yang Berhormat Dato' Speaker, semua pihak bersedia menerima kontrak sosial sebagaimana yang telah dipersetujui oleh pemimpin terdahulu terutama di awal kemerdekaan. Yang kedua, sistem pendidikan harus membuka jalan ke arah meningkatkan lagi maklumat berkaitan sejarah dan budaya semua etnik supaya setiap pelajar akan memahami serta mempunyai maklumat tentang kaum lain secara menyeluruh. Dan yang ketiga, perlu adanya mekanisme yang dapat mendidik dan membentuk rakyat supaya membenci mana-mana kumpulan sama ada ahli politik, NGO atau orang perseorangan yang menggunakan provokasi kaum untuk mendapat sokongan serta meningkatkan popularity.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai tambahan, untuk keberkesanan Rukun Tetangga, kerajaan telah diluluskan pelan untuk lima tahun khusus untuk Rukun Tetangga. Jadi, saya rasa dengan objektif-objektif ini, Rukun Tetangga boleh lebih efektif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada Jabatan Pembangunan, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, kita juga ada mekanisme politik yang menjurus kepada perpaduan. Macam di Negeri Johor, kita ada Jawatankuasa Penyelarasan Mukim-Mukim, ilham daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, di mana JPMM ini terdiri daripada ADUN sebagai Pengerusi, kita ada Penghulu, kita ada Ketua Kampung, kita ada Ketua Masyarakat, kita ada wakil-wakil NGO, serta juga Ketua-ketua Jabatan yang

mana boleh duduk bersama untuk membincangkan, di samping membincangkan pelbagai isu juga boleh bincangkan isu yang berkaitan perpaduan.

Kita juga ada menggunakan mekanisme sukan untuk menjurus kepada perpaduan. Apabila Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah menyelitkan silambam dan taici dalam kita punya J-Robik. Ini juga menjurus kepada perpaduan. Kemudian daripada segi mekanisme kebudayaan dan kesenian, sebagai contoh, Jabatan Kebudayaan Negeri Johor telah memberi peruntukan juga kepada aktiviti-aktiviti kebudayaan pelbagai kaum yang lain di negeri kita, bagi mereka menganjurkan program dan juga khidmat nasihat dan serta kursus, kursus kepimpinan kepada pemimpin-pemimpin Jabatan Kebudayaan daripada pelbagai kaum.

Yang seterusnya ialah, mekanisme pendidikan. Kalau kita tengok, Jabatan Pelajaran menjalankan Program RIMUP iaitu rancangan integrasi murid untuk perpaduan yang mana mengaitkan pelbagai kaum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai kesimpulan, kita semua sedar dan menerima bahawa perpaduan kaum adalah pemboleh ubah penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial malah ekonomi negara kita. Perpaduan kaum itu menuntut bukan sahaja hubungan *functional,* dengan izin, *functional*, malah kepada hubungan *emphatic,* maksudnya, bukan sekadar berhubungan di pejabat, di pasar, di tempat kerja, malah berkongsi masalah yang melampaui sempadan-sempadan persekitaran tersebut. Kita tidak menggunakan konsep *melting pot* ataupun acuan pelebur seperti yang digunakan oleh Amerika dan beberapa negara Eropah seperti Britain dan Perancis. Kita menggunakan konsep *salad bowl* atau mangkuk sayur-mayur yang tidak meleburkan mana-mana unsur etnik tetapi mempersatukan kepelbagaian warna kulit dan budaya dalam satu persekitaran yang sama. Sehingga ianya menjadi khazanah dan kebanggaan kepada negara yang diakui serta dihormati oleh masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perpaduan negara adalah tanggungjawab bersama dan kita perlu sama-sama memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah penggulungan saya perkara-perkara yang melibatkan portfolio saya. Jadi, kalau ada perkara-perkara yang belum dijelaskan bolehlah hubungi saya atau jabatan-jabatan berkenaan dan kita bersedia untuk memberi penjelasan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Em.. jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Selamat pagi dan salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker terlebih dahulu.

Y.B. Dato' Speaker : Apa? Nak rehat. Ok, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 25 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:25 pagi.

Persidangan disambung semula pada 11:45 pagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Selamat pagi dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana telah memberi peluang serta ruang kepada saya untuk menyampaikan ucapan penggulungan perbahasan di Dewan yang mulia pada hari ini bersempena dengan Ucapan Bajet Kerajaan Negeri Johor tahun 2009 Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Jumaat 21 November 2008 yang lalu. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas ucapan perbahasan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana telah mengemukakan soalan, pandangan, cadangan, teguran serta kritikan yang membina khususnya mengenai perkara-perkara yang melibatkan portfolio Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan juga memberi penekanan dalam bidang perkhidmatan, pendidikan khususnya di Iskandar Malaysia dan kita dimaklumkan mengenai pelaburan di bidang Institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah Antarabangsa selain daripada Newcastle Universiti, beberapa institusi lain sedang di dalam perancangan untuk membuka kampus dan juga Sekolah Antarabangsa di sini. Namun begitu Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam keadaan kita begitu bercita-cita untuk menyediakan prasarana untuk bidang pendidikan ada juga cadangan-cadangan yang merupakan saya rasa cadangan yang tidak munasabah dan merupakan jalan yang singkat kononnya nak mempromosi Iskandar Malaysia dengan cadangan daripada ADUN Pakatan Rakyat untuk membina kasino di

dalam Iskandar Malaysia. Saya rasa cadangan ini perlu kita bantah Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama saya ingin sentuh mengenai pelajaran. Umumnya dalam Persidangan Dewan kali ini, ramai di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat membahaskan perkara mengenai dengan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ataupun dikenali sebagai PPSMI. Kerajaan Negeri memahami sebab-sebab dan alasan secara keseluruhannya sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Tangkak, Stulang, Rengit, Bukit Serampang, Sungai Abong dan lain-lain. Seperti yang kita sedia maklum, dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ataupun PPSMI telah memasuki tahun ke enam sejak ia dilaksanakan pada tahun 2003.

Pelaksanaan dasar ini bertujuan melahirkan modal insan yang mampu memikul tanggungjawab negara untuk menempuh era globalisasi yang mencabar. Pada masa ini Kerajaan Negeri dan Jabatan Pelajaran Johor sedar, terdapat beberapa masalah dan kekangan dalam perlaksanaan dasar ini. Kajian dan penilaian keberkesanan masih lagi dibuat sebagai contoh penilaian terhadap murid tahun enam berasaskan kepada dua komponen iaitu peperiksaan UPSR dan Penilaian Berasaskan Sekolah. Keputusan UPSR 2008 merupakan hanya salah satu dari *indicator* yang menunjukkan keberkesanan pelaksanaan PPSMI. Ia juga bukan penentu terhadap status pelaksanaan PPSMI.

Keputusan berkaitan pelaksanaan dasar ini akan merujuk kepada beberapa sumber maklumat lain seperti siri persidangan meja bulat yang masih lagi belum selesai serta kajian-kajian yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan juga pihak-pihak yang lain. Pandangan dan saranan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat juga akan diambil kira dalam memberi pandangan Kerajaan Negeri di Persidangan meja bulat yang kedua dan seterusnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kemelah. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu, berketerampilan serta berkeperibadian tinggi. Usaha ini dilaksanakan menerusi semua mata pelajaran dan kegiatan kokurikulum di sekolah. Penerapan nilai murni merupakan salah satu elemen dalam kurikulum kebangsaan yang dimasukkan dalam semua mata pelajaran.

Mata pelajaran sejarah merupakan satu mata pelajaran teras yang dilaksanakan ke arah membantu pembentukan jati diri pelajar-pelajar. Pada masa ini mata pelajaran sejarah adalah mata pelajaran teras di peringkat menengah. Semua pelajar wajib mengambil mata pelajaran ini serta menduduki kertas peperiksaannya di peringkat PMR dan SPM. Perkara ini dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17, 1988. Dan untuk Tingkatan Enam subjek Sejarah merupakan subjek elektif, namun begitu elemen Sejarah dan Kenegaraan banyak dimuatkan dalam subjek Pengajian Am yang wajib diambil oleh semua pelajar.

Di samping itu, pengukuhan jati diri serta pembentukan insan yang selaras dengan hasrat falsafah pendidikan kebangsaan juga dilaksanakan melalui mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan. Program kokurikulum juga dilaksanakan untuk memperkukuh penghayatan sejarah dan kenegaraan di kalangan murid. Aktiviti melalui karnival sejarah, seperti penulisan esei, teater, mencipta sajak dan pementasan menitik beratkan tema perjuangan untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara. Di peringkat sekolah rendah elemen Sejarah diterapkan dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dan pelbagai aktiviti kokurikulum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya rujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Penawar. Jabatan Pelajaran Johor pada tahun 2008 telah menerima peruntukan penyelenggaraan di bawah belanja mengurus daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dengan anggaran berjumlah RM10,752,840.00 di bawah penyelenggaraan kecil dan RM10,487,240.00 di bawah kerja-kerja pembaikan bangunan untuk menyelenggara sebanyak 1,126 buah sekolah iaitu 889 sekolah rendah, 237 sekolah menengah dan 52 asrama harian. Peruntukan ini jika diagihkan kepada semua sekolah, memang kurang mencukupi.

Oleh itu Jabatan Pelajaran Negeri akan mengutamakan kerja-kerja penyelenggaraan dari aspek keselamatan seperti bumbung, pendawaian elektrik, kerja-kerja kecemasan akibat daripada bencana alam seperti ribut dan banjir dan kerosakan disebabkan oleh anai-anai. Manakala dari aspek keselesaan seperti penyelenggaraan tandas, sistem perparitan dan tangki serta aspek keceriaan seperti landskap dan lain-lain juga diberi keutamaan.

Bagi Sekolah Kebangsaan Semenchu sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Penawar, pada tahun ini sekolah tersebut telah diberikan peruntukan bagi kerja-kerja rawatan anai-anai berjumlah RM19,980.00 dan juga kerja-kerja pembersihan najis kelawar dan pemasangan bumbung lut sinar di tempat atau bangunan yang terdapat kelawar. Kerja-kerja tersebut telah disempurnakan pada 30 Jun tahun 2008.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yong Peng, SJK (C) Yong Peng 2 sebenarnya bukan menumpang di SJK (C) Yong Peng 1, ianya konsep berkongsi bangunan. Pembinaan SJK (C) Yong Peng 2, akan dilaksanakan sepertimana jawapan lisan yang telah saya berikan tempoh hari. Begitu juga dengan isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani, Jabatan Pelajaran Negeri Johor telah mendapat peruntukan pembangunan bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan sepanjang tahun ini berjumlah RM2.375 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Bukit Permai, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedang melaksanakan pembinaan Maktab Rendah Sains Mara atau MRSM di Pasir Gudang, iaitu di kawasan pembangunan Bandar Seri Alam yang jaraknya dari Kulaijaya lebih kurang 42km atau 45 minit perjalanan. MRSM ini mempunyai kapasiti seramai 1,050 pelajar dan apabila beroperasi sepenuhnya ianya menampung pelajar dari tingkatan satu hingga lima dan dijangka beroperasi pada tahun 2011.

Sehubungan dengan itu juga, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 di Negeri Johor terdapat dua buah sekolah berasrama penuh iaitu sekolah berasrama penuh di Batu Pahat dan sekolah berasrama penuh di Sembrong, Kluang. Di daerah Kulaijaya buat masa ini tiada cadangan pembinaan sekolah berasrama penuh. Walau bagaimanapun, di daerah Kulaijaya ada dicadangkan pembinaan Sekolah Seni Malaysia iaitu di Taman Indahputra, Kulaijaya dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Raja mengenai dengan sasaran Jabatan Pelajaran Negeri Johor untuk mencapai keputusan *top five* dengan izin, ataupun tempat lima terbaik dalam UPSR 2008 seperti yang pernah saya sebutkan dalam sidang Dewan yang lepas. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa Jabatan Pelajaran Negeri Johor telah mencapai keputusan yang amat memberangsangkan dengan mendapat tempat ketiga terbaik selepas di peringkat kebangsaan selepas Wilayah Persekutuan. Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini merupakan satu rekod pencapaian paling cemerlang pernah dicapai bagi Negeri Johor. Jabatan Pelajaran Negeri Johor, akan terus berusaha mengekalkan prestasi ini di tahun-tahun akan datang.

Berhubung dengan program penerangan kemasukan ke IPTA atau Pusat Pengajian Tinggi yang lain, saya ingin memaklumkan dalam Dewan ini, bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling yang berada di setiap sekolah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengadakan program-program yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Raja. Setiap tahun guru-guru ini diberi taklimat oleh pihak IPTA mahupun Kementerian Pengajian Tinggi sendiri supaya mereka mendapat garis panduan dan maklumat terkini untuk disampaikan kepada semua pelajar di sekolah masing-masing yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STPM.

Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling ini juga akan memberi bimbingan kepada para pelajar bagi menentukan pelajar dapat memilih bidang yang bersesuaian dengan kelayakan dan minat mereka untuk memasuki IPTA. Bimbingan ini juga meliputi cara-cara mengisi borang sekiranya ada ataupun memohon secara *online*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat daripada Sedili, pihak Kerajaan Negeri pada ketika ini tidak mempunyai dasar mengenai bantuan pendahuluan bagi penuntut-penuntut di Institusi Pengajian Tinggi untuk sesi pendaftaran di IPT. Walau bagaimanapun, pihak YPJ sedang mengkaji kesesuaian pendahuluan ini diberikan kepada penuntut memandangkan terdapat beberapa Institusi juga memberikan bentuk bantuan dan pendahuluan yang sama. Antara Institusi yang memberikan bantuan pendahuluan ini adalah Perbadanan Islam Johor dan Majlis Agama Islam Johor dalam bentuk bantuan terus dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau PTPTN serta MARA dalam bentuk pinjaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kahang program mengenai dengan Program Hikmah dan Tuisyen Kampung. Program Hikmah adalah hasil percambahan fikiran dalam Konvensyen Melayu Johor yang membincangkan krisis pendidikan Melayu yang telah diadakan pada 28 Ogos 1996, yang dipimpin sendiri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Haji Abdul Ghani bin Othman selaku Menteri Besar Johor. Program ini dipecahkan kepada 2 iaitu Tuisyen Kampung dan juga Ibnu Sina. Dan, di antara syarat-syarat kelayakan Tuisyen Kampung ialah pelajar bersekolah di Negeri Johor, pelajar dari keluarga yang tidak berkemampuan, pelajar yang pencapaian pelajaran adalah sederhana, pelajar tidak mendapat skim tuisyen dari pihak-pihak lain dan pelajar tersebut mesti mendapat perakuan dari pihak sekolah dan juga pihak guru. Manakala Tuisyen Ibnu Sina adalah untuk pelajar-pelajar di dalam aliran Sains yang memenuhi syarat-syarat seperti mana yang saya sebutkan tadi.

YPJ melalui Jabatan Pelajaran Negeri Johor akan mengenal pasti pelajar-pelajar yang layak untuk mengikuti program tersebut. Dan, untuk makluman Yang Berhormat dari Kahang, Tuisyen Kampung YPJ ini telah dilaksanakan di beberapa sekolah estet dan ladang contohnya di SJKT Tajul, Kota Tinggi, SJKT Sialang, Ledang dan SJKT Ladang Voules di Segamat. Pada masa ini juga, terdapat pelbagai bentuk bantuan tuisyen seperti Skim Bantuan Tuisyen Kementerian Pelajaran, Skim Tuisyen FELDA dan Skim Tuisyen Al-Bukhary. Oleh itu, YPJ dengan kerjasama JPNJ sentiasa menyelaras sekolah-sekolah dan pelajar-pelajar untuk agihan tuisyen-tuisyen ini agar tidak berlaku pertindihan program kepada sekolah dan juga kepada pelajar yang terlibat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli dari Tanjung Puteri membangkitkan agar penuntut-penuntut IPTA dan IPTS yang menjalankan latihan industri dipantau supaya mereka benar-benar mendapat ilmu yang berkesan dan pengalaman daripada tempat praktikal mereka. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak industri dan majikan bagi mendapatkan kerjasama yang erat dalam pelaksanaan program latihan industri dan salah satu daripadanya ialah melalui Mesyuarat Majlis Perundingan Akademik dengan industri yang merupakan *platform* bagi semua *Captain of Industry*, dengan izin berbincang mengenai isu kebolehpasaran dan kolaborasi Universiti dan industri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Pasir Raja saya dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pengajian Tinggi, saya dimaklumkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi bahawa pembinaan kampus UiTM di Pasir Gudang adalah selari dengan matlamat agar Universiti mempunyai hubungan yang rapat dengan industri. Memandangkan Pasir Gudang merupakan kawasan industri maka ia juga boleh memberi peluang yang terbaik pada pelajar yang bakal memasuki UiTM di Pasir Gudang untuk melaksanakan latihan industri. Walau bagaimanapun, tapak cadangan untuk membina kampus UiTM di Tenggara akan tetap dibangunkan di masa akan datang bergantung kepada peruntukan yang ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Bentayan, pada masa ini telah terdapat 3 buah IPTA di Negeri Johor iaitu

Universiti Teknologi Malaysia atau UTM di Skudai, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau UTHM di Batu Pahat dan Universiti Teknologi Mara atau UiTM Kampus Segamat. Terdapat juga sebuah Politeknik iaitu Politeknik Johor Bahru dan 5 buah Kolej Komuniti Induk serta 3 buah Kolej Komuniti Cawangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi terutamanya IPTA adalah dibuatkan berdasarkan keperluan strategik negara. Pertimbangan dibuat berdasarkan kemampuan kerajaan, kepentingan bidang tujahan, tertentu terhadap pembangunan sosioekonomi dan keperluan sumber tenaga mahir yang diperlukan di pasaran kerja.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat untuk menubuhkan IPTA di Muar, Kementerian Pengajian Tinggi berpandangan bahawa jumlah IPTA sedia ada adalah mencukupi untuk menampung sumber tenaga mahir negara. Fokus KPT pada masa ini ialah untuk memperkasakan IPTA dan menekankan aspek kualiti dalam pembangunan pendidikan tinggi negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin merujuk kepada perkara-perkara yang melibatkan pembangunan usahawan dan juga koperasi. Menyentuh tentang geran daripada SMIDEC seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Panti. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor melalui Perbadanan Usahawan Negeri Johor Sdn. Bhd. atau PUJB, sedang melaksanakan program peningkatan keupayaan Enterprise Kecil dan Sederhana atau EKS, Bumiputera Negeri Johor yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan syarikat dalam aspek peningkatan produk dan proses kualiti, pensijilan, pembungkusan produk PBT, kemahiran dan akses kepada pasaran. Ini adalah bagi melahirkan syarikat Bumiputera Negeri Johor yang dinamik dan berdaya saing. Syarikat-syarikat Bumiputera Negeri Johor yang berada di bawah program ini akan diberi bantuan secara bersepadu iaitu bantuan teknikal dan bantuan kewangan dari SMIDEC dan agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pembangunan usahawan. SMIDEC akan menyalurkan bantuan geran-geran yang berkaitan kepada syarikat dalam melaksanakan projek-projek seperti R & D, pensijilan kualiti, peningkatan pembungkusan dan pelabelan dan promosi produk halal. Pelaksanaan program ini juga akan membantu meningkatkan jumlah kelulusan gerai-gerai SMIDEC pada syarikat-syarikat Bumiputera Negeri Johor. Dan, pada tahun 2009, sasaran program ini adalah untuk melahirkan sebanyak 40 syarikat EKS Bumiputera Negeri Johor yang dinamik dan berdaya saing. Bagi mencapai matlamat ini, semua agensi yang berkaitan akan bekerjasama dan bergandingan untuk membangunkan syarikat EKS Bumiputera Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sedili mengenai dengan perkhidmatan bas di kawasan Kota Tinggi. Perkhidmatan bas MARA Liner yang kini beroperasi di Bandar Penawar - Kota Tinggi telah pun menyediakan perkhidmatan yang menghubungkan laluan Tanjung Pengelih - Kota Tinggi, Lok Heng - Kota Tinggi serta Sungai Rengit - Kota Tinggi. Bagi laluan Tanjung Pengelih - Kota Tinggi, 5 buah bas disediakan untuk menampung keperluan penduduk persekitaran. Laluan Lok Heng - Kota Tinggi pula 2 buah bas disediakan, sementara laluan Rengit – Kota Tinggi juga 2 buah bas disediakan. Bagi tujuan membuka laluan baru sehingga ke Pekan Sedili seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari

Sedili ianya mungkin melibatkan pembelian bas baru untuk menyediakan perkhidmatan di laluan tambahan. Namun begitu, tambahan laluan sehingga ke Pekan Sedili boleh dipertimbangkan dengan menggunakan bas sedia ada yang akan melibatkan perubahan jadual perjalanan di laluan-laluan yang dinyatakan di atas sekiranya penumpang mencukupi untuk menampung kos operasi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh perkara yang melibatkan Perpustakaan Awam Negeri Johor. Sehingga kini, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor mempunyai 15 buah perpustakaan cawangan. 53 buah perpustakaan desa dan sebuah perpustakaan pusat di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Peruntukan perbelanjaan yang diterima oleh PPAJ ataupun Perbadanan Perpustakaan Awam Johor untuk 3 tahun adalah sebanyak RM2.28 juta pada tahun 2006, RM2.7 juta pada tahun 2007 dan RM3 juta pada tahun 2008. Sebanyak 30% hingga 40% daripada peruntukan tersebut digunakan untuk bayaran emolumen kakitangan manakala selebihnya adalah perbelanjaan mengurus perpustakaan-perpustakaan sedia ada. Dengan peruntukan tersebut dan tambahan dari peruntukan Kerajaan Pusat sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2007 dan 2008, PPAJ telah mewujudkan koleksi buku yang agak komprehensif dan terkini dengan jumlah koleksi mencecah 100,000 naskhah di Perpustakaan Ibu Pejabat yang baru. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut secara relatifnya masih sedikit berbanding jumlah pengunjung yang kini mencecah 22,000 orang sebulan.

Bagi perpustakaan Muar dan perpustakaan cawangan PPAJ yang lain, kita sedar akan keadaan semasa dan sedang merancang untuk menaik taraf bangunan sedia ada secara berperingkat serta mengubah konsep perpustakaan seperti mana yang telah dilaksanakan di Ibu Pejabat sekiranya mendapat peruntukan tambahan. Untuk itu, PPAJ akan mengemukakan permohonan bagi menambah peruntukan terutamanya penambahan pembelian buku dan penyeliaan bangunan seperti mana saranan oleh Yang Berhormat dari Yong Peng dan juga Maharani.

Yang Berhormat Datuk Speaker, demikian tadi penjelasan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Mana-mana perkara yang mungkin terlepas pandang diharap Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dapatlah berhubung terus dengan saya untuk sama-sama kita usahakan jalan penyelesaiannya.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Jemput, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, yang telah sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam Perbahasan Dewan Undangan Negeri Johor Darul

Takzim pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar, Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Sungai Abong mengenai perkhidmatan pos kepada penduduk setempat. Bagi penduduk yang tinggal di kawasan Sungai Abong mereka boleh mendapatkan perkhidmatan pos di Pejabat Pos yang berdekatan seperti Pejabat Pos Kampung Kenangan Tun Dr Ismail dengan jarak kurang 3 kilometer sementara Pejabat Pos Muar jaraknya kurang 5 kilometer dari Sungai Abong. Selain itu, terdapat juga Pejabat Pos yang berhampiran dengan kawasan Sungai Abong iaitu Pejabat Pos Bakri dan Pejabat Pos Bukit Pasir. Pejabat-Pejabat Pos berkenaan adalah mencukupi bagi menyediakan perkhidmatan pos seperti perkhidmatan mel dan *courier*, pembayaran bil-bil agensi insurans, bayaran zakat, urusan JPJ dan urus niaga Amanah Saham.

Jumlah kakitangan di pejabat-pejabat berkenaan adalah mencukupi bagi memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat. Sekiranya perlu penambahan kakitangan, kajian terperinci akan dilakukan mengikut keperluan semasa pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu Pos Malaysia tidak bercadang untuk menubuhkan pejabat pos baru di kawasan tersebut buat masa ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Bukti Permai, Pejabat Pos Kulai, kerja-kerja menaik taraf dengan kos berjumlah RM300,000.00 sedang dijalankan. Pada ketika ini Pejabat Pos Berhad tiada perancangan untuk memindahkan Pejabat Pos itu ke tempat lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Mengkibol mengenai ketiadaan pejabat pos di kawasan Sri Lalang pada 29 Julai 2006, pengusaha pejabat pos mini telah menghentikan perkhidmatan pos mini untuk mengubahsuai premis berkenaan. Namun begitu, Pejabat Pos Mini Sri Lalang ini akan beroperasi semula pada awal tahun 2009 dan akan dilengkapi dengan sistem berkomputer. Buat masa ini penduduk setempat boleh mendapatkan perkhidmatan pos di Pejabat Pos Besar Kluang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parit Yaani, Bukit Batu dan Kukup berkenaan dengan masalah serangan monyet. Di kawasan Parit Yaani, maklumat dari Jabatan Perhilitan Negeri Johor sebanyak 6 aduan pada tahun 2007 dan terdapat 6 aduan diterima dari Januari hingga Oktober 2008. Berdasarkan rekod jabatan juga menganggarkan jumlah populasi monyet yang mendatangkan gangguan di sekitar Parit Yaani adalah kira-kira 300 hingga 400 ekor. Hasil pemantauan didapati monyet-monyet yang bermasalah ini, menjadikan kawasan-kawasan belukar dan semak di dalam dan berhampiran kebun kelapa sawit dan getah sebagai habitat utama. Kebolehan hidupan liar

ini hidup dalam berbagai persekitaran dengan mudah dan kadar pembiakannya yang cepat merupakan fakta lain gangguan monyet ini semakin meningkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun ini pihak jabatan telah berjaya mengurangkan populasi monyet sebanyak 106 ekor iaitu pada 21 Julai 2008 di Parit Haji Dahlan 7 ekor dan 27 Julai, Kampung Baru, 80 ekor, 31 haribulan Parit Haji Dahlan juga 7 ekor dan 23 Oktober di Parit Jambi 12 ekor. Tindakan pembasmian terpaksa diambil atas sebab-sebab berikut:

1. Kera tersebut terlalu ganas dan telah menyebabkan kecederaan atau sudah mula menyerang manusia.

2. Tiada cara lain yang difikirkan sesuai.

3. Kera tunggal dan difikirkan tidak efektif jika menggunakan perangkap.

4. Apabila proses pengurangan populasi terpaksa dijalankan disebabkan oleh populasi kera yang ada sudah melimpahi kepunyaan tampungan sesuatu kawasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, langkah-langkah juga keselamatan perlu diambil semasa kita jalankan tindakan tersebut:

1. Kena pastikan arah sasaran selamat dan tidak di belakangi oleh premis kenderaan atau tempat tumpuan awam.

2. Pastikan senario yang sesuai untuk kera dibasmikan. Contoh, kera yang ganas agar tidak menimbulkan isu orang ramai.

3. Pastikan kera yang perlu dibasmikan itu bukan kera yang bunting, sedang menyusu anak, *juvenile* ataupun anak kera. Itulah tindakan pejabat ambil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi kawasan Bukit Batu pula mengenai masalah penempatan semula monyet yang ditangkap, di antara kriteria utama bagi memilih untuk penempatan semula ialah keluasan kawasan hutan, sumber makanan, kewujudan penempatan manusia di sekitarnya dan anggaran populasi monyet dalam kawasan pemindahan. Di dalam Pelan Tindakan Pengurusan Monyet Johor, pihak jabatan telah menentukan beberapa kawasan untuk penempatan semula dan anggaran jumlah monyet yang boleh dipindahkan di kawasan tersebut. Misalnya di kawasan Batu Pahat dan Yong Peng sejak tahun 2005, sebahagian monyet yang bermasalah di kawasan ini telah dipindah ke Hutan Simpan Labis di Segamat, Hutan Simpan Bukit Bandung di Muar dan Hutan Simpan Lenggor di Mersing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kukup pada 3 Disember 2008, berkenaan dengan tindakan untuk menyelesaikan masalah monyet ini telah dijawab. Telah saya jawab secara bertulis pada Soalan B 245.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan cadangan pengeksportan monyet. Mengikut Perintah Perlindungan Hidupan Liar (Lesen Import atau Eksport 2008) bagi maksud larangan pengeksportan spesies beruk dan kera telah berkuat kuasa pada 16 Jun 2008. Itu bermakna tidak boleh dieksportkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi mengatasi gangguan monyet ini, Jabatan Perhilitan Negeri Johor sehingga kini mempunyai 18 buah perangkap. Setiap perangkap boleh menangkap lebih kurang 40 hingga 50 ekor monyet pada setiap operasi. Perangkap-perangkap ini akan dipasang di kawasan yang menjadi keutamaan masalah gangguan monyet. Di samping itu, pada awal tahun 2008, pihak Perhilitan telah memulakan satu program percubaan berkenaan kaedah pemandulan terhadap populasi monyet yang mengandung. Ini adalah tindakan penyelesaian jangka masa panjang. Kajian ini sedang dijalankan di *Botanical Garden* dengan izin, di Negeri Pulau Pinang. Kajian ini masih di peringkat awal dan memerlukan masa untuk menilai keberkesanan dan kesesuaian kaedah dalam pengurusan monyet bermasalah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Maharani di daerah Muar, maklumat dari Jabatan Perhilitan Negeri Johor tentang masalah gangguan babi hutan ini adalah sebanyak 10 aduan pada tahun 2007. Dan terdapat 20 aduan diterima sepanjang Januari hingga Ogos 2008. Setiap aduan yang diterima telah pun diambil tindakan. Oleh itu untuk menangani masalah gangguan babi hutan, kaedah yang sesuai adalah melalui operasi perangkap atau menembak mati. Tindakan kawalan serta merta biasanya kurang berkesan kerana hidupan liar ini sensitif kepada kehadiran manusia. Dengan ini, Jabatan Perhilitan telah bekerjasama dengan pemburu-pemburu berlesen untuk menangani masalah gangguan serangan babi hutan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan Maharani sebanyak 121 ekor babi hutan telah ditembak oleh pemburu-pemburu dengan kawalan kakitangan jabatan dari Januari hingga Ogos 2008. Januari, kawasan Jalan Abdul Rahman sebanyak 14 ekor; Februari, Jalan Temenggung Ahmad dan Jalan Khalidi, 12 ekor di Jalan Temenggung Ahmad dan 6 ekor di Jalan Khalidi. Mac, di Jalan Temenggung Ahmad, 4 ekor lagi; April, Parit Keroma Laut, 12 ekor dan Jun, di Parit Sakai, 7 ekor; Jalan Khalidi, 12 ekor. Julai, Parit Sakai, 21 ekor; Ogos, Jalan Sultan Ibrahim, 7 ekor dan Parit Raja Laut, 2 ekor dan Oktober, Jalan Timbalan, 5 ekor; di Parit Sakai, 15 ekor dan Jalan Temenggung Ahmad, 4 ekor. Jumlahnya 121 ekor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Nusajaya mengenai pemantauan pencemaran anak-anak Sungai Pulai, kualiti air bagi lembangan Sungai Pulai adalah tergolong dalam kategori sederhana tercemar. Sungguh pun begitu kualiti air telah meningkat sedikit dari kelas 3 dalam tahun 2005 kepada kelas 2 dalam tahun 2007. Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau kualiti air Sungai Pulai bagi menentukan kualiti airnya terkawal. Bagi projek pembangunan Pengkalan Polis Marin pula, penggerak projek telah mengambil segala langkah dari mencemari Sungai Pulai. Antaranya dengan memasang *silt curtain* dengan izin

yang berfungsi untuk mengurangkan kesan pergerakan *sediment* ke Sungai Pulai. Pemantauan berkala Jabatan Alam Sekitar mendapati arahan yang dikeluarkan dipatuhi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di samping itu terdapat satu projek pembangunan tanah yang lain bersebelahan dengan tapak Pangkalan Polis Marin iaitu Syarikat Pelangi Pura Corporation Sdn. Bhd. yang tidak tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di tapak itu aktiviti mengangkut tanah dijalankan sehingga menyebabkan tanah bertaburan di jalan raya. Pihak penggerak projek itu telah diminta untuk menyediakan tempat mencuci tayar lori pengangkut tanah dan menutup muatan tanah semasa mengangkut tanah tersebut. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah diminta untuk memantau dan juga menghalang isu itu berulang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Ahli Dewan, Yang Berhormat kawasan Mengkibol telah membangkitkan berkaitan struktur pemancar telekomunikasi. Semua pemancar telekomunikasi sama ada menara atau struktur mesti mematuhi Garis Panduan Pembinaan-pembinaan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menentukan bahawa menara atau struktur tersebut adalah selamat digunakan. Pihak Berkuasa Tempatan akan memastikan kesesuaian lokasi pembinaan menara, menara-menara atau struktur pemancar telekomunikasi itu mematuhi garis panduan. Sekiranya pembinaan itu tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Tempatan, PBT berkuasa untuk membuka atau menurunkan pemancar berkenaan. Bagi memastikan liputan telekomunikasi telefon bimbit, pembinaan pemancar telekomunikasi adalah diperlukan di bandar atau desa termasuk juga Bandar Kluang. Berkaitan isu radiasi yang dibangkitkan, kadar bacaan radiasi di beberapa lokasi yang dikaji adalah jauh lebih rendah dari kadar yang dibenarkan terhadap manusia oleh SKMM.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari Bentayan pada sidang Dewan, 25 November membangkitkan isu bil Indah Water Konsortium yang dimasukkan ke dalam bil air sebagaimana Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang diluluskan oleh Parlimen. Akta ini melalui Seksyen 185 telah memansuhkan Sewerage Services Act 1993, dengan izin dan perkara berkaitan dengan pembetungan akan dikuatkuasakan melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Oleh itu, akta itu adalah berkuat kuasa sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri masih belum, masih belum mempertimbangkan bil air dan IWK dimasukkan ke dalam bil air. Buat masa ini, bekalan air Negeri Johor masih dikendalikan oleh SAJH. Namun belum diambil alih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Perbadanan Aset Air Berhad. Hanya setelah bekalan air diambil air, alih oleh S.P.A.N, SPAN dan PAB, terpulanglah kepada SPAN bagi mempertimbangkan sama ada akan menyatukan kedua-dua bil tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari Bukit Batu membangkitkan masalah tekanan air rendah di Kampung Rahmat, Batu 27, Kulai, di mana paip lama di situ kerap pecah atau bocor. Kampung Rahmat Kulai, mendapat

bekalan air dari tangki Bukit Kulai. Kebanyakan rumah di kampung tersebut masih lagi menggunakan paip hubungan *galvanized iron,* dengan izin yang berusia lebih 20 tahun yang menyebabkan saluran semakin kecil akibat berkarat dan paip bocor. Walau bagaimanapun, siasatan menunjukkan tekanan air yang dipenuhi oleh penduduk kampung tersebut adalah mencukupi iaitu 1.8 hingga 2.0 bar. Maknanya dalam 18 meter hingga 20 meter tekanan dan dianya menepati piawaian SAJH. Sebagai langkah jangka panjang, SAJH mencadang kerja-kerja menggantikan, penggantian paip 100mm AC sedia ada kepada paip 150mm UPVC sepanjang 2 kilometer yang dianggarkan berjumlah RM240,000. Perlaksanaannya akan dijangka bermula pada tahun 2009.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari Yong Peng bertanyakan status projek pemindahan air mentah, Empangan Bekok terus ke Loji Air Yong Peng dan juga Parit Yaani, Parit Raja dan Sri Gading. Jawapan saya telah diberikan dalam jawapan, soalan bertulis nombor B118, Yang Berhormat tentang, tentang status projek berkenaan dan kerja-kerja memang telah siap dengan 100%. Dan juga anggaran perbelanjaan kurang daripada anggaran RM150,000. Kalau saya tidak silap, hanya membelanjakan RM132 juta atau RM138 juta sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari Stulang telah membangkitkan isu caj tarif bekalan air yang dikenakan ke atas Taman Rumah Rakyat Sri Stulang dan Taman Rumah Rakyat Iskandar. Penduduk di kedua-dua rumah rakyat itu setakat ini membayar bil air mereka kepada Management Corporation Flat terbabit, dengan izin. Dan bukan secara terus kepada SAJH. SAJ, SAJ Holding Sdn. Bhd tiada ada halangan untuk membaca meter *individual* di flat tersebut atau menerima bayaran tersebut untuk mendapat caj tarif domestik sekiranya pihak pengurusan flat mengemukakan permohonan dan setuju mematuhi syarat-syarat teknikal yang dikenakan sebelum kedua-dua flat, rumah flat, rumah rakyat itu diserahkan kepada SAJH. Dan seterus itu SAJH akan caj dan menerima bil secara langsung daripada setiap individu penduduk di rumah rakyat tersebut. Ini caranya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari Pasir Raja telah menegur kualiti kerja-kerja kontraktor SAJ yang dikatakan kurang elok dalam soal, soal menampal jalan selepas kerja-kerja paip dilakukan. Terima kasih saya ucapkan dan SAJH telah mengarahkan kontraktor terbabit memperbetulkan semula jalan-jalan tersebut dan berusaha mempertingkatkan pengurusan kontraktornya di masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Sedili, Projek Rancangan Tebatan Banjir Kampung Gembut di Sungai Sekundang dan Sungai Teluk Jeri di laksanakan di bawah Rancangan Tebatan Banjir. Projek ini bermula pada 26 April 2001 dan selesai pada Oktober 2001. Memang ada masalah teknikal tetapi JABS kini dalam proses mewartakan semula dan proses pembayaran bagi pengambilan alih tanah ini dijangka akan selesai sepenuhnya dalam tempoh enam bulan dari sini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Maharani telah membangkitkan permasalahan parit-parit yang kerap mendap. Penggalian

Parit Sakai Laut dari Jalan Joned sehingga Kuala, iaitu Kuala Selat Melaka menggunakan jengkaut berkapasiti besar, KOBE dengan izinnya kerana parit di kawasan tersebut lebar dan jengkaut jenis ini adalah mesin yang paling sesuai. Jalan yang sedia ada terletak di sepanjang parit dan jengkaut yang digunakan terpaksa melalui sebahagian jalan kerana tiada kawasan lain yang boleh digunakan untuk kerja-kerja penggalian.

Kejadian, Yang Berhormat Datuk Speaker, kejadian tanah mendap memang berlaku setelah kerja-kerja penggalian dilaksanakan disebabkan paras air bumi di dalam parit telah turun dan berlakunya mendapan. Pihak jabatan sentiasa memantau keadaan ini serta membaiki tebing parit dan mendapan. Lokasi kejadian tanah mendap di antara Jalan Joned ke Parit Sakai Laut dikenal pasti dan diperbaiki dengan kaedah cerucuk bakau dan diratakan dengan *crusher run,* dengan izin, dengan kos sebanyak RM25,000.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Tangkak mengenai perlaksanaan projek di bawah Rancangan Tebatan Banjir Bandar Tangkak yang libati kos RM24 juta. Projek secara kontrak membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Tangkak bermula pada 17 November 2008 serta mengambil masa selama 72 bulan, eh minggu. Kerja-kerja yang akan dijalankan adalah seperti berikut :

1. Menggali dan melebarkan Sungai Tangkak atau Parit Bukit Banjar sepanjang 10,000 meter.
2. Menggali dan melebarkan parit Kebun Sayur sepanjang 6,000 meter.
3. Menggali dan melebarkan Sungai Payamas Hulu sepanjang 1,000 meter.
4. Pembinaan parit konkrit sepanjang 3,000 meter di Bandar Tangkak.
5. Pembinaan tembok penahan dan pintu air di Anjung Batu.
6. Pembinaan tembok penahan di Kuala Sungai Payamas.
7. Membina *MediumTtraffic Bridge,* MTB dengan izin di lokasi, 13 lokasi.
8. Membina jalan ladang sepanjang 4,000 meter.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Mengkibol telah membangkitkan isu mengenai masalah banjir di Kluang. Bagi mengatasi masalah banjir di Jalan Sawi, pihak JPS telah menjalankan kerja-kerja melebarkan dan meluruskan sungai pada tahun 2008 dan juga 2007 untuk meningkatkan kadar alir sungai seterusnya mengurangkan kemungkinan air sungai melimpahi tebing. Kerja yang dilaksanakan :

1. Sungai Mengkibol (di sepanjang-panjang sungai). Menggali semula, mendalamkan dan pembaikan semula runtuhan tebing-tebing dengan perbelanjaan RM1.5 juta.

2. Sungai Kluang. Membaik pulih runtuhan tebing dan menggali semula pada tahun 2007, RM93,000.

3. Sungai Mengkibol, (di sepanjang sungai). Melebarkan dan membuat benteng RM400,000, Jumlah RM1.993 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perumahan Jalan Sawi sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Mengkibol, merupakan kawasan yang sememangnya sering dilanda banjir apabila berlaku keadaan hujan lebat. Keadaan ini berpunca dari beberapa faktor. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Keadaan aras tanah sedia ada yang rendah berbanding kawasan sekitar menyebabkan aliran air bertumpu ke kawasan itu, dan perumahan ini merupakan perumahan yang dibina pada tahun 80-an dan pada ketika ini aras tanah terbabit adalah sesuai dengan keadaan semasa.

2. Keadaan parit yang tidak tersusun dan sebahagian daripadanya memerlukan di naik taraf mengikut keperluan semasa. Dan keadaan parit yang sedia ada melambatkan aliran air hingga menyumbang kepada masalah banjir terutama banjir kilat. Kerja-kerja membaiki sistem perparitan dan menaik taraf parit-parit ini sebahagiannya akan melibatkan proses pengambilan balik tanah yang memang ambil masa susah sikit.

3. Keadaan kawasan perumahan yang terlalu hampir dengan rizab sungai menyebabkan kawasan itu mudah tenggelam apabila air sungai melimpah. Ini adalah antara masalah yang dihadapi.

Di Kampung Tengah pula pihak JPS pada jangka masa pendek mengambil inisiatif membuat kerja-kerja pelebaran Sungai Sembrong Kecil yang merupakan punca aliran keluar dan pembersihan parit Kampung Tengah bagi meningkatkan kadar alir air di kawasan berkenaan. Bagi tujuan jangka masa panjang, pihak jabatan telah memohon melalui rancangan RMK-10 untuk kerja-kerja menaik taraf parit Kampung Tengah. Di antara kerja yang dilaksanakan, dijalankan adalah seperti berikut:

1. Kerja dilaksanakan di Sungai Sembrong Kecil di sepanjang sungai pada tahun 2007, adalah RM141,000.

2. Parit Kampung Tengah, pembersihan parit pada tahun 2008 adalah RM20,000.

3. Parit Kampung Tengah, untuk RMK-10 menaik taraf parit dan pengambilan semula tanah, JPS anggarkan kita kena belanjakan RM10 juta. Dan masalah banjir di Kampung Tengah, adalah merupakan antara penempatan awal orang Melayu di Kluang.

Jadi kejadian banjir yang berlaku di kawasan itu berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Pembangunan pesat kawasan Batu Empat, Jalan Mersing dan sebahagian kawasan Batu Tiga, Jalan Mersing menyebabkan aliran air meningkat di kawasan Kampung Tengah, disebabkan aliran air di kawasan-kawasan berkenaan mengalir melalui parit utama iaitu Parit Kampung Tengah sebelum mengalir ke Sungai Sembrong Besar.

2. Kapasiti Parit Kampung Tengah tidak dapat menampung aliran air semasa. Parit Kampung Tengah di naik taraf pada tahun 80-an bagi menampung keperluan semasa itu dan jangka masa 10 tahun ke hadapan memandangkan keadaan pembangunan yang pesat dan tempoh masa yang telah berlalu, maka keadaan parit berkenaan tidak dapat menampung aliran air pada masa kini.

3. Kawasan perumahan yang ada pada aras rendah dan berhampiran sungai bagi kawasan Kampung Tengah Dalam menyebabkan mudah ditenggelami banjir apabila Sungai Sembrong Besar penuh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parit Yaani mengenai sistem perparitan dalam sistem saliran bandar termasuk Bandar Batu Pahat, Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS hanya bertanggungjawab kepada penyelenggaraan sungai dan parit utama masuk ke sungai sahaja, lain-lain sistem saliran dan kawasan dalam kawasan perumahan dan perdagangan adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan. JPS juga telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan beberapa parit di dalam kawasan bandar Batu Pahat mengikut keutamaan dengan peruntukan yang sedia ada. Selain itu, JPS juga telah memohon peruntukan tambahan kepada Kerajaan Negeri mengikut pertambahan keluasan kawasan yang termasuk dalam projek Johor Barat serta kawasan-kawasan di bawah tanggungjawab JPS. Peruntukan-peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta telah diluluskan oleh Kerajaan dalam tahun 2008 bagi menampung keperluan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pintu-pintu air pula, ianya telah dimasukkan dalam kajian lembangan Sungai Batu Pahat oleh Tetuan Tajol Ho dan Ng Consultant dengan menelan belanja sebanyak RM9 juta. Kajian tersebut sedang dalam peringkat penyediaan oleh Jurutera Perunding itu. Bagi pintu air Sungai Bagan pula akan di naik taraf pada awal tahun 2009 dan dianggarkan kos ini sebanyak RM2 juta. Di kawasan Solok Wan Moh, pihak JPS menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan parit utama untuk jarak sepanjang 2.8 kilometer dengan lebar antara 3.5 meter hingga 5 meter, kerja-kerja penyelenggaraan yang terlibat adalah berikut:

1. Pembersihan oleh JKKK empat kali setahun. Pembersihan dengan jangka pada 2007 dan juga kerja menaik taraf kepada parit konkrit tahun 2007 sepanjang 100 meter berjumlah RM167,600.00.

Untuk keadaan banjir sering berlaku di kampung tersebut adalah disebabkan rangkaian sistem saliran sedia ada di kawasan kediaman tidak berfungsi dengan baik kerana ianya telah banyak dihalangi oleh pemasangan *culvert* dan juga lintasan konkrit yang tidak seragam dari segi saiz, muka, keratan menyebabkan aliran air terganggu. Rangkaian perparitan di dalam kawasan kediaman perkampungan Solok Wan Moh seterusnya bukit memang belum berada dalam penyelenggaraan JPS Daerah Batu Pahat, kerana ianya bukan merupakan sistem saliran utama di mana pada umumnya pada di bawah penyelenggaraan Pejabat Daerah ataupun Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Pihak JPS hanya menyelenggara parit utama yang berkaitan itu, iaitu Parit Solok Wan Moh dan huraian ringkas kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilakukan ke atas Parit Solok Wan Moh adalah seperti yang saya sebut tadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi rancangan jangka panjang, Parit Solok Wan Moh tersenarai untuk di naik taraf di dalam Pelan Perancangan Pembangunan Saliran Bandar Batu Pahat untuk Parit Besar sepanjang 700 meter telah di naik taraf, iaitu Fasa Satu sepanjang 300 meter dengan kos RM850,000.00, dan Fasa Dua sepanjang 400 meter dengan kos RM1.5 juta pada tahun 2008. Baki parit yang belum di naik taraf adalah sepanjang 3.4 kilometer, anggaran bagi melaksanakan bagi kerja itu adalah RM12 juta. Jadi Jabatan telah memohon peruntukan bagi sambungan kerja itu di bawah RMK-10.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Semerah telah membangkitkan isu mengenai kerja-kerja penyelenggaraan parit sungai:

1. JPS telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tahunan seperti membersih empat kali setahun parit, yang dilaksanakan oleh setiap JKKK dan menggunakan jengkaut membuang kelodak dan juga dengan kekerapan 5 tahun sekali bagi kawasan tanah liat dan 3 tahun sekali bagi kawasan tanah gambut serta kerja-kerja menggali sungai pula dijalankan sekali dalam masa 5 tahun. Kesan daripada banjir yang berlaku pada 2006 dan juga 2007, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM310 juta untuk di bawah Kajian Separuh Penggal bagi seluruh Negeri Johor. Oleh kerana kita dapat peruntukan itu lewat, kita hanya dapat menjalankan program di Daerah Batu Pahat, mendalamkan muara sungai Batu Pahat, sekarang peringkat Jawatankuasa Perolehan sahaja. Membuang kelodak dan juga mendalamkan Sungai Simpang Kiri juga dalam Jawatankuasa Perolehan sahaja dan membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Simpang Kanan juga Jawatankuasa Perolehan sahaja, membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Bekok juga sama status. Yang kita dapat buat 80% adalah di Daerah Johor Bahru, kawasan WPI, membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Masai. Itu yang cepat sekali.

2. Di Segamat, membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Lenek, 50%, dan membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Juasih, 50%, diikuti dengan, di Pontian, membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Pinggan dan Sungai Tampok, 40%. Yang lain adalah peringkat lagi bawah 40%. Itulah sebabnya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ada sikit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ha… cepat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Sikit lagi. RM100 juta daripada jumlah

tersebut adalah bagi Daerah Batu Pahat. Jadi, projek ini melibatkan kerja-kerja membuang keluar dan mendalamkan sungai-sungai utama di seluruh Johor di mana boleh mencegah banjir bagi jangka masa terdekat. Itu bukan masa, bukan untuk, bukan untuk masa, jangka masa panjang. Sebagai langkah jangka panjang, kerajaan sedang membuat Kajian Tebatan Banjir bagi 6 lembangan sungai utama di seluruh Negeri Johor iaitu Lembangan Sungai Johor Daerah Kluang, kita buat kajian. Lembangan Sungai Batu Pahat, Lembangan Sungai Mersing, Lembangan Sungai Muar, Segamat dan Wilayah Persekutuan Iskandar. Untuk melantik perunding untuk membuat kajian di keenam-enam kawasan ini akan membelanjakan RM45 juta. Dan JPS anggarkan peruntukan untuk membuat kerja-kerja yang akan dikajikan, akan lebih kurang kalau tak silap satu perpuluhan, RM1.8 bilion diperlukan sekurang-kurangnya untuk menjalankan kerja-kerja selepas kajian dibuat. Jadi, kita tunggulah apa yang akan diberikan, apa yang kita patut buat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari kawasan Penggaram mengenai isu pengaliran kuala sungai dan tebing Sungai Batu Pahat. Sebahagian kecil benteng di kawasan Parit Botak, Kuala Sungai Senggarang, Tanjung Laboh dan Koris telah melepasi air semasa kejadian air pasang besar pada 13, 14, dan juga 15 November 2008. JPS telah mengambil tindakan untuk meninggikan benteng di kawasan tersebut dan akan di siap dengan kadar segera. Manakala pintu air Sungai Bagan akan di naik taraf pada awal tahun 2009 yang saya telah sebutkan tadi. Di samping itu, JPS juga sedang menjalankan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan, Lembangan Sungai Batu Pahat, di mana kajian untuk mengatasi banjir akibat air pasang juga akan diambil kira juga dalam perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitulah sedikit sebanyak ulasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekira adanya mana-mana perkara yang tidak dapat saya jelaskan di sini, penjelasan secara bertulis boleh diberikan kemudian. Sekian.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Rabu, 10 Disember 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETIGA BELAS	**RABU, 10 DISEMBER 2008**	**BIL. 4 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Persidangan bermula pada jam 9:40 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA

(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ha, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu usul rundingan di bawah Peraturan Tetap Bil (30), Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Skudai pada hari Selasa, 9 Disember 2008 mengenai Hak Asasi Manusia, Ditegakkan serta Undang-undang Yang Menjejaskan Hak-hak Asasi Manusia dimansuhkan.

Bagi memuliakan perkara yang dipertimbangkan oleh Dewan ini pada ini, saya sebagai Speaker hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mematuhi 3 syarat :

1. Bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu dan saya dapati perkara itu adalah perkara yang tertentu.

2. Bagi kepentingan orang ramai. Dan saya dapati juga bahawa perkara itu adalah bagi kepentingan orang ramai.

3. Ia berkehendakkan disegerakan dan sebahagian mengenai perkara itu tidak perlu disegerakan.

Oleh itu, ia juga menyentuh bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Tetap Bil 30 (2) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Ok, teruskan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2009) TAHUN 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2009) tahun 2008 diteruskan sekarang. Yang… jemput Ahli Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, salam muhibah. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam Persidangan Dewan Negeri Johor ini, di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara serta permasalahan dalam perbahasan di Persidangan yang berkaitan dengan portfolio saya. Lebih-lebih lagi dengan perkembangan mutakhir ini di mana krisis makanan dan harga komoditi yang rendah telah meresahkan semua lapisan masyarakat dan tidak

terkecuali Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin akan untung nasib anak-anak buah di kawasan.

Menyentuh pandangan Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat ADUN Kempas, dan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Abong dan juga Yang Berhormat dari Pulai Sebatang agar sektor pertanian di Negeri Johor terus diperkasakan khususnya dalam pengeluaran makanan untuk meningkatkan lagi tahap pengeluaran dan kualiti pengeluaran yang mana akhirnya dapat meninggikan lagi pendapatan petani, penternak dan nelayan di Negeri Johor. Pada dasarnya saya bersetuju dengan saranan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana maklum, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah proaktif semenjak beberapa tahun ini ke arah meningkatkan lagi pengeluaran bahan makanan di negeri ini. Kerajaan telah menggalakkan mempelbagaikan aktiviti ataupun diversifikasi pertanian dengan pendekatan ladang integrasi atau kebun integrasi dengan kaedah baru menggunakan teknologi EM ataupun *Effective Micro*. Pendekatan ini adalah tindakan diversifikasi pertanian dengan mengubah cara lama dengan cara yang baru. Cara yang baru tak cukup dengan satu. Tetapi 2 atau 3 aktiviti pertanian dalam satu kebun. Seperti kalau kebun kelapa sawit, perlu ada aktiviti lain seperti ternakan kambing atau lembu dan juga *eco culture* iaitu ternakan ikan khasnya dalam kolam kanvas. Di samping itu sekiranya baru ditanam semula, bolehlah ditanam tanaman kontan iaitu tanaman selingan seperti ubi, keledek, pisang, jagung, sayuran dan macam-macam lagi. Walhal satu kebun boleh menghasilkan pelbagai jenis penghasilan. Inilah kelebihan kebun integrasi. Tapi tak ramai petani yang mengamalkan kaedah ini. Suasana baru, benda baru memang agak lambat nak menyesuaikan dan nak memahamkan, Yang Berhormat Dato' Speaker. Lebih-lebih lagi teknologi EM.

Teknologi EM ataupun teknologi mikro ini adalah sektor, satu teknologi yang mesra alam yang mudah diguna dan juga mudah dibangunkan. Dengan aplikasi teknologi mikro ini, pendekatan *zero waste* ataupun buangan sifar dapat dilakukan yang mewujudkan suasana mesra alam. Kerajaan akan membuat beberapa contoh kebun integrasi ini dalam waktu yang terdekat agar memudahkan petani melihat sendiri pelaksanaannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin sekiranya semua petani dan peladang dapat melaksanakan kebun integrasi ini dengan mempelbagaikan tanaman dan ternakan dalam satu kebun ataupun satu kawasan secara *zero waste* atau pembuangan sifar, kita akan dapat meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat petani. Para petani akan mempunyai ketahanan dan tidak goyang atau tergugat walaupun sekiranya berlaku krisis kewangan ataupun krisis ekonomi. Gabungan kebun integrasi dengan teknologi EM, amat bertepatan kerana ianya berkesan memaksimumkan penggunaan sumber buangan sehingga semuanya habis diguna pakai bagi mengurangkan kos-kos penyelenggaraan kebun seperti baja dan makanan. Peningkatan pendapatan petani akan dapat dicapai dengan menggalakkan petani-petani menjalankan aktiviti pertanian mereka dengan mengamalkan kaedah amalan pertanian baik dan mempelbagaikan lagi usaha-usaha mereka termasuk menjalankan aktiviti nilai tambah seperti pemprosesan makanan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pertanian melalui sistem pengembangan tekno pertanian akan terus menjalankan aktiviti pengembangan pertanian agar petani-petani dapat dibimbing dan untuk meningkatkan lagi tahap pengamalan teknologi dan pengurusan ladang yang baik. Ini agar supaya mereka dapat meningkatkan pengeluaran seterusnya pendapatan mereka melalui penggunaan bahan tanaman yang bermutu, pengamalan amalan baik pertanian dan seterusnya memasarkan hasil mereka dengan berkesan. Jabatan Pertanian akan terus menggiatkan lagi usaha-usaha membimbing petani dan penternak dengan memfokuskan kursus-kursus intensif sepanjang tahun agar mampu mengamalkan amalan baik pertanian serta aplikasi teknologi pertanian untuk meningkatkan lagi pengeluaran mereka. Untuk program bimbingan dan kursus-kursus ini, kerajaan memperuntukkan keseluruhan sebanyak RM2 juta bagi memastikan sebahagian besar petani dan penternak mendapat ilmu dan teknologi terkini secukupnya. Pada tahun 2009 ini, jabatan dan agensi-agensi kerajaan berkaitan pertanian akan mempromosikan kursus-kursus dan latihan-latihan sepanjang tahun 2009. Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dimaklumkan untuk hebahan di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Permas dan juga Ahli Yang Berhormat dari kawasan Nusajaya berkaitan kawasan tanah dan juga Program Bumi Hijau, sukacita saya memaklumkan bahawa bawah dasar jaminan bekalan makanan ini, memang menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan pelaksanaan program bumi hijau kali ini akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh meliputi semua daerah dan semua kawasan DUN dan supaya dapat melibatkan lebih ramai golongan rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar dan insya-Allah, kerajaan akan melaksanakan program ini dan juga kerajaan berharap semua pihak, jabatan dan juga agensi kerajaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat dapat berganding bahu untuk menjayakan program ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, sehingga kini, kemajuan pelaksanaan Program Bumi Hijau di Negeri Johor adalah sangat menggalakkan, di mana semua 10 daerah di Negeri Johor ini telah dapat melaksanakannya dan seramai 14,500 orang telah mengambil bahagian bagi projek individu yang menanam sayur-sayuran seperti terung, bendi, tomato, lada dan lain-lain lagi. Jabatan Pertanian telah bermula mengedarkan benih-benih sayuran tersebut. Di samping itu, seramai 11,550 orang juga dijangkakan akan mengambil bahagian di bawah projek komoditi yang melibatkan sebanyak 350 projek ini, dan menjadikan jumlah peserta seramai 26,050 orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pulai Sebatang juga membangkitkan berkenaan dengan kawasan untuk menanam sayuran dan barang makanan. Kerajaan sentiasa memberi perhatian berkenaan masalah ini, di mana sebagai contohnya telah mewujudkan kawasan bumi hijau dan ZPM ataupun Zon Pengeluaran Makanan seluas lebih kurang 15,000 ekar dan juga kawasan pertanian moden seluas 9,000 ekar. Selain itu juga terdapat tapak kekal pengeluaran makanan seluas 540 ekar di 6 kawasan TKPM dan yang terbaru iaitu di bawah Johor Bio Tech di Bayu Desaru

seluas 9,000 ekar. Hasil dari keluasan yang besar ini telah membolehkan Negeri Johor menjadi pengeluar terbesar sayuran dalam negara dengan 2,003,000 metrik tan daripada keseluruhan pengeluaran negara iaitu 597 metrik tan. Seterusnya pengeluaran negeri adalah mewakili 34% pengeluaran negara. Begitu juga dengan pengeluaran buah-buahan, kita menghasilkan 574,700 metrik tan berbanding dengan keseluruhan pengeluaran negara, sebanyak 1,530,400 metrik tan dan seterusnya Johor mewakili 77% pengeluaran buah-buahan negara.

Walaupun Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan keperluan semasa dan akan mengenal pasti beberapa kawasan baru untuk program tanaman pengeluaran makanan sepertimana yang telah dilakukan selama ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga boleh mencadangkan kawasan-kawasan tanah yang dikenal pasti, yang sesuai dibangunkan untuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan bolehlah membuat cadangan secara rasmi kepada pihak kerajaan. Di samping itu, tanaman sayuran-sayuran dan barangan makanan juga boleh diusahakan di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan getah yang banyak pada setiap tahun. Kerajaan menggalakkan tanaman secara diversifikasi sebagai contoh, dengan mengamalkan kaedah penanaman secara integrasi iaitu secara tanaman selingan seperti tanaman kelapa sawit dengan pisang atau sayuran dan juga ternakan.

Saya yakin pendekatan diversifikasi ini dan juga integrasi ini akan dapat mewujudkan ruang yang lebih banyak dengan tanah pertanian yang sedia ada. Jabatan Pertanian dan agensi pertanian yang berkaitan memang sentiasa menggalakkan penggunaan bahan organik untuk menyuburkan tanaman dan memperbaiki struktur tanah, dan juga kerana ianya adalah murah berbanding dengan baja kimia serta boleh dibuat sendiri dengan menggunakan sisa ladang mereka. Selain daripada memberikan insentif untuk menggunakan bahan organik, Jabatan Pertanian juga memberi kursus dan latihan *hands on* kepada petani-petani yang berminat untuk membuat sendiri baja-baja organik seperti bokashi, kompos, EM, BMO dan memproses tinja haiwan ternakan yang mereka boleh sediakan dan gunakan sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Jorak mengenai tanah terbiar. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk menggabungkan tanah-tanah yang terbiar untuk dimajukan secara korporat adalah merupakan cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, aspek persetujuan petani-petani atau pemilik-pemilik tanah untuk menyertai sesuatu rancangan adalah penting dan perlu diambil kira. Pembangunan tanah terbiar ini juga mempunyai beberapa pendekatan di mana agensi-agensi seperti FELCRA, Pertubuhan Peladang Kawasan, juga boleh menjalankan projek-projek pembangunan tanah terbiar. Saya menyarankan agar mana-mana kawasan yang Ahli-Ahli Yang Berhormat kenal pasti, kerajaan akan mengkoordinasikan secara bersepadu sama ada melalui Jabatan Pertanian, FELCRA dan juga Pertubuhan Peladang. Dan untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini pihak FELCRA sedang mencari-cari kawasan-kawasan yang sesuai untuk dibangunkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung projek cendawan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Jorak dan juga Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Bukit Permai, terdapat sebanyak 12 projek cendawan dengan peserta seramai 45 orang, yang mana kebanyakan dari projek ini adalah mendapat peruntukan-peruntukan khas Projek Pembangunan Pagoh. Dari jumlah itu, 10 projek masih berjalan aktif dan 2 projek tidak aktif. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Pertanian sedang berusaha untuk memulihkan 2 projek yang tidak aktif berkenaan.

Berhubung dengan harga pasaran pula, terdapat 2 jenis pasaran bagi cendawan yang dihasilkan di sini iaitu :

1. Jualan secara langsung ladang kontrak dengan pihak C&C Mushroom dengan harga RM4.50 sekilogram dan;

2. Petani-petani menjual sendiri pengeluaran mereka di pasaran terbuka dan biasanya mereka akan dapat harga yang lebih tinggi iaitu sekitar RM7 hingga RM8 sekilogram. Di samping itu, untuk mendapatkan harga yang lebih tinggi, para pengusaha juga adalah dinasihatkan supaya mempelbagaikan pengeluaran mereka dengan menjalankan aktiviti penggredan, pembungkusan, pemprosesan kepada sos cendawan dan juga aktiviti-aktiviti hiliran yang lain.

Projek Tanaman Cendawan di Johor telah berkembang dengan pesat dan berpotensi untuk memberi pulangan yang agak lumayan sekiranya diusahakan secara komersil dan mengamalkan amalan pertanian baik. Sehingga tahun 2007, terdapat seramai 69 pengusaha tanaman cendawan sama ada secara individu atau berkelompok di Johor. Pecahan pengusaha mengikut daerah ialah di Muar seramai 22 orang, Johor Bahru seramai 15 orang, Batu Pahat seramai 9 orang, Pontian seramai 8 orang, Kluang seramai 7 orang, Kota Tinggi seramai 6 orang dan Mersing seramai 2 orang. Jenis cendawan yang paling banyak diusahakan ialah jenis Tiram Kelabu iaitu lebih 94% manakala jenis-jenis lain yang diusahakan ialah seperti Telinga Kera, Tiram Putih dan Abelone.

Jumlah pengeluaran cendawan adalah dianggarkan sebanyak 8 tan sehari ataupun 240 tan sebulan dengan nilaian sebanyak RM1.2 juta sebulan pada kadar harga purata RM5 sekilogram. Kebanyakan hasil cendawan ini adalah dipasarkan di pasaran tempatan, di samping juga ke Kuala Lumpur dan Singapura terutamanya oleh pengusaha-pengusaha komersial seperti C&C Mushroom di Muar dan Lee Kiong Beng di Kota Tinggi. Jabatan Pertanian akan terus memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pengusaha-pengusaha cendawan di kawasan Bukit Permai, di kawasan Bukit Permai ini dan adalah diharapkan kawasan ini akan dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha-pengusaha berkenaan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan satu kawasan seluas 5 hingga 10 ekar untuk mengelompokkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan *agro tourism* berasaskan cendawan di kawasan Yang Berhormat, adalah merupakan satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, kawasan yang sesuai hendaklah dikenal pasti dan diperolehi

dengan kerjasama Yang Berhormat, dengan pihak Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan agensi berkaitan sebelum perancangan seterusnya dapat dijalankan. Saya sedia membantu dalam membangunkan apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai isu galakan usaha tani yang ditimbulkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Permai. Memang benar bahawa peruntukan tahunan bagi galakan usaha tani di bawah Jabatan Pertanian adalah agak terhad iaitu sekitar RM700,000.00 setahun untuk seluruh Negeri Johor dan ianya terpaksa dibahagikan kepada 10 daerah di Johor mengikut tahap aktiviti pertanian di daerah berkenaan. Untuk tahun 2009, jabatan akan menyalurkan baja organik di samping baja sebatian untuk menggalakkan petani yang mengguna luas baja organik yang lebih murah dan mesra alam. Adalah diharapkan dengan adanya peruntukan ini akan dapat membantu para petani untuk mencuba atau mengguna pakai baja organik yang sesuai dengan bidang usaha mereka untuk tujuan meningkatkan kesuburan tanaman mereka dengan kos yang lebih murah. Adalah diharapkan setelah mereka melihat sendiri hasilnya, mereka ini akan membeli sendiri input pertanian tersebut bagi mendapatkan hasil yang tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penawar membangkitkan berhubung dengan permohonan-permohonan yang telah dikemukakan kepada jabatan dan agensi yang berkaitan ini yang melibatkan Wakil Rakyat dan sekiranya Wakil Rakyat berkenaan dapat mengesyorkan atau menyokong permohonan-permohonan ini. Saya percaya jabatan dan agensi berkenaan akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan-permohonan yang telah dikemukakan itu, sebagai contoh di bawah Program Galakan Usahawan. Pada tahun ini kerajaan telah meluluskan permohonan seramai 302 pemohon dengan peruntukan berjumlah RM1.3 juta, yang mana hampir keseluruhan permohonan yang disokong oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat telah diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Kukup membangkitkan isu penyakit tanaman pisang. Berhubung dengan masalah penyakit tanaman pisang, suka saya memaklumkan bahawa masalah ini telah berlaku semenjak awal tahun 2007 iaitu selepas berlakunya banjir besar di Johor. Daripada pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian, didapati, didapati kawasan pisang ini berlaku di semua daerah di Negeri Johor. Serangan penyakit pisang ini telah melibatkan seluas 2,315 hektar dengan 1,463 orang petani di seluruh Negeri Johor. Jabatan Pertanian telah mengambil tindakan dengan membuat pemantauan, analisa makmal dan memberi pendedahan dan latihan secara *hands on* kepada pegawai dan petani, dan ianya telah dilaksanakan pada tahun 2007. Petani-petani yang terlibat juga telah dinasihatkan supaya mengamalkan amalan pertanian yang baik di kawasan tanaman pisang mereka itu. Di samping itu petani yang terlibat digalakkan mengamalkan kaedah pusingan tanaman dengan menanam tanaman yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, pokok pisang itu yang sakit itu, pisang tertentu ke, semua jenis?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Hampir semua jenis.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, termasuk Pisang Tanduk?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Pisang Tanduk, Pisang Awak pun masuk.

Y.B. Dato' Speaker : Pisang apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Pisang Awak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ingat pisang saya, apa Yang Berhormat ni.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi, digalakkan mengamalkan kaedah pusingan tanaman dengan menanam tanaman yang lain seperti ubi, keladi, keledek di kawasan tersebut. Tanaman pisang yang di kawasan yang diserang penyakit itu, yang mana selain daripada itu, untuk pasar, pasaran segar, ianya juga boleh diproses untuk produk-produk industri asas tani. Dengan kaedah menukarkan kepada tanaman lain ini akan dapat memutuskan putaran hidup virus ataupun bakteria penyakit pisang itu. Jadi kalau dia tanam ubi, penyakit pisang itu dia tak tembus dengan ubi itu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia tak jangkitlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, tak jangkit. Jadi virus itu dia tak jumpa pisang, dia akan mati sendiri, sebab itu dia tukar, kena tukar tanaman.

Y.B. Dato' Speaker : Apa penyakit dia tak tahu ya, Yang Berhormat, pisang ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, tak tahu tapi penyakit itu hanya menyerang pisang. Jadi kalau tanam ubi ke, tanam keledek, virus itu dia tak tembus dan akhirnya virus itu akan mati sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, handal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bagi menggalakkan petani supaya memulihkan tanaman mereka atau menggantikan dengan tanaman lain, petani berkenaan boleh mendapatkan insentif baja sebanyak 3 beg dan juga baja kapur sebanyak 5 beg, yang keseluruhan bernilai RM300 bagi setiap hektar. Sebanyak 4,539 beg baja dan 7,565 beg baja kapur telah diberikan kepada 1,463 petani yang terlibat dengan penyakit pisang di Negeri Johor. Jabatan Pertanian juga menggalakkan penggunaan bahan organik berasaskan mikrob organisma dan kompos bagi tujuan menyuburkan tanah dan pertumbuhan tanaman yang sihat dan rintang kepada penyakit. Sebagai contoh, bahan organik mikro organisma yang ada ialah seperti EM, IMO, BMO dan Bio*strong*.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada langkah-langkah kawalan yang telah dijalankan adalah didapati keadaan-keadaan penyakit tanaman pisang ini telah semakin pulih. Sehubungan dengan masalah penyakit tanaman pisang di kawasan Kukup ini, saya ingin memberi jaminan bahawa Jabatan Pertanian akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa dan memberikan khidmat nasihat dan bantuan kepada petani-petani yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tangkak dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Yong Peng telah membangkitkan isu harga baja. Berhubung dengan isu harga baja yang masih belum turun dengan nyata walaupun kerajaan telah memansuhkan duti import ini, suka saya mengulas bahawa para penjual baja sama ada pengilang atau pengedar, mungkin akan mengambil masa sedikit masa untuk membuat penurunan harga dengan cepat kerana ianya melibatkan stok lama. Masa dia beli, stok itu harga mahal tapi belum sempat habis jual, dah harga turun. Jadi dia terpaksa harga itu masih harga lama yang dia beli.

Kerajaan memang sangat berharap agar para penjual baja ini segera menurunkan harga mereka demi kebajikan para petani, khususnya mereka yang terlibat dengan pengeluaran sayuran, buah-buahan dan barang makanan yang lain. Pada umumnya, harga jualan baja secara runcit di daerah-daerah Negeri Johor adalah tidak sama. Sungguhpun demikian, daripada pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor di daerah-daerah seperti Muar, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Johor Bahru bagi tempoh Jun 2008 dan Oktober 2008, telah ada menunjukkan penurunan harga yang agak menggalakkan. Sebagai contoh, bagi baja sebatian import NPK 15:15:15 cap Kuda Singa.

Y.B. Dato' Speaker : Hem, cap apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Kuda Singa.

Y.B. Dato' Speaker : Kuda Singa, apa punya kuda tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ini, cap aje Yang Berhormat, *brand, brand*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *brand*, Kuda Singa.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Telah turun, telah turun. Daripada penurunan di antara RM175 dan RM200 kepada RM153 dan RM165 iaitu penurunan di antara RM22 hingga RM35 sekampit, sekampit 50 kilogram iaitu, inilah penurunan kadar di antara 12% hingga 17%. Bagi baja sebatian import NPK 12:12:17:2 + TE juga telah turun daripada RM185.00 hingga RM200.00 kepada RM155.00 dan RM165.00 iaitu penurunan di antara RM30.00 hingga RM45.00 sekampit 50 kilogram iaitu penurunan sebanyak 16.2% hingga 21.4%. Dan, ini pada umumnya adalah sangat menggalakkan dan ada kaitan dengan penurunan harga minyak juga pemansuhan duti import yang diumumkan kerajaan baru-baru ini. Selain daripada itu, sebenarnya kita

menggalakkan supaya peladang menggunakan pilihan lain ataupun alternatif lain yang lebih murah seperti menggunakan kompos ataupun mikro organisma berfaedah iaitu EM, yang mana EM ini boleh dibuat sendiri ataupun baja kompos ini boleh dibuat sendiri dengan menggunakan bahan-bahan buangan dan sisa-sisa ladang yang sedia ada dan harganya adalah jauh lebih murah. Kita perlu mengklasifikasikan, mempelbagai penggunaan baja dengan menggunakan kompos atau baja ini yang boleh dibuat sendiri dengan menggabungkan bahan-bahan buangan, lebihan ini dengan di campur dengan teknologi EM. Dan, ianya perlu membuat pemeraman-pemeraman.

Malah untuk makluman Yang Berhormat, terdapat estet-estet besar seperti IOI dan Sime Darby juga telah mengaplikasikan kaedah ini iaitu dengan menggunakan tandan kelapa sawit yang kosong dicampurkan dengan efluen kilang. Dan, mikrob ini diperamkan selama 45 hari. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat J.Biotek juga sudah membangunkan penggunaan baja kompos ini. Kerajaan telah mengambil langkah awal untuk jangka pendek di mana Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama Kementerian Asas Tani berunding dengan pihak Perusahaan Baja Malaysia dan hasil perundingan itu telah menghapuskan serta merta cukai import 15%. Dan, ini adalah satu usaha kerajaan untuk menurunkan harga baja.

Manakala racun pula masih berada pada kadar harga yang tinggi hanya racun glyphosate sahaja yang mengalami susutan harga iaitu sekitar 25%. Kerajaan Johor tidak dapat menjangkakan bila lagi harga barangan ini akan turun ke paras normal berikutan harga pasaran yang tidak menentu dan berbeza-beza. Walau bagaimanapun, dengan penurunan harga minyak mentah petroleum, dijangkakan bahan-bahan pertanian berasaskan petroleum seperti baja dan racun akan beransur-ansur turun. Bagi mengatasi masalah negatif margin oleh pekebun-pekebun kecil untuk jangka masa pendek, kerajaan menyarankan pekebun kecil kelapa sawit menangguhkan proses pembajaan selama 6 bulan. Jadi 6 bulan ini tak payah tabur bajalah. Pasal harga pun murah. Harga kelapa sawit murah.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau tak letak baja lagi murah tak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Pasal … dia soal pengeluaran. Kalau baja, pengeluarannya banyak tapi harga murah pun tak ada erti. Baik tak payah baja. Jadi, kerajaan menyarankan selama 6 bulan ni tak payah letak baja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, biar aje gitu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Biar aje gitu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, pandai-pandailah, macam pandai-pandailah kau nak hidup, ha, gitu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bukan, ini apa dia punya formula, Yang Berhormat. Dengan cara ini pekebun kecil masih boleh menikmati keuntungan jika harga sawit berada di bawah RM200.00 se

tan. Jika ditolak kos menuai dan penghantaran buah ke kilang sebanyak RM70.00 se tan pekebun kecil masih mendapat keuntungan RM170.00 se tan. Cara ini diterima pakai setelah perbincangan dibuat oleh kerajaan dengan Persatuan Minyak Sawit Malaysia dan juga Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil Kebangsaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Pekan Nenas, berkaitan status penanaman nanas di Negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia yang ditubuhkan tahun 1957, telah melalui pelbagai pengalaman yang luas dalam pembangunan industri nanas negara. Bermula di Singapura tahun 1918, tanaman nanas telah berkembang pesat di Johor dan Selangor pada tahun 70an sehingga pengeluaran pekebun kecil mencecah 300 metrik tan dan Malaysia menduduki tempat yang ke-3 dalam pengeluaran nanas dunia. Kemunculan negara seperti Indonesia dan Thailand dalam industri nanas pada tahun 70an telah merubah keadaan industri nanas negara yang terpaksa bersaing dalam pasaran nanas dunia. Pengeluaran nanas negara hanya tertumpu di tanah gambut sahaja telah menyebabkan implikasi kos pengeluaran yang tinggi berbanding dengan Thailand dan Indonesia serta Filipina yang bertumpu di tanah mineral.

Ditambah dengan kelahiran industri kelapa sawit di sektor pekebun kecil pada tahun 90an telah meninggalkan kesan yang mendalam yang mana hampir 50% pekebun kecil daripada ladang nanas ini beralih kepada kelapa sawit. Akibatnya, pengeluaran nanas sektor pekebun kecil terus merosot dari tahun ke tahun hingga ke paras hanya 20,000 metrik tan setahun. Perkembangan negatif ini telah menyebabkan kerajaan mengambil langkah drastik dengan menutup Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan fungsinya dipindahkan kepada Jabatan Pertanian dan FAMA pada tahun 1996. Keadaan ini menyebabkan industri nanas negara terus malap dan ramai pembeli nanas kaleng atau nanas tin di luar negara beralih ke negara lain seperti Thailand dan Indonesia.

Pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Ke-8, kerajaan telah kembali meletakkan industri pertanian nanas ini sebagai salah satu bidang penting dan berpotensi untuk menjana ekonomi negara. Tambahan pula statistik telah menunjukkan bahawa negara telah mula mengalami keadaan belanjawan defisit. Dan, antara penyumbang besar keadaan tersebut ialah sektor makanan yang menyumbangkan kadar pembelian import makanan sehingga ke paras RM14 bilion setahun. Sehubungan dengan itu, strategi baru industri pertanian telah diperkenalkan dengan lebih mantap dan berdaya saing. Dengan demikian, pada 15 September 2004, kerajaan telah mengambil keputusan untuk membatalkan keputusan Kabinet menutup Lembaga Nanas ini dan sebaliknya membuat keputusan baru untuk mengaktifkan semula Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dengan hala tuju baru sebagai peneraju industri nanas negara yang mensasarkan pertumbuhan tahunan 22.1% untuk mencapai imbangan dagangan.

Pembangunan industri nanas secara terancang baru mula diberi perhatian dengan pihak kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan peruntukan yang agak besar telah diluluskan di RMK-9 bagi mencapai matlamat

pengeluaran berjumlah 1 juta tan metrik setahun. Ini bermakna usaha-usaha lebih serius perlu diambil bagi menyokong pertumbuhan industri nanas ke tahap yang lebih menggalakkan. Dalam tempoh 5 tahun antara 2006 hingga 2010, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia hanya diberikan siling peruntukan sebanyak RM70.16 juta berbanding dengan yang dicadangkan sebanyak RM240 juta.

Program penanaman merupakan *core* bisnes Lembaga Nanas dan bertujuan meningkatkan pendapatan pengusaha tanaman nanas sekali gus mensasarkan kemiskinan sifar di kalangan mereka. Melalui projek Rancangan Tanam Baru Nanas dan Rancangan Tanam Semula Nanas, pengusaha diberi bantuan dan insentif sebanyak RM2,400.00 bagi Rancangan Tanam Baru Nanas dan RM700.00 bagi Rancangan Tanam Semula dalam bentuk input pertanian seperti anak benih, anak benih nanas, racun, baja dan hormon. Selain daripada itu, sokongan infrastruktur turut diberikan kepada pembinaan dan menaik taraf jalan ladang, perparitan, pembetungan serta stor ladang. Dalam masa yang sama aktiviti khidmat pengembangan dilaksanakan sebagai wacana untuk melaksanakan pemindahan teknologi penanaman.

Selain daripada penanaman nanas, bagi memastikan pakej industri yang mempunyai rantaian yang lengkap maka aktiviti sokongan diperlukan untuk memastikan imbangan pembayaran ini ataupun *balance of trade*. Sejak dahulu lagi Negeri Johor masih lagi merupakan penanaman nanas utama di Malaysia. Pada tahun 2006, kawasan penanaman nanas di Johor adalah seluas 2,683.5 ekar dan meningkat kepada 3,061.75 ekar pada tahun 2007. Sehingga November 2008, seluas 3,447.25 ekar ditanam nanas dan dianggarkan hujung tahun ini mencecah 3,500 ekar. Daerah Pontian masih lagi mengekalkan status sebagai kawasan penanaman nanas terbesar di Negeri Johor.

Dalam merealisasikan matlamat menjadikan Daerah Pontian dan Mukim Pekan Nanas sebagai *Pineapple Valley*, Lembaga Nanas telah membangunkan Pusat Pembangunan Teknologi Tanaman Nanas di Alor Bukit, Pekan Nenas yang terletak di dalam keluasan lebih kurang 300 ekar. Pusat ini digunakan sepenuhnya untuk menjalankan projek pembiakan benih, penerangan teknologi baru untuk penilaian dan mengadakan petak verifikasi dan ujian kegunaan bahan-bahan input pertanian yang terkini. Segala maklumat dari stesen ini akan disalurkan untuk menyokong aktiviti-aktiviti khidmat pengembangan yang disampaikan kepada pekebun-pekebun kecil. Program ini, program di Alor Bukit ini dipercayai setakat ini merupakan pusat atau stesen tanah gambut yang terbesar di Malaysia. Ia dikenal pasti amat berpotensi untuk dijadikan lokasi kajian R&D dan juga *Commercial and Development* (C&D) dalam menambahbaikkan teknologi industri nanas negara. Di samping itu juga, ianya mempunyai nilai *amenity* dan keindahan semula jadi yang komersial dan unik sebagai aset penting dalam pembangunan industri agro-tourism berasaskan nanas seperti di Hawai dan juga Australia.

Di Malaysia nanas ditanam di tanah gambut. Tanah gambut adalah sejenis tanah yang lembut di mana sebarang jentera mekanikal tidak boleh memasukinya. Maka pusat ini dapat dijadikan sebagai tapak percubaan untuk penyelidikan bagi memperkenalkan sebarang jenis jentera bagi menanam atau

mengutip hasil nanas. Setakat ini belum ada jentera yang boleh digunakan bagi kerja-kerja penanaman nanas di atas tanah gambut ini.

Di samping itu juga, kajian terhadap model penanaman, cubaan integrasi dan penggunaan input baru seperti baja turut dilaksanakan di samping penanaman nanas secara kontan dengan tanaman lain seperti buah-buahan yang tidak bermusim yang boleh menambahkan pendapatan kepada pengusaha. Menjalankan aktiviti sebagai Pusat Penyimpanan Baka Nanas yang terdapat di Malaysia, di Pusat Pembangunan Teknologi Tanaman Nanas Alor Bukit ini terdapat koleksi baka nanas sebanyak 66 jenis baka melibatkan keluasan 1 hektar. Jumlah *variety* nanas di Malaysia yang diketahui setakat ini adalah sebanyak 200 *variety*, 200 jenis. Ia adalah bertujuan untuk rujukan dan penyelidikan pada masa akan datang. Di samping itu juga, verifikasi baka juga turut diberikan fokus dengan meningkatkan sensitiviti pasaran antarabangsa yang mengambil kira populariti baka nanas yang mempunyai nilai dan pasaran yang baik di peringkat antarabangsa seperti MD2 dan MD4 yang terdapat di Filipina dan baka-baka lain yang berpotensi di rantau Asia mahupun di Barat. Hasil daripada verifikasi yang dijalankan, maka data-data kesesuaian tanah dan potensi baka diperolehi dan diterjemahkan dalam bentuk yang lebih komersial dan akhirnya dibangunkan untuk skala yang lebih besar di kalangan pengusaha-pengusaha nanas. Baka-baka yang terdapat di petak jana plasma turut dilihat mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan menerusi aktiviti penambahbaikan bakaan, klasifikasi baka untuk tujuan landskap dan hiasan dalaman dalam industri dekorasi dan juga perhotelan.

Di pusat ini juga dibangunkan Mini Kilang. Pembangunan Mini Kilang ini akan dapat menyalurkan teknologi pembuatan dan juga pemprosesan produk-produk IKS yang telah dikenal pasti melalui kesinambungan projek R&D, *Research and Development* dengan izin dan projek-projek ini kelak juga bertanggungjawab dalam menyediakan suasana pertumbuhan awal industri dan perusahaan baru yang positif dan menyediakan kelompok perunding yang berkebolehan dalam pelbagai bidang teknologi dan kepakaran nenas. Kilang ini sedang dalam proses akhir kerja pembangunannya dan dijangka mula beroperasi pada awal tahun 2009. Ia akan menjadi pusat bimbingan dan latihan kepada usahawan-usahawan dan juga bertanggungjawab dalam pengeluaran penghasilan produk IKS berasaskan nanas seperti *vacuum fried pineapple chips* bagi tujuan promosi kajian serta kajian *viability product*, kajian jangka hayat produk dan kajian pembungkusan penampilan produk, kajian pasaran domestik dan juga pasaran eksport.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Yong Peng bagi komoditi tanaman getah, kerajaan telah mengambil beberapa langkah melalui Lembaga Getah Malaysia Wilayah Selatan iaitu di Segamat untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh pekebun kecil di Johor. Antara langkah-langkah yang dijalankan adalah mempelbagaikan usaha kebun-kebun getah di samping juga pelaksanaan satu skim, Skim Sistem Torehan Berintensiti. Skim torehan ini membolehkan sekali toreh mampu mengeluarkan susu getah tiga kali ganda, dengan melalui rangsangan iaitu disapu, dia tahan lama.

Y.B. Dato' Speaker : Sapu dekat mana tu? Apa punya pokok ini Yang Berhormat? Main sapu-sapu. Ok ke?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia dipanggil rangsangan gas, dia sapu menggunakan satu cecair.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, dia sapu dekat mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Sapu dekat pokok dia, dekat batang dia.

Y.B. Dato' Speaker : Batang dia. Ha, ok (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Pokok, pokok.

Y.B. Dato' Speaker : Habis macam mana kalau dah sapu tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia sapu, lepas tu getah tu dia…lambat cair. Dia tak mudah, dia tak pekat.

Y.B. Dato' Speaker : Makna batang pokok tu makin kuatlah (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tak, dia sapu dekat pokok tu, dekat dia punya *bulk* yang dipanggil *bulk* tu. Lepas tu getah tu, dia akan lambat cair. Jadi apabila lambat cair…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, air getah tu lambat cair?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, lambat cair. Jadi getah tu mengalir….je.

Y.B. Dato' Speaker : Habis tak berhenti-berhenti mengalir?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, dia lambat berhenti. Dia lambat. Dia lambat berhenti. Dia mengalir je. Jadi, getah yang dalam pokok tu, dia boleh mengalir sebahagian besar. Getah-getah dalam pokok tu, dalam *bulk* tu, dia akan mengalir dan penghasilan susu tu selama penghasilan tiga hari kalau...

Y.B. Dato' Speaker : Itu jenis apa? Ubat tu jenis apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia ada ubat itu yang dipanggil LITS. Dia ada sistem baru yang dicipta oleh Lembaga Getah Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Macam minyak eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia lebih kurang macam minyaklah.

Y.B. Dato' Speaker : Kita boleh pakai?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Oh, tak boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Oh tak boleh (Dewan ketawa). Oh kalau kita boleh pakai, bagus tu. Ha'ah, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Untuk getah je Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi dia, tapi kalau dah toreh…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nanti jap. Apa benda? Orang perempuan pula tanya. Jemputlah Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Nak tanya yang dikatakan tadi, lambat beku ke lambat cair?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Lambat beku. Ha, lambat beku. Jadi apabila lambat beku, dia keluar je.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dia keluar je Yang Berhormat, dia memang, dia tak berhenti Yang Berhormat. Memang payah ubat ini, tu. (Dewan ketawa). Oh, bila dah keluar tu, dia tak nak berhenti eh? Eh, teruk betul eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ini dipanggil, Skim Teknologi Torehan Berintensiti Rendah. Jadi dengan sistem ini dia sekali toreh, tiga hari dia tak payah pergi menoreh. Jadi, meringankan tugas penoreh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat Yong Peng faham eh? Ha, faham, baguslah kalau faham…Dah habis batang pokok tadi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dan ini sekali toreh mampu mengeluarkan susu getah tiga kali ganda dengan melalui rangsangan ini, pokok getah mampu tahan lama kecairan susu getah tersebut. Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Getah Malaysia telah memberi peruntukan sebanyak RM1,565,782.30 kepada pekebun kecil getah di Negeri Johor untuk melaksanakan projek ini dan perluas gunakan, guna pakai skim yang dipanggil LITS ini. Ini merupakan perancangan dan pendekatan Lembaga Getah Malaysia untuk memanfaatkan peruntukan kerajaan bagi memperluaskan penggunaan pakai skim teknologi ini di kalangan pekebun kecil getah. Melalui produk ini, projek ini, modal permulaan berupa *input* pertanian kepada pekebun kecil getah telah diberikan secara percuma dalam jangka waktu, dalam jangka masa setahun termasuk set alat kutipan hasil, baja, racun rumpai, pisau toreh dan teknologi rangsangan.

Skim LITS ini dapat mengurangkan jumlah hari menoreh secara selang dua atau tiga hari di mana secara purata, hanya sepuluh hari bekerja dalam sebulan tanpa menjejaskan produktiviti hasil pokok getah itu, malah ianya meningkatkan lagi hasil susu getah tersebut. Dengan bilangan hari menoreh yang kurang, para pekebun kecil bolehlah mempelbagaikan usaha sampingan seperti penternakan kambing atau lembu dan juga mengusahakan tanaman komersial yang lain dan melakukan aktiviti yang boleh mendatangkan pendapatan sampingan. Mereka kini tidak hanya bergantung kepada tanaman getah sahaja untuk meneruskan kehidupan sehari-harian mereka.

Selain daripada itu, selain daripada Skim LITS ini kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM143,671.84 melalui Lembaga Getah Malaysia melaksanakan projek pemindahan teknologi dan pembangunan pekebun kecil getah. Ini yang dikatakan mempelbagaikan ataupun mendiversifikasikan usaha untuk menjana pendapatan sampingan. Projek ini melibatkan ternakan kambing, tanaman integrasi di kawasan pokok getah termasuk pokok buah-buahan dan sayuran. Ini, ia boleh dilakukan pada hari bukan menoreh dan dengan ini ia mampu menjana pendapatan sampingan, dan tidak hanya bergantung semata-mata kepada pokok getah sahaja. Melalui projek-projek yang dilaksanakan, perluasan teknologi yang telah diaplikasikan kepada pekebun kecil getah didapati berjaya mengurangkan sedikit bebanan kepada kehidupan mereka. Teknologi ini dapat mengurangkan jumlah hari bekerja dan mengurangkan bilangan hari menoreh dan seterusnya meningkatkan hasil dan produktiviti pokok, seterusnya meningkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi mereka berdasarkan harga pasaran getah dunia.

Y.B. Dato' Speaker : Habis?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kukup dan juga Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjung Surat dan juga Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pulai Sebatang yang menyentuh mengenai perikanan. Pangkalan Tanjung Piai merupakan sebuah pangkalan nelayan tradisional di mana terdapat sebanyak 30 buah sampan yang berlesen. Kebanyakan sampan ini berukuran kurang daripada 25 kaki panjang dan menggunakan enjin sangkut. Pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas telah memberi impak ke atas kehidupan nelayan berhampiran malah ianya juga turut melibatkan nelayan daripada Tanjung Pelepas, Sungai Belukang, Kampung Congkoh dan lain-lain pangkalan berhampiran. Nelayan tidak begitu bebas menangkap ikan di kawasan mereka kerana kini telah menjadi laluan kapal masuk ke pelabuhan Tanjung Pelepas.

Kerajaan telah memperkenalkan Dana Transformasi Nelayan di bawah LKIM yang mana beberapa nelayan sampan ini diberikan dana untuk menukar sampan mereka kepada sebuah bot yang berenjin dalam dan boleh menangkap ikan di kawasan yang jauh daripada pantai. Sehingga kini sebanyak RM240,000.00 telah dikeluarkan di bawah program ini yang melibatkan seramai 5 orang nelayan dari pangkalan Sungai Muar. Seramai 390 orang nelayan sampan di Negeri Johor memiliki perlindungan Skim Insurans yang dibiayai oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan.

Selain Dana Transformasi Nelayan, Jabatan Perikanan telah mengenal pasti perairan Sungai Pulai untuk dibangunkan sebagai Zon Industri Akuakultur di mana nelayan tersebut boleh mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar. Input-input yang disediakan oleh Jabatan Perikanan adalah benih dan makanan ikan serta beberapa peralatan seperti pencuci pukat dan mesin pemotongan ikan baja. Jabatan Perikanan tidak mengeluarkan lesen baru kepada mereka yang ingin menjadi nelayan berikutan pembangunan yang telah ada di kawasan ini.

Tugas penguatkuasaan di laut dijalankan oleh beberapa agensi penguatkuasaan seperti Polis Marin, Tentera Laut Di Raja Malaysia, Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia, Unit Udara Polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Di Raja dan Jabatan Perikanan. Beberapa jenis operasi dijalankan di laut dengan pengenalan sebagai Operasi OPS Tambak. Operasi ini melibatkan banyak agensi diselaraskan oleh Pusat Penguatkuasaan Maritim Lumut. Operasi sebegini dilaksanakan dengan kekerapan dua kali setahun. Terdapat juga operasi yang lain yang melibatkan kerjasama dengan negara Indonesia yang dinamakan Patkor Optima dan dilaksanakan sekali setahun. Selain itu, di laut, selain itu terdapat Operasi Samudera Gagah yang dilakukan pada musim tengkujuh di Pantai Timur, di laut Pantai Timur. Operasi ini lebih kepada pencegahan bot nelayan asing yang menangkap ikan di pantai timur. Bot-bot peronda Jabatan Perikanan yang terdapat di pangkalan bersaiz kecil dengan berkeupayaan enjin *outboard* berkuasa kuda 200hp dan tidak berkeupayaan untuk meronda kawasan laut yang jauh. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain dengan cara menjalankan operasi bersama dalam usaha memastikan keselamatan nelayan-nelayan terjamin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat dari kawasan, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pasir Raja berhubung ternakan ikan keli dalam tangki kanvas sempena Program Bumi Hijau yang telah diperkenalkan oleh kerajaan adalah untuk tujuan sara diri peserta. Setiap peserta program akan diberikan 2 unit tangki PE atau tangki fiber. Dan, ataupun 1 unit tangki kanvas berukuran 6 x 4 kaki dengan tinggi 2.5 kaki. Dijangkakan setiap peserta akan menuai hasil 25 hingga 50 kilogram ikan keli selepas 3 bulan diternak. Dan ikan-ikan yang diternak ini adalah bertujuan dimakan sendiri oleh peserta atau dijual kepada masyarakat sekeliling.

Walau bagaimanapun, bagi mengatasi isu lambakan ikan keli, pihak Jabatan akan mewujudkan pusat pengumpulan berhampiran supaya jualan terus kepada pembeli dapat dilakukan. Beberapa pusat pengumpulan telah diwujudkan oleh penternak di beberapa daerah seperti Encik Mohd. Junus bin Kassim di Kampong Durian Chondong, Muar, begitu juga Encik Md. Judyar bin Malek di Parit Raja Hassan, Simpang Renggam dan juga Encik Sibon bin Abu Nawar di Bekok, Batu Pahat. Selain itu, aktiviti hiliran seperti pemprosesan keli salai, pekasam dan serunding keli diperkenalkan untuk menghasilkan nilai tambah ikan keli itu. Aktiviti membuat pekasam telah dilakukan oleh pengusaha, Encik Sibul bin Abu Nawar di Bekok dan dibuat dalam skala yang kecil. Manakala pemprosesan ikan keli salai dan serunding pada tahap

peringkat permulaan dan diusahakan oleh Koperasi Dinamik Berhad di Kampung Sinaran Baru, Johor Bahru.

Kenaikan harga palet makanan ikan berlaku berikutan kenaikan harga bahan api. Pihak kerajaan juga telah mengambil perhatian dalam perkara ini bagi mengurangkan beban penternak, kerajaan memperkenalkan insentif, galakkan, pengeluaran agriculture di mana insentif ini berbentuk wang tunai dibayar berdasarkan jumlah pengeluaran setiap kilo. Selain itu juga pengusaha digalakkan membuat makanan rumusan sendiri dengan menggunakan sumber-sumber makanan di sekitar. Kursus-kursus perumusan makanan disediakan oleh Jabatan Perikanan di pusat-pusat latihan. Di mana pengusaha yang berminat bolehlah mengikuti kursus-kursus tersebut. Pihak jabatan juga sedang merancang mewujudkan tempat-tempat pemprosesan makanan di Lubok Bakul di DUN Jorak. Memandangkan terdapat perusahaan ternakan ikan air tawar di kawasan berhampiran bagi menghasilkan makanan rumusan bahan-bahan seperti serbuk ikan baja, serbuk gandum atau jagung, serbuk soya, makanan ikan, kalsium fosfat, asid amino, vitamin dan penghalang kulat diadun dan dimasukkan ke dalam mesin pengisar dan dibentuk. Kandungan nutrisi dalam makanan ini hendaklah terdiri daripada protein 34%, lemak 6%, fiber 6% dan kelembapan 10%. Dengan cara sebegini penternak akan dapat mengeluarkan makanan ternakan dengan kualiti yang tinggi dan dapat mengurangkan kos operasi penternakan ikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini sepanjang segmen perbahasan. Saya memohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang dalam penjelasan ini. Walau bagaimanapun, saya sedia menemui Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membantu segala kemusykilan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Bagus, pendek masa, perbahasan diteruskan lagi, Ahli Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Bajet 2009 di Dewan yang mulia pada pagi ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat memuliakan dulu kalau cakap Arab sedikit bolehlah sebagai Pengerusi Agama, saya izinkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Haulukah.

Y.B. Dato' Speaker : Selamat pagi, apa, dia orang Arab cakap?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Haulukah, syeikh.

Y.B. Dato' Speaker : Haulukah, apa tu, tanya hal dia. Selamat pagi. Sobarhulkhair. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengucapkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Layang-Layang, Bukit Permai, Tenang, Sengarang, Nusajaya, Kukup, Kemelah dan Sedili yang telah menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan portfolio agama pada sesi Dewan kali ini. Begitu juga saya berterima kasih di atas segala pandangan, teguran serta kritikan yang dilontarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Puteri Wangsa dan Tanjung Surat yang walaupun agak tajam namun semuanya menjadi catitan saya untuk diambil tindakan yang sewajarnya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya juga mengambil maklum di atas segala apa yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tenggaroh dan Sungai Abong untuk tindakan seterusnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah serta syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pembentangan Bajet 2009 yang saya kira dapat memenuhi segala keperluan seluruh masyarakat masa kini khususnya di Negeri Johor. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih pada Yang Amat Berhormat di atas peruntukan yang diluluskan kepada portfolio Agama berjumlah RM20.9 juta dan ini tidak termasuk peruntukan perbelanjaan gaji para Guru Agama sebanyak RM108 juta. Peruntukan berjumlah RM20.9 juta ini akan digunakan untuk membantu pihak kerajaan untuk merealisasikan hasrat membina kesejahteraan rakyat. Berbagai usaha telah diatur untuk program memperkasakan bidang Pendidikan Agama. Yang bermula dari peringkat tadika iaitu TAJ hingga ke peringkat tinggi, MARSAH. Memperkukuhkan institusi keluarga dan masyarakat yang mengimarahkan institusi masjid. Bagi mengukuhkan pembangunan ummah sebagaimana tema Bajet 2009 iaitu Menghadapi Cabaran Memelihara Kesejahteraan Rakyat yang sesuai dengan matlamat dan cita-cita kerajaan ini menjadi makmur dan barakah. Sebagaimana firman Allah dalam surah Saba' ayat ke 15 yang bermaksud : "Lalu dikatakan kepada mereka makanlah dari segi pemberian Tuhanmu dan bersyukurlah kepadaNya akan negeri kamu ini, negeri yang baik lagi makmur dan tuhanmu Allah Maha Pengampun."

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya marilah kita sama-sama mengulangi kesyukuran kita ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnianya di atas doa yang sering kita panjatkan selama ini untuk diberi kemakmuran dan penghasilan yang melimpah ruah. Ini dapat digambarkan dengan jelas apabila jumlah kutipan zakat yang kita perolehi daripada zakat perniagaan, zakat harta, zakat fitrah dan lain-lain pada tahun ini telah melebihi sasaran dengan jumlahnya sebanyak RM85.7 juta berbanding kutipan zakat pada tahun 2007 berjumlah sebanyak RM73.7 juta. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tujuan memelihara kesejahteraan rakyat pihak kerajaan khususnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar amat mengambil berat aspek pembinaan kemanusiaannya yang meliputi pembinaan potensi diri, sama ada dari segi pembangunan rohani mahupun aspek fizikal iaitu peningkatan tahap kualiti

hidupnya. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri terus komited untuk melaksanakan pemberian bantuan khususnya kepada golongan miskin dan miskin tegar. Satu pendekatan baru telah diambil iaitu menyelaraskan maklumat golongan ini secara bersama di antara Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Pejabat Daerah, UPEN bagi memastikan tiada golongan fakir dan miskin yang tertinggal dari segi bantuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini Majlis Agama Islam telah menyalurkan sejumlah RM62.3 juta kepada 8 asnaf yang layak menerima bantuan zakat dalam pelbagai bentuk bantuan seperti bantuan sara hidup, bantuan perubatan, bantuan perumahan, bantuan bencana alam, bantuan persekolahan dan pengajian tinggi IPT. Bantuan kepada institusi masjid dan pendidikan agama Johor. Merujuk kepada jumlah bantuan fakir miskin khususnya di kawasan Labis yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Tenang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini jumlah penerima bantuan di kawasan Labis adalah 1,305 orang. Dengan jumlah bantuan adalah sebanyak RM131,538.00 iaitu dalam pelbagai bentuk bantuan seperti bantuan sara hidup, rawatan hemodialisis, bantuan hari raya, pakaian sekolah dan bantuan pelajaran.

Ahli Yang Berhormat kawasan Tenang juga ada membangkitkan berkenaan bantuan pelajaran perubatan di luar negara seperti Mesir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Majlis Agama Islam di Negeri Johor menyediakan 6 kuota bagi bantuan pinjaman pendidikan pengajian perubatan dengan kos berjumlah RM40,000.00 setiap seorang setahun bagi tempoh 6 tahun. Sehingga kini pihak Majlis telah menaja 17 orang pelajar pengajian perubatan. Iaitu 16 orang di Mesir dan seorang di Moscow dengan jumlah tanggungan tahunan adalah sebanyak RM680,000.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kawasan Sungai Abong supaya agihan Zakat Fitrah diagihkan 100% kepada fakir miskin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar semua kutipan Zakat Fitrah perlu diagihkan kepada golongan fakir dan miskin sahaja. Kita sebenarnya dikehendaki oleh syarak supaya mengagihkan kutipan zakat ini secara saksama kepada 8 asnaf. Untuk itu Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Majlis membuat pendekatan yang teliti dan berhati-hati supaya segala bentuk agihan hanya diberikan kepada mereka yang telah ditentukan layak sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran surah At-Taubah ayat 60 iaitu untuk fakir, miskin, mualaf, gharim, hamba, ibnu sabil, fisabillah dan amil. Sehingga bulan November 2008 ini, Majlis telah membuat agihan khusus untuk golongan asnaf fakir dan miskin berjumlah RM19 juta kepada lebih 38,000 orang ketua keluarga dan tanggungannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesejahteraan rakyat juga dapat dinilai, dibina melalui pembinaan aspek keintelektualan seseorang individu khususnya dari segi ilmu agamanya. Di Negeri Johor ini kita mempunyai sekolah agama sebanyak 550 buah yang melibatkan seramai 5,183 orang guru dan 216,980 orang murid bermula dari peringkat tadika hingga darjah khas. Justeru itu, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Kemelah, Nusajaya dan

Tanjung Surat, Kerajaan Negeri telah dan akan menjalankan pendekatan bagi memperkasakan pendidikan agama antaranya melalui :

1. Kajian kurikulum baru Pendidikan Agama Johor supaya ianya lebih sesuai dengan peringkat umur dan keperluan masa kini.

2. Program Tahfiz al-Quran yang telah dilaksanakan menerusi program Tahfiz As-Syafie di Maahad Johor dan Ibnu Sina di Sekolah Agama Kerajaan Johor, Kluang. Bertujuan untuk melahirkan para Hufaz al-Quran yang berjaya menguasai bidang al-Quran, Ilmu agama dan akademik secara bersepadu.

3. Pewujudan kumpulan penyelidik yang dipanggil Panel Penggubal Kertas Konsep, memartabatkan dan memperkasakan Pendidikan Islam Negeri Johor. Yang bertujuan mengemukakan cadangan dan pelan tindakan bagaimana memartabatkan dan memperkasakan Pendidikan Islam khususnya di Negeri Johor kita ini.

Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, panel ini dianggotai oleh para profesional, pendidikan yang antaranya bertaraf profesor.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Profesor Datuk Nasseri dan juga Profesor Samad Hashim dan ada seorang lagi daripada UTM, pensyarah UTM. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan sebanyak 57 buah sekolah agama baru mulai tahun 2009 menerusi kaedah 'Bina Dan Serah' yang melibatkan kos berjumlah RM122 juta. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa pembentangan Bajet pada 21 November yang lalu. Dengan demikian, adalah diharapkan masalah kekurangan sekolah agama di beberapa buah daerah di negeri-negeri dapat diatasi dengan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan pembinaan sekolah-sekolah agama baru seperti Sekolah Agama Simpang Renggam yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Layang-Layang, Sekolah Agama Pogoh yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kemelah. Sekolah Agama Bandar Putra Kulai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Permai dan Sekolah Agama Kem Iskandar Mersing dan cadangan membina sekolah baru Taman Mahkota Mersing bagi menampung kesesakan di Sekolah Agama Bukit Timbalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tenggaroh.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah tersebut telah dimasukkan dalam senarai keutamaan pembinaan sekolah-sekolah agama baru di kawasan masing-masing. Manakala bagi sekolah agama kampung, Sekolah Agama Pekan Layang-Layang, Sekolah Agama Ladang Remis dan Sekolah Agama Bandar Renggam. Bagi kawasan layang-Layang dan Sekolah Agama Taman Pelangi, Bukit Siput dan Kampung Melayu Raya di kawasan Kemelah, pihak jabatan telah menerima permohonan dan pembinaannya akan dimulakan apabila menerima peruntukan dari kerajaan kelak.

Merujuk ke permasalahan kekurangan bilangan kelas di Sekolah Taman Daya yang dibangkitkan, yang dikatakan tidak dapat menampung bilangan murid seramai 3,000 orang, sepertimana dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Puteri Wangsa, pihak jabatan telah memasukkan pembinaan sekolah agama di Taman Mount Austin di dalam senarai keutamaan pembinaan sekolah baru mulai tahun 2009 ini. Dengan pembinaan ini dijangkakan dapat mengurangkan kesesakan di Sekolah Agama Taman Daya kerana difahamkan sebilangan besar murid-murid yang bersekolah di Sekolah Agama Taman Daya adalah tinggal berhampiran di Taman Mount Austin.

Yang Berhormat Puteri Wangsa juga ada menyebutkan tentang keperluan sekolah agama di Taman Puteri Wangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sekolah agama adalah berdasarkan permohonan serta keperluan yang mendesak. Sehingga ini pihak jabatan belum menerima permohonan bagi cadangan sebuah sekolah agama di Taman Puteri Wangsa. Walau bagaimanapun, pihak jabatan bersedia untuk menimbang permohonan ini jika dikemukakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, merujuk permasalahan penyelenggaraan sekolah-sekolah agama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama dari Puteri Wangsa, pihak jabatan dengan peruntukan RM3.5 juta, RM1 juta dari jabatan, RM2.5 juta daripada Majlis Agama Islam setahun sentiasa mengagihkan peruntukan tersebut bagi keperluan 550 buah sekolah agama di seluruh Negeri Johor. Pihak jabatan akan mengambil tindakan segera sekiranya menerima aduan berkenaan kerosakan serius di sekolah-sekolah agama tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih di atas komitmen yang ditunjukkan Ahli-Ahli yang Berhormat dari kawasan Kemelah, Nusajaya dan Tanjung Surat yang memperkatakan tentang sistem persekolahan 2 dan 3 hari yang sedang dilaksanakan di 43 buah sekolah agama di seluruh Negeri Johor yang masih dalam tempoh percubaan sehingga penghujung tahun 2009. Kita menerima baik segala pandangan dan teguran oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan perkara tersebut. Kita amat menyedari dalam tempoh percubaan ini, terdapat sedikit kesukaran yang perlu dihadapi oleh pihak-pihak tertentu. Namun ianya dilaksanakan bagi memastikan sistem pendidikan agama di Negeri Johor ini terus relevan. Kesimpulannya, sistem ini masih di peringkat percubaan dan masih belum sepenuhnya mencapai tujuan yang diharapkan. Tambahan pula, ianya memerlukan kerjasama dari semua pihak terutama ibu bapa, masyarakat dan pelajar, agar masalah-masalah seperti gejala ponteng sekolah dapat diatasi. Dan, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu, pada 15 Disember ini, satu Mesyuarat Penilaian Perlaksanaan Sekolah Anjal ini akan diadakan dan segala pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dibawa untuk dibincangkan. Dan, pertemuan ini juga melibatkan selain daripada warga kerja Jabatan Agama, juga pengerusi-pengerusi badan kebajikan sekolah-sekolah yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan Tadika Agama Johor atau ringkasnya TAJ, yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Serampang, Semarang, Tanjung Surat dan juga Kemelah yang banyak menyentuh berkenaan soal kebajikan para guru tersebut. Untuk makluman, satu kertas kerja telah dimajukan kepada pihak kerajaan untuk pertimbangan serta kelulusan cadangan menaikkan gaji guru-guru TAJ ini. Insya-Allah, kalau memperoleh kelulusan daripada kerajaan, tambahan elaun ini akan berkuat kuasa mulai 2009 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan bangunan milik MAIJ yang terletak di Pontian yang difahamkan oleh Yang Berhormat Kukup tidak dibayar sewa serta tidak diambil tindakan undang-undang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sememangnya dalam tindakan pihak MAIJ dan satu tindakan undang-undang sedang diambil melalui pihak peguam MAIJ.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam pembinaan kesejahteraan rakyat, hubungan antara kaum dan agama hendaklah dijaga dengan penuh teliti. Salah satunya adalah berkaitan aspek pemakanan halal yang menjadi keutamaan bagi membentuk keperibadian seseorang individu Muslim. Bagi menjaga keharmonian masyarakat, maka semua pihak harus memainkan peranan dan tanggungjawab menjaga sensitiviti agama Islam khususnya di dalam soal pemakanan. Justeru itu, satu garis panduan telah dikeluarkan bagi memastikan pengesahan status halal sesuatu produk yang dikeluarkan dan pasarkan oleh pengusaha makanan. Di samping itu, kempen-kempen kesedaran secara berterusan yang melibatkan semua peringkat pengusaha dan pengguna sentiasa diadakan seperti Kursus Intensif Halal, Kursus Penyembelihan dan yang terbaru kerajaan akan mengadakan Seminar Penggunaan Produk Halal dan Pembentukan Halal Komuniti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kukup, bagaimana satu pemantauan produk yang benar-benar halal serta 2 kaedah memastikan sesuatu produk itu benar-benar disahkan halal oleh Pihak Berkuasa? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan dilaksanakan berdasarkan jadual berkala yang telah ditetapkan dan juga aduan dari orang awam. Bagi tahun 2008 ini sahaja, sebanyak 92 pemeriksaan halal telah dijalankan. Pemeriksaan tersebut juga turut melibatkan agensi lain iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kesihatan Negeri, Kastam, Imigresen dan Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil pemeriksaan tersebut, sebanyak 12 buah syarikat yang telah digantung atau ditarik balik sijil halal dan tauliah sembelihan. 11 buah syarikat lagi telah dikenakan kompaun oleh KPDNHEP. 7 buah syarikat pula telah diarahkan menutup operasi sementara oleh Jabatan Kesihatan dan 2 buah syarikat dikenakan tindakan oleh Jabatan Imigresen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini pemantauan produk-produk ini dikuatkuasakan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna yang mempunyai Akta Perdagangan yang berkaitan. Akta-Akta dan Enakmen Halal masih di peringkat penggubalan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan sesuatu produk itu disahkan halal pada pengguna khususnya di Negeri Johor ini, boleh mendapat maklumat menerusi satu *directory* yang akan dilancarkan iaitu *Directory* Halal Johor bagi kemudahan kepada pengguna untuk mendapatkan maklumat berkaitan produk premis dan perkhidmatan yang memiliki sijil halal yang sah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kukup juga ada membangkitkan berkenaan tanda halal sesuatu produk yang ada di pasaran masa kini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses mengesahkan halal sesuatu produk adalah diputuskan oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Agama dan dikenali sebagai Panel Pengesahan Halal Negeri Johor. Turut terlibat di dalam panel tersebut adalah Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Jabatan Mufti Negeri Johor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), CEPP (Loji Pandu Kejuruteraan Kimia), UTM, Institut *Standard* dan Penyelidikan Industri Malaysia (SIRIM) Negeri Johor, Jabatan Kimia Negeri Johor, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Negeri Johor dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat. Panel ini bertanggungjawab menerima permohonan dan seterusnya memperakukan halal bagi produk-produk yang telah dikenal pasti mematuhi standard halal oleh Bahagian Penyelidikan jabatan Agama Johor. Justeru itu Ahli Yang Berhormat, mana-mana produk yang telah dilabelkan halal oleh pihak yang berkuasa, maka ianya adalah selamat untuk dimakan kerana ianya telah melalui satu proses kajian dan penelitian yang ketat yang dilaksanakan oleh panel yang saya sebutkan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor, pihak-pihak lain yang mengeluarkan sijil halal adalah:

1. Halal *International Development Corporation* atau ringkasnya HDC.
2. *Islamic Food Research Centre (IFRC) dan;*
3. Halal *Food Council South Asia* atau ringkasnya HFCSEA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai kesinambungan membina kesejahteraan rakyat, institusi masjid berperanan membina jati diri serta perpaduan di kalangan sesuatu masyarakat. Justeru itu, kerajaan membelanjakan sebanyak RM1.2 juta bagi melaksanakan pelbagai aktiviti-aktiviti di masjid-masjid di seluruh Negeri Johor. Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM53 juta bagi membina 32 buah masjid baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, yang mana pembinaannya telah bermula pada tahun 2008. Merujuk pembinaan Masjid Bandar Putra yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kawasan Kemelah, sehingga kini pihak jabatan belum menerima permohonan dari Ahli Jawatankuasa Penaja Masjid tersebut. Walau bagaimanapun, pihak jabatan bersedia menerima permohonan ini untuk di masukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan diangkat kepada pihak yang berkenaan

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang berhormat Dato' Speaker, saya nak betulkan kenyataan daripada EXCO.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk sekejap, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Sebenarnya permohonan ini telah dibuat pada 2003, Tuan Pengerusi.

Y.B. Dato' Speaker : Ya?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Sebenarnya permohonan untuk Masjid Bandar Putra telah pun dimajukan pada tahun 2003 dan kita juga menerima surat daripada Jabatan Agama, kita dapat surat daripada Pejabat Tadbir Agama. Jadi, bagaimana yang dikatakan tidak dipohon? Pembangunan Negeri pun ada hantar surat kepada kita.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, pada Yang Berhormat pun ada, ok.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Memang dah ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yang Berhormat, dia kata dah jawab Jabatan Agama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kemelah. Kalau ikut daripada saya, rekod daripada jabatan, sebenarnya permohonan itu dikemukakan kepada Pejabat Pembangunan Negeri. Kita akan buat *follow up*, Yang Berhormat. Itu rekod….

Y.B. Dato' Speaker : Dia hantar ke Pejabat Pembangunan Negeri bukan Pejabat Agama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dia hantar kepada Pembangunan Negeri, tak ada pada, apa pun saya akan *che*ck balik.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dia dah jawab.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya, yang permohonan tersebut kalau kata melalui Pembangunan Negeri tetapi kita dapat sokongan, kita dapat, kita telah pun mendapat pengesahan daripada Pentadbir Agama sebelum ini. Dan, kita pun ada surat tentang yang mana kita akan ambil, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ada.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, biasalah apabila..

Y.B. Dato' Speaker : Apa? Biasalah eh? Biasalah, ha yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Biasa, apabila sesuatu permohonan itu nak dikemukakan, permohonan untuk dapatkan masjid sebagai contoh, nak di bawa kepada pihak-pihak berkenaan, biasanya dia mintakan surat sokongan

daripada pihak-pihak yang berkenaan daripada Jabatan Agama. Dan, dalam kes ini, setelah diberikan surat, saya punya pandangan diberikan surat sokongan dan dihantar kepada pihak..

Y.B. Dato' Speaker : Ini sebelum Yang Berhormat jadi Pengerusi la ek?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Itu dah tentu, sebelum saya. Dihantar kepada berkenaan, *so* terpulanglah kepada pihak berkenaan untuk menurut. Sebab apa, pihak, khususnya pihak di Kuala Lumpur perlu meluluskan permohonan itu dulu yang mana pihak di Kuala Lumpur yang memberikan 70% daripada dana. Kita hanya 30%. Kalau pihak Kuala Lumpur beri, insya-Allah kita akan bagi lagi 30% apa ni dana untuk….

Y.B. Dato' Speaker : Siasat dahlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Begitu juga dengan pembinaan Masjid Kangkar Tebrau, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Puteri Wangsa. Saya difahamkan sehingga kini masih lagi di peringkat penyelesaian masalah tanah bagi tapak baru pembinaan masjid tersebut. Insya-Allah, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira perkara tanah ini akan dapat diselesaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, mudah-mudahan. Dari masa saya dulu, tak selesai. Dulu saya pun masih tak selesai sampai Wakil Rakyat baru, Insya-Allah, harap boleh selesailah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Insya-Allah, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Barakallah. Berkaitan dengan aduan tanah runtuh di sebelah Masjid FELDA Tenggaroh 2, Mersing, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tenggaroh. Pihak kami akan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah portfolio saya. Saya telah cuba memberikan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan, namun demikian, saya memohon maaf sekiranya mana-mana perkara yang tidak dapat dijawab, saya yakin pegawai-pegawai saya akan mengambil tindakan susulan sewajarnya, kemudian, ok, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput. Yang Berhormat lagi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya mewakili Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor untuk mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan di Mesyuarat Keempat bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor yang Ke-12.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, gaji, elaun dapat, wakil ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Setakat ni, tak ada cerita lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama, saya ingin memberi penjelasan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pekan Nenas, berhubung dengan jangka masa kelulusan bantuan untuk OKU dan juga orang miskin serta mangsa bencana yang dikatakan terlalu lama.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setiap permohonan bantuan kewangan bulanan jabatan yang dikemukakan oleh pemohon atau dirujuk oleh pemimpin masyarakat akan disiasat terlebih dahulu sebelum keputusan permohonan kes diluluskan atau ditolak, dibuat oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah, dan semua permohonan akan diproses dalam masa dua minggu dan keputusan permohonan akan dimaklumkan selewat-lewatnya satu bulan dari tarikh permohonan diterima. Namun begitu, pihak jabatan akan memberikan perkhidmatan terbaik agar golongan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak perlu menunggu lama permohonan mereka dan jika ada kes-kes yang terlewat, diharap pihak Yang Berhormat terus berhubung dengan Pegawai Masyarakat Daerah yang terbabit.

Bagi bantuan bencana peringkat satu yang melibatkan beberapa mukim atau kawasan di sesuatu daerah, pihak jabatan akan membuat perbincangan dengan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah untuk menentukan kelulusan bantuan kewangan. Namun begitu, jumlah yang diluluskan bergantung kepada kelulusan jabatan.

Bagi bencana banjir di Taman Pontian Jaya, bayaran ihsan telah dibuat pada bulan November 2008 melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Pontian.

Suatu keputusan mengambil masa, mengambil sedikit masa untuk kelulusan kerana penentuan bilangan mangsa, keperluan kewangan semasa dan prosedur kelulusan kewangan yang perlu dipatuhi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Senggarang membangkitkan soal Program Pembasmian Kemiskinan (*Focus Group*) melalui JPMM yang diharapkan agar dapat bertindak lebih cepat dan tidak hanya cuma membantu mangsa-mangsa bencana seperti kebakaran. Bagi menjawab soalan ini, sukacita saya maklumkan bahawa Program Membasmi Kemiskinan melalui JPMM ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat sebenarnya hanya sebagai Ahli Jawatankuasa Program *Focus Group*, dan pelaksanaan adalah melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor. Walau bagaimanapun, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa peka dan proaktif bagi membantu kumpulan sasar jabatan. Semua permohonan bantuan akan disiasat mengikut piagam pelanggan dan bantuan kewangan bulanan akan diluluskan sekiranya pemohon memenuhi syarat dan kelayakan untuk menerima bantuan tersebut.

Bagi membantu mangsa-mangsa bencana, tiada skim membina rumah ganti yang musnah akibat bencana. Jabatan hanya meluluskan bantuan membaiki rumah akibat bencana sehingga RM2,500.00 sekali gus. Dan bagi kes yang benar-benar tidak berkemampuan boleh dirujuk terus kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor bagi pertimbangan ke Skim Perumahan Rakyat ataupun SPKR.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN, Ahli daripada Bentayan membangkitkan soal peruntukan perbelanjaan pengebumian bagi golongan miskin berumur 65 tahun ke atas. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya bantuan pengebumian memang diberikan kepada penerima bantuan kes-kes Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM150.00 dan bantuan pengebumian bagi individu yang meninggal dunia akibat bencana sebanyak RM300.00.

ADUN kawasan Penawar membangkitkan soal pembinaan, mencadangkan pembinaan satu pelan bangunan PDK yang seragam bagi membela nasib orang kurang upaya. Kerajaan Negeri Johor dalam usahanya meningkatkan perkhidmatan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kepada orang kurang upaya, maka peruntukan membina bangunan *standard* bernilai RM200,000.00 bagi sebuah PDK berserta RM50,000.00 bagi pembelian peralatan diluluskan setiap tahun sejak tahun 2006. Bangunan ini dibina agar semua PDK di Negeri Johor ini mempunyai bangunan yang selaras dari segi reka bentuk, fungsinya. Sehingga kini, terdapat tiga PDK yang mempunyai bangunan *standard* iaitu PDK Nur Zaharah, DUN Sungai Balang, PDK DUN Kulai dan PDK DUN Parit Yaani. Peruntukan akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri atas mana-mana PDK yang mempunyai tanah yang telah diwartakan ke atas Jawatankuasa PDK sedia ada dengan dikawal selia oleh Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Yong Peng mengemukakan beberapa persoalan, antaranya ialah, tentang kewujudan taska bagi ibu bapa yang bekerja. Pindaan Akta Taska telah pun dibuat pada tahun 2006 dan

dikuatkuasakan pada tahun 2008, bertujuan untuk memudahkan pendaftaran taska, mempelbagaikan taska dan mengurangkan kerenah birokrasi bagi penubuhan taska. Dan terdapat empat kategori taska iaitu, taska komuniti, taska di tempat kerja, taska institusi dan taska di rumah.

Ahli yang sama juga membangkitkan soal hak kesamaan wanita dan juga pencapaian usaha kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam peringkat pembuat dasar sebanyak 30% dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Kabinet mengenai kesaksamaan gender telah ditubuhkan pada 5 Mei 2004 dan secara rasminya pada 6 Disember 2004. Dan dasar ini telah dipraktikkan khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ke-9. Peningkatan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dapat dilihat dalam sektor awam di mana bilangan wanita yang menyandang jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) meningkat daripada 18.8% kepada 26% pada tahun 2007. Selain itu, wanita yang berkhidmat sebagai Duta juga meningkat daripada 10% pada tahun 2006 kepada 15.6% pada tahun 2007. Manakala Pesuruhjaya Tinggi daripada 4.3% pada tahun 2006 kepada 40% dalam tahun 2007. Dan dalam sektor korporat pula, penglibatan wanita di peringkat ini meningkat dari 13.5% pada 2004 kepada 24% pada tahun 2007, sama ada sebagai Presiden, Naib Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan juga Pengurus Kanan.

Berhubung dengan konsep perlaksanaan *home office* yang dibangkitkan Ahli yang sama, konsep ini melibatkan ICT yang membolehkan individu bekerja dari rumah seperti e-homemakers.net yang telah berjaya dilaksanakan. Konsep ini menggalakkan dan membimbing ahli bekerja dari rumah dan menyediakan maklumat cari membuat keputusan, cara memulakan atau mengekalkan usaha penjanaan pendapatan. Ahli saling membantu melalui rangkaian perniagaan atau penyelesaian masalah secara kreatif dan perkongsian idea. Jabatan Pembangunan Wanita telah melancarkan buku panduan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 22 Mei tahun 2007. Susulan daripada pelancaran buku ini, telah membawa kepada konvensyen sehari yang melibatkan 500 peserta dan pada 3 September 2007, ia memberi pengetahuan cara pengembangan perniagaan. Selain itu, pihak kementerian tetap mengutamakan kepada wanita kurang upaya dengan melaksanakan Program *Small Office, Home Office*, (SOHO) bagi tempoh 20 Oktober 2008 sehingga 13 Januari 2009. Ia melibatkan peserta dari Lembah Klang, setakat ini, dan kemahiran asas komputer, etika bekerja, motivasi dan lain-lain diberikan agar akhirnya golongan ini dapat ditempatkan sebagai tele pekerja di syarikat-syarikat di mana tugas dilakukan dari rumah. Semua urusan kerja akan dilakukan secara *on-line*.

Dan Ahli yang sama membangkitkan soal pelaksanaan pengurangan cukai sebanyak RM20,000.00 kepada syarikat swasta sekiranya menyara persekolahan anak-anak ibu tunggal sehingga tingkatan lima. Pihak kami dimaklumkan bahawa program ini akan mungkin dilaksanakan pada tahun 2009 dan sehingga kini masih lagi dalam penelitian pihak kementerian .

Ahli yang sama juga membangkitkan soal pemberian cuti bersalin di Malaysia yang hanya katanya dua bulan berbanding dengan negara jiran yang

memberi cuti bersalin selama tiga bulan serta 6 hari cuti bergaji. Kerajaan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 telah memperuntukkan cuti bersalin daripada 42 hari kepada 60 hari secara berturut-turut dan boleh dilanjutkan bagi cuti menjaga anak sehingga 90 hari tanpa gaji. Dan seramai 563,000 pekerja wanita menikmati faedah ini dalam sektor awam daripada keseluruhan seramai 1.3 juta kakitangan kerajaan. Menurut statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sebanyak 10% ataupun 24,300 daripada 243,000 kakitangan sektor awam berusia 18 hingga 39 tahun melahirkan anak setiap tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia cuti sekarang dua bulan kan? Kalau dia bersalin kembar, macam mana kira, dua kali lah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Setakat ini, tak ada peruntukan kembar, dia *double* cuti, dia tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ok tak ada ya. Kalau dua ke tiga, tetap 60 hari. Yang itu bagus disoal tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, penjawat awam lelaki turut menikmati cuti yang lebih panjang ketika isteri bersalin bagi urusan keluarga selaras dengan kempen utamakan keluarga dengan penambahan cuti daripada tiga kepada 7 hari. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007, pegawai wanita yang melahirkan anak boleh dipertimbangkan kemudahan cuti untuk menjaga anak oleh ketua jabatan sehingga 1,825 hari ataupun 5 tahun sepanjang tempoh perkhidmatannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan latihan dan bantuan kepada ibu tunggal juga dibangkitkan oleh Ahli yang sama. Kerajaan negeri sentiasa prihatin terhadap masalah ibu tunggal terutamanya dalam meningkatkan ekonomi mereka. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim ataupun YPKDT dengan kerjasama Juita melalui Projek Juitaku Sayang Ke-12 telah melaksanakan projek menjana pendapatan ibu tunggal atau golongan berpendapatan rendah dengan memfokuskan kepada peningkatan ekonomi ibu tunggal. Pelaksanaannya adalah dengan menawarkan latihan, kursus dan juga bantuan. Projek ini berkonsepkan *Home Based Entrepreneur*, dengan izin, melalui kursus dan bantuan peralatan. Sehingga Mei 2008, seramai 898 ibu tunggal telah berdaftar dengan YPKDT.

Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Johor telah memberikan bantuan latihan melalui Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal. Pelaksanaan program ini berasaskan konsep inkubator atau *hold my hand* (latih dan bimbing). Seramai 30 orang peserta pelbagai kaum dari seluruh Johor untuk menyertai program ini. Peserta dipilih berdasarkan kriteria umur, minat, kesungguhan pendapatan bilangan tanggungan dan pengalaman.

Program ini memberikan antaranya, kemahiran dalam bidang yang disertai seperti jahitan, kraf tangan, asuhan kanak-kanak, kecantikan dan pelancongan. Ia juga membantu peserta meningkatkan potensi diri sama ada mendapatkan pekerjaan atau memulakan urus niaga sendiri selain memberi motivasi kepada ibu tunggal agar lebih berkeyakinan. Para peserta juga akan dihantar mengikuti kursus kemahiran anjuran Institut Latihan yang ditauliahkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan sehingga memperolehi Sijil MLVK tahap 1.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Kempas membangkitkan berkenaan dengan masalah penduduk di kawasan tanah rizab untuk Hospital Permai yang kedudukannya berada dalam kawasan pusat bandar raya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tapak Hospital Permai merupakan tapak tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kita dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan bahawa pihak Kementerian Kesihatan masih memerlukan tanah tersebut untuk pembangunan. Ini bagi memastikan perancangan Kementerian Kesihatan pada masa hadapan berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Jementah membangkitkan soal di mana terdapat kekurangan dalam menangani penyakit Chikungunya di mana statistik yang dikumpulkan oleh pihak Kesihatan tidak mencerminkan keadaan sebenar penyakit tersebut dan kempen kesedaran terhadap rakyat kurang dalam pencegahan penyakit Chikungunya ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 22 November 2008 terdapat 1,886 kes disyaki Chikungunya yang telah dilaporkan di Negeri Johor. Oleh kerana terdapat pesakit Chikungunya mendapat rawatan di klinik swasta dan klinik tersebut tidak melaporkan kepada Klinik Kesihatan dan perkara ini menimbulkan masalah dari segi kelewatan tindakan kawalan di samping menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat akan keupayaan pihak kesihatan menjalankan tindakan kawalan. Tindakan penguatkuasaan untuk mewajibkan laporan oleh pihak swasta ke Pejabat Kesihatan berdekatan tidak dapat diambil kerana penyakit Chikungunya bukanlah penyakit yang wajib dilaporkan di bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988. Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menjalankan pelbagai aktiviti promosi kesihatan dan kempen berkaitan penyakit Chikungunya yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada orang awam berkaitan langkah pencegahan dan kawalan demam Chikungunya.

Semenjak bulan April, aktiviti pendidikan awam telah dijalankan dan antaranya:

1. Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah mengeluarkan surat pemberitahuan dan arahan meminta semua klinik dan hospital kerajaan dan swasta supaya membuat notifikasi penyakit Chikungunya di daerah masing-masing dan aktiviti berbentuk latihan dan kursus juga diberikan berterusan kepada Pengamal Perubatan Kerajaan dan Swasta.

2. Aktiviti pendidikan kesihatan sedang giat dijalankan melalui saluran media, risalah, ceramah dan nasihat serta taklimat untuk meningkatkan kesedaran orang ramai memusnahkan aedes dalam membasmi penyakit demam denggi dan Chikungunya. Sehingga November 2008 sebanyak

93,099 helai risalah telah diedarkan. 1,564 sesi ceramah termasuk kem saringan Chikungunya dan 86,086 nasihat individu telah pun dijalankan.

3. Maklumat mengenai situasi semasa Chikungunya diberikan setiap minggu oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui kenyataan akhbar, ceramah melalui info kesihatan di radio dan juga di televisyen.

4. Permohonan mengadakan hebahan melalui khutbah telah pun diajukan kepada Jabatan Agama Johor namun begitu mungkin taklimat ringkas di masjid-masjid telah pun diberikan.

5. Pihak pengurusan bas awam telah dimaklumkan untuk melakukan semburan nyamuk aedes di dalam bas pada awal pagi.

6. Pihak Berkuasa Tempatan telah mengarahkan semua Ahli Majlis PBT untuk menjalankan program gerak tumpu di kawasan masing-masing.

7. Aktiviti Pemimpin Bersama Masyarakat dan Aktiviti Penguatkuasaan dijalankan, di mana notis dikeluarkan kepada pemunya premis di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 atau APSPP (Pindaan 2000).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Bukit Permai membangkitkan soal penggunaan, berkaitan dengan penggunaan Pasukan Devit Combi untuk menangani Chikungunya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pasukan tersebut masih lagi diteruskan bagi menangani Chikungunya selain menangani penyakit denggi, penyakit ini adalah dari vektor yang sama iaitu nyamuk aedes.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Yong Peng juga membangkitkan isu ambulan yang telah dilupuskan di Klinik Kesihatan Yong Peng dan sehingga kini belum lagi diganti. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, proses pembelian ambulan untuk Klinik Kesihatan Yong Peng sedang dibuat dan serahan ambulan yang dibeli akan dilakukan pada pertengahan bulan Disember tahun 2008 setelah segala proses perolehan selesai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Pengkalan Rinting membangkitkan tentang kesesakan di Klinik Kesihatan Jalan Pahlawan, Taman Ungku Tun Aminah dan Kampung Pengkalan Rinting, Tampoi yang mengakibatkan masa menunggu rawatan terlalu lama. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan dan membeli tapak-tapak untuk pembinaan Klinik Kesihatan di Taman Bukit Indah, Taman Skudai Baru dan Taman Mutiara Rini serta mempunyai perkhidmatan Kesihatan di Taman Ungku Tun Aminah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 projek pembinaan Klinik Kesihatan Taman Skudai Baru dan Klinik Kesihatan Bukit Indah telah pun pada awalnya dimasukkan dan diluluskan oleh pihak kerajaan, walau bagaimanapun, mengikut kajian separuh penggal projek ini akan dilaksanakan, projek pembinaan Klinik Kesihatan Taman Bukit Indah ini dilaksanakan pada Rancangan Malaysia ke-10.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Rengit membangkitkan mengenai keadaan Klinik Kesihatan Rengit yang kurang sempurna. Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan menyenaraikan projek pembinaan semula Klinik Kesihatan Rengit di tapak sedia ada dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Pada masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia sedang berusaha memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan sebidang tanah yang terletak di hadapan klinik sedia ada yang kini merupakan kuarters JKR untuk dijadikan sebahagian daripada tanah milik kerajaan, milik Kementerian Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN dari Yong Peng juga membangkitkan perkembangan pembinaan Klinik Kesihatan KK3 di DUN Yong Peng. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut, pembinaan klinik ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 disebabkan kekurangan siling peruntukan untuk Rancangan Malaysia Ke-9.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN kawasan Jementah membangkitkan soal kekurangan Doktor Pakar di Hospital Segamat. Kekurangan doktor di Hospital Segamat memang diakui dan diatasi pada masa ini dengan menghantar doktor daripada Hospital Muar, Hospital Batu Pahat dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Dan insya-Allah pada awal tahun depan doktor akan dihantar ke Hospital Segamat apabila doktor yang berada di Hospital Johor Bahru selesai menjalani *housemanship*nya dan Doktor Pakar akan dihantar dari Hospital Muar dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru untuk membantu masalah kekurangan Doktor Pakar di Hospital Segamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikian tadi penjelasan mengenai beberapa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Mana-mana yang mungkin terlepas pandang diharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berhubung terus supaya kita boleh berbincang mengenainya. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Perbahasan dijemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun memperbahaskan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar selama 10 hari dan pada keseluruhannya saya dapati bahawa beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat walaupun kadang kala dalam keadaan yang terdesak dan penuh emosi saya cukup faham semata-mata adalah untuk kebaikan rakyat. Itulah tugasan kita semua di Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat letih je. Kesian tengok kita pergi minum Tongkat Ali. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:05 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan disambung semula.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama-tama saya ingin tarik perhatian Ahli Dewan berkenaan isu dibangkitkan ADUN Pengerang, berkenaan kekurangan jumlah rumah kos rendah di kawasan Yang Berhormat. Saya ingin memaklumkan bahawa secara keseluruhannya jumlah permohonan bagi daerah Kota Tinggi yang berdaftar di Pejabat Setiausaha Bahagian Perumahan Johor ialah 367 permohonan. Manakala bagi kategori rumah kos rendah yang bernilai RM35,000.00 pula dicatatkan sebanyak 217. Sehubungan dengan itu, di daerah Kota Tinggi, terdapat projek pembangunan perumahan yang akan dibangunkan oleh KEJORA sebanyak 122, 120 unit rumah kos sederhana rendah yang akan dibina di Taman Desaru Utama, manakala pula pihak FELDA juga sedang membangunkan sejumlah 792 unit rumah kos rendah dan kos sederhana bagi generasi kedua dan ketiga di FELDA Pasak. Pada dasarnya kita sedia maklum, faktor pasaran di samping usaha kerajaan memainkan peranan utama di dalam pembangunan sektor perumahan ini pada satu-satu kawasan dan saya percaya Projek Lebuh Raya Senai - Desaru yang dijangka siap Julai tahun hadapan akan memberikan impak ke kawasan Yang Berhormat.

Merujuk kepada permasalahan, Yang Berhormat Datuk Speaker, ketinggian tingkat Projek Perumahan Rakyat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas. Kerajaan Negeri melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar telah menyempurnakan kajian dasar secara menyeluruh berhubung isu ketinggian bangunan berdasarkan kepadatan penduduk di satu-satu kawasan. Saya ingin memaklumkan bahawa secara dasarnya kita telah mempersetujui bahawa ketinggian setiap satu perumahan bangunan rumah rakyat ini mestilah tidak melebihi 10 tingkat. Sehubungan dengan itu, kajian ini meliputi ke semua isu perumahan dalam Negeri Johor seperti zon kependudukan, rekaan unit dan bangunan yang lebih mesra penduduk, serta isu pembinaan rumah kos rendah oleh kerajaan sebagaimana juga dibangkitkan oleh Yang berhormat ADUN Puteri Wangsa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan projek perumahan di sewa untuk ditukar konsep ke sewa beli yang dibangkitkan oleh ADUN Puteri Wangsa dan ADUN Kempas, saya ingin maklumkan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya telah mengambil keputusan bahawa ke empat-empat projek perumahan rakyat yang telah siap dibina, yang ada ini sebanyak 6,732 unit di sekitar daerah Johor Bahru dikekalkan sebagai projek perumahan rakyat untuk di sewa. Keputusan ini telah diambil bagi menampung keperluan golongan yang kurang berkemampuan untuk mendiami rumah ini sebelum mereka berupaya untuk membeli dan seterusnya memiliki rumah mereka sendiri. Walau bagaimanapun, KPKT ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersetuju untuk memberi kebenaran kepada Kerajaan Negeri

menjual unit-unit tersebut dalam bentuk perumahan, dalam bentuk, menjual unit tersebut dalam bentuk sewa beli sekiranya terdapat keperluan.

Sekarang, izinkan saya untuk menghuraikan tentang persoalan kelemahan dalam sistem pengagihan rumah kos rendah dan sederhana rendah di Negeri Johor yang dibangkitkan oleh ADUN Kahang. Kelemahan ini di hurai dari sudut pengubahsuaian rumah yang tidak mempamerkan atau menampakkan status sebenar golongan berpendapatan rendah yang menduduki rumah-rumah kos rendah. Sukacita saya menjelaskan had pendapatan isi rumah yang melayakkan seseorang pemohon dikategorikan sebagai layak memiliki rumah kos rendah adalah seperti berikut: Bagi harga di bawah RM35,000.00 syarat kelayakan ialah had pendapatan maksima isi rumah berjumlah RM3,000.00 dan untuk kos sederhana rendah di bawah harga RM50,000.00, syarat yang melayakkannya ialah had pendapatan maksima isi rumah berjumlah RM3,500.00. Manakala bagi rumah kos sederhana rendah yang harganya RM80,000.00 mensyaratkan had pendapatan isi rumah sebanyak RM4,500.00.

Sehubungan itu, syarat kelayakan ini merupakan salah satu kriteria utama yang melayakkan seseorang pemohon ditawarkan unit-unit rumah tersebut dari aspek pengagihan. Manakala dari segi pengubahsuaian, kita tidak menghalang pemilik rumah untuk membuat pengubahsuaian, sekiranya mereka berkemampuan. Hal ini berkemungkinan Yang Berhormat Datuk Speaker, tempoh masa tertentu terdapat peningkatan taraf hidup dan pendapatan lebihan keluarga yang berkenaan. Selain itu berkemungkinan juga pemilik rumah membuat pembiayaan semula harta bagi setelah habis hutang dibayar bagi mengurangkan beban berdasarkan kesesuaian semasa.

Isu dibangkitkan oleh ADUN Stulang berhubung kadar air yang tinggi bagi Projek Perumahan Rakyat yang mana kadarnya sama dengan kadar air bagi pangsapuri atau kondominium. Sehubungan itu kadar air yang ditetapkan oleh Syarikat Air Johor atau SAJ adalah sebanyak RM1.18 per meter padu. Justeru, kita mengambil berat mengenai kadar air ini yang agak mahal berbanding kadar air rumah untuk rumah tangga dan kerajaan telah memutuskan supaya UPEN membuat kajian khusus mengenai kadar air bagi bangunan bertingkat kos rendah di Negeri Johor yang menggunakan meter pukal. Hasil kajian ini akan dapat menentukan nanti kadar baru yang lebih rendah yang sesuai dikenakan SAJ bagi kategori perumahan bertingkat kos rendah yang rata-rata didiami oleh mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Saya ingin juga menarik perhatian Yang Berhormat ADUN Kempas yang, berkenaan dengan Zoo Negeri Johor ini yang ketiadaan kekurangan *signboard*, dengan izin ataupun papan tanda sebagai tunjuk arah kepada pengunjung-pengunjung yang datang dari luar daerah Johor Bahru. Setakat ini terdapat 9 buah papan tanda zoo yang telah dipasang oleh JKR di sekitar bandar raya Johor, Johor Bahru. Lokasi pemasangan 9 buah papan tanda tersebut adalah 3 buah papan tanda dari arah utara iaitu terletak di jejantas Bandar Baru UDA, di hadapan Petronas, Bandar Baru UDA dan di persimpangan bertingkat menghala ke Teluk Danga. 3 buah lagi papan tanda yang terletak di sepanjang Jalan Abu Bakar menghala ke pusat bandar iaitu berhadapan dengan Padang Sri Gelam, di hadapan Masjid Sultan Abu Bakar dan di simpang

Jalan Gertak Merah. Manakala bagi papan tanda dari pusat bandar menghala ke utara terdapat 3 lokasi, Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu satu, dekat Persisiran Tun Sri Lanang sebelum JB *Waterfront City* ini, dengan izin, di Jalan Tun Dr. Ismail, satu lagi selepas Istana Besar dan juga akhirnya di simpang masuk menghala ke Jalan Gertak Merah. JKR mengambil maklum pandangan Yang Berhormat Kempas supaya ditambah bilangan papan tanda ke Zoo Negeri Johor pada masa akan datang bagi memudahkan lagi para pengunjung berkunjung ke zoo kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara tandas awam di aras 1, Kompleks Kotaraya yang ditutup oleh Perbadanan Johor. Saya dimaklumkan penutupan tandas tersebut adalah bagi memberi laluan pada kerja-kerja pengubahsuaian yang sedang dibuat untuk keselesaan para pengunjung pada masa hadapan. Sebagai alternatif, Perbadanan Johor memaklumkan bahawa para pengunjung boleh menggunakan tandas di aras yang sama iaitu yang terletak di antara restoran Sedap Corner dan Singgah Selalu. Di samping itu terdapat juga 61 unit tandas awam di semua aras kompleks Kotaraya bagi memastikan keselesaan para pengunjung. Tandas-tandas tersebut dibuka mengikut waktu perniagaan dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam. Tandas awam di Pantai Lido pula, tandas ini selalunya dibuka jam 8.00 hingga 9.00 malam. Dan, tandas tersebut dibuka pada setiap hari termasuk pada hari kelepasan am. Walau bagaimanapun, untuk bulan Oktober dan November tahun ini, memang terdapat tandas di Pantai Lido ini tidak dibuka pada hari minggu kerana bandar raya menghadapi masalah kekurangan anggota pekerja pada masa itu, katanyalah. Tapi walau bagaimanapun mulai 1 Disember ini tandas ini dibuka semula jam 8.00 hingga 10.00 malam termasuk hari minggu.

Mengenai isu tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh PBT terhadap peniaga-peniaga kecil yang menjalankan perniagaan di kaki lima, sebagaimana dibangkitkan oleh ADUN Parit Yaani, saya ingin memaklumkan saya telah mengarahkan semua PBT lebih bertolak ansur dan tidak mengambil tindakan terhadap peniaga yang menggunakan kaki lima untuk meletakkan barang-barang selagi ianya tidak menghalang sepenuhnya laluan pejalan kaki tidak menghalang sepenuhnya laluan pejalan kaki. Usaha ini adalah untuk membantu peniaga-peniaga menarik, peniaga-peniaga kedai itu di premis itu, menarik lebih pelanggan untuk datang ke premis mereka. Tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh PBT adalah hanya kepada peniaga-peniaga yang ingkar untuk menyusun barang-barang dengan kemas sehingga boleh menimbulkan kesulitan dan menghalang laluan orang awam di kaki lima.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Bentayan telah membangkitkan isu pembinaan bonggol atau mengecat garisan kuning di jalan-jalan dalam kawasan perumahan dan taman-taman. Majlis Perbandaran Muar ada menyediakan peruntukan setiap tahun untuk urusan ini bagi pembinaan bonggol atau mengecat garisan kuning di jalan-jalan dalam kawasan perumahan dan taman-taman. Pada tahun 2007 sebanyak RM76,000.00 telah dibelanjakan untuk 15 buah lokasi taman perumahan di Majlis Perbandaran Muar. Manakala sehingga November 2008, Majlis Perbandaran Muar telah membelanjakan sebanyak RM84,500.00 bagi tujuan tersebut yang

meliputi 18 buah lokasi taman perumahan yang lain. Bajet tahun hadapan Majlis Muar telah menyediakan peruntukan sebanyak RM53,750.00 untuk perkara yang sama bagi memenuhi keperluan lokasi-lokasi lain yang telah dirancang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, program Bandar Selamat yang dilaksanakan di PBT seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Batu. Sehingga 30 September tahun ini, dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Kulai telah pun melaksanakan kesemua 23 langkah pencegahan jenayah sebagaimana disarankan melalui program tersebut. Di samping itu 5 pihak PBT telah melaksanakan di antara 16 hingga 21 langkah pencegahan jenayah atau 70 hingga 91% manakala 9 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain telah pun melaksanakan sekurang-kurangnya di antara 4 hingga 12 langkah pencegahan jenayah atau 17 hingga 52%. Majlis Perbandaran Kulai setakat ini telah memasang sebanyak 17 unit CCTV ataupun kamera litar tertutup di kawasan pentadbirannya. Kesemua 17 unit kamera tersebut berfungsi dengan baik dan setakat ini tiada berlaku sebarang kehilangan kamera. Pihak kementerian akan memasang sebanyak 88 unit kamera litar tertutup lagi di 4 buah Pihak Berkuasa Tempatan di Johor termasuk 16 unit untuk Perbandaran Kulai.

Mengenai tunggakan cukai terutama cukai harta yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Sungai Abong dan Bukit Permai, saya ingin mendapat perhatian di dalam persidangan Dewan setiap kali kita bersidang. Hasil cukai harta merupakan hasil utama sesebuah PBT. Peningkatan hasil cukai harta pada setiap penggal kebanyakannya disebabkan pertambahan pegangan baru yang dikenakan cukai. Dan di antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah tunggakan cukai harta di Pihak Berkuasa Tempatan ialah dengan menghantar bil-bil secara serahan tangan ke premis-premis selain menggunakan pos, kita gunakan juga kaunter bergerak bagi memudahkan pembayaran cukai pada setiap awal penggal dalam tempoh setengah tahun pertama dan setengah tahun kedua. Juga, membuka kaunter pembayaran pada hari Sabtu dan Ahad. Pembayaran terus secara *online* pun boleh dilakukan. Kemudahan pembayaran di pejabat Pos dan menggunakan kad kredit. Juga menggunakan operasi sita harta di mana yang perlu. Membenarkan bayaran secara ansuran, membuat semakan terkini, ini arahan yang terbaru di Pejabat Tanah dan Galian bagi kes-kes pegangan yang alamatnya tidak dapat dikesan kerana majoriti yang tertunggak adalah daripada golongan ini dan menggunakan khidmat panel peguam bagi membantu tugas PBT menuntut tunggakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penguatkuasaan bagi premis perniagaan di Majlis Perbandaran Kulai yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Permai. Terdapat 2 jenis lesen perniagaan iaitu satu yang berisiko tinggi ataupun sensitif, lesen sensitif dan lesen tidak sensitif ataupun yang tidak berisiko tinggi. Pada masa ini lesen perniagaan baru jenis tidak berisiko tinggi ini dikeluarkan sebanyak ke atas 79 jenis premis dalam masa sehari seperti kedai buku, pakaian dan lain-lain yang tidak berisiko tinggi. Perniagaan yang berisiko tinggi adalah jenis perniagaan yang memerlukan sokongan dari lain-lain agensi seperti Jabatan Alam Sekitar, JKKP, Pejabat Kesihatan dan lain-lain. Walau bagaimanapun sementara

menunggu lesen perniagaan berisiko tinggi ini diluluskan, seseorang peniaga itu boleh memohon lesen sementara selama 3 bulan pada mana-mana peniaga yang hendak menjalankan perniagaan dengan segera. Tindakan penguatkuasaan bagi bayaran lesen di Majlis ini dijalankan terus menerus yang mana pungutan hasil lesen sehingga Oktober tahun ini telah pun menjangkau 97.31%. Berkenaan dengan isu kafe *cyber* yang dibangkitkan oleh ADUN Johor Jaya telah pun saya perjelaskan melalui jawapan lisan yang dijawab secara bertulis di dalam persidangan kita kali ini. Isu sistem pengangkutan yang tidak memenuhi keperluan orang ramai, Majlis Bandaraya Johor Bahru mendapati bas berhenti-berhenti yang telah diluluskan oleh LPKP untuk taman-taman perumahan di kawasan Bandaraya Johor Bahru tidak beroperasi mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti laluan, masa dan jumlah bas. Di mana kebanyakan bas berhenti-henti beroperasi pada siang hari di luar kawasan Bandaraya Johor Bahru. Majlis Bandaraya Johor Bahru juga telah meminta kerjasama dari pihak yang berkenaan, LPKP dan JPJ supaya sentiasa menjalankan penguatkuasaan kepada semua syarikat bas berhenti-henti dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru supaya mereka patuhi syarat yang dinyatakan dalam permit yang telah diluluskan untuk memberikan keselesaan sebaik mungkin kepada warga kota. Majlis juga telah mengadakan sistem lalu lintas yang dipanggil *SCATS* ataupun dengan izin, *Sydney Coordinated Adaptive Automatic Traffic System* yang berkomputer bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di Jalan Tebrau di waktu kemuncak. Sistem ini telah pun dilaksanakan sejak tahun 2005.

Kilang haram yang dibangkitkan oleh ADUN Jorak. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri pada 21 Julai tahun ini telah memutuskan supaya sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengerusi Kerajaan Tempatan ditubuhkan untuk menangani masalah kilang-kilang haram yang terdapat di Negeri Johor. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan satu pangkalan data kilang-kilang yang beroperasi di luar zon industri. Berasaskan pangkalan data tersebut nanti kajian terperinci perlu dijalankan dan jawatankuasa ini juga akan mencadangkan tindakan program pemutihan mengikut kriteria-kriteria yang dipersetujui oleh Jabatan Teknikal. Tindakan mengumpulkan semua maklumat industri telah pun dimulakan dan dijangka selesai pada bulan Januari tahun hadapan.

Berkenaan dengan isu tenaga TNB yang memberi bekalan tenaga elektrik kepada kilang-kilang haram. TNB memaklumkan sekiranya terdapat permohonan bekalan elektrik daripada pengguna ataupun penduduk mana-mana premis, TNB dikehendaki memberi bekalan elektrik berdasarkan kepada Akta Bahagian 6 Pembekalan oleh pemegang lesen Seksyen 24, Akta Bekalan Elektrik 1990. Pihak TNB tidak boleh memberhentikan bekalan elektrik ini kecuali atas dasar keselamatan dan penggunaan elektrik secara tidak sah.

Menurut cadangan Yang Berhormat ADUN Pemanis supaya longkang-longkang yang terbuka diletakkan penutup untuk kemudahan pejalan-pejalan kaki khususnya di Jalan Buluh Kasap, Segamat. Majlis Daerah yang berkenaan hendaklah melaksanakan kerja-kerja tersebut secara berperingkat untuk memastikan setiap longkang yang bersesuaian ditutup dan perlu ditutup bagi keselamatan orang pejalan kaki dan orang yang menggunakan jalan raya

tersebut bagi membolehkan ia dimanfaatkan sebagai laluan pejalan kaki terutamanya di jalan-jalan utama seperti Jalan Buluh Kasap dan Jalan Abdullah. Manakala bagi Jalan Genuang kerja-kerja menutup longkang telah pun siap dijalankan pada Disember 2007 yang lalu dengan kos sebanyak RM350,000.00 melalui peruntukan daripada Kementerian.

Masalah banjir kilat di kawasan Dumpar, Jalan Junid, kawasan Parit Perupuk dan Parit Sakai Laut yang dibangkitkan oleh ADUN Maharani telah pun dijawab secara bertulis Yang Berhormat Dato' Speaker dan saya harap dapat merujuk kepada jawapan tersebut.

Yang Berhormat ADUN Yong Peng telah membangkitkan isu mengenai tempat letak kereta yang lebih terang bagi mengelakkan kejadian tidak diingini khususnya yang melibatkan kaum wanita dan tempat letak kereta bagi OKU. Untuk makluman, keselamatan tempat letak kereta dalam kawasan atau bangunan persendirian adalah di bawah tanggungjawab pengurusan syarikat pengendali masing-masing. Walau bagaimanapun, PBT ada mengeluarkan arahan di bawah program Bandar Selamat di mana syarikat pengendali tempat letak kereta dikehendaki untuk memenuhi arahan sebagaimana berikut:

1. Memasang interkom sistem dan lampu yang terang terutama di ruang kecil laluan masuk dan laluan keluar.

2. Pasang kamera litar tertutup yang mencukupi bagi pengawal keselamatan melaksanakan kerja-kerja pemantauan.

3. Pasang lampu yang terang dan mencukupi serta penyelenggaraan yang sempurna.

4. Menyediakan pondok pengawal di setiap tempat yang strategik dan sentiasa terdapat pengawal keselamatan dan akhirnya direka bentuk kawasan tempat letak kereta perlu dielakkan mewujudkan kawasan dengan izin, *blind corners.*

Di samping itu terdapat syarikat pengendali tempat letak kereta yang menyediakan petak khas untuk kaum wanita contohnya ialah yang ada sekarang di Plaza Pelangi di mana tempat letak kereta tersebut telah dicat dengan warna merah samar. Bagi golongan OKU pihak PBT telah mensyaratkan setiap pembangunan baru dalam semua cadangan pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan, pemaju mestilah menyediakan tempat letak kereta untuk OKU.

Mengenai masalah banjir kilat di Taman Tanah Merah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Penggaram, ini merupakan satu masalah yang selalu berulang. Perkara ini di atasi melalui tindakan jangka pendek dan jangka panjang. Bagi tindakan jangka pendeknya Pejabat Daerah Batu Pahat telah pun mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM300,000.00 kepada Pejabat Menteri Besar bagi tujuan pengambilan balik tanah, kerana ada urusan pengambilan balik tanah yang perlu dilakukan untuk menangani masalah banjir kilat di Taman Tanah Merah ini.

Selain daripada itu juga, Majlis Perbandaran Batu Pahat telah pun menjalankan kajian dengan izin, *storm drainage* di mana di kawasan Taman ini hasil kajian telah memberikan dua cara jalan penyelesaian:

1. Menyediakan kolam takungan atau pelebaran parit.

2. Pelebaran parit.

Kos pelaksanaan projek tersebut dianggarkan berjumlah RM1.5 juta. Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Pejabat Daerah Batu Pahat akan menilai dan memilih alternatif penyelesaian terbaik dan ini hendaklah dilaksanakan di masa yang terdekat ini. Di samping itu juga pihak SWM telah diarahkan menambah kekerapan penyelenggaraan parit bagi persediaan awal sebelum berlaku banjir kilat. Majlis Perbandaran Batu Pahat sentiasa membuat pemantauan terhadap parit-parit yang tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak. Didapati parit tersebut tidak dipenuhi dengan sampah sebaliknya dipenuhi dengan pasir akibat di bawa arus air dari tempat tinggi kawasan tanah yang terbuka dan terhakis. Notis telah pun diberikan oleh SWM untuk mengambil tindakan pembersihan segera sebaik sahaja pemantauan mendapati mendapan pasir di longkang itu berlaku. Majlis Perbandaran telah diminta memberi penumpuan khusus di tempat-tempat yang kritikal seumpama ini lebih-lebih lagi pada masa sekarang musim hujan lebat yang sedang berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai penutupan *traffic light* ataupun dengan izin, lampu isyarat di simpang Jalan Tun Abdul Razak dan Taman Tasik yang dibangkitkan oleh ADUN yang berkenaan iaitu Pengkalan Rinting, terima kasih. Ianya telah dipersetujui bersama dalam perbincangan pada 14 November yang lalu, di antara Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting dengan pihak Bandar raya dan Polis iaitu waktu penutupan akan dikekalkan pada pukul 4:00 petang hingga 8:00 malam setiap hari. Penutupan ini dibuat untuk mengelakkan berlakunya kesesakan dan kemalangan di Jalan Tun Abdul Razak, terutama sekali nanti selepas terutama sekali selepas pembukaan Bangunan Sultan Iskandar mulai 2 Disember yang lalu. Kenderaan masuk dari Singapura yang dahulu menggunakan Jalan Abu Bakar di tepi laut sekarang telah dilencongkan melalui Jalan Tun Abdul Razak. Sekiranya simpang tersebut tidak ditutup pada tempoh berkenaan, walaupun sebelum ini arahan telah diberikan untuk tutup 24 jam. Kesesakan tersebut dijangka akan menjadi satu masalah yang besar kepada pengguna jalan raya bermula pada tahun 2004.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan Yang Berhormat ADUN Permas, cadangan supaya Pihak Berkuasa Tempatan memberi kebenaran untuk program Bumi Hijau di atas tanah yang diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan perlu dikaji kesesuaiannya. Kebanyakan tanah-tanah Yang Berhormat Datuk Speaker yang di selenggara oleh PBT merupakan tanah rizab kawasan lapang ataupun tanah yang dimajukan bagi tujuan pembinaan taman awam ataupun rekreasi.

Mengenai kekurangan kawasan rekreasi dan riadah di Taman Cendana Pasir Gudang, Majlis Perbandaran yang berkenaan telah menyediakan sebuah

dewan serba guna di Taman Cendana yang boleh digunakan untuk bermain badminton, sepak takraw dan bola tampar. Di samping itu juga terdapat sebuah kawasan rekreasi yang berdekatan dengan Taman Cendana iaitu Taman Bandar Pasir Gudang. Jaraknya hanya 500 meter meliputi kawasan seluas 150 ekar yang boleh diguna sama.

Dalam usaha merancang semula kawasan-kawasan menghadapi pembangunan dan dalam masa yang sama Yang Berhormat Datuk Speaker menjadi tarikan kepada pelancongan, kawasan Kampung Senibong di Permas Jaya antara kawasan dikenal pasti untuk di naik taraf bagi mewujudkan persekitaran yang lebih menarik. Kawasan Kampung Senibong ini merupakan sebahagian daripada pembangunan lembangan Tebrau - Plentong oleh KPRJ yang akan dibangunkan oleh Tetuan Bayou Senibong Sdn. Bhd. yang akan menumpukan kepada pembangunan perumahan, kemudahan infrastruktur dan utiliti. Lanjutan daripada itu Bandar raya telah menyediakan rancangan kawasan khas ataupun RKK khusus untuk Kampung Senibong yang telah pun diwartakan bersama-sama dengan RTD Johor Bahru pada 3 Januari yang lalu.

Melalui RKK ini, yang menggariskan program pembangunan meliputi tindakan jangka panjang dan jangka pendek dengan mengambil kira pembangunan Bayou Senibong yang telah pun di`*committed*'kan dengan izin, selaras dengan pembangunan Bayou Senibong yang telah diluluskan, terdapat cadangan rangkaian jalan selebar 50 kaki yang akan menghubungkan kawasan pinggir pantai dengan jalan utama. Adalah dijangkakan pada tahun 2011 apabila pembangunan Bayou Senibong telah pun dilaksanakan, lot-lot gerai sedia ada ini akan digantikan dengan pembangunan rumah pangsa kos sederhana rendah dan pihak pemaju telah dicadangkan untuk mengambil kira potensi aktiviti makanan laut agar dapat diteruskan sebagai identiti kekal Kampung Senibong sebagai pusat tumpuan makanan laut dapat kita teruskan. Bagaimanapun memandangkan pembangunan Bayu Senibong belum dilaksanakan lagi, bandar raya telah pun menyediakan tindakan jangka pendek yang menumpukan kepada pembaikan infrastruktur yang sedia ada yang melibatkan rangkaian sistem jalan raya, sistem perparitan dan pembetungan. Kemudahan rekreasi dan penyediaan tempat letak kereta supaya dapat menyediakan satu persekitaran yang selesa sebelum projek Senibong berjalan sepenuhnya.

Bagi sistem jalan raya tumpuan diberikan terhadap kerja-kerja turapan jalan sedia ada. Ini mengambil kira sehingga kini tiada pembangunan dicadangkan oleh pemilik tanah di Kampung Senibong.

Masalah Pasar Awam Taman Perling yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah telah pun membuat kerja-kerja menaik taraf pasar awam memang betul ya sejak pada tahun 2007. Nilai tender menaik taraf tersebut ialah sebanyak RM935,464.60 hampir RM1 juta ya. Kerja-kerja yang telah dilaksanakan ialah:

1. Membaiki kemasan jubin lantai.

2. Membaiki kemasan jubin permukaan bangku-bangku pasar.

3. Menggantikan lapisan kalis haba di bawah lapisan bumbung supaya tidak terlalu panas.

4. Mengubahsuai gerai-gerai sayur dijadikan gerai makan.

5. Pembinaan longkang terbuka dan penutup longkang termasuk membuat tembok *rubble pitching* dengan izin.

6. Mengecat bangunan pasar.

7. Kerja-kerja pendawaian.

ini semua telah dilakukan. Namun begitu, kita akui masih terdapat beberapa kerosakan yang belum diperbaiki yang mungkin terlepas pandang oleh Majlis Perbandaran yang seharusnya tidak berlaku. Seperti kerosakan struktur bumbung dan kebocoran pada sebahagian bumbung apabila hujan ataupun hujan lebat serta kerosakan sesalur air. Kerja-kerja ini hendaklah dibuat segera dan serta merta oleh Johor Bahru Tengah.

Mengenai cadangan supaya dirizabkan petak letak kereta bagi anggota Polis yang bertugas di pondok Bit Polis di hadapan KOMTAR dan Lingkaran Segget yang dibangkitkan ADUN yang sama, untuk makluman Yang Berhormat, pondok Bit Polis berkenaan telah didirikan di atas Sungai Segget yang telah pun ditutup untuk dijadikan laluan kepada orang awam. Kedudukannya adalah berhampiran dengan Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Segget yang merupakan jalan utama, pihak bandar raya boleh menyediakan petak letak kereta bagi anggota Polis yang bertugas. Bukan hanya setakat apa ni, buat warna kuning dan tulis apa ni perkataan Polis di situ, tetapi sebenarnya berlaku ialah diletakkan kon sahaja. Jadi kena buat petak letak kereta bagi anggota Polis yang bertugas supaya tidak menghalang laluan kereta-kereta yang lain. Manakala pondok Bit Polis di Jalan Stesen telah pun disediakan petak letak kereta untuk anggota Polis.

Permohonan Yang Berhormat Stulang yang meminta untuk melebarkan Jalan Kampung Bakar Batu yang sempit perlu di naik taraf serentak dengan projek Jalan Permas - Pasir Gudang. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Stulang, Jalan Bakar Batu akan di naik taraf kepada 4 lorong dan disambung ke Jalan Permas Jaya. Projek ini akan dilaksanakan oleh pemaju perumahan yang membangunkan semula tanah Kem Majidee.

Menyentuh tentang isu kerosakan di Jalan Lada Hitam Beroleh, Jalan Parit Besar, Jalan Parit Lintang, Parit Yaani dan Kampung Bindu seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Parit Yaani, JKR akan menjalankan siasatan lanjut berkenaan permasalahan ini.

Untuk menaikkan taraf jalan kampung permohonan akan dimajukan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Manakala bagi Jalan Kampung Bindu, kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan termasuk dalam skop kerja projek jalan dan jambatan Parit Haji Salleh yang sedang dalam

pembinaan. Tapi yang lain tu, JKR insya-Allah kena buat kajian yang cepat supaya dapat disalurkan kepada Kementerian yang berkenaan.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Johor Jaya berkenaan kesesakan yang berlaku di Jalan Tebrau dijangka akan dapat diatasi setelah kerja-kerja pembinaan persimpangan bertingkat Jalan Tampoi di Kampung Ubi siap pembinaannya. Kerja-kerja pembinaan projek ini telah bermula pada 17 Mac tahun ini dan dijadualkan siap pembinaan pada 13 Mac 2011.

Kesesakan di Jalan Tebrau dijangka dapat diatasi apabila lebuh raya Penyuraian Timur ataupun Eastern Dispersal Link (EDL) dengan izin, disiapkan pada tahun 2011. Lebuh raya ini bermula dari persimpangan bertingkat berhampiran Pasar Borong Pandan hingga ke Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin baru di Bukit Cagar.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh ADUN Nusajaya Yang Berhormat, berhubung jalan di sekitar Gelang Patah yang tidak sempurna serta permasalahan jambatan besi di pekan Gelang Patah yang terlalu uzur keadaannya. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan sebahagian jalan-jalan di kawasan Gelang Patah sedang dijalankan oleh pemaju perumahan berkenaan manakala bagi jalan-jalan tidak dibina oleh pemaju akan dilaksanakan oleh pihak JKR secara berperingkat-peringkat. Jambatan besi yang uzur di pekan Gelang Patah JKR telah membaiki kerosakan pada jambatan tersebut. Untuk jangka masa panjang, jambatan tersebut akan diganti dengan jambatan yang baru di bawah RMK-10.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Nusajaya juga berkenaan pelaksanaan projek-projek menaik taraf Jalan Pontian - Pekan Nenas - Johor Bahru kepada 4 lorong. Setakat ini saya nak maklumkan bahawa permohonan ini tidak dapat peruntukan di bawah permohonan yang kita majukan di bawah RMK-9. Oleh kerana itu peruntukan ini akan diusulkan semula dalam RMK-10.

Bagi isu pemasangan papan tanda tunjuk arah ke Nusajaya dari arah Pontian, Taman Perling dan Taman Tun Aminah, ianya akan dipasang dalam tempoh terdekat dan dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Januari tahun hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Kahang meminta jalan penghubung dari Bandar Kluang dan seterusnya ke Mersing di naik taraf kepada 4 lorong. Yang ini, setakat ini tidak dapat dilaksanakan pada masa ini kerana permohonan peruntukan yang kita kemukakan di bawah RMK-9 juga tidak diluluskan. Jadi kerja-kerja walau bagaimanapun, kerja-kerja *maintenance* akan terus dijalankan secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa bagi memastikan jalan tersebut selamat digunakan oleh pengguna jalan raya sebaik mungkin dengan menambah baik ciri-ciri keselamatan seperti penyediaan pagar keselamatan dan papan tanda di bahagian selekoh dan cerun curam, manakala jalan yang rosak akan diturap semula.

Yang Berhormat ADUN Senggarang membangkitkan berkenaan persimpangan jalan yang kerap berlaku kemalangan maut iaitu di Kampung Sungai Suloh, Sungai Ayam, Simpang Bukit Batu Senggarang, Simpang Parit Bugis, Simpang Parit Kemang dan Simpang Parit Dalam. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengurangkan kawasan merbahaya, *black spot*, dengan izin terutamanya di simpang-simpang jalan dan selekoh-selekoh merbahaya. Justeru, kita telah memperuntukkan sejumlah besar peruntukannya iaitu lebih kurang RM2 juta setiap setahun bagi mengatasi permasalahan ini. Keutamaan akan diberikan di sekitar kawasan yang kerap berlaku kemalangan berdasarkan statistik kemalangan yang diperolehi dari Polis Trafik bagi setiap daerah.

Tentang isu yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Naning, Yang Berhormat, berkenaan projek jalan pintas dari Tanah Merah, Pagoh menghala ke Kampung Kelantan, Ayer Hitam, Muar, memang ianya tidak ada dalam senarai projek tahun hadapan, tapi oleh kerana jalan ini telah pun siap pengambilan balik tanahnya semenjak tahun 1998 dan telah berulang kali, setiap penggal dibangkitkan dalam Dewan. JKR hendaklah membuat pendekatan-pendekatan baru dengan menilai semula anggaran asal iaitu untuk menyiapkan jalan sebanyak 16 kilometer ini lebih kurangnya, lebih kurang 11 kilometer ini. Anggaran asal yang dikenakan, ialah, yang dibuat ialah RM21.5 juta. Jadi, saya ingat ini JKR kena kaji balik dan tengok dengan peruntukan yang sesuai yang ada kita boleh laksanakan supaya jalan ini dapat disempurnakan secepat mungkin kerana dia sudah tergendala begitu lama Yang Berhormat Datuk Speaker.

Berkenaan dengan kerosakan Jalan Joned di Parit Sakai Laut yang dibangkitkan oleh ADUN Maharani. JKR telah mengarahkan pihak kontraktor membaiki semula jalan tersebut dengan kadar segera dan kerja-kerja pembaikan dan penurapan semula jalan tersebut akan bermula pada tahun hadapan.

Yang Berhormat ADUN Bukit Batu membangkitkan berhubung dengan Jalan Bukit Batu ke Parit Panjang yang rosak teruk. Untuk makluman Yang Berhormat, jalan tersebut akan diperbaiki dari semasa ke semasa. Berhubung dengan kerosakan jalan tersebut, maka sebahagian dari Jalan Bukit Batu ke Parit Panjang akan diturap semula dan dijangka akan siap pembaikan jalan tersebut sebelum akhir Disember tahun ini, insya-Allah. Manakala sebahagian lagi akan diturap semula pada tahun hadapan.

Mengulas lebih lanjut berkenaan kerja-kerja meluruskan selekoh merbahaya di Batu 24, Jalan Ayer Hitam - Johor Bahru, masalah ini akan ditangani bersama dengan kerja-kerja pembinaan lorong motosikal dari Kulai ke Ayer Hitam yang akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini. Jadi dalam masa yang sama, kita menjalankan usaha pembinaan lorong motosikal ini yang mana saya difahamkan peruntukannya pun telah sedia ada. Kita tengok-tengokkan jugalah mana-mana tempat yang merbahaya yang boleh diperbaiki dalam masa yang terdekat.

Kepada permasalahan yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Batu berkenaan kekurangan papan tanda keselamatan di kawasan projek membina pembetung di Kilometer 30 Jalan Johor Bahru – Ayer Hitam. Hal ini akan diatasi secepat mungkin dengan menambah papan tanda amaran berdasarkan arahan teknik jalan bagi memastikan pemandu dapat menumpukan perhatian pemanduan yang lebih sempurna terutamanya pada waktu malam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pasir Raja berkenaan kekerapan kerosakan Jalan Kota Tinggi – Kulai dan Jalan Semangar Luar ke Semangar Dalam, JKR sedang mengambil tindakan dari semasa ke semasa untuk membaiki kerosakan jalan berkenaan. Kaedah yang digunakan dalam kerja-kerja pembaikan adalah menggunakan teknologi atau kaedah dengan izin, yang dipanggil, C*old In Place Recycle*, ataupun CIPR, maknanya memperkukuhkan muka, *surface*, ataupun permukaan jalan. Selain dari itu, kerajaan telah meminta kerjasama pihak Polis dan juga JPJ untuk memantau pergerakan kenderaan yang membawa lebihan muatan di sepanjang jalan ini. Saya difahamkan banyak kenderaan-kenderaan yang *overloading*, dengan izin, yang menggunakan jalan-jalan tersebut.

Manakala isu kerosakan jalan akibat kerja-kerja pemasangan paip air oleh SAJ di FELDA Bukit Besar, pihak JKR telah memaklumkan kepada SAJ supaya memperbaiki kerosakan jalan tersebut dengan seberapa segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, agensi-agensi di bawah portfolio Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Johor akan terus diperkasakan seiring dengan perkembangan pesat Iskandar Malaysia dan Negeri Johor khususnya. Penambahbaikan perlaksanaan, prosedur, penyampaian, mutu kerja serta polisi-polisi yang kurang sesuai dengan aras pembangunan pesat ini hendaklah terus diperbaiki dari semasa ke semasa. Dalam keadaan negara menghadapi krisis ekonomi dunia, kita semua sedar kecekapan agensi kerajaan khususnya agensi pelaksana adalah cukup mustahak. Bagi melaksana pembangunan, supaya pembangunan dapat terus diperkukuhkan dengan menggarap segala kekuatan ke atas sumber-sumber yang terhad demi menghadapi cabaran bagi memartabatkan negeri ini supaya kesejahteraan rakyat dapat terus kita kekalkan. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 11 Disember, 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEEMPAT (BAJET 2009)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEEMPAT BELAS	**KHAMIS, 11 DISEMBER 2008**	**BIL. 4 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Persidangan kita diteruskan.

Jurutulis : Sambungan Perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Yang Amat Berhormat Dato' , jemput.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Izinkan saya untuk bersama-sama dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini dengan merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan, khususnya berkaitan dengan bidang-bidang yang saya percaya perkara-perkara yang belum diberikan penjelasan ataupun jawapan dalam penggulungan-penggulungan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk merujuk tentang beberapa perkara yang khusus yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat. Di antaranya ialah Yang Berhormat ADUN Kempas yang membangkitkan tentang kedudukan syarikat-syarikat kerajaan ataupun GLC yang ada peranan dari segi, dalam bidang kegiatan ekonomi untuk, sama ada membantu kerajaan memenuhi matlamat dalam bidang ekonomi dan seterusnya sejauh mana pula syarikat-syarikat kerajaan ataupun GLC ini di antara entiti yang mempunyai tanggungan hutang, lebih-lebih lagi dengan pihak Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang benar bahawa ada di antara syarikat-syarikat GLC ini termasuk juga, apa, Kerajaan Tempatan pada satu ketika dahulu yang terpaksa membuat pinjaman dengan Kerajaan Malaysia melalui Kerajaan Negeri. Di antaranya ialah, di antaranya ialah Perbadanan Johor, yang memang ada peruntukan untuk mendapatkan pembiayaan dalam bentuk pinjaman daripada Kerajaan Malaysia, termasuk juga pada masa dulu, amalan yang dibuat di mana pihak Kerajaan Negeri menerima peruntukan yang dikategorikan sebagai pinjaman untuk tujuan bekalan air, walaupun di kampung-kampung, hingga pinjaman dalam tempoh masa yang tertentu terhimpun pada satu jumlah yang agak besar juga. Walaupun ianya adalah untuk projek pembekalan air di kampung-kampung. Ini adalah di antara pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh GLC melalui Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi amalannya maka pinjaman itu perlu dibuat atas nama jaminan yang terpaksa diberi oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan bila itu disyaratkan, maka pinjaman disalurkan kepada Kerajaan Negeri seterusnya disalurkan kepada, kepada pihak Perbadanan ataupun pada pihak,

pada pihak syarikat air. Kemudian bila nak di, maka bila perlu pada pembayaran, maka bayaran dibuat juga melalui Kerajaan Negeri.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, tercatit, tertera dalam rekod bahawa pinjaman itu adalah pinjaman Kerajaan Negeri. Walaupun ia adalah merupakan syarat jaminan dan syarat prosedur pinjaman daripada GLC kepada pihak Kerajaan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mempunyai beberapa pinjaman yang agak besar. Di antaranya ialah Perbadanan Johor, di mana baki hutangnya ialah sebanyak RM66 juta. Ingin saya maklumkan di sini bahawa pinjaman ini terus diberikan pembayaran balik oleh pihak Perbadanan Johor bahkan Perbadanan Johor merujuk kepada satu sumber di mana ada lebihan cukai pendapatan yang telah dibayar oleh pihak Perbadanan yang boleh di ambil kira untuk pembayaran sebahagian besar daripada pinjaman tersebut.

Oleh itu yang Berhormat Dato' Speaker, GLC Perbadanan Johor sebenarnya terus membayar pinjaman tersebut tahun demi tahun. Dan kita yakin bahawa pinjaman itu akan selesai dibayar dalam tempoh yang ditentukan.

Sementara itu pula Yang Berhormat Dato' Speaker, pinjaman untuk air ini yang ada pada pihak Syarikat SAJ Holding ialah pada satu jumlah yang besar iaitu sebanyak RM597 juta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita berasa gembira kerana akhirnya pihak Kerajaan Malaysia sudah pun menemui satu pendekatan yang agak terbaik yang boleh digunakan di sektor industri air ini. Di mana Negeri Johor merupakan negeri yang pertama untuk memenuhi cara ini. Iaitu bahawa Kerajaan Malaysia mengambil alih segala aset dan liabiliti yang ada pada sesebuah negeri dalam bidang pembekalan, bekalan dan juga, apa tu, pengagihan air.

Jadi bermakna, insya-Allah, saya dimaklumkan sebelum akhir tahun ini dan habis lewat pada bulan Januari, pihak kabinet akan membuat keputusan dan perjanjian di antara Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Johor dan juga Syarikat Air Johor dengan syarikat Kerajaan Malaysia yang diberi nama PABB, PAAB, PAAB iaitu syarikat yang mengambil alih segala aset dan liabiliti. Kemudian Kerajaan Malaysia melalui syarikat tersebut, PAAB akan melantik operator untuk memproses dan membekalkan air dan mengagihkan air di seluruh Negeri Johor. Maka satu, berlaku satu proses, apa dipanggil, perpindahan daripada sebuah syarikat seperti Syarikat Air Johor Holding kepada satu *regime* yang baru ini, menyerahkan segala aset dan liabilitinya kepada syarikat yang dimiliki oleh Perbendaharaan Malaysia iaitu PAAB. Jadi, bila itu berlaku Yang Berhormat Dato' Speaker, bermakna bahawa pinjaman yang terkumpul, yang juga tertangguh sebanyak jumlah yang saya sebutkan tadi, dekat RM600 juta dengan sendirinya terlepas daripada tanggungan daripada pihak kerajaan. Jadi, itu sebenarnya yang akan berlaku dan kita yakin bahawa inilah penyelesaian yang paling muktamad dalam bidang industri bekalan air di peringkat negara. Dan kita merupakan negeri yang pertama yang mendapat penyelesaian secara begini. Dan kita dimaklumkan bahawa akan disusuli oleh negeri-negeri lain.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kempas yang berkaitan dengan pinjaman-pinjaman GLC melalui Kerajaan Negeri ke Kerajaan Malaysia adalah di antara contoh-contoh yang saya berikan tadi untuk memberi gambaran terkini dan sebenarnya, dan, dengan itu maknanya Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri tidak mempunyai pinjaman tertangguh, terkumpul yang besar, insya-Allah daripada tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Bentayan membangkitkan tentang JPMM, wakil Menteri Besar di Bentayan dan peruntukan-peruntukan yang disampaikan kepada tokong-tokong di Bentayan, persatuan-persatuan di Bentayan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa peruntukan untuk sampai ke peringkat akar umbi ini, sama ada di peringkat Parlimen ke, di peringkat Dewan Negeri Yang Berhormat Dato' Speaker, ataupun mungkin datangnya daripada peruntukan yang dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini melalui peruntukan Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jadi, melalui peruntukan tersebut, maka Menteri Besar Johor mempunyai satu bidang tugas untuk menyalurkannya. Sempena dengan keperluan-keperluan yang ada dalam masyarakat lebih-lebih lagi di peringkat tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka ini dilaksanakan berterusan secara menyeluruh lebih-lebih lagi untuk memenuhi di antara permohonan-permohonan dan permintaan-permintaan, harapan masyarakat tempatan. Dan kita teruskan di Bentayan sekalipun Yang Berhormat Dato' Speaker. Walaupun Ahli Yang Berhormat datang daripada parti yang lain. Jadi, sepatutnya Ahli Yang Berhormat menghargai bahawa Kerajaan Negeri Johor ini masih lagi memberikan… apa tu… (Dewan Bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Peruntukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Peruntukan. Tapi takkanlah Yang Berhormat hendakkan Menteri Besar, nak sampaikan peruntukan itu kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat punya peranan tak lain tak bukan sekadar untuk, untuk apa tu, untuk mengambil pendirian yang jauh berbeza dengan dasar, polisi kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi takkanlah Menteri Besar Johor dengan, nak menyalurkan peruntukan itu ke Bentayan melalui, melalui Yang Berhormat, yang berbeza dari segi dasar dan pendirian tentang, tentang apa tu, yang berkaitan dengan pembangunan negeri kita ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu Menteri Besar melalui Wakil Rakyat, melalui pegawai yang dilantik oleh Menteri Besar ada peruntukannya untuk melantik supaya Menteri Besar dapat, mendapat mewujudkan satu hubungan

secara langsung dengan masyarakat melalui wakil dia, termasuklah wakil Menteri Besar yang ada di Bentayan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, janganlah cemburu sangat dengan, terhadap wakil, apa wakil Menteri Besar yang ada di Bentayan itu.

Untuk makluman di Bentayan, Menteri Besar menyalurkan RM71,000.00 untuk tokong-tokong yang ada di Bentayan termasuk persatuan. Jadi, dan JPMM Dato' Speaker, ialah jentera Kerajaan Negeri Johor untuk sampai ke peringkat akar umbi, dianggotai oleh wakil Menteri Besar di situ dan juga dengan Penghulu-penghulu dan Ketua Kampung, Ketua Masyarakat yang di situ. Jadi sekali lagi untuk memudahkan jentera kerajaan di peringkat akar umbi, maka Menteri Besar menyalurkan satu peruntukan untuk menggerakkan JPMM yang ada di peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Abong membangkitkan tentang perbelanjaan pada akhir tahun. Adakah sudah menjadi amalan bahawa perlu dihabiskan pada akhir tahun? Jika tidak dihabiskan, bolehkah ia disimpan dan dikembalikan kepada Bendahari? Ok Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin jelaskan bahawa dalam Belanjawan yang kita bentangkan saban tahun ini Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah berdasarkan kepada satu persetujuan dengan semua agensi kerajaan, jabatan kerajaan tentang sama ada projeknya dan programnya yang dipadankan dengan pembiayaannya. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, yang dibentangkan dalam belanjawan ini bukanlah suatu yang dipetik secara rambang, sama ada projek yang disebut ataupun perangkaan peruntukan yang dicadangkan. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian kalau itulah caranya bermakna bahawa sewajarnya peruntukan yang disediakan itu adalah menepati dengan, dengan projek yang hendak dilaksanakan pada satu-satu tahun, sama ada ianya dilaksanakan sepanjang tahun hinggalah sampai tamat tahun yang berkenaan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, maka tidak bermaknalah bahawa jika sekiranya peruntukan itu ada dan nak masuk hujung tahun seolah-olah dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya, itu tak berlaku Yang Berhormat Dato' Speaker. Ialah, dulu pernah orang kata ini agak zaman-zaman dulu agaknya, ada istilah dipanggil *Christmas Shopping* akhir tahun, katanya begitulah. Jadi, tapi saya ingin meyakinkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa di Negeri kita ini yang ada dalam Belanjawan kita ini ialah, projek yang memang kita, kita kata perlu dilaksanakan untuk tahun yang berkenaan sama ada dalam bentuk projek ataupun dalam bentuk program.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada, daripada juga Sungai Abong, merujuk kepada satu perkara yang berkaitan dengan peruntukan tambahan, kalau tak mencukupi maka perlu pertambahan, maka peruntukan sebelum program atau aktiviti tersebut dapat dilaksanakan. Perlu dilaksanakan dalam tahun kewangan semasa dan tak boleh, tak boleh ke menunggu untuk dilaksanakan dalam tahun hadapan? Maksud kalau saya faham perkara yang dibangkitkan ialah, mengapa perlu peruntukan tambahan, kenapa tak tunggu pada tahun hadapan?

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya maklumkan di sini bahawa biasanya belanja yang diperlukan dengan, melalui peruntukan tambahan adalah bagi tujuan kenaikan emolumen kakitangan awam, sama ada akibat daripada penstrukturan semula jabatan ataupun pertambahan jawatan ataupun bayaran bonus kepada kakitangan awam, belanja pembangunan yang pelaksanaan projeknya lebih awal daripada jadual dan kes-kes pengambilan balik tanah untuk projek pembangunan. Jadi kalau Yang Berhormat dapat kesanlah, misal contoh yang terkini bila apa tu, bila bonus dibayar, bila keputusan dibuat oleh Kerajaan Malaysia Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk bayaran bonus. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri tidak ada, tidak ada persiapan, perancangan untuk menampung kenaikan bayaran bonus ini. Itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saban Persidangan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri terpaksa membawa apa itu, permohonan untuk pertimbangan peruntukan tambahan. Jadi rata-rata dia adalah berkaitan dengan emolumen kakitangan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Jementah membangkitkan tentang persiapan menghadapi banjir, kemungkinan banjir. Ya, kita sedang pun menghadapi, membuat persiapan untuk menghadapi kemungkinan, di antaranya Yang Berhormat Dato' Speaker ialah, satu perbelanjaan yang besar juga dekat-dekat yang kita terima sejak pengalaman kita 2006, satu peruntukan kalau tak salah saya dekat-dekat RM400 juta untuk kita memperbaiki sistem-sistem perparitan, saliran dan juga sungai. Alhamdulillah ada yang dilaksanakan, sebagai contoh, di antara yang awal kita buat ialah untuk mendalamkan dan meluaskan Sungai Johor yang ada di hadapan Bandar Kota Tinggi, sehinggakan pada hari ini kita mempunyai paras air yang agak kalau tak salah saya 3, 4 kaki jauh lebih ke bawah. Jadi sempena dengan pendalaman dan perluasan, kita percaya bahawa Sungai Johor di Kota Tinggi mampu untuk menampung curahan air, sama ada air hujan ataupun air akan mencurah daripada daratan Daerah Kota Tinggi. Itu sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker.

Oleh itu ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa kita mendapat pertimbangan yang begitu baik daripada Kerajaan Malaysia sempena dengan pengalaman 2006 hingga kita mendapat satu peruntukan yang besar, untuk memulihkan ataupun untuk meningkatkan kita punya keupayaan menghadapi kemungkinan bencana melalui satu peruntukan yang besar, untuk, untuk menampung hujan pada masa-masa yang akan datang.

Selain daripada apa yang saya sebutkan sebentar tadi, persiapan yang lain sama ada dari segi logistiknya termasuklah di peringkat Briged Ketujuh, dengan kemudahan bot sampai dekat 209 bot penyelamat, padel bot 500 lebih, *life jacket* dan sebagainya. Polis Diraja begitu juga, dengan kemudahan-kemudahan kenderaannya, pegawainya, keanggotaannya, botnya. Bomba begitu juga, dengan kemudahan yang ada pada Bomba dan Jabatan Parit pun ada kemudahan dan termasuk juga pam-pam yang diperlukan untuk hari, hari ini pam dipasang di Sungai Kesang untuk mempercepatkan air di Sungai Tangkak dan Sungai Kesang untuk mengalir keluar ke Laut Selat Melaka. Jadi ini adalah persiapan-persiapan yang telah pun kita buat termasuk juga pusat

perpindahan 500 lebih dan juga untuk sumber-sumber bekalan makanan 126 pembekal makanan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ialah menunggu hari-hari yang ke-12 Disember, 13, 14, 15 di mana diunjurkan bahawa paras air pasang akan naik lebih daripada biasa. Katanya 1 meter lebih tinggi daripada biasa, bermakna 3 kaki lebih tinggi daripada biasa dan kita mengharapkan juga bahawa pada hari-hari yang berkenaan, kita harap dia tidak disertai pula dengan hujan yang lebat supaya kita dapat menampung kenaikan paras air melalui, apa tu, kenaikan paras air pada masa-masa air pasang di seluruh Malaysia termasuk kita di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Yong Peng membangkitkan tentang perlunya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam, berapa peratus telah dicapai. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa di Negeri Johor ini, Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Negeri Johor adalah sebanyak 440 orang pegawai. Pengisian jawatan termasuk yang berkhidmat sama ada di perkhidmatan negeri, Badan Berkanun ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada 440, 105 adalah wanita, bermakna di Negeri Johor ini di sektor awam sudah pun memenuhi peratusan lebih kurang 31% wanita di peringkat pembuat keputusan telah pun dapat dicapai. Jadi saya, Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor ini maknanya banyak ialah, perkara-perkara penting yang diputuskan oleh Kerajaan juga mendapat memberi peranan kepada golongan profesional. Pentadbiran Negeri Johor ini juga memberi pandangan di peringkat membuat keputusan dan dasar di Negeri Johor ini. Jadi kita, kita dah memenuhi apa tu, satu komitmen. Saya percaya di peringkat dunia termasuk juga di Malaysia ini supaya wanita ada di peringkat pembuat dasar dan membuat keputusan.

Yang Berhormat daripada Maharani membangkitkan tentang anggaran pendapatan cukai tahun 2009, sebanyak RM228 juta. Sementara itu pula, 12,600 Notis 6A telah pun dikeluarkan. Jadi, kalau tak salah saya, Notis 6A ini untuk tujuan apa? Cukai tak berbayar, banyak sangat kategori notis, Dato' Speaker, saya, saya tak, tak begitu arif sangat dalam bab pentadbiran tanah ini dengan berbagai bentuk notis. Jadi, pertanyaannya ialah berapa ramai pula yang datang untuk membayar cukai hasil daripada Notis 8A yang telah dikeluarkan?

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada 12,640 notis 6A yang telah dikeluarkan, 269 keping tanah telah pun dibuat perampasan. Maknanya, dia tidak merayu, dia tidak membayar cukai berterusan. Seramai 269 pemilik telah pun membuat permohonan semula bagi membatalkan perampasan tersebut di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara. Dan, daripada 269 permohonan tersebut sebanyak 251 telah pun diluluskan pembatalan perampasan. Manakala bakinya, 18 dalam proses perakuan untuk mendapatkan pertimbangan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, bermakna di sini bahawa walaupun langkah rampas itu dibuat tetapi pihak pemilik jika dia merayu dan dia

membuat keputusan untuk membayar cukai dengan denda kalau tak salah saya, maka kerajaan memulangkan balik tanah tersebut kepada pemilik yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ni Yang Berhormat daripada Pengkalan Rinting yang membawa perkara yang berkaitan dengan bangunan terbiar di sekitar Bandar Johor Bahru dan juga bangunan kedai 2 tingkat seperti di Jalan Trus dan Kompleks *Waterfront City*, di hadapan kita di Johor Bahru ni. Jadi, apakah kerajaan tidak membuat sebarang tindakan terhadap bangunan terbiar? Jadi, maklumat yang terkini Yang Berhormat Dato' Speaker, *Kemayan City* sudah pun dimiliki oleh pihak yang tertentu selepas dia membeli daripada pembeli-pembeli runcit di *Kemayan City*. Ini perkembangan yang terkini bermakna dalam tempoh yang tak lama lagi, *Kemayan City* di antara projek yang terbengkalai, yang terbiar, yang akan dipulihkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di *Waterfront City* yang terbengkalai lebih kurang dekat-dekat 12 tahun, untuk makluman telah pun diambil alih oleh sebuah syarikat daripada Dubai dengan bayaran yang besar juga, beberapa ratus juta dan sedang pun membuat perancangan untuk membangunkan semula kompleks yang ada di *Waterfront City*. Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah pun mengarahkan khususnya bandar raya Johor Bahru ini untuk memudahkan pihak-pihak yang nak membangunkan semula bangunan-bangunan terbiar ini. Di antara sebagai contoh, Bandaraya mengambil peranan untuk bersama-sama pihak-pihak yang nak memulihkan projek-projek terbengkalai ini melalui, sebagai contoh, menimbangkan cadangan pembangunan dengan cara memudahkan tukar guna aktiviti yang agak dianggap lebih berdaya maju termasuk juga untuk memudahkan perubahan dalam bentuk reka bentuk bangunan yang berkenaan. Ini di antara langkah yang agak pro-aktif yang diambil oleh pihak Bandaraya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat pengalaman pada tahun-tahun 1997,1998, sempena dengan krisis kewangan di negara kita ini, maka di antaranya ialah kesannya masih lagi dapat kita lihat dengan mata kasar kita, di antaranya ialah projek-projek seperti *Pacific Mall*, *Kemayan City*, *Danga Bestworld* dan juga *Waterfront City*. Tapi, nampaknya walaupun kita menghadapi krisis ekonomi di peringkat antarabangsa tetapi sempena dengan momentum yang ada di Iskandar Malaysia ni, nampaknya bukan sahaja *Waterfront City* sudah pun diambil alih oleh pihak yang mempunyai keupayaan untuk membangunkannya semula. Sementara itu pula, *Danga Bestworld* telah menjadi *Danga City* dan Kemayan akan dipulihkan. Dan, yang di antara yang agak ketara di hadapan kita ialah *Pacific Mall*. Jadi, ini membawa saya kepada satu suasana yang ada di tengah-tengah bandar raya Johor Bahru ini sempena dengan perubahan-perubahan yang agak penting yang mempengaruhi, mempengaruhi suasana yang ada di Johor, di CBD khususnya di antaranya ialah Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena pembukaan CIQ yang baru ini dan juga perpindahan Kerajaan Negeri ke Pusat Pentadbiran yang baru.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, di tengah-tengah CBD ni ada pembangunan-pembangunan yang juga besar termasuk pembangunan di

sebelah *City Centre*, *City Square*. Berjiran dengan *City Square* ialah satu bangunan Perbadanan Johor. Harta Perbadanan Johor yang akan dibangunkan menjadi satu pusat yang moden, itu, itu sedang pun berlaku. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sedang melihat bagaimana kita dapat memulihkan juga Sungai Segget. Kita sedang melihat satu, satu cadangan untuk kita buka balik Sungai Segget dan kita pulihkan mutu air Sungai Segget. Jadi, alhamdulillah air Sungai Segget sebelum ini telah pun menempa tahap kategori ke-5, paras ke-5, satu tahap pencemaran yang agak tinggi. Tapi, sempena dengan penggunaan EM, yang dibuat oleh pihak Bandaraya maka mutu air di Sungai Segget sudah pun berubah kepada kategori 3 sekarang ini, kategori 3. Jadi, kemungkinan Yang Berhormat Dato' Speaker, kita nak buka balik Sungai Segget dan airnya akan pulih, jernih. Dan, Wong Ah Fook kita akan pulihkan mungkin menjadi satu laluan dan Sungai Segget akan menjadi satu kawasan yang diperindahkan sebelum sampai ke Selat Johor maka Sungai Segget akan mengalir kepada satu tasik, saya harap. Dan, di depan tasik tu akan ada satu pembangunan yang bersambungan dengan CBD yang ada, di tengah-tengah Johor Bahru. Termasuk juga potensi yang ada pada tapak CIQ yang lama untuk kita pulihkan menjadi satu kawasan juga yang menarik di situ.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Pengkalan Rinting, membangkitkan tentang, apa yang merupakan masalah di CBD ni, di antaranya ialah bangunan-bangunan yang terbiar dan saya tambah sedikit tentang perubahan yang mungkin berlaku di tengah-tengah CBD ini. Sempena dengan perubahan-perubahan utama yang berlaku, yang mempengaruhi suasana yang ada di tengah-tengah CBD.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Tangkak membangkitkan tentang soal orang nak mendaftarkan perkahwinan mereka di Tangkak.

Y.B. Dato' Speaker : Tangkak, banyak orang kahwin Yang Berhormat?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jadi, perkahwinan berlaku seluruh Negeri Johor, alhamdulillah, Dato' Speaker. Tapi, kita harap dia tidak, padan pula, dipadankan dengan *you know,* penceraian. Tapi, nampaknya tanda-tanda ramai yang kahwin, ramai juga yang cerai di Malaysia ni. Ini satu fenomena yang membimbangkan kita juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Tangkak mengatakan, mengapa Jabatan Pendaftaran ditarik daripada Tangkak, daerah Tangkak? Rupa-rupanya Yang Berhormat Dato' Speaker, ada masalah di situ kerana adanya pemalsuan terhadap sijil perkahwinan. Jadi, kalau orang Tangkak nak kahwin antara satu dengan lain, rakyat Malaysia, maka tidak ada masalah daftar di Tangkak, ini yang saya fahamlah. Tapi, bila orang tempatan nak kahwin dengan orang asing di Tangkak, tak boleh daftar di Tangkak kerana ada kes di Mahkamah kerana ada pemalsuan. Jadi, kalau nak kahwin dengan orang asing maka perlu didaftarkan di Muar kerana kes pemalsuan yang telah berlaku di Tangkak dalam perkara ini.

Jadi, sebenarnya orang asing ni, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau dia nak kahwin, dia nak bernikah, dia perlu mendapat, mendapat kalau tak salah saya satu pengesahan daripada Kedutaan masing-masing mengatakan dia tu, bujang ke, apa, dia punya taraf dia. Jadi, untuk mengelakkan daripada rumitnya mendapat pengesahan daripada Kedutaan masing-masing, jadi ada yang lebih mudah untuk cara memalsukan pendaftaran ini. Jadi, ini berbangkit, membangkitkan masalah apabila dia ada anak. Jadi, bila ada anak, Yang Berhormat Dato' Speaker, maka, apakah yang, atas kerakyatan apa dia nak didaftarkan. Jadi, kalau ada anak, kalau perkahwinan itu tidak disahihkan maka anak, kerakyatan anak menjadi persoalan di sini. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Wakil Rakyat dari Tangkak, nasihatkan orang tempatan di Tangkak, orang tempatan nak kahwin antara satu yang lain tak ada masalah, daftarlah di Tangkak. Tapi, kalau melibatkan orang asing terpaksa pergi ke Muar untuk sementara ini. Dan, akan diwujudkan semulalah Pejabat Pendaftaran di Tangkak nanti.

Satu lagi ialah perkara yang berbangkit dengan, Ahli Yang Berhormat daripada Semerah, membangkitkan tentang Iskandar Malaysia, wajah Malaysia masa depan. Bagaimana pula nasib beberapa daerah yang tidak terletak dalam jajaran pembangunan Iskandar Malaysia termasuk Batu Pahatlah. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah menerimalah bahawa Iskandar Malaysia akan menjadi tumpuan dari segi pertumbuhan ekonomi, pelaburannya, kepelbagaian kegiatan ekonomi, yang akan berlaku di Iskandar Malaysia, yang mencakupi daerah-daerah Johor Bahru, daerah Kulai dan juga sebahagian daripada daerah Pontian. Jadi, tidak bermakna Yang Berhormat Dato' Speaker bahawa daerah-daerah lain akan terbiar. Sebagai buktinya dan hujahnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya nak ambil misalnya, sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia sebagai contohlah Yang Berhormat Dato' Speaker, 60% daripada peruntukan RMK9 ini, sebenarnya dah terletak di luar kawasan Iskandar Malaysia, sama ada peruntukan untuk infrastruktur-infrastruktur termasuk juga kawasan-kawasan perindustrian.

Sementara itu pula, projek-projek yang berkaitan dengan kesejahteraan kemasyarakatan dalam sama ada pendidikan ke, perubatan, juga dia berlaku di seluruh Negeri Johor. Kemudian, maklumat juga menunjukkan bahawa dari segi pelaburan Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2007, 2007, Johor menerima RM9.2 bilion pelaburan. Dan, daripada RM9 bilion itu, 49% adalah pelaburan di luar Iskandar Malaysia termasuk kawasan-kawasan sama ada di Batu Pahat seperti Parit Raja, Sri Gading dan juga Muar, di Tanjung Agas. Dan, bermakna bahawa walaupun ada tumpuan dari segi pelaburan, tetapi ada juga penyelerakan pelaburan ke daerah-daerah yang lain.

Sementara itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga yakin bahawa paling utara, paling jauh daripada Iskandar Malaysia ialah Segamat. Jadi, di Segamat, insya-Allah projek untuk menaikkan laluan Segamat-Tangkak daripada satu lorong kepada, daripada dua lorong menjadi empat lorong akan dibina, mula dibina tak lama lagi. Saya, semua maklum bahawa Perdana Menteri telah pun setahun yang lalu telah pun pergi ke Segamat untuk mengumumkan projek tersebut dan saya seminggu yang lalu bersama-sama dengan Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri untuk melaksanakan projek ini. Insya-

Allah akan bermula pada tahun hadapan. Dan, di, kalau sekiranya Segamat-Tangkak dinaikkan kepada empat lorong akan membuka satu suasana yang agak lebih terbuka untuk juga pelaburan sampai ke Segamat kerana Segamat tidak terpisah seperti sekian lama apabila dihubungkan dengan Lebuh Raya Utara-Selatan di Tangkak.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin juga saya maklumkan di sini bahawa insya-Allah, tiba bulan Jun nanti, maka dibuka laluan daripada Senai ke Bandar Penawar dan kita menjangka bahawa Penawar ke Johor Bahru mungkin makan masa tak lebih 40 minit dan saya dimaklumkan bahawa Penawar ke Pasir Gudang mungkin tak sampai 15 – 20 minit. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita boleh bayangkan bahawa bila terbinanya lebuh raya Senai ke Desaru, saya percaya bahawa Kota Tinggi, daerah Kota Tinggi keseluruhannya akan terbentang luas untuk juga pembangunan. Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena kita bersama-sama dalam Pembangunan Wilayah di Peringkat Timur ini, di Wilayah Timur, maka dua projek, tiga projek akan dilaksanakan dalam tahun hadapan untuk laluan sebelah pantai daripada Johor Bahru ke Mersing dan juga daripada Kluang ke Mersing. Dan, kita mempunyai beberapa projek yang agak, yang menarik yang akan berlaku di daerah Mersing dan kita akan umumkan dalam, bila ianya agak menjadi lebih muktamad untuk peringkat pelaksanaan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sebab saya katakan bahawa Iskandar Malaysia, yalah, menjadi satu kawasan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan seperti apa yang berlaku di merata tempat dalam dunia ini, ada koridor-koridor tertentu yang terpilih oleh pelabur sama ada di koridor di sebelah Benua China ke, Benua Eropah ke ataupun, walaupun negara kecil di New Zealand ada satu koridor yang terpilih untuk pertumbuhan ekonomi dan pelaburan, maka kita merupakan satu koridor yang mempunyai potensi untuk tumbuh. Tetapi, sementara itu pula, Negeri Johor akan berlaku juga pembangunan secara yang lebih berselerak seperti saya huraikan sebentar tadi. Dan, ditambah pula Yang Berhormat Dato' Speaker bahawa Iskandar Malaysia itu juga akan mempunyai kesan limpahan melampaui Iskandar Malaysia. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, peluang pekerjaan misalnya akan bertambah daripada 60.6, 600,000 peluang pekerjaan kepada lebih daripada 1.4 juta peluang pekerjaan, sebagai contohlah. Jadi, ini kesan juga kesan limpahan yang berlaku daripada Iskandar Malaysia, bukan sahaja ke seluruh Negeri Johor tetapi juga ke seluruh negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang juga elok saya sebutkan di Dewan yang mulia ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Semerah yang berkaitan dengan Pulau Sialu di Mukim Minyak Beku yang dikatakan terlepas pandang oleh kita, tetapi yang ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa nama Pulau Sialu wujud dan agak tertinggal dalam senarai kita penyenarai di dalam buku keluasan dan perimeter negeri, daerah dan pulau di Malaysia. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memberi jaminan bahawa pulau ini telah pun dimasukkan ke dalam peta Negeri Johor pada tahun 67 dengan keluasan 3.1 ekar dan kedudukannya ialah pada latitud dan longitud yang jelas. Dan, pihak Hidrologi Nasional akan membuat pengukuran kepada semua pulau-pulau dan entiti luar pesisir Negeri

Johor sama ada dalam bentuk pulau-pulau ataupun entiti seperti benteng ataupun batuan ataupun permatang ataupun terumbu dan lain-lain.

Sebenarnya kalau tak salah saya dekat-dekat 100 juga bila dikumpulkan kesemuanya dalam bentuk terumbu, permatang dan sebagainya. Jadi, kita bukan kaya sahaja dari segi perairan sama ada di timur dan di barat dan di selatan Negeri Johor ini tetapi kaya juga dengan pulau-pulaunya sama ada di Mersing ataupun di persekitaran perairan kita termasuk dalam bentuk benteng, batuan, permatang, terumbu dan lain-lain.

Yang Berhormat daripada Mengkibol membangkitkan satu Tokong. Ini saya ambil sebagai contohlah soal Tokong ini. Tok Kong ini namanya Tokong Dewa Chu Ong Yang, terletak di Kluang. Jadi, ingin saya maklumkan di sini tentang Tokong ini sebagai contoh ya, kerana ada kes-kes yang serupa dan banyak juga. Tok Kong ini terletak dari segi pelan susun aturnya adalah di kawasan yang dirizabkan sebagai tujuan kawasan lapang. Jadi, satu perkara yang kita cuba pertahankan di Negeri Johor ini dalam arus pembangunan Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam setiap pembangunan, maka disyaratkan 10% adalah tanah lapang.

Di satu kawasan sebagai contoh di Indahpura, sebagai contoh, pembangunan di situ sahaja dekat 8,000 kalau tak salah saya. 8,000 ekar tanah dibangunkan untuk pembangunan bercampur. 10% tanah lapang bermakna 800 ekar Dato' Speaker. Dan kita agak komited mempertahankan keperluan ini. Memang tak, kita pertahankan sama ada di dalam contoh seperti Indahpura ataupun IOI ataupun Mutiara Rini sebagai contoh, kita membuat keputusan sama ada 800 ekar itu di antaranya terletak dalam kejiranan yang tertentu pada keluasan yang agak memadai tetapi ada juga di satu kawasan yang luas sampaikan, sebagai contoh di Mutiara Rini, pembangunan lebih kurang dekat 800 ekar. Maka, ada satu kawasan tanah lapang yang telah pun ditanam dengan pokok-pokok hutan seluas kalau tak salah saya dekat-dekat 80 ekar. Jadi, kita pertahankan tentang syarat ini dan tidak dibangunkan apa-apa di tanah lapang. Kita pertahankan, kerana kita tahu dalam jangka masa walaupun sekarang apatah lagi pada masa depan, tanah lapang ini amat perlu untuk masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, dalam kes Tok Kong ini, maka dicadangkan supaya dapat dipindahkan kepada satu tapak yang baru, di PTD 50165 seluas lebih kurang 10,000 kaki persegi, Mukim Kluang yang terletak di satu kawasan perkampungan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Mengkibol, saya ingin jelaskan bahawa kita tidak menolak dengan sewenang-wenangnya tetapi kalau semua pihak perlu ada persefahaman. Jadi, oleh kerana ianya terletak di tanah lapang, maka perlu dicari satu tempat untuk yang baru, maka, kita minta pihak Tok Kong tadi supaya dapat memberi kerjasama supaya membuat perpindahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa terbaca dalam satu iklan yang berbunyi, iklan ini ialah untuk Medini Iskandar Malaysia Berhad. Kenyataan dalam satu akhbar, dua akhbar berbunyi seperti berikut dengan izin, "*would like to invite all eligible companies throughout the*

world with relevant experiences and qualification to participate." Jadi, Yang Berhormat dari Puteri Wangsa menanya tentang bagaimana penyertaan orang tempatan termasuk bumiputera dalam projek-projek yang dibuat oleh kawasan seperti di Medini ataupun Nod 1.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di Medini ini ialah satu kawasan seluas 2,000 ekar di mana dia diberikan kelonggaran dari segi penyertaan sama ada ekuitinya, dari segi tenaga kerjanya dan juga kemudahan cukai yang dapat dinikmati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin jelaskan di sini bahawa pihak yang bertanggungjawab secara langsung membangunkan kawasan Nod 1 ataupun Medini ini ialah Iskandar Investment Berhad. Dan Iskandar Investment Berhad ini dimiliki bersama di antaranya ialah sama ada Khazanah ataupun Danga dan juga KPRJ. Ingin saya maklumkan di sini bahawa, walaupun kita membuat pengiklanan seperti tersebut tetapi disertakan juga dengan satu keperluan bahawa 30% daripada projek-projek yang dikeluarkan untuk dilaksanakan adalah kontraktor tempatan dan khususnya Bumiputera. Ini satu antara klausa dimuatkan dalam kontrak-kontrak yang akan dilaksanakan di pembangunan seperti di Medini.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Skudai membangkitkan tentang RM12,000.00 sekali lagi, 640 notis tunggukan cukai tanah telah dikeluarkan, berapakah jumlah cukai tanah yang belum dapat dijelaskan. Jadi saya dah jawab tadi, rata-rata kita akan mensasarkan bahawa Pentadbiran Tanah mensasarkan akan dapat mengutip hasil tunggakan cukai sekurang-kurangnya sebanyak 60% daripada jumlah keseluruhan tunggakan cukai tersebut. Dan langkah yang akan dibuat untuk memungut seberapa yang lebih tinggi lagi ialah dalam bentuk peringatan-peringatan kepada pemilik-pemilik tanah. Sama ada melalui media massa, papan-papan tanda, di tempat-tempat awam ataupun kaunter-kaunter bergerak di tempat-tempat yang agak strategik.

Yang Berhormat daripada Semarang membangkitkan tentang GLC, mengambil peluang besar dalam pembangunan Negeri Johor seperti di Iskandar Malaysia sama ada di GLC lebih terlibat dalam menyediakan prasarana sahaja atau dapat turut menyertai nikmat pembangunan itu secara langsung. Ok, dan perkara ini Yang Berhormat Dato' Speaker, GLC di Iskandar ini di antaranya seperti IIB, (Iskandar Investment Berhad). Memainkan peranan melalui penyediaan infrastruktur dan juga menyertai pelaburan di projek-projek yang utama. Yang dijangkakan menjadi pemangkin ataupun catalyst dalam pembangunan Iskandar Malaysia. Jadi, contohnya IIB ini yang boleh dikategorikan sebagai GLC. Saya katakan tadi dimiliki bersama oleh Kerajaan Malaysia melalui Khazanah, dengan Kerajaan Negeri KPRJ dan pemegang saham ini ialah termasuk juga EPF, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ianya terlibat dari segi penyediaan infrastruktur di Iskandar Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Sebagai contohnya di antara projek utamanya, lebuh raya pesisir pantai yang menghubungi Bandaraya Johor Bahru dan Nusajaya dan juga penambahbaikan jalan-jalan yang ada di Iskandar Malaysia. Dan IIB ini juga terlibat dalam beberapa kegiatan ekonomi yang lain yang ada

di Iskandar Malaysia. Termasuk juga pelaburan-pelaburan seperti pembangunan Medini seperti Universiti New Castle dan juga Iskandar Financial District yang akan dibangunkan. Ini adalah di antara projek-projek catalyst yang akan disertai sama oleh pihak IIB. Bermakna bahawa IIB akan tidak peranan, penyertaan IIB ini bermakna pembangunan yang akan berlaku di Medini tidak 100% di buat oleh pihak syarikat asing sahaja.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Senai membangkitkan tentang mengapa wujudnya defisit. Sebenarnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mempunyai satu amalan di mana kita mewujudkan satu bentuk caruman apa dipanggil 'Caruman Kepada Wang Pembangunan.' Dan peruntukan bagi tahun 2009 ini Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah RM1 juta, RM1 juta dan kalau tidak ada caruman untuk tujuan Kumpulan Wang Pembangunan ini bermakna Negeri Johor akan mempunyai lebihan sebanyak RM97 juta sebenarnya. Jadi, kita perlu kepada bukan sahaja peruntukan untuk pengurusan tetapi kita juga perlu peruntukan untuk tujuan pembangunan demi kesejahteraan rakyat di Negeri Johor ini.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh demikian dia menyebabkan berlakunya satu defisit dan defisit kita ini sebenarnya adalah satu defisit yang tidaklah begitu besar. Yang Berhormat sedar, saya percaya di negeri-negeri lain defisitnya jumlah berpuluh-puluh juta sebenarnya. Bermakna hasil kerajaan negeri yang berkenaan tidak cukup untuk menampung sebenarnya, pembiayaan pengurusan sekalipun. Ini berlaku di beberapa negeri Yang Berhormat Dato' Speaker tetapi ada juga negeri yang agak lebih mewah kerana ada hasil minyak, premium tanah yang agak tinggi dan mungkin dulu ada hasil hutan yang agak besar. Tetapi di Negeri Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mempunyai satu sumber hasil yang agak mencukupi untuk kita menyara keseluruhan kos pengurusan. Dan sambil itu pula ada satu jumlah yang agak cukup dari segi nilainya untuk juga kita peruntukan kepada tujuan pembangunan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, kita walaupun kita membuat unjuran adanya defisit untuk 2009 ini, bila kita melalui tempoh 2009 ini maka ada juga kemungkinan-kemungkinan tak semestinya luar biasa sama ada dari segi hasil-hasil ataupun juga dari segi perbelanjaan yang mungkin dapat mengurangkan lagi defisit yang kecil tersebut ataupun mungkin juga mempunyai satu lebihan supaya defisit yang terkumpul itu kita dapat juga kurangkan. Tetapi kalau saya hendak ambil satu gambaran yang lebih luas Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Malaysia akan melalui satu belanjawan defisit pada paras kalau tak salah saya, 8% meningkat kepada 4.5% dan kita menjangka bahawa defisit ini akan berterusan untuk beberapa tahun yang akan datang. Dan tujuannya untuk perbelanjaan di sektor awam supaya dapat merangsang ekonomi pada peringkat negara. Jadi, dalam suasana ekonomi yang ada ini, maka fenomena defisit belanjawan di peringkat kerajaan ini adalah satu yang lumrah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehinggakan Kerajaan Malaysia, 7 tahun sebelum ini telah pun berusaha untuk mengurangkan defisit daripada 4% lebih kepada satu tahap kurang daripada 4 hingga capai satu tahap kalau tak

salah saya kurang daripada 3.7%. Tetapi perlu kepada rangsangan maka berbalik kepada belanjawan yang defisit dan ini kita tengok akan berlarutan kepada beberapa tahun yang akan datang. Dan ini pun berlaku di Eropah, malah apatah lagi di Amerika Syarikat, jadi kita tidak sepatutnya meletakkan apa tu defisit belanjawan di peringkat awal ini sebagai satu yang semestinya negatif mengikut konteks yang ada dalam satu-satu masa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah di antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang dapat saya sambut dan saya percaya ahli-ahli kerajaan yang lain telah pun membuat penjelasan dan huraian tentang perkara-perkara yang lain. Saya sudahi Yang Berhormat Dato' Speaker, rakaman penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun untuk membahaskan belanjawan Negeri Johor untuk tahun 2009. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat. (Dewan bertepuk). Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : SATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM84,253,000.00 bagi maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan sebanyak RM84,253,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kerajaan bagi memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat Negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut: Bahagian Pengurusan, RM15,343,000.00. Pelbagai Perkhidmatan RM25,690,000.00. Menteri Besar Johor RM12,499,000.00. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor RM7,821,000.00. Pentadbiran Dewan Negeri RM9,830,000.00. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor RM697,000.00. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia RM2,450,000.00. Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor RM9,873,000.00. Audit dalam RM50,000.00.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM14,182,000.00 bagi maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.3 bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor sejumlah RM14,182,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti sebagaimana berikut: Kerajaan Tempatan sebanyak RM5,659,000.00. Perumahan sebanyak RM7,714,000.00 dan Landskap sebanyak RM809,000.00.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,280,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga,Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor sejumlah RM5,280,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti Hal Ehwal Wanita dan Keluarga.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM15,250,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, peruntukan sebanyak RM15,250,000.00 disediakan untuk pelaksanaan kegiatan-kegiatan kebudayaan, seni dan warisan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM12,500,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia Dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, peruntukan berjumlah RM12,500,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor di mana sebanyak RM3.5 juta dibahagikan kepada Program Rakan Muda, manakala bakinya RM9 juta adalah untuk kegiatan-kegiatan sukan negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM55,526,000.00 bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.04, Perbendaharaan Negeri, peruntukan yang diperlukan berjumlah RM55,526,000.00 dan dibahagikan kepada tiga aktiviti iaitu pentadbiran am dan kewangan, pengurusan kewangan dan belanjawan dan perakaunan. Sebanyak RM3,393,000.00 adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM1,248,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM150,000.00 untuk pemilikan aset, RM50,035,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap dan baki RM700,000.00 untuk perbelanjaan pulang balik hasil dan hapus kira.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM14,632,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian; RM69,323,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran dan RM6,332,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Haiwan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, peruntukan yang disediakan ialah berjumlah RM14,632,000.00. Ianya adalah bagi menampung segala perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Pejabat-Pejabat Pertanian di seluruh negeri merangkumi perbelanjaan-perbelanjaan lain termasuk untuk melaksanakan tugas-tugas membimbing serta melatih petani-petani dan perbelanjaan emolumen anggota jabatan di bawah aktiviti khidmat pengembangan.

Di bawah Maksud Bekalan B.08, peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM69,323.00...

Y.B. Dato' Pengerusi : RM69?, ha, sikit benar RM63,000.00.

Y.B. Pengerusi jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : RM69,323,000.00. Sejumlah RM22,645,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, RM46,135,000.00 diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan termasuk pengendalian dan penyelenggaraan sungai-sungai dan RM430,000.00 disediakan untuk pemilikan aset jabatan. Dan RM113,000.00 pula disediakan untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap termasuk bayaran ganjaran anggota-anggota kontrak.

Akhir sekali, di bawah Maksud Bekalan B.10, peruntukan sebanyak RM6,332,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Haiwan termasuk emolumen, kakitangan dan bagi melaksanakan tugas-tugas membantu dan melatih penternak-penternak serta menjaga kesihatan ternakan-ternakan di seluruh negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,413,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga Diraja Johor dan RM3,917,000.00 bagi Maksud B.13, Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.12, peruntukan sebanyak RM4,413,000.00 perlu untuk perbelanjaan pengurusan Kebun Bunga Kerajaan dan peruntukan sebanyak RM3,917,000.00 di bawah Maksud Bekalan B.13 adalah untuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM10,247,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, peruntukan sebanyak RM10,247,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Hutan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM8,781,000.00 adalah perbelanjaan emolumen. RM1,389,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM75,000.00 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM2,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM26,876,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama dan RM111,672,000.00 bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama, peruntukan sebanyak RM26,876,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan agama di dalam usaha-usaha meninggikan Syiar Islam. Peruntukan adalah seperti tiap-tiap aktiviti ialah sebagaimana berikut: emolumen sebanyak RM14,235,000.00; perkhidmatan dan bekalan, RM12,365,000.00; pemilikan aset, RM200,000.00; pemberian dan kenaan bayaran tetap, RM76,000.00.

Bagi Maksud Bekalan B.22, Pendidikan Agama Islam, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM111,672,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM84,500,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan emolumen bagi guru-guru sekolah agama, RM16,242,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM660,000.00 untuk pembelian alat kelengkapan sekolah-sekolah agama dan sebanyak RM10,270,000.00 untuk bantuan kepada Sekolah-Sekolah Arab, Sekolah Rakyat, KAFA dan juga ganjaran kepada guru-guru kontrak.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM12,426,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga,Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23, Kebajikan Masyarakat, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2009 ialah berjumlah RM12,426,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM10,685,000.00 disediakan di bawah aktiviti pentadbiran am untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk perbelanjaan berupa bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat. Ini termasuklah bantuan kepada penduduk-penduduk miskin, bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan bantuan malapetaka seperti banjir dan bantuan air di musim kemarau. Ianya juga melibatkan perbelanjaan bagi pengurusan Pusat Perlindungan Kanak-Kanak yang diwujudkan sebagai tempat penempatan sementara kanak-kanak mangsa penderaan. Manakala, bakinya sebanyak RM1,741,000.00 lagi adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan di bawah aktiviti bantuan am dan pemulihan serta Pusat Perlindungan Kanak-Kanak.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM68,517,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang perlu ialah berjumlah RM68,517,000.00 dan dibahagikan kepada 4 aktiviti iaitu RM40,061,000.00 untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran, RM14,970,000.00 untuk pengurusan penyelenggaraan jalan-jalan dan jambatan, RM6,071,000.00 untuk pengurusan dan perbelanjaan penyelenggaraan bangunan dan RM7,415,000.00 untuk perbelanjaan pengurusan khidmat sokongan teknikal. Di bawah aktiviti pengurusan dan pentadbiran yang berjumlah RM40,061,000.00 tersebut, sebanyak RM10,635,000.00 ialah untuk perbelanjaan emolumen dan elaun perjalanan bagi anggota jabatan. Sebanyak RM16,794,000.00 untuk perbelanjaan pengangkutan barang-barang, perbelanjaan utiliti, sewaan dan juga bekalan bahan-bahan mentah seperti minyak jentera dan bahan-bahan batu. Sebanyak RM12,440,000.00 ialah pula untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan perbelanjaan perkhidmatan untuk jabatan dan sebanyak RM151,000.00 ialah untuk membeli aset jabatan, manakala baki sebanyak RM41,000.00 lagi ialah untuk pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan untuk mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,959,000.00 bagi Maksud B.26 Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor dan RM100 juta bagi Maksud B.28 sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26 Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak RM1,956,000.00 dan daripada jumlah tersebut, RM995,000.00 adalah perbelanjaan pentadbiran am dan bakinya sebanyak RM961,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota di bawah aktiviti perkhidmatan muzium.

Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud B.28 pula, peruntukan sebanyak RM100 juta diperlukan untuk peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun, jumlah tersebut diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,566,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah dan RM1,666,000.00 bagi Maksud B.32 Jabatan Mufti, jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29 peruntukan sebanyak RM4,566,000.00 disediakan untuk pengurusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah bagi tahun 2009. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM2,887,000.00 disediakan untuk pembayaran emolumen, sebanyak RM1,613,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, sebanyak RM20,000.00 untuk perbelanjaan pemilikan aset dan sebanyak RM46,000.00 sebagai ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Manakala di bawah Maksud Bekalan B.32 peruntukan sebanyak RM1,666,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Mufti.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,618,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM4,830,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM4,511,000.00 bagi Maksud B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat; RM3,660,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM3,850,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM3,474,000.00 bagi Maksud B.46 Pejabat Daerah Kluang; RM4,412,000.00 bagi Maksud B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM3,205,000.00, bagi B.48 Pejabat Daerah Mersing; RM3,287,000.00 bagi Maksud B.49 Pejabat Daerah Kulaijaya dan RM2,837,000.00 bagi Maksud B.50 Pejabat Daerah Ledang, jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41 Pejabat Daerah Johor Bahru, diperlukan sebanyak RM4,618,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM4,830,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM4,511,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM3,660,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM3,850,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM3,474,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM4,412,000.00; dan di bawah Maksud Bekalan B.48 Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM3,205,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.49 Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM3,287,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.50

Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM2,837,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-Pejabat Daerah di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM14,202,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian; RM3,622,000.00 bagi Maksud B.52 Pejabat Tanah Johor Bahru; RM3,739,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM3,665,000.00 bagi Maksud B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat; RM2,043,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM2,808,000.00 bagi Maksud B.56 Pejabat Tanah Segamat; RM2,303,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM2,293,000.00 bagi Maksud B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM1,533,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM1,651,000.00 bagi Maksud B.60 Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM1,358,000.00 bagi Maksud B.61 Pejabat Tanah Ledang, jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM14,202,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.52 Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM3,622,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.53 Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM3,739,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM3,665,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.55 Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM2,043,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.56 Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM2,808,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.57 Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM2,303,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM2,293,000.00; dan di bawah Maksud Bekalan B.59 Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM1,533,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.60 Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM1,651,000.00; dan di bawah Maksud Bekalan B.61 Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM1,358,000.00.

Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput

angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Dua jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Dato' Pengerusi : Dewan Negeri Bersidang Semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2009) Tahun 2008 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

Jurutulis : ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2009.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2009 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2008 dan memperakukan sama ada peranggaraan itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda.

Peruntukan yang diperlukan untuk peranggaraan pembangunan tahun 2008 adalah berjumlah RM230,050,130.00 di bawah lima Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran dan Kewangan, RM83,450,010.00;
2. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM82,700,070.00;
3. Jawatankuasa Agama Johor, RM20,900,050.00;
4. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, RM40,500,000.00;
5. Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri Johor, RM2,500,000.00.

Dan penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P.49, Perikanan; RM8,900,000.00 bagi Maksud P.50, Pertanian; RM21,600,000.00, bagi Maksud P.51, Pengairan dan Saliran; dan RM9,500,000.00 bagi Maksud P.52, Haiwan dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan 49, Perikanan, peruntukan sebanyak RM500,000.00 disediakan bagi tahun 2009. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM10,000.00 untuk latihan perikanan dan sebanyak RM40,000.00 untuk projek pemuliharaan penyu. Sebanyak RM350,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek pemesatan pembangunan *eco-culture* dan RM100,000.00 untuk pembinaan jeti.

Di bawah Maksud Pembangunan 50, Pertanian peruntukan sebanyak RM8,900,000.00 disediakan untuk tahun 2009 bagi program-program latihan pertanian serta bantuan perkhidmatan pengembangan dan perundingan pertanian dan juga rancangan-rancangan lain yang bertujuan meningkatkan daya pengeluaran sektor pekebun kecil di luar bandar.

Bagi Maksud Pembangunan 51, Pengairan dan Saliran amaun sebanyak RM21,600,000.00 di peruntukan untuk pelaksanaan projek-projek saliran bagi tahun 2009. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM400,000.00 adalah bagi pembelian aset serta kerja-kerja menaik taraf kemudahan asas jabatan dan sebanyak RM9 juta disediakan untuk projek-projek saliran bandar bagi mengatasi banjir di kawasan bandar dan selebihnya sebanyak RM12,200,000.00 disediakan bagi pelaksanaan projek-projek saliran dan pengairan yang lain di seluruh Negeri Johor.

Akhir sekali di bawah Maksud Pembangunan 52, Haiwan, peruntukan sebanyak RM9,500,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan Perkhidmatan Haiwan termasuk pembangunan industri ternakan lembu, kerbau, kambing biri-biri, Khidmat Kesihatan Veterinar dan kawalan pencemaran industri ternakan. Di samping itu, peruntukan juga disediakan bagi Pembangunan Keusahawanan Industri Ternakan yang bertujuan untuk memberi bimbingan kepada Usahawan Kecil supaya mereka mempunyai daya saing sekali gus berjaya dalam industri ternakan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM7,700,000.00 Bagi Maksud P.53, Kerajaan Tempatan dan RM2,550,040.00 Bagi Maksud P.54, Perumahan dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Bagi Maksud Pembangunan 53 Kerajaan Tempatan, peruntukan sebanyak RM7,700,000.00 diperlukan pada tahun 2009. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut iaitu sebanyak RM4 juta disediakan sebagai geran keseimbangan Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Geran ini berfungsi untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti kemudahan-kemudahan riadah serta projek-projek di bawah Program Bersih dan Indah. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM750,000.00 sebagai sumbangan kepada program-program pengindahan kawasan. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM300,000.00 disediakan untuk kerja-kerja tambahan di Zoo Negeri dan sebanyak RM150,000.00 untuk kerja-kerja membaiki kemudahan-kemudahan awam di kawasan Air Panas Gersik. Peruntukan sebanyak RM2.5 juta juga disediakan sebagai bantuan Kerajaan Negeri untuk projek-projek pembangunan di kawasan Penguasa Tempatan.

Bagi Maksud Pembangunan P.54 pula, Yang Berhormat Dato' Pengerusi iaitu Perumahan, peruntukan berjumlah RM2,550,040.00 disediakan pada tahun 2009. Daripada jumlah ini sebanyak RM700,000.00 adalah untuk kerja-kerja penyediaan tapak bagi projek-projek rumah awam kos rendah. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM500,000.00 untuk penggantian tangki-tangki air di rumah-rumah pangsa awam dan RM750,000.00 untuk mengganti lif rumah-rumah pangsa. Sebanyak RM600,000.00 pula disediakan untuk mengecat rumah-rumah pangsa kerajaan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM26 juta bagi Maksud P.55, Pejabat Daerah dan Tanah; RM52,500,000.00 bagi Maksud P.56 Pejabat Menteri Besar dan RM4,950,010.00 Bagi Maksud P.57 Hutan dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Bagi Maksud Pembangunan 55 Pejabat Daerah dan Tanah, sebanyak RM25 juta disediakan untuk melaksanakan projek-projek jalan dan jambatan kampung, manakala sebanyak RM1 juta pula di peruntukan untuk projek-projek kecil tali air dan di kawasan-kawasan kampung.

Bagi maksud Pembangunan 56, Pejabat Menteri Besar, peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil pembangunan di seluruh negeri disediakan sebanyak RM37 juta. Sebanyak RM1 juta disediakan masing-masing untuk Rancangan Penggalakan Industri Kampung dan Rancangan Meningkatkan Penggunaan Tanah Terbiar, manakala sebanyak RM3 juta disediakan untuk perbelanjaan pengambilan balik tanah bagi tujuan projek-projek pembangunan dan sebanyak RM500,000.00 adalah untuk pembaikan serta pengubahsuaian Kompleks-Kompleks Penghulu. Sebanyak RM1 juta juga telah dicadangkan sebagai geran pelancaran untuk rancangan membasmi kemiskinan. Peruntukan sebanyak RM2 juta disediakan untuk Tabung Pembangunan Keusahawanan, RM1 juta disediakan untuk melaksanakan Program-Program Industri Kecil dan Sederhana. RM5 juta disediakan bagi pembinaan dewan orang ramai dan dewan serba guna, sementara sebanyak RM1 juta lagi diperuntukkan untuk pembinaan padang permainan di setiap Mukim di seluruh Negeri Johor.

Dan bagi Maksud Pembangunan 57, Hutan, peruntukan sebanyak RM1,850.000.00 disediakan untuk pengurusan dan pembangunan sumber hutan. Sebanyak RM1.7 juta disediakan untuk infrastruktur dan utiliti dan sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk pembangunan hutan lipur dan ekopelancongan. Di samping itu juga, sebanyak RM50,000.00 bagi penjagaan kualiti biji benih dan bahan tanaman dan sebanyak RM50,000.00 untuk operasi dan penguatkuasaan; sebanyak RM400,000.00 untuk pemeliharaan sumber dan sebanyak RM200,000.00 pula diperuntukkan untuk ICT, publisiti dan pengembangan, perhutanan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM20,900,050.00 bagi Maksud P.58 Pejabat Agama dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan 58 Pejabat Agama, peruntukan sebanyak RM1 juta disediakan untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan di Pusat Islam, Johor; RM7 juta untuk pembinaan Sekolah-Sekolah Agama di seluruh Negeri Johor; RM500,000.00 disediakan bagi pembinaan Kompleks Balai Cerap Baitulhilal dan RM1,500,000.00 bagi meningkatkan taraf Sekolah-Sekolah Agama Rakyat di seluruh Negeri Johor. Manakala sebanyak RM5 juta pula untuk pembinaan dan pembaikan Pejabat Agama di daerah-daerah seluruh Negeri Johor dan sebanyak RM3 juta untuk pelaksanaan kerja-kerja yang dirancangkan mengikut peringkat-peringkat bagi memperelok rumah pegawai dan

kakitangan masjid-masjid jamek kerajaan. Membina rumah-rumah Guru Agama di kawasan LKTP serta pembelian kenderaan dan hamparan bagi masjid-masjid jamek kerajaan. Manakala sebanyak RM900,000.00 lagi adalah bagi kelengkapan dan kemudahan di tanah-tanah perkuburan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,700,000.00 bagi Maksud P.59 Jabatan Landskap dan RM70,750,030.00 bagi Maksud P.60 Kerja Raya dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Bagi Maksud Pembangunan 59, Jabatan Landskap, peruntukan sebanyak RM1,700,000.00 disediakan pada tahun 2009 bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Jabatan Lanskap. Daripada jumlah ini sebanyak RM150,000.00 disediakan untuk pembangunan taman awam, sementara RM600,000.00 adalah untuk kerja-kerja pembangunan landskap, manakala bakinya sebanyak RM950,000.00 adalah untuk program-program pengindahan.

Di bawah Maksud Pembangunan 60 Kerja Raya pula, peruntukan sebanyak RM44 juta adalah perlu untuk kerja-kerja pembinaan, menaik taraf serta memperelokkan jalan dan Jabatan Negeri. Sebanyak RM200,000.00 untuk membina tembok tepi sungai dan pantai dan sebanyak RM200,000.00 lagi bagi rancangan pengelakan banjir. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM100,000.00 untuk kemudahan dan keselamatan Bangunan Sultan Ibrahim dan sekitarnya. Sebanyak RM3 juta untuk kerja-kerja menambah dan memperelok bangunan-bangunan negeri dan RM2.8 juta lagi disediakan untuk kerja-kerja pembinaan dan ubahsuai bangunan Pejabat Kerajaan di daerah-daerah di negeri ini. Sebanyak RM500,000.00 pula diperuntukkan untuk melebarkan jalan-jalan Negeri di dalam kawasan Majlis Daerah. RM3 juta bagi melakukan kerja-kerja kecil serta RM13,900,000.00 di peruntukan untuk memperelok dan memperbaiki bangunan-bangunan Istana Negeri Johor. Terakhir sekali Yang Berhormat Dato' Pengerusi, sebanyak RM200,000.00 disediakan untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan Yayasan Warisan Negeri Johor. RM300,000.00 untuk penyelenggaraan bangunan dan keperluan woksyop, RM700,000.00 untuk Stor-Stor JKR dan alat penghawa dingin serta RM850,000,000.00 di peruntukan untuk rumah-rumah buruh, alatan rumah kerajaan dan juga alat-alat ukur dan makmal dan RM500,000.00 untuk pembelian kenderaan-kenderaan jabatan. Selebihnya iaitu berjumlah RM500,000.00 adalah untuk kerja-kerja kecil letrik.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,500,000.00 bagi Maksud P.61, Pelancongan dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.61, Pelancongan, peruntukan sebanyak RM2,500,000.00 disediakan pada tahun 2009 untuk melaksanakan program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang ditetapkan bagi menggalakkan perkembangan dan memperkenalkan pelancongan di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P.62, Wang Cadangan Belanja Mengejut dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, wang cadangan belanja mengejut pembangunan negeri berjumlah RM500,000.00 diadakan untuk membolehkan perbelanjaan dibuat ke atas keperluan-keperluan yang mendesak di mana tiada peruntukan baginya dalam belanjawan negeri. Di atas kuasa Menteri Besar, perbelanjaan akan dilakukan sementara mendapatkan kelulusan daripada Dewan Negeri. Pendahuluan yang dikeluarkan di atas perbelanjaan-perbelanjaan begini akan diperlaraskan kepada peruntukan yang berkenaan apabila peruntukan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaraan yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bil. 30 Tahun 2008 itu telah pun selesai di timbangkan. Maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaraan yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2008. Dari itu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM230,550,130.00 yang dicadangkan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2009 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan dengan ini mengambil ketetapan

bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM230,550,130.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2009 bagi Maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) (NO.3) TAHUN 2008.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No.3) Tahun 2008 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang ketiga bagi perbelanjaan bekalan tahun 2008. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM122,466,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan dimasukkan dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 5 Jawatankuasa seperti berikut: Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan, RM110,770,000.00; Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, RM2,619,000.00; Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor, RM230,000.00; Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM6,541,000.00; dan Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM2,306,000.00. Dan, penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan Bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM18,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri; RM160,000.00 bagi Maksud B.02, Menteri Besar Johor; RM610,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan; RM207,000.00 bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri; dan RM65,000.00 bagi Maksud B.05, Dewan Negeri; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM18,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.02, Menteri Besar Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM160,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM610,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.04, Perbendaharaan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM207,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.05, Dewan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM65,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM693,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian; RM1,316,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran dan RM297,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Haiwan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM693,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, memperuntukkan tambahan sebanyak RM1,316,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor memperuntukkan tambahan sebanyak RM297,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM218,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga Kerajaan; RM128,000.00 bagi Maksud B.13, Perancang Bandar dan Desa; RM94,000.00 bagi Maksud B.14, Kerajaan Tempatan; RM183,000.00 bagi Maksud B.15, Perumahan dan RM37,000.00 bagi Maksud B.16, Landskap jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM218,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota pejabat.

Bagi Maksud B.13 pula iaitu Jabatan Perancangan, Perancang Bandar dan Desa, peruntukan tambahan sebanyak RM128,000.00 perlu untuk tampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan juga.

Dan, bagi Maksud B.14, Pejabat Kerajaan Tempatan Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM94,000.00 juga diperlukan untuk tujuan yang sama.

Begitu juga bagi Maksud B.15, Pejabat Perumahan Negeri Johor peruntukan sebanyak RM183,000.00 juga untuk tujuan yang sama dan juga untuk Pejabat Landskap Negeri Johor B.16, RM37,000.00 juga begitu.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,041,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, Pejabat Perhutanan Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM1,041,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM922,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama dan RM5,370,000.00 bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM922,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Manakala bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM5,370,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM230,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM230,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,959,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM1,959,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM68,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor; RM76,000.00 bagi Maksud B.27, Unit Sains Teknologi dan ICT dan RM106,000,000.00 bagi Maksud B.28 Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar, peruntukan tambahan sebanyak RM68,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.27, Unit Sains Teknologi dan ICT, peruntukan tambahan sebanyak RM76,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.28, Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun, peruntukan tambahan sebanyak RM106,000,000.00 diperlukan untuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan yang telah dilakukan di bawah Kumpulan Wang tersebut.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM196,000.00 bagi Maksud B.29 Mahkamah Syariah dan RM53,000.00 bagi Maksud B.32 Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.29 Mahkamah Syariah Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM196,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan kos bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM183,000.00 adalah untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan dan baki sebanyak RM13,000.00 lagi adalah untuk menampung pembelian aset pejabat.

Manakala bagi Maksud Bekalan B.32 Jabatan Mufti Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM53,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM139,000.00 bagi Maksud B.41 Pejabat Daerah Johor Bahru; RM122,000.00 bagi Maksud B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat; RM235,000.00 bagi Maksud B.44 Pejabat Daerah Pontian; RM107,000.00 bagi Maksud B.45 Pejabat Daerah Segamat; RM102,000.00 bagi Maksud B.46 Pejabat Daerah Kluang; RM98,000.00 bagi Maksud B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM186,000.00 bagi Maksud B.48 Pejabat Daerah Mersing; RM90,000.00 bagi Maksud B.49 Pejabat Daerah Kulaijaya; dan RM69,000.00 bagi Maksud B.50 Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.41 Pejabat Daerah Johor Bahru peruntukan tambahan sebanyak RM139,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM23,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat dan baki sebanyak RM116,000.00 lagi adalah untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM122,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.44 Pejabat Daerah Pontian, peruntukan tambahan sebanyak RM235,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM134,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat dan baki sebanyak RM101,000.00 lagi adalah untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.45 Pejabat Daerah Segamat, peruntukan tambahan sebanyak RM107,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.46 Pejabat Daerah Kluang, peruntukan tambahan sebanyak RM102,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi, peruntukan tambahan sebanyak RM98,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.48 Pejabat Daerah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM186,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM111,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat dan baki sebanyak RM75,000.00 lagi adalah untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.49 Pejabat Daerah Kulaijaya, peruntukan tambahan sebanyak RM90,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut RM30,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat dan baki RM60,000.00 lagi adalah untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.50 Pejabat Daerah Ledang, peruntukan tambahan sebanyak RM69,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM339,000.00 bagi Maksud B.51 Pejabat Tanah dan Galian Johor; RM157,000.00 bagi Maksud B.52 Pejabat Tanah Johor Bahru; RM186,000.00 bagi Maksud B.54

Pejabat Tanah Batu Pahat; RM106,000.00 bagi Maksud B.55 Pejabat Tanah Pontian; RM124,000.00 bagi Maksud B.56 Pejabat Tanah Segamat; RM116,000.00 bagi Maksud B.57 Pejabat Tanah Kluang; RM117,000.00 bagi Maksud B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM94,000.00 bagi Maksud B.59 Pejabat Tanah Mersing; RM78,000.00 bagi Maksud B.60 Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM60,000.00 bagi Maksud B.61 Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.51 Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM339,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM240,000.00 adalah bagi pembelian kenderaan jabatan dan baki sebanyak RM99,000.00 lagi adalah untuk menampung pembelian aset pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.52 Pejabat Tanah Johor Bahru, peruntukan tambahan sebanyak RM157,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM186,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.55 Pejabat Tanah Pontian, peruntukan tambahan sebanyak RM106,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.56 Pejabat Tanah Segamat, peruntukan tambahan sebanyak RM124,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.57 Pejabat Tanah Kluang, peruntukan tambahan sebanyak RM116,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi, peruntukan tambahan sebanyak RM117,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.59 Pejabat Tanah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM94,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.60 Pejabat Tanah Kulaijaya, peruntukan tambahan sebanyak RM78,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM56,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat dan bakinya sebanyak RM22,000.00 adalah untuk pembayaran imbuhan tahunan dan pembayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Dan bagi Maksud bekalan B.61 Pejabat Tanah Ledang, peruntukan tambahan sebanyak RM60,000.00 diperlukan untuk pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota Jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No. 3) Tahun 2008 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No.3) Tahun 2008.

Y.B. Dato' Pengerusi : Eh, kenapa Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak bawa rundingan supaya Dewan ini kita ditangguhkan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Oh, nak tangguh…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, suka eh.. Yang Berhormat, saya ada terima dua ucapan penangguhan. Yang pertama saya jemput Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau. Dr. Boo. .. lambat bangun kang tangguh lah…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker sebab dibenarkan Skudai menyampaikan ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan infrastruktur baru mesti berjalan secucuk dengan usaha membaik pulih pasaran hartanah, projek-projek perumahan terbengkalai dan unit-unit perumahan individu terbengkalai sebab dilelong oleh bank.

Yang Berhormat Dato' Speaker, permasalahan rumah-rumah, projek-projek perumahan terbengkalai dan sampah sarap tanpa dipungut menurut jadual telah mengakibatkan penyakit denggi iaitu Denggi Hemorrahgic fever dan Chikungunya berleluasa. Skudai telah difahamkan bahawa kematian disebabkan denggi Hemorrahgic fever telah mencecah 20 orang di daerah Johor Bahru dalam 8 bulan pertama tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keprihatinan dan komunikasi di antara Kerajaan Tempatan dan Pejabat Kesihatan Daerah perlu dipertingkatkan khasnya dalam usaha mengawal denggi dan Chikungunya yang di rebak oleh vektor yang sama iaitu nyamuk aedes. Kelewatan penyemburan ubat nyamuk sewajarnya dielakkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi contohnya penduduk-penduduk Kampung SK Skudai, Tan Kee Lim dan Lim Kim Hing dikenal pasti mengidap penyakit Chikungunya pada 27 dan 29 Julai ini tetapi penyemburan, penyemburan ubat nyamuk baru dapat dilakukan pada 8 Ogos. Lagi satu contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, pesakit Denggi Puan Choo Moy @.....

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, nama tak payah sebutlah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Takut dia nanti dia tak izinkan nama dia sakit. Nanti surat khabar keluar. Dia kata siapa suruh keluar ini nama dia sakit. Eh, mungkin tak elok bagi dia.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Satu kes lagi, seorang dari kawasan Taman Skudai Baru, Skudai dinotifikasikan kepada Pejabat Kesihatan pada 26 Julai tetapi penyemburan ubat nyamuk baru dilakukan pada 8 Ogos juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini Jabatan Kesihatan belum memberikan maklumat yang sempurna berkenaan wabak Chikungunya di Negeri Johor. Laporan kejadian Chikungunya telah melibatkan kawasan Ulu Choh, Kangkar Pulai, Skudai, Pontian, Pekan Nenas dan sejauh Tangkak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka diharapkan juga Syarikat Perumahan Negara Berhad iaitu SPNB atau Jabatan Perumahan Negara akan mengambil peranan yang lebih proaktif dalam usaha membaik pulihkan projek-projek perumahan terbengkalai. Memandangkan 14% projek perumahan terbengkalai di Negeri Johor, bukan sahaja syarikat-syarikat berkaitan kerajaan seumpamanya SPNB dan Jabatan Perumahan Negara sepatutnya terlibat dalam usaha membaik pulihkan projek terbengkalai malahan syarikat-syarikat swasta juga sepatutnya digalakkan supaya melibatkan diri dalam usaha membaik pulihkan hartanah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri sepatutnya merujukkan masalah seperti Blok 4 Flat Taman Jaya, Skudai kepada SPNB atau Jabatan Perumahan Negara supaya menghulurkan bantuan kepada penghuni-penghuni sana untuk membina semula bangunan baru di tapak yang sama. Flat Taman Jaya dibina pada 25 tahun dahulu tetapi telah nyaris akan keruntuhan. Kerajaan juga bertanggungjawab kepada kelulusan Sijil Layak Menduduki atau CF. Bagaimanakah kerajaan hendak meyakinkan para pelabur dengan pentadbiran yang kekurangan efisien jika keruntuhan flat berkenaan berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, disebaliknya Khazanah Nasional Berhad sepatutnya juga lebih proaktif dalam usaha membaik pulihkan dan menguruskan hartanah terbengkalai bernilai tinggi dan komersial termasuk Kemayan City, Bandar Terapung Johor Bahru, Pacific Mall, Skudai Plaza dan lain-lain asalkan proses mengambil alih projek-projek ini secara telus dan terbuka. Jangan kita asyik membangunkan projek-projek mega tetapi mengabaikan masalah pusat-pusat komersial besar yang terbengkalai di Wilayah Iskandar Malaysia. Kerajaan seharusnya mengutamakan usaha membaik pulihkan projek-projek terbengkalai di kawasan bandar raya Johor Bahru selain dari usaha menumpukan pembangunan projek-projek mega baru di kawasan Nusajaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kita sedang menghadapi cabaran globalisasi di mana pekerja Malaysia menghadapi cabaran persaingan dari luar dan dalam negeri. Dalam Negeri Malaysia dibanjiri pekerja asing dengan izin atau tanpa izin. Jika daya persaingan kalangan pekerja kita tidak meningkat, gaji mereka akan menjadi lembap bahkan bilangan pekerja asing yang terlalu ramai telah menghalang kenaikan gaji mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lagi pun bilangan warga-warga Malaysia di Singapura dan di Negeri Johor dibuang kerja telah membawa desakan untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih memadai. Demi mencapai peluang pekerjaan dan gaji yang lebih lumayan, kerajaan terpaksa melaksanakan dasar-dasar ekonomi yang dapat membawa manfaat kepada kalangan masyarakat serta menarik pelaburan setempat dan asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan sepatutnya menjadi teladan menghulurkan peluang pekerjaan yang adil kepada semua warga Malaysia tanpa kira kaum sebelum sektor-sektor swasta diwajib oleh dasar-dasar ekonomi untuk membuat sedemikian. Adalah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sesetengah penganggur khasnya berketurunan India mengadu kepada Skudai bahawa mereka ditolak peluang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan atas alasan kehabisan borang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan di mana kakitangan bidang awam didominasi oleh satu kaum amat merisaukan dari segi integrasi dan perpaduan nasional di masyarakat majmuk seperi Malaysia. Contohnya, hampir 100% kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri adalah berketurunan satu kaum. Bagaimana kita dapat menasihat syarikat-syarikat swasta supaya memupuk semangat integrasi dengan mengupah pekerja-pekerja dan pengurus dari semua kaum manakala kerajaan gagal meneladani sektor swasta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selepas kemerdekaan 50 tahun, integrasi dan perpaduan sejati khasnya di bidang pentadbiran awam dan syarikat swasta dapat dijayakan jika kita memupukkan tindakan *affirmative* sejati atau *affirmative action,* dengan izinnya. Tindakan *affirmative* sepatutnya mengutamakan kelayakan apabila memberikan bantuan kepada minoriti dan semua kaum. Ianya tidak sepatutnya menegaskan warna kulit atau keturunan seseorang. Tindakan *affirmative* adalah dasar mengutamakan bantuan kepada minoriti yang kekurangan daya persaingan. Keutamaan berasaskan keperluan dan kelayakan diberikan kepada golongan minoriti yang menghadapi kesusahan bersaing dalam masyarakat yang didominasikan oleh majoriti seperti di Amerika Syarikat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kes mahkamah Bakke, B.A.K.K.E vs University Of California, Mahkamah Amerika Syarikat telah memutuskan kuota berasaskan kaum adalah tidak adil serta menentang semangat tindakan *affirmative* untuk membantu golongan bernasib kurang baik tanpa kira kaum. Kuota-kuota berasaskan kaum atau warna kulit ditolak oleh Mahkamah Tertinggi Amerika Syarikat sebagai diskriminasi kaum songsang atau *reverse racial discrimination*, dengan izinnya. Tindakan *affirmative* sepatutnya mengutamakan kelayakan dan keperluan sosioekonomi untuk mendapatkan bantuan kerajaan dan bukannya latar belakang kaum seseorang itu, iaitu dengan izinnya *individualization* atau penilaian keperluan latar belakang sosioekonomi seseorang untuk menentukan seseorang itu sama ada berkelayakan mendapatkan sebarang bantuan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun awal 1980an, rakyat Malaysia berpendapatan GDP per kapita yang lebih tinggi dari negara-negara Asia yang lain termasuk Korea Selatan dan Taiwan. Pada peringkat ini GDP per kapita kedua-dua negara ini adalah dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi daripada negara kita. Kita terpaksa mengkaji semula dasar-dasar pendidikan dan sosioekonomi kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demi hidup dalam gelombang globalisasi yang mendesak, kita mesti mewujudkan masyarakat demokratik yang keterbukaan, sistem kewangan dan tadbir awam yang ketelusan. Faktor-faktor utama ini akan menentukan sama ada Iskandar Malaysia dapat menarik pelaburan asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mewujudkan masyarakat demokratik yang keterbukaan sepatutnya kita bermula dari Dewan yang mulia ini, di mana semua Ahli Dewan yang mulia ini bersikap lebih terbuka terhadap pandangan-pandangan alternatif serta membuka persidangan Dewan ini melalui siaran langsung internet supaya rakyat Johor dan seluruh dunia dapat melihat apa yang diperbincangkan dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai mengharapkan Peraturan Tetap sepatutnya dipinda di mana Ahli-Ahli Dewan ini dibenarkan membahas secara lebih terbuka. Jika Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini cuma membaca teks ucapan semata-mata sebab kekurangan inovasi Ahli-Ahli Dewan. Itulah ucapan penangguhan. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Genap betul 10 minit. Ok Yang Berhormat Encik Ong Kow Meng. 10 minit.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, apa pasal tak buka lampu? Saya tak dengar, kita tangguh.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : *Sorry,* di atas keizinan yang diberikan kepada saya untuk menyampai ucapan penangguhan bagi Mesyuarat Keempat Penggal Persidangan Dewan Negeri Johor yang Ke-12 ini. Saya ingin merakamkan suatu ketidakpuasaan mengenai sikap yang negatif sebilangan besar Ahli-Ahli Dewan ini yang meninggalkan Dewan ini semasa..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ucapan tangguhan diberikan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu tidak ada dalam teks, Yang Berhormat tidak boleh cakap terbuka. Saya dah cakap Yang Berhormat mesti baca teks, kalau tidak saya tangguhkan. Ikut teks Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh tambah perkataan lain yang boleh menyinggung perasaan orang lain. Ini Yang Berhormat cerita ini tidak ada dalam teks Yang Berhormat, nanti kalau Yang Berhormat langgar lagi sekali saya tangguhkan Dewan ini. Yang Berhormat saya dah cakap, ikut teks, ikut teks, ini peraturan. Saya tak benarkan itu.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan suatu ketidakpuasaan di kalangan Ahli-Ahli Dewan dari Pakatan Rakyat mengenai sikap yang negatif yang dilakukan oleh sebilangan

Ahli-Ahli Dewan daripada Barisan Nasional yang telah dengan sengaja meninggalkan Dewan atau *walk out* semasa Yang Berhormat DUN Skudai sedang memberikan Ucapan Tangguhan bagi mesyuarat yang lalu, sekarang pun. Ini menunjukkan peranan kami di dalam Dewan ini tidak diberikan perhatian serta pengiktirafan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab sambil menghina atau tidak menghormati Dewan yang mulia ini. Oleh kerana ini, di atas alasan kekurangan kuorum Yang Berhormat Dato' Speaker boleh memberhentikan Ucapan Tangguhan di mana ini boleh mempersoalkan fungsi serta sumbangan kami di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh sebab itu Senai berharap demi untuk keadilan kepada semua rakyat khususnya kami yang juga merupakan Wakil Rakyat diharapkan perkara ini tidak akan diulangi lagi, tapi sekarang boleh diulangi.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh mengenai masalah tanah bagi beberapa kawasan di Kampung Baru seperti di Kampung Baru Kulai, Kampung Baru Saleng, Kampung Baru Senai di kawasan Poh Chee Leng, Skudai dan juga kawasan di Kampung Gunung Lambak, Kluang dan juga di kawasan lain-lain di seluruh Negeri Johor yang mana penduduk-penduduk di situ telah memiliki tanah bagi suatu tempoh masa yang lama sejak dari zaman nenek moyang mereka sehingga ke hari ini masih juga tidak dapat diperuntukkan ataupun dikurniakan lot-lot milikan mereka. Senai juga mengakui bahawa tanah tersebut adalah tanah kepunyaan Kerajaan Negeri Johor tetapi kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan memperolehi mandat daripada rakyat juga.

Walau bagaimanapun, sebilangan mereka memiliki tanah sebelum tahun 1957 iaitu sebelum negara mencapai kemerdekaan di mana negara masih di bawah pemerintahan British. Tetapi kenapa pula hak-hak mereka terhadap tanah milikan tersebut boleh dinafikan dengan sewenang-wenangnya. Apakah masalah pihak Kerajaan Negeri untuk memecah bahagikan tanah tersebut kepada penduduk tersebut yang harus berkelayakan dan berpatutan memperolehi suratan hak milik untuk faedah masing-masing. Kenapa masalah pemecah bahagian tanah tersebut serta pengeluaran suratan hak milik selepas 50 lebih tahun, masih tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Saya juga difahamkan bahawa di antara pemilik-pemilik tersebut terdapat sebilangan mereka berjaya memperolehi suratan hak milik, manakala jiran-jiran yang lain tidak mendapatkan yang sama. Dimanakah keadilan dan apakah garis panduan yang sebenarnya yang melayakkan sebilangan mereka berjaya memperolehi suratan hak milik, manakala sebilangan mereka pula terkandas di dalam permohonan mereka. Adakah pihak berkuasa mengamalkan budi bicara yang sewajarnya ataupun wujudnya penyelewengan dalam pentadbiran tanah. Adalah difahamkan juga sebilangan tanah tersebut dikurniakan kepada pihak ketiga iaitu orang-orang yang tidak ada kena-mengena dengan tanah tersebut serta tidak mengusahakan, memiliki serta menduduki tanah berkenaan. Senai berpendapat selagi masalah tanah ini tidak diselesaikan dengan cara yang berkesan dan sepenuhnya, Senai berasa matlamat untuk mencapai pembangunan ekonomi dalam negeri tidak akan tercapai dengan baik selagi masalah tanah ini tidak dapat diatasi.

Oleh sebab itu, saya berharap di dalam jangka masa dua tahun iaitu sebelum pilihan raya yang akan datang, maka semua tanah-tanah tersebut dapat di

pecah bahagikan dan dikurniakan kepada pemilik masing-masing. Hal ini supaya mereka tidak akan sentiasa berfikiran kenapa pihak Kerajaan Negeri sentiasa mengabaikan kepentingan mereka. Sebagai suatu contoh, saya baru-baru ini mendapati sebilangan besar pemilik di Kampung Gunung Lambak, Kluang Johor telah menduduki lebih 50 tahun sejak dari zaman nenek moyang mereka sehingga sekarang dan masih tidak boleh memiliki hak tanah tersebut bagi sejumlah lebih kurang 300 lot tanah di Kampung Gunung Lambak. Apakah yang amat mengejutkan adalah bahawa mereka telah menduduki tanah tersebut bagi tempoh yang agak lama tetapi mereka langsung tidak sekurang-kurangnya diberikan Lesen Menduduki Sementara.

Baru-baru ini tindakan pengusiran sedang diambil terhadap mereka dengan meminta mereka berpindah ke lot tanah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa sebarang ganti rugi dalam tempoh dua tahun setelah dikurniakan hak milik. Saya ingin bertanyakan sama ada surat akuan yang mereka terpaksa laksanakan itu, diarahkan ataupun diperintahkan oleh pihak Kerajaan Negeri atau tidak? Sekiranya Kerajaan Negeri ingin memelihara hak pemilik di situ, kenapa tidak ada sebarang persetujuan mahupun perjanjian secara bertulis di antara pihak Kerajaan Negeri dan pemilik tanah tersebut.

Saya ingin bertanya sama ada wujudnya rancangan yang mana pemaju ataupun syarikat besar yang lain ingin mengambil alih tanah tersebut bagi tujuan untuk memajukan tanah tersebut. Saya juga difahamkan bahawa lot-lot tanah di sekeliling Kampung Gunung Lambak, Kluang yang dahulunya mengalami masalah yang sama telah pun dikurniakan surat hak milik masing-masing. Kenapa pula pemilik berkenaan boleh menjadi mangsa dengan diminta untuk mengosongkan tanah mereka tanpa suatu kepastian dan jaminan daripada Kerajaan Negeri. Apakah tindakan yang akan pihak Kerajaan Negeri ambil, atau lakukan terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka di Kampung Gunung Lambak, Kluang. Saya berpendapat, penyelesaian yang segera terhadap masalah yang diharap diambil oleh pihak kerajaan demi untuk keadilan, manfaat kepada penduduk di situ.

Perkara seterusnya yang saya akan bangkitkan adalah mengenai masalah banjir kilat di Negeri Johor ini. Setelah saya melawati banyak kawasan di taman-taman perumahan khususnya kawasan Senai – Kulai, seperti di kawasan perumahan di Lorong Jaya, Lorong Dua dan Lorong Tanjung, Senai, Jalan Bunga Kertas, Taman Muhibah, Saleng, dan Jalan Serunai, Taman Senai Baru dan lain-lain kawasan, penduduknya sering menghadapi serta mengalami masalah banjir kilat yang teruk setiap kali hujan lebat melanda bagi tempoh selama, sehingga sejam ke dua jam berpunca daripada kesempitan saiz parit dan penggunaan sistem perparitan yang lama. Hal ini menyebabkan air tidak mampu untuk mengalirkan dengan sebaik mungkin dan seterusnya air hujan berkenaan telah memasuki ke halaman rumah penduduk di situ sehingga ke paras tiga hingga empat kaki ketinggian air tersebut yang menyebabkan penderitaan emosi dan secara fizikal yang teruk termasuk kemusnahan harta benda. Tidak kurang daripada tujuh hingga lapan kawasan berkenaan di atas mengalami banjir kilat.

Saya berpendapat dan membuat tafsiran, ianya bukan suatu bencana semula jadi. Jika setiap kali hujan lebat berlaku, saya telah beberapa kali menujukan surat secara bertulis kepada pihak Kerajaan Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Kulaijaya, di antara lain memohon supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan lebih berkesan iaitu dengan cara memperluaskan saiz perparitan supaya lebih mendalam bagi tujuan pengaliran takungan air yang lancar serta membina sistem perparitan yang lebih berkesan. Selagi kerja-kerja pembaikan tidak dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera, ini akan mengundang kepada penderitaan dan kacau gangguan terhadap kehidupan penduduk-penduduk di situ. Hal yang penting adalah kenapa selama ini pihak Kerajaan Tempatan tidak mengambil langkah yang berjaga-jaga bagi mengatasi masalah ini? Kenapa pihak Kerajaan Tempatan sentiasa menggunakan alasan tidak ada peruntukan wang bagi maksud di atas? Saya kurang faham kenapa timbul soal kekurangan kewangan ke atas projek-projek yang kecil, yang tidak akan menggunakan kos yang tinggi bagi melaksanakan projek ini sekiranya ia ditawarkan secara bebas dan terbuka supaya menjemput kontraktor-kontraktor yang handal..

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah 10 minit.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dalam menjalankan projek..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kena tamatkan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ada sikit lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tak ada tambahan eh, pasal ini bila kita, saya kata 10 minit maknanya saya kata Yang Berhormat kena duduk.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya kena habiskan mengenai masalah banjir sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tidak boleh. Ucapan penangguhan tidak ada. Sebab Yang Berhormat telah diberi peluang dalam ucapan belanjawan, Yang Berhormat boleh sebut apa, bermakna ini ada sedikit ruang diberi Yang Berhormat untuk 10 minit.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya perlukan 2-3 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh. Dia mana ada 2-3 lagi Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang ini saya kena habiskan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang ini kena patuh. Ucapan penangguhan pun tak boleh. Yang Berhormat kata cakap 10 minit, sekian. Itu saja. Sebab Yang Berhormat punya ada satu muka lebih.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Bukan. Saya hendak habiskan perenggan yang mengenai, yang menyentuh banjir sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, boleh tak ikut kata saya? Saya dah beri peluang Yang Berhormat ucap penangguhan, minta jangan anu lah Yang Berhormat. Ini bukan saya langgar, tak kasi Yang Berhormat berucap. Dah cukup 10 minit. Kalau dalam Ucapan Belanjawan tak apa, terlebih-lebih minit, 10 minit, Ucapan Penangguhan tidak boleh, hanya 10 minit.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : . ..*The laxness* Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat ni kenapa degil? Allah, kalau dah tua-tua ni degil, lecehlah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Maksud saya kelonggaran.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dengar tak cakap saya?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Saya dah kata tangguh, tangguhlah Yang Berhormat. Saya dah beri peluang.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ok, dengan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Kan macam tu baik, Yang Berhormat seorang peguam kalau tak salah. Ini bukan mahkamah. Dah, jemput duduk. Saya berucap pun Yang Berhormat tak nak duduk. Yang Berhormat boleh tak sifat baik sikit?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ok, dengan izin. Sekianlah. Setakat ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, macam itu oklah, dah beri peluang, itu cukup. Yang Berhormat dah banyak berucap. Saya haraplah kalau beri kerjasama dengan saya. Duduklah Yang Berhormat, bila saya berucap. Ha'ah, bila saya beri peluang, saya dah benar tu makna baiklah, saya bukan melarang atau apa ya Yang Berhormat. Jadi kita kerjasamalah. Yang Berhormat ok, saya pun ok.

Ha, ok Yang Berhormat, pihak kerajaan nak jawab? Hmm.. nasib baik kerajaan nak jawab.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Senai tadi, banyak sangat prasangka, tuduhan yang dibuat, seolah kami di peringkat kerajaan, termasuk kakitangan kerajaan ini, tak ada kerja lain, rasuah, penyelewengan. Dato' Speaker, jadi itu satu tuduhan yang melampau terhadap pentadbiran, terhadap kakitangan kerajaan Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Senai janganlah mempunyai prasangka begitu melampau sekali terhadap kakitangan kerajaan, Dato' Speaker. Saya percaya, Dato' Speaker, rata-rata kakitangan kerajaan ini dengan kemampuan yang ada pada mereka dari segi keikhlasan

mereka, profesionalisme mereka ialah untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat jadi sepatutnya, tidak tertakluk kepada prasangka yang begitu melampau terhadap kakitangan kerajaan. Saya dah dengar Yang Berhormat daripada Senai mengungkapkan tentang penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah terhadap kakitangan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi seolah pihak Ahli Yang Berhormat daripada Senai, seolah memaksa, dia memperjuangkan tentang kebebasan, dan sebagainya tapi dalam hal ini, seolah dia nak memaksa pula Ahli Dewan ini untuk mendengar Ucapan Penangguhan dia, jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, yalah jadi amalan di Dewan yang lain pun, bila tiba Ucapan Penangguhan Dato' Speaker, akhirnya Dato' Speaker, ialah di antara yang hendak membuat ucapan penangguhan ialah wakil daripada pihak kerajaan. Dewan biasanya dalam suasana Ucapan Penangguhan ini, biasanya, yalah daripada apa, Dato' Speaker pun ada di Dewan yang lain..

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : ... kosong sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Memang betul.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Sekadarkan tidak dipanggil untuk menyentuh tentang kuorum.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi…

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di Negeri Johor ini, kita memberi tempoh perbahasan di antara yang paling cukup panjang. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat daripada mana-mana Dewan Undangan Negeri mempunyai peluang untuk membahaskan, cari tempat lain. Walaupun di mana, di Utara ke ataupun di tengah-tengah, berapa lama perbahasan yang dibenarkan dalam sesuatu Dewan. Ada banyak 2-3 hari? Kita Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menggunakan satu jam setiap hari untuk soal-jawab. Dan selepas itu perbahasan seberapa banyak. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya Yang Berhormat daripada Senai termasuk juga daripada apa tu...

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Skudai, saya melihat bahawa walaupun diselindungkan kepada demokrasi, hak asasi, keadilan, Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi di sebaliknya tu banyak, banyak unsur-unsur yang amat menyempitkan, Dato' Speaker. (Dewan bertepuk). Jadi menyempitkan ini saya tak nak istilah yang lebih tepat lagi, menyempitkan hingga membawa kepada, saya ingat suatu suasana yang agak mengeruhkan suasana, kerana hujah-hujahnya, perkara-perkara yang dibawakannya, di bawanya adalah perkara-

perkara yang saya anggap menyempitkan kita dari segi sama ada usaha kita untuk rakyat keseluruhannya.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau menyebut tentang keadilanlah, saya nak berhujah di sini bahawa, Malaysialah satu-satunya negara yang ada dalam dunia Dato' Speaker, yang membawa kepada pembangunan kemajuan, tepat dan padat juga dengan kandungan keadilan. (Dewan bertepuk). Dan, *this is the best example*, yang ada dalam dunia di mana adanya pembangunan kemajuan ditempa juga dengan keadilan. Sama ada di antara masyarakat, antara sesuatu masyarakat, ataupun di antara masyarakat. Ini contoh yang paling terbaik. Tapi bila saya tengok, perkara-perkara yang dibawa, saya katakan tadi sempit, kalaulah nak dibawa kepada arah yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Skudai ataupun Senai sekalipun saya rasa dia akan menjurus kepada suatu suasana yang membawa kepada ketidakadilan dalam negara kita ini. (Dewan bertepuk).

Sebenarnya itu, kalau, kalau kita tengoklah apa yang dia, dia hujah di sana sini maka tidak mustahil, Malaysia akan menjadi satu negara di mana wujudnya suatu keadaan yang tidak adanya keadilan. Sebagai contoh Dato' Speaker, mengenai Kampung Baru, adakah Yang Berhormat maklum, bahawa Kampung Baru di Johor ini kita mempunyai sebanyak lebih kurang, 80 Kampung Baru. Betul, dalam Program *Bricks* dipanggil, penjajah memindahkan rakyat di Tanah Melayu pada masa tersebut supaya terhindar daripada pengaruh Komunisme ataupun terlibat dengan Komunis maka berpindahlah di Kampung-Kampung Baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 80 Perkampungan Baru di seluruh Negeri Johor ini melibatkan lebih kurang 17, 710 plot tanah Dato' Speaker. Adakah Yang Berhormat daripada Senai tahu bahawa 11,680 plot telah pun diberi hak milik? (Dewan bertepuk). Bermakna di Negeri Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker, di Kampung Baru Yang Berhormat Dato' Speaker, yang datangnya daripada masyarakat yang kita sedia maklum, dekat-dekat 60% sudah pun mendapat hak milik. Dan hak milik ini dah diberi pada tahun-tahun 60an, 70an, 50an.

Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah Yang Berhormat daripada Senai sedia maklum bahawa mereka yang dah dapat hak milik ini telah pun memperbaharui dan kita memberi jaminan bahawa pembaharuan hak milik di Kampung Baru adalah automatik. (Dewan bertepuk).

Betul, hak milik diberi pada peringkat yang pertama yang paling awal tempohnya 21 tahun, itu amalan, dasar yang digunakan pada tahun-tahun 50an, 60an. Tapi bila diperbaharui, Kerajaan Johor telah pun beri pilihan kepada mereka. Dia hendak berapa tahun Dato' Speaker? 60 tahun? Dia hendak 99 tahun? Kita benarkan, terbuka. Jadi di Negeri Johor ni Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memberi peluang kepada rakyat Johor, tak kira di Kampung Baru, di kampung ke di bandar untuk dia memiliki hak milik. Dan hak milik ini adalah mengikut pilihan dia. Pilihan dia ialah, ada yang 60 tahun, ada yang 99 tahun. Jadi sekadarkan bezanya ialah premiumnya berbezalah, lebih panjang maka lebih tinggi dia punya premiumnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau 66% dah pun ada hak milik bermakna dekat-dekat, berapa, 34% belum dapat hak milik. Yang belum ada hak milik ni Dato' Speaker, Yang Berhormat sedia maklum di Kampung Baru ini dia ada satu suasana yang agak, yalah, kompleks jugalah, apa yang dipanggil daripada sudut pentadbiran Pejabat Tanah yang berkaitan dengan soal ukur, *survey* dan sebagainya ialah Kampung-Kampung Baru ini rata-rata dia punya keadaannya apa dipanggillah *sub-standard* lot Dato' Speaker, *sub-standard* lot. Yalah, pembangunan masa tersebut agak berlaku secara rambang, secara *ad-hoc*, jadi tidak ada jalan belakang, tidak ada *set-back* depan yang mencukupi, jalan masuk pun tak cukup, kemudahan seperti ada yang bertindih pulak tu, ada yang dah dibesarkan rumah masing-masing, bertindih pulak di antara satu dengan yang lain. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang ini bermakna bahawa ada banyak dia punya komplikasi dia untuk kita memberi hak milik. Tetapi kerajaan telah pun mengambil keputusan, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mengambil keputusan untuk kita menyelesaikan perkara ini secara muktamad maka sebagai contoh, kalau nak kiralah syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak sama ada Perancang Bandar yang memerlukan tanah lapang, yang memerlukan *set-back* di belakang rumah, belakang kedai, jalan yang agak lebarnya cukup, tetapi hari ini kita telah mengambil keputusan untuk melonggarkan syarat-syarat tersebut. Bomba misal contoh, syarat Bomba memang ketat Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau nak kira, Kampung Baru ni, kalau nak ikut syarat bomba memanglah mungkin susah hendak diberikan hak milik. Tetapi kali ini kita kata, ok, bomba pun bersetuju, asalkan lori Bomba boleh masuk ke kampung tersebut memadai, sebagai contoh. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita akan mengambil langkah untuk kita menyelesaikan secara muktamad Kampung-Kampung Baru ini dari segi hak milik mereka.

Jadi, adalah tidak tepat sekali kalau tuduhan itu dibuat terhadap pentadbiran Tanah yang melayan secara tidak adil hingga wujud diskriminasi terhadap masyarakat di peringkat tempatan antara satu yang lain. Tuduhan yang melulu dan tidak boleh diterima. Sebenarnya dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya katakan tadi bahawa, kalau 66% sudah pun ada hak milik dan mereka pun dah diperbaharui hingga menikmati hak milik pada tahap 60 tahun, 99 tahun, jadi ingin menyangkal sekeras-kerasnya tuduhan yang dibuat oleh pihak Wakil Rakyat daripada Senai.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Senai juga mengatakan bahawa mengenai Gunung Lambak kalau tak salah saya tadi. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, lebih kurang 40 lebih dah diberi hak milik, 100 lebih telah pun diberi borang 5A untuk dia terima, isi, bayar premium, untuk mendapat hak milik. Itu saja kalau kita campur sudah pun dekat-dekat 50 lebih, 160, ada baki dekat 200, 300 lebih. Jadi yang 200-300 lagi ialah seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, *sub-standard* lot. Maka, kerajaan dengan Pejabat Tanah telah pun mengambil satu konsultan untuk menyusun semula rumah-rumah *sub-lot* yang *sub-standard* ini di susun semula. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat yang membangkitkan tentang soal Gunung Lambak ni, jadi Wakil Rakyat daripada Senai ini, dia mencari seluruh Johor …

Y.B. Dato' Speaker : Satu dunia.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Dia di Senai tapi sampai ke Kluang dia cari isu-isu yang menyempitkan dia punya, apa tu…

Y.B. Dato' Speaker : Pemikiran.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Dia punya perjuangan tadi, Dato' Speaker, seolah-olah kumpulan tertentu sahaja yang dia suarakan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita melantik konsultan untuk kita menyusun semula perkampungan yang tersebut. Dan kalau itu dapat kerjasama daripada semua pihak, maka hak milik akan diberikan di situ juga Dato' Speaker. Jadi, ini perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Senai sebentar tadi. Jadi tak payahlah paksa Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri untuk mendengar ucapan-ucapan Ahli Yang Berhormat di peringkat penangguhan ini lebih-lebih lagi bila Yang Berhormat membuat tuduhan-tuduhan yang tidak menentu terhadap kakitangan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Skudai membangkitkan tentang beberapa perkara. Di antaranya ialah projek-projek yang terbengkalai. Jadi, saya dah katakan tadi bahawa pada tahun-tahun 98 kalau tak salah saya, tahun 98, 97, memanglah ada krisis, agaknya pada masa tersebut Yang Berhormat Dato' Speaker agak terlalu *bullish* suasana pasaran pada masa tersebut hingga membina banyak projek-projek yang akhirnya terbengkalai dan jadi ada masalah yang berbagai agak begitu kompleks. Ada di antara projek-projek tersebut yang telah pun dibeli secara runcit oleh pembeli-pembeli. Sebagai contoh, di Kemayan City, sebahagian besar telah dibeli oleh individu. Dato' Speaker, kita boleh bayangkan, bagaimana kita nak membeli semula, memulihkan projek tersebut apabila hak milik telah pun ada kepada berbagai individu. Maka, saya dimaklumkan bahawa ada pihak telah pun mendapat kerjasama daripada pemilik-pemilik runcit ini yang membeli ruang-ruang di Kemayan City sebagai contoh untuk menjual hak milik mereka dan untuk dipulihkan semula oleh pihak yang membeli Kemayan City daripada pembeli-pembeli individu. Begitu juga di Floating City. Ada sebahagiannya masih lagi belum terjual, tapi sebahagian besar terjual maka bermasalah Dato' Speaker. Begitu juga di Danga City yang dulunya Best World. Sebenarnya apabila dipulihkan menjadi Danga City masing-masing berasa agak lega, kerana sekurang-kurangnya orang yang membeli ruang yang ada di Best World sekarang ni boleh berniaga semula. Dan Best World telah pun dibuka semula atas nama Danga City sebagai contoh.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara penekanan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Persekutuan kalau tak salah saya dari segi peruntukan merangsang semula ekonomi kita ni di antara RM7 bilion itu ialah peruntukan untuk di antaranya peruntukan yang disalurkan kepada Syarikat Perumahan Kerajaan untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai ini. Jadi kita sedang pun mengumpul, dah pun mengumpul maklumat yang tepat mengenai perumahan-perumahan terbengkalai ini supaya kita tidak membiarkan pemilik-pemilik dan pembeli-pembeli ini dalam keadaan yang

bermasalah berpanjangan dan ini diberikan keutamaan lebih-lebih lagi mereka yang membeli rumah-rumah yang telah pun terbengkalai sekian lama. Jadi, sementara itu pula kita jangan pula salahkan kerajaan dalam kes-kes terbengkalai ini Dato' Speaker, kerana di antara yang sepatutnya bertanggungjawab ialah pemaju-pemaju itu sendiri sebenarnya Dato' Speaker. Ada di antara yang tidak bertanggungjawab mungkin ada masalah-masalah pada masa-masa tertentu hingga menyebabkan projek-projek itu terbengkalai.

Walaupun begitu Dato' Speaker, pada tahun-tahun, kemelesetan ekonomi pada tahun-tahun 80an, kita melalui juga satu proses perlunya usaha kerajaan secara langsung hingga kita mewujudkan satu tabung di peringkat Bank Negara untuk memulihkan rumah-rumah terbengkalai. Jadi Alhamdulillah, sebahagian besar telah pun dapat kita pulihkan semula. Jadi kita mengakui ada perumahan-perumahan yang terbengkalai yang perlu kepada pemulihan.

Dato' Speaker, satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Skudai ialah mengenai sektor awam yang tidak ada keanggotaannya dipenuhi dengan satu masyarakat. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya di sektor awam ini adalah terbuka untuk semua rakyat Malaysia yang ada di Malaysia ini, tak kira daripada mereka dari kampung ke, daripada bandar ke, daripada ladang ke, jadi dia terbuka sebagai satu perkhidmatan yang terbuka. Dan perkhidmatan ini diiklankan dan kalau ada tuduhan mengatakan bahawa mereka tak dapat borang ini satu tuduhan yang agak serius Dato' Speaker. Saya sendiri sudah pun memaklumkan kepada pihak pentadbiran di Negeri Johor ini, supaya membuka permohonan kepada sesiapa saja jika ada kekosongan dan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah pun maklum bahawa mereka yang memohon dipertimbangkan sewajarnya tetapi juga Yang Berhormat Dato' Speaker, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga menilai tentang kelayakan-kelayakan orang yang memohon sebenarnya. Jadi, walaupun begitu Dato' Speaker, kita masuk satu tempoh pembangunan dan kemajuan di mana pembangunan dan peluang itu banyak terbuka di sektor swasta Dato' Speaker. Jadi, bukan terhad kepada mana-mana pihak. Sebahagian besar daripada masyarakat kita daripada mana pun melihat peluang yang lebih baik, yang lebih banyak terbuka di sektor swasta Dato' Speaker. Jadi, maka sebahagian daripadanya ialah membuat pilihan untuk berada di sektor swasta dan di sektor awam ni pula Dato' Speaker, mungkin ada dia punya kekurangan-kekurangan yang tidak menarik hingga ada pihak yang mungkin lebih cenderung untuk memilih berada di sektor swasta.

Tapi juga sekiranya Ahli Yang Berhormat daripada Skudai nak mengatakan bahawa pengurusan dan semua kaum manakala kerajaan gagal meneladani sektor swasta. Maksud Yang Berhormat ialah bahawa sektor swasta tidak ada pekerja daripada semua kaum kerana sektor awam tidak memberi contoh yang baik, kerana tidak ada pelbagai masyarakat dalam sektor awam. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tak sepatutnya katakan, saya katakan tadi kita terbuka tetapi dalam sektor swasta kita pun maklum sejak kebelakangan ini ada syarat-syarat tambahan di sektor swasta hingga menolak dengan sewenang-wenangnya pemohon-pemohon daripada mereka yang tidak memang tidak boleh memenuhi syarat tersebut untuk dia mendapat kerja di syarikat-syarikat di sektor swasta dengan helah yang berbagai. Jadi syarat tambahan dibuat

hingga tak cukup pun untuk dia dipertimbangkan langsung. Ini ada di sektor-sektor swasta. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidaklah, saya katakan tadi bahawa di sektor awam memang terbuka untuk dimohon dan kita akan melihat dalam sektor awam di Negeri Johor ni, saya percaya akan bertambah dari segi keahlian yang datangnya keanggotaan datangnya daripada semua masyarakat tapi mereka juga perlu memenuhi syarat-syarat untuk dipertimbangkan. Jadi kalau kita nak *pursue* dengan izin perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Skudai, *private sector will remain*, dengan izin, *non*, tidak menggambarkan masyarakat Malaysia kerana sebab sektor awam tidak memberi contoh yang baik.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini seolah macam satu helah untuk kita membuat pendirian, *so,* sektor swasta juga tidak akan dianggotai daripada semua masyarakat sebagai satu helah saja untuk kekal amalan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Skudai. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada Skudai membangkitkan tentang soal perumahan yang terbengkalai dan yang berkaitan dengan keanggotaan dalam sektor awam dan menganjurkan supaya agak lebih terbuka sehinggakan nak buka Dewan ini supaya ada Siaran Langsung Dato' Speaker, yang saya tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang diucapkan di sini lebih-lebih lagi di kalangan Ahli Yang Berhormat daripada Senai, daripada Skudai pun di antara yang banyak laporannya untuk khalayak umum Dato' Speaker dalam media cetak saya ingat di antara yang paling luas sebarannya, bukan sahaja di Johor ni tetapi di seluruh Malaysia. Betapa terbukanya kita di Malaysia ini. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini mendapat paparan secara besar-besaran di media di seluruh negara. Jadi, janganlah sampai hendak menuntut, membuat dakwaan sebagai tidak ada keterbukaan dalam amalan kita sama ada di peringkat kerajaan ataupun di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap Dato' Speaker, kita dapat melihat beberapa peraturan kalau boleh dalam Dewan untuk melihat supaya Dewan ini juga tidak disalahgunakan oleh setengah-setengah pihak atas alasan dia sebagai sebuah Dewan Perundangan kerana saya melihat Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contohlah soalan-soalan yang dibuat bukan sahaja sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan itu adalah soalan yang bermula dengan ayat, lepas tu saya lihat satu soalan tu ada pecahan, pecahan daripada (a), saya ingat tak jauh nak sampai (z)lah Dato' Speaker. (Dewan ketawa). Ada soalan-soalan sampai begitu sekali Dato' Speaker. Saya pun pernah juga menjadi *Back-Benchers* Dato' Speaker. Tapi taklah melampau sampai begitu sekali. (A), (B), (C), (D), (E), (F), (G), itu satu soalan, ini satu contohlah yang saya lihat perlu satu ialah, ditengok semulalah, dan supaya taklah…

Y.B. Dato' Speaker : Dah selesai Yang Berhormat. Tinggal nak bawak aje.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ya, ya, tindak tanduk yang agak keterlaluan seperti begitu. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasihlah di atas kesempatan untuk saya merujuk kepada perkara-perkara untuk dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sempena dengan Peruntukan Ucapan Penangguhan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. (Dewan bertepuk). Wah, kalau ada Siaran Langsung, sedaplah, macam nak bertumbuk. Macam Taiwan, Jepun, bertumbuk, lempar kerusi. Malaysia ni kira Alhamdulillahlah. Tapi anak-anak kita tengok pun tak eloklah. Orang tua mengamuk, orang tua cakap kasar, kita sebagai contoh, bapak kan. Tapi bila tengok TV di sana tu, Allah, saya tak taulah macam budak-budak balik. Tapi Alhamdulillah, Johor tak ada benda, semua dapat kerjasama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Persidangan saya tangguhkan, bajet saya belum dikeluarkan lagi, tapi peruntukan makan saya dah ada, jadi saya jemput Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk semua sekalilah, eh, yang belakang semua, Ketua-Ketua Jabatan, ada di sedia di tingkat bawah. Hari ni makan percuma, lauk sedap difahamkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:45 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Encik Mohd. Haffiz bin Haji Ahmad

Penolong Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Kordinator
Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Pemberita Dewan
Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan
Cik Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Mesyuarat)
Puan Zainah binti Mansor

Pembantu Tadbir Rendah
Puan Hanita binti Mohamed

Pembantu Am Rendah
Encik Ahmad Amizan bin A. Samad
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Puan Zalina binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Ra'biah binti Abd. Hamid
Pejabat Mufti Negeri Johor

Puan Inson binti Abdul Wahab
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Zuliani binti Mohd. Noh
Pejabat Ketua Hakim Syarie Negeri Johor

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Puan Lindawati binti Othman
Pejabat Pengarah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Aidah binti Kinot
Pejabat Mekanikal JKR Johor

Puan Norliza binti Md. Aris
Pejabat Setiausaha Politik (Pejabat MBJ)

Puan Dalilah binti Dahalan
Pejabat Setiausaha Politik (Pejabat MBJ)

Puan Rumiah binti Semirono
Unit Media dan Komunikasi (Pejabat MBJ)

Puan Hairun Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Pusat Pelaburan (Pejabat MBJ)

Rakaman
Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR

15 Disember 2008